ANGGARAN BELANJAWAN 1975

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

PERKHIDMATAN AWAM PERDANA MENTERI
PINTAR
MALAYSIA

ANGGARAN BELANJAWAN 1975

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

DICETAK OLEH
MOHD. DAUD BIN ABDUL RAHMAN, J.S.M., KETUA PENGARAH PERCETAKAN
SEMENANJUNG MALAYSIA, KUALA LUMPUR
1974

Acess. No: 2654 263/81
Class. No:

PRAKATA

Semua kegiatan Kerajaan bagi Tahun 1975 untuk Belanja Mengurus dan Pembangunan adalah dikemukakan dalam dokumen ini secara huraian dengan jadual-jadual yang berkenaan. Dokumen ini hendaklah dianggap sebagai tambahan kepada Belanjawan Persekutuan bagi tahun itu yang dibentangkan di Parlimen.

2. Latihan dalam belanjawan dan pengurusan belanjawan untuk pegawai-pegawai sedang dijalankan dengan memuaskan oleh INTAN. Adalah diharapkan bahawa pada tahun-tahun akan datang bilangan pegawai-pegawai yang dilatih akan mencukupi untuk membantu ajensi-ajensi menguruskan rancangan dan belanjawan mereka dengan lebih cekap dan berkesan.

3. Dalam Tahun 1974 satu perubahan besar telah dibuat untuk mengenalkan akaun tunai ubah suai yang menggantikan akaun tunai tradisional di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Beberapa faedah akaun tunai ubah suai adalah seperti berikut:

3.1 perbandingan yang sesuai boleh dibuat di antara perbelanjaan dengan hasil bagi tahun itu;

3.2 perbelanjaan boleh dihubungkan dengan rapat dengan belanjawan tahunan ajensi;

3.3 perbelanjaan negara dan ajensi lebih bermakna jika dibandingkan dengan belanjawan yang ada sekarang; dan

3.4 hubungan di antara perbelanjaan dan petunjuk prestasi yang digunakan oleh ajensi dalam program belanjawan dan prestasi mereka akan menjadi lebih tepat dan bermakna.

4. Dalam bidang pengurusan setor, satu kajian yang melibatkan 96 buah setor telah dibuat dan perakuan yang terkandung dalam kajian itu sedang dilaksanakan. Perlaksanaan perakuan-perakuan itu dengan sempurna akan memberikan keuntungan yang banyak kepada Kerajaan.

5. Di Kementerian Kesihatan yang mana telah dipilih untuk melaksanakan Sistem Belanjawan Program dan Prestasi secara mendalam satu carta organisasi telah disediakan untuk dilaksanakan diperingkat ibu pejabat Kementerian dan carta ini sedang dilaksanakan. Beberapa pusat kos telah ditubuhkan dan segala maklumat akan dikendalikan dari pusat-pusat ini. Adalah diharapkan bahawa sebaik sahaja pusat-pusat kos ini dilancarkan pihak-pihak pengurus di pusat-pusat kos ini boleh memperbaiki pengurusan mereka.

KANDUNGAN

Kepala	Kepala Perbelanjaan	Muka Surat
	Prakata	iii
T. 1	Peruntukan Di Raja	3
T. 2	Pencen Khas	5
T. 3	Ketua Hakim Negara, Hakim Besar dan Hakim	17
T. 4	Yang Di Pertua Dewan Negara ..	25
T. 5	Yang Di Pertua Dewan Rakyat ..	25
T. 6	Juru Odit Negara	30
T. 7	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ..	33
T. 8	Suruhanjaya Pilihanraya	37
T. 9	Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi ..	41
T. 10	Suruhanjaya Pasukan Polis	44
T. 11	Suruhanjaya Perkhidmatan Perundangan	33
T. 12	Perbendaharaan	5
T. 13	Perbelanjaan Kerana Hutang Negara ..	5
T. 14	Pencen, Elaun Bersara dan Ganjaran ..	46
T. 15	Rancangan Perkhidmatan Bantuan Seberang Laut	46
T. 16	Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran	52
B. 1	Parlimen	25
B. 2	Majlis Raja-Raja	56
B. 3	Juru Odit Negara	30
B. 4	Suruhanjaya Pilihanraya	37
B. 5	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ..	33
B. 6	Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi ..	41
B. 7	Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran	52
	PERDANA MENTERI	
B. 8	Perdana Menteri	58
	Lembaga Perancang Keluarga Kebangsaan	76
	Lembaga Urusan dan Tabung Haji ..	81
B. 9	Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia	46
B. 10	Jabatan Kehakiman	17
B. 11	Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah	84
B. 12	Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak	90
	KEMENTERIAN PERANCANGAN AM DAN PENYELIDIKAN SOSIO-EKONOMI	
B. 13	Kementerian Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi	95
B. 14	Perangkaan	97
B. 15	Jabatan Pengajian Pembangunan Malaysia	103
	KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KAMPUNG-KAMPUNG BARU	
B. 16	Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru	107
	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR	
B. 17	Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar	110
	Institiut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia	141
	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan	147
	Lembaga Kemajuan Pertanian Muda ..	154
	Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu	162
	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia ..	167
	Lembaga Kemajuan Ternakan Negara	174
B. 18	Jabatan Kemajuan Kerjasama ..	179
	KEMENTERIAN PERUSAHAAN UTAMA	
B. 19	Kementerian Perusahaan Utama ..	187
	KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN	
B. 20	Kementerian Perdagangan dan Perindustrian	202
	Pusat Daya Pengeluaran Negara ..	209
	Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan	213
	Perbadanan Kemajuan Pelancungan ..	219
	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	
B. 21	Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan	225
	KEMENTERIAN PERTAHANAN	
B. 22	Kementerian Pertahanan	231
	KEMENTERIAN PELAJARAN	
B. 23	Kementerian Pelajaran	242
	Dewan Bahasa dan Pustaka	251
	Universiti Kebangsaan	257
	Universiti Malaya	266
	Universiti Sains Malaysia	273
	Universiti Pertanian	281
	Hospital Universiti	291
	Institiut Teknoloji Kebangsaan ..	295
	Institiut Teknologi MARA	301
B 24.	Jabatan Pelajaran—Sarawak dan Sabah	242

Kepala	Kepala Perbelanjaan	Muka Surat
	KEMENTERIAN LUAR NEGERI	
B. 25	Kementerian Luar Negeri	309
	KEMENTERIAN KEWANGAN	
B. 26	Perbendaharaan	5
B. 27	Perkhidmatan Am Perbendaharaan ..	5
B. 28	Peruntukan kepada Kumpulanwang Terkanun	5
B. 29	Kastam dan Eksais Di Raja	318
B. 30	Jabatan Hasil Dalam Negeri	353
	KEMENTERIAN PENYELARASAN PERBADANAN AWAM	
B. 31	Kementerian Penyelarasan Perbadanan Awam	361
	Lembaga Padi dan Beras Negara ..	364
	Perbadanan Pembangunan Bandar ..	369
	Majlis Amanah Rakyat	375
	KEMENTERIAN KESIHATAN	
B. 32	Kementerian Kesihatan	385
	KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI	
B. 33	Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri	390
B. 34	Polis Di Raja Malaysia	398
B. 35	Jabatan Imigeresen	409
B. 36	Pendaftar Pertubuhan	421
B. 37	Jabatan Pendaftaran Negara	430
B. 38	Penjara	436
B. 39	Jabatan Hal Ehwal Orang Asli ..	444
	KEMENTERIAN PENERANGAN	
B. 40	Kementerian Penerangan	451
B. 41	Jabatan Penyiaran	451
B. 42	Jabatan Penerangan	451
	KEMENTERIAN UNDANG-UNDANG DAN PEGUAM NEGARA	
B. 43	Kementerian Undang-undang dan Peguam Negara	468
B. 44	Pemegang Amanah Raya, Pentadbir Pesaka dan Penyimpan Harta Musuh	472
B. 45	Jabatan Pemegang Harta	476
	KEMENTERIAN BURUH DAN TENAGA RAKYAT	
B. 46	Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat	480

Kepala	Kepala Perbelanjaan	Muka Surat
	KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOJI DAN PENYELIDIKAN	
B. 47	Kementerian Tenaga, Teknoloji dan Penyelidikan	492
	Institiut Penyelidikan Sains dan Perusahaan Negara	495
	Pusat Piawaian Malaysia	503
B. 48	Jabatan Kimia	508
	KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN ALAM SEKITAR	
B. 49	Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar	512
B. 50	Perancang Bandar dan Kampung ..	516
B. 51	Perkhidmatan Bomba	523
B. 52	Arkib dan Perpustakaan Negara ..	527
B. 53	Jabatan Pertahanan Awam	537
B. 54	Jabatan Percetakan	541
B. 55	Muzium	547
	KEMENTERIAN PERHUBUNGAN	
B. 56	Kementerian Perhubungan	556
B. 57	Penerbangan Awam	564
B. 58	Perkhidmatan Kajicuaca	579
B. 59	Jabatan Laut	588
B. 60	Jabatan Laut—Sarawak dan Sabah ..	596
B. 61	Perkhidmatan Pos	603
	KEMENTERIAN PERKHIDMATAN KEBAJIKAN AM	
B. 63	Kementerian Perkhidmatan Kebajikan Am	613
	KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN KERJA RAYA	
B. 64	Kementerian Pengangkutan dan Kerja Raya	648
B. 65	Pengangkutan Jalan	659
	KEMENTERIAN TANAH, GALIAN DAN HUTAN	
B. 66	Kementerian Tanah, Galian dan Hutan	664
	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan	689
	Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah	695

BELANJAWAN

PROGRAM DAN PRESTASI

PROGRAM DAN PRESTASI

BELANJAWAN

PERUNTUKAN DI RAJA BAGI DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGUNG

Kepala Tanggungan I ...	...	**$900,000**
Jumlah	...	**$900,000**

BELANJA MENGURUS

Peruntukan 1975	...	...	...	**$900,000**
Peruntukan 1974	...	...	...	**900,000**
Perubahan	...			—

1. Tujuan-tujuan

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung selain daripada menjadi lambang Kerajaan cara beraja adalah juga menjadi Kepala Utama Negara bagi Persekutuan yang telah diberi kuasa pemerintah bagi Persekutuan. Tanggungannya termasuklah:

(*a*) Memanggil Parlimen bermesyuarat dan membubarkannya;

(*b*) Melantik seorang Perdana Menteri dan sebuah Jumaah Menteri, dan juga Gabenor-gabenor bagi Negeri-negeri Melaka, Pulau Pinang, Sarawak dan Yang Dipertua Negara bagi Negeri Sabah;

(*c*) Melantik Ahli ahli Dewan Negara, Peguam Negara, Juru Odit Negara dan Ketua Turus Angkatan Tentera;

(*d*) Memberi persetujuan kepada Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Parlimen;

(*e*) Menjadi Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Persekutuan;

(*f*) Sebagai punca Keadilan, Baginda melantik Ketua Hakim Negara, Hakim-hakim Besar dan Hakim-hakim yang mentadbirkan Undang-undang yang diperbuat atas nama Baginda dan dengan kekuasaan Baginda;

(*g*) Sebagai punca Kehormatan, Baginda mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran dan Pingat-pingat Penghargaan;

(*h*) Sifat Kedaulatan—hak kedaulatan mengenai belas kasihan—Baginda sama-sama menggunakannya dengan Raja-raja yang lain dan Gabenor-gabenor yang menjadi punca belas kasihan di dalam Negeri mereka masing-masing; dan

(*i*) Menjadi Ketua Ugama dalam Wilayah Persekutuan dan bagi Negeri Melaka dan Pulau Pinang.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Pentadbiran Am	$849,977	$900,000	$900,000

Prestasi

Berbagai-bagai Istiadat telah dilaksanakan dalam tahun 1973 dan 1974. Butir-butir mengenai perkara ini dan yang akan dilakukan dalam tahun 1975 adalah seperti berikut:

	1973	1974	1975
Majlis Mesyuarat Raja-Raja	3	3	3
Istiadat Darjah Kebesaran dan Bintang	15	9	10
Istiadat Menyembah Surat Tauliah Lantikan ...	6	17	17
Istiadat Mengadap	112	117	117
Istiadat Perlantikan seperti yang dikehendaki dalam Perlembagaan	1	4	4
Lawatan Rasmi dan Lawatan Tidak Rasmi di dalam Negeri dan di luar Negeri	5	5	5
Istiadat mengenai dengan lawatan-lawatan oleh Ketua-ketua Negara Asing (termasuk Majlis-majlis Santapan di Raja)	8	9	9
Lain-lain Istiadat yang dilakukan dan dihadiri luar daripada Istana	116	117	117

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	563,438	637,800	615,400
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	59,746	56,000	80,000
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ...	9,381	9,600	8,000
	Jumlah Gaji ...	632,565	703,400	703,400
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	7,663	10,000	9,000
2200	Pengangkutan Barang-barang ...	291	600	600
2300	Kemudahan Perhubungan ...	23,391	23,000	23,000
2400	Api, Air dan Letrik dll.	48,475	45,000	45,000
2500	Sewa	1,500	2,000	2,000
2600	Perkhidmatan Pencetakan ...	11,884	8,000	9,000
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	23,528	28,000	28,000
2800	Perkhidmatan Pelbagai	72,144	60,000	60,000
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	25,363	12,000	12,000
4100	Pemberian, Subsidi dan Carum-carum	3,173	8,000	8,000
	Jumlah ...	849,977	900,000	900,000

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974	Bilangan	Anggaran Tahun 1975
Pentadbiran Am	87	$632,565	89	$703,400	89	$703,400

3. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Belanja Mengurus	$849,977	$900,000	$900,000

Kepala Tanggungan 2	**...**	**$ 21,600**
Kepala Tanggungan 12	**...**	**201,710,000**
Kepala Tanggungan 13	**...**	**683,641,000**
Kepala Bekalan 26 ...	**...**	**12,944,080**
Kepala Bekalan 27 ...	**...**	**85,328,800**
Kepala Bekalan 28 ...	**...**	**57,020,000**
Kepala Pembangunan 26	**...**	**123,396,332**
Jumlah	**...**	**$1,164,061,812**

	Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975 ...	**$1,040,665,480**	**$123,396,332**	**$1,164,061,812**
Peruntukan 1974 ...	**911,506,205**	**128,492,000**	**1,039,998,205**
Perubahan ...	**+ $ 129,159,275**	**− $ 5,095,668**	**+ $ 166,063,607**

1. Tujuan-tujuan

Perbendaharaan adalah bertanggungjawab ke atas Kumpulanwang Disatukan dari segi pengawasan, pengurusan, serta memberi arahan dalam pengendaliannya. Tugas ini adalah amat rapat hubungannya dengan kedudukan Kewangan Negara. Kedudukan Kewangan Negara yang stabil akan menjaminkan keadaan ekonomi yang seimbang di mana matlamat-matlamat pembangunan akan lebih mudah untuk dilaksanakan.

Melalui dasar-dasar kewangan yang telah ditetapkan, Perbendaharaan bertugas untuk memperolehi serta membahagikan peruntukan-peruntukan kewangan dengan cekap lagi berkesan supaya matlamat negara tercapai. Kestabilan ini akan menentukan corak-corak pelaburan, peluang-peluang pekerjaan serta struktur ekonomi yang dirancangkan.

Untuk melaksanakan tugas-tugas ini Perbendaharaan dibahagikan kepada 10 bahagian di mana bahagian-bahagian itu bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas yang telah ditentukan sesuai dengan matlamat negara.

Untuk memudahkan pentadbiran, dua pejabat kewangan Persekutuan telah diadakan di Kuching dan Kota Kinabalu yang diketuai oleh Pegawai Kewangan Persekutuan di mana mereka bertanggungjawab kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan melalui Bahagian Pentadbiran untuk semua urusan belanjawan Persekutuan di Sabah dan Sarawak.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran Am:			
(*a*) Pentadbiran	1,085,999	1,419,200	828,000
(*b*) Perkhidmatan Kawalan ..	342,634	322,600	390,100
(*c*) Penyemakan Cukai	193,809	217,230	239,790
Bawa kehadapan ..	1,622,442	1,959,030	1,457,890

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Dari sebelah ..	1,622,442	1,959,030	1,457,890
(*d*) Perkhidmatan Bantuan ..	419,864	389,000	433,700
(*e*) Kewangan Persekutuan, Sarawak	102,211	206,800	232,880
(*f*) Kewangan Persekutuan, Sabah	101,916	123,400	200,120
(ii) Pengurusan Belanjawan—			
(*a*) Belanjawan/Perhubungan Negeri	637,815	1,706,000	730,300
(*b*) Yunit Sistem Pengurusan Kewangan	333,226		1,053,460
(iii) Pengurusan Kewangan, Hutang dan Pinjaman	670,821	808,770	920,040
(iv) Analisa Ekonomi dan Kewangan ..	296,704	299,300	428,150
(v) Pengurusan Kontrek dan Bekalan ..	412,155	528,600	905,200
(vi) Pentadbiran Insuran	151,382	229,200	245,330
(vii) Perkhidmatan Pengiraan	1,695,263	1,714,580	2,986,000
(viii) Perkhidmatan Penilaian:			
(*a*) Semenanjung Malaysia ..	1,637,568	1,878,830	1,863,650
(*b*) Sabah	58,464	96,400	106,500
(ix) Analisa Cukai	353,364	396,810	483,690
(x) Pinjaman Perumahan..	641,131	655,765	897,170
Jumlah ..	9,134,326	11,002,485	12,944,080

Prestasi

(i) *Pentadbiran Am*

(*a*) Pentadbiran

Bahagian ini bertanggungjawab mengurus dan mengawal Hal Ehwal Kewangan Negara, menyediakan kakitangan, kewangan dan perkhidmatan bantuan yang diperlukan untuk menjalankan tugas-tugas Kementerian dengan cekapnya.

(*b*) Perkhidmatan Kawalan

Mengadakan peraturan berbagai perkara, Kumpulanwang Amanah satu tuntutan yang ditujukan dan dikawal oleh Perbendaharaan.

(*c*) Penyemakan Cukai

Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan

Untuk melaksanakan pentadbiran keadilan mengenai rayuan-rayuan cukai pendapatan mengikut kuasa-kuasa yang diletakkan kepada Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan di bawah Akta-akta dan Ordinan-ordinan seperti berikut:

(*a*) Akta Cukai Pendapatan, Malaysia, 1967;

(*b*) Akta Cukai Pendapatan, Tambahan, 1967;

(*c*) Ordinan Cukai Pendapatan, 1947, Negeri-negeri Tanah Melayu;

(*d*) Ordinan Cukai Pendapatan, 1956, Sabah; dan

(*e*) Ordinan Cukai Pendapatan, 1960, Sarawak.

(*d*) Perkhidmatan Bantuan

Bahagian ini bertugas untuk memberi perkhidmatan bantuan bagi seluruh pejabat, termasuk berbagai perkara seperti penyelenggaraan pendaftaran serta fail-fail, penyediaan khidmat taip menaip, perpustakaan, talipon dan urusan pembahagian/penghantaran surat-surat dan penyelenggaraan pejabat dan keselamatan.

(*e*) Kewangan Persekutuan, Sarawak

Pejabat ini mewakili Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan bertanggungjawab di atas perkara-perkara Perbendaharaan di dalam Negeri Sarawak mengikut dasar-dasar dan arahan-arahan.

(*f*) Kewangan Persekutuan, Sabah

Tujuan-tujuan

Perbendaharaan Persekutuan Cawangan Sabah menerusi kawalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia adalah bertanggungjawab menguruskan segala hal ehwal kewangan dan belanjawan yang melibatkan Jabatan-jabatan Persekutuan, Kementerian-kementerian Negeri dan Jabatan-jabatan Negeri di Sabah bagi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Menguruskan dan mengawal segala hal ehwal kewangan dan belanjawan mengenai Jabatan-jabatan Persekutuan, Kementerian-kementerian Negeri dan Jabatan-jabatan Negeri di negeri ini, menguruskan pelbagai perkara Kumpulanwang Amanah dan tuntutan-tuntutan yang ditujukan dan dikawal oleh Pegawai Kewangan Persekutuan, Sabah sebagai wakil Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia di Sabah, mentadbirkan segala peraturan Insuran dalam Negeri Sabah dan mewakili Ketua Setiausaha Perbendaharaan mengenai segala perkara berhubung dengan tender dan kontrek.

Dalam tahun 1975 pula, dengan tertubuhnya Yunit Perakaunan Persekutuan di Sabah yang mana adalah di bawah kawalan pejabat ini, maka matlamat-matlamat pejabat ini akan bertambah antaranya ialah untuk mempercepatkan lagi segala proses-proses mengenai kewangan Jabatan-jabatan Persekutuan di Sabah, menyelenggara, memperbaiki sistem dan perakaunan Kerajaan supaya menjamin pengawasan terhadap semua "transaction" yang dibuat dari Kumpulanwang Persekutuan.

(ii) *Pengurusan Belanjawan*

(*a*) (i) Pemeriksaan dan Kawalan Anggaran Belanjawan

Yunit ini membantu semua Ajensi Kerajaan membaiki penyediaan Anggaran-anggaran Belanjawan; memeriksa Belanjawan untuk tujuan ekonomi dan memberi peruntukan dengan secukupnya setakat yang dihadkan oleh peruntukan yang ada dan mengikut keutamaan-keutamaan negara; membuat perakuan-perakuan Belanjawan kepada Menteri Kewangan; dan untuk membantu Ajensi Kerajaan dalam pengurusan Belanjawan.

Dalam tahun 1973 sebanyak 77 Anggaran Belanja Mengurus berjumlah $3,154.6 juta telah diproses manakala dalam tahun 1974 sebanyak 79 Anggaran berjumlah $3,529.8 juta telah diproses. Anggaran Pembangunan berjumlah $1,487.5 juta dan $1,894.4 juta telah diluluskan masing-masing dalam tahun 1973 dan 1974. Yunit ini juga memberi pertimbangan kepada peruntukan-peruntukan tambahan, pindah peruntukan, mewujud dan menaikkan peringkat jawatan-jawatan dan menyediakan Kertas-kertas Jumaah Menteri yang melibatkan implikasi kewangan. Selain dari itu Pegawai-pegawai Belanjawan mewakili berbagai jawatankuasa dan Badan-badan Berkanun di mana ada terlibat wang awam.

(ii) Perhubungan Persekutuan/Negeri

Adalah tanggungjawab Yunit ini menjadi sekretariat kepada Majlis Kewangan Negara dan menyatakan perkara-perkara mengenai kewangan dan kakitangan Persekutuan-Negeri di bawah arahan Majlis itu. Di bawah Perkara 108 hingga 112 (*d*) Perlembagaan Yunit ini memberi bantuan-bantuan Persekutuan seperti bantuan Jalanraya dan bantuan Kiraan Kepala kepada semua negeri termasuk Penguasa-penguasa tempatan di dalam Persekutuan; memperuntukkan sebahagian daripada pungutan cukai bijeh timah, bijeh besi dan lain-lain cari galian bagi negeri-negeri di Malaysia dan bantuan khas tahunan kepada Sabah dan Sarawak.

Dalam penubuhan Wilayah Persekutuan pada 1hb Februari, 1974 Yunit ini sekarang sedang membincangkan dengan Kerajaan Negeri Selangor mengenai jumlah bantuan yang akan diberikan berkaitan dengan harta-harta Kerajaan Negeri dalam Wilayah Persekutuan.

Yunit ini mengambil tindakan mengenai langkah-langkah pembaikan yang ditimbulkan oleh Juru Odit Negara dalam Lapuran Odit Tahunan. Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Yunit ini menentukan bahawa Perbendaharaan diwakili untuk menasihatkan Jawatan-kuasa dan menjelaskan tindakan Perbendaharaan dalam setiap perkara. Permohonan bagi pemasangan talipon dan alat hawa dingin daripada beberapa ajensi adalah ditimbangkan oleh Yunit ini untuk diluluskan.

(*b*) Yunit Sistem Pengurusan Kewangan

Tujuan-tujuan

Memaju dan menyelaras pelaksanaan sistem yang lebih berkesan dan cekap dan prosidur untuk pengurusan fiskal di dalam Kerajaan dan menyediakan perkhid-matan PDO* terutamanya kepada Perbendaharaan.

Operasi aktiviti kecil ini boleh dikumpulkan kepada beberapa aktiviti kecil peringkat dua (sub-sub activity) seperti berikut:

(1) Aktiviti kecil peringkat dua Pelaksanaan Secara mendalam;
(2) Aktiviti kecil peringkat dua Projek-projek Perbendaharaan;
(3) Aktiviti kecil peringkat dua Projek-projek Perakaunan;
(4) Aktiviti kecil peringkat dua Perakaunan Pusat;
(5) Aktiviti kecil peringkat dua Perkhidmatan PDO;
(6) Aktiviti kecil peringkat dua Pelan Induk; dan
(7) Aktiviti kecil peringkat dua Pengurusan dan Perkhidmatan Bantuan.

(iii) *Pengurusan Kewangan, Hutang dan Pinjaman*

Tujuan-tujuan

Untuk menjamin terdapatnya serta penggunaan yang berkesan akan projek pinjaman-pinjaman, punca-punca kewangan dari pasaran-pasaran Kewangan dalam dan luar negeri, serta menolong menyediakan dasar-dasar yang akan meng-galakkan pembangunan ekonomi dan kestabilan Kewangan negara.

Huraian

Bahagian Pengurusan Kewangan, Hutang dan Pinjaman ini dibahagikan kepada tiga seksi iaitu:

(*a*) Seksi Pinjaman Dalam Negeri yang bertanggungjawab terhadap pengurusan dan penyeliaan pinjaman Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan PKEN, Badan-badan Berkanun dan Pihak-pihak Berkuasa

* Proses Data Otomatik.

Tempatan, Syarikat-syarikat Bekerjasama dan Syarikat-syarikat yang dipersetujui bagi membiayai projek-projek pembangunan.

(*b*) Seksi Perniagaan dan Kewangan yang menguruskan keperluan kewangan Kerajaan dari sumber-sumber dalam negeri dan mengendalikan hal-hal penyertaan Kerajaan dalam sektor swasta. Bersama dengan Bank Negara ia juga menentukan supaya dasar dan peraturan Kerajaan dipatuhi oleh institusi-institusi kewangan seperti bank-bank dan syarikat-syarikat meminjam. Seksi ini juga bertanggungjawab atas perkara-perkara pengangkutan, syarat-syarat jaminan pelaburan asing di Malaysia, hal-hal kewangan antarabangsa dan mengawasi perjalanan badan-badan berkanun, badan-badan kewangan dalam negeri seperti Kumpulanwang Simpanan Pekerja dan Bank Simpanan Pejabat Pos. Pada tahun-tahun lalu sebahagian daripada tugas-tugas ini terletak di bawah tanggungjawab Seksi Kewangan Dalam Negeri. Bagi tahun ini bolehlah dianggap bahawa Seksi Kewangan Dalam Negeri telah disatukan dengan Seksi Perniagaan dan Kewangan.

(*c*) Seksi Kewangan Luar Negeri bertanggungjawab untuk mendapatkan Kewangan Kerajaan dari punca-punca luar negeri untuk membiayai projek-projek pembangunan negara; untuk menguntukkan wang pinjaman digunakan dengan berkesan, betul dan ekonomikal, dan untuk menyelaraskan polisi-polisi berkenaan dengan kewangan luar.

(iv) *Analisa Ekonomi dan Kewangan*

Tujuan-tujuan

Bangunan ini ditubuhkan sebagai satu yunit penyelidikan dan penasihat di Perbendaharaan. Tugasnya ialah untuk mengkaji kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan dan keadaan makro-ekonomi negara ini, dengan tujuan membentuk dasar-dasar ekonomi dan kewangan Perbendaharaan.

Untuk menjalankan tugas-tugasnya Bahagian ini adalah dibahagikan kepada tiga seksi:

(*a*) Seksi Kewangan Kerajaan

Seksi ini terlibat dalam beberapa aktiviti berkaitan dengan Kewangan Sektur Awam dengan menitikberatkan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan. Satu daripada tugas-tugasnya ialah menyemak pelaksanaan belanjawan dengan sentiasa mengkaji kedudukan kewangan Kerajaan negara ini, yang termasuk mengkaji pada keseluruhan kedudukan Kewangan dan Ekonomi Kerajaan Persekutuan, semua Kerajaan-kerajaan Negeri dan semua Badan-badan Berkanun.

(*b*) Seksi Makro Ekonomi

Tugas seksi ini ialah untuk mengkaji dan meninjau keseluruhan pelaksanaan ekonomi dan mengemukakan perkara-perkara yang penting kepada pembuat-pembuat dasar. Seksi ini juga membuat ramalan masa hadapan yang paling hampir bagi keseluruhan pembangunan ekonomi untuk memberi panduan kepada pembuat dasar.

(*c*) Seksi Kewangan Antarabangsa dan Barangan/Komoditi

Seksi ini bertanggungjawab mengenai dasar-dasar, masaalah-masaalah dan aliran barangan seperti getah, bijih timah, beras, kelapa sawit, kayu-kayan, gula, lada hitam dan minyak. Tugas seksi ini ialah untuk mengkaji dan meramal permintaan dan penawaran dan juga aliran-aliran harga jangka pendek dan jangka panjang berbagai-bagai barangan. Berdasarkan kepada ramalan ini dasar-dasar komoditi keseluruhannya akan dibuat. Seksi ini juga akan mengkaji dan mengaitkan kesan-kesan perkembangan ekonomi negara dan antarabangsa dan sangkaan-sangkaan dengan berbagai-bagai komoditi.

(v) *Pengurusan Kontrek dan Bekalan*

Tujuan-tujuan

Bagi menentukan perolehan barang-barang, perkhidmatan dan kerja-kerja yang diperlukan oleh Kerajaan dibuat dengan cara yang paling ekonomi dan berkesan bagi mencapai objektif-objektif Kerajaan.

Perbendaharaan adalah badan pusat yang mengawal perolehan barang-barang perkhidmatan dan kerja-kerja, dan semua aspek pengurusan bekalan bagi semua Jabatan Kerajaan. Pada tiap-tiap tahun Kementerian/Jabatan Kerajaan membelanjakan perbelanjaan yang banyak bagi memperolehi barang-barang, perkhidmatan dan kerja-kerja yang diperlukan. Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab penting bagi Bahagian Pengurusan Kontrek dan Bekalan untuk mempastikan bahawa dalam proses perolehan barang-barang, perkhidmatan dan kerja-kerja, nilai wang yang dibelanja akan didapati dengan sepenuhnya dan perolehan dijalankan dengan cara yang paling ekonomi. Tugas Bahagian Pengurusan Kontrek dan Bekalan adalah:

(*a*) Mentadbirkan dasar dan peraturan bagi memperolehi barang-barang, perkhidmatan dan kerja-kerja.

(*b*) Memeriksa sistem bekalan di Kementerian/Jabatan-jabatan Kerajaan.

(*c*) Menguatkuasa kualiti barang-barang.

(*d*) Menjalankan penyelidikan dalam berbagai aspek daripada pengurusan bekalan.

(*e*) Merancang dan melaksanakan latihan kakitangan dalam pengurusan bekalan.

(*f*) Menguruskan pelupusan barang-barang, wang dan setem.

(*g*) Menguruskan pembelian barang-barang guna-sama di bawah kontrek pusat.

(*h*) Mengawal dan menyelaras perolehan Jabatan-jabatan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun.

(*i*) Mengawal pembelian melalui Crown Agents.

(*j*) Mentadbir Kumpulanwang Insuran Barang-barang Kerajaan.

(*k*) Melaksanakan dasar memberi keutamaan kepada Bumiputra dalam lapangan perniagaan dan perusahaan selaras dengan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

(vi) *Pentadbiran Insuran*

Tujuan-tujuan

Menentukan supaya industri insuran berkembang dengan sihat dan teratur, dan menentukan pematuhan oleh penginsuran akan undang-undang dan polisi tertentu melalui penyeliaan dan peraturan.

Keterangan Aktiviti

Tugas Utama

Bahagian Insuran mentadbir Akta Insuran, 1963, dan perundangan-perundangan berkaitan yang menentukan peruntukan-peruntukan perniagaan insuran di Malaysia dan lain-lain tujuan berhubung dengan insuran. Tujuan utama perundangan ialah menentukan supaya insuran berdaftar mempunyai kumpulanwang yang cukup di Malaysia pada setiap masa sebagai langkah "solvency" untuk menjaga kepentingan orangramai yang memegang polisi-polisi insuran.

Lain-lain tugas

Lain-lain kerja yang dijalankan oleh Bahagian Insuran meliputi masaalah-masaalah umum yang berkaitan dengan keseluruhan industri insuran. Pertimbangan adalah juga dibuat untuk mengkaji perundangan dalam perkara seperti mengulangkaji Jadual Kedua kepada Akta Insuran, 1963; pemberian lesen kepada ejen insuran dan adjuster; penyeliaan syarikat-syarikat perundingan dan pengurusan

insuran; kemudahan-kemudahan pembayaran tuntutan; pengkajian perkara undang-undang yang berkaitan dengan pelaksanaan Akta Insuran, 1963 dan perkembangan industri insuran, terutamanya memberikan tekanan kepada perkembangan syarikat-syarikat insuran tempatan, serta penyertaan 30% equiti Bumiputra di dalam syarikat-syarikat tempatan yang baru dan syarikat-syarikat asing yang memohon penyusunan semula dan mendapatkan perbadanan setempat. Taraf Bumiputra yang bekerja dengan syarikat-syarikat insuran ke atas broker dan ejen Lloyd adalah sentiasa diteliti untuk menentukan bahawa syarikat-syarikat itu mengambil lebih ramai pekerja Bumiputra untuk mencerminkan penduduk berbilangan kaum. Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru oleh syarikat-syarikat insuran adalah usaha berterusan yang diikuti dengan gigih oleh Bahagian Insuran.

(vii) *Perkhidmatan Pengiraan*

Matlamat

Jabatan Akauntan Negara sebagai sebuah Jabatan di bawah Perbendaharaan Persekutuan adalah bertanggungjawab mengenai matlamat-matlamat berikut:

(i) Memberi perkhidmatan perakaunan kepada semua urusan masukira yang berkaitan dengan Kumpulanwang Disatukan dan seterusnya menyediakan Akaun Awam untuk dikemukakan kepada Parilmen.

(ii) Memberi perkhidmatan perunding serta menetapkan prinsip-prinsip perakaunan di atas segala sistem perakaunan yang diselenggarakan oleh Jabatan-jabatan Persekutuan serta juga Negeri.

Untuk melaksanakan matlamat-matlamat yang tersebut di atas Jabatan Akauntan Negara Malaysia telah menyusun kerja-kerjanya terbagi kepada lima jenis aktiviti yang mengandungi sebelas bahagian. Aktiviti-aktiviti dan seksi-seksi adalah seperti berikut:

(i) Aktiviti Pengoditan Operasi mengandungi bahagian Odit Dalam, Perejenan Negeri dan Penyemakan.

(ii) Aktiviti Pembayaran mengandungi bahagian Pembayaran dan Gaji Pusat.

(iii) Aktiviti Rekod mengandungi bahagian Mesin, Akaun Pusat, Pelaburan dan Pinjaman.

(iv) Aktiviti Perkhidmatan Langganan mengandungi bahagian Sistem dan Komputer.

(v) Aktiviti Pentadbiran mengandungi bahagian Pentadbiran sendiri.

(viii) *Perkhidmatan Penilaian*

Untuk membantu dan menasihatkan Kerajaan Persekutuan dan Negeri, Penguasa-penguasa Tempatan dan Badan-badan Berkanun tentang nilaian yang betul terhadap harta-harta bertanah seperti:

(*a*) Penilaian Cukai Setem.

(*b*) Penilaian Duti Harta Pesaka.

(*c*) Penilaian untuk Pengambilan Balik Tanah.

(*d*) Penilaian untuk Sewaan.

(*e*) Penilaian untuk Carum Membantu Kadar.

(*f*) Penilaian untuk Jawatankuasa Pengeluaran Modal.

(*g*) Penilaian untuk Guaman Sivil.

(*h*) Penilaian untuk Kerajaan Negeri.

(*i*) Peniliaian Kadaran dan untuk Penguasa-penguasa Tempatan.

(*j*) Penilaian untuk Pinjaman Perumahan Kerajaan.

(*k*) Jawatankuasa Pelaburan Asing.

(*l*) Cukai Spekulasi Tanah.

(*m*) Lain-lain Penilaian Modal.

(ix) *Analisa Cukai*

Tujuan Bahagian ini adalah untuk mewujudkan satu struktur cukai yang adil, saksama dan berorientasikan pembangunan melalui pembentukan perkhidmatan-perkhidmatan hasil dan kajian semula kesan-kesan pentadbiran undang-undang hasil itu.

(*a*) Yunit Pentadbiran

Yunit Pentadbiran Cukai mengendalikan khasnya masaalah pentadbiran fisikal kerana adalah jelas bahawa pentadbiran fisikal yang baik dapat mengeluarkan sebahagian penting hasil yang diperlukan. Kejayaan pelaksanaan objektif-objektif dasar cukai bergantung kepada peraturan pentadbiran sistem cukai. Yunit dari itu akan mengkaji masaalah-masaalah pentadbiran cukai dengan tujuan memperbaiki kecekapan pungutan hasil, menyelesaikan atau mengurangkan masaalah-masaalah pelarian cukai, mencegah perbuatan menyalahgunakan pengecualian cukai atau kurniaan cukai dan memikirkan cara-cara yang lebih ketat bagi mengatasinya.

(*b*) Yunit Pelaburan—Perusahaan Utama

Tugas yunit ini adalah serupa dengan yunit pelaburan-perusahaan, melainkan yunit ini ada berkaitan dengan perkembangan perusahaan utama, terutama sekali petroliam, getah, timah, kelapa sawit, tembaga dan gula. Yunit ini juga mengkaji permohonan untuk mendapat pengecualian cukai daripada perusahaan-perusahaan yang memproses keluaran perusahaan utama.

(*c*) Yunit Pelaburan

Yunit ini memegang tanggungjawab ke atas perkara-perkara berhubung dengan galakan untuk kemajuan indastri dan pembangunan kemudahan-kemudahan untuk pelancung-pelancung. Pada hakikatnya Yunit ini mempunyai dua tugas yang berasingan yang perlu dijalankan berasingan. Pertama, tugas operasi iaitu tugas yang berhubung dengan perkara-perkara pemberian galakan-galakan, mengkaji semula surat-surat rayuan dari firma-firma dan mengadakan perbincangan dengan ahli-ahli sektor swasta yang ingin untuk mendapat penerangan dan penjelasan ke atas perkara-perkara tertentu. Kedua, tugas menganalisa iaitu tugas untuk mendapat satu gambaran atau kesimpulan berhubung dengan galakan yang telah diberi.

(*d*) Yunit Hasil

Tugas utama yunit ini ialah untuk mencari jalan bagi menambah hasil yang ada dan juga untuk mencari bidang-bidang hasil yang baru untuk Belanjawan tahunan. Perkara ini melibatkan pembentukan dasar-dasar cukai dan langkah-langkah mengenai hasil untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa-jawatankuasa cukai.

(*e*) Yunit Penyelidikan dan Perancangan

Yunit ini bertanggungjawab untuk menjalankan penyelidikan serta perancangan cukai. Tujuan utama aktiviti ini ialah untuk menyediakan rancangan bagi pembaharuan cukai (tax reform) yang berdasarkan kepada keperluan-keperluan ekonomi serta sosial negara.

(x) *Pinjaman Perumahan*

Bahagian Pinjaman Perumahan ini telah ditubuhkan di awal tahun 1970 sebagai sebahagian daripada Perbendaharaan Malaysia dengan tujuan melaksanakan dasar Kerajaan tidak lagi bertanggungjawab menyediakan rumah-rumah bagi kakitangannya seperti mana yang diperakukan oleh Suruhanjaya Gaji Suffian. Untuk menggalakkan mereka mempunyai rumah sendiri, Bahagian Pinjaman Perumahan menguruskan pinjaman perumahan kepada kakitangan Kerajaan yang memerlukannya dengan mengenakan kadar faedah sebanyak 4% setahun.

Tujuan-tujuan Bahagian Pinjaman Perumahan

Tujuan-tujuan yang utama ialah:

Mentadbirkan Rancangan Pinjaman Perumahan bagi kakitangan Kerajaan dan menentukan supaya pinjaman wang perumahan diberi kepada mereka yang berkelayakan menurut dasar dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

Menentu dan menguruskan kedudukan rumah kediaman Kerajaan pada masa-masa akan datang iaitu sebagai memenuhi dasar Kerajaan tidak lagi bertanggungjawab menyediakan rumah-rumah kediaman bagi kakitangannya. Buat sementara waktu rumah kediaman Kerajaan yang ada sekarang ini dijaga dan dibaiki sehingga satu penyelesaian dicapai samada hendak dilepaskan atau pun tidak rumah-rumah kediaman itu.

Ramalan bagi Tahun 1975

Bilangan Permohonan dalam tahun 1975 diramalkan bertambah oleh kerana fakta-fakta berikut:

(*a*) Bertambahnya permohonan pinjaman disebabkan berbagai projek perumahan yang sedang giat dilaksanakan oleh Syarikat Kemajuan Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan yang sedang membina kira-kira 8,000 yunit rumah dari berbagai jenis mulai tahun ini.

(*b*) Kenaikan kadar faedah yang dikenakan oleh bank-bank dan pembekuan wang pinjaman bank bagi maksud membeli rumah akan mendorongkan ramai lagi kakitangan Kerajaan mendapatkan pinjaman perumahan dari Kerajaan.

(*c*) Kemungkinan besar anggota-anggota angkatan tentera akan diberi kelayakan mendapat pinjaman perumahan.

(*d*) Pelaksanaan Lapuran Suruhanjaya Harun mungkin menyebabkan kakitangan Badan-badan Berkanun diberi kemudahan pinjaman perumahan.

(*e*) Lebih ramai kakitangan Kerajaan berkelayakan mendapatkan pinjaman perumahan.

(*f*) Kemungkinan harga rumah-rumah akan turun dalam tahun 1975 akan menyebabkan lebih banyak lagi pemaju-pemaju perumahan membina rumah-rumah dan ini memberi peluang kepada kakitangan Kerajaan membeli rumah dan mendapat pinjaman dari bahagian ini.

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	5,974,246	7,442,401	8,883,393
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	596,125	453,994	787,041
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..	132,225	177,830	249,461
	Jumlah Gaji ..	6,702,596	8,075,225	9,919,895
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	461,611	488,200	720,000
2200	Pengangkutan Barang-barang ..	24,439	27,550	65,700
2300	Kemudahan Perhubungan ..	190,481	170,000	197,600
2400	Api, Air dan Letrik dll	172,349	225,400	230,550
2500	Sewa	444,277	505,440	781,740
	Bawa kehadapan ..	7,995,753	9,491,815	11,915,485

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
	Dari sebelah ..	7,995,753	9,491,815	11,915,485
2600	Perkhidmatan Pencetakan.. ..	76,958	107,500	153,900
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	277,726	198,000	336,400
2800	Perkhidmatan Pelbagai	268,202	348,150	366,660
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	488,343	150,020	156,635
3300	Pembinaan	27,344	7,000	15,000
5500	Pelbagai	—	700,000	—
	Jumlah ..	9,134,326	11,002,485	12,944,080

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974 $	Bilangan	Peruntukan Tahun 1975 $
(i) Pentadbiran Am:						
(*a*) Pentadbiran ..	49	530,587	65	504,200	65	598,600
(*b*) Perkhidmatan Kawalan	30	266,095	31	264,900	31	324,900
(*c*) Penyemakan Cukai	9	167,630	10	169,830	10	192,390
(*d*) Perkhidmatan Bantuan	125	325,395	131	360,500	131	401,200
(*e*) Kewangan Persekutuan, Sarawak ..	13	—	15	170,500	15	187,330
(*f*) Kewangan Persekutuan, Sabah ..	8	100,850	12	99,300	14	153,920
(ii) Pengurusan Belanjawan:						
(*a*) Belanjawan/Perhubungan Negeri ..	113	304,589	143	1,157,500	55	577,800
(*b*) Yunit Sistem Pengurusan Kewangan ..		262,276			89	761,000
(iii) Pengurusan Kewangan, Hutang dan Pinjaman ..	51	460,306	58	583,480	61	668,000
(iv) Analisa Ekonomi dan Kewangan	29	215,904	33	243,100	33	360,150
(v) Pengurusan Kontrek dan Bekalan	40	322,608	63	387,800	63	668,500
(vi) Pentadbiran Insuran ..	17	137,600	25	159,800	25	195,870
(vii) Perkhidmatan Pengiraan	254	1,596,051	415	1,560,000	417	2,446,000
(viii) Perkhidmatan Penilaian:						
(*a*) Semenanjung Malaysia	194	1,195,568	231	1,422,800	249	1,276,500
(*b*) Sabah	9	60,500	10	70,300	12	75,000
(ix) Analisa Cukai	32	318,892	41	364,450	48	405,540
(x) Pinjaman Perumahan ..	96	437,745	123	556,765	124	627,195
Jumlah ..	1,069	6,702,596	1,406	8,075,225	1,442	9,919,895

Bahagian Perbelanjaan Tanggungan Serta Perkara-perkara Am

Perbelanjaan tanggungan serta Perkara-perkara Am tidaklah dikemukakan kepada Parlimen pada tiap-tiap tahun dengan melalui Rang Undang-undang Perbekalan, seperti mana beberapa kepala yang ditentukan. Perbelanjaan yang ditanggungkan itu ialah Kepala-kepala T. 2, T. 12 dan T. 13.

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(*a*) T. 2—Pencen Khas	24,600	21,600	21,600
(*b*) T. 12—Perbendaharaan	225,981,011	196,564,140	201,710,000
(*c*) T. 13..Perbelanjaan kerana Hutang Negara	467,628,851	482,880,000	683,641,000
(*d*) B. 27—Perkhidmatan Am Perbendaharaan	35,531,667	30,287,970	85,328,800
(*e*) B. 28—Peruntukan kepada Kumpulanwang Terkanun	59,077,500	75,020,010	57,020,000
Jumlah ..	788,243,629	784,773,720	1,027,721,400

Keterangan

(*a*) Peruntukan ini adalah digunakan untuk elaun penyenggaraan kepada Yang Maha Mulia Tuanku Besar Khursiah.

(*b*) Jumlah tersebut digunakan untuk memberi bantuan kepada negeri, pembayaran yuran-yuran serta pelbagai bayaran sepertimana yang telah ditetapkan.

(*c*) Peruntukan ini adalah untuk menunaikan tanggungan di atas kira-kira Hutang Negara seperti membayar bunga-bunga, pembayaran carum-carum perjalanan Hutang dan sebagainya.

(*d*) Perkhidmatan Am Perbendaharaan seperti yang tercatit di Kepala B.27 adalah merupakan perbelanjaan-perbelanjaan am yang dilakukan oleh Kerajaan bagi sembilan pecahan-kepala. Termasuk di dalamnya ialah sewa rumah Kerajaan Negeri bagi Pegawai-pegawai Persekutuan, Perbelanjaan Perwakilan Persidangan Luar Negeri, Bantuan kepada Lembaga Tempatan, Pembayaran kepada Kerajaan Negeri Selangor akibat kongsian hasil setelah Kuala Lumpur dijadikan Wilayah Persekutuan, membayar pampasan, Elaun Belanja Hidup dan lain-lain lagi.

(*e*) $57,020,000 diuntukkan kepada Kumpulanwang Terkanun yang dibahagikan kepada 6 perkara iaitu, kepada Kumpulanwang Cadangan Untuk Negeri, Kumpulanwang Pampasan kerana Nateriam Arsenita, kepada Kumpulanwang Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan. Kumpulanwang Amanah Kebangsaan ASEAN, Kumpulanwang Pinjaman Perumahan dan Kumpulanwang Pinjaman kepada Badan-badan Berkanun.

3. Anggaran Pembangunan

Peruntukan pembangunan Perbendaharaan berjumlah $123,396,332. Anggaran ini dibahagikan kepada dua cara iaitu cara langsung serta pinjaman.

Cara Langsung

(*a*) Pemberian kepada Syarikat Kemajuan Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan Sdn. Berhad sebanyak $3,000,000.

(*b*) $40,000,000 digunakan untuk pembelian tanah.

(*c*) Pemberian kepada Petroliam Nasional Berhad sebanyak $10 sebagai peruntukan tanda.

Pinjaman

(*a*) Sejumlah $396,322 diberikan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi Pembangunan lengkungan/kawasan Perdagangan Bayan Lepas dan Weld Quay dan Kawasan Prai.

(*b*) Kerajaan Negeri Selangor pula diberi pinjaman sejumlah $80,000,000 untuk projek-projek pembangunan.

4. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Belanja Mengurus:	$	$	$
Semenanjung Malaysia	8,930,199	10,575,885	12,511,080
Sarawak	102,211	206,800	232,880
Sabah	101,916	219,800	200,120
Kepala-kepala Tanggungan dan Butiran-butiran Am	788,243,629	900,503,720	1,027,721,400
Belanja Pembangunan	65,912,678	128,492,000	123,396,332
Jumlah Besar ..	863,290,633	1,039,998,205	1,164,061,812

Kepala Tanggungan 3	...	**$ 1,463,520**
Kepala Bekalan 10	...	**8,149,010**
Kepala Pembangunan 10	...	**1,940,810**
Jumlah	...	**$11,553,340**

		Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975				
(Semenanjung Malaysia)	...	**$7,801,530**	**$ 850,810**	**$8,652,340**
(Sarawak dan Sabah)	...	**1,811,000**	**1,090,000**	**2,901,000**
Peruntukan 1974				
(Semenanjung Malaysia)	...	**7,580,920**	**858,020**	**8,438,940**
(Sarawak dan Sabah)	...	**1,595,321**	**710,010**	**2,305,331**
Perubahan	...	**+ $ 436,289**	**+ $ 372,780**	**+ $ 809,069**

1. Tujuan-tujuan

Tujuan-tujuan besar Jabatan Kehakiman ialah:

(*a*) Untuk melaksanakan pentadbiran keadilan mengikut kuasa-kuasa kehakiman yang diletakhak oleh Perlembagaan, Akta Mahkamah Keadilan, 1964, Akta Mahkamah Rendah, 1948 (Disemak 1972), Ordinan Mahkamah Rendah Sarawak (Bab 42) dan Ordinan Mahkamah Rendah Sabah (Bab 29);

(*b*) Untuk memelihara kebebasan perhakiman supaya Pegawai-pegawai Kehakiman dapat mentafsir dan mentadbir semua undang-undang yang diluluskan oleh Badan Perundangan mengikut Hukum Undang-undang (Rule of Law); dan

(*c*) Untuk menentukan supaya tidak ada kelengahan berlaku dalam soal menyelesaikan kes-kes Mahkamah.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran Am—			
(Semenanjung Malaysia)	782,503	804,050	843,450
(Sarawak dan Sabah)	232,412	302,000	360,410
(ii) Mahkamah-mahkamah Tinggi—			
(Semenanjung Malaysia)	2,394,479	2,520,870	2,614,840
(Sarawak dan Sabah)	699,280	649,321	717,590
(iii) Mahkamah-mahkamah Sesyen—			
(Semenanjung Malaysia)	2,594,755	2,462,000	2,484,140
(Sarawak dan Sabah)	—	—	78,700
(iv) Mahkamah-mahkamah Rendah—			
(Semenanjung Malaysia)	1,789,791	1,794,000	1,859,100
(Sarawak dan Sabah)	485,843	644,000	654,300
Jumlah ...	8,979,063	9,176,241	9,612,530

(i) *Pentadbiran Am*

Pentadbiran Am bagi Jabatan Kehakiman adalah dikawal oleh Pejabat Pendaftaran Mahkamah Persekutuan Malaysia yang mempunyai Ibu Pejabatnya di Kuala Lumpur. Pejabat Pendaftaran ini menjaga pentadbiran hari ke hari bagi 12 Mahkamah Tinggi, 2 Mahkamah Sesyen Khas, 13 Mahkamah Sesyen dan 93 Mahkamah Rendah (termasuk Mahkamah-mahkamah tertutup) di Semenanjung Malaysia, dan juga mengawal pentadbiran mengenai semua Mahkamah-mahkamah Tinggi dan Mahkamah-mahkamah Rendah di Sarawak dan Sabah.

Mahkamah Persekutuan mengadakan persidangan-persidangan dari masa ke semasa di Mahkamah-mahkamah utama di Semenanjung Malaysia dan Sarawak dan Sabah. Mahkamah ini mempunyai bidangkuasa untuk menentukan sahnya undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen atau oleh Dewan Negeri. Mahkamah ini juga mempunyai bidangkuasa menentukan pertikaian antara Negeri-negeri atau antara Persekutuan dan mana-mana Negeri. Dalam bidangkuasa rayuan, Mahkamah Persekutuan boleh membicara dan menentukan apa-apa rayuan oleh seseorang yang telah disabitkan oleh mana-mana Mahkamah Tinggi. Berkenaan dengan kes-kes sivil, Mahkamah ini mempunyai bidangkuasa membicara dan menentukan rayuan-rayuan daripada apa-apa perintah atau hukuman oleh mana-mana Mahkamah Tinggi.

Di bawah ini ialah jadual menunjukkan bilangan Persidangan Mahkamah Persekutuan yang telah diadakan di Malaysia:

	Sebenar 1973	Anggaran 1974	Anggaran 1975
Semenanjung Malaysia	38	45	50
Sarawak	2	2	2
Sabah	3	2	2
Jumlah ...	43	49	54

Hasil yang telah diperolehi dari pergerakan ini ialah:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Semenanjung Malaysia	2,825	5,000	5,500
Sarawak dan Sabah	14,078	15,000	16,000

(ii) *Mahkamah-mahkamah Tinggi*

Tiap-tiap satu Mahkamah Tinggi di Semenanjung Malaysia dan di Sarawak dan Sabah mempunyai seorang Hakim Besar dan beberapa Hakim-hakim lain. Di Semenanjung Malaysia bilangan Hakim-hakim tiada boleh melebihi lima belas orang dan di Sarawak dan Sabah bilangannya tiada boleh melebihi lapan orang.

Mahkamah Tinggi mempunyai bidangkuasa asal yang tiada terhad dalam kedua-dua perkara jenayah dan sivil, dan boleh menjatuhkan apa-apa hukuman yang dibenarkan oleh undang-undang. Dalam bidangkuasa apilnya Mahkamah Tinggi mempunyai bidangkuasa membicarakan rayuan-rayuan terhadap keputusan-keputusan Mahkamah-mahkamah Sesyen dan Rendah dalam kedua-dua perkara sivil dan jenayah.

Tambahan lagi, Mahkamah-mahkamah Tinggi juga menjalankan kawalan di atas Mahkamah-mahkamah Rendah seluruh bidangkuasa rayuan, penyemakan dan pengawasan Mahkamah-mahkamah tersebut.

Pelaksanaan kes-kes Mahkamah adalah dibentangkan seperti berikut:

Tahun	Bawa kehadapan dari tahun dahulu	Kes-kes yang telah didaftarkan	Kes-kes yang telah diselesaikan	Kes-kes dibawa ke tahun hadapan
SEBENAR 1973:				
Jenayah—				
(Semenanjung Malaysia) ...	95	431	295	231
(Sarawak dan Sabah)	86	191	175	102
Sivil—				
(Semenanjung Malaysia) ...	12,386	4,631	3,911	13,106
(Sarawak dan Sabah)	1,405	1,370	815	1,960
ANGGARAN 1974:				
Jenayah—				
(Semenanjung Malaysia) ...	231	471	413	289
(Sarawak dan Sabah)	102	190	175	117
Sivil—				
(Semenanjung Malaysia) ...	13,106	5,094	4,691	13,509
(Sarawak dan Sabah)	1,960	850	1,450	1,360
ANGGARAN 1975:				
Jenayah—				
(Semenanjung Malaysia) ...	289	518	579	228
(Sarawak dan Sabah)	117	210	210	117
Sivil—				
(Semenanjung Malaysia) ...	13,509	5,603	7,621	11,491
(Sarawak dan Sabah)	1,360	1,470	1,500	1,330

Hasil yang telah diperolehi dari Mahkamah-mahkamah Tinggi ialah:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Semenanjung Malaysia	981,000	1,000,000	1,025,000
Sarawak dan Sabah	138,073	140,000	150,000

(iii) *Mahkamah-mahkamah Sesyen*

Mahkamah Sesyen mempunyai bidangkuasa jenayah membicarakan semua kesalahan yang mana hukuman penjaranya tidak melebihi 10 tahun atau yang dikenakan hukuman denda. Mahkamah ini boleh juga membicarakan sesuatu kesalahan selain dari kesalahan yang dikenakan hukuman bunuh atau penjara seumur hidup, jika pihak Pendakwa Raya memohon kepada Mahkamah supaya membicarakan kesalahan-kesalahan demikian dan jika yang dituduh bersetuju. Mahkamah ini boleh menjatuhkan hukuman tidak lebih daripada 5 tahun penjara, hukuman denda $10,000 dan sebat dengan rotan hingga 12 kali atau menjatuhkan kesemua hukuman-hukuman yang tersebut di atas.

Dalam bidangkuasa sivil Mahkamah Sesyen boleh membicarakan semua perkara yang mana jumlah pertikaian tidak melebihi $5,000.

Mahkamah Sesyen adalah dipengerusikan oleh Yang Dipertua Kanan atau Yang Dipertua, Mahkamah Sesyen yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung. Ada empat "Yang Dipertua-Dipertua Khas" yang diberi bidangkuasa khas untuk membicarakan kesalahan-kesalahan

yang mana hukuman maksima yang diuntukkan oleh undang-undang tidak melebihi 14 tahun. "Yang Dipertua-Dipertua Khas" ini boleh menjatuhkan hukuman tidak melebihi 7 tahun dan denda hingga $20,000. Dalam perkara sivil mereka boleh membicarakan perkara-perkara yang mana jumlah pertikaiannya tidak melebihi $10,000.

Pelaksanaan kes-kes Mahkamah adalah dibentangkan seperti berikut:

Tahun	Bawa kehadapan dari tahun dahulu	Kes-kes yang telah didaftarkan	Kes-kes yang telah diselesaikan	Kes-kes dibawa ke tahun hadapan
SEBENAR 1973:				
Jenayah—				
(Semenanjung Malaysia) ...	1,004	3,759	3,435	1,328
Sivil—				
(Semenanjung Malaysia) ...	2,149	6,976	4,388	4,737
ANGGARAN 1974:				
Jenayah—				
(Semenanjung Malaysia) ...	1,328	4,134	3,726	1,736
Sivil—				
(Semenanjung Malaysia) ...	4,737	7,674	5,309	7,102
ANGGARAN 1975:				
Jenayah—				
(Semenanjung Malaysia) ...	1,736	4,549	4,261	2,024
(Sarawak dan Sabah)	—	200	100	100
Sivil—				
(Semenanjung Malaysia) ...	7,102	8,241	6,708	8,635
(Sarawak dan Sabah)	—	60	40	20

Hasil yang telah diperolehi dari semua Mahkamah Sesyen ialah:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Semenanjung Malaysia	1,308,000	1,326,000	1,363,000
Sarawak dan Sabah	—	—	20,000

(iv) *Mahkamah-mahkamah Rendah*

Mahkamah-mahkamah Rendah mempunyai bidangkuasa untuk membicara dan menentukan apa-apa perkara sivil atau jenayah berlaku di bawah kawasan bidang-kuasa yang diserahak kepadanya, atau jika kawasan bidangkuasa tidak diserahak berlaku dalam mana-mana tempat di Persekutuan. Mejisteret-mejisteret adalah dilantik oleh Raja-raja atau Gabenor Negeri masing-masing.

Mejisteret Kelas Satu mempunyai bidangkuasa membicarakan semua kesalahan-kesalahan jenayah yang mana hukuman maksima penjara tidak melebihi 5 tahun atau yang dikenakan hukuman denda sahaja. Mejisteret ini boleh menjatuhkan hukuman tidak melebihi 24 bulan penjara, denda sebanyak $5,000 dan disebat dengan rotan 6 kali.

Mejisteret Kelas Dua mempunyai bidangkuasa untuk membicarakan kesalahan-kesalahan yang mana hukuman maksima penjara tidak melebihi 12 bulan atau yang dikenakan hukuman denda sahaja. Mejisteret ini boleh menjatuhkan hukuman tidak melebihi 3 bulan penjara, dan hukuman denda sebanyak $250.

Pelaksanaan kes-kes Mahkamah adalah dibentangkan seperti berikut:

Tahun	Bawa kehadapan dari tahun dahulu	Kes-kes yang telah didaftarkan	Kes-kes yang telah diselesaikan	Kes-kes dibawa ke tahun hadapan
SEBENAR 1973:				
Jenayah—				
(Semenanjung Malaysia) ...	27,404	85,045	76,393	36,056
(Sarawak dan Sabah)	3,011	18,366	15,539	5,838
Sivil—				
(Semenanjung Malaysia) ...	5,708	15,411	14,207	6,912
(Sarawak dan Sabah)	2,323	3,399	3,286	2,436
ANGGARAN 1974:				
Jenayah—				
(Semenanjung Malaysia) ...	36,056	85,897	77,706	44,247
(Sarawak dan Sabah)	5,838	18,000	17,100	6,738
Sivil—				
(Semenanjung Malaysia) ...	6,912	15,600	14,518	7,994
(Sarawak dan Sabah)	2,436	3,300	3,400	2,336
ANGGARAN 1975:				
Jenayah—				
(Semenanjung Malaysia) ...	44,247	86,747	80,273	50,721
(Sarawak dan Sabah)	6,738	18,100	18,300	6,538
Sivil—				
(Semenanjung Malaysia) ...	7,994	15,926	15,139	8,781
(Sarawak dan Sabah)	2,336	3,400	3,500	2,336

Hasil yang telah diperolehi dari semua Mahkamah Mejisteret ialah:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Semenanjung Malaysia	7,686,000	7,774,000	7,816,000
Sarawak dan Sabah	704,858	750,000	800,000

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
1100 Gaji dan Upahan—			
(Semenanjung Malaysia) ...	6,027,946	6,056,371	5,952,285
(Sarawak dan Sabah)	860,412	1,099,320	1,149,320
1200 Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang—			
(Semenanjung Malaysia) ...	339,729	339,543	572,605
(Sarawak dan Sabah)	177,744	194,994	265,000
1300 Tambahan Gaji Kakitangan—			
(Semenanjung Malaysia) ...	68,623	63,313	61,940
(Sarawak dan Sabah)	10,207	11,033	11,630
Jumlah Gaji ...	7,484,661	7,764,574	8,012,780

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang—			
	(Semenanjung Malaysia) ...	375,969	346,500	401,500
	(Sarawak dan Sabah)	99,875	95,000	153,800
2200	Pengangkutan Barang-barang—			
	(Semenanjung Malaysia) ...	27,367	39,500	39,500
	(Sarawak dan Sabah)	1,319	3,000	1,700
2300	Kemudahan Perhubungan—			
	(Semenanjung Malaysia) ...	114,372	118,500	124,000
	(Sarawak dan Sabah)	16,927	18,060	20,900
2400	Api, Air dan Letrik dll.—			
	(Semenanjung Malaysia) ...	135,403	132,038	153,800
	(Sarawak dan Sabah)	49,728	59,000	70,900
2500	Sewa—			
	(Semenanjung Malaysia) ...	2,922	12,000	6,000
	(Sarawak dan Sabah)	—	1,100	2,800
2600	Perkhidmatan Pencetakan—			
	(Semenanjung Malaysia) ...	40,627	47,000	50,500
	(Sarawak dan Sabah)	8,706	8,400	12,300
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan—			
	(Semenanjung Malaysia) ...	86,163	88,190	112,000
	(Sarawak dan Sabah)	13,387	15,100	19,400
2800	Perkhidmatan Pelbagai—			
	(Semenanjung Malaysia) ...	61,317	90,450	89,200
	(Sarawak dan Sabah)	33,978	33,700	31,950
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ter-nakan—			
	(Semenanjung Malaysia) ...	276,613	241,115	231,800
	(Sarawak dan Sabah)	145,252	56,614	71,300
5100	Pembayaran Balik—			
	(Semenanjung Malaysia) ...	4,477	6,400	6,400
	Jumlah ...	8,979,063	9,176,241	9,612,530

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974	Bilangan	Anggaran Tahun 1975
		$		$		$
(i) Pentadbiran Am—						
(Semenanjung Malaysia)	79	678,524	79	677,285	79	702,700
(Sarawak dan Sabah) ..	26	183,861	28	242,976	28	259,860
(ii) Mahkamah-Mahkamah Tinggi—						
(Semenanjung Malaysia)	288	1,983,711	291	2,023,694	291	2,085,290
(Sarawak dan Sabah) ..	62	451,422	61	500,071	61	533,190
(iii) Mahkamah-Mahkamah Sesyen—						
(Semenanjung Malaysia)	364	2,225,498	371	2,202,386	371	2,189,540
(Sarawak dan Sabah) ..	—	—	—	—	6	69,900
(iv) Mahkamah-Mahkamah Rendah—						
(Semenanjung Malaysia)	343	1,548,565	360	1,555,862	360	1,609,300
(Sarawak dan Sabah) ..	66	413,080	68	562,300	69	563,000
Jumlah ..	1,228	7,484,661	1,258	7,764,574	1,265	8,012,780

3. Anggaran Pembangunan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
SEMENANJUNG MALAYSIA			
(i) Bangunan-bangunan Mahkamah ...	634,862	800,000	800,500
(ii) Dewan Keadilan	—	10	10
(iii) Rumah Kediaman Hakim, Melaka	1,195	—	—
(iv) Bangunan-bangunan Mahkamah:			
(*a*) Membaharu, Meminda dan Memperbaiki Bangunan-bangunan Mahkamah	131,845	28,000	38,300
(*b*) Perkakas	26,518	30,000	11,000
(v) Pengangkutan dan Perjalanan ...	—	10	1,000
SARAWAK			
(vi) Bangunan-bangunan Mahkamah ...	11,364	300,000	680,000
(vii) Membaharu, Meminda dan Memperbaiki Bangunan-bangunan Mahkamah	4,794	10	—
(viii) Perkakas	—	—	—
SABAH			
(ix) Bangunan-bangunan Mahkamah ...	10	410,000	410,000
(x) Perkakas	—	—	—
Jumlah ...	810,588	1,568,030	1,940,810

Kemajuan Kerja-kerja Pembinaan

(i) *Bangunan-bangunan Mahkamah, Semenanjung Malaysia*

Sebuah mahkamah baru telah siap dibina di Pasir Puteh dan dirasmikan pembukaannya pada 24hb April, 1974. Selain daripada itu 2 buah mahkamah baru telah juga dibina di Machang dan Ipoh. Mahkamah baru di Ipoh itu yang telah dibina dengan harga $600,000 ialah bangunan mahkamah rendah yang terbesar di Malaysia. Tawaran-tawaran telah diterima bagi pembinaan mahkamah-mahkamah baru di Parit Buntar, Taiping, Rembau, Sabak Bernam dan Port Dickson dan kerja-kerja permulaan sedang dijalankan. Kerja-kerja sedang dijalankan bagi membina sebuah mahkamah baru di Alor Star untuk menempatkan mahkamah-mahkamah rendah yang berdekatan dengan Mahkamah Tinggi.

(ii) *Dewan Keadilan*

Cadangan untuk membina Dewan Keadilan di Jalan Duta, Kuala Lumpur telah dibatalkan dan Kerajaan telah bersetuju pada dasarnya untuk menempatkan Mahkamah-mahkamah Persekutuan dan Mahkamah-mahkamah Tinggi di Bangunan Sultan Abdul Samad dalam Wilayah Persekutuan apabila ianya dikosongkan kelak.

(iii) *Bangunan-bangunan Mahkamah*

(*a*) Kerja-kerja membaiki serta meminda bangunan-bangunan mahkamah.

Perbelanjaan untuk membaiki dan meminda 9 bangunan-bangunan mahkamah yang telah diselenggarakan adalah berjumlah $28,000.

(*b*) Perabut pejabat

Perbelanjaan bagi mengganti perabut-perabut lama bagi mahkamah-mahkamah di luar bandar adalah berjumlah $30,000.

(iv) *Bangunan-bangunan Mahkamah, Sarawak*

Peruntukan sebanyak $300,000 telah disediakan untuk pengambilan tanah dan pembinaan sebuah mahkamah baru di Sibu dan kerja-kerja permulaan sedang dijalankan.

(v) *Bangunan-bangunan Mahkamah, Sabah*

Bagi projek-projek bangunan di Sabah peruntukan sebanyak $410,000 telah disediakan dan ini termasuk perbelanjaan untuk membuat tambahan kepada bangunan mahkamah di Sandakan.

Peruntukan 1975 sebanyak $1,940,810 ialah untuk tujuan seperti berikut:

(*a*) Wang simpanan untuk belanja bagi bangunan-bangunan mahkamah yang sudah siap dalam tahun 1974;

(*b*) Pembinaan 5 buah bangunan mahkamah yang dicadangkan dalam Semenanjung Malaysia;

(*c*) Membaharui, meminda dan memperbaiki bangunan-bangunan mahkamah khasnya di kawasan luar bandar yang diperlukan, dan mengganti perkakas yang lama dan buruk keadaannya dalam bangunan-bangunan mahkamah yang ada sekarang;

(*d*) Pembinaan bangunan-bangunan mahkamah di Sibu, Sarawak, Sandakan, Tawau dan Keningau di Sabah.

4. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Belanja Mengurus—			
(Semenanjung Malaysia)	7,561,528	7,580,920	7,801,530
(Sarawak dan Sabah)	1,417,535	1,595,321	1,811,000
Belanja Pembangunan—			
(Semenanjung Malaysia)	794,420	858,020	850,810
(Sarawak)	16,158	300,010	680,000
(Sabah)	10	410,000	410,000
Jumlah Besar ...	9,789,651	10,744,271	11,553,340

PARLIMEN

Kepala Tanggungan 4	...	**$ 52,200**
Kepala Tanggungan 5	...	**57,000**
Kepala Bekalan 1	...	**5,059,100**
Jumlah	...	**$5,168,300**

BELANJA MENGURUS

Peruntukan 1975	...	...	**$5,168,300**
Peruntukan 1974	...	...	**5,084,200**
Perubahan	...	+	**$ 84,100**

1. Tujuan-tujuan

Di bawah Perkara 44 Perlembagaan, Kuasa Perundangan Persekutuan adalah terletak pada Parlimen. Parlimen adalah badan perundangan yang tertinggi dalam Persekutuan. Tujuan-tujuannya adalah seperti berikut:

(*a*) Membuat, meminda dan memansukhkan undang-undang;

(*b*) Melaksanakan kawalan terhadap kewangan awam melalui perundangan dan jawatankuasa Parlimen;

(*c*) Melaksanakan kawalan terhadap kegiatan-kegiatan eksekutif;

(*d*) Mengadakan kemudahan-kemudahan dan kenikmatan-kenikmatan Parlimen kepada Ahli-ahli Parlimen dan mengendalikan jentera Parlimen;

(*e*) Mengadakan perundingan biasa dengan tujuan hendak memupuk perasaan persefahaman dan kerjasama di antara Parlimen-parlimen Komanwel dan Parlimen-parlimen dunia melalui Persatuan Parlimen Komanwel dan Kesatuan antara Parlimen-parlimen; dan

(*f*) Menyenggara hubungan erat dengan Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Dewan-dewan Negeri dalam Malaysia terutama mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan amalan dan peraturan-peraturan Parlimen.

Tugas-tugas

Untuk mencapai tujuan-tujuan seperti di atas Urusetia Parlimen adalah bertanggung-jawab menjalankan tugas-tugas seperti berikut:

(i) *Pentadbiran Am*

Segala kerja yang bersangkutan dengan perlaksanaan Akta Perkhidmatan Parlimen, 1963, mengelolakan mesyuarat-mesyuarat dan kertas-kertas untuk Jawatankuasa Penasihat Perkhidmatan Parlimen dengan berunding dengan Jabatan Perkhidmatan Awam dan Perbendaharaan; Akta (Pencen dan Ganjaran) Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen, 1971, mentadbir sebuah perpustakaan yang makin membesar untuk Ahli-ahli, membayar gaji dan elaun-elaun kepada kakitangan tetap dan sementara di Parlimen. Bertindak sebagai Urusetia bagi Kumpulan Negara Malaysia kepada sebuah Badan Parlimen Antarabangsa dan sebuah badan Parlimen Kawasan: yakni (*a*) Kesatuan Antara Parlimen-parlimen (*b*) Persatuan Parlimen Komanwel yang mengadakan dua mesyuarat dan dua persidangan tahunan yang dihadiri oleh wakil-wakil Malaysia, membantu menyediakan kertas-kertas persidangan dan Majlis dan ucapan-ucapan wakil-wakil Malaysia, memberi berbagai maklumat yang dikehendaki oleh badan-badan ini.

(ii) *Mengurus dan mentadbirkan hal-hal berkaitan dengan Persidangan Dewan Negara dan Dewan Rakyat*

Segala kerja yang bersangkutpaut dengan perlaksanaan Akta Yang di-Pertua Dewan Negara (Saraan), 1960, Akta Yang di-Pertua Dewan Rakyat (Saraan), 1960, dan Akta Parlimen (Saraan Ahli-ahli), 1960 dan membayar gaji dan elaun-elaun yang diberi di bawah Akta-akta yang tersebut di atas dan menjaga kaki-tangan rasmi rumah Yang di-Pertua Dewan Negara/Rakyat. Membuat segala persiapan yang perlu bagi mesyuarat-mesyuarat kedua-dua Majlis Parlimen dan jawatankuasanya, menerima, mengelola dan mengurus percetakan Rang Undang-undang, Pertanyaan Bertulis, Pertanyaan-pertanyaan Lisan, Ucapan-ucapan Tangguhan, Lapuran-lapuran, Usul-usul Kerajaan, Usul-usul Persendirian, menyediakan Aturan Urusan Mesyuarat bagi tiap-tiap mesyuarat, mengeluarkan dengan serta-merta selepas tiap-tiap mesyuarat Undi-undi dan Perjalanan Mesyuarat dan lapuran kata demi kata perjalanan mesyuarat, iaitu, selepas Ahli-ahli membetulkannya, selepas pemeriksaan dengan cara perakam suara dan disunting, dicetak dan dijilid dalam bentuk yang kekal, membuat segala persiapan berkenaan dengan upacara tahunan "Pembukaan Parlimen", menghubungi semua yang berkenaan bagi maksud menyampaikan keputusan-keputusan yang diluluskan oleh Parlimen dan mewartakannya, mendaftar, menyusun dan membuat faharasat rekod-rekod perundangan.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran Am	948,772	1.048,500	1,083,500
(ii) Mengurus dan Mentadbirkan hal-hal berkaitan dengan Persidangan Dewan Negara dan Dewan Rakyat	4,025,107	4,035,700	4,084,800
Jumlah ...	4,973,879	5,084,200	5,168,300

Prestasi

(i) *Pentadbiran Am*

(*a*) PENTADBIRAN

Pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan ini menjalankan tugas-tugas biasa termasuk pembayaran gaji kepada Ahli-ahli Parlimen, mentadbirkan mesyuarat-mesyuarat dan persidangan-persidangan Persatuan Parlimen Komanwel dan Kesatuan Antara Parlimen-parlimen. Beban-beban kerja dijangka akan bertambah dengan banyaknya berhubung dengan lawatan-lawatan yang dibuat oleh orang-ramai ke Parlimen.

BEBAN-KERJA

	1973	1974	1975
1. Penyelenggaraan Rekod-rekod Perkhidmatan	140	155	155
2. Penyelenggaraan Fail-fail Persendirian	260	290	290
3. Penyelenggaraan Fail-fail Am ...	400	460	500
4. Penyelenggaraan Fail-fail Ahli-ahli	202	202	202
5. Surat menyurat (Pembahagian Surat) yang masuk dan yang keluar ...	160,000	170,000	180,000
6. Pelawat-pelawat ke Bangunan Parlimen dan Pemerhati-pemerhati ke sidang mesyuarat Parlimen ...	50,000	60,000	61,000
Jumlah ...	211,002	231,107	242,147

(*b*) KEWANGAN

Bahagian Kewangan bertanggungjawab bagi perjalanan kira-kira pendahuluan Panjar 1/12 dan membayar elaun Ahli-ahli Parlimen, gaji kepada kakitangan tetap dan pembayaran-pembayaran bagi perbelanjaan-perbelanjaan yang lainnya, pengiraan pencen untuk Ahli-ahli Parlimen dan Akta Anggota Pentadbiran, 1971 dan kakitangan jabatan.

BEBAN-KERJA

	1973	1974	1975
1. Bilangan baucer-baucer yang disediakan, disemak dan dibayar ...	2,400	2,900	3,200
2. Bilangan cek-cek yang disediakan dan dihantar	7,000	7,500	8,000
3. Bilangan baucer-baucer mendapatkan balik wang yang disediakan dan diserahkan kepada Perbendaharaan	111	111	120
4. Bilangan baucer-baucer jernal yang diserahkan kepada Perbendaharaan	35	35	50
5. Bilangan kertas-kertas pencen yang disempurnakan pengiraannya ...	10	60	80
Jumlah ...	9,556	10,606	11,450

(*c*) PERPUSTAKAAN

BEBAN-KERJA

	1973	1974	1975
1. Buku-buku yang dibeli	400	450	600
2. Pemberian	250	250	250
3. Jernal	100	100	100
4. Buku Ketelog	1,000	1,050	1,200
5. Pindaan-pindaan	1,500	1,700	1,900
6. Jilid	180	450	500
7. Buku Undang-undang	317	105	450
8. Penyata-penyata Rasmi dan Risalat-risalat Dewan	300	400	450
9. Penyata-penyata Rasmi Negara-negara Komanwel	86	86	86
Jumlah ...	4,133	4,891	5,536

(ii) *Mengurus dan Mentadbirkan hal-hal berkaitan dengan Persidangan Dewan Negara dan Dewan Rakyat*

(*a*) PERUNDANGAN

BEBAN-KERJA

	1973	1974	1975
1. Kertas Perintah Dewan Negara/Dewan Rakyat	53	60	65
2. Kertas Statut Dewan Negara/Dewan Rakyat	103	120	125
3. Aturan Urusan Mesyuarat Dewan Negara/Dewan Rakyat	100	100	105
4. Undi-undi dan Perjalanan Mesyuarat Dewan Negara/Dewan Rakyat ...	100	100	105
5. Rang Undang-undang—Dewan Negara/Dewan Rakyat	68	45	50
6. Usul-usul—Dewan Negara/Dewan Rakyat	72	70	75
7. Pertanyaan-pertanyaan:			
(*a*) Lisan—Dewan Negara/Dewan Rakyat	1,485	1,518	1,570
(*b*) Bertulis—Dewan Negara/Dewan Rakyat	1,503	1,550	1,600
8. Ucapan-ucapan Tangguhan ...	35	35	40
9. Risalat-Dewan	7	9	10
Jumlah ...	3,526	3,627	3,745

(*b*) MENYUNTING DAN MELAPUR

BEBAN-KERJA

	1973	1974	1975
1. Mesyuarat Dewan Negara/Dewan Rakyat dan Jawatankuasa-jawatankuasa Dewan	120	125	125
2. Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen	10	15	15
3. Persidangan Speaker-speaker ...	2	2	2
4. Mengadakan Naskah berstensil Penyata Rasmi keluaran tiap-tiap hari—Dewan Negara/Dewan Rakyat	90	90	90
5. Menyusun Penyata Rasmi—Dewan Negara/Dewan Rakyat	90	90	90
6. Menyemak peruf dan membetulkan kesilapan	120	120	120
7. Membuat faharasat Penyata Rasmi—Dewan Negara/Dewan Rakyat	2	2	2
8. Naskah Berjilid Penyata Rasmi Dewan Negara/Dewan Rakyat ...	2	2	2
Jumlah ...	436	446	446

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	809,462	887,130	895,163
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	2,304,620	2,631,400	2,698,917
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ...	12,658	15,270	16,120
	Jumlah Gaji ...	3,126,740	3,533,800	3,610,200
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	1,165,783	855,000	835,000
2300	Kemudahan Perhubungan ...	164,461	161,300	171,300
2400	Api, Air dan Letrik dll.	212,844	236,200	206,200
2500	Sewa	15,337	100	45,700
2600	Perkhidmatan Pencetakan ...	—	—	1,000
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	40,832	50,300	103,200
2800	Perkhidmatan Pelbagai	105,076	140,300	111,500
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	80,339	54,000	29,200
3300	Pembinaan	7,965	—	—
4100	Pemberian, Subsidi dan Carum carum	54,502	55,000	55,000
	Jumlah ...	4,973,879	5,084,200	5,168,300

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974	Bilangan	Anggaran Tahun 1975
		$		$		$
(i) Pentadbiran Am	117	496,304	119	557,100	119	625,000
(ii) Mengurus dan Mentadbirkan hal-hal berkaitan dengan Persidangan Dewan Negara dan Dewan Rakyat	40	2,630,436	40	2,976,700	40	2,985,200
Jumlah ..	157	3,126,740	159	3,533,800	159	3,610,200

3. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Belanja Mengurus	$4,973,879	$5,084,200	$5,168,300

JURU ODIT NEGARA

Kepala Tanggungan 6	...	**$ 52,200**
Kepala Bekalan 3 ...	...	**5,379,300**
Jumlah	...	**$5,431,500**

BELANJA MENGURUS

Peruntukan 1975 ...	...	**$5,431,500**
Peruntukan 1974 ...	...	**5,147,400**
Perubahan	...	**+ $ 284,100**

1. Tujuan-tujuan

Mengodit dan melapurkan ketepatan, kesempurnaan dan sahnya di sisi undang-undang mengenai kira-kira dan acara kewangan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan dan juga Badan-badan Berkanun yang tertentu.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran Am	698,331	703,370	759,930
(ii) Mengodit Kira-kira Kerajaan-kerajaan Persekutuan dan Negeri-negeri ..	3,005,268	3,460,370	3,637,860
(iii) Mengodit Kira-kira Badan-badan Berkanun dan Tempatan dan Berbagai-bagai Kumpulanwang ..	944,917	983,660	1,033,710
Jumlah ..	4,648,516*	5,147,400*	5,431,500*

Seperti di tahun-tahun lalu, sebahagian besar dari tambahan perbelanjaan tahun 1975 adalah disebabkan bertambahnya peruntukan Gaji kerana bayaran kenaikan gaji tahunan. Tambahan sederhana di dalam perkhidmatan membantu adalah juga perlu.

Dalam tahun 1975, Malaysia akan menjadi tuan rumah bagi Persidangan Juru-juru Odit Negara Komenwel yang Ke 9 di Kuala Lumpur.

Prestasi

(i) *Pentadbiran Am*

Aktiviti Pentadbiran membekalkan perkhidmatan-perkhidmatan sokongan bagi pengoditan Kira-kira Kerajaan Persekutuan dan Negeri serta Badan-badan Berkanun yang tertentu.

---

* Jumlah Belanja Mengurus termasuk gaji dan elaun-elaun Juru Odit Negara yang diuntukkan di bawah Perbelanjaan Tanggungan mengikut Perkara 105 (4) Perlembagaan Persekutuan dan seksyen 4 Akta Odit, 1957.

BEBAN-KERJA (MENGIKUT MAN YEARS)

	1973	1974	1975
(1) Kerja-kerja Kebelakangan	2	14	14
(2) Beban-kerja Sekarang	113	115	117
(3) Jumlah Beban-kerja	115	129	131
(4) Man years yang terdapat	101	115	118
(5) Kerja-kerja Kebelakangan	14	14	13

(ii) *Mengodit Kira-kira Kerajaan-kerajaan Persekutuan dan Negeri-negeri (Persekutuan dan 13 Kerajaan-kerajaan Negeri)*

Kerja-kerja kebelakangan di dalam aktiviti ini telah bertambah terutamanya kerana kelewatan mengisi jawatan-jawatan kosong di dalam tahun 1974. Dengan pengisian jawatan-jawatan kosong ini tidak lama lagi dan dengan kelulusan bagi jawatan-jawatan baru untuk aktiviti ini di dalam tahun 1975, maka adalah mungkin bahawa kerja-kerja kebelakangan tersebut dapat dikurangkan.

BEBAN-KERJA (MENGIKUT MAN YEARS)

	1973	1974	1975
(1) Kerja-kerja Kebelakangan	208	257	270
(2) Beban-kerja Sekarang	440	463	472
(3) Jumlah Beban-kerja	648	720	742
(4) Man years yang terdapat	391	450	488
(5) Kerja Kebelakangan	257	270	254

(iii) *Mengodit Kira-kira Badan-badan Berkanun dan Tempatan dan Berbagai-bagai Kumpulanwang (281 Majlis Tempatan, 92 Majlis Bandaran, 4 Perbandaran, 184 Badan-badan Berkanun dan Berbagai-bagai Kumpulanwang).*

Kerja-kerja kebelakangan di dalam aktiviti ini adalah diparas yang sederhana setelah mengambil kira perkembangan di dalam sebahagian dari kira-kira badan-badan berkanun di dalam tahun 1974. Adalah diharapkan bahawa kerja-kerja kebelakangan itu dapat dikurangkan di masa hadapan apabila beban-kerja yang kurang akan diperlui untuk memberi panduan dan membaiki mutu cara menyimpan kira-kira di dalam sebahagian dari badan-badan berkanun. Sebahagian besar di dalam kerja-kerja kebelakangan bagi oditan kira-kira badan-badan berkanun tempatan akan dapat dikurangkan jika sekiranya badan-badan ini menyampaikan kira-kira mereka dalam masa yang ditetapkan.

BEBAN-KERJA (MENGIKUT MAN YEARS)

	1973	1974	1975
(1) Kerja-kerja Kebelakangan	66	95	117
(2) Beban-kerja sekarang	144	152	160
(3) Jumlah Beban-kerja	210	247	277
(4) Man years yang terdapat	115	130	152
(5) Kerja Kebelakangan	95	117	125

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	3,909,512	4,346,380	4,545,140
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	318,227	282,400	335,550
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..	37,502	49,600	37,200
	Jumlah Gaji ..	4,265,241	4,678,380	4,917,890
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	253,416	312,000	330,100
2200	Pengangkutan Barang-barang ..	20,873	18,000	22,000
2300	Kemudahan Perhubungan ..	26,839	33,000	33,110
2400	Api, Air dan Letrik dll.	14,961	20,000	18,000
2500	Sewa	3,260	5,000	100
2600	Perkhidmatan Pencetakan.. ..	1,473	6,000	4,000
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	26,077	36,500	40,000
2800	Perkhidmatan Pelbagai	14,251	16,400	22,000
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	22,125	17,820	15,000
4100	Pemberian, Subsidi dan Carum-carum	—	4,300	4,300
5500	Pelbagai	—	—	25,000
	Jumlah ..	4,648,516	5,147,400	5,431,500

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974	Bilangan	Anggaran Tahun 1975
		$		$		$
(i) Pentadbiran Am	101	534,252*	118	504,350*	118	529,820*
(ii) Mengodit Kira-kira Kerajaan Persekutuan dan Negeri-negeri	391*	2,837,761*	470*	3,253,370*	489*	3,420,510*
(iii) Mengodit Kira-kira Badan-badan Berkanun dan Tempatan dan Berbagai-bagai Kumpulanwang ..	115	893,228*	139	920,660*	152	967,560*
Jumlah ..	607	4,265,241	727	4,678,380	759	4,917,890

3. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Belanja Mengurus	$4,648,516	$5,147,400	$5,431,500

* Termasuk jawatan, gaji dan elaun-elaun Juru Odit Negara.

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

Kepala Tanggungan 7	...	**$ 433,600**
Kepala Tanggungan 11	...	**11,000**
Kepala Bekalan 5	...	**1,649,200**
Jumlah	...	**$2,093,800**

BELANJA MENGURUS

Peruntukan 1975	...	...	**$2,093,800**
Peruntukan 1974	...	...	**2,174,246**
Perubahan	...	**— $**	**80,446**

1. Tujuan-tujuan

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang telah ditubuhkan di bawah Perkara 139 (1) Perlembagaan Malaysia adalah berkuasa atas kakitangan perkhidmatan awam tentang hal-hal pengambilan, perlantikan, pengesahan dalam jawatan, perletakan ke dalam perjawatan tetap dan berpencen, naik pangkat, pertukaran, penyerapan, lantikan secara kontrek dan menjalankan tindakan tatatertib. Untuk menguruskan tugas-tugas ini, Suruhanjaya telah dibahagikan kepada empat bahagian seperti berikut:

(*a*) Pentadbiran Am dan Kewangan;

(*b*) Pengambilan (Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah);

(*c*) Perkhidmatan; dan

(*d*) Naik Pangkat dan Tatatertib.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran Am dan Kewangan ...	356,291	723,152	437,760
(ii) Pengambilan	1,180,113	1,145,898	1,407,615
(iii) Perkhidmatan	162,760	227,918	185,355
(iv) Naik Pangkat dan Tatatertib ...	47,773	77,278	63,070
Jumlah ...	1,746,937	2,174,246	2,093,800

Prestasi

(i) *Pentadbiran Am dan Kewangan*

Bahagian Pentadbiran Am dan Kewangan adalah bertanggungjawab tentang hal-hal pentadbiran am, kewangan, khutub-khanah, kakitangan Urusetia dan Ahli-ahli, Pengedaran borang-borang serta alatan-alatan pejabat dan rekod-rekod Pendaftaran Sulit dan Pendaftaran Terbuka.

Dalam tahun 1973, Seksi Kewangan telah menyediakan 1,120 baucer-baucer. Dari bulan Januari hingga akhir bulan Mei, 1974 sebanyak 600 baucer telah disediakan dan dijangka pada akhir tahun 1974 jumlahnya akan meningkat kepada 1,300. Bagi tahun 1975, jumlah baucer dianggarkan sebanyak 1,500.

Bilangan fail-fail, doket slip (bergaris) dan doket slip (tidak bergaris) yang telah atau akan dibuka pada tahun 1974 hingga 1975 adalah seperti berikut:

BEBAN-KERJA

	Sebenar 1973	Anggaran 1974	Anggaran 1975
(1) Fail-fail yang telah/akan dibuka ...	96,000	100,000	110,000
(2) Menggantikan kulit-kulit fail yang lama	1,000	1,500	2,000
(3) Doket slip (bergaris)	110,000	150,000	160,000
(4) Doket slip (tak bergaris)	150,000	180,000	200,000

(ii) *Pengambilan*

Bahagian ini dibahagikan kepada 5 seksi untuk menjalankan tugas-tugas yang tertentu:

(*a*) Pengambilan I;

(*b*) Pengambilan II;

(*c*) Bahagian Khas;

(*d*) Pengambilan—Cawangan Pulau Pinang; dan

(*e*) Pengambilan—Cawangan Sarawak/Sabah.

Tugas utama bahagian ini dan juga Suruhanjaya Perkhidmatan Awam pada keseluruhannya ialah menyelenggarakan urusan-urusan pengambilan untuk mengisi jawatan-jawatan kosong dalam perkhidmatan awam. Bahagian ini juga mengendalikan urusan-urusan tapisan keselamatan terhadap calun-calun yang dipilih, lantikan pegawai-pegawai sementara, perlanjutan tempoh perkhidmatan sementara, perlantikan semula pegawai-pegawai yang telah bersara dan yang telah meletakkan jawatan.

BEBAN-KERJA

	Sebenar 1973	Anggaran 1974	Anggaran 1975
(1) Bilangan jawatan kosong yang diiklankan	11,226	12,000	13,000
(2) Bilangan urusan pengambilan yang diselesaikan	421	500	650
(3) Bilangan permohonan yang diterima	222,801	250,000	300,000
(4) Bilangan calun-calun yang ditemuduga	42,566	50,000	55,000
(5) Bilangan calun-calun yang dipilih	3,919	4,000	4,500

Bahagian Khas telah ditubuhkan pada 1hb Ogos, 1970 sebagai satu pasukan petugas untuk melaksanakan urusan penyerapan pegawai-pegawai dan kakitangan sementara ke dalam perjawatan tetap dan juga untuk mempercepatkan urusan-urusan pengambilan yang segera. Semua jawatan-jawatan di Bahagian Khas ini telah ditetapkan pada tahun 1974 memandangkan keperluan unit ini bergerak dengan lancar.

BEBAN-KERJA

	Sebenar 1973	Anggaran 1974	Anggaran 1975
(1) Jumlah jawatan kosong	2,279	4,551	5,560
(2) Jumlah permohonan diterima/akan diterima	51,616	77,305	98,559

(*a*) Seksi Pengambilan—Cawangan Pulau Pinang

Ditubuhkan mulai dari 1hb Julai, 1973 bertujuan untuk melaksanakan urusan pengambilan untuk memenuhi kekosongan-kekosongan di dalam perkhidmatan Negeri Pulau Pinang.

(*b*) Seksi Pengambilan—Cawangan Sarawak/Sabah

Ditugaskan mengendalikan urusan-urusan perkhidmatan pegawai-pegawai Persekutuan di Sarawak dan Sabah.

(iii) *Perkhidmatan*

Bahagian Perkhidmatan adalah bertanggungjawab atas perkara-perkara perkhidmatan berkenaan dengan tawaran jawatan tetap, pengesahan dalam jawatan, kemasukan ke dalam perjawatan berpencen, pertukaran tetap dan sementara, pinjaman, penamatan perkhidmatan, perlantikan secara kontrek, perlanjutan perkhidmatan kontrek dan melayan surat-surat rayuan.

Beban-kerja bagi tahun 1975 dijangka akan bertambah berat memandangkan bertambah ramai pegawai-pegawai baru dilantik ke dalam perkhidmatan Kerajaan tahun demi tahun. Walaupun tertubuhnya Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, dijangka kerja-kerja di Bahagian Perkhidmatan tidak akan berkurangan.

BEBAN-KERJA

	Sebenar 1973	Anggaran 1974	Anggaran 1975
(1) Tawaran Jawatan	9,111	10,000	10,500
(2) Pengesahan dalam jawatan, kemasukan ke dalam Perjawatan Berpencen	11,758	12,500	13,500
(3) Lantikan kontrek/lanjutan kontrek	410	500	550

(iv) *Naik Pangkat dan Tatatertib*

Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib menjalankan urusan kenaikan pangkat dan tatatertib bagi pegawai-pegawai dalam perkhidmatan Kerajaan Negeri Sembilan dan Perlis, dan sebahagian daripada perkara-perkara tatatertib, pembuangan kerja, turun pangkat, penangguhan kenaikan gaji dan perakuan-perakuan pemangkuan jawatan bagi pegawai-pegawai Persekutuan. Perlaksanaan tahun lalu, semasa dan yang akan datang adalah seperti berikut:

BEBAN-KERJA

	Sebenar 1973	Anggaran 1974	Anggaran 1975
(1) Naik pangkat dan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan	8	30	30
(2) Pemangkuan jawatan	475	800	800
(3) Buang Kerja	31	40	45
(4) Penamatan Perkhidmatan ...	3	15	10
(5) Turun Gaji/Pangkat	—	5	5

	Sebenar 1973	Anggaran 1974	Anggaran 1975
(6) Penangguhan Kenaikan Gaji ...	3	10	5
(7) Dipindahkan ke Lembaga Tatatertib Jabatan	20	10	40
(8) Rayuan Naik Pangkat	18	24	30
(9) Rayuan Tatatertib	12	15	20
(10) Lain-lain	—	15	20
(11) Pengwartaan Jawatan	6	15	10

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	959,646	1,217,605	1,082,095
1200	Elaun dan lain-lain Habuan Wang	355,176	378,905	422,265
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ...	25,132	31,722	23,390
	Jumlah Gaji ...	1,339,954	1,628,232	1,527,750
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	117,798	132,500	132,500
2300	Kemudahan Perhubungan ...	20,928	40,136	38,000
2400	Api, Air dan Letrik dll.	23,598	30,040	27,000
2500	Sewa	10,020	10,020	10,600
2600	Perkhidmatan Pencetakan ...	35,834	100,377	70,000
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	37,619	20,306	100,000
2800	Perkhidmatan Pelbagai	151,111	184,683	185,000
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	7,082	25,452	2,950
3300	Pembinaan	2,993	2,500	—
	Jumlah ...	1,746,937	2,174,246	2,093,800

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974 $	Bilangan	Anggaran Tahun 1975 $
(i) Pentadbiran Am dan Kewangan	46	304,300	51	346,605	52	347,360
(ii) Pengambilan	122	839,360	139	997,130	138	960,415
(iii) Perkhidmatan	28	152,432	31	214,651	31	168,055
(iv) Naik Pangkat dan Tata-tertib	9	43,862	9	69,846	9	51,920
Jumlah ..	205	1,339,954	230	1,628,232	230	1,527,750

3. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Belanja Mengurus	$1,749,886	$2,174,246	$2,093,800

Kepala Tanggungan 8	...	**$ 103,400**
Kepala Bekalan 4 ...	...	**2,543,900**
Jumlah	...	**$2,647,300**

BELANJA MENGURUS

Peruntukan 1975	...	...	**$2,647,300**
Peruntukan 1974	...	...	**2,544,880**
Perubahan	...	**+**	**$ 102,420**

1. Tujuan-tujuan

Tujuan utama Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia ialah untuk menegakkan sistem pemerintahan secara demokrasi dengan mempastikan supaya tiap-tiap rakyat diberi kemudahan mendaftar dan mengundi. Suruhanjaya Pilihanraya juga akan mempastikan tiap-tiap rakyat yang berhak tidak menyalahgunakan hak mereka dengan mendaftar atau mengundi lebih dari sekali.

Berdasarkan kepada tujuan ini, Suruhanjaya telah mengambil tindakan pada tahun 1974 dan akan meneruskan tindakan pada tahun 1975 secara besar-besaran, membersihkan daftar pemilih dengan memotong nama-nama pemilih yang berganda, pemilih yang telah mati dan yang telah hilang kelayakan mengundi kerana kelucutan kerakyatan, penyerahan kerakyatan atau sebab-sebab yang lain. Dalam tahun 1974, 389,000 nama berganda telah dipotong. Hanya dengan demikian Suruhanjaya Pilihanraya dapat mempertahankan proses demokrasi menerusi Suruhanjaya Pilihanraya yang adil dan saksama.

Bagi Suruhanjaya Pilihanraya, tahun 1974 adalah tahun yang paling sibuk kerana Lapuran Kajian Semula Bahagian-bahagian-pilihanraya Parlimen dan Negeri yang telah mengambil masa lebih dari 3 tahun telah menjadi sia-sia dengan lulusnya Undang-undang meminda Perkara 46, Perlembagaan Persekutuan dan penubuhan Wilayah Persekutuan. Oleh kerana Wilayah Persekutuan hanya tertubuh dengan rasminya pada 1hb Februari, 1974, maka Suruhanjaya Pilihanraya, mengikut Perlembagaan, dikehendaki mempersempadankan semula bahagian-bahagian-pilihanraya Parlimen dan Negeri mengikut pindaan Perkara 46, Perlembagaan Persekutuan. Sabah juga adalah terlibat.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran Am	462,160	574,600	617,500
(ii) Pendaftaran Tahunan Pemilih-pemilih dan Penyemakan Daftar-daftar Pemilih	1,211,564	1,557,280	1,548,700
(iii) Penjalanan Pilihanraya-pilihanraya..	211,182	233,750	268,500
(iv) Kajian Semula Bahagian-bahagian Pilihanraya	149,894	179,250	212,600
Jumlah ..	2,034,800	2,544,880	2,647,300

(i) *Pentadbiran Am*

(*a*) Untuk melaksanakan tugas-tugas yang telah dibebankan atas Suruhanjaya Pilihanraya, Suruhanjaya Pilihanraya telah mewujudkan 4 Bahagian di Ibu-pejabat terdiri dari:

(i) Bahagian Urusetia;

(ii) Bahagian Pendaftaran Pusat;

(iii) Bahagian Penyelenggaraan Daftar Pemilih; dan

(iv) Bahagian Penyelidikan.

(*b*) Memandangkan kepada perluasan perkhidmatan yang telah dipersetujui, kerja-kerja harian di Pejabat ini akan bertambah oleh kerana:

(i) kajian semula bahagian-bahagian-pilihanraya bagi Sarawak;

(ii) penyemakan daftar pemilih tahunan yang melibatkan pemotongan pemilih yang berganda, kematian dan lain-lain kelucutan hak mendaftar hendaklah dilaksanakan;

(iii) penyelenggaraan Daftar Induk Pemilih yang mengandungi 4,000,000 pemilih, untuk menyenangkan rujukan;

(iv) pembahagian daerah mengundi kepada yunit yang lebih kecil yang akan mengundi antara 700 hingga 1,200 pemilih untuk menyenangkan perancangan;

(v) menyediakan peta bahagian-pilihanraya bagi tiap-tiap satu daripada 154 bahagian-pilihanraya Parlimen, untuk memberi kemudahan kepada pengundi-pengundi dan wakil rakyat; dan

(vi) Melengkapkan alamat penuh pemilih-pemilih, untuk menyenangkan perhubungan.

(ii) *Pendaftaran Tahunan Pemilih-pemilih dan Penyemakan Daftar-daftar Pemilih*

(*a*) Pendaftaran dan penyemakan pemilih pada tahun 1973/74 telah dijalankan dengan jayanya. Hasil daripada pendaftaran dan penyemakan telah menampakkan tambahan sebanyak 391,903 pengundi baharu.

(*b*) Masa penyemakan daftar pemilih 1974 sebagai sambungan kepada aktiviti-aktiviti tahun 1973, selain daripada mendaftarkan pengundi baharu, sebanyak 680,000 potongan telah dibuat terhadap nama-nama mereka yang telah ditarik balik kerakyatannya, nama-nama mereka yang telah berganda, mereka yang telah pindah tempat, dan sebab-sebab yang lain yang melibatkan kehilangan hak mereka mengundi. Aktiviti ini berkehendakkan penyemakan yang teliti supaya hak mengundi tiap-tiap rakyat dijagai, dan tiap-tiap rakyat yang berhak mendaftar diberi kemudahan. Dengan demikian pada tahun 1974 bilangan daftar pemilih yang ada ialah 4 juta berbanding dengan 4.3 juta pada tahun 1973. Menerusi penyelidikan didapati lebih daripada 15% lagi bakal pemilih-pemilih yang belum didaftarkan. Dari segi bilangan ini bererti 600,000 orang yang masih boleh didaftarkan lagi.

(*c*) Selain daripada itu tiap-tiap tahun tidak kurang daripada 180,000 pemilih baharu yang sampai ke peringkat umur 21 tahun yang boleh mendaftar. Adalah diharapkan semua nama-nama bakal pemilih akan satu hari terdaftar dalam buku pemilih, dan diharapkan dalam masa 2 tahun daftar pemilih akan mencapai hitung panjang kebangsaan 45% daripada penduduk atau 4.6 juta pemilih.

(iii) *Penjalanan Pilihanraya-pilihanraya*

(*a*) Dalam tahun 1973, 8 pilihanraya-kecil telah dijalankan—2 pilihanraya Parlimen, 4 pilihanraya-kecil Negeri di Semenanjung Malaysia, 1 pilihanraya-kecil Negeri di Sarawak dan 1 pilihanraya-kecil Negeri di Sabah. Bagi tahun 1974, 4 pilihanraya-kecil untuk Parlimen dan Negeri telah dijalankan.

(*b*) Parlimen hendaklah dibubarkan tidak lewat daripada 19hb Februari, 1976. Oleh yang demikian pada tahun 1974, persediaan seperti membeli alat-kelengkapan pilihanraya terutama peti undi dan petak undi dan borang-borang hendaklah disediakan dengan lebih awal lagi sebagai langkah berjaga-jaga menjelang Pilihanraya Umum.

(*c*) Sebanyak $1,588,000 telah diluluskan untuk pilihanraya tahun 1969 dan sebanyak $1,400,000 telah dibelanja bagi pilihanraya Negeri-negeri di Semenanjung Malaysia pada tahun 1969, berbanding dengan $1,900,000 telah dibelanjakan bagi pilihanraya tahun 1964.

Peruntukan sebanyak $4 juta adalah diperlukan untuk pilihanraya tahun 1974.

(iv) *Kajian Semula Bahagian-bahagian Pilihanraya*

(*a*) Kerja-kerja berhubung dengan kumpulan kajian persempadanan bahagian-pilihanraya Parlimen dan Negeri di Semenanjung Malaysia yang telah dilengkapkan dan dikemukakan kepada Y.A.B. Perdana Menteri pada Februari, 1973 walaubagaimana telah gugur dengan sendirinya dengan adanya pindaan kepada Perkara 46, Perlembagaan Persekutuan.

(*b*) Penubuhan Wilayah Persekutuan yang dikuatkuasakan pada 1hb Februari, 1974 memerlukan persempadanan balik semula dan ia boleh disiapkan pada pertengahan tahun 1974.

(*c*) Persempadanan bahagian-bahagian-pilihanraya Negeri dan Parlimen bagi Negeri Sabah boleh juga disiapkan pada pertengahan tahun 1974.

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	701,190	890,000	912,000
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	81,347	82,000	128,500
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..	9,166	14,000	13,500
	Jumlah Gaji ..	791,703	986,000	1,054,000
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	177,718	251,000	220,000
2200	Pengangkutan Barang-barang ..	19,786	29,800	30,000
2300	Kemudahan Perhubungan ..	21,903	24,750	26,000
2400	Api, Air dan Letrik dll.	16,412	18,400	20,000
2500	Sewa	103,555	119,000	139,000
2600	Perkhidmatan Pencetakan.. ..	36,748	140,000	12,500
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	80,762	60,300	88,100
2800	Perkhidmatan Pelbagai	739,467	908,530	1,039,700
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	7,808	5,100	16,000
3300	Pembinaan	38,938	2,000	2,000
	Jumlah ..	2,034,800	2,544,880	2,647,300

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974 $	Bilangan	Anggaran Tahun 1975 $
(i) Pentadbiran Am	37	214,607	79	356,500	74	382,000
(ii) Pendaftaran Tahunan Pemilih dan Penyemakan Daftar-daftar Pemilih ..	61	259,004	44	291,750	49	286,000
(iii) Penjalanan Pilihanraya-pilihanraya	31	172,638	29	176,500	29	183,000
(iv) Kajian Semula Bahagian-bahagian Pilihanraya ..	30	145,454	30	161,250	30	203,000
Jumlah ..	159	791,703	182	986,000	182	1,054,000

3. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Peruntukan Tahun 1974 $	Anggaran Tahun 1975 $
Belanja Mengurus—			
Semenanjung Malaysia	2,079,502	2,246,224	2,525,544
Sarawak	—	155,663	68,454
Sabah	—	142,993	53,302
Jumlah ..	2,034,800	2,544,880	2,647,300

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN KERETAPI

Kepala Tanggungan 9	...	**$174,600**
Kepala Bekalan 6 ...	...	**122,900**
Jumlah	...	**$297,500**

BELANJA MENGURUS

Peruntukan 1975	... ...	**$297,500**
Peruntukan 1974	... ...	**271,275**
Perubahan	...	**+ $ 26,225**

1. Tujuan-tujuan

Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi yang ditubuhkan di bawah Perkara 141 Perlembagaan Malaysia adalah berkuasa atas kakitangan Perkhidmatan Keretapi mengenai pengambilan, perlantikan, pengesahan dalam jawatan, meletakkan dalam perjawatan tetap atau berpencen, naik pangkat, pertukaran jawatan dan menjalankan tindakan tatatertib. Lantikan adalah termasuk pengambilan pegawai-pegawai baharu, penyerapan jawatan bagi pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dan lantikan pegawai-pegawai kontrek.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran Am	105,983	117,675	122,900
(ii) Pengambilan	64,000	69,360	78,810
(iii) Kenaikan Pangkat	58,250	61,920	70,320
(iv) Tindakan Tatatertib dan Rayuan ...	21,287	22,320	25,470
Jumlah ...	249,520	271,275	297,500

Prestasi

(i) *Pentadbiran Am*

Pentadbiran Am adalah termasuk urusan-urusan kewangan dan kakitangan Suruhanjaya, mengatur dan menguruskan Mesyuarat Suruhanjaya, Mesyuarat Lembaga Temuduga bagi kenaikan pangkat dan pengambilan, Mesyuarat Permulaan, Mesyuarat Jawatan Kuasa mengenai tindakan tatatertib dan rayuan.

Bebankerja bagi tahun 1975 dijangka bertambah sedikit dari tahun 1974 oleh kerana aktiviti-aktiviti Suruhanjaya ini telah bertambah berikutan dengan bertambahnya penerimaan permohonan bagi jawatan-jawatan dalam Perkhidmatan Keretapi; kertas-kertas kenaikan pangkat, perlantikan, tatatertib dan rayuan yang diterima dari Pentadbiran Keretapi.

(ii) *Pengambilan*

Sehingga 31hb Mac, 1974 sebanyak 393 permohonan telah diterima. Akan tetapi urusan pengambilan biasanya banyak diadakan dari bulan April hingga Ogos. Oleh itu adalah dijangka bagi keseluruhan tahun 1974 sebanyak 12,000 permohonan akan diterima dan lebih kurang 1,500 calun akan ditemuduga dan 400 calun dipilih. Jumlah mesyuarat dijangka akan diadakan ialah sebanyak 35 kali. Belanja untuk melantik seseorang calun dianggarkan sebanyak $173.

Bebankerja bagi tahun 1975 dijangka lebih dari bebankerja bagi tahun 1974, oleh kerana bilangan permohonan kian bertambah. Adalah dijangka sebanyak 30,000 permohonan diterima terutamanya dari mereka yang mempunyai kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Rendah Pelajaran untuk mengisi lebih kurang 450 kekosongan. Perbelanjaan untuk melantik seorang calun dijangka sebanyak $175.

(iii) *Kenaikan Pangkat*

Sehingga 31hb Mac, 1974 seramai 375 orang calun telah ditemuduga dan seramai 142 telah dipilih. Adalah dijangka bagi keseluruhan tahun 1974 seramai 1,800 orang calun akan ditemuduga untuk mengisi lebihkurang 400 kekosongan. Jumlah mesyuarat dijangka diadakan ialah lebihkurang 45 hari. Perbelanjaan bagi menemuduga seorang calun ialah $33 purata.

Bebankerja bagi tahun 1975 dijangka lebih dari bebankerja bagi tahun 1974 oleh kerana Pentadbiran Keretapi telah diarahkan memulakan urusan naik pangkat dengan seberapa segera selepas kekosongan berlaku. Adalah dijangka lebihkurang 1,900 orang calun akan ditemuduga untuk mengisi lebihkurang 450 kekosongan.

(iv) *Tindakan Tatatertib dan Rayuan*

Sehingga 31hb Mac, 1974 sebanyak 22 kes Tindakan Tatatertib dan Rayuan telah diterima. Adalah bagi keseluruhan tahun 1974 sebanyak lebihkurang 140 kes Tindakan Tatatertib dan Rayuan akan diterima. Jumlah hari mesyuarat dijangka diadakan ialah 75 hari. Perbelanjaan untuk melaksanakannya ialah $159 purata tiap-tiap satu kes.

Bebankerja bagi tahun 1975 adalah dijangka lebih dari bebankerja tahun 1974. Adalah dijangka sebanyak 150 kes akan diterima.

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	149,444	160,295	165,000
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	85,385	89,880	113,600
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ...	885	1,000	1,000
	Jumlah Gaji ...	235,714	251,175	279,600
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	6,157	6,000	6,000
2200	Pengangkutan Barang-barang ...	340	500	500
2300	Kemudahan Perhubungan ...	3,892	4,500	4,500
2600	Perkhidmatan Pencetakan ...	100	1,200	1,500
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	1,074	1,200	1,200
2800	Perkhidmatan Pelbagai	1,458	4,200	4,200
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	785	2,500	—
	Jumlah ...	249,520	271,275	297,500

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974 $	Bilangan	Anggaran Tahun 1975 $
(i) Pentadbiran Am	12	97,071	12	97,575	12	109,800
(ii) Pengambilan	2	61,000	2	69,360	2	76,410
(iii) Kenaikan Pangkat ..	2	56,357	3	61,920	3	67,920
(iv) Tindakan Tatatertib dan Rayuan	2	21,286	2	22,320	2	25,470
Jumlah ..	18	235,714	19	251,175	19	279,600

3. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Belanja Mengurus	$249,520	$271,275	$297,500

SURUHANJAYA PASUKAN POLIS

Kepala Tanggungan 10	...	**$21,250**
Jumlah	...	**$21,250**

BELANJA MENGURUS

Peruntukan 1975	...	...	...	**$21,250**
Peruntukan 1974	...	...	...	**21,250**
Perubahan	...			**—**

1. Tujuan-tujuan

Suruhanjaya Pasukan Polis ditubuhkan atas kuasa Perkara 140 Perlembagaan Persekutuan dengan bidangkuasanya meliputi semua angguta pasukan polis. Ia bertanggungjawab bagi perlantikan, pengesahan pangkat, penempatan atas perjawatan tetap atau berpencen, kenaikan pangkat, pertukaran dan kawalan tatatertib angguta-angguta pasukan polis. Ia juga bertanggungjawab terhadap sebarang fungsi yang diperuntukkan oleh sebarang undang-undang Persekutuan.

Matalamat akhir Suruhanjaya ialah untuk menyumbang ke arah kecekapan pasukan polis, secara mempastikan supaya hanya calun-calun terbaik sahaja dipilih untuk perlantikan; supaya kenaikan-kenaikan pangkat dan pertukaran-pertukaran adalah berdasarkan kelayakan dan kesesuaian untuk jawatan-jawatan yang berkenaan; dan supaya kerja-kerja serta kelakuan yang tidak memuaskan dihukum dengan sewajarnya.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Perkhidmatan Kakitangan	$18,189	$21,250	$21,250

Prestasi

Dalam tahun 1974, Suruhanjaya Pasukan Polis melaksanakan bidangkuasanya ke atas semua angguta-angguta pasukan polis, iaitu meliputi keseluruhan angguta-angguta di Komponen Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah.

(*a*) Pelaksanaan yang dicapai tahun 1973:

(i) Lantikan Pemangku (Jawatan Khas)—

Kepala Tingkatan Utama "B"	1
Kepada Tingkatan-tertinggi "B"	1
Kepada Tingkatan-tertinggi "D"	2

(ii) Lantikan Pemangku (Jawatan Biasa)—

Kepada Tingkatan-tertinggi "D"	2
Kepada Tingkatan-tertinggi "F"	1
Kepada Tingkatan-tertinggi "G"	11
Kepada Tingkatan Biasa (PP)	19

(iii) Kenaikan Pangkat—

Kepada Tingkatan-tertinggi "B"	...	...	...	1
Kepada Tingkatan-tertinggi "D"	...	...	...	2
Kepada Tingkatan-tertinggi "G"	...	...	...	2
Kepada Tingkatan Biasa (TPP)	...	...	...	1
Kepada Tangkatan Biasa (P.P.P.)	...	...	...	18

(*b*) Pelaksanaan dijangka, 1974

Lebih banyak lagi urusan perlantikan, kenaikan pangkat dan kawalan tatatertib dijangka akan dilaksanakan.

(*c*) Pelaksanaan dijangka, 1975

Sebagaimana yang dijangka pada tahun 1974.

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	18,000	20,000	20,000
	Jumlah Gaji ...	18,000	20,000	20,000
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	189	1,250	1,250
	Jumlah ...	18,189	21,250	21,250

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974	Bilangan	Anggaran Tahun 1975
Perkhidmatan Kakitangan ...	3	$18,000	3	$20,000	3	$20,000

3. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Belanja Mengurus	$18,189	$21,250	$21,250

Kepala Tanggungan 14	...	**$127,098,000**
Kepala Tanggungan 15	...	**636,000**
Kepala Bekalan 9 ...	...	**83,068,800**
Jumlah	...	**$210,802,800**

BELANJA MENGURUS

Peruntukan 1975 ...	... ...	**$210,802,800**
Peruntukan 1974 ...	... ...	**50,017,250**
Perubahan	...	**+ $160,785,550**

1. Tujuan-tujuan

Tujuan utama Jabatan Perkhidmatan Awam ialah untuk melaksanakan dasar-dasar perkhidmatan awam dengan lancar dan berkesan. Untuk mencapai tujuan ini Bahagian-bahagian yang khusus telah dibentuk dan diberi tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab yang tertentu bagi merancang, melaksanakan dan mengkaji semula dasar-dasar perkhidmatan awam dari semasa ke semasa. Pembentukan Bahagian-bahagian sedemikian boleh mengeluarkan hasil-hasil kerja yang baik dengan menjimatkan perbelanjaan, masa dan tenaga.

Di bawah ini ialah keterangan-keterangan ringkas mengenai tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab yang diberikan kepada tiap-tiap Bahagian dalam Jabatan ini:

(*a*) *Pentadbiran:* Bahagian ini adalah bertanggungjawab atas pentadbiran mengenai urusan-urusan kakitangan, kewangan dan lain-lain urusan pejabat bagi semua Bahagian-bahagian dalam Jabatan ini.

(*b*) *Urusan Gaji dan Elaun:* Bahagian ini bertanggungjawab—

(i) Menentukan gaji, elaun dan kemudahan (perquisites) bagi semua perkhidmatan dalam Perkhidmatan Awam termasuk Perkhidmatan Pelajaran, Separa Kerajaan, Badan Berkanun serta Kuasa Tempatan di seluruh Malaysia dan kakitangan ambilan tempatan di Perwakilan Malaysia di Seberang Laut;

(ii) Memperoses tuntutan perubahan gaji dan syarat perkhidmatan dari Pihak-pihak Pekerja dan mengadakan perundingan bagi Pihak Kerajaan dengan Pihak Pekerja dalam Majlis Perunding di peringkat Kebangsaan;

(iii) Memperoses permintaan bagi perubahan gaji serta syarat perkhidmatan anggota Angkatan Tentera;

(iv) Memperoses gaji dan syarat perkhidmatan pegawai Kerajaan yang dipinjamkan kepada badan luar daripada Jabatan Kerajaan;

(v) Mengawasi dan menasihatkan Jabatan mengenai perjalanan Majlis Bersama Jabatan dalam Perkhidmatan Awam dan Badan Berkanun serta Kuasa Tempatan.

(*c*) *Perjawatan:* Bahagian ini bertanggungjawab bagi fungsi-fungsi berikut—

(i) Menentukan jenis-jenis kepegawaian yang sesuai untuk menjalankan aktiviti-aktiviti Kerajaan dan membekalkan peluang-peluang kenaikan pangkat dan kemajuan kerjaya bagi mereka;

(ii) Menentukan bilangan jawatan-jawatan yang diperlukan secukup-cukupnya dalam Perkhidmatan Awam dan taraf yang sesuai untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang tertentu;

(iii) Menjalankan kajian-kajian mengenai organisasi, sistem dan tatacara dengan cara yang teratur ke atas badan-badan Kerajaan untuk memperbaiki dan meninggikan kecekapan dalam pentadbiran Kerajaan;

(iv) Menyemak semula dan menggubal sekim-sekim perkhidmatan serta menentukan syarat-syarat dan peraturan-peraturan penyerapan dan kontrek di dalam perkhidmatan awam termasuk badan-badan berkanun serta menyelesaikan masaalah-masaalah yang timbul hasil dari pelaksanaan sekim-sekim perkhidmatan itu;

(v) Memberi perkhidmatan urusetia kepada Jawatankuasa Tetap Mengiktiraf dan Menilai Kelayakan Akademik dan Iktisas.

(*d*) *Perkhidmatan:* Bahagian Perkhidmatan menentukan dan melaksanakan segala dasar perkhidmatan dalam Perkhidmatan Awam. Bahagian ini mengadakan peraturan-peraturan berkenaan dengan kenaikan pangkat dan tata-tertib yang mesti diikuti. Bahagian ini juga bertanggungjawab mengadakan berbagai-bagai peperiksaan untuk pegawai-pegawai Kerajaan. Bahagian ini juga menyimpan rekod kakitangan pegawai Kerajaan. Bahagian ini juga ditugaskan memperolehi butiran-butiran berkenaan dengan segala perkhidmatan Persekutuan di samping butiran-butiran Perkhidmatan Gunasama dan juga bertanggungjawab dalam pelaksanaan rancangan pengurusan kerja (functional specialisation) dalam Perkhidmatan PTD.

(*e*) *Pencen:* Bahagian Pencen, yang mentadbirkan sistem pencen yang dipusatkan, menyelenggarakan pemberian pencen, ganjaran dan elaun-elaun berkenaan dengan pekerja-pekerja Perkhidmatan Awam di Semenanjung Malaysia, selain daripada Ahli Angkatan Tentera Persekutuan.

Fungsi-fungsi dan tanggungjawab-tanggungjawab:

Di bawah sistem pencen yang dipusatkan, segala aktiviti pencen seperti perkiraan dan kelulusan pencen ganjaran dan elaun-elaun berkenaan pegawai-pegawai Persekutuan di Semenanjung Malaysia dan pembayaran pencen, ganjaran dan elaun-elaun berkenaan semua pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Awam di Semenanjung Malaysia adalah diselenggarakan di Bahagian Pencen. Berhubung dengan pembayaran pemberian-pemberian yang tersebut, suatu yunit berakaun sendiri sedang ditubuhkan di Bahagian Pencen bagi menguruskan perbelanjaan yang diuntukkan bagi tujuan ini dalam anggaran belanjawan.

Selain daripada menguruskan sistem pencen yang dipusatkan, Bahagian Pencen juga bertanggungjawab bagi:

(*a*) Mentadbirkan undang-undang bersabit dengan pemberian pencen, ganjaran dan elaun-elaun bagi pekerja-pekerja dalam Perkhidmatan Awam Malaysia, dan juga undang-undang berhubung dengan pemberian pencen dan ganjaran kepada Ahli-ahli Parlimen, Hakim-hakim dan Ahli-ahli Suruhanjaya-suruhanjaya;

(*b*) Mentadbirkan undang-undang berkenaan dengan Skim Pencen Balu dan Anak Yatim bagi Semenanjung Malaysia dan Kumpulan Wang Pencen Balu dan Anak Yatim bagi Sabah dan Sarawak;

(*c*) Penggubalan dasar-dasar mengenai skim-skim pencensara, termasuk kumpulan simpanan wang bagi penguasa-penguasa tempatan;

(*d*) Mentadbirkan skim-skim pencen separa-tentera;

(*e*) Menguruskan Skim Pencen Balu dan Anak Yatim di Semenanjung Malaysia;

(*f*) Menguruskan Kumpulan Wang Simpanan Guru-guru dan juga mentadbirkan undang-undang berkenaan dengannya;

(*g*) Menasihatkan pihak berkuasa Angkatan Tentera berkenaan beberapa jenis pemberian di bawah undang-undang pencen mengenai ahli-ahli Angkatan Tentera Persekutuan;

(*h*) Memperoses pampasan berkenaan pegawai-pegawai Persekutuan di bawah undang-undang Pampasan Orangkerja.

Untuk mengadakan suatu sistem pentadbiran pencen yang lebih berkesan yang dapat mempastikan bahawa pembayaran-pembayaran pencen, ganjaran dan elaun-elaun dibuat dengan cepat, tindakan mengkomputerkan rekod-rekod perkhidmatan ahli-ahli Perkhidmatan Awam yang tertentu di Semenanjung Malaysia sedang diusahakan di Bahagian Pencen. Dengan adanya rekod-rekod tersebut bukan sahaja dapat menentukan kadar persaraan awal-awal lagi bagi sesuatu tahun yang tertentu malahan dapat pula menjangka tanggungan pembayaran pencen-pencen dalam keadaan persaraan biasa dengan lebih tepat.

(*f*) *Latihan dan Kemajuan Kerjaya:* Bahagian Latihan dan Kemajuan Kerjaya adalah bertanggungjawab mengawal dan mengelolakan semua latihan dalam perkhidmatan Kerajaan, untuk mendekatkan lagi rancangan-rancangan latihan Negara dan latihan Jabatan serta memberikan ko-odinasi yang berkesan bagi pembekalan peruntukan hadiah-hadiah seberang laut, hadiah-hadiah biasiswa dan menentukan yang sumber-sumber Kerajaan digunakan sebaik-baiknya. Juga adalah tanggungjawab Bahagian ini untuk menjalankan latihan-latihan berseimbangan dengan kemajuan kerjaya dan mentafsirkan keperluan tenaga rakyat dalam perkhidmatan Kerajaan.

INSTITIUT TADBIRAN AWAM NEGARA MALAYSIA

Melaksanakan rancangan latihan yang berkesan membuat penyelidikan dan memberikan khidmat Perundingan:

(*a*) Untuk meninggikan keupayaan sistem pentadbiran pada keseluruhannya supaya pelaksanaan dasar-dasar dan program-program negara dapat dijalankan dengan lancar dan berkesan.

(*b*) Untuk meninggikan lagi pengetahuan, fahaman dan kemahiran pegawai-pegawai Kerajaan di semua peringkat terhadap proses-proses dalam pembentukan dan pelaksanaan dasar, terutama sekali dari segi teknik pengurusan dan organisasi yang berkesan.

(*c*) Untuk meninggikan pengertian pegawai-pegawai awam mengenai pertalian di antara Kerajaan dan sistem pentadbirannya dengan alam sekelilingnya seperti sistem politik, sosial dan ekonomi supaya dapat difahami akibat-akibat dari tindakan Kerajaan ke atas sistem-sistem tersebut.

(*d*) Untuk mencetuskan di kalangan pegawai-pegawai awam sikap dan halacara yang progressif supaya dapat memainkan peranan pemimpinan dan penggerak perubahan dalam konteks masyarakat Malaysia.

(*e*) Untuk menyediakan media bagi pertukaran pendapat-pendapat serta pengalaman-pengalaman di kalangan pegawai-pegawai awam supaya mereka lebih mengerti dan memahami akan peranan, tanggungjawab dan fungsi masing-masing oleh kerana tindakan-tindakan dan program-program jabatan adalah saling bergantung antara satu sama lain.

(*f*) Untuk menjadikan pusat pengumpulan dan pengeluaran pendapat-pendapat dan idea-idea baru dan teknik-teknik pengurusan yang moden.

(*g*) Untuk meluaskan lagi program kemajuan kakitangan yang sistematik dan berkesan di peringkat jabatan-jabatan melalui kerjasama dan penyediaan tenaga pakar dalam fungsi-fungsi latihan di samping menyelaras usaha-usaha latihan jabatan.

(*h*) Untuk membina penyelia dan bakal-bakal penyelia yang dinamik di semua peringkat ajensi-ajensi Kerajaan bagi memastikan tadbiran organisasi yang cekap diperingkat tersebut.

(*i*) Menyelaraskan program-program latihan pengurusan di Negara ini.

(*j*) Untuk menyediakan khidmat-khidmat rundingan bagi projek-projek pembangunan yang dilaksanakan oleh jabatan-jabatan Kerajaan dan badan-badan berkanun.

(*k*) Untuk menjalankan penyelidikan mengenai masaalah-masaalah tadbiran dan pengurusan dalam perkhidmatan awam bagi menyelesaikan masaalah-masaalah tersebut dan menerbitkan lapuran-lapuran mengenainya.

Untuk mencapai objektif seperti yang tersebut di atas, INTAN adalah menumpukan perhatian kepada kegunaan teknik-teknik dan cara latihan yang sesuai supaya dayausaha latihan ini mencapai kejayaan dengan cekapnya. Sebahagian daripada teknik-teknik dan cara-cara latihan yang digunakan termasuk:

(*a*) Syarahan yang diikuti oleh perbincangan serta menggunakan alat-alat pandang-dengar (Audio-visual Aids) seperti papan hitam, "over head projective", "Flip charts", tayangan gambar, "Magnetic board", "magnetic strips" dan lain-lain.

(*b*) Nota-nota syarahan dan pembacaan lanjut yang ditetapkan.

(*c*) Penggunaan perpustakaan.

(*d*) Penyelidikan dan kajian projek.

(*e*) Latihan Kederiaan.

(*f*) Kumpulan syndicate dan perbincangan berkumpulan.

(*g*) Main peranan dan kajian kes.

(*h*) Latihamal "in-tray".

(*i*) Seminar.

(*j*) Lawatan dan sangkutan (attachment) ke pejabat-pejabat Kerajaan di daerah.

(*k*) Penilaian kursus-kursus.

(*l*) Mengendalikan seminar, bengkel dan persidangan untuk pegawai-pegawai peringkat tinggi dalam perkhidmatan awam, dan juga di peringkat antarabangsa. Pegawai-pegawai pengurus pihak swasta juga dijemput untuk menghadiri dan mengambil bahagian di dalam seminar, bengkel dan persidangan tersebut.

Untuk mendapatkan tambahan pegawai-pegawai bagi semua bahagian pengajian, supaya aktiviti-aktiviti latihan dapat diselenggarakan dengan licin. Tambahan tenaga kerja di bahagian pentadbiran juga diperlukan.

INTAN juga akan menyewa bangunan-bangunan dan kemudahan-kemudahan di tempat-tempat lain untuk mengadakan kursus-kursus kerana kekurangan tempat di kawasan di Jalan Ilmu. Selain daripada penyewaan, alat-alat latihan yang lengkap juga perlu dibeli bagi digunakan di tempat-tempat ini.

INTAN juga mempunyai cawangan-cawangan di lapan buah negeri (Perak, Pulau Pinang, Pahang, Johor, Negeri Sembilan, Kelantan, Kedah dan Melaka) di mana kursus-kursus juga turut diadakan. Tiga lagi cawangan di Kuching, Kota Kinabalu dan Trengganu mungkin dibuka pada tahun 1974. INTAN perlukan perbelanjaan yang cukup bagi aktiviti-aktiviti di tempat-tempat ini.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran	797,719	1,011,458	1,002,378
(ii) Urusan Gaji dan Elaun	1,523,676	1,606,786	4,793,802
(iii) Perjawatan	702,970	775,010	1,035,882
(iv) Perkhidmatan	1,181,163	910,814	1,243,920
(v) Pencen	1,038,806	1,678,892	24,526,835
(vi) Latihan dan Kemajuan Kerjaya ..	19,355,606	41,754,510	48,969,973
(vii) Perkhidmatan Am	1,235,266	1,482,520	1,496,000
(viii) Rancangan Perkhidmatan Bantuan Seberang Laut	282,185	797,250	636,000
(ix) Pencen, Elaun Bersara dan Ganjaran	—	—	127,098,000
(x) Jawatan Berpencen di Negeri-negeri	—	10	10
Jumlah ..	26,117,391	50,017,250	210,802,800

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	4,595,472	6,154,078	7,110,206
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	566,040	430,824	1,002,272
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..	96,365	104,826	154,726
	Jumlah Gaji ..	5,257,877	6,689,728	8,267,204
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	2,343,477	1,536,484	1,745,480
2200	Pengangkutan Barang-barang ..	76,623	81,350	88,550
2300	Kemudahan Perhubungan ..	89,884	119,876	142,640
2400	Api, Air dan Letrik dll.	78,085	90,340	116,700
2500	Sewa	693,288	1,014,100	1,076,843
2600	Perkhidmatan Pencetakan ..	49,231	123,900	133,320
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	113,526	148,720	194,020
2800	Perkhidmatan Pelbagai	16,840,688	531,070	916,083
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	287,162	37,334	203,960
3300	Pembinaan	138,647	—	—
4100	Pemberian, Subsidi dan Carum-carum	41,850	39,340,000	49,336,000
4500	Pencen dan Ganjaran	107,053	304,348	148,470,080
5100	Pembayaran Balik	—	—	110,000
5500	Pelbagai	—	—	1,920
	Jumlah ..	26,117,391	50,017,250	210,802,800

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang sebenar Tahun 1973	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974	Bilangan	Anggaran Tahun 1975
		$		$		$
(i) Pentadbiran	70	459,118	96	686,248	96	654,228
(ii) Urusan Gaji dan Elaun ..	53	364,236	53	385,826	53	542,152
(iii) Perjawatan	72	539,996	72	629,000	72	881,952
(iv) Perkhidmatan	466	859,234	124	642,255	124	929,120
(v) Pencen	226	535,134	228	1,100,000	220	1,500,000
(vi) Latihan dan Kemajuan Kerjaya	229	1,211,634	304	1,611,851	305	2,195,222
(vii) Perkhidmatan Am ..	652	1,235,266	730	1,482,520	730	1,496,000
(viii) Rancangan Perkhidmatan Bantuan Seberang Laut	—	53,259	—	152,018	—	68,520
(ix) Jawatan Berpencen di Negeri negeri	548	—	388	10	390	10
Jumlah ..	2,316	5,257,877	1,995	6,689,728	1,990	8,267,204

3. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Belanja Mengurus	$26,117,391	$50,017,250	$210,802,800

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

Kepala Tanggungan 16	...	**$151,800**
Kepala Bekalan 7	...	**628,500**
Jumlah	...	**$780,300**

BELANJA MENGURUS

Peruntukan 1975	...	...	**$780,300**
Peruntukan 1974	...	...	**670,000**
Perubahan	...	+	**$110,300**

1. Tujuan-tujuan

Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran yang ditubuhkan di bawah Perkara 141A, Perlembagaan Malaysia adalah berkuasa atas segala hal mengenai kakitangan-kakitangan dalam perkhidmatan-perkhidmatan yang terletak di bawah Suruhanjaya ini. Bidangkuasa Suruhanjaya ini adalah melantik, mengesah, memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau jawatan berpencen, menaikkan pangkat, menukar dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota-anggota dalam Perkhidmatan Pelajaran, Perkhidmatan Kerani (Pelajaran) dan Perkhidmatan-perkhidmatan bukan Perkhidmatan Gunasama tetapi khas bagi Kementerian Pelajaran seperti Pengelola Asrama, Juruwati dan lain-lain.

Untuk menguruskan tugas-tugas di atas Suruhanjaya telah dibahagikan kepada empat Bahagian seperti berikut:

(i) Pentadbiran Am dan Kewangan;
(ii) Pengambilan;
(iii) Perkhidmatan; dan
(iv) Naik Pangkat dan Tatatertib.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Peruntukan Tahun 1974 $	Anggaran Tahun 1975 $
(i) Pentadbiran Am dan Kewangan ...	—	248,215	248,600
(ii) Pengambilan	—	327,100	408,280
(iii) Perkhidmatan	—	62,005	84,500
(iv) Naik Pangkat dan Tatatertib ...	—	32,680	38,920
Jumlah ...	—	670,000	780,300

Prestasi

(i) *Pentadbiran Am dan Kewangan*

Bahagian Pentadbiran Am dan Kewangan adalah bertanggungjawab mengenai pentadbiran am bagi seluruh Urusetia Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Ini termasuk segala urusan kewangan, perpustakaan, segala hal berkaitan dengan kakitangan Suruhanjaya, mesyuarat-mesyuarat Suruhanjaya, mendaftar fail-fail sulit dan fail-fail terbuka.

Di samping itu Bahagian ini juga mengendalikan segala urusan-urusan gaji dan hal-hal lain bagi Pengerusi dan Ahli-ahli Suruhanjaya yang dibayar di bawah Peruntukan Tanggungan.

(ii) *Pengambilan*

Bahagian ini menguruskan pengambilan calun-calun untuk lantikan ke jawatan-jawatan tetap dan juga pengambilan pelatih-pelatih bagi mengikuti Kursus Latihan Guru. Pada masa sekarang ada 14 kategori jawatan guru dalam Perkhidmatan Pelajaran dan lebih kurang 50 jenis jawatan/perkhidmatan bukan guru yang diletakkan di bawah bidangkuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Perbincangan sedang berjalan untuk mengubah 282 jawatan Kerani Negeri, 641 jawatan Kerani Persekutuan dan 2,267 jawatan Kerani Sekolah untuk dimasukkan ke dalam satu perkhidmatan, iaitu Perkhidmatan Kerani (Pelajaran).

Bahagian Pengambilan terbahagi kepada 3 seksyen:

(*a*) Pengambilan I

Seksyen ini menguruskan kerja-kerja menerima borang-borang permohonan daripada pemohon-pemohon, mendaftar, menyemak dan menapis permohonan-permohonan untuk ditimbangkan oleh Lembaga Permulaan bagi menjemput calun-calun untuk temuduga.

(*b*) Pengambilan II

Seksyen ini menguruskan kerja-kerja persediaan untuk menjalankan temuduga, menyemak lapuran-lapuran yang dibuat oleh Lembaga-lembaga Temuduga dan menyediakan Kertas-kertas Suruhanjaya untuk dikemukakan kepada Mesyuarat Suruhanjaya.

(*c*) Pasukan Temuduga

Oleh kerana 4 Ahli Suruhanjaya selain daripada Pengerusi tiada mencukupi untuk menjalankan semua temuduga satu Pasukan Temuduga ditubuhkan di Bahagian ini. Pasukan ini diketuai oleh seorang Pegawai Tingkatan-tertinggi "G" dan 3 Pegawai Tingkatan-kanan. Pasukan ini merupakan satu pasukan kerja untuk mengendalikan pengambilan-pengambilan kakitangan yang dikehendaki dengan segera. Satu tugas besar Pasukan ini ialah mengendali pengambilan guru-guru pelatih bagi mengikuti kursus di Maktab-maktab Perguruan. Berdasarkan kepada angka-angka bagi tahun-tahun yang lepas (yang dikendalikan oleh Yunit Khas, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam) adalah dijangka pada tahun 1975 sebanyak 30,000 permohonan untuk mengikuti latihan guru akan diterima dan dijangka seramai 20,000 daripada mereka adalah layak untuk dipanggil temuduga bagi memenohi 3,000-4,000 kekosongan.

Anggaran-anggaran bagi tahun 1974 dan 1975 adalah seperti berikut:

	Anggaran 1974	Anggaran 1975
(1) Bilangan kekosongan jawatan yang diiklankan	6,000	13,150
(2) Bilangan urusan pengambilan yang diselesaikan	32	60
(3) Bilangan permohonan yang diterima ...	70,000	80,000
(4) Bilangan calun-calun yang ditemuduga	32,000	48,000
(5) Bilangan calun-calun yang dipilih untuk jawatan	4,000	10,000
(6) Bilangan calun-calun yang dipilih untuk latihan	3,000	4,000
(7) Bilangan calun-calun simpanan	2,000	3,000

(iii) *Perkhidmatan*

Bahagian ini bertanggungjawab atas perkara-perkara yang berkaitan dengan tawaran jawatan kepada calun-calun yang telah dipilih untuk lantikan ke jawatan-jawatan dalam Perkhidmatan Pelajaran dan jawatan-jawatan khusus bagi Kementerian Pelajaran, pengesahan dalam jawatan, penempatan ke dalam perjawatan berpencen, pertukaran-pertukaran sementara/tetap dan lantikan secara kontrek. Bahagian ini juga memproses dan mendapatkan keputusan atas perakuan-perakuan bagi lanjutan tempoh percubaan, lantikan ke jawatan tetap pegawai-pegawai sementara (wanita) yang telah kahwin dan mengkaji permohonan-permohonan bagi perubahan gaji masuk dan tarikh lantikan ke jawatan tetap.

Butir-butir urusan yang disebutkan di atas adalah seperti berikut:

	Anggaran 1974	Anggaran 1975
(1) Tawaran jawatan	4,000	5,000
(2) Tawaran latihan	3,000	4,000
(3) Pengesahan dalam jawatan	2,000	4,000
(4) Pengesahan dan penempatan ke dalam perjawatan berpencen	3,000	5,000
(5) Pertukaran sementara/tetap	400	600
(6) Lantikan secara kontrek	300	300
(7) Lanjutan tempoh percubaan	200	300
(8) Lantikan ke jawatan tetap pegawai-pegawai sementara (wanita)	600	700
(9) Perubahan gaji dan tarikh lantikan ...	1,000	1,000

(iv) *Naik Pangkat dan Tatatertib*

Bahagian ini memproses dan mendapatkan keputusan atas segala perakuan-perakuan bagi pemangkuan dalam jawatan-jawatan yang tertakluk di bawah Sekim-sekim Perkhidmatan Pelajaran yang berlainan dan juga Sekim-sekim Perkhidmatan yang khusus bagi Kementerian Pelajaran serta rayuan-rayuan ke atas keputusan Lembaga Kenaikan Pangkat bagi pegawai-pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas dan Tingkatan-tingkatan-tertinggi yang terletak di bawah bidangkuasa Suruhanjaya ini. Bahagian ini juga menguruskan segala tindakan tatatertib bagi maksud buang kerja, penurunan pangkat, penurunan gaji, penangguhan kenaikan gaji dan penggantungan kerja.

Bilangan kes-kes yang dianggarkan untuk diuruskan adalah seperti berikut:

	Anggaran 1974	Anggaran 1975
(1) Pemangku	2,000	3,000
(2) Rayuan kenaikan pangkat	100	100
(3) Buang kerja	10	10
(4) Turun pangkat	10	10
(5) Turun gaji	10	10
(6) Tangguh kenaikan gaji	10	10
(7) Gantung kerja	20	20

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	—	375,790	481,555
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	—	104,190	117,790
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ...	—	7,480	9,955
	Jumlah Gaji ...	—	487,460	609,300
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	—	35,000	50,000
2200	Pengangkutan Barang-barang ...	—	7,000	7,000
2300	Kemudahan Perhubungan ...	—	19,550	19,000
2400	Api, Air dan Letrik dll.	—	—	5,000
2600	Perkhidmatan Pencetakan ...	—	20,000	25,500
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	—	30,000	31,000
2800	Perkhidmatan Pelbagai	—	36,400	33,500
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	—	33,790	—
3300	Pembinaan	—	800	—
	Jumlah ...	—	670,000	780,300

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974	Bilangan	Anggaran Tahun 1975
		$		$		$
(i) Pentadbiran Am dan Kewangan	—	—	31	186,065	31	211,100
(ii) Pengambilan	—	—	36	224,810	36	289,480
(iii) Perkhidmatan	—	—	11	48,755	11	75,100
(iv) Naik Pangkat dan Tata-tertib	—	—	5	27,830	5	33,620
Jumlah ..	—	—	83	487,460	83	609,300

3. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Belanja Mengurus	—	$670,000	$780,300

Kepala Bekalan 2 ...	...	**$150,000**
Jumlah	...	**$150,000**

BELANJA MENGURUS

Peruntukan 1975	...	...	**$150,000**
Peruntukan 1974 ...	...	...	**147,443**
Perubahan	...		**$ 2,557**

1. Tujuan-tujuan

Majlis Raja-Raja, yang ditubuhkan mengikut Jadual Kelima kepada Perlembagaan, adalah menjalankan tugas-tugasnya bagi:

(*a*) Memilih Yang di-Pertuan Agung dan Timbalan Kepala Utama Negara bagi Persekutuan mengikut peruntukan-peruntukan Jadual Ketiga;

(*b*) Mempersetujui atau tidak mempersetujui supaya apa-apa perbuatan, amalan atau upacara ugama meliputi seluruh Persekutuan; dan

(*c*) Mempersetujui atau tidak mempersetujui apa-apa undang-undang dan membuat atau memberi nasihat mengenai apa-apa perlantikan yang menurut Perlembagaan, memerlukan persetujuan Majlis Raja-Raja atau yang dikehendaki dibuat oleh atau selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja,

dan boleh menimbangkan soal-soal mengenai dasar negara (misalnya perubahan-perubahan tentang dasar imigeresen) dan apa-apa jua perkara lain yang difikirkannya patut.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Pentadbiran Am	$130,827	$147,443	$150,000

Prestasi

Pentadbiran Am

Tiga Mesyuarat Majlis Raja-Raja akan diadakan dalam tahun 1974 dan empat Mesyuarat Majlis Raja-Raja akan diadakan dalam tahun 1975.

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973 $	Peruntukan Tahun 1974 $	Anggaran Tahun 1975 $
1100	Gaji dan Upahan	60,582	62,125	68,727
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	1,260	900	2,340
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ...	397	348	333
	Jumlah Gaji ...	62,239	63,373	71,400

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	1,140	1,500	1,500
2300	Kemudahan Perhubungan ...	2,282	2,800	2,800
2400	Api, Air dan Letrik dll.	—	2,000	2,000
2600	Perkhidmatan Pencetakan ...	220	1,000	1,000
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	960	1,300	1,300
2800	Perkhidmatan Pelbagai	63,986	75,225	70,000
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	—	245	—
	Jumlah ...	130,827	147,443	150,000

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974	Bilangan	Anggaran Tahun 1975
Pentadbiran Am	8	$62,239	8	$63,373	8	$71,400

3. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Belanja Mengurus	$130,827	$147,443	$150,000

PERDANA MENTERI

Kepala Bekalan 8	**$ 30,251,240**	
Kepala Pembangunan 8 ...	**131,594,378**	
Jumlah ...	**$161,845,618**	

	Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975 ...	**$30,251,240**	**$131,594,378**	**$161,845,618**
Peruntukan 1974 ...	**24,764,969**	**150,216,360**	**174,981,329**
Perubahan ...	**+ $ 5,486,271**	**− $ 18,621,982**	**− $ 13,135,711**

1. Tujuan-tujuan

Tujuan utama Jabatan Perdana Menteri ialah untuk menyelaraskan aktiviti-aktiviti Kementerian-kementerian dan dasar-dasar Am Kerajaan. Untuk tujuan ini ada 14 Bahagian di bawah Jabatan ini. Tiga Bahagian baru telah diujudkan dalam bulan September 1974 dan tiga Bahagian yang dahulunya di bawah Jabatan ini telah dipindahkan ke Kepala Bekalan 13, 15 dan 33.

(i) *Pentadbiran Am*

(A) Pentadbiran dan Kewangan

Bahagian Pentadbiran dan Kewangan pada keseluruhannya menguruskan pentadbiran dan kewangan hari-hari bagi Jabatan Perdana Menteri kesemuanya termasuk perkara-perkara yang berkaitan dengan kakitangan-kakitangan di semua Bahagian dalam Jabatan ini.

Bahagian Pentadbiran dan Kewangan termasuk Bahagian Kabinet dan Perlembagaan, Bahagian Istiadat, Cawangan Akcuari dan Biro Terjemah Persekutuan, Pejabat Menteri dan Tugas-tugas Khas dan Pejabat Menteri Hal Ehwal Sabah telahpun dikeluarkan dan dimasukkan di bawah Kepala Bekalan 49 dan 11. Tugas-tugas bahagian masing-masing adalah seperti berikut:

Cawangan Akcuari adalah memberi perkhidmatan akcuari kepada Jabatan-jabatan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun.

(B) Kabinet dan Perlembagaan

Bahagian Kabinet dan Perlembagaan memproses semua urusan Kabinet dan membuat kerja-kerja urusetia untuk Kabinet. Bahagian ini juga membuat kerja-kerja urusetia untuk Jawatankuasa Tetap perhubungan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri, mesyuarat Menteri-menteri Besar/Ketua-ketua Menteri dan mseyuarat Ketua-ketua Setiausaha Kementerian. Bahagian ini bertanggungjawab mengatur tarikh mesyuarat-mesyuarat Parlimen dan memproses soalan-soalan dari Ahli-ahli Parlimen yang menyentoh Jabatan Perdana Menteri. Tugasnya yang lain ialah memproses lantikan-lantikan yang dibuat di bawah Perlembagaan.

(C) Istiadat

Bahagian Istiadat adalah menjadi urusetia bagi Jawatankuasa Majlis-majlis rasmi yang bertanggungjawab bagi membuat persediaan dan persiapan-persiapan atas lawatan orang-orang kenamaan dari luar negeri dan majlis-majlis istiadat

Kerajaan Persekutuan. Bahagian ini juga menguruskan lawatan-lawatan rasmi Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, perkara-perkara berkenaan dengan hadiah rasmi, Darjah-darjah Kebesaran Persekutuan dan perkara yang berkaitan dengan protokol (kecuali protokol kedutaan dan tentera).

(ii) *Bahagian Perancang Ekonomi*

Bahagian Perancang Ekonomi ialah Ajensi yang utama yang berhubung dalam rancangan keseluruhan semua Projek Ekonomi Kerajaan di peringkat kebangsaan dan untuk menentukan pelaksanaannya. Ianya bekerja dengan berhubung rapat dengan Badan-badan antarabangsa untuk mendapatkan bantuan asing dengan cara meminjam pakar-pakar dan sebagainya untuk menjalankan kerja-kerja.

Selain dari itu, ianya juga bertugas sebagai Sekretariat dalam menyalurkan semua permintaan/kewangan ataupun pakar-pakar kepada Badan-badan Dunia Pertubuhan dan ada kalanya bertugas sebagai "orang tengah" di antara Kerajaan dan Badan-badan berkenaan untuk menjaminkan kelancaran kerja-kerja pembangunan.

Untuk tahun 1975, beban-kerja Bahagian Perancang Ekonomi akan sepenuhnya ditumpu kepada penyediaan Rancangan Malaysia Ketiga (RMK). Untuk mencapai matlamat ini BPE akan terlibat cergas dalam pemeriksaan polisi-polisi dan rancangan yang akan menjadi rangkakerja untuk strateji pembangunan yang patut dimasukkan dalam RMK. Tumpuan berbagai bahagian di BPE adalah:

Pengeluaran, Pekerjaan dan Pengedaran

Kerja utama untuk tahun 1975 adalah penyediaan RMK. Maklumat-maklumat diterima untuk urusan itu adalah datangnya daripada keputusan kajian dan penyelidikan atas perkara kemiskinan dan perimbangan kaum yang telah dijalankan pada tahun 1974 dan daripada kajian lanjutan atas penduduk, tenaga buruh dan rangkakerja pekerjaan dalam Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua. Kerja-kerja yang detil akan juga diambil dalam perkara implikasi ramalan penduduk atas polisi penduduk dan pembangunan. Tambahan beban-kerja adalah dijangka daripada perundingan-perundingan dengan berbagai ajensi di atas masaalah-masaalah besar dan polisi wilayah/kawasan.

Ekonomi Makro

Bahagian ini akan menyediakan rangkakerja ekonomi makro untuk angka-angka ekonomi dan pencapaian sosial dan seterusnya prospek untuk RMK. Beban-kerja adalah dijangka bertambah, hasil daripada perundingan-perundingan di antara berbagai ajensi dalam urusan Rancangan itu.

Rancangan Serantau/Kawasan

Beban-kerja utama untuk bahagian ini akan ditumpu kepada analisa-analisa data punca-punca semula jadi dan penyediaan lapuran-lapuran, petapeta untuk membantu dalam pengurusan punca-punca itu dan analisa ke atas polisi pembangunan kawasan dan penyediaan kertas-kertas untuk JPPN dan RMK.

Perkhidmatan Teknik

Dalam tahun 1975, sebagai tambahan kerja Urusetia, kepada Jawatankuasa Kecil Piawaian dan Nilai Harga, bahagian ini akan bertambah beban-kerja disebabkan penyediaan RMK.

Rancangan Sektor Awam

Tugas bahagian ini adalah menyedia, mendapatkan kelulusan untuk polisi-polisi, projek-projek dan peruntukan-peruntukan untuk rancangan pembangunan sektor awam. Tambahan beban-kerja adalah dijangka dengan adanya pemeriksaan mendalam akan polisi-polisi dan rancangan-rancangan untuk pelaksanaan di dalam RMK.

Bantuan Pentadbiran

Bahagian Bantuan Pentadbiran adalah dijangka menambahkan lagi beban-kerja dalam tahun 1975 memandangkan kepada banyaknya projek-projek baru dan cadangan-cadangan di dalam RMK yang akan memerlukan bantuan teknik.

Projek Khas

Tambahan yang besar dalam beban-kerja adalah dijangka dengan penyediaan RMK. Bahagian ini akan terlibat dalam membuat rumusan strateji untuk jangka masa panjang dan pertengahan bagi pembangunan kawasan dan bandar. Sebagai tambahan, dengan selesainya berbagai kajian induk rancangan pembangunan kawasan dan bandar, tindakan seterusnya adalah perlu untuk mengenali dan menyediakan rancangan untuk pelaksanaan.

Urusetia

Dengan bertambahnya bilangan kertas-kertas polisi dan masaalah kawasan yang memerlukan panduan Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara, beban-keria Urusetia adalah dijangka akan bertambah dengan hebatnya dalam tahun 1975.

Kewangan dan Pentadbiran

Memandangkan kepada bertambahnya beban-kerja secara umum di BPE bersesuaian dengan penyediaan RMK, khidmat-khidmat kakitangan pembantu adalah diperlukan sangat-sangat. Beban-kerja bahagian kewangan akan juga bertambah dengan adanya projek-projek baru yang akan dimasukkan dalam RMK.

(iii) *Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan dan Kemajuan Pentadbiran*

(A) Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan dan Kemajuan Pentadbiran

(i) Mengawas dan menilai pelaksanaan dasar-dasar dan rancangan-rancangan Kerajaan supaya tercapai matalamat Dasar Ekonomi Baru;

(ii) Menyesuaikan dasar-dasar Jabatan Kerajaan supaya selaras dengan matalamat Dasar Ekonomi Baru;

(iii) Membantu dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti segala Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri/Perbadanan Ekonomi Negeri;

(iv) Memaju serta mengekalkan pada setiap masa sistem pentadbiran Kerajaan yang dinamis dan berkesan di peringkat Persekutuan, Negeri dan Tempatan;

(v) Membaikkan lagi kebolehan pelaksanaan pembangunan melalui perubahan dalam pentadbiran, menggalakkan sikap jimat-cermat dan kecekapan dalam tindakan-tindakan Kerajaan;

(vi) Mewujudkan sikap-sikap dan nilai-nilai dalam perkhidmatan awam supaya selaras dengan peredaran masa dan sesuai untuk pembangunan pembaharuan dan kemajuan.

(B) Bahagian Pengaturcara, Sarawak

(i) Memberi nasihat kepada Jabatan-jabatan Persekutuan dan Negeri untuk memperbaiki kecekapan pentadbiran;

(ii) Pemeriksaan organisasi Jabatan, prosidur dan peraturan dengan tujuan untuk memberi sokongan bagi pembaikan, penukaran sistem-sistem, borang-borang, perkakas dan kakitangan;

(iii) Mengawal dan merangka borang-borang bagi kegunaan Jabatan-jabatan Kerajaan dan mengawal pembelian dan penyelenggaraan mesin-mesin pejabat bagi semua Jabatan Kerajaan.

(C) Bahagian Pengaturcara, Sabah

(i) Memberi nasihat kepada Jabatan-jabatan Persekutuan dan Negeri untuk memperbaiki kecekapan pentadbiran;

(ii) Pemeriksaan organisasi Jabatan, prosidur dan peraturan dengan tujuan untuk memberi sokongan bagi pembaikan, penukaran sistem-sistem, borang-borang, perkakas dan kakitangan;

(iii) Mengawal dan merangka borang-borang bagi kegunaan Jabatan-jabatan Kerajaan dan mengawal pembelian dan penyelenggaraan mesin-mesin pejabat bagi semua Jabatan Kerajaan.

Tugas-tugas Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan dan Kemajuan Pentadbiran

Bahagian ini mempunyai 2 tugas besar iaitu:

(i) Urusetia Majlis Tindakan Negara.

(ii) Penyelarasan dan Kemajuan Pentadbiran.

Majlis Tindakan Negara adalah bertanggungjawab bagi menentukan objektif Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan dengan berkesan. Semua ajensi yang bertanggungjawab untuk melaksanakan Dasar Ekonomi Baru adalah dikehendaki memberi taklimat kepada Majlis Tindakan Negara dari masa ke semasa. Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan dan Kemajuan Pentadbiran memberi perkhidmatan urusetia kepada Jawatankuasa Kerja Majlis Tindakan Negara dengan menguruskan mesyuarat-mesyuarat dan majlis-majlis taklimat.

Sebagai jentera pengawas dan penyelaras pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan dalam Konteks Dasar Ekonomi Baru, Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan dan Kemajuan Pentadbiran menjalankan aktiviti-aktiviti penyusulan, penyelarasan, pengesanan dan juga menjalankan kajian-kajian serta membuat perakuan-perakuan bagi memperbaiki sistem pentadbiran Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan dan Badan-badan Berkanun supaya kesannya akan bertambah baik lagi.

(iv) *Majlis Keselamatan Negara*

Majlis Keselamatan Negara telah ditubuhkan untuk bertanggungjawab menyelaraskan dasar-dasar keselamatan negara serta juga dasar-dasar yang berkaitan dengan perkara-perkara yang mempunyai implikasi keselamatan secara langsung. Ia juga menyelaraskan pelaksanaan gerakan-gerakan keselamatan.

(v) *Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam, Malaysia*

Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam, Malaysia adalah mentadbirkan ke semua perkara mengenai Ugama Islam dan menasihatkan Majlis Raja-raja, Kerajaan-kerajaan Negeri dan Majlis-majlis Ugama Negeri berhubung dengan apa-apa perkara mengenai perundangan, pentadbiran dan pengajaran Ugama Islam yang dirujukkan kepadanya. Matlamat utama Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam ini ialah untuk mencapai satu penyelarasan antara kesemua Negeri-negeri di Malaysia dalam soal pentadbiran undang-undang syariah, sekolah-sekolah Ugama, pengutipan zakat fitrah dan soal-soal lain yang berkaitan dengan Ugama Islam, sesuai dengan kedudukan Majlis sebagaimana yang dipersetujui oleh Majlis Raja-raja. Juga Majlis bertujuan untuk mempergiatkan Dakwah Islamiah di kalangan pelajar-pelajar dan orang-orang dewasa di seluruh Malaysia.

Pengurusan Majlis Ugama Islam Wilayah Persekutuan yang merupakan satu Jabatan Ugama Islam di dalam sebuah negeri iaitu Wilayah Persekutuan yang menjalankan tugas-tugas keugamaan seperti jabatan-jabatan Ugama Islam di negeri lain di Malaysia.

(vi) *Pejabat Pengurusan Harta Kerajaan*

Pejabat ini memperuntukkan rumah-rumah Kerajaan di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang berkehendakkannya. Pejabat ini juga menyelenggarakan Istana Tetamu dan lain-lain rumah tetamu Kerajaan Persekutuan di luar Kuala Lumpur.

Sifat-sifat Penting bagi Tahun 1975

Pejabat Perumahan Kerajaan adalah bertanggungjawab mengenai peruntukan rumah-rumah Kerajaan kepada Pegawai-pegawai Kerajaan di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya serta penyelenggaraan Rumah-rumah Tetamu Kerajaan untuk tetamu-tetamu luar negeri dan Bangelo-bangelo Persekutuan untuk orang-orang Kenamaan.

Pada tahun 1974, peruntukan tambahan telah diluluskan bagi menjalankan kerja-kerja memperelokkan lagi keadaan Istana Tetamu, dan juga Bangelo-bangelo Persekutuan di Singapura, Pulau Pinang, Cameron Highland dan Bukit Fraser, supaya sesuai sebagai tempat penginapan bagi tetamu-tetamu kehormat tetapi peruntukan tambahan masih dikehendaki untuk menggantikan kelengkapan-kelengkapan seperti perabut-perabut, peralatan-peralatan dan sebagainya di rumah-rumah tersebut yang masih belum diganti lagi.

(vii) *Biro Siasatan Negara*

Pada tahun 1973, didapati jumlah maklumat yang diterima ialah sebanyak 3,416 dan bilangan-bilangan penyiasatan yang dilakukan ialah sebanyak 1,476. Jumlah tangkapan yang dibuat ialah sebanyak 193 orang yang terdiri daripada 61 anggota Kerajaan dan 132 orang awam dan bilangan yang dithabitkan ialah 89 orang. Tindakan tatatertib yang disyorkan terhadap pegawai-pegawai Kerajaan ialah sebanyak 18 orang. Dalam masa 5 bulan tahun semasa maklumat-maklumat yang diterima ialah sebanyak 1,500 dan penyiasatan-penyiasatan yang dijalankan ialah 359 dan bilangan tangkapan yang telah dibuat ialah 91 orang di mana sebanyak 10 orang telah dithabitkan. Tindakan tatatertib yang telah disyorkan kepada pegawai-pegawai Kerajaan dalam masa 5 bulan tahun semasa ialah sebanyak 12 orang.

Sebagai sebuah Badan yang tertutup dan mempunyai kakitangannya sendiri, adalah dijangkakan dalam tahun 1975 kejayaan-kejayaan akan lebih bertambah lagi dalam bidang penyiasatan, pencegahan dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan rasuah dan kesalahan-kesealahan lain yang Biro ini akan diberi kuasa dari satu masa ke satu masa untuk menyiasat, mencegah dan mengurangkannya.

Pejabat Tanah, Wilayah Persekutuan

(1) Mempercepatkan pengurniaan tanah Kerajaan di dalam Wilayah Persekutuan.

(2) Mempercepatkan pembangunan tanah, penukaran syarat, pecah sempadan, pecah bahagian dan cantuman tanah.

(3) Mempercepatkan pengurusan permohonan perlombongan, mengeluarkan lesen carigali, permit, sijil perlombongan dan pajakan galian.

(4) Menguruskan pengeluaran lesen tumpangan sementara untuk tanah pertanian, rumah dan bahan-bahan batu.

(5) Menguruskan dengan secepatnya pengambilan balik tanah.

(6) Mempercepatkan pendaftaran dealings Surat Cara.

(7) Mempercepatkan pengurusan Penyerahan Balik keseluruhan atau sebahagian tanah.

(8) Menguatkuasakan Undang-undang berkaitan dengan langgaran syarat dan setinggan seperti yang terdapat dalam Kanun Tanah Negara.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(i) Pentadbiran Am	4,801,000	7,111,799	8,144,516
(ii) Bahagian Perancang Ekonomi ..	2,000,000	2,200,000	2,377,010
(iii) Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan dan Kemajuan Pentadbiran:			
(*a*) Semenanjung Malaysia ..	1,774,640	1,972,585	1,049,061
(*b*) Sarawak..	152,560	161,550	184,970
(*c*) Sabah	134,300	122,400	69,425
(iv) Majlis Keselamatan Negara ..	300,000	577,100	655,686
(v) Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam	519,400	414,280	807,162
(vi) Pejabat Pengurusan Harta Kerajaan	400,000	353,352	401,684
(vii) Biro Siasatan Negara	—	1,715,424	3,548,974
(viii) Lembaga Urusan dan Tabung Haji..	1,489,104	1,638,028	3,015,010
(ix) Suruhanjaya Gaji Badan-badan Berkanun/Awam	—	54,959	—
(x) Jabatan Tanah Wilayah Persekutuan	—	400,772	857,022
(xi) Bahagian Petrolium	—	80,750	134,100
(xii) Urusetia Perpaduan Negara:			
(*a*) Gerakan dan Pentadbiran ..	339,294	606,140	3,840,904
(*b*) Penyelidikan	197,560	404,760	270,920
(*c*) Perhubungan Masyarakat ..	2,673,017	2,989,100	380,176
(xiii) Lembaga Perancang Keluarga Kebangsaan	2,692,701	2,961,970	3,662,600
(xiv) Pusat Latihan Pembangunan Masyarakat	—	—	852,020
Jumlah ..	17,473,576	24,764,969	30,251,240

Prestasi

(i) *Pentadbiran Am*

(A) Bahagian Pentadbiran dan Kewangan

Peruntukan di bawah Pentadbiran Am termasuklah gaji dan elaun-elaun 6 orang Menteri, seorang Setiausaha Parlimen, 4 orang Setiausaha Politik dan juga semua pegawai dan kakitangan yang bertugas dalam Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, dalam Bahagian Kabinet dan Perlembagaan, Bahagian Istiadat, Biro Terjemah Persekutuan dan Cawangan Akcuari, peruntukan bagi pentadbiran dan penyelenggaraan pejabat-pejabat, rumah Menteri-menteri, Tugu Negara dan Dewan Tunku Abdul Rahman dan peruntukan bagi Kerajaan meraikan tetamu. Peruntukan itu termasuk juga pemberian-pemberian kepada Lembaga Perancang Keluarga Kebangsaan, Lembaga Urusan dan Tabung Haji dan Urusetia Perpaduan Negara dan Pusat Latihan Pembangunan Masyarakat.

Sebahagian daripada peruntukan itu ialah untuk lawatan sambil belajar yang telah diluluskan untuk lawatan orang-orang Malaysia ke lain-lain tempat di Malaysia, lawatan orang-orang Malaysia ke luar negeri dan lawatan orang-orang negeri asing ke Malaysia.

Beban-Kerja	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Bilangan Waran Peruntukan yang dikeluarkan	119	130	135
Bilangan permintaan bagi pendahuluan kenderaan yang diproses	163	135	140
Bilangan permintaan bagi pendahuluan persendirian yang diproses	52	20	25
Bilangan baucer dan baucer gaji yang diproses	3,710	4,000	4,000
Bilangan baucer jernel yang diproses ..	332	300	310
Bilangan Rekod persendirian yang diselenggarakan	410	422	425
Bilangan Pekeliling Am yang dikeluarkan	3	2	4
Bilangan Surat Pekeliling Am (Terbuka) yang dikeluarkan	4	32	40
Bilangan Surat Pekeliling Am (Sulit) yang dikeluarkan	3	2	5

Dalam tahun 1973 Cawangan Akcuari telah menjalankan 31 kajian-kajian akcuari bagi pihak Jabatan-jabatan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun.

Beban-kerja Bahagian Pentadbiran dan Kewangan dalam tahun 1975 dijangka tidak akan kurang daripada beban-kerja dalam tahun 1974.

(B) Biro Terjemah Persekutuan

Dalam tahun 1974, Biro Terjemah Persekutuan telah melaksanakan kerja-kerja terjemahan untuk Jabatan Perdana Menteri, Malaysia, Jabatan Pertahanan Awam, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Kebajikan Am, Kementerian Luar Negeri, Jabatan Perkhidmatan Pos dan Kementerian Pembangunan Ekonomi Desa.

Dalam tahun 1975 Biro ini akan terus juga membantu Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Persekutuan menterjemahkan dokumen-dokumen rasmi, surat-surat penting, lapuran, ucapan dan sebagainya.

(C) Bahagian Kabinet dan Perlembagaan

Tugas utama Bahagian Kabinet dan Perlembagaan ialah menjadi Urusetia kepada Jumaah Menteri. Bahagian ini memproses semua urusan Kabinet dan Bahagian ini menjadi Urusetia kepada Mesyuarat Jumaah Menteri. Bahagian ini memberitahu keputusan-keputusan Jumaah Menteri kepada Kementerian-kementerian atau Jabatan-jabatan yang berkenaan untuk tindakan. Bahagian ini juga memberitahu Jumaah Menteri dari masa ke semasa dalam bentuk maklumanbalas mengenai tindakan yang telah diambil oleh Kementerian-kementerian atau Jabatan-jabatan yang berkenaan.

Bahagian ini juga bertugas sebagai urusetia kepada mesyuarat-mesyuarat yang berikut:

(i) Jawatankuasa Tetap mengenai Perhubungan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri;

(ii) Mesyuarat Menteri-menteri Besar/Ketua-ketua Menteri;

(iii) Mesyuarat Ketua-ketua Setiausaha Kementerian;

(iv) Mesyuarat Ketua-ketua Bahagian dan Ketua-ketua Jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Bahagian ini juga bertugas sebagai Urusetia kepada mesyuarat Jawatankuasa-jawatankuasa Kabinet mengenai perkara berikut:

(i) Perjawatan;

(ii) Perhubungan;

(iii) Beras dan Barang-barang keperluan lain;

(iv) Mengkaji ses (cess) getah dan minyak kelapa sawit;

(v) Akta Pendaftaran Jurutera, 1967 Akta Pendaftaran Jurukur, 1967 dan Akta Pendaftaran Akitek, 1967;

(vi) Penubuhan Kasino di Pulau Pinang; dan

(vii) Jawatankuasa-jawatankuasa Kabinet lain yang diarah dari masa ke semasa.

Bahagian ini adalah bertanggungjawab untuk mengatur tarikh atau jadual mesyuarat-mesyuarat Parlimen. Bahagian ini juga menyelaras dan memproses semua soalan dan jawapan dalam Parlimen yang melibatkan Jabatan Perdana Menteri.

Tugas lain Bahagian ini ialah untuk memproses semua perlantikan yang dibuat di bawah Perlembagaan.

Tugas-tugas Bahagian Kabinet dan Perlembagaan adalah menjadi Urusetia kepada:

	Dijalankan Tahun 1973	Dianggarkan Tahun 1974	Dianggarkan Tahun 1975
(*a*) Mesyuarat Kabinet (biasa)	39 kali	40	40
(*b*) Mesyuarat Kabinet (dengan jalan pekelilingan)	7 „	10	10
(*c*) Mesyuarat Kabinet (tergempar) ..	3 „	—	—
(*d*) Mesyuarat Menteri-menteri Besar/ Ketua-ketua Menteri	4 „	4	4
(*e*) Mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan Kerajaan Pusat dengan Kerajaan-kerajaan Negeri	2 „	2	2
(*f*) Mesyuarat Ketua-ketua Setiausaha Kementerian	20 „	20	20
(*g*) Mesyuarat Ketua-ketua Bahagian dan Ketua-ketua Jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri	27 „	27	27
(*h*) Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet mengenai:			
(1) Perjawatan	9 „	10	10
(2) Perhubungan	4 „	6	6
(3) Beras dan lain-lain barang perlu	14 „	24	24
(4) Mengkaji ses (cess) getah dan minyak kelapa sawit	1 „	3	—
(5) Akta Pendaftaran Jurutera, 1967, Akta Pendaftaran Jurukur 1967 dan Akta Akitek 1967 ..	—	1	—
(6) Penubuhan Kasino di Pulau Pinang	—	6	—

(D) Bahagian Istiadat

Pelaksanaan yang dicapai dalam tahun 1973

Tahun 1973 dimulai dengan upacara-upacara berkaitan dengan Hari Raya Idil Adha pada 15hb Januari, 1973.

D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengadakan Lawatan Negara ke Negeri Thai mulai 1hb hingga 8hb Februari, 1973.

T.Y.T. Presiden Republik India mengadakan Lawatan Negara ke Malaysia mulai 5hb hingga 9hb Mac, 1973.

Y.A.B. Perdana Menteri Yugoslavia mengadakan Lawatan Rasmi ke Malaysia mulai 13hb hingga 16hb Mac, 1973.

Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri Negeri Thai mengadakan Lawatan Rasmi ke Malaysia semasa menyertai Persidangan Ke 5 Menteri-menteri Luar ASEAN mulai 15hb hingga 19hb April, 1973.

Pembukaan Persidangan Parlimen Ketiga pada 17hb April, 1973.

Persiapan kepada Darjah Kebesaran dan Bintang-bintang untuk Hari Keputeraan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong disiapkan pada 6hb Jun, 1973.

Perayaan-perayaan menyambut Hari Keputeraan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 6hb Jun, 1973.

Sambutan Hari Pahlawan diadakan pada 31hb Julai, 1973.

Yang Maha Mulia Putera Gholam Reza Pahlavi dari Iran mengadakan lawatan ke Malaysia mulai 25hb Ogos hingga 3hb September, 1973.

Perayaan-perayaan Hari Kebangsaan diadakan pada 31hb Ogos, 1973.

Pertandingan Membaca Al-Quran diadakan mulai 13hb Oktober hingga 18hb Oktober, 1973 dan diikuti dengan perayaan-perayaan untuk Hari Raya Idilfitri.

Y.A.B. Perdana Menteri New Zealand mengadakan lawatan ke Malaysia mulai 18hb hingga 21hb Disember, 1973.

Di mana D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Y.A.B. Perdana Menteri, Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri melakukan pembukaan rasmi kepada Persidangan-persidangan, Seminar-seminar ataupun acara untuk Kementerian, Jabatan, Badan-badan Berkanun dan Badan-badan Swasta, Bahagian ini terus memberikan nasihat dan pertolongan kepada mereka.

Pelaksanaan untuk Tahun 1974

Tahun 1974 dimulai dengan perayaan-perayaan untuk Hari Raya Idiladha pada 4hb Januari, 1974.

Y.A.B. Perdana Menteri Jepun mengadakan lawatan ke Malaysia mulai 12hb hingga 14hb Januari, 1974.

Y.A.B. Perdana Menteri Australia mengadakan lawatan ke Malaysia mulai 28hb hingga 31hb Januari, 1974.

Pengisytiharan Wilayah Persekutuan pada 1hb Februari, 1974.

Sambutan Hari Keputeraan Nabi Muhammad s.a.w. diadakan pada 5hb April, 1974.

Pembukaan Persidangan Pertama Parlimen Keempat diadakan pada 15hb April, 1974.

T.Y.T. Presiden Republik Indonesia membuat lawatan tidak rasmi ke Malaysia mulai 1hb hingga 5hb Mei, 1974.

T.Y.T. Presiden Kesatuan Burma membuat lawatan tidak rasmi ke Malaysia mulai 25hb hingga 27hb Mei, 1974.

Persiapan untuk Darjah Kebesaran dan Pingat-pingat untuk Hari Keputeraan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong disiapkan pada 4hb Jun, 1974.

Perayaan-perayaan menyambut Hari Keputeraan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong diadakan pada 5hb Jun, 1974.

Pesta Pembangunan diadakan pada 20hb hingga 30hb Jun, 1974.

Persidangan Menteri-menteri Luar Negara Islam diadakan pada 21hb hingga 25hb Jun, 1974.

D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengadakan lawatan Negara ke United Kingdom dan lawatan tidak rasmi ke Sepanyol dan Switzerland mulai 6hb hingga 27hb Julai, 1974.

Aktiviti-aktiviti Lain yang Dijangka bagi Tahun 1974

Hari Pahlawan telah diadakan pada 31hb Julai, 1974.

Perayaan-perayaan Hari Kebangsaan telah diadakan pada 31hb Ogos, 1974.

Pertandingan Membaca Al-Quran telah diadakan dalam bulan Oktober 1974 dan diikuti dengan Hari Raya Idilfitri pada 17hb Oktober, 1974.

Perayaan Hari Raya Idiladha dalam bulan Disember 1974.

Lawatan oleh Ketua-ketua Negara.

Lawatan oleh Ketua-ketua Kerajaan.

Lawatan oleh D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke Luar Negeri.

Lawatan tidak rasmi D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke Kedah.

Nasihat terhadap keberangkatan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong ke Upacara-upacara rasmi dan swasta, badan-badan sukarela, sosial, sukan dan kebudayaan.

Lawatan oleh Y.A.B. Perdana Menteri ke Luar Negeri.

Lawatan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri ke Luar Negeri.

Upacara Penyampaian Darjah-darjah Kebesaran oleh Y.A.B. Perdana Menteri dan Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri bagi pihak D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Upacara Pembukaan Persidangan, Seminar dan Projek-projek baru bertaraf kebangsaan yang dilakukan oleh Y.A.B. Perdana Menteri dan Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri.

Upacara Pembukaan Persidangan dan Seminar Peringkat Antarabangsa yang dilakukan oleh D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Y.A.B. Perdana Menteri dan Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri.

Nasihat, pertolongan dan kerjasama yang rapat selalu diberikan kepada Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan, Badan-badan Berkanun dan Pertubuhan-Pertubuhan Swasta dalam menjalankan upacara-upacara rasmi dan keraian. Beban-kerja ini telah bertambah dengan banyaknya berikutan dari bertambahnya aktiviti-aktiviti Kementerian, Jabatan, Badan-badan Berkanun dan Pertubuhan-pertubuhan Swasta di bawah Rancangan Malaysia Kedua dan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

Persiapan kepada Darjah Kebesaran dan Bintang-bintang untuk Hari Keputeraan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Persiapan kepada senarai Darjah-darjah Kebesaran dan Bintang-bintang yang mengandungi pegawai-pegawai Persekutuan yang disokong oleh Kerajaan-kerajaan Negeri untuk menerima kurniaan Negeri di Hari Keputeraan Raja-raja dan Hari Jadi Gabenor-gabenor.

Persiapan kepada senarai Darjah Kebesaran dan Bintang-bintang untuk pegawai-pegawai British yang bertugas di Malaysia untuk kurniaan di Hari Keputeraan Ratu Elizabeth II.

Perayaan-perayaan Hari Keputeraan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Hari Pahlawan.

Perayaan Hari Kebangsaan.

Pertandingan Membaca Al-Quran.

Hari Raya Idilfitri.

Lawatan oleh Ketua-ketua Negara.

Lawatan oleh Ketua-ketua Kerajaan.

Lawatan oleh D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke Luar Negeri.

Lawatan oleh D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke Jabatan-jabatan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun.

Lawatan tidak rasmi D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong ke Upacara Rasmi dan swasta di Badan-badan Sukarela, Sosial, sukan dan kebudayaan.

Lawatan oleh Y.A.B. Perdana Menteri ke Luar Negeri.

Lawatan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri ke Luar Negeri.

Upacara penyampaian Darjah-darjah Kebesaran oleh Y.A.B. Perdana Menteri dan Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri bagi pihak D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Upacara Pembukaan Persidangan, Seminar dan Projek-projek baru Peringkat Kebangsaan yang dilakukan oleh Y.A.B. Perdana Menteri dan Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri.

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	6,691,842	9,156,915	10,154,736
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	515,932	2,113,160	2,550,694
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..	109,934	313,341	332,994
	Jumlah Gaji ..	7,317,708	11,583,416	13,038,424

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	713,050	1,086,696	1,397,264
2200	Pengangkutan Barang-barang ..	15,100	81,300	143,950
2300	Kemudahan Perhubungan.. ..	223,130	416,970	523,269
2400	Api, Air dan Letrik dll.	353,060	618,510	610,470
2500	Sewa	127,800	406,380	915,300
2600	Perkhidmatan Pencetakan ..	209,300	342,500	447,890
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	467,685	494,495	742,474
2800	Perkhidmatan Pelbagai	549,100	3,090,170	3,386,891
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	209,658	227,005	251,710
3300	Pembinaan	35,450	36,768	35,000
4100	Pemberian, Subsidi dan Carum-carum	7,028,935	6,225,759	8,233,598
5500	Pelbagai	223,600	155,000	525,000
	Jumlah ..	17,473,576	24,764,969	30,251,240

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974 $	Bilangan	Anggaran Tahun 1975 $
(i) Pentadbiran Am:						
(*a*) Pentadbiran dan Kewangan ..	304	3,369,991	389	4,154,900	398	4,275,056
(*b*) Kabinet dan Perlembagaan ..	22	275,000	21	289,150	23	299,200
(*c*) Istiadat	26	198,590	26	225,000	28	233,100
(*d*) Pejabat Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj	5	37,200	5	36,974	5	39,000
(*e*) Biro Terjemah Persekutuan	8	65,700	8	68,250	8	70,000
Yunit Khas Mengkaji Lapuran Jawatankuasa Antara Kerajaan	—	—	7	99,600	—	—
(ii) Bahagian Perancang Ekonomi	134	1,105,480	133	1,202,019	133	1,335,250
(iii) Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan dan Kemajuan Pentadbiran ..	167	1,621,437	178	1,705,980	177	971,261
(iv) Majlis Keselamatan Negara	27	227,900	40	434,448	45	501,356
(v) Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam	47	197,400	48	216,730	53	438,962
(vi) Pejabat Pengurusan Harta Kerajaan ..	67	219,000	67	203,252	67	231,884
(vii) Biro Siasatan Negara ..	332	—	332	2,061,554	368	2,738,674
(viii) Lembaga Urusan dan Tabung Haji	9	10	9	10	9	10
(ix) Suruhanjaya Gaji Badan-badan Berkanun/Awam	8	—	8	46,019	—	—
(x) Jabatan Tanah Wilayah Persekutuan	—	—	116	267,000	120	511,234
(xi) Bahagian Petroliam ..	—	—	7	47,030	7	99,005
Bawa kehadapan ..	1,156	7,317,708	1,394	10,958,316	1,441	11,743,992

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974 $	Bilangan	Anggaran Tahun 1975 $
Dari sebelah ..	1,156	7,317,708	1,394	10,958,316	1,441	11,743,992
(xii) Urusetia Perpaduan Negara—						
(*a*) Gerakan dan Pentadbiran	—	—	98	350,000	97	550,416
(*b*) Penyelidikan ..	—	—		112,500		184,420
(*c*) Perhubungan Masyarakat	—	—		162,600		111,576
(xiii) Pusat Latihan Pembangunan Masyarakat ..	—	—	59	—	59	448,020
Jumlah ..	1,156	7,317,708	1,551	11,583,416	1,597	13,038,424

3. Anggaran Pembangunan

Semenanjung Malaysia	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Peruntukan Tahun 1974 $	Anggaran Tahun 1975 $
1. Perbelanjaan Pengiriman Perkakas-perkakas di bawah Rancangan Colombo	—	100,000	50,000
2. Kajian Rancangan	4,153,384	5,000,000	7,500,000
3. Pengangkutan dan Perjalanan ..	29,030	30,000	40,000
4. Penilaian Punca-punca Alam Semula Jadi	37,146	300,000	50,000
5. Perbadanan Pembangunan Bandar ..	43,000,000	50,000,000	—
6. Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara:			
(*a*) Belanja Mengurus	1,000,000	1,000,000	2,160,300
(*b*) Kemudahan-kemudahan ..	4,486,000	10,725,000	20,649,000
(*c*) Pinjaman	1,100,000	4,000,000	21,480,000
(*d*) Pembangunan Utama—			
(1) Jalan-jalan	2,505,617	10,000,000	14,000,000
(2) Bekalan Air	—	2,500,000	5,500,000
7. Kilang-kilang, Gudang-gudang dan Perkakas bagi simpanan Beras Kerajaan	90,322	—	—
8. Lembaga Kemajuan Johor Tenggara:			
(*a*) Belanja Mengurus	980,469	1,150,670	1,300,000
(*b*) Kemudahan-kemudahan ..	1,316,000	15,000,000	14,000,000
(*c*) Pinjaman	—	1,500,000	4,600,000
(*d*) Pembangunan Utama—			
(1) Jalan-jalan	—	12,000,000	17,500,000
(2) Bekalan Air	—	3,000,000	5,000,000
9. Lembaga Padi dan Beras Negara ..	9,500,000	16,000,000	—
10. Bangunan Sekretariat, Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam ..	242,011	100,000	—
11. Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah:			
(*a*) Belanja Mengurus	520,410	560,680	723,208
(*b*) Kemudahan-kemudahan ..	—	—	1,000,000
(*c*) Pinjaman	—	—	4,302,800
Bawa kehadapan ..	68,960,389	132,966,350	119,855,308

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Dari sebelah ..	68,960,389	132,966,350	119,855,308
(*d*) Pembangunan Utama:			
(1) Jalan-jalan	—	—	10
(2) Bekalan Air	—	—	10
12. Bank Pertanian Malaysia	11,000,000	10	—
13. Pusat Pentadbiran Pembangunan Asia	149,747	1,000,000	2,000,000
14. Pemberian kepada Negeri-negeri untuk Jalan di luar bandar	6,058,300	8,000,000	3,000,000
15. Lain-lain Rancangan Pembangunan Luar Bandar	1,875,260	3,000,000	1,000,000
16. Lembaga Perancang Keluarga Kebangsaan:			
(i) Lembaga Perancang Keluarga Kebangsaan	—	1,000,000	407,000
(ii) Rancangan Perancang Keluarga Kebangsaan	—	—	4,000,000
SARAWAK			
17. Kajian Rancangan	1,533,135	2,400,000	332,040
18. Lain-lain Rancangan Pembangunan Luar Bandar	484,282	750,000	500,000
SABAH			
19. Kajian Rancangan	957,009	600,000	10
20. Lain-lain Rancangan Pembangunan Luar Bandar	325,592	500,000	500,000
Jumlah ..	91,343,714	150,216,360	131,594,378

Kemajuan Kerja-kerja Pembinaan

SEMENANJUNG MALAYSIA

(i) *Perbelanjaan pengiriman Perkakas-perkakas di bawah Rancangan Colombo*

Peruntukan ini untuk pembayaran "freight" dan insuran bagi perkakas-perkakas yang dihadiah oleh Kerajaan Canada di bawah Rancangan Colombo. Ini adalah bagi semua Kementerian/Jabatan, kecuali Kementerian Pelajaran, Keretapi Tanah Melayu dan MARA.

(ii) *Kajian Rancangan*

Tujuan kajian-kajian ini adalah untuk menentukan "viability" dan penyesuaian projek-projek untuk dilaksanakan atau untuk pembiayaan luar negeri. Dalam tahun 1975, kajian-kajian meliputi sektor-sektor pengangkutan, daerah, bandar dan lain-lain akan dijalankan iaitu:

(*a*) Kuala Lumpur-Petaling Jaya Traffic Dispersal Links

Tujuan kajian ini adalah untuk menentukan jalan-jalan dan standard design yang utama yang paling ekonomik untuk jalan-jalan untuk mengurangkan terafik masuk ke Bandar Kuala Lumpur dari Petaling Jaya-Kuala Lumpur Highway (Federal Route II) Kajian rancangan ini termasuk preliminary survey dan design bagi jalan-jalan lain dan design standard, anggaran kos pembinaan dan kos menjaga bagi tiap-tiap jalan, ramalan lalulintas terafik dan penilaian keuntungan yang didapati dari tiap-tiap jalan.

(*b*) Kajian Rancangan Menyambung East West Highway termasuk Jalan Rantau Panjang/Kota Bharu

Tujuan kajian ini adalah untuk menentukan cara yang paling ekonomik bagi menyambung East West Highway dari Kampung Jeli kepada Route III. Kajian ini termasuk survey dan design untuk jalan-jalan lain, anggaran kos bagi tiap-tiap jalan, ramalan lalulintas terafik, penilaian faedah bagi tiap-tiap jalan dan juga penilaian ekonomik bagi tiap-tiap kemungkinan tersebut. Dikaji juga kemungkinan jambatan baru di Kampung Kelantan di daerah Tanah Merah dan membaiki dan membina semula Jalan Kota Bharu-Rantau Panjang.

(*c*) Kajian Jalan Seremban/Tampin/Yong Peng

2 jalan menghubungi Yong Peng dan Tampin, Jalan 1 ke timur dan ke jalan pantai barat melalui Melaka. Jalan baru yang lurus akan memendekan kedua-dua jalan ini sebanyak 25 batu. Jalan yang ada sekarang di antara Tampin dan Seremban adalah rendah standard geometriknya dan diguna oleh 5,500 kenderaan sehari. Kajian-kajian bahagian yang sama sepanjang jalan satu ini, yang membawa sama banyak kenderaan telah menunjukkan yang keadaan perlu dibaiki. Oleh ini suatu kajian secara besar-besaran adalah perlu untuk mendapatkan jalan yang paling ekonomik dari segi teknik dan masa pembinaannya.

(*d*) Kajian Jalan Ipoh/Tapah/Bidor

Kajian ini bertujuan menentukan jalan yang paling ekonomik dari beberapa segi serta masa yang paling wajar untuk membinanya. Kajian ini meliputi preliminary survey, anggaran kos binaan dan memperbaiki, anggaran lalulintas dan lain-lain faedah bagi tiap-tiap jalan yang mungkin dibina.

(*e*) Jalan Raya Klang/Petaling Jaya/Damansara

Jalan ini akan meringankan lalulintas Federal Highway dan adalah mustahak bagi pertumbuhan bandar-bandar Shah Alam dan Klang. Ia adalah bersambungan terus kepada Lapangan Terbang Subang dari timur dan juga jalan yang lebih baik dari Bandaraya, dengan ini mengurangkan lalulintas di antara Petaling Jaya dan Kuala Lumpur. Ini adalah juga suatu jalan yang bersambungan terus kepada Jalan Federal I dan II ke arah utara dan timur dari Kuala Lumpur.

(*f*) Sambungan Rail ke Pelabuhan Johor

Kajian ini untuk menentukan keperluan suatu rail diadakan dari rail utama kepada daerah indastri dan pelabuhan; untuk menentukan jalan yang paling ekonomik dan masa yang wajar untuk membinanya, untuk menentukan pelaburan fisikal seperti kehendak-kehendak rolling stock, pembinaan station-station, kemudahan-kemudahan rail dan perkhidmatan di pelabuhan dan perhentian untuk lalulintas pelabuhan dan lain-lain dan menganggarkan kos ekonomik dan faedah-faedah rail tersebut serta dengan kemudahan-kemudahannya.

(*g*) Pusat Perkembangan Baru

(i) *Kuantan*

Kajian ini meneliti aspek-aspek ekonomi, sosial dan fisikal dalam perkembangan Kuantan sebagai pusat perkembangan bagi Kawasan Pantai Timur. Kajian ini akan mengesyorkan projek-projek bandar yang khusus untuk dilaksanakan.

(ii) *Kawasan Negeri Sembilan*

Memandangkan aktiviti-aktiviti pembangunan yang berlaku dalam kawasan ini, dan mustahaknya mengadakan suatu pattern pembangunan bandar yang sempurna, kajian ini akan mengenalkan peranan pekan-pekan dalam kawasan tersebut menimbangkan samada pekan-pekan yang ada sekarang patut dibesarkan lagi atau pekan-pekan baru perlu dibina seperti pusat perkhidmatan yang besar bagi kawasan ini.

(*h*) Kajian Perancang Pembangunan Daerah Johor Selatan

Kajian ini dijalankan oleh Shank Land Cox Partnership (U.K.) untuk kawasan Johor Selatan yang meliputi daerah-daerah yang dilingkungi oleh Sungai Johor dan Daerah Johor Bahru. Kajian ini merupakan suatu ramalan pembangunan bagi masa 20 tahun ke hadapan dari mana suatu pelan strektur yang asas bagi pembangunan daerah itu dapat disediakan di atas peta. Kajian ini akan menentukan projek-projek keutamaan untuk kajian rancangan yang detil untuk pelaksanaan sama 7 tahun ke hadapan.

(*i*) Kajian Perancang Pembangunan Daerah Perak Utara

Kajian ini meliputi daerah-daerah Ulu Perak, Selama, Lumut-Matang, Krian dan Kuala Kangsar (Luas 3,119,968 ekar) kajian ini akan meneliti dan melapur peluang-peluang pembangunan bagi daerah ini dan masaalah-masaalah dalam pelaksanaan, mengadakan strateji yang khusus supaya mencepatkan kadar pembangunan ekonomi dalam daerah tersebut, selaras dengan objektif national dan negeri; menentukan projek-projek keutamaan untuk dilaksanakan segera atau untuk kajian rancangan.

(*j*) Kajian Basin Sungai Trengganu

Untuk menentukan kemungkinan membangunkan 1,500 kaki persegi basin sungai ini yang mungkin meliputi mengadakan kuasa letrik, mengawal banjir, dan lain. Projek ini akan pada mulanya menumpu terhadap pembinaan sebuah dam dan reservoir.

(*k*) Program Penyelidikan Pembangunan Ekonomik dan Sosial untuk R.M.K.

Tujuan untuk mengumpul maklumat yang ada berkenaan dengan penyediaan R.M.K. Ini meliputi aspek-aspek penting yang berkaitan dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru seperti:

(*a*) Pembangunan Daerah.

(*b*) Kemiskinan Luar Bandar.

(*c*) Polisi Pembangunan Industri.

(*d*) Perimbangan Kaum dalam Perniagaan.

Program ini di bawah naungan Jawatankuasa Kecil J.P.P.N. berkenaan Penyelidikan Pembangunan Ekonomi dan Sosial, disertakan dengan task force yang meliputi pegawai-pegawai dari beberapa ajensi Kerajaan yang diselaraskan oleh B.P.E. Kakitangan dari Universiti Malaya dan ahli-ahli konsultan dari luar negeri juga digunakan.

(iii) *Pengangkutan dan Perjalanan*

Peruntukan tahun 1975 untuk perbelanjaan pengangkutan dan perjalanan berkenaan Kajian-kajian Rancangan dan kerja-kerja penyediaan untuk R.M.K.

(iv) *Penilaian Punca-punca Alam Semula Jadi*

Dalam tahun 1975, peruntukan sebanyak $50,000 dikehendaki untuk pencetakan repot-repot dan peta-peta punca-punca tanah untuk diedarkan kepada Pehak-pehak berkuasa Perancang bagi Persekutuan dan Negeri-negeri.

(v) *Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara*

Dalam tahun 1975, Lembaga ini akan melaksanakan projek-projek yang disyorkan dalam Masterplan. Ini termasuk projek-projek seperti penanaman dan pengilangan buah-buahan, penanaman sayur-sayuran, ternakan ayam, keluaran kayu-kayuan dan projek-projek industri seperti membuat resin, gum dan gypsum board.

(vi) *Lembaga Kemajuan Johor Tenggara*

Dalam tahun 1975, Lembaga ini akan mengadakan kemudahan-kemudahan seperti jalan-jalan raya, bekalan air, bekalan letrik, jambatan bagi 2 pekan, 3 daerah dan suatu pusat pelancung. Lembaga ini juga akan membuka beberapa rancangan pembangunan tanah untuk kelapa sawit, ladang buah-buahan, penanaman getah dan ternakan lembu. Peruntukan bagi projek-projek pembangunan ini merupakan pinjaman-pinjaman dan pihak Kerajaan akan membiayai kemudahan-kemudahan infrastruktur dengan pemberian secara langsung.

(vii) *Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah*

Pembangunan Lembaga ini akan bermula dalam tahun 1975 dengan mengadakan kemudahan-kemudahan infrastruktur bagi pekan-pekan baru dan daerah-daerah baru. Lembaga ini juga akan mengambil bahagian dalam beberapa projek pembangunan dengan cara "joint venture". Ini termasuk projek-projek bagi ladang kelapa sawit, pusat kayu balak dan ladang rumput protein. Sebahagian besar peruntukan bagi tahun 1975 adalah pinjaman "equity participation" oleh pihak Lembaga.

(viii) *Pusat Pentadbiran Pembangunan Asia*

Peruntukan tahun 1975 adalah untuk bayaran kemajuan bagi binaan bangunan untuk pusat tersebut.

(ix) *Pemberian kepada Negeri untuk Jalan di Luarbandar*

Peruntukan sebanyak $3 juta ini untuk beberapa negeri-negeri membaiki jalan-jalan luarbandar mereka.

(x) *Lain-lain Rancangan Pembangunan Luarbandar*

Peruntukan ini bertujuan untuk mengadakan kemudahan-kemudahan kepada penduduk-penduduk luarbandar supaya memperbaiki taraf hidup mereka.

Peruntukan seperti ini diadakan juga bagi Sabah dan Sarawak.

(xi) *Kajian-kajian Rancangan*

(*a*) Pelabuhan Dalam di Tanjung Kidurong, Bintulu, Sarawak

Kajian ini bertujuan untuk menentukan kemungkinan ekonomik untuk mengadakan kemudahan-kemudahan pelabuhan dalam di Tanjung Kidurong.

(*b*) Kajian Daerah Bandar Kuching

Tujuan kajian ini adalah untuk mengesyorkan cara-cara yang efektif untuk meninggikan proses perbandaran di antara penduduk-penduduk orang asli berkaitan dengan pembangunan daerah tersebut dan mengadakan peluang-peluang pekerjaan dan untuk menyedia suatu pelan yang lengkap untuk pembangunan Kuching dalam rangkakerja daerah itu.

(*c*) Kajian Master Plan bagi Miri-Bintulu

Kajian Masterplan telah siap tetapi dalam tahun 1975 masih ada pembayaran yang perlu dibuat.

4. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Belanja Mengurus—			
Semenanjung Malaysia	17,226,926	24,481,019	29,996,845
Sarawak	139,100	161,550	184,970
Sabah	107,550	122,400	69,425
Belanja Pembangunan—			
Semenanjung Malaysia	88,043,696	145,966,360	130,262,328
Sarawak	2,017,417	3,150,000	832,040
Sabah	1,282,601	1,100,000	500,010
Jumlah Besar ..	108,817,290	174,981,329	161,845,618

Kepala Bekalan 8 ...	**...**	**$3,662,600**
[Pecahan-kepala 4100 (13)]		
Jumlah	**...**	**$3,662,600**

BELANJA MENGURUS

Peruntukan 1975 ...	**...**	**$3,662,600**
Peruntukan 1974 ...	**...**	**2,961,970**
Perubahan	**...**	**+ $ 700,630**

1. Tujuan-tujuan

Rancangan Perancang Keluarga Negara adalah dimasukkan dalam rancangan pembangunan sosial Kerajaan di bawah Rancangan Pembangunan Malaysia Kedua. Adalah dijangkakan melalui kegiatan perkhidmatan perancang keluarga kedudukan kesihatan keluarga, ekonomi dan taraf sosial, pelajaran dan kebajikan keluarga semua penduduk akan dapat diperbaiki. Kegiatan ini ialah satu usaha Kerajaan untuk menghapuskan kemiskinan dan mengubal semula masyarakat.

Akta Perancang Keluarga Bilangan 42 Tahun 1966 ada mengandungi butir-butir, tugas-tugas dan tanggungjawab Lembaga Perancang Keluarga Kebangsaan.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Peruntukan Tahun 1974 $	Anggaran Tahun 1975 $
(i) Teknikal dan Perancangan Polisi ..	56,919	—	—
(ii) Pentadbiran Am, Kewangan dan Bekalan	692,223	804,970	1,037,600
(iii) Perkhidmatan	1,211,791	1,365,000	1,634,000
(iv) Latihan, Pengajian dan Penyelidikan Perubatan	114,511	200,000	255,000
(v) Penyelidikan dan Penilaian	86,433	215,000	278,000
(vi) Penerangan dan Seranta	349,385	377,000	458,000
Jumlah ..	2,511,262	2,961,970	3,662,600

Prestasi

(i) *Teknikal dan Perancangan Polisi*

Aktiviti Bahagian ini ditadbir dan dikelolakan oleh Bahagian Pentadbiran Am, Kewangan dan Bekalan serta dengan Bahagian-bahagian lain mulai tahun 1974.

(ii) *Pentadbiran Am, Kewangan dan Bekalan*

Bahagian Pentadbiran melaksanakan aktiviti-aktiviti penyelarasan berhubung dengan pentadbiran am, kakitangan, kewangan, pengurusan dan pengawalan setor.

Dalam tahun 1973 empat mesyuarat Lembaga dan lima mesyuarat Jawatankuasa Kerja diadakan. Lembaga mengadakan lima peperiksaan jawatan bagi kakitangan yang dikehendaki lulus Peperiksaan Jabatan seperti ditetapkan dalam Sekim Perkhidmatan. Seramai 47 orang kakitangan baru diambil oleh Lembaga dalam tahun 1973.

Seksi Perbekalan membahagikan sebanyak 1,686,381 saikal pil dan 3,393 gros kondom dalam tahun 1973.

Sekretariat Projek Kependudukan yang ditubuhkan dalam bulan Mei, 1973, telah mengaturkan beberapa Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Projek dalam tahun 1973 dan dapat menyediakan rancangan projek lima tahun.

Lembaga mengambil 65 orang kakitangan baru dalam tahun 1974. Seksi Perbekalan mengendalikan dengan bertambah banyak bahan-bahan perbekalan dengan penerimaan bahan-bahan bantuan daripada UNFPA dan Bank Dunia.

Sekretariat Projek Kependudukan memproseskan pemberian peruntukan kepada bahagian-bahagian projek untuk dilaksanakan komponen-komponen projek tertentu.

Dalam tahun 1975 iaitu tahun kedua pelaksanaan Projek Kependudukan, adalah dijangka keseluruhannya kerja-kerja pentadbiran akan bertambah dengan lebih pesat lagi. Aktiviti-aktiviti Sekretariat Projek Kependudukan juga akan berjalan dengan lebih rapi.

(iii) *Perkhidmatan*

Penerima perancang keluarga baru terus bertambah dan penerima baru bagi tahun 1973 berjumlah 57,313. Bagi tahun 1973 penerimaan ulangan berjumlah 623,873 iaitu bertambah 65,936 daripada tahun 1972.

Rancangan penyatuan dimulakan di lapan Daerah Kesihatan Luar Bandar telah dilaksanakan dengan memuaskan. Lembaga juga melaksanakan perkhidmatan perancang keluarga di lima belas Rancangan FELDA dan juga tujuh buah negeri menyertai Projek Bidan Kampung dalam tahun 1973.

Beban-kerja Bahagian Perkhidmatan bertambah pesat dengan perkembangan perkhidmatan ke Kawasan-kawasan baru. Dalam tahun 1974 sembilan lagi Daerah Kesihatan Luar Bandar dimasukkan dalam Rancangan Penyatuan dan mengikut rancangan tiap-tiap negeri akan dapat satu pusat penyatuan perancang keluarga pada penghujung tahun 1974.

Kemudahan perkhidmatan "Pap Smear" dimulakan dalam tahun 1974 diteruskan dan ditambah lagi sebagai perkhidmatan khas perancang keluarga. Dalam tahun 1975 perkhidmatan alat perancang keluarga dikenal dengan nama "CU 7 IUCD" akan mula dibekalkan dan dijangka mendapat sambutan menggalakkan. Lembaga juga bercadang membuka sembilan buah lagi kelinik tetap dalam tahun 1975 di negeri Kedah, Perak dan Johor.

(iv) *Latihan, Pengajian dan Penyelidikan Perubatan*

Bahagian ini mengaturkan 25 kursus latihan dalam tahun 1973 yang melibatkan seramai 443 peserta dari kakitangan Lembaga dan Kementerian Kesihatan. Satu kursus sebelas bulan diadakan untuk melatih sepuluh orang pelatih kakitangan tambahan. Dua kursus diaturkan bagi peserta-peserta dari Pusat Latihan Wanita dan satu kursus orientasi diadakan untuk Pegawai-pegawai FELDA di Sg. Tekam.

Percubaan penggunaan CU 7 IUCD dimulakan dalam tahun 1973 terus dijalankan dan juga satu lagi percubaan sedang dibuat atas penggunaan Yermonil untuk mengkaji atas kesan penggunaan dan mudzaratnya.

Rancangan latihan mengikut rancangan perkhidmatan bermakna kakitangan yang terlibat untuk memberi perkhidmatan perancang keluarga dalam Rancangan Penyatuan Peringkat IB dan IIA adalah terlibat dalam rancangan latihan. Bahagian ini juga melatih kakitangan baru Lembaga dan mengatur kursus orientasi bagi kakitangan Lembaga berhubung dengan perkembangan teknoloji perubatan perancang keluarga.

Butir-butir jenis peserta-peserta dilatih oleh Bahagian ini ialah seperti berikut:

Jenis Peserta	Bilangan Peserta	
	1973	Jan.-Ogos 1974
1. Lembaga Perancang Keluarga Kebangsaan—		
(*a*) Kursus Permulaan	17	47
(*b*) Kursus Ulangan	110	94
(*c*) Seminar untuk Penyelia	30	—
2. Kementerian Kesihatan—		
(*a*) Kursus Penyatuan untuk Penyelia Kanan ..	176	109
(*b*) Kursus Penyatuan untuk Kakitangan Tambahan	21	90
(*c*) Kursus Orientasi untuk Doktor dan Jururawat Rumah Sakit	66	13
(*d*) Kursus Orientasi untuk Bidan Kerajaan ..	90	—
3. Lain-lain Kakitangan—		
(*a*) Pengarah dan Timbalan Pengarah Pelajaran ..	—	22
(*b*) Pegawai-pegawai FELDA	40	40
(*c*) Pekerja-pekerja Estet	8	—
Jumlah ..	558	415

Aktiviti-aktiviti latihan bagi tahun 1975 akan bertambah dengan lebih pesat dengan berkembangnya rancangan perancang keluarga ke kawasan luarbandar.

(v) *Penyelidikan dan Penilaian*

Aktiviti-aktiviti pengutipan butir-butir perangkaan dan memproses borang-borang rekod penerima diteruskan dalam tahun 1973. Bahagian ini juga terlibat dalam kerja-kerja melaksanakan kursus latihan berhubung dengan Kesuburan dan Penilaian Rancangan Perancang Keluarga yang dibiayai oleh ECAFE dan diaturkan oleh Kerajaan Malaysia berserta dengan Jawatankuasa Penyelarasan Antara Kerajaan. Bahagian ini juga memberi bantuan dalam kerja-kerja merancang, menyedia dan mengatur Kajian Kesihatan ibu, Keguguran Kandungan awal di Semenanjung Malaysia yang dianjur oleh Persekutuan Persatuan Perancang Keluarga.

Aktiviti-aktiviti dalam tahun 1974 termasuk usaha menilai cara dan kesungguhan penyampaian perkhidmatan perancang keluarga dan menilai teknik penggalakan baru yang dibuat di lima belas Kawasan Percubaan termasuk kawasan penyatuan di lapan Daerah Kesihatan Luar Bandar. Keputusan penilaian ini dijangka akan menyentuh polisi jangka-panjang dan kemajuan rancangan perancang keluarga.

Mulai bulan Julai, 1974 Lembaga bersama dengan Jabatan Perangkaan memulakan Penyiasatan (ASP) Amalan Sikap dan Pengetahuan Kedua Negara yang dijangka akan tamat dalam tahun 1975.

Aktiviti-aktiviti harian dijangka akan bertambah mengikut perkembangan rancangan Lembaga. Rancangan asas dan pengaturan akan diusahakan dalam tahun 1975 untuk membuat persiapan bagi Penyiasatan Lanjutan Penerima Kedua Negara, yang pertama kali dibuat dalam tahun 1968/1969.

(vi) *Penerangan dan Seranta*

Untuk mendapatkan penyokong dari gulungan Ketua-ketua mesyuarat dan orang-orang berpengaruh Bahagian ini menggunakan kemudahan yang sedia ada seperti perhimpunan umum diatur oleh ajensi-ajensi seperti Kementerian Penerangan. Pameran perancang keluarga diadakan di peringkat negeri berserta dengan PESTA NEGERI, juga di peringkat daerah dan di sekolah-sekolah. Risalah-risalah perancang keluarga dicetak dalam tiga bahasa dan buku-buku kecil berhubung dengan pembedahan "vasectomy" juga diterbitkan.

Dalam tahun 1974 Bahagian ini mengambil sikap baru untuk memperbaiki lagi suasana terhadap rancangan perancang keluarga kebangsaan dan memberi perhatian atas usaha-usaha mengurangkan keciciran.

Dengan penubuhan sebuah Yunit Penyelidikan/Penerbitan di bawah Bahagian ini kerja-kerja menerbitkan bahan-bahan perancang keluarga bercorak pendidikan/perangsang sejajar dengan keperluan penduduk boleh diterbitkan. Kerja-kerja asas bagi Kempen pendidikan penduduk telah dibuat dan projek ini akan dilaksanakan dalam tahun 1974.

Aktiviti-aktiviti bagi tahun 1975 dapat dimajukan dengan penubuhan Yunit Penyelidikan/Penerbitan untuk mencapai matlamat 600,000 penerima seperti ditetapkan oleh Lembaga.

Butir-butir kemajuan dan hasil dicapai oleh Bahagian Penerangan adalah seperti berikut:

	1973		1974	
	Bilangan	Peserta	Bilangan	Peserta (Jan.-Julai)
1. Majlis/Ceramah/Dailog ..	1,533	90,019	903	39,592
2. Perhimpunan Umum/Tayangan Wayang Gambar	802	378,270	385	365,716
3. Sumbangan melalui Radio ..	—	—	Sumbangan RTM	
4. Sumbangan melalui Talivisyen	—	—	Sumbangan RTM	
5. Sumbangan melalui Akhbar ..	68	—	312	—
6. Pameran	105	193,296	26	53,555
7. Risalah-risalah	288,548	—	188,813	—
8. Bulitin Keluarga	87,800	—	135,960	—

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	1,318,882	1,474,875	1,690,082
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	517,644	664,125	879,918
	Jumlah Gaji ..	1,836,526	2,139,000	2,570,000
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	134,962	120,000	140,000
2200	Pengangkutan Barang-barang ..	14,511	20,000	18,000
2300	Kemudahan Perhubungan ..	29,844	29,000	34,000
	Bawa kehadapan ..	2,015,843	2,308,000	2,762,000

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
	Dari sebelah ..	2,015,843	2,308,000	2,762,000
2400	Api, Air dan Letrik dll.	10,412	13,000	13,000
2500	Sewa	89,762	92,000	97,000
2600	Perkhidmatan Pencetakan ..	20,451	20,000	54,000
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	74,434	101,000	161,000
2800	Perkhidmatan Pelbagai	262,317	383,770	484,000
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	11,625	20,000	59,400
3300	Pembinaan	13,301	5,000	10,000
4100	Pemberian, Subsidi dan Carum-carum	13,117	19,200	22,200
	Jumlah ..	2,511,262	2,961,970	3,662,600

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974	Bilangan	Anggaran Tahun 1975
		$		$		$
(i) Teknikal dan Perancangan Polisi	9	56,919	—	—	—	—
(ii) Pentadbiran Am, Kewangan dan Bekalan	46	162,146	55	267,000	58	320,000
(iii) Perkhidmatan	349	1,211,791	354	1,345,000	379	1,614,000
(iv) Latihan, Pengajian dan Penyelidikan Perubatan ..	19	70,322	22	130,000	37	160,000
(v) Penyelidikan dan Penilaian	25	86,433	39	115,000	41	138,000
(vi) Penerangan dan Seranta ..	72	248,915	89	282,000	99	338,000
Jumlah ..	520	1,836,526	559	2,139,000	614	2,570,000

3. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Belanja Mengurus	$2,511,262	$2,961,970	$3,662,600

LEMBAGA URUSAN DAN TABUNG HAJI

Kepala Bekalan 8	**$3,015,000**
[Pecahan-kepala 4100 (8)]	
Jumlah ...	**$3,015,000**

BELANJA MENGURUS

Peruntukan 1975	**$3,015,000**
Peruntukan 1974	**1,638,018**
Perubahan ...	**+ $1,376,983**

1. Tujuan-tujuan

Lembaga Urusan dan Tabung Haji telah ditubuhkan untuk menjamin perlindungan pengawalan dan kebajikan orang-orang Islam yang menunaikan Fardu Haji dengan mengadakan pelbagai kemudahan serta perkhidmatan seperti kursus-kursus Haji, perkapalan, penerbangan, kesihatan, pertukaran matawang, Paspot Haji dan sebagainya. Ia juga telah ditubuhkan untuk membolehkan orang Islam secara beramai-ramai menyimpan wang dengan beransur-ansur bagi menemui perbelanjaan menunaikan Fardu Haji, lain-lain perbelanjaan yang berfaedah dan juga untuk mengambil bahagian dalam penanaman modal dalam lapangan perdagangan, perusahaan dan harta benda dengan cara yang halal di sisi Ugama Islam.

Akta Lembaga Urusan dan Tabung Haji Bilangan 8 Tahun 1969 ada mengandungi butir-butir tanggungjawab Lembaga Urusan dan Tabung Haji.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Tabungan dan Pelaburan	748,684	717,738	1,021,865
(ii) Urusan Haji	880,906	992,168	2,181,304
(iii) Pentadbiran dan Perhubungan ..	499,364	1,667,392	1,667,392
Jumlah ..	2,128,954	2,646,268	4,870,561

Prestasi

(i) *Tabungan dan Pelaburan*

Bagi tahun 1974 penyimpan dijangka akan bertambah seramai 96,000 orang menjadikan jumlah penyimpan pada 31hb Disember, 1974 seramai 235,000. Jumlah simpanan yang dijangka bagi tahun 1974 ialah $45,161,000. Jumlah ini akan menjadi jumlah simpanan berlari pada 31hb Disember, 1974 sebanyak $132,803,000, sebanyak $25,700,000 akan dikembalikan kepada penyimpan yang akan menunaikan Fardu Haji. Lebih kurang $3,240,000 akan dikembalikan kepada penyimpan-penyimpan yang memberi lain-lain alasan untuk mengeluarkan simpanan mereka. Pelaburan bagi tahun 1974 dijangka berjumlah $9,000,000

menjadikan jumlah berlari sebanyak $42,800,000. Keuntungan yang akan diperolehi daripada aktiviti-aktiviti pelaburan dijangka berjumlah $3,000,000. Daripada jumlah ini bonos dengan satu kadar yang akan ditentukan pada akhir tahun 1974 akan dibayar kepada penyimpan-penyimpan. Selain daripada itu wang keuntungan ini juga dipergunakan untuk perbelanjaan yang ditanggung sendiri oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Bagi aktiviti-aktiviti Tabungan dan Pelaburan Kerajaan hanya memberi sumbangan sekadar 50% daripada peruntukan yang diluluskan.

(ii) *Urusan Haji*

Bahagian ini akan menguruskan seramai 13,000 orang Jemaah Haji yang akan menunaikan Fardu Haji dalam tahun 1974/75 bersamaan tahun 1394 Hijrah. Seramai 9,600 Jemaah akan belayar dengan kapal laut sebanyak 6 pelayaran. Seramai 3,400 Jemaah akan diterbangkan dengan 17 penerbangan khas. Untuk menjaga kesihatan Jemaah Haji di Saudi Arabia satu Rumbungan Perubatan seramai 80 orang dihantar bersama-sama mereka ke Saudi Arabia. Bagi menjaga kebajikan mereka di dalam kapal 39 orang Pegawai Kebajikan telah dilantik. Lembaga Urusan dan Tabung Haji juga akan menghantar satu Rumbungan Haji yang terdiri daripada 31 orang Pegawai dan Kakitangan Tabung Haji untuk melayan dan menyelesaikan apa-apa kemusykilan Jemaah Haji yang boleh diselesaikan. Sungguhpun semua perbelanjaan yang diluluskan dalam peruntukan diberi oleh Kerajaan pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji sendiri terpaksa menanggung perbelanjaan yang lebih yang tidak dapat dielakkan.

(iii) *Pentadbiran dan Perhubungan*

Aktiviti-aktiviti bahagian ini dibiayai oleh Kerajaan sebanyak 50% daripada perbelanjaan yang diperuntukkan.

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	469,769	581,583	731,805
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	386,782	469,169	792,754
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..	33,219	54,738	68,011
	Jumlah Gaji ..	889,770	1,105,490	1,592,570
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	184,920	239,930	487,695
2200	Pengangkutan Barang-barang ..	—	8,100	19,000
2300	Kemudahan Perhubungan ..	90,597	209,754	267,250
2400	Api, Air dan Letrik dll.	78,534	55,440	75,940
2500	Sewa	299,236	293,055	641,545
2600	Perkhidmatan Pencetakan.. ..	90,327	119,718	224,250
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	47,249	57,603	71,520
2800	Perkhidmatan Pelbagai	292,873	436,649	666,933
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	150,408	111,695	782,200
4100	Pemberian, Subsidi dan Carum-carum	5,040	8,834	41,658
4200	Tuntutan Insuran dan Pampasan..	—	—	—
	Jumlah ..	2,128,954	2,646,268	4,870,561

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974 $	Bilangan	Anggaran Tahun 1975 $
(i) Tabungan dan Pelaburan	53	264,028	57	262,257	61	350,555
(ii) Urusan Haji	44	338,618	47	394,643	37	619,162
(iii) Pentadbiran dan Perhubungan	56	287,124	77	448,590	101	622,853
Jumlah ..	153	889,770	181	1,105,490	199	1,592,570

3. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
*Belanja Mengurus	$2,128,954	$2,646,268	$4,870,561

*Bantuan Kerajaan bagi tahun 1973 .. $1,489,104
Bantuan Kerajaan bagi tahun 1974 .. $1,638,018
Bantuan Kerajaan bagi tahun 1975 .. $3,015,000

Kepala Bekalan 11 ...	...	**$537,850**
Jumlah	...	**$537,850**

BELANJA MENGURUS

Peruntukan 1975	...	**$537,850**
Peruntukan 1974	...	**357,275**
Perubahan	...	**+ $180,575**

1. Tujuan-tujuan

Tugas-tugas Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah adalah seperti berikut:

(*a*) Memerhatikan dasar-dasar yang bersangkut dengan kepentingan-kepentingan Jabatan Persekutuan di negeri itu;

(*b*) Menyelaras perhubungan antara Jabatan-jabatan Persekutuan dan Negeri agar tercapai Pentadbiran yang licin; dan

(*c*) Menyelaras perhubungan antara Jabatan-jabatan Persekutuan di Sabah.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Peruntukan Tahun 1974 $	Anggaran Tahun 1975 $
(i) Pentadbiran Am	143,747	297,580	431,530
(ii) Perhubungan dan Penyelarasan ...	45,504	59,695	106,320
Jumlah ...	189,251	357,275	537,850

Prestasi

(i) *Pentadbiran Am*

Di bawah "Pentadbiran" termasuklah perkara-perkara seperti berikut:

(*a*) Pengambilan tanah-tanah untuk kegunaan Kerajaan Persekutuan;

(*b*) Mencarikan ruang Pejabat untuk Pejabat-pejabat Persekutuan dan tempat-tempat kediaman pegawai-pegawai Persekutuan; dan

(*c*) Pelbagai aktiviti-aktiviti lain.

(*a*) Hal-hal Tanah

Tanah adalah dalam kuasa Kerajaan Negeri, walaupun begitu arahan Surat Pekeliling Am 11/62 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri menyatakan bahawa semua permohonan-permohonan tanah untuk kegunaan Persekutuan hendaklah dibuat melalui Pejabat Setiausaha Persekutuan. Memorandam Pekeliling Am 4/68 membentangkan peraturan dan memberi kuasa kepada Setiausaha Persekutuan, Sabah untuk memajak tanah-tanah dan bangunan-bangunan untuk kegunaan Jabatan-jabatan Persekutuan. Dalam tahun 1973, terdapat kira-kira

430 buah fail-fail "hidup" berkenaan dengan hal-hal tanah. Sehingga bulan April, 1974, telah terdapat kira-kira 28 permohonan untuk mendapatkan tanah. Perkembangan dalam berbagai-bagai lapangan adalah memainkan peranan yang penting, tambahan lagi dengan adanya projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kedua, maka sudah tentu lebih banyak lagi tanah-tanah yang dikehendaki dalam tahun 1975.

(*b*) Ruang Pejabat untuk Jabatan Persekutuan dan Tempat-tempat Kediaman Pegawai-pegawai Persekutuan

Jabatan ini juga menolong untuk mencarikan ruang Pejabat bagi Pejabat-pejabat Persekutuan dan tempat-tempat kediaman pegawai-pegawai Persekutuan, kedua-dua masaalah ini sangat rumit. Rancangan Malaysia Pertama telah membekalkan pembinaan sebuah bangunan 8 tingkat yang dikenali dengan nama Rumah Persekutuan, yang sekarang ini telah diduduki oleh 20 buah Jabatan-jabatan Persekutuan di Kota Kinabalu. Rancangan Malaysia Kedua pula menguntukkan wang satu juta ringgit untuk pembinaan rumah-rumah kediaman pegawai-pegawai Persekutuan. Tanah sudah pun didapati dan pembinaannya dijangka akan siap menjelang awal tahun 1975. Di samping itu tanah telah juga didapati untuk pembinaan dua buah lagi Rumah Persekutuan di Sandakan dan Tawau dan juga bangunan Pejabat Pos baru di Kota Kinabalu, yang mana pembinaannya dijangkakan bermula pada pertengahan tahun ini dan dijangka siap pada akhir tahun 1975. Ketiga-tiga projek ini iaitu ketiga-tiga Rumah Persekutuan, bangunan Pejabat Pos baru dan juga rumah-rumah kediaman untuk pegawai-pegawai Persekutuan seperti yang disebutkan di atas dengan secara langsung menerima perhatian Pejabat ini, walaupun wang peruntukannya diberi oleh Kementerian Kerja Raya dan Tenaga, Kuala Lumpur kepada Jabatan Kerja Raya, Sabah.

(*c*) Pelbagai Aktiviti-aktiviti lain

Dalam perkara ini termasuklah soal mendapatkan tempat dalam Kapal Kota Raja dan kapalterbang TUDM bagi pegawai-pegawai Persekutuan, yang berpindah balik ke Semenanjung Malaysia, mendapatkan kapalterbang TUDM bagi Menteri-menteri yang ingin melawat kawasan-kawasan pendalaman.

Pejabat ini seterusnya, bertindak sebagai satu yunit perhubungan dalam perkara-perkara kematian di kalangan penuntut-penuntut Sabah yang belajar di luar negeri. Selain dari itu, pejabat ini juga membantu mengaturkan tempahan-tempahan tiket kapalterbang bagi Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara ke Kuala Lumpur untuk menghadiri Perhimpunan Dewan-dewan tersebut.

Pejabat ini juga adalah bertanggungjawab berkenaan dengan penyelenggaraan dan pemeliharaan bangunan 8 tingkat yang dinamakan Rumah Persekutuan di Kota Kinabalu yang mana telah menempatkan sebanyak 20 buah Jabatan Persekutuan dan juga menyelia pembinaan Pejabat Pos baru di Kota Kinabalu dan kedua-dua Rumah Persekutuan di Sandakan dan Tawau. Oleh kerana inilah kali pertamanya pejabat Setiausaha Persekutuan diberi tanggungjawab yang agak berat ini, maka ianya mestilah dilaksanakan dengan jayanya kerana dalam tahun 1975 ia akan pula dibebankan dengan tanggungjawab untuk menyelia dan menyelenggarakan tiga lagi projek yang besar (Bangunan Pejabat Pos baru di Kota Kinabalu dan dua bangunan Rumah Persekutuan di Sandakan dan Tawau).

SENARAI 20 JABATAN-JABATAN PERSEKUTUAN YANG MENDUDUKI BANGUNAN RUMAH PERSEKUTUAN

TINGKAT BAWAH

1. Jabatan Perangkaan (Bahagian Mengumpul Data).
2. Pejabat Pos.
3. Kementerian Penerangan (Bahagian Lesen Radio dan TV)—Sementara.

TINGKAT SATU

— Jabatan Perangkaan (Bahagian Pentadbiran).
4. Jabatan Pendaftaran Negara.

TINGKAT DUA

5. Pejabat Setiausaha Persekutuan.
6. Pejabat Perjawatan Persekutuan.
7. Pejabat Perbendaharaan Persekutuan.
8. Pejabat Penilaian Kawasan.
9. Bahagian Pengaturcara.
10. Jabatan Kemajuan Kerjasama.

TINGKAT TIGA

11. Jabatan Perkhidmatan Perubatan.
— Bahagian Pencegah Malaria.
12. Pelajaran Dewasa Negeri.
13. Cawangan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

TINGKAT EMPAT

14. Jabatan Imigeresen.
15. Jabatan Pelajaran (Bahagian Peperiksaan).

TINGKAT LIMA

— Jabatan Pelajaran (Bahagian Pentadbiran dan Kewangan).

TINGKAT ENAM

16. Cawangan Pejabat Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
17. Pejabat Pilihanraya.
18. Pejabat Penolong Setiausaha (Pertahanan) Sabah.
19. Pejabat Pertahanan Awam.
20. Jabatan Hasil Dalam Negeri (Bahagian Pentadbiran dan Pungutan Hasil).

TINGKAT TUJUH

— Jabatan Hasil Dalam Negeri (Bahagian Taksiran).

(ii) *Perhubungan dan Penyelarasan*

Di bawah "Perhubungan" tugas-tugasnya adalah seperti di bawah ini:

(*a*) Perhubungan (Liaison) antara Jabatan-jabatan Persekutuan di Sabah, dan menjadi ahli dalam jawatankuasa-jawatankuasa tertentu;

(*b*) Perhubungan dengan Kerajaan Negeri mengenai dasar-dasar/arahan-arahan dari Kerajaan Pusat dan perlaksanaan tugas-tugas bersendi undang-undang yang diwakilkan; dan

(*c*) Protokol.

(*a*) Perhubungan antara Jabatan-jabatan Persekutuan dan menjadi ahli Jawatankuasa-jawatankuasa tertentu

Dalam tahun 1973 terdapat 42 Jabatan-jabatan Persekutuan dan 10 buah badan-badan berkanun, seperti berikut:

(1) Pejabat Setiausaha Persekutuan.
(2) Jabatan Odit.
(3) Pejabat Pilihanraya.
(4) Pejabat Perjawatan Persekutuan.
(5) Jabatan Kemajuan Kerjasama.
(6) Cawangan Pejabat Perdagangan dan Perindustrian.
(7) Cawangan Pejabat Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
(8) Jabatan Pelajaran.
(9) Jabatan Wilayah Penerbangan Awam.

(10) Jabatan Hasil Dalam Negeri.
(11) Jabatan Polis.
(12) Jabatan Imigeresen.
(13) Jabatan Penjara.
(14) Pejabat (Jabatan) Penyiaran (Radio dan TV).
(15) Jabatan Penerangan.
(16) Pejabat Penolong Pendaftar, Mahkamah Tinggi.
(17) Jabatan Buruh.
(18) Jabatan Kajibumi.
(19) Pejabat Pertahanan Awam.
(20) Jabatan Kastam.
(21) Jabatan Laut.
(22) Jabatan Pos.
(23) Jabatan Talikom (Luar Negeri).
(24) Jabatan Talikom.
(25) Jabatan Perangkaan.
(26) Jabatan Pendaftaran Negara.
(27) Pejabat Bahagian Pengaturcara.
(28) Pejabat Penolong Setiausaha (Pertahanan) (Manpower).
(29) Jabatan Penilaian Kawasan.
(30) Pejabat Pelajaran Dewasa Negeri.
(31) Badan Pencegah Rasuah.
(32) Pejabat Perbendaharaan Persekutuan.
(33) Jabatan Galian.
(34) Jabatan Perkhidmatan Perubatan.
(35) Pejabat Kajicuaca.
(36) Residen Engineer, Projek Lok Kawi.
(37) Pejabat Amanah Raya.
(38) Pejabat Pasukan Kawalan (RELA).
(39) Pendaftar Pertubuhan.
(40) Kementerian Penerangan (Bahagian Lesen Radio dan TV).
(41) Biro Nakotik—Cawangan Malaysia Timur.
(42) Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia Cawangan Sabah.

dan Badan-badan berkanun ialah:

(1) Pejabat MARA.
(2) Lembaga Kumpulan Wang Perpindahan Malaysia.
(3) Kumpulanwang Simpanan Pekerja, Malaysia Timur.
(4) Bank Negara.
(5) Lembaga Padi Sabah.
(6) Lembaga Perumahan Negeri Sabah.
(7) Lembaga Getah Sabah.
(8) Lembaga Letrik Sabah.
(9) Lembaga Pelabuhan-pelabuhan Sabah.
(10) Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan.

Dalam tahun 1974 angka-angka itu adalah sama. Perhubungan termasuklah hubungan rapat dengan Ketua-ketua Jabatan, pengeluaran surat-surat pekeliling yang tertentu dan menyiasat aduan-aduan dari pegawai-pegawai dan orang-orang awam. Ini adalah untuk menentukan supaya Jabatan-jabatan Persekutuan dan

Jabatan-jabatan Negeri yang berkenaan bekerjasama dengan lebih rapat lagi dalam usaha-usaha melaksanakan dasar-dasar Kerajaan dan jabatan-jabatan yang sama dalam tahun 1974 akan juga didapati dalam tahun 1975. Walau bagaimanapun, Jabatan Arkib Negara Malaysia telah menyatakan hasratnya untuk membuka cawangannya di Sabah.

Setiausaha Persekutuan berkhidmat dalam Jawatankuasa-jawatankuasa yang berikut:

(i) Ahli, Lembaga Tabung Simpanan Pekerja, Sarawak dan Sabah;

(ii) Ahli, Lembaga Pelajaran, Sabah;

(iii) Ahli, Yayasan Sabah;

(iv) Ahli, Jawatankuasa-jawatankuasa Perayaan-perayaan Negeri/Kebangsaan di seluruh Negeri Sabah; dan

(v) Ahli, Jawatankuasa Biasiswa Anak Negeri.

(*b*) Perhubungan dengan Kerajaan Negeri terhadap Polisi-polisi/Arahan-arahan dari Kerajaan Pusat dan Pelaksanaan Tugas-tugas Bersendi Undang-undang yang Diwakilkan

Tugas-tugas pejabat ini dalam perkara di atas adalah:

(i) Menjaga kepentingan Kerajaan Persekutuan di Sabah, ini termasuklah mempastikan bahawa Kerajaan Persekutuan itu dihubungi dan diberitahu tentang undang-undang Negeri;

(ii) Menyelaras kerja-kerja apabila menjalankan dasar-dasar Kerajaan Negeri dan Persekutuan;

(iii) Mengawasi Jabatan-jabatan Persekutuan supaya tidak bertelingkah dengan Kerajaan Negeri; dan

(iv) Memelihara tali persahabatan yang baik di antara Kerajaan-kerajaan dan Rakyat Semenanjung Malaysia dengan Sarawak dan Sabah supaya terujudnya sebuah Negara yang maju dan bersatu padu.

Tugas tugas yang di atas telah dilaksanakan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang aman lagi makmur dengan jayanya. Perhubungan yang harmoni di antara Kerajaan Negeri/Persekutuan selama ini telah membolehkan Kerajaan Persekutuan melaksanakan Rancangan Malaysia Pertamanya dengan jaya lagi berkesan. Adalah dijangkakan bahawa Pejabat Setiausaha Persekutuan, sebagai wakil Kerajaan Persekutuan di Sabah, hendaklah senantiasa mengekalkan perhubungan yang baik ini supaya dapatlah juga Rancangan Malaysia Kedua dilaksanakan dengan jayanya seperti kejayaan yang telah dicapai bagi Rancangan Malaysia Pertama dahulu. Sekiranya matalamat ini telah tercapai, maka sudah tentulah Malaysia akan mendatangkan pengalaman yang bermakna bagi rakyat di Sabah.

Kuasa Undang-undang yang diwakilkan kepada Setiausaha Persekutuan, Sabah sebagai Kuasa Tempatan Persekutuan bagi tahun 1974 adalah seperti berikut:

(i) Ordinan Memelihara Keselamatan Awam, Sabah, 1962;

(ii) Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960;

(iii) Sabah Public Order Ordinance;

(iv) Sabah Banishment Ordinance;

(v) Workmen's Compensation Ordinance, 1955; dan

(vi) Workmen's Compensation, 1956.

Dalam tahun 1975, adalah diramalkan bahawa kuasa undang-undang yang disebutkan di atas akan juga diwakilkan kepada Setiausaha Persekutuan, Sabah.

(*c*) Protokol

Berkenaan dengan Protokol, tugas-tugasnya termasuklah menyediakan acara-acara lawatan, menemui pelawat pelawat, menyediakan kenderaan-kenderaan, tempat-tempat kediaman, mengatur lawatan-lawatan hormat ke atas orang-orang kenamaan tempatan, jamuan dan memproses bil-bil perbelanjaan Menteri-menteri/Pegawai-pegawai Persekutuan. Dengan kemajuan yang kian bertambah di bawah Rancangan Malaysia Kedua ini, kami harap akan banyak lagi pelawat-pelawat termasuk orang-orang profesenal dan teknikal akan membuat lawatan ke Sabah; yang mana bilangan pelawat-pelawat dalam tahun 1974 hitong panjang (terdiri daripada Menteri-menteri dan Pegawai-pegawai Persekutuan) adalah 14 dalam tiap-tiap bulan.

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	68,089	115,685	153,810
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	30,995	49,184	71,816
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ...	2,790	5,856	6,524
	Jumlah Gaji ...	101,874	170,725	232,150
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	14,308	10,700	15,960
2200	Pengangkutan Barang-barang ...	950	150	2,500
2300	Kemudahan Perhubungan ...	22,478	10,000	20,000
2400	Api, Air dan Letrik dll.	5,819	120,000	200,000
2500	Sewa	24,776	14,000	14,000
2600	Perkhidmatan Pencetakan ...	1,381	800	1,300
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	5,138	5,000	8,000
2800	Perkhidmatan Pelbagai	11,667	24,000	18,440
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	860	1,900	25,500
	Jumlah ...	189,251	357,275	537,850

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974	Bilangan	Anggaran Tahun 1975
		$		$		$
(i) Pentadbiran Am	20	91,814	25	130,405	28	150,220
(ii) Perhubungan dan Penyelarasan	3	10,060	3	40,320	3	81,930
Jumlah ..	23	101,874	28	170,725	31	232,150

3. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Belanja Mengurus	$189,251	$357,275	$537,850

PEJABAT SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK

Kepala Bekalan 12	...	**$1,079,000**
Jumlah	...	**$1,079,000**

BELANJA MENGURUS

Peruntukan 1975	...	...	**$1,079,000**
Peruntukan 1974	...	...	**1,094,280**
Perubahan	...		**— $ 15,280**

1. Tujuan-tujuan

Tanggungjawab Pejabat ini adalah meliputi aktiviti-aktiviti seperti berikut:

(*a*) Untuk mentadbir secara langsung perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan Persekutuan di Negeri Sarawak mengenai kuasa-kuasa tertentu yang diturunkan kepadanya di bawah Undang-undang Persekutuan. Kuasa-kuasa yang dimaksudkan ini merupakan sebahagian daripada tanggungjawab-tanggungjawab dan tugas-tugas yang diselenggarakan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan Perkhidmatan Awam. Jabatan juga terlibat secara tidak langsung, iaitu dengan cara merujukkan perkara-perkara yang hendak dilaksanakan oleh Jabatan-jabatan Persekutuan/Kementerian-kementerian dan juga Kerajaan Negeri, di dalam segala hal pentadbiran awam;

(*b*) Mewujud dan memeliharakan perhubungan yang rapat di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan di dalam segala perkara; samada mengenai kepentingan Kerajaan Persekutuan mahupun Kerajaan Negeri;

(*c*) Menghubungi serta menyelaraskan dengan Kerajaan Negeri mengenai hal ehwal protokol, lawatan Menteri-menteri, orang-orang Kenamaan dan Pegawai-pegawai tinggi Persekutuan di samping menguruskan pelbagai acara rasmi Kerajaan;

(*d*) Menguruskan hal-hal berkaitan dengan pinjaman pakar-pakar dari seberang laut bagi Jabatan-jabatan Negeri;

(*e*) Menguruskan Penyewaan rumah-rumah bagi Pegawai-pegawai dan penyenggaraan rumah V.I.P. "Bunga Raya"; dan

(*f*) Memupuk serta memelihara perhubungan rapat di antara Pasukan Keselamatan dan Pentadbiran Awam di dalam perkara-perkara yang tidak berkaitan dengan hal-hal keselamatan.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Peruntukan Tahun 1974 $	Anggaran Tahun 1975 $
(i) Pentadbiran Am, Kawalan dan Penyelarasan	483,062	491,030	445,000
(ii) Bahagian Perkhidmatan dan Perjawatan..	500,300	603,250	634,000
Jumlah ..	983,362	1,094,280	1,079,000

(i) *Pentadbiran Am, Kawalan dan Penyelarasan*

Pejabat ini ditugaskan untuk menjalankan kuasa-kuasa yang diturunkan kepada Setiausaha Persekutuan di bawah undang-undang Preservation of Public Security Regulations, 1963, Public Order Ordinance (Sarawak) No. 8/1962, Internal Security Ordinance, 1962 dan Preservation of Public Security (Detention) Regulations, 1962. Di samping itu Setiausaha Persekutuan ini terlibat di dalam pelbagai Jawatankuasa-jawatankuasa di peringkat Negeri samada sebagai Pengerusi atau sebagai ahli.

Keadaan keselamatan di Negeri Sarawak memerlukan penglibatan yang lebih langsung dan intensif oleh pihak Jabatan ini. Justru itu, Setiausaha Persekutuan telah dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Keselamatan Negeri dan lain-lain Jawatankuasa Kecil Keselamatan di Sarawak. Di dalam konteks ini, Jabatan memainkan peranan yang positif dan mengadakan hubungan dan koordinasi yang rapat dengan pihak-pihak Pentadbiran Kerajaan Negeri, Polis dan Angkatan Bersenjata Malaysia di dalam segala usaha-usaha bergabung dan bersungguh-sungguh yang bertujuan untuk mengembalikan keamanan di Sarawak melalui usaha-usaha intensif di bidang gerakseraf di Sarawak.

Selain daripada penglibatan di dalam usaha-usaha dan gerakan-gerakan keselamatan di Sarawak, Jabatan ini juga terlibat di bidang menyelaraskan usaha-usaha pembangunan dan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

Oleh sebab kerja-kerja di bawah Bahagian ini adalah beranika corak dan rupa, maka jumlah beban-kerjanya tidak dapat disenaraikan dengan lengkap secara statistik untuk dijadikan ukuran pelaksanaan Jabatan ini.

Di bawah aktiviti ini, terdapat juga pegawai-pegawai yang menjalankan tugas pentadbiran di pejabat meliputi kerja-kerja menyediakan baucer pembayaran, mengeluarkan lesen-lesen di bawah undang-undang Arms and Explosives Ordinance (Sarawak Cap. 135) mengelolakan tempahan bilik orang-orang kenamaan di lapangan terbang Kuching, menyelaraskan dengan Kerajaan Negeri mengenai perkara-perkara protokol berkaitan dengan lawatan Menteri-menteri Persekutuan dan penyenggaraan rumah V.I.P. "Bunga Raya". Pegawai-pegawai Jabatan ini juga bertanggungjawab untuk menyelaraskan dengan pihak-pihak yang berkenaan mengenai perkara-perkara keselamatan serta memeliharakan per-hubungan rapat di antara Pasukan Keselamatan dan Pentadbiran Awam dalam semua urusan yang tidak berkaitan dengan hal-hal keselamatan di samping menguruskan kerja-kerja routine yang dilaksanakan dari sehari ke sehari.

(ii) *Bahagian Perkhidmatan dan Perjawatan*

Bahagian Perjawatan Pejabat ini menjalankan fungsi menurut kuasa-kuasa yang diperturunkan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam kepada Setiausaha Persekutuan. Untuk melaksanakan kuasa-kuasa tersebut, Jabatan ini adalah menjalankan tugas-tugas seperti berikut:

(*a*) Mentadbirkan Perintah Am Sarawak di bidang berikut—

(i) Menimbang dan memberi persetujuan kepada pindaan peraturan-peraturan di dalam Perintah Am Sarawak yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri.

(ii) Melaksanakan polisi bagi membenarkan pegawai-pegawai Persekutuan mengambil cuti belajar di seberang laut.

(*b*) Menimbangkan permohonan-permohonan mewujudkan perjawatan yang dikemukakan oleh Negeri Sarawak mengikut Perkara 112 Perlembagaan Malaysia dan Seksyen 24, Seksyen-kecil 20-22 di bawah Penyata Jawatan-kuasa Antara Kerajaan Tahun 1962 mengenai jawatan-jawatan yang tangga-tangga gajinya telah ditetapkan mengikut sekim-sekim perkhidmatan yang

telah diluluskan. Ini termasuk jawatan-jawatan tambahsentara bagi calun-calun yang telah tamat latihan untuk mengisi jawatan-jawatan yang akan diwarganegarakan.

(*c*) Meluluskan kertas-kertas persaraan bagi pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam di Negeri Sarawak yang telah meningkat umur persaraan serta meluluskan persaraan pilihan sendiri (optional retirement), meluluskan bayaran ganjaran mati dan menjalankan lain-lain tugas di bawah Ordinan Persaraan Sarawak (Pension Ordinance Sarawak).

(*d*) Menentukan syarat-syarat perkhidmatan yang akan ditawarkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan, Cawangan Sarawak kepada pegawai-pegawai yang dilantik ke jawatan-jawatan Persekutuan mengikut syarat dan keadaan perkhidmatan Sarawak, selaras dengan ketetapan yang terkandung di Lampiran "B" Penyata Jawatankuasa Antara Kerajaan Tahun 1962.

(*e*) Mengkaji dan meluluskan sekim Perkhidmatan Sementara (ad-hoc) bagi jawatan-jawatan dan tanggagaji C4, N5 dan P8 ke atas dalam Jabatan-jabatan Persekutuan serta memproseskan iklan-iklan bagi pengambilan kakitangan baru.

(*f*) Mengurus dan mentadbirkan biasiswa dan bantuan latihan yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan dan lain-lain badan penderma asing, bagi Jabatan-jabatan Persekutuan.

(*g*) Menjalankan tugas-tugas yang diberi oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan, Cawangan Sarawak mengenai perlantikan sementara bagi pegawai-pegawai dalam kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas dan dalam Kumpulan Kerja dan Separa Ikhtisas serta meluluskan pegawai-pegawai memangku jawatan yang lebih tinggi termasuk menentukan kadar bayaran elaun pemangkuan.

(*h*) Bertanggungjawab bagi menguruskan kelas-kelas Bahasa Malaysia dan peperiksaan-peperiksaan bagi pegawai-pegawai Kerajaan.

(*i*) Memproseskan kertas-kertas naik pangkat, pemangkuan, pengesahan dan perlanjutan tempoh percubaan terhadap semua pegawai-pegawai Jabatan Persekutuan dalam tanggagaji C4, N5 dan P8 ke atas untuk kelulusan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Cawangan Sarawak. Bahagian ini juga meluluskan semua pemangkuan-pemangkuan jangka pendek mengikut penerimaan kuasa yang telah diberi oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Cawangan Sarawak.

Jumlah kerja yang diselenggarakan di bawah aktiviti ini tidak dapat disukat mengikut sesuatu yunit kerja. Walau bagaimanapun sebahagian daripada tanggung-jawab-tanggungjawab ini adalah seperti yang disenaraikan berikut:

	Anggaran Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
1. Permohonan ganjaran, Pencen konterek, kahwin dan mati	130	140	160
2. Permohonan untuk ditukar daripada Perkhidmatan berpencen, pengesahan dalam jawatan dan lanjutan tempoh percubaan, lantikan pemangkuan dan naik pangkat	490	500	650
3. Permohonan untuk membeli tanah ..	60	100	80
4. Permohonan-permohonan untuk cuti untuk keluar negeri, elaun sarahidup dan elaun cuti	3,865	4,000	5,000
5. Penyiaran Warta Kerajaan	1,002	1,500	1,800

		Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
6.	Permohonan-permohonan untuk Perbelanjaan (passages) termasuk Perjalanan untuk pegawai-pegawai konterek	120	150	200
7.	Pengambilan Pegawai-pegawai ..	55	44	100
8.	Persaraan	8	10	12
9.	Lembaga Kesihatan (Medical Board)	2	4	4
10.	Sekim Perkhidmatan Biasiswa bagi kursus-kursus Ijazah (Persekutuan dan Rancangan Colombo) Latihan Matriculation dan Perkhidmatan. ..	115	180	250
11.	Pengiklanan	21	24	26
12.	Permohonan-permohonan	8,350	10,000	12,000
13.	Temuduga-temuduga untuk calun-calun	2,000	3,000	4,000
14.	Pemegang-pemegang biasiswa dan pelatih-pelatih pra-perkhidmatan (Pentadbiran elaun-elaun, perjalanan (passages) perjanjian-perjanjian dan lain-lain	670	860	1,050
15.	Jawatan-jawatan latihan dimana anggaran-anggaran dikehendaki disediakan (Latihan Pra-perkhidmatan)	18	21	22
16.	Memproses anggaran-anggaran latihan tahunan untuk biasiswa-biasiswa Jabatan Negeri dan Persekutuan ..	74	75	75
17.	Permohonan-permohonan	150	180	220
18.	Pelatih dalam perkhidmatan (Pentadbiran elaun-elaun, Perjalanan, perjanjian-perjanjian dan lain-lain) ..	100	130	140
19.	Memproses anggaran tahunan untuk latihan bagi Jabatan-jabatan Negeri dan Persekutuan	74	75	75
20.	Peperiksaan Kerajaan	12	14	15
21.	Kes-kes bayaran balik wang biasiswa oleh pelajar-pelajar yang melanggar perjanjian	33	33	37
22.	Baucer-baucer pembayaran, baucer journal, warna pengangkutan udara, Service Order dan lain-lain	1,500	2,000	2,200

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973 $	Peruntukan Tahun 1974 $	Anggaran Tahun 1975 $
1100	Gaji dan Upahan	374,470	423,685	343,287
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	165,696	185,670	210,613
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..	3,565	3,935	4,100
	Jumlah Gaji ..	543,731	613,290	558,000

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	253,225	305,000	318,000
2200	Pengangkutan Barang-barang ..	11,171	21,000	26,000
2300	Kemudahan Perhubungan ..	31,154	20,500	27,000
2400	Api, Air dan Letrik dll.	14,815	13,800	14,500
2500	Sewa	12,515	3,530	7,030
2600	Perkhidmatan Pencetakan.. ..	912	2,200	2,500
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	21,511	15,720	19,600
2800	Perkhidmatan Pelbagai	71,937	93,600	99,370
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	22,391	5,140	7,000
3300	Pembinaan	—	500	—
	Jumlah ..	983,362	1,094,280	1,079,000

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974 $	Bilangan	Anggaran Tahun 1975 $
(i) Pentadbiran Am Kawalan dan Penyelarasan	31	303,431	31	210,040	29	304,000
(ii) Bahagian Perkhidmatan dan Perjawatan	25	240,300	25	403,250	27	254,000
Jumlah ..	56	543,731	56	613,290	56	558,000

3. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Peruntukan Tahun 1974 $	Anggaran Tahun 1975 $
Belanja Mengurus	983,362	1,094,280	1,079,000

KEMENTERIAN PERANCANGAN AM DAN PENYELIDIKAN SOSIO-EKONOMI

Kepala Bekalan 13 ...	**...**	**$516,535**
Jumlah	**...**	**$516,535**

BELANJA MENGURUS

Peruntukan 1975	**...**	**$516,535**
Peruntukan 1974	**...**	**456,850**
Peruntukan	**...**	**+ $59,685**

1. Tujuan-tujuan

Penubuhan Kementerian Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi adalah berasaskan kepada Bahagian Perancang Am di bawah Jabatan Perdana Menteri. Kementerian ini terdiri dari Bahagian Perancang Am bersama Biro Pengaduan Awam, Jabatan Perangkaan dan Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia. Suruhanjaya Tetap Mengenai Banjir adalah juga diberikan khidmat urusetianya oleh Kementerian ini dengan Yang Berhormat Menteri sebagai pengerusi Suruhanjaya tersebut.

Konsep menyeluruh dalam menubuhkan Kementerian ini adalah supaya Kerajaan disediakan dengan satu ajensi perancangan am untuk membolehkan pandangan menyeluruh yang amat berguna berhubung dengan berbagai-bagi Kementerian dan Jabatan supaya Kerajaan dapat diberi penilaian yang objektif mengenai issue-issue tertentu yang timbul. Keperluan bagi Kementerian ini boleh diperhatikan berdasarkan latar-belakang pembangunan yang pesat di dalam negeri ini yang mempunyai implikasi-implikasi sosio-ekonomi yang luas. Rancangan-rancangan dan jadual-jadual pembangunan Kerajaan hendaklah disusun dan dirangka untuk mempastikan ujudnya faedah-faedah sosio-ekonomi yang maksima dan menentukan ianya dinikmati oleh segenap lapisan masyarakat.

Dari itu tujuan utama Kementerian ini adalah untuk mengkaji perkara-perkara penting secara mendalam serta di dalam rangka perspektif kepentingan nasional yang luas.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(i) Pentadbiran Am	$456,850	$516,535
	$456,850	$516,535

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$
1100	Gaji dan Upahan	345,845	396,785
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang ..	3,240	10,800
1300	Tambahan Gaji Kakitangan	5,465	4,850
	Jumlah Gaji ..	354,550	412,435

		Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	12,000	12,000
2200	Pengangkutan Barang-barang	800	800
2300	Kemudahan Perhubungan	29,000	29,000
2400	Api, Air dan Letrik dll.	9,000	9,000
2600	Perkhidmatan Pencetakan..	21,000	23,000
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	14,000	18,000
2800	Perkhidmatan Pelbagai	12,500	6,300
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	2,000	2,000
3300	Pembinaan	2,000	4,000
	Jumlah ..	456,850	516,535

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974	Bilangan	Anggaran Tahun 1975
		$		$
(i) Pentadbiran Am	47	354,550	47	412,435
Jumlah ..	47	354,550	47	412,435

3. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Belanja Mengurus	$456,850	$516,535

PERANGKAAN

Kepala Bekalan 14	...	**$10,862,500**
Jumlah	...	**$10,862,500**

BELANJA MENGURUS

Peruntukan 1975		
(Semenanjung Malaysia)	...	**$9,377,352**
(Sarawak dan Sabah)	...	**1,485,148**
Peruntukan 1974		
(Semenanjung Malaysia)	...	**$8,532,597**
(Sarawak dan Sabah)	...	**1,375,906**
Perubahan	...	**+ $ 953,997**

1. Tujuan-tujuan

Jabatan Perangkaan, Malaysia adalah satu ajensi Perangkaan pusat yang diberi tanggungjawab untuk memungut, menyusun dan menerbitkan maklumat perangkaan. Ianya juga terlibat dalam kerja mentafsirkan perangkaan yang diterbitkannya. Tujuan-tujuan utamanya adalah terbahagi kepada dua gulungan seperti berikut:

(i) *Memberikan data perangkaan dan menasihatkan pengguna-pengguna perangkaan di sektor-sektor awam dan swasta*

Keperluan untuk data perangkaan dalam keseluruhan perancangan ekonomi, pelaksanaan dan teguran dan dalam bentuk merangka langkah-langkah dasar (design of policy measures) adalah satu unsur yang sangat penting. Keperluan perangkaan mengenai perjalanan ekonomi negara dan keadaan-keadaan sosial telah dirasai secara lebih mendalam dalam Konteks Dasar Ekonomi Baharu. Jabatan ini melaksanakan keperluan-keperluan data yang dirasai oleh lain-lain Kementerian dan Jabatan.

Jabatan ini memberi bantuan perangkaan yang berterusan bukan sahaja kepada pelbagai ajensi-ajensi pusat yang terlibat dengan perancangan ekonomi dan sosial tetapi juga kepada Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan dan Ajensi-ajensi yang melaksanakannya.

Dalam menjalankan tugas-tugas ini tujuan-tujuan Jabatan ini disalurkan menerusi dialog yang berterusan dengan pengguna-pengguna perangkaan di sektor awam. Jabatan ini juga memberi nasihat dan bantuan kepada pelbagai ajensi yang dipertanggungkan memungut data perangkaan. Bantuan yang seperti ini termasuk-lah pertolongan yang disertakan dengan pelbagai penyiasatan, nasihat mengenai prosidur sampel, nilaian data yang dipungut.

Sektor swasta yang memainkan peranan terpenting dalam ekonomi negara dan dalam konteks Rancangan Malaysia Kedua memerlukan data perangkaan. Keperluan-keperluan sektor swasta adalah luas dan banyak. Keperluan-keperluan datanya termasuklah data mengenai penggunaan, kegunaan tenaga manusia, keadaan-keadaan ekonomi pada umumnya, harga-harga, pengeluaran, gaji-gaji, dsb. Data sedemikian adalah perlu kepada sektor swasta untuk merumuskan proiek-projek pelaburan dan untuk menilai perkembangan perusahaan-perusahaan baharu.

(ii) *Memberi bantuan dalam kerja-kerja memproses data yang dilaksanakan oleh pelbagai ajensi-ajensi Kerajaan*

Pemasangan letronik memproses data di Jabatan ini adalah yang terbesar di Tenggara Asia dan yang demikian telah digunakan sepenuhnya bukan sahaja untuk memproses bidang perangkaan yang luas tetapi juga memproses data yang dipungut oleh ajensi-ajensi lain. Dalam kegiatan memberikan kemudahan-kemudahan memproses, tujuan Jabatan ini ialah memproses dengan cepat kerja yang dilaksanakan oleh ajensi-ajensi yang tersebut itu. Jabatan ini mengadakan perkhidmatan bukan sahaja dalam ertikata menebuk kad-kad tetapi juga memproses kad-kad itu. Contoh kerja yang diselenggarakan bagi pihak ajensi-ajensi lain ialah Akta Sekatan Pekerjaan, rekod-rekod Data Hujan bagi Jabatan Parit dan Taliair, pemberian nasihat tentang pelaksanaan rancangan, maklumat-maklumat Pasar Buruh, Senarai Pengundi dll.

Selain dari itu, bantuan dan latihan diberi menerusi perkhidmatan-perkhidmatan perunding (consultancy services) kepada ajensi-ajensi yang melaksanakan kerja-kerja perangkaannya sendiri.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran Am dan Penyelarasan—			
(Semenanjung Malaysia)	1,212,346	1,094,063	1,365,389
(Sarawak dan Sabah)	396,557	473,711	528,620
(ii) Penyiasatan—			
(Semenanjung Malaysia)	3,291,429	2,246,375	2,386,470
(Sarawak dan Sabah)	211,349	256,899	274,322
(iii) Perusahaan—			
(Semenanjung Malaysia)	973,160	1,184,578	1,649,212
(Sarawak dan Sabah)	87,806	141,575	158,383
(iv) Kaji Insan dan Banci Penduduk—			
(Semenanjung Malaysia)	1,051,700	1,024,135	947,725
(Sarawak dan Sabah)	58,481	70,321	76,231
(v) Pendapatan Negara—			
(Semenanjung Malaysia)	146,366	177,482	195,898
(vi) Perdagangan—			
(Semenanjung Malaysia)	448,522	480,567	531,148
(Sarawak dan Sabah)	144,555	170,582	179,423
(vii) Bahagian Pengira Elektronik—			
(Semenanjung Malaysia)	1,582,279	2,325,397	2,270,986
(Sarawak dan Sabah)	237,740	262,818	268,169
(viii) Bahagian Analisa—			
(Semenanjung Malaysia)	—	—	30,524
Jumlah ..	9,842,290	9,908,503	10,862,500

(i) *Pentadbiran Am*

Aktiviti ini adalah "Aktiviti Sokongan" dan ianya mentadbir keseluruhan Jabatan ini dalam bidang Perjawatan, Perkhidmatan dan Kewangan. Aktiviti ini terlibat penyelarasan fungsi-fungsi Bahagian besar di Jabatan ini dalam lapangan perkara-perkara perangkaan khasnya dalam penyediaan penerbitan-penerbitan perangkaan oleh Jabatan ini, juga membuat perhubungan yang berterusan dengan semua badan-badan yang memerlukan data-data daripada Jabatan ini.

(ii) *Penyiasatan*

Dalam tahun 1975 Jabatan akan terus melaksanakan beberapa penyiasatan untuk memenuhi keperluan data oleh Rancangan Kedua dan Ketiga.

Bahagian ini telah dibahagikan kepada empat bahagian kecil seperti berikut:

(*a*) *Sampel dan Gerakan Luar:*

Bahagian ini akan menyempurnakan belanja-belanja luar bagi pembangunan satu rangka baru yang akan menyelarasi dan mengandungi Rangka Sampel dan Isi Rumah 1966/67 yang ada, Banci Penduduk dan Sampel-sampel selepas Penghitungan. Cadangan ini akan melibatkan kerja luar yang meluas oleh tangga kerja yang terbesar. Rangka ini ialah satu asas yang penting untuk melaksanakan semua penyiasatan Isi Rumah.

(*b*) *Harga dan Pendapatan:*

Bahagian ini akan meneruskan kerja memproses, menyusun dan menganalisa Harga-harga Runcit, Harga-harga Borang dan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah.

(*c*) *Tenaga Buruh dan Penyiasatan Isi Rumah:*

Akan terus menjalankan penyiasatan-penyiasatan tenaga buruh isi rumah dan juga penyiasatan-penyiasatan sosio-ekonomi yang saling berkaitan. Akan memproses dan menghurai data Penyiasatan Tenaga Manusia dan selenggarakan rangka asas untuk penyiasatan yang akan datang.

(*d*) *Penyiasatan-penyiasatan Pertanian:*

Bahagian ini akan menyelesaikan penerbitan-penerbitan untuk penyiasatan-penyiasatan 1968/1969 dan 1969/1970 dan juga untuk menyempurnakan kos bagi kerja luar dan kerja memproses 1974/1975 dan kerja penyuntingan dan pencatitan yang timbul. Akan memperluaskan lagi penyiasatan padi.

(iii) *Perusahaan*

Bahagian ini melaksanakan beberapa banci dan penyiasatan untuk tahun 1975. Kegiatan-kegiatan akan diteruskan di atas Banci Perusahaan Perkilangan 1973 dan Penyusunan Penjelasan Barangan Malaysia. Penyiasatan-penyiasatan bulanan dan tahunan dan lapuran-lapurannya akan juga diteruskan di atas estet-estet getah, kelapa sawit, kelapa dan teh.

Penerbitan-penerbitan indeks bulanan penghasilan perusahaan akan juga disiapkan. Selain daripada itu, Bahagian ini ada juga melaksanakan penyiasatan bulanan di atas perusahaan perkilangan, penyiasatan tahunan di atas perusahaan

pembinaan, Banci perlombongan dan penyiasatan agehan. Separuh tanggungjawab yang mustahak termasuk penyiasatan-penyiasatan khas di atas sektor-sektor yang tertentu untuk memungut data mengenai penyertaan Bumiputra dalam Perdagangan dan Perusahaan.

(iv) *Kaji Insan dan Banci Penduduk*

Usaha memproses Banci Penduduk dan Perumahan 1970 akan selesai dalam tahun 1975. Kegiatan-kegiatan utama dalam tahun 1975 akan dipusatkan pada kerja menyelesaikan Lapuran-lapuran Khas mengenai Tenaga Buruh dan Pelajaran dan kebolehan membaca dan menulis. Sumber data ialah Banci Penduduk 1970. Kegendalaan mencetak Lapuran utama Banci Penduduk akan dibereskan. Penerbitan-penerbitan perangkaan terpenting, Perangkaan Pelancung dan Perangkaan Pelancung dan Perangkaan Sosial bagi tahun 1974, akan disusun, dianalisa dan dicetak.

Permintaan-permintaan pemakai khas terus mengendalikan jadual waktu utama di Bahagian ini. Kegendalaan ini ditambah lagi dengan rancangan-rancangan hendak menubuhkan yunit Perancang Penduduk di Bahagian Perancang Ekonomi. Selain dari bertambahnya jumlah permintaan pemakai, terdapat permintaan-permintaan untuk hasil analisa, satu urusan yang sangat banyak memakan masa. Bagaimanapun, oleh kerana kebanyakan permintaan berbentuk sedemikian dan Jabatan ini telah memutuskan untuk memberikan hasil yang seperti ini, kegendalaan itu akan disesuaikan sehingga pengalaman dapat mengurangkan masa yang terlibat.

(v) *Pendapatan Negara*

Dalam tahun 1975, selain daripada menjalankan kerja penyusunan tahunan bagi pendapatan negara, ia juga dapat menggambarkan beberapa perkembangan yang telah dijalankan terlebih dahulu mengenai penyusunan pendapatan negara. Tambahan pula ia dikehendaki untuk mengadakan data-data berhubung dengan Rancangan Malaysia Ketiga.

(vi) *Perdagangan*

Di bawah aktiviti ini, beberapa kutipan akan dijalankan dalam lapangan-lapangan seperti Perdagangan Luar, Penyiasatan Kewangan, Penyiasatan Hak Milik, Imbangan Bayar Membayar dan Harga Indeks Perdagangan Luar.

Dalam tahun 1975, jumlah borang-borang pengakuan kastam yang akan diterima adalah kira-kira 2.5 juta, dan borang-borang ini akan mengandungi hampir empat juta perkara yang terpaksa disemak dan dikodkan sebelum dihantarkan ke Bahagian Memproses Data.

Dalam tahun 1975, mengikut cadangan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian Sekim L-2 akan diperluaskan ke pelabuhan-pelabuhan lain daripada Pelabuhan Pulau Pinang dan Pelabuhan Kelang di Semenanjung Malaysia, dan juga ke pelabuhan-pelabuhan utama di Sabah dan Sarawak.

(vii) *Bahagian Pengira Elektronik*

1. Dalam tahun 1975, kerja-kerja dari Jabatan ini adalah dilayankan. Banci Perkilangan Perindustrian 1973 akan menjadi salah satu kerja lebih besar diproses.
2. Beberapa kerja-kerja dari Jabatan ini pada masa ini merancang lagi dan mereka dijangka dapat diproses.
3. Memproses data Banci akan terus dijalankan.
4. Memproses kerja-kerja bukan Jabatan akan terus dijalankan.
5. Lebih banyak kerja memproses akan dijangka diperlukan oleh kesiapan-kesiapan untuk membuat Rancangan Malaysia Ketiga.

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan—			
	(Semenanjung Malaysia) ..	3,716,311	4,081,810	4,486,848
	(Sarawak dan Sabah)	612,620	715,429	769,770
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang—			
	(Semenanjung Malaysia) ..	142,023	70,358	257,358
	(Sarawak dan Sabah)	173,765	193,460	255,056
1300	Tambahan Gaji Kakitangan—			
	(Semenanjung Malaysia) ..	127,096	136,043	127,502
	(Sarawak dan Sabah)	15,450	16,264	20,712
	Jumlah Gaji ..	4,787,265	5,213,364	5,917,246
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang—			
	(Semenanjung Malaysia) ..	81,497	90,000	129,000
	(Sarawak dan Sabah)	42,680	70,398	51,700
2200	Pengangkutan Barang-barang—			
	(Semenanjung Malaysia) ..	5,763	7,300	8,500
	(Sarawak dan Sabah)	5,049	6,300	8,500
2300	Kemudahan Perhubungan—			
	(Semenanjung Malaysia) ..	62,123	54,720	70,720
	(Sarawak dan Sabah)	3,687	4,000	4,000
2400	Api, Air dan Letrik dll.—			
	(Semenanjung Malaysia) ..	235,000	241,140	241,200
	(Sarawak dan Sabah)	19,603	25,500	20,500
2500	Sewa—			
	(Semenanjung Malaysia) ..	27,996	68,196	36,393
	(Sarawak dan Sabah)	174,251	239,180	239,180
2600	Perkhidmatan Pencetakan—			
	(Sarawak dan Sabah)	9,227	38,800	23,800
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan—			
	(Semenanjung Malaysia) ..	481,147	504,266	864,604
	(Sarawak dan Sabah)	43,607	34,900	57,000
2800	Perkhidmatan Pelbagai—			
	(Semenanjung Malaysia) ..	3,667,391	2,864,219	3,066,225
	(Sarawak dan Sabah)	28,823	31,675	30,250
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan—			
	(Semenanjung Malaysia) ..	155,955	413,795	67,752
	(Sarawak dan Sabah)	7,726	—	4,680
3300	Pembinaan—			
	(Semenanjung Malaysia ..	3,500	—	8,000
4100	Pemberian, Subsidi dan Carum-carum—			
	(Semenanjung Malaysia) ..	—	750	13,250
	Jumlah ..	9,842,290	9,908,503	10,862,500

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974 $	Bilangan	Anggaran Tahun 1975 $
(i) Pentadbiran Am dan Penyelarasan—						
(Semenanjung Malaysia)	95	462,409	95	453,517	95	484,343
(Sarawak dan Sabah) ..	29	89,838	29	70,448	29	96,070
(ii) Penyiasatan—						
(Semenanjung Malaysia)	144	814,929	151	810,396	162	953,895
(Sarawak dan Sabah) ..	58	215,974	58	175,472	59	185,370
(iii) Perusahaan—						
(Semenanjung Malaysia)	143	645,642	141	650,967	145	750,840
(Sarawak dan Sabah) ..	31	119,965	31	99,538	33	105,430
(iv) Kaji Insan dan Banci Penduduk—						
(Semenanjung Malaysia)	85	520,700	81	512,935	81	515,135
(Sarawak dan Sabah) ..	12	63,186	12	54,140	12	58,400
(v) Pendapatan Negara—						
(Semenanjung Malaysia)	21	154,269	21	159,318	21	167,265
(vi) Perdagangan—						
(Semenanjung Malaysia)	91	420,064	96	429,103	96	455,805
(Sarawak dan Sabah) ..	26	154,558	26	134,976	26	139,440
(vii) Bahagian Pengira Elektronik—						
(Semenanjung Malaysia)	198	1,066,026	198	1,065,574	220	1,131,305
(Sarawak dan Sabah) ..	38	234,733	38	180,855	38	185,060
(viii) Bahagian Analisa—						
(Semenanjung Malaysia)	—	—	2	—	4	28,260
Jumlah ..	971	4,962,293	979	4,797,239	1,021	5,256,618

3. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Peruntukan Tahun 1974 $	Anggaran Tahun 1975 $
Belanja Mengurus—			
Semenanjung Malaysia	8,498,346	8,532,597	9,377,352
Sarawak	723,048	740,387	784,203
Sabah	620,896	635,519	700,945
Jumlah ..	9,842,290	9,908,503	10,862,500

Kepala Bekalan 15	... ...	**$978,600**
Jumlah	...	**$978,600**

BELANJA MENGURUS

Peruntukan 1975	... ...	**$978,600**
Peruntukan 1974	... ...	**885,812**
Perubahan	...	**+ $ 92,788**

1. Tujuan-tujuan

Kegiatan-kegiatan Jabatan Pengajian Pembangunan Malaysia adalah seperti berikut:

(*a*) Mewujudkan satu mimbar bagi menimbangkan aspek-aspek ekonomi, kemasyarakatan, pentadbiran dan politik dalam konteks pembangunan Malaysia melalui pertukaran-pertukaran pendapat yang acap antara pegawai-pegawai di Malaysia dan pegawai-pegawai dari Negara-negara membangun; dan

(*b*) Menjalankan siasatan mengenai masaalah-masaalah kemasyarakatan dan lain-lain yang ditempuhi dalam proses pembangunan di Malaysia.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran Am	439,200	681,304	763,242
(ii) Seminar	114,500	103,000	100,450
(iii) Penyelidikan	63,000	101,508	114,908
Jumlah ..	616,700	885,812	978,600

Prestasi

(i) *Pentadbiran Am*

Berbagai-bagai rancangan yang telah diperturunkan pada tahun 1974 akan dilanjutkan pada tahun 1975 dalam bentuk tindakan-tindakan lanjut selain dari rancangan-rancangan yang terkandung. Aspek-aspek utama rancangan adalah seperti berikut:

Dokumentasi dan Penerbitan

Rancangan-rancangan berikut telah untuk bahagian ini bagi tahun 1975.

(*a*) Penerbitan Development Foram (Inggeris).

(*b*) Foram Pembangunan (Bahasa Malaysia).

(*c*) Penerbitan "Newsletter" bagi mengganti Development Digest.

(*d*) Mengumpul ucapan-ucapan Allahyarham Tun Dr Ismail bin Datuk Abdul Rahman (bekas Timbalan Perdana Menteri) dalam bentuk buku.

(*e*) Penerbitan siri "Kertas-kertas Berkala" mengenai berbagai aspek/perkara mengenai pembangunan yang dimajukan oleh pakar-pakar, ahli akademik dan "practitioners" (tempatan) dalam bidang sains kemasyarakatan, sastera dan sains dan teknoloji. Adalah diharapkan agar siri ini akan mendapat pandangan pembuat-pembuat dasar, penyelidik-penyelidik, pelaksana-pelaksana dan rakyat Malaysia amnya. Juga, adalah tujuan kami memajukan pendapat-pendapat Malaysia mengenai masaalah-masaalah Malaysia dan mewujudkan satu foram bagi perspektif bercorak berbagai displin ke atas usaha-usaha pembangunan negara.

(*f*) Penerbitan Lapuran-lapuran Seminar, Seminar Pelaksanaan dan Seminar Desa—terutama sekali mengenai tindakan-tindakan lanjut yang akan diambil oleh berbagai-bagai Jawatankuasa Bertindak di peringkat Negeri dan Persekutuan.

(*g*) Penerbitan hasil kajian dari Bahagian Penyelidikan Jabatan Pengajian Pembangunan Malaysia, ucapan-ucapan dan kertaskerja-kertaskerja yang bermutu untuk bacaan umum.

(*h*) Penerbitan "Dailog" untuk Sabah/Sarawak.

(ii) *Seminar*

(*a*) Seminar Antarabangsa

Sebagai satu usaha lanjut dalam menganjurkan perbincangan mengenai berbagai-bagai masaalah, seperti masaalah-masaalah sosio-ekonomi dan alam sekitar berhubungan dengan pembangunan, satu seminar Antarabangsa "Energy, Resources and Environment Seminar"—akan diadakan dalam tahun 1975. Seminar ini ialah anjuran bersama Perbadanan MITRE, Amerika Syarikat dan Kerajaan Malaysia.

(*b*) Seminar-seminar Pelaksanaan Dasar-dasar dan Strateji-strateji Pembangunan

Adalah perlu ditegaskan bahawa manusia tidak akan bertindak atau maklum balas dengan baik terhadap mana-mana idea melainkan jika mereka faham. Dan rakyat Malaysia tidak dijangka boleh memahami objektif-objektif dan aspirasi-aspirasi negara dan bertindak sewajarnya melainkan jika mereka betul-betul difahamkan. Ini sudah pasti memerlukan perhubungan yang efektif antara sektor-sektor awam dan swasta. Apa yang dihadapi Kerajaan sekarang ialah bagaimana hendak menjadikan perhubungan awam lebih berkesan, supaya dasar-dasar dan tindakan-tindakan Kerajaan di faham dengan betul dan diterima baik oleh semua orang, terutama sekali rakyat dan sektor swasta, dengan pandangan agar mempengaruhi mereka menerima perubahan-perubahan di keadaan sekeliling mereka yang baru dan sikap-sikap baru untuk menyesuaikan diri mereka dalam usaha-usaha pembangunan Kerajaan.

Berasaskan pandangan inilah Jabatan Pengajian Pembangunan Malaysia telah bercadang mengadakan sebanyak 20 seminar di seluruh Semenanjung Malaysia pada tahun 1975.

(*c*) Seminar Desa

Untuk mencapai kemajuan dalam usaha-usaha pembangunannya, Kerajaan perlu mempastikan bahawa rakyat memahami objektif-objektif dan aspirasi-aspirasi Kerajaan mendatangkan perubahan struktur dalam masyarakat luar-bandar. Berasaskan kepada pendapat inilah maka Jabatan Pengajian Pembangunan Malaysia mencadangkan supaya Pusat-pusat Cawangannya (Pulau Pinang, Kota Bharu, Kuala Lumpur, Kuantan, Johor Bharu, Kuching dan Kota Kinabalu) bertanggungjawab penuh menjalankan seminar-seminar ini dalam tahun 1975.

Pada masa yang sama juga, Jabatan Pengajian Pembangunan Malaysia akan terus memberi bantuan perkhidmatan kepada lain-lain Kementerian/Jabatan dalam menganjurkan Seminar-seminar.

(iii) *Penyelidikan*

Jawatankuasa Pengaruhan dan Penyelarasan Jabatan Pengajian Pembangunan Malaysia yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara telah memperakui Jabatan Pengajian Pembangunan Malaysia sebagai Pusat Penyelidikan pelbagai disiplin yang utama dalam pentadbiran Kerajaan dengan fungsi sebagai berikut:

(*a*) Menjalankan penyelidikan pelbagai disiplin.

(*b*) Menyelaras dan membantu kegiatan penyelidikan ajensi-ajensi Kerajaan, badan-badan berkanun dan Universiti-universiti.

(*c*) Memberikan maklum-balas kepada pembuat dasar.

(*d*) Memberikan pandangan-balas kepada Kerajaan.

Berbagai-bagai rancangan yang telah diperturunkan pada tahun 1974 terutama sekali projek-projek penyelidikan jangka panjang akan dilanjutkan ke tahun 1975. Projek-projek utama adalah:

(*a*) Kajian ke atas Oriantasi Nilai Penduduk Luarbandar di Semenanjung Malaysia terhadap Pembangunan

Jangka masa kajian ini dijangka berlanjut hingga tahun 1976 dan dianggarkan berharga M$320,000. Tujuan-tujuan projek ini ialah:

(i) Mengkaji Oriantasi nilai masyarakat luarbandar di Malaysia terhadap perubahan dalam konteks struktur sosial dan institusi-institusi mereka.

(ii) Mengkaji perhubungan antara oriantasi nilai dan timbal balas terhadap usaha-usaha pembangunan sosio-ekonomi.

(iii) Mengkaji kesan-kesan dari rancangan-rancangan pertengahan "alternative" berasaskan hasil-hasil dari (*a*) dan (*b*) bagi mengujudkan timbal balas yang lebih berkesan terhadap perubahan.

(*b*) Menyusun Petunjuk Sosio-Ekonomi untuk Pembangunan di Malaysia

Tujuan utama projek ini ialah untuk mengenalkan petunjuk-petunjuk sosio-ekonomi yang penting dan selepas itu mencipta cara untuk mengukur "social phenomenon" yang tertentu yang telah tidak dapat diukur. Dicadangkan pada tahun 1975 beberapa "fieldwork" dan pengumpulan butir-butir akan dijalankan.

(*c*) Penyelidikan Mengenai Badan-badan Berkanun

Kajian ini adalah kajian mengenai "performance effectiveness" dan masaalah-masaalah badan-badan berkanun terpilih di Semenanjung Malaysia berdasarkan kepada objektif-objektif Kerajaan seperti terkandung dalam Dasar Ekonomi Baru.

(*d*) Penyertaan Bumiputra Dalam Perniagaan

Kajian ini mempunyai tiga bahagian:

(i) Keadaan dan kedudukan penyertaan Bumiputra dalam perniagaan.

(ii) Masaalah-masaalah penyertaan Bumiputra dalam perniagaan dan faktor-faktor yang mewujudkan/menyebabkan masaalah-masaalah tersebut.

(iii) Strateji bagi menambahkan dan kesan penyertaan tersebut.

(*e*) Sistem Perhubungan Bersokongkan Pembangunan

Projek ini cuba membentuk satu sistem perhubungan bersokongkan pembangunan yang efektif, yang bertujuan bukan saja untuk mempercepatkan lagi usaha-usaha pembangunan tetapi juga untuk menggerakkan penyelidikan perhubungan.

(*f*) Pemindahan Luarbandar—Bandar

Ini ialah kajian mengenai sebab-sebab dan akibat-akibat pemindahan dari luarbandar ke bandar di Semenanjung Malaysia dengan rujukan khas kepada Kuala Lumpur.

(*g*) Sistem Sosio-Ekonomi dan Oriantasi Moden

Sebab-sebab dan akibat-akibat modenisasi:

Walaupun ini adalah kajian antarabangsa yang akan dikendalikan bersama dengan Universiti Pittsburg, usaha-usaha Malaysia akan menganalisa kedudukan di Malaysia dan akan dibiayai oleh pihak Malaysia.

Merujuk kepada rancangan-rancangan tersebut di atas, cadangan-cadangan akan dimajukan kepada Perbendaharaan dan Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mengukuhkan lagi Bahagian Penyelidikan Jabatan Pengajian Pembangunan Malaysia dari segi kakitangan.

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan upahan	243,796	345,996	365,950
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	—	33,136	47,000
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..	204	9,900	9,900
	Jumlah Gaji ..	244,000	389,032	422,850
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	65,000	75,000	82,000
2200	Pengangkutan Barang-barang ..	—	2,500	10,000
2300	Kemudahan Perhubungan ..	12,000	24,000	24,000
2400	Api, Air dan Letrik dll.	10,000	7,000	8,000
2500	Sewa	91,200	83,700	124,600
2600	Perkhidmatan Pencetakan.. ..	60,000	58,400	40,000
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	20,000	23,700	23,450
2800	Perkhidmatan Pelbagai	30,000	6,500	11,500
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	18,500	31,180	7,700
5500	Pelbagai	66,000	184,800	224,500
	Jumlah ..	616,700	885,812	978,600

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974 $	Bilangan	Anggaran Tahun 1975 $
(i) Pentadbiran Am	37	164,000	67	312,424	67	323,442
(ii) Seminar	3	45,000	3	20,600	3	36,000
(iii) Penyelidikan	1	35,000	5	56,008	5	63,408
Jumlah ..	41	244,000	75	389,032	75	422,850

3. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Belanja Mengurus	$616,700	$885,812	$978,600

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KAMPUNG-KAMPUNG BARU

Kepala Bekalan 16	... ...	**$ 498,000**
Kepala Pembangunan 16	...	**35,195,778**
Jumlah	...	**$35,693,778**

	Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975 ...	**$498,000**	**$35,195,778**	**$35,693,778**
Peruntukan 1974	**145,000**	**31,750,020**	**31,895,020**
Perubahan ...	**+ $353,000**	**+ $ 3,445,758**	**+ $ 3,798,758**

1. Tujuan-tujuan

(*a*) Untuk merancang dan melaksanakan satu rancangan nasional mengenai perumahan harga murah, khususnya bagi gulungan yang berpendapatan rendah, dengan harga yang paling minima serta untuk melaksanakan dasar Kerajaan untuk mengadakan rumah untuk rakyat;

(*b*) Untuk menentukan pengawalan dan pelesenan pemaju-pemaju perumahan dengan cara yang betul; dan

(*c*) Untuk menyelaraskan kemajuan kampung-kampung baru dan seberapa boleh memberi bantuan wang kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk melaksanakan projek-projek yang perlu.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(i) Pentadbiran Am	$116,890	$145,000	$498,000

Prestasi

Kementerian baru ini telah diujudkan pada bulan September, 1974 berikutan dari penyusunan semula Kabinet dan pemindahan tugas-tugas Menteri. Bahagian Perumahan yang dahulunya di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan dan juga perkara Kampung-kampung Baru yang dahulunya di bawah Kementerian Teknoloji, Penyelidikan dan Kampung-kampung Baru telah diserapkan dijadikan Kementerian baru.

Matlamat-matlamat ini lazimnya dicapai melalui:

(*a*) Pelaksanaan dasar dan rancangan mengenai perumahan harga murah sebagaimana yang mungkin diluluskan oleh Menteri yang berkenaan.

(*b*) Penyelarasan bantuan pinjaman Kerajaan Persekutuan bagi rancangan-rancangan perumahan murah yang telah diluluskan dan perhubungan dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri serta Lembaga Perumahan dalam pelaksanaan rancangan-rancangan tersebut.

(*c*) Pelesenan dan pengawalan pemaju-pemaju perumahan swasta, sebagaimana diperuntukkan di bawah Akta (Mengawal dan Melesen) Pemaju-pemaju Perumahan, 1966 serta Kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya.

(*d*) Dari peruntukan yang diluluskan, pemberian kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk membantu mereka melaksanakan projek-projek yang perlu dalam kampung-kampung baru dan lain-lain kawasan yang akan diluluskan oleh Y.B. Menteri.

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan		118,180	350,000
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang		6,000	30,000
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..		2,269	9,000
	Jumlah Gaji ..		126,449	389,000
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang		4,651	40,000
2200	Pengangkutan Barang-barang ..		100	1,000
2300	Kemudahan Perhubungan ..	116,890	3,800	15,000
2400	Api, Air dan Letrik dll.		3,700	6,000
2500	Sewa		—	18,000
2600	Perkhidmatan Pencetakan ..		500	2,000
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan		4,100	11,000
2800	Perkhidmatan Pelbagai		1,400	6,000
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan		300	10,000
4100	Pemberian, Subsidi dan Carum-carum		—	—
	Jumlah ..	116,890	145,000	498,000

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974	Bilangan	Anggaran Tahun 1975
		$		$
(i) Pentadbiran Am	15	126,449	89	389,000

3. Anggaran Pembangunan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Perumahan	12,383,335	28,750,020	32,195,778
(ii) Pemberian untuk Projek-projek dalam Kampung-kampung Baru ..	2,904,400	3,000,000	3,000,000
Jumlah ..	15,287,735	31,750,020	35,195,778

Kemajuan Kerja-kerja Pembinaan

(i) *Perumahan*

Di bawah Rancangan Malaysia Kedua peruntukan sebanyak $85,242,000 telah diluluskan bagi perlaksanaan rancangan perumahan awam di Semenanjung

Malaysia. Selain daripada peruntukan ini, Negeri Sabah telah diuntukan $8 juta dan Negeri Sarawak $5 juta bagi perlaksanaan rancangan-rancangan perumahan awam di negeri-negeri masing-masing.

Bagi tahun 1974, $20 juta telah diluluskan untuk membiayai pengeluaran wang pinjaman yang diperlukan untuk beberapa sekim-sekim perumahan dalam negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Suatu peruntukan tambahan (supplementary provision) sebanyak $12 juta telah diluluskan dalam tahun 1974 menjadikan jumlah peruntukan sebanyak $32 juta. Sehingga sekarang (sehingga akhir bulan Ogos 1974) wang sebanyak $21,550,000 telah diambil oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Bagi tahun 1974, adalah dianggapkan bahawa 2,416 yunit rumah akan disiapkan dengan 3,730 yunit dalam beberapa peringkat pembinaan.

Peruntukan yang diluluskan bagi tahun 1975 ialah $23,295,758 dan adalah dianggapkan bahawa 2,500 yunit akan disiapkan dalam tahun 1975.

(ii) *Pemberian untuk Projek-projek dalam Kampung-kampung Baru*

Dengan peruntukan sebanyak $3 juta untuk tahun 1974 pemberian telah dibuat kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk membantu mereka melaksanakan projek-projek perlu di kampung-kampung baru dan lain kawasan kediaman yang difikirkan mustahak oleh Y.B. Menteri.

Peruntukan sebanyak $3 juta yang diluluskan bagi tahun 1975 akan juga dibelanjakan bagi tujuan yang sama, iaitu membantu Kerajaan-kerajaan Negeri melaksanakan projek-projek perlu di kampung-kampung baru dan lain-lain kawasan kediaman termasuk kawasan-kawasan kediaman di Rancangan rancangan FELDA.

4. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Belanja Mengurus	116,890	145,000	498,000
Belanja Pembangunan	15,287,735	31,750,020	35,195,778
Jumlah Besar ..	15,404,625	31,895,020	35,693,778

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

Kepala Bekalan 17	**$126,693,800**
Kepala Pembangunan 17 ...	**145,314,135**
Jumlah ...	**272,007,935**

	Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975 ...	**$126,693,800**	**$145,314,135**	**$272,007,935**
Peruntukan 1974 ...	**105,883,670**	**153,053,038**	**258,936,708**
Perubahan ...	**+ $ 20,810,130**	**− $ 7,738,903**	**+ $ 13,071,227**

1. Tujuan-tujuan

Tujuan-tujuan utama Kementerian ini dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan ialah untuk meninggikan taraf hidup dan pendapatan petani-petani, peladang-peladang, nelayan-nelayan dan pekerja-pekerja dalam bidang-bidang ekonomi pertanian dan sumber-sumber alam serta mengadakan lebih banyak peluang-peluang kerja dalam bidang-bidang ini. Tujuan-tujuan Kementerian ini adalah dicapai melalui kegiatan-kegiatan yang berikut:

(i) Pentadbiran Am:

Melaksanakan fungsi-fungsi pentadbiran, perancang, penyamaan dan penilaian yang berkesan untuk mencapai matlamat-matlamat Kementerian menurut dasar yang tertentu;

(ii) Pertanian:

Untuk membekalkan rangka supaya mewujudkan pertanian secara moden dan menggalakkan perkembangan amalan-amalan dan teknik-teknik pertanian berdasarkan perdagangan (commerce) dan meninggikan taraf kehidupan petani-petani dan peladang-peladang setanding dengan taraf kehidupan dalam bidang-bidang ekonomi yang lebih makmur; mengadakan peluang-peluang pengajian yang lebih dalam bidang pertanian dan perusahaan-perusahaan lain yang bersangkutan;

(iii) Sumber-sumber Alam:

Untuk memajukan dan mempergunakan sumber-sumber perikanan dengan sepenuhnya; untuk meninggikan taraf ekonomi dan keadaan-keadaan sosial nelayan-nelayan; untuk menambahkan peluang-peluang pengajian dalam perusahaan-perusahaan perikanan, memproses ikan dan perusahaan-perusahaan lain yang bersangkutan; dan

(iv) Pembangunan Luar Bandar:

Menyediakan masyarakat supaya lebih sedar dan sedia bagi menyertai rancangan-rancangan pembangunan; mewujudkan daya usaha masyarakat bagi menggunakan kebolehan sendiri untuk mengatasi masaalah sendiri; membantu lain-lain perkhidmatan sebagai "technical first-aider"; meninggikan taraf kesihatan dan dari itu keupayaan bekerja dan belajar melalui amalan pemakanan dan kesihatan yang baik.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran Am	2,949,143	3,439,770	3,854,500
(ii) Pertanian—			
(*a*) Pertanian	8,484,597	56,194,000	61,826,500
(*b*) Parit dan Taliair	3,461,533	3,068,000	3,622,000
(*c*) Haiwan	5,561,028	5,220,000	6,744,900
(*d*) Institiut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)	10,065,500	10,201,000	15,244,000
(*e*) Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) ..	2,393,228	3,651,000	3,937,000
(*f*) Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)	2,792,500	5,138,400	5,641,000
(*g*) Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA)	1,500,000	3,637,500	4,198,500
(*h*) Lembaga Kemajuan Ternakan Negara (MAJUTERNAK) ..	—	—	4,962,900
(iii) Sumber-sumber Alam—			
(*a*) Perikanan	4,654,735	5,409,000	5,655,000
(*b*) Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (MAJUIKAN) ..	—	1,000,000	1,346,000
(iv) Pembangunan Luarbandar—			
(*a*) Kemajuan Masyarakat dan Pelajaran Dewasa	5,446,847	6,425,000	7,061,500
(*b*) Lembaga Pertubuhan Peladang (FOA)	—	2,500,000	2,600,000
Jumlah ..	47,309,111	105,883,670	126,693,800

CATITAN:

Berkenaan dengan Badan-badan Berkanun, angka-angka perbelanjaan sebenar tahun 1973 menunjukkan pemberian yang telah diuntukkan oleh Kerajaan. Perbelanjaan sendiri sesuatu Badan Berkanun adalah terkandung dalam lapuran berasingan di muka-muka surat berikut.

Prestasi

(i) *Pentadbiran Am*

Bahagian Perancang dan Pembangunan Ibu Pejabat Kementerian yang ditubuhkan dalam tahun 1973 setelah susunan semula Urusetia Pentadbiran, sedang berikhtiar untuk membaiki lebih lanjut peranannya sebagai pusat nadi rancangan pembangunan Kementerian dalam perancangan, anjuran dan perluasan, penyamaan dan penyeliaan projek-projek pembangunan jabatan-jabatan dan badan-badan berkanun bagi kedua-dua peringkat dasar dan pergerakan.

Cawangan Ekonomi dan Perangkaan, Bahagian Perancang dan Pembangunan ialah cabang teknik bagi pentadbiran Kementerian ini yang beralakan pembangunan, dan fungsi-fungsi Cawangan ini boleh dirumuskan sebagai penyelidikan ekonomi dan analisa dan juga pembekalan perkhidmatan ekonomi dan perangkaan kepada

jabatan-jabatan teknikal Kementerian ini dan pertubuhan-pertubuhan luar Kementerian, seperti Bahagian Perancang Ekonomi, Jabatan Perangkaan, Pusat Penyelidikan Perubatan, universiti-universiti, firma-firma perunding, kedutaan-kedutaan dan lain-lain. Acara-acara yang terpenting daripada aktiviti-aktiviti dalam tahun 1975, pertama akan menegaskan kajian-kajian ekonomi secara mendalam atas kos pengeluaran bahan-bahan pertanian, kehendak ini yang mana telah diterterakan dalam krisis pengeluaran dunia dan ketiadaan pengetahuan yang mencukupi bagi bidang ini di dalam negeri ini, dan keduanya penilaian Rancangan Malaysia Kedua bagi pembentukan Rancangan Malaysia Ketiga.

Kawalan Kewangan yang lebih baik dan pengeluaran makluman kewangan yang cepat, betul dan kemaskini telah terus membuat kemajuan yang pesat sejak perombakan semula organisasi Bahagian Kewangan Ibu Pejabat Kementerian dalam tahun 1971. Mengkomputerkan penyata-penyata gaji bagi seluruh Kementerian akan dijangka siap semasa tahun 1975. Pada tahun 1975 diharapkan sistem odit dalam akan bermula supaya membaiki selanjutnya kerja-kerja kewangan dan kira-kira mengikut kehendak Peraturan-peraturan Kewangan dan Sistem Belanjawan Program dan Prestasi.

Fungsi Cawangan Pentadbiran Perkhidmatan, Bahagian Pentadbiran, meliputi pentadbiran perjawatan, perkhidmatan dan hal-hal latihan Ibu Pejabat Kementerian dan juga jabatan-jabatan dan badan-badan berkanun di bawah Kementerian. Usaha sentiasa dijalankan untuk membaiki, menghubung, menyama dan memesatkan operasi pentadbiran bahagian-bahagian di bawah Kementerian dan pencapaian terhadap tujuan ini terus meningkat maju.

Cawagan ini menguruskan hal-hal Parlimen berhubung dengan soalan-soalan bagi kedua Dewan Parlimen. Ia juga bertanggungjawab bagi hadiah-hadiah latihan dan biasiswa. Penempatan dan lawatan-lawatan sambil belajar adalah juga dikelolakan untuk pegawai-pegawai dan calun-calun daripada pertubuhan-pertubuhan antarabangsa dan juga wakil-wakil daripada negeri-negri pembangunan, dan tahun 1975 adalah dijangka tahun yang bertambah giat lagi kerja-kerja Cawangan ini.

Cawangan Mengawal Sewa dan Menjamin Pemegangan daripada Bahagian Pentadbiran, merancang menguatkan kuasa Akta Penanam Padi di ketujuh-tujuh negeri yang telah menerima Akta ini, termasuk rancangan publisiti yang meluas dengan kerjasama Radio dan T.V. Malaysia. Yunit ini akan memperluaskan lagi kegiatan-kegiatan dalam memperolehi sokongan dan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri supaya pelaksanaan yang lebih berkesan dapat dicapai. Kerja yunit ini diteruskan seperti dahulu dalam menghadapi beberapa masaalah, kesulitan yang utama ialah ketiadaan cukupnya penyamaan antara pihak-pihak berkuasa Persekutuan dan Negeri-negeri.

Perpustakaan, Bahagian Pentadbiran akan terus berkhidmat bagi kehendak-kehendak pegawai-pegawai penyelidik Kementerian, jabatan-jabatan Kerajaan dan badan-badan berkanun dan institiut-institiut pelajaran tinggi. Keutamaan terus diberi kepada "cataloguing dan classification" buku-buku dan "documentation" lapuran-lapuran antarabangsa yang beribu-ribu ada dalam simpanan.

Cawangan Penerbitan, Bahagian Pentadbiran, menjangka bertambahnya tanggungjawab dan kerja-kerja mencitak dan lain-lain perkhidmatan yang dibekalkan kepada Kementerian dengan tambahnya perkakas yang diperolehi dalam tahun 1974 dan pembaikian yang dibuat selama tahun yang berlepas. Adalah juga dicadangkan untuk menambah perkhidmatan ini dengan memasukkan perkhidmatan foto.

Rancangan Pengairan Besut dijangka akan siap bagi dijayajalankan dalam tahun 1975 dan aktiviti-aktiviti Pejabat Penyama (satu lagi cawangan Bahagian Pentadbiran) akan diberi keutamaan untuk menentukan berjayanya penyertaan penanam-penanam padi dalam rancangan tersebut sejajar dengan program-program dan aktiviti-aktiviti beberapa ajensi Kerajaan yang terlibat.

(ii) *Pertanian*

(*a*) Pertanian

Pentadbiran Ibu Pejabat

Ibu Pejabat Jabatan memberi perkhidmatan kepada semua Cawangan mengenai pentadbiran am, kewangan dan perjawatan; menyelaras, mengawal dan menguasai kegiatan-kegiatan Cawangan; menghubung dalam Jabatan dan antara Jabatan-jabatan serta antara bangsa atas semua perkara berkaitan dengan pertanian.

Perkhidmatan Perkembangan dan Penasihat

Perkhidmatan-perkhidmatan perkembangan dan penasihat memainkan peranan yang penting dalam menyesuaikan masyarakat luarbandar dengan pembangunan pertanian dan pembangunan luarbandar yang maju. Perkhidmatan-perkhidmatan ini di dalam masyarakat dan pembangunan pertanian melibatkan kemajuan rakyat, mengembangkan kebolehan dan bakat mereka untuk menggunakan sumber-sumber di luarbandar bagi pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan pertanian yang berkesan.

Cawangan Perkembangan dan Penasihat Pertanian merumus langkah-langkah dasar perkembangan, merancang dan menyamakan stratiji serta memberikan perkhidmatan khas dan panduan kepada semua Jabatan-jabatan Pertanian Negeri dalam bidang perkembangan dan penasihat pertanian. Kemajuan yang telah dicapai dalam tahun 1973, akan dicapai dalam tahun 1974 dan diramalkan dalam tahun 1975, kejayaan akan melebihi tahun 1974.

Didikan dan Latihan Pertanian

Tanggungjawab utama Cawangan Didikan dan Latihan Pertanian ialah melatih Juruteknik Pertanian dan menjalankan tugas-tugas berkaitan dengan pelaksanaan tanggungjawab tersebut. Latihan Juruteknik Pertanian ini dijalankan di Institiut Pertanian, dengan ketegasan diberi terhadap pelajaran teori dan praktik dalam mata-mata pelajaran yang tertentu. Pada tahun 1973 hanya ada 4 buah Institiut tetapi dalam tahun 1974 menjadi lima buah dan dalam tahun 1975 menjadi 6 buah. Bilangan penuntut akan bertambah menjadi 638 orang dalam tahun 1975.

Pengeluaran Tanaman

Dalam tahun 1975 Cawangan Pengeluaran Tanaman akan mengukuhkan dua kegiatannya yang besar—demonstrasi ladang dan pengeluaran bahan-bahan tanaman. Kegiatan-kegiatan demonstrasi akan dititikberatkan di atas pengeluaran yang lebih bagi tanaman-tanaman makanan, terutama tanaman jangka pendek, memandangkan kepada keadaan inflasi dalam harga barang-barang makanan dan memandangkan kepada dasar Kerajaan untuk meninggikan lagi pengeluaran bekalan makanan. Dalam kegiatan pengeluaran dan pengurusan, ketegasan akan diberi untuk menambahkan lagi pengeluaran bahan-bahan tanaman dan benih-benih bagi semua jenis tanaman-tanaman makanan dan sayur-sayuran. Ini adalah selaras dengan keputusan dasar baru Kerajaan iaitu Jabatan Pertanian mesti memainkan peranan sebagai pembekal besar bahan-bahan tanaman yang sah dan benih-benih supaya memenuhi keperluan petani-petani.

Pelaksanaan yang dicapai dan beban-kerja Cawangan ini dapat dilihat dari segi kegiatan demonstrasi dan pengeluaran bahan-bahan tanaman yang meningkat lebih dari tahun 1973 dan 1974. Di samping itu hasil akan bertambah sekali ganda menjadi kira-kira $1 juta.

Pemeliharaan Tanaman

Berbagai musuh-musuh dan penyakit-penyakit tanaman yang merbahaya telah-pun dikawal di seluruh Semenanjung Malaysia dalam tahun 1973. Ini telah dapat meninggikan pendapatan petani-petani dengan mengurangkan kerugian-kerugian hasil tanaman di ladang dan di bilik setor.

Pelaksanaan yang dicapai dan beban-kerja yang diramalkan oleh cawangan ini dapat dilihat dari bilangan Pusat Perkhidmatan Pemeliharaan Tanaman, bilangan Stesyen Karantina Tambahan dan Pemeriksaan pokok yang diimpot dan diekspot. Di samping itu kertas-kertas teknikal juga dikeluarkan.

Khidmat Tanah dan Analisa

Cawangan Khidmat Tanah dan Analisa akan mengambil peranan yang lebih penting atas membaiki taraf pertanian di kawasan yang ada sekarang dan kemajuan pertanian di kawasan baru untuk memberi khidmat-khidmat dalam nilaian tanah, analisa tanah dan daun, kegunaan tanah, pemeliharaan tanah, dan penasihat atas pengurusan tanah serta kegunaan baja-baja.

Dalam tahun 1975 adalah dijangka penyiasatan tanah separuh lengkap, dan "*ad hoc*" akan berjumlah 2,309,000 ekar berbanding dengan 1,864,000 ekar sebelumnya. Penyiasatan guna tanah akan juga dilaksanakan untuk menyelenggarakan kerja-kerja yang dimulakan pada tahun 1974. Demikian juga Pemeliharaan Tanah dan Menebusguna dan Khidmat Analisa akan dijalankan lebih banyak dari tahun sebelumnya.

Rancangan Memulih/Menanam Semula Kelapa

Rancangan ini akan meliputi 12,000 ekar pada tahun 1975 seperti pada tahun 1974.

Kejenteraan Ladang

Cawangan Kejenteraan Ladang dijangka akan menyediakan lebih kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan dan memainkan peranan yang lebih besar dan penting di dalam pembangunan pertanian oleh kerana projek-projek sekarang dan projek-projek baru memerlukan jentera dalam apa sahaja bentuk. Dengan hal yang demikian, Cawangan ini dijangka akan menjalankan beban-kerja yang lebih berat lagi dalam tahun 1975 dari segi kemajuan tanah, penuaian berjentera, kerja ladang dan menyenggara stesyen.

Rancangan Bantuan Baja Urea

Rancangan Bantuan Baja Urea yang telah diujudkan pada tahun 1974 membekalkan baja kepada penanam-penanam padi dengan harga yang bersubsidi supaya menentukan orang ramai akan mendapat beras tempatan yang mencukupi dengan harga yang berpatutan.

Baja urea ini diimpot oleh Kementerian ini menerusi ajensi-ajensi tempatan untuk dijual dan dibahagikan kepada petani-petani menerusi Lembaga Pertubuhan Peladang. Sebanyak $47,500,000 telah diluluskan bagi tahun 1974 untuk rancangan subsidi ini yang akan diteruskan pada tahun 1975 dengan peruntukan sebanyak $50,000,000.

(*b*) Parit dan Taliair

Pentadbiran Ibu Pejabat

Aktiviti ini meliputi cawangan-cawangan Pentadbiran dan Perancang di Ibu Pejabat. Kedua-dua cawangan ini memainkan peranan sebagai sebuah pusat Jabatan di bidang perancangan, penyelarasan dan pengkajian rancangan-rancangan pembangunan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak di peringkat dasar dan juga pelaksanaan.

Segala kakitangan di bawah aktiviti ini adalah terlibat dalam memberikan khidmat pentadbiran dan pengurusan di peringkat Persekutuan serta khidmat penasihat dari segi teknikal dan pentadbiran kepada pejabat-pejabat cawangan Jabatan ini di peringkat Negeri dan khidmat penasihat teknikal kepada pihak swasta, ajensi-ajensi Kerajaan dan separa-Kerajaan yang ada kaitan dengan kemajuan sumber-sumber tanah dan air.

Dengan siapnya Lapuran Pengkajian Lembangan Sungai Pahang, beberapa syor perlu dikaji dengan lebih mendalam untuk menyediakan langkah-langkah mencegah banjir, dan lain-lain. Buat sementara waktu, kemajuan baik telah dapat dicapai untuk memulakan Pengkajian Lembangan Sungai Trengganu dan Sungai Kelantan.

Jumlah pengeluaran dari aktiviti ini sukar dapat ditaksirkan. Dengan demikian, percubaan tidak akan dibuat.

Pembangunan Sumber-sumber Air

Aktiviti ini pada keseluruhannya adalah dijalankan oleh Cawangan Haideroloji di Jabatan ini.

Program Jabatan ini untuk memperkembang dan memperkukuhkan aktiviti haideroloji akan terus dilanjutkan dengan lebih giat lagi pada tahun 1975. Sebagai sebahagian dari program perkembangan yang telah ditetapkan, adalah perlu untuk menguatkan lagi Cawangan Haideroloji ini untuk menghadapi pelbagai program. Antara pertengahan tahun 1972 dan 1974, sebuah firma jurutera perunding yang mahir dalam bidang haideroloji telah dilantik untuk menyusun semula organisasi, merancang dan memperbaiki lagi aktiviti haideroloji Jabatan ini bagi mencapai kehendak Negara. Kini masanya telah tiba bagi pakar-pakar dan kakitangan firma jurutera perunding dari seberang laut tersebut berlepas balik ke tanahair mereka; dan oleh yang demikian tambahan kakitangan setempat perlulah diadakan untuk menjalankan kerja-kerja yang ada sekarang dan juga program perkembangan haideroloji pada masa hadapan.

Cawangan Haideroloji terus menyelenggarakan 740 buah stesyen lebathujan, 120 buah stesyen kadaralir sungai dan 50 buah stesyen cairwapan. Di samping itu juga, Cawangan tersebut menyemak, memproses dan membuat cerakinan data dan maklumat-maklumat haideroloji yang dikumpulkan dari semua stesyen sepanjang tahun.

Program untuk memperkembang dan memperkukuhkan aktiviti-aktiviti haideroloji Jabatan ini akan dilanjutkan pada tahun 1975. Mengikut rancangan, 40 buah rangkaian utama dan pendua stesyen-stesyen haideroloji akan diperkukuhkan lagi pada tahun 1975. Selain daripada itu, 6 buah stesyen haideroloji telemetrik akan didirikan di Ulu Sungai Pahang dan Sungai Kelantan. Ini adalah sebahagian dari rancangan untuk memperbaiki lagi sistem ramalan dan amaran banjir di kedua-dua lembangan sungai. Penyiasatan teliti sumber air di Lembah Klang akan terus dijalankan pada tahun 1975. Sebuah Lembangan percubaan akan diadakan di Sungai Tekam, Pahang untuk mengkaji kesan-kesan yang akan berlaku kepada "hydrometeorological characteristics" lembangan itu apabila kegunaan tanah berubah. Untuk mengkaji kesan jangka panjang "hydrological characteristics" bagi berjenis kawasan di Semenanjung Malaysia, 7 buah "representative basins" akan diadakan bagi maksud tersebut.

Pada tahun 1974, 6 procedur haideroloji untuk mengira kadaralir air telah disiapkan dan dicetak. Pada 1975, adalah dijadualkan untuk menyiap dan mencetak empat lagi procedur haideroloji bagi "low flow" sungai-sungai dan amalan mengenai pengairan dan saliran.

Pembangunan Sumber-sumber Tanah

Aktiviti ini dijalankan bersama oleh Cawangan Rekabentuk, Cawangan Penyelidikan Haiderolik dan Tanah, Cawangan Pelaksanaan Projek dan Cawangan Kejenteraan Jabatan ini.

Mengikut Kajian Semula Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Yang Kedua yang telah diluluskan pada akhir 1973, maka pindaan-pindaan yang perlu telah dikemukakan dalam program 1974 dan akan diteruskan pada tahun 1975. Pada amnya, matlamat keseluruhan bagi Rancangan Malaysia Kedua adalah tidak berubah, tetapi Plan Pembangunan bahagian ini telah ditambah. Pada tahun 1974, seluas lebih kurang 37,000 ekar kawasan bendang akan mendapat

kemudahan-kemudahan pengairan, dan 30,000 ekar kawasan pertanian akan mendapat faedah dari perojek-perojek yang dilaksanakan. Bagi tahun 1975, adalah dicadangkan untuk memberi kemudahan-kemudahan pengairan kepada lebih kurang 75,000 ekar kawasan bendang manakala lebih kurang 25,000 ekar kawasan pertanian akan mendapat kemudahan-kemudahan saliran.

Setakat ini kerja-kerja yang telah dijalankan untuk mengkaji masaalah banjir dan menyediakan rancangan mencegah banjir adalah tertumpu kepada Lembangan Sungai Kelang dan Sungai Pahang. Bagi Lembangan Sungai Kelang, penyiasatan yang telah dijalankan itu ialah untuk menyediakan satu rancangan mencegah banjir di Bandaraya Kuala Lumpur. Begitu juga Pengkajian Lembangan Sungai Pahang. Pada setakat ini kerja rekabentuk bagi rancangan raksaksa ini (Rancangan Tebatan Banjir Kuala Lumpur) sedang berjalan dan akan dipergiatkan lagi pada tahun 1975. Adalah diharapkan kerja pembinaan bagi sebuah empangan akan dapat dimulakan pada tahun 1975.

Pada awal tahun 1974, Kerajaan telah berjaya merundingkan satu pinjaman dari Bank Dunia sebanyak US$45.00 juta. Pinjaman wang tersebut adalah untuk membiayai sebahagian kos Rancangan Pembangunan Pertanian Johor Barat (Peringkat I) yang meliputi kawasan seluas 330,000 ekar. Kerja pembinaan telah-pun dimulakan pada tahun lepas dan akan dipergiatkan lagi pada tahun 1975.

Bagi menjalankan kerja-kerja mengikut program yang telah ditetapkan, Pihak Berkuasa Rancangan Pembangunan Pahang Tenggara telah meminta Jabatan ini menubuhkan satu Yunit Khas; Jabatan Parit dan Taliair. Tugas-tugas yunit ini ialah untuk menjalankan kerja di bidang pembangunan pertanian (Pengairan dan Saliran), pembangunan bandar (saliran bandar) dan kemajuan sumber-sumber air. Pada pertengahan tahun 1974, beberapa orang pakar telah dilantik untuk bekerja dengan pegawai-pegawai Jabatan ini. Kumpulan kecil ini akan merupakan Yunit Jabatan Parit dan Taliair untuk Projek Pahang Tenggara.

Bawah Pengkajian Semula Rancangan Malaysia Yang Kedua, wang peruntukan sebanyak $11.00 juta telah diluluskan untuk menyediakan kemudahan tambahan di Kawasan Pengairan Muda. Program ini meliputi pengujudan satu "infrastructure" kejuruteraan di peringkat ladang untuk menggunakan air dengan lebih berkesan (iaitu talair dan parit-parit jari dan jalan-jalan ladang). Rancangan ini akan dilanjutkan selepas tahun 1975. Kerja permulaan telah dijalankan pada tahun 1974 dan kerja pembinaan akan dipergiatkan lagi pada tahun 1975.

Kemajuan baik telah dapat dicapai pada 1974 dalam pengkajian dan membuat rekabentuk Pelabuhan Perikanan, dan mendirikan makmal haiderolik. Adalah dijadualkan untuk menjayajalankan makmal tersebut dan memulakan kerja reka-bentuk pada tahun 1975.

Latihan dan Perkembangan

Aktiviti ini adalah dijalankan oleh Cawangan Latihan dan Perkembangan di bawah Jabatan ini. Cawangan ini bertanggungjawab bagi merancang dan menyusun kursus-kursus latihan dan peperiksaan-peperiksaan bagi semua kakitangan teknik Bahagian ini. Kakitangan-kakitangan yang mengikuti kursus-kursus tersebut terdiri dari Juruteknik Rendah, Juruteknik, Merinyu Taliair dan Pembantu Teknik. Bagi 1974, seramai 50 orang pegawai telah menghaziri kursus tersebut. Untuk tahun 1975, tiga kursus tambahan—Kursus Kejenteraan, Kursus Haiderolik, dan kursus "Soil Mechanic" akan diadakan.

(*c*) Haiwan

Pentadbiran Ibu Pejabat

Tanggungjawab utama Cawangan ini ialah untuk menentukan pelaksanaan kesemua dasar-dasar Kerajaan, mengawasi kesihatan dan pengeluaran ternakan menerusi rancangan yang diselenggarakan, undang-undang yang dikuatkuasakan, penyeliaan rancangan-rancangan di pusat-pusat ternakan dan penyamaan kegiatan-kegiatan di semua Jabatan-jabatan Haiwan Negeri.

Pentadbiran Ibu Pejabat Haiwan adalah juga terlibat dengan kerja-kerja penasihat teknik kepada Jabatan-jabatan Haiwan Negeri dan juga kepada badan-badan swasta dan berkanun yang kena-mengena dengan perusahaan ternakan.

Sebuah Yunit Perancangan juga diadakan untuk merangka rancangan-rancangan pembangunan bagi menentukan hasil yang maksima didapati daripada rancangan-rancangan yang akan diselenggarakan.

Kesihatan Haiwan

Jabatan Haiwan adalah bertanggungjawab bagi pencegahan dan pengawalan penyakit-penyakit ternakan di Semenanjung Malaysia menerusi perkhidmatan kesihatan haiwan yang cekap. Usaha-usaha bahagian ini dengan demikian adalah ditujukan kepada mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan berikut:

(1) Perkhidmatan Pencegahan Penyakit

Bagi mengelak kemasukan penyakit-penyakit ternakan yang merbahaya ke negeri ini, Jabatan Haiwan telah mengadakan beberapa pusat kerantina di Padang Besar, Pulau Pinang, Johor Bahru dan Pelabuhan Kelang. Memandang kepada pemasukan ternakan yang bertambah daripada Negeri Thai untuk menemui keperluan daging dalam masa beberapa tahun yang akan datang, dan juga bagi menjauhkan daripada wabak penyakit Kuku dan Mulut, penubuhan pusat-pusat kerantina di Kroh, Perak dan di Rantau Panjang, Kelantan di bawah Peruntukan Pembangunan adalah difikirkan perlu dan penting sekali.

Satu lagi langkah yang perlu diambil bagi mencegah pemasukan penyakit-penyakit ini ialah dengan pengawalan ketat kemasukan daging dan bahan-bahan daging yang dibawa masuk ke negeri ini tiap-tiap tahun.

(2) Perkhidmatan Penentuan Penyakit

Dua buah makmal diagnosa di Ipoh (Institiut Penyelidikan Haiwan) dan di Petaling Jaya (Makmal Diagnosa Kawasan) sedang dengan giatnya menjalankan kerja-kerja untuk mengenali penyakit-penyakit ternakan yang terjadi di seluruh Negara.

Institiut Penyelidikan Haiwan telah didirikan, khasnya untuk menyelidik dan menentu penyakit-penyakit ternakan yang berlaku dan juga untuk mengeluar ubat-ubatan biologic yang diperlukan bagi mengawal penyakit-penyakit ternakan yang berlaku. Institiut ini mengeluarkan ubat-ubat suntik bukan sahaja untuk menemui keperluan penternak-penternak tempatan, tetapi juga untuk keperluan negara-negara lain seperti Hong Kong dan Brunei. Dalam tahun 1973, kira-kira 124 juta dos ubat-ubat suntik telah dikeluarkan. Jumlah ini adalah 13 peratus lebih dari angka pada tahun 1972 dan adalah dijangka bahawa keperluan ubat-ubat suntik ini akan bertambah sebanyak 25 peratus pada masa akan datang.

Pada masa ini ubat suntik demam babi dan penyakit anjing gila diimpot dari luar negeri dengan harga yang tinggi oleh kerana ubat-ubat itu tidak dapat dikeluarkan di sini. Ujian-ujian sedang dibuat menguji ubat suntik demam babi untuk diusahakan di Institiut di Ipoh dan adalah dijangka bahawa pengeluaran secara besaran akan dapat diadakan untuk keperluan tempatan pada tahun 1975 ini.

Makmal Diagnosa Kawasan di Petaling Jaya telah ditubuhkan pada tahun 1971 dengan tujuan utamanya memberikan kemudahan penyelidikan dan penentuan penyakit-penyakit ternakan bagi Negeri-negeri Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Pahang. Dalam tahun 1973 kira-kira 1,100 kes telah diperiksa oleh Makmal itu dan adalah dijangka bagi 1974 dan 1975 ini kira-kira 1,500 dan 1,800 kes akan dapat diperiksa. Memandang kepada bertambahnya kawasan-kawasan yang diawasi oleh Makmal itu

maka adalah difikirkan perlu bagi sebuah rumah untuk pemeliharaan ternakan kecil (laboratory animals) diadakan. Ternakan-ternakan ini akan menentukan penyelidikan dan penentuan penyakit-penyakit ternakan dengan lebih cepat. Sebuah yunit ternakan ayam yang terjauh daripada penyakit (pathogen-free) juga akan diadakan untuk mendapat keluaran telor dan anak-anak ayam yang bebas daripada penyakit-penyakit—supaya telor dan anak-anak ayam ini dapat digunakan untuk penentuan penyakit-penyakit ternakan dan juga untuk perusahaan biologics. Di makmal-makmal ini latihan kepada Pembantu-pembantu Makmal juga diadakan.

Sebuah lagi makmal kawasan akan juga ditubuhkan di Province Wellesley bagi memberi perkhidmatan yang serupa kepada penternak-penternak di negeri-negeri utara seperti di Pulau Pinang, Province Wellesley, Kedah, Perlis dan Kelantan. Penempatan makmal ini adalah penting memandang kepada bilangan ternakan-ternakan yang banyak terdapat di negeri-negeri itu.

(3) Perkhidmatan Penyakit Seranta

Jabatan-jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri mengendalikan perkhidmatan-perkhidmatan seranta dalam mana banyak suntikan-suntikan pencegahan dijalankan tiap-tiap tahun bagi mencegah dan mengawal beberapa penyakit ternakan dan ayam, seperti penyakit anjing gila, penyakit wabak ternakan lembu dan kerbau, penyakit demam babi dan penyakit sampar ayam. Suntikan penyakit Marek juga telah dimulakan bagi mencegah kematian yang banyak dan penghasilan yang kurang kepada penternak-penternak ayam.

Ujian penyakit berak kapur ke atas kumpulan ayam-ayam yang membiak, pengesahan penyakit keguguran yang menghinggapi lembu kerbau dan pemberian ubat kepada ternakan-ternakan adalah biasa dijalankan untuk menolong penternak-penternak.

Perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan di bawah Jabatan ini tidaklah dapat dinafikan kepentingannya; kegiatan ini adalah merupakan satu pertolongan yang besar kepada penternak-penternak di dalam usaha mereka memperkembangkan perusahaan-perusahaan ternakan.

Pengeluaran Ternakan

Jabatan Haiwan bertanggungjawab bagi:

(1) Pengendalian Pusat-pusat Haiwan Persekutuan

Tujuan utama pusat-pusat tersebut ialah bagi mengeluar dan membanyakkan ternakan-ternakan yang bermutu untuk dibahagi-bahagikan kepada penternak-penternak. Kerja-kerja meninggikan mutu lembu-lembu asli tempatan secara kacukan dengan baka-baka lembu jenis daging dan susu dari luar negeri yang bermutu dijalankan di Institiut Haiwan, Kluang. Dengan adanya keutamaan yang tinggi diberikan kepada perusahaan ternakan lembu, maka kerja-kerja mengenai tanaman dan perusahaan rumput-rumput untuk ternakan sedang digiatkan di beberapa pusat-pusat haiwan Persekutuan.

Beberapa jenis baka-baka babi juga diimpot untuk dibiakkan di pusat-pusat ternakan babi di Serdang dan Cameron Highlands; hasil daripada pembiakan ini, anak-anaknya dibahagi-bahagikan kepada beberapa buah pusat-pusat permanian beradas untuk meninggikan mutu ternakan babi di seluruh negara. Memandang kepada harga makanan ternakan babi yang meningkat sehari-hari, kajian-kajian sedang dibuat untuk menggantikan bahan-bahan makanan tempatan dengan bahan-bahan yang diimpot.

Pusat Ternakan Haiwan Pantai Timur di Batang Merbau, Kelantan akan memelihara ternakan-ternakan untuk daging yang bermutu; ternakan dari pusat ini akan digunakan khasnya untuk meninggikan mutu lembu tempatan di negeri-negeri di Pantai Timur.

Dengan adanya pula anak-anak ayam yang baik mutunya dan tinggi pula hasilnya yang diperolehi daripada Yunit Pembiakan Ayam, Institiut Kemajuan Ternakan Ayam, Johor Bahru maka sudah tentulah perusahaan ayam di negeri ini akan meningkat. Pusat Latihan di Cheras dan di Ayer Kroh juga akan menjalankan kerja-kerjanya untuk memberi latihan kepada penternak-penternak yang berkehendakkan pengeluaran yang lebih di dalam usaha penternakan.

(2) Perkhidmatan Permanian Beradas

Permanian beradas telah membuktikan bahawa cara ini ialah satu cara yang baik bagi membaiki mutu ternakan tempatan, bersabit dengan pengeluaran daging dan susu. Pada masa ini kira-kira 7,000 suntikan dijalankan dari beberapa yunit-yunit di seluruh negara. Dalam tahun 1975 bilangan permanian dijangka meningkat kepada 10,000. Setakat ini adalah didapati bahawa yunit-yunit yang telah ditubuh telahpun berkembang dengan pesatnya.

(3) Perkhidmatan Lanjutan dan Nasihat kepada Penternak-penternak

Perkhidmatan lanjutan di dalam semua aspek perusahaan dan kawalan penyakit-penyakit ternakan lembu, kerbau, kambing, babi dan ayam sedang berjalan dengan giatnya. Adalah dijangka perkhidmatan lanjutan ini akan dapat diperelokkan lagi dengan terdirinya suatu perkhidmatan lanjutan khas di Institiut Haiwan, Kluang yang akan terdiri daripada pegawai-pegawai yang mahir dan terlatih di dalam berbagai-bagai perusahaan ternakan.

Latihan

Bahagian ini adalah bertanggungjawab bagi melatih kakitangan Jabatan Haiwan di semua peringkat. Kakitangan yang terlatih di berbagai bidang pengeluaran haiwan dan kesihatan adalah diperlukan bagi melaksanakan dengan jayanya beberapa perojek-perojek pembangunan yang berkaitan. Dengan percantuman Pusat Ternakan Haiwan dan Institiut Latihan Urusan Haiwan dalam bulan Januari, 1974, Institiut Haiwan (kini dinamakan) sedang melangkah ke arah rancangan-rancangan yang berbagai untuk melatih peserta-peserta, bukannya dari Jabatan Haiwan sahaja, bahkan daripada rakyat jelata yang bercenderung kepada perkembangan perusahaan ternakan. Bilangan Pembantu-pembantu Urusan Haiwan yang biasa diberi latihan di Institiut ini akan dipertambahkan bilangannya supaya lebih ramai lagi dapat dilatih di Institiut itu tiap-tiap tahun.

(iii) *Sumber-sumber Alam*

(*a*) Perikanan

Pentadbiran Ibu Pejabat

Pentadbiran Ibu Pejabat meliputi Cawangan Pentadbiran Am dan Cawangan Rancangan Pembangunan yang dibantu oleh 10 orang Pengarah-pengarah Perikanan di peringkat Negeri.

Tanggungjawab utama Pentadbiran Ibu Pejabat terbahagi kepada:

(1) Termasuk pengawalan, pengurusan dan penyeliaan pentadbiran harian, kewangan dan hal-hal perkhidmatan;

(2) Menyediakan anggaran belanjawan tahunan; dan

(3) Merancang, menyelaras serta melaksanakan rancangan-rancangan serta projek-projek Pembangunan Perikanan.

Tahun 1973 menunjukan kemajuan yang memuaskan dari segi pelaksanaan projek-projek pembangunan di mana 65% dari peruntukan wang telah dibelanjakan.

Adalah dijangkakan kemajuan yang dicapai pada tahun 1973 akan diteruskan ke tahun 1974, dan pelaksanaan yang cemerlang akan dapat dilihat pada akhir tahun 1974.

Cawangan ini juga telah menyiapkan draf untuk Plan Induk Perikanan bagi kemajuan Perusahaan Perikanan hingga tahun 1990.

Satu dari tugas utama Cawangan ini bagi tahun 1975 ialah untuk menganalisa Plan Induk tersebut bagi tujuan merangka program-program tindakan yang bersangkutan yang akan dijalankan dalam Rancangan Malaysia Ketiga akan datang.

Adalah dianggarkan semua projek-projek yang sedang berjalan, yang telah dimulakan sebelum Kajian Semula Pertengahan Tahun Rancangan Malaysia Kedua akan siap dalam tahun 1975.

Penyelidikan

Cawangan Penyelidikan adalah bertanggungjawab untuk Kemajuan, Pengurusan dan Penggunaan Sumber-sumber Perikanan Laut.

Empat projek-projek utama:

(1) Kajian sumber-sumber ikan "demersal";
(2) Bioloji dan Ekoloji untuk ikan demersal dan pelagik dari segi penggunaan perdagangan;
(3) Pembiakan dan penternakan udang galah; dan
(4) Kajian-kajian perikanan pelagik—pukat jerut dan penilaian sumber perikanan pelagik.

Telah dilaksanakan dalam tahun 1973, tiga dari projek-projek tersebut telah dimulakan beberapa tahun dahulu, dan projek terakhir ialah projek baru yang dikendalikan dengan bantuan dari Kerajaan Belgium.

Kerja-kerja Penyelidikan di atas projek-projek tersebut akan diteruskan pada tahun 1974 dan 1975 tanpa sebarang tambahan projek-projek baru.

Akuarium Tengku Abdul Rahman di Pulau Pinang adalah satu-satunya daya penarik yang besar bagi pelancung-pelancung dan kanak-kanak sekolah di Malaysia. Jumlah bilangan pelawat-pelawat yang berkunjung ke situ dijangka akan bertambah pada tahun 1974 dan 1975.

Penguatkuasa

Tanggungjawab Cawangan ini termasuklah:

(1) Kerja-kerja melesen bot-bot serta alat-alat menangkap ikan;
(2) Menguatkuasakan Peraturan-peraturan Perikanan; dan
(3) Mendakwa orang-orang yang bersalah di bawah Akta Perikanan.

Jabatan Perikanan mempunyai sejumlah 14 bot ronda dan 10 bot laju untuk memudahkan kerja-kerja menguatkuasa. Tambahan 4 buah bot ronda yang mula dibina dalam tahun 1974 dan dijangka siap dalam tahun 1975 akan memperkuatkan lagi aktiviti ini.

Dalam tahun 1973, sejumlah 172 tangkapan telah dibuat di mana denda sebanyak $30,845 telah dipungut. Di samping itu 587 kes telah di kompaun, menghasilkan sebanyak $219,565. Selain dari itu $1,084 telah juga dipungut dari jualan lelong ikan serta alat-alat yang dirampas.

Apabila kompleks-kompleks pelabuhan perikanan di Kuala Kedah, Pulau Pinang dan Lumut siap dibina dalam tahun 1975, dianggarkan aktiviti yang lebih pesat akan berjalan di dalam sektor perikanan, yang mana bahagian penguatkuasa akan dibebankan dengan tugas-tugas yang lebih banyak.

Latihan dan Pelajaran

Cawangan Latihan dan Pelajaran bertanggungjawab:

(1) Melatih Nelayan-nelayan di Sekolah Perikanan Laut di Pulau Pinang dan Kuala Trengganu;
(2) Latihan jangka pendek untuk nelayan-nelayan di dalam menangkap ikan dengan cara-cara moden;
(3) Melatih penternak-penternak ikan darat di Pusat Latihan Perikanan Darat, Bukit Tinggi; dan
(4) Melatih nelayan-nelayan diperingkat teknik yang lebih tinggi di Institiut Latihan Nelayan, Pulau Pinang.

Dalam tahun 1973, sejumlah 73 orang pelatih-pelatih telah tamat mengikuti kursus selama satu tahun di Institiut Latihan Nelayan di Pulau Pinang, dan bagi tahun 1974, sejumlah 94 orang telah mendaftarkan nama mereka. Selain dari itu, program latihan "apprentice" dijangka akan bermula dalam tahun 1975, sebagai tambahan kepada kursus asas satu tahun yang akan diteruskan.

Seramai 88 orang nelayan telah dilatih di kedua-dua Sekolah Perikanan Laut di Pulau Pinang dan Kuala Trengganu dalam tahun 1973. Adalah dijangka seramai 200 orang nelayan akan tamat dilatih pada penghujung tahun 1974 dan angka ini dijangka akan bertambah ke 220 dalam tahun 1975.

Di bawah program latihan jangka pendek, 53 orang nelayan-nelayan telah dilatih di dalam kapal demonstrasi UJI pada tahun 1973, manakala sejumlah 202 orang lagi dilatih di atas kapal-kapal perdagangan. Di samping itu, 52 orang lagi telah mengikuti kursus pendek untuk membuat jaring serta membaiki alat-alat pukat tunda, dan 63 orang dilatih membaiki injin dikedua-dua buah pusat latihan tersebut. Dalam tahun 1974, dua jenis kursus baru iaitu membuat keropok serta cara-cara pemeliharaan kerang dan udang laut telah di adakan. Jumlah nelayan-nelayan yang akan dilatih dalam tahun 1974 dan 1975 dijangka akan bertambah.

Dalam tahun 1973, 188 orang penternak telah dilatih di dalam bidang ternakan ikan darat di Pusat Latihan Perikanan Darat, Bukit Tinggi. 253 dijangka akan mendapat latihan dalam tahun 1974 dan jumlah ini akan bertambah lagi dalam tahun 1975.

Perkembangan

Cawangan ini bertanggungjawab untuk:

(1) Bantuan Kewangan dan perkhidmatan sekim pinjaman;
(2) Penyebaran, percetakan dan perkhidmatan perkembangan; dan
(3) Pemulihan dan perkhidmatan pembangunan sosial.

Kemudahan-kemudahan tersebut adalah untuk nelayan-nelayan dan juga penternak-penternak ikan.

Dalam tahun 1973, sejumlah $97,000 telah dibelanjakan di bawah Sekim bantuan kewangan yang telah memberi faedah kepada seramai 107 orang nelayan dari semua negeri yang menerima subsidi berupa jaring-jaring dan injin-injin. Sebanyak $410,000 dijangka akan dibelanjakan dalam tahun 1974 di bawah sekim ini.

Yunit penyebaran dan percetakan juga memainkan peranan yang utama untuk menyebarkan maklumat-maklumat kepada nelayan-nelayan dan penternak-penternak ikan dengan dibantu oleh 2 buah yunit bergerak (mobile units) yang menayangkan filem-filem serta memberi syarahan-syarahan mengenai tajuk-tajuk perikanan. Dalam tahun 1973 sahaja, yunit ini telah melawat 68 kampung-kampung nelayan dan 113 kawasan menternak ikan dan dijangka 100,000 orang mendapat faedah dari program ini. Yunit ini juga telah melancarkan kempen untuk mencegah penggunaan racun dan bahan-bahan letupan. Aktiviti unit ini dijangka akan bertambah lagi dalam tahun 1975.

Dengan perlantikan seorang Pegawai Perikanan Pemulihan dalam tahun 1974, beberapa kemajuan telah dicapai dalam bidang pemulihan dan pembangunan sosial nelayan-nelayan pada suku tahun pertama. Kegiatan serta kemajuan yang lebih dijangka akan tercapai dalam tahun 1975.

Perangkaan

Cawangan ini meliputi tugas-tugas berikut:

(1) Pengumpulan dan penerbitan perangkaan yang bersangkutan dengan beberapa aspek perikanan, meliputi penghasilan, penggunaan, pemasaran dan inventori perusahaan perikanan; dan

(2) Menjalankan penyiasatan-penyiasatan ekonomik dan analisa data-data perangkaan.

Selain dari kutipan-kutipan data, penyusunan dan analisa data-data yang dipungut pada tahun 1973 bahagian ini juga telah mengadakan:

(1) Kajian dari segi sosio-ekonomi kumpulan nelayan di Perlis, Kedah, Penang dan Perak;

(2) Pendaftaran nelayan-nelayan; dan

(3) Kajian rancangan subsidi di negeri-negeri di Pantai Timur.

Dijangkakan bahagian ini akan menumpukan masanya pada tahun 1974 untuk menganalisa data-data yang telah dikutip. Bagi tahun 1975, dua projek utama telah dirancangkan.

(1) Kajian sosio ekonomi kumpulan nelayan di Selangor, Melaka, Negeri Sembilan dan Johor; dan

(2) Kajian sekim subsidi yang dijalankan dalam tahun 1973 dan 1974 dengan tujuan mengambil tahu faedah-faedah yang didapati oleh nelayan-nelayan.

(iii) *Pembangunan Luarbandar*

(*a*) KEMAJUAN MASYARAKAT DAN PELAJARAN DEWASA (KEMAS)

Pembangunan Keluarga

Ini merupakan perkembangan pengetahuan dan amalan ekonomi rumah-tangga melalui Pusat/Taman Latihan Wanita, aktiviti Penyelia Ekonomi Rumah-tangga, dan Kelas Ekonomi Rumah-tangga. Tekanan diberi terhadap mewujudkan "Keluarga-keluarga sempurna".

Di Taman-taman Latihan Wanita juga diadakan kursus pendek mendedahkan konsep pembangunan kepada ibu-ibu yang boleh mempengaruhi anggota keluarga dan jiran.

Suatu aktiviti khas ialah Taman Bimbingan Kanak-kanak bertujuan membimbing kanak-kanak pra-sekolah dari segi pemikiran dan tabiat baik melalui belajar sambil bermain.

Latihan Kemahiran

Kelas Latih Kerja dalam berbagai jurusan dijalankan bertujuan untuk:

(1) Menambah kemahiran dalam kerja tradisional penduduk luarbandar;

(2) Menyampaikan pengetahuan asas untuk melanjutkan pelajaran;

(3) Memberikan pengalaman untuk memohon kerja di kilang-kilang dan lain-lain tempat; dan

(4) Menghidupkan semangat mencebur diri dalam bidang perniagaan.

Langkah-langkah juga diambil untuk memandu kelas-kelas ini supaya menjadi "economically productive" dan boleh dikekalkan sebagai usaha perniagaan yang beruntung, dikaitkan pula dengan usaha Syarikat Kerjasama di kalangan kakitangan dan pelajar.

Pelajaran Dewasa (Kenal Huruf)

Rancangan pembasmian buta huruf sedang dialihkan ke konsep didikan tugasan yang berorientasikan ekonomi, kesihatan dan lain-lain aspek yang berguna dalam penghidupan dan kerja penduduk luarbandar.

Kutub-khanah luarbandar diselenggarakan untuk mengekalkan kadar kenal huruf serta memberi khidmat buku-buku rujukan bagi kanak-kanak sekolah. Kutub-khanah ini juga jadi pusat perkhidmatan perpustakaan awam negeri.

Didikan Akhlak

Rancangan didikan ugama Islam dijalankan di samping aktivitik-aktiviti lain untuk mendorong masyarakat ke sikap ingin maju dengan mengaitkan ugama kepada ekonomi dan kemasyarakatan.

Latihan Pemimpin Masyarakat

Latihan diaturkan bagi pemimpin dan angguta Jawatankuasa Kemajuan Kampung untuk menyampaikan pengetahuan dan kemahiran menjalankan peranan mereka sebagai pemimpin masyarakat dengan lebih cekap dan dinamis.

Rancangan Desa Usaha

Sebagai kemuncak semua aktiviti tersebut di atas, kampung-kampung tertentu dipilih untuk mendapati tumpuan khusus oleh Penyelia Kemajuan Masyarakat dan Pemaju Kampung (Guru KEMAS). Mereka ini diberi latihan khas untuk bertindak sebagai pekerja pembangunan masyarakat sebenarnya, pertama untuk memandu masyarakat itu sendiri mengenali masaalah-masaalahnya, dan kemudian memandu mereka membuat rancangan mengatasi masaalah-masaalah ini. Dalam semua peringkat, dayausaha dan keupayaan masyarakat itu sendiri ditimbulkan dan digunakan. Ajensi-ajensi Kerajaan dilibatkan untuk perkhidmatan dan bantuan teknikal.

Amalan Makanan dan Pemakanan

Selepas diadakan suatu projek perintis Amalan Nilai Pemakanan, suatu rancangan memperluaskannya sebagai Projek Amalan Makanan dan Pemakanan telah diaturkan untuk meliputi kawasan-kawasan lain.

Projek ini bertujuan meninggikan taraf kesihatan dan dari itu keupayaan bekerja dan belajar, melalui amalan pemakanan dan kesihatan yang baik. Projek ini merupakan rancangan bersama antara Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pelajaran, dan meliputi 4 bidang utama:

(1) Pengeluaran bahan-bahan makanan yang berkhasiat untuk menambah bekalan makanan sendiri serta meninggikan pendapatan;

(2) Kesihatan dan kebersihan sekeliling, terutama berkaitan kumpulan-kumpulan yang "vulnerable";

(3) Pengajaran berkenaan pemakanan dan amalan-amalan kesihatan; dan

(4) Rancangan Makanan tambahan kepada ibu mengandung/menyusun anak, bayi dan kanak-kanak sekolah dan pra-sekolah.

Langkah-langkah telah mula diambil untuk memperluaskan projek ini ke daerah-daerah yang mempunyai kadar Kematian Kanak-kanak yang tinggi kerana ini adalah petunjuk adanya masaalah "malnutrition" di situ.

Walau bagaimanapun rancangan makanan tambahan dirancang untuk meliputi seluruh negara dan bukan sahaja kawasan Projek Makanan dan Pemakanan.

CATITAN:

Pelaksanaan bagi Badan-badan Berkanun terkandung dalam Anggaran Belanjawab berasingan di muka-muka surat berikut.

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	15,688,564	15,826,160	19,182,650
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	842,601	526,140	1,426,524
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..	367,124	422,350	414,681
	Jumlah Gaji ..	16,898,289	16,774,650	21,023,855
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	1,654,761	1,941,800	1,872,000
2200	Pengangkutan Barang-barang ..	82,985	111,500	120,500
2300	Kemudahan Perhubungan ..	231,729	267,300	396,000
2400	Api, Air dan Letrik dll.	479,552	532,800	640,500
2500	Sewa	237,981	245,720	269,985
2600	Perkhidmatan Pencetakan.. ..	134,713	152,000	174,000
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	3,427,493	51,162,000	54,540,500
2800	Perkhidmatan Pelbagai	6,688,057	7,445,000	8,577,000
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	237,973	496,000	319,300
3300	Pembinaan	5,250	40,000	40,000
4100	Pemberian, Subsidi dan Carum-carum	17,047,656	26,440,900	38,484,150
4200	Tuntutan Insuran dan Pampasan..	59,906	46,000	1,010
5500	Pelbagai	122,766	228,000	235,000
	Jumlah ..	47,309,111	105,883,670	126,693,800

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974	Bilangan	Anggaran Tahun 1975
		$		$		$
(i) Pentadbiran Am	346	1,851,252	331	2,091,650	330	2,309,865
(ii) Pertanian:						
(*a*) Pertanian	2,075	6,719,649	2,000	6,480,000	1,959	8,976,100
(*b*) Parit dan Taliair ..	680	2,277,606	789	1,892,000	914	2,250,000
(*c*) Haiwan	777	2,728,456	808	2,683,000	820	3,517,890
(iii) Sumber-sumber Alam:						
(*a*) Perikanan	769	2,790,673	906	2,978,000	827	3,270,000
(iv) Pembangunan Luar Bandar:						
(*a*) Pembangunan Masyarakat dan Pelajaran Dewasa ..	122	530,653	146	650,000	146	700,000
Jumlah ..	4,769	16,898,289	4,980	16,774,650	4,996	21,023,855

3. Anggaran Pembangunan

	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Peruntukan Tahun 1974 $	Anggaran Tahun 1975 $
(i) Ibu Pejabat*	31,388,315	44,739,701	19,512,889
(ii) Pertanian	19,147,993	28,788,278	27,614,785
(iii) Parit dan Taliair	37,228,461	60,750,661	75,000,000
(iv) Haiwan..	3,085,651	3,920,415	6,312,227
(v) Perikanan	2,925,514	8,589,980	7,626,214
(vi) Pembangunan Luar Bandar ‡ ..	1,960,485	6,264,003	9,248,020
Jumlah ..	95,736,419	153,053,038	145,314,135

Kemajuan Kerja-kerja Pembinaan

(i) *Pertanian*

SEMENANJUNG MALAYSIA

Kemudahan-kemudahan Pengeluaran Tanaman

(*a*) Pembinaan Stor Baja, di Pusat Pertanian, Titi Gantong, Parit, Perak telah siap.

(*b*) Kerja tambahan (1) memasang bekalan letrik (2) paip-paip air (3) mentarkan jalan (4) mengganti tiang-tiang dan (5) merentangi chain link fencing di Pusat Pertanian, Telok Chengai Kedah sedang dilaksanakan.

(*c*) Penimbusan tapak-tapak tanah untuk rumah dan bangunan di Gong Nering, Besut, Trengganu sedang dilaksanakan.

(*d*) Pembelian alat-alat pertanian dan kenderaan sedang dijalankan.

Memajukan Perkhidmatan Perkembangan dan Kemudahan-kemudahan

(*a*) Sebuah setor di Pusat Pertanian, Gerai, Besut, Trengganu sedang dibina.

(*b*) Alat-alat pertanian di Pusat Latihan Chembong, Negeri Sembilan sedang dibekalkan.

(*c*) Alat-alat pertanian untuk Rancangan Pertanian Besut sedang dibekalkan.

(*d*) Tangki Air di Pusat Latihan Pertanian, Caruk Padang, Sik, Kedah sedang dibina.

Bantuan-bantuan Tanaman-tanaman Ladang

Pada tahun 1974 bantuan-bantuan bagi luas ekar dijangka seperti berikut:

Tanamam	Ekar
(*a*) Buah-buah/Limau	5,500
(*b*) Jagong/Sekor	3,200
(*c*) Kachang Tanah	11,500
(*d*) Nenas	1,100

* Terdiri dari Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Institiut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Lembaga Kemajuan Ternakan Negara (MAJUTERNAK), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (MAJUIKAN) dan Bank Pertanian.

‡ Terdiri dari Lembaga Pertubuhan Peladang, Rancangan Taman Latihan Wanita, Kemajuan Masyarakat di Kawasan Luarbandar, Pekan-pekan Sari, Yunit Amalan Nilaian Pemakanan dan Khutub Khanah Luarbandar.

Tanaman	Ekar
(*e*) Kopi	7,400
(*f*) Ubi Kayu	4,000
(*g*) Koko	4,200
(*h*) Padi (kawasan yang tidak perlu taliair)	27,600
(*i*) Buah Susu	400
(*j*) Gajus/Jambu Golok	1,000
(*k*) Penanaman/Pemulihan Semula Kelapa	13,000
(*l*) Pisang	1,500
(*m*) Cengkeh dan Buah Pala	9,000 (pokok)
(*n*) Lada Hitam	150
(*o*) Tembakau	500

Sekolah-sekolah Pertanian

(*a*) Perkakas dan alat-alat untuk Institiut-institiut Pertanian Serdang, Selangor, Bumbung Lima, Pulau Pinang dan Titi Gantong, Perak, Kuala Lipis, Pahang sedang dibekalkan.

(*b*) Pembinaan Bangunan Pelajaran, Asrama dan rumah-rumah (ID, IOE, 3F, 5G dan IIH) di Institiut Pertanian, Air Hitam, Johor sedang dalam pelaksanaan.

(*c*) Kerja-kerja permulaan untuk Institiut Pertanian, Besut, Trengganu sedang dilaksanakan.

SARAWAK

Penyelidikan Pertanian

Pemasangan kelengkapan untuk bangunan tambahan penyelidikan di Semongkok; rumah-rumah kakitangan di stesyen-stesyen percubaan akan ditambah; kemudahan-kemudahan pengangkutan akan dibaiki; tambahan alat-alat makmal dan perkakas ladang akan diberi berserta dengan perluasan stesyen-stesyen.

Rancangan Bantuan Lada Hitam

Bantuan kepada pekebun-pekebun kecil seperti bekalan baja, racun cendawan dan kemudahan-kemudahan saliran.

Mempelbagaikan Pertanian

Bantuan akan terus diberi kepada pekebun-pekebun kecil supaya tanaman yang sedang ada diselenggarakan dan untuk menubuh tanaman-tanaman yang sesuai dan berekonomi di kawasan-kawasan lain.

Penyelidikan Kerjasama dengan MARDI

Rancangan yang dicadangkan termasuk pembinaan bangunan-bangunan "pepper screening shed, soil sterilizer building dan plant house", kelengkapan makmal untuk penyelidikan penyakit "foot-rot" untuk lada hitam dan perkembangan kemudahan-kemudahan luar bagi penyelidikan tanah gambut. Percubaan-percubaan lebar atas tanaman pusingan akan diadakan di Rumah Tanggit, Bahagian IV.

SABAH

Sekolah Vokesyenal Pertanian

Di bawah projek ini Juruteknik-juruteknik Pertanian dilatihkan untuk menemui keperluan-keperluan gunatenaga dalam perusahaan pertanian. Rancangan ini akan membantu ke arah memperbaiki kekurangan terok Juruteknik-juruteknik Pertanian dalam sektor awam dan juga sektor swasta.

Sekolah ini sedang bertempat di dalam kompleks yang sesuai. Sejumlah 125 penuntut dijangka untuk tahun 1975. Dirancangkan untuk mengetar jalan-jalan dalam kompleks sekolah pada tahun 1975; sebuah bas, land rover, trektar, berjenis-jenis alat-alat dan perkakas akan dibeli dan tanah akan diusahakan.

Bancian Ekonomi

Projek ini terlibat penyiasatan-penyiasatan mengenai pengeluaran dan pemasaran tanaman, dan juga penerbitan perangkaan dan maklumat-maklumat pertanian yang perlu untuk menentukan kemajuan pertanian akan tepat dirancangkan dan dilaksanakan dengan berkesan.

Sifat-sifat yang penting bagi tahun 1975 ialah kelengkapan nilaian kelapa berserta dengan nilaian pengeluaran dan pemasaran bagi beberapa tanaman dan juga penerbitan perangkaan-perangkaan untuk sebaran.

Perkhidmatan Penyelidikan Pertanian, Tuaran

Tujuan asas projek ini ialah untuk meninggikan taraf pertanian di Negeri Sabah pada amnya, menerusi (*a*) pembekalan perkhidmatan pakar-pakar, umpamanya nilaian tanah, analisa tanah dan daun-daun dan pencegahan musuh serangga dan penyakit-penyakit tanaman dan (*b*) perkenalan dan pemilihan bahan-bahan tanaman, khasnya mengadakan kajian-kajian agronomi mengenai padi dan tanaman-tanaman kering.

Tambahan kepada bangunan makmal untuk Bahagian Tanah dan Ilmu Serangga dijangkakan siap pada tahun 1975. Perkakas penyelidikan yang akan dibeli termasuk "four-channel auto-analyser", "carbon/nitrogen analyser" dan "infrared gas analyser".

Lanjutan percubaan-percubaan agronomi bagi padi ke ladang-ladang akan diteruskan. Mengikut bekalan perkakas-perkakas baru, analisa tanah dan lain-lain akan dipercepatkan. Kajian "pesticide residue" akan bermula.

Pusat Latihan Dalam Perkhidmatan bagi Pegawai-pegawai Rendah

Projek ini bertujuan ke arah melatih pegawai-pegawai rendah Cawangan Perkembangan Jabatan Pertanian untuk menjadi pekerja perkembangan dan penasihat luar yang berhasil. Di bawah rancangan ini kursus-kursus pembaharuan dibekalkan juga kepada semua peringkat pegawai-pegawai perkembangan untuk membawa pengetahuan mereka seimbang dengan kemajuan pertanian kemaskini.

Kemudahan-kemudahan latihan dalam perkhidmatan ini sedang berbalik kepada tenaga yang biasa dengan penyerahan bangunannya oleh Sekolah Vokesyenal Pertanian. 60 orang Pembantu Pertanian Rendah, Pembantu Pertanian Rendah Pelatih dan Pembantu Pengajar-pengajar Suri Rumahtangga akan mengikuti satu kursus tempoh 9 bulan dalam tahun 1975. Kursus pembaharuan (refresher) untuk Pembantu-pembantu Pertanian akan juga diuruskan.

Sekolah Latihan Luarbandar untuk Peladang-peladang

Projek ini bertujuan untuk memberi kursus pendek selama tiga bulan bagi menyibarkan sesuatu kemahiran dan pengetahuan cara-cara moden kepada peladang-peladang muda. Latihan yang diberi dan mata-mata pelajaran adalah dibentuk bersesuaian dengan keperluan-keperluan sesuatu gulungan-gulungan peladang yang tertentu.

Satu yunit rumah-rumah kakitangan akan dibina di salah satu pusat Tamu Darat, Damai atau Quoin Hill dan sebuah Land Rover akan dibeli. Dua kursus akan dijalankan di tiap-tiap tiga pusat tersebut untuk melatih 180 orang penuntut.

Latihan Luarbandar untuk Ekonomi Rumah-tangga

Projek ini memberi latihan kepada suri-suri rumah-tangga di luarbandar dalam bidang ekonomi rumah-tangga, kebersihan, pemeliharaan anak-anak, jahit-menjahit, pemasakan serta mutu zat makanan, tanaman sayur dan juga perancang keluarga. Rancangan ini termasuk latihan Pengajar-pengajar dan Pembantu Pengajar-pengajar Rumah-tangga.

Pada tahun 1975, 120 kursus bertempoh 6 minggu dan menerima 25 penuntut setiapnya, akan diadakan seluruh Negeri Sabah; demikian sejumlah 3,000 suri rumah-tangga akan diberi latihan. 40 mesin jahit akan dibeli dan 5 yunit rumah-rumah kakitangan akan dibina. Kebun-kebun keluarga untuk menanam sayor akan diadakan di kawasan-kawasan luarbandar dengan bantuan wang (subsidy) dan satu "Home Economics Workshop" akan diuruskan.

Penyelidikan Kelapa Sawit, Ulu Dusun

Tujuan-tujuan projek ini ialah (*a*) untuk pembiakan jenis kelapa sawit yang tinggi pengeluarannya dan untuk mengeluarkan benih kelapa sawit yang bermutu tinggi bagi menanam secara luasan di seluruh Negeri Sabah; (*b*) untuk mengada dan memajukan amalan-amalan agronomi bersesuaian dengan keadaan-keadaan tempatan; (*c*) untuk memberi latihan luar kepada penanam-penanam, pekerja-pekerja ladang dan ajensi-ajensi Kerajaan; (*d*) untuk membekalkan perkhidmatan makmal kepada sektor perusahaan supaya mutu minyak kelapa sawit dikawal.

Pusat ini akan menanam 50 ekar untuk percubaan "factorial establishment" kelapa sawit. Selagi percubaan baja "factorial" akan dimulakan di daerah Tawau. Percubaan-percubaan agronomi dan projeni dan operasi Yunit Pengeluaran Benih yang sedang ada akan diteruskan. Perkakas dan alat-alat makmal dan ladang, sebuah Land Rover dan 6 tan trailer F.F.B. akan dibeli. 2 batu jalan akan dipergersekan.

Stesyen Penyelidikan Koko, Bukit Quoin

Stesyen ini ialah salah satu dari dua pusat penyelidikan koko yang ditubuhkan di bawah rancangan mempelbagaikan pertanian untuk menggalakkan tanaman koko supaya ianya akan menjadi tanaman ekspot utama yang ketiga dari Negeri Sabah. Tujuan stesyen ini ialah untuk (*a*) mengada dan memajukan jenis koko campuran (hybrids) yang tinggi pengeluarannya dan mengeluarkan beberapa banyak benih jenis campuran untuk dibekalkan kepada penanam-penanam di seluruh Malaysia dan (*b*) menguruskan kajian atas kehendak-kehendak agronomi bagi tanah basaltic.

Adalah dicadangkan menanam 20 ekar untuk benih dan 20 ekar lagi untuk percubaan pada tahun 1975—diharap sebanyak 15,000,000 benih akan berhasil untuk menunaikan keperluan-keperluan seluruh Malaysia. Sebuah gedung untuk kacang koko kering dan satu yunit rumah-rumah pekerja akan juga dibina.

Stesyen Penyelidikan Koko, Tenom

Di pusat ini kajian diadakan mengenai koko jenis campuran dalam tanah alluvial dan juga kajian atas kehendak-kehendak agronomi koko campuran dalam tanah alluvial.

Keperluan-keperluan bagi benih campuran seluruh Malaysia dijangka akan makin bertambah dan seluas 40 ekar akan ditanam untuk menemui keperluan benih itu. Segala jenis koko akan ditubuh di pusat itu; percubaan baja dan kajian-kajian agronomi lain akan diadakan atas koko jenis campuran pengeluaran Stesyen Penyelidikan, Bukit Quoin. Bekalan kuasa lertik dari stesyen Lembaga Letrik Sabah di Tenom dijangka akan dilengkapkan pada akhir tahun 1975.

Percubaan dan Pertunjukan

Projek ini bertujuan untuk menubuhkan sebuah badan pokok atau "nucleus body" untuk menyelaras pembangunan koko dan juga untuk mengadakan perhubungan rapat antara perkhidmatan penyelidikan dan perkhidmatan perkembangan Jabatan Pertanian supaya kerja penasihat yang berkesan dapat disalurkan kepada pekebun-pekebun kecil. Rancangan ini termasuk kawalan mutu dan tanaman cubaan untuk dipertunjukkan.

Sebahagian besar dari kerja-kerja tahun 1975 akan meliputi penyelenggaraan beberapa pusat tanaman percubaan di seluruh Negeri Sabah dan pemungutan data percubaan.

(ii) *Parit dan Taliair Am*

1975 ialah tahun terakhir bagi tempoh Rancangan Malaysia Yang Kedua. Peruntukan pembangunan sebanyak $75 juta akan dapat menemui segala pembiayaan rancangan-rancangan Jabatan ini, khususnya dalam bidang kerja-kerja pengairan dan saliran, pencegahan banjir dan haideroloji. Aktiviti utama Jabatan ini akan terus ditumpukan terhadap objektif asas menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan kejuruteraan dan rangkakerja yang perlu, yang mana tidak dapat diadakan sendiri oleh para petani untuk kemajuan, pengurusan dan pengawalan yang teratur, sumber-sumber pertanian Negara ke peringkat maksima sebagai sebahagian dari program menyeluruh Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luarbandar. Antara kerja-kerja asas yang dirancangkan bagi tahun 1975 ialah:

(*a*) Adalah dijangka seluas 75,000 ekar kawasan bendang akan diberi kemudahan-kemudahan taliair manakala seluas 25,000 ekar tanah pertanian akan mendapat faedah dari kerja-kerja saliran dan kawalan banjir.

(*b*) Berikutan dari dasar terbaru Kerajaan mengenai beras, tindakan telah diambil pada tahun 1974 untuk membuka kawasan-kawasan baru bagi penanaman padi. Kerja-kerja asas untuk memulihkan kawasan hutan paya seluas 20,000 ekar dalam Rancangan Pengairan Seberang Perak Peringkat IV sedang diuruskan. Kerja-kerja besar dijangka akan dapat dijalankan pada tahun 1975.

(*c*) Berikutan dari kerja-kerja asas yang dijalankan pada tahun 1974, satu kajian mengenai Lembangan Sg. Trengganu dan Sg. Kelantan telah dimulakan dan akan mencapai momentum pada tahun 1975. Pengkajian ini adalah bertujuan untuk menyediakan satu Plan Induk mengenai kegunaan air, pembangunan dan pengurusan di lembangan-lembangan sungai. Langkah-langkah mencegah banjir, termasuk kemungkinan membina empangan perbagai-guna, adalah menjadi perkara utama dalam kajian tersebut.

Usaha-usaha untuk memperkembang dan menaikkan taraf aktiviti-aktiviti haideroloji Jabatan ini serta memajukan lagi teknik-teknik ramalan banjir akan terus dititikberatkan.

Butir-butir berhubung dengan kemajuan atas kerja-kerja besar yang dijalankan di peringkat Persekutuan dan Negeri adalah seperti berikut:

SEMENANJUNG MALAYSIA

Projek Pengairan Muda

Projek ini telah dirangka untuk memberi air pengairan dan kemudahan-kemudahan lain bagi menanam padi dua kali setahun. Projek ini meliputi kawasan bendang seluas lebih kurang 260,000 ekar di dataran pantai negeri Kedah dan Perlis. Pinjaman sebanyak $US45,000,000 dari Bank Dunia telah

digunakan untuk membiayai sebahagian kos pembinaan rancangan ini. Kerja-kerja membaiki sungai-sungai, terusan pengairan besar, sistem pengairan kecil, kerja-kerja mencegah banjir dan air masin di tepi pantai telah siap seperti dijadualkan dalam rancangan asal.

Dalam tahun 1974 air pengairan telah dibekalkan untuk tanaman luar musim bagi tanah bendang seluas 230,000 ekar. Dalam tahun yang sama tambahan peruntukan sebanyak $4,000,000 telah diluluskan bagi menghalusi projek asal. Bidang penghalusan itu termasuk kemudahan-kemudahan pengairan, saliran dan jalan-jalan di peringkat ladang.

Dalam tahun 1975 tambahan lebih kurang 10,000 ekar bendang lagi akan mendapat air pengairan untuk menanam padi luar musim. Kerja penghalusan atas kemudahan-kemudahan pengairan dan saliran termasuk jalan-jalan di peringkat ladang akan diteruskan untuk lebih kurang 15,000 ekar lagi.

Projek Pengairan Kemubu

Projek ini dirangka untuk memberi air pengairan dan kemudahan-kemudahan lain bagi menanam padi dua kali setahun. Kawasan projek ini meliputi lebih kurang 47,000 ekar bendang di dataran Kelantan. Pinjaman sebanyak US$10,000,000 dari Bank Dunia telah digunakan untuk membiayai sebahagian kos pembinaan projek. Pembinaan untuk kerja kejuruteraan besar semuanya telah siap.

Dalam tahun 1974 lebih kurang 40,000 ekar bendang telah dibekalkan dengan air pengairan untuk tanaman luar musim.

Kawasan untuk menanam dua kali setahun dijangka akan bertambah dalam tahun 1975. Kerja-kerja pembinaan untuk jalan ladang dan jambatan bagi mengelokkan lagi jalan-masuk akan diteruskan pada tahun 1975. Beberapa kerja membaiki kemudahan-kemudahan saliran akan dijalankan juga.

Projek Pengairan Besut

Projek ini mempunyai tujuan yang sama dengan lain-lain projek pengairan besar untuk mencapai kecukupan beras di tanahair. Satu kawasan seluas 12,600 ekar terletak di tebing kanan Sungai Besut, Trengganu telah dirancangkan untuk mendapat kemudahan menanam padi dua kali setahun. Pinjaman sebanyak $US3.3 juta dari Bank Pembangunan Asia telah diperolehi untuk membiayai sebahagian kos perojek ini.

Dalam tahun 1974, pembinaan ampang jajar Sungai Besut mungkin siap semuanya dan kemajuan kerja mengenai sistem pengairan ialah lebih kurang 70%.

Dijangka dalam tahun 1975 lebih kurang 2,600 ekar bendang boleh dibekalkan dengan air pengairan untuk menanam padi dua kali setahun. Kemudahan pengairan bagi seluruh kawasan seluas 12,600 ekar akan disiapkan untuk dijayajalankan penghujung tahun.

Rancangan Pembangunan Pertanian Johor Barat—Peringkat I

Projek Pembangunan tersebut yang akan menelan belanja sebanyak $233 juta telah mendapat pinjaman dari Bank Dunia sebanyak $105 juta pada pertengahan tahun 1974. Seluas lebih kurang 330,000 ekar tanah datar di antara Parit Botak dengan Kukup yang bersempadan di sebelah timur oleh Jalanraya Ayer Hitam—Johor Bahru dan di sebelah baratnya oleh Selat Melaka akan mendapat faedah melalui kemudahan-kemudahan seperti:

(*a*) Satu benteng tepi laut bagi menahan kemasukan air masin;

(*b*) Memperbaiki saluran sungai-sungai dan parit dan juga membina parit-parit tambahan yang perlu untuk memperkukuhkan lagi keadaan saliran dan juga untuk membuka tanah-tanah baru;

(*c*) Memperbaiki jalan-jalan masuk dan jembatan-jembatan;

(*d*) Mendirikan Pusat-pusat Kemajuan Pertanian, Pertubuhan-pertubuhan Peladang, Pusat-pusat Penyelidikan/demonstrasi dan sebagainya; dan

(*e*) Loji jentera memproses dan lain-lain kelengkapan.

Kemajuan baik telah dicapai atas pembinaan benteng tepi laut di antara Sanglang—Ayer Baloi dengan menggunakan jentera Jabatan pada tahun 1974. Pusat-pusat kecil dan rumah bagi kakitangan adalah dalam pembinaan di Kampung Permas dan Pontian Kecil. Dua tawaran besar antarabangsa bagi kawasan Kukup akan ditawarkan sebelum hujung tahun 1974. Empat tawaran lagi akan dikeluarkan pada tahun 1975 bagi kawasan Ayer Baloi-Sanglang dan Tampok—kawasan Rengit. Kerja-kerja bagi menyiapkan rancangan tersebut akan mengambil masa selama 2 tahun. Pembinaan beberapa buah pusat-pusat pembangunan telah dijadualkan untuk tahun 1975.

JOHOR

Kerja pembinaan bagi Rancangan Pengairan Sawah Kebun Bahru hampir siap dan akan dijayajalankan pada awal tahun 1975.

Kerja-kerja saliran di kawasan Sawah Ring dan kerja-kerja memperbaiki Sungai Ring hampir siap. Pembinaan Ibu Bekalan dan sistem pengairan yang telah dimulakan pada bulan Jun, 1974 dijangka akan dapat disiapkan pada pertengahan tahun 1975.

Kerja-kerja selanjutnya untuk membendung kejadian hakisan pantai dan ombak laut di Rancangan Saliran Minyak Beku adalah diperlukan. Kajian terhadap kerja-kerja tersebut adalah dirancangkan pada tahun 1975.

Kerja-kerja sambungan bagi Rancangan-rancangan saliran Sungai Pinggan dan Serom sedang dijalankan. Rancangan Saliran Tanjung Kupang telah hampir siap. Kerja-kerja kontrek bagi melencung Sungai Kesang yang menelan belanja $1.2 juta telah dikeluarkan pada bulan Ogos, 1974 dan kerja dijangka akan siap awal tahun 1976. Pelencungan Sg. Tebrau Skudai, Mengkibol dan Laboh telah selesai. Manakala pelencungan bagi Sg. Tiram akan dilaksanakan dalam tahun 1975.

Dua Kontrek untuk pembinaan ban pantai termasuk 5 binaan kawalan pasang-surut bagi rancangan saliran Sg. Sarang Buaya (sambungan rancangan saliran Sri Menanti antara Parit Rabu dan Sg. Sarang Buaya) telah dikeluarkan pada pertengahan tahun 1974 dan kerja-kerjanya sedang dijalankan.

KEDAH

Dalam tahun 1974 kemajuan telah dapat dicapai memuaskan atas kerja-kerja pembinaan di Rancangan Otak Kerbau Bandar Baharu, dan Singkir Darat/Singkir Laut. Kerja-kerja permulaan telah dapat dijalankan di empat buah rancangan lagi. Rancangan Kg. Pinang Tunggal/Kg. Matang Berangan tidak dapat dimulakan mengikut jadual oleh sebab kerja rekabentuk belum dapat diselesaikan.

Penyiasatan dan kerja perancangan permulaan bagi 5 buah rancangan telah dijalankan untuk pembinaan dilaksanakan pada tahun 1975. Kerja permulaan bagi Rancangan Pinang Tunggal mungkin dapat dimulakan. Pada akhir tahun 1975, 5 rancangan besar dijangka siap. Ini adalah termasuk Rancangan-rancangan Bandar Bharu Peringkat II, Lembah Bata dan Singkir Darat/Singkir Laut.

KELANTAN

Kemajuan baik dapat dicapai mengenai untuk menyediakan kemudahan-kemudahan parit dan taliair di kawasan Rantau Panjang, Sg. Yong dan Terusan Rasau pada tahun 1974. Kerja pembinaan akan terus dijalankan dalam tahun 1975. Penyiasatan lanjut atas kerja-kerja telah disiapkan untuk membolehkan kerja rekabentuk dibuat dalam tahun 1974 juga.

Pada tahun 1975, satu jadual pembinaan besar telah disediakan. Kerja-kerja mengenai empangan pengairan di Rantau Panjang akan dimulakan pada tahun 1975. Ibu Bekalan Sg. Yong dan Stesyen Pam juga telah dijadualkan untuk pembinaan dalam tahun 1975. Di Sungai Lemal, motor letrik yang ketiga dijangka siap diperbaiki untuk menjayajalankan. Jika tidak ada masaalah, yunit motor letrik yang ke 4 akan dihantar balik kepada pembuat untuk diperbaiki.

Melaka

Kerja-kerja pembinaan bagi memberi kemudahan-kemudahan pengairan kepada kawasan-kawasan bendang yang semata-mata bergantung kepada air hujan, dan memperkukuhkan kemudahan-kemudahan pengairan yang ada sekarang terus dijalankan. Rancangan-rancangan tersebut ialah dalam Daerah Jasin, Alor Gajah dan Melaka Tengah telah mendapat faedah daripada rancangan mengukuhkan kemudahan pengairan ini. Kerja-kerja untuk Rancangan Pemulihan Lembah Kesang telah disiapkan menjelang tahun 1974 manakala pembinaan saifan saliran di bawah Parit Aras Tinggi (High Level Drains) terpaksa ditangguhkan sehingga tahun 1976.

Negeri Sembilan

Sejumlah besar dari peruntukan pembangunan adalah diuntukkan bagi menyediakan kemudahan-kemudahan pengairan ke beberapa kawasan bendang yang kecil yang semata-mata bergantung kepada air hujan, serta memperbaiki rancangan-rancangan pengairan di kawasan itu sedang diteruskan. Rancangan-rancangan Labu (10th Mile), Sg. Raya, Sg. Muar, Kuala Klawang dan Tanjong Ipoh juga telah mendapat faedah dan akan diteruskan dalam tahun 1975.

Kerja-kerja meratakan tanah juga dijalankan dalam tahun 1974 bagi kawasan-kawasan padi di Daerah Tampin, Port Dickson, Seremban, Kuala Pilah dan Jelebu. Rancangan ini akan diteruskan dalam tahun 1975.

Kerja-kerja membersihkan Sg. Pajam, Sg. Linggi dan Sg. Senawang adalah mendapat kemajuan yang memuaskan.

Pahang

Pada tahun 1974, kemajuan memuaskan telah dapat dicapai di semua rancangan melainkan Paya Ganchong. Kemajuan baik telah dicapai dalam kerja membersih 28 buah batang sungai.

Kerja-kerja pembinaan yang dijalankan pada tahun 1974 akan diteruskan dalam tahun 1975. Semua rancangan-rancangan pengairan dijangka siap untuk dijaya-jalankan sebelum akhir tahun 1975. Ini akan termasuk 2 buah rancangan pam di Paya Gancong dan Paya Sg. Lipir.

Pulau Pinang

Pada tahun 1974, kemajuan atas kerja-kerja pembinaan telah berjalan dengan memuaskan. Sungguhpun demikian bagi Rancangan Saliran dan Pemulihan Sg. Prai, kerja-kerja jasad tidak dapat dijalankan pada tahun ini disebabkan kelewatan mendapatkan tapak untuk pembinaan.

Kerja atas Rancangan Pengairan Sg. Kulim akan diteruskan pada tahun 1975. Adalah dijangka kesemua kerja di Rancangan Saliran Sg. Chinaham/Sg. Udang Kecil dan Pantai Acheh akan dapat disiapkan mengikut jadual pada tahun ini. Kerja pembinaan bagi rancangan Saliran dan Pemulihan Sg. Prai dijangka akan dimulakan pada tahun 1975.

Perak

Pada tahun 1974, kemajuan baik telah dapat dicapai atas kerja-kerja pembinaan dan bagi beberapa buah rancangan, antaranya Rancangan Tambahan Sg. Manik, aturcara kerja untuk tahun tersebut dapat dipercepatkan untuk membolehkan kerja-kerja tambahan dijalankan. Kerja-kerja besar bagi Rancangan Tambahan Krian dijangka siap untuk menjayajalankan stesyen Pam Krian, pada tahun ini.

Kerja pembinaan bagi beberapa buah rancangan seperti Rancangan Pengairan Seberang Perak Peringkat IV dan Rancangan Saliran Seberang Perak Peringkat III, akan dapat dipercepatkan dengan selesainya kerja-kerja penyiasatan, iaitu dengan cara memaju ke hadapan peruntukan bagi sesuatu rancangan bawah Tempoh R.M.K. Adalah dijangkakan Empang-jajar Pasang-surut Sg. Krian yang dibina di bawah Rancangan Tambahan Krian, juga akan dapat dijayajalankan. Bagi Rancangan Pengairan Seberang Perak Peringkat IV, kerja memulih kawasan paya seluas 20,000 ekar yang dimulakan pada tahun 1974 akan diteruskan dalam tahun 1975 dan selanjutnya.

PERLIS

Adalah dijangka kebanyakan dari kerja-kerja pembinaan bagi Rancangan Kuala Tunggang akan disiapkan menjelang penghujung tahun 1974. Bagi Rancangan Pengairan Sg. Siran, kerja-kerja pembinaan yang sedang dijalankan sekarang akan diteruskan pada tahun 1975. Rancangan ini dijadual akan disiapkan menjelang penghujung tahun 1975, beserta beberapa buah kerja-kerja kecil pengairan yang lain.

SELANGOR

Kemajuan baik telah dicapai terhadap pembinaan saluran Pengairan konkrit dan sebuah parit bagi sebahagian kawasan Sawah Sempadan dalam Rancangan Pengairan Tanjong Karang pada tahun 1974. Sebuah kontrek bagi membina 4 buah saluran, dan 3 batang parit yang menelan belanja sebanyak $2.6 juta telah dikeluarkan dalam bulan Jun, 1974. Pembinaan tersebut adalah mendapat kemajuan yang baik. Kesemua kerja-kerja itu akan diteruskan dalam tahun 1975.

Kemajuan yang memuaskan telah dicapai terhadap pembinaan Saluran Besar Badong dan Parit Aras Tinggi dan benteng di tepi Sungai Selangor. Pembinaan sebuah pintu Kawalan Pasang-surut yang baru di Kampung Siam telah tergendala disebabkan kelewatan pengambilan tanah. Kerja itu adalah dijangka dapat disiapkan pada akhir tahun 1975.

Kerja pengorekan tanah bagi memperbaiki Sg. Kalang dan Sg. Langat akan diteruskan. Pengorekan Sg. Semenyih dan Labu hampir siap.

TRENGGANU

Kemajuan telah dapat dicapai dalam kerja-kerja pembinaan pada tahun 1974. Kerja-kerja pembinaan telah dimulakan bagi Rancangan Pengairan Balai Besar. Adalah dijangka kebanyakan dari kerja-kerja di Rancangan Pengairan Kampung Matang dan Paya Langgar akan dapat disiapkan bagi membolehkan stesyen pam dijayajalankan.

Pada tahun 1975 kerja-kerja akan diteruskan di enam buah rancangan pengairan. Kerja membina empang dasar merentangi Sg. Pelagat akan dapat disiapkan bagi membolehkan stesyen pam dijayajalankan. Adalah dijangka kerja-kerja bagi Rancangan Pengairan Kampung Timur dan Kampung Fikri akan dapat dimulakan pada tahun 1975.

Kawalan Banjir

Kajian Lembangan Sg. Pahang yang telah bermula pada akhir tahun 1972 telah dapat diselesaikan pada pertengahan tahun 1974. Lapuran Akhir bagi pengkajian tersebut yang meliputi 6 naskah akan dikemukakan oleh Firma Perunding dalam bulan September, 1974. Langkah-langkah akan diambil dalam tahun 1975 untuk menyediakan rancangan-rancangan pelaksanaan, yang disyurkan dalam Lapuran Akhir itu.

Tindakan telah diambil pada awal tahun 1974 untuk membuat kerja-kerja permulaan mengenai kajian Lembagan Sg. Trengganu. Sebuah Firma Perunding telah dilantik untuk menjalankan kajian permulaan. Ini telah siap pada

pertengahan tahun 1974 dan menunjukkan projek ini mungkin akan berfaedah untuk dikaji dengan teliti. Sebahagian besar pengkajian ini akan terlibat menyediakan satu Plan Induk mengenai penggunaan air, kemajuan dan pengurusan termasuk kerja-kerja mengurangkan banjir. Ini termasuk juga mendirikan sebuah empang pelbagai guna yang boleh memberi kuasa haidero pengairan dan kawalan banjir.

Kerja permulaan mengenai Kajian Lembaga Sg. Trengganu telah dijalankan untuk menetapkan sidang kerja. Ini telah diselesaikan dan bawah peringkat pertama adalah dicadangkan mengutip data-data haideroloji dan membuat kajian musim tengkujuh 1974. Kerja ini mungkin bermula dalam bulan September, 1974 dan akan dapat diselesaikan dalam bulan April, 1975.

Di bawah Rancangan Kawalan Banjir, sistem talimetrik bagi Sg. Pahang telah disiapkan dan sedang berjalan dalam tahun 1974 Pesanan telah dikeluarkan oleh W.M.O. untuk membekalkan alat talimetrik bagi tambahan 5 stesyen lebathujan dan satu stesyen aras-air bagi sistem-sistem Sg. Kelantan dan Sg. Pahang. Ini ialah satu rancangan bantuan bawah Bangsa-bangsa Bersatu (U.N.D.P.). Kerja-kerja mendirikan stesyen-stesyen di ulu Sungai-sungai tersebut akan disiapkan dalam tahun 1975.

Untuk mengukuhkan lagi alat perhubungan bagi memberi kawalan banjir, pesanan telah dibuat untuk mengadakan alat-alat talipon-radio V.H.F. bagi negeri-negeri Kelantan, Trengganu, Pahang dan Selangor. Alat-alat ini dijangka siap di pasang oleh Jabatan Talikom pada akhir tahun 1974.

Hydroloji

Rancangan menyeluruh untuk memperluaskan dan mengukuhkan lagi aktiviti-aktiviti haideroloji di Jabatan ini telah dijalankan mengikut jadual. Pada akhir tahun 1974, 90 buah alatrakam hujan utama termasuk alat-alat otomatik telah dipasangkan. Selain daripada ini pembinaan 12 stesyen utama haiderometrik dan 5 buah stesyen kecil haiderometrik akan disiapkan. Kerja mamasang alat-alat otomatik di stesyen tersebut akan diselesaikan sebelum akhir tahun 1974.

Segala bahagian-bahagian alat bagi sistem memproses data eletronik telah siap dipasang dan sedang berjalan. Adalah dijadualkan segala data-data haideroloji yang telah dikumpul pada masa 1970-73 akan dapat diproses dan di simpan di Data Barat pada tahun 1975.

Sembilan buah procedure haideroloji telah dapat disediakan dan dicetak untuk kegunaan. Satu peta yang bertajuk "Provisional Surface Water Resources of Peninsular Malaysia" dan "Hydrological Regions of Peninsular Malaysia" masing-masing telah disedia dan dicetak pada tahun 1974. Data-data hujan dan kadaralir sungai bagi semua stesyen bagi tempoh 1965-1970 telah juga disediakan dan akan dicetak pada akhir tahun 1974.

Kerja-kerja penyiasatan dan rekabentuk bagi binaan menyukat air sungai di Lembangan Percubaan Sg. Tekam, Pahang sedang dijalankan. Pengkajian ini adalah dengan tujuan untuk mengetahui kesan-kesan yang akan berlaku apabila satu kawasan hutan di tebang dan kemudian ditanam dengan pokok-pokok seperti kelapa sawit. Pembinaan dan pemasangan alat-alat mengukur paras air otomatik dan alatrakam hujan di Lembagan Sg. Tekam akan bermula dalam tahun 1975.

SABAH

Bawah kajian semula R.M.K. peruntukan sebanyak $8.5 juta telah diluluskan bagi perbelanjaan tahun 1974/75 untuk rancangan pengairan dan kerja-kerja mencegah banjir. Rancangan-rancangan pengajiran yang sedang dijalankan ialah Tuaran, Papar, Terusan Sapi, Penampang, Tempasuk Selatan, Sindumin dan Lembah Bengkoka (Pitas Hilir). Rancangan-rancangan tambahan yang akan dilaksanakan dalam tahun 1975 ialah Membakut, Trans-Pegalan, Kawang-kawang, Tandek dan Labuan.

Adalah juga dicadangkan untuk memperbaiki Sungai Putatan dan Paper dalam tahun 1975.

SARAWAK

Kerja-kerja pembinaan rancangan-rancangan Paya Selanyau (Peringkat II), Banting Pandaruan, Merapok dan Benawa akan diteruskan dalam tahun 1975. Rancangan Pengairan Semenanjung Nonok (Peringkat I) telah pun siap dalam tahun 1974, dan kerja bagi peringkat II akan diteruskan dalam tahun 1975. Lain-lain rancangan parit yang sedang dalam pembinaan ialah Tg. Jol, Pujut Lopeng, Paloh Bangau dan rancangan memperbaiki Kebong Nyabor.

Atas kemungkinan menambah lagi kawasan penanaman padi di Sarawak, sebuah kawasan besar di Lembah Limbang adalah didapati sesuai untuk penanaman padi 2 kali setahun. Kajian kemungkinan akan dilaksanakan dalam tahun 1975/76 untuk menjayajalankan projek tersebut.

(iii) *Haiwan*

SEMANUNJUNG MALAYSIA

Membesarkan Pusat Penyelidikan Haiwan

Peruntukan akan digunakan untuk menambahkan kemudahan dan pembelian alat-alat makmal di Institiut Penyelidikan Haiwan, Ipoh. Taraf yang sentiasa tinggi dalam pengeluaran ubat suntik dan penyelidikan berbagai bidang penyakit-penyakit ternakan adalah perlu bagi mengelak dan mengawal dengan berkesannya penyakit-penyakit ternakan di negara.

Rancangan-rancangan Menternak Lembu

Rancangan ini adalah bertujuan menggalakkan lagi petani-petani luarbandar mengambil bahagian dalam perusahaan lembu secara:

(*a*) Pembahagian lembu-lembu betina kepada petani-petani untuk pemeliharaan menerusi rancangan pawah.

(*b*) Pelaksanaan rancangan-rancangan menggemukkan anak-anak lembu dalam mana anak-anak lembu berumur 8-12 bulan dibahagikan kepada petani-petani untuk dipelihara sehingga berumur 2 tahun.

(*c*) Pembahagian lembu-lembu jantan dari berbagai jenis untuk dikacokkan dengan lembu-lembu tempatan.

Rancangan-rancangan Menternak Ayam

Tujuan-tujuan rancangan ini adalah diarahkan kepada membantu petani-petani luarbandar dalam pengeluaran ayam secara:

(*a*) Pemberian bantuan bagi pembelian anak-anak ayam, makanan dan keperluan-keperluan yang berkaitan.

(*b*) Pemberian bantuan menerusi Pertubuhan-pertubuhan Peladang bagi penubuhan ladang-ladang ayam daging dan ayam telur.

(*c*) Membantu dalam menubuhkan kilang memproses ayam dan lain-lain perkhidmatan pemasaran.

Rancangan-rancangan Menternak Kerbau

Rancangan ini adalah ditujukan kepada menggalakkan petani-petani memelihara kerbau-kerbau sebagai menambahkan lagi mata pencarian mereka. Selain daripada menjalankan pengajian dalam pemeliharaan kerbau, beberapa rancangan yang dicadangkan di bawah peruntukan ini ialah (*a*) Rancangan Pawah, (*b*) Rancangan menggemukkan anak lembu dan (*c*) Rancangan pembahagian lembu-lembu jantan.

Pusat Menternak dan Membiak Babi

Di bawah rancangan ini petani-petani miskin akan dibantu dalam pemeliharaan babi secara pembahagian babi menerusi rancangan pawah dan perluasan perkhidmatan lanjutan. Peruntukan akan juga digunakan bagi mengimpot ternakan yang bermutu dari luarnegeri dan bagi penubuhan sebuah Pusat Pembiakan Babi.

Perkembangan Kawasan-kawasan Padang Ragut

Bagi menggalakkan pengeluaran lembu dan kerbau tempatan, padang-padang ragut simpanan yang ada sekarang haruslah dibangunkan untuk membekalkan rumput ragut dan rumput sabit. Peruntukan ini akan digunakan bagi penubuhan padang ragut, pembelian jentera-jentera yang perlu dan lain-lain alatan yang berkenaan, dan pembelian benih-benih rumput dan baja.

Perusahaan Pengeluaran Susu

Peruntukan ini akan digunakan bagi pembinaan beberapa pusat pungutan susu dan bantuan bagi membanyakkan lagi pengeluaran dan pemasaran susu di seluruh Semenanjung Malaysia.

Pusat Menternak Haiwan Pantai Timur

Kelantan adalah sebuah negeri yang mempunyai populasi lembu yang terbesar di Malaysia. Memandang kepada keperluan daging yang akan bertambah, Pusat Ternakan di Tanah Merah, Kelantan akan diusahakan untuk membekalkan lembu-lembu jantan yang bermutu tinggi untuk dikacokkan dengan lembu-lembu tempatan. Peruntukan yang dipohonkan untuk tahun 1975 akan digunakan bagi menubuhkan seluas 200 ekar lagi padang-padang ragut, pembinaan kandang-kandang dan pejabat, pembelian alatan, kenderaan dan benih rumput dan beberapa lagi perkara yang berkaitan.

Pembinaan Pusat-pusat Persekutuan

Dengan tujuan menambahkan lagi pengeluaran ternakan yang bermutu tinggi untuk dibahagi-bahagikan kepada petani-petani, dua buah kompleks ayam akan ditubuhkan di Pulau Pinang dan Trengganu. Pusat-pusat ini juga akan memberi latihan kepada penternak-penternak yang memerlukan tunjuk ajar di dalam hal perusahaan ternakan. Pusat-pusat ternakan di Ijok dan di Pantai juga akan diperkemaskan.

Pusat Latihan dan Kemajuan Ternakan

Keutamaan penting yang diberikan oleh Bahagian Haiwan ialah bagi membaikki taraf latihan kakitangan Jabatan Haiwan dan juga mengadakan kemudahan-kemudahan yang baik bagi melatih petani-petani di luarbandar. Institiut Haiwan, Kluang selain daripada bertugas sebagai pusat latihan akan juga digunakan untuk pembiakan lembu bagi menemui kehendak-kehendak petani-petani mendapatkan ternakan yang tinggi mutunya.

Perkembangan dan Penubuhan Pusat-pusat Haiwan dan Makmal Kawasan

Di bawah projek ini Pusat-pusat Haiwan dan Makmal-makmal Kawasan akan ditubuhkan dengan mempunyai perkakas-perkakas saintific yang diperlukan bagi mengadakan perkhidmatan kesihatan haiwan yang lebih berkesan kepada petani-petani. Adalah dicadangkan tiga buah Pusat Haiwan yang baharu akan dibina di Cameron Highlands (Pahang), Ayer Lanas (Kelantan) dan di Kota Tinggi (Johor).

Perkhidmatan Permanian Beradas

Perkhidmatan Permanian Beradas telah berkembang dengan pesatnya dalam masa beberapa tahun yang sudah berikutan dengan tambahan keperluan jenis dan baka-baka ternakan susu dan daging. Perkhidmatan ini diselenggarakan dengan

tujuan meninggikan mutu dan hasil ternakan tempatan. Peruntukan ini akan digunakan bagi memperkembang dan memperluaskan lagi perkhidmatan ini di seluruh negara.

Rancangan-rancangan Menternak Haiwan Persekutuan

Oleh kerana keperluan daging dan susu telah bertambah, maka telah difikirkan perlu bagi mutu ternakan dipertinggikan dengan menggunakan lembu-lembu yang berbaka dari luarnegeri untuk dikacukkan dengan lembu-lembu tempatan. Di bawah rancangan ini, ternakan dari luarnegeri akan diimpot, dibiakkan di beberapa pusat-pusat haiwan dan hasil daripada pemeliharaan ini anak-anaknya dibahagi-bahagikan kepada petani-petani untuk membiakan ternakan-ternakan mereka.

Pusat-pusat Kerantina

Jabatan ini memberi keutamaan kepada kemudahan-kemudahan kerantina bagi ternakan-ternakan yang dibawa masuk untuk menjauhkan kemasukan penyakit-penyakit ternakan yang merbahaya dari luarnegeri seperti "Penyakit Mulut dan Kuku". Di dalam beberapa bulan yang lalu kemasukan lembu kerbau dari Indonesia dan Negeri Thai telah bertambah. Keadaan ini memerlukan pembinaan kerantina yang memuaskan. Dua Pusat-pusat Kerantina di Kroh (Perak) dan di Rantau Panjang (Kelantan) sedang ditubuh dan kemudahan di Pusat Kerantina, Port Kelang di Padang Besar juga akan diperkemaskan.

Pengangkutan dan Perjalanan

Sepanjang 1975 peruntukan ini akan diperlukan bagi menjalankan dengan berkesannya beberapa projek-projek pembangunan.

Rancangan-rancangan Menternak Kambing

Di bawah rancangan ini kambing-kambing bermutu tinggi akan dibeli dan anak-anaknya dibahagi-bahagikan kepada petani-petani luarbandar untuk dipelihara.

SARAWAK

Makmal Penyelidikan Penyakit Haiwan

Makmal ini membantu perkhidmatan haiwan luar bagi perusahaan ternakan yang semakin berkembang. Dicadangkan untuk melantik tambahan pegawai-pegawai ikhtisas dan siswazah.

Stesyen Kerantina

Pusat ini akan terus membekalkan kemudahan kawalan untuk mencegah kemasukan penyakit-penyakit ternakan yang berbahaya besar dari negeri-negeri lain, khasnya penyakit kuku dan mulut yang marabahayanya sedang bertambah di wilayah ini.

SABAH

Stesyen Pembiakan Ternakan, Timbang Menggaris

Projek ini merujuk ke arah memperbaiki dan memajukan pembiakan ternakan untuk rakyat. Pada tahun 1975 250 ekar dalam Block II akan diusahakan supaya pembangunan tanah-tanah padang ragut yang ada akan sempurna. Pembinaan rumah-rumah pekerja dan kandang-kandang baru akan juga dilaksanakan.

Projek Percubaan Perdagangan

Di bawah rancangan ini kawasan-kawasan luas hutan yang dibersih akan digunakan untuk ternakan lembu, yang akan memajukan cara guna pembersihan tanah dan pembulan kawasan padang ragut, menuju ke arah menemui keperluan

daging bagi pesanan tempatan yang semakin bertambah dan akhirnya untuk di ekspot pada tahun 1975 seluas 350 ekar akan diusahakan di bawah peringkat pertama rancangan ini.

(iv) *Perikanan*

Melatih Nelayan

Institiut Latihan Nelayan di Pulau Pinang akan memulakan satu rancangan baru yang dinamakan Latihan Pelatih yang memberi latihan selama dua tahun kepada pelatih-pelatih yang lulus dari Institiut itu untuk menambah lagi latihan praktik dan masa di laut untuk membantu peralihan mereka ke sektor swasta. Jabatan ini telah menempah lima buah bot dan telah juga menambah kemudahan-kemudahan latihan di Institiut tersebut untuk menemui kehendak rancangan ini yang dijadualkan bermula dalam tempoh suku pertama 1975. Di samping Institiut Latihan Nelayan ini Jabatan ini juga menyelenggarakan dua Pusat Latihan Nelayan iaitu di Kuala Trengganu dan Pulau Pinang. Kemudahan-kemudahan di kedua-dua pusat latihan ini akan juga ditambah dalam tahun 1975 dengan pembinaan sebuah lagi bot latihan. Kedua-dua pusat latihan ini mengadakan kursus-kursus untuk menyuaikan nelayan-nelayan professional yang tiada dapat melapangkan masa untuk mengikuti latihan formal di Institiut.

Kapal-kapal Penguatkuasa Perikanan

Tiga buah kapal-kapal penguatkuasa yang sedang dalam pembinaan di Limbungan Kapal MARA di Kuala Trengganu akan diturunkan ke laut menjelang bulan Mac, 1975. Kapal-kapal ini akan digunakan untuk menguatkan tenaga penguatkuasa Jabatan ini.

Bantuan Kewangan kepada Perusahaan Perikanan

Jabatan ini akan terus melaksanakan rancangan-rancangan bantuannya kepada para nelayan membeli motor sangkut, injin dalam dan pukat-pukat. Seperti dalam tahun lalu bantuan-bantuan ini disediakan bagi seluruh negara.

Penyelidikan

Seperti dalam setahun lalu Cawangan Penyelidikan akan meneruskan dengan penyiasatan sumber ikan sasar di Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah. Walau bagaimanapun menjelang tahun 1975 Bahagian ini akan menyiapkan sebuah kapal bahru untuk memulakan penyiasatan sumber-sumber ikan pelagik yang akan dilaksanakan di bawah rancangan bantuan teknik dua hala dengan Kerajaan Belgium.

Khidmatan Pengembangan

Pusat Pembaikbiak Ikan di Jitra akan berjalan dengan sepenuhnya dalam tahun 1975 dan dijangka akan dapat membekalkan dengan secukupnya benih-benih ikan untuk keperluan kawasan barat laut. Di samping itu Jabatan ini akan membuat tawaran untuk pembinaan sebuah Puast Perikanan Airtawar di Johor guna membuat percubaan dalam ternakan jenis-jenis ikan dan udang airpayau.

Khidmatan Pentadbiran

Beberapa Pejabat Perikanan Daerah yang baru akan siap di Sungai Patani, Pontian Kecil dan Kuala Kurau termasuk beberapa rumah-rumah anak kapal di Lumut, Kuala Kedah, Batu Pahat dan Johor Bahru. Kemudahan-kemudahan ini akan memesatkan lagi khidmatan tadbiran Jabatan ini.

Pembinaan Pelabuhan Perikanan

Kerja-kerja berhubung dengan Kompleks Pelabuhan Perikanan dijangka akan bermula dalam tahun hadapan di Batu Maung (Pulau Pinang) dengan penyelesaian perkara tanah. Di Lumut, jalan masuk ke Komplek Perikanan yang ada sekarang akan dibina. Di Pantai Timur penyiasatan dan kerja-kerja menyediakan rangkabentuk untuk dua Pelabuhan Perikanan yang besar iaitu di Kuantan dan Chenering akan diselenggarakan oleh firma-firma jurutera perunding. Kerja pembinaan yang sebenar, walau bagaimanapun, tidak akan bermula hingga awal tahun 1976. Menjelang tahun hadapan Jabatan ini menjangka menyiapkan beberapa jeti-jeti kecil dan lampu-lampu pelayaran di Pulau Redang, Besut, Kuala Pahang, Kampung Pontian, Mersing, Sungai Besar, Kuala Kurau dan Langkawi.

(v) *Pembangunan Luarbandar*

Taman Latihan Wanita

Sebuah Latihan Wanita akan ditubuhkan di Kuantan, Pahang, sebagai tambahan kepada 3 Taman dan satu Pusat Latihan Wanita yang ada sekarang di Semenanjung Malaysia. Taman di Kuantan ini akan memberi latihan dalam bidang pembangunan keluarga kepada wanita-wanita dari kawasan-kawasan berhampirannya, termasuk rancangan Pahang Tenggara, Jengka dan Johor Tenggara.

Kemajuan Masyarakat di Kawasan Luarbandar

Projek-projek tunjukajar dalam berbagai bidang kemahiran dan pembangunan keluarga diadakan di merata-rata kawasan luarbandar. Kelas-kelas Kemajuan Masyarakat berbilang jurusan diadakan dan dilengkapkan dengan alat-alat tunjukajar sebagai sebahagian aktiviti ini. Kelas-kelas Latihan Kerja juga dikumpulkan menjadi kompleks yang "economically viable", dilengkapi untuk peranan melatih dan peranan ekonomi.

Suatu pusat latihan kemajuan desa untuk memberi latihan kepada pekerja pembangunan masyarakat dan pemimpin masyarakat termasuk Jawatankuasa Kemajuan Kampung akan ditubuhkan di Bangi, Selangor. Pusat ini akan memenuhi keperluan Kementerian ini serta lain-lain ajensi untuk latihan dalam bidang pembangunan masyarakat peringkat "grass roots".

Pekan Sari

Kerajaan dalam tahun 1974 telah menyediakan $25,000 untuk sebanyak 6 buah Pekan Sari. Dalam tahun 1975 sebanyak $28,000 telah diluluskan oleh Perbendaharaan untuk membina 3 Pekan Sari.

Yunit Amalan Nilai Pemakanan

Projek Amalan Nilai Pemakanan sedang diperluaskan ke seluruh negara sebagai Projek Amalan Makanan dan Pemakanan, bertujuan meninggikan taraf kesihatan melalui pemakanan yang betul dan dengan itu membaiki keupayaan bekerja dan belajar.

Projek ini merupakan kerjasama antara berbagai Kementerian dan ajensi, dan memerlukan kordinasi yang rapi. Untuk melicinkan perancangan dan pelaksanaan projek ini, suatu pasukan kerja tetap perlu ditubuhkan baginya.

Kutub-Khanah Luarbandar

Pusat-pusat yang memberi khidmat kutub-khanah ditubuhkan di kawasan-kawasan luarbandar yang sesuai, untuk menyampaikan perkhidmatan kepada pelajar dan bekas pelajar Kelas Kemajuan Masyarakat, kanak-kanak sekolah dan masyarakat amnya. Bangunan-bangunan yang sedia ada dilengkapi dengan alat

perkakas serta buku-buku untuk dijadikan pusat-pusat ini. Keutamaan sekarang diberi kepada pembekalan buku-buku bercorak sains dan teknoloji yang berguna sebagai buku rujukan.

Pusat-pusat ini juga merupakan asas bagi perkembangan perkhidmatan perpustakaan awam negeri-negeri nanti.

CATITAN:

Kemajuan bagi Badan-badan Berkanun terkandung di dalam Anggaran Belanjawan berasingan di muka-muka surat berikut.

4. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Belanja Mengurus	47,309,111	105,883,670	126,693,800
Belanja Pembangunan	95,736,419	153,053,038	145,314,135
Jumlah Besar ..	143,045,530	258,936,708	272,007,935

INSTITIUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA

Kepala Bekalan 17 [Pecahan-kepala 4100 (6)]	... ...	**$15,244,000**
Kepala Pembangunan 17 (Pecahan-kepala 3, 15 dan 18)	...	**4,622,010**
Jumlah	...	**$19,866,010**

	Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975 ...	**$15,244,000**	**$4,622,010**	**$19,866,010**
Peruntukan 1974 ...	**10,201,000**	**9,451,381**	**19,652,381**
Perubahan ...	**+ $ 5,043,000**	**− $4,829,371**	**+ $ 213,629**

1. Tujuan tujuan

(*a*) Menyelesaikan masaalah-masaalah petani;

(*b*) Membanyakkan bahan-bahan gantian bagi bahan-bahan yang diimpot;

(*c*) Membaiki mutu bahan-bahan yang diekspot;

(*d*) Membanyakkan kegunaan hasil-hasil tanaman; dan

(*e*) Mengadakan tanaman-tanaman baru.

Untuk mencapai tujuan-tujuan ini Institiut:

(*a*) Menjalankan penyelidikan saintifik, teknikal, ekonomik dan sosioloji di Malaysia di bidang-bidang penghasilan, penggunaan dan memproses segala jenis tanaman (kecuali getah), ternakan dan ikan air tawar;

(*b*) Berkhidmat sebagai sebuah pusat bagi mengumpul dan menyibar maklumat dan nasihat berkenaan dengan perkara-perkara sains, teknik dan ekonomi berhubung dengan perusahaan pertanian, termasuk menyiarkan lapuran-lapuran, terbitan-terbitan berkala dan kertas-kertas ilmiah berkait dengannya;

(*c*) Menjadi sebagai sebuah pusat perkhidmatan perkembangan pakar perusahaan pertanian; dan

(*d*) Memberi bantuan bagi maksud penyelidikan saintifik, teknikal dan ekonomi jenis jati dan gunaan berhubung dengan perusahaan pertanian.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran Urusan dan Pengurusan	2,121,272	2,970,500	3,834,000
(ii) Penyelidikan	7,578,240	7,230,500	11,410,000
Jumlah ..	9,699,512	10,201,000	15,244,000

(i) *Pentadbiran Urusan dan Pengurusan*

Aktiviti ini mengandungi berbagai-bagai aspek termasuk pentadbiran kakitangan dan kewangan, pelaksanaan rancangan latihan dan kemajuan kakitangan, perolehan dan kemajuan kemudahan-kemudahan di stesyen-stesyen MARDI, pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan MARDI di bawah Rancangan Malaysia Kedua, pengurusan harian stesyen-stesyen MARDI, penerbitan berbagai rencana penyelidikan di dalam berbagai bentuk, dan sebagainya. Walaupun bentuk aktiviti ini tidak akan berubah, beban-kerja semestinya akan terus bertambah dalam tahun 1975 kerana bertambahnya aktiviti-aktiviti kakitangan, penambahan dan pemesatan aktiviti-aktiviti penyelidikan di stesyen-stesyen, bertambahnya kerja-kerja pembangunan terutama sekali di Serdang, Bukit Ibam, Kluang dan Klang, penyediaan Rancangan Malaysia Ketiga dan sebagainya.

(ii) *Penyelidikan*

Penyusunan semula aktiviti penyelidikan berasaskan program-program tertentu didapati berjalan dengan baik dan berikut ialah gambaran ringkas penyelidikan-penyelidikan yang akan dilaksanakan di bawah program-program berkenaan dalam tahun 1975 dan kejayaan-kejayaan yang telah/MARDI berharap akan diperolehi bagi tahun-tahun 1973-1975.

(*a*) Padi

Hasil tanaman yang buruk yang diperolehi dalam tahun 1972 dan 1973 hampir-hampir di seluruh dunia telah menunjukkan keadaan bekalan makanan yang mencemaskan. Dalam tahun-tahun itu amatlah sukar untuk mendapat bekalan beras dari pasaran dunia dengan harga-harga yang berpatutan. Dengan keadaan yang demikian, pada bulan Januari 1974, Kerajaan telah memutuskan bahawa Malaysia hendaklah menghasilkan keperluan berasnya sepenuhnya, dan oleh itu pengeluaran beras di negara ini hendaklah ditambah dengan penanaman yang lebih intensif dan pembukaan kawasan-kawasan baru tanaman padi. Dasar baru ini adalah merupakan satu penyesuaian kepada dasar sebelumnya, di mana hasil pengeluaran beras dihadkan setakat 90% keperluan negara sahaja.

Setengah-setengah daripada aktiviti-aktiviti yang akan diperkembangkan ialah:

(1) Pembiakan dan pemilihan jenis-jenis yang boleh memberi hasil yang banyak dengan pembajaan yang sama banyak atau lebih kurang;

(2) Mengurangkan keperluan tenaga buruh dalam teknik-teknik penanaman dan dengan itu mengurangkan perbelanjaan penghasilan padi; dan

(3) Penggunaan maksima sawah-sawah padi dengan cara tanaman pelbagai dan tanaman bergilir.

Kemajuan yang telah diperolehi dalam tahun-tahun 1973 dan 1974 dari penyelidikan-penyelidikan yang telah dibuat adalah memuaskan. Oleh kerana petani-petani perlu menukar jenis-jenis padi sekurang-kurangnya sekali tiap-tiap 3-4 tahun kerana jenis yang ditanam oleh mereka biasanya merosot selepas tempoh itu disebabkan oleh kebolehan menentang penyakit yang berkurangan dan penghasilan benih yang tidak baik, maka program penyelidikan pada MARDI telah diarahkan kepada usaha-usaha membiak dan memilih untuk menghasilkan jenis-jenis baru yang berkemungkinan untuk disebarkan kepada petani-petani. Berikutan dengan pengeluaran padi-padi Murni dan Masria dalam tahun 1972 dan padi Jaya dalam tahun 1973, dua jenis baru padi beras dan satu jenis padi pulut telah dihasilkan dalam tahun 1974. Padi-padi beras yang baru itu ialah Sri Malaysia I yang boleh menghasilkan 1,200 gantang/seekar/semusim, dan Sri Malaysia II, satu jenis padi yang bermutu tinggi dan boleh memberi hasil sebanyak 900 gantang/seekar/semusim. Padi pulut baru yang dihasilkan ialah

Pulut Malaysia I yang bukan sahaja boleh memberi hasil sebanyak 700 gantang/seekar/semusim, tetapi juga boleh ditanam dua kali setahun. Sebelum daripada ini, padi beras jenis yang terbaik hanya dapat menghasilkan 1,000 gantang/seekar/semusim, sementara padi pulut yang terbaik hanya dapat memberi hasil sebanyak 250 gantang/seekar/semusim sahaja dan hanya dapat ditanam sekali setahun.

Selain daripada kejayaan-kejayaan yang disebutkan itu, MARDI telah juga dapat membuat satu perakuan pembajaan, selepas menjalankan percubaan-percubaan pembajaan di sawah petani-petani di kawasan Muda dan Province Wellesley, yang akan dapat menghasilkan 125,000 tan lebih banyak padi di kawasan Muda sahaja sekiranya dipakai. Di Province Wellesley, kelebihan 30% hasil padi boleh diperolehi sekiranya perakuan ini dipakai.

(*b*) Kelapa Sawit

Program penyelidikan kelapa sawit bolehlah dibahagikan kepada dua jenis yang besar: penyelidikan pertanian dan penyelidikan teknoloji.

(1) Penyelidikan Pertanian

Penyelidikan ini meliputi semua aspek penanaman, termasuk memajukan jenis-jenis yang baik. Kajian-kajian dari segi pembiakan, pemilihan, fisioloji dan agronomi juga adalah sebahagian daripada penyelidikan-penyelidikan dalam bahagian ini.

(2) Penyelidikan Teknoloji

Penyelidikan ini meliputi semua aspek daripada waktu buah-buah dipetik hinggalah bila minyak kelapa sawit diproseskan menjadi hasil-hasil yang lain. Tujuan utamanya ialah untuk menentukan penghasilan minyak kelapa sawit yang tertinggi mutunya dengan perbelanjaan yang ekonomik, manakala tujuan muktamad ialah untuk mewujudkan satu asas yang perlu bagi industri-industri tempatan yang menggunakan minyak kelapa sawit.

.(*c*) Tanaman-tanaman Perkebunan

Program ini meliputi penyelidikan-penyelidikan ke atas buah-buahan, sayur-sayuran, tanaman-tanaman, minuman dan rempah, dan bunga-bunga hiasan. Penyelidikan tisyu didik juga termasuk dalam program ini.

(*d*) Tanaman-tanaman Ladang

Program penyelidikan ini meliputi tanaman-tanaman ladang (seperti kacang tanah, kacang soya, jagung, ubi kentang, dan lain-lain), rumput padang ternak dan tebu.

(*e*) Koko dan Kelapa

Program penyelidikan untuk tahun 1975 akan meliputi usaha-usaha untuk memperbaiki dan menilai jenis-jenis yang tersedia terkumpul dan penghasilan bahan-bahan tanaman. Masaalah-masaalah berkait dengan penghasilan benih dengan cara pembiakan tampang dan cara penghasilan yang lebih murah akan juga diselidiki. Selain daripada itu, kajian-kajian keperluan baja dan lindungan dan masaalah-masaalah berkait dengan tanaman selingan, kawalan musuh dan penyakit, dan teknik memproses akan juga dibuat.

Kedua-dua koko dan kelapa ialah tanaman saka hasil-hasil yang diperolehi daripada beberapa musim selalunya diperlukan untuk bukti-bukti yang sah. Ujian-ujian yang besar hanya dimulakan dalam tahun 1974 dengan terbukanya stesyen Institiut ini di Teluk Anson. Walau bagaimanapun, satu kumpulan jenis-jenis telahpun dimulakan dan akan terus diperbesarkan. Satu program pertukaran dengan badan-badan penyelidikan luar negeri telahpun dimulakan. Satu kebun benih yang boleh menghasilkan dua juta benih akan dimulakan di Teluk Anson dalam tahun 1974.

(*f*) Penyelidikan Tumbuhan (Asas)

Program ini diadakan khas untuk penyelidikan teknoloji benih yang telah dimulakan pada lewat tahun 1973. Tujuannya ialah untuk mempercepatkan lagi penghasilan benih-benih yang baik untuk dibahagi-bahagikan kepada berbagai-bagai ajensi Kerajaan untuk dijadikan baka bagi penghasilan benih secepat-cepatnya dan dibahagi-bahagikan pula kepada peladang-peladang.

(*g*) Keselamatan Tumbuhan

Matlamat program ini ialah untuk mengurangkan kerugian hasil disebabkan oleh makhluk perosak dan penyakit. Kehilangan boleh berlaku di ladang, semasa memetik, waktu mengangkut dan bila disimpan.

(*h*) Tanah, Air dan Kejuruteraan

Tujuan penting program ini bagi tahun 1975 ialah untuk menambahkan kesan penggunaan baja, terutama sekali baja-baja nitrogen, memandangkan kekurangan baja-baja ini di seluruh dunia. Kajian-kajian adalah bertujuan untuk mengurangkan kehilangan kesan baja, mewujudkan saling tindakan yang lebih baik di antara baja dan air, dan menambahkan kesan baja dengan cara tanaman bergilir dan tanaman berbagai. Adalah juga diharapkan bahawa baja-baja baru dapat diwujudkan dengan menggunakan benda-benda buangan (oleh manusia, binatang, industri dan pertanian).

(*i*) Ternakan

Program ini meliputi penyelidikan lembu daging, lembu susu, ayam itik, babi, kerbau dan ikan air tawar.

(*j*) Ekonomi Statistik dan Pembangunan Projek

(1) Ekonomi

Pandangan dan reaksi petani-petani terhadap padi-padi jenis baru yang dihasilkan oleh MARDI dan masaalah-masaalah yang mereka hadapi bila menanam padi-padi itu; untung ruginya sistem tanaman berbagai dan masaalah-masaalah yang dihadapi oleh petani dan Kerajaan di kawasan-kawasan tanaman dua kali setahun; sebab-sebab perbezaan penerimaan cara-cara moden menanam padi, adalah merupakan setengah daripada projek-projek penyelidikan yang akan dilaksanakan.

(2) Statistik

Kajan-kajian akan dibuat ke atas tanaman-tanaman ladang jangka pendek, tebu dan kelapa sawit. Bagi tanaman-tanaman jangka pendek, penyelidikan akan dibuat untuk menentukan luas petak yang sebaik-baiknya dan ekonomik untuk digunakan bagi semua ujian-ujian.

(3) Pembangunan Projek

Tujuan program ini ialah untuk mengesahkan di kawasan-kawasan petani/peladang dan di kawasan-kawasan kemajuan wilayah samada hasil-hasil yang diperolehi daripada penyelidikan-penyelidikan MARDI boleh dipraktikkan dari segi ekonomi dan juga agronomi. Hasil daripada ujian-ujian ini merupakan bukti muktamad faedah hasil-hasil yang telah diperolehi oleh MARDI di stesyen-stesyennya.

(*k*) Bantuan dan Kontrek Penyelidikan

Di bawah program ini, projek-projek penyelidikan yang MARDI sendiri tidak dapat menjalankan oleh kerana kekurangan kemudahan atau kemahiran, dikontrekkan kepada badan-badan lain, baik Kerajaan ataupun persendirian, atau bantuan diberi kepada badan-badan itu untuk menjalankan projek tersebut. Walau bagaimanapun pegawai-pegawai MARDI akan bekerja rapat dengan badan-badan itu untuk mendapat pengalaman.

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	5,277,332	4,600,000	7,815,000
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	147,897	40,000	557,000
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..	514,275	600,000	779,000
	Jumlah Gaji ..	5,939,504	5,240,000	9,151,000
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	367,182	250,000	250,000
2200	Pengangkutan Barang-barang ..	21,615	30,000	35,000
2300	Kemudahan Perhubungan ..	34,677	40,000	45,000
2400	Api, Air dan Letrik dll.	84,215	80,000	90,000
2500	Sewa	65,403	85,000	149,000
2600	Perkhidmatan Pencetakan ..	9,717	10,000	15,000
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	1,189,328	1,489,000	1,641,000
2800	Perkhidmatan Pelbagai	363,690	461,000	506,000
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	527,408	70,000	325,000
3300	Pembinaan	—	12,000	—
4100	Pemberian, Subsidi dan Carum-carum	921,140	2,361,000	2,537,000
5500	Pelbagai	175,633	73,000	500,000
	Jumlah ..	9,699,512*	10,201,000	15,244,000

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974 $	Bilangan	Anggaran Tahun 1975 $
(i) Pentadbiran Urusan dan Pengurusan	276	689,695	830	729,500	872	1,113,000
(ii) Penyelidikan	573	5,249,809	781	4,510,500	893	8,038,000
Jumlah ..	849	5,939,504	1,611	5,240,000	1,765	9,151,000

3. Anggaran Pembangunan

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
(i)	Ibu Pejabat, Serdang	623,177	6,365,381	779,000
(ii)	Stesyen Penyelidikan Wilayah Selatan, Kluang, Johor	277,628	819,000	792,000
(iii)	Stesyen Penyelidikan Wilayah Utara, Seberang Perai	1,149,559	244,000	204,000
	Bawa kehadapan ..	2,050,364	7,428,381	1,775,000

* Peruntukan sebanyak $10,065,500 telah diterima daripada Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luarbandar.

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Dari sebelah ..	2,050,364	7,428,381	1,775,000
(iv) Stesyen Penyelidikan Koko dan Kelapa, Hilir Perak	66,585	185,000	358,000
(v) Stesyen Penyelidikan Nenas, Kelang, Selangor	1,000	193,000	238,000
(vi) Stesyen Penyelidikan Pahang Tenggara Bukit Ibam, Pahang	394,746	601,000	987,000
(vii) Stesyen Penyelidikan MUDA, Alor Setar, Kedah	32,600	277,000	186,000
(viii) Stesyen Penyelidikan Kemubu, Kota Bharu, Kelantan	34,580	211,000	239,000
(ix) Stesyen Penyelidikan Buah-buahan, Kuala Kangsar, Perak	—	—	529,000
(x) Stesyen-stesyen yang ada Sekarang ..	383,480	356,000	80,000
(xi) MARDI, Sarawak	—	200,000	230,000
(xii) MARDI, Sabah	—	—	10
Jumlah ..	2,963,355*	9,451,381	4,622,010

4. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Belanja Mengurus	9,699,512	10,201,000	15,244,000
Belanja Pembangunan	2,963,355	9,451,381	4,622,010
Jumlah Besar ..	12,662,867	19,652,381	19,866,010

* Peruntukan sebanyak $5,034,860 telah diterima daripada Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luarbandar.

Kepala Bekalan 17 [Pecahan-kepala 4100 (7)]	... ...	**$3,937,000**
Kepala Pembangunan 17 (Pecahan-kepala 1)	...	**1,673,010**
Jumlah	...	**$5,610,010**

	Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975	**$3,937,000**	**$1,673,010**	**$5,610,010**
Peruntukan 1974	**3,651,000**	**1,266,010**	**4,917,010**
Perubahan ...	**+ $ 286,000**	**+ $ 407,000**	**+ $ 693,000**

1. Tujuan-tujuan

Tujuan-tujuan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan ialah:

(*a*) Mengurangkan jurang perbezaan ekonomi antara kaum dengan memperbaiki kecekapan pemasaran untuk menentukan yang pengeluar-pengeluar hasil-hasil pertanian mendapat layanan yang adil, kos pemasaran dikurangkan dan kehendak-kehendak pengguna dipenuhi;

(*b*) Mengurangkan dan seterusnya membasmi cara pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi dalam bidang pemasaran pertanian;

(*c*) Membetulkan ketidak seimbangan ekonomi mengikut daerah; dan

(*d*) Mengadakan lagi peluang-peluang kerja dalam bidang pemasaran pertanian dengan menubuhkan perusahaan-perusahaan bercorak pertanian.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran dan Kewangan ..	525,569	1,470,800	789,809
(ii) Penyelidikan dan Kemajuan Projek..	814,255	747,900	1,057,502
(iii) Pemasaran	663,776	348,300	889,689
(iv) Sumbangan kepada Jemaah Pemasaran	822,500	1,084,000	1,200,000
Jumlah ..	2,826,100	3,651,000	3,937,000

Prestasi

(i) *Pentadbiran dan Kewangan*

Bahagian ini melaksanakan kerja-kerja yang melibatkan urusan mesyuarat Lembaga dan mesyuarat Jawatankuasa Kerja, pengurusan kakitangan, latihan, perkara undang-undang, akaun, peruntukan dan kawalan kewangan, pengurusan

dan pembangunan, perhubungan awam dan kutub-kanah. Adalah dijangka bahawa kerja-kerja dalam semua bidang yang akan dilaksanakan dalam aktiviti ini akan bertambah dalam masa hadapan oleh kerana:

(*a*) Bertambahnya bilangan pusat-pusat memproses yang akan dibukakan;

(*b*) Bertambahnya kegiatan-kegiatan di pejabat-pejabat peringkat negeri dan daerah berkaitan dengan perkhidmatan pasaran, perniagaan, pengutipan dan penyebaran maklumat pasaran, memajukan pasaran dan pelaksanaan rancangan-rancangan kawalan; dan

(*c*) Bertambahnya kegiatan Jemaah Pemasaran Lada Hitam dan ujudnya lain-lain syarikat anak yang memerlukn perhatian yang sama.

(ii) *Penyelidikan dan Kemajuan Projek*

(*a*) Penyiasatan

Kesemuanya 10 jenis penyiasatan telah dijalankan dalam tahun 1973 dan 1974—seperti berikut:

(1) Penyiasatan Pemasaran Kobis di Cameron Highlands;

(2) Penyiasatan Pemasaran Kelapa di Sabak Bernam dan Hilir Perak;

(3) Penyiasatan Pemasaran Kelapa di Johor Barat;

(4) Penyiasatan Jidar Pemasaran Sayur-sayuran di Cameron Highlands;

(5) Penyiasatan Pengeluaran Buah-buahan di Perak;

(6) Penyiasatan Pengeluaran Kacangtanah di Kelantan;

(7) Penyiasatan Pengeluaran dan Pemasaran Kelapa di Sarawak;

(8) Penyiasatan Pengeluaran Koko di Selangor dan Perak;

(9) Penyiasatan atas kesan Rancangan Pemasaran Kelapa dan Kopi di Selangor; dan

(10) Penyiasatan "Leadership Market Research".

Lembaga berjadual menjalankan 5 jenis penyiasatan pada tahun 1975 yang semuanya ada mempunyai hubungan dengan rancangan-rancangan dan projek-projek yang telah dan akan dilaksanakan oleh Lembaga. Penyiasatan-penyiasatan ini adalah seperti berikut:

(1) Penyiasatan Saluran dan Memproses Kelapa di Trengganu;

(2) Penyiasatan Pemasaran dan Pengeluaran Sayur-sayuran di Perak, Johor dan Selangor;

(3) Penyiasatan Pengeluaran Buah-buahan di Province Wellesley;

(4) Penyiasatan Koko di Perak; dan

(5) Penyiasatan Kesan Rancangan Pemasaran Lada Hitam di Sarawak.

(*b*) Perkembangan Projek

Aktiviti ini adalah berkaitan dengan mengkaji dan menjalan kajian feasibility di atas projek-projek pembangunan yang dapat dilaksanakan oleh Lembaga. Dalam tahun 1973, kajian feasibility telah dilaksanakan berkenaan dengan projek-projek berikut:

(1) Projek menanam dan memproses jagung di Trengganu dan Pahang;

(2) Projek memproses ubikayu di Perak;

(3) Projek memproses kelapa di Perak, Selangor, Johor dan Trengganu;

(4) Kajian pengangkutan di Semenanjung Malaysia;

(5) Projek mengilang kopi di Selangor; dan

(6) Pusat memproses koko di Selangor.

Dalam tahun 1974 penyiasatan dijangka dijalankan mengenai perkara-perkara berikut:

(1) Program memajukan pemasaran kacangtanah di Perak, Trengganu, Kelantan dan Pahang;

(2) Projek mendirikan pusat-pusat borong untuk sayur-sayuran dan buah-buahan di Semenanjung Malaysia;

(3) Penyiasatan atas keperluan kredit oleh penanam-penanam sayur;

(4) Kajian permulaan atas prospek bagi cili, tomato dan halia;

(5) Menyambung kajian berkaitan dengan projek menanam dan memproses jagung di Trengganu dan Pahang; dan

(6) Mengkaji projek memproses kelapa di kawasan-kawasan lain.

Bagi tahun 1975, adalah dijangka bahawa selain daripada menjalankan penyiasatan yang bersambungan dari tahun 1974, Lembaga akan menumpukan perhatiannya bagi menyediakan projek-projek untuk Rancangan Malaysia Ketiga. Antara lainnya adalah dirancangkan projek-projek seperti memproses cili, halia, soyabean dan tomato puri.

(iii) *Pemasaran*

(*a*) Perkhidmatan Pemasaran dan Perniagaan

Dalam tahun 1973, Lembaga telah memberi perkhidmatan pemasaran kepada 3,000 orang pekebun-pekebun dalam beberapa bidang hasil pertanian yang melibatkan nilai sebanyak $700,000. Pada pertengahan tahun 1973, setelah Akta FAMA dipinda, Lembaga telah dapat mengambil bahagian secara langsung dalam bidang perniagaan dan dalam masa itu Lembaga telah dapat berniaga hasil-hasil pertanian bernilai sebanyak $90,000. Bagi tahun 1974, Lembaga akan memperkembangkan rancangan untuk menambahkan saluran-saluran pasaran secara mendirikan pusat-pusat borong dan runcit di pekan-pekan yang besar. Dengan cara ini Lembaga yakin bahawa bagi tahun 1974, Lembaga akan dapat memperniagakan hasil-hasil pertanian sejumlah $570,000. Selain daripada itu Lembaga akan juga mengambil peranan dalam memajukan hasil-hasil pertanian yang tertentu yang mempunyai pasaran yang baik secara membekalkan baja dan juga benih-benih kepada petani-petani. Bagi tahun 1975, adalah dijangka bahawa rancangan-rancangan Lembaga untuk menyediakan pusat-pusat borong dan runcit akan dapat berkembang dengan sepenuhnya dan dengan demikian adalah dijangka bahawa perniagaan FAMA dapat bertambah kepada $1.5 juta setahun.

(*b*) Rancangan Kawalan

Melalui rancangan kawalan, kegiatan-kegiatan orang tengah adalah dikawal untuk mengurangkan atau menghapus amalan-amalan pemasaran yang merugikan petani-petani dan juga untuk memperluas dan memperkemaskan dengan tujuan untuk mengurangkan belanja pemasaran. Dalam tahun 1973, dua rancangan kawalan telah dilaksanakan, iaitu Rancangan Pemasaran Kopi dan Rancangan Pemasaran Kelapa. Untuk Rancangan Pemasaran Kopi, sebanyak 277 lesen membeli buah dan biji kopi telah dikeluarkan dan untuk Rancangan Pemasaran Kelapa sebanyak 620 lesen membeli kelapa dan kelapa kering telah dikeluarkan untuk negeri Pulau Pinang, Perak, Kelantan dan Trengganu. Dalam tahun 1974, Lembaga akan melaksanakan rancangan pemasaran kacangtanah di negeri Kelantan, Trengganu dan Perak dan juga pemasaran koko di negeri Perak dan Selangor. Untuk tahun 1975, adalah dijangka bahawa rancangan pemasaran kopi akan diperluaskan ke negeri Perak, rancangan pemasaran kacangtanah akan diperluaskan ke negeri Pahang dan rancangan pemasaran kelapa ke negeri Sarawak.

(*c*) Kemajuan Pasaran

Usaha dalam tahun 1973 adalah ditumpukan kepada menambahkan pengguna-pengguna memakan lebih banyak buah-buahan tempatan. Ini telah dilaksanakan melalui radio, TV, akhbar-akhbar tempatan, peraduan masak-memasak, pertunjukan

masak-memasak dengan menggunakan buah-buahan tempatan, menganjurkan pesta buah-buahan tempatan di Pulau Pinang dan mencetakkan bahan-bahan seperti poster, buku resipi dan kalender. Adalah dijangka bahawa untuk tahun 1974, kempen buah-buahan tempatan akan dikurangkan memandang kepada bertambah-nya permintaan buah-buahan tempatan dan juga memandang kepada harga buah-buahan tempatan dan juga memandang kepada harga buah-buahan tempatan yang tinggi di masa sekarang. Oleh yang demikian, kerja-kerja kemajuan pemasaran akan ditumpukan kepada kegiatan-kegiatan untuk hasil-hasil pertanian lain seperti kopi, kacangtanah, ubikayu dan soyabean secara mengeluarkan cetakan buku pengetahuan yang menarik dan secara mengambil bahagian dalam pesta-pesta tempatan. Untuk tahun 1975, adalah dijangka bahawa kerja-kerja kemajuan pasaran akan bertambah untuk memaju bahan-bahan yang dikeluarkan oleh pusat memproses FAMA, seperti kacangtanah, kopi dan lain-lainnya, dan juga memajukan lain-lain hasil pertanian yang boleh mempunyai pasaran yang baik di dalam dan di luar negeri. Kempen menanam lebih banyak buah-buahan tempatan akan juga dilaksanakan bagi menambah bekal buah-buahan tempatan.

(*d*) Perisik Pasaran

Perkhidmatan perisik pasaran adalah untuk mengutip dan menyebarkan maklumat-maklumat untuk faedah mereka yang terlibat dalam pengeluaran pemasaran, memproses dan penggunaan hasil-hasil pertanian. Kutipan harga sedang dijalankan daripada Pulau Pinang, Ipoh, Kuala Lumpur, Melaka dan Johor Bahru. Harga-harga runcit dan borong yang telah dikutip adalah disebarkan melalui *Warta Barangan, Utusan Melayu* dan Radio Malaysia. Sejumlah 35 jenis barang-barang daripada pusat pengutipan telah dikutip tiap-tiap hari Isnin dan hari Khamis. Selain daripada kutipan harga yang ada sekarang ini, Lembaga akan menambahkan lagi lapan buah pusat pengutipan harga di Semenanjung Malaysia dan 4 buah di Sarawak bagi mengutip harga-harga di semua peringkat termasuk-lah peringkat ladang. Kutipan harga akan berluas dari segi kawasan, jenis barang-barang dan juga peringkat-peringkat pasaran.

(iv) *Sumbangan kepada Jemaah Pemasaran*

Jemaah telah mulai melesen pembelian dan penyimpanan lada hitam di Johor dan di Bahagian Pertama, Kedua, Ketiga, Keenam dan Ketujuh di Sarawak dalam tahun 1973. Dalam tahun 1974, Jemaah akan memperluaskan perlesenan ke Bahagian Keempat dan Kelima di Sarawak. Persiapan-persiapan untuk melesen-kan pengekspot lada hitam sedang dirangkakan. Jemaah pada masa ini sedang mengutip harga-harga lada hitam di peringkat penjual-penjual borong/pengekspot di Kuching,Sarikei dan Johor. Selain dari itu, Jemaah juga bercadang memper-baiki cara penyiaran maklumat harga menerusi radio Sarawak dalam tahun 1974.

Dalam bidang memaju pasaran, adalah dijangka satu rombongan akan dihantar dalam tahun 1975 ke negeri-negeri yang menjadi pasaran lada hitam yang besar untuk menerang dan memajukan mutu atau "grade" untuk lada hitam Malaysia, untuk mengadakan perhubungan rapat dengan pasaran-pasaran ini dan membincang cara-cara memajukan lagi pasaran bagi lada hitam negeri ini.

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	755,300	1,059,700	1,100,000
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	259,400	394,700	420,000
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..	87,000	145,600	130,000
	Jumlah Gaji ..	1,101,700	1,600,000	1,650,000

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	152,600	200,000	200,000
2300	Kemudahan Perhubungan ..	75,100	30,000	65,000
2400	Api, Air dan Letrik dll.	6,300	6,000	8,000
2500	Sewa	135,100	275,000	253,100
2600	Perkhidmatan Pencetakan.. ..	—	—	110,000
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	43,100	24,000	40,000
2800	Perkhidmatan Pelbagai	301,400	300,000	227,000
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	41,000	32,000	20,000
4100	Pemberian, Subsidi dan Carum-carum	822,500	1,084,000	1,200,000
5500	Pelbagai	147,300	100,000	163,900
	Jumlah ..	2,826,100	3,651,000	3,937,000

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974	Bilangan	Anggaran Tahun 1975
		$		$		$
(i) Pentadbiran dan Kewangan ..	140	664,390	145	608,000	147	627,000
(ii) Penyelidikan dan Kemajuan Projek	34	333,487	28	528,000	30	517,000
(iii) Pemasaran	12	103,823	15	464,000	15	506,000
Jumlah ..	186	1,101,700	188	1,600,000	192	1,650,000

3. Anggaran Pembangunan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pusat Memeringkat Mutu dan Memproses Lada Hitam	—	10	10
(ii) Rancangan Pemasaran Kopi ..	3,400	—	—
(iii) Pusat Memproses Kelapa Kering ..	300,000	—	600,000
(iv) Penyiasatan dan Penyelidikan ..	—	8,000	33,000
(v) Projek Menanam dan Memproses Jagung	—	750,000	750,000
(vi) Pusat Memproses Koko	—	348,000	50,000
(vii) Pusat Memproses Kacangtanah ..	—	160,000	240,000
Jumlah ..	303,400*	1,266,010	1,673,010

* Peruntukan yang diterima daripada Kementerian berjumlah $300,000.

Kemajuan Kerja-kerja Pembinaan

(i) *Pusat Memeringkat Mutu dan Memproses Lada Hitam di Kuching, Sarikei dan Johor Bahru*

Peruntukan tanda sebanyak $10 telah diluluskan bagi projek ini untuk tahun 1975 dan peruntukan sebenarnya akan diluluskan apabila cara pembiayaan projek ini telah diputuskan. Adalah dijangka bahawa projek ini akan disiapkan pada tahun 1975. Dalam tahun 1974, persediaan sedang dijalankan untuk mendirikan pusat-pusat sementara menyimpan dan memeringkat mutu lada hitam.

(ii) *Kilang Memproses Kopi dan Kilang Serbuk Kopi*

Tujuan mendirikan kilang memproses kopi adalah untuk memboleh Lembaga menyertai dalam persaingan membeli buah dan biji kopi dan dengan demikian membaiki dan menstabil harga dan pendapatan untuk pekebun-pekebun kopi. Kilang memproses telah siap pada tahun 1973 dan dalam perjalanannya telah dapat mencapai tujuan-tujuan memberi harga berpatutan dan stabil untuk pekebun-pekebun. Kilang serbuk kopi ini adalah berdekatan dengan kilang memproses kopi dan adalah bertujuan untuk meneguhkan lagi daya persaingan Lembaga dalam pemasaran kopi. Kilang ini yang berharga sebanyak $110,000 akan disiapkan dalam tahun 1974 dan akan memula memasar serbuk kopi pada hujung tahun ini.

(iii) *Pusat-pusat Memproses Kelapa Kering*

Dengan mengadakan pusat memproses kelapa kering yang lebih cekap pulangan yang lebih banyak akan dapat diperolehi oleh pekebun-pekebun kelapa. Sebuah pusat memproses kelapa kering telah siap dibina dalam pertengahan tahun 1974 di Sabak Bernam dan sebuah lagi yang sedang dibina di Hilir Perak adalah dijangak siap pada akhir tahun 1974. Untuk tahun 1975, sebanyak 3 buah lagi pusat memproses kelapa kering adalah dicadang dibina dan untuk membiayai pembinaan ini dalam tahun 1975, peruntukan sebanyak $600,000 secara pemberian telahpun diberikan.

(iv) *Penyiasatan dan Penyelidikan*

Peruntukan sebanyak $33,000 telah diluluskan secara pemberian.

(v) *Projek Menanam dan Memproses Jagung*

Sebagai satu langkah untuk mengurangkan pergantungan kepada impot luar negeri dan juga untuk meluaskan lagi perusahaan ternakan dan ayam-itek di negara ini dan sebagai satu sumbangan kepada usaha mempelbagaikan pertanian, Lembaga akan melaksanakan dua projek menanam dan memproses jagung, satu di Trengganu dan yang satu lagi di Pahang. Peruntukan sebanyak $750,000 secara pemberian telah diluluskan bagi perlaksanaan projek ini di Trengganu untuk tahun 1974 yang dijangka akan siap dalam tahun 1975. Projek di Trengganu ini adalah dilaksanakan secara usaha bersama dengan Persatuan Peladang negeri Trengganu. Peruntukan sebanyak $750,000 secara pemberian telah diberi untuk melaksanakan satu lagi projek yang sama di negeri Pahang pada tahun 1975. Projek ini akan diusahakan bersama-sama dengan Persatuan Peladang negeri dan dengan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang.

(vi) *Pusat Memproses Koko*

Pusat memproses koko yang akan dibina dalam tahun 1974 di Sabak Bernam adalah bertujuan menampung keperluan-keperluan memproses pengeluaran pekebun-pekebun kecil di daerah Sabak Bernam dan di daerah Hilir Perak. Projek ini akan dapat disiapkan pada akhir tahun 1975. Peruntukan sebanyak $50,000 secara pinjaman adalah diluluskan bagi projek ni untuk tahun 1975, iaitu selain daripada $348,000 yang telah diluluskan untuk tahun 1974.

(vii) *Projek Memproses Kacangtanah*

Untuk tahun 1974 sebuah pusat memproses kacangtanah akan dibina di negeri Kelantan dan dijangka siap pada tahun 1975. Pembinaan projek di negeri Kelantan ini akan dilaksanakan dengan cara usaha-bersama dengan Perbadanan Ekonomi Negeri, Persatuan Peladang Negeri dan Lembaga Pertubuhan Peladang. Sebuah lagi akan dibina di negeri Pahang pada tahun 1975 iaitu secara usaha-bersama juga. Pusat memproses ini adalah dilaksanakan sebagai mengatasi beberapa masaalah dalam bidang pemasaran, memproses kacangtanah untuk mempercepatkan lagi perkembangan perusahaan kacangtanah di kawasan-kawasan ini. Selain daripada peruntukan sebanyak $160,000 yang diberikan pada tahun 1974 Lembaga akan memerlukan peruntukan sebanyak $240,000 secara pemberian bagi kedua-dua projek ini untuk tahun 1975.

4. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Peruntukan Tahun 1974 $	Anggaran Tahun 1975 $
Belanja Mengurus	2,826,100	3,651,000	3,937,000
Belanja Pembangunan	303,400	1,266,010	1,673,010
Jumlah Besar ..	3,129,500	4,917,010	5,610,010

Kepala Bekalan 17		**$5,641,000**
[Pecahan-kepala 4100 (8)]		
Jumlah ...		**$5,641,000**

BELANJA MENGURUS

Peruntukan 1975		**$5,641,000**
Peruntukan 1974		**5,138,400**
Perubahan ...	**+**	**$ 502,600**

1. Tujuan-tujuan

Tujuan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) ialah untuk mewujudkan pembangunan ekonomi dan sosial di kalangan petani-petani di dalam Kawasan Muda dengan jalan:

(*a*) Mengadakan kemudahan-kemudahan untuk membentuk cara-cara pertanian moden serta menggalakkan perkembangan teknik pertanian yang baik;

(*b*) Menubuhkan industeri-industeri yang berasaskan barang pertanian dan lain-lain industeri pengeluaran barang-barang untuk ekspot; dan

(*c*) Menyusun semula bentuk-bentuk masyarakat untuk menghasilkan penyatuan yang mengembangkan kerjasama dan pengukuhan untuk mencapai perkembangan sosial dan ekonomi yang terbaik.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Peruntukan Tahun 1974 $	Anggaran Tahun 1975 $
(i) Pentadbiran	475,722	639,200	664,800
(ii) Kejuruteraan	2,390,767	3,557,100	3,959,000
(iii) Pertanian	407,937	831,400	873,000
(iv) Latihan..	57,434	110,700	144,200
Jumlah ..	3,331,860*	5,138,400	5,641,000

Prestasi

(i) *Pentadbiran*

Di bawah aktiviti inilah yang dibentuk pengurusan dan pengawalan bagi seluruh perkhidmatan MADA. Tugas-tugas lain termasuk seperti yang berikut:

(*a*) Mengadakan pengurusan pentadbiran, perjawatan dan kewangan Lembaga;

(*b*) Menyelaras segala rancangan dan aktiviti-aktiviti semua Bahagian-bahagian Lembaga dan lain-lain badan-badan Kerajaan di dalam kawasan ini;

(*c*) Mengkaji segala cadangan bagi melaksanakan sebarang projek di dalam kawasan Muda;

(*d*) Menjalankan kajian ekonomik, sosio-ekonomik dan pengurusan ladang serta mengumpulkan statistik;

(*e*) Menilai kecenderungan pegawai-pegawai rendah di dalam pekerjaan dan menjalankan latihan dalam khidmat berdasarkan pengkajian-pengkajian yang telah dibuat;

(*f*) Menjalankan kempen penerangan untuk mengubah sikap, menambah pengetahuan dan menggerakkan 50,000 peladang kepada tujuan dan aktiviti Lembaga;

(*g*) Memberi penerangan kepada organisasi-organisasi, jabatan-jabatan Kerajaan dan perwakilan-perwakilan Kerajaan yang berkehendakkan maklumat;

(*h*) Mengkaji dan menubuh industeri-industeri yang berasaskan bahan pertanian dan lain-lain industeri yang mengeluarkan barang-barang untuk ekspot;

(*i*) Membantu rancangan urbanisasi dalam Kawasan Muda untuk membantu menyusun semula masyarakat; dan

(*j*) Mengarah pelaksanaan Kejenteraan ladang dalam Kawasan Muda.

BEBAN-KERJA

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(A) Pentadbiran:			
1. Surat dihantar dan diterima ..	5,190	6,000	7,000
2. Fail diselenggarakan	887	900	1,000
3. Lawatan dan Taklimat diatur ..	126	150	150
4. Panggilan talipon keluar ..	10,756	11,000	12,000
5. Baucer disediakan	825	900	1,000
6. Surat disetem	8,700	11,000	12,000
7. Mesyuarat Lembaga dan Pejabat	36	40	40
(B) Perjawatan:			
1. Jawatan diiklan	11	30	10
2. Permohonan diterima	1,262	8,000	6,000
3. Penapisan permohonan.. ..	11	15	10
4. Temuduga	15	30	10
5. Pengambilan pegawai	121	350	350
6. Kenaikan pangkat	5	50	50
7. Perletakan jawatan	11	10	10
8. Penamatan jawatan	49	5	5
9. Pengeluaran surat lantikan dan penamatan jawatan	186	400	400
10. Semakan dokumen peribadi untuk Buku Perkhidmatan ..	121	350	350
11. Penyata Perubahan dikeluarkan	191	400	400
12. Buku Catitan Perkhidmatan diselenggara	292	630	800
13. Borang KWSP disediakan (Borang 3, 17 dan 18)	225	350	350
14. Borang SOCSO disediakan (Borang 3, 6 dan 8)	265	300	300
15. Pampasan pekerja (Bilangan Pegawai)	173	230	150

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
16. Kajian Tenaga Pekerja (Bilangan Pegawai)	180	—	—
17. Penyediaan return/Statistik Pegawai-pegawai	22	30	40
18. Pemeriksaan Taip	20	25	30
19. Pemeriksaan Jabatan/Perkhidmatan	1	6	6
20. Pendahuluan Kenderaan diproses	24	40	60
21. Fail diselenggara	369	750	900
22. Surat dihantar dan diterima ..	3,510	6,000	8,000
23. Pinjaman Pegawai-pegawai ..	5	72	640
(C) Cawangan Akaun:			
1. Catitan baucer diterima ..	5,888	8,300	9,975
2. Baucer diproses	5,646	8,000	9,600
3. Soalan-soalan atas baucer ..	242	300	375
4. Cek dikeluarkan..	9,006	12,800	15,000
5. Cek dipermasuk buku tunai ..	9,006	12,800	15,000
6. Baucer dicatit dalam lejar ..	5,646	8,000	9,600
7. Lapuran pada Komputer tiap-tiap transaction	—	8,250	9,950
8. Penyediaan baucer jernal ..	32	40	50
9. Penghantaran Cek—			
(*a*) Dengan Pos	5,500	8,000	9,000
(*b*) Dengan Tangan	3,506	4,800	6,000
10. Penyesuaian Bank—			
(*a*) Cek ditukar	8,270	11,000	13,050
(*b*) Cek tidak ditukar ..	1,636	1,800	2,000
11. Resit dikeluarkan	153	250	350
12. Transaction Bank	145	250	350
13. Pertanyaan atas pembayaran ..	400	500	600
14. Surat dihantar dan diterima ..	500	600	700
15. Fail diselenggara	65	100	150
16. Lejar dan Buku Tunai diselenggara	14	18	22
17. Lapuran perbelanjaan suku tahun	4	4	4
18. Timbangan Duga Bulanan ..	12	12	12
19. Rekod Setok	1	1	1
20. Penyata Bulanan atas Lejar Perbelanjaan	12	12	12
21. Penyediaan penyata tahunan ..	1	1	1
(D) Bahagian Penerangan:			
1. Lawatan dan Taklimat ..	51	100	120
2. Penerangan Umum	149	200	200
3. Pertunjukan Filem	149	200	200
4. Kursus Tempatan	8	16	20
5. Pelekat dan Sibaran	150	200	400

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
6. Pelan, Peta dan Rajah	2,395	28,000	400
7. Penerbitan dicetak	3,639	1,000	1,500
8. Penerbitan dicetak semula ..	2,144	1,000	1,000
9. Jadual tanaman padi	16,500	17,000	20,000
10. Pertunjukan	2	3	4
(E) Perancang dan Penilaian:			
1. Kajian Statistik	7	7	7
2. Lapuran dan Terbitan	4	5	5
3. Kajian (Kemasyarakatan) ..	5	5	5
4. Lapuran disiarkan (Masyarakat)	3	3	4
(F) Pembangunan Industeri:			
1. Syarikat ditubuh	1	1	1
2. Kajian Kemungkinan	1	3	3
3. Pinjaman-pinjaman	1	—	1

(ii) *Kejuruteraan*

Bahagian Kejuruteraan MADA akan memberi perkhidmatan kejuruteraan yang diperlukan oleh MADA dan akan bertanggungjawab melaksanakan dasar MADA berkenaan penggunaan air di kawasan Muda. Aktiviti-aktiviti tersebut di bawah akan diselenggarakan dalam tahun 1975:

(*a*) Mengurus dan menyenggara seluruh system pengairan seluas lebih kurang 105,260 hectare (260,000 ekar);

(*b*) Menyenggara dengan baik 710 kilometre (441 batu) jalan-jalan ladang di dalam kawasan yang dijayajalankan;

(*c*) Mengendali dan menyenggara ampang-ampangan, tasik-tasik dan lain-lain binaan;

(*d*) Mengadakan perkhidmatan pengurusan air yang sesuai bagi peladang-peladang mengambil bahagian;

(*e*) Menyenggara dan membaiki semua alat-alat mekanik dan loji-loji;

(*f*) Menyenggara semua bangunan-bangunan MADA, Pertanian dan Kejuruteraan dalam Kawasan Projek;

(*g*) Menyediakan kemudahan-kemudahan tambahan kepada 6,070 hectare (15,000 ekar) sawah;

(*h*) Membina 30 buah titian;

(*i*) Menyiapkan 2 buah dan membina 1 buah Pusat-pusat Kemajuan Pertanian;

(*j*) Menyediakan rekabentuk dan membina kerja-kerja besar pengairan dan saliran (pemaritan) berharga $7 juta daripada peruntukan P. 15-125 (i)—Rancangan Pengairan Muda, kerja-kerja besar dan P. 15-125 (iv)—Kemudahan-kemudahan Tambahan; dan

(*k*) Mengendali dan menyenggara 26 buah rumah-rumah pump.

BEBAN-KERJA

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
1. Surat dihantar dan diterima	42,684	46,120	50,500
2. Penyata dan lapuran	1,753	1,910	1,980
3. Fail diselenggara	2,621	2,750	2,970
4. Urusan Kewangan	9,496	10,300	11,250
5. Mesyuarat dan perbincangan ..	1,508	1,630	1,750
6. Lawatan dan taklimat	283	302	307
7. Kursus dan perkhidmatan	4	10	14
8. Penyelenggaraan terusan dan taliair (batu)	1,436	1,442	1,452
9. Penyelenggaraan binaan	1,943	1,972	1,992
10. Penyelenggaraan ban pantai (batu) ..	87	87	87
11. Penyelenggaraan jalan ladang (batu)	497	517	528
12. Pengaduan diselidiki	2,702	2,580	2,470
13. Lawatan Luar	8,152	8,050	8,200
14. Penyediaan rekabentuk	190	221	270
15. Penyediaan pelan	1,460	1,545	1,770
16. Percetakan pelan	22,215	24,150	31,700
17. Tawaran dan sebutharga dipelawa ..	368	415	440
18. Penempatan dan penyelenggaraan stesyen kaji air	88	88	88
19. Pengukuran dan penyiasatan.. ..	620	660	720
20. Pengairan kawasan (ekar)	208,460	233,870	230,000
21. Setor (Keluaran dan Penerimaan) ..	17,180	17,600	17,900
22. Memprogram komputer	21	20	40
23. Lama masa mengguna komputer (jam)	992	1,200	1,800
24. Utusan telemetrik	3,880	4,200	4,850
25. Penyelenggaraan talian telemetrik ..	127	127	127
26. Penegasan kebel (Ampangan Muda)	205	205	205
27. Cerapan pizometer atas pengenapan dan pesongan	240	240	240
28. Kerja woksyop dibuka	680	750	800
29. Penyelenggaraan bangunan	304	323	329
30. Menjalan dan menyelenggara rumah pam	7	15	28
31. Menjalankan pam bergerak	43	43	43
32. Penyelenggaraan stesyen kajicuaca ..	2	2	3
33. Penyelenggaraan Radio phone ..	71	71	71
34. Penyelenggaraan stesyen Radio/Telemetry	3	3	3
35. Stesyen luar telemetrik	12	12	12
36. Punch Kad	75,000	130,000	180,000

(iii) *Pertanian*

(*a*) Menyediakan perkhidmatan perkembangan yang perlu dengan mengadakan demonstrasi-demonstrasi teknoloji baru dalam pengeluaran beras kepada 1,618 hectare (4,000 ekar) sawah yang baru sahaja dimasukkan ke dalam peringkat terakhir pengairan;

(*b*) Melaksanakan konsep serbaguna alat-alat kejenteraan padi dalam kawasan Muda;

(*c*) Mengorganisasikan belia-belia tani di sekitar semua ADC untuk menurut sertakan projek-projek belia tani supaya dapat disusun semula institusi-institusi tempatan;

(*d*) Mengintegrasikan pergerakan syarikat kerjasama tempatan dengan pergerakan persatuan peladang dalam Muda—sejumlah 258 Syarikat-syarikat Kerjasama tempatan dalam Muda yang mana MADA akan memberi perkhidmatannya. Syarikat-syarikat Kerjasama ini mempunyai ahli seramai 14,000 orang, manakala Persatuan-persatuan Peladang mempunyai ahli seramai 12,000 orang pada masa ini;

(*e*) Menubuhkan Yunit Kawalan Musuh-musuh Tumbuhan dalam Bahagian Kemajuan Inputs guna mengatasi segala masaalah musuh dan penyakit-penyakit di dalam Kawasan Muda;

(*f*) Memperbaiki tanah-tanah masam dalam Kawasan Muda dengan menjalankan bantuan kapur kepada 4,046 hectare (10,000 ekar) sawah guna meningkatkan lagi hasil padi. Ini akan memperbaiki lagi status ekonomi petani-petani dalam kawasan yang terlibat seluas 24,000 hectare (60,000 ekar) tanah masam dalam Kawasan Muda;

(*g*) Mengadakan sistem semaian berkumpul guna membolehkan pengawasan dan pengeluaran benih yang sihat;

(*h*) Menjalan "Kempen melebihkan hasil pengeluaran makanan" dengan memperkenalkan rancangan ternakan, pelihara ikan dan menanam buah-buahan kepada petani-petani yang progresif dan juga menyediakan benih-benih sayur kepada beberapa banyak petani-petani yang dapat;

(*i*) Mengendali dan menjalankan 27 Pusat Kemajuan Pertanian dan membersihkan perkhidmatan-perkhidmatan perkembangan, perniagaan, kredit pertanian dan pemasaran kepada petani; dan

(*j*) Mengeluar, memproses, membungkus (pack) dan menukar 60,000 gantang benih kepada petani-petani guna menjamin baka yang baik dan hasil yang tinggi dan juga menjalankan pemerhatian aturan-aturan ladang dan demonstrasi.

BEBAN-KERJA

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
1. Keluasan tanaman padi di kawasan Muda—			
Pengairan (ekar)	215,000	240,000	240,000
Tanaman (ekar) (luar musim) ..	214,000	232,000	230,000-240,000
2. Aktiviti Perkembangan—			
Mesyuarat Perkumpulan	216	270	300
3. Pengedaran dan Penukaran Benih—			
Keluasan Ladang Benih (ekar) ..	60	60	60
Banyak benih ditukar (gantang) ..	30,000	40,000	60,000

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
4. Penubuhan Persatuan Peladang—			
Bilangan Persatuan Peladang dalam daftar	24	27	27
Keahlian dalam daftar	11,308	13,000	14,000
5. Pergerakan Rancangan Kredit—			
Persatuan Peladang yang mengambil bahagian	23	27	27
Bilangan peminjam	6,616	10,000	13,000
Pinjaman yang diluluskan	2,544,080	6,000,000	7,000,000
6. Pemasaran Padi—			
Bilangan Persatuan Peladang Terlibat	16	10	10
Padi dibeli (pikul)	29,842	10,000	10,000
7. Pengedaran subsidi Baja Urea ..	—	10,991 tons	20,000 tons

(iv) *Latihan*

(*a*) Memberi latihan kepada lebih kurang 1,800 petani dalam bidang teknoloji penghasilan padi, kejenteraan ladang dan urusan rumahtangga;

(*b*) Memberi latihan kepada pemimpin-pemimpin tani yang terpilih atas tujuan-tujuan Lembaga dan lain-lain sosio-ekonomi; dan

(*c*) Memberi latihan dalam khidmat kepada kakitangan-kakitangan bahagian Pertanian dan Kejuruteraan dalam tugas-tugas mustahak sebagai ejen perubahan dan juga untuk menambahkan kemahiran dalam pengurusan air dan ladang.

BEBAN-KERJA

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
1. Kursus 2-minggu berkenaan tanaman padi—			
Bilangan pelatih lelaki	185	189	200
2. Latihan Ekonomi Rumah Tangga untuk Wanita (Kursus Khas)—			
Bilangan perjumpaan	8	9	17
Bilangan peserta	219	230	468
3. Kursus Khas ($2\frac{1}{2}$ hari) kepada Lembaga-lembaga Pengarah Persatuan Peladang—			
Bilangan kursus	4	4	10
Bilangan peserta	100	120	300
4. Latihan dalam Perkhidmatan kepada Pegawai-pegawai—			
Bilangan kursus	8	5	8
Bilangan peserta	467	200	320
5. Kursus tempatan—			
Bilangan kursus	15	40	40
Bilangan perserta	749	2,000	2,000
6. Kursus kejenteraan ladang—			
Bilangan kursus	4	5	5
Bilangan peserta	118	125	125

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973 $	Peruntukan Tahun 1974 $	Anggaran Tahun 1975 $
1100	Gaji dan Upahan	864,689	2,042,200	2,165,000
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	23,932	18,500	179,000
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..	85,496	302,500	257,000
	Jumlah Gaji ..	974,117	2,363,200	2,601,000
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	216,986	298,700	298,700
2200	Pengangkutan Barang-barang ..	1,074	4,400	6,500
2300	Kemudahan Perhubungan ..	26,310	42,700	43,600
2400	Api, Air dan Letrik dll.	36,382	50,600	55,100
2500	Sewa	22,745	30,400	29,200
2600	Perkhidmatan Pencetakan.. ..	24,840	45,500	49,900
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	324,496	347,300	456,000
2800	Perkhidmatan Pelbagai	1,322,904	1,607,400	1,864,000
3100	Perabut Alat-alatan dan Ternakan	155,062	118,200	113,000
3300	Pembinaan	223,344	230,000	124,000
4100	Pembinaan, Subsidi dan Carum-carum	3,600	—	—
	Jumlah ..	3,331,860*	5,138,400	5,641,000

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974 $	Bilangan	Anggaran Tahun 1975 $
(i) Pentadbiran	53	317,624	60	429,200	64	455,000
(ii) Kejuruteraan	158	399,087	554	1,334,000	596	1,486,000
(iii) Pertanian	76	249,644	133	564,400	142	600,000
(iv) Latihan	6	7,762	14	35,600	15	60,000
Jumlah ..	293	974,117	761	2,363,200	817	2,601,000

3. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Peruntukan Tahun 1974 $	Anggaran Tahun 1975 $
Belanja Mengurus	3,331,860	5,138,400	5,641,000
Belanja Pembangunan	—	—	—
Jumlah Besar ..	3,331,860*	5,138,400	5,641,000

* Bantuan Kerajaan bagi tahun 1973=$2,792,500.

Kepala Bekalan 17	**$4,198,500**
[Pecahan-kepada 4100 (9)]	
Jumlah ...	**$4,198,500**

	Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975 ...	**$4,198,500**	**$ —**	**$4,198,500**
Peruntukan 1974 ...	**3,637,500**	**300,000**	**3,937,500**
Perubahan ...	**+ $ 561,000**	**— $300,000**	**+ $ 261,000**

1. Tujuan-tujuan

Tujuan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu pada khususnya adalah seperti berikut:

(*a*) Memperbaiki taraf sosio-ekonomi petani-petani di "Kawasan Kemubu". Dalam rancangan ini terdapat kira-kira 41,000 petani-petani dan mereka merupakan gulungan yang rendah sekali dalam sosio-ekonomi di dalam negara ini. Tujuan ini boleh dicapai dengan—

(i) Memperluaskan jumlah kawasan tanaman dua kali setahun;

(ii) Meninggikan hasil dengan menyediakan kepada petani-petani input-input mengikut waktu dan murah, pembekalan kredit, teknik serta teknoloji moden dan sistem pasaran yang teratur dan baik; dan

(iii) Mempergiatkan cara-cara penanaman yang masih mengamalkan cara-cara lama kepada cara-cara yang lebih commercialised.

(*b*) Menambahkan pengeluaran beras di dalam negara ini dan menolong negara ini mencapai taraf yang mencukupi bagi keperluannya sendiri, memandangkan kepada keadaan krisis biji-bijian sekarang ini;

(*c*) Menyelaraskan aktiviti-aktiviti dari beberapa institusi-institusi menyediakan berbagai-bagai kemudahan di kawasan ini dan menyatukan mereka menjadi satu tenaga yang kuat untuk perkembangan sosio-ekonomi di kawasan ini; dan

(*d*) Memajukan perindustrian yang berasaskan kepada pengeluaran pertanian memandangkan di masa-masa hadapan hasil-hasil pertanian yang berlebihan dapat diusahakan oleh kilang-kilang tempatan. Rancangan ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan bagi mengadakan perindustrian yang berasaskan kepada pengeluaran pertanian di kawasan-kawasan luar bandar.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Perkhidmatan Pentadbiran	36,456	342,500	296,926
(ii) Perkhidmatan Kejuruteraan ..	1,274,753	3,079,500	3,461,374
(iii) Perkhidmatan Pertanian	113,045	215,500	440,200
Jumlah ..	1,424,254	3,637,500	4,198,500

(i) *Perkhidmatan Pentadbiran*

Tugas-tugas dan tanggungjawab Bahagian ini ialah:

(1) Perkhidmatan pentadbiran;

(2) Pengurusan kakitangan;

(3) Belanjawan, akaun dan pengurusan peruntukan;

(4) Menyelaras dan mencantumkan rancangan-rancangan yang dijalankan oleh bahagian-bahagian di bawah Lembaga dan jabatan-jabatan Kerajaan yang ada dalam kawasan Lembaga;

(5) Menyemak dan mengkaji rancangan-rancangan bagi projek-projek yang akan dijalankan;

(6) Menjalankan kajian mengenai ekonomi dan sosio-ekonomi dan pengurusan ladang serta menyediakan perangkaan;

(7) Menjalankan kempen-kempen publisiti untuk mengajar dan menggalakkan 41,000 keluarga tani supaya menyedari tujuan Lembaga;

(8) Menyediakan maklumat-maklumat kepada pihak-pihak yang tertentu seperti jabatan-jabatan dan badan-badan Kerajaan; dan

(9) Bertanggungjawab bagi pendaftaran dan pungutan pinjaman yang dibekalkan oleh Bank Pertanian kepada petani-petani di dalam kawasan rancangan.

Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu telah ditubuhkan pada 2hb Mac, 1973 dan Mesyuarat Lembaga yang pertama telah diadakan pada 26hb April, 1973. Perkhidmatan Pentadbiran telah menyelesaikan beberapa masaalah yang dihadapi semasa KADA ditubuhkan, dan dengan kerjasama daripada lain-lain bahagian, telah membuat KADA menjadi satu daya untuk menyelaraskan semua "institutional infrastructures" di dalam rancangan ini.

Yunit Seranta, sebagai yunit lanjutan Lembaga, telah menjalankan beberapa kempen publisiti seperti tayangan wayang gambar, kursus sibik, majlis dailog, lawatan sambil belajar dan drama. Yunit Ekonomi telah membuat beberapa kajian pengurusan ladang dan mengumpulkan maklumat-maklumat perangkaan.

Dalam tahun 1974, dengan bertambahnya aktiviti-aktiviti daripada berbagai-bagai bahagian, dan bertambahnya kakitangan-kakitangan, beban-kerja telah bertambah dan akan terus bertambah sehingga akhir tahun ini.

Yunit Ekonomi telah dan akan menjalankan beberapa kajian untuk mengkaji kejayaan projek-projek yang telah dilancarkan dan bersedia menjalankan kajian sebagaimana dikehendaki oleh Kementerian atau badan-badan berkenaan.

Yunit Seranta telah menjalankan beberapa projek gotong royong dan sekali lagi telah memainkan peranan yang penting berhubung dengan publisiti jadual penanaman.

Pada tahun 1975, adalah dijangkakan bahawa seluas lebih kurang 61,000 ekar dapat ditanam dengan padi luar musim. Dengan lebih banyak aktiviti-aktiviti dan bilangan kakitangan-kakitangan, beban-kerja akan bertambah di Bahagian Pentadbiran. Tambahan pula pada tahun 1975, KADA akan bertanggungjawab atas pendaftaran dan pungutan kredit daripada Bank Pertanian kepada petani-petani di dalam Kawasan KADA. Ini akan menambahkan lagi beban-kerja, terutamanya mereka-mereka di bahagian kewangan.

Yunit Seranta akan terus menyumbangkan tugas-tugas sebagai yunit lanjutan dan Yunit Ekonomi akan menjalankan kajian untuk mengkaji kejayaan projek-projek yang telah dilancarkan dan membuat perakuan untuk projek-projek yang akan datang.

(ii) *Perkhidmatan Kejuruteraan*

Dalam tahun 1973, Perkhidmatan Kejuruteraan telah berjaya mengairkan seluas 51,500 ekar sawah bagi tanaman pertama dan bagi tanaman yang kedua (padi musim) di seluruh kawasan rancangan. Dalam bahagian pembinaan, semua taliair (quartenary canals) telah siap. Kira-kira 19 batu batas taliair telah dilengkapkan dengan "laterite" supaya menjadi jalan ladang, manakala lebih kurang 19 "irrigation/drainage syphons" tambahan telah siap.

Dalam tahun 1974, rancangan pengairan Kawasan Kemubu akan memasuki tahun ketiganya dan kawalan bekalan air akan bertambah. Dijangka bahawa air boleh dibekalkan kepada kawasan seluas 56,500 ekar untuk tanaman pertama dan seluruh kawasan untuk tanaman kedua. Pembinaan jalan-jalan ladang, rumah-rumah untuk kakitangan, jambatan, "irrigation/drainage syphons," dan "concrete lining of field channels" akan dijalan seperti dirancangkan.

Dalam tahun 1975, adalah dijangka seluas 61,000 ekar akan dapat dibekalkan air untuk tanaman-tanaman pertama dengan bertambahnya sebuah lagi pam (modified) di Lemal. Kerja-kerja untuk membaiki kawalan bekalan air akan dijalankan.

Pembinaan jalan-jalan ladang dan batas-batas, jambatan-jambatan dan irrigation/drainage syphons akan juga dijalankan seperti yang dirancangkan. Pembinaan "flood relief channels" di Kemasin dijangka akan bermula pada tahun ini.

(iii) *Perkhidmatan Pertanian*

Pada tahun 1974, pelaksanaan adalah lebih baik daripada tahun 1973 dan kawasan yang ditanam dua kali setahun telah bertambah dibandingkan dengan 27,000 ekar dalam tahun 1973 (Kemubu Proper). Sebagaimana yang dipersetujui, pada tahun 1974 Pusat Perkhidmatan Pertanian telah pun diwujudkan di bawah Bahagian ini.

Pada tahun 1974, beberapa buah trektor telah dibeli oleh Persatuan Peladang untuk menampung masaalah kekurangan membajak sawah dan juga untuk menurunkan upah membajak sawah yang tinggi yang dikenakan kepada petani-petani.

Pembekalan benih-benih padi yang bermutu telah juga dilaksanakan dengan kerjasama Bahagian Pengeluaran Tanaman, Jabatan Pertanian Negeri.

Pada tahun 1974, pembekalan kredit daripada Bank Pertanian juga diberikan kepada petani-petani dan jumlah kredit yang dipinjam oleh petani-petani telah bertambah dibandingkan dengan tahun 1973.

Latihan bagi belia-belia di dalam kawasan rancangan telah juga dijalankan dengan kerjasama Pusat Latihan Lundang, Jabatan Pertanian Negeri.

Anggaran pengeluaran padi bagi tahun 1974 dijangka akan bertambah jika dibanding dengan tahun 1973. Adalah menjadi harapan bahawa hasil padi bagi Kawasan Kemubu akan bertambah daripada 488 gantang seekar pada tahun 1974 kepada 550 gantang seekar pada tahun 1975.

Adalah dijangkakan dalam tahun 1975 seluruh Kawasan Kemubu dan Lemal akan dapat ditanam dengan padi dua kali setahun. Walau bagaimanapun untuk mencapai matlamat ini beberapa masaalah mesti diatasi terlebih dahulu. Petani-petani mestilah diberi benih-benih yang baik dan baja yang mencukupi dengan harga yang berpatutan. Berhubung dengan benih yang baik, Bahagian Pembahagian dan Bekalan akan bertanggungjawab mengeluarkan benih-benih padi yang baik dan mencukupi, dengan kerjasama Bahagian Pengeluaran Tanaman, Jabatan Pertanian Negeri. Berhubung dengan pembekalan baja-baja dan bahan-bahan input pertanian, Pusat Perkhidmatan Pertanian akan bergantung kepada Bank Pertanian bagi membekalkan pinjaman jangka pendek kepada petani-petani.

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	554,555	1,496,300	1,559,661
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	10,219	13,010	183,683
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..	23,998	90,990	71,956
	Jumlah Gaji ..	588,772	1,600,300	1,815,300
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	30,191	115,000	115,000
2200	Pengangkutan Barang-barang ..	26	3,700	5,400
2300	Kemudahan Perhubungan ..	6,756	19,000	22,000
2400	Api, Air dan Letrik dll.	205,967	703,200	561,100
2500	Sewa	5,218	8,800	11,300
2600	Perkhidmatan Pencetakan	157	12,000	14,400
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	466,984	739,000	944,000
2800	Perkhidmatan Pelbagai	85,948	302,000	548,000
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	34,235	34,500	52,000
3200	Tanah	—	—	10,000
3300	Pembinaan	—	40,000	40,000
4100	Pemberian, Subsidi dan Carum-carum	—	60,000	60,000
	Jumlah ..	1,424,254	3,637,500	4,198,500

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974	Bilangan	Anggaran Tahun 1975
		$		$		$
(i) Perkhidmatan Pentadbiran	21	18,065	22	160,300	23	132,026
(ii) Perkhidmatan Kejuruteraan	527	493,462	528	1,300,000	532	1,362,974
(iii) Perkhidmatan Pertanian ..	69	77,245	78	140,000	83	320,300
Jumlah ..	617	588,772	628	1,600,300	638	1,815,300

3. Anggaran Pembangunan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(i) Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu	—	$300,000	—

Kemajuan Kerja-kerja Pembinaan

Setakat ini tapak untuk bangunan bagi Bahagian-bahagian Ibu Pejabat dan Pertanian Lembaga belum didapati lagi. Walau bagaimanapun, perbincangan di antara badan-badan yang berkenaan termasuk Kerajaan Negeri berhubung dengan perkara ini sedang giat diuruskan.

4. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Belanja Mengurus	1,424,254	3,637,500	4,198,500
Belanja Pembangunan	—	300,000	—
Jumlah Besar ..	1,424,254	3,937,500	4,198,500

Kepala Bekalan 17	**$1,346,000**
[Pecahan-kepala 4100 (11)]	
Kepala Pembangunan 17 ...	**4,498,989**
[Pecahan-kepala 9]	
Jumlah ...	**$5,844,989**

	Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975 ...	**$1,346,000**	**$4,498,989**	**$5,844,989**
Peruntukan 1974 ...	**1,217,000***	**1,246,000**	**2,463,000**
Perubahan ...	**+ $ 129,000**	**+ $3,252,989**	**+ $3,381,989**

1. Tujuan-tujuan

Tujuan-tujuan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia adalah seperti berikut:

(*a*) Untuk meninggikan taraf ekonomi dan keadaan sosial nelayan-nelayan;

(*b*) Untuk menambahkan pengeluaran ikan dan mengadakan peluang-peluang bekerja;

(*c*) Untuk menambahkan keluaran perseorangan (percapita output) serta pendapatan nelayan-nelayan menerusi cara-cara yang lebih cekap dan moden;

(*d*) Untuk mengurangkan jurang perbezaan ekonomi di kalangan nelayan-nelayan; dan

(*e*) Untuk menggalakkan penubuhan dan perkembangan perusahaan-perusahaan yang berkaitan.

Tujuan-tujuan ini adalah juga selaras dengan matalamat Kementerian Pertanian dan Luar Bandar iaitu "untuk melaksanakan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan bagi meninggikan taraf hidup dan pendapatan petani-petani, peladang-peladang, nelayan-nelayan dan pekerja-pekerja dalam bidang pertanian serta mengadakan peluang-peluang kerja yang lebih banyak lagi dalam bidang ini".

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran Am	318,918	328,400	489,450
(ii) Perancangan dan Penyelidikan ..	81,121	112,900	107,930
(iii) Pelaksanaan Projek	63,361	112,800	150,850
(iv) Pemasaran	75,976	445,900	597,770
Jumlah ..	539,376	1,000,000	1,346,000

(i) *Pentadbiran Am*

Bahagian ini adalah bertanggungjawab atas keseluruhan pentadbiran sehari-hari Lembaga, perkhidmatan urusetia dan kepegawaian, urusan kira-kira dan kewangan, perhubungn awam, pertanyaan awam dan menyediakan berbagai-bagai lapuran.

Dengan pengambilan alih pentadbiran Persatuan Nelayan oleh Lembaga ini daripada Bahagian Perikanan pada 1hb Oktober, 1973, organisasi Lembaga menjadi bertambah besar iaitu daripada empat bahagian kepada lima bahagian. Satu bahagian lagi iaitu Bahagian Pertubuhan Nelayan akan ditubuhkan dan dengan yang demikian, perkhidmatan-perkhidmatan yang tersebut di atas perlu ditambah. Ini bermakna bahawa beban-kerja Bahagian Pentadbiran Am akan bertambah dalam tahun 1974 dan tahun 1975.

(ii) *Perancangan dan Penyelidikan*

Bahagian ini bertanggungjawab atas perancangan, penyelidikan, dan penilaian projek-projek yang dilaksanakan oleh Lembaga.

Setakat ini bahagian ini telah merancangkan projek-projek seperti berikut:

(*a*) Projek Pukat Tunda di Kuala Trengganu, Pulau Langkawi, Kuala Pahang, Nenasi, Kuantan, Mersing, Tumpat, Besut dan Kemaman;

(*b*) Penyertaan Bersama dalam Syarikat Pemasaran Ikan Malaysia Berhad;

(*c*) Projek Pukat Tunda dengan Penyertaan Pemilik-pemilik Bot di Pulau Langkawi;

(*d*) Projek Pukat Jerut di Pulau Pangkor;

(*e*) Projek Penangkapan Ikan (dengan menggunakan bot serbaguna) di Pulau Redang;

(*f*) Kilang Memproses Udang/Ikan di Kuala Kedah dan Johor Bahru;

(*g*) Kilang Air Batu di Kuala Perlis, Pulau Pinang dan Kuantan;

(*h*) Penyertaan Bersama dalam Syarikat Kilang Tepung Ikan di Mersing;

(*i*) Projek Memelihara Ikan Air Tawar/Udang Galah di Selangor; dan

(*j*) Projek Pukat Tunda Kuching, Sarawak.

Dalam tahun 1975 bahagian ini dijangka akan merancang projek-projek tersebut di bawah:

(*a*) Kilang Tepung Ikan untuk Pantai Timur, Semenanjung Malaysia; dan

(*b*) Projek membuat Pukat di Selangor.

Selain daripada merancangkan projek-projek tersebut di atas, bahagian ini juga akan menjalankan penilaian atas projek-projek yang telah dijalankan, iaitu:

(*a*) Projek Pukat Tunda di Kuala Trengganu;

(*b*) Projek Pukat Tunda di Pulau Langkawi; dan

(*c*) Kompleks Pemasaran Ikan di Pulau Kambing, Kuala Trengganu.

(iii) *Pelaksanaan Projek*

Bahagian ini bertanggungjawab atas pelaksanaan projek-projek yang telah dirancangkan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan.

Setakat ini projek-projek yang telah dilancarkan adalah seperti berikut:

(*a*) Projek Pukat Tunda di Kuala Trengganu;

(*b*) Projek Pukat Tunda di Pulau Langkawi;

(*c*) Projek Pukat Tunda di Kuala Pahang, Nenasi, Mersing dan Tumpat;

(*d*) Projek Pukat Jerut di Pulau Pangkor;

(*e*) Projek Penangkapan Ikan (dengan menggunakan bot serbaguna) di Pulau Redang;

(*f*) Penyertaan Bersama dalam Syarikat Kilang Tepung Ikan di Mersing; dan

(*g*) Kilang Air Batu Kuala Perlis.

Projek-projek yang akan dilancarkan dalam tahun 1974 ialah:

(*a*) Kilang Memproses Udang/Ikan di Kuala Kedah;

(*b*) Projek Memelihara Ikan Air Tawar/Udang Galah di Selangor; dan

(*c*) Penambahan bot-bot untuk projek Pukat Tunda di Kuala Trengganu—10 yunit.

Dalam tahun 1975 bahagian ini akan melancarkan projek-projek berikut:

(*a*) Projek Pukat Tunda di Besut (10 yunit);

(*b*) Projek Pukat Tunda di Kemaman (10 yunit);

(*c*) Projek Pukat Tunda Kuching, Sarawak (20 yunit);

(*d*) Tambahan bot untuk Projek Penangkapan Ikan (dengan menggunakan bot serbaguna) Pulau Redang di Trengganu (20 yunit);

(*e*) Kilang Air Batu Kuantan; dan

(*f*) Kilang Tepung Ikan di Pantai Timor Semenanjung Malaysia.

(iv) *Pemasaran*

Bahagian ini adalah bertanggungjawab bagi menggalakkan pemasaran ikan yang cekap dan berkesan dengan mengeluarkan lesen-lesen dan menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan. Bahagian ini juga menjalankan perniagaan ikan melalui anak syarikat Lembaga, Syarikat Pemasaran Ikan Malaysia (S.P.I.M.).

Dalam tahun 1973 bahagian ini telah menjalankan aktiviti-aktiviti berikut:

(*a*) Perniagaan ikan di kawasan-kawasan berikut—

1. Pulau Langkawi;
2. Kuantan;
3. Kuala Pahang;
4. Kuala Trengganu;
5. Pulau Redang; dan
6. Pulau Pangkor.

(*b*) Sekim-sekim penguatkuasaan pemasaran ikan di Kuala Lumpur dan Ipoh;

(*c*) Pembinaan kompleks Pemasaran Ikan di Kuala Trengganu dan Kuching; dan

(*d*) Penubuhan Kilang Mengetin Ikan (PERTIMA) di Kuala Trengganu secara usaha-bersama dengan Perbadanan Memajukan Ikhtisad Negeri Trengganu.

Dalam tahun 1974 bahagian ini akan melaksanakan rancangan berikut:

(*a*) Perniagaan ikan di kawasan-kawasan berikut—

1. Kuala Kedah;
2. Kuala Perlis;
3. Tanjung Dawai;
4. Lumut;
5. Tumpat;
6. Kuala Besar;
7. Kuala Besut;
8. Dungun;

9. Kemaman;
10. Mersing;
11. Nenasi; dan
12. Kuala Pahang.

(*b*) Perniagaan borong ikan di kawasan-kawasan berikut—

1. Pulau Pinang;
2. Kuala Lumpur;
3. Johor Bahru; dan
4. Kuching.

(*c*) Sekim-sekim penguatkuasaan di kawasan-kawasan berikut—

1. Kuala Trengganu;
2. Kuala Kedah;
3. Lumut;
4. Kuching;
5. Johor Bahru;
6. Kuala Besar;
7. Kota Bharu;
8. Kuantan;
9. Kuala Pahang; dan
10. Nenasi.

(*d*) Kompleks Pemasaran Ikan di Kuala Trengganu, Kuching, Kuala Kedah dan Lumut.

Dalam tahun 1975 bahagian ini dijangka akan melaksanakan rancangan-rancangan seperti berikut:

(*a*) Perniagaan ikan di kawasan-kawasan berikut—

1. Marang;
2. Kuala Rompin;
3. Pontian;
4. Batu Pahat;
5. Muar; dan
6. Endau.

(*b*) Perniagaan borong ikan di kawasan-kawasan berikut—

1. Ipoh; dan
2. Bandar Melaka.

(*c*) Sekim-sekim penguatkuasaan di kawasan-kawasan berikut—

1. Batu Maung;
2. Tumpat;
3. Kuala Besut;
4. Dungun;
5. Kemaman; dan
6. Mersing.

(*d*) Kompleks Pemasaran Ikan di Batu Maung, Pulau Pinang.

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	257,681	602,000	721,300
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	9,243	—	46,100
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..	19,460	60,000	71,600
	Jumlah Gaji ..	286,384	662,000	839,000
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	69,030	112,000	110,400
2200	Pengangkutan Barang-barang ..	976	1,500	2,000
2300	Kemudahan Perhubungan ..	18,564	19,000	30,000
2400	Air, Api dan Letrik dll.	4,411	15,700	16,000
2500	Sewa	74,464	74,200	102,600
2600	Perkhidmatan Pencetakan.. ..	16,160	17,000	18,000
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	24,138	23,000	23,000
2800	Perkhidmatan Pelbagai	33,994	44,000	160,000
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	6,508	7,600	11,000
3300	Pembinaan	—	15,000	2,000
4200	Tuntutan Insuran dan Pampasan	116	—	20,000
4500	Pencen dan Ganjaran	1,050	9,000	12,000
5500	Pelbagai	3,581	—	—
	Jumlah ..	539,376	1,000,000	1,346,000

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974	Bilangan	Anggaran Tahun 1975
		$		$		$
(i) Pentadbiran Am	22	129,986	23	147,200	24	181,550
(ii) Perancangan dan Penyelidikan	8	68,458	10	98,900	10	91,430
(iii) Pelaksanaan Projek ..	8	47,194	18	89,600	19	126,850
(iv) Pemasaran	11	40,746	90	326,300	104	439,170
Jumlah ..	49	286,384	141	662,000	157	839,000

3. Anggaran Pembangunan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Projek Pukat Tunda—			
(*a*) Pulau Langkawi (21 yunit)..	973,869	31,000	—
(*b*) Kuala Trengganu (20 yunit)..	718,268	—	—
(*c*) Mersing (10 yunit)	55,000	31,331	—
(*d*) Tumpat (20 yunit)	65,250	—	—
(*e*) Kuantan (10 yunit)	33,750	—	—
(*f*) Kuala Pahang (10 yunit) ..	47,250	—	—
(*g*) Nenasi (10 yunit)	60,750	—	—
(*h*) Besut (10 yunit)	—	—	534,000
(*i*) Kemaman (10 yunit) ..	—	—	534,000
(*j*) Kuching, Sarawak (10 yunit)	—	—	1,000,000
Bawa kehadapan ..	1,954,137	62,331	2,068,000

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Dari sebelah ..	1,954,137	62,331	2,068,000
(ii) Projek Pukat Jerut Pulau Pangkor (5 yunit)	30,800	200,000	—
(iii) Projek Penangkapan Ikan Pulau Redang (20 yunit)	27,712	135,000	—
(iv) Tambahan bot untuk Projek Penangkapan Ikan di Pulau Redang (20 yunit)	—	—	320,000
(v) Kilang Memproses Udang/Ikan Kuala Kedah..	—	400,000	—
(vi) Kilang Air Batu—			
(*a*) Kuala Perlis	—	448,669	—
(*b*) Kuantan	—	—	560,000
(vii) Kilang Tepung Ikan—			
(*a*) Usaha-bersama dalam Syarikat Kilang Tepung Ikan Mersing, Johor	60,000	—	—
(*b*) Untuk Pantai Timur Semenanjung Malaysia	—	—	1,200,000
(viii) Projek Membuat Pukat	—	—	100,000
(ix) Sumbangan kepada Persatuan Nelayan	—	—	250,989
Jumlah ..	2,072,649	1,246,000	4,498,989

Kemajuan Kerja-kerja Pembinaan

(i) *Projek-projek Pukat Tunda*

(*a*) Pulau Langkawi

16 Yunit bot telah dilancarkan dalam bulan Oktober, 1973 dan 5 yunit lagi akan dilancarkan sebelum akhir tahun 1974. Sambutan dari nelayan-nelayan tempatan sangatlah menggalakkan. Hasil tangkapan tiap-tiap yunit bot adalah memuaskan.

(*b*) Kuala Trengganu

Sebanyak 15 yunit bot telah dilancarkan dan akan diikuti dengan 5 yunit lagi sebelum akhir tahun 1974. Sambutan dari nelayan-nelayan adalah menggalakkan dan hasil tangkapan tiap-tiap yunit bot sangatlah memuaskan.

(*c*) Mersing

Dari jumlah 10 yunit bot yang dibina untuk Mersing 4 yunit telah siap dibina dan dilancarkan. Bot-bot yang lain dijangka siap dibina sebelum akhir tahun 1974.

(*d*) Tumpat

12 Yunit bot telah dilancarkan baru-baru ini. 8 yunit bot lagi akan dilancarkan dalam bulan September, 1974.

(*e*) Kuantan, Kuala Pahang dan Nenasi

10 Yunit bot sedang dibina bagi tiap-tiap projek pukat tunda di Kuantan, Kuala Pahang dan Nenasi. Sebahagian dari bot-bot untuk projek-projek ini telah hampir siap dibina sementara yang lainnya dijangka siap sebelum akhir tahun 1974.

(ii) *Projek Pukat Jerut Pulau Pangkor*

Sebanyak 2 yunit bot pukat jerut telah dilancarkan di Pulau Pangkor, 3 yunit bot lagi hampir siap dibina dan akan dilancarkan tidak lama lagi.

(iii) *Projek Penangkapan Ikan Pulau Redang*

20 Yunit bot serbaguna telah dilancarkan baru-baru ini di Pulau Redang. Sebanyak 20 yunit bot serbaguna lagi telah ditempah dan dijangka siap pada awal tahun 1975.

(iv) *Kilang Memproses Udang/Ikan Kuala Kedah*

Bangunan Kilang sedang dibina. Pengeluaran dijangka bermula pada akhir tahun 1974.

(v) *Kilang Air Batu Kuala Perlis*

Bangunan kilang telah siap dibina. Pengeluaran akan bermula dalam bulan September, 1974.

(vi) *Usaha-bersama dalam Syarikat Kilang Tepung Ikan Mersing, Johor*

Lembaga telah menyertai bersama dalam Syarikat Kilang Tepung Ikan Mersing dengan sumbangan modal 20% dari jumlah modal saham kilang tersebut iaitu sebanyak $60,000. Kilang tersebut telah siap dibina dan telah memulakan pengeluarannya.

(vii) *Projek Memelihara Ikan Air Tawar/Udang Galah di Ulu Langat, Selangor*

Kerja-kerja mengukur kawasan tapak projek telah siap dijalankan. Pembinaan kolam-kolam dijangka dimulakan sebelum akhir tahun 1974.

4. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Belanja Mengurus	539,376	1,217,000*	1,346,000
Belanja Pembangunan	2,072,649	1,246,000	4,498,989
Jumlah Besar ..	2,612,025	2,463,000	5,844,989

* Peruntukan sebanyak $217,000 yang telah diluluskan di bawah Anggaran Pembangunan, 1974 bagi Belanja Mengurus telah dibekukan.

Kepala Bekalan 17 [Pecahan-kepala 4100 (10)]	... ...	**$ 4,962,900**
Kepala Pembangunan 17 (Pecahan-kepala 8 dan 16)	...	**8,718,880**
Jumlah	...	**$13,681,780**

	Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975 ...	**$4,962,900**	**$8,718,880**	**$13,681,780**
Peruntukan 1974 ...	**4,228,298**	**8,030,992**	**12,259,290**
Perubahan ...	**+ $ 734,602**	**+ $ 687,888**	**+ $ 1,422,490**

1. Tujuan-tujuan

Tujuan-tujuan Lembaga Kemajuan Ternakan Negara ialah untuk:

(*a*) Membangunkan serta menggunakan sumber-sumber ternakan dengan sepenuh-penuhnya mengikut cara-cara pengurusan ternakan yang baik;

(*b*) Melebihkan jenis dan bilangan serta membaiki mutu pengeluaran bahan-bahan ternakan;

(*c*) Menggalakkan rancangan-rancangan yang bertujuan menubuhkan pasaran yang stabil serta menjamin penternak-penternak harga yang berpatutan untuk pengeluaran-pengeluarannya;

(*d*) Meninggikan taraf ekonomi serta keadaan sosial penternak-penternak;

(*e*) Menambah peluang pekerjaan di dalam bidang pengeluaran utama dan membantu memajukan peluang pekerjaan di dalam perusahaan yang berasaskan kepada ternakan; dan

(*f*) Mengadakan latihan di tiap-tiap peringkat supaya melatih pengurusan yang cekap serta berpengalaman di dalam enterprais-enterprais ternakan dan pengeluaran ternakan.

Tujuan-tujuan ini adalah selaras dengan matlamat yang dinyatakan oleh Kerajaan terhadap meninggikan lagi ekonomi serta peluang-peluang pekerjaan untuk penduduk-penduduk di luarbandar khasnya di dalam bidang perusahaan ternakan. Dengan pelaksanaan tujuan ini lebih banyak peluang pekerjaan akan diadakan di kawasan luar-bandar dan juga memulakan penubuhan perusahaan ternakan di kawasan-kawasan tersebut.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Urusetia Pentadbiran	820,653	430,000	575,503
(ii) Perancang dan Penilaian	—	116,000	123,654
(iii) Pemasaran dan Kredit	—	40,400	63,787
(iv) Penguatkuasa dan Keselamatan ..	—	123,800	129,702
(v) Pengeluaran Utama	—	2,095,800	3,944,804
(vi) Perusahaan Daging	—	1,422,298	125,450
Jumlah ..	820,653	4,228,298	4,962,900

(i) *Urusetia Pentadbiran*

Urusetia Pentadbiran bertanggungjawab terhadap pengurusan kakitangan, pengurusan kewangan, kawalan perakaunan dan belanjawan, latihan, perhubungan am, tugas-tugas khas berhubung dengan perkara-perkara Jemaah Lembaga, penerbitan dan pertanyaan awam.

Semenjak Lembaga ini ditubuhkan perhatian Urusetia Pentadbiran pada tahun 1973 tertumpu terhadap penyesuaian aktiviti-aktiviti Lembaga dan Penyusunan kewangan dan pentadbiran projek-projek. Menjelang bulan September 1974 latihan pengambilan kakitangan MAJUTERNAK diselesaikan. Urusetia Pentadbiran memperolehi khidmat empat sukarelawan Amerika Syarikat di dalam lapangan pengurusan perakaunan awal tahun 1974. Di dalam tempoh masa tersebut sistem kewangan, perakaunan dan belanjawan dikaji dan disusun semula. Satu panduan kewangan dikeluarkan untuk penyesuaian peraturan kewangan dan pentadbiran projek-projek dengan sistem catitan dan kawalan yang diamalkan oleh Urusetia Pentadbiran.

Pada penghujung tahun 1974 usaha untuk menilaikan harga pengeluaran susu di Rancangan Daging/Penusu Air Hitam akan diteruskan dan selepas itu diperluaskan kepada ladang-ladang lain. Pada tahun 1975 pentadbiran kewangan dan urusan perakaunan projek akan diperkukuhkan dan sistem serta peraturan kewangan akan dilaksanakan dengan tujuan memperolehi penyata untung rugi tahunan tiap-tiap projek. Dalam masa yang sama adalah diharapkan supaya sistem kewangan bercorak dagangan diamalkan di ladang-ladang dengan kemungkinan tiap-tiap ladang dilancarkan sebagai sebuah badan perniagaan.

Adalah dijangka beban-kerja Urusetia Pentadbiran akan bertambah dengan kemajuan pembangunan projek-projek. Satu panduan perkhidmatan untuk semua kakitangan MAJUTERNAK akan diuruskan untuk pelaksanaan. Rancangan-rancangan latihan kakitangan di dalam lapangan pentadbiran dan kewangan akan diteruskan di bawah seksi latihan Urusetia Pentadbiran.

(ii) *Perancangan dan Penilaian*

Bahagian ini ditubuhkan pada awal tahun 1974. Ianya bertanggungjawab terhadap perancang dan kajian ekonomi projek-projek yang dicadangkan untuk pelaksanaan oleh MAJUTERNAK serta kajian ekonomi untuk menentukan kesesuaian projek-projek MAJUTERNAK yang sedang dilaksanakan. Tambahan kepada ini Bahagian ini bertanggungjawab terhadap kajian teknoloji di dalam usaha-usaha pembangunan ternakan daging dan penusu serta menguji sumber-sumber teknoloji baru yang sesuai untuk kegunaan oleh projek-projek MAJUTERNAK.

Bahagian ini juga akan mengutip, memproses dan menilaikan masaalah kajihayat ternakan dan memberi perkhidmatan sokongan di dalam lapangan agronomi, kesihatan ternakan, kawalan penyakit, jenetik, pembiakan dan lain-lain masaalah berkaitan.

(iii) *Pemasaran dan Kredit*

Aktiviti-aktiviti ini bertanggungjawab terhadap rancangan pemasaran bahan-bahan pengeluaran ternakan dan pemberian kredit untuk menggalakkan penternak-penternak kecil memajukan perusahaan mereka. Beban-kerja tahun 1974 ditumpukan terhadap menjalankan satu projek perdagangan daging perintis dan perancangan terhadap projek-projek pemasaran susu.

(iv) *Penguatkuasaan dan Keselamatan*

Aktiviti ini bertanggungjawab terhadap penguatkuasa undang-undang berkenaan dengan penyembelihan serta perdagangan ternakan dan bahan-bahan pengeluaran ternakan. Pendakwaan dan perlesenan termasuk di bawah aktiviti ini. Beban-kerja

pada tahun 1974 tertumpu kepada pemeriksaan daging dan penyeliaan penjualan daging di kawasan Kuala Lumpur dan yang berhampiran dengannya. Beban-kerja pada tahun 1975 adalah dijangka akan bertambah apabila Rumah Sembelih Pusat di Shah Alam dijalankan dengan sepenuhnya dan segala urusan penyembelihan daging di kawasan Selangor dan Negeri Sembilan disusun semula.

(v) *Pengeluaran Utama*

Tugas utama Bahagian Pengeluaran Utama ialah mengadakan "infrastructure" bagi mempercepatkan kemajuan dalam bidang ternakan samada untuk pengeluaran daging dan/atau susu. Oleh yang demikian Bahagian ini sedang memajukan tujuh rancangan secara perdagangan. Dengan adanya rancangan-rancangan ini Bahagian ini menjangka dapat mengeluarkan lembu-lembu yang bermutu tinggi untuk digunakan di dalam rancangan-rancangan di masa hadapan dan juga untuk digunakan dalam rancangan penternak kecil. Di samping itu Bahagian ini akan membawa masuk lembu-lembu dari baka baik dari luar negeri untuk dikacukkan dengan lembu-lembu tempatan supaya mutu lembu-lembu tempatan dapat dinaikkan.

Rancangan-rancangan di Behrang Ulu, dan Air Hitam dijangka dapat disiapkan dalam tahun 1975 tetapi rancangan-rancangan di Padang Hijau dan Tersat dijangka pada awal tahun 1976, sementara tiga rancangan lagi iaitu di Ulu Lepar, Jelai Gemas dan Sarawak dijangka dapat disiapkan pada akhir tahun 1976.

Bahagian ini juga sedang merancang untuk mengkaji samada sekim Menggemukkan lembu atau pun Cattle Fattening Scheme boleh dijalankan di negara ini. Ini bertujuan untuk mendapatkan lebih banyak daging daripada lembu yang sama banyak yang disembelih tanpa digemukkan.

(vi) *Perusahaan Daging*

Bahagian ini bertanggungjawab terhadap rumah-rumah sembelih, kilang-kilang memproses serta perusahaan-perusahaan daging yang berkaitan. Berhubung dengan pembangunan rumah-rumah sembelih Bahagian ini menjalankan kerja-kerjanya di bawah rancangan penyusunan semula rumah-rumah sembelih. Rumah Sembelih yang pertama dan terbesar di Shah Alam, Selangor siap pada tahun 1973. Pada tahun 1973 juga Pusat Pengumpulan Daging di Senawang, Negeri Sembilan yang disatukan dengan Rumah Sembelih Pusat disiapkan. Pada tahun 1974 Bahagian ini memberi perhatian sepenuh-penuhnya terhadap pelancaran dan perjalanan Rumah Sembelih Pusat Shah Alam. Projek Rumah Sembelih kawasan Johor dan pengambilanalih rumah-rumah sembelih terbesar di Barat Semenanjung Malaysia juga dimulakan. Beban-kerja Bahagian ini pada tahun 1975 akan ditumpukan kepada pelaksanaan Rumah Sembelih kawasan Johor dan memulakan projek-projek rumah sembelih di kawasan Kedah, Perlis dan Seberang Prai. Pada masa yang sama pengambilanalih rumah-rumah sembelih yang ada akan diteruskan.

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	352,906	677,300	611,673
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	3,509	21,000	79,680
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..	8,153	67,900	66,657
	Jumlah Gaji ..	364,568	766,200	758,010

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	54,551	121,800	151,600
2200	Pengangkutan Barang-barang ..	—	2,000	2,500
2300	Kemudahan Perhubungan ..	6,114	14,000	16,800
2400	Api, Air dan Letrik dll.	8,477	10,000	10,900
2500	Sewa	57,475	57,000	59,590
2600	Perkhidmatan Pencetakan	4,829	6,000	8,000
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	27,310	10,000	17,500
2800	Perkhidmatan Pelbagai	26,305	105,000	115,000
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	56,974	7,000	5,000
3300	Pembinaan	4,050	6,000	—
3400	Pelaburan dan Pinjaman	50,000	—	—
4100	Pemberian, Subsidi dan Carum-carum	160,000	3,118,298	3,800,000
4200	Tuntutan Insuran dan Pampasan ..	—	5,000	18,000
	Jumlah ..	820,653	4,228,298	4,962,900

Ringkasan Perjawatan

	Yang Sebenar		Peruntukan		Anggaran	
	Bilangan	Tahun 1973 $	Bilangan	Tahun 1974 $	Bilangan	Tahun 1975 $
(i) Urusetia Pentadbiran ..	61	364,568	31	158,000	33	272,213
(ii) Perancang dan Penilaian ..	—	—	10	95,000	10	102,654
(iii) Pemasaran dan Kredit ..	—	—	4	32,000	5	55,387
(iv) Penguatkuasa dan Keselamatan	—	—	19	96,800	19	103,902
(v) Pengeluaran Utama ..	—	—	24	290,800	25	118,404
(vi) Perusahaan Daging ..	—	—	10	93,600	10	105,450
Jumlah ..	61	364,568	98	766,200	102	758,010

3. Anggaran Pembangunan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Rancangan Daging/Penusu	4,366,483	7,000,000	7,918,880
(ii) Rancangan Perusahaan Daging ..	3,172,905	1,030,992	800,000
Jumlah ..	7,539,388	8,030,992	8,718,880

Kemajuan Kerja-kerja Pembinaan

(i) *Rancangan Daging/Penusu*

Bahagian ini sedang memajukan tujuh Rancangan Daging/Penusu. Setengah daripada rancangan-rancangan ini telah hampir siap tetapi setengah yang lain masih lagi dalam pembangunan. Dalam tahun 1974 Bahagian ini dijangka dapat

membuka kawasan seluas 13,700 ekar tetapi setakat ini hanya 10,000 ekar telahpun dibuka. Rancangan-rancangan di Behrang Ulu, Air Hitam dan Padang Hijau boleh dikatakan telah hampir berjaya membuka luas kawasan yang dijangkakan setakat ini. Tetapi lain-lain rancangan dijangka dapat membuka luas kawasan yang dicadangkan sebelum akhir tahun ini.

Daripada 10,000 ekar yang telah dibuka, seluas 5,500 ekar telahpun ditanam dengan bermacam-macam rumput dan kacang penutup bumi seluas 3,500 ekar lagi dijangka dapat ditanam sebelum akhir tahun ini.

Dalam tahun ini adalah dijangkakan Bahagian ini dapat menempatkan sebanyak 6,600 ekor lembu di rancangan-rancangannya. Sehingga setakat ini sebanyak 3,931 ekor telahpun ditempatkan di Behrang Ulu, Jelai Gemas, Air Hitam, Padang Hijau dan Tersat. Rancangan-rancangan di Ulu Lepar dan Sarawak belum cukup dimajukan untuk menempatkan lembu-lembu. Dari jumlah lembu di atas sebanyak 662 ekor lembu telah dibawa masuk dari Australia, yang terdiri dari jenis AMZ, Droughtmaster, Bradford dan Hereford.

Kesemuanya sebanyak 345 ekor lembu telahpun disusukan di rancangan-rancangan Behrang Ulu, Air Hitam dan Padang Hijau dan hasil daripada lembu ini ialah berjumlah sebanyak 3,000 lbs tiap-tiap satu hari.

(ii) *Rancangan Perusahaan Daging*

Rumah Sembelih Shah Alam dan Pusat Pengumpulan Daging Senawang telahpun siap pada tahun 1973. Kedua-dua melancarkan dan menjalankan pengurusan pada tahun 1974. Dengan siapnya rumah-rumah sembelih tersebut serta penumpuan rumah-rumah sembelih lain di Negeri Selangor dan Negeri Sembilan tujuan untuk membekalkan daging yang sempurna untuk makanan kepada rakyat di kedua-dua negeri tersebut akan dicapai. Tambahan kepada ini, penubuhan satu cawangan perusahaan daging di dalam organisasi rumah sembelih keperluan dan bekalan bahan ini dapat dikawal untuk menentukan harga-harga yang berpatutan.

Rumah Sembelih kawasan Johor yang akan dilaksanakan dari tahun 1974 sehingga 1976 akan juga menentukan pembekalan daging yang sempurna untuk makanan rakyat.

4. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Belanja Mengurus	820,653	4,228,298	4,962,900
Belanja Pembangunan	7,539,388	8,030,992	8,718,880
Jumlah Besar ..	8,360,041	12,259,290	13,681,780

JABATAN KEMAJUAN KERJASAMA

Kepala Bekalan 18	... ...	**$4,991,800**
Jumlah	...	**$4,991,800**

BELANJA MENGURUS

Peruntukan 1975	... ...	**$4,991,800**
Peruntukan 1974	... ...	**4,519,300**
Perubahan	...	**+ $ 472,500**

1. Tujuan-tujuan

Lembaga Pertubuhan Peladang telah mengambil alih penyeliaan dan perkembangan koperasi-koperasi yang bercorak pertanian. Jabatan Kemajuan Kerjasama akan terus membangunkan koperasi-koperasi yang bercorak bukan pertanian dalam lapangan-lapangan:

(i) *Pengguna:* Menolong Kerajaan mengatasi masaalah-masaalah inflasi;

(ii) *Perumahan:* Koperasi-koperasi perumahan yang ada di Negara kita hari ini telah pun membuktikan bahawa masaalah perumahan juga boleh ditanggungkan ke atas koperasi-koperasi, peranannya akan diperhebatkan lagi.

(iii) *Indastri:* Akan merupakan penyertaan modal serta tenaga supaya koperasi-koperasi ini mempunyai suara dalam indastri-indastri dan perniagaan yang dicampurinya;

(iv) *Koperasi-koperasi di institusi-institusi pendidikan:* Akan diperluaskan supaya meliputi semua sekolah-sekolah menengah. Koperasi Nasional Pelajar sebagai pertubuhan kemuncak bagi gerakan koperasi jenis ini sudah dilancarkan;

(v) *Pembangunan Tanah Koperasi:* Dengan berdasarkan kepada pembukaan ladang-ladang yang luasnya tidak kurang dari 3,000 ekar tanah yang telah dibuka oleh tiap-tiap koperasi.

Selain daripada menumpu segala usaha dan tenaga kepada perkembangan aktiviti-aktiviti yang tersebut di atas, Jabatan ini akan memperkukuh dan mempergiatkan lagi Gerakan Kerjasama dalam lain-lain bidang seperti kredit bandaran dan pekerja-pekerja, pelaburan dan penanaman modal, permodalan tanah, dan koperasi pengangkutan dan teksi. Dasar-dasar dan matlamat Kerajaan yang ada kaitan yang rapi dengan fungsi-fungsi Jabatan Kemajuan Kerjasama dalam sektor non agro-based, dapat dicapai oleh Gerakan Koperasi dengan:

(i) Meninggikan taraf ekonomi dan keadaan sosial pengeluar-pengeluar hasil utama; dan

(ii) Menambah peluang-peluang kerja dalam bidang indastri dan perusahaan-perusahaan yang bukan bercorak pertanian.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran Am	1,144,729	1,097,000	1,151,000
(ii) Penggalakan dan Penyeliaan.. ..	3,417,700	2,789,500	3,115,000
(iii) Odit dan Akaun	744,967	632,800	725,800
Jumlah ..	5,307,396	4,519,300	4,991,800

Prestasi

(i) *Pentadbiran Am*

Penggalakan dan penyeliaan koperasi-koperasi di negeri-negeri serta pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan kerjasama diselaraskan di Ibu Pejabat di bawah Bahagian Perancangan dan Pembangunan. Lain-lain Bahagian bertanggung-jawab di atas pendaftaran, penutupan dan penguatkuasa di bawah Undang-undang dan merancang pelajaran dan latihan kerjasama.

Bahagian Perancangan dan Pembangunan

Bahagian ini bertanggungjawab menyediakan pengkajian di atas semua aspek pembangunan dalam bidang koperasi-koperasi seperti kredit bandaran dan pekerja, pengguna, perumahan, perindastrian, pengangkutan, pembangunan tanah, insuran, pelaburan dan penanaman modal dan koperasi-koperasi di institusi-institusi pendidikan. Bahagian ini juga bertanggungjawab menyelaras pelaksanaan projek-projek oleh pegawai-pegawai di negeri-negeri.

Bagi tahun 1975 kajian-kajian, penyediaan kajian kemungkinan dan pelaksanaan projek-projek akan dijalankan di atas 83 projek bernilai $472 juta.

Cawangan Undang-undang

Ukuran beban-kerja bagi tahun 1975 berkenaan dengan mendaftar koperasi-koperasi baru, meminda Undang-undang Kecil dan menyemak deraf Undang-undang Kecil akan dijalankan ke atas lebih kurang 600 buah koperasi atau 50 buah sebulan. Selain daripada itu Cawangan ini akan menyemak permohonan-permohonan kebenaran di bawah Ordinan, rayuan timbangtara, pendapat Undang-undang serta menyedia dan mengeluarkan perintah-perintah dan sijil-sijil.

Cawangan Penutupan

Walaupun Lembaga Pertubuhan Peladang telah tertubuh dan semua koperasi-koperasi yang berasaskan pertanian sekarang diawasi oleh Lembaga itu mulai 1hb November, 1973, kerja-kerja penutupan masih tinggal seperti biasa dijalankan oleh Jabatan ini. Di dalam tahun 1975 beberapa koperasi dijangka akan dibatalkan pendaftarannya dan bilangan koperasi-koperasi di dalam penutupan akan meningkat sehingga 1,500 buah.

Pelajaran/Penerangan

Pada tahun 1973 dengan bilangan kakitangan, jumlah peruntukan bagi pelajaran kerjasama dan alat-alat sebaran dan yang semuanya serba kekurangan, Cawangan Pelajaran/Penerangan dapat memberi pelajaran dan latihan kerjasama hanya kepada 2,500 peserta dalam 50 kursus-kursus di kawasan-kawasan.

Kewajipan Cawangan ini bagi tahun 1975 ialah memberi latihan dan pelajaran kerjasama kepada pekerjasama-pekerjasama koperasi yang bercorak bukan pertanian yang dianggarkan sebanyak 250,000 orang.

(ii) *Penggalakan dan Penyeliaan*

Angka-angka yang menunjukkan perbandingan dalam perkembangan koperasi-koperasi (agro-based dan non agro-based) bagi tahun 1973, 1974 dan 1975 adalah seperti berikut:

	1973	1974	1975
Semenanjung Malaysia:			
Bilangan Koperasi	2,496	1,250	1,450
Bilangan Ahli	689,000	550,000	600,000
Jumlah Kumpulanwang..	$527 juta	$500 juta	$550 juta
Sabah:			
Bilangan Koperasi	184	198	210
Bilangan Ahli	33,711	33,871	35,000
Jumlah Kumpulanwang..	$4 juta	$4 juta	$4.5 juta
Sarawak:			
Bilangan Koperasi	235	246	254
Bilangan Ahli	23,323	27,800	30,000
Jumlah Kumpulanwang..	$13.3 juta	$15.9 juta	$17.7 juta

Bagi Semenanjung Malaysia, angka-angka 1973 menunjukkan maklumat-maklumat bagi semua jenis koperasi dan bagi tahun 1974 dan 1975 bagi koperasi-koperasi yang berasaskan bukan pertanian sahaja.

SEMENANJUNG MALAYSIA

Pada bulan November 1973 Jabatan ini telah menyerahkan 1,502 koperasi berasaskan pertanian kepada Lembaga Pertubuhan Peladang. Bilangan koperasi yang tinggal di bawah Jabatan ini pada 1hb Januari, 1974 ialah 1,082. Dijangka bilangan ini akan meningkat kepada 1,250 pada akhir tahun 1974.

Pada akhir tahun 1972 jumlah sumber-sumber kewangan yang digunakan oleh koperasi-koperasi dari semua jenis ialah $398 juta terdiri daripada modal saham, petaruhan ahli, simpanan dan pinjaman luar.

Bank Kerjasama Rakyat mengambil sikap yang lebih dinamis, dan menjalankan rancangan perkembangan yang pesat. Selain dari itu Bank Rakyat merancang hendak bergiat dalam pembangunan harta dan kewangan, dan menyertai dalam penanggungan beberapa keluaran saham samada sebagai penanggung bersama atau penanggung pecahan.

Pinjaman-pinjaman yang diberi oleh Bank Rakyat kepada ahli-ahli dalam tahun 1972 berjumlah sebanyak $6.5 juta berbanding dengan $9.2 juta dalam tahun 1971. Jumlah pinjaman yang belum dijelaskan $21.5 juta pada akhir tahun 1972. Jumlah sumber kewangan Bank Rakyat bertambah dengan pesatnya sebanyak hampir $17 juta kepada $48.6 juta pada akhir tahun 1972.

Koperasi perumahan sekarang berjumlah 56 buah. Pada akhir tahun 1972 jumlah ahli ialah 12,616 kumpulanwang bertambah kepada $90 juta. Koperasi-koperasi perumahan telah membena 7,338 yunit rumah bernilai $222 juta untuk ahli-ahlinya.

Ada sejumlah 171 Syarikat Jimat Cermat dan Pinjam Meminjam (Thrift and Loan). Pada akhir tahun 1972 jumlah ahli ialah 242,300 dan kumpulan modal sebanyak $210 juta. Pinjaman yang diberi kepada ahli-ahli berjumlah $145 juta dan baki pinjaman yang belum dibayar ialah $143.2 juta. Bank Pusat Kerjasama dipuncak koperasi bandaran mempunyai keahlian sebanyak 9,745 dan jumlah kumpulan wang meningkat kepada $17 juta pada akhir tahun 1973. Jumlah pinjaman yang dikeluarkan ialah $5.8 juta pada tahun 1973.

SABAH

Pada tahun 1973, Sabah mempunyai 198 buah koperasi berdaftar dengan bilangan ahli 53,871 modal saham sebanyak $1.2 juta dan jumlah punca-punca keluaran yang dianggarkan sebanyak $4 juta.

Pada masa ini ada terdapat 70 buah Koperasi Tanah yang mempunyai 85,247 ekar untuk tanaman kelapa sawit, kelapa dan getah.

Jumlah bilangan Koperasi Serbaguna berdaftar pada akhir tahun 1973 ialah 93. Aktiviti-aktivitinya ialah menjalankan perniagaan kedai-kedai runcit, jentera mengilang padi, perkhidmatan-perkhidmatan kenderaan dan lain-lain.

Dengan bantuan Kerajaan, 3 buah Koperasi Perikanan Jayadiri telah ditubuhkan dalam tahun 1972. Bantuan Kewangan Kerajaan Negeri Sabah sebanyak $3.2 juta telah diterima oleh koperasi-koperasi itu. Harta koperasi-koperasi itu pada masa ini termasuk 22 buah kapal tunda, 3 buah kilang airbatu, 1 kilang memproses dan 1 "Fishing Complex" berharga lebih $2 juta sedang didirikan.

6 buah Koperasi Batu Bata Jayadiri telah didaftar dalam tahun 1972 dan Negeri Sabah telah beri bantuan kewangan sebanyak $833,000. Dua buah koperasi telah dapat memulai buatan batu bata.

SARAWAK

Bilangan koperasi pada awal tahun 1973 berjumlah 235 yang mempunyai 24,004 ahli dibanding dengan 238 buah dengan 22,815 ahli pada awal tahun 1972. 12 buah koperasi telah didaftarkan dalam tahun 1973. Bilangan pada akhir tahun 1973 ialah 238 koperasi dengan 25,836 ahli dan jumlah kumpulan wang ialah $14 juta.

Dianggarkan bilangan koperasi di Sarawak akan meningkat 265 buah dalam tahun 1974 dengan bilangan ahli seramai 26,250 dan jumlah kumpulan wang sebanyak $16.5 juta.

Dijangka 50 buah koperasi akan didaftarkan dalam tahun 1974. Koperasi-koperasi dalam penubuhan ialah di daerah-daerah Kuching, Serian, Simunjan, Simanggang, Kelaka, Sibu, Binatang, Serikei, Mukah, Kapit, Miri, Baram, Limbang dan Lawas. Lawatan-lawatan ke koperasi yang baru akan dibuat dengan lebih kerap untuk tunjukajar dan latihan yang berkesan kepada kakitangan-kakitangan koperasi-koperasi itu.

Matalamat bagi tahun 1975

Strateji Jabatan Kemajuan Kerjasama dalam pembangunan Gerakan Koperasi yang telah diubah haluan kepada penubuhan koperasi-koperasi serbaguna yang berdasarkan konsep tugas-tugas yang berjalan akan terus dikekalkan sebagai langkah yang utama dalam gerakan Pembaharuan. Koperasi-koperasi akan diberi galakan supaya mempergiatkan aktiviti-aktiviti dalam lapangan-lapangan perdagangan dan perindastrian. Usaha dan tenaga Jabatan ini akan juga ditumpukan kepada penubuhan koperasi-koperasi peringkat nasional.

Walaupun tugas-tugas Jabatan ini tidak lagi meliputi perkembangan koperasi-koperasi yang berasaskan pertanian, tetapi memandang kepada penubuhan-penubuhan koperasi-koperasi yang bercorak bukan pertanian yang sedang giat dijalankan dijangka koperasi-koperasi jenis ini akan meningkat daripada 1,250 kepada 1,450 bilangan ahli daripada 550,000 kepada 600,000 dan jumlah kumpulan wang daripada $500 juta kepada $550 juta.

Pengguna

Koperasi-koperasi pembekalan pengguna akan digunakan dengan sepenuhnya untuk mengatasi masaalah inflasi, masaalah yang menjadi kerunsingan negara. Bilangan koperasi jenis ini telah meningkat kepada 123 buah, 36 daripadanya didaftarkan dalam tahun 1973. Koperasi-koperasi pembekalan pengguna yang besar telah mengujudkan pusat-pusat pembekalan dan kedai-kedai cawangan

diseluruh Semenanjung Malaysia. Syarikat Serbaguna SHAMELIN, sebuah koperatif jenis nasional telah menubuhkan 40 buah kedai cawangan. Kerajaan telah luluskan pinjaman sebanyak $3 juta untuk koperasi ini supaya perniagaannya dapat diperbesarkan lagi. Matlamatnya ialah menubuhkan 200 cawangan hingga akhir tahun 1975. Koperasi MCSS (Malaysia Co-operative Supermarket Society) pula mempunyai 8 pusat pembekalan, dan 2 lagi pusat akan ditubuhkan tidak berapa lama lagi. Di Perak Syarikat GABONGUSAHA telah diiktiraf oleh Kerajaan Negeri sebagai alat yang utama bagi mengatasi masaalah-masaalah pembekalan pengguna, dan diberi sokongan yang penuh.

Koperasi-koperasi di Institusi-institusi Pendidikan

Sasaran bagi penubuhan koperasi jenis ini ialah 200 buah. Dikemuncaknya adalah dirancangkan penubuhan Koperasi Nasional Pelajar. Pelancarannya telah dipersetujui oleh Kementerian Pelajaran. Koperasi nasional ini akan mula perusahaan mengimpot bahan keperluan sekolah untuk dibekalkan kepada sekolah-sekolah. Perkembangannya pada masa depan akan meliputi pembinaan kilang-kilang untuk mengeluarkan bahan-bahan tersebut. Rancangan ini akan memakan belanja $3 juta.

Bank Rakyat

Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad dikemuncak gerakan koperasi bumiputra bagi semua sektor mempunyai jumlah kumpulan modal sebanyak $50 juta, yang terdiri daripada kumpulanwang ahli-ahli $8 juta, pinjaman daripada Kerajaan $10.7 juta Petaruhan Tetap dan Kira-kira Simpanan $29.2 juta dan lain-lain kumpulanwang. Bank ini telah mendirikan kilang-kilang padi besar di Kelantan untuk membolehkan petani-petani memproses padi-padi mereka sendiri, dan memasuki di dalam bidang beberapa perusahaan seperti kilang ubat-ubat serangga dan racun-racun rumput. Selain daripada itu modalnya telah dilaburkan di dalam beberapa indastri seperti hotel, letrik, gula, getah dan ceramics. Dalam bidang perumahan, selain daripada memberi pinjaman-pinjaman perumahan, Bank ini akan mengadakan rancangan perumahan melalui badan subsidiary kepunyaan sendiri iaitu Rakyat Corporation Sendirian Berhad.

Perumahan

Sebanyak 7,564 buah rumah bernilai $230 juta telah dibina oleh koperasi-koperasi perumahan. 27 buah koperasi mempunyai rancangan-rancangan untuk membina 3,600 buah rumah berharga $86 juta. Matlamat bagi tahun 1975 ialah mencapai bilangan 10,900 yunit rumah.

Pembangunan/Pembukaan Tanah

Syarikat Kerjasama Serbaguna Sungai Ara, Pulau Pinang akan melaksanakan projek pembukaan bandar (urban development). Kajian kemungkinan sedang dijalankan. Kos projek ini dianggarkan bernilai $50 juta.

Syarikat Kerjasama Kelapa Sawit Pahang akan membuka 55,000 ekar tanah hutan dengan tanaman kelapa sawit dan lain-lain tanaman. Sebanyak 3,000 ekar telah ditanam dengan kelapa sawit dari perbelanjaan koperasi sendiri. Bagi projek-projek masa depan koperasi ini memerlukan pinjaman sebanyak $40 juta. Matlamat Syarikat ini ialah pembinaan Timber Complex yang akan menjalankan aktiviti-aktiviti membalak, kilang papan dan mengeluarkan perabut-perabut untuk diekspot.

Pertanian

Koperasi-koperasi Serbaguna telah diberi tanah untuk menanam orkid bagi ekspot. Koperasi MCIDS (Syarikat Kerjasama Pembangunan Perindastrian Berhad) mempunyai 10,000 ekar tanah untuk perusahaan ubi kayu dan minyak patchouli.

Kemudahan Pinjaman

Beberapa buah koperasi Jimat Cermat dan Pinjaman (Thrift & Loan Co-op.) ada rancangan untuk menjalankan perkhidmatan hire purchase bagi ahli-ahli mereka.

Perindastrian

FAPICS (Syarikat Kilang Baja dan Kertas) akan melaksanakan projek pembinaan kilang kertas yang berharga $60 juta.

Lain-lain Rancangan

Ini termasuk pembekalan pakaian seragam, dan ajensi untuk memberi kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan kepada koperasi-koperasi perumahan.

Dalam pembekalan pakaian-pakaian seragam, koperasi National Co-operative Supplies Society akan ditubuhkan dengan tujuan mendirikan kilang untuk mengeluarkan kain dan menjahit dan lain-lain. Dijangka rancangan ini akan memakan belanja $20 juta.

Koperasi The National Co-operative Housing Society akan ditubuhkan dengan objektif memberi pertolongan perkhidmatan dan koordinasi kepada koperasi-koperasi perumahan supaya sesuai dengan dasar-dasar Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri. Koperasi nasional ini juga dicadang untuk membekalkan bahan-bahan binaan rumah samada cara belian, impot atau sebagai pengeluar. Koperasi nasional ini akan mengendalikan sekurang-kurangnya 30% daripada keperluan rumah oleh ahli-ahli koperasi-koperasi perumahan dalam jangka masa 3 tahun akan datang yang dianggarkan berharga $29 juta.

(iii) *Odit dan Akaun*

Dalam tahun 1973 sebanyak 535 tahun odit atas 377 buah koperasi telah dijalankan oleh kakitangan Jabatan ini dan sebanyak 445 tahun odit atas 365 buah lagi telah dijalankan oleh oditor-oditor luar. Oleh sebab kebebanan atas kakitangan Jabatan teramat berat dan tidak dapat menjalankan kerja-kerja odit atas kesemua koperasi maka koperasi-koperasi yang besar dan berkemampuan telah dinasihatkan melantik oditor-oditor luar.

Dalam tahun ini sebahagian kakitangan bahagian odit Jabatan Kerjasama seramai 32 orang berserta dengan 1,536 syarikat yang bercorak pertanian telah dipindahkan ke Lembaga Pertubuhan Peladang.

Kerja-kerja mengodit kira-kira 235 buah koperasi di Sarawak bagi tahun 1972 telah diselesaikan dalam tahun 1973. Oleh kerana cawangan odit di Sarawak mempunyai hanya 9 orang pegawai, tugas-tugas odit terpaksa dibantu oleh beberapa pegawai dari aktiviti penggalakan.

Bagi tahun 1974 kerja-kerja odit yang dijangka akan dijalankan oleh kakitangan Jabatan di Semenanjung Malaysia adalah sebanyak 750 tahun odit dan sebanyak 450 tahun odit oleh oditor-oditor luar. Bilangan koperasi di bawah kelolaan Jabatan dijangka akan meningkat lebih daripada 1,150 buah tidak termasuk cawangan-cawangan dan pelbagai aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh koperasi-koperasi ini. Seseorang Kerani Odit dijangka dapat selesai kerja-kerja odit sebanyak 12 tahun odit dalam setahun.

Selain daripada menjalankan odit tahunan, Bahagian ini juga menjalankan odit kadangkala ke atas kira-kira pegawai-pegawai Penutup (Liquidators) Jabatan yang mengurus penutupan koperasi-koperasi yang pendaftarannya telah dibatalkan. Bilangan pegawai-pegawai Penutup ialah sebanyak 12 orang yang mengurus kira-kira penutupan atas lebih daripada 1,200 buah syarikat. Kerja-kerja odit kadangkala juga dikehendaki dijalankan oleh kakitangan Jabatan atas kesemua cawangan-cawangan Pusat Pembekalan dan kedai-kedai roncit syarikat yang dijangka akan meningkat lebih kurang 100 cawangan.

Bahagian ini juga memberi nasihat dan tunjukajar cara-cara menyimpan kira-kira bagi syarikat-syarikat yang baru ditubuh dan melatih pegawai-pegawai dan kakitangan koperasi dalam cara-cara menyimpan kira-kira. Beban-kerja yang dijangka akan ditanggung oleh Bahagian ini ialah sebanyak 200 buah koperasi Sekolah di bawah Rancangan Koperasi Sekolah, sekurang-kurang 100 cawangan-cawangan koperasi di bawah Rancangan Koperasi Pengguna yang digalak oleh Kerajaan untuk mengatasi masaalah inflasi. Dalam pada itu kakitangan Jabatan ini dikehendaki menentukan dan mengawasi penulisan buku-buku kira-kira terutama cawangan-cawangan kedai dan koperasi sekolah.

Di Sarawak dijangka dengan menggunakan perkhidmatan pegawai-pegawai Cawangan Penggalakan bersama pegawai-pegawai odit, odit kira-kira bagi 238 buah koperasi akan dapat diselesaikan pada akhir tahun 1974.

Bagi tahun 1975 kerja-kerja seperti yang dinyatakan bagi tahun 1974 akan terus dijalankan. Dalam Rancangan Koperasi sekolah menjelang akhir tahun 1975 sebanyak 300 buah syarikat lagi akan ditubuh dan syarikat-syarikat akan membuka 100 buah cawangan-cawangan Pusat Pembekal dan kedai-kedai runcit menjadi 200 buah kesemuanya seperti di dalam "Blue Print" nya yang telah dibentang untuk mendapat pinjaman $3.5 juta dari Kerajaan.

Berikut ialah beban-kerja yang dijangka akan ditanggung oleh kakitangan Bahagian Odit dan Akaun bagi tahun 1975:

(A) Tunggakan kerja dibawa dari tahun 1974—			
(i) Penubuhan/Pengkajian sistem simpanan kira-kira	100 syarikat	100	sistem
(ii) Kerja-kerja odit biasa ..	484 „	1,199	tahun odit
(iii) Odit penutupan	64 „	64	„
(iv) Pengesahan dan peredaran akaun-akaun tahunan dan Lapuran Odit	241 „	—	
(B) Bebankerja bagi tahun 1975—			
(i) Penubuhan/Pengkajian sistem simpan kira-kira	380 syarikat	380	sistem
(ii) Kerja-kerja odit biasa ..	1,150 „	1,150	tahun odit
(iii) Odit Penutupan	84 „	84	„
(iv) Pengesahan dan peredaran akaun-akaun tahunan dan Lapuran Odit	1,234 „	1,234	„

Beban-kerja Cawangan Odit di Sarawak bagi tahun 1975 ialah mengodit kira-kira 246 buah syarikat, dan menyusun semula sistem simpan kira-kira bagi semua syarikat-syarikat itu.

Walaupun kakitangan Bahagian ini menjalankan tugas-tugas mereka dengan percuma kepada koperasi-koperasi mengikut dasar Kerajaan menolong memperbaiki serta meninggikan taraf hidup rakyat jelata, tetapi bagi perkhidmatan kerja-kerja odit tahunan koperasi-koperasi yang diodit dikenakan bayaran atas odit-odit ini. Kebanyakan koperasi yang diodit dikenakan bayaran mengikut asas "cost of works". Tetapi ada juga koperasi-koperasi yang kecil dan tidak berapa maju maka bayaran yang dikenakan adalah secara "nominal" sahaja.

Bagi tahun 1973 pungutan bayaran odit ialah sebanyak $43,258. Bagi tahun 1974 dianggar sebanyak $45,000 akan dipungut sebagai bayaran odit, dan untuk tahun 1975 hasil daripada kerja-kerja odit yang diramalkan akan diperolehi ialah sebanyak $50,000.

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan upahan	4,023,398	3,396,315	3,582,500
1200	Elaun-elaun dan lain-lain habuan wang	270,930	176,000	275,300
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..	37,711	31,685	23,700
	Jumlah Gaji ..	4,332,039	3,604,000	3,881,500
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	554,998	567,000	595,000
2200	Pengangkutan Barang-barang ..	21,410	21,900	34,000
2300	Kemudahan Perhubungan ..	57,351	41,000	48,500
2400	Api, Air dan Letrik dll.	15,200	13,000	24,500
2500	Sewa	59,789	65,550	88,500
2600	Perkhidmatan Pencetakan ..	10,986	13,650	8,200
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	59,338	49,500	71,900
2800	Perkhidmatan Pelbagai	94,282	130,500	132,400
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	17,146	13,200	27,300
4100	Pemberian, Subsidi dan Carum-carum	84,857	—	80,000
	Jumlah ..	5,307,396	4,519,300	4,991,800

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974	Bilangan	Anggaran Tahun 1975
		$		$		$
(i) Pentadbiran Am	99	864,730	97	808,000	95	832,500
(ii) Penggalakan dan Penyeliaan	469	2,811,705	320	2,305,000	413	2,485,090
(iii) Odit dan Akaun	148	655,604	100	490,990	132	563,900
(iv) Pegawai-pegawai yang di-Pinjamkan ke Lembaga Pertubuhan Peladang ..	—	—	204	10	186	10
Jumlah ..	716	4,332,039	721	3,604,000	826	3,881,500

3. Anggaran Pembangunan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
1. Pejabat-pejabat dan Rumah-rumah ..	9,857	—	—

4. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Belanja Mengurus:			
Semenanjung Malaysia	4,253,511	3,268,000	3,697,100
Sarawak	687,731	816,300	832,700
Sabah	366,154	435,000	462,000
Belanja Pembangunan	9,857	—	—
Jumlah ..	5,317,253	4,519,300	4,991,800

KEMENTERIAN PERUSAHAAN UTAMA

Kepala Bekalan 19	**$ 2,002,300**
Kepala Pembangunan 19 ...	**29,504,036**
Jumlah ...	**$31,506,336**

	Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975 ...	**$2,002,300**	**$29,504,036**	**$31,506,336**
Peruntukan 1974 ...	**1,878,641**	**71,288,450**	**73,167,091**
Perubahan ...	**+ $ 123,659**	**— $41,784,414**	**— $41,660,755**

1. Tujuan-tujuan

Tujuan utama Kementerian Perusahaan Utama ialah menentu dan melaksanakan dasar-dasar bagi membangun dan memajukan bahan-bahan utama untuk mendapatkan hasil yang maksima dan stabil bagi rakyat negara. Bahan-bahan utamanya antara lain termasuklah getah, bijih timah, kayu kayan, kelapa sawit, kelapa, lada hitam, nenas dan koko. Usaha-usaha yang dijalankan adalah melibatkan bidang-bidang seperti penyelidikan, pengeluaran, pemerosesan pemasaran dan kerjasama antara negara-negara serantau dan antarabangsa. Pelaksanaan dasar-dasar Kementerian adalah dibuat berteraskan Dasar Ekonomi Baru yang menitikberatkan penyusunan semula masyarakat dengan mengimbangkan perbezaan ekonomi antara kaum.

Untuk mencapai matlamat yang tersebut di atas itu tindakan-tindakan yang bersesuaian adalah dijalankan dalam bidang-bidang aktiviti-aktiviti yang berikut:

(i) Pentadbiran dan Kewangan;

(ii) Ekspot Barang-barang Utama;

(iii) Penyelidikan, Taksiran Pasaran dan Perancangan, dan

(iv) Pentadbiran Rancangan Kerajaan Menanam Semula Getah.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran dan Kewangan ..	631,653	594,000	647,260
(ii) Ekspot Barang-barang Utama ..	649,930	993,420	1,063,700
(iii) Penyelidikan, Taksiran Pasaran dan Perancangan	97,164	124,890	128,420
(iv) Pentadbiran Rancangan Kerajaan Tanam Semula Getah	128,275	166,331	162,920
Jumlah ..	1,507,022	1,878,641	2,002,300

(i) *Pentadbiran dan Kewangan*

Tahun 1974 telah bermula dengan berbagai aktiviti yang cergas dalam bidang-bidang yang berkaitan. Kementerian telah membuat satu penilaian semula terhadap kedudukannya bersabit dengan matlamat-matlamat dan pelaksanaan-pelaksanaan dasar yang telah dibuat sejak Kementerian Perusahaan Utama ditubuhkan pada 1hb Januari, 1972. Strateji-strateji baru telah dipertimbangkan bagi memperkokohkan lagi dasar-dasar Kementerian dan seterusnya memperhebatkan usaha-usaha pelaksanaannya. Adalah nyata bahawa Kementerian memerlukan banyak lagi pegawai-pegawai kanan bagi melaksanakan dasar dan tanggungjawabnya. Satu Tekno Ekonomik Yunit telah ditubuhkan bagi menasihat Y.B. Menteri khusus mengenai hal ehwal pemasaran getah. Beberapa lawatan mengenal-suai dan pemeriksaan telah dilakukan oleh Y.B. Timbalan Menteri ke beberapa buah tempat di tanah air bersabit dengan bahan-bahan getah, nenas dan tembakau.

Dengan hal yang demikian maka kegiatan-kegiatan Bahagian Pentadbiran Am Kementerian telah menjadi bertambah banyak bagi tahun 1974 dan seterusnya dijangka akan meningkat ke tahun 1975.

Tugas-tugas Bahagian Pentadbiran dan Kewangan adalah seperti biasa iaitu termasuk pentadbiran perkhidmatan, pengawalan perbelanjaan, perjawatan, keselamatan, tatatertib dan lain-lain.

(ii) *Ekspot Barang-barang Utama*

Pada umumnya Bahagian Ekspot barang-barang Utama adalah bertanggung-jawab membentuk dan melaksanakan dasar-dasar mengenai kemajuan dan penggalakan ekspot bahan-bahan utama seperti getah, bijih timah, kelapa sawit, kayu-kayan, kelapa dan minyak kelapa, lada hitam, nenas dan penggalakan pembinaan perusahaan-perusahaan yang menggunakan bahan-bahan tersebut. Ekspot barang-barang tersebut adalah sumber penting pendapatan wang luar negeri Malaysia. Jadual I yang berikut dapat menggambarkan kauntiti pengeluaran, ekspot dan nilai ekspot barang-barang tersebut.

Pelaksanaan dasar-dasar Kementerian mengenai bahan-bahan utama adalah dibuat oleh Bahagian ini dan juga melalui 10 buah Badan-badan Berkanun dengan cara memberi arahan, bimbingan dan pengawalan dan juga penyertaan di dalam mesyuarat-mesyuarat Jumaah Pengarah badan-badan tersebut. Badan-badan Berkanun ini dapat dilihat dalam Jadual II yang berikut.

Bahagian Ekspot Barang-barang Utama juga menghantar pegawai-pegawainya menyertai mesyuarat-mesyuarat serantau dan antarabangsa mengenai barang-barang utama.

(*a*) Getah

Perusahaan getah adalah satu sektor pengeluaran ekspot yang utama di negara ini dan telah menghasilkan lebih dari $2,507 juta daripada jumlah pendapatan wang luar dalam tahun 1973. Oleh kerana pentingnya perusahaan ini kepada Malaysia, maka Kerajaan telah memberi segala usaha untuk membaharui dan memajukan perusahaan getah terutama sekali sektor pekebun-pekebun kecil.

Bagi tujuan ini sejak 1hb Januari, 1973 Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun-pekebun Kecil Perusahaan Getah atau RISDA telah ditubuhkan dan tugasnya di antara lain ialah untuk membantu pekebun-pekebun kecil menanam semula dan menanam baru dengan cara memberi berbagai kemudahan. Di bawah Rancangan Malaysia Kedua RISDA telah ditugaskan menanam semula kebun-kebun kecil seluas 600,000 ekar dan setakat ini lebih 50% daripadanya telah dikerjakan. Di samping itu adalah menjadi tanggungjawab RISDA dalam memodenkan sektor

pekebun-pekebun kecil dengan menyediakan rancangan-rancangan seperti rancangan kredit baja dan etheral, membina pusat-pusat memproses getah berkelompok dan sebagainya.

Di bidang penyelidikan pula, usaha sedang diperhebatkan untuk mengurangkan kos pengeluaran supaya dapat menandingi getah tiruan. Bidang-bidang yang dikaji termasuk membiak biji benih bermutu tinggi, kaedah-kaedah memproses getah dan cara-cara menyebarkan kegunaan-kegunaan baru getah kepada pengguna-pengguna. Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah atau MRRDB telah ditubuhkan bagi menyelaras tugas-tugas penyelidikan yang dahulunya dijalankan oleh Lembaga Kumpulanwang Getah Tanah Melayu (dua yunit Penyelidikan di bawah Lembaga tersebut menjalankan penyelidikan, iaitu Pusat Penyelidikan Getah Malaysia dan Persatuan Penyelidikan Pengeluar-pengeluar Getah Asli bertempat di United Kingdom). Lembaga tersebut telah menubuhkan "Techno-Economic Unit" yang menjalankan usaha-usaha mengumpul dan menganalisa perangkaan dan maklumat-maklumat mengenai getah untuk kegunaan Kementerian dan lain lain ajensi yang berkaitan dengan getah.

Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia atau MRDC telah ditubuhkan bertujuan untuk memproses getah menjadikannya getah Haveacrumb. Dengan berakhirnya tahun 1974, MRDC akan memiliki 22 buah kilang untuk memproses getah pekebun-pekebun kecil menjadikan SMR. Dalam tahun 1975 MRDC dijangka akan membina 3 buah lagi kilang.

Di dalam bidang pemasaran pula Kerajaan telah menubuhkan Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia untuk mengadakan satu sistem pemasaran yang lebih berkesan dan bagi menggalakkan banyak lagi pengurusan perdagangan getah dibuat di Kuala Lumpur. Lembaga ini semenjak pelaksanaannya mulai bulan September tahun 1973, telah mengambil alih tugas-tugas yang dahulunya telah dijalankan oleh Lembaga Pendaftaran Ekspot Getah dan Lembaga Pemasaran Getah. Adalah menjadi hasrat Lembaga tersebut untuk menjayakan pasaran getah di Kuala Lumpur sebagai satu pusat pemasaran yang penting dan yang terkemuka di dunia. Lembaga Pasaran dan Pelesan Getah Malaysia sedang merancang untuk menubuhkan pejabat-pejabatnya di luar negeri bagi memudahkan pembeli-pembeli serta memperkemaskan pasaran getah asli di negeri-negeri pengguna.

(*b*) Bijih Timah

Kementerian terus mengambil bahagian cergas dalam Persidangan-persidangan Majlis Timah Antarabangsa di bawah Perjanjian Timah Antarabangsa Yang Ke Empat. Melalui aktiviti-aktiviti yang cergas dalam Persidangan-persidangan Majlis Timah Antarabangsa dan sebagai pengeluar bijih timah yang terbesar di dunia, peranan Malaysia sangtlah dihargai.

Pada bulan Januari 1974, Jawatankuasa Penyediaan Perjanjian Ke Lima Timah Antarabangsa telah ditubuhkan dan mula menjalankan kerjanya. Persediaan oleh Jawatankuasa tersebut akan terus dibuat di dalam tahun 1974 dan 1975.

Suatu lagi Jawatankuasa yang ditubuhkan di peringkat Negara-negara pengeluar dan di Majlis ialah Jawatankuasa Kos Harga. Ia telah ditubuhkan dan memulakan perbincangannya pada bulan Januari 1974. Tujuannya ialah untuk mengkaji secara saintifik dalam jangka masa pendek samada jarak harga yang dikuatkuasakan adalah berpatutan, dan dalam jangka masa panjang, samada lebih daripada satu harga lantai dan harga bumbung bagi jarak-harga patut ditimbangkan dan dimasukkan ke dalam Perjanjian Timah Antarabangsa Yang Ke Lima. Kerajaan Malaysia adalah negara pertama yang memberikan angka-angka dan maklumat yang lengkap mengenai kos pengeluaran perusahaan timahnya bagi kajian ini.

Kawalan ekspot timah yang dikenakan pada bulan Januari, 1973 telah ditamatkan pada 30hb Oktober, 1973 oleh kerana dapat kedudukan seimbang antara pembekalan dan permintaan. Stok Penimbal Majlis Timah Antarabangsa masih menggunakan ringgit Malaysia sebagai harga penunjuk dan ini menjelaskan

keteguhan mata wang Malaysia. Dengan adanya cadangan dan peranan yang cergas dijalankan oleh Malaysia maka telah dapat diadakan kawalan ekspot yang memuaskan dan mata wang Malaysia digunakan.

Jawatankuasa Majlis yang mengkaji Perlepasan Timah oleh Perkhidmatan Pentadbiran Awam Negara Amerika Syarikat telah mengadakan beberapa mesyuarat dan telah memilih antara lain perwakilan dari Malaysia untuk melawat Amerika Syarikat bagi berbincang dengan pihak yang berkenaan mengenai perlepasan yang dibuat di bawah rancangan jangka pendek dan jangka panjang oleh Negara itu. Di dalam hubungan ini, Malaysia telah mengambil daya utama bersama-sama dengan Majlis Timah Antarabangsa untuk menentukan supaya pasaran tidak dipengarohi oleh tindakan Kerajaan Amerika Syarikat.

(*c*) Kelapa Sawit

Pengeluaran kelapa sawit dan isi kelapa sawit pada tahun 1973 meningkat pada kadar yang lebih rendah daripada tahun-tahun yang lepas. Pengeluaran minyak kelapa sawit meningkat kepada 799,508 tan pada tahun 1973. Ekspot bagi tahun tersebut adalah lebih kurang 784,300 tan bernilai sebanyak $463.6 juta, berbanding dengan 680,900 tan bernilai sebanyak $323.9 juta pada tahun 1972. Tambahan sebanyak 14.3% bagi nilai ekspot itu adalah lebih tinggi dari kenaikan sebanyak 10.9% pada tahun 1972 walaupun tambahan peratus jumlah ekspot adalah lebih kurang sama. Ini adalah disebabkan oleh harga yang baik di pasaran minyak kelapa sawit dunia.

Satu Pasukan Kerja mengenai pemasaran minyak kelapa sawit akan menyiapkan lapurannya tidak lama lagi. Pasukan Kerja ini sedang di dalam proses mengkaji kemungkinan menubuhkan satu sistem pemasaran yang baru bagi minyak kelapa sawit. Cadangan ini akan disampaikan kepada Kerajaan tidak berapa lama lagi.

Pengharaman ke atas bahan-bahan tanaman kelapa sawit terus dikuatkuasakan pada tahun 1973. Walau bagaimanapun bagi tahun 1974 Kementerian akan mengkaji semula kedudukan ini.

Besar kemungkinan satu sistem baru pemasaran kelapa sawit akan dilancarkan pada hujong tahun 1974 dan diteruskan ke tahun 1975. Kementerian juga akan menyusun dan menggalakkan penubuhan indastri-indastri yang berasaskan minyak kelapa sawit.

Kementerian ini akan terus mengambil bahagian di dalam foram dan perbincangan untuk mengatasi sekatan-sekatan perdagangan ke atas minyak kelapa sawit. Beberapa perbincangan telah diadakan dengan E.E.C., U.N.C.T.A.D., G.A.T.T. dan F.A.O.

(*d*) Kayu-kayan

Perusahaan perhutanan dan perkayuan telah berkembang dengan pesatnya dan sekarang telah meningkat menjadi satu-satunya sektor perusahaan dan perdagangan yang memberi sumbangan besar kepada kebajikan sosio-ekonomi negara. Kadar sumbangan terhadap Keluaran Negara Kasar—K.N.K. (Gross National Product) adalah berjumlah 5.1% daripada pendapatan pertukaran wang asing bagi tahun 1973, iaitu dianggarkan lebih kurang $695 juta. Pengeluaran, ekspot dan nilai kayu balak dan kayu gergaji dapat dilihat di Jadual I.

Perusahaan Kayu-kayan juga telah mengadakan beberapa peluang guna tenaga samada dalam sektor swasta atau sektor awam. Kerja-kerja membalak di kilang-kilang papan dan kilang-kilang veniar/papan lapis adalah didapati sedang menampung tidak kurang daripada 35,000 pekerja secara langsung dan lebih kurang 120,000 orang secara tidak langsung di Semenanjung Malaysia. Selain dari itu ada indastri-indastri yang kecil-kecil yang mengeluarkan blockboard, laminated board, particle board, woodwool cement. slabs, mouldings, prefabricated sections, perabut, pencil, mancis api dan lain-lain dan mengadakan lebih dari 30,000 peluang pekerjaan. Berasaskan kepada bilangan pekerja-pekerja yang tersebut adalah dianggarkan sejumlah kira-kira 500,000 rakyat yang bergantung sara hidupnya kepada perusahaan ini di Semenanjung Malaysia.

Sebuah Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia telah ditubuhkan dan berkuatkuasa mulai 1hb Jun, 1973 bagi menyusun dan menggalakkan perkembangan perusahaan-perusahaan yang menggunakan bahan-bahan kayu dengan cara yang berintegrasi. Lembaga tersebut diberi kuasa antara lain, memeriksa, mengawas dan menguatkuasakan pemeringkatan kayu (wood-grading). Kerjakerja Lembaga ini pada tahun 1974 dan tahun 1975 dijangka sebahagian besarnya tertumpu kepada aktibiti-aktibiti seperti menggalakkan dan meluaskan pasaran, memberi perkhidmatan teknik untuk memajukan pembangunan pengeluaran (production development) dan menggalakkan perusahaan-perusahaan berdasarkan kayu.

Selain daripada itu Kerajaan juga sedang menggalakkan kayu-kayan diproses di dalam negeri ini terutamanya jenis-jenis yang sekarang ini kurang popular. Sebelas jenis kayu telah pun diharamkan dieksepot pada 1974 untuk menggalakkan pemerosesan kayu dalam negeri. Dengan cara-cara ini peluang-peluang pekerjaan dapat diberi kepada rakyat tempatan, sambil meninggikan nilai kayu balak kita apabila selesai diproses dan diekspot.

(*e*) Nenas

Lembaga Perusahaan Nenas Tanah Melayu, adalah badan utama dalam melaksanakan projek-projek memajukan perusahaan nenas sementara Kementerian ini menentukan dasar-dasarnya supaya sejajar dengan objektif Rancangan Malaysia Kedua.

Untuk mencapai objektif meninggikan taraf ekonomi dan membasmi kemiskinan penduduk desa khasnya, Kementerian telah meluluskan Rancangan Tanam Semula Nenas dan pelaksanaannya sedang giat dijalankan oleh Unit Tanam Semula di bawah pengawasan Lembaga Perusahaan Nenas Tanah Melayu. Walaupun beberapa masaalah penting, seperti kekurangan baja dan kenaikan harga bahan-bahan pertanian sedang dialami, namun kerja-kerja penanaman semula sedang giat dijalankan dan mendapat sambutan yang menggalakkan dari peserta-peserta. Untuk tahun 1975 matlamat keluasan yang hendak dicapai ialah 1,000 ekar.

Kementerian juga bergabung rapat dengan Lembaga Perusahaan Nenas Tanah Melayu dalam menjalankan usaha mengkaji semula masaalah-masaalah yang dihadapi oleh perusahaan nenas terutamanya masaalah memproses dan pasaran nenas, pengeluaran, mutu perkilangan dan pengangkutan buah-buah nenas dari kawasan-kawasan pekebun-pekebun kecil kekilang-kilang dan mengemukakan syor-syor untuk mengatasi masaalah-masaalah khasnya dan bagi mempesatkan kemajuan dan perkembangan perusahaan nenas seluruhnya.

Dari segi penggalakkan eksepot pula, Kementerian ini bersama-sama dengan Lembaga Perusahaan Nenas Tanah Melayu sedang membuat kajian tentang polisi dan strategi bagi tiap-tiap pasaran nenas Malaysia di luar negeri. Di samping itu beberapa rombongan-rombongan perdagangan telah dan akan seterusnya dihantar oleh Kementerian ke pasaran yang difikirkan perlu sebagai satu usaha untuk menghadapi kesan-kesan kemasukan British dalam Pasaran Ekonomi Eropah. Tindakan-tindakan secara kumpulan sedang diambil melalui ASEAN. Tindakan-tindakan secara persendirian juga diambil bagi mengelakkan akibat-akibat kemasukan British itu.

(*f*) Lada Hitam

Nilai eksepot lada hitam Sarawak bertambah sebanyak $8.2 juta atau 14% dari $58.1 juta dalam tahun 1972 kepada rekod terbaharu sebanyak $66.3 juta dalam tahun 1973. Walau bagaimanapun jumlah eksepot lada hitam jatuh dari 25,765 tan dalam tahun 1972 kepada 22,470 tan dalam tahun 1973 iaitu, kejatuhan sebanyak 3,295 tan atau 13%.

Jumaah Pemasaran Lada Hitam sedang menumpukan usaha-usaha untuk menyiapkan dan menyediakan kemudahan-kemudahan bagi mengekspot lada hitam yang bermutu. Melalui pelesenan, Jumaah Pemasaran Lada Hitam akan mengatur dan mengawasi pembeli-pembeli dan pengekspot-pengekspot lada hitam di Sarawak dan Johor bagi menentukan bahawa petani-petani mendapat faedah yang sewajarnya. Jumaah juga akan menguatkuasakan pemeringkatan lada hitam

yang diekspot dan menubuhkan serta menggalakkan kegunaan kemudahan-kemudahan memproses untuk membolehkan lada hitam disediakan mengikut gred-gred tertentu untuk ekspot. Kemudahan-kemudahan makmal untuk menguatkuasakan pemeringkatan itu akan diadakan di semua pusat pemeringkatan yang akan ditubuhkan. Jumaah juga akan menyediakan maklumat-maklumat mengenai lada hitam dan ulasan pasaran serta perkhidmatan "intelligence" supaya pengekspot-pengekspot lada hitam akan mengetahui tentang perkembangan-perkembangan di pasaran-pasaran tempatan dan luar negeri termasuk ramalan-ramalan mengenai penawaran dan permintaan.

Pepper Community yang dianggotai oleh India, Indonesia dan Malaysia telah mengadakan Persidangan ketiganya pada bulan September, 1973. Pertubuhan ini telah mengkaji semula perkembangan-perkembangan yang berkaitan dengan penawaran, permintaan dan harga lada hitam. Usaha-usaha sedang dijalankan untuk mendapatkan kelonggaran impot tarif atas lada hitam (iaitu "ground" dan "unground"). Cadangan untuk menubuhkan pusat "Pepper Processing Research and Product Development" sedang dikaji dan satu sekretariat Pepper Community akan ditubuhkan.

(*g*) Kelapa

Jumlah minyak kelapa yang diekspot bertambah dari 23,835 tan dalam tahun 1972 kepada 30,300 tan dalam tahun 1973. Oleh kerana harga minyak kelapa naik nilai ekspot minyak kelapa bertambah dari $14.8 juta dalam tahun 1972 kepada $31.9 juta dalam tahun 1973. Jumlah ekspot kelapa kering bertambah dari 304 tan dalam tahun 1972 kepada 340 tan dalam tahun 1973.

Persidangan Kelapan Pertubuhan Kelapa Asia telah diadakan di Jakarta pada bulan Julai, 1973. Persidangan ini menitikberatkan keperluan untuk usaha-usaha yang lebih giat di dalam pelonggaran perdagangan, pengeluaran dan daya pengeluaran dan bersetuju memeriksa perkara-perkara yang sesuai untuk aktiviti-aktiviti penyelidikan bersama mengenai kelapa.

Filipina menjadi tuan rumah kepada Persidangan Ke 9 Pertubuhan Kelapa Asia yang diadakan pada bulan Disember, 1973 di Manila. Persidangan ini mengesahkan secara prinsip penubuhan rancangan penggalakan pasaran yang telah disediakan oleh International Trade Centre of UNCTAD/GATT. Selaras dengan keputusan tersebut Pertubuhan Kelapa Asia dengan kerja-kerja I.T.C. juga bercadang mengadakan Seminar Pemasaran untuk meninggikan kebolehan professional pegawai-pegawai pemasaran negara-negara anggota. Persidangan itu juga menitikberatkan keperluan membaiki taraf perusahaan memproses kelapa dan satu bancian akan dijalankan untuk menentukan perkara-perkara yang perlu diperbaiki.

(*h*) Tembakau

Sebahagian besar dari tembakau yang terdapat di Malaysia adalah ditanam di Negeri Kelantan. Negeri-negeri lain di mana tembakau ditanam ialah Trengganu, Kedah, Perlis, Melaka, Negeri Sembilan dan Pahang.

Sebuah Lembaga Tembakau Negara telah ditubuhkan pada hujung tahun 1973 untuk memperbaiki dan menjalankan dengan sepatutnya indastri pengeluaran tembakau. Pada masa sekarang Lembaga Tembakau Negara sedang melesenkan semua pengawit-pengawit tembakau dan pengilang-pengilang rokok dalam usaha-nya untuk mengawal segala aktiviti-aktiviti berkenaan dengan penanaman, pengawitan, penjualan, pembelian, penyimpan dan pemindahan tembakau.

Sebuah Jawatankuasa Khas mengenai kos pengeluaran dan harga daun-daun tembakau hijau dan yang diawit telah ditubuhkan oleh Lembaga Tembakau Negara pada awal tahun 1974 untuk mengkaji semula harga daun-daun tembakau hijau dan yang diawit kerana memandangkan kos pengeluaran yang telah naik. Jawatankuasa tersebut akan membuat lapuran dan syor mengenai harga yang berpatutan pada awal bulan Mei, 1974.

JADUAL I

JUMALH PENGELUARAN, EKSPOT DAN NILAI EKSPOT BARANG UTAMA MALAYSIA

	1971 Sebenar	1972 Sebenar	1973 Sebenar	1974 Matlamat	1975 Anggaran
Getah—					
Pengeluaran ('000 tan) ..	1,302.8	1,633.0	1,542.1	1,880.0	1,930.0
Ekspot ('000 tan)	1,321.02	1,711.0	1,612.8	1,910.0	1,960.0
Nilai Ekspot ($ Juta) ..	1,417.4	2,108.0	2,507.2	1,635.0	1,624.0
Bijih Timah dan Timah Padat—					
Pengeluaran ('000 tan) ..	74.3	70.5	71.12	73.82	72.83
Ekspot ('000 tan)	85.646	88.2	80.2	74.0	73.0
Nilai Ekspot ($ Juta) ..	905.8	924.1	897.0	784.0	781.0
Kayu Balak—					
Pengeluaran ('000 tan) ..	10,547.1	13,780.0	14,173.0	14,823.0	20,270.0
Ekspot ('000 tan)	5,903.0	8,479.0	8,833.0	9,407.0	10,054.0
Nilai Ekspot ($ Juta) ..	619.0	721.0	768.0	771.0	1,040.0
Kayu Gergaji—					
Pengeluaran ('000 tan) ..	1,947.1	2,643.0	2,602.0	2,565.0	3,274.0
Ekspot ('000 tan)	964.0	1,507.0	1,316.0	1,148.0	1,657.0
Nilai Ekspot ($ Juta) ..	145.7	227.7	274.0	241.0	346.0
Minyak Kelapa Sawit—					
Pengeluaran ('000 tan) ..	578.6	658.0	799.508	1,169.58	1,358.805
Ekspot ('000 tan)	525.306	612.381	784.3	1,148.0	1,332.0
Nilai Ekspot ($ Juta) ..	355.7	232.9	463.6	459.0	533.0
Biji Kelapa Sawit—					
Pengeluaran ('000 tan) ..	123.7	128.0	164.361	n.a.	n.a.
Ekspot ('000 tan)	15.155	58.0	13.179*	25.0*	30.0*
Nilai Ekspot ($ Juta) ..	5.7	22.0	4.8*	6.0*	7.0*
Nenas Dalam Tin—					
Pengeluaran ('000 tan) ..	286.0	306.0	262.0	350.0	375.0
Ekspot ('000 tan)	58.08	58.97	57.23	88.0	85.0
Nilai Ekspot ($ Juta) ..	40.8	14.4	46.2	62.0	66.0
Kelapa Kering—					
Pengeluaran ('000 tan) ..	189.0	200.0	129	209.0	213.0
Ekspot ('000 tan)	134.0	26.0	0.36	32.0	36.0
Nilai Ekspot ($ Juta) ..	54.192	11.4	n.a.	14.0	15.9
Minyak Kelapa (Kasar dan Bertapis)—					
Pengeluaran ('000 tan) ..	96.6	100.0	n.a.	105	107.0
Ekspot ('000 tan)	38.211	23.835	30.3	35.1	36.0
Nilai Ekspot ($ Juta) ..	33.6	14.8	31.9	26.4	27.0
Lada Hitam—					
Pengeluaran ('000 tan) ..	23.6	24.4	n.a.	25.8	26.6
Ekspot ('000 tan)	32.0	33.0	22.5	35.0	36.0
Nilai Ekspot ($ Juta) ..	65.1	63.0	66.2	67.0	68.0
Bijih Besi—					
Pengeluaran ('000 tan) ..	1,400.0	1,400.0	506.4	n.a.	n.a.
Ekspot ('000 tan)	865.304	338.725	220.2	n.a.	n.a.
Nilai Ekspot ($ Juta) ..	20.5	15.0	4.7	n.a.	n.a.

* Data dari Sarawak dan Sabah sahaja.
n.a. Data tidak didapati.

JADUAL II

BADAN-BADAN BERKANUN DAN SYARIKAT-SYARIKAT KERAJAAN DI BAWAH BAHAGIAN EKSPOT BARANG-BARANG UTAMA, KEMENTERIAN PERUSAHAAN UTAMA

(1) Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia (Malaysian Rubber Research and Development Board) (Termasuk: Malaysian Rubber Producers' Research Association (MRPRA); National Rubber Bureau (NRB)).

(2) Pusat Penyelidikan Getah Malaysia (Rubber Research Institute of Malaysia).

(3) Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia (Malaysian Rubber Exchange and Licensing Board).

(4) Pihak Berkuasa Kemajuan Perusahaan Pekebun-pekebun Kecil Getah (RISDA).

(5) Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia (Malaysian Rubber Development Corporation).

(6) Lembaga Perindastrian Kayu Malaysia (Malaysian Timber Industry Board).

(7) Lembaga Penyelidikan dan kemajuan Perusahaan Bijih Timah (Tin Industry, Research and Development Board).

(8) Lembaga Industri Nenas Malaya (Malayan Pineapple Industry Board).

(9) Syarikat Perusahaan Makanan Malaysia (Food Industries of Malaysian Sendirian Berhad (FIMA) (Termasuk: Pineapple Cannary of Malaya Sendirian Berhad (PCM); Malaysian Can Company Sendirian Berhad; Kotak Malaysia Melaka; Chashew Nut Industry Malaysia (CIMA)).

(10) Lembaga Tembakau Negara (National Tobacco Board).

(iii) *Penyelidikan, Taksiran Pasaran dan Perancangan*

(*a*) Pelaksanaan yang Tercapai dalam Tahun 1973

Bahagian Penyelidikan dan Perancang terus mengumpul, membanding dan memelihara statistik am ekonomi berkaitan dengan keluasan, pengeluaran eksepot, penggunaan, harga dan lain-lain mengenai getah, kayu kayan, bijih timah, minyak kelapa sawit, lada hitam, kelapa, nenas dan tembakau. Ianya juga mengumpul risek ekonomi (economic intelligence) mengenai arahaliran harga, arahaliran penawaran dan permintaan, faktor-faktor yang menyebabkan perubahan, ramalan-ramalan dan tanda-tanda jangka pendek dan jangka panjang.

Bahagian ini telah juga menolong dalam memerhatikan masaalah-masaalah tertentu umpamanya "bunkering", pengkontenaan dan pengangkutan getah, minyak kelapa sawit, pemasaran, dasar pengeluaran kayu-kayan, pengeluaran dan pemasaran nenas, kajian pembangunan dan rancangan serantau Kelantan, latihan dan pekerjaan belia-belia.

Bahagian ini telah dan sedang giat dalam pemeriksaan dan penilaian perkara-perkara dasar dan masaalah-masaalah Kementerian ini. Ianya juga berkecimpung di dalam perbincangan-perbincangan dan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa dan Pasukan-pasukan kerja serta di dalam perbincangan dengan ajensi-ajensi dan badan-badan antarabangsa. Bahagian ini juga membantu di dalam menyusun dan membangun perpustakaan Kementerian ini.

(*b*) Pelaksanaan yang Dijangka dalam Tahun 1974

Bahagian ini akan terus mengumpul, membanding serta memelihara dan menganalisa data dan maklumat ekonomi am dan juga menaksir dan memberi risek ekonomik. Ini termasuklah perkara-perkara seperti masaalah pengeluaran, penggunaan, pemasaran dan pengangkutan barang-barang utama. Ia juga akan menolong menubuh dan memelihara Bilik Gerakan Kementerian supaya menjadi satu yunit Kementerian yang berkesan.

Bahagian ini akan memainkan peranan aktif di dalam menguatkan dan membantu kerja-kerja seksi-seksi Barang-barang Utama.

Sebahagian daripada fungsi-fungsi Kementerian yang penting ialah untuk menjalankan pengkajian ekonomi jangka jauh dan yang meliputi masaalah-masaalah barang-barang tertentu supaya dapat menentukan (identify) dan mengemukakan cadangan-cadangan untuk perhatian dan tindakan. Akan tetapi bahagian ini tidak dapat menjalankan pengkajian-pengkajian yang dikehendaki itu dengan kekuatan tenaga yang ada padanya sekarang.

(*c*) Beban-kerja Diramalkan bagi Tahun 1975

Bahagian ini akan menjalankan kerja-kerja yang serupa dengan yang dijalankan dalam tahun 1974.

(iv) *Pentadbiran Rancangan Kerajaan Tanam Semula Getah*

(*a*) Tujuan

Tujuan Rancangan Kerajaan Tanam Semula Getah ialah untuk:

(1) Menggalakkan penanaman semula/penanaman baru getah dan lain-lain jenis tanaman yang diakui, di dalam kebun besar dan kebun kecil;

(2) Mengeluar dan membekalkan bahan-bahan benih kepada pekebun-pekebun kecil; dan

(3) Menggalakkan perkembangan aktiviti dan kemajuan pekebun-pekebun kecil melalui Persatuan Pekebun-pekebun Kecil.

(*b*) Rancangan

Ada 3 buah rancangan penanaman semula getah di bawah Rancangan Kerajaan Tanam Semula Getah. Ketiga-tiga rancangan ini berjalan selari dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975).

Rancangan-rancangan ini dibiayai oleh Kerajaan di bawah Seksyen 12 dan 13 Rubber Industry (Replanting) Fund Ordinance, 1952. Tanggungjawab ke atas projek-projek itu telah diambil alih oleh RISDA (Rubber Industry Smallholders Development Authority) mulai daripada 1hb Januari, 1973. Walaubagaimanapun proses ambilalih ini bukanlah sekali gus tetapi beransur-ansur, dan dijangka akan tamat pada hujung tahun 1975.

Tiga buah rancangan itu adalah seperti berikut:

(1) Rancangan Tanam Semula Getah No. 1.

(2) Rancangan Tanam Semula Getah No. 2.

(3) Rancangan Tanam Semula Getah No. 3.

Ketiga-tiga rancangan ini dianggarkan menelan belanja sebanyak $141,235,000 dalam waktu Rancangan Malaysia Kedua 1971-1975.

(1) *Rancangan Tanam Semula Getah No. 1*

Di bawah rancangan ini ada 6 buah projek iaitu:

(*a*) Government Rubber Replanting Scheme for Estates No. 1.

(*b*) Rubber Industry (Smallholders) New Planting Scheme, 1957 (B.N.P.).

(*c*) Rubber Industry (Smallhoders) Planting Material Scheme, 1956.

(*d*) Rubber Industry (Smallholders) (Improved Supply) Planting Material Scheme, 1959.

(*e*) Rubber Industry (Replanting) (Smallholders Association) Scheme.

(*f*) Rubber Industry Replanting (Smallholders) Scheme Fund "B" No. 1.

(2) *Rancangan Tanam Semula Getah No. 2*

Di bawah rancangan ini ada 2 projek iaitu:

(*a*) Government Rubber Replanting Scheme for Estates No. 2.

(*b*) Rubber Industry (Smallholders) Scheme No. 2 (Scheme No. 4 of Fund "B") and (No. 5 of Fund "B").

(3) *Rancangan Tanam Semula Getah No. 3*

Di bawah Rancangan ini ada 1 projek iaitu Rubber Industry (Smallholders) Scheme No. 2 (Scheme No. 5 of Fund "B" RISDA).

Pembangunan

(1) Beberapa projek di bawah Rancangan Tanam Semula Getah No. 1 telah tamat pada akhir tahun 1972 dan telah berjaya mencapai tujuan dan matlamatnya; bayaran sudah diselesaikan kepada tidak kurang daripada 5 buah rancangan yang besar. Walau bagaimanapun ada 2 buah rancangan yang masih lagi berhak mendapat bayaran bantuan dan dengan sebab itu adalah difikirkan wajar memanjangkan lagi tempoh pembayaran bantuan di bawah Rancangan Malaysia yang Kedua berkenaan dengan rancangan-rancangan yang belum selesai lagi itu. Dengan demikian satu peruntukan berjumlah $1,250,000 adalah dikehendaki untuk tahun 1975; ini akan dibahagikan di antara Rubber Industry (Replanting) Scheme for Estates ($250,000) dan Rubber Industry (Smallholders) New Planting Scheme, 1957 ($1,000,000).

(2) *Rancangan Tanam Semula Getah No. 2—$1,600,000*

Peruntukan berjumlah $1,600,000 dikehendaki untuk Rancangan ini. Ini ialah seperti berikut:

(*a*) Rubber Industry (Replanting) Scheme for Estates No. 2 1964—$200,450

Ini adalah untuk menyelesaikan bayaran bantuan kepada pekebun-pekebun besar yang mengambil bahagian tanam semula/tanam baru di bawah Rancangan ini. Bayaran ialah kebanyakannya berupa ansuran bantuan yang keempat dan yang kelima iaitu atas kadar $50 tiap 1 ekar satu ansuran.

(*b*) Rubber Industry (Replanting) (Smallholders) Scheme No. 2—$1,399,550

Ini ialah untuk bantuan kepada pekebun-pekebun kecil yang membuat tanam semula/tanam baru di bawah Rancangan RISDA. Bantuan ini berjumlah $300 tiap-tiap 1 ekar dibayar melalui RISDA.

(3) *Rancangan Tanam Semula Getah No. 3—$18,100,000*

Jumlah peruntukan bagi Rancangan ini di bawah Rancangan Malaysia Kedua adalah sebanyak $90,000,000 dicadangkan bagi faedah pekebun-pekebun kecil sahaja untuk bantuan kepada mana-mana rancangan yang dikelolakan oleh RISDA. Untuk masa ini bantuan daripada peruntukan ini ialah cuma untuk tanam semula/tanam baru yang di bawah kelolaan RISDA. Untuk tahun 1975 ini sebanyak $18,100,000 diminta iaitu baki dari peruntukan yang berjumlah $90,000,000 tadi.

Walau bagaimanapun sekiranya peruntukan sebanyak $18,100,000 ini didapati tidak mencukupi kelak maka peruntukan tambahan diharapkan dapat diluluskan daripada jumlah peruntukan asal iaitu $144,000,000 sebelum kajian penggal pertengahan Rancangan Malaysia Kedua yang mana ada berbaki sebanyak $72,099,750 selepas tahun 1974.

RISDA

Mengikut peraturan Rancangan Kerajaan Tanam Semula Getah kesemua rancangan/projek untuk faedah pekebun-pekebun kecil samada tanam baru, pembekalan benih atau bantuan kepada Persatuan Pekebun Kecil adalah ditadbirkan terus menerus oleh Pejabat Rancangan ini melainkan berkenaan dengan beberapa rancangan tanam semula/tanam baru yang dilaksanakan di bawah Kumpulan Wang "B". Rancangan-rancangan di bawah Kumpulan Wang "B" ini adalah ditadbirkan oleh Lembaga Kumpulan Wang "B" sendiri tetapi bantuan sebanyak $300 tiap-tiap 1 ekar adalah datangnya daripada Kerajaan yang bayarannya disalurkan melalui Kumpulan Wang "B" kepada pekebun-pekebun kecil yang berkenaan.

Seperti yang sedia maklum dari semenjak 1hb Januari, 1973 dengan ujudnya RISDA (Rubber Industry Smallholders Development Authority) satu perubahan besar telah berlaku. Perubahan ini ialah bahawa semua rancangan yang ada kaitannya dengan kebun besar dan kebun kecil yang dahulunya di bawah tadbiran Rancangan Kerajaan Tanam Semula Getah atau pun Kumpulan Wang "B" sudah dan akan diambil alih oleh RISDA. Setakat masa ini 2 buah rancangan pembekalan benih telah pun dipindahkan di bawah RISDA dan mungkin sedikit demi sedikit tetapi sebelum tamat tahun 1975 rancangan-rancangan yang lain itu pun akan diletakkan di bawah RISDA juga. Sungguhpun ada perubahan-perubahan ini tetapi daripada segi Pejabat ini tidaklah akan berkehendakkan tambahan peruntukan perbelanjaan daripada segi mengurus dan sebagainya. Oleh kerana kakitangan atau perkakas-perkakas yang dikehendaki untuk memperluaskan lagi aktiviti-aktiviti rancangan yang diambil alih oleh RISDA itu akan ditanggung oleh RISDA sendiri dan tidak berharapkan peruntukan yang berasingan daripada Kerajaan maka tidaklah dikehendaki tambahan peruntukan yang berlebihan. Ini ialah daripada segi perbelanjaan mengurus; tetapi berkenaan dengan peruntukan bantuan kepada pekebun-pekebun kecil ini adalah akan berjalan terus seperti biasa.

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	769,508	880,490	911,780
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	118,126	33,810	111,040
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..	17,836	22,561	21,810
	Jumlah Gaji ..	905,470	936,861	1,044,630
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	197,852	380,000	403,000
2200	Pengangkutan Barang-barang ..	2,713	3,000	3,050
2300	Kemudahan Perhubungan ..	39,197	41,700	42,000
	Bawa kehadapan ..	1,145,232	1,361,561	1,492,680

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
	Dari sabelah ..	1,145,232	1,361,561	1,492,680
2400	Api, Air dan Letrik dll.	3,346	4,000	6,000
2500	Sewa	17,795	22,640	20,500
2600	Perkhidmatan Pencetakan.. ..	6,045	6,650	7,100
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	41,695	30,350	32,100
2800	Perkhidmatan Pelbagai	34,777	26,010	28,010
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	28,183	15,410	3,900
3300	Pembinaan	4,720	—	—
4100	Pemberian, Subsidi dan Carum-carum	225,229	412,010	412,000
4500	Pencen dan Ganjaran	—	10	10
	Jumlah ..	1,507,022	1,878,641	2,002,300

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974	Bilangan	Anggaran Tahun 1975
		$		$		$
(i) Pentadbiran dan Kewangan	44	418,041	47	363,000	41	423,460
(ii) Ekspot Bahan-bahan Utama	32	284,078	32	324,400	38	381,790
(iii) Penyelidikan, Taksiran Pasaran dan Perancangan	12	90,908	13	116,790	11	106,020
(iv) Pentadbiran Rancangan Kerajaan Menanam Semula Getah	11	112,443	11	132,671	11	133,360
Jumlah ..	99	905,470	103	936,861	101	1,044,630

3. Anggaran Pembangunan

Pecahan-kepala		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1.	Rancangan-rancangan Tanam Semula Getah (di bawah RISDA):			
	(i) Rancangan No. 1	244,200	1,000,000	1,250,000
	(ii) Rancangan No. 2	7,001,595	2,600,000	1,600,000
	(iii) Rancangan No. 3	30,000,000	38,000,000	18,784,093
2.	Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad Malaysia Rubber Development Corporation Berhad			
	(i) Saham	3,050,000	7,000,000	—
	(ii) Pinjaman..	14,155,128	10,000,000	844,013
	Bawa kehadapan ..	54,450,923	58,600,000	22,478,106

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Dari sebelah ..	54,450,923	58,600,000	22,478,106
3. Kilang Nenas Tanah Melayu Berhad:			
(i) Saham	—	—	—
(ii) Pinjaman..	—	—	—
4. Rancangan Penanaman Semula Nenas	500,433	1,582,053	1,596,880
5. Syarikat Perusahaan Makanan Malaysia Sendirian Berhad:			
(i) Saham	2,410,000	4,178,050	1,411,950
(ii) Pinjaman..	2,900,000	—	—
6. Lembaga Tembakau Negara	—	243,304	300,000
11. Penanaman Semula Getah Sarawak ..	4,523,608	4,685,043	2,567,100
16. Penanaman Semula Getah Sabah ..	—	2,000,000	1,150,000
Jumlah ..	64,784,964	71,288,450	29,504,036

Kemajuan Kerja-kerja Pembinaan

(*a*) *Menanam Semula Getah*

Sekim Menanam Semula Getah No. 1

Rancangan Tanam Semula Getah No. 1 telah tamat pada akhir tahun 1972 dan rancangan ini telah berjaya mencapai tujuan dan matlamatnya: Bayaran sudah diselesaikan kepada tidak kurang daripada 5 buah rancangan yang besar. Walaubagaimanapun ada 2 buah rancangan yang masih lagi berhak mendapat bayaran bantuan, dan disebabkan ini adalah difikirkan wajar dipanjangkan lagi tempoh pembayaran bantuan tersebut di bawah Rancangan Malaysia Kedua. Kesemuanya berjumlah $1,250,000.

Sekim Menanam Semula Getah No. 2

Peruntukan yang dikehendaki bagi tahun 1975 berjumlah $1,600,000 adalah bagi rancangan-rancangan seperti berikut:

(i) Rubber Industry (Replanting) Scheme for Estate No. 2—1964

Ini adalah untuk menyelesaikan bayaran bantuan kepada pekebun-pekebun besar yang mengambil bahagian tanam semula/tanaman baru, di bawah Rancangan ini. Bayaran ialah kebanyakan berupa ansuran ke empat dan ke lima.

(ii) Rubber Industry (Replanting) (Smallholders) Scheme No. 2

Ini ialah untuk bantuan kepada pekebun-pekebun kecil yang membuat tanaman semula/tanaman baru di bawah Rancangan RISDA.

Sekim Menanam Semula Getah No. 3

Peruntukan yang diperlukan dalam tahun 1975 bagi rancangan ini ialah $18,784,093 bagi faedah pekebun-pekebun kecil sebagai bantuan kepada mana-mana rancangan yang dikelolakan oleh RISDA, iaitu rancangan tanaman semula dan tanaman baru.

(*b*) *Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad* (*MRDC*)

Jumlah wang yang diminta oleh Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad sebanyak $844,013 untuk tahun 1975 adalah bagi menyiapkan pembinaan empat buah kilang getah crumb dan bangunan ibu pejabat yang telah dimulakan dalam

tahun 1974. Tiga buah kilang getah crumb termasuk kilang getah usaha bersama akan dibina dalam tahun 1975. Ini adalah bertujuan bagi membantu pekebun-pekebun kecil getah dalam memproses dan memasarkan getah mereka. Dengan cara ini sekurang-kurangnya akan dapat meninggikan pendapatan penduduk-penduduk di luar bandar.

(c) *Rancangan Penanaman Nenas*

Permohonan wang peruntukan $1,596,880 bagi tahun 1975 untuk rancangan Penanaman Nenas adalah bertujuan untuk meneruskan usaha-usaha rancangan penanaman semula nenas yang dijalankan oleh pihak Lembaga Perusahaan Nenas pada masa ini.

(d) *Syarikat Perusahaan Makanan Malaysia Sdn. Bhd (FIMA)*

Syarikat ini telah ditubuhkan sebagai sebuah syarikat induk di bawah Akta 1965. Peranannya ialah bagi memesatkan dasar Ekonomi Baru secara berkesan, meneruskan perusahaan-perusahaan yang berasaskan pertanian terutama di luar bandar. Permohonan wang bagi tahun 1975 adalah bagi meneruskan projek-projek yang telahpun dijalankan oleh FIMA seperti berikut:

(i) Cashew Industry of Malaysia (Trengganu dan Pahang—Estate and Processing Plant);

(ii) Fruit Estate, Johor;

(iii) Poultry farm, Rawang; dan

Projek-projek yang telahpun diluluskan untuk dilaksanakan, iaitu—

(iv) Pineapple West, Johor; dan

(v) Fruit Estate, Kedah.

Peruntukan yang diperlukan dalam tahun 1975 adalah $1,411,950.

(e) *Lembaga Tembakau Negara*

Matlamat Lembaga Tembakau Negara ialah menentukan perkembangan perusahaan tembakau, memperbaiki keadaan ekonomi dan penghidupan rakyat yang terlibat dalam perusahaan tembakau. Bagi mencapai matlamat ini maka pihak Lembaga Tembakau Negara berkehendakkan peruntukan wang sebanyak $300,000 dalam tahun 1975. Tugas-tugas Lembaga Tembakau Negara antara lain adalah seperti berikut:

(i) Mengawal pengeluaran dan pasaran daun tembakau.

(ii) Mengadakan dan menguatkuasakan peraturan-peraturan seperti—

A. Melesen pengawit;

B. Melesen pengilang rokok;

C. Mendaftar penama-penama tembakau;

D. Mengadakan dan menguatkuasakan sistem mengred dan harga daun tembakau hijau dan kering; dan

E. Menentukan peruntukan Quota yang patut dihantarkan kepada pengawit-pengawit tembakau.

(f) *Penanaman Semula Getah Sarawak*

Anggaran peruntukan bagi tahun 1975 berjumlah $2,567,100 adalah untuk memberikan bantuan berbentuk wang tunai dan mata benda kepada mereka-mereka yang menyertai rancangan penanaman getah ini. Kemudahan-kemudahan dengan bantuan-bantuan yang diberikan ini akan membolehkan mereka itu menjalankan Penanaman Getah dengan lebih sempurna lagi.

(g) *Penanaman Getah Sabah*

Peruntukan sebanyak $1,150,000 yang diminta oleh Lembaga Tabung Getah Sabah bagi tahun 1975 adalah bagi meneruskan rancangan Tanaman Getah Sabah di dalam tahun 1975.

4. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Belanja Mengurus	1,507,022	1,878,641	2,002,300
Belanja Pembangunan	64,784,964	71,288,450	29,504,036
Jumlah Besar ..	66,291,986	73,167,091	31,506,336

NOTA:

Jabatan-jabatan Perhutanan, Galian dan Penyiasatan Kajibumi dahulunya di bawah Kementerian ini sekarang ditunjukkan di bawah B. 66—Kementerian Tanah, Galian dan Hutan.

Kepala Bekalan 20	**$26,680,050**
Kepala Pembangunan 20 ...	**7,930,097**
Jumlah ...	**$34,610,147**

	Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975 ...	**$26,680,050**	**$ 7,930,097**	**$34,610,147**
Peruntukan 1974 ...	**22,645,725**	**28,960,020**	**51,605,745**
Perubahan ...	**+ $ 4,034,325**	**— $21,029,923**	**— $16,995,598**

1. Tujuan-tujuan

Objektif utama yang bakal dititik beratkan oleh Kementerian ini pada keseluruhannya adalah mempastikan pencapaian matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru bagi perkembangan Perdagangan dan Perindustrian. Di samping itu, Kementerian ini juga tidak lupa akan tanggungjawabnya untuk menambahkan kegiatan penanaman modal luar dan menggalakkan bertambahnya penyertaan swasta di dalam perdagangan dan perindustrian untuk kekayaan negara, keseimbangan pendapatan dan kesetabilan ekonomi dengan mempercepatkan kemajuan dan perkembangan perdagangan dan perindustrian. Bagi mencapai objektif-objektif dan matlamat-matlamat tersebut, kegiatan-kegiatan dan aktiviti-aktiviti di Kementerian ini telah dibentuk sebegitu rupa dengan diamanahkan kepada ajensi-ajensi seperti di bawah:

(i) Pentadbiran dan Kewangan;

(ii) Urusetia Majlis Penasihat Perlindung Pengguna Kebangsaan;

(iii) Bahagian Penguatkuasa;

(iv) Kemajuan dan Galakan Perdagangan—

(*a*) Perdagangan Dalam Negeri;

(*b*) Perdagangan Antarabangsa;

(v) Bahagian Penyelidikan, Perancang dan Penyelarasan;

(vi) Kemajuan Perindustrian;

(vii) Pendaftaran Cap Dagangan dan Jamin Hak;

(viii) Pendaftaran Syarikat-syarikat;

(ix) Pendaftaran Perniagaan;

(x) Pusat Daya Pengeluaran Negara;

(xi) Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan; dan

(xii) Perbadanan Kemajuan Pelancungan.

Satu Urusetia telah ditubuhkan membantu Majlis Penasihat Perlindung Pengguna Kebangsaan untuk menasihat Y.B. Menteri mengambil langkah-langkah umum yang boleh melindungi kepentingan pengguna-pengguna.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran Am dan Kewangan ..	893,805	711,672	793,890
(ii) Urusetia Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan	—	—	114,580
(iii) Bahagian Penguatkuasa	500,828	976,168	1,102,812
(iv) Kemajuan dan Penggalakan Perdagangan—			
(*a*) Bahagian Perdagangan Dalam Negeri	756,262	1,026,780	1,274,525
(*b*) Perdagangan Antarabangsa ..	4,774,214	6,022,764	6,977,010
(v) Bahagian Penyelidikan, Perancangan dan Penyelarasan	118,000	136,237	238,305
(vi) Kemajuan Perindustrian	293,242	551,466	508,800
(vii) Pendaftaran Cap Dagangan dan Jamin Hak	142,000	323,700	326,500
(viii) Pendaftaran Syarikat	489,770	731,040	766,000
(ix) Pendaftaran Perniagaan	365,102	1,196,898	1,119,300
(x) Pusat Daya Pengeluaran Negara ..	1,044,777	1,163,000	1,023,000
(xi) Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan	4,241,130	5,463,000	6,232,900
(xii) Perbadanan Kemajuan Pelancungan	3,230,735	4,343,000	6,202,428
Jumlah ..	16,849,865	22,645,725	26,680,050

Prestasi

(i) *Pentadbiran Am dan Kewangan*

Dalam tahun 1974 Bahagian ini telah memperkemaskan kerja-kerja untuk menghadapi berbagai beban tanggung jawab berikutan dengan pertambahan kakitangan keseluruhan Kementerian. Beban tugas mengenai kerja-kerja Kewangan dan Perkhidmatan akan terus bertambah menjelang tahun 1975 dengan tertubuhnya Bahagian Urusetia Majlis Penasihat Perlindung Pengguna Kebangsaan.

(iii) *Bahagian Penguatkuasa*

Peranan utama Bahagian ini ialah untuk mengawasi harga barang-barang, khasnya barang-barang keperluan harian dan membentuk suasana perdagangan yang cerah dan bersih. Kerja-kerja pengawasan tersebut adalah dilancarkan berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan undang-undang berikut:

(*a*) Menguatkuasakan undang-undang Akta Kawalan Harga, 1946, Akta Kawalan Bekalan, 1961, Akta Perihal Dagangan, 1972 dan undang-undang Timbang dan Sukat Negeri. Tugas-tugas ini meliputi penyiasatan, rampasan dan pendakwaan di mahkamah.

(*b*) Menyiasat aduan orangramai tentang kenaikan harga dan kekurangan barang-barang keperluan dan membuat peraturan tertentu bagi mengatasi masaalah tersebut.

(*c*) Bertanggungjawab dalam mengumpul, menyimpan dan membahagikan barang-barang keperluan dalam masa-masa kecemasan.

(*d*) Menyiasat harga barang-barang di kedai dan menyediakan senarai harga barang-barang bagi seluruh negara tiap-tiap minggu.

Dengan Pelancaran Kempen Anti-Sorok pada 1hb Mac, 1974 yang lalu, Bahagian ini telah diberikan sepenuh tanggungjawab untuk menerima dan memproses maklumat-maklumat, menyiasat dan membuat rampasan-rampasan, mendakwa kes-kes di Mahkamah, mengaturkan pemberian hadiah-hadiah kepada pemberi-pemberi maklumat, menjaga barang-barang rampasan dan melelong barang-barang tersebut. Sejak 1hb Mac hingga 26hb Mac, 1974 Bahagian ini telah berjaya membuat 27 rampasan barang-barang yang disorok yang bernilai kira-kira $3 juta. Aduan-aduan yang diterima daripada orangramai ialah lebih daripada 5,000 dari seluruh negara.

Di dalam masa yang sama Bahagian Penguatkuasa Kementerian ini bertanggung-jawab menjamin bekalan yang cukup bagi 12 jenis barang-barang keperluan yang baru-baru ini dibentuk oleh suatu Jawatankuasa Kabinet mengenai barang-barang keperluan dan di samping mengeluarkan lesen-lesen barang-barang kawalan tersebut yang telah dikuatkuasakan mulai 22hb Mac, 1974 yang lalu.

(iv) *Kemajuan dan Penggalakan Perdagangan*

(*a*) Perdagangan Dalam Negeri

Selain daripada bekerjasama dan membantu Bahagian Penguatkuasa dalam mengawasi pergerakan harga terutamanya bagi barang-barang pengguna, Bahagian Perdagangan Dalam Negeri Kementerian ini adalah bertanggungjawab mengawal ekspot-impot dan mentadbirkan berbagai undang-undang berhubung dengan perdagangan di bawah jagaan Kementerian ini. Kajian-kajian dibuat oleh Bahagian ini mengenai perkembangan dan pengaliran harga barang-barang keperluan dan barang-barang kawalan dan membantu Jawatankuasa Kajian semula Harga dalam pengkajian harga-harga tersebut. Di samping itu pengawasan juga dibuat bagi mengikuti pembahagian bekalan barang-barang tersebut serta mengawasi kedudukan bekalan dalam negeri. Lain-lain tugas termasuklah mengkaji permohonan kenaikan harga barang-barang yang disyaratkan mendapat kelulusan Kementerian Bahagian ini juga menjalankan tugas penukaran Sistem Timbang dan Sukat yang ada sekarang ke Sistem Metrik yang diumumkan oleh Urusetia Metrik mengikut Akta Timbang dan Sukat, 1972.

(*b*) Perdagangan Antarabangsa

Peranan Bahagian Perdagangan Antarabangsa yang utama ialah memajukan ekspot barang-barang dan mengeratkan perhubungan perdagangan dengan negara-negara luar. Seksyen Galakan Ekspot dan Pejabat-pejabat Pesuruhjaya Perdagangan di luar negeri memainkan peranan penting untuk memperhebatkan ekspot Malaysia di seberang laut. Antara aktiviti-aktivitinya bagi mempermajukan ekspot ialah; menyertai di pameran perdagangan antarabangsa, menghantar rombongan perdagangan ke luar negeri, memberi khidmat kepada pengekspot Malaysia dengan memberi keterangan mengenai pasaran di luar negeri dan menjalinkan perhubungan di antara pengekspot tempatan dan pengimpot seberang laut. Bahagian ini juga berusaha merapatkan perhubungan perdagangan di antara Malaysia dan negara luar melalui Perjanjian-perjanjian Perdagangan. Pejabat-pejabat Perdagangan memberi bantuan kepada pengekspot-pengekspot tempatan yang membuat lawatan ke luar negeri serta juga kepada pengimpot-pengimpot yang melawat negara ini.

Beberapa rombongan perdagangan telah diatur dalam tahun 1974 dan di antara-nya ialah:

(i) Rombongan perdagangan ke Australia, New Zealand dan Pulau-pulau Pasifik;

(ii) Rombongan menjual serta membeli ke U.S.S.R. dan Negara-negara Eropah Timur; dan

(iii) Satu Rombongan Perdagangan am ke Timor Tengah.

Untuk melicinkan Perdagangan Antarabangsa satu Yunit Perkapalan adalah menjalankan usaha untuk memperbaiki kemudahan Pengangkutan Perkapalan melalui Majlis Perkapalan Kebangsaan serta menjalankan kajian terhadap tambang.

(v) *Bahagian Penyelidikan, Perancangan dan Penyelarasan*

Dengan perkembangan kegiatan-kegiatan Bahagian-bahagian di Kementerian ini, tugas-tugas Penyelidikan, Perancangan dan Penyelarasan kian bertambah penting dan komplek. Usaha-usaha adalah ditumpukan kepada perkara-perkara yang diberikan keutamaan oleh Kementerian.

Bahagian ini di dalam masa yang sama telah mengambil bahagian yang aktif di dalam kerja-kerja penyelarasan dengan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri (SEDC) dan lain-lain badan bagi menentukan keadaan projek perdagangan yang teratur dan untuk mencapai keharmonian bagi matlamat-matlamat tersebut. Bahagian ini juga adalah bertanggungjawab untuk menjamin kesedaran umum oleh tiap-tiap Bahagian di Kementerian ini dalam menjalankan sesuatu polisi dan matlamat-matlamat yang telah dirancangkan.

(vi) *Kemajuan Perindustrian*

Menurut kadar perkembangan perindustrian ketika ini terutama sekali dengan bertambah giatnya daya-usaha Kerajaan untuk menarik pelabur-pelabur asing, maka adalah dijangka dalam tahun 1974 jumlah projek-projek perusahaan yang akan didirikan akan bertambah. Jumlah penubuhan projek-projek perusahaan yang diramalkan adalah lebih tinggi daripada penubuhan dalam tahun 1973, oleh kerana beberapa kemajuan telah dibuat dalam bidang infrastruktur perindustrian serta galakan-galakan yang diberi untuk menarik perusahaan ke kawasan-kawasan yang mundur. Galakan ini termasuklah "locational incentives". Dengan adanya penubuhan projek-projek perusahaan di kawasan-kawasan mundur, maka masaalah pengangguran di kawasan-kawasan ini akan berkurangan.

Semua projek-projek perusahaan dikehendaki mencerminkan penyertaan rakyat Malaysia di dalam semua bidang dan peringkat perindustrian iaitu gunatenaga, penyertaan modal, penyertaan di dalam Lembaga Pengarah dan penyertaan di dalam pengedaran barang-barang keluaran dan sebagainya. Penguatkuasa syarat-syarat ini adalah dilaksanakan oleh Bahagian Perindustrian. Selain daripada itu Bahagian ini ditugaskan untuk menentukan supaya semua projek-projek perusahaan tempatan menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan pengangkutan, perkapalan, penggunaan bahan-bahan buatan tempatan dan perkhidmatan yang berkaitan.

(vii) *Pendaftaran Cap Dagangan dan Jamin Hak*

Pejabat Pendaftaran Cap Dagangan dan Jamin Hak masih di dalam penyusunan semula dengan tujuan hendak melancarkan suatu sistem pendaftaran pusat seluruh Malaysia dalam tahun 1975. Di bawah rancangan penyusunan semula ini Jawatan-kuasa Penyusunan Semula Sistem Pendaftaran Cap Dagangan telah selesai menderaf Bil Cap Dagangan baru yang akan memberi kuatkuasa kepada satu sistem pendaftaran pusat yang beribu pejabat di Kuala Lumpur. Pejabat-pejabat Cawangan Cap Dagangan dicadang untuk dibuka di Kota Kinabalu, Kuching, Pulau Pinang dan Johor Bahru.

Tanggungjawab Bahagian ini pada keseluruhannya ialah memeriksa dan meneliti cap-cap permohonan dagang yang baru dengan cap-cap dagangan yang telah didaftar, dan juga menentukan samada cap dagangan itu memenuhi syarat-syarat dan sifat-sifat yang terkandung dalam Ordinan Cap Dagangan itu. Beban-kerja daripada 1971 hingga Ogos, 1974 adalah seperti berikut:

BEBAN-KERJA

	1971	1972	1973	Anggaran 1974
(*a*) Bilangan Permohonan diterima . .	3,376	3,699	3,820	3,935
(*b*) Bilangan Cap Dagangan yang didaftar	1,455	2,922	2,188	1,560

(viii) *Pendaftaran Syarikat*

Tugas utama Pejabat Pendaftar Syarikat ialah pelaksanaan dan pentadbiran Akta Syarikat, 1965; Peraturan-peraturan Syarikat, 1966 (Trust Companies Act) dan Akta Perusahaan Securities, 1973. Lain-lain tugas pejabat Pendaftar Syarikat ini ialah seperti berikut:

(*a*) Memberitahu orangramai, samada nama syarikat yang dicadangkan itu boleh didaftarkan;

(*b*) Menyemak dan mendaftar dokumen-dokumen yang dihantar oleh syarikat supaya bersesuaian dengan kehendak Akta-akta dan peraturan-peraturan;

(*c*) Mengadakan perkhidmatan pemeriksaan dengan dikenakan bayaran;

(*d*) Memberi maklumat berkenaan Syarikat dan bayaran dikenakan; dan

(*e*) Mengambil tindakan undang-undang terhadap Syarikat-syarikat yang meng. ingkar Akta Syarikat, 1965 dan lain Akta yang berkaitan.

BEBAN-KERJA

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(1) Bilangan Syarikat pada awal tahun ..	13,511	16,873	17,504
(2) Bilangan Syarikat ditubuh pada tahun	3,467	4,000	5,000
(3) Bilangan Syarikat pada akhir tahun..	16,873	17,504	22,264
(4) Bilangan Syarikat yang dibubarkan dalam tahun	101	190	240
(5) Bilangan Syarikat pada 31-3-1974 ..	17,793	—	—
(6) Hasil yang diterima	9,792,742	10,000,000	11,000,000
(7) Bilangan Pejabat cawangan	5	5	6
(8) Hasil yang diterima pada 31-3-1974 (Sebenar)	2,323,088	—	—

(ix) *Pendaftaran Perniagaan*

Satu cawangan akan dibuka dalam tahun 1975 di Johor Bahru. Dengan yang demikian kerja-kerja Pendaftar dan kutipan hasil bagi Negeri Johor dan Melaka akan dapat dijalankan dengan licin. Dalam tahun 1973, jumlah perniagaan yang telah didaftarkan ialah sebanyak 26,920. Oleh yang demikian adalah dianggarkan pada penghujung tahun 1974 ini angka itu akan meningkat kepada 28,000. Jumlah Pembaharuan Sijil Perakuan Pendaftaran yang dilakukan dalam tahun 1973 ialah 106,247 dan dalam tahun 1974 angka ini adalah dianggarkan sebanyak 120,000, dan pada tahun 1975 angka ini dianggarkan sebanyak 130,000. Tindakan mahkamah (undang-undang) yang telah diambil dalam tahun 1973 ialah 390 dan anggaran bagi 1974 ialah sebanyak 500 dan pada tahun 1975 dijangka sebanyak 500.

Kutipan hasil bagi tahun 1973 ialah $4,292,211 dan ini termasuklah bayaran denda kompaun. Bagi tahun 1974—kutipan adalah dianggarkan sebanyak $4,400,000 dan pada tahun 1975 kutipan dijangka sebanyak $4,600,000.

Berdasarkan daripada Kemajuan-kemajuan yang dicapai dalam tahun 1973 dan 1974 yang tersebut di atas ini, maka adalah dijangka kerja-kerja akan bertambah dalam tahun 1975.

CATITAN:

Pelaksanaan bagi (x) Pusat Daya Pengeluaran Negara, (xi) Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan dan (xii) Perbadanan Kemajuan Pelancungan terkandung dalam Anggaran Belanjawan masing-masing di muka-muka surat yang berikut.

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973 $	Peruntukan Tahun 1974 $	Anggaran Tahun 1975 $
1100	Gaji dan Upahan	3,630,892	5,345,586	5,852,232
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	1,180,473	1,302,227	1,562,603
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..	121,628	197,678	200,085
	Jumlah Gaji ..	4,932,993	6,845,491	7,614,920
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	800,438	897,800	938,500
2200	Pengangkutan Barang-barang ..	192,452	183,000	187,500
2300	Kemudahan Perhubungan ..	264,902	305,328	328,500
2400	Api, Air dan Letrik dll.	54,245	144,485	153,460
2500	Sewa	1,375,641	2,162,447	2,806,498
2600	Perkhidmatan Pencetakan.. ..	38,575	179,700	217,000
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	198,410	184,610	226,000
2800	Perkhidmatan Pelbagai	224,688	323,560	357,000
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	198,564	212,204	141,734
3300	Pembinaan	101,470	67,000	30,000
4100	Pemberian, Subsidi dan Carum-carum	8,394,713	11,135,100	13,678,428
5500	Pelbagai	72,774	5,000	510
	Jumlah ..	16,849,865	22,645,725	26,680,050

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974 $	Bilangan	Anggaran Tahun 1975 $
(i) Pentadbiran Am dan Kewangan	53	418,813	61	403,700	61	408,500
(ii) Bahagian Urusetia Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan ..	—	—	5	—	5	48,580
(iii) Bahagian Penguatkuasa..	100	373,501	168	433,118	168	700,000
(iv) Kemajuan dan Penggalakan Perdagangan—						
(*a*) Perdagangan Dalam Negeri	95	517,907	123	852,480	123	877,725
(*b*) Perdagangan Antarabangsa	218	2,587,568	286	3,333,950	286	3,600,000
(v) Bahagian Penyelidikan, Perancangan dan Penyelerasan	15	118,000	24	131,237	24	161,115
(vi) Kemajuan Perindustrian..	38	227,010	50	416,725	50	434,000
(vii) Pendaftaran Cap Dagangan dan Jamin Hak ..	32	127,200	42	182,200	42	195,000
(viii) Pendaftaran Syarikat ..	95	331,693	98	524,986	98	560,000
(ix) Pendaftaran Perniagaan..	85	231,301	190	567,095	190	630,000
Jumlah ..	731	4,932,993	1,047	6,845,491	1,047	7,614,920

3. Anggaran Pembangunan

Pecahan-kepala		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
3.	Kawasan-kawasan Perusahaan ..	120,255	—	—
4.	Pusat Daya Pengeluaran Negara ..	49,610	650,000	1,300,000
5.	Perbadanan Kemajuan Pelancungan	752,714	310,000	5,030,087
8.	Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan	—	10	10
12.	Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia Berhad	—	—	—
13.	Syarikat Malaysia Explosives Sendirian Berhad	2,260,000	1,500,000	900,000
15.	Syarikat Batek dan Perusahaan Tangan Malaysia Berhad	475,000	—	—
23.	Mengubah dan Menghias semula Kawasan Pameran Malaysia di Institute Komenwel, London.. ..	193,006	10	—
24.	Limbongan Kapal dan Kejuruteraan Malaysia Sdn Bhd	—	—	—
25.	Membaharu Malaysia House, London	—	1,000,000	700,000
26.	Bangunan-bangunan di Luar Negeri	—	92,000	—
	Jumlah ..	3,850,585	3,552,020	7,930,097

NOTA: Pecahan-kepala 12 dan 24 dipindahkan ke Kepala P. 56—Kementerian Perhubungan.

4. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Belanja Mengurus	16,849,865	22,645,725	26,680,050
Belanja Pembangunan	25,039,478*	28,960,020†	7,930,097
JUMLAH BESAR ..	41,889,343	51,605,745	34,610,147

* Termasuk belanja sebenar untuk pecahan-kepala 12 dan 24 yang telah dipindahkan ke Kepala P. 56—Kementerian Perhubungan.

† Termasuk peruntukan tahun 1974 untuk pecahan-kepala 12 dan 24.

PUSAT DAYA PENGELUARAN NEGARA

Kepala Bekalan 20 ... ... [Pecahan-kepala 4100 (10)]	**$1,023,000**
Kepala Pembangunan 20 ... (Pecahan-kepala 4)	**1,300,000**
Jumlah ...	**$2,323,000**

	Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975 ...	**$1,283,000**	**$1,300,000**	**$2,583,000**
Peruntukan 1974 ...	**1,163,000**	**650,000**	**1,813,000**
Perubahan ...	**+ $ 120,000**	**+ $ 650,000**	**+ $ 770,000**

1. Tujuan-tujuan

Tujuan utama Pusat Daya Pengeluaran Negara ialah memaju dan membaiki kemahiran pengurusan dan penyeliaan khasnya kepada gulungan swasta dan Kerajaan di dalam negeri ini dan amnya untuk memberi latihan daya pengeluaran dan perkhidmatan perunding dan penasihat kepada badan-badan yang mempunyai keinginan terhadap usaha ini.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran dan Kewangan ..	235,911	259,264	284,098
(ii) Latihan Daya Pengeluaran dan Khidmat Perunding	608,866	903,736	998,902
Jumlah ..	844,777	1,163,000	1,283,000

Prestasi

(i) *Pentadbiran dan Kewangan*

Aktiviti Pentadbiran dan Kewangan bertanggungjawab bagi pengurusan dan pengawalan kakitangan, kewangan dan perkara surat menyurat. Pengurusan kakitangan termasuklah menyimpan rekod-rekod perseorangan dan penyata-penyata yang berkaitan dengan perkhidmatan pegawai-pegawai dan kakitangan seramai 97 orang dalam tahun 1974 dan 101 orang dalam tahun 1975. Di bahagian pengurusan kewangan, Pusat ini melaksanakan acara-acara dan sistem perakaunan di bawah takluk perbekalan Akta Acara Kewangan dan lain-lain arahan berkaitan yang dikeluarkan dari masa ke semasa oleh Majlis Daya Pengeluaran Negara dan dipersetujui oleh Perbendaharaan.

Kerja-kerja yang dijalankan di bawah aktiviti ini adalah berupa menolong aktiviti Latihan Daya Pengeluaran dan Khidmat Perunding. Adalah dianggarkan sebanyak 3,300 fail kursus dan seminar akan disediakan untuk peserta-peserta kursus dan 80,000 surat-surat pengumuman kursus, brochures dan pemberita akan juga diedarkan di dalam tahun 1975.

(ii) *Latihan Daya Pengeluaran dan Khidmat Perunding*

Majikan di kalangan swasta, Badan-badan Berkanun dan Kerajaan kian menyedari perlunya latihan kemahiran untuk pekerja-pekerjanya. Ini ternyata di dalam tahun 1973 apabila Pusat ini menyelenggarakan sebanyak 152 kursus dan seminar untuk 2,784 orang peserta berbanding dengan 133 kursus dan seminar yang dihadiri oleh 2,472 orang peserta di dalam tahun 1972.

Tahun 1974 membayangkan satu penambahan besar di dalam bilangan peserta-peserta kursus dan seminar. Sehingga akhir bulan Ogos, sebanyak 145 kursus dan seminar untuk 2,536 orang peserta telah dijalankan. Adalah dijangka bilangan peserta-peserta kursus dan seminar akan meningkat ke angka 3,100 orang.

Di bawah ini ialah satu jadual menunjukkan keramaian peserta-peserta yang telah mengikuti kursus-kursus dan seminar di Pusat ini sejak tahun 1966 sehingga tahun 1974.

Tahun ..	1966	1967	1968	1969	1970	1971	1972	1973	1974 Anggaran
Bilangan..	291	568	1,250	1,398	1,764	1,939	2,472	2,784	3,100

Dan di bawah ini ditunjukkan juga Jadual bilangan kursus-kursus dan seminar yang telah dijalankan sejak tahun 1966 sehingga tahun 1974.

Tahun ..	1966	1967	1968	1969	1970	1971	1972	1973	1974 Anggaran
Bilangan..	25	46	67	91	114	114	133	152	190

Di samping menjalankan kursus-kursus dan seminar di Petaling Jaya dan Kuala Lumpur, Pusat ini telah juga menjalankan kursus-kursus dan seminar di semua ibu negeri di dalam Malaysia.

Beberapa jenis kursus-kursus dan seminar baharu berjalan di dalam tahun 1974 dan demikian juga beberapa kursus dan seminar baharu akan diadakan di dalam tahun 1975.

Dalam tahun 1974, Aktiviti Latihan Daya Pengeluaran telah menjalankan beberapa kursus khas yang berupa kursus orientasi kepada pegawai-pegawai baharu bagi beberapa buah Badan Berkanun dan Perbadanan Awam seperti UDA dan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor. Pusat ini juga telah menjalankan kursus pengurusan khas untuk badan-badan swasta awam iaitu seperti MARA, Bank Bumiputra, Syarikat Jengka, Syarikat Ibam, Jabatan Syarikat Kerjsama dan beberapa organisasi swasta.

Sehingga bulan Ogos, 1974 sejumlah 42 kursus dan seminar telah dijalankan khas untuk organisasi Bumiputra dan juga orang perseorangan. Ini menggambarkan satu penambahan sebanyak 100 peratus berbandingkan dengan kejayaan di waktu yang sama dalam tahun 1973.

Bahagian Khidmat Perunding bercadang hendak menjalankan 8 projek Bumiputra dengan harga token sebanyak $50 pada satu projek dan 10 projek lain dengan kadar harga $3,000 pada satu projek. Adalah dijangka bahagian Khidmat Perunding ini akan dapat mengumpul pendapatannya sebanyak $30,400 dalam tahun 1975.

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	638,113	910,000	970,000
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	42,143	40,000	42,000
2300	Kemudahan Perhubungan ..	14,264	30,000	30,000
2400	Api, Air, Letrik dll.	18,421	25,000	30,000
2500	Sewa	3,240	8,000	8,000
2600	Perkhidmatan Percetakan ..	11,909	11,000	35,000
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	51,900	48,000	52,000
2800	Perkhidmatan Pelbagai	53,379	63,000	80,000
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	7,424	20,000	3,000
3300	Pembinaan	690	3,000	4,000
4200	Tuntutan Insuran dan Pampasan..	3,294	5,000	6,000
5500	Pelbagai	—	—	23,000
	Jumlah ..	844,777	1,163,000	1,283,000

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974	Bilangan	Anggaran Tahun 1975
		$		$		$
(i) Pentadbiran dan Kewangan	40	184,230	41	196,014	41	205,848
(ii) Latihan Daya Pengeluaran dan Khidmat Perunding ..	48	453,883	56	713,986	60	764,152
Jumlah ..	88	638,113	97	910,000	101	970,000

3. Anggaran Pembangunan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Hawa Dingin Dewan	47,653	—	—
(ii) 13 Bilik Tambahan	—	150,000	150,000
(iii) Sekolah Latihan Hotel-Restoran ..	2,000	500,000	1,150,000
Jumlah ..	49,653	650,000	1,300,000

Projek Hawa Dingin Dewan ini ialah projek tahun 1972 yang mana J.K.R. tidak dapat menyudahkan di dalam tahun yang sama kerana kelewatan tiba bekalan mesin-mesin pada waktu yang dijadualkan. Projek ini telah siap di dalam bulan Julai, 1973.

Mengenai projek 13 Bilik Tambahan, kerja binaan kadar 5 peratus pembinaan telah dimulakan di dalam bulan Julai, 1974. Pusat ini telah diberitahu, bahawa kontrekter bangunan menghadapi kerumitan mendapatkan bekalan batang-batang besi bagi projek ini, dan Pusat ini telah berusaha meminta jasa baik Kementerian Perdagangan dan Perindastrian menolong mendapatkan bekalan-bekalan yang dikehendaki itu. Adalah dijangkakan hanya sebanyak 20 peratus pembinaan akan siap di akhir tahun 1974 ini.

Peruntukan sebanyak $150,000 telah diberi kepada Pengarah J.K.R., Selangor iaitu berupa peruntukan permulaan dari harga tawaran binaannya sebanyak $243,000 yang telah diluluskan oleh Lembaga Tawaran Persekutuan. Anggaran kos permulaan projek ini ialah sebanyak $180,600.

Memandangkan dari kerja binaan yang telah tergendala itu, maka Pusat ini memerlukan satu Peruntukan membawa ke hadapan (carry forward allocation) sebanyak $150,000 di dalam tahun 1975.

Kerja-kerja persediaan Projek Sekolah Latihan Hotel-Restoran telah dimulakan dengan penyediaan tapak di akhir tahun 1973. Satu Waran Peruntukan sebanyak $2,000 telah dikeluarkan kepada J.K.R. untuk kerja-kerja itu. Di awal tahun 1974, satu lagi Waran Peruntukan sebanyak $2,000 telah dikeluarkan kepada J.K.R. untuk kerja topographical survey.

Pusat ini bersama-sama dengan pihak J.K.R. berusaha di dalam rekaan bentuk bangunan dan kelengkapan-kelengkapannya iaitu dengan menghantar pegawai-pegawai membuat cara lawatan sambil belajar ke beberapa Hotel terkemuka tempatan, Singapura dan Indonesia, untuk mendapatkan gambaran-gambaran mengenai perjalanan sesebuah Sekolah Latihan Hotel-Restoran, kemudahan yang diperlukan pada sesebuah hotel dan Sukatan Pelajaran kehotelan untuk disesuaikan dengan projek Sekolah Latihan Hotel-Restoran Pusat ini.

Anggaran kos projek pada permulaan tahun rancangan ialah sebanyak $280,258, tetapi di dalam tahun 1973, projek ini disemak semula dan diluluskan oleh JPPN. dengan anggaran kos sebanyak $2,120,000. Di dalam Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua, 1971-1975 bulan November, 1973, anggaran kos projek ini telah dipinda dan diluluskan menjadi $4,611,258. Berdasarkan kepada kemajuan-kemajuan yang tercapai setakat ini maka ternyata, projek ini terpaksa dibawa masuk ke dalam tahun permulaan Rancangan Malaysia Ketiga, kerana jangkaan binaan yang mungkin siap di dalam tahun 1975 hanya sebanyak 20 peratus sahaja dengan satu peruntukan sebanyak $1.15 juta. Adalah dijangkakan projek ini akan siap di awal tahun 1977.

Jumlah besar anggaran kos semua projek-projek Pusat ini di dalam Rancangan Malaysia Kedua 1971-1975 ialah $4,896,000.

4. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Belanja Mengurus	844,777	1,163,000	1,283,000*
Belanja Pembangunan	49,653	650,000	1,300,000
Jumlah Besar ..	894,430	1,813,000	2,583,000

* Bantuan Kerajaan 1975—$1,023,000.

Kepala Bekalan 20		**$6,232,900**
[Pecahan-kepala 4100 (11)]		
Kepala Pembangunan 20 ...		**10**
(Pecahan-kepala 8)		
Jumlah ...		**$6,232,910**

	Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975 ...	**$6,232,900**	**$10**	**$6,232,910**
Peruntukan 1974 ...	**5,463,000**	**10**	**5,463,010**
Perubahan ...	**+ $ 769,900**	**—**	**+ $ 769,900**

1. Tujuan-tujuan

Tujuan utama Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan ialah menggalak dan menyelaraskan kemajuan perusahaan di Malaysia. Tujuan-tujuan lain termasuklah:

(*a*) Membuat kajian perusahaan-perusahaan yang mana mungkin didirikan;

(*b*) Menjalankan kerja-kerja anjuran di dalam dan luar negeri;

(*c*) Memudahkan pertukaran maklumat serta memudahkan penyelarasan di antara Lembaga-lembaga yang ada kaitan dengan pembangunan perusahaan;

(*d*) Mengesyorkan dasar tentang pembangunan kawasan perusahaan, dan di mana sesuai, menjalankan pembangunan kawasan-kawasan tersebut;

(*e*) Menilai permohonan-permohonan bagi mendapatkan taraf perintis;

(*f*) Melapurkan kepada Menteri tentang kemajuan serta masaalah-masaalah perusahaan di Malaysia dan juga mengesyorkan cara-cara untuk mengatasinya;

(*g*) Pada amnya menjalankan apa-apa juga perkara yang bersangkutan dengan atau yang terbit dari pelaksanaan kuasa-kuasa atau perjalanan kerja-kerja di bawah Akta ini; dan

(*h*) Menasihati Kerajaan Persekutuan, samada dengan tujuannya yang tersendiri atau setelah dirujukkan kepadanya oleh Menteri atau Menteri Kewangan, akan langkah-langkah yang patut diambil bagi perlindungan dan penganjuran perusahaan, termasuklah penguatkuasaan, penukaran dan pengecualian cukai kastam dan lain-lain duti, dan lesen impot dan ekspot.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran	506,821	561,100	630,400
(ii) Perancangan dan Penyelidikan ..	259,461	320,600	360,000
(iii) Kajian Perusahaan	289,930	415,800	406,100
(iv) Anjuran dan Perhubungan Awam ..	528,874	575,800	665,600
(*a*) Pusat Seberang Laut	914,470	1,616,600	1,855,600
(*b*) Pejabat Wilayah	175,964	425,800	439,800
Bawa kehadapan ..	2,675,520	3,915,700	4,357,500

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Dari sebelah ..	2,675,520	3,915,700	4,357,500
(v) Penilaian Projek	287,247	386,600	509,700
(vi) Perusahaan Kejuruteraan	399,521	402,800	507,400
(vii) Susulan	157,753	208,100	273,000
(viii) Tarif	229,059	284,600	299,700
(ix) Kajian-kajian Khas	142,030	265,200	285,600
Jumlah ..	3,891,130	5,463,000	6,232,900

Prestasi

(i) *Pentadbiran*

Bahagian Pentadbiran adalah bertanggungjawab bagi keseluruh pentadbiran Lembaga dan hal-hal belanjawan. Ini termasuk melaksanakan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Perjawatan dan Kewangan Lembaga dan juga mesyuarat-mesyuarat Lembaga sendiri, kewangan, pengurusan kakitangan, perkara-perkara perkhidmatan dan perjawatan, pengambilan kakitangan, peraturan latihan, pembelian, tender dan sebutharga.

Bahagian ini akan melayani keperluan 316 kakitangan dalam tahun 1975. Setengah dari pegawai-pegawai ditempatkan di pusat-pusat anjuran seberanglaut dan di empat buah pejabat wilayah di Malaysia. Beban-kerja dijangka lebih berat dalam tahun 1975 memandangkan pelaksanaan syor-syor Suruhanjaya Gaji Harun, dan juga bahawa bangunan L.K.P.P. akan mula dibina.

Kerja-kerja yang dijalankan di bawah Bahagian ini ialah berbagai jenis dan tidak mudah diukur beban-kerjanya, tetapi perangkaan-perangkaan berikut bolehlah memberi panduan yang agak jelas:

	1972	1973	1974	1975
(*a*) Peruntukan (dalam $'000)	3,350	4,490	5,463	6,233
(*b*) Kakitangan (pada akhir tahun) ..	200	246	316	316
(*c*) Pembayaran dan lain-lain baucer ..	1,916	2,200	3,049	3,500
(*d*) Cek-cek yang dikeluarkan	1,569	1,800	2,189	2,300
(*e*) Resit-resit yang dikeluarkan	366	360	434	450

(ii) *Perancangan dan Penyelidikan*

Tugas utama Bahagian ini ialah membuat syor-syor kepada Kerajaan mengenai langkah-langkah polisi yang tertentu berhubung dengan pembangunan perusahaan di Malaysia. Aktivitinya dalam tahun 1975 akan meliputi kajian-kajian daya pengeluaran perusahaan, pengutipan perusahaan, penyiasatan arah-aliran perusahaan, penyiasatan terhadap syarikat-syarikat perintis dan bukan perintis, kajian-kajian semula galakan-galakan pelaburan, penyediaan lapuran bulanan dan tahunan L.K.P.P. serta taklimat mengenai L.K.P.P.

Memandangkan keadaan-keadaan ekonomi yang saling berubah, Bahagian ini akan menjalankan penyelidikan mengenai kesan-kesan polisi Kerajaan dengan tujuan mengesyorkan langkah-langkah dan polisi baru kepada Kerajaan.

Bahagian ini juga dijangka menjalankan penyiasatan mengenai penyertaan Bumiputra dalam perusahaan. Ia juga dijangka mengambil bahagian yang aktif dalam penyediaan Rancangan Malaysia Ketiga dengan mengemukakan kertas-kertas dan kajian-kajian serta membuat syor-syor kepada Kerajaan.

Bahagian ini juga berlaku sebagai ajensi perhubungan Kerajaan Malaysia dengan organisasi-organisasi antarabangsa yang mengendalikan pembangunan perusahaan.

(iii) *Kajian Perusahaan*

Bahagian ini adalah bertanggungjawab bagi mengecam peluang-peluang pelaburan yang ujud di dalam negeri, samada untuk penyertaan Kerajaan atau sektor swasta. Seterusnya, Bahagian ini menyediakan kajian-kajian penyesuaian yang mungkin boleh dianjurkan. Pada akhir bulan Ogos, 1974, Bahagian ini telah menyiapkan 5 Kajian Penyesuaian, dan beberapa buah lagi akan siap sebelum akhir tahun ini. Contoh klasik kajian seumpama ini adalah sebuah Lapuran Penyesuaian yang telah menghasilkan pelaburan sebanyak $40 juta dari Holland.

Bahagian ini bercadang memilih beberapa projek yang sesuai untuk anjuran pelaburan tertentu dan adalah dijangkakan bahawa lebih banyak kerja akan timbul dalam projek-projek petrochemical hasil dari perjumpaan minyak dan gas. Dalam mengendalikan kerja-kerja dalam perusahaan petrochemical, Bahagian ini telah mengeluarkan panduan dasar bagi penubuhan perusahaan petrochemical untuk National Committee on Hydrocarbon. Sebagai tambahan, Bahagian ini juga terlibat dalam lain-lain perkara perusahaan, selain dari kajian-kajian penyesuaian, seperti penubuhan Plastics Technology Centre, Inter Ministry Committee mengenai projek urea dan Northern Region Industrial Development Committee.

(iv) *Anjuran dan Perhubungan Awam*

Bahagian ini bertanggungjawab bagi rancangan anjuran pembangunan perusahaan dan perhubungan awam Lembaga ini, dan dengan demikian sentiasa membuat perhubungan dengan pelabur-pelabur Malaysia dan luarnegeri serta menyebarkan maklumat mengenai pembangunan perusahaan.

Dalam tahun 1973, Bahagian ini telah menjawab 571 pertanyaan bertulis dan 750 pertanyaan lisan daripada pelabur-pelabur tempatan dan asing. Sebanyak empat usaha-usaha bersama telah dipastikan, iaitu 3 darinya ialah antara Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri dan pihak-pihak asing, dan 1 dengan persatuan kerjasama. Sebanyak 24 projek lagi termasuk 10 Bumiputra sedang dirundingkan.

Bahagian ini telah menjawab 354 pertanyaan bertulis dan 649 pertanyaan lisan daripada pelabur-pelabur disepanjang lapan bulan pertama tahun 1974. Persidangan Anjuran Pelaburan telah diadakan di Amerika Syarikat dan Eropah. Minat pengusaha-pengusaha asing di Persidangan tersebut sangatlah menggalakkan. Suplemen 12 muka dalam majalah Fortune dan suplemen seumpamanya serta rencana-rencana mengenai usaha-usaha Kemajuan Perusahaan Malaysia yang tersiar di akhbar-akhbar dan majalah Eropah, Jepun, Hong Kong, dll. telah juga membantu menarik perhatian pelabur-pelabur dan hartawan-hartawan asing terhadap Malaysia.

Beban-kerja Bahagian ini akan bertambah dengan banyaknya dalam tahun 1975. Oleh kerana aktiviti ekonomi negeri-negeri membangun tidak berjalan dengan lancar, pelaburan-pelaburan asing adalah dijangkakan susut. Untuk mengimbangkan susutan ini dan mengekalkan tempo pembangunan perusahaan dan gunatenaga yang ujud sekarang, aktiviti-aktiviti anjuran di dalam dan luar negeri perlulah diperbaharui. Dalam mencapai tujuan ini, Bahagian ini akan berusaha menyebarkan perusahaan-perusahaan ke bahagian-bahagian negeri yang kurang membangun dan memperbanyakkan aktiviti-aktiviti untuk memberi perangsang yang lebih kepada Bumiputra dalam sektor perkilangan.

(v) *Penilaian Projek*

Bahagian ini terus mengutamakan penilaian permohonan-permohonan untuk menubuhkan perusahaan dan mengesyorkan galakan-galakan yang sesuai terhadap perusahaan-perusahaan seumpama ini. Bahagian ini diwakili dalam Jawatankuasa

Penasihat Khas Berkenaan Tarif dan Jawatankuasa Ulangkaji Harga serta berbagai Jawatankuasa Kerajaan yang bersangkutan dengan Pembangunan Perusahaan. Ia juga menyediakan Lapuran Kedudukan Perusahaan. Dari masa ke masa, Bahagian ini dikehendaki menyediakan lapuran-lapuran, atas permintaan Kerajaan dan Separa Kerajaan, seperti PERNAS, MARA dan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri.

Dalam tahun 1973, sejumlah 651 permohonan-permohonan telah diproses dan bilangan permohonan-permohonan untuk lapan tahun pertama 1974 berjumlah 496, atau mengikut puratanya sebanyak 62 permohonan sebulan. Berasaskan ini, sebanyak 744 permohonan adalah dijangka diterima dalam tahun 1974.

Beban-kerja dalam tahun 1975 adalah dijangkakan meningkat maju memandangkan bertambahnya permohonan-permohonan untuk kelulusan, hasil dari usaha-usaha penganjuran besar-besaran yang dijalankan oleh LKPP di dalam dan luar negeri.

(vi) *Perusahaan Kejuruteraan*

Bahagian ini memberi nasihat dan bantuan teknik kepada perusahaan-perusahaan yang ada sekarang terutamanya usaha perkilangan kecil dan sederhana dengan tujuan meninggikan taraf kecekapan mereka, perkembangan dan mempelbagaikan pengeluaran, dan di mana boleh, memperbaiki cara-cara pemasaran mereka. Sebanyak 5 kumpulan perusahaan utama yang akan diliputi dalam tahun 1975 termasuklah Perusahaan-perusahaan Besi dan Besi Waja, Otomotif, Letrik/Letronik/Saduran Letrik, Balak dan Kejuruteraan Am. Bahagian ini akan terus memberi perkhidmatan kepada Jawatankuasa Besi dan Besi Waja, Institiut Besi dan Besi Waja Asia Tenggara, Jawatankuasa Pemasangan Kereta-kereta Motor, pelaksanaan Pusat Pembangunan Perusahaan Logam Malaysia, pembangunan perusahaan-perusahaan bahagian komponen motor, perusahaan pertukangan dan perusahaan perabut untuk ekspot. Pada amnya, Bahagian ini akan menganjurkan pelaksanaan semua projek yang disyorkan untuk diluluskan oleh Jawatankuasa Besi dan Besi Waja, Jawatankuasa Pemasangan Kereta-kereta Motor dan Pembangunan Perusahaan Alat Jentera dan Kejuruteraan.

(vii) *Susulan*

Bahagian ini telah ditubuhkan untuk menyelesaikan masaalah-masaalah pengusaha dalam melaksanakan projek-projek mereka. Dengan itu Bahagian ini perlu berhubung dengan Ajensi-ajensi Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang bersangkutan dengan perindustrian. Sebagai tambahan, Bahagian ini perlu mengumpul data mengenai setiap syarikat, tidak kira peringkat pelaksanaan mereka. Maklumat ini disimpan untuk kegunaan penulisan lapuran dan sebagai "feedback" kepada Jabatan-jabatan Persekutuan dan Negeri yang berkenaan, yang memerlukan maklumat tersebut dari masa ke masa.

Bahagian ini juga akan mengumpulkan perangkaan meliputi projek-projek yang dilaksanakan, tempat kilang, daya prasarana dan gunatenaga. Ia akan terus menjadi urusetia kepada Jawatankuasa Bertindak Berkenaan Galakan dan Pasukan Bertugas yang mungkin ditubuhkan untuk menyelidiki beberapa issue tertentu.

(viii) *Tarif*

Bahagian ini memproses permohonan-permohonan untuk perlindungan tarif dan pengecualian duti untuk membantu pengilang-pengilang tempatan menyaingi barang-barang yang diimpot serta membolehkan pengekspot-pengekspot kita bertanding di pasaran dunia. Perlindungan duti impot adalah sentiasa dikaji semula. Kertas-kertas kerja adalah disediakan untuk dihantar kepada Jawatankuasa Penasihat Khas Berkenaan Tarif yang membuat syor-syor kepada Menteri Kewangan mengenai perubahan kadar-kadar tarif.

Banyaknya beban-kerja yang dilakukan oleh Bahagian ini adalah seperti berikut:

	1972	1973	1974 Jan-Ogos
Bilangan permohonan yang ditimbangkan—			
(*a*) Untuk perlindungan tarif	86	39	31
(*b*) Untuk pengecualian duti, cukai tokok dan eksais	996	1,032	672
(*c*) Sekatan-sekatan ke atas kuantiti ..	57	40	17
(*d*) Pulangan	11	6	4
(*e*) Bayaran balik	11	7	5
(*f*) Pelbagai	119	54	29

(ix) *Kajian-kajian Khas*

Bahagian Kajian Khas telah ditubuhkan untuk mengecam projek-projek yang sesuai dijalankan dan menyediakan kajian pra-penyesuaian dan kajian-kajian penyesuaian untuk penyertaan Bumiputra. Sebagai tambahan, Bahagian ini juga terlibat dalam penilaian projek-projek tertentu untuk ejensi-ejensi Kerajaan atau individu Bumiputra perseorangan atau badan-badan. Bahagian ini juga membantu bumiputra dalam pertanyaan-pertanyaan am mengenai pembangunan perusahaan. Dalam tahun 1972, Bahagian ini telah menyiapkan 3 lapuran penilaian dua berkenaan Penanaman dan Mengetin Nenas dan satu mengenai Straw Paperboard, dan satu kajian penyesuaian mengenai Anak Patung dan Barang Mainan Plastik. Dalam tahun 1973, ia menyiapkan satu kajian penyesuaian mengenai Projek Dedak dan satu kajian pemasaran mengenai Projek Jute dan Kenaf. Mulai awal 1973, bersama Bahagian Kajian Perusahaan, Bahagian ini menyertai Rancangan Latihan Pengecaman Projek UNIDO/LKPP. Di bawah rancangan yang akan berterusan hingga tahun 1975 ini, kerja-kerja pengecaman projek-projek yang ada kemungkinan serta penyediaan kajian-kajian pra-penyesuaian dan kajian penyesuaian akan dijalankan dengan bantuan pakar-pakar UNIDO. Sehingga ini, kajian kajian yang telah disiapkan adalah seperti berikut:

(*a*) Rubber Gloves;
(*b*) Groundnut Oil dan Cake;
(*c*) Mosaic Parquet; dan
(*d*) Fishmeal.

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973 $	Peruntukan Tahun 1974 $	Anggaran Tahun 1975 $
1100	Gaji da Upahan	1,484,067	2,027,100	2,351,600
1200	Elaun-elaun dan Lain-lain Habuan Wang	672,892	1,112,800	1,270,000
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..	240,132	421,100	450,500
	Jumlah Gaji ..	2,397,091	3,561,000	4,072,100
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	280,412	267,500	316,000
2200	Pengangkutan Barang-barang ..	25,729	46,500	52,000
2300	Kemudahan Perhubungan.. ..	154,166	158,000	204,300
2400	Api, Air dan Letrik dll.	17,845	24,100	30,900
	Bawa kehadapan ..	2,875,243	4,057,100	4,675,300

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
	Dari sebelah ..	2,875,243	4,057,100	4,675,300
2500	Sewa	423,411	577,200	780,100
2600	Perkhidmatan Pencetakan.. ..	112,369	68,300	164,700
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	69,614	97,700	115,200
2800	Perkhidmatan Pelbagai	203,807	477,000	435,300
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	204,963	132,700	49,300
4100	Pemberian, Subsidi dan Carum-carum	1,723	3,000	3,000
5500	Pelbagai	—	50,000	10,000
	Jumlah ..	3,891,130	5,463,000	6,232,900

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974	Bilangan	Anggaran Tahun 1975
		$		$		$
(i) Pentadbiran	41	304,641	44	391,700	45	424,700
(ii) Perancangan dan Penyelidikan	23	194,267	28	233,800	28	269,600
(iii) Kajian Perusahaan ..	28	238,453	29	302,100	29	320,300
(iv) Anjuran dan Perhubungan Awam	21	202,633	25	225,600	24	246,000
(*a*) Pusat Seberang Laut	15	396,415	26	905,600	26	1,058,600
(*b*) Pejabat Wilayah ..	13	118,412	29	275,400	29	317,200
(v) Penilaian Projek ..	22	229,526	35	312,500	35	405,300
(vi) Perusahaan Kejuruteraan	33	292,760	40	321,700	40	376,800
(vii) Susulan	9	121,045	17	163,200	17	207,400
(viii) Tarif	21	177,866	23	238,400	23	236,700
(ix) Kajian-kajian Khas ..	20	121,073	20	191,000	20	209,500
Jumlah ..	246	2,397,091	316	3,561,000	316	4,072,100

3. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Belanja Mengurus	3,891,130	5,463,000	6,232,900
Belanja Pembangunan	—	10	10
Jumlah Besar ..	3,891,130	5,463,010	6,232,910

PERBADANAN KEMAJUAN PELANCUNGAN

Kepala Bekalan 20 [Pecahan-kepala 4100 (12)]	... ...	**$6,446,028**
Kepala Pembangunan 20 (Pecahan-kepala 5)	...	**5,030,087**
Jumlah	...	**$11,476,115**

	Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975	**$6,446,028**	**$5,030,087**	**$11,476,115**
Peruntukan 1974	**4,343,000**	**310,000**	**4,653,000**
Perubahan ...	**+ $2,103,028**	**+ $4,720,087**	**+ $ 6,823,115**

1. Tujuan-tujuan

Menyatu, menyelaras dan memajukan secara berasingan kesemua kemudahan-kemudahan, daya-daya penarik pelancungan, sumber-sumber dan lain-lain kekayaan negeri ini dan menjadikannya sebagai satu hasil yang boleh dijual di pasaran dunia dengan tujuan bagi melipatgandakan lagi faedah-faedah pelancungan untuk pembangunan sosial dan ekonomi negara ini.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pemasaran	1,524,435	2,523,650	4,436,877
(ii) Pembangunan dan Pengurusan Projek	299,413	493,040	536,500
(iii) Perhubungan Antarabangsa dan Persidangan	91,410	186,140	346,000
(iv) Penyelidikan dan Perancangan ..	61,052	267,190	253,071
(v) Penguatkuasaan	16,821	173,120	209,600
(vi) Pentadbiran Am	556,198	699,860	663,980
Jumlah ..	2,549,329	4,343,000	6,446,028

Prestasi

(i) *Pemasaran*

Perbadanan Kemajuan Pelancungan telah merancang bagi memesatkan lagi aktiviti-aktiviti Bahagian Pemasaran di kawasan-kawasan utama seperti Amerika Syarikat, Eropah dan Pasipik. Perbadanan juga akan menjalankan aktiviti-aktiviti pemasaran di negara-negara ASEAN untuk memajukan lagi pelancungan serantau. Aktiviti-aktiviti yang akan dipesatkan adalah ditumpukan di bawah tajuk-tajuk berikut:

(*a*) Iklan

Sementara iklan perdagangan yang ditujukan kepada pengusaha-pengusaha pelancungan akan dititikberatkan, iklan terus kepada pelancung-pelancung sendiri akan juga dibuat. Selain daripada itu risalah-risalah akan terus diedarkan di dalam semua kawasan utama yang disebutkan. Wayang gambar dan

lutsinar akan ditunjukkan kepada orang-orang berkenaan dalam industri pelancungan dan juga kepada pelancung-pelancung. Beberapa pameran dan pesta telahpun dipilih di mana Perbadanan akan mengambil bahagian.

(*b*) Penggalakan dan Aktiviti-aktiviti Perhubungan Awam

Aktiviti-aktiviti ini adalah bertujuan mengenalkan Malaysia kepada Industri Pelancungan Antarabangsa. Selain daripada menghantarkan tulisan-tulisan dan berita-berita pelancungan mengenai Malaysia kepada mereka yang berkenaan dalam industri ini dan ejen-ejen Perhubungan Awam Perbadanan, Aktiviti yang utama ialah rancangan hospitality di mana wartawan-wartawan, pengusaha-pengusaha pelancungan dan pembuat-pembuat filem dijemput melawat Malaysia.

(*c*) Perubahan Pembukaan Pejabat Seberang Laut

Pembukaan pejabat di Bangkok, Singapura, Tokyo, Sydney, San Francisco dan London telah menambahkan aktiviti-aktiviti Perbadanan di kawasan Antarabangsa. Tugas utama pengurus-pengurus pejabat ini ialah penggalakan, pablisiti dan perhubungan awam dengan tujuan membantu Perbadanan mengenalkan Malaysia di tempat masing-masing.

(*d*) Misi Perdagangan

Tujuan misi perdagangan ialah untuk membuat perhubungan dengan orang-orang yang berkenaan dalam perusahaan pelancungan di seberang laut dan untuk mencantumkan penjualan terus di antara pengusaha-pengusaha tempatan dengan pengusaha-pengusaha seberang laut. Eropah, Australia dan Jepun adalah tiga pasaran besar di mana Perbadanan merancang untuk menghantar "Misi Perdagangan".

(ii) *Pembangunan dan Pengurusan Projek*

(1) Pembangunan pelancungan bukan sahaja meliputi kerja-kerja perancangan, membuat program dan pengurusan projek-projek pembangunan yang sebenarnya bahkan jua penyelarasan usaha-usaha sektor swasta.

(2) Pembangunan kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan pelancung, di dalam sektor awam dan swasta, adalah berjalan dengan lancar dan jayanya. Banyak pertubuhan telah meminta nasihat dan pertolongan Perbadanan Kemajuan Pelancungan mengenai berbagai-bagai masaalah mereka itu.

(3) Dari tahun 1971 hingga 1974 projek-projek berikut telah selesai dibina dengan pelaburan modal secara langsung dari Kerajaan:

(*a*) Motel Kuala Trengganu;
(*b*) Gua Gelap di Batu Caves;
(*c*) Kereta Rel, Batu Caves;
(*d*) Kereta Kebel/Kerusi Angkut, Bukit Nanas; dan
(*e*) Pusat Pertunjukan Bunga Anggerek.

(4) Dalam tahun 1975, Perbadanan Kemajuan Pelancungan akan melaksanakan berbagai-bagai projek lain, di antaranya:

(*a*) Motel Rantau Abang;
(*b*) Menara dan Restoran, Bukit Nanas;
(*c*) Lauburung, Bukit Nanas;
(*d*) Kampung Peranginan Kelab Mediterranee;
(*e*) Son et Lumiere (Pertunjukan suara dan cahaya); dan
(*f*) Pusat Penerangan Pelabuhan Kelang.

(5) Dalam tahun 1975 juga Perbadanan akan mengusahakan berbagai-bagai tugas lain, umpamanya:

(*a*) Menjalankan kajian-kajian kesesuaian bagi memajukan kawasan-kawasan sebagai tempat peranginan atau tempat-tempat tumpuan pengembaraan;

(*b*) Mengambil bahagian atau membantu dalam pembangunan perusahaan pelancungan dan memperbaiki kemudahan-kemudahan atau daya-daya penarik bagi pelancung; dan

(*c*) Menyertai secara langsung dan secara ekuiti dalam pembangunan perusahaan pelancungan.

(iii) *Perhubungan Antarabangsa dan Persidangan*

Aktiviti Bahagian ini adalah meliputi usaha menjaga perhubungan dengan Pertubuhan-pertubuhan Antarabangsa dan Serantau yang ada kaitan dengan pelancungan seumpama WTO, PATA, ASEAN, ECAFE, EATA dan lain-lain pertubuhan-pertubuhan Kebangsaan Asing. Ianya juga adalah bertanggungjawab bagi menggalakkan Persidangan-persidangan, dengan cara mendorong pertubuhan-pertubuhan antarabangsa dan daerah bagi mengadakan persidangan-persidangan, seminar-seminar, mesyuarat dan lain-lain di negara ini.

Dalam usaha penggalakan Konvensyen, Bahagian ini akan memberi bantuan kepada Persidangan-persidangan dan Perhimpunan-perhimpunan yang diadakan di Malaysia. Corak bantuan adalah seperti membekalkan risalah-risalah pelancungan; menyediakan pusat penerangan pelancung secara sementara di tempat-tempat persidangan, perhimpunan atau mesyuarat, merancangkan aturcara lawatan bagi peserta-peserta Persidangan dan lain-lain termasuklah bantuan tenaga di mana salah seorang pegawai Bahagian ini jika didapati perlu akan dipinjamkan kepada Jawatankuasa Penganjur untuk mengendalikan segala urusan yang disebabkan tadi.

(iv) *Penyelidikan dan Perancangan*

Bahagian Penyelidikan dan Perancangan Perbadanan ini adalah bertanggungjawab menyediakan rekod-rekod mengenai usaha-usaha pemasaran, pembangunan kemudahan-kemudahan pelawat, penyelidikan dan penyiasatan pelancungan dan perkara-perkara berkaitan dengan peraturan-peraturan perjalanan sistem cukai dan pertukaran wang asing yang ada kaitan dengan pelancungan. Bahagian ini juga membuat tinjauan mengenai pembangunan perasarana, kemudahan-kemudahan pelancung, kemungkinan untuk pelaburan baru, perkembangan iktisad dalam perusahaan pelancungan dan lain-lain.

(v) *Penguatkuasaan*

Perbadanan Kemajuan Pelancungan akan diberi kuasa menentukan taraf semua perniagaan-perniagaan di bidang pelancungan, mendaftarkan perniagaan tersebut seperti pengusaha-pengusaha pengembara dan pemandu-pemandu pelancung, mengenakan syarat-syarat pendaftaran, menentukan hotel-hotel dan sewa bilik dan sebagainya. Ianya juga akan menentukan latihan bagi pemandu-pemandu pelancung, dan bagi mereka yang berkhidmat di perniagaan-perniagaan pelancungan dan bagi maksud ini ianya akan menubuhkan dan mengawal ke semua pusat-pusat latihan. Selain dari itu, bayaran pendaftaran dan cukai bilik hotel-hotel dan lain-lain pengusaha pelancungan.

Undang-undang kecil bagi maksud ini adalah sedang digubal dan ke semua kehendak undang-undang tersebut adalah dijangka akan dikuatkuasakan oleh Perbadanan ini tidak berapa lama lagi.

Dengan terdapatnya berbagai-bagai galakan dan dorongan yang diberikan untuk pembangunan perusahaan pelancungan, adalah dianggap penting bagi Perbadanan ini menentukan supaya segala galakan dan dorongan yang diberi itu tidak disalahgunakan dan juga tidak terdapat amalan-amalan yang menyalahi peraturan, berlaku di dalam perusahaan pelancungan.

Satu aspek lain yang dianggap penting dan menjadi tumpuan perhatian yang utama Perbadanan ini ialah mengenai penyertaan Bumiputra di bidang pelancungan. Dalam hal ini tindakan yang tegas adalah sedang dijalankan untuk menentukan terdapatnya penyertaan tersebut di kesemua aspek perusahaan ini seperti perniagaan-perniagaan di bidang pengembaraan dan pelancungan, perkhidmatan pemandu pelancung, perkhidmatan kenderaan dan juga perusahaan hotel.

(vi) *Pentadbiran Am*

Bahagian Kewangan, Pentadbiran dan Perkhidmatan Am bertanggungjawab mengenai ke seluruh urusan pentadbiran dan pengurusan perbelanjaan Perbadanan Kemajuan Pelancungan. Aktiviti-aktiviti Bahagian termasuk tugas-tugas pengurusan kakitangan, latihan, pengambilan kakitangan, menyelaraskan kegiatan-kegiatan lain-lain bahagian dan persediaan anggaran belanjawan serta lain-lain tugas yang berkaitan dengan perkhidmatan am.

Perbadanan akan memberi perkhidmatan kepada 264 orang kakitangan dalam tahun 1975 berbanding dengan 258 orang kakitangan dalam tahun 1974. Sebahagian dari mereka ini akan ditempatkan di Singapura, Bangkok, Tokyo, San Francisco, Sydney, Frankfurt dan Hong Kong.

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	475,169	986,398	1,196,374
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	40,470	105,300	157,454
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..	44,493	116,179	168,620
	Jumlah Gaji ..	560,132	1,207,877	1,522,448
2100	Perjalanan dan Pengangkutan	152,291	81,000	220,000
2200	Pengangkutan Barang-barang ..	4,463	30,000	19,000
2300	Kemudahan Perhubungan ..	45,546	81,000	106,500
2400	Api, Air dan Letrik dll.	14,206	106,000	135,400
2500	Sewa	101,866	551,000	1,028,860
2600	Perkhidmatan Pencetakan.. ..	288,132	530,000	896,100
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	39,801	50,460	115,500
2800	Perkhidmatan Pelbagai	1,161,799	1,230,810	2,095,000
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	139,184	54,020	500
3300	Pembinaan	—	132,519	—
4100	Pemberian, Subsidi dan Carum-carum	41,909	139,500	160,000
4200	Tuntutan Insuran dan Pampasan..	—	—	48,120
4300	Bunga, Dividen dan lain-lain Pembayaran Hutang Negara	—	65,814	—
5500	Pelbagai	—	83,000	98,600
	Jumlah ..	2,549,329	4,343,000	6,446,028

Ringkasan Perjawatan

	Yang Sebenar Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Bilangan	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Bilangan	Anggaran Tahun 1975
		$		$		$
(i) Pemasaran	42	190,316	69	496,701	70	715,377
(ii) Pembangunan dan Pengurusan Projek	41	128,056	109	215,140	113	290,000
(iii) Perhubungan Antarabangsa dan Persidangan	5	26,385	10	76,770	10	90,000
(iv) Penyelidikan dan Perancangan ..	13	45,573	17	120,490	17	121,071
(v) Penguatkuasaan	6	18,297	13	113,260	13	118,000
(vi) Pentadbiran Am	24	151,505	40	185,516	41	188,000
Jumlah ..	131	560,132	258	1,207,877	264	1,522,448

3. Anggaran Pembangunan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Motel Kuala Trengganu		—	—
(ii) Motel Rantau Abang		125,000	125,000
(iii) Pusat Penerangan Port Kelang ..		—	—
(iv) Pusat Penerangan Kuala Lumpur ..		—	—
(v) Kompleks Pelancungan Bukit Nanas:			
(*a*) Sistem Kereta Kebel/Kerusi Angkut		—	—
(*b*) Pusat Pertunjukan Bunga Anggerek	752,714	25,000	25,000
(*c*) Aviaries		—	2,000,000
(*d*) Forest Path dan Look-out Points		85,000	85,000
(*e*) Tandas Bukit Nanas		15,000	15,000
(vi) Kompleks Pelancungan Batu Caves		60,000	60,000
(vii) Kafeteria di Kuala Trengganu ..		—	—
(viii) Templer Park		—	—
(ix) Aleh Jalan		—	—
(x) Tower and Restaurant		—	1,720,087
(xi) Son Et Lumiere		—	1,000,000
Jumlah ..	752,714	310,000	5,030,087

Kemajuan Kerja-kerja Pembinaan

(i) *Motel Rantau Abang*

Pelan-pelan lengkap projek ini telahpun siap. Pembinaan akan bermula dalam tahun 1975.

(ii) *Pusat Penerangan Pelabuhan Kelang*

Usaha-usaha bagi mendapatkan tapak yang sesuai bagi projek ini masih diteruskan.

(iii) *Kompleks Bukit Nanas*

(*a*) Aviaries

Memandangkan kenaikan harga pembinaan, pengiraan harga projek ini disemak semula. Oleh kerana Syarikat Akitek asal telah menarik diri, seorang Akitek baru akan dilantik dan anggaran-anggaran perbelanjaan baru akan dikemukakan untuk diluluskan.

(*b*) "Forest Path and Look-out Points"

Peruntukan sebanyak $85,000 telah disediakan untuk pembinaan jalan, bangku-bangku, tempat letak kereta, pagar dan kerja mengawal nyamuk di Bukit Nanas. Kerja-kerja ini ditangguhkan memandangkan keselamatan pelawat-pelawat tidak terjamin tanpa satu sistem kawalan keselamatan. Peruntukan ini akan digunakan bagi mencantikkan kawasan Bukit Nanas setelah kelulusan diperolehi.

(iv) *Templer Park*

Perbadanan sedang menyediakan pelan untuk pembangunan Taman ini secara berperingkat-peringkat. Satu kajian kemungkinan telahpun disediakan dan akan dikemukakan kepada pihak yang berkuasa.

4. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
*Belanja Mengurus	2,549,329	4,343,000	6,446,028
Belanja Pembangunan	752,714	310,000	5,030,087
Jumlah Besar ..	3,302,043	4,653,000	11,476,115

*Pemberian Kerajaan bagi tahun 1973 .. .. $3,500,000
*Pemberian Kerajaan bagi tahun 1974 4,343,000
*Pemberian Kerajaan bagi tahun 1975 6,202,428

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Kepala Bekalan 21	**$11,833,900**
Kepala Pembangunan 21 ...	**4,013,465**
Jumlah ...	**$15,847,365**

	Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975 ...	**$11,833,900**	**$4,013,465**	**$15,847,365**
Peruntukan 1974 ...	**11,000,000**	**5,233,020**	**16,233,020**
Perubahan ...	**+ $ 833,900**	**— $1,219,555**	**— $ 385,655**

1. Tujuan-tujuan

Matlamat utama yang dituju oleh Kementerian ini adalah ke arah membentuk satu masyarakat Malaysia yang teguh dan bersatupadu dengan mempunyai warganegara yang penuh dedikasi terhadap prinsip-prinsip Rukunegara dan mempunyai satu kesedaran kebangsaan, identiti yang satu menerusi berbagai lapangan kegiatan yang sama dalam kebudayaan, belia dan sukan. Bagi mencapai objektif yang dimaksudkan:

(*a*) Kementerian ini memberi latihan-latihan pimpinan asas, teknikal dan vokesyenal kepada belia-belia untuk membolehkan mereka mengambil bahagian cergas dan berkesan dalam bidang kemajuan ekonomi dan sosial negara;

(*b*) Kementerian juga memberikan galakan kepada bakat-bakat kebudayaan di kalangan rakyat dengan tujuan mengujudkan satu Kebudayaan Kebangsaan dan melaluinya dapat mengujudkan perpaduan negara dan keperibadian kebangsaan dengan cara meluaskan pemakaian serta memajukan dan meninggikan lagi pengetahuan dan pengertian dalam perhubungan kebudayaan Negara;

(*c*) Kementerian ini juga berusaha untuk menggalakkan integrasi di antara gulungan-gulungan belia di Malaysia dengan cara mengadakan kegiatan, kemudahan, bimbingan dan bantuan yang akan memupuk kesucian rohani mereka serta menjadikan mereka satu gulungan yang tekun, sihat, dinamik dan berdisiplin; dan

(*d*) Kementerian juga akan menjalankan penyiasatan dan mengadakan kemudahan-kemudahan serta latihan-latihan dalam bidang sukan dengan tujuan untuk meninggikan lagi mutu sukan dalam usaha untuk menyatupadukan rakyat, juga untuk memprojekkan imej negara ini di dalam Arina Sukan Antarabangsa.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Perkhidmatan Sokongan—			
(*a*) Pentadbiran Am	604,994	720,474	747,460
(*b*) Perkhidmatan Luar bagi penggalakan Kebudayaan, Belia dan Sukan	1,424,300	2,249,200	2,368,265
(*c*) Perancang dan Penyelarasan ..	47,100	54,286	108,755

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(ii) Kebudayaan—			
(*a*) Penggalakan dan Perkembangan Bakat-bakat Kebudayaan di Malaysia	953,376	1,239,440	1,473,216
(*b*) Penyelidikan Kebudayaan ..	43,843	110,560	132,700
(iii) Belia—			
(*a*) Penggalakan Kegiatan Belia ..	1,114,488	1,734,320	1,693,423
(*b*) Latihan Belia	2,714,266	3,826,180	3,943,043
(*c*) Biro Bimbingan Belia	—	64,940	80,906
(iv) Sukan—			
(*a*) Penggalakan Sukan dan Riadah	500,703	630,136	857,404
(*b*) Latihan Sukan	180,403	261,664	296,090
(*c*) Perubatan Sukan	42,043	108,800	132,638
Jumlah ..	7,625,516	11,000,000	11,833,900

Prestasi

(i) *Perkhidmatan Sokongan*

Di bawah perkhidmatan sokongan ini terdapat 3 bahagian yang berasingan tetapi mempunyai hubungan yang rapat antara satu sama lain dari segi aktiviti-aktivitinya. Bahagian-bahagian tersebut ialah:

(*a*) Pentadbiran Am.

(*b*) Perkhidmatan luar bagi Penggalakan Kebudayaan, Belia dan Sukan.

(*c*) Perancang dan Penyelarasan.

Kementerian ini bercadang melaksanakan rancangan-rancangan barunya mengikut dasar Kerajaan. Sungguhpun Kementerian ini tidak mendapat tambahan peruntukan dan kakitangan oleh kerana inflasi yang melibatkan keseluruhan negara, Kementerian ini akan terus sedaya upaya melaksanakan rancangan-rancangannya.

(ii) *Kebudayaan*

Bahagian Kebudayaan akan turut menggiatkan lagi kerja-kerja penggalakan dan latihan bagi perkembangan bakat-bakat kebudayaan di negara kita. Seksi Penyelidikan akan meluaskan lagi terhadap pengkajian dalam ciri-ciri kebudayaan negara dan menghasilkan bahan-bahan penyelidikan yang perlu bagi tatapan orangramai pula. Penerbitan buku-buku, majallah-majallah dan apa jua bahan akan dilakukan dari masa kesemasa. Bahagian penggalakan akan terus mengawasi pertubuhan-pertubuhan kebudayaan, kesenian termasuk tarian dan drama dan memperluaskan aktiviti aktiviti selaras dengan cita-cita ke arah kebudayaan kebangsaan. Di antara rancangan-rancangan yang diatur bagi memajukan perkembangan kebudayaan dan menggerakkan minat masyarakat terhadap kegiatan-kegiatannya, rancangan-rancangan disusun dalam bidang-bidang kelas-kelas latihan kesenian seperti senidrama, senimuzik, senifoto, senilukis, pentas dan sastera yang diadakan sepanjang tahun. Selain daripada itu perundingan-perundingan kesenian seperti drama, tarian dan lukisan terus diadakan dan pertunjukan-pertunjukan kebudayaan diadakan bagi merapat dan memperkenalkan masyarakat dengan unsur-unsur kebudayaan Malaysia.

(iii) *Belia*

Bahagian Belia Kementerian ini dapat dipecahkan kepada tiga cawangan yang berasingan, iaitu:

(*a*) Hal Ehwal Belia.

(*b*) Latihan Belia.

(*c*) Biro Bimbingan Belia.

Bahagian Belia Kementerian ini menerusi dasar falsafah dan stratejinya dalam segi-segi pembangunan, perpaduan dan keselamatan akan terus memperkuatkan usaha-usahanya dalam penggalakan kegiatan, latihan dan bimbingan pertubuhan-pertubuhan dan pergerakan-pergerakan belia akan diberikan bimbingan, nasihat, bantuan dan dikemukakan rancangan-rancangan yang mendatangkan faedah material kepada mereka. Kegiatan-kegiatan mereka akan diselaraskan dengan dasar Ekonomi Baru Kerajaan untuk tujuan-tujuan inilah maka perhatian dan minat mereka akan digalakkan ke arah kegiatan-kegiatan ekonomi, pertanian, kesihatan dan sivik. Berbagai-bagai rancangan yang telah dilancarkan beberapa tahun yang lalu akan terus diadakan umpamanya Hari Belia Negara, Khemah-khemah Kerja, Kursus-kursus dailog dan apa jua yang melibatkan belia dengan Kementerian ini. Majlis Perundingan Belia adalah merupakan tempat perundingan wakil-wakil belia yang akan melahirkan aspirasi gulungan belia seluruhnya.

Tujuan-tujuan latihan Kementerian pula bukan sahaja bagi melengkapkan belia dengan pelbagai bidang kemahiran tetapi juga melayakkan diri mereka mengambil daya usaha sendiri pula. Perhatian berat ditumpukan bagi latihan-latihan vokesyenal, teknikal, disiplin dan pimpinan. Kedua-dua Pusat Latihan Belia (Angkatan Belia Pelupur Negara dan Angkatan Belia Pembina Negara) akan diubahsuai dengan mengadakan kemudahan-kemudahan bengkel-bengkel baru dan alat-alat latihan yang moden dari masa kesemasa. Pelatih telah pula dipilih dengan berdasarkan temuduga dari "aptitude test" yang mesti dilalui oleh setiap calun-calun. Dalam bidang latihan ini. Kementerian telah mendapat kerjasama pakar-pakar ILO, pihak NITTCB dan NACIT.

Biro Bimbingan Belia yang diujudkan pada tahun 1972 bertanggungjawab menempatkan belia-belia yang telah dilatih. Pihak swasta telah dihubungi bagi maksud tersebut dan juga bagi mendapatkan khidmat dari kerjasama mereka. Biro ini juga menghubungi jabatan-jabatan, Kementerian-kementerian, badan-badan berkanun mengusahakan pemberian modal dan bimbingan-bimbingan lain kepada belia-belia.

(iv) *Sukan*

Sebagaimana juga bahagian-bahagian lain, Bahagian Sukan adalah menekankan pelaksanaan kegiatannya di semua peringkat. Rancangan-rancangan tertentu telah diadakan dan kajian-kajian mengenai kemudahan dan penyertaan masyarakat dijalankan terus. Majlis Sukan Negara yang ditubuhkan dalam bulan Februari 1972, akan dapat dengan lebih teratur lagi menyelaraskan kegiatan-kegiatan sukan di semua peringkat umpamanya adalah didapati bahawa lebih kurang 1,130 buah pertubuhan-pertubuhan sukan sukarela ujud di negara kita dan di peringkat kebangsaan pula terdapat 23 buah pertubuhan kebangsaan yang bergabung dengan Majlis Olimpik Malaysia. Bahagian ini juga menjalankan kursus-kursus pegawai, jurulatih dan cara-cara kaedah latihan saintifik bagi kemajuan sukan seluruhnya. Yunit Perubatannya pula memberikan perkhidmatan kepada ahli-ahli sukan dan mengadakan penyelidikan dalam usaha-usaha mempertinggikan lagi mutu sukan negara.

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	2,695,319	4,588,456	4,676,413
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	316,027	188,491	572,677
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..	89,446	149,053	168,936
	Jumlah Gaji ..	3,100,792	4,926,000	5,273,546
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	728,247	981,040	981,040
2200	Pengangkutan Barang-barang ..	17,553	40,000	48,000
2300	Kemudahan Perhubungan ..	90,269	132,200	133,500
2400	Api, Air dan Letrik dll.	38,768	77,400	93,700
2500	Sewa	82,192	143,060	179,900
2600	Perkhidmatan Pencetakan.. ..	55,035	90,260	133,850
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	1,107,837	1,231,100	1,205,600
2800	Perkhidmatan Pelbagai	878,129	1,692,690	1,708,340
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	241,983	367,650	408,450
3300	Pembinaan	4,533	27,500	15,500
4100	Pemberian, Subsidi dan Carum-carum	1,280,178	1,291,100	1,507,994
	Jumlah ..	7,625,516	11,000,000	11,833,900

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974	Bilangan	Anggaran Tahun 1975
		$		$		$
(i) Perkhidmatan Sokongan—						
(*a*) Pentadbiran Am ..	66	446,268	72	483,274	63	531,560
(*b*) Perkhidmatan Luar bagi Penggalakan Kebudayaan, Belia dan Sukan ..	251	1,019,077	306	1,680,700	306	1,726,765
(*c*) Perancang dan Penyelarasan	4	22,099	5	36,026	9	68,715
(ii) Kebudayaan—						
(*a*) Penggalakan dan Perkembangan Bakat-bakat Kebudayaan di Malaysia ..	21	222,824	38	453,940	43	459,242
(*b*) Penyelidikan Kebudayaan	3	30,276	6	62,060	6	63,200
(iii) Belia—						
(*a*) Penggalakan Kegiatan Belia	13	159,329	14	195,800	14	173,263
(*b*) Latiha Belian ..	356	1,049,592	382	1,608,100	382	1,764,353
(*c*) Biro Bimbingan Belia	—	—	6	52,100	6	58,066
(iv) Sukan—						
(*a*) Penggalakan Sukan dan Riadah ..	18	129,264	18	165,936	18	216,404
(*b*) Latihan Sukan ..	13	9,312	13	118,664	13	133,090
(*c*) Perubatan Sukan ..	10	12,751	10	69,400	10	78,888
Jumlah ..	755	3,100,792	870	4,926,000	870	5,273,546

3. Anggaran Pembangunan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Pecahan-kepala—			
1. Kemudahan-kemudahan Riadah ..	82,000	—	300,000
2. Pusat Pelbagaiguna Negeri Selangor ..	20,486	10,000	201,500
3. Pusat-pusat Pelbagaiguna Negeri (Semenanjung Malaysia)	435,808	1,250,000	743,000
4. Pusat-pusat Latihan Belia Dusun Tua, Selangor	992,431	1,750,000	742,000
5. Sumbangan untuk pembinaan Bangunan Balai Seni Lukis Negara.. ..	—	10	—
6. Membaiki Stadium Merdeka	112,795	1,500,000	1,129,205
7. Kompleks Kebudayaan	31,250	500,000	467,750
21. Pusat Pelbagaiguna Negeri Sarawak ..	—	223,000	10
31. Pusat Pelbagaiguna Negeri Sabah ..	—	10	430,000
Jumlah ..	1,654,284	5,233,020	4,013,465

Kemajuan Kerja-kerja Pembinaan

Kompleks Pelbagaiguna Negeri

Pada tahun 1975, Kementerian ini akan meneruskan pelaksanaan rancangan-rancangan Pembangunannya yang telah dirangka bagi tahun 1974. Berhubung dengan pembinaan kompleks Pelbagaiguna, kerja-kerja bagi menyiapkan pembinaan kompleks-kompleks Pelbagaiguna di Negeri Johor, Negeri Sembilan, Melaka dan Pahang akan diteruskan dalam tahun 1975 nanti. Pelaksanaan projek ini merupakan pembinaan bagi peringkat pertama kompleks tersebut.

Di samping itu Kementerian akan juga meneruskan pelaksanaan bagi menyiapkan projek bagi peringkat kedua kompleks Pelbagaiguna Negeri Sarawak yang telahpun dimulakan pada tahun 1974. Projek bagi peringkat yang kedua ini termasuklah membina asrama, Jimnasium dan gelanggang-gelanggang permainan. Oleh kerana peruntukan yang diberikan untuk projek ini dalam tahun 1974 hanya sebanyak $223,000 sahaja manakala anggaran perbelanjaan bagi menyiapkan projek peringkat kedua dianggarkan berjumlah $530,128 maka peruntukan tambahan sebanyak $307,000 akan diperlukan dalam tahun 1975 ini.

Kerja-kerja bagi pembinaan kompleks Pelbagaiguna Negeri Sabah juga akan dilaksanakan dalam tahun 1975 ini.

Di samping itu projek-projek bagi membina asrama tambahan dan membina Jimnasium di Kompleks Pelbagaiguna Kampong Pandan, Kuala Lumpur akan dilaksanakan juga.

Pusat Latihan Belia Dusun Tua

Dalam tahun 1975 ini Kementerian akan meneruskan menyiapkan projek-projek pembangunan peringkat kedua yang telah bermula pada tahun 1974. Projek-projek di bawah peringkat kedua ini termasuklah membina asrama, bilik-bilik darjah dan perpustakaan, bangunan pejabat baru, membina jambatan baru dan lain-lain.

Membaiki Stadium Merdeka

Kerja-kerja bagi membaiki Stadium Merdeka ini telahpun dimulakan pada akhir tahun 1973 yang lalu. Projek ini dijangka siap dalam masa satu tahun dan kerja-kerja bagi membaikinya telahpun berjalan dengan lancarnya pada tahun 1974. Walau bagaimanapun oleh kerana beberapa sebab yang tidak dapat dielakkan seperti kekurangan bahan-bahan dan lain-lain, maka projek ini hanya akan dapat disiapkan pada awal tahun 1975 ini.

Taman Budaya Negara

Berhubung dengan pelaksanaan projek Taman Budaya Negara, Kementerian ini terpaksa mengenepikan baki peruntukan kepada jumlah yang telah diluluskan selepas kajian semula pertengahan penggal rancangan Malaysia Kedua dahulu. Ini adalah selaras dengan kepentingan negara.

4. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Belanja Mengurus—			
Semenanjung Malaysia	7,335,516	10,676,905	11,510,805
Sarawak	130,000	149,012	149,012
Sabah	160,000	174,083	174,083
Belanja Pembangunan—			
Semenanjung Malaysia	1,654,284	5,010,010	3,583,455
Sarawak	—	223,000	10
Sabah	—	10	430,000
Jumlah Besar ..	9,279,800	16,233,020	15,847,365

Kepala Bekalan 22	**$ 800,000,000**
Kepala Pembangunan 22 ...	**218,045,269**
Jumlah ...	**$1,018,045,269**

	Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975 ...	**$800,000,000**	**$218,045,269**	**$1,018,045,269**
Peruntukan 1974 ...	**628,200,000**	**118,178,000**	**746,378,000**
Perubahan ...	**+ $171,800,000**	**+ $ 99,867,269**	**+ $ 271,667,269**

1. Tujuan-tujuan

Tujuan-tujuan dan tugas utama Kementerian Pertahanan adalah seperti berikut:

(*a*) Mempertahankan negara daripada serangan dan ancaman dari luar;

(*b*) Menjaga keselamatan negara daripada serangan dan ancaman di dalam negeri;

(*c*) Membantu Polis dan Pihak Berkuasa Awam bagi menjaga ketenteraman dan keamanan dan menentukan bahawa pemerintahan Kerajaan yang sah dalam negeri berjalan dengan sempurna;

(*d*) Mengadakan keselamatan perhubungan seluruh Malaysia; dan

(*e*) Mencegah lanun dan rompakan di laut.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran Pertahanan	25,157,363	23,497,800	30,808,300
(ii) Perkhidmatan Tentera	553,166,917	492,234,300	623,353,200
(iii) Perkhidmatan Lojistik	32,924,926	57,653,500	82,521,400
(iv) Latihan	42,136,032	54,026,000	62,465,300
(v) Penyelidikan dan Pembangunan ..	392,300	788,400	851,800
Jumlah ..	653,777,538	628,200,000	800,000,000

(i) *Pentadbiran Pertahanan*

Pentadbiran Pertahanan sebagai satu aktiviti merupakan gabungan antara tugas-tugas Pentadbiran Awam dan Pentadbiran Tentera di kompleks Kementerian Pertahanan. Sebagai pentadbiran pusat tugas utama Kementerian ini meliputi semua dasar dan peraturan yang berkaitan dengan perkara-perkara berikut:

(*a*) Pengawal perbelanjaan;

(*b*) Pentadbiran perkhidmatan, latihan, rancangan gerakan, perjawatan, perumahan, tatatertib, dll. untuk anggota tentera;

(*c*) Pentadbiran hal-ehwal awam;

(*d*) Mengadakan Perkhidmatan-perkhidmatan dan bekalan; dan

(*e*) Hal-ehwal mengenai anggota tentera yang bersara.

Sejak tertubuhnya Kementerian Pertahanan, tugas aktiviti ini tidak berubah kecuali kerja-kerja yang semakin bertambah akibat perkembangan Angkatan Tentera tiap-tiap tahun.

(ii) *Perkhidmatan Tentera*

Kegiatan-kegiatan Perkhidmatan Tentera adalah tertumpu kepada tugas-tugas gerakan Tentera Darat, Laut dan Udara, termasuk yunit-yunit Pasukan Pertahanan Tempatan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

(*a*) Tentera Darat

Tugas-tugas Tentera Darat boleh dibahagikan seperti berikut:

(1) Gerakan-gerakan Biasa.

(2) Gerakan-gerakan Ketenteraan Awam.

(3) Memelihara Perkhidmatan-perkhidmatan yang penting.

(4) Bantuan Banjir.

Keselamatan dan Pertahanan Negara memerlukan organisasi ketenteraan yang cekap. Ancaman Kominis di dalam negeri masih ada dan gerakan tentera dalam melawan dan memusnahkan ancaman ini perlu diperkuat lagi pada tiap-tiap tahun.

(*b*) Tentera Laut

Tugas-tugas Tentera Laut dalam masa aman, selain dari berlatih untuk berperang adalah untuk menjalankan rondaan-rondaan laut untuk menjamin kepentingan kawasan perairan Malaysia. Di sepanjang pantai yang jaraknya lebih kurang 3,000 batu. TLDM bertindak untuk menentang lanun, penyeludupan, memberi perlindungan kepada kapal-kapal nelayan, mencegah kemasukan secara haram kapal-kapal asing, membantu Kastam Diraja dalam mencegah penyeludupan.

Di samping itu TLDM menjalankan kerja-kerja mencari dan menyelamat dalam kawasan perairan Malaysia. Apakala kapal-kapal itu tidak digunakan dengan sepenuhnya dalam menjalani tugas sehari-hari, kapal-kapal itu, adalah menjalani latihan-latihan untuk memelihara dan memajukan kecekapan peperangan Angkatan Laut itu.

Di masa ini, selain daripada membuat rondaan-rondaan biasa diperairan Malaysia, kapal-kapal TLDM adalah jua digunakan dalam Rondaan Bersama dengan Angkatan Laut Thailand dan Indonesia di sepanjang sempadan perairan Malaysia/Thailand dan Malaysia/Indonesia. Kelibatan-kelibatan perondaan telah kian bertambah.

Gerakan-gerakan dalam membantu Angkatan Tentera Darat di Sarawak telah juga dipergiat. TLDM sekarang menggunakan sebanyak 85% daripada kapal-kapal pendaratnya di kawasan Sarawak.

Jumlah rondaan untuk tahun-tahun tertentu adalah seperti berikut:

1973		1974 (dirancangkan)		1975 (dirancangkan)
4,500	...	4,500	...	5,000

(*c*) Tentera Udara

Peranan TUDM adalah untuk memberi bantuan pengangkutan udara kepada anggota Tentera dan Polis Diraja Malaysia. TUDM juga memberi bantuan udara seperti menggugurkan bekalan udara, memindahkan pesakit-pesakit, membuat peninjauan, tugas mencari dan menyelamat, membuat serangan udara, dan penerbangan perhubungan. Bantuan TUDM adalah juga diadakan bagi Jabatan-jabatan Awam Kerajaan. TUDM juga bertugas memberi bantuan di masa bencana banjir dan kemarau.

Jumlah bilangan penerbangan TUDM untuk tahun-tahun tertentu adalah seperti berikut:

1973		1974 (dirancangkan)		1975 (dirancangkan)
34,300	...	36,000	...	36,000

(iii) *Perkhidmatan Lojistik*

Aktiviti Perkhidmatan Lojistik adalah berkaitan dengan tugas yunit-yunit seperti Pasukan Kelengkapan Malaysia, Pasukan Perkhidmatan Malaysia, Pasukan Jurutera dan Letrik Malaysia, Pasukan Pergigian dan Perubatan Angkatan Tentera, dan yunit-yunit Lojistik Tentera Laut Diraja Malaysia dan Tentera Udara Diraja Malaysia. Yunit-yunit Lojistik ini adalah diberi tanggung-jawab utama untuk membekalkan keperluan alat-alat kelengkapan dan perkhid-matan seperti makanan, pakaian, kenderaan, minyak, senjata dan peluru, perumahan, perkhidmatan pergigian dan perubatan dll., kepada Angkatan Tentera.

Tugas bantuan yunit Lojistik sedang diperluaskan lagi untuk mengimbangi perkembangan Angkatan Tentera.

(iv) *Latihan*

Latihan sebagai satu aktiviti yang meliputi latihan bagi Tentera Darat, Tentera Laut dan Tentera Udara. Bukan sahaja kegiatan-kegiatan di seluruh Pusat-pusat Latihan malahan termasuk kegiatan-kegiatan dari pusat-pusat yang lain daripada Pusat Latihan.

(*a*) Tentera Darat

Di masa ini ada 14 Pusat Latihan bagi Tentera Darat Malaysia seperti berikut:

(1) Maktab Tentera Diraja;
(2) Sekolah Latihan Tentera Malaysia;
(3) Pusat Latihan Rikerut;
(4) Sekolah Semboyan Malaysia;
(5) Rejimen Latihan Kejuruteraan ke 10;
(6) Pusat Latihan Kor Perkhidmatan Malaysia;
(7) Sekolah Kelengkapan Malaysia;
(8) Sekolah Kejuruteraan Letrik dan Jentera;
(9) Cawangan Latihan, Pasukan Perubatan Angkatan Tentera;
(10) Pre-OCTU;
(11) PULADA;
(12) Sekolah Latihan Risik;
(13) Pusat Latihan Tentera Wataniah;
(14) Maktab Turus Angkatan Tentera.

Maktab Turus Angkatan Tentera yang telah ditubuhkan dalam bulan Februari 1971 dewasa ini berjalan dengan licin, dan memberi kursus-kursus kepada Pegawai-pegawai kanan. Peserta-peserta luar negeri seperti Indonesia, Thailand, U.K., New Zealand dan Australia turut menjalani kursus di sini.

PULADA yang telah diambil alih daripada British telah menjadi punca perangsang kepada Angkatan Tentera Malaysia. Kursus-kursus pertempuran yang diadakan di pusat latihan ini adalah daripada mutu yang tinggi.

Hasil Latihan pada keseluruhannya tahun 1973 dan hasil yang dirancangkan bagi tahun 1974 dan 1975 termasuk latihan-latihan seberang laut adalah seperti berikut:

	1973	1974	1975
Pegawai	3,105	3,700	3,850
Lain-lain Pangkat	17,600	20,152	22,000

Aktiviti-aktiviti latihan dalam Tentera Darat Malaysia, dalam banyak keadaan telah diperbaharui untuk mengimbangi perkembangan yang pesat dan keperluan untuk memperolehi askar-askar yang terlatih dan mahir dalam teknik dan senjata. Keperluan untuk menghantar Pegawai-pegawai dan lain-lain Pangkat mengikut kursus-kursus di seberang laut akan diteruskan jika kursus-kursus tersebut tiada dijalankan di pusat-pusat latihan tempatan.

(*b*) Tentera Laut

Masih terdapat kekurangan Pegawai-pegawai dan anggota-anggota lain pangkat cawangan teknikal dan Cawangan Perhubungan Radio. Ini berlaku kerana perkembangan dan kemodenan TLDM di masa ini. Ramai anggota-anggota baru Cawangan teknikal telah diambil pada tahun 1973, diperbanyak lagi dalam tahun 1974 dan dirancang untuk tahun 1975. Anggota-anggota ini telah dihantar ke seberang laut untuk dilatih, bila mana keperluan ini tiada dapat dilaksanakan oleh pusat-pusat latihan tempatan.

Kemudahan-kemudahan latihan tempatan yang memenuhi kira-kira 70% daripada tanggungan-tanggungan latihan di masa ini, adalah dijalankan di pertubuhan-pertubuhan berikut:

(1) KD Pelandok

Ditubuhkan dalam tahun 1971, pertubuhan ini memberi latihan untuk kedet dan rikerut.

(2) Bahagian Latihan K.D. Malaya

Pertubuhan ini terus memberi sebahagian besar daripada latihan-latihan tempatan kepada anggota-anggota lain pangkat dan pegawai-pegawai.

(3) Kapal Latihan

Latihan Laut kepada Pegawai-pegawai dan Anggota-anggota Lain Pangkat di masa ini dijalankan di K.D. Hang Tuah. Mana-mana latihan laut selanjutnya yang tiada memakan masa yang panjang dan tiada dapat dijalankan di K.D. Hang Tuah akan dijalankan di kapal-kapal gerakan yang lain samada di laut atau di pelabuhan.

Hasil keluaran latihan untuk tahun 1973 dan hasil yang dirancangkan untuk tahun 1974 dan 1975 termasuk latihan seberang laut adalah seperti berikut:

	1973	1974	1975
Pegawai	130	140	170
Lain-lain Pangkat	1,500	1,700	1,900

Adalah dirancangkan, bila mana TLDM telah mempunyai pegawai-pegawai mahirnya sendiri yang cukup, ia akan membuat latihan-latihan sepenuhnya di pusat-pusat latihan tempatan.

(*c*) Tentera Udara

Rancangan Latihan TUDM diberi di pusat-pusat latihan tempatan dan seberang laut. Kemudahan latihan tempatan adalah dijalankan di pertubuhan-pertubuhan seperti berikut:

(1) Sekolah Latihan Terbang TUDM Alor Star

Sekolah ini memberi latihan penerbangan asas dan lanjutan pemandu-pemandu TUDM.

Jumlah pemandu-pemandu yang telah lulus hingga darjah asas "sayap" dalam tempoh Julai 1973 hingga Jun 1974 adalah seperti berikut:

	1hb Julai 73 hingga 31hb Dis. 73	1hb Jan. 74 hingga 30hb Jun 74
Latihan Asas	16	17
Latihan Lanjutan	5	—
Jumlah	21	17

(2) Sekolah Kejuruteraan Kapalterbang TUDM Kinrara

Sekolah ini memberi latihan asas untuk juruteknik askar udara. Juga Latihan lanjutan mengenai Kejuruteraan Udara dan lain-lain kursus pengkhususan untuk pegawai-pegawai TUDM dan Askar-askar Udara.

Jumlah Anggota-anggota TUDM yang dilatih dalam tempoh tertentu adalah seperti berikut:

	1973	1974
Pegawai-pegawai	24	35
Askar Udara	430	400
Apperentis Teknikal	244	270
Rikerut	315	280
Jumlah ...	1,013	985

(3) Latihan Helikopter

Dalam tahun 1973/74, sejumlah 24 pelatih telah dihantar untuk menjalankan latihan helikopter di Syarikat Helikopter S.E.A. Sdn Bhd. Penubuhan sebuah Sekolah Latihan Penerbangan Helikopter sedang dalam pelaksanaan. TUDM akan melatih pemandu helikopter sendiri di masa-masa hadapan.

Hasil latihan pada keseluruhannya untuk tahun 1973 dan hasil yang dirancangkan untuk tahun 1974 dan 1975 termasuk latihan seberang laut adalah seperti berikut:

	1973	1974	1975
Pegawai-pegawai	137	240	257
Askar-askar Udara	366	641	516

Untuk menentukan anggota-anggota TUDM yang layak diberi pengetahuan kemahiran dalam berbagai aspek penerbangan, penyelenggaraan teknikal dan keahlian ketukangan untuk memenuhi keperluan TUDM, anggota-anggota yang dipilih adalah perlu dihantar berkursus di seberang laut bila keperluan tersebut melebihi keupayaan dan kebolehan tempatan. Keperluan untuk mengekalkan kemahiran yang bermutu tinggi dalam Angkatan Udara moden, adalah nyata, terutama bila alat-alat dan kapalterbang-kapalterbang baru yang kompleks dan rumit diperkenalkan kepada TUDM yang terus berkembang ini.

(v) *Penyelidikan dan Pembangunan*

Aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan adalah tanggungjawab Pusat Penyelidikan Pertahanan (PPP). Kerja-kerja Pusat ini dalam memberikan bantuan saintifik dan teknoloji kepada Angkatan Tentera telah terbukti baik walaupun ia mempunyai kemudahan-kemudahan dan anggota-anggota yang terhad.

Kerja-kerja penyelidikan gerakan di masa ini adalah diutamakan kepada Tentera Darat dan hanya sedikit yang dibuat untuk Tentera Laut serta Tentera Udara.

Kerja-kerja yang diutamakan dan sedang dilaksanakan di masa ini adalah:

(1) Penilaian dan Tektik lain-lain Pangkat—Kebanyakannya kajian-kajian kesan kos, percubaan dan penilaian barang-barang ketenteraan.

(2) Lojistik Lain-lain Pangkat—kebanyakannya masaalah alat-alat dan simpanan-simpanan, polisi membaiki dan menyelenggara.

(3) Masaalah-masaalah anggota-anggota—iaitu polisi-polisi keperluan, straktur-straktur pangkat dan latihan.

(4) Pengenalan "EDP".

Pelaksanaan-pelaksanaan PPP secara ukuran yunit adalah seperti berikut:

	Tercapai 1973	Dijangka 1974	Diramalkan 1975
(*a*) Mekanikal	83 ujian	100 ujian	130 ujian
(*b*) Woksyop	—	—	50 ujian
(*c*) Kaji Logam	105 ujian	140 ujian	180 ujian
(*d*) Analisa Logam	200 hari tenaga	400 hari tenaga	700 hari tenaga
(*e*) Metroloji	1 tahun tenaga	3 tahun tenaga	6 tahun tenaga
(*f*) Letrik dan Suhu	15 ujian	59 ujian	137 ujian
(*g*) Fisik kegunaan dan alam keliling ..	—	5 bulan tenaga	5 tahun tenaga
(*h*) Lojistik Lain-lain pangkat	35 bulan tenaga	62 bulan tenaga	72 bulan tenaga
(*i*) Penilaian dan Tektik-tektik Lain-lain Pangkat	31	50	72
(*j*) Lain-lain Pangkat Tentera Laut dan Tentera Udara	—	—	48
(*k*) Sekretariat Teknik	1 tahun tenaga	1 tahun tenaga	1 tahun tenaga
(*l*) Penerangan	4 tahun tenaga	5½ tahun tenaga	7½ tahun tenaga
(*m*) Penentuan	21 ujian	50 ujian	80 ujian
(*n*) Penyelidikan dan Pembangunan ..	12 projek	16 projek	20 projek
(*o*) Pemereksaan dan Proof	5 tahun tenaga	8 tahun tenaga	9 tahun tenaga

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	275,440,823	227,372,000	298,794,000
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	69,729,939	70,299,000	72,441,500
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..	2,274,501	2,329,000	3,764,500
	Jumlah Gaji ..	347,445,263	300,000,000	375,000,000

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	15,981,608	14,019,100	15,700,000
2200	Pengangkutan Barang-barang ..	1,099,880	1,100,000	1,163,000
2300	Perhubungan	4,920,562	5,787,400	6,017,300
2400	Api, Air dan Letrik dll.	12,635,833	12,757,000	14,050,000
2500	Sewa	4,252,565	4,021,600	4,545,500
2600	Perkhidmatan Pencetakan.. ..	1,628,640	1,227,000	862,700
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	93,485,102	119,500,500	149,936,500
2800	Perkhidmatan Pelbagai	45,976,703	54,697,000	59,198,000
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	123,816,639	109,861,400	168,027,000
3300	Pembinaan	2,384,743	4,029,000	5,500,000
4100	Pemberian, Subsidi dan Carum-carum	150,000	1,200,000	—
	Jumlah ..	653,777,538	628,200,000	800,000,000

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974	Bilangan	Anggaran Tahun 1975
		$		$		$
(i) Pentadbiran Pertahanan..	2,700	20,855,321	3,316	17,250,000	3,316	24,400,000
(ii) Perkhidmatan Tentera ..	63,509	285,191,675	55,243	228,200,000	54,349	273,880,000
(iii) Perkhidmatan Lojistik ..	10,634	13,316,196	15,835	30,360,000	15,835	42,910,000
(iv) Latihan	8,071	27,735,312	9,425	23,640,000	9,425	33,260,000
(v) Penyelidikan dan Pembangunan	97	346,759	131	550,000	131	550,000
Jumlah ..	85,011	347,445,263	83,950	300,000,000	83,056	375,000,000

3. Anggaran Pembangunan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Rancangan Perumahan—			
(*a*) Rancangan-rancangan Perumahan (Pengambilan Tanah dan Pembinaan)	61,878,101	71,000,000	60,000,000
(*b*) Pengangkutan dan Perjalanan	94,684	100,000	120,000
(ii) Pengkalan Tentera Laut, Lumut ..	3,034,647	20,000,000	30,000,000
(iii) Pengkalan TUDM Subang	11,617	5,000,000	2,500,000
(iv) Baikpulih Kapalterbang	321,967	7,000,000	10,000,000
(v) RASCOM	1,535,670	2,000,000	2,000,000
(vi) Pusat Latihan dan Perumahan bagi Bakal-bakal Bekas Tentera	—	1,000,000	1,500,000
(vii) Pengkalan Depoh, Tentera Laut, Kuantan	41,768	578,000	4,000,000
(viii) Kelengkapan—			
(*a*) Pembayaran Kelengkapan dari A.S.	—	1,000,000	290,269
(*b*) Bantuan Berjenis dari Australia	4,035,806	10,500,000	10,000,000
(*c*) Pesawat Terbang	596,208 *Cr*	—	97,635,000
Jumlah ..	71,550,468	118,178,000	218,045,269

Kemajuan Kerja-kerja Pembinaan

(i) *Rancangan Perumahan*

(*a*) Depoh Peluru Pusat, Batu Arang

Projek yang berharga $5.8 juta ini dijangka siap dalam tahun 1976. Pada masa ini, kerja-kerja menyiasat tanah, kerja-kerja pertapakan dan pembinaan jalan ke depoh sedang berjalan. Bahagian Perancang Ekonomi telah dihubungi untuk meluluskan pembinaan semula sebatang landasan keretapi yang tidak digunakan lagi di antara Kuang dan Batu Arang. Anggaran perbelanjaan bagi tahun 1975 ialah $5 juta.

(*b*) Maktab Turus, Templer Park

Satu kawasan seluas kira-kira 210 ekar terletak di batu 13 Jalan Rawang-Kuala Lumpur telah diambil-beli, untuk Maktab Turus, dengan harga $743,554. Kajian "seismic" dan "contour" serta kajian lapisan tanah untuk projek ini telah selesai. Kerja-kerja pertapakan bagi rumah-rumah kelamin telah juga selesai dan tawaran-tawaran telah dipanggil untuk meratakan tanah. Sebahagian besar daripada kerja-kerja pembinaan dijangka dapat dimulakan dalam tahun 1976. Adalah dijangka bahawa peruntukan sebanyak $20.98 juta akan dibelanjakan semuanya di dalam Rancangan Malaysia Ketiga bilamana projek ini berjalan sepenuhnya. Hanya $2.48 juta diperlukan dalam tahun 1975 untuk kerja-kerja meratakan tanah.

(*c*) Depoh Simpanan Kelengkapan Pusat, Sungei Buloh

Projek ini adalah satu daripada projek-projek yang telah diluluskan untuk rancangan Kompleks Sungai Buloh yang meliputi kawasan seluas 362.4 ekar yang telah diambil-beli dengan harga lebih kurang $4.6 juta. Kompleks ini, bila siap kelak, dianggarkan menelan belanja sebanyak $29.3 juta. Depoh Simpanan Kelengkapan Pusat sahaja, yang meliputi kawasan seluas 86 ekar, akan menelan belanja sebanyak lebih kurang $10 juta, yang mana sebanyak $2.6 juta akan dibelanjakan dalam tahun 1975. Pada masa ini, pelan tapak dan penyelidikan tanah telah 80% siap dan lukisan-lukisan pekerjaan sedang dibuat.

(*d*) Kompleks Batalion Infanteri, Kuala Lipis

Kompleks ini akan didirikan di suatu kawasan seluas kira-kira 261.8 ekar yang terletak lebih kurang satu batu daripada bandar Kuala Lipis. Tawaran untuk penyediaan tapak; jalan masuk ke kompleks tersebut, kerja-kerja memecahkan batu, taliair, meratakan dan memampatkan tanah telah diberikan kepada pemborong kerja-kerja pertapakan ini dijangka siap pada lewat tahun 1975. Kerja-kerja pembinaan bangunan tidak dapat dimulakan sehingga awal tahun 1976. Oleh yang demikian, sebahagian besar daripada peruntukan sebanyak $19 juta untuk projek ini akan dibelanjakan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Dalam tahun 1975 hanya $2 juta sahaja diperlukan. Kerajaan Negeri Pahang telah membuat sumbangannya kepada projek ini dengan memberikan persetujuan untuk membayar harga tanah, membekalkan air sehingga ke meter besar, membina jalan masuk ke kompleks tersebut dan juga membina pagar di sekeliling kompleks itu.

(*e*) Pasukan Gerak Khas Malaysia, Sungei Udang

Kem Sungei Udang pada mulanya dibina untuk menempatkan sebuah Batalion Infanteri. Bagaimanapun, bangunan-bangunan perumahan dan kemudahan-kemudahan yang ada di dalam kem ini tidak dapat memenuhi keperluan-keperluan Pasukan Gerak Khas Malaysia iaitu satu yunit tentera yang kekuatannya adalah lebih kurang dua kali ganda daripada satu Batalion Infanteri biasa. Oleh yang demikian, di bawah Rancangan Malaysia Kedua, sebanyak $11 juta telah diluluskan untuk menyediakan bangunan-bangunan dan kemudahan-kemudahan tambahan seperti rumah kelamin, tempat kediaman orang-orang bujang, padang permainan kanak-kanak, pusat membeli-belah, madrasah, kemudahan-kemudahan sukan,

kemudahan-kemudahan latihan di udara dan kemudahan-kemudahan untuk penyelam-penyelam. Projek ini akan siap pada awal tahun 1976. Beberapa kerja pembinaan yang besar akan dijalankan dalam tahun 1975 yang mana peruntukan sebanyak $4 juta telah disediakan.

(*f*) Kompleks Kampung Bukit Cina, Kelantan

Kompleks Kampung Bukit Cina meliputi kawasan seluas kira-kira 738 ekar. Di dalam kompleks yang berharga $30.8 juta ini, rumah-rumah kelamin, bangunan tempat bekerja, "warehouses" dan pusat kebajikan, kemudahan-kemudahan sosial dan membeli-belah akan dibina untuk memenuhi keperluan dua Batalion Infanteri, satu Kompeni Pengangkutan, satu Pelatun Bekalan, satu Beteri Pasukan Meriam dan lain-lain yunit yang kecil. Sehingga ini, kerja-kerja sedang berjalan ke atas bahagian-bahagian berikut di dalam kompleks tersebut, 952 yunit Rumah Pangsa Kelas "G", Pelatun Bekalan, Kumpulan Simpanan Senggara tempat Petrol Minyak dan Pelicin, Kompeni Pengangkutan, Kompleks Sekolah Woksyop Medan dan "Labour Lines". Di dalam tahun 1975, sebanyak $8.5 juta akan dibelanjakan bagi pembinaan lain-lain bahagian kompleks tersebut. Lebih banyak lagi kerja akan dijalankan ke atas projek ini di dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

(*g*) Kompleks Sungei Petani, Kedah

Sebahagian besar daripada Kompleks ini adalah terdiri daripada rumah-rumah kelamin dari berbagai yunit dan jenis untuk Kumpulan Beriged Infanteri Keenam di Sungei Petani. Selain daripada itu, kompleks ini juga mengandungi bangunan tempat bekerja, tempat kediaman orang-orang bujang, "warehouses" dan tempat menyimpan kenderaan yang akan dibina untuk yunit-yunit kecil di brigade ini. Bekalan letrik dan jalan masuk ke kompleks ini akan juga dibina. Jumlah anggaran harga untuk projek ini ialah $20 juta dan lebih kurang $2 juta dijangka akan dibelanjakan di dalam tahun 1975. Dalam bulan Oktober tahun 1974, rumah-rumah kelamin akan dapat didiami dan lebih kurang 80% daripada kerja-kerja membina "warehouses" dan tempat menyimpan kenderaan dijangka siap.

(*h*) Kompleks Lok Kawi, Sabah Peringkat IIA dan Peringkat IIB

Kompleks ini akan menempatkan Markas Beriged bagi Sabah dan lain-lain yunit beriged termasuk Yunit Pelabuhan. Rumah-rumah kelamin dan kemudahan-kemudahan bersama seperti perubatan, pelajaran, sosial dan kebajikan bagi yunit-yunit di dalam Markas Beriged itu akan dibina. Jumlah anggaran harga untuk projek ini ialah $37.3 juta. Daripada jumlah itu perbelanjaan sebanyak lebih kurang $35.7 juta telah ditanggungkan untuk kerja-kerja yang telah ditawarkan. Perbelanjaan di dalam tahun 1975 dijangka sebanyak lebih kurang $7.8 juta.

(*i*) Pengkalan Tentera Laut, Lumut

Kerja-kerja ke atas projek yang berharga $450 juta ini, yang akan menggantikan Pengkalan Tentera Laut di Singapura, sedang berjalan dengan lancarnya. Kontrek berkenaan penyelidikan tanah untuk Pusat Latihan, Pengkalan ini telah siap. Ada tiga lagi kontrek berkenaan penyelidikan tanah yang akan ditandatangani iaitu penyelidikan tanah di kawasan Pelabuhan Gerakan, di kawasan rumah-rumah kelamin dan di kawasan menyimpan barang-barang. Adalah dijangka bahawa kerja-kerja penyelidikan tanah akan siap pada pertengahan tahun 1975. Pelaksanaan pembinaan fizikal untuk projek ini akan bermula dengan penandatanganan beberapa kontrek berkenaan penyediaan tapak. Kontrek yang pertama, mengandungi kerja-kerja pembersihan tanah, meratakan tanah, membina taliair dan jalan-jalan dan bekalan air di dalam kawasan Pengkalan Utama (Main Base Area) termasuk Pusat Latihan, akan siap dalam tahun 1975. Dua lagi kontrek berkenaan penyediaan tapak iaitu untuk kawasan rumah-rumah kelamin akan bermula dalam tahun 1974 dan akan di bawa kepada tahun 1975. Butir-butir reka-bentuk bangunan Pusat Latihan, rumah-rumah kelamin jenis "F" dan "G" dan bangunan tempat kediaman orang bujang sedang disediakan. Peruntukan yang diminta bagi tahun 1975 sebanyak $30 juta akan dibelanjakan bagi penyediaan tapak untuk pengkalan ini, pembinaan bangunan-bangunan yang tersebut di atas dan pembayaran kepada pakar perunding.

(*j*) Pengkalan TUDM, Subang

Di bawah Rancangan Malaysia Kedua, satu peruntukan sebanyak $10 juta telah disediakan untuk pembinaan sebuah pengkalan Tentera Udara yang baru di Subang untuk menggantikan pengkalan yang sekarang di Sungei Besi, Kuala Lumpur. Kementerian ini akan membeli tanah seluas 650 ekar untuk projek ini. Tanah itu telahpun diwartakan untuk diambil-beli oleh Kementerian Pertahanan. Pada masa ini, tanah itu sedang ditaksir oleh pihak yang berkuasa untuk bayaran pampasan kepada tuan-tuan punya tanah. Peruntukan sebanyak $2.5 juta yang diperlukan di dalam tahun 1975 merupakan sebahagian daripada anggaran harga untuk kerja-kerja pertapakan bagi projek ini.

(*k*) Baikpulih Kapalterbang, Subang

Projek ini yang akan dibina di atas sebidang tanah seluas 44.49 ekar yang telah dibeli dengan harga sebanyak lebih sedikit daripada $0.3 juta. Projek ini diselenggarakan oleh dua buah ajensi pembinaan. Sel Ujian Jentera Kapalterbang adalah direka, dibina dan akan diuji ketepatan ukurannya (calibrated) oleh sebuah firma pakar perunding Amerika, manakala J.K.R. akan membina jalan masuk ke kompleks ini. J.K.R. akan juga membina bangunan Woksyop Baikpulih Komponen dan Jentera Kapalterbang yang kini sedang direka oleh sebuah firma pakar perunding tempatan yang dilantik oleh J.K.R. Bangunan-bangunan untuk "Electroplating Workshop", Pejabat Pentadbiran, Woksyop Kelengkapan "Ground Support", stor Minyak Petrol dan Pelicin dan lain-lain bangunan akan ditawarkan oleh J.K.R. Di bawah Rancangan Malaysia Kedua peruntukan sebanyak $18 juta telah diluluskan untuk projek ini. Daripada jumlah itu, sebanyak $3.819 juta telah diperuntukkan bagi pembelian tanah dan pembinaan. Di dalam tahun 1975 sebanyak $1 juta sahaja diluluskan untuk pembinaan dan $9 juta telah diluluskan untuk pembelian kelengkapan dan lain-lain perbelanjaan seperti bayaran pakar perunding.

(*l*) RASCOM, Sibu

Kompleks Markas RASCOM terletak di batu 9½ Jalan Sibu-Ulu Oya di atas satu kawasan seluas 384.55 ekar yang telah dibeli di dalam tahun 1973. Hanya bangunan tempat kerja dan bangunan tempat kediaman orang-orang bujang yang berbentuk separuh kekal (semi-permanent) sahaja akan dibina. Pada masa ini kerja-kerja pertapakan untuk projek ini sedang berjalan. Perbelanjaan di dalam tahun 1975 dijangka sebanyak $2.16 juta.

(*m*) Pusat Latihan dan Perumahan bagi Bakal-bakal Bekas Tentera

Pusat ini akan didirikan di dalam Kompleks Sungei Buloh yang mempunyai kawasan seluas 362.4 ekar. Kajian tanah sedang berjalan sekarang ini.

(*n*) Pengkalan Hadapan Tentera Laut, Kuantan

Kerajaan Malaysia telah menandatangani satu perjanjian dengan pakar perunding pada 14hb Februari, 1974 untuk membina satu pengkalan hadapan Tentera Laut di Tanjung Gelang, Kuantan. Pakar perunding itu adalah bertanggungjawab untuk mengorek kawasan pelabuhan, membina tempat memunggah dan mengisikan barang-barang ke dalam kapal (quaywall) dan tembuk di tebing (revetments) dan stor peluru. Lain-lain pekerjaan seperti kajian (survey) dan penyelidikan, pembinaan jalan, bekalan air dan letrik dan pembinaan bangunan akan dijalankan oleh J.K.R. Projek ini akan dijalankan serentak dengan projek Pelabuhan Perdagangan Kuantan untuk menjimatkan perbelanjaan pada masa pembinaan. Peruntukan $4 juta bagi tahun 1975 diperlukan untuk kerja-kerja pembinaan oleh J.K.R., pembelian kelengkapan dan bayaran kepada pakar-pakar perunding.

(*o*) Kelengkapan

(i) Di bawah perjanjian Jualan Kredit Amerika (1971-75), Kementerian ini dijangka menerima alat-alat kelengkapan pertahanan bernilai sebanyak M$290,269 di dalam tahun 1975. Alat-alat kelengkapan ini adalah terdiri daripada pelbagai barang-barang kelengkapan dan barang-barang ganti.

(ii) Alat-alat kelengkapan pertahanan bernilai sebanyak $10 juta adalah dijangka dihantar ke negeri ini di dalam tahun 1975 di bawah Rancangan Bantuan Australia. Walaupun Rancangan ini pada asalnya dijangka tamat dalam tahun 1974, tetapi banyak lagi alat-alat kelengkapan yang masih belum dihantar mengikut jadual Rancangan ini. Oleh yang demikian tempoh Rancangan ini telah dilanjutkan ke tahun 1975 untuk membolehkan Kementerian ini menggunakan sepenuhnya semua tawaran-tawaran di bawah rancangan bantuan yang berjumlah sebanyak lebih kurang M$34.1 juta.

(iii) Di bawah Perjanjian Jualan Keredit sebanyak US$42 juta yang ditandatangani antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Amerika Syarikat, Kerajaan itu akan membekalkan 16 buah pesawat terbang F5 kepada Malaysia. Pesawat-pesawat terbang itu akan sampai ke Malaysia di dalam tahun 1975. Peruntukan sebanyak $97.6 juta yang dikehendaki di dalam tahun 1975 merupakan bayaran 14 buah pesawat pejuang itu.

4. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Belanja Mengurus	653,777,538	628,200,000	800,000,000
Belanja Pembangunan	71,550,468	118,178,000	218,045,269
Jumlah Besar ..	725,328,006	746,378,000	1,018,045,269

Kepala Bekalan 23 ...	**...**	**$ 944,210,500**
Kepala Bekalan 24 ...	**...**	**154,000,000**
Kepala Pembangunan 23 ...		**144,135,051**
Kepala Pembangunan 24 ...		**45,067,243**
Jumlah ...		**$1,287,412,794**

	Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975 ...	**$1,098,210,500**	**$189,202,294**	**$1,287,412,794**
Peruntukan 1974 ...	**873,516,167**	**166,377,900**	**1,039,894,067**
Perubahan ...	**+ $ 224,694,333**	**+ $ 22,824,394**	**+ $ 247,518,727**

1. Tujuan-tujuan

Tujuan-tujuan rancangan pelajaran dan latihan seperti tercatit di dalam Rancangan Malaysia Kedua ialah mengadakan dan memperbaiki rancangan-rancangan pelajaran di segenap peringkat iaitu dari peringkat pra-sekolah, rendah, menengah dan tinggi bagi menjamin perpaduan kebangsaan serta membekalkan tenaga manusia dalam berbagai-bagai lapangan pekerjaan untuk membolehkan rakyat mengambil bahagian dalam kembangan serta kemajuan ekonomi, sosial, kebudayaan dan politik negara. Keutamaan istimewa adalah diberikan kepada pelajaran sains, teknik dan vokesyenal.

Bagi mencapai tujuan-tujuan di atas, Kementerian akan meneruskan kegiatan-kegiatan berikut:

(*a*) Memperkembang serta mengukuhkan Sistem Pelajaran Kebangsaan sebagai penyokong kepada semua rancangan yang bertujuan untuk mengembang perpaduan kebangsaan, terutamanya dengan cara mengurangkan jurang perbedaan dan memperbaikkan pembahagian peluang-peluang untuk mendapat pelajaran di antara daerah-daerah dalam negeri dan di antara jenis-jenis pengantar pelajaran dan juga dengan cara meninggikan mutu pelajaran;

(*b*) Melaksanakan dasar perpaduan dengan menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar yang utama di sekolah-sekolah; dan

(*c*) Memperbaiki sistem pelajaran dari segi kualiti dan kuantiti bagi semua peringkat dengan cara—

(i) menitikberatkan pelajaran sains, teknik dan vokesyenal serta memperbaiki lagi pilihan pelajartn di peringkat menengah dan menyediakan manusia bagi pekerjaan yang berguna;

(ii) meninggikan mutu pelajaran di semua peringkat dengan cara memperbaiki kandungan, peraturan, susunan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang berkaitan dengannya;

(iii) mengadakan guru-guru terlatih dengan secukupnya dan yang mempunyai mutu setinggi-tingginya;

(iv) memperbaiki kadar "survival" dalam semua peringkat sistem pelajaran;

(v) mengadakan kemudahan-kemudahan bagi jumlah murid-murid yang bertambah bilangannya di semua peringkat akibat bertambahnya penduduk dan nisbah "survival" murid-murid yang bertambah baik;

(vi) memperbaik dan mengukuhkan rancangan percantuman Pelajaran Khas bagi murid-murid buta dan pekak; dan

(vii) mengembangkan satu sistem pelajaran tinggi mengikut keperluan-keperluan negara supaya mencapai taraf yang tinggi setanding dengan yayasan-yayasan pelajaran tinggi yang terkemuka di negara-negara lain.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran Am	21,227,148	22,753,938	23,286,711
(ii) Latihan Guru	22,218,212	32,664,257	36,305,346
(iii) Pelajaran Rendah dan Menengah	652,473,225	676,452,614	886,397,664
(iv) Pengurusan Peperiksaan	4,170,469	6,508,845	8,024,969
(v) Pelajaran Menengah Atas/Tinggi..	84,487,036	102,318,300	102,843,078
(vi) Kebajikan Penuntut-penuntut di Luar Negeri	2,665,892	3,102,573	3,287,342
(vii) Biasiswa/Dermasiswa/Hadiah Bantuan Latihan	14,513,793	25,000,000	31,000,000
(viii) Perkhidmatan Awam dan Pelajaran Daerah	6,860,346	4,715,640	7,065,390
Jumlah ..	808,616,121	873,516,167	1,098,210,500

Prestasi

(i) *Pentadbiran Am*

Aktiviti Pentadbiran Am merupakan aktiviti yang terpenting dan asas dalam menjayakan segala rancangan dan projek-projek pelajaran dalam Rancangan Malaysia Kedua. Tugas-tugas utama ini ialah seperti berikut:

(*a*) melaksanakan Sistem Pelajaran Kebangsaan sebagai alat perpaduan;

(*b*) memberi orientasi yang baru kepada setiap warganegara mengenai pelajaran serta mengadakan perancangan-perancangan dan penyelidikan-penyelidikan yang konkrit agar setiap warganegara lebih berminat di bidang sains, teknoloji dan perdagangan dan dapat menyediakan tenaga manusia dalam lapangan itu;

(*c*) memperbaiki dan meninggikan lagi sistem pelajaran dalam kedua-dua aspek kuantiti dan kualiti di semua peringkat, untuk memberi sumbangan ke arah kemajuan ekonomi, sosial dan politik negara;

(*d*) mengemaskinikan segala kerja-kerja dan tindakan supaya pelaksanaan objektif negara dalam pelajaran tetap tercapai;

(*e*) mengembelingkan segala usaha serta kesanggupan dalam penyelidikan, perancangan dan pelaksanaan sistem pelajaran.

Aktiviti ini juga terlibat dalam membuat satu-satu keputusan dasar, hal-hal mengenai kewangan, perjawatan dan perkhidmatan, pengurusan pelajaran tinggi termasuk biasiswa dan latihan, peperiksaan, penyelidikan dan perancangan pelajaran, penyeliaan pengajaran Ugama Islam di sekolah-sekolah menengah dan hal ehwal hubungan luar negeri.

Aktiviti ini merupakan aktiviti yang terpenting dalam Kementerian ini dan meliputi kesemua rancangan aktiviti yang dijalankan oleh 7 Bahagian di Kementerian dan 13 Pejabat Pelajaran Negeri Bahagian-bahagian itu ialah:

(*a*) Bahagian Pentadbiran,

(*b*) Bahagian Perjawatan dan Perkhidmatan,

(*c*) Bahagian Kewangan dan Akaun.

(ii) *Latihan Guru*

Rancangan-rancangan yang akan dijalankan di bawah aktiviti ini ialah bagi melatih bakal-bakal guru, guru-guru yang sedang berkhidmat dan guru yang tidak mendapat latihan perguruan sebelumnya dengan tujuan dapat melahirkan guru-guru yang terlatih, cekap dan punya teknik pengajaran yang sesuai dengan perkembangan pelajaran dan daya penerimaan murid-murid. Untuk mencapai tujuan ini maka rancangan latihan telah diatur sebegitu rupa dengan mengadakan berbagai-bagai kursus seperti berikut:

(i) Kursus perguruan asas—merupakan kursus biasa (pra-perkhidmatan) di empat belas maktab di Semenanjung Malaysia.

(ii) Kursus-kursus Khas bagi guru-guru Sains dan Ilmu Hisab di Universiti Pertanian Malaysia dan Institiut Teknoloji Kebangsaan.

(iii) Kursus Dalam Perkhidmatan.

Mulai bulan Mei 1974 suatu Kursus Latihan Asas bagi Guru-guru Rakyat telah dijalankan di Maktab Perguruan Kota Bharu, Kelantan. Lebih kurang 180 orang Guru Rakyat adalah diambil bagi rancangan latihan yang memakan masa selama dua tahun ini.

Di samping kursus-kursus biasanya, Maktab Perguruan Ilmu Khas Kuala Lumpur, memulakan pada tahun 1974 kursus untuk bakal-bakal pensyarah dari Sabah selama setahun. Kursus-kursus untuk melatih guru-guru di beberapa mata-pelajaran untuk Sabah dan Sarawak juga dijalankan di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjong Malim, Maktab Perguruan Teknik, Kuala Lumpur, dan Maktab Perguruan Temenggung Ibrahim, Johor Bahru.

Latihan dan penyediaan guru-guru di Sabah dan Sarawak adalah tanggungjawab Pejabat-pejabat Pelajaran di kedua-dua buah negeri tersebut kecuali latihan dan penyediaan guru-guru bagi sekolah-sekolah menengah atas dan guru-guru khas yang mana latihannya diadakan di Semenanjung Malaysia dan di luar negeri.

Di Sabah, terdapat sebanyak 3 buah maktab perguruan yang dijangka akan mempunyai bilangan pelajar seramai 810 orang. Seperti di Sabah, Sarawak juga mempunyai 3 buah maktab perguruan dengan jumlah pelajar di jangka meningkat seramai 1,060 orang pada tahun 1975.

(iii) *Pelajaran Rendah dan Menengah*

Aktiviti ini merupakan satu aktiviti yang menelan belanja yang terbesar sekali di antara aktiviti-aktiviti dalam Kementerian ini. Perbelanjaan di bawah aktiviti ini adalah termasuk semua Sekolah Rendah dan Menengah Bantuan Penuh, Sekolah-sekolah Teknik dan Vokesyenal, Sekolah Berasrama Penuh, dan Sekolah Menengah Sains, Sekolah Pelajaran Khas bagi pendidikan kanak-kanak cacat, Pengajaran Ugama Islam di Sekolah Bantuan Penuh dan Kolej Tengku Abdul Rahman. Rancangan aktiviti ini juga meliputi bantuan dan penyenggaraan Asrama-asrama Biasa (termasuk Asrama-asrama Yayasan Negeri dan Asrama-asrama Yang Dipusatkan), Pamiran-pamiran dan Sukan, Rancangan Buku-buku Teks dan Pemberian Bantuan kepada Lembaga Pusat.

Bilangan murid-murid pada tahun 1975 di sekolah-sekolah rendah adalah dijangka akan meningkat dari 1,547,331 pada tahun 1974 ke 1,597,070 orang pada tahun 1975. Jumlah murid-murid di sekolah-sekolah tertentu dan vokesyenal dijangka meningkat dari 11,282 orang pada tahun 1974 ke 14,300 orang pada tahun 1975. Begitu juga dijangka murid-murid di sekolah-sekolah berasrama penuh dan sekolah menengah sains yang meningkat ke angka 14,068 pada tahun 1975 Begitu juga bilangan murid-murid di sekolah-sekolah berasrama penuh dan sekolah menengah sains yang meningkat ke angka 14,068 pada tahun 1975 berbanding dengan 10,633 orang pada tahun 1974.

Di Sabah dan Sarawak bilangan murid-murid di semua peringkat persekolahan dijangka akan meningkat seramai 425,922 orang iaitu 189,599 di Sabah dan 425,922 di Sarawak.

(iv) *Pengurusan Peperiksaan*

Lembaga Peperiksaan adalah bertanggungjawab bagi menguruskan semua jenis peperiksaan sebagaimana yang dikehendaki oleh Akta Pelajaran, 1961 di samping mengurus berbagai jenis peperiksaan tempatan. Lembaga ini juga menganjur dan menguruskan peperiksaan-peperiksaan luar negeri bagi pihak badan-badan peperiksaan luar negeri. Untuk menjayakan pengurusan-pengurusan peperiksaan terutamanya mengenai pungutan yuran peperiksaan, penentuan pusat-pusat peperiksaan, perlantikan penyelia peperiksaan daerah, ketua-ketua pengawas serta penolong-penolong pengawas, Lembaga ini dibantu oleh Pejabat-pejabat Pelajaran Negeri. Penyediaan, pencitakan dan pembahagian kertas-kertas soalan peperiksaan adalah juga di bawah tugas Lembaga ini.

Pada tahun 1975 Lembaga Peperiksaan akan menganjur dan menguruskan sebanyak 40 jenis peperiksaan yang mana jumlah calun-calun yang akan menduduki peperiksaan itu adalah dianggarkan seramai 1,046,346 orang.

SABAH

Di Sabah, segala aspek pengurusan peperiksaan adalah menjadi tanggungjawab Bahagian Peperiksaan di Jabatan Pela'aran di sana yang juga bertanggungjawab bagi menguruskan semua peperiksaan tempatan dan luar negeri termasuk peperiksaan-peperiksaan yang diadakan oleh Lembaga Peperiksaan Kementerian ini, dan peperiksaan yang diadakan bagi pihak Lembaga Peperiksaan Kerajaan untuk pegawai-pegawai Kerajaan.

(v) *Pelajaran Menengah Atas/Tinggi*

Aktiviti ini meliputi semua yayasan pelajaran tinggi iaitu Institiut Teknoloji Kebangsaan, Universiti Malaya, Hospital Universiti, Universiti Kebangsaan, Universiti Sains Malaysia, Universiti Pertanian dan Politeknik Ungku Omar. Sebuah lagi politeknik yang sedang dalam pembinaannya ialah Politeknik Kuantan yang dijangka mengambil pelajar yang pertamanya seramai 500 orang pada tahun 1975 ini.

Bilangan pelajar I.T.K. tahun akedemik 1975/76 akan meningkat menjadi seramai 2,396 yang terdiri dari 671 orang pelajar untuk kursus ijazah dan 1,725 orang untuk kursus diploma. Jumlah ini menunjukkan pertambahan seramai 426 berbanding dengan jumlah dalam tahun ilmiah 1974/75.

Universiti Malaya telah berkembang dengan begitu pesatnya dan pada masa ini Universiti Malaya mempunyai sebanyak 9 buah Fakulti dengan beberapa buah Jabatan. Pada tahun 1975/76 pengambilan penuntut, Universiti Malaya akan cuba membanyakkan bilangan pelajar di dalam Fakulti-fakulti Kejuruteraan, perubatan, pergigian, Sains dan Undang-undang, dalam masa yang sama mengurangkan jumlah pelajar-pelajar di Fakulti Sastera. Langkah ini adalah selaras dengan dasar Kera'aan untuk melahirkan tenaga kerja di bidang iktisas, sains, perubatan dan kejuruteraan agar lebih banyak lagi.

Pada tahun akedemik 1975/76, Universiti Malaya akan mempunyai mahasiswa seramai 9,168 orang yang akan belajar di berbagai-bagai fakulti.

Hospital Universiti merupakan hospital pengajaran (teaching hospital) bagi Fakulti Perubatan. Hospital ini menyediakan perkhidmatan perubatan untuk pesakit dalam dan luar, mengadakan kemudahan dari segi latihan dan amali bagi kursus siswa perubatan dalam berbagai-bagai bidang pengkhususan, melatih jururawat untuk dapat memberikan perkhidmatan rawatan dengan lebih baik lagi.

Universiti Kebangsaan akan mengambil seramai 3,100 orang pelajar tahun akademik 1975/76 iaitu 1,450 orang di Fakulti Sastera, 600 di Fakulti Islam, 500 di Fakulti Sains, 150 di Fakulti Perubatan, 300 di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, dan 100 di Institiut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu.

Universiti Sains Malaysia akan meneruskan usaha-usahanya bagi memajukan Pusat-pusat Pengajian Sains Kajihayat, Sains Kimia, Fizik dan Ilmu Hisab, Kebudayaan, Kemanusiaan dan Pusat Ilmu Pendidikan. Dalam tahun Ilmiah 1975/76 seramai lebih kurang 3,223 orang penuntut akan menimba ilmu di Universiti ini berbanding dengan tahun 1974/75 iaitu seramai 2,796 orang.

Universiti Pertanian Malaysia mengadakan dua jenis kursus iaitu kursus peringkat diploma dan kursus peringkat ijazah. Jumlah pelajar-pelajar yang akan diambil pada tahun akademik 1975/76 untuk kursus di peringkat diploma ialah 2,037 orang dan di peringkat ijazah ialah 920 orang yang menjadikan jumlah semua orang 2,957 orang. Dua jenis kursus ini nanti akan dapat mengeluarkan pemimpin-pemimpin yang berkelayakan termasuk pemimpin-pemimpin yang bertaraf pra iktisas yang akan dapat memberi pimpinan, nasihat dan bimbingan dalam semua bidang pertanian, penternakan dan kehutanan.

Politeknik Ungku Omar akan mempunyai 1,500 orang penuntut pada tahun 1975. Oleh kerana negara pada saat ini dalam proses pembangunan terutama dalam bidang perindustrian yang memerlukan tenaga mahir dalam lapangan ikhtisas dan separa ikhtisas, maka sebuah lagi politeknik sedang dibina di Kuantan. Politeknik ini dijangka mengambil buat permulaannya seramai 500 orang penuntut-penuntut. Politeknik ini juga nanti akan mengadakan kursus di peringkat mendapatkan sijil dan diploma.

(vi) *Kebajikan Penuntut-penuntut di Luar Negeri*

Kebajikan Penuntut-penuntut di Luar Negeri sentiasa dijaga dan dijamin oleh Kementerian ini dengan mengadakan berbagai-bagai kemudahan melalui Jabatan-jabatan Penuntut, Asrama-asrama Penuntut, Dewan-dewan Penuntut dan Pusat-pusat Penuntut.

Oleh kerana jumlah penuntut-penuntut di luar negeri makin bertambah dari tahun ke setahun, sebuah lagi Jabatan Penuntut-penuntut Amerika Syarikat telah ditubuhkan di Washington pada bulan Mac 1974.

(vii) *Biasiswa/Dermasiswa/Hadiah Bantuan Latihan*

Pemberian biasiswa/dermasiswa/hadiah bantuan latihan adalah merupakan satu cara bagi merengankan beban ibubapa miskin dalam menanggung perbelanjaan persekolahan anak-anak mereka yang selama ini menjadikan masaalah kewangan sebagai faktor kemunduran keciciran murid. Di samping itu, pemberian biasiswa/dermasiswa akan membolehkan pelajar-pelajar meneruskan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi lagi supaya dengan pengetahuan yang diperolehi oleh mereka di pusat-pusat pengajian tinggi akan dapat digunakan di dalam bidang-bidang pengajaran dan pentadbiran dengan lebih cekap lagi. Selain dari itu, dengan adanya Biasiswa Komanwel bagi pelajar-pelajar dari Negara-negara komanwel yang lain untuk belajar di Malaysia maka kerjasama di antara negara-negara Komanwel di dalam bidang pelajaran dan kebudayaan akan bertambah kukuh dan erat. Jumlah kesemua peruntukan bagi aktiviti ini ialah sebanyak $31,000,000.

(viii) *Perkhidmatan Awam dan Pelajaran Daerah*

Perkhidmatan Awam dan Pelajaran Daerah merangkumi dua tugas rancangan. Tugas rancangan bagi Perkhidmatan Awam merupakan pemberian bantuan Kerajaan kepada rancangan-rancangan bagi perkara-perkara berikut:

(*a*) Bayaran Sekolah di Singapura.
(*b*) Sekolah Ugama Islam Rakyat.
(*c*) Pelajaran Lanjutan.
(*d*) Penuntut-penuntut di Sekolah Latihan Semangat Membina.
(*e*) Pejabat Penerbit Braille.
(*f*) Dewan Bahasa dan Pustaka.
(*g*) Persatuan Asia di Raja, Cawangan Malaysia.
(*h*) Bantuan kepada Persatuan Penuntut/Persediaan.

Aktiviti di bawah rancangan Pelajaran Daerah merangkumi rancangan-rancangan bagi pertubuhan antarabangsa dan serantau yang ada hubungannya dengan pelajaran yang mana Malaysia adalah merupakan salah sebuah negara ahli pertubuhan-pertubuhan itu. Bantuan yang diberikan adalah berbentuk caruman dari Kerajaan kepada pertubuhan-pertubuhan itu. Di bawah ini disenaraikan pertubuhan tersebut:

(*a*) Pertubuhan Menteri-menteri Pelajaran Asia Tenggara yang beribu-pejabat di Bangkok.

(*b*) Pusat Wilayah SEAMEO bagi Pelajaran Sains dan Ilmu Hisab yang mempunyai ibupejabatnya di Pulau Pinang.

(*c*) Lembaga Penyelarasan Pusat SEAMEO bagi Perubatan Tropika dan Kesihatan Awam di Bangkok.

(*d*) Institiut Wilayah bagi Pelajaran Tinggi dan Pembangunan (RIHED) beribupejabat di Singapura.

(*e*) Pertubuhan Pelajaran Sains dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu yang beribupejabat di Paris.

(*f*) Colombo Plan Staff College di Singapura.

3. Anggaran Pembangunan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran Am	463,489	2,060,000	1,725,000
(ii) Latihan Guru	1,195,345	3,399,000	5,619,753
(iii) Pelajaran Rendah dan Menengah ..	76,106,269	99,065,400	113,592,490
(iv) Pelajaran Menengah Atas/Pelajaran Tinggi	44,393,232	61,453,500	67,845,051
(v) Kebajikan Penuntut-penuntut di Luar Negeri	14,161	400,000	420,000
Jumlah ..	122,172,496	166,377,900	189,202,294

Kemajuan Kerja-kerja Pembinaan

(i) *Pentadbiran Am*

(*a*) Pejabat Pelajaran di Negeri-negeri

Dalam rancangan ini pejabat-pejabat Pelajaran Seremban, Trengganu dan Perlis telahpun siap. Dalam tahun 1975, peruntukan sebanyak $655,000 adalah diperuntukkan bagi membina bangunan tambahan kepada Pejabat Pelajaran Perak dan bangunan baru Pejabat Pelajaran Melaka.

(*b*) Pengangkutan dan Perjalanan

Dalam tahun 1975, $70,000 adalah disediakan bagi membolehkan pegawai-pegawai dari J.K.R. membiayai perjalanan mereka berhubung dengan projek-projek Kementerian.

(*c*) Pusat Perkembangan Pelajaran

Projek ini diangka akan bermula pada awal tahun 1975 dan siap pada penghujung tahun 1976. Dalam tahun 1975, $1 juta adalah disediakan bagi pembayaran kontrek.

(ii) *Latihan Guru*

Dalam tahun 1975 $4.703 juta adalah disediakan bagi memulakan pembinaan 4 buah Kolej Baru yang dibiayai di bawah Pinjaman Ketiga Bank Dunia di samping membina bangunan-bangunan tambahan kepada Maktab-maktab Latihan Guru di Semenanjung Malaysia.

Peruntukan yang disediakan dalam tahun 1975 bagi rancangan Latihan Guru di Sarawak ialah untuk projek-projek tambahan kepada Maktab Perguruan Batu Lintang, Maktab Perguruan Rejang dan Maktab Perguruan Sarawak di Sibu.

Bagi rancangan Latihan Guru di Sabah pula, peruntukan tahun 1975 itu adalah untuk menemui perbelanjaan bagi sambungan pembinaan Maktab Perguruan baru di Sandakan, dan bangunan tambahan kepada Maktab Kent, Tuaran.

(iii) *Pelajaran Rendah dan Menengah*

(*a*) Pelajaran Rendah

Dalam tahun 1974, sejumlah $20 juta telah diperuntukkan bagi membina bilik darjah-bilik darjah untuk menampung kemasukan murid-murid baru termasuk penggantian sekolah-sekolah yang telah uzur. Peruntukan sebanyak $23 juta adalah disediakan dalam tahun 1975 bagi tujuan-tujuan yang sama di Semenanjung Malaysia.

Peruntukan sebanyak $4.38 juta adalah disediakan dalam tahun 1975 bagi membantu rancangan-rancangan pembangunan seperti pembinaan bilik darjah-bilik darjah tambahan dan lain-lain kemudahan untuk Pelajaran Rendah di Sarawak.

Peruntukan tahun 1975 sebanyak $6.09 juta ini adalah disediakan untuk membina 220 bilik darjah-bilik darjah dan lain-lain kemudahan di Sabah.

(*b*) Pelajaran Menengah

Bagi rancangan ini $30 juta adalah diperuntukkan di dalam tahun 1974, sementara jumlah yang sama juga disediakan bagi tahun 1975 untuk membina bilik darjah-bilik darjah yang baru, makmal-makmal sains, makmal-makmal sains rumah tangga, bengkel seni perusahaan dan lain-lain kemudahan.

Bagi tujuan Pelajaran Menengah di Sarawak sejumlah $13.4 juta diperuntukkan dalam tahun 1975 untuk menemui kehendak-kehendak membina bilik darjah-bilik darjah baru, bilik makmal sains, sains rumah tangga dan asrama.

Bagi tahun 1975 peruntukan bagi Sabah berjumlah $7.75 juta adalah disediakan untuk pembinaan bilik darjah-bilik darjah tambahan, makmal sains dan lain-lain kemudahan.

(*c*) Pelajaran Vokesyenal dan Teknik

Bagi Semenanjung Malaysia peruntukan yang disediakan untuk tahun 1975 sebanyak $8 juta ialah untuk menyiapkan 4 buah Sekolah Vokesyenal dan sebuah Sekolah Teknik yang telah diluluskan di bawah Pinjaman Kedua Bank Dunia serta membeli alat-alat kelengkapan untuk Sekolah-sekolah Vokesyenal yang sedia ada.

Dalam tahun 1975, peruntukan sebanyak $2.4 juta disediakan untuk menyiapkan 2 buah Sekolah Vokesyenal di Sibu dan Miri, Sarawak.

Peruntukan sejumlah $2.75 juta adalah diperuntukkan dalam tahun 1975 untuk membina 2 buah Sekolah Vokesyenal baru iaitu di Keningau dan Kudat di samping menyiapkan Sekolah-sekolah Vokesyenal di Likas, Sandakan dan Tawau.

(*d*) Rumah-rumah Guru Luarbandar

Dalam tahun 1974 $1.5 juta telah diluluskan manakala peruntukan yang sama dikehendaki dalam tahun 1975, untuk menyediakan rumah guru-guru yang berkhidmat di luarbandar.

(*e*) Asrama

Peruntukan yang disediakan dalam tahun 1975 ialah sebanyak $1 juta bagi menyelesaikan pembinaan Asrama-asrama yang telah diluluskan dalam RMK.

(*f*) Asrama Khas

Asrama Khas untuk Kanak-kanak buta ini telah bermula pada awal tahun 1974. Peruntukan sebanyak $100,000 adalah disediakan dalam tahun 1975 untuk membina 2 yunit tambahan rumah guru.

(*g*) Maktab Rendah

Maktab ini ialah untuk menampung murid-murid tingkatan 6 di Sabah. Pembinaan Maktab ini sedang dijalankan dan dijangka siap pada tahun 1976. Untuk tahun 1975 sejumlah $1.2 juta disediakan bagi membiayai pembayaran-pembayaran kontrek.

(*h*) Pelajaran TV

Peruntukan sebanyak $1.842 juta diperuntukkan dalam tahun 1975 bagi Rancangan Pelajaran TV di Semenanjung Malaysia. Sejumlah $1.9 juta untuk Sarawak dan $3.59 juta untuk Sabah adalah disediakan dalam tahun 1975 untuk membeli peti TV bagi memulakan Rancangan ETV di negeri masing-masing.

(*i*) Siaran ke Sekolah-sekolah

Di dalam tahun 1975, sebanyak $26,000 adalah disediakan bagi membekalkan peti-peti Radio ke Sekolah-sekolah di Sarawak.

(*j*) Bantuan Modal kepada Sekolah-sekolah Bantuan Penuh (Bukan Milik Kerajaan)—Malaysia Barat

Bagi tahun 1975 peruntukan $1.5 juta telah diperuntukkan bagi menemui bantuan (50%) kepada Sekolah Rendah dan Menengah Bantuan Penuh (Bukan Milik Kerajaan) di Semenanjung Malaysia bagi melaksanakan projek-projek pembangunannya. Di samping itu Bantuan Modal berjumlah $2.5 juta adalah disediakan dalam tahun 1975 sebagai sumbangan Kerajaan kepada Pembangunan Kolej Tunku Abdul Rahman.

(*k*) Bantuan Modal kepada Sekolah-sekolah Bantuan—Sabah

Rancangan ini ialah untuk membantu Sekolah-sekolah Rendah dan Menengah Bantuan. Untuk tahun 1975 $335,000 akan diperuntukkan kepada Sekolah Rendah dan $180,000 untuk Sekolah Menengah.

(*l*) Pinjaman kepada Pengurusan Sekolah—Sarawak

Dalam tahun 1975 sebanyak $110,000 adalah disediakan bagi memberi pinjaman untuk membantu Rancangan Pembinaan Sekolah-sekolah di bawah Majlis Daerah dan Pengurusan Sekolah-sekolah Menengah Bantuan di Sarawak.

(iv) *Pelajaran Menengah Atas/Pelajaran Tinggi*

(*a*) Pelajaran Teknik (Menengah Lanjutan)

Dalam tahun 1975, $1.23 juta disediakan untuk memulakan pembinaan sebuah Politeknik baru di Kuantan dan membina bengkel Kejuruteraan Laut serta membeli alat-alat kelengkapan bagi Politeknik Ungku Omar.

(*b*) Lapuran-lapuran Kemajuan Universiti Pertanian, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan, Universiti Sains Malaysia, Institiut Teknoloji Kebangsaan dan Institiut Teknoloji MARA ada menerangkan dengan sendirinya di bawah Anggaran Belanjawan 1975, di muka-muka surat berikut.

(v) *Kebajikan Penuntut-penuntut di Luar Negeri*

Dalam tahun 1975, $420,000 disediakan bagi pembinaan Asrama Wanita di Kaherah yang dijangka siap pada penghujung tahun tersebut.

4. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Belanja Mengurus	808,616,121	873,516,167	1,098,210,500
Belanja Pembangunan	122,172,496	166,377,900	189,202,294
Jumlah Besar ..	930,788,617	1,039,894,067	1,287,412,794

Kepala Bekalan 23		**$3,800,000**
[Pecahan-kepala 4100 (9) (f)]		
Jumlah ...		**$3,800,000**

BELANJA MENGURUS

Peruntukan 1975		**$16,992,020**
Peruntukan 1974		**13,839,000**
Perubahan ...	**+**	**$ 3,153,020**

1. Tujuan-tujuan

Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah diperbadankan di bawah Ordinan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1959 mempunyai matalamat-matalamat seperti berikut:

(*a*) Memaju dan memperkayakan Bahasa Malaysia;

(*b*) Memaju dan menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan kesusasteraan dalam Bahasa Malaysia; dan

(*c*) Menerbitkan buku-buku dalam Bahasa Malaysia, terutama sekali buku-buku ilmu pengetahuan untuk kegunaan sekolah-sekolah.

Matalamat-matalamat dasar ini telah diperluaskan dalam bentuk rancangan-rancangan khusus sepanjang tahun 1973 dan berterusan dengan tambahan-tambahan selanjutnya dalam tahun 1974.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran Am	1,274,810	1,339,000	2,018,020
(ii) Penerbitan	7,749,900	11,288,000	13,527,000
(iii) Pembinaan Bahasa	241,220	468,000	493,000
(iv) Perkembangan Sastra	324,690	567,000	690,000
(v) Perkhidmatan Perpustakaan ..	119,380	177,000	264,000
Jumlah ..	9,710,000	13,839,000	16,992,020
Tolak: Peruntukan yang dijangka tidak akan dibelanjakan	—	1,384,000	1,699,000
Jumlah Bersih ..	9,710,000	12,455,000	15,293,020

Prestasi

(i) *Pentadbiran Am*

Dalam tahun 1973 beberapa rancangan kemajuan tenaga pekerja dan pengurusan telah disusun sebagai persediaan untuk menghadapi bebanan tambahan dan kemajuan tugas dalam tahun 1974. Rancangan besar yang disusun dalam tahun 1973 untuk dilaksanakan dalam tahun 1974 antara lainnya adalah seperti berikut:

(*a*) Rancangan kemajuan jangka panjang yang melibatkan seluruh fungsi dan kegiatan Dewan.

(*b*) Rancangan memperluaskan penerbitan buku-buku ilmu pengetahuan umum.

(*c*) Memperbesarkan alat percetakan di dalam Dewan.

Rancangan-rancangan yang tersebut di atas telah mula dilaksanakan dalam tahun 1973 tetapi secara lebih sirius pelaksanaan itu diteruskan dalam tahun 1974.

Dalam tahun 1974 beberapa rancangan perkembangan baru telah disusun. Rancangan-rancangan ini adalah seperti berikut:

(*a*) Rancangan perkembangan 5 tahun (1974-1978) Dewan yang lebih lengkap.

(*b*) Rancangan latihan 5 tahun (1974-1978) yang meliputi seluruh tenaga Dewan.

Kedua-dua rancangan besar ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka dalam mesyuaratnya pada 2hb Mei, 1974. Dua rancangan besar yang telah disusun dan akan dilaksanakan dalam tahun 1975 ialah:

(*a*) Rancangan memperbesarkan kegiatan terjemahan. Untuk melaksanakan tujuan ini tugas terjemahan yang telah sedia ada di Dewan sejak lama dahulu akan dipergiatkan lagi dalam sebuah bahagian yang lebih besar. Rancangan ini melibatkan pengambilan tenaga-tenaga baru, termasuklah seorang Ketua Bahagian yang lebih kanan dan tiga orang Pegawai Penterjemah Kanan, yang akan diisi dalam tahun 1975.

(*b*) Penubuhan sebuah Bahagian Penerbitan Buku Umum telah disusun dalam tahun 1974 dan akan dilaksanakan dalam tahun 1975. Rancangan ini juga merupakan suatu perkembangan baru yang sangat penting dari segi pertumbuhan dan perkembangan sosio-budaya dan pemikiran masyarakat Malaysia yang boleh dipupuk melalui bahan-bahan bacaan umum yang bermutu dalam Bahasa Malaysia. Rancangan ini akan melibatkan tambahan pegawai-pegawai baru, termasuklah seorang Ketua yang kanan, seorang Penolong Ketua dan 9 orang pengarang baru.

Untuk melicinkan lagi pentadbiran am Dewan supaya bersedia secara lebih efektif lagi untuk memikul dan melaksanakan rancangan-rancangan perkembangan tersebut, beberapa perubahan telah dirancangkan dalam tahun 1974 untuk dilaksanakan dalam tahun 1975, yang antara lainnya termasuk perwujudan tiga jawatan baru, iaitu seorang *Pembantu Pentadbir* (Administrative Assistant) yang akan menjalankan segala urusan berkaitan dengan soal-soal hakcipta, hakmilik, perjanjian dan sebagainya; seorang *Pegawai Perhubungan* (PRO), dan seorang *Penolong Pegawai Personnel.*

Selain daripada ini kemudahan percetakan di Dewan Bahasa dan Pustaka telah ditambah dalam tahun 1973. Nilai mesin-mesin yang ada di Dewan Bahasa dan Pustaka ialah sebanyak $791,354.04 dalam tahun 1973, dan dalam tahun 1974 anggaran telah dibuat untuk melengkapkan lagi kemudahan percetakan ini dengan membeli beberapa buah mesin tambahan bernilai $1.5 juta. Ini bererti bahawa di akhir tahun 1974 kelengkapan percetakan Dewan akan bernilai hampir $2.5 juta. Dengan kelengkapan ini Dewan akan dapat mengeluarkan lebih kurang 4.0 juta naskhah buku tiap-tiap tahun dengan kelengkapannya sendiri. Adalah diharapkan bahawa kelengkapan percetakan ini dapat mengawal modal dan kos pengeluaran buku seluruhnya, di samping memberikan peluang kepada kaum Bumiputra menjalankan perusahaan percetakan.

(ii) *Penerbitan*

Kegiatan penerbitan merupakan suatu lapangan yang semakin berkembang di Dewan Bahasa dan Pustaka. Dalam menjalankan kegiatan penerbitan ini Dewan mempunyai matalamat-matalamat berikut:

(*a*) Untuk menerbitkan buku-buku ilmu pengetahuan yang sesuai dan bermutu dalam Bahasa Malaysia bagi menjayakan rancangan pembinaan Bahasa Malaysia dan juga bagi membantu pelaksanaan dasar pelajaran kebangsaan.

(*b*) Untuk menjadikan buku-buku dalam Bahasa Malaysia itu bukan sahaja sebagai bahan ilmu pengetahuan tetapi juga sebagai alat kodifikasi atau pencernaan Bahasa Malaysia dalam proses kemajuannya yang masih "fluid" sekarang ini, terutama sekali dalam bidang perkembangan peristilahan di peringkat tinggi.

(*c*) Untuk mengeluarkan buku-buku dalam Bahasa Malaysia dengan semurah-murah yang mungkin supaya mudah pelajar-pelajar dan orangramai membeli buku-buku itu.

Dalam tahun 1973 kadar pengeluaran buku Dewan telah meningkat sebanyak 25% daripada kadar tahun 1972, kebanyakannya terdiri dari buku teks sekolah rendah dan menengah. Buku-buku pengajian tinggi kebanyakannya adalah terjemahan dari buku-buku bahasa Inggeris dan kemajuannya agak kurang pesat kerana kekurangan tenaga penterjemah yang cukup dan cekap.

Sebagaimana yang telah disebutkan di atas tadi, Dewan akan mempergiatkan lagi rancangan penerbitan buku-buku ilmu pengetahuan untuk bacaan umum. Rancangan yang dianggarkan adalah seperti berikut:

(*a*) Karya-karya kreatif untuk Kanak-kanak	60	tajuk
(*b*) Buku-buku bacaan ilmu pengetahuan untuk kanak-kanak ...	30	„
(*c*) Komik untuk kanak-kanak	20	„
(*d*) Pengetahuan umum untuk orang dewasa dalam lapangan berikut—		
politik/undang-undang	5	„
ekonomi-sosioloji	5	„
ugama	5	„
perniagaan	5	„
pentadbiran/pengurusan	3	„
lain-lain bidang	27	„
Jumlah ...	160	tajuk

Dalam tahun 1975 sebanyak 40 buah buku untuk orang dewasa dan sebanyak 20 buah untuk bacaan kanak-kanak akan diusahakan.

(iii) *Pembinaan Bahasa*

Rancangan pembinaan bahasa meliputi empat tugas yang penting, iaitu:

1. Penciptaan Istilah.
2. Penyusunan Kamus.
3. Rancangan menggalakkan penggunaan bahasa.
4. Mengadakan penyelidikan-penyelidikan asas mengenai bahasa.

Dalam tahun 1974 sebanyak lebih kurang 160,800 istilah telah berjaya dibentuk, dikumpul dan diselaraskan. Istilah-istilah ini meliputi berbagai lapangan ilmu pengetahuan sains dan teknoloji, lapangan kemanusiaan dan kemasyarakatan. Di samping ini 15 buah buku istilah sudah diterbitkan dan

dalam tahun 1974, 4 buah lagi buku istilah akan diterbitkan. Dalam tahun 1975, 4 lagi buku istilah akan diterbitkan. Buku-buku ini meliputi (i) Pendidikan (edisi kedua—Inggeris-Melayu-Inggeris), (ii) Ilmu Alam (edisi kedua—Inggeris-Melayu-Inggeris). (iii) Sosiologi—Antropologi (Inggeris-Melayu-Inggeris), (iv) Pentadbiran—Pengurusan (Inggeris-Melayu-Inggeris).

Dalam tahun 1975 sebanyak 21 buah Jawatankuasa Istilah akan terus mengadakan mesyuarat biasanya untuk mencipta istilah-istilah.

Kamus

Mengenai perkamusan, dalam tahun 1974 Dewan meneruskan 4 buah rancangan, iaitu penyusunan empat buah kamus seperti berikut:

1. Kamus Inggeris/Melayu.
2. Kamus Melayu/Melayu (untuk kegunaan para pelajar).
3. Kamus Melayu/Inggeris.
4. Kamus bergambar untuk kanak-kanak.

Mengenai usaha menggalakkan penggunaan bahasa, dalam tahun 1974, 8 buah buku pelajaran bahasa untuk orang dewasa sedang diselenggarakan dan beberapa buah buku ini akan dikerjakan seterusnya dalam tahun 1975.

Dalam tahun 1975 rancangan menambahkan buku pelajaran bahasa, samada sebagai buku pelajaran atau sebagai bahan bacaan untuk menjamin keterusan kemahiran bahasa di kalangan orang-orang dewasa yang sudah mempunyai asas dalam Bahasa Malaysia, akan disusun.

Penyelidikan

Dalam tahun 1974 beberapa projek penyelidikan telah dijalankan. Ini termasuklah rancangan menyusun sebuah kajian mengenai katamajmuk Bahasa Malaysia dan beberapa penyelidikan kecil sebagai "feed-back" kepada kerja-kerja peristilahan, perkamusan dan penggunaan bahasa. Salah satu projek-projek besar yang mula dirancangkan dalam tahun 1974 dan akan diteruskan dalam tahun 1975 dan 1976 ialah penyusunan sebuah buku tatabahasa umum yang ilmiah. Projek ini merupakan suatu rancangan yang besar dan memerlukan tambahan tenaga penyelidik. Projek ini dijangka akan siap dalam tahun 1978.

(iv) *Perkembangan Sastra*

Tugas pembinaan dan perkembangan sastra tertumpu kepada 3 lapangan yang penting iaitu:

(*a*) Menggalakkan pertumbuhan sastra kreatif.

(*b*) Mengadakan penyelidikan asas dalam bidang sastra Melayu Moden, dan

(*c*) Menerbitkan buku-buku bacaan umum dan majalah.

Tugas menerbitkan buku-buku umum yang merupakan suatu yunit dalam Bahagian Perkembangan Sastra yang ada sekarang ini dipisahkan dan diperluaskan lagi dalam sebuah bahagian tersendiri, iaitu Bahagian Penerbitan Buku-buku Umum yang akan diwujudkan dalam tahun 1975 sebagaimana yang telah dinyatakan di atas.

Antara projek-projek penyelidikan sastra yang dijalankan oleh Dewan dalam tahun 1974 ialah: menyusun suatu kajian perkembangan sastra Melayu moden dan sebuah bibliografi penulis. Kedua-dua projek ini akan diteruskan dalam tahun 1975.

Dalam lapangan kreatif pula Dewan memberi tumpuan kepada usaha menerbitkan karya-karya sastra kreatif seperti novel, antoloji sajak dan cerpen. Dalam

tahun 1974 sebanyak 5 buah karya kreatif sastra telah diterbitkan dan karya-karya ini adalah hasil dari rancangan Hadiah Sastra Y.A.B. Tun Abdul Razak bin Hussein, Perdana Menteri Malaysia. Dewan menjalankan tugas sebagai Sekretariat Hadiah Sastra ini.

Dalam tahun 1975 adalah dianggarkan sebanyak 10 buah lagi karya kreatif sastra akan diterbitkan.

(v) *Perkhidmatan Perpustakaan*

Usaha untuk menjadikan perpustakaan Dewan sebagai sebuah perpustakaan penyelidikan dalam lapangan bahasa dan kesusastraan Melayu telah dijalankan sejak beberapa tahun yang lalu. Jumlah buku yang ada di dalam perpustakaan ini dalam tahun 1973 ialah 57,000 buah. Dalam tahun 1974 usaha-usaha untuk mendapatkan lebih banyak lagi buku dalam Bahasa Indonesia akan dipergiatkan. Adalah dianggarkan dalam tahun 1974 jumlah buku yang akan disimpan di perpustakaan ini akan meningkat sebanyak lebih kurang 60,000 naskhah. Jumlah majalah, jernal dan lain-lain penerbitan dalam tahun 1973 ialah 380 buah.

Selain daripada penerbitan-penerbitan biasa perpustakaan Dewan ada juga menyimpan bahan-bahan seperti berikut:

	Tahun 1973
1. Manuskrip-manuskrip dalam simpanan	1,000
2. Mikrofilm dalam simpanan (tajuk)	350
3. Bibliografi yang disusun termasuk senarai perolehan ...	24
4. Jumlah naskhah buku yang dijilid dan/atau dibaiki ...	3,500

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	1,339,000	1,837,000	2,514,000
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	631,000	962,000	1,529,000
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..	123,000	176,000	271,000
	Jumlah Gaji ..	2,093,000	2,975,000	4,314,000
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	75,000	60,000	75,000
2200	Pengangkutan Barang-barang ..	62,000	80,000	80,000
2300	Kemudahan Perhubungan ..	35,000	50,000	50,000
2400	Api, Air dan Letrik dll.	122,000	150,000	180,000
2500	Sewa	32,000	50,000	60,000
2600	Perkhidmatan Pencetakan.. ..	5,416,000	7,340,000	8,340,000
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	90,000	120,000	165,000
2800	Perkhidmatan Pelbagai	434,000	614,000	708,000
	Bawa kehadapan ..	8,359,000	11,439,000	13,972,000

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
	Dari Sebelah ..	8,359,000	11,439,000	13,972,000
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	663,000	1,550,000	2,100,000
5100	Pembayaran Balik	200,000	200,000	200,000
5500	Pelbagai	488,000	650,000	720,020
	Jumlah ..	9,710,000	13,839,000	16,992,020
	Tolak Peruntukan yang dijangka tidak akan dibelanjakan ..	—	1,384,000	1,699,000
	Jumlah Bersih ..	9,710,000	12,455,000	15,293,020

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974	Bilangan	Anggaran Tahun 1975
		$		$		$
(i) Pentadbiran Am	64	395,810	69	440,000	77	735,000
(ii) Penerbitan	210	1,131,900	244	1,553,000	313	2,277,000
(iii) Pembinaan Bahasa ..	40	241,220	40	408,000	46	433,000
(iv) Perkembangan Sastra ..	34	237,690	44	457,000	74	690,000
(v) Perkhidmatan Perpustakaan	21	86,380	21	117,000	25	179,000
Jumlah ..	369	2,093,000	418	2,975,000	535	4,314,000

3. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
*Belanja Mengurus	$9,710,000	$13,839,000	$16,992,020

*Bantuan Kerajaan bagi tahun 1973 .. .. $2,800,000
*Bantuan Kerajaan bagi tahun 1974 .. .. $2,000,000
*Bantuan Kerajaan bagi tahun 1975 .. .. $3,800,000

UNIVERSITI KEBANGSAAN

Kepala Bekalan 23	**$18,900,000**
[Pecahan-kepala 4100 (5) (d)]	
Kepala Pembangunan 23 ...	**6,478,000**
(Pecahan-kepala 15)	
Jumlah ...	**$25,378,000**

	Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975 ...	**$18,900,000**	**$52,638,000**	**$71,538,000**
Peruntukan 1974 ...	**22,000,000**	**10,000,000**	**32,000,000**
Peruntukan ...	**+ $ 3,100,000**	**+ $42,638,000**	**+ $39,538,000**

1. Tujuan-tujuan

Universiti Kebangsaan Malaysia telah ditubuhkan pada tahun 1970, bertempat buat sementara waktu di Bangunan Maktab Perguruan Malaysia di Lembah Pantai, Kuala Lumpur.

Tujuan pertama ditubuhkan Universiti ini ialah untuk menjadikannya suatu pusat pengajian tinggi yang bersesuaian dengan pembangunan negara dan cita-cita rakyat termasuk penyediaan suatu saluran bagi pelajar-pelajar dari aliran Bahasa Malaysia melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat Universiti dengan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar.

Untuk mencapai matlamat dan tujuan di atas, pada tahun 1975 kelak, Universiti Kebangsaan Malaysia akan:

(i) Menubuhkan Fakulti-fakulti ataupun Jabatan-jabatan baru untuk memperluaskan lagi bidang pengajaran yang diberikan kepada mahasiswa-mahasiswa;

(ii) Memperluas dan memperdalamkan lagi bidang pengajaran yang sedang dijalankan agar mutu pengajaran yang diberikan adalah lebih tinggi;

(iii) Mempergiatkan lagi usaha-usaha pengambilan tenaga pengajar dan juga rancangan-rancangan latihan; dan

(iv) Memperbaiki tugas-tugas pentadbiran agar matlamat di atas tercapai.

Salah satu dari tujuan utama Universiti Kebangsaan Malaysia ialah untuk mengeluarkan siswazah-siswazah yang berpandangan dan berfikiran luas agar mereka kelak menjadi Warganegara Malaysia yang taat setianya tertumpu kepada negara ini. Kursus-kursus, penyelidikan-penyelidikan dan pengkajian-pengkajian yang difikirkan boleh memberi sumbangan kepada pembangunan negara adalah dititik-beratkan.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	... $ ...	$	$
(i) Pentadbiran (Jabatan-jabatan Pusat)	5,153,100	9,493,000	
(ii) Fakulti Sastera	1,619,000	3,158,000	
(iii) Fakulti Sains	3,470,030	3,850,000	
(iv) Fakulti Pengajian Islam	603,430	1,017,000	
(v) Institut Bahasa, Kesuasteraan dan Kebudayaan Melayu	284,000	517,000	
(vi) Fakulti Ekonomi dan Pengurusan ..	239,500	640,000	
(vii) Fakulti Perubatan	875,500	3,450,000	
(viii) Pra-Sains	—	1,600,000	
	12,244,560	23,725,000	18,900,000
Tolak: Pendapatan dan Penjimatan yang disangka	—	1,725,000	
Jumlah ..	12,244,560	22,000,000	18,900,000

Prestasi

Universiti Kebangsaan Malaysia sekarang ini mempunyai 5 Fakulti dan satu Institut iaitu:

(1) Fakulti Sastera.

(2) Fakulti Sains.

(3) Fakulti Pengajian Islam.

(4) Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu.

(5) Fakulti Ekonomi dan Pengurusan.

(6) Fakulti Perubatan.

I. *Fakulti Sastera*

Ijazah—

(*a*) Sarjana Muda Sastera.

(*b*) Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian.

Jabatan-jabatan pengajian dalam Fakulti Sastera pada masa ini (tahun Akademik 1974/75) adalah seperti berikut:

(*a*) Jabatan Antropoloji dan Sosiologi.

(*b*) Jabatan Ilmu Alam.

(*c*) Jabatan Sejarah.

Di samping Jabatan-jabatan yang tersebut di atas, terdapat juga di dalam Fakulti ini Jabatan Pendidikan dan Yunit Bahasa-bahasa. Jabatan Pendidikan menawarkan kursus pendidikan bergabung kepada mahasiswa-mahasiswa dari semua Fakulti yang ingin mendapatkan kelulusan iktisas dalam bidang pendidikan di samping kelulusan akademik mereka. Yunit Bahasa-bahasa pula memberi khidmat kepada semua Jabatan-jabatan dalam Fakulti Sastera dan lain-lain Fakulti dengan menawarkan kursus-kursus mengenai bahasa-bahasa asing termasuklah kursus wajib Bahasa Inggeris.

Pada tahun 1973/74, Fakulti Sastera mempunyai 841 orang mahasiswa seperti berikut:

Tahun I	243
Tahun II	245
Tahun III	242
Tahun Kepujian	111
JUMLAH ...	841

Pada sessi 1974/75 ini, Fakulti Sastera akan mengambil 550 orang mahasiswa tambahan untuk menjadikan jumlah mahasiswa semuanya seramai 1,270 orang. Pada sessi 1974/75, Jabatan Ekonomi dan Pengurusan telah diasingkan daripada Fakulti ini sebagai satu Fakulti tersendiri dengan pengambilan mahasiswa-mahasiswanya sendiri. Adalah dijangkakan juga Jabatan Pendidikan akan memulakan pengajarannya sebagai satu Fakulti pada tahun Akademik 1975/76 kelak. Di samping itu, usaha sedang dijalankan juga untuk menubuhkan Jabatan-jabatan baru dan suatu syor telah dikemukakan untuk menubuhkan Jabatan Sains Politik dan Jabatan Mass Media. Universiti sedang menjalankan usaha-usaha untuk mendapatkan dan melatih kakitangan-kakitangan yang akan mengendalikan Jabatan-jabatan ini kelak.

II. *Fakulti Sains*

Ijazah—

(*a*) Sarjana Muda Sains.

(*b*) Sarjana Muda Sains dengan Kepujian.

Fakulti Sains terdiri daripada 5 buat Jabatan iaitu:

(*a*) Jabatan Kajihayat.

(*b*) Jabatan Kajibumi

(*c*) Jabatan Kimia.

(*d*) Jabatan Fizik.

(*e*) Jabatan Ilmu Hisab.

Pada tahun 1973/74, bilangan mahasiswa adalah seperti berikut:

Tahun I	102
Tahun II	88
Tahun III	62
Tahun IV	18
JUMLAH ...	270

Di samping itu, Fakulti Sains juga memberi pengajaran kepada 44 orang mahasiswa Fakulti Perubatan (Kursus Pra-Medical). Pada tahun 1974/75 kelak, Fakulti ini akan mengambil seramai 100 orang mahasiswa menjadikan jumlah mahasiswa seramai 340 orang. Pada tahun 1975, Fakulti Sains berharap akan dapat menubuhkan Jabatan Statistik dan Komputer Sains, Jabatan Kimia Gunaan dan Teknoloji untuk memenuhi keperluan tenaga-tenaga dalam bidang Kimia. Adalah dijangkakan juga kursus Sains Persekitaran akan dimulakan dalam sessi 1975/76. Pada tahun 1975 kelak, semua Jabatan-jabatan di Fakulti ini memerlukan tenaga pengajar yang ramai terutama sekali untuk mahasiswa-mahasiswa tahun III dan tahun Kepujian oleh kerana tenaga pengajar-tenaga pengajar ini adalah pakar dalam bidang-bidang tertentu sahaja.

III. *Fakulti Pengajian Islam*

Ijazah—

(*a*) Sarjana Muda Islam.

(*b*) Sarjana Muda Islam dengan Kepujian.

Fakulti Islam bertujuan membimbing mahasiswa dalam pengajaran dan penyelidikan secara Ilmiah di bidang syariah, islamiah, akidah dan falsafah dan pemikiran yang berpandukan Al-Quran dan Hadith, untuk membentuk mahasiswa berkepercayaan Islam yang tulin supaya dapat dipraktikkan dalam bidang-bidang pemikiran, penerangan, kehakiman, pentadbiran dan perkhidmatan sebagai satu daripada matlamat-matlamat Universiti untuk mengeluarkan mahasiswa yang berpandangan dan berfikiran luas.

Bilangan mahasiswa di Fakulti Islam dalam tahun 1973/74 dan 1975 adalah seperti berikut:

Yang Sebenar Tahun1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
262	330	600

Mata-mata pelajaran yang diberi adalah Syariah dan Usuluddin yang dikendalikan oleh Jabatan-jabatan yang berkenaan. Di samping itu, Fakulti Pengajian Islam juga memberikan kursus-kursus dalam mata pelajaran Bahasa Arab yang dikendalikan oleh Unit Bahasa Arab di bawah pentadbiran Dekan Fakulti. Jangka masa kursus untuk memperolehi Ijazah Sarjana Muda Islam ialah 3 tahun Akademik dan Ijazah Sarjana Muda Islam dengan Kepujian ialah selama 4 tahun.

IV. *Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu*

Ijazah—

(*a*) Sarjana Muda Persuratan.

(*b*) Sarjana Muda Persuratan dengan Kepujian.

Institiut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu telah ditubuhkan pada tahun 1972. Tujuan Institiut ini ialah untuk mengemukakan rancangan ilmiah dan metodoloji yang baru serta teratur bagi menghampiri pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu pada keseluruhannya.

Bidang-bidang ilmiah yang diajar di dalam Institut ini meliputi beberapa bahagian seperti tersebut di bawah:

(1) Sejarah Pemikiran.
(2) Ilmu Bahasa.
(3) Bahasa Kelasik dan Moden.
(4) Kesusasteraan Melayu Lama.
(5) Kesusasteraan Melayu Baru.
(6) Sejarah Kebudayaan dan Adat-Istiadat Melayu.
(7) Kesusasteraan Islam.
(8) Kesusasteraan Hindu-Jawa dan Sejarahnya.
(9) Falsafah dan Metafisika Islam.
(10) Falsafah dan Metafisika Barat.
(11) Falsafah Agama-agama Dunia.
(12) Hubungan Kebudayaan antara Timur dan Barat.
(13) Kesenian.
(14) Metodoloji Penyelidikan dan Pemikiran Ilmiah.

Selain daripada mengurniakan Ijazah, Institiut ini juga memberi kursus-kursus dalam bidang bahasa dan kesusasteraan Melayu sebagai satu mata untuk Ijazah Sarjana Muda Sastera.

Pada tahun 1973, Institiut ini mempunyai 45 orang mahasiswa dan dalam tahun Akademik 1974/75 seramai 50 orang mahasiswa tambahan akan diambil. Anggaran bilangan mahasiswa pada tahun 1975 kelak (keseluruhan) ialah seramai 100 orang.

V. *Fakulti Ekonomi dan Pengurusan*

Ijazah—

(*a*) Sarjana Muda Ekonomi.

(*b*) Sarjana Muda Ekonomi dengan Kepujian.

Fakulti Ekonomi dan Pengurusan yang dahulunya berjalan sebagai sebuah Jabatan di dalam Fakulti Sastera telah dinaikkan tarafnya menjadi sebuah Fakulti dalam tahun 1974/75.

Fakulti ini mengandungi 6 buah Jabatan seperti berikut:

Jabatan Ekonomi Analisa;

Jabatan Perangkaan;

Jabatan Ekonomi Pembangunan dan Perancangan;

Jabatan Ekonomi Pertanian;

Jabatan Pentadbiran Perniagaan; dan

Jabatan Perakaunan.

Dengan tertubuhnya Fakulti, bilangan kursus-kursus yang akan diberi adalah bertambah seperti berikut:

Untuk tahun pertama (Fakulti Ekonomi dan Pengurusan serta Fakulti Sastera)	6
Untuk tahun kedua (Fakulti Sastera dan Fakulti Islam)	4
Untuk tahun ketiga (Fakulti Sastera dan Fakulti Islam) ...	4
Untuk tahun keempat (Fakulti Sastera dan Fakulti Islam) ...	8
Kursus-kursus pilihan (Optional)	—
Latihan Ilmiah	—

Juga dengan tertubuhnya Fakulti ini, bilangan mahasiswa-mahasiswa bertambah ramai menjadi seperti berikut:

Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (tahun I)	...	...	300	orang
Fakulti Sastera—sebagai Jabatan (tahun I)	...	...	150	„
„ „ (tahun II)	...	...	75	„
„ „ (tahun III)	...	...	75	„
„ „ (tahun IV)	...	...	50	„
Fakulti Islam dan Yunit pilahan (tahun I)	...	...	60	„
„ „ (tahun II)	...	...	30	„
„ „ (tahun III)	...	...	30	„
„ „ (tahun IV)	...	...	15	„

VI. *Fakulti Perubatan*

Ijazah—

(*a*) Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan (MBBS).

Fakulti Perubatan telah ditubuhkan pada tahun 1972, tetapi pada masa itu tidak ada pengambilan mahasiswa. Pada tahun 1973, seramai 40 orang mahasiswa telah diambil oleh Fakulti Sains untuk menjalankan kursus awalan perubatan. Jangkamasa kursus ini ialah selama 6 tahun dan terbahagi kepada 3 peringkat:

Peringkat Pertama—Tahun Pertama (Peringkat Sains Asas)

Pada tahun ini, pengajaran adalah diselenggarakan oleh Fakulti Sains dan kursus yang diberi ialah Fizik, Kajihayat, Kimia, Ilmu Hisab dan juga kursus-kursus yang wajib diambil oleh semua mahasiswa.

Peringkat Kedua—Tahun Kedua dan Ketiga (Peringkat Sains Asas Perubatan)

Ini meliputi perkara-perkara berikut—

Tahun Kedua ... Anatomi, fisioloji, bio-kimia

Tahun Ketiga ... Mikro-bioloji, viroloji, parasitoloji, entamaloji perubatan, famakoloji, patholoji dan Sosial and preventive medicine

Peringkat Ketiga—Tahun Keempat, kelima dan keenam (peringkat Sains klinikal)

Pada peringkat ini, mahasiswa-mahasiswa akan mengikuti kursus Sains Klinikal.

Pada tahun 1974, bilangan mahasiswa baru yang akan diambil ialah seramai 60 orang dan pada tahun 1975 kelak, bilangan pada keseluruhannya di jangka menjadi 150 orang.

VII. *Pra-Sains*

Setakat ini, Universiti Kebangsaan Malaysia telah mengalami beberapa kesulitan dalam mendapatkan bakal-bakal mahasiswa yang mempunyai kelayakan berasaskan sains dan teknoloji untuk Fakulti Sains dan Fakulti Perubatan, lebih-lebih lagi dari penuntut-penuntut yang berbahasa pengantar Bahasa Malaysia dan mempunyai Sijil Tinggi Pelajaran Sains yang baik. Sebagai satu langkah untuk mengatasi masaalah ini, Kementerian Pelajaran telah bersetuju pada dasarnya untuk Universiti mengadakan Kursus Pra-Sains pada tahun 1974 ini. Jangkamasa untuk kursus ini ialah selama lebih kurang 13 bulan, bermula dari bulan April dan berakhir pada bulan April tahun berikutan di mana penuntut-penuntut akan dinilai dengan mengadakan peperiksaan yang dijalankan oleh Universiti sendiri. Sekiranya mereka lulus dengan baik, mereka akan dibenarkan meneruskan pengajian di tahun pertama Fakulti Sains atau Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia pada bulan Mei di tahun itu juga.

Sukatan pelajaran yang akan diberikan nanti akan disesuaikan dengan kehendak-kehendak Universiti Kebangsaan Malaysia dan matapelajaran-matapelajaran adalah seperti berikut:

Fizik

Ilmu Hisab

Kimia

Kajihayat

Kertas Am

Bahasa Inggeris.

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan		8,998,000	
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	6,912,800	5,009,000	
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..		1,118,000	
	Jumlah Gaji ..	6,912,800	15,125,000	
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	419,500	774,500	
2300	Kemudahan Perhubungan ..	43,400	85,000	
2400	Api, Air dan Letrik dll.	167,800	165,000	
2500	Sewa	40,100	880,000	
2600	Perkhidmatan Pencetakan ..	173,210	223,000	18,900,000
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	424,350	1,301,500	
2800	Perkhidmatan Pelbagai	486,700	791,000	
3100	Perabut Alat-alatan dan Ternakan	2,796,300	2,650,000	
4100	Pemberian, Subsidi dan Carum-carum	330,000	1,422,000	
5500	Pelbagai	450,400	308,000	
	Jumlah ..	12,244,560	23,725,000	
Tolak:				
	Pendapatan dan Penjimatan yang dijangka	—	1,725,000	
	Jumlah Bersih ..	12,244,560	22,000,000	18,900,000

3. Anggaran Pembangunan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Buku-buku Institiut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu	75,000	140,000	160,000
(ii) Buku-buku—Fakulti Perubatan ..	128,000	140,000	460,000
(iii) Alat-alat (Sains)	830,000	2,360,000	2,701,000
(iv) Alat-alat (Perubatan)	330,000	2,215,000	6,785,000
(v) Alat-alat—Pusat Alat Pendang Dengar	—	70,000	230,000
(vi) Alat-alat—Perpustakaan	—	—	—
(vii) Pemasangan Kabel	44,000	—	42,000
(viii) Projek-projeck Fakulti Perubatan ..	1,250,000	1,325,000	10,000,000
(ix) Projek-projek di Bangi	1,036,000	3,750,000	32,000,000
(x) Perpustakaan—Jalan Universiti ..	—	—	260,000
(xi) Perpustakaan—Jalan Pantai Baru ..	853,000	—	—
(xii) Bangunan Pentadbiran—Jalan Pantai Baru	242,000	—	—
(xiii) Bangunan Fakulti Sains—Jalan Universiti	612,000	—	—
(xiv) Derma—Masjid Kolej Ismail ..	100,000	—	—
Jumlah ..	5,500,000	10,000,000	52,638,000

Kemajuan Kerja-kerja Pembinaan

A. KAMPUS BANGI

	Nama Projek	Peringkat Kemajuan
1.	Pengambilan Tanah	Bayaran gantirugi telah dibuat sejumlah $764,489.44 sen
2.	Perancangan Kampus	Perancangan peringkat pertama telah selesai
3.	Bekalan Air	Kerja membina kolam air sejuta gelen sedang berjalan. Setakat ini lebih kurang 5% telah siap
4.	Bekalan Letrik	Peringkat reka bentuk
5.	Betongan	Kerja-kerja tapak sedang berjalan
6.	Perhubungan	Peringkat reka bentuk
7.	Jalan Raya	Setakat ini 40% telah siap
8.	Perlencungan Jalan	Peringkat reka bentuk
9.	Landscaping	Peringkat reka bentuk
10.	Tempat letak kereta	Peringkat reka bentuk
11.	Pagar-pagar	Peringkat reka bentuk
12.	Kemudahan sukan	Kerja-kerja tapak sedang berjalan
13.	Perumahan Mahasiswa "B" ...	Kerja tapak sedang berjalan
14.	Perumahan Mahasiswa "A" ...	Kerja tapak akan dimulakan di dalam sedikit masa lagi
15.	Bangunan Sains	Peringkat reka bentuk
16.	Bangunan Bukan Sains	Kerja-kerja tapak sedang berjalan
17.	Perpustakaan	Peringkat reka bentuk
18.	Dewan Mahasiswa	Peringkat reka bentuk
19.	Dewan Perhimpunan	Kerja-kerja tapak sedang berjalan
20.	Masjid	Kerja-kerja tapak sedang berjalan
21.	Rumah Kakitangan	Peringkat reka bentuk
22.	Pejabat Hartabenda	Peringkat reka bentuk
23.	Bangunan Pentadbiran dan Inst. Bahasa Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu	Kerja-kerja tapak sedang berjalan. Sudah siap 10%

B. FAKULTI PERUBATAN

	Nama Projek	Peringkat Kemajuan
1.	Bangunan Para-Kelinikal Sementara	Bangunan ini telah siap pada bulan April 1974 dengan harga $1,736,100
2.	Quarters Kelas "D/E"	Bangunan kira-kira 90% siap. Kerja pembinaan telah terlambat dan sedang di dalam tempoh denda
3.	Quarters Kelas "C"	Bangunan kira-kira 90% siap. Kerja pembinaan telah terlambat dan pemborong telah didenda dan diberhentikan. Tender telahpun dikeluarkan untuk mendapatkan pemborong yang lain untuk menyudahkan bangunan ini
4.	Klinikal	Kerja-kerja tapak sedang berjalan
5.	Dewan Kuliah	Kerja-kerja tapak sedang berjalan
6.	Bangunan Am	Kerja-kerja tapak sedang berjalan
7.	Perpustakaan	Kerja-kerja tapak sedang berjalan

	Nama Projek	Peringkat Kemajuan
8.	Bangunan berkongsi dengan Hospital Besar, Kuala Lumpur	Peringkat reka bentuk
9.	Projek MB—Pentadbiran dan Sains Perubatan	Kerja-kerja tapak sedang berjalan
10.	Muzium dan Anatomi	Peringkat reka bentuk
11.	Student Hostels	Kerja-kerja tapak sedang berjalan
12.	Perumahan (Fakulty Quarters) ...	Kerja-kerja tapak sedang berjalan
13.	Asrama Jururawat	Kajian sedang dijalankan ke atas tanah tapak. Lukisan-lukisan kerja sedang dijalankan
14.	Radiology	Bangunan baru akan dibina pada tahun 1975
15.	Projek MJ—(Inst. Orthopaedic) ...	Masih dalam peringkat perbincangan

C. KAMPUS JALAN PANTAI BARU

	Nama Projek	Peringkat Kemajuan
1.	Bangunan pentadbiran 9 tingkat di Jalan Pantai Baru	Masih dalam pembinaan dan setakat ini kira-kira 70% siap. Bangunan ini dijangka siap mengikut kontrek pada bulan Oktober 1974

4. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
* Belanja Mengurus	12,244,560	22,000,000	18,900,000
† Belanja Pembangunan	5,500,000	10,000,000	52,638,000
Jumlah Besar ..	17,744,560	32,000,000	71,538,000

* Bantuan Kerajaan bagi tahun 1974 = $22,000,000.
Bantuan Kerajaan bagi tahun 1975 = $18,900,000.

† Bantuan Kerajaan bagi tahun 1974 = $10,000,000.
Bantuan Kerajaan bagi tahun 1975 = $ 6,478,000.

Kepala Bekalan 23		**$28,000,000**
[Pecahan-kepala 4100 (5) (b)]		
Kepala Pembangunan 23 ...		**2,139,950**
(Pecahan-kepala 6)		
Jumlah ...		**$30,139,950**

	Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975 ...	**$40,190,000**	**$5,867,950**	**$46,057,950**
Peruntukan 1974 ...	**40,748,322**	**9,816,527**	**50,564,849**
Perubahan ...	**— $ 558,322**	**— $3,948,577**	**— $ 4,506,899**

1. Tujuan-tujuan

Universiti Malaya telah ditubuhkan mengikut Akta Universiti Malaya No. 44 tahun 1961.

Tujuan-tujuan utama Universiti ini adalah seperti berikut:

(*a*) Memperkukuhkan sistem pelajaran untuk mempesatkan penyatuan kaum;

(*b*) Menyalur dan memperluaskan pelajaran serta rancangan-rancangan latihan untuk mengatasi keperluan tenaga manusia di negara ini;

(*c*) Memperbaiki kualiti pelajaran untuk menubuhkan satu masyarakat progresif yang berpandukan kepada sains teknoloji moden;

(*d*) Memperbaiki penyelidikan, rancangan kebolehan pelaksanaan untuk mencapai objektif tersebut;

(*e*) Mempergunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar dengan cara berperingkat-peringkat;

(*f*) Merapatkan lagi perbezaan peluang pelajaran di antara kawasan dan di antara kaum; dan

(*g*) Pihak Universiti Malaya bercadang untuk merapatkan terutama sekali dari pengeluasan pengajian siswazah dalam bidang Sains dan Sastera.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut aktiviti-aktiviti:

Fakulti	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Sastera	2,949,046	3,426,938	3,863,536
(ii) Pertanian	1,692,261	1,815,301	1,701,516
(iii) Ekonomi dan Pentadbiran	1,496,712	2,126,756	2,289,980
(iv) Pendidikan	1,039,892	1,200,520	1,360,782
(v) Kejuruteraan	1,644,644	1,671,060	2,093,404
Bawa kehadapan ...	8,822,555	10,240,515	11,309,218

Fakulti	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Dari sebelah ..	8,822,555	10,240,515	11,309,218
(vi) Perubatan	5,551,115	6,114,014	6,919,637
(vii) Kursus Lepas Ijazah	161,275	—	302,331
(viii) Pergigian	325,401	583,348	700,082
(ix) Pusat Pergigian	—	647,484	755,789
(x) Sains	4,912,133	5,258,729	5,819,483
(xi) Undang-undang	226,053	354,345	441,391
(xii) Pusat Komputer	177,486	222,621	270,459
(xiii) Pusat Bahasa	660,250	816,992	952,855
(xiv) Pentadbiran	13,628,121	16,510,214	20,470,325
Jumlah ..	34,464,389	40,748,322	47,941,570
Tolak: Kekurangan dari anggaran asal yang diminta			7,751,570
			40,190,000

Bilangan Mahasiswa dan Kos tiap-tiap Mahasiswa (termasuk Pusat Pentadbiran dan Perkhidmatan Awam).

Fakulti	1973/74		1974/75		*1975/76	
	Bilangan	Kos Yunit	Bilangan	Kos Yunit	Bilangan	Kos Yunit
		$		$		$
(i) Sastera	3,002	2,638	2,710	3,259	2,660	3,811
(ii) Pertanian	322	6,789	240	9,366	136	14,633
(iii) Ekonomi dan Pentadbiran ..	1,546	2,327	1,650	2,860	1,640	3,244
(iv) Pendidikan	598	3,114	600	3,567	600	3,936
(v) Kejuruteraan	689	3,921	770	3,972	850	4,585
(vi) Perubatan	649	9,597	680	10,299	690	11,369
(vii) Pergigian	62	6,782	90	7,786	120	7,560
(viii) Sains	1,548	4,633	1,740	4,748	1,820	5,290
(ix) Undang-undang	103	3,728	150	4,164	200	4,329
	8,519	3,812	8,630	4,356	8,716	4,928

Kos Yunit di atas tidak termasuk perbelanjaan yang berikut:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(*a*) Sekim Latihan Kakitangan Akademik	432,774	512,819	730,928
(*b*) Pemberian Penyelidikan	1,399,693	1,400,000	2,000,000
(*c*) Pusat Pergigian	—	647,484	755,789
(*d*) Pemberian Tutorship	—	600,000	1,200,000
(*e*) Kursus Lepas Ijazah Perubatan ..	161,275	10	302,331
	1,993,742	3,160,313	4,989,048

* Berdasarkan kepada anggaran perbelanjaan untuk tahun 1975.

Pada masa sekarang ada 9 buah Fakulti yang bertanggungjawab mengelolakan kursus pengajian. Fakulti-fakulti itu adalah seperti berikut:

(i) Fakulti Sastera.

(ii) Fakulti Pertanian.

(iii) Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran.

(iv) Fakulti Pendidikan.

(v) Fakulti Kejuruteraan.

(vi) Fakulti Perubatan.

(vii) Fakulti Sains.

(viii) Fakulti Pergigian.

(ix) Fakulti Undang-undang.

Selain daripada Fakulti-fakulti di atas, dua Jabatan akan mengelolakan kursus Diploma yang berikut:

Pusat Komputer

Diploma Komputer Sains

Pusat Bahasa

Diploma Interpertasi dan Penterjemahan.

(*a*) Oleh kerana kita memerlukan para penterjemah dan guru bahasa yang cukup berkelayakan serta terlatih dengan sewajarnya, adalah diharap, Universiti melalui Pusat Bahasa akan boleh memberi khidmat kepada negara dengan mengisi keperluan ini.

Pusat Bahasa akan mengadakan kursus baharu dalam Diploma Penterjemahan dan Interpretasi pada tahun 1974, dan anggaran tambahan akan diperlukan dalam tahun 1974. Perbelanjaan tambahan bagi kakitangan baru dan Pemberian Jabatan belum lagi dimasukan dalam anggaran 1975 dan ini akan diminta sebagai tambahan dalam tahun 1975.

(*b*) Usaha-usaha Universiti pada masa akan datang ditumpukan terutama sekali kepada perkembangan Pengajian Ijazah Tinggi. Pusat Ijazah Tinggi dalam Ilmu Kemanusiaan dijangka siap pada penghujung tahun 1975.

Cadangan sedang dibuat untuk menubuhkan sebuah Pusat Pengajian Ijazah Tinggi dan sebuah Pusat Penyelidikan dalam bidang Sains dan Teknologi di Universiti ini.

Dengan tertubuhnya dua buah Pusat Ijazah Tinggi ini, Universiti akan dapat menolong mengatasi kekurangan tenaga kakitangan yang cukup terlatih di Malaysia dan tidak lagi bergantung sangat kepada pakar-pakar sains dan pensyarah-pensyarah luar negeri.

(*c*) Pusat Komputer akan mengadakan satu kursus baharu Diploma Sains Komputer pada tahun 1974.

(*d*) Pusat Pergigian dijangka siap pada tahun 1974 dan akan memberi khidmat pergigian yang sepenuhnya kepada awam, serentak dengan itu memberikan latihan kepada mahasiswa-mahasiswa pergigian kita.

(*e*) Lembaga Pengajian mengenai penyusunan—semula Fakulti Sains telahpun ditubuhkan, dan permintaan bagi mendapatkan jawatan baharu untuk Fakulti Sains bagi tahun 1975 belum dipertimbangkan kerana menunggu lapuran Lembaga tersebut.

Oleh yang demikian, tiada jawatan-jawatan baharu dimasukkan dalam Anggaran tahun 1975 untuk Fakulti Sains dan anggaran tambahan adalah diperlukan selepas lapuran Lembaga Pengajian ini ditimbangkan oleh Universiti kelak.

Jumlah Mahasiswa yang menerima ijazah dari Universiti ini untuk tiga tahun yang lepas ialah seperti berikut:

Ijazah	Bilangan 1971/72	Tahun 1972/73	Tahun 1973/74
Sastera	1,066	1,201	1,175
Pertanian	71	82	80
Ekonomi dan Pentadbiran	436	451	425
Pendidikan	483	542	577
Kejuruteraan	110	120	120
Perubatan	76	94	109
Sains	568	582	636
Jumlah ..	2,810	3,072	3,122

Bilangan Mahasiswa-mahasiswa yang menerima ijazah-ijazah tinggi bagi tahun 1971, 1972 dan 1973 adalah seperti berikut:

Ijazah	Bilangan 1971/72	Tahun 1972/73	Tahun 1973/74
Doktor Perubatan	—	1	—
Doktor Falsafah	—	10	8
Sarjana Pendidikan	2	4	7
Sarjana Sains Pertanian	1	6	9
Sarjana Sains	7	21	17
Sarjana Sastera	12	15	13
Sarjana Kejuruteraan	2	—	1
Sarjana Ekonomi	—	—	4
Jumlah ..	24	57	59

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	21,210,751	24,805,344	28,800,000
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	2,706,284	3,873,410	
	Jumlah Gaji ..	23,917,035	28,678,754	28,800,000
2100	Perbelanjaan dan Pengangkutan Orang	855,657	982,931	800,000
2200	Pengangkutan Barang-barang ..	—	—	—
2300	Kemudahan Perhubungan ..	191,649	251,000	200,000
2400	Api, Air dan Letrik dll.	2,247,018	1,347,000	1,300,000
2500	Sewa	138,969	180,000	180,000
2600	Perkhidmatan Pencetakan	448,927	482,125	500,000
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	2,701,491	3,155,240	3,000,000
2800	Perkhidmatan Pelbagai	1,889,306	2,632,872	2,500,000
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	934,085	860,000	800,000
3300	Pembinaan	97,000	100,000	50,000
4200	Tuntutan Insuran dan Pampasan ..	49,566	55,000	60,000
5500	Pelbagai	1,993,686	2,023,400	2,000,000
	Jumlah ..	34,464,389	40,748,322	40,190,000

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974 $	Bilangan	†Anggaran Tahun 1975 $
(i) Sastera	232	2,817,464	277	3,263,233	290	
(ii) Pertanian	*225	1,300,806	*242	1,466,675	178	
(iii) Ekonomi dan Pentadbiran	109	1,429,457	167	2,059,606	169	
(iv) Pendidikan	82	967,284	105	1,132,820	107	
(v) Kejuruteraan	135	1,219,195	184	1,441,413	208	
(vi) Perubatan	486	5,037,548	563	5,653,206	589	
(vii) Kursus Lepas Ijazah ..	—	—	—	10	17	
(viii) Pergigian	29	284,213	51	533,458	51	
(ix) Pergigian	—	—	112	304,484	113	28,800,000
(x) Sains	406	4,033,605	525	4,651,292	531	
(xi) Undang-undang	21	217,753	30	343,545	36	
(xii) Pusat Komputer ..	9	89,486	20	138,371	22	
(xiii) Pusat Bahasa	68	613,431	98	803,411	108	
(xiv) Pentadbiran	663	5,906,793	758	6,887,230	842	
Jumlah ..	2,465	23,917,035	3,132	28,678,754	3,261	28,800,000

3. Anggaran Pembangunan

	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Peruntukan Tahun 1974 $	Anggaran Tahun 1975 $
1. Fakulti Kejuruteraan	27,007	—	—
2. Fakulti Perubatan	15,163	—	—
3. Fakulti Pendidikan	28,517	—	—
4. Tambahan Fakulti Sains	31,775	—	—
5. Tambahan Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran	194,123	—	—
6. Dewan Kuliah—Fakulti Sastera ..	28,464	—	—
7. Tambahan Perpustakaan—Peringkat III	3,559	—	—
8. Tambahan Bangunan Persatuan Mahasiswa	4,012	—	—
9. Tambahan Asrama Keempat ..	18,997		—
10. Tambahan Asrama Pertama	1,938	—	—
11. Tambahan Asrama Kedua	15,713	—	—
12. Tambahan Fakulti Pertanian ..	3,016	—	—
13. Pekerjaan-pekerjaan Kecil	84,220	—	—
14. Bangunan Pejabat Baru—Fakulti Sains	376,907	—	—
15. Komplek Sukan	52,425	415,100	—
16. Bangunan Serbaguna, Fakulti Pertanian	10,542	—	—
Bawa kehadapan ..	896,378	415,100	—

† Berdasarkan kepada anggaran untuk tahun 1975.

* termasuk kakitangan di Fakulti Pertanian—Ladang.

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Dari sebelah ..	896,378	415,100	—
17. Ladang Fakulti Pertanian di Puchong	117,857	108,060	—
18. Dewan Kuliah II, Fakulti Kejuruteraan	164,528	110,000	—
19. Kelengkapan-kelengkapan Sains ..	91,324	—	—
20. Asrama Ketujuh	737,699	400,000	—
21. Jalan-jalan dan Kemudahan	72,591	339,840	491,950
22. Bangunan Siswarama	502,121	—	—
23. Bangunan Kejuruteraan Kimia ..	112,235	500,000	500,000
24. Kompleks untuk Pusat Pengajian, Fakulti Undang-undang d.s.n. ..	130,853	1,000,000	1,000,000
25. Dewan Kuliah Ketiga—Fakulti Kejuruteraan	—	127,000	148,000
Jumlah Kecil (*a*) ..	2,825,586	3,000,000	2,139,950
PERUNTUKAN DARI KEMENTERIAN KESIHATAN			
26. Fakulti Pergigian	1,055,766	1,405,000	545,000
27. Wad Baru, Hospital Universiti ..	400,000	1,100,000	—
Jumlah Kecil (*b*) ..	1,455,766	2,505,000	545,000
PERUNTUKAN DARI KUMPULAN WANG TERKUMPUL UNIVERSITI			
28. Fakulti Kejuruteraan—Tambahan ..	—	1,000,000	225,000
29. Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran—Tambahan	—	275,000	—
Buku-buku untuk Perpustakaan Undang-undang	10,973	189,027	300,000
Kompleks untuk Pusat Pengajian, Fakulti Undang-undang d.s.n. ..	—	1,000,000	2,658,000
Bangunan Pentadbiran	—	247,500	—
Rumah-rumah Penyelia di Asrama ..	—	600,000	—
Asrama Baru	—	1,000,000	—
Jumlah Kecil (*c*) ..	10,973	4,311,527	3,183,000
Jumlah Besar ..	4,292,325	9,816,527	5,867,950

Kemajuan Kerja-kerja Pembinaan

(1) Projek-projek berikut telah diselesaikan atau diharapkan selesai pada 31hb Disember, 1974.

(*a*) Fakulti Pergigian.

(*b*) Kolej Asrama Ketujuh.

(*c*) Bangunan Kejuruteraan Kimia.

(*d*) Padang-padang Bola Sepak dan Hoki.

(2) Projek-projek berikut sedang dijalankan atau dirancangkan:

(*a*) Kompleks Sukan—Kolam Renang.

(*b*) Dewan Kuliah Ketiga, Fakulti Kejuruteraan.

(*c*) Sambungan Jalan dari Jalan Universiti.

(*d*) Kompleks untuk Pusat Pengajian Siswazah, Fakulti Undang-undang, Perpustakaan, Tambahan Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran dan Balai Seni Lukis.

(*e*) Bangunan Pentadbiran—Tambahan.

(*f*) Pusat Universiti Baru.

(*g*) Rumah-rumah Penyelia di Asrama-asrama.

4. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Belanja Mengurus*	34,464,389	40,748,322	40,190,000
Belanja Pembangunan†	4,292,325	9,816,527	5,867,950
Jumlah Besar ..	38,756,714	50,564,849	46,057,950

* Bantuan Kerajaan bagi tahun 1974 = $29,000,000.
* Bantuan Kerajaan bagi tahun 1975 = $28,000,000.
† Bantuan Kerajaan bagi tahun 1974 = $ 3,000,000.
† Bantuan Kerajaan bagi tahun 1975 = $ 2,139,950.

Kepala Bekalan 23	**$15,421,000**
[Pecahan-kepala (5) (e)]	
Kepala Pembangunan 23 ...	**6,584,067**
(Pecahan-kepala 16)	
Jumlah ...	**$22,005,067**

	Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975 ...	**$18,808,200**	**$17,936,285**	**$36,744,485**
Peruntukan 1974 ...	**18,972,033**	**14,475,000**	**33,447,033**
Perubahan ...	**— $ 163,833**	**+ $ 3,461,285**	**+ $ 3,297,452**

1. Tujuan-tujuan

Menyediakan pelajaran Universiti untuk memenuhi keperluan tenaga siswazah negara ini.

Untuk sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru, Universiti ini berusaha melalui rancangan akademiknya untuk meneruskan usaha-usaha di dalam tahun 1974 dan usaha-usaha terkumpul di tahun-tahun yang lampau. Pada hakikatnya ia akan memerlukan wang untuk membolehkan setiap Pusat Pengajian/Pusat/Jabatan menjalankan tugas-tugas pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan di Kampus Minden dan di Kampus Maktab Perguruan Persekutuan dan bagi menjalankan dasar-dasar untuk:

(*a*) Menyediakan pelajaran tinggi yang bermutu menerusi penggunaan Bahasa Malaysia sebagai media utama pengajaran dan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua;

(*b*) Mendapatkan perseimbangan bangsa di antara mahasiswa-mahasiswa dan di antara kakitangan untuk mencerminkan masyarakat berbilang bangsa di Malaysia;

(*c*) Menggalakkan kemajuan rancangan-rancangan yang bersifat persalingan dalam bidang pengajaran dan penyelidikan antara gulungan terpelajar di seluruh Universiti ini;

(*d*) Mengubah bentuk Kampus Minden untuk menjadikannya tapak yang kekal; dan

(*e*) Pembinaan bangunan untuk Perpustakaan, Balai Sains dan Desasiswa yang dibiayai daripada pinjaman Bank Dunia.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Peruntukan Tahun 1974 $	Anggaran Tahun 1975 $
(i) Pentadbiran	6,594,930	7,186,026	8,665,825
(ii) Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan	238,520	1,028,312	1,342,100
(iii) Pusat Pengajian Sains Fizik	1,231,198	1,458,978	1,690,892
(iv) Pusat Pengajian Sains Gunaan ..	456,872	484,554	964,883
(v) Pusat Pengajian Sains Kajihayat ..	749,388	1,383,072	1,520,864
(vi) Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan	839,621	1,412,979	1,573,121
(vii) Pusat Pengajian Ilmu Kemasyarakatan	783,494	1,233,523	1,376,312
(viii) Pusat Pengajian Sains Kimia ..	956,722	1,688,376	1,883,084
(ix) Pusat Pengajian Sains Farmasi ..	141,933	425,418	627,108
(x) Pusat Penyelidikan Dasar	—	314,097	391,150
(xi) Pusat Pengajian Sains Matematik ..	*—	649,462	818,053
(xii) Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan—			
Latihan Pengajar	888,293	841,610	1,172,771
Luar Kampus	139,310	180,758	428,140
Pusat Bahasa	†	684,868	779,201
"Social Work and Community Development"	—	—	121,000
Jumlah ..	13,020,281	18,972,033	23,354,504
Potongan	—	—	4,546,304
Jumlah ..	13,020,281	18,972,033	18,808,200

BILANGAN PENUNTUT MENGIKUT BIDANG PENGAJIAN—1973-1975

Bidang Pengajian	1973-1974	1974-1975	1975-1976
Sains—			
Sains Permulaan	90	90	90
Kajihayat	613	930	875
Kimia			
Pendidikan			
Fizik			
Matematik			
Luar Kampus	27	77	177
Perumahan, Bangunan dan Perancangan Sains Gunaan	189	273	366
Farmasi			
Jumlah Penuntut	919	1,370	1,508
Jumlah Penuntut Ijazah Lanjutan ..	30	45	76
Jumlah Kecil	949	1,415	1,584

* Perbelanjaan dimasuk dalam Pusat Pengajian Fizik.

† Perbelanjaan dimasuk dalam Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan—Pendidikan Guru.

Bidang Pengajian	1973-1974	1974-1975	1975-1976
Buku Sains—			
Sains Kemasyarakatan	690	762	971
Kemanusiaan			
Pendidikan			
Luar Kampus	473	579	612
Jumlah Penuntut	1,163	1,341	1,583
Jumlah Penuntut Ijazah Lanjutan ..	25	40	56
Jumlah Kecil	1,188	1,381	1,639
Jumlah Penuh Bilangan Penuntut ..	2,137	2,796	3,223

PERBELANJAAN PURATA BAGI SEORANG PENUNTUT UNTUK TAHUN 1973-1975

Kategori Penuntut	1973-1974	1974-1975	1975-1976
Sains	8,903	8,408	7,429
Bukan Sains	4,831	5,122	4,222

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Pebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	6,993,109	13,022,002	15,355,726
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	613,939	643,732	931,559
2200	Pengangkutan Barang-barang ..	31,994	40,000	33,500
2300	Kemudahan Perhubungan ..	117,029	215,112	205,555
2400	Api, Air dan Letrik dll.	460,490	514,513	825,880
2500	Sewa	—	—	46,100
2600	Perkhidmatan Pencetakan ..	156,198	206,510	285,541
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	1,632,263	1,320,515	1,841,014
2800	Perkhidmatan Pelbagai	999,718	1,289,773	1,823,266
3100	Perabut , Alat-alatan dan Ternakan	819,573	1,200,371	1,569,138
3200	Tanah-tanah	4,792	—	—
3300	Pembinaan	117,487	236,000	120,000
3400	Pelaburan dan Pinjaman	1,035,000	243,000	119,800
4200	Tuntutan Insuran dan Pampasan	33,877	34,605	72,100
5500	Pelbagai	4,812	5,900	125,325
	Jumlah ..	13,020,281	18,972,033	23,354,504
	Potongan ..	—	—	4,546,304
	Jumlah ..	13,020,281	18,972,033	18,808,200

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974	Bilangan	Anggaran Tahun 1975
(i) Pentadbiran	517	2,744,447	649	3,646,194
(ii) Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan ..	57	808,262	72	996,920
(iii) Pusat Pengajian Sains Fizik ..	99	1,097,084	115	1,347,192
(iv) Pusat Pengajian Sains Gunaan	35	426,404	43	513,939
(v) Pusat Pengajian Sains Kajihayat	99	1,166,596	108	1,327,964
(vi) Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan	64	1,106,501	78	1,456,196
(vii) Pusat Pengajian Ilmu Kemasyarakatan	57	948,288	75	1,314,412
(viii) Pusat Pengajian Sains Kimia ..	112	1,392,892	121	1,571,584
(ix) Pusat Pengajian Sains Farmasi	34	383,918	42	523,138
(x) Pusat Penyelidikan Dasar ..	22	261,397	25	317,950
(xi) Pusat Pengajian Sains Matematik	35	503,610	47	694,555
(xii) Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan	161	2,182,603	—	—
Latihan Pengajar	—	—	73	829,566
Luar Kampus	—	—	19	117,340
Pusat Bahasa	—	—	55	698,776
	1,292	13,022,002	1,522	15,355,726
Kurang Jawatan-jawatan baru yang tidak diluluskan.. ..	—	—	151	1,255,726
Jumlah ..	1,292	13,022,002	1,371	14,100,000

Prestasi

Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan

Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan telah ditubuhkan dalam tahun 1972, dengan kemasukan penuntut-penuntutnya pada tahun yang berikut. Rangka dan tujuan utama Pusat Pengajian ini ialah untuk mengatasi kekurangan ahli-ahli yang mahir dalam bidang Perumahan, Bangunan dan Perancangan. Dari kajian dan perbincangan-perbincangan yang mengakibatkan ujudnya Pusat Pengajian ini, nyatalah dengan jelasnya yang siswazah-siswazah yang berkelayakkan dikehendaki sebagai Pegawai Pembangunan dan juga keperluan akitek-akitek, "Plans and Building Technologists." Pusat Pengajian ini ialah salah satu Pusat Pengajian di Malaysia yang dapat memberi kajian-kajian dalam bidang ini.

Pusat Pengajian Fizik dan Ilmu Hisab

Pusat Pengajian Fizik dan Ilmu Hisab menawarkan kemudahan bagi mengkaji Fizik dan Ilmu Hisab. Ijazah-ijazah akan dikurniakan dalam bidang Fizik, Ilmu Hisab, Fizik dengan Ilmu Hisab, Fizik dengan Kimia, Fizik dengan Kajihayat, Ilmu Hisab dengan Kajihayat, Ilmu Hisab dengan Kimia. Kursus gabungan dari Fizik dan Ilmu Hisab juga ditawarkan kepada mahasiswa-mahasiswa yang mengikuti pengajian-pengajian Pendidikan serta mahasiswa-mahasiswa Luar Kampus. Kursus-kursus Fizik ditawarkan dalam peringkat Kepujian dan Sarjana. Ilmu Hisab ditawarkan dalam peringkat Kepujian hanya pada tahun 1975. Walau bagaimanapun, mahasiswa-mahasiswa bagi kursus pengajian sarjana serta kedoktoran melalui penyelidikan juga diterima dalam kedua-dua pengajian.

Pusat Pengajian Sains Gunaan

Semenjak tertubuhnya dalam tahun 1969, Universiti ini telah menggalakkan pengajian dalam lapangan sains menerusi tiga Pusat Pengajian iaitu: Pusat Pengajian Sains Kajihayat, Pusat Pengajian Sains Kimia dan Pusat Pengajian Fizik dan Ilmu Hisab. Setelah Pusat-pusat Pengajian ini ditubuhkan dengan kukuhnya, Universiti ini telah mengambil keputusan dalam tahun 1971 untuk mengambil langkah bagi memenuhi

keperluan tenaga manusia dalam bidang sains, dengan menubuhkan Pusat Pengajian Sains Gunaan, dan Dekan pertamanya telah dilantik pada awal tahun 1972. Sebelum penghujung tahun 1972, rancangan-rancangan telah diatur untuk memulakan sekumpulan kursus yang membawa kepada pengurniaan Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (B. of Appl. Scs.) di dalam beberapa lapangan teknoloji khusus yang berlainan dan bangunan baru bagi Pusat Pengajian ini dirancang untuk disiapkan dalam jangka masa 3-4 tahun. Kursus-kursus dimulakan dalam bulan Jun 1973.

Pusat Pengajian Sains Kajihayat

Kursus-kursus yang ditawarkan oleh Pusat Pengajian ini adalah disusun dalam satu cara yang akan menghapuskan halangan-halangan tradisi di antara bahagian yang berasingan bagi Kajitumbuhan, Kajihaiwan, Fisioloji, Biokimia, Kajibaka, dll. Karikulum adalah dibentuk begitu rupa supaya penuntut-penuntut didedahkan kepada pengajian Kajihayat dalam satu cara yang akan memadu dan memajukan pengajian-pengajian antara-disiplin. Dalam konteks pesatnya pertumbuhan sains Kajihayat dalam masa duapuluh tahun yang lepas, maka adalah menjadi objektif Pusat Pengajian ini untuk memberi seseorang penuntut satu spektrum yang luas bagi asas dan bahan matapelajaran yang perlu dalam Kajihayat supaya ia mempunyai pengetahuan yang cukup lengkap sebelum tamat belajar di Universiti ini.

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan

Walaupun Universiti Sains Malaysia mengutamakan pengajian Ilmu Sains, namun Ilmu Kemanusiaan dan Ilmu Kemasyarakatan adalah juga diberi pengiktirafan masing-masing. Kursus-kursus dalam Ilmu Kemanusiaan adalah dibentuk untuk memberikan kepada penuntut-penuntut satu penilaian mengenai nilai-nilai kemanusiaan dengan merujuk khas kepada Malaysia. Kursus-kursus ini mengutarakan sambungan dan perubahan-perubahan yang berlaku di masa dahulu dan sekarang, dan melalui hubungan-nya dengan unsur-unsur kemanusiaan, adalah diharapkan beberapa sumbangan dapat dibuat dalam membangunkan satu identiti Malaysia.

Disiplin-disiplin yang ditawarkan oleh Pusat Pengajian ini adalah seperti berikut:

Komunikasi.
Seni Halus.
Geografi.
Sejarah.
Kesusasteraan.
Seni Lakun.
Falsafah.

Pusat Pengajian Ilmu Kemasyarakatan

Pusat Pengajian Ilmu Kemasyarakatan telah ditubuhkan untuk memberi pelajaran Ilmu Kemasyarakatan yang meluas dan bergabung. Di dalam rangka ini setiap penuntut bolehlah memajukan sebahagian daripada keahliannya di dalam Ilmu Kemasyarakatan mengikut kecenderungan dan kegemarannya. Karikulum di dalam bidang ini memberi peluang pengkhususan di dalam sesuatu bidang Ilmu Kemasyarakatan yang diajar di Pusat Pengajian ini atau di dalam rancangan-rancangan kawasan masaalah yang berkaitan.

Bidang-bidang pengkhususan adalah di bidang-bidang pokok: Antropoloji, Ekonomik, Sains Politik, Ilmu Jiwa Masyarakat dan Sosioloji Bidang-bidang yang bergabung adalah rancangan-rancangan yang berkaitan dengan perkara-perkara yang semakin menjadi mustahak di bidang sosial dan akademik: Pengajian Bandar, Pengajian Luarbandar dan Perhubungan Antara Kaum.

Pusat Pengajian Sains Kimia

Pusat Pengajian Sains Kimia menawarkan kursus-kursus Kimia Bukanorganan, Kimia Organan dan Kimia Fizika. Kursus-kursus ini disusun untuk membolehkan penuntut-penuntut memahami dan membuat kesimpulan dan tidak hanya mempelajari fakta-fakta yang tidak berkaitan. Dalam tahun akhir mereka, penuntut-penuntut diberi kuliah

mengenai tajuk-tajuk khusus dengan memberikan perhatian kepada perkembangan ekonomi dan perusahaan di negara ini. Oleh kerana Ilmu Kimia adalah juga sains percubaan, pengalaman-pengalaman amali di dalam makmal merupakan bahagian yang penting dalam latihan mahasiswa, oleh itu penggunaan alat-alat moden dalam analisa kimia diberikan perhatian yang berat.

Pusat Pengajian Sains Farmasi

Pusat Pengajian Sains Farmasi telah ditubuhkan di Universiti Sains Malaysia di dalam tahun 1972 dengan rancangan pelajarannya dirancangkan untuk memenuhi kehendak negara dan Siswazah Farmasi.

Kursus di bidang Farmasi telah diaturkan untuk menggabungkan perkara-perkara berikut:

(i) satu bidang pelajaran am di peringkat Universiti.

(ii) latihan professional yang lengkap, dan

(iii) menitikberatkan tugas yang akan dijalankan oleh siswazah-siswazah di Malaysia.

Pusat Pengajian Sains Farmasi dengan ini mempunyai 3 tugas: mengajar, menyelidik dan memberi perkhidmatan.

Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan

Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan bertanggungjawab atas perancangan, pengembangan dan pelaksanaan empat tugas: Pendidikan Perguruan, Pengajaran Bahasa, Pengajian Bahasa, Pengajian Luar Kampus dan Teknoloji Pendidikan.

Tugas utama Pusat ialah memberikan pendidikan perguruan kepada mahasiswa-mahasiswa dari Pusat Pengajian Fizik dan Ilmu Hisab, Pusat Pengajian Kimia, Pusat Pengajian Kajihayat dan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan.

Rancangan ini ditawarkan serentak pengajian Pusat-pusat tersebut mengambil masa selama empat tahun dalam pengajiannya. Pengajian akademik tiga tahun itu adalah pengajian yang sama bagi kursus-kursus ijazah kepujian tiga tahun yang ditawarkan oleh pelbagai Pusat. Dan sifat pengajian pendidikan ialah satu pengajian lanjutan sifatnya dalam diploma pendidikan.

3. Anggaran Pembangunan

Anggaran Pembangunan Asas untuk tahun 1975 adalah seperti berikut:

Projek-projek Kerajaan	$ 4,300,415
Projek-projek Bank Dunia	13,635,870
Jumlah ...	$17,936,285

Di bawah projek-projek Kerajaan semua perkara-perkara yang menjadi sebahagian daripada Rancangan Malaysia Kedua serta permintaan di bawah Kajian Pertengahan Penggal yang berjumlah $3,800,415 untuk tahun 1975 telah diluluskan. Bagi Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan yang baru ditubuhkan selepas Kajian Pertengahan Penggal, Universiti Sains Malaysia telah dinasihatkan membuat permohonan kepada Yunit Perancang Ekonomi untuk kelulusannya.

Projek-projek Bank Dunia telah terlewat oleh sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Oleh yang demikian peruntukan untuk tahun 1974 telah dibawa ke hadapan ke tahun 1975 menjadikan peruntukan tahun 1975 $9,000,000. Peruntukan untuk Buku-buku dan alat-alat kelengkapan masih berjumlah $4,635,870.

Perbelanjaan Pembangunan Asas untuk tahun 1975 adalah seperti berikut:

Projek-projek	Anggaran Jumlah Perbelanjaan Projek	Peruntukan Tahun 1974	Dicadangkan Untuk Tahun 1975	Sambungan di Tahun 1976
	$	$	$	$
A. *Projek-projek di bawah Geran Persekutuan* (termasuk di dalam Rancangan Malaysia Kedua)—				
(i) Desasiswa II	1,600,000	1,600,000	—	—
(ii) Desasiswa (iv)	3,398,000	—	2,500,000	898,000
(iii) Pusat Pengajian Sains Gunaan:				
(*a*) Bangunan	504,974	—	—	504,974
(*b*) Alat-alat	520,415	300,000	220,415	—
(iv) Pusat Pengajian Sains Farmasi	219,047	—	—	219,047
(v) Utiliti dan Kemudahan-kemudahan Asas:				
(*a*) Bekalan Letrik ..	450,000	450,000	—	—
(*b*) Bekalan Air	200,000	200,000	—	—
(*c*) Saluran Najis	350,000	350,000	—	—
(*d*) Jalan-jalan dan Tempat Kereta	3,500,000	1,000,000	200,000	2,300,000
(vi) Kemudahan-kemudahan Sukan dan Permainan ..	2,980,000	500,000	880,000	1,600,000
(vii) Kemudahan Penuntut-Penuntut:				
(*a*) Pusat Mahasiswa ..	500,000	500,000	—	—
(*b*) Balai Ugama	350,000	350,000	—	—
(viii) Pelbagai:				
(*a*) Pagar	125,000	125,000	—	—
(*b*) Pembayaran saguhati kepada setinggan-setingan	100,000	100,000	—	—
	14,797,436	5,475,000	3,800,415	5,522,021
(ix) Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan	1,500,000	—	500,000	1,000,000
Jumlah ..	16,297,436	5,475,000	4,300,415	6,522,021
B. *Projek-projek yang dibiayai dari wang Pinjaman Bank Dunia*—				
Bangunan-bangunan:				
(i) Balai Sains—				
(*a*) Sains Kajihayat ..				
(*b*) Stesyen Luar ..				
(*c*) Sains Kimia ..				
(*d*) Fizik dan Ilmu Hisab				
(*e*) Sains Gunaan ..				
(*f*) Sains Farmasi ..				
(*g*) Dewan Kuliah dan Bilik-bilik	24,075,000	15,334,000	9,000,000	7,741,000
(*h*) Pusat Komputer ..				
(*i*) Pusat Kemudahan ..				
(ii) Perpustakaan				
(iii) Oditorium				
(iv) Desasiswa 3				
Alat-alat dan Buku-buka Perpustakaan	11,894,000	5,720,000	4,635,870	1,538,130
	35,969,000	21,054,000	13,635,870	9,279,130
Kontigensi	731,000	—	—	731,000
Jumlah Projek Bank Dunia ..	36,700,000	21,054,000	13,635,870	10,010,130
Jumlah Besar ..	52,997,436	26,529,000	17,936,285	16,532,151

Telah didapati yang perbelanjaan Pembangunan Asas sehingga tahun 1974 berjumlah $18,415,933. Oleh kerana jumlah yang telah diluluskan untuk Universiti Sains Malaysia di bawah Rancangan Malaysia Kedua hanyalah berjumlah $25,000,000, peruntukan untuk tahun 1975 telah dihadkan kepada $6,584,067. Universiti Sains Malaysia telah dinasihatkan membuat permohonan kepada Yunit Perancang Ekonomi supaya jumlah peruntukan dinaikkan kepada $36,352,218 untuk membolehkan Universiti ini menjalankan Rancangan-rancangan Pembangunannya.

4. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
* Belanja Mengurus	13,020,281	18,972,033	18,808,200
† Perbelanjaan Pembangunan	11,351,059	14,475,000	17,936,285
Jumlah Besar ..	24,371,340	33,447,033	36,744,485

* Belanja Mengurus
  Pemberian Kerajaan untuk tahun 1974 ... ... $15,000,000
  Pemberian Kerajaan untuk tahun 1975 ... ... $15,421,000

† Perbelanjaan Pembangunan
  Pemberian Kerajaan untuk tahun 1974 ... ... $10,000,000
  Pemberian Kerajaan untuk tahun 1975 ... ... $ 6,584,067

Kepala Bekalan 23	**$11,900,000**
[Pecahan-kepala 4100 (5) (f)]	
Kepala Pembangunan 23 ...	**13,365,734**
(Pecahan-kepala 5)	
Jumlah ...	**$25,265,734**

	Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975 ...	**$17,000,000**	**$13,365,734**	**$30,365,734**
Peruntukan 1974 ...	**13,520,677**	**8,000,000**	**21,520,677**
Perubahan ...	**+ $ 3,479,323**	**+ $ 5,365,734**	**+ $ 8,845,057**

1. Tujuan-tujuan

(*a*) Mengadakan pengajian Tinggi Peringkat Ijazah dan Diploma dalam semua bidang Pertanian, Kedoktoran Haiwan dan Sains Peternakan, Perhutanan; Ekonomi Sumber dan Perniagaantani, Sains dan Alam Sekitar, Kejuruteraan Pertanian serta Perkhidmatan Pendidikan;

(*b*) Menjalankan penyelidikan dan pengumpulan dan kemajuan-kemajuan pengetahuan serta penyebaran pengetahuan dalam lapangan-lapangan pengajian yang disediakan;

(*c*) Menjalankan kerja-kerja pengembangan dan pembangunan pertanian; dan

(*d*) Mengeluarkan pemimpin-pemimpin yang berkelayakan termasuk pemimpin-pemimpin yang bertaraf Pra-iktisas yang dapat memberi nasihat dan bimbingan dalam semua bidang.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran Am	1,932,678	4,388,299	5,070,763
(ii) Fakulti Kedoktoran Haiwan dan Sains Peternakan	1,080,710	1,258,580	1,763,705
(iii) Fakulti Perhutanan	520,855	597,667	628,239
(iv) Fakulti Pertanian	3,694,015	5,135,906	2,618,390
(v) Fakulti Ekonomi Sumber dan Perniagaantani	—	334,274	802,632
(vi) Fakulti Kejuruteraan Pertanian ..	—	—	465,368
(vii) Fakulti Sains dan Alam Sekitar	1,662,622	1,805,951	2,553,297
(viii) Fakulti Perkhidmatan Pendidikan ..	—	—	983,313
(ix) Bahagian Ladang	—	—	2,114,293
Jumlah ..	8,890,880	13,520,677	17,000,000

Universiti ini seperti tahun yang lepas akan memesatkan lagi aktiviti-aktiviti di dalam bidang yang khusus (specialised) seperti Pentadbiran, Pelajaran, Penyelidikan, Pengembangan dan Pembangunan:

(*a*) Dalam bidang Pelajaran, aktiviti-aktiviti dari segi Akademik akan berkembang dan Universiti ini akan menjalankan tanggungjawab sepertimana yang ditugaskan selain daripada membuat perancangan untuk mengatasi masaalah yang mungkin akan timbul pada masa hadapan.

(*b*) Universiti ini juga akan meluaskan lagi rancangan Latihan Tenaga Pengajar dan kakitangan ini dijangka akan memenuhi keperluan tenaga pengajar Universiti ini pada tahun-tahun yang ke hadapan.

(*c*) Di dalam bidang penyelidikan Universiti ini akan menambahkan lagi peruntukannya untuk membolehkan pakar-pakar yang berkhidmat dengan Universiti ini menyumbangkan dan memberi khidmat yang berkesan daripada kebolehan dan pengetahuan mereka, bukan sahaja kepada Universiti ini tetapi juga kepada Negara keseluruhannya.

(*d*) Universiti ini juga akan memberi galakan kepada kakitangan akademik mengambil bahagian di dalam seminar-seminar, simposium dan conference di dalam bidang pengkhususan mereka. Dengan cara ini mereka akan berpeluang untuk menambahkan pengetahuan mereka dan juga mereka akan mengetahui perkembangan cara mendalam dalam bidang masing-masing, dan pengajaran yang mereka berikan kepada siswa-siswa akan lebih berkesan.

(*e*) Seperti yang dirancangkan, Universiti ini akan menambahkan lagi pengambilan siswa-siswa bagi kedua-dua peringkat Diploma dan Ijazah. Bagi tahun pengajian 1975/76 jumlah siswa yang dijangkakan adalah seperti berikut:

(i) *Fakulti Pertanian—*

Diploma Pertanian	1,145
Diploma Ekonomi Rumahtangga	84
Ijazah Pertanian	425

(ii) *Fakulti Perhutanan—*

Ijazah Perhutanan	97

(iii) *Fakulti Veterinar dan Sains Peternakan—*

Diploma Perikanan	55
Diploma Peternakan	133
Ijazah Kedoktoran Veterinar	83

(iv) *Ekonomi Sumber dan Perniagaantani—*

Ijazah	165

(v) *Kejuruteraan Pertanian—*

Ijazah	20

(vi) *Fakulti Sains—*

Diploma Sains	620
Ijazah	130
Jumlah ..	2,957

(*f*) Dengan bertambahnya siswa-siswa, banyak lagi Fakulti-fakulti dan Bahagian-bahagian di Universiti ini terpaksa diperbesarkan lagi. Jabatan Sains Asas pada tahun 1975 ini, akan diperbesarkan menjadi Fakulti Sains dan Alam Sekitar, yang akan mengeluarkan guru-guru Sains manakala Jabatan Kejuruteraan akan diperkembangkan menjadi Fakulti Kejuruteraan Pertanian. Universiti ini akan juga mengadakan sebuah Fakulti baru Fakulti Perkhidmatan Pendidikan. Jabatan Ladang yang mana memberikan khidmat pengajaran dan

Pendidikan kepada Fakulti-fakulti lain di Universiti ini juga akan diperbesarkan. Dengan selesainya pengambilan ahli Ladang Pucong oleh Universiti Pertanian Malaysia daripada Universiti Malaya, serta pengambilan tanah oleh pihak Universiti ini di kawasan Kajang adalah diharapkan Bahagian Ladang akan dapat memberi khidmat yang lebih berkesan daripada masa yang lampau.

(*g*) Bahagian Pengembangan yang mana pada tahun 1975 akan diletakkan di bawah Fakulti Perkhidmatan Pendidikan akan memesatkan lagi aktiviti-aktiviti di dalam bidang pengembangan di daerah-daerah di seluruh Malaysia.

(*h*) Di dalam bidang pembangunan pada tahun 1975 iaitu tahun akhir pelaksanaan bagi Rancangan Malaysia Kedua, pihak Universiti ini akan menyiapkan segala projek yang dirancangkan. Bangunan-bangunan bagi asrama-asrama, kompleks Pertanian, Bangunan Sains Haiwan Veterinar, Bangunan Fakulti Perhutanan, Infrastructure Talikom dan lain-lain seperti yang dirancangkan dijangka akan siap pada penghujung tahun 1975.

(*i*) Kos satuan bagi keseluruhan Universiti pada tahun 1975 adalah sebanyak $3,742.07.

Prestasi

(i) *Pentadbiran Am*

Dengan perkembangan aktiviti-aktiviti Fakulti-fakulti di Universiti ini, Bahagian Pentadbiran yang mengandungi Jabatan Canselori, Pendaftar, Bendahari dan Perpustakaan diramalkan akan bertambah lagi beban-kerjanya. Beban-kerja bagi tahun 1975 adalah seperti berikut:

(*a*) Memberi perkhidmatan sokongan pentadbiran kepada semua fakulti dan jabatan-jabatan pengajian.

(*b*) Menguruskan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan perjawatan dan perkhidmatan kakitangan.

(*c*) Merancang dan menguruskan sekim latihan tenaga pengajar.

(*d*) Menyelaraskan dan mengawasi rancangan-rancangan pembangunan.

(*e*) Menguruskan perkara-perkara yang berkaitan dengan aktiviti dan keperluan akademik seperti menyelaraskan Jadual kuliah-kuliah, peperiksaan dan kegunaan dewan-dewan syarahan.

(*f*) Menguruskan biasiswa-biasiswa dan sekim pinjaman penuntut.

(*g*) Mengeluarkan berbagai makalah dan kelender Universiti.

(*h*) Memberi khidmat dalam perkara yang berkaitan dengan mahasiswa seperti orientasi, perkhidmatan kesihatan, penasihat, kerjaya, alumnu dan tata-tertib.

(*i*) Menjalankan dan mengawas semua urusan kewangan Universiti.

(*j*) Menguruskan semua keperluan buku-buku dan majallah bagi semua fakulti dan memberi perkhidmatan pembekalan, peminjaman dan penerangan yang berkaitan dengan perpustakaan.

(*k*) Bersama-sama dengan ahli-ahli kakitangan Asrama yang terdiri daripada kakitangan Akademik, pihak Pentadbiran juga mengendalikan pentadbiran Asrama-asrama.

(ii) *Fakulti Kedoktoran Haiwan dan Sains Peternakan*

Pada awal Semester Pertama Penggal Akademik 1975/76, Fakulti ini akan memulakan 3 lagi kuliah baru seperti berikut:

(1) Ijazah Kedoktoran Veterinar	..	Tahun III	.. 28
(2) Diploma Sains Ternakan ..	..	Tahun III	.. 35
(3) Diploma Perikanan ..	..	Tahun II	.. 25

Menjadikan siswa-siswa yang mengikut kursus di bawah fakulti ini seramai 268 seperti di bawah:

Diploma Sains Peternakan—

Tahun I	50 orang
Tahun II	45 orang
Tahun III	35 orang

Diploma Perikanan—

Tahun I	30 orang
Tahun II	25 orang
Tahun III	—

Ijazah—

Tahun I	25 orang
Tahun II	30 orang
Tahun III	28 orang

Selaras dengan perkembangan, Fakulti ini akan memerlukan lebih ramai lagi tenaga pengajar dan Jabatan-jabatan baru seperti berikut akan ditubuhkan:

(*a*) Jabatan Perikanan dan Sains Samudra.

(*b*) Jabatan Pathologi dan Mikrobiologi.

(*c*) Jabatan Sains Penternakan.

(*d*) Jabatan Pengajian Klinikal Veterinar.

Sepertimana yang dijalankan sekarang. Fakulti ini masih memberi syarahan dan kerja-kerja praktikal, bukan sahaja kepada siswa-siswa dari fakulti ini, malahan juga bagi mereka-mereka dari Fakulti lain yang ada mempunyai mata pelajaran pengajian penternakan.

Oleh kerana usaha-usaha telah pun dijalankan untuk mendapatkan tenaga pengajar, masaalah mengisi jawatan yang dijangka ujud pada tahun 1975, dijangka akan dapat dibereskan. Walaubagaimanapun Fakulti ini masih memerlukan wang peruntukan untuk melatih keperluan-keperluan kakitangannya. Selain daripada perkembangan Akademik, Fakulti ini juga akan meluaskan lagi Rancangan Pembiakan Ternakan yang dicadangkan dan pada akhir tahun 1975 ternakan akan berjumlah:

(i) Lembu	500 ekor
(ii) Kerbau	100 ekor
(iii) Kambing	250 ekor
(iv) Ayam	30,000 ekor
(v) Babi	100 ekor

dengan jumlah ternakan yang tersebut adalah dijangkakan bahawa ianya akan boleh menampung semua keperluan praktik dalam bidang pengajian Haiwan untuk beberapa tahun yang akan datang.

Aktiviti-aktiviti pembangunan Fizikal akan diteruskan dan dengan selesainya proses pengambilan tanah, Fakulti ini bercadang untuk meluaskan lagi Ladang Pasture sehingga kepada 600 ekar. Fakulti ini akan mendirikan satu bangunan yunit Penyusu dan "Pasturiser".

Kos satuan ialah $6,580.99.

Ijazah dan Diploma yang dikeluarkan adalah Diploma Sains, Diploma Perikanan, Ijazah Kedoktoran Veterinar dan Sains Peternakan.

(iii) *Fakulti Perhutanan*

Pada tahun 1975 Fakulti ini akan memulakan kursus tahun kedua bagi Ijazah Perhutanan (B.Sc. Forestry) dan Jabatan-jabatan yang berikutan akan ditubuhkan seperti mana yang dirancangkan:

(*a*) Jabatan Kejuruteraan Perhutanan.

(*b*) Jabatan Kaji Penyakit dan Kaji Serangga Perhutanan.

(*c*) Jabatan Pengurusan.

(*d*) Jabatan Perlindungan Hutan.

(*e*) Jabatan Hasil Hutan.

(*f*) Jabatan Penyeliaan Perhutanan.

Jabatan-jabatan tersebut ditubuhkan bukan sahaja untuk memenuhi kehendak pengajaran bagi kursus Ijazah Perhutanan malahan juga sebagai persediaan untuk tahun-tahun yang ke hadapan di mana dijangkakan pengajian dan penyelidikan akan lebih khusus (Spedialised) lagi. Jumlah siswa yang akan mengikut kursus pada tahun 1975 adalah seperti berikut:

Tahun I	40 orang
Tahun II	30 orang
Tahun III	27 orang

Adalah dijangkakan usaha untuk mendapatkan tenaga pengajar untuk Fakulti ini akan dapat diatasi dengan kembalinya penuntut-penuntut daripada luarnegeri serta bantuan daripada Universiti-universiti lain dan Organisasi-organisasi seperti A.V.C.C. dan C.I.D.A. Untuk keperluan tenaga pengajar pada masa hadapan Fakulti ini dijangka akan menghantar banyak lagi tenaga pengajar berkursus di luar negeri. Beban-kerja yang lain termasuklah persediaan dan pentadbiran kawasan hutan untuk kerja praktikal dan juga untuk penyelidikan dalam bidang perhutanan.

Yunit kos bagi seorang siswa bagi Fakulti ini adalah sebanyak $6,476.70 Perbelanjaan untuk ini dijangka akan berkurangan pada masa hadapan apabila keadaan telah stabil seimbang).

Ijazah yang dikeluarkan adalah Ijazah Perhutanan.

(iv) *Fakulti Pertanian*

Jumlah siswa-siswa yang akan mengikuti kursus pada tahun Akademik 1975/76 adalah seperti di bawah:

Diploma Pertanian	1,145 orang
Diploma Ekonomi Rumahtangga	84 orang
Ijazah Pertanian	425 orang

Menurut rancangan pembangunan Universiti ini sebuah lagi Jabatan iaitu Jabatan Kejuruteraan akan dikeluarkan daripada Fakulti ini dan dijadikan sebuah Fakulti lagi, juga Jabatan ladang yang mana pada tahun-tahun yang lampau di bawah kelolaan Fakulti ini akan dijadikan sebuah Jabatan yang berasingan. Sebagai usaha untuk melengkapkan tenaga pengajar pada tahun-tahun hadapan, Fakulti ini berkehendakkan peruntukan untuk membiayai perbelanjaan tenaga pengajar yang berkursus dan akan berkursus di luar negeri.

Fakulti ini seperti tahun-tahun yang lampau akan menjalankan rancangan penyelidikan serta khidmat pengajaran bagi Fakulti-fakulti lain di Universiti ini.

Kos satuan bagi Fakulti ini adalah sebanyak $1,583.

Diploma dan Ijazah yang dikeluarkan adalah Diploma Pertanian, Diploma Ekonomi Rumahtangga dan Ijazah Pertanian.

(v) *Fakulti Ekonomi Sumber dan Perniagaantani*

Pada tahun pengajian 1975/76 Fakulti ini akan memulakan Kursus tahun kedua, Kursus Ijazah (B.Sc. Agri-business) menjadikan siswa keseluruhannya yang mengikuti kursus seperti di bawah:

Tahun I	100 orang
Tahun II	95 orang

Seperti yang dirancangkan pada tahun 1975 Fakulti ini akan mempunyai Jabatan-jabatan seperti berikut:

(1) Jabatan Ekonomi.

(2) Jabatan Perniagaantani.

Kedua-dua Jabatan ini akan mengendalikan kursus Ekonomi tulin, Ekonomi Sumber pengurusan dan pemasaran, kewangan dan kira-kira. Seperti Jabatan yang lain, untuk mengatasi kekurangan kakitangan dan tenaga pengajar Fakulti ini akan menggunakan kemudahan rancangan-rancangan latihan kakitangan Universiti untuk menghantar Tutur dan bakal-bakal pensyarah ke luarnegeri untuk melanjutkan pelajaran mereka.

Kos satuan bagi Fakulti ini adalah sebanyak $4,864.43. Jumlah ini dijangkakan akan berkurangan apabila Fakulti ini telah berjalan dengan licin pada masa hadapan.

Ijazah yang dikeluarkan ialah Ijazah B.Sc. Agri-business.

(vi) *Fakulti Kejuruteraan Pertanian*

Pada tahun 1975 Fakulti ini akan ditubuhkan bagi memulakan kursus Ijazah Sains Kejuruteraan Pertanian (B.Sc. Agri-engineering).

Pengambilan seramai 20 orang siswa yang pertama bagi mengikuti kursus ini akan dimulakan pada awal semester Pertama tahun Pengajian 1975/76. Sebagaimana yang dirancangkan Fakulti ini akan menubuhkan:

(*a*) Jabatan Sains Kejuruteraan.

(*b*) Jabatan Kejuruteraan Memproses Kesekitaran.

(*c*) Jabatan Kejuruteraan Perladangan.

(*d*) Jabatan Kuasa dan Jentera.

Jabatan-jabatan tersebut ditubuhkan bukan sahaja untuk menampung keperluan tahun pertama Pengajian Kursus Kejuruteraan malahan juga untuk menampung persediaan pengembangan bagi Fakulti ini pada tahun-tahun akan datang.

Seperti Fakulti-fakulti yang lain juga usaha-usaha sedang dan akan dibuat untuk mendapatkan tenaga pengajar yang lebih untuk memajukan Fakulti ini. Di bawah rancangan latihan kakitangan Universiti ini, sebilangan daripada penuntut-penuntut yang dihantar berkursus di luarnegeri adalah mengikuti kursus-kursus yang berkaitan dengan Fakulti ini. Fakulti ini juga akan berusaha dari masa ke semasa menghantar tenaga pengajar ke luarnegeri bagi mengambil kursus-kursus Ijazah lanjutan.

Kos satuan bagi Fakulti ini adalah sebanyak $23,268.40. Jumlah ini dijangkakan akan berkurangan setelah Fakulti ini ditubuhkan dengan sepenuhnya.

Ijazah yang dikeluarkan ialah Ijazah Sains Kejuruteraan Pertanian (B.Sc. Agri-engineering).

(vii) *Fakulti Sains dan Alam Sekitar*

Bahagian Sains Asas pada tahun 1975 akan diperbesarkan menjadikan sebuah Fakulti. Pada tahun 1975 Fakulti ini akan menjalankan kursus-kursus dengan siswa-siswa seperti di bawah:

Diploma Sains Pendidikan—

Tahun I	250 orang
Tahun II	240 orang
Tahun III	130 orang

Ijazah Sarjana Muda Sains Pendidikan (B.Sc. Pendidikan) seramai—100 orang.

Untuk menjayakan rancangan pengajaran yang dinyatakan tadi, Fakulti Sains dan alam sekitar ini akan bekerjasama dengan Fakulti Perkhidmatan Pendidikan untuk mengeluarkan siswazah-siswazah.

Jabatan-jabatan yang dijangka ada di bawah Fakulti ini adalah seperti berikut:

(*a*) Jabatan Fizik.
(*b*) Jabatan Kimia.
(*c*) Jabatan Ilmu Hisab.
(*d*) Jabatan Kajihayat.
(*e*) Jabatan Biokimia.
(*f*) Jabatan Kajibumi.
(*g*) Jabatan Alam Sekitar.

Selain daripada beban-kerja yang dinyatakan di atas tadi, Fakulti ini akan menjalankan penyelidikan, pengumpulan, kemajuan, penyebaran pengetahuan dalam lapangan sains asas. Fakulti ini dengan kerjasama Fakulti Perkhidmatan Pendidikan akan mengeluarkan guru-guru Sains di peringkat Diploma dan Ijazah yang mana apabila mereka tamat pengajian akan dihantar bertugas di sekolah-sekolah Menengah di seluruh tanahair.

Kos satuan bagi Fakulti ini adalah sebanyak $3,404.

Kursus yang dikendalikan adalah:

(*a*) Diploma Sains dan Pendidikan.
(*b*) Ijazah Sarjana Muda Sains dan Pendidikan (B.Sc. Education).

(viii) *Fakulti Perkhidmatan Pendidikan*

Fakuti Perkhidmatan Pendidikan akan ditubuhkan pada tahun 1975 untuk memberi perkhidmatan kepada Fakulti lain. Di antara lain beban-kerja yang dijangka yang dijalankan oleh Fakulti ini adalah:

(*a*) Menepatkan bakal-bakal guru Sains dan Ilmu Hisab untuk menjalankan praktikal mengajar di Sekolah-sekolah Menengah.
(*b*) Bekerja rapat dengan badan-badan Kerajaan yang lain untuk melatih kakitangan-kakitangan mereka di dalam bidang "In Service and Staff Development Programme" dalam bidang pertanian.
(*c*) Bekerja rapat dan membimbing pihak swasta di dalam bidang "Technical and Extension Training Programme" untuk tenaga-tenaga pekerja dalam pertanian.
(*d*) Menubuhkan "Laboratory School" untuk melatih guru-guru sains khasnya.
(*e*) Menjalankan rancangan "Penyelidikan dan Pengembangan" di dalam bidang-bidang yang bersangkutan dengan Fakulti ini dan masaalah-masaalah pembangunan negara.

Untuk menampung keperluan di atas, Fakulti Perkhidmatan dan Pendidikan dijangka akan menubuhkan beberapa Jabatan seperti di bawah:

(*a*) Pusat Pelajar Lanjutan.

(*b*) Jabatan Bahasa.

(*c*) Jabatan Sains Kemasyarakatan (Social Science).

(*d*) Jabatan Extension Education (Pengembangan Pelajaran).

(*e*) Jabatan Pelajaran.

(*f*) Jabatan Field Extension Unit.

(*g*) Universiti Laboratory School.

Penubuhan Jabatan-jabatan ini akan dibuat berperingkat-peringkat sehingga Fakulti ini ditubuhkan sepenuhnya.

(ix) *Bahagian Ladang*

Jabatan Ladang pada tahun-tahun yang lepas merupakan Jabatan di bawah Fakulti Pertanian akan dijadikan sebuah Jabatan yang berasingan.

Jabatan ini akan memberi perkhidmatan Perladangan kepada Fakulti-fakulti lain di Universiti ini. Tanahnya yang seluas 283 ekar yang diambil dari pihak MARDI pada tahun 1973 terus diusahakan menjadikan tapak semaian kelapa sawit, getah dan buah-buahan yang mana sebahagian besarnya dikhaskan untuk ladangkongsi.

Selain daripada itu, Jabatan ini akan mengelolakan tanah seluas 200 ekar untuk ladang rumput bagi kegunaan Fakulti Kedoktoran Veterinar.

Sebuah kolam ikan baru seluas 15 ekar dikendalikan oleh Jabatan ini untuk kegunaan Jabatan Perikanan. Dengan selesainya pengambilan alih ladang Pucong daripada Universiti Malaya serta pembelian tanah seluas 1,600 ekar, Jabatan Ladang akan mempunyai tugas yang bertambah. Jabatan Ladang ini telah ditugaskan untuk mengusahakan kawasan yang tersebut di bawah:

Ladang rumput	500 ekar
Kelapa Sawit	100 ekar
Buah-buahan	100 ekar
Kawasan Tumbuhan Tahunan	300 ekar
Ladang Kongsi	250 ekar

dan bakinya disimpan bagi kegunaan Ladang Getah

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973 $	Peruntukan Tahun 1974 $	Anggaran Tahun 1975 $
1100	Gaji Upahan	—	—	5,831,175
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	3,951,967	6,808,859	3,015,922
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..	—	—	1,121,424
	Jumlah Gaji ..	3,951,967	6,808,859	9,968,521

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	153,134	577,375	455,000
2200	Pengangkutan Barang-barang ..	6,691	7,000	24,500
2300	Kemudahan Perhubungan ..	44,025	72,475	106,600
2400	Api, Air dan Letrik dll.	124,075	339,660	302,000
2500	Sewa	7,591	33,985	84,400
2600	Perkhidmatan Pencetakan ..	55,873	240,050	247,100
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	773,259	1,039,713	1,253,000
2800	Perkhidmatan Pelbagai	1,770,106	2,851,918	2,900,000
3100	Perabut, Alatan dan Ternakan ..	1,915,181	943,642	1,030,000
3300	Pembinaan	—	20,000	—
4100	Pemberian, Subsidi dan Carum-carum	74,800	226,000	227,000
5500	Pelbagai	14,175	360,000	401,879
	Jumlah ..	8,890,876	13,520,677	17,000,000

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974	Bilangan	Anggaran Tahun 1975
		$		$		$
(i) Pentadbiran Am	154	805,089	220	1,247,029	266	1,729,884
(ii) Fakulti Kedoktoran Haiwan dan Sains Peternakan	55	428,674	111	747,364	129	1,104,405
(iii) Fakulti Perhutanan ..	9	73,609	57	331,177	64	377,139
(iv) Fakulti Pertanian ..	347	1,975,622	611	2,965,736	200	1,896,890
(v) Fakulti Ekonomi Sumber dan Perniagaantani ..	—	—	37	317,354	59	655,232
(vi) Fakulti Kejuruteraan Pertanian	—	—	—	—	47	333,268
(vii) Fakulti Sains dan Alam Sekitar	78	648,973	160	1,200,199	193	1,633,097
(viii) Fakulti Perkhidmatan Pendidikan	—	—	—	—	76	790,613
(ix) Bahagian Ladang.. ..	—	—	—	—	446	1,447,993
Jumlah ..	643	3,951,967	1,196	6,808,859	1,480	9,968,521

3. Anggaran Pembangunan

Sejumlah besar dari rancangan pembangunan yang akan dijalankan dalam tahun 1975 adalah bagi menyiapkan projek-projek yang telah dimulakan dalam tahun 1974 dan terdahulu daripadanya. Projek-projek itu adalah seperti berikut:

1. Bangunan Fakulti Perhutanan.
2. Bangunan Fakulti Kejuruteraan.
3. Infrastructure Talikom.
4. Fakulti Kedoktoran Veterinar.

Projek-projek yang tersebut di atas adalah untuk menampung keperluan penuntut-penuntut yang meningkat kepada 2,957 orang dalam tahun 1975.

Dari segi kewangan adalah dijangka Universiti ini akan memerlukan peruntukan yang lebih dari jumlah yang diluluskan bagi jangka masa Rancangan Malaysia Kedua, iaitu sebanyak $33,000,000 kepada $41 juta.

4. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
*Belanja Mengurus	8,890,880	13,520,677	17,000,000
†Belanja Pembangunan	5,554,248	8,000,000	13,365,734
Jumlah Besar ..	14,445,128	21,520,677	30,365,734

* Bantuan Kerajaan bagi tahun 1974 .. $12,500,000
* Bantuan Kerajaan bagi tahun 1975 .. $11,900,000
† Bantuan Kerajaan bagi tahun 1974 .. $ 8,000,000
† Bantuan Kerajaan bagi tahun 1975 .. $13,365,734

HOSPITAL UNIVERSITI

Kepala Bekalan 23 [Pecahan-kepala 4100 (5) (c)]	... ...	**$16,900,000**
Jumlah	...	**$16,900,000**

BELANJA MENGURUS

Peruntukan 1975	... ...	**$18,686,820**
Peruntukan 1974	... ...	**16,202,478**
Perubahan	...	**+ $ 2,484,342**

1. Tujuan-tujuan

Hospital Universiti ialah hospital pengajaran dari Fakulti Perubatan, Universiti Malaya. Sebagai sebuah institusi pelajaran, Hospital Universiti memberi kemudahan untuk melatih tenaga perubatan dan para perubatan yang sangat dikehendaki bagi melaksanakan objektif ekonomi dan sosial Rancangan Malaysia Kedua.

Pegangan dan Matlamat

Hospital Universiti memberi latihan kepada mahasiswa-mahasiswa perubatan dan doktor-doktor di dalam berbagai-bagai jurusan khas; dan juga latihan kejururawatan, jururawat mahir dan teknoloji makmal perubatan. Sebagai sebuah hospital, dan bersangkutan dengan program latihan di atas, ianya memberi rawatan pesakit yang sepenuh: penetapan (diagnostic), penyembuhan (curative), pemulihan (rehabilitative) dan pencegahan (preventive). Selanjutnya, hospital ini sangat mengambil berat tentang perkembangan di dalam sesuatu jurusan khas seperti pembedahan jantung (cardiac surgery).

Program matlamat tahun 1975 bagi peruntukan perkhidmatan pesakit luar dan dalam dan kemudahan latihan perubatan dan para perubatan adalah seperti berikut:

Jumlah lawatan pesakit luar	250,000
Bilangan kemasukan pesakit dalam	24,000
Penuntut Perubatan	671
Doktor Pelatih	54
Pegawai Perubatan (Pelatih)	58
Doktor Lepas Ijazah (Post Graduate Doctors) di Pathology, Psychological Medicine and Public Health	18
Program Latihan Kejuruteraan—	
Penuntut Asas	234
Penuntut Asas Lanjutan	50
Teknoloji Makmal Perubatan—	
Kursus Asas	24
Kursus Lanjutan	86

Dalam tahun 1975, menurut objektif Rancangan Malaysia Kedua, Hospital Universiti akan menambahkan bilangan katil-katilnya sebanyak 112 buah lagi, menjadi jumlah katil kepada 868 buah kesemuanya.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Perkhidmatan Pesakit	12,789,119	13,871,520	16,267,875
(ii) Program Keistimewaan	62,146	326,093	193,315
(iii) Program Latihan Hospital	1,582,536	2,004,865	2,225,630
Jumlah ..	14,433,801	16,202,478	18,686,820

Prestasi

(i) *Perkhidmatan Pesakit*

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(*a*) Lawatan Pesakit Luar:			
Poliklinik	157,851	168,000	206,000
Kemalangan dan Kecemasan ..	31,129	35,000	44,000
Jumlah ..	188,980	203,000	250,000
(*b*) Harian Pesaki Bersamaan dengan Jumlah Lawatan Pesakit Luar (1/5 dari (*a*))	37,796	40,600	50,000
(*c*) Harian Pesakit Dalam	213,262	225,000	276,000
Jumlah Peruntukan Harian Pesakit Dalam ..	251,058	265,600	326,000
% Tambahan Beban Kerja terhadap tahun-tahun lepas	3%	6%	23%
(*d*) Belanja Mengurus—			
Gaji	$ 8,357,991	$ 8,992,052	$ 9,976,466
Perkhidmatan dan Bekalan ..	4,400,123	4,614,804	5,945,177
Pembelian Harta Modal ..	31,005	264,664	346,232
Jumlah ..	$12,789,119	$13,871,520	$16,267,875
% Tambahan terhadap tahun-tahun lepas	7%	9%	21%
(*e*) Yunit Harga Pesakit Dalam Sehari:			
Gaji	$33.29	$33.86	$30.60
Perkhidmatan dan Bekalan ..	17.53	17.37	18.23
Pembelian Harta Modal ..	0.12	1.00	1.06
Jumlah ..	$50.94	$52.23	$49.89

Dari segi harian pesakit, beban-kerja adalah dianggarkan bertambah sebanyak 23% jika dibandingkan dengan tahun 1974. Ini dapatlah dibandingkan dengan perbelanjaan mengurus yang bertambah sebanyak 21% dan ditunjukkan kekurangan yunit harga seharian pesakit dalam daripada $52.23 dalam tahun 1974 kepada $49.89 dalam tahun 1975.

(ii) *Program Keistimewaan*

Bilangan Pembedahan:

	1975
Pembedahan Jantung Terbuka	100
Pembedahan Jantung Tertutup	200

Belanja Mengurus:

Gaji	$ 28,315
Perkhidmatan dan Bekalan	165,000
	$193,315

(iii) *Program Latihan Hospital*

		1973	1974	1975
(*a*) Doktor Pelatih dan Pegawai Perubatan:				
Bilangan Doktor Pelatih.. ..		40	46	54
Bilangan Pegawai Perubatan (Pelatih)		50	50	58
Gaji		$968,550	$1,241,518	$1,402,569
	Tahun	Asas	Asas Lanjutan	
(*b*) Latihan Jururawat Asas dan Asas Lanjutan:				
Bilangan Penuntut	1973	234	50	
	1974	234	50	
	1975	234	50	
Bilangan Pengajar	1973	16	6	
	1974	16	7	
	1975	16	7	
Nisbah Penuntut-Pengajar ..	1973	15:1	5:1	
	1974	15:1	7:1	
	1975	15:1	7:1	
Belanja Mengurus	1973	$553,105	$50,201	
	1974	$664,640	$88,703	
	1975	$675,102	$87,952	
Kos Latihan Seorang Penuntut Setahun	1973	$2,363.70	$1,004.02	
	1974	$2,840.34	$1,774.06	
	1975	$2,885.05	$1,759.04	

Program Latihan Asas dan Asas Lanjutan

Sepertimana di tahun-tahun yang lalu, di mana nisbah penuntut-pengajar tidak berubah membuktikan bahawa kos sebenar latihan seorang penuntut berada di dalam yang sama. Sedikit tambahan perbelanjaan di dalam Latihan Kejururawatan Asas adalah disebabkan oleh tambahan gaji tahunan kakitangan yang sedia ada.

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	9,920,890	11,000,000	12,142,875
2100	Perjalanan dan Pengangkutan .. Orang	10,388	8,000	10,000
2200	Pengangkutan Barang-barang ..	52	500	500
2300	Kemudahan Perhubungan ..	163,223	160,000	173,000
2400	Api, Air dan Letrik dll.	795,803	796,000	872,000
2500	Sewa	146,682	168,840	375,000
2600	Perkhidmatan Pencetakan.. ..	37,373	55,000	58,000
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	2,758,880	2,986,445	4,091,845
2800	Perkhidmatan Pelbagai	565,025	610,229	612,600
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	35,485	417,464	351,000
	Jumlah ..	14,433,801	16,202,478	18,686,820

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974 $	Bilangan	Anggaran Tahun 1975 $
(i) Perkhidmatan Pesakit ..	1,785	8,357,991	2,171	8,992,052	2,319	9,976,466
(ii) Program Keistimewaan..	—	—	7	27,693	7	28,315
(iii) Program Latihan Hospital	346	1,562,899	360	1,980,255	376	2,138,094
Jumlah ..	2,131	9,920,890	2,538	11,000,000	2,702	12,142,875

3. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Peruntukan Tahun 1974 $	Anggaran Tahun 1975 $
*Belanja Mengurus	14,433,801	16,202,478	18,686,820
Jumlah ..	14,433,801	16,202,478	18,686,820

* Bantuan Kerajaan—1973 = $12,000,000.
Bantuan Kerajaan—1974 = $14,000,000.
Bantuan Kerajaan—1975 = $16,900,000.

Kepala Bekalan 23 [Pecahan-kepala 4100 (5) (a)]	... ...	**$ 9,600,000**
Kepala Pembangunan 23 (Pecahan-kepala 19)	...	**5,279,000**
Jumlah	...	**$14,879,000**

	Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975	**$11,500,000**	**$5,279,000**	**$16,779,000**
Peruntukan 1974	**9,200,000**	**2,200,000**	**11,400,000**
Perubahan ...	**+ $ 2,300,000**	**$3,079,000**	**$ 5,379,000**

1. Tujuan-tujuan

Tujuan Institiut ialah untuk menyebar dan mengembangkan pelajaran di peringkat universiti mengenai sains dan teknoloji selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memajukan negara dengan berdasarkan ilmu sains dan teknoloji. Institiut Teknoloji Kebangsaan juga ialah sebuah pusat penyelidikan dan pengumpulan pengetahuan dalam lapangan-lapangan Kejuruteraan, Senibina dan lain-lain bidang teknoloji.

Dalam mengeluarkan ahli-ahli teknoloji seimbang dengan kehendak Kerajaan untuk memenuhi keperluan negara dalam bilangan ahli-ahli teknoloji untuk kemajuan dan pembangunan negara, Institiut adalah sedar tentang peranan yang akan diambil oleh mereka dalam masyarakat. Sebaik-baiknya ahli-ahli teknoloji hendaklah bukan sahaja cekap dalam menjalankan tugas-tugas mereka sehari-hari tetapi juga menyedari akan kewajipan mereka kepada masyarakat dan Penciptanya. Oleh yang demikian, tujuan utama Institiut ini ialah untuk melatih ahli-ahli teknoloji yang benar-benar cekap dan tahu akan tanggungjawabnya terhadap masyarakat dan Penciptanya, sesuai dengan keperluan negara.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran	2,351,088	3,602,250	4,122,000
(ii) Kejuruteraan	1,105,919	1,938,100	3,104,850
(iii) Alambina	335,645	676,722	699,400
(iv) Ukur	270,680	579,506	641,750
(v) Pusat Pengajian Kemanusiaan ..	207,698	486,847	608,000
(vi) Pusat Pengajian Sains	822,966	1,916,575	2,324,000
Jumlah ..	5,093,996	9,200,000	11,500,000

(i) *Pentadbiran*

(*a*) Prestasi dalam tahun 1974

Pada umumnya tidak ada banyak masaalah yang telah dihadapi bagi menjalankan beberapa perkara untuk pentadbiran Institiut. Dalam tahun 1974 seramai 580 orang pelajar telah diambil. Di antara jumlah ini mereka yang telah diambil untuk kursus ijazah ialah seramai 158 orang dan yang lain ialah untuk kursus diploma.

Seperti juga dalam tahun-tahun yang lalu, Institiut telah mengalami beberapa kekurangan kakitangan dalam bahagian akademik. Walaupun demikian tindakan telah diambil untuk mendapatkan bantuan yang tertentu dari Kerajaan Indonesia, universiti-universiti tertentu di Amerika Syarikat dan juga dari Association of Commonwealth Universities. Institiut juga telah sebaliknya menghantar beberapa orang penolong-penolong pensyarah dan bakal-bakal tenaga pengajar ke luar negeri untuk mendapatkan ijazah kedua dan selanjutnya dan telah membuat peraturan dengan kerajaan bagi mendapatkan beberapa orang calunnya untuk diambil sebagai tenaga pengajar.

Begitu juga beberapa kakitangan am telah diambil dan kedudukan perjawatan Pejabat Pentadbiran pada tahun 1974 adalah seperti di bawah ini:

Jabatan	Bilangan Kakitangan
Rektor	16
Pendaftar	207
Bendahari	101
Pustakawan	66
	390

Masaalah tempat masih lagi menjadi masaalah Institiut dalam tahun 1974. Walau bagaimanapun, tindakan telah diambil di mana beberapa bangunan telahpun dibina untuk menampung kesesakan tempat yang dialami sekarang. Bangunan-bangunan ini adalah berupa bilik-bilik kuliah, tambahan kepada Pejabat Kewangan, tambahan kepada Perpustakaan dan tambahan kepada bilik makan pelajar-pelajar.

(*b*) Beban-kerja yang dijangka pada tahun 1975

Sungguhpun telah diramalkan pada tahun lepas bahawa kerja-kerja awal mengenai tapak baru Institiut akan dapat dimulakan dalam tahun 1974, oleh sebab Kerajaan telah memutuskan iaitu Institiut tidak akan berpindah ke tapak mulanya di Gombak, itu, maka kerja-kerja awal tapak yang dicadangkan di Gombak telah tidak dilaksanakan dalam tahun ini. Walaupun demikian, Institiut menyangka akan dapat memulakan tindakan awal mengenai tapaknya di Johor pula dalam tahun 1975.

(ii) *Kejuruteraan*

(*a*) Prestasi dalam tahun 1973/74

Bilangan pelajar-pelajar yang diambil dalam tahun 1974 untuk fakulti ini ialah seramai 424 orang iaitu 335 orang untuk kursus diploma dan 89 orang untuk kursus ijazah.

Pembahagian pelajar-pelajar dalam fakulti ini adalah seperti berikut:

		Diploma	Ijazah
Kejuruteraan Jentera	Tahun I ..	109	30
	Tahun II ..	107	21
	Tahun III ..	56	26
Kejuruteraan Awam	Tahun I ..	139	28
	Tahun II ..	148	28
	Tahun III ..	102	24
Kejuruteraan Letrik	Tahun I ..	133	29
	Tahun II ..	131	28
	Tahun III ..	82	26
		1,007	240

(*b*) Beban-kerja yang dijangkakan pada tahun 1975

Adalah dijangkakan bahawa fakulti ini akan dapat mengambil pelajar-pelajar baru seramai 550 orang iaitu terdiri dari 460 orang untuk kursus diploma dan 90 orang untuk kursus ijazah. Pembahagian mereka mengikut kursus adalah seperti berikut:

	Diploma	Ijazah
Kejuruteraan Awam	160	30
Kejuruteraan Jentera	120	30
Kejuruteraan Letrik (Kuasa)	90	30
Kejuruteraan Letrik (Perhubungan)	90	—
	460	90

(iii) *Alambina*

(*a*) Prestasi dalam tahun 1974

Seramai 100 orang pelajar-pelajar baru telah diambil untuk fakulti ini yang terdiri daripada 49 orang untuk peringkat diploma dan 51 orang diperingkat ijazah. Fakulti ini telahpun ditukar namanya daripada "Senibina" kepada "Alambina" dalam tahun 1974. Ini adalah oleh sebab memandangkan bahawa istilah "Senibina" tidaklah wajar dari segi fungsinya pada keseluruhan. Kedudukan pelajar di fakulti ini pada tahun 1974 adalah seperti berikut:

		Diploma	Ijazah
Senibina	Tahun I ..	31	25
	Tahun II ..	25	18
	Tahun III ..	27	9
Perancang	Tahun I ..	17	10
	Tahun II ..	7	4
	Tahun III ..	11	—
Ukur Bahan	Tahun I ..	14	15
	Tahun II ..	15	8
	Tahun III ..	9	—
		156	89

(*b*) Beban-kerja yang dijangka pada tahun 1975

Fakulti ini dijangka mengambil pelajar-pelajar baru untuk tahun 1975 seramai 150 orang pelajar yang terdiri daripada 65 orang untuk peringkat ijazah dan 85 orang di peringkat diploma. Pembahagian mereka mengikut kursus adalah seperti berikut:

	Diploma	Ijazah
Senibina	30	25
Perancang	30	25
Ukur Bahan	25	15
	85	65

Seperti juga dalam tahun yang lalu, fakulti ini akan menambahkan lagi "live projects" dalam kerja kursus bagi pelajar-pelajar untuk memberi mereka pengalaman dalam bahagian praktik senibina. Fakulti ini juga akan merancangkan beberapa pameran di dalam Institiut dan juga akan mengambil bahagian di dalam pameran kebangsaan.

(iv) *Ukur*

(*a*) Prestasi dalam tahun 1974

Fakulti ini telah mengambil seramai 38 orang pelajar-pelajar untuk kursus diploma dan 18 orang untuk kursus ijazah. Bilangan pelajar-pelajar yang mengikuti kursus di fakulti ini adalah seperti berikut:

		Diploma	Ijazah
Ukur Tanah	Tahun I ..	42	11
	Tahun II ..	27	—
	Tahun III ..	20	—
Penilaian	Tahun I ..	—	11
	Tahun II ..	—	—
	Tahun III ..	—	—
		89	22

(*b*) Beban-kerja yang dijangka pada tahun 1975

Bilangan pelajar-pelajar baru yang akan diambil pada tahun 1975 adalah seperti berikut:

	Diploma	Ijazah
Ukur Tanah	40	15
Penilaian	—	25
	40	40

(v) *Pusat Pengajian Kemanusiaan*

(*a*) Prestasi dalam tahun 1974

Pusat ini telahpun menjalankan aktiviti-aktivitinya dalam tahun 1974 dengan sewajarnya. Sejak ianya dijadikan Pusat yang berasingan dari Pusat Pengajian Sains, peranannya dalam membantu Institiut untuk mengeluarkan ahli-ahli teknologi mengikut tujuan utama Institiut adalah bertambah pentingnya. Pengajaran kursus-kursus di dalam bidang pengajian kemanusiaan sebagai memenuhi syarat pendidikan umum telahpun diperkemaskan. Sebuah Makmal Bahasa telahpun dibina dalam tahun 1974.

(*b*) Beban-kerja yang dijangka dalam tahun 1975

Pusat ini akan terus membuat segala peraturan bagi memperbaiki segala perkara mengenai pengajian kemanusiaan kepada pelajar-pelajar Institiut. Adalah dijangkakan bahawa pusat ini akan menyediakan cara-cara pengajaran perkara kemanusiaan dan juga isinya mengikut rancangan pengajian yang terbaru sekali.

(vi) *Pusat Pengajian Sains*

(*a*) Prestasi dalam tahun 1974

Segala aktiviti yang dirancangkan dalam tahun 1973 untuk tahun 1974 telahpun dilaksanakan dengan sewajarnya. Sebagai sebuah Pusat yang memberi perkhidmatan kepada fakulti-fakulti yang lain, pelaksanaan aktiviti-aktivitinya adalah diselaraskan dengan silibus dan kurikulum untuk kursus-kursus di fakulti-fakulti yang berkenaan. Beberapa orang tenaga pengajar dari Indonesia telah diambil untuk membantu Pusat ini dalam melaksanakan tugas-tugasnya dan di samping itu buat pertamakalinya beberapa tutor telah diambil dan dihantar ke luar negeri untuk mendapat ijazah kedua dan selanjutnya.

(*b*) Beban-kerja yang dijangka dalam tahun 1975

Seperti juga dengan Pusat Pengajian Kemanusiaan, segala beban-kerja untuk Pusat ini dalam tahun 1975 adalah berbangkit dari beban yang dijangka untuk fakulti yang lain. Sudah semestinya dengan bertambahnya bilangan pelajar untuk tahun 1975, aktiviti-aktiviti Pusat ini akan juga bertambah dengan pesatnya.

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	2,419,759	3,368,500	3,605,000
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	600,000	1,298,833	1,640,000
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..	200,000	513,162	510,000
	Jumlah Gaji ..	3,219,759	5,180,495	5,755,000
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	259,000	313,000	266,500
2200	Pengangkutan Barang-barang ..	2,000	7,900	8,500
2300	Kemudahan Perhubungan ..	14,000	55,100	52,000
2400	Api, Air dan Letrik dll.	200,000	250,000	270,000
2500	Sewa	—	45,000	53,000
2600	Perkhidmatan Pencetakan.. ..	129,000	115,000	111,500
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	198,700	528,843	484,750
2800	Perkhidmatan Pelbagai	291,000	387,300	681,900
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	304,537	2,183,812	3,654,850
3200	Tanah-tanah	—	—	—
3300	Pembinaan	—	—	105,000
4200	Tuntutan Insuran dan Pampasan..	150,000	100,000	—
4500	Pencen dan Ganjaran	—	20,000	30,000
5500	Pelbagai	326,000	13,550	27,000
	Jumlah ..	5,093,996	9,200,000	11,500,000

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974	Bilangan	Anggaran Tahun 1975
		$		$
(i) Pentadbiran	377	1,373,677	404	1,700,000
(ii) Kejuruteraan	156	1,400,000	216	1,500,000
(iii) Alambina	60	590,722	70	500,000
(iv) Ukur	37	356,506	43	400,000
(v) Pusat Pengajian Kemanusiaan	36	429,847	38	525,000
(vi) Pusat Pengajian Sains	125	1,029,743	178	1,130,000
Jumlah ..	791	5,180,495	949	5,755,000

3. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$
Belanja Mengurus	9,200,000	11,500,000
Belanja Pembangunan	2,200,000	5,279,000
Jumlah Besar ..	11,400,000	16,779,000

Kepala Pembangunan 23	**$32,768,300**
(Pecahan-kepala 21)	
Jumlah ...	**$32,768,300**

	Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975 ...	**$30,400,000**	**$2,368,300**	**$32,768,300**
Peruntukan 1974 ...	**20,753,500**	**5,900,000**	**26,653,500**
Perubahan ...	**+ $ 9,646,500**	**— $3,531,700**	**+ $ 6,114,800**

1. Tujuan-tujuan

Untuk melaksanakan satu program latihan dan pelajaran yang sempurna untuk melatih Bumiputra dalam bidang perniagaan, iktisas, sains dan teknoloji. Dengan cara ini akan dapat menambah bilangan Bumiputra di bidang pengajian tinggi, perusahaan dan perniagaan.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran Am	6,777,722	8,133,780	11,235,500
(ii) Kewangan	223,866	348,690	437,000
(iii) Perpustakaan	959,253	1,181,435	1,512,500
(iv) Akademik	7,075,002	10,189,930	12,067,500
(v) Hal Ehwal Pelajar	336,569	649,665	847,500
(vi) Latihan Kakitangan/Biasiswa ..	289,230	250,000	300,000
(vii) Kampus-kampus Cawangan ..	—	—	3,000,000
(viii) Pusat Pembangunan Pengusaha ..	—	—	1,000,000
Jumlah ..	15,661,642	20,753,500	30,400,000

Prestasi

(i) *Pentadbiran Am*

Tugas-tugas yang dipikul oleh bahagian ini amat luas dibanding dengan bahagian-bahagian yang lain. Bukan sahaja berhubung dengan perjalanan pentadbiran biasa sehari-hari seperti menguruskan soal kakitangan dan kemasukan pelajar-pelajar, malah juga berhubung dengan soal-soal pengurusan makanan, penyelenggaraan, pentadbiran asrama, setor pusat dan kawalan keselamatan. Oleh kerana tugasnya terlalu luas maka tiap-tiap bahagian ini telah dilantik seorang ketua yang bertanggungjawab terus kepada Pendaftar sebagai ketua di bahagian Pentadbiran Am ini. Bahagian ini adalah bekerjasama dengan bahagian-bahagian lain di Institiut ini untuk menjalankan pentadbiran sehari-hari dengan lebih berkesan.

Tugas-tugas bahagian ini sentiasa bertambah besar dari semasa kesemasa. Bilangan pelajar-pelajar bertambah dengan kadar yang tinggi. 1,911 telah diambil pada tahun 1973 berbanding dengan 3,000 pada tahun 1974. Ini menjadikan jumlah pelajar-pelajar pada tahun ini hampir-hampir 6,750. Kakitangan samada akademik atau bukan akademik telah juga bertambah selaras dengan bertambah-nya bilangan pelajar-pelajar. Misalnya kedudukan kakitangan pada tahun 1973 ialah 1,003, tahun 1974 1,325 dan mungkin melebihi 1,500 pada tahun 1975.

Penubuhan kampus cawangan baru juga menambahkan tugas-tugas bahagian ini. Sesudah pembukaan kampus cawangan di Sabah dan Sarawak pada bulan Julai 1973, kampus cawangan Perlis pula di buka pada bulan Julai 1974. Mungkin tidak berapa lama lagi 2 kampus cawangan yang baru akan ditubuhkan di Johor dan Trengganu untuk membolehkan lebih ramai lagi belia-belia bumiputra dilatih dalam bidang professional dan perniagaan.

Kedudukan perjawatan bagi tahun 1973, 1974 dan 1975 adalah seperti berikut:

Bahagian	1973	1974	1975
Pentadbiran Am	399	545	647
Kewangan	37	56	76
Perpustakaan	87	102	122
Akademik	462	602	837
Hal Ehwal Pelajar	17	20	186
	1,003	1,325	1,868

(ii) *Kewangan*

Bahagian ini bertanggungjawab mengadakan polisi kewangan serta mempraktik-kan polisi tersebut. Di samping itu memberi khidmat kewangan kepada penuntut serta kakitangan I.T.M. Bahagian ini bertanggungjawab kepada pengarah untuk perkhidmatan-perkhidmatan berikut:

(*a*) Anggaran Perbelanjaan;
(*b*) Pendapatan dan Kumpulanwang;
(*c*) Bayaran Gaji Kakitangan;
(*d*) Odit dan Lapuran;
(*e*) Kumpulanwang Simpanan;
(*f*) Tawaran dan Pembelian; dan
(*g*) Pengurusan Wang Pusingan.

Apabila kumpulanwang pinjaman penuntut dilancarkan, tanggungjawab peng-urusan kumpulanwang ini juga akan diletakkan di bahagian ini.

(iii) *Perpustakaan*

Perpustakaan Tun Abdul Razak sebagai sebuah pusat bahan pelajaran di Institiut Teknoloji Mara dan ianya memberi perkhidmatan dan mengadakan bahan-bahan untuk kegunaan tenaga pengajar, pelajar-pelajar dan lain-lain kakitangan I.T.M. Sebagai sebuah pusat media, ia mempunyai berbagai jenis bahan yang dicetak, bahan mikro dan bahan-bahan dan alat-alat pandang dengar. Koleksinya telah berkembang sebagai memenuhi kehendak karikula sekolah-sekolah di I.T.M.

Perpustakaan Tun Abdul Razak ada empat cawangan dalam tahun 1974 dan dalam tahun 1975 cawangan kelima bermula di Trengganu. Perkembangannya adalah seimbang dengan perkembangan pesat I.T.M. pada keseluruhannya.

Bilangan:	1973	1974	1975	Keterangan
(*a*) Pembaca	5,223	6,450	7,204	
(*b*) Cawangan	4	4	5	(Jalan Othman, Selangor; Kota Kinabalu, Sabah; Kuching, Sarawak; Perlis dan Trengganu)

	1973	1974	1975	Keterangan
Penambahan:				
(*a*) Buku-buku	16,404	14,000	16,000	
(*b*) Majallah	93	100	200	
(*c*) Tempat Pembaca	60	20	—	
(*d*) Kakitangan	29	15	21	
(*e*) Bahan Pandang Dengar ..	—	8,000	8,000	(termasuk bahan Mikro)
Perkhidmatan:				
(*a*) Pinjaman				
(*b*) Pertolongan pembaca				
(*c*) Rujuk				
(*d*) Pembelian bahan				
(*e*) Memeroses bahan				
(*f*) Majallah				
(*g*) Kemudahan Pandang Dengar				
(*h*) Penyalinan				
(*i*) Penjilidan				

(iv) *Akademik*

Di dalam perkembangan I.T.M. bahagian akademik juga turut memainkan peranan yang penting. Bahagian ini merupakan tenaga penggerak, kerana peranannya bukan sahaja mengendalikan perjalanan pelajaran di I.T.M., tetapi juga bertanggungjawab di atas perkembangannya.

Pada bulan Julai, 1973 dua buah kampus I.T.M. telah dibuka di Kota Kinabalu dan Kuching. Diikuti pula dengan pembukaan kampus di Perlis pada bulan Julai, 1974 lalu. Dua buah cawangan lagi akan dibuka di Kuala Trengganu dan Johor Bahru, cawangan-cawangan ini dibuka adalah selaras dengan keperluan pelajaran tinggi di kalangan bumiputra.

(*a*) Kajian

Sekarang bahagian akademik adalah bertanggungjawab kepada pentadbiran 14 buah kajian yang mewakili 62 buah kursus. Butir-butir kajian adalah seperti di bawah:

Jenis Kajian	Bilangan Kursus
1. Akauntansi	3
2. Pentadbiran dan Undang-undang	3
3. Sains Gunaan	10
4. Senibina Perancang dan Ukur	6
5. Pengurusan dan Perdagangan	7
6. Seni Lukis dan Reka Bentuk..	7
7. Sains Komputer	5
8. Kejuruteraan	7
9. Pengurusan Hotel dan Penyediaan Makanan	2
10. Sains Perpustakaan	1
11. Sebaran Am	4
12. Pre Universiti	3
13. Kursus Persediaan	3
14. Sains Kesetiausahaan	1
	62

(*b*) Bilangan Pensyarah, Penuntut dan Perbelanjaan Purata

Kajian	1972/1973	1973/1974	1974/1975
	Bilangan	Bilangan	Bilangan
1. Akauntansi	538	899	1,159
2. Pentadbiran dan Undang-undang ..	534	638	736
3. Sains Gunaan..	373	514	789
4. Senibina, Perancang dan Ukur ..	268	355	531
5. Pengurusan dan Perdagangan ..	520	677	870
6. Senilukis dan Reka Bentuk ..	239	287	360
7. Sains Komputer	156	172	236
8. Kejuruteraan	255	312	470
9. Pengurusan Hotel dan Penyediaan Makanan	215	125	157
10. Sains Perpustakaan	38	73	122
11. Sebaran Am	43	70	120
12. Pra Universiti	550	241	250
13. Kursus Persediaan	—	220	300
14. Sains Kesetiausahaan	—	112	267
15. Kampus Sabah	—	180	200
16. Kampus Sarawak	—	140	160
17. Kampus Perlis	—	—	241
	3,729	5,015	6,968
Bilangan Pensyarah	227	323	415
Perbelanjaan Purata	$2,954	$3,300	$3,500

Bilangan Siswazah

Kajian	1972/1973	1973/1974	1974/1975
1. Akauntansi	43	56	90
2. Pentadbiran dan Undang-undang ..	89	35	177
3. Senilukis dan Rekabentuk	40	40	47
4. Sains Gunaan..	67	68	85
5. Senibina, Perancang dan Ukur ..	40	37	34
6. Pengurusan dan Perdagangan ..	64	71	143
7. Sains Komputer	—	10	16
8. Pengurusan Hotel dan Penyediaan Makanan	15	20	18
9. Sains Perpustakaan	—	—	11
10. Kejuruteraan	—	—	22
11. Sebaran Am	—	—	—
12. Sains Kesetiausahaan	—	42	50
Jumlah ..	358	379	693

Seramai 188 orang penuntut telah lulus di dalam kursus-kursus jangka pendek—pengurusan hotel dan restoran. Bilangan-bilangan penuntut—yang telah lulus di dalam kursus itu, adalah seperti di bawah ini:

Front Office Receptionist	46
Bartender	19
Housekeeping	34
Assistant Cook	19
Waiting	70
	188

Bahagian Akademik juga telah memulakan Bahagian Kajian Luar Kampus pada bulan Januari, 1973. Tujuan utama dalam menjalankan program ini ialah untuk membolehkan ramai lagi gulungan Bumiputra menggunakan kemudahan-kemudahan dan kemahiran yang ada di I.T.M., secara sambilan. Program ini adalah dikelolakan untuk kursus-kursus Degree, Diploma, Professional dan semi-professional yang dikhaskan untuk pelajar Bumiputra yang:

(i) Mereka-mereka yang tidak dapat mengikuti kursus-kursus I.T.M. secara penuh masa;

(ii) Mereka-mereka yang sekarang ini belajar secara bersendirian tapi berkehendakkan bimbingan secara formal; dan

(iii) Mereka-mereka yang telah pun meninggalkan I.T.M. sebelum tamat pengajian mereka.

Jumlah Kursus, Masa Belajar dan Pelajar:

	1974	1975
Jumlah Kursus	9	13
Jumlah Bahagian	22	52
Jumlah Kelas	22	92
Jumlah Masa Belajar/Mengajar	6,731 jam	15,398 jam
Jumlah Pelajar	505	1,027

Syarahan-syarahan diadakan tiap-tiap hari (kecuali hari-hari cuti) di antara jam 6 petang hingga 9.30 malam. Bilangan syarahan berbeza tiap-tiap minggu mengikut keperluan-keperluan tiap-tiap kursus itu, tetapi tidak melebihi sepuluh jam seminggu. Tahun akademik Bahagian ini sama dengan karikulum biasa Institiut ini: dua penggal tiap-tiap satu penggal mengandungi 20 minggu, mulai dalam bulan Julai dan Januari.

(v) *Hal Ehwal Pelajar*

Bahagian Hal Ehwal Pelajar adalah bertanggungjawab dalam pembahagian dan pelaksanaan tugas-tugas seperti:

1. Pejabat Dekan.
2. Yunit Ugama.
3. Yunit Bimbingan dan Nasihat.
4. Yunit Sukan dan Latihan Jasmani.
5. Yunit Kesihatan.
6. Yunit Asrama dan Makanan.
7. Yunit Kebudayaan.
8. Yunit Pelajar.

Selain dari apa yang disebutkan di atas, bahagian ini juga mengendalikan tugas-tugas yang berkaitan dengan kebajikan para pelajar.

Selaras dengan penambahan bilangan pelajar, aktiviti lain dalam Bahagian ini akan turut bertambah dan berikut adalah bilangan tambahan yang dijangka:

Bilangan	Unit	Bilangan Tenaga Pekerja 1973	1974	1975
1. *Pejabat Dekan:*				
	Dekan Pelajar	1	1	—
	Timbalan Dekan	—	—	1
	Penolong Pentadbir	1	1	1
	Pembantu Peribadi Dekan ..	—	—	1
	Kerani	1	2	—
	Jurutaip	1	1	—
	Pelayan Pejabat	—	—	2
2. *Yunit Ugama:*				
	Ketua Penasihat Ugama	—	—	1
	Pegawai Penasihat Ugama ..	2	4	4
	Jurutaip	—	—	1
	Penolong Pegawai Ugama (Imam)	—	—	1
	Siak (Masjid)	—	—	4
	Pekerja Pusat Islam (Masjid) ..	—	—	2
	Pelayan Pejabat	—	—	1
3. *Yunit Bimbingan dan Nasihat:*				
	Ketua Bimbingan dan Nasihat ..	1	1	—
	Pegawai Bimbingan dan Nasihat	3	4	1
	Jurutaip	—	1	—
4. *Yunit Sukan dan Latihan Jasmani:*				
	Ketua Pegawai Sukan	—	—	1
	Pegawai Sukan	2	2	—
	Penolong Pegawai Sukan ..	2	2	2
	Jurutaip	—	1	—
5. *Yunit Kesihatan:*				
	Doktor Perubatan	—	1	1
	Jururawati	1	1	3
	Jururawat	—	2	3
	Jurutaip	—	—	1
6. *Yunit Asrama dan Makanan:*				
	Warden	—	—	5
	Penolong Warden	—	—	2
	Penyelia Dapur	—	5	2
	Penyelia Asrama	—	5	7
	Kerani	—	7	—
	Jurutaip	—	2	6
	Ketua Tukang Masak	—	5	2
	Ketua Pekerja Asrama	—	4	1
	Ketua Pekerja Dapur	—	10	4
	Tukang Masak	—	10	4
	Pekerja Stor Dapur	—	4	—
	Pekerja Stor Asrama	—	—	2
	Penyelenggara Stor Dapur ..	—	1	—
	Pelayan Makanan	—	150	20
	Pekerja Asrama	—	51	11
	Penyelenggara Stor Asrama ..	—	—	1
7. *Yunit Kebudayaan:*				
	Pegawai Kebudayaan	—	—	1
	Pegawai Muzik	—	—	1
8. *Bilangan Pelajar:*				
	Bilangan Pelajar	4,200	6,300	7,500

BIASISWA/LATIHAN UNTUK KAKITANGAN

Dengan adanya peruntukan yang cukup bagi latihan, I.T.M. telah berjaya menghantar sebilangan besar daripada kakitangan untuk ijazah lanjutan di luar negeri. Yayasan-yayasan seperti Asia Foundation, Fullbright Hays East West Centre, British Council, The Corporation of British Industry dan lain-lain telah membantu kita di dalam rancangan latihan ini dan juga membiayai tidak kurang banyaknya untuk menghadiri Persidangan-persidangan dan Seminar-seminar di Luarnegeri. Melalui J.P.A., I.T.M. telah berjaya memenangi beberapa biasiswa daripada kerajaan asing dan juga rancangan Colombo untuk kursus ijazah bagi kakitangan I.T.M.

Tahun lalu, satu sekim baru yang dinamakan "The Young Lecturers Training Scheme" telah dimulakan di mana siswazah-siswazah I.T.M. atau lain-lain Universiti di dalam dan luar negeri, dihantar untuk menjalani kursus lanjutan. Siswazah-siswazah ini akan dimasukkan ke dalam gabungan tenaga pengajar sekembalinya mereka dari kursus tersebut. Dengan cara begini I.T.M. akan berjaya mengatasi kekurangan kakitangan yang terlatih bagi menghadapi cabaran dan keperluan-keperluan I.T.M. sebagai pusat latihan professional.

Selain daripada itu satu lagi sekim baru yang telah diselenggarakan ialah "Industrial Attachment", di mana kakitangan yang mempunyai kelayakan akademik yang cukup telah menjalani latihan professional dengan berbagai firma di dalam negeri. Latihan ini memakan masa satu hingga dua tahun. Dengan pengalaman praktikal ini, kakitangan berkenaan akan dapat memberi pengetahuan yang lebih tepat tentang kehendak-kehendak professional tersebut. Dengan cara ini, pengalaman belajar bagi pelajar-pelajar kita akan lebih bermakna dan sesuai pada peredaran zaman.

Di bawah adalah perangkaan yang berkaitan dengan latihan:

(*a*) Ijazah Lanjutan—Kakitangan ..	15	27	25	27	30
Young Lecturers Scheme	2	8	10	10	50
(*b*) Latihan Jangka Pendek/Conference Seminars	—	—	30	42	50
(*c*) Bil. Kakitangan Yang kembali ..	18	17	20	23	22
(*d*) Industrial Attachment	—	—	—	3	5

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	3,998,409	7,085,754	10,108,700
1200	Elaun-elaun dan Lain-lain Habuan Wang	2,665,560	3,162,246	4,332,300
	Jumlah Gaji ..	6,663,969	10,248,000	14,441,000
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	333,880	340,000	673,300
2300	Kemudahan Perhubungan ..	72,778	90,000	125,500
2400	Api, Air, dan Letrik dll.	487,459	475,000	717,500
2500	Sewa	535,325	379,500	481,800
2600	Perkhidmatan Pencetakan.. ..	98,524	179,500	545,400
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	2,628,110	2,710,800	5,031,400
2800	Perkhidmatan Pelbagai	1,911,540	2,111,700	2,717,200
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	2,241,292	3,529,000	4,434,900
3400	Pelaburan dan Pinjaman	289,230	250,000	300,000
4100	Pemberian, Subsidi dan Caruman	399,535	440,000	932,000
	Jumlah ..	15,661,642	20,753,500	30,400,000

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974	Bilangan	Anggaran Tahun 1975
		$		$		$
(i) Pentadbiran Am	399	1,034,006	545	1,507,180	674	2,140,200
(ii) Kewangan	37	167,388	56	297,690	76	415,900
(iii) Perpustakaan	87	234,675	102	410,535	122	467,600
(iv) Akademik	462	5,103,372	602	7,815,530	837	9,666,600
(v) Hal Ehwal Pelajar ..	18	124,528	20	217,065	50	542,200
(vi) Kampus-kampus Cawangan	—	—	—	—	136	1,208,500
Jumlah ..	1,003	6,663,969	1,325	10,248,000	1,895	14,441,000

3. Anggaran Pembangunan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Pembinaan Kompleks I.T.M. ..	9,791,600	5,900,000	2,368,300

Kemajuan Kerja-kerja Pembinaan

Kerja-kerja pembinaan Kompleks I.T.M. di Shah Alam telah berjalan sejak tahun 1967 dan kemajuan-kemaiuan kerja pembinaan yang sedang berjalan dan yang akan dibina adalah seperti berikut:

	1973	1974	1975
	%	%	%
(1) Dewan Besar	0	30	70
(2) Student centre and gymnasium ..	0	40	60
(3) Sports complex..	0	20	80
(4) Islamic Centre	0	0	60
(5) Maintenance Unit	0	0	60
(6) Tenitorial army head quarters ..	0	0	10
(7) Director's residence	0	10	90
(8) School of Mass Communication and Library Science	0	0	0

4. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Belanja Mengurus	15,661,642	20,753,500	30,400,000
Belanja Pembangunan	9,791,600	5,900,000	2,368,300
JUMLAH BESAR ..	25,453,242	26,653,500	32,768,300

KEMENTERIAN LUAR NEGERI

Kepala Bekalan 25	**$30,747,150**
Kepala Pembangunan 25 ...	**1,395,030**
Jumlah ...	**$32,142,180**

	Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975 ...	**$30,747,150**	**$1,395,030**	**$32,142,180**
Peruntukan 1974 ...	**32,454,400**	**2,120,000**	**34,574,400**
Perubahan ...	**— $ 1,707,250**	**— $ 724,970**	**— $ 2,432,220**

1. Tujuan-tujuan

Sebagai sebuah Ajensi Kerajaan yang mengendalikan hubungan luar negeri Kerajaan, Kementerian ini mempunyai tujuan-tujuan yang berikut:

(*a*) Untuk mengekalkan dan memperkembangkan hubungan-hubungan baik di antara negara kita dengan lain-lain negara yang mana kita telah mempunyai hubungan diplomatik dan juga dengan negara-negara lain yang mahu mengadakan perhubungan demikian dengan kita;

(*b*) Membentuk dan melaksanakan dasar luar negara Malaysia;

(*c*) Menasihati Kerajaan tentang peranan yang hendak dimainkan oleh negara kita di dalam perhubungan antarabangsa dan juga sumbangan-sumbangan yang hendak dibuat untuk mengurangkan ketegangan antarabangsa dan menggalakkan keamanan dan kestabilan di dunia;

(*d*) Memelihara dan menyuburkan kepentingan Malaysia di dalam perhubungan kita secara bilateral dan multilateral dengan dunia luar;

(*e*) Menggalakkan pelaburan modal luar di dalam negara kita dan penyertaan luar selaras dengan Rancangan Malaysia Kedua;

(*f*) Meneruskan sumbangan kita di dalam bidang kerjasama daerah saperti ASEAN di dalam memajukan keadaan ekonomi dan sosial daerah kita supaya keamanan dan keselamatan dapat dicapai di daerah ini;

(*g*) Bertindak dengan bekerjasama dengan negara-negara jiran kita untuk menolong menyelesaikan masaalah-masaalah utama yang dihadapi oleh daerah kita dan sebagai langkah menuju ke matlamat ini, kita telah menganjurkan supaya Asia Tenggara dijadikan satu kawasan yang bebas, aman dan berkecuali; dan

(*h*) Mewujudkan satu imej Malaysia yang memuaskan di dalam semua aspek—kestabilan politik, pembangunan sosio-ekonomi, kebudayaan dan lain-lain.

Pelaksanaan tujuan-tujuan di atas itu adalah dijalankan oleh perwakilan-perwakilan dan Pejabat-pejabat kita di Seberang Laut. Dalam tahun 1974 Malaysia mempunyai perwakilan-perwakilan di negara-negara berikut:

Suruhanjaya-suruhanjaya Tinggi ...	Australia, Canada, Sri Lanka, India, Nigeria, New Zealand, Singapura, United Kingdom, Bangladesh

Kedutaan-kedutaan Besar	Austria, Republik Arab Mesir, Burma, Republik Rakyat China, Ethopia, Perancis, Republik Persekutuan German, Indonesia, Iran, Itali, Jepun, Republik Khmer, Republik Korea, Laos, Morocco, Negeri Belanda, Pakistan, Arab Saudi, Negeri Thai, Amerika Syarikat, U.S.S.R., Vietnam Selatan, Filipina, Yugoslavia dan Kuwait
Konsulat-konsulat	Medan, Songkhla
Pejabat Wakil Tetap Malaysia ke Bangsa-bangsa Bersatu dan Ajensi-ajensinya	New York, Geneva
Pejabat Penolong Pesuruhjaya Tinggi ...	Madras
Pejabat Pesuruhjaya	Hong Kong

2. Belanja Mengurus—Belanja Mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran Am	10,934,662	13,271,430*	12,100,500
(ii) Politik	10,140,887	11,525,814	12,433,450
(iii) Penyelidikan	942,849	1,597,370	—
(iv) Penerangan Luar Negeri	1,814,694	2,632,915	2,740,000
(v) Konsular	495,625	686,401	688,000
(vi) Ekonomi dan Kerjasama Daerah ..	212,234	203,983	270,200
(vii) Perhubungan dan Keselamatan ..	2,034,088	1,987,722	2,015,000
(viii) Protokol	268,820	548,765	500,000
Jumlah ..	26,843,859	32,454,400	30,747,150

Prestasi

(i) *Pentadbiran Am*

Pentadbiran Am adalah satu aktiviti penting Ajensi ini. Tugasnya ialah untuk menyediakan perkhidmatan kepada Aktiviti Politik iaitu aktiviti yang utama di Kementerian dan Perkhidmatan-perkhidmatan lain yang bersangkutan dengan kewangan dan perbekalan, pentadbiran, kakitangan, konsular, perhubungan dan keselamatan. Di bawah aktiviti ini, perhubungan dengan perwakilan-perwakilan di luar negeri dan dengan jabatan-jabatan Kerajaan yang lain adalah diadakan dan dengan demikian dapat menolong mencari penyelesaian kepada berbagai-bagai masaalah pentadbiran dan kakitangan untuk meninggikan lagi kelicinan dan kecekapan di dalam menjalankan tugas-tugas Kementerian dan Perwakilan-perwakilan kita di luar negeri. Di dalam keadaan inflasi yang berlaku di seluruh dunia sekarang ini, jadi adalah perlu untuk menyemak semula gaji-gaji "kakitangan ambilan tempatan" dan untuk membaiki keadaan pekerjaan mereka selaras dengan undang-undang dan amalan-amalan tempatan dan juga keperluan memperluaskan kakitangan sejajar dengan tujuan untuk membuka perwakilan-perwakilan baru di Seberang Laut.

(ii) *Politik*

Dasar luar negeri Malaysia yang bertujuan untuk kepentingan negara telah dijalankan dengan lancarnya pada tahun lepas dan pada bulan-bulan permulaan tahun 1974. Perkembangan yang memuaskan yang ujud di dalam perhubungan Malaysia dengan dunia luar yang lahir daripada dasar "Non-alignment" kita di dalam konflik-konflik kuasa besar dan keamanan serta berbaik-baik dengan semua negara tanpa mengira sistem sosial mereka, akan dipupuk dengan sepenuhnya dalam tahun 1975 supaya keadaan politik, keselamatan dan ekonomi kita dapat dicapai dengan maksimanya.

MALAYSIA DI ASIA TIMUR

Dasar luar negeri Malaysia di Asia Timur dan Asia Tenggara adalah dibentuk untuk membuat sumbangan terhadap kelahiran dan seterusnya pengekalan keadaan ketimbalan di antara 4 Kuasa Besar di dalam kawasan itu U.S.A., U.S.S.R., China dan Jepun. Pada tahun 1973 dan awal 1974 Malaysia telah mengadakan perhubungan yang aman dan baik dengan setiap kuasa-kuasa besar itu. Perhubungan Malaysia dengan Republik Rakyat China telah memasuki satu zaman baru dengan lawatan Y.A.B. Tun Perdana Menteri ke Republik Rakyat China baru-baru ini yang telah membawa satu kejayaan besar dan telah meninggikan imej Malaysia di mata dunia luar dan Republik Rakyat China dan Malaysia telah bersetuju untuk menubuhkan pejabat Kedutaan masing-masing. Pada tahun 1975 kita boleh meramalkan satu sumbangan yang lebih aktif terhadap ketimbalan rantau ini.

Sebagai sebuah negara yang kecil, Malaysia sesungguhnya sedar yang ia boleh menyumbangkan terhadap ketimbalan yang berseluruh (systemic equilibrium), hanya dengan bekerjasama dengan negara-negara jiran kita di Asia Tenggara. Adalah dijangkakan yang ke sepuluh buah negara Asia Tenggara akan lambat-laun membawa kepada Sistem Perkecualian Asia Tenggara. Untuk berusaha mencapai keadaan masa depan yang aman dan kukuh, Malaysia telah pun semenjak tahun 1973 menubuhkan hubungan diplomatik dengan setiap negara Asia Tenggara. Pada tahun 1975 Malaysia berharap akan melancarkan dengan lebih hebat lagi polisi-polisi keamanan dan kerjasama dengan harapan untuk membawa satu kawasan yang aman dan berkecuali di daerah ini. Pada tahun 1975 seperti mana di dalam tahun-tahun 1973 dan 1974, perhubungan Malaysia dengan Australia dan New Zealand akan terus menjadi penting bukan sahaja dari segi politik dan keselamatan tetapi juga dari segi ekonomi.

ASIA SELATAN

Malaysia mempunyai perhubungan yang baik dengan ke empat-empat negara Asia Selatan—India, Pakistan, Bangladesh dan Sri Lanka. Pada tahun 1975 seperti mana dalam tahun-tahun 1973 dan 1974 Malaysia akan bekerjasama dengan semua pihak untuk keamanan dan kestabilan Benua-kecil India, dan dengan sokongan yang sepenuhnya terhadap cadangan untuk melahirkan satu "Kawasan Keamanan" di rantau Hindi. Realisasi cadangan ini akan dapat membebaskan perairan Asia Selatan dan Asia Tenggara daripada pergolakan kuasa-kuasa besar "Maritime".

ASIA BARAT

Polisi Malaysia di Asia Barat adalah bertujuan menyokong dengan sepenuhnya terhadap Bangsa-bangsa Bersatu di dalam membawa kepada satu keamanan yang adil dan berkekalan di dalam salah satu kawasan dunia yang paling bergelora.

Sokongan yang tidak berbelah bagi terhadap perjuangan negara-negara Arab telah membawa kepada perjanjian perbekalan minyak dan "petrol-chemical" yang mencukupi dan berterusan dan juga perdagangan yang bertambah dan peluang-peluang pelaburan. Perhubungan diplomatik dengan ibukota-ibukota di Asia Barat yang terpenting akan diperluaskan sebagai langkah pertama untuk memperkembangkan perhubungan dagang dan ekonomi. Penubuhan Kedutaan Besar kita di Kuwait adalah selaras dengan objektif tersebut seperti juga peranan kita yang begitu aktif di dalam Persidangan Negara-negara Islam.

Eropah Timur

Perhubungan Malaysia dengan negara-negara Eropah Timur adalah sedang berkembang dengan pesatnya. Pada seluruh tahun 1973 dan permulaan tahun 1974 tempo interaksi di antara Malaysia dengan Eropah Timur telah terus berkembang hinggakan pada tahun 1975 adalah tidak keterlaluan untuk menjangkakan satu maksimisasi perhubungan politik, perdagangan dan ekonomi.

Eropah Barat

Pada tahun 1973 dan awal tahun 1974 Malaysia telah menjalankan perhubungan yang aktif dan konstruktif dengan Eropah Barat pada peringkat politik dan ekonomi, sentiasa mempergiatkan untuk memaksimakan kepentingan kita begitu juga tentang kepentingan Asia Tenggara pada keseluruhannya. Sepanjang tahun 1975 usaha-usaha ini akan berterusan.

Afrika

Perhubungan Malaysia dengan Afrika adalah tidak sebegitu penting seperti mana yang mungkin dikehendaki. Ia hanya ditumpukan terutama kepada interaksi am antarabangsa pada keseluruhannya. Adalah dijangkakan dengan meningkatnya tempo perkembangan sedunia, pendedahan Malaysia di Afrika pada tahun 1975 akan berterusan.

Negara-negara Amerika

Dasar luar negeri Malaysia tidaklah begitu tertumpu di Amerika Selatan. Tetapi kadar tumpuan ini pasti akan meningkat pada akhir tahun 1974 dan pada tahun 1975 disebabkan perkara-perkara berkenaan ekonomi adalah dibincangkan di dalam foram-foram Antarabangsa.

Amerika Utara disebaliknya pula adalah satu kawasan tumpuan dasar luar Malaysia yang begitu penting. Seperti juga negara-negara Eropah Barat dan Jepun, Amerika Utara adalah dan akan terus menjadi satu sumber pelaburan dan teknoloji yang penting untuk perkembangan perindustrian Malaysia dan juga sebagai sebuah pasaran yang kaya untuk hasil-hasil pengeluaran Malaysia.

Sungguhpun tekanan yang diberikan kepada dasar luar negeri Malaysia berlainan dari satu kawasan kepada satu kawasan yang lain, tetapi terdapat perinsip-perinsip tertentu yang Malaysia mengikuti di seluruh dunia. Ini adalah peranan yang konstruktif di dalam usaha-usaha Bangsa-bangsa Bersatu untuk mencapai satu masyarakat yang bermakna di dunia berdasarkan kepada keamanan dan keadilan dan satu penglibatan yang tidak berbelah bagi terhadap amalan-amalan "Non-Alignment" di dalam kepercayaan yang ianya dapat mencapai keamanan di dunia sebaik-sebaiknya. Dasar luar negeri Malaysia di dalam tahun 1973 dan awal tahun 1974 adalah membanyangkan pegangan kepada perinsip-perinsip am dan di dalam tahun 1975 pegangan yang begitu akan berkekalan setiap masa.

(iii) *Penyelidikan*

Disebabkan aktiviti ini ada berkaitan dengan keselamatan negara adalah tidak mungkin diberi penjelasannya di sini.

(iv) *Penerangan Luar Negeri*

Aktiviti ini menyebarkan penerangan yang sebenar-benarnya berkenaan Malaysia kepada dunia luar melalui perwakilan-perwakilan Malaysia di luar negeri dengan tujuan memancarkan dan membentuk satu imej yang memuaskan di dalam semua aspek, kestabilan politik, pembangunan, kemajuan ekonomi, kebudayaan dan sebagainya. Ianya juga membantu di dalam mempropagasikan perhubungan Malaysia di dalam bidang kebudayaan, ekonomi dan perdagangan dengan negara-negara sahabat. Bahagian ini juga membentuk perinsip-perinsip bimbingan untuk perwakilan-perwakilan kita di luar negeri di dalam usaha mereka untuk memancarkan satu imej Malaysia yang memuaskan kepada sebaran am negara-negara

yang berkenaan lebih-lebih lagi pada para akhbar dan untuk mendapat sokongan gulungan yang berpengaruh dan para pembuat keputusan di dalam negara-negara seperti ahli-ahli politik dan para wartawan.

(v) *Konsular*

Aktiviti ini meliputi bidang yang luas. Di antara fungsi-fungsi utama yang dikendalikan adalah pengeluaran paspot-paspot diplomatik, rasmi dan "gratis", mendapatkan visa-visa untuk rakyat Malaysia yang akan membuat lawatan rasmi, memberi kebenaran untuk repatrisasi dan membuang negeri orang-orang asing yang tidak diingini dari Malaysia, membuat perhubungan dengan jabatan-jabatan yang berkaitan dan perwakilan-perwakilan berkenaan penahanan nelayan-nelayan Malaysia dan nelayan-nelayan asing kerana perompakan laut, merintis dan menamatkan Perjanjian-perjanjian Pemansuhan Visa dan Perjanjian-perjanjian Extradisi, mengumpulkan peraturan-peraturan visa negara-negara lain dan menyegerakan penglulusan visa-visa kepada pelawat-pelawat asing.

Pada tahun 1973 Bahagian ini mengendalikan Perlantikan Konsol Kehormat di Honolulu, Hawaii. Ia juga mengendalikan perlantikan Pesuruhjaya Perdagangan Kehormat di Vancouver, Canada.

Pertemuan dan perhubungan dengan berbagai-bagai Kementerian/Jabatan-jabatan dan Kedutaan Besar/Kerajaan-kerajaan telah diadakan untuk mencapai persetujuan berkenaan Pemansuhan Perjanjian-perjanjian Visa dengan negara-negara seperti berikut:

1. Yugoslavia ... Partial Visa Abolition Agreement
2. Rumania ... Reciprocal Bilateral Understanding on Visas
3. Negeri Thai ... Partial Visa Abolition Agreement and Border Pass Agreement

Tercapainya persetujuan perjanjian-perjanjian ini adalah kemuncak kepada aktiviti-aktiviti Konsular.

(vi) *Ekonomi dan Kerjasama Daerah*

Aktiviti utama Bahagian ini adalah ASEAN. Apa yang ditegaskan di sini bukanlah semata-mata kemajuan sosial dan kemakmuran ekonomi tetapi juga pengujudan perpaduan daerah dan kestabilan di rantau ini.

Perancangan dan seterusnya pelaksanaan semua rancangan-rancangan untuk kerjasama ASEAN adalah dijalankan oleh 11 Jawatankuasa Tetap. Jawatankuasa-jawatankuasa ini meliputi bidang yang luas berkenaan aktiviti-aktiviti Sosial, Kebudayaan, Pengangkutan, Kajicuaca, Makanan dan Pertanian kepada Sains dan Teknoloji. Selain daripada ini terdapat Jawatankuasa-jawatankuasa seperti SCCAN—Special Co-ordinating Committee of ASEAN Nations, yang diberi tanggungjawab untuk membuat tindakan bersama di dalam perhubungan dengan EEC bagi pihak negara-negara ASEAN; Committee of Senior Trade Officials dan ASEAN Geneva Committee untuk pendirian bersama ASEAN dalam perundingan perdagangan multi-lateral; CRIS—Committee for the Reconstruction and Rehabilitation of the Indo-China States yang bertanggungjawab untuk partisipasi ASEAN di dalam hal-hal Indo-China; dan the Central Bankers dan Monetary Authorities.

Pada tahun 1975 dan tahun-tahun akan datang kemuncak aktiviti ASEAN adalah pendirian bersama untuk menyelesaikan persoalan-persoalan yang dihadapi oleh Dunia Ketiga. Ini adalah terutamanya untuk mempertahankan dan memajukan kepentingan ekonomi ASEAN. Di dalam hal ini ASEAN telah bersama-sama menemui Jepun berkenaan dengan getah tiruan Jepun dan telah berjaya mendapat jaminan daripada Jepun yang pengeluaran secara sewenang-sewenangnya dan ekspot getah tiruan mereka yang bertambah tidak akan menjejaskan ekonomi negara-negara ASEAN.

Di bawah aktiviti ini pada tahun 1973 beberapa perjanjian kerjasama perdagangan dan teknik telah ditandatangani dengan Indonesia. Satu persefahaman berkenaan dengan "Avoidance of double taxation" telah dicapai di antara

Malaysia di satu pihak dan Belgium, Singapura, Ireland Utara di pihak yang lain. Perjanjian perkhidmatan udara telah ditandatangani dengan Pakistan dan Ireland Utara.

Pada tahun 1973 Malaysia juga menyertai di dalam semua mesyuarat United Nations Industrial Development Board dan ILO. Malaysia adalah tuan rumah kepada "3rd Investment Promotion Meeting and Conference of Export Consultation on Integrated Rural Development Project Through Farmer's Organization in cooperation with FAO".

Kerjasama ekonomi dan teknik juga adalah di dalam bentuk biasiswa yang ditawarkan kepada Malaysia oleh negara-negara yang "Industrial" dan juga dalam mengadakan dan mengambil bahagian di dalam pameran-pameran perdagangan.

(vii) *Perhubungan dan Keselamatan*

Bahagian ini melicinkan perhubungan melalui "Leased Telegraphic Circuit Telegram", perkhidmatan telex, beg-beg diplomatik dan kargo di antara Kementerian dan perwakilan kita di seberang laut dan perkhidmatan talipon di dalam Kementerian ini. Perjalanan aktiviti ini adalah bergantung di atas kemudahan-kemudahan penggunaan berbagai-bagai bentuk perhubungan. Pada tahun 1973 Kementerian ini mengendalikan penghantaran sebanyak 6,784 beg diplomatik di antara Kementerian dan perwakilan-perwakilan di seberang laut dan sebaliknya. Ia memberi perkhidmatan kepada 44 buah perwakilan termasuk pejabat-pejabat perdagangan. Pada tahun 1975 dengan tertubuhnya beberapa lagi perwakilan di luar negeri bebankerja di bawah aktiviti ini akan bertambah juga. Pada tahun 1973 Bahagian ini juga mengendalikan sebanyak lebih kurang 20,527 taligeram-taligeram di antara perwakilan-perwakilan di seberang laut dengan Kementerian ini. Untuk tahun 1975 beban-kerja aktiviti ini adalah dijangkakan akan bertambah dengan bertambahnya pengangkutan yang ujud daripada penglibatan Malaysia yang lebih di dalam hal ehwal antarabangsa dan penubuhan perwakilan-perwakilan baru.

Di bawah Bahagian Keselamatan, aktiviti-aktiviti adalah tertumpu terutamanya terhadap keselamatan keseluruhan Kementerian ini. Ini termasuk pengawasan Wisma Putra selama 24 jam dan kawasannya, pengendalian bahan-bahan terperingkat, keselamatan "Strong Room" dan pengendalian beg-beg diplomatik. Ianya juga mengeluarkan pas-pas untuk pegawai-pegawai dan berhubung dengan Pegawai Keselamatan Kerajaan di dalam penapisan keselamatan semua pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Kementerian dan setengah-setengah pegawai yang dihantar ke luar negeri. Ia juga mengadakan kawalan keselamatan semasa persidangan-persidangan yang diadakan di Wisma Putra dengan kerjasama pihak Polis.

(viii) *Protokol*

Aktiviti ini adalah berkaitan dengan hal-hal diplomatik, protokol dan "precedence", hak-hak keistimewaan diplomatik/konsular dan imuniti, penyampaian surat-surat tauliah dan perjanjian-perjanjian. Aktiviti ini juga meliputi peraturan-peraturan protokol untuk lawatan-lawatan Pelawat-pelawat Kehormat dari luar negeri ke Malaysia, pengaturan untuk lawatan rasmi D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke luar negeri dan lawatan-lawatan oleh orang-orang kenamaan Malaysia ke luar negeri.

Aktiviti dalam tahun 1974 termasuk lawatan rasmi Perdana Menteri Jepun, Tuan Tanaka dan anak perempuannya dan lawatan rasmi Perdana Menteri Australia, Tuan Whitlam dan Puan Whitlam. Di antara orang-orang kenamaan luar negeri yang melawat Malaysia ialah Ketua Polis Negara Indonesia dan Timbalan Setiausaha Negara Amerika Syarikat bagi Hal Ehwal Asia Timur dan Pasifik, Tuan Ingersoll.

Satu daripada objektif-objektif di bawah aktiviti ini ialah pengumpulan dan merekodkan semua perjanjian-perjanjian Antarabangsa yang diratifikasikan atau ditandatangani oleh Malaysia. Pada tahun 1974 dan 1975 sebahagian besar daripada siri-siri Perjanjian Malaysia terutama siri-siri tahunan adalah dijangkakan akan dikeluarkan. Adalah dijangkakan lebih kurang 24 perjanjian-perjanjian akan dipersetujui oleh Kerajaan Malaysia dengan lain-lain Kerajaan di akhir tahun, Disember 1974. Di bawah aktiviti ini satu sistem menomborkan telah diperkenalkan pada tahun 1974 untuk kereta-kereta yang dipunyai oleh perwakilan-perwakilan diplomatik dan konsular dan kakitangan diplomatik dan konsular yang ditempatkan di Malaysia. Tujuan sistem itu adalah untuk menyenangkan identifikasi perwakilan-perwakilan luar negeri yang mana kereta-kereta itu dipunyai, dan juga taraf pemilik atau pengguna kereta-kereta itu. Sistem ini akan memudahkan kerja-kerja bantuan kepada personnel-personnel diplomatik yang ditempatkan di Malaysia sejajar dengan taraf dan hak-hak istimewa yang diberikan kepada mereka.

Untuk tahun 1975 adalah sukar untuk membuat ramalan tepat tentang aktiviti Bahagian ini, tetapi adalah dijangkakan yang aktiviti-aktiviti ini akan bertambah dengan penumbuhan lebih banyak perwakilan-perwakilan di luar negeri dan penumbuhan perwakilan-perwakilan asing di Kuala Lumpur.

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	9,152,984	9,244,526	9,572,735
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	4,642,152	5,135,849	5,378,761
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..	210,306	293,477	298,504
	Jumlah Gaji ..	14,005,442	14,673,852	15,250,000
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	2,105,633	1,871,672	2,025,000
2200	Pengangkutan Barang-barang ..	1,450,476	1,526,870	1,647,159
2300	Kemudahan Perhubungan ..	1,401,106	1,686,594	1,637,790
2400	Api, Air dan Letrik dll	341,213	462,524	517,611
2500	Sewa	3,446,927	4,996,151	4,658,135
2600	Perkhidmatan Pencetakan ..	53,555	188,871	230,473
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	482,911	622,862	914,317
2800	Perkhidmatan Pelbagai	1,541,146	2,139,421	2,369,515
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	1,065,677	645,251	463,200
4100	Pemberian, Subsidi dan Carum-carum	920,149	980,032	1,032,950
4200	Tuntutan Insuran dan Pampasan..	177	300	1,000
5500	Pelbagai	29,447	2,660,000	—
	Jumlah ..	26,843,859	32,454,400	30,747,150

Ringkasan Perjawatan

	Yang Sebenar Tahun 1973		Peruntukan Tahun 1974		Anggaran Tahun 1975	
	Bilangan	$	Bilangan	$	Bilangan	$
(i) Pentadbiran Am ..	969	6,057,385	1,036	5,894,131	1,042	7,100,000
(ii) Politik	167	5,370,200	172	5,734,012	172	6,000,000
(iii) Penyelidikan	52	912,537	52	1,000,000	—	—
(iv) Penerangan Luar Negeri	63	875,621	67	1,000,934	68	1,100,000
(v) Konsular	14	192,085	15	323,278	15	310,000
(vi) Ekonomi dan Kerjasama Daerah	13	102,763	14	108,433	15	120,000
(vii) Perhubungan dan Keselamatan	32	259,551	32	300,000	36	300,000
(viii) Protokol	15	235,300	18	313,064	18	320,000
Jumlah ..	1,325	14,005,442	1,406	14,673,852	1,366	15,250,000

3. Anggaran Pembangunan

Kemajuan Kerja-kerja Pembinaan

(*a*) *Kompleks Bangunan New Delhi*

Projek ini telah siap pada permulaan tahun 1974.

(*b*) *Singapura—Bangunan Censeri*

Projek ini telah siap dalam tahun 1973.

(*c*) *Wellington—Kediaman Pesuruhjaya Tinggi*

Projek ini dijangka siap pada akhir tahun 1975. Jumlah daripada perbelanjaan untuk projek ini iaitu sebanyak $721,000 dijangka harus dijelaskan dalam tahun 1975.

(*d*) *Paris—Pengubahan di Kediaman Duta Besar dan Pengubahan Kediaman lama untuk dijadikan Censeri dan Apartment*

Projek ini telah siap pada bulan Jun, 1973.

(*e*) *Hague—Pembelian Censeri*

Projek ini telah siap pada bulan Jun 1973.

(*f*) *Hongkong—Pembelian Kediaman Pesuruhjaya*

Projek ini telah siap. Pembelian telah selesai dan Pesuruhjaya telah berpindah ke Apartment tersebut pada 1hb Jun, 1973.

(*g*) *Seoul—Pemasangan Sistem Pemanas-cum-Penyejuk untuk Censeri-cum-Kediaman*

Pemasangan sistem tersebut sudah selesai pada tahun 1973.

(*h*) *Islamabad—Kompleks Bangunan*

Dalam kajian semula Rancangan Malaysia Kedua projek ini telah ditangguhkan untuk dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

(*i*) *Belgrade—Pembelian Kediaman Duta Besar*

Projek ini ialah untuk membeli terus sebuah bangunan yang sesuai di Didinje atau berhampiran dengannya, iaitu kawasan perumahan yang paling sesuai di Belgrade. Cadangan tegas untuk membeli sebuah bangunan telah diluluskan

pada dasarnya oleh JPPN dalam tahun 1973 untuk dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kedua. Wakil-wakil daripada Perbendaharaan dan EPU telah melawat Belgrade untuk membuat assessment. Keputusan mereka ialah pembelian sebanyak US$480,000 boleh dibuat. Tetapi malangnya oleh kerana sesuatu masaalah teknikal pembelian itu tidak terlaksana.

Adalah diharap ini akan terlaksana dan dapat diselesaikan dalam tahun 1975.

(j) *Manila—Pembelian Tanah*

Projek ini ialah untuk membeli sebidang tanah sebagai langkah pertama ke arah pembinaan sebuah bangunan Kedutaan atau Kediaman Duta Besar. Dengan kenaikan harga tanah yang menjadi-jadi beberapa tahun yang lalu ini sewajarnyalah pembelian ini dibuat sekarang jika kita benar-benar mahukan sebidang tanah di Manila. Dari butir-butir yang ada sebidang tanah yang sesuai dan memadai besarnya boleh dibeli dengan harga $200,000.

(k) *Jakarta—Pembelian Tanah*

Projek ini merupakan pembelian sekeping tanah di kawasan yang diasingkan sebagai "Diplomatik Enclave" oleh Pemerintah Indonesia. Tujuan kami ialah untuk membeli sekeping tanah dalam tahun 1975 dan kemudian memperingkatkan pembinaan bangunan Censeri dan kediaman Duta Besar dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Sekeping tanah yang memadai besarnya untuk pembinaan bangunan-bangunan tersebut dianggarkan sebanyak $1,000,000.

4. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Belanja Mengurus	26,843,859	32,454,400*	30,747,150
Belanja Pembangunan	2,992,693	2,120,000	1,395,030
Jumlah Besar ..	29,836,552	34,574,400	32,142,180

* Termasuk $2,660,000 dalam Belanja Mengurus Tambahan Pertama, 1974.

KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA

Kepala Bekalan 29	**$34,125,100**	
Kepala Pembangunan 29 ...	**7,789,596**	
Jumlah ...	**$41,914,696**	

	Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975			
(Semenanjung Malaysia) ...	**$27,127,940**	**$7,538,586**	**$34.666,526**
(Sarawak dan Sabah) ...	**6,997,160**	**251,010**	**7,248,170**
Peruntukan 1974			
(Semenanjung Malaysia) ...	**22,483,914**	**6,886,010**	**29,369,924**
(Sarawak dan Sabah) ...	**6,364,260**	**426,010**	**6,790,270**
Perubahan ...	+ **$ 5,276,926**	+ **$ 477,576**	+ **$ 5,754,502**

1. Tujuan-tujuan

Tujuan-tujuan utama Jabatan ini ialah seperti berikut:

(*a*) Membantu membentuk dasar-dasar Kerajaan mengenai pentadbiran cukai tak langsung dengan jalan mencari punca-punca cukai yang baru untuk menambahkan hasil;

(*b*) Memastikan kelicinan pemungutan hasil Persekutuan;

(*c*) Mengawal secara berkesan pengimpotan dan pengekspotan barang-barang yang bertentangan dengan kepentingan negara;

(*d*) Merancang, mewujud dan melaksanakan teknik-teknik yang boleh mendatangkan kecekapan dalam pemungutan cukai dengan mengadakan peraturan-peraturan dan kelengkapan-kelengkapan yang baru;

(*e*) Membantu mendorongkan perkembangan perusahaan-perusahaan yang pesat dengan cara memberi kelonggaran Tarif, tarik balik cukai, penubuhan-penubuhan Kawasan-kawasan Perdagangan Bebas dan penyamaan Tarif Kastam untuk membolehkan barang-barang dipindah secara bebasnya dalam lingkungan negeri-negeri dalam Wilayah Malaysia;

(*f*) Mengadakan langkah-langkah membenteras penyeludupan yang berkesan guna mencegah pelarian dan kehilangan hasil; dan

(*g*) Menjalankan penyelidikan dalam bidang penaksiran barang-barang bagi maksud-maksud pungutan cukai kastam dan eksais dan menentukan pemungutan cukai-cukai yang sempurna.

Dalam melaksanakan tujuan-tujuan ini, Jabatan ini adalah bertanggungjawab mentadbirkan Akta Kastam 1967, Akta Eksais 1961 (Semenanjung Malaysia), Ordinan Eksais Bil. 18/1959 (Sabah), Ordinan Eksais (Cap. 27) (Sarawak), Akta Cukai Jualan yang diperkenalkan dalam bulan Februari, 1972, Akta Tarif Bersama 1966, Undang-undang Ubat Bahaya dan lain-lain Undang-undang termasuk perundangan-perundangan kecil seperti Perintah-perintah Duti Kastam dan Eksais Perintah (Impot) Cukai Tokok, Perintah-perintah (Pengecualian) Duti Kastam dan Eksais serta Perintah-perintah Larangan Impot dan Ekspot. Jabatan ini menjalankan juga kerja-kerja perwakilan

seperti menguatkuasakan kawalan impot dan ekspot di bawah pelbagai undang-undang yang ditadbirkan oleh berbagai-bagai Jabatan Kerajaan misalnya Pertanian, Haiwan, Kawalan Pertukaran Wang Asing, Kesihatan, Imigeresen, Polis dan Kawalan Impot Ekspot.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Perkhidmatan Am dan Bantuan—			
(Semenanjung Malaysia)	2,043,278	1,684,424	2,220,510
(Sarawak)	548,255	572,140	694,210
(Sabah)	115,540	68,130	273,400
(ii) Pungutan Hasil—			
(Semenanjung Malaysia)	13,926,677	15,250,400	17,027,230
(Sarawak)	2,358,355	2,460,680	2,565,350
(Sabah)	2,001,718	2,341,970	2,530,280
(iii) Pencegahan dan Pelaksanaan—			
(Semenanjung Malaysia)	4,724,935	5,039,400	7,296,360
(Sarawak)	270,230	678,960	612,800
(Sabah)	40,248	118,370	184,640
(iv) Perkhidmatan Teknik dan Bantuan—			
(Semenanjung Malaysia)	523,045	509,690	583,840
(Sarawak)	51,420	58,970	59,370
(Sabah)	62,661	65,040	77,110
Jumlah ..	26,666,362	28,848,174	34,125,100

Prestasi

Objektif-objektif Jabatan ini dilaksanakan menerusi aktiviti-aktiviti utama seperti disenaraikan di bawah ini:

(i) Perkhidmatan Am dan Bantuan;

(ii) Pungutan Hasil;

(iii) Pencegahan dan Pelaksanaan; dan

(iv) Perkhidmatan Teknik dan Bantuan.

(i) *Perkhidmatan Am dan Bantuan*

Aktiviti ini dipecahkan kepada empat cawangan iaitu (*a*) Pentadbiran Am, (*b*) Perjawatan, (*c*) Kewangan dan (*d*) Latihan.

(*a*) Pentadbiran Am

Cawangan ini menguruskan pentadbiran am, pengurusan pejabat dan perkara-perkara dasar berhubung dengan tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab Jabatan dari segi melindungi hasil. Bahagian ini juga bertanggungjawab mengeluarkan Perintah-perintah dan Arahan-arahan kepada semua stesyen-stesyen Kastam. Bebankerja cawangan ini dijangka terus bertambah dengan perkembangan Jabatan ini.

(*b*) Perjawatan

Cawangan ini mengendalikan semua aspek pengurusan kakitangan iaitu pengambilan, kenaikan pangkat, tatatertib, cuti dan pencen.

(*c*) Kewangan

Cawangan ini mengandungi dua bahagian iaitu "Kewangan" dan "Jabatan Perakaunan Sendiri". Bahagian Kewangan menguruskan kerja-kerja penyediaan Anggaran Hasil, Anggaran Tahunan dan Pembangunan serta mengawal buku-buku peruntukan dan perbelanjaan.

Jabatan Perakaunan Sendiri menguruskan kesemua pembayaran Jabatan dan mengawal pemegang panjar Seperduabelas di Pulau Pinang, Pelabuhan Kelang dan Johor Bahru. Jabatan ini akan dijangka mengambil alih pengawalan pungutan hasil pada tahun 1975. Bebankerja Cawangan Kewangan akan bertambah dengan pengambilalihan pengawalan pungutan hasil yang mana akan melibatkan bahagian odit dalam.

Angka-angka berikut akan menunjukkan kerja-kerja dan aktiviti-aktiviti cawangan ini:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
SEMENANJUNG MALAYSIA			
Jumlah baucer-baucer diproses	23,647	26,000	28,000
Pulang balik cukai minyak disel	12	12	12
Tarik balik cukai Seksyen 99..	413	450	500
Lain-lain tarik balik cukai ..	935	1,000	1,100
Pulang balik cukai Seksyen 14 dan 16	3,578	3,900	4,200
Lain-lain	3,217	3,500	3,900
Lain-lain baucer-baucer yang dibayar oleh Perakaunan Sendiri	15,492	17,000	18,500
Tuntutan Pulang Balik/Tarik Balik Cukai	$16,295,547.88	$20,000,000	$20,000,000
Perbelanjaan Jabatan ..	20,760,630	22,483,914	27,127,940
Perbelanjaan Pembangunan ..	6,093,615	6,886,010	7,538,586
Hasil dipungut	$1,634,514,988.96	$2,409,480,706	$2,452,500,000
SABAH			
Bilangan baucer-baucer disediakan	2,300	2,500	2,800
Bilangan penyata-penyata hasil disediakan	112	112	112
Bilangan penyata-penyata perbelanjaan disediakan ..	44	44	44
Bilangan penyata-penyata BOFTA disediakan ..	24	24	24
Bilangan lain-lain penyata-penyata/lapuran disediakan	136	140	150
Bilangan pekeliling-pekeliling/perintah-perintah dikeluarkan	15	25	30
Bilangan pertanyaan-pertanyaan dijawab ..	2,987	3,200	3,500
Bilangan Pegawai-pegawai yang dilantik	16	18	40
Bilangan Pegawai-pegawai yang dinaikkan pangkat..	8	12	10

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
SABAH—(*samb.*)			
Bilangan Pegawai-pegawai yang bersara	4	3	4
Bilangan Pulang Balik/ Tarik Balik Cukai ..	356	370	380
Jumlah Pulang Balik/ Tarik Balik Cukai ..	$695,285.26	$1,839,700	$700,000
Perbelanjaan Jabatan ..	$2,220,167	$2,593,510	$3,065,430
Perbelanjaan Pembangunan	$494,722	$426,000	76,010
Hasil dipungut	$125,635,773.30	$133,556,600	$142,160,600
SARAWAK			
Bilangan Bil-bil Pelbagai Kastam dikeluarkan	2,971	3,000	3,000
Bilangan Resit-resit dikeluarkan	87,927	88,000	90,000
Bilangan surat-surat dihantar	49,381	50,000	52,000
Bilangan Pesanan Perkhidmatan dan Tempatan dikeluarkan	2,058	2,100	2,100
Bilangan permintaan alatulis dan setor dikeluarkan ..	184	190	200
Bilangan penyata-penyata disediakan	2,196	2,200	2,300
Bilangan Taligeram-taligeram dihantar	1,102	1,150	1,200
Bilangan Sijil-sijil BOFTA ..	264	250	250
Bilangan salinan-salinan sah yang dikeluarkan	1,146	1,200	1,200
Bilangan fail-fail yang telah dibuka	478	500	500
Bilangan lesen-lesen yang dikeluarkan	47	50	50
Bilangan Baucer-baucer tarik balik diproses	129	130	150
Bilangan baucer-baucer biasa diproses	1,878	2,000	2,000
Bilangan penyata kira-kira BOFTA yang disedia	24	24	24
Bilangan permohonan untuk Elaun Pelajaran yang disemak	31	35	35
Bilangan permohonan untuk kenderaan, peti-ice dan pinjaman perumahan disemak ..	7	15	20
Belanja Mengurus	$3,228,260	$3,770,750	$3,931,730
Belanja Pembangunan ..	$20,390	$10	$175,000
Hasil dipungut	$74,205,605	$72,583,400	$85,079,000

(*d*) Latihan

Cawangan Latihan di Ibu Pejabat Kastam dan Eksais Diraja adalah bertanggungjawab atas pengurusan latihan bagi Pegawai-pegawai Kastam dan Pegawai-pegawai Kanan, Kakitangan Laut Jabatan dan di atas penyelarasan semua latihan di luar dan di dalam negeri keseluruhannya.

Latihan-latihan adalah diselenggarakan di Maktab Latihan Kastam Diraja, Melaka. Beberapa jenis latihan diaturkan setiap tahun dengan bertujuan memperkenalkan Pegawai-pegawai Kastam dan Pegawai-pegawai Kanan kepada perkara-perkara mengenai undang-undang yang ditadbirkan oleh Jabatan dan juga tugas-tugas dan tanggungjawab tiap-tiap Pegawai dalam pentadbiran dan organisasi Kastam.

Selain dari itu latihan adalah bertujuan untuk melengkapkan Pegawai-pegawai dengan pengetahuan-pengetahuan teknikal supaya Pegawai-pegawai akan mempunyai kecekapan dalam menjalankan tugas-tugas mereka.

Kursus yang dianjurkan oleh Cawangan Latihan adalah kursus-kursus yang menekankan kepada pemungutan hasil negara dari duti-duti impot, ekspot, eksais dan cukai jualan dan kepada pencegahan dari kehilangan hasil negara. Kursus-kursus ini yang diselenggarakan di Maktab Latihan Kastam Diraja Melaka, adalah terbahagi kepada berikut:

(*a*) Kursus asas untuk Pegawai-pegawai baru;

(*b*) Kursus iktisas seperti kursus Taksiran dan Teknoloji Kain;

(*c*) Kursus ulangan;

(*d*) Kursus Khas seperti kursus Pendakwaan, Penyiasatan dan Pencegahan;

(*e*) Kursus Kakitangan Laut; dan

(*f*) Seminar-seminar bagi Pegawai-pegawai Tertinggi.

Cawangan Latihan adalah juga mendapatkan kerjasama daripada Cawangan Polis Marin Diraja, Bahagian Selatan, Tampoi, Johor Bahru bagi mengadakan kursus asas bagi beberapa orang kakitangan Laut Jabatan Kastam dan Eksais Diraja. Latihan ini yang memakan masa selama dua bulan terbahagi kepada tiga (3) bahagian seperti berikut:

(*a*) Sekolah (Cara Teori) ...	...	Undang-undang perjalanan kapal, tugas laut, semboyan dan cara memandu
(*b*) Ke Laut (Cara praktik)	...	Mengalami dan menyesuaikan kehidupan di laut, menjalankan tugas-tugas di laut, gerakan pemeriksaan bot-bot dan sampan-sampan, orang jatuh dan lain-lain lagi
(*c*) Kawat	...	Kawat pergerakan tiada menggunakan senjata

Tujuan latihan ini adalah untuk menyesuaikan kakitangan laut dengan tugas-tugas di laut.

Latihan dan Seminar adalah juga dianjurkan untuk pihak perdagangan dan ejen-ejen pengangkutan untuk memperkenalkan mereka kepada peraturan-peraturan dan undang-undang yang ditadbirkan oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja.

Berikut ialah kursus-kursus yang dijalankan oleh Maktab Latihan Kastam Diraja bagi tahun 1973:

Kursus	Jangkamasa	Peserta
(1) Kursus Cukai Jualan No. 3 "Sales Tax Inspection No. 3"	7 hari	27
(2) Kursus Cukai Jualan No. 4 "Sales Tax Inspection No. 4"	7 hari	18
(3) Kursus Yang ke 32 bagi Pegawai-pegawai Kastam (Pelatih)	44 hari	39
(4) Kursus Yang Ke 33 bagi Pegawai-pegawai Kastam (Pelatih)	45 hari	40
(5) Kursus Serang	6 hari	15
(6) Kursus Khas untuk Pegawai-pegawai Kastam (Pelatih) yang belum lulus Peperiksaan Jabatan I..	16 hari	54
(7) Kursus Pulangbalik (Drawback) untuk Pegawai-pegawai Kastam	6 hari	17
(8) Kursus Taksiran Am dan Hal Ehwal Kain bagi Pegawai-pegawai Kanan	15 hari	17
(9) Kursus Khas bagi Pegawai-pegawai Kastam (Pelatih) yang belum lulus Peperiksaan Jabatan I	14 hari	54
(10) Kursus Pendakwaan bagi Pegawai-pegawai Kanan	20 hari	21
(11) Kursus Yang Ke 34 bagi Pegawai-pegawai Kastam (Pelatih)	40 hari	40
(12) Kursus Khas bagi Pegawai-pegawai Kastam yang belum lulus Peperiksaan Jabatan II	15 hari	20
(13) Kursus Yang ke 14 bagi Penolong-penolong Penguasa Kastam (Pelatih) Bahagian Kastam ..	15 hari	19
(14) Kursus Yang ke 15 bagi Kakitangan Perdagangan khas untuk Ejen Penghantar	5 hari	13
(15) Kursus Yang ke 15 bagi Penolong-penolong Penguasa Kastam (Pelatih) Bahagian Eksais/Cukai Jualan	15 hari	12
(16) Seminar Bahagian Kastam dan Eksais bagi Pegawai-pegawai Kanan	4 hari	27
(17) Kursus Yang ke 16 bagi Penolong-penolong Penguasa Kastam (Pelatih) Bahagian Pencegah ..	15 hari	7
(18) Kursus Pencegah bagi Pegawai-pegawai Kastam ..	20 hari	40
(19) Kursus Tergempar (Crash Programme) Yang Pertama bagi Penolong-penolong Penguasa Kastam (Pelatih)	6 hari	17
(20) Kursus Tergempar (Crash Programme) Yang Ke 2 bagi Penolong-penolong Penguasa Kastam (Pelatih)	6 hari	56
Jumlah ..	315 hari	553

Dua orang Pensyarah Maktab ini telah menjalankan kursus untuk Pegawai-pegawai Kastam (Pelatih) di Sarawak:

Kursus	Jangkamasa	Peserta
(1) Kursus bagi Pegawai-pegawai Kastam di Pusat Latihan Perkhidmatan Awam Kerajaan, Kuching..	15 hari	24

Pegawai-pegawai Kanan Luar dari Semenanjung Malaysia

Pegawai-pegawai dari Sabah dan Sarawak yang telah menghadiri kursus-kursus di Maktab ini ialah:

Kursus	Peserta		
	Sabah	Sarawak	Jumlah
(1) Kursus Cukai Jualan Pemeriksaan No. 3 (Sales Tax Inspection Course No. 3)	2	2	4
(2) Kursus Cukai Jualan Pemeriksaan No. 4 (Sales Tax Inspection Course No. 4)	1	3	4
(3) Kursus Pendakwaan bagi Pegawai-pegawai Kanan Kastam	2	1	3
(4) Kursus Yang Pertama Bahagian Pencegah bagi Penolong-penolong Penguasa Kastam	—	2	2
Jumlah ..	5	8	13

Kursus Untuk Kakitangan Perdagangan

Kursus Yang Ke 15 bagi Pegawai-pegawai Perdagangan yang khususnya terdiri daripada Ejen-ejen Penghantar (Forwarding Agents) sahaja telah diadakan mulai daripada 16-10-1973 hingga 20-10-1973. Peserta-peserta yang hadir ialah berjumlah 13 orang daripada 10 buah badan-badan perdagangan.

Latihan Judo/Menembak/Bernang/Lasak

Peserta-peserta yang mengikuti kursus yang berjalan lebih daripada 21 hari (3 minggu) dimestikan mengambil latihan judo, menembak dengan menggunakan pistol, berenang dan mendaki Gunong Ledang ataupun merentas desa. Latihan-latihan ini perlu untuk mempertahankan diri dan menguji ketabahan menjalankan tugas-tugas pencegah. Disamping itu pula latihan jasmani dijalankan tiap-tiap pagi selama 45 minit sebelum sarapan untuk kesihatan.

Kursus-kursus/Seminar yang diaturkan bagi tahun 1974—

	Jangkamasa	
(1) Kursus Yang Ke 35 bagi Pegawai-pegawai Kastam (Pelatih)	44 hari	serentak
(2) Kursus Dadah dan Pengenalan Dadah bagi Pegawai-pegawai Kanan	11 hari	serentak
(3) Kursus Dadah dan Pengenalan Dadah bagi Pegawai-pegawai Kastam Tingkatan I dan II ..	11 hari	serentak
(4) Kursus Kewangan bagi Pegawai-pegawai Kerani Bahagian Kewangan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja	5 hari	serentak
(5) Kursus Asas Yang Ke 14 bagi Penolong-penolong Penguasa Kastam (Pelatih)	30 hari	serentak
(6) Kursus Yang Ke 36 bagi Pegawai-pegawai Kastam (Pelatih)	44 hari	serentak
(7) Kursus Kakitangan Laut Yang Ke 5	10 hari	serentak
(8) Kursus Asas Yang Ke 15 bagi Penolong-penolong Penguasa Kastam (Pelatih)	30 hari	serentak
(9) Kursus Taksiran dan Teknoloji Kain bagi Pegawai-Pegawai Kanan	30 hari	serentak
(10) Kursus Pegawai-pegawai Kastam/Kerani Bahagian Menyemak	7 hari	serentak
(11) Kursus Perdagangan Yang Ke 16 bagi Ejen-ejen Penghantar	6 hari	serentak

	Jangkamasa	
(12) Kursus Yang Ke 37 bagi Pegawai-pegawai Kastam (Pelatih)	44 hari	serentak
(13) Kursus Kakitangan Laut Yang Ke 6	10 hari	
(14) Kursus Perdagangan Yang Ke 17 bagi Kakitangan Firma dan Kilang	6 hari	
(15) Kursus Khas bagi Pegawai-pegawai Kastam yang belum lulus Peperiksaan Jabatan II..	15 hari	serentak
(16) Kursus Pentadbiran Kewangan bagi Pegawai Kanan	10 hari	
(17) Kursus Yang Ke 2 Bahagian Kastam bagi Penolong-penolong Penguasa Kastam (Pelatih) ..	15 hari	serentak
(18) Kursus Pendakwaan bagi Pegawai-pegawai Kanan	14 hari	
(19) Kursus Brussels Tariff Nomenclature bagi Pegawai-pegawai Kanan	15 hari	
(20) Kursus Pentadbiran bagi Pegawai-pegawai Kanan	10 hari	
(21) Kursus Yang Ke 2 Bahagian Eksais bagi Penolong-penolong Penguasa Kastam (Pelatih)	15 hari	serentak
(22) Kursus Perdagangan Yang Ke 18 bagi Ejen-ejen Penghantar	6 hari	
(23) Seminar Pencegah bagi Pegawai-pegawai Kanan ..	4 hari	serentak
(24) Kursus Kakitangan Laut Yang Ke 7	10 hari	
(25) Kursus Yang Ke 38 bagi Pegawai-pegawai Kastam (Pelatih)	44 hari	serentak
(26) Kursus Yang Ke 2 Bahagian Pencegah bagi Penolong-penolong Penguasa Kastam	15 hari	
(27) Kursus Cukai Jualan Yang Ke 4 hagi Pegawai-pegawai Kanan dalam semua Bahagian	10 hari	
(28) Kursus Perdagangan Yang Ke 19 bagi Kakitangan Firma dan Kilang	6 hari	

Kursus-kursus/Seminar yang diaturkan bagi tahun 1975—

	Jangkamasa		Peserta
(1) Kursus Yang Ke 39 bagi Pegawai-pegawai Kastam (Pelatih)	45 hari	serentak	40
(2) Kursus Asas Yang Ke 16 bagi Penolong-penolong Penguasa Kastam (Pelatih) ..	45 hari		40
(3) Kursus Khas bagi Pegawai-pegawai Kastam Yang Belum Lulus Peperiksaan Jabatan I..	15 hari	serentak	40
(4) Kursus Cukai Jualan Yang Ke 5 bagi Pegawai Kanan Dalam Semua Bahagian ..	10 hari		30
(5) Kursus Yang Ke 40 bagi Pegawai-pegawai Kastam (Pelatih)	45 hari	serentak	40
(6) Kursus Asas Yang Ke 17 bagi Penolong-penolong Penguasa Kastam (Pelatih) ..	45 hari		40
(7) Kursus Cukai Jualan (Sales Tax Inspection III)	10 hari	serentak	30
(8) Kursus Kakitangan Laut Yang Ke 8 ..	10 hari		20
(9) Kursus Cukai Jualan (Sales Tax Inspection IV)	10 hari		30
(10) Kursus Khas bagi Pegawai-pegawai Kastam Yang Belum Lulus Peperiksaan Jabatan II	15 hari	serentak	40
(11) Kursus Kakitangan Laut Yang Ke 9 ..	10 hari		20

	Jangkamasa		Peserta
(12) Kursus Asas Yang Ke 18 bagi Penolong-penolong Penguasa Kastam (Pelatih) ..	45 hari	serentak	40
(13) Kursus Yang Ke 41 bagi Pegawai-pegawai Kastam (Pelatih)	45 hari		40
(14) Kursus Taksiran dan Teknoloji Kain bagi Pegawai-pegawai Kanan	30 hari	serentak	35
(15) Kursus Pencegah bagi Pegawai-pegawai Kastam	20 hari		40
(16) Kursus Yang Ke 3 Bahagian Kastam bagi Penolong-penolong Penguasa Kastam ..	15 hari	serentak	30
(17) Kursus Yang Ke 42 bagi Pegawai-pegawai Kastam (Pelatih)	45 hari		40
(18) Kursus Khas bagi Pegawai-pegawai Kastam Yang Belum Lulus Peperiksaan Jabatan I	15 hari	serentak	40
(19) Kursus Pendakwaan bagi Pegawai-pegawai Kanan	21 hari		30
(20) Kursus Asas Yang Ke 19 bagi Penolong-penolong Penguasa Kastam (Pelatih) ..	45 hari	serentak	40
(21) Kursus Yang Ke 2 Kewangan bagi Kerani-kerani dalam Jabatan Kastam dan Eksais Diraja	6 hari		40
(22) Kursus Yang Ke 3 Bahagian Eksais Penolong-penolong Penguasa Kastam ..	15 hari	serentak	30
(23) Kursus Yang Ke 3 Bahagian Pencegah bagi Penolong-penolong Penguasa Kastam ..	15 hari		30
(24) Kursus Pentadbiran bagi Pegawai-pegawai Kanan	15 hari	serentak	20
(25) Kursus Yang Ke 42 bagi Pegawai-pegawai Kastam (Pelatih)	45 hari		40
(26) Kursus Asas Yang Ke 20 bagi Penolong-penolong Penguasa Kastam (Pelatih) ..	45 hari	serentak	40
(27) Kursus Perkhidmatan (Rekod/Pencen/Persuratan) bagi Kerani-kerani dalam Jabatan Kastam dan Eksais Diraja	6 hari		40
(28) Kursus Brussels Tariff Nomenclature bagi Pegawai-pegawai Kanan	15 hari	serentak	30
(29) Seminar Latihan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja	4 hari		20
(30) Kursus Yang Ke 20 Perdagangan bagi Kakitangan Firma-firma dan Kilang-kilang	6 hari		15

SABAH

Tidak ada sebarang kemudahan-kemudahan latihan di Sabah. Pegawai-pegawai dilatih melalui sumber-sumber yang berikut:

(*a*) Latihan Seberang Laut di bawah Rancangan Colombo.

(*b*) Di Maktab Latihan Kastam Diraja Melaka, dan

(*c*) Di Sabah oleh Pensyarah-pensyarah dari Semenanjung Malaysia.

Sungguhpun latihan-latihan di bawah ketegori (*a*) tidak menggunakan perbelanjaan Jabatan, tetapi pembelian biasiswa-biasiswa adalah terhad. Walaubagaimanapun latihan bagi ketegori (*b*) dan (*c*) dibayar daripada peruntukan Jabatan.

Berikut ialah bilangan pegawai-pegawai yang telah dilatih dalam tahun 1973 dan yang akan dilatih bagi tahun 1974 dan 1975:

Seberang Laut	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
United Kingdom	1	1	1
Australia	—	1	1
	1	2	2
Maktab Latihan Kastam Diraja Melaka ..	7	10	12
Latihan Pencegah dan Sangkut di Semenanjung Malaysia	—	2	2
	8	14	16

SARAWAK

Pensyarah-pensyarah dari Maktab Latihan Kastam Diraja Melaka melatih Pegawai-pegawai Kastam dan Pegawai-pegawai Kanan di Kuching pada tiap-tiap tahun. Pegawai-pegawai Kanan yang lain adalah dihantar ke Semenanjung Malaysia dan Seberang Laut untuk latihan lanjut.

Berikut ialah pelatih-pelatih yang telah menerima latihan:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Kursus Cukai Jualan	6	2	2
Kursus Pendakwaan	2	3	4
Kursus Taksiran Hal Ehwal Kain	3	3	3
Memperkemas Cawangan Taksiran	—	2	2
Kursus Pegawai-pegawai dan Pegawai-pegawai Kanan Kastam	24	40	40
Kursus Kakitangan Laut	—	30	40
Perkeranian (Tempatan)—			
Kursus Penyeliaan	1	1	1
Kursus Kerani Pertengahan	1	2	4
Kursus Awalan	—	8	8
Kursus Akaun	1	2	2

(ii) *Pungutan Hasil*

Aktiviti ini terbahagi kepada tiga (*a*) Hal-Ehwal Kastam, (*b*) Hal-Ehwal Eksais dan (*c*) Cukai Jualan.

(A) Hal-Ehwal Kastam

Aktiviti pecahan ini meliputi semua aspek pungutan duti-duti kastam yang bererti semua cukai impot, ekspot, cukai tokok atau cess yang dikenakan di bawah Akta Kastam 1967. Ianya dikenakan ke atas semua barang-barang yang diimpot juga ke atas setengah-setengah bahan utama yang diekspotkan dari negeri ini. Satu lagi fungsi di bawah aktiviti pecahan ini ialah mengawal barang-barang impot dan ekspot menerusi pelaksanaan Perintah-perintah Larangan Impot dan Ekspot. Setengah-setengah barang adalah dilarang pengimpotan dan pengekspotan-nya secara mutlak sedangkan ada pula yang dibenarkan diimpot atau diekspot di bawah lesen-lesen yang dikeluarkan oleh Pejabat Kawalan Impot Ekspot yang terletak di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bagi pihak Ketua Pengarah Kastam.

Lain-lain fungsi di bawah pecahan aktiviti ini ialah seperti berikut:

(*a*) Memeriksa barang-barang, kapal-kapal laut, kapal-kapal terbang, kereta-kereta moto dan orang-orang yang keluar masuk melalui jalan darat, laut dan udara.

(*b*) Mengawal barang-barang yang dibawa melalui darat.

(*c*) Mengawal dan menyelia semua kawasan-kawasan berlesen bagi simpanan barang-barang berduti dan kawasan-kawasan pendaratan sah bagi pemungahan barang-barang yang diimpot dan ekspot.

(*d*) Mengawal dan menyelia ke atas pergerakan barang-barang di antara Semenanjung Malaysia/Sabah/Sarawak.

(*e*) Mengawal dan menyelia semua gudang-gudang pengeluar yang berlesen.

(*f*) Mengawal kawasan-kawasan yang diiktiraf sebagai kawasan-kawasan perdagangan bebas termasuk pergerakan barang-barang impot ekspot semasa dibawa di antara pelabuhan masuk/ekspot dan kawasan perdagangan bebas.

(*g*) Mentadbirkan kelonggaran tarif dan galakan seperti tarik balik cukai dan pengecualian cukai yang disediakan untuk melindung dan mengembangkan perusahaan-perusahaan tempatan untuk membuat barang-barang bagi pasaran dalam negeri ini juga pasaran-pasaran seberang laut.

(*h*) Untuk diperjenis dan ditaksirkan barang-barang bagi dinilaikan duti.

Proses memungut duti-duti kastam melibatkan pengawalan segala corak impot dan ekspot, pelabuhan-pelabuhan, lapanganterbang-lapanganterbang, perjalanan impot ekspot melalui jalan raya dan keretapi, stesyen kastam serta Pejabat-pejabat Pos, memeriksa ikrar ke atas barang-barang semasa dikemukakan kepada Kastam, memeriksa serta memperjeniskan barang-barang, penilaian harga serta mengira duti-duti; pungutan duti-duti/cukai dan barang-barang yang dilepaskan dari Kawalan Kastam. Beban-kerja di bawah kumpulan ini kian bertambah dari tahun ke tahun memandangkan kenaikan nilai perjenisan dan menguatkuasakan perjenisan impot dan ekspot bagi melindungi pertumbuhan serta perkembangan pengilang-pengilang tempatan. Sebagai tambahan banyak lagi jenis barang-barang yang telah dimasukkan di bawah Undang-undang Larangan bagi impot dan ekspot.

Berikut ialah angka-angka beban-kerja di bahagian ini:

	Yang Sebenar Tahun 1973 $ juta	Anggaran Tahun 1974 $ juta	Anggaran Tahun 1975 $ juta
SEMENANJUNG MALAYSIA			
Impot Utama—			
Makanan	880.9	900	950
Minuman dan tembakau	80.1	90	95
Bahan-bahan kasar tidak boleh dimakan	351.7	380	390
Bahan-bahan api, minyak pelicin, dll.	321.4	350	360
Minyak binatang, sayur-sayuran dan lemak	23.1	25	30
Bahan-bahan kimia	489.9	550	600
Barang-barang keluaran kilang ..	1098.0	1,200	1,300
Alat-alat jentera dan pengangkutan ..	1,511.2	1,800	2,000
Pelbagai barang-barang keluaran kilang	296.0	350	400
Pelbagai perniagaan dan barang-barang dagangan	57.2	70	80
Jumlah ..	5,109.5	5,715	6,205

	Yang Sebenar Tahun 1973 Tan	Anggaran Tahun 1974 Tan	Anggaran Tahun 1975 Tan
Ekspot-ekspot Utama—			
Getah	1,536,628	1,700,000	1,800,000
Timah dan Timah Padat	80,249	90,000	95,000
Kayu-kayu Balak	467,386	600,000	700,000
Kayu Balak yang digergaji	1,339,373	1,500,000	1,700,000
Bijeh Besi	220,273	250,000	300,000
Minyak Kelapa Sawit	712,421	750,000	775,000
Isi Kelapa Sawit	65,417	75,000	80,000
Minyak Kelapa	27,599	30,000	35,000
Minyak Petroleum, Kasar dan Separuh Bersih	35,044	40,000	45,000
Minyak Petroleum dan sebagainya ..	192,937	200,000	225,000
Ikan dan Ikan-ikan yang disediakan ..	25,927	30,000	35,000
Nenas dalam tin dan air nenas ..	53,190	60,000	70,000
Susu pekat dan manis (100 lbs.) ..	250,236	280,000	300,000
Susu tepung untuk kanak-kanak (1,000 lbs.)	4,729	5,000	6,000
Rokok (1,000 lbs.)	4,734	5,000	6,000
Kayu Veneer Berkeping tebalnya tidak lebih 1/5″ (Juta Kaki Persegi)	322.4	350	400
Kayu Lapis (Juta Kaki Persegi 5mm) ..	746.5	800	850
Kapur, Simen dan Barang-barang Perumahan ($juta)	13.7	15	18
Besi dan Besi Waja dan lain-lain ($Juta)	17.7	19	21
Pakaian ($Juta)	66.8	70	80
Kasut dan lain-lain ($Juta)	22.1	30	35
Kenderaan Jalan Raya ($Juta) ..	35.8	40	45
Ekspot yang lain-lain	1,115.1	1,200	1,250

Ketibaan kapal-kapal dan muatan dimuatkan dan diturunkan melalui laut.

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Pelabuhan Pulau Pinang—			
(*a*) Bilangan kapal-kapal tiba bagi Perdagangan Antara-bangsa	1,739	2,100	2,150
(*b*) Jumlah muatan yang dimuat (atas kadar 1,000 tan)	1,405	1,600	1,700
(*c*) Jumlah muatan diturun (atas kadar 1,000 tan)	2,356	3,000	3,500
Pelabuhan Kelang—			
(*a*) Bilangan kapal-kapal tiba bagi Perdagangan Antara-bangsa	2,440	2,540	2,600
(*b*) Jumlah muatan yang dimuat (atas kadar 1,000 tan)	3,469	4,000	4,500
(*c*) Jumlah muatan yang diturun (atas kadar 1,000 tan)	2,980	3,500	3,800
Lain-lain Pelabuhan—			
(*a*) Bilangan kapal-kapal tiba bagi Perdagangan Antara-bangsa	666	700	800
(*b*) Jumlah muatan yang dimuat (atas kadar 1,000 tan)	1,371	1,700	2,000
(*c*) Jumlah muatan yang diturun (atas kadar 1,000 tan)	3,843	4,000	4,500

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Penumpang-penumpang dan Muatan dengan Udara—			
(*a*) Bilangan penumpang-penumpang yang naik dan turun	1,794,553	1,900,000	2,000,000
(*b*) Muatan dibawa dengan melalui udara atas kadar 1,000 kilo ..	8,826	9,500	10,000
(*c*) Mel dibawa dengan melalui udara atas kadar 1,000 kilo	1,864	1,950	2,000
Perangkaan bagi perlaksanaan yang dicapai—			
(*a*) Bilangan kapal-kapal yang dilepaskan melalui laut dan udara ..	320,423	339,823	355,179
(*b*) Bilangan Manifest-manifest masuk yang diproses	31,328	32,704	33,940
(*c*) Bilangan perlepasan pelabuhan yang diterima	24,046	25,993	27,525
(*d*) Bilangan Ikrar-ikrar Impot bercukai yang diproses	1,156,270	1,290,804	1,331,925
(*e*) Bilangan Ikrar-ikrar Impot tidak bercukai yang diproses	427,141	453,502	458,747
(*f*) Bilangan Borang M.C.T. yang diproses..	27,384	28,229	32,638
(*g*) Bilangan Borang Kastam 10 (P.C.K. Singapura Borang 5) yang diproses	43,026	49,884	60,222
(*h*) Bilangan Borang Kastam II yang diproses	8,585	10,361	12,592
(*i*) Bilangan penumpang-penumpang melalui darat, laut, keretapi dan udara yang dilepaskan	18,546,946	19,375,610	19,779,467
(*j*) Berat tan muatan dilepaskan ..	16,920,104	18,033,160	19,491,156
(*k*) Bilangan tempat-tempat pendaratan sah	88	91	95
(*l*) Bilangan gudang-gudang berlesen..	72	78	84
(*m*) Bilangan lain-lain Borang Ikrar yang diproses	338,807	367,686	397,546
(*n*) Bilangan permohonan untuk pulang balik cukai	3,258	3,678	4,522
(*o*) Bilangan Sijil Pengecualian dikeluarkan	18,507	19,924	22,672
(*p*) Bilangan permohonan untuk tarik balik cukai	1,075	1,418	1,711
(*q*) Bilangan Borang Eksais 13 dan 13A diproses	49,688	53,210	58,615
(*r*) Bilangan Borang Eksais 14 diproses	59,018	63,095	66,180
Jumlah ..	37,975,766	40,149,250	42,134,816

	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Anggaran Tahun 1974 $	Anggaran Tahun 1975 $
Pungutan Hasil—			
Impot	491,326,290	503,837,016	510,000,000
Ekspot	412,696,194	1,061,565,503	1,080,000,000
Cukaitokok	134,339,981	170,756,087	175,000,000
Eksais	405,411,575	444,068,960	450,000,000
Cukai Jualan	185,103,838	221,760,913	230,000,000
Pelbagai	5,637,110	7,492,227	7,500,000
Jumlah ..	1,634,514,988	2,409,480,706	2,452,500,000

SABAH

Impot-impot

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Impot—			
(*a*) Bilangan kapal-kapal masuk dilepaskan (termasuk kapal-kapal kecil)	19,971	20,390	21,400
(*b*) Bilangan kapalterbang dilepaskan..	29,992	30,980	32,590
(*c*) Bilangan Daftar Muatan diperiksa	18,662	19,405	21,050
(*d*) Bilangan Borang-borang Impot diproses (Bercukai dan tidak bercukai)	186,355	196,690	205,980
(*e*) Bilangan Borang-borang M.C.T. diproses..	15,706	16,960	18,345
(*f*) Bilangan lain-lain Ikrar yang diproses (P.I.D., W.D., T.D., dll.) ..	6,335	7,097	7,910
(*g*) Bilangan penumpang-penumpang masuk dilepaskan	492,386	564,050	642,370
(*h*) Berat Tan Muatan masuk dilepaskan	1,218,909	1,407,629	1,539,395
(*i*) Bilangan bungkusan-bungkusan diterima	196,049	229,000	263,800
(*j*) Bilangan bungkusan-bungkusan ditaksir	82,216	91,800	101,300
(*k*) Bilangan bungkusan-bungkusan yang ditahan untuk pemeriksaan..	55,529	65,072	81,098
(*l*) Hasil-hasil dipungut atas bungkusan-bungkusan—			
(i) Cukai Impot	916,219	974,000	1,042,000
(ii) Cukaitokok	224,429	251,700	271,650
(iii) Cukai Jualan	338,621	369,500	412,500
(*m*) Bilangan tempat-tempat pendaratan sah (termasuk Perdagangan Tempatan)	18	18	18
(*n*) Bilangan gudang-gudang yang berlesen	50	51	52

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
SARAWAK			
(*a*) Jumlah kapal-kapal yang dilepaskan	8,195	8,657	9,479
(*b*) Jumlah Manifest masuk yang diterima melalui laut dan udara ..	11,315	13,602	14,469
(*c*) Jumlah permohonan untuk dilepas dari Pengkalan Udara dan Laut diterima	21,159	22,510	24,229
(*d*) Jumlah Ikrar Impot diperiksa melalui laut, udara dan darat ..	161,317	169,748	181,334
(*e*) Jumlah Ikrar Impot (tidak bercukai) yang diperiksa melalui laut, udara dan darat	12,877	13,653	14,328
(*f*) Jumlah borang M.C.T. diperiksa melalui laut, udara dan darat ..	13,759	14,629	15,638
(*g*) Jumlah penumpang-penumpang diperiksa melalui laut, udara dan darat	90,321	97,970	106,582
(*h*) Berat tan muatan dilepaskan melalui laut dan udara	10,353,122	10,517,465	10,548,566
(*i*) Bilangan tempat-tempat pendaratan sah	32	34	34
(*j*) Bilangan gudang-gudang berlesen..	6	6	6
(*k*) Bilangan lain-lain ikrar yang diproses..	78,585	82,996	95,784
Pungutan Hasil—			
Ekspot	$12,165,358	$ 5,915,500	$10,212,000
Impot	39,876,431	44,100,300	46,365,000
Cukaitokok	8,233,239	11,500,000	13,800,000
Eksais	858,855	1,067,600	902,000
Cukai Jualan	13,071,722	10,000,000	13,800,000
Jumlah ..	$74,205,605	$72,583,400	$85,079,000

(B) Hal Ehwal Eksais

Pungutan semua duti-duti eksais terjatuh di bawah pecahan aktiviti ini. Pada masa-masa lampau jabatan ini hanya terlibat dalam pungutan hasil daripada barang-barang impot dan ekspot sahaja. Dengan berkembangnya perusahaan-perusahaan tempatan barang-barang yang berduti yang dahulunya diimpot sekarang sedang diganti oleh barang-barang keluaran tempatan dengan itu mengakibatkan kemerusutan hasil dari sumber itu yang terpaksalah diganti oleh duti-duti eksais dari barang-barang buatan tempatan.

Dengan mengenakan duti-duti eksais atau lebih banyak lagi barang-barang buatan tempatan, maka lebih ramai lagi pegawai-pegawai dan kakitangan diperlukan untuk menyelia dan mengawal kilang-kilang tempatan yang tidak bertempat dalam satu-satu kawasan tertentu malah berselerak di merata-rata pelusuk negeri. Ada juga terdapat kilang-kilang bertempat kira-kira 30 batu dari stesyen Kastam yang berdekatan dan menjalankan perusahaannya 24 jam sehari yang bererti pegawai-pegawai dan kakitangan dikehendaki menjaga kilang-kilang itu sepanjang tempoh kilang-kilang dibuka.

Angka-angka berikut menunjukkan beban-kerja Cawangan Eksais:

SEMENANJUNG MALAYSIA

(*a*) Barang-barang/Kilang-kilang di bawah kawalan Eksais.

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
1. Kayu-kayu Lapis/Veneer	35	32	36
2. Tayar-tayar	3	4	4
3. Rokok-rokok	7	8	8
4. Simen	5	5	5
5. Beteri	2	2	2
6. Sabun	29	29	32
7. Serbok Perasa	2	2	2
8. Ubat Gigi	4	5	5
9. Mancis Api	4	4	4
10. Distillery	6	6	7
11. Beer dan Stout	3	3	3
12. Bal-bal lampu	2	2	2
13. Tiub-tiub	6	7	7
14. Getah Cair	8	8	8
15. Membotol Samsu	42	41	41
16. Kilang-kilang tembakau	119	101	105
17. Kereta-kereta moto	9	8	8
18. Motosikal-motosikal	4	4	4
19. Susu Pekat	4	3	3
20. Tuak	2	1	1
21. Alat Hawa Dingin	3	3	3
22. Talivisyen	6	6	6
23. Kipas-kipas letrik	5	6	6
24. Peti Sejuk	35	33	33
25. Cerek Letrik	3	3	3
26. Gula	3	4	4
27. Chip board	1	1	1
28. Minyak-minyak petrol	2	2	2
29. Dapur Gas	3	8	8
30. Alat Hawa Dingin untuk Kenderaan	4	6	6
31. Accumulator Letrik	21	6	6
32. Strika Letrik	1	4	4
33. Periok Nasi Letrik	4	2	2
34. Oven Letrik	2	2	2
35. Piring-piring Hitam	10	11	11
36. Bal-bal Lampu Panjang	2	2	2
37. Daun Terup	2	2	2
38. Badan-badan Kereta	—	79	90
39. Sponge Plastik	—	10	20
Jumlah	403	465	498

(*b*) Tempat Kawasan-kawasan Eksais dilesenkan.

	Dilesenkan di bawah Seksyen 16 1974	Dilesenkan di bawah Seksyen 21 1974	Kawasan-kawasan mambotol di bawah Seksyen 16 1974
Kangar	5	—	—
Alor Star	12	—	1
Kulim	7	—	—
Singai Patani	25	—	2
Jitra	1	—	—
Butterworth	31	2	—
Penang	46	1	13
Nibong Tebal	1	—	—
Taiping	19	—	3
Kuala Kangsar	3	—	—
Sitiawan	4	—	—
Ipoh	50	2	7
Batu Gajah	1	—	—
Telok Anson	18	2	1
Hutan Melintang	—	1	—
Kampar	7	—	—
Lumut	—	1	—
Kuala Lumpur	109	2	9
Petaling Jaya	51	—	—
Subang	—	1	—
Rawang	2	—	—
Shah Alam	9	—	—
Klang/Pelabuhan Klang	32	6	1
Seremban	19	—	1
Port Dickson	2	—	—
Mentakab	1	—	—
Kemaman	1	—	—
Kuantan	8	1	—
Jerantut	1	—	—
Kuala Trengganu	4	1	—
Kota Bharu	8	2	—
Melaka	17	—	2
Muar	11	—	2
Batu Pahat	24	1	1
Kluang	14	—	2
Johore Bahru	29	—	2
Tangkak	2	—	—
Jumlah ..	574	23	28

(*c*) Pungutan Duti Eksais—

1973 (Sebenar)	$405,411,575.33
1974 (Ramalan)	$444,068,960.00
(Anggaran)	$450,000,000.00

Tuak

Hasil daripada jualan tuak adalah dimasukkan ke dalam hasil negeri di mana kedai-kedai tuak itu berada. Ada tiga jenis kedai tuak iaitu Kedai-kedai Tuak Kerajaan, Kedai-kedai Tuak Ladang dan Kedai-kedai Tuak Awam. Kedai-kedai Tuak Kerajaan adalah dijalankan oleh Kerajaan Negeri yang berkenaan dan hasil jualannya dikreditkan ke dalam hasil Negeri. Tuak dibekalkan kepada Kedai-kedai Tuak oleh Kontrekter-kontrekter selepas tawaran dipanggil. Tempoh satu-satu kontrek tuak ialah dua tahun. Cara Kedai-kedai Tuak Ladang dijalankan ada sedikit bezanya. Kedai-kedai ini ditempatkan dalam ladang-ladang getah yang besar-besar dan dijalankan oleh pihak Pengurus Ladang dan 40% daripada pendapatan kasar jualan dibayar kepada Kerajaan Negeri sebagai hasil. Bekalan-bekalan tuak adalah juga dilakukan oleh kontrekter-kontrekter. Kedai-kedai Tuak Awam adalah dijalankan oleh orang awam di bawah lesen dan 40% daripada pendapatan kasar dibayar kepada Kerajaan Negeri sebagai hasil. Cuma ada sebuah kedai tuak seumpama ini dalam negeri ini iaitu di Trengganu. Penyeliaan dan pentadbiran sehari-hari kedai tuak dan kawasan-kawasan menyadap adalah dijalankan oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja miskipun kakitangan dan perbelanjaan untuk menyelenggara kedai-kedai tuak itu diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri masing-masing.

Tuak—Wilayah Persekutuan

Mulai daripada 1hb Februari, 1974 hasil dari jualan tuak bagi kedai-kedai tuak di Wilayah Persekutuan menjadi Hasil Persekutuan.

Pungutan hasil yang sebenar dari 1hb Februari, 1974 hingga 31hb Julai, 1974 ialah $311,901. Ramalan pungutan hasil bagi 1974 (1-2-74–31-12-74) ialah $520,000 dan anggaran bagi 1975 ialah $650,000.

Angka-angka berikut menunjukkan bilangan kedai-kedai tuak dan lain-lain kawasan yang dilesenkan untuk jualan minuman keras secara borong atau runcit-runcit untuk diminum di kawasan-kawasan berlesen:

SEMENANJUNG MALAYSIA

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Kedai-kedai Tuak Kerajaan	80	80	80
Kedai-kedai Tuak Ladang	166	166	166
Kedai-kedai Tuak Awam	—	—	—
Kawasan-kawasan yang dilesenkan bagi jualan Arak secara borong	297	300	305
Kawasan-kawasan yang dilesenkan bagi jualan Arak secara runcit	984	990	995
Lesen-lesen Public House bagi jualan Arak secara runcit untuk diminum di kawasan itu	553	560	565
Pungutan-pungutan Hasil Tuak (Hasil Negeri)	$5,509,535.49	$5,600,000	$5,700,000

SABAH

Eksais—			
(*a*) Bilangan kilang-kilang berlesen..	32	40	45
(*b*) Bilangan kedai-kedai Arak berlesen:—			
(i) Borang	77	92	115
(ii) Runcit	750	808	858
(iii) Public House	633	729	807
(*c*) Bilangan Penyata-penyata Eksais yang diterima	342	474	538
(*d*) Jumlah hasil eksais yang dipungut	191,507	210,600	231,600

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
SARAWAK—			
Kilang Samsu	3	3	3
Kilang Sabun	7	7	7
Kilang Rokok	1	1	1
Kilang Minuman Ringan	17	20	20
Kilang Ubat Gigi	1	1	1
Kilang Mancis Api	1	1	1
Kilang Kayu-kayu Lapis	2	2	2
Kilang Penghawa Dingin	1	1	1
Kilang Peti Sejuk	6	6	6
Kilang Beteri	4	4	4
Kilang Minyak-minyak Petrol ..	1	1	1
Jumlah Pungutan Hasil	$ 858,855	$1,067,600	$ 902,000

(*c*) Cukai Jualan

Bahagian Cukai Jualan di Jabatan ini adalah cawangan yang baru ditubuhkan pada awal tahun 1972 bagi menjalan dan menguatkuasakan Akta Cukai Jualan, 1972. Bagi mempastikan semua pungutan ke atas cukai jualan dipungut dengan betul, juga mengawal serta menyelia semua keluaran barang-barang kilang yang bercukai, termasuk perniagaan perseorangan di negara ini, semua tugas-tugas ini dijalankan oleh Pegawai-pegawai Kanan Cukai Jualan yang mana bilangannya adalah terhad iaitu seramai 102 orang yang terdiri dari Bahagian Pentadbiran dan Bahagian Pencegah, pemeriksaan-pemeriksaan serta pemeriksaan sepenuhnya ke atas akaun-akaun terpaksa dijalankan mengikut jangka jadual bagi keluaran barang-barang kilang yang bercukai. Sebagai tambahan, barang-barang keluaran kilang tidak bercukai adalah dilesenkan di bawah Akta Cukai Jualan, yang menambah beban-kerja bagi pegawai-pegawai tersebut.

Jumlah pungutan ke atas cukai jualan yang telah dipungut bagi tahun 1972 ialah $114,908,795.57, bagi tahun 1973 pula jumlah ini telah meningkat kepada $185,103,838.01 dan adalah dijangka melebihi anggaran iaitu $221,760,913 bagi tahun 1974 dan untuk tahun 1975 pula ialah $230,000,000.

Tanggungjawab pungutan cukai jualan ke atas barang-barang impot bertambah dengan beban-kerja yang ada sekarang ini di semua Stesyen-stesyen Kastam.

Angka-angka berikut menunjukkan kedudukan bahagian Cukai Jualan:

SEMENANJUNG MALAYSIA

(i) Bilangan Pegawai-pegawai	84
(ii) Bilangan Pelesen-pelesen	8,346
(iii) Bilangan Pemegang Sijil Pengecualian	18,507
(iv) Jumlah Cukai Jualan dikutip (1973)	$185,103,838.01

SABAH

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(*a*) Bilangan kilang-kilang yang berlesen di bawah Cukai Jualan	424	465	515
(*b*) Bilangan Penyata Cukai Jualan diterima	4,762	5,480	6,080
(*c*) Bilangan Sijil Pengecualian dikeluarkan	161	194	233
(*d*) Jumlah pungutan cukai jualan di atas barang-barang buatan tempatan ..	$1,037,552	$1,141,300	$1,255,400
(*e*) Jumlah pungutan denda ke atas bayaran lambat	$7,780	$7,700	$8,000

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
SARAWAK			
(*a*) Bilangan Permohonan..	118	135	170
(*b*) Bilangan Lesen	118	135	170
(*c*) Bilangan Penyata	2,728	3,380	4,220
(*d*) Bilangan borang-borang lain (C.J. 7 Sijil Pengecualian)	350	513	594
(*e*) Kad Lejer	39	40	40
(*f*) Fail dibuka	165	150	150
(*g*) Pungutan Hasil	$13,071,722	$10,000,000	$13,800,000

(iii) *Pencegahan dan Pelaksanaan*

Di bawah aktiviti ini Bahagian Pencegah Jabatan ini dibahagikan kepada empat cawangan:

(*a*) Pencegah Ibu Pejabat.

(*b*) Pejabat Pusat Penyelidikan.

(*c*) Daerah/Stesyen Pencegah.

(*d*) Pasukan Khas.

(*a*) Pencegah Ibu Pejabat

Cawangan penting ini menguruskan segala perkara-perkara dasar berkenaan dengan pelaksanaan undang-undang yang ditadbirkan oleh Jabatan ini. Tanggung-jawab-tanggungjawabnya meliputi memberi arahan-arahan berkenaan Gerakan-gerakan Pencegah menentang penyeludupan dan pengaliran nakotik serta penyiasatan dan pendakwaan orang-orang yang membuat kesalahan di bawah pelbagai undang-undang yang ditadbirkan oleh Jabatan ini. Cawangan ini bertang-gungjawab juga untuk menyenggara semua kapal-kapal dan lanci-lanci pencegah. Untuk membantunya, Ketua Penolong Pengarah Kastam mempunyai seorang Penolong Kanan Pengarah Kastam, seorang Jurutrengkas dan Kakitangan Pejabat Pusat Penyelidikan yang mana beban-kerja ada disenaraikan dalam perenggan yang berikut.

(*b*) Pejabat Pusat Penyelidikan

Cawangan ini adalah sebagai Pusat Penerangan Perkhidmatan Pencegah dan biasa digelarkan sebagai nadi Cawangan Pencegah. Fungsinya termasuklah mengumpul, menyimpan, mendoket, menyiasat dan menyebarkan maklumat-maklumat berhubung dengan kes-kes Kastam. Satu lagi fungsinya yang penting ialah memelihara perhubungan dengan perwakilan-perwakilan di Negara-negara lain termasuklah Interpol dan Bahagian Nakotik Bangsa-bangsa Bersatu. Juga cawangan ini bertanggungjawab menyimpan perangkaan berkaitan dengan aliran penyeludupan Nakotik dalam negeri serta menyimpan rekod orang-orang yang diketahui atau disyaki terlibat dalam kes-kes penyeludupan. Dalam hubungan ini ia bertanggungjawab mengeluarkan "Quarterly Narcotics Bulletin" untuk disebar-kan kepada badan-badan penguatkuasa di Negara-negara lain. Cawangan ini juga bertanggungiawab menerbitkan bulletin setengah tahun yang menunjukkan hasil-hasil yang dicapai oleh Cawangan Pencegah.

Perhubungan individu di antara kakitangan jabatan ini dengan Organisasi Pencegahan Seberang laut telah juga diadakan terutama sekali penyiasatan kes-kes yang melibatkan dadah dan lain-lain kesalahan. Beban-kerja cawangan ini adalah seperti berikut:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(i) Bilangan ringkasan kes yang diterima	1,965	3,000	3,050
(ii) Bilangan doket-doket yang dikeluarkan/meminda	12,000	8,987	15,050
(iii) Bilangan pekeliling-pekeliling yang dikeluarkan	6	40	45
(iv) Bilangan permohonan-permohonan yang telah ditapis untuk pengeluaran lesen-lesen di bawah Akta Kastam dan Akta Eksais	486	650	700
Bilangan nama-nama yang telah ditapis	1,997	3,000	3,200
Bilangan firma-firma yang telah ditapis	410	600	650
Bilangan alamat-alamat yang telah ditapis	1,250	1,150	1,300
(v) Bilangan permohonan-permohonan diproses untuk dikembalikan kenderaan-kenderaan yang terlucut hak dsb.	68	150	150
(vi) Bilangan dakwaan-dakwaan penyeludupan diterima dan diambil tindakan	174	300	350

(*c*) Daerah/Stesyen Pencegah

Di bawah cawangan inilah sebahagian besar aktiviti-aktiviti pencegah diperlihatkan. Semua penyiasatan-penyiasatan dan pendakwaan-pendakwaan mereka yang membuat kesalahan di bawah pelbagai undang-undang yang ditadbirkan oleh Jabatan ini, penegasan gerakan-gerakan menentang penyeludupan terhadap penyeludup-penyeludup serta penyimpan barang-barang rampasan sebelum diselesaikan samada dengan cara jualan menerusi tawaran atau lelong adalah menjadi tanggungjawab cawangan ini. Satu lagi fungsi penting cawangan ini ialah mengambil tindakan terhadap penyeludup-penyeludup gigeh di bawah Enakmen Sekatan Kediaman Terhad.

Aktiviti-aktiviti Cawangan Pencegah dalam tahun-tahun lalu ditunjukkan kepada penyeludupan barang-barang penggunaan dari Singapura dan Pulau Pinang ke tanah besar; penyeludupan bijih timah ke Singapura melalui Johor Bahru; dan penyeludupan candu, tambakau dan beras dari negeri Thai melalui sempadan. Kejayaan cemerlang telah diperolehi berdasarkan bilangan rampasan yang dibuat.

Adalah diharapkan dengan membeli banyak lagi bot-bot laju, lanci-lanci dan kemungkinan sebuah "hoover craft", alat-alat moden lainnya serta pembukaan sebuah Cawangan Pencegah baru di Kuala Sedili, Johor, kerja-kerja menyekat pencegahan selanjutnya dapat dijalankan oleh jabatan ini.

Dengan penggunaan VHF radar, jabatan ini akan dapat hasil yang lebih baik dalam tahun 1974 dan 1975, terutama sekali menentang penyeludupan-penyeludupan yang teratur.

Angka-angka berikut menunjukkan kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh Cawangan Pencegah:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
SEMENANJUNG MALAYSIA			
Bilangan orang-orang yang didakwa	637	1,600	1,620
Bilangan orang-orang yang dihukum	444	1,200	1,210
Denda-denda yang dikenakan	$4,395,339.63	$6,500,000	$6,550,000
Denda-denda yang dibayar..	$390,860.90	$800,000	$820,000
Candu-candu yang dirampas	4,917 lbs. 10.45 ozs.	5,300 lbs.	5,400 lbs.
Ganja yang dirampas ..	1,736 lbs. 9.20 ozs.	6,500 lbs.	3,000 lbs.
	+71,416 pokok	+25,000 pokok	+21,000 pokok
Samsu yang dirampas ..	3,548.05 galls.	7,500 galls.	7,580 galls.
Kenderaan-kenderaan yang dirampas—			
(Bilangan)	176	400	420
(Nilai)	$620,850	$700,000	$750,000
Bot-bot yang dirampas—			
(Bilangan)	48	150	160
(Nilai)	$153,730	$60,000	$60,500
Tembakau yang dirampas—			
(Banyaknya)	23,401.43 lbs.	55,000 lbs.	60,000 lbs.
(Nilai)	$76,158.70	$400,000	$450,000
(Duti)	$210,854.58	$550,000	$600,000
Kain-kain—			
(Nilai)	$580,967.36	$2,000,000	$2,050,000
(Duti)	$178,432.05	$600,000	$620,000
Lain-lain barang yang di-rampas—			
(Nilai)	$1,008,345.12	$2,500,000	$2,650,000
(Duti)	$410,083.82	$2,000,000	$2,050,000
Bilangan kes-kes kompaun..	1,802	3,500	3,600
Duti dipungut di atas kes-kes kompaun	$74,259.43	$165,000	$170,000
Bayaran kompaun telah di-bayar	$481,705.85	$800,000	$820,000
Jualan kenderaan-kenderaan dan lanci-lanci yang dirampas	$394,239.83	$950,000	$960,000
Jualan lain-lain jenis barang-barang yang dirampas ..	$1,210,214.38	$2,000,000	$2,300,000
Faedah zahir kepada hasil ..	$2,638,496.41	$7,200,000	$7,500,000
Bilangan penyiasatan-penyi-asatan yang telah dijalankan	1,684	2,900	3,000

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
SABAH			
Jumlah bilangan kertas-kertas penyiasatan dibuka	99	109	127
Jumlah bilangan ringkasan kes-kes dibuat	33	43	55
Jumlah bilangan orang-orang yang didakwa	43	56	69
Jumlah pendakwaan dibuat	33	43	54
Jumlah denda dikenakan	$144,361	$132,000	$135,000
Jumlah denda dibayar	$47,677	$39,000	$45,000
Bilangan kes-kes dikompaun	224	257	289
Hasil dipungut ke atas kes-kes kompaun	$13,648	$15,900	$19,100
Jumlah bayaran kompaun	$51,136	$54,550	$60,300
Bilangan orang didenda	127	158	178
Barang-barang Rampasan:			
(*a*) Samsu (gallons)	25.5	30	30
(*b*) Kain-kain—			
(Nilai)	$7,663	$7,000	$8,000
(Duti)	$3,813	$3,500	$4,000
(*c*) Tembakau—			
(Kuantiti)	60 lbs.	40 lbs.	60 lbs.
(Nilai)	$310	$200	$310
(Duti)	$750	$500	$750
(*d*) Lain-lain Barang—			
(Nilai)	$52,019	$55,000	$60,000
(Duti)	$24,505	$25,000	$28,000
SARAWAK			
(i) Bilangan kertas-kertas penyiasatan dibuka	182	200	220
(ii) Bilangan orang-orang yang didakwa	67	70	80
(iii) Bilangan orang-orang yang dihukum	64	70	80
(iv) Denda-denda dikenakan	$435,270.30	$225,000	$250,000
(v) Barang-barang Rampasan:			
(*a*) Candu	3 ozs.	—	—
(*b*) Ganja	0.25 ozs.	—	—
(*c*) Samsu	60.75 galls.	—	—
(*d*) Kenderaan—			
(Bilangan)	6	—	—
(Nilai)	$9,434	—	—
(*e*) Lanci-lanci—			
(Bilangan)	1	—	—
(Nilai)	$1,200	—	—
(*f*) Tembakau—			
(Kuantiti)	36 lbs.	—	—
(Nilai)	$325.89	—	—
(*g*) Kain-kain—			
(Nilai)	$5,279.47	—	—
(Duti)	$3,845.97	—	—
(*h*) Lain-lain Barang—			
(Nilai)	$110,388.72	$120,000	$130,000
(Duti)	$84,002.75	$90,000	$100,000

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
SARAWAK—(*samb.*)			
(vi) Bilangan kes-kes kompaun	129	140	160
(vii) Duti dipungut ke atas kes-kes kompaun	$9,203.99	$10,000	$11,000
(viii) Bayaran kompaun	$32,373.70	$35,000	$40,000
(ix) Jualan kenderaan dan lanci-lanci yang dirampas	$900	—	—
(x) Jualan lain-lain barang rampasan ..	$139,499.18	$150,000	$165,000
(xi) Faedah zahir kepada hasil	$617,247.17	$630,000	$795,000

(*d*) Pasukan Khas

Pasukan Khas ditubuhkan pada penghujung tahun 1972 bertempat di Ibu Pejabat Kastam, Bangunan Sulaiman, Kuala Lumpur. Penubuhan Cawangan ini ialah untuk menjalankan penyiasatan yang lebih mendalam dan menyelaraskan semua kegiatan pencegah di seluruh negara. Tugas utamanya ialah menyiasat kes-kes penyeludupan yang besar dan semua jenis penyelewengan dari aturcara Kastam. Juga untuk mengkaji kelemahan-kelemahan aturcara itu, jika ada, dan mengemukakan syor-syor dengan tujuan menjadikan aturcara itu lebih berkesan. Pada mulanya seorang Penolong Pengarah ditempatkan di cawangan ini. Dengan tertubuhnya cawangan ini, komplot dadah heroin yang bertanggungjawab menyeludup bahan itu ke Amerika Syarikat dapat dihapuskan dengan jayanya.

Belanja kakitangannya bertambah dengan pesatnya dalam tahun 1973 terdiri daripada 1 Penolong Pengarah, 2 Penguasa Kastam, 1 Penolong Penguasa Kastam dan 7 Pegawai Kastam dipilih dari mereka yang telah membuat kerja pencegah yang luas. Justru itu, mereka mempunyai pengalaman pelbagai di dalam lapangan khas ini. Pegawai-pegawai ini boleh dipanggil melaksanakan apa juga bentuk penyiasatan di dalam tempoh yang singkat samada membantu mana-mana Cawangan Pencegah di Pejabat Daerah di dalam tugasnya atau bertindak sendiri atas maklumat-maklumat yang memerlukan tindakan segera.

Kegiatan terpenting yang diperolehi dalam tahun 1973, ialah pembongkaran "racket" yang menyeludup kain-kain dari Singapura secara besar-besaran melalui Pejabat Besar Pos, Ipoh. Dalam tahun yang sama cawangan ini berjaya pula menghancurkan penyeludupan alat-alat ganti kenderaan yang melibatkan beberapa firma di Negara ini. Penyiasatan rapi ke atasnya dilaksanakan dan masih diteruskan.

Dalam tahun ini, komplot yang terlibat di dalam penyeludupan kenderaan moto dari Singapura dengan menggunakan dokumen-dokumen palsu seperti lesen impot dan lain-lain dapat dikesan. Hampir serentak dengan perkara ini, Cawangan ini berjaya pula membongkarkan satu lagi komplot yang terlibat di dalam pemasangan secara haram kenderaan-kenderaan moto. Operasi seluruh Negara dilaksanakan untuk merampas semua kenderaan yang terlibat. Penyiasatan atas kedua-dua kegiatan itu masih diteruskan.

Menyemak

Cawangan ini bertugas sebagai ejensi Odit Jabatan Tugas-tugasnya adalah seperti berikut:

(i) Penyemakan semua borang-borang impot dan ekspot Kastam yang mana telah diluluskan oleh stesyen untuk mempastikan yang prinsip taksiran dibuat dengan betul, kenaikan-kenaikan dalal wakil yang telah ditetapkan dikenakan dan semua kira-kira dibuat dengan betul dari segi hisab.

(ii) Mengarah pungutan cukai-cukai yang kurang dipungut yang dikesani melalui kesilapan-kesilapan dalam borang-borang tersebut.

Bilangan borang-borang ikrar yang diperiksa adalah setimpal dengan ketambahan borang-borang yang diluluskan oleh stesyen-stesyen dan ini telah dicapai tanpa mengurangkan mutu penyemakan. Beban-kerja cawangan ini dijangka bertambah dengan banyaknya oleh kerana fungsi cawangan ini telah bertambah untuk merangkumi penyemakan borang-borang Eksais dan Cukai Jualan.

Perjalanan Cawangan Menyemak adalah seperti berikut:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
SEMENANJUNG MALAYSIA			
Bilangan borang-borang ikrar impot bercukai diperiksa	216,366	220,000	221,000
Bilangan borang-borang ekspot bercukai diperiksa	555	600	700
Bilangan teguran-teguran yang dikeluarkan kepada stesyen-stesyen	1,088	1,200	1,300
Jumlah pungutan-pungutan yang berkurangan dipungut balik hasil penyemakan	$11,578,256.34	$12,735,982	$14,009,580
SABAH			
(*a*) Bilangan borang-borang ikrar yang diperiksa	156,300	180,000	207,000
(*b*) Bilangan teguran-teguran yang dibangkitkan	1,243	1,300	1,400
(*c*) Bilangan fail-fail kapal yang diperiksa	10,159	10,200	10,500
(*d*) Jumlah kekurangan pemungutan dipungut balik	$159,967	$160,000	$170,000
SARAWAK			
(*a*) Bilangan Borang-borang Ikrar yang diperiksa (termasuk borang M.C.T.)	205,299	225,000	250,000
(*b*) Bilangan teguran-teguran yang dibangkitkan	989	1,000	1,000
(*c*) Jumlah kekurangan pungutan balik..	$92,055.39	$100,000	$100,000

(iv) *Perkhidmatan Teknik dan Bantuan*

Aktiviti ini meliputi kerja-kerja (*a*) Cawangan Taksir, (*b*) Cawangan Perjenisan, (*c*) Perkembangan Perindustrian, (*d*) Ibu Pejabat Eksais dan (*e*) Ibu Pejabat Cukai Jualan.

(*a*) Cawangan Taksir

Dua cawangan yang bertugas secara berasingan, sungguhpun dengan satu tujuan, iaitu Cawangan Hal Ehwal Kain dan Cawangan Taksiran telah bercantum menjadi sebuah cawangan yang dinamakan Cawangan Hal Ehwal Kain dan Taksiran. Percantuman ini berlaku pada akhir tahun 1972. Akantetapi gerakan-gerakan secara bersama bermula dalam tahun 1973.

Cawangan ini bertanggungjawab kepada Jabatan bagi seluruh Malaysia berkaitan dengan tadbiran dan perlaksanaan dasar-dasar penilaian yang teratur dan sempurna bagi tujuan memungut hasil. Selain daripada pentadbiran dasar, Cawangan ini bertanggungjawab juga merancang dan mengadakan langkah-langkah pengawasan terhadap usaha-usaha curang mengelak cukai melalui pengakuan harga yang rendah, iaitu satu cara pengelakan yang halus dan sukar diketahui. Tanggungjawab ini meliputi semua punca hasil utama Jabatan, iaitu impot, ekspot dan eksais.

Secara am "Performance" Cawangan ini boleh dibahagi kepada tiga bidang kerja seperti berikut:

(*a*) Mengendali segala perkara kastam yang berkaitan dengan kain dan barang-barang pakaian yang berasaskan febrik;

(*b*) Mengendali hal-hal berkaitan dengan prinsip dan panduan taksiran harga bebas impos, ekspot dan eksais;

(*c*) Mengurus semua perkara mengenai Majlis Kerjasama Kastam (Customs Co-operation Council).

Bidang tanggungjawab seperti 3 (*a*) dan (*b*) atas meliputi pecahan-pecahan aktiviti perlaksanaan, perancangan dan bantuan teknikal berikut:

(i) Memeriksa secara mendalam harga barang-barang impot, ekspot dan eksais yang diragukan;

(ii) Menyiasat kegiatan syarikat-syarikat yang berdagang secara ejensi atau lain-lain bentuk perwakilan dengan tujuan menghasilkan taksiran harga yang layak diterima bagi tujuan kastam. Penyiasatan ini meliputi barang-barang yang diimpot dan eksais dan juga dagangan-dagangan utama ekspot;

(iii) Mengadakan rekod-rekod taksiran dan harga-harga bebas dalam bentuk doket-doket ejensi dan doket harga serta senarai-senarai bagi membantu seluruh stesyen dalam urusan taksiran dan juga sebagai langkah mengawasi dan mencegah percubaan mengelak hasil melalui pengakuan harga yang rendah;

(iv) Merancang langkah-langkah khas mengawasi keselamatan hasil dari segi taksiran atas barang-barang penting seperti dagangan ekspot utama dan barang yang mempunyai tarif tinggi bagi melindungi perusahaan tempatan;

(v) Mengusaha berbagai arahan dan nasihat mengenai prinsip-prinsip dan aturan-aturan taksiran;

(vi) Merancang dan melaksanakan langkah-langkah bagi menentukan segala arahan dan nasihat dipatuhi dengan betul di peringkat stesyen;

(vii) Menyemak rekod-rekod yang sedia ada dari masa ke masa;

(viii) Mengusahakan bantuan teknikal melalui ceramah-ceramah dan latihan;

(ix) Memberi penerangan kepada kalangan pedagang mengenai prinsip-prinsip taksiran.

Urusan-urusan mengenai Majlis Kerjasama Kastam pula meliputi:

(i) Kerja-kerja mengumpul dan mengkaji maklumat serta pendapat Urusetia Majlis dan pelbagai negara anggota mengenai hal-hal Kastam dan Kaitannya dengan tadbiran Jabatan;

(ii) Menghadiri mesyuarat dan perbincangan anjuran Majlis bersabit dengan taksiran.

Beban-kerja cawangan ini adalah seperti berikut:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
SEMENANJUNG MALAYSIA			
Bilangan lapuran harga kain berela yang telah diproses	2,310	2,500	2,500
Bilangan kad-kad contoh kain yang telah dikeluarkan	440	500	500
Bilangan doket harga kain yang telah dikeluarkan	748	800	800
Taksiran "Metalliferous Ores"	218 (1,638,988 tan)	200	200

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
SEMENANJUNG MALAYSIA—(*samb.*)			
Nilai Penyesuaian Taksiran Kayu-kayu	296	300	300
Balak	29	30	30
	(134,600 tan)		
Taksiran Ejensi	479	550	600
Doket-doket Harga	3,829	5,000	7,000
Pekeliling-pekeliling Harga	99	100	100
	(14,584 butiran)		
Taksiran kenderaan-kenderaan yang bereksais	233	250	250
Lain-lain	91	100	150
Lain-lain kenderaan (Impot)	269	275	300
SABAH			
Bilangan lapuran-lapuran harga diterima dari stesyen-stesyen—			
(*a*) Kain	590	600	650
(*b*) Lain-lain barang	1,641	1,700	1,700
Bilangan lapuran-lapuran dihantar ke Kuala Lumpur dan Singapura ..	612	650	700
Bilangan doket-doket harga, ejensi dan kad-kad contoh kain-kain difail ..	4,666	4,700	4,800
Bilangan penyiasatan-penyiasatan ejensi dijalankan	17	17	18
Bilangan pembatalan doket-doket harga, ejensi dan kad-kad contoh kain	2,289	2,300	2,350
Tambahan Hasil dipungut kerana—			
(*a*) Taksiran Semula	$395,964	$390,000	$380,000
(*b*) Kenaikan Ejensi	$2,829,205	$2,800,000	$2,700,000
SARAWAK			
Bilangan lapuran-lapuran harga diproses	1,146	1,250	1,375
Bilangan doket-doket harga, ejensi dan kad-kad contoh kain difail	4,681	5,100	5,600
Bilangan pindaan-pindaan dan pembatalan-pembatalan kepada doket-doket harga, ejensi dan juga kad-kad contoh kain	2,945	3,300	3,500
Jumlah hasil-hasil dipungut balik akibat dari penaksiran harga pasaran bebas ..	$1,200,917.88	$1,310,000	$1,450,000

(*b*) Cawangan Perjenisan

Semua perundangan-perundangan baharu dan pindaan-pindaan kepada Akta Kastam, Akta Eksais yang melibatkan cukai, larangan impot dan ekspot, pengecualian cukai dan sebagainya samada menyentuh Belanjawan Persekutuan atau perusahaan-perusahaan tempatan adalah disediakan oleh cawangan ini. Cawangan ini adalah juga bertanggungjawab memperjeniskan semua barang-barang yang diimpot, ekspot atau dibuat dalam negeri ini bagi maksud pungutan duti kastam dan eksais. Rujukan adalah dibuat kepada Jabatan Kimia, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Kaji Bumi dan lain-lainnya untuk mendapatkan nasihat dan panduan atas contoh-contoh yang dikemukakan untuk cerakinan.

Bebankerja cawangan ini yang kini sedang meningkat adalah dijangka bertambah lagi dengan ujudnya Akta Cukai Jualan. Berikut ditunjukkan beban-kerja tahun 1973 bersekali dengan anggaran bagi tahun 1974 dan jangkaan bagi tahun 1975.

	1973	1974	1975
SEMENANJUNG MALAYSIA			
(i) Bilangan perundangan-perundangan kastam dibuat	107	281	330
(ii) Bilangan permohonan-permohonan untuk fatwa diproses (bertulis) ..	3,775	4,300	4,800
(iii) Bilangan pertanyaan-pertanyaan dari pihak swasta dikendalikan mengenai perjenisan dan lain-lain hal (termasuk cara lisan dan temuduga)	12,000	14,000	17,000
(iv) Bilangan doket-doket perjenisan di-keluarkan	264	280	500
(v) Bilangan contoh-contoh dihantar ke Jabatan Kimia dan lain-lain Jabatan bagi maksud perjenisan	1,220	1,700	2,000

(*c*) Cawangan Perkembangan Perindustrian

Tugas cawangan ini melibat pemeriksaan permohonan-permohonan untuk taraf perintis, perlindungan tarif dan pengecualian cukai atas bahan-bahan mentah dan jentera untuk digunakan dalam perusahaan tempatan dan bertugas dengan rapatnya dengan badan-badan yang berikut:

(i) Jawatankuasa Penasihat Khas mengenai tarif.

(ii) Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

(iii) Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan.

(iv) Jawatankuasa Galakan Pelaburan Modal.

(v) Jawatankuasa Galakan Ekspot.

(vi) Gudang-gudang Berlesen.

Seorang Pegawai dari cawangan ini menghadiri mesyuarat-mesyuarat bagi pihak Jabatan untuk memberi nasihat berkenaan dengan peraturan dan kehendak-kehendak Kastam.

Bebankerja cawangan ini ditunjukkan seperti berikut:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
SEMENANJUNG MALAYSIA			
(i) Bilangan permohonan untuk taraf perintis, tidak perintis dan galakan lain diproses dan dipertimbangkan ..	440	490	550
(ii) Bilangan permohonan kecualian cukai ke atas mesin-mesin (G.N. 2171) di-proses	418	580	750
(iii) Bilangan firma-firma diluluskan pengecualian cukai di aras mesin-mesin (G.N. 2171)	302	450	600
(iv) Bilangan permohonan untuk penge-cualian cukai ke atas bahan-bahan mentah diproses	814	1,147	1,480

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
SEMENANJUNG MALAYSIA—(*samb.*)			
(v) Bilangan firma-firma diluluskan pengecualian cukai di atas bahan-bahan mentah diimpot	422	560	700
(vi) Bilangan permohonan untuk pengecualian sebahagian cukaitokok diproses	174	210	260
(vii) Bilangan firma diluluskan pengecualian sebahagian cukaitokok ..	127	150	180
(viii) Gudang-gudang berlesen	—	30	70

(*d*) Ibu Pejabat Eksais

Cawangan ini mengendalikan semua perkara-perkara dasar berhubung dengan melaksanakan Akta Eksais, 1961.

Cawangan ini diketuai oleh Penolong Kanan Pengarah Kastam, seorang Penguasa Kastam, tiga orang Pegawai Kerani dan seorang Jurutaip.

Cawangan ini memberi nasihat ke atas duti-duti Eksais yang baru yang akan diperkenalkan dan memberi arahan-arahan kepada Pegawai-pegawai Eksais di stesyen-stesyen.

Bebankerja cawangan ini ditunjukkan seperti berikut:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
SEMENANJUNG MALAYSIA			
(i) Bilangan barang-barang tertakluk kepada cukai Eksais	86	84	105
(ii) Bilangan kilang-kilang di bawah Kawalan Eksais	485	720	770
(iii) Hasil dipungut	$406,461,938	$445,206,632	$489,727,295
SABAH			
Bilangan barang-barang keluaran kilang berduti Eksais	6	7	9
Bilangan kilang-kilang di bawah kawalan Eksais	32	40	45
Hasil Eksais dipungut	$191,507	$210,600	$231,600

(*e*) Ibu Pejabat Cukai Jualan

Ibu Pejabat ini telah ditubuhkan pada awal tahun 1972 untuk melaksanakan Akta Cukai Jualan yang diperkenalkan pada bulan Februari 1972. Ianya bertanggungjawab atas semua perkara dasar yang menyentuh pelaksanaan Akta Cukai Jualan. Ketua Cawangan ini ialah Pengarah Kastam yang bertanggungjawab kepada Ketua Pengarah Kastam berkenaan kelicinan perjalanan di bahagian ini dan juga Cawangan Eksais bagi mempastikan semua Cukai Jualan dipungut dengan betul. Cawangan ini di bahagi kepada dua bahagian; iaitu Bahagian Pentadbiran yang di ketuai oleh Penolong Pengarah Kastam, satu Penguasa Kastam, dua Penolong Penguasa Kastam dan tiga Kerani; Bahagian Penyiasatan juga di ketuai oleh Penolong Pengarah Kastam, seorang Penguasa Kanan Kastam dan dua orang Kerani, seorang Juruterengkas bertugas untuk keseluruhan cawangan ini.

Di bawah ini ditunjukkan angka-angka yang menerangkan bebankerja cawangan ini:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
SEMENANJUNG MALAYSIA			
1. Bilangan syarikat yang berdaftar di bawah Akta Cukai Jualan	8,346	8,500	9,000
2. Bilangan permohonan yang diproses dan diluluskan untuk dikecualikan dari dilesen	19,179	20,000	21,000
3. Bilangan permohonan untuk C.J. No. 5 diproses dan diluluskan (pengecualian cukai jualan ke atas barangan untuk pengilangan	78,692	89,332	90,000
4. Bilangan permohonan untuk pulangan balik diproses	3,258	3,678	4,522
5. Bilangan permohonan tarik balik diproses	1,075	1,418	1,700
6. Pungutan Hasil Cukai Jualan..	$185,103,838.01	$221,760,931	$230,000,000
SABAH			
1. Bilangan Lesen Cukai Jualan dikeluarkan	424	465	515
2. Bilangan Sijil Pengecualian dikeluarkan	161	194	235
3. Bilangan permohonan untuk C.J. No. 5 diproses dan diluluskan (pengecualian cukai jualan ke atas barang-barang untuk pengilangan)	382	450	500
4. Bilangan permohonan untuk pulang balik diproses	174	180	190
5. Cukai Jualan dipungut	$22,188,636	$24,407,000	$26,847,000

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan—			
	Semenanjung Malaysia	16,344,162	17,053,530	18,997,000
	Sarawak	2,192,400	2,297,650	2,471,150
	Sabah	1,635,460	1,916,740	2,088,220
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang—			
	Semenanjung Malaysia	707,597	370,600	1,515,000
	Sarawak	707,957	797,420	878,000
	Sabah	333,222	356,500	453,110
1300	Tambahan Gaji Kakitangan—			
	Semenanjung Malaysia	367,545	483,550	348,000
	Sarawak	13,616	15,650	15,270
	Sabah	16,937	20,250	26,370
	Jumlah Gaji ..	22,318,896	23,311,890	26,792,120

		Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang—			
	Semenanjung Malaysia	779,846	573,000	866,000
	Sarawak	112,885	117,400	144,800
	Sabah	56,452	66,720	207,600
2200	Pengangkutan Barang-barang—			
	Semenanjung Malaysia	73,016	150,000	78,000
	Sarawak	11,733	24,500	14,100
	Sabah	8,726	11,800	11,800
2300	Kemudahan Perhubungan—			
	Semenanjung Malaysia	188,335	151,500	195,000
	Sarawak	30,453	31,680	33,180
	Sabah	14,910	16,800	17,800
2400	Api, Air dan Letrik dll.—			
	Semenanjung Malaysia	134,145	158,000	152,000
	Sarawak	28,108	31,300	31,300
	Sabah	32,578	38,050	39,250
2500	Sewa—			
	Semenanjung Malaysia	460,094	785,850	915,900
	Sarawak	450	630	6,290
	Sabah	770	1,420	1,420
2600	Perkhidmatan Pencetakan—			
	Semenanjung Malaysia	51,305	58,500	58,500
	Sarawak	6,992	7,000	7,000
	Sabah	2,839	3,150	4,000
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan—			
	Semenanjung Malaysia	994,122	846,000	1,721,000
	Sarawak	48,650	75,280	107,950
	Sabah	19,579	44,980	81,980
2800	Perkhidmatan Pelbagai—			
	Semenanjung Malaysia	274,906	550,000	540,000
	Sarawak	14,004	22,650	66,750
	Sabah	19,934	26,760	26,900
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan—			
	Semenanjung Malaysia	623,107	1,088,334	1,535,440
	Sarawak	61,012	349,590	155,940
	Sabah	78,760	47,040	97,230
3300	Pembinaan—			
	Semenanjung Malaysia	219,755	215,050	206,100
	Sarawak	—	—	—
	Sabah	—	43,300	9,750
	Jumlah ..	26,666,362	28,848,174	34,125,100

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974 $	Bilangan	Anggaran Tahun 1975 $
(i) Pentadbiran Am dan Bantuan—						
Semenanjung Malaysia	164	1,259,578	173	1,156,930	192	1,394,500
Sarawak	118	496,971	118	525,000	119	594,000
Sabah	5	113,590	5	54,810	10	129,000
(ii) Pungutan Hasil—						
Semenanjung Malaysia	2,709	12,297,557	3,248	13,326,200	3,194	14,642,000
Sarawak	290	2,149,296	292	2,286,100	303	2,356,000
Sabah	249	1,772,795	264	2,112,300	282	2,255,720
(iii) Pencegahan dan Pelaksanaan—						
Semenanjung Malaysia	1,673	3,380,189	1,756	2,937,650	1,793	4,278,000
Sarawak	68	220,368	102	248,000	110	362,000
Sabah	8	39,903	26	71,830	33	116,300
(iv) Perkhidmatan Teknik dan Bantuan—						
Semenanjung Malaysia	60	481,980	65	486,900	84	545,500
Sarawak	6	47,338	6	51,620	6	52,420
Sabah	6	59,331	6	54,550	8	66,680
Jumlah ..	5,356	22,318,896	6,061	23,311,890	6,134	26,792,120

3. Anggaran Pembangunan

	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Peruntukan Tahun 1974 $	Anggaran Tahun 1975 $
SEMENANJUNG MALAYSIA			
1. Pejabat-pejabat Kastam dan Rumah-rumah Kediaman	896,564	2,500,000	3,500,000
2. Kenderaan-kenderaan dan kelengkapan untuk mencegah penyeludupan ..	389,327	33,000	10
3. Maktab Latihan Kastam Diraja ..	148,116	310,000	150,000
4. Pengangkutan dan Perjalanan.. ..	49	10	10
5. Kawasan Larangan, Setor dan Bilik Kebal	—	43,000	10
6. Kompleks Kastam dan Jejambat Johor Bahru	4,706,364	4,000,000	3,838,556
7. Pembinaan jeti dan bengkel-bengkel ..	—	—	50,000
SARAWAK			
21. Pejabat-pejabat dan Rumah-rumah Kediaman	—	10	175,000
22. Kenderaan-kenderaan dan kelengkapan untuk mencegah penyeludupan ..	20,390	—	—
SABAH			
31. Pejabat-pejabat dan Rumah-rumah Kediaman	168,768	96,000	76,000
32. Kenderaan-kenderaan dan kelengkapan untuk mencegah penyeludupan ..	299,922	330,000	10
Jumlah ..	6,629,500	7,312,020	7,789,596

Kemajuan Kerja-kerja pembinaan

SEMENANJUNG MALAYSIA

1. *Pejabat-pejabat Kastam dan Rumah-rumah Kediaman*

Sejumlah $3,500,000 telah diuntukkan bagi projek-projek tersebut:

(i) Pembinaan 4 yunit kelas "E" dan 40 yunit kelas "G" di Jalan Pengkalan Cepa, Kota Bharu, Kelantan. Projek ini telah dimulakan pada tahun 1974 dengan kerja-kerja meratakan tanah. Kerja-kerja pembinaan akan dimulakan pada tahun 1975 dan dijangka dapat disiapkan pada akhir tahunnya.

(ii) Pembinaan 2 yunit rumah kelas F/G di Kuala Kedah. Projek ini dijangka dapat dijalankan pada awal tahun 1975 oleh kerana tanah untuk pembinaannya tersedia ada dan projek ini dijangka dapat disiapkan pada akhir tahun 1975.

(iii) Pembinaan Pejabat Kastam dan Gudang Kastam di Dungun. Projek ini telah dijalankan pada tahun 1973 dengan memulakan kerja-kerja penyelidikan tanah. Projek ini dijangka dapat dijalankan pada akhir tahun 1974 dan disiapkan pada pertengahan 1975.

(iv) Pembinaan Pejabat Kastam, Batu Pahat. Projek ini akan dijalankan pada akhir tahun 1974 dan dijangka dapat disiapkan pada akhir 1975.

(v) Pembinaan Pejabat Kastam Kota Bharu, Kelantan. Projek ini telah dimulakan pada tahun 1973 dengan kerja-kerja penyelidikan tanah. Kerja-kerja pembinaan dijangka dapat dijalankan pada suku tahun keempat 1974 dan akan diteruskan hingga tahun 1975 dan dijangka dapat disiapkan pada akhir tahun 1975.

(vi) Pembinaan Bangunan Tambahan Pejabat Kastam Ipoh dijangkakan bermula pada akhir tahun 1974 dan akan siap pada akhir tahun 1975.

(vii) Pembinaan rumah kastam 36 yunit kelas "E" dan 200 yunit kelas "G" di Pelabuhan Kelang. Projek ini dijangka dapat dijalankan pada pertengahan tahun 1975 dan siap pada akhir tahun 1977.

(viii) Pembinaan 18 yunit kelas "E" dan 50 yunit kelas "G" rumah kastam di Ipoh. Tanah sudah dibeli pada akhir tahun 1973. Kerja-kerja pembinaan dijangka dapat dijalankan pada akhir 1975 dan dijangka siap pada akhir tahun 1976.

(ix) Pembinaan 6 yunit rumah kastam kelas "G" di Penggerang. Kerja-kerja pembinaan telah dimulakan pada bulan Ogos, 1974 dan dijangka dapat disiapkan pada pertengahan tahun 1975.

(x) Pembinaan 4 yunit rumah kastam kelas "G" di Tanjong Surat. Kerja-kerja pembinaan akan dimulakan pada bulan September, 1974 dan dijangka siap pada suku tahun pertama, 1975.

(xi) Pembinaan 2 yunit rumah kastam kelas "G" di Pasir Gogok. Projek ini akan dijalankan pada awal tahun 1975 dan dijangka dapat disiapkan pada pertengahan tahun 1975.

(xii) Pembinaan 2 yunit kelas "E" dan 10 yunit kelas "G" rumah kastam di Rantau Panjang. Tanah sudah dibeli pada bulan Disember 1973. Pada tahun 1974 hanya dapat dimulakan dengan pembinaan rumah kelas "E" sahaja dan bagi rumah-rumah kelas "G" akan dibina pada tahun 1975 dan dijangka siap pada tahun itu juga.

(xiii) Pembinaan 2 yunit kelas "G" dan satu yunit kelas "H" rumah kastam di Langkawi. Projek ini akan dijalankan pada suku tahun pertama 1975 dan dijangka siap pada tahun itu juga.

(xiv) Pembayaran wang tahanan kontrek bagi pembinaan 40 yunit rumah kastam kelas "G", peringkat II di Butterworth yang akan siap pada akhir tahun 1974.

(xv) Pembinaan 6 yunit rumah kediaman kastam kelas "G" di Lumut. Tanah telah dibeli pada tahun 1971. Kerja-kerja pembinaan telah dimulakan pada awal tahun 1974 dengan kerja-kerja meratakan tanah. Pembinaannya akan dimulakan pada suku tahun ketiga, 1974 dan dijangka dapat disiapkan pada pertengahan tahun 1975.

(xvi) Membina "Retaining Wall" di Bangunan Pencegah Kastam dan Eksais Diraja, Pulau Pinang. Projek ini akan dijalankan pada tahun 1975 dan akan siap pada akhir tahunnya.

(xvii) Pembinaan 1 yunit rumah kastam kelas "E", 8 yunit kelas "G" dan setor di Kuala Perlis. Tanah telah dibeli pada tahun 1972 dan kerja-kerja merata tanah telah dijalankan pada pertengahan tahun 1973. Tender telah dipanggil dan akan tutup pada 27hb Ogos, 1974. Kerja-kerja pembinaan dijangka dapat dimulakan pada akhir tahun 1974 dan juga dijangka siap pada tahun 1975.

(xviii) Pembinaan 4 yunit rumah kastam kelas "E" dan 24 yunit kelas "G" di Kuala Trengganu. Kerja-kerja pembinaan akan dimulakan pada akhir tahun 1974 dengan pembinaan rumah kelas "E" dahulu dan kelas "G" akan dijalankan pada tahun 1975 dan dijangka siap pada tahun itu.

(xix) Pembinaan 2 blok rumah kastam kelas "H" di Jalan Bukit Meldrum, Johor Bahru. Kerja-kerja pembinaan telah dimulakan pada bulan Mac 1974 dan dijangka dapat disiapkan sebanyak 99% pada tahun tersebut dan siap pada awal tahun 1975.

(xx) Pembinaan Bilik Kebal, tempat menyimpan kereta-kereta rampasan dan Setor di Butterworth. Tender telahpun diterima pada bulan Disember 1973. Kerja-kerja pembinaan telah dimulakan pada bulan Mac, 1974 dan dijangka dapat disiapkan sebanyak 70% dalam tahun tersebut dan dijangka siap pada tahun 1975.

3. *Maktab Latihan Kastam Diraja*

Sejumlah $150,000 adalah diperlukan bagi pembinaan asrama pegawai-pegawai Kanan Maktab yang telahpun dimulakan kerja-kerja pembinaannya pada tahun 1974 dan jangka dapat disiapkan sebanyak 30% dalam tahun tersebut. Projek ini akan disiapkan pada tahun 1975.

6. *Kompleks Kastam dan Jejambat, Johor Bahru*

Pada asalnya projek ini telah diluluskan sebanyak $12 juta tetapi setelah kajian dibuat harga projek tersebut telah dinaikkan ke $20,444,041. Daripada peruntukan ini Kerajaan Singapura akan membayar balik sebanyak $509,919 atas projek pelebaran tambak. Projek ini telah dimulakan pada tahun 1972 dengan membuat perbelanjaan sebanyak $537,005 dan tahun 1973 sebanyak $5,405,260. Dalam tahun 1974 pula dijangka akan membelanjakan sebanyak $8 juta dan wang sejumlah $3,838,556 adalah diperlukan dalam tahun 1975 untuk meneruskan kerja-kerja pembinaannya.

7. *Pembinaan jeti dan bengkel-bengkel*

Wang sebanyak $50,000 ini adalah diperlukan bagi membina sebuah jeti untuk bot-bot di Melaka sebagai menggantikan jeti yang ada sekarang. Kerja-kerja pembinaannya dijangka akan bermula pada awal tahun 1975 dan siap pada pertengahan tahunnya.

SARAWAK

21. *Pejabat-pejabat dan Rumah-rumah Kediaman*

Jumlah sebanyak $175,000 adalah diuntukkan bagi membina sebuah pejabat besertakan dengan kelengkapan-kelengkapannya dan juga untuk membeli sebuah rumah bagi Penolong Kanan Pengarah Kastam, Tingkatan Tertinggi "G" di Sarawak.

SABAH

31. *Pejabat-pejabat dan Rumah-rumah Kediaman*

Jumlah sebanyak $76,000 adalah diperlukan bagi menjalankan kerja-kerja pembinaan Pejabat Kastam beserta rumah di Kuala Penyu dan Sindumin yang akan dijalankan pada akhir tahun 1974 dan dijangka hanya sebanyak 20% dapat disiapkan pada tahun tersebut.

4. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Belanja Mengurus—			
Semenanjung Malaysia	21,217,935	22,483,914	27,127,940
Sarawak	3,228,260	3,770,750	3,931,730
Sabah	2,220,167	2,593,510	3,065,430
Belanja Pembangunan—			
Semenanjung Malaysia	6,140,420	6,886,010	7,538,586
Sarawak	20,390	10	175,000
Sabah	468,690	426,000	76,010
Jumlah Besar ..	33,295,862	36,160,194	41,914,696

JABATAN HASIL DALAM NEGERI

Kepala Bekalan 30 ...	...	**$18,288,000**
Jumlah ...		**$18,288,000**

BELANJA MENGURUS

Peruntukan 1975		
(Semenanjung Malaysia)	...	**$14,728,354**
(Sarawak)		**1,571,344**
(Sabah)		**1,988,302**
Peruntukan 1974		
(Semenanjung Malaysia)	...	**13,829,010**
(Sarawak)		**1,535,300**
(Sabah)		**1,756,690**
Perubahan ...	+	**$ 1,167,000**

1. Tujuan-tujuan

Tujuan utama Jabatan ini adalah diarah kepada usaha mendapatkan hasil negeri dengan menaksir dan memungut cukai-cukai persekutuan yang terkandung di dalam Akta-akta dan Ordinan-ordinan berikut:

(*a*) Akta Cukai Pendapatan dan Akta Cukai Pendapatan Tambahan yang meliputi Cukai Pembangunan, Cukai Keuntungan Bijeh Timah dan Cukai Keuntungan Kayu Balak;

(*b*) Akta Cukai Pendapatan Petrolium 1967;

(*c*) Akta Galakan Pelaburan 1968;

(*d*) Cukai Daftar Gaji (telah dimansuhkan);

(*e*) Akta Cukai Sewa Filem Tayangan 1965; dan

(*f*) Enakman Duti Harta Pesaka.

Akta Cukai Spekulasi Tanah, 1974 baru diluluskan oleh Kerajaan yang mana Jabatan ini akan menguatkuasakan mulai tahun ini.

Tambahan kepada di atas, Jabatan ini adalah membantu Akauntan Negara dalam mentadbirkan Ordinan Duti Setem dan pemungutan duti tersebut di pejabat-pejabat cawangan Jabatan ini di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Selain dari itu Jabatan ini di Sarawak adalah membantu Kerajaan Negeri mentadbir pendaftaran perniagaan bagi Kuching sahaja.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran Am—			
Semenanjung Malaysia	867,612	884,255	1,454,174
Sarawak	227,690	246,525	260,260
Sabah	90,139	185,950	184,444
(ii) Penaksiran Cukai—			
Semenanjung Malaysia	7,862,694	8,384,619	9,012,990
Sarawak	727,743	957,800	948,840
Sabah	715,855	848,050	1,030,097
(iii) Pungutan Cukai-cukai—			
Semenanjung Malaysia	2,096,300	2,631,551	2,289,815
Sarawak	188,645	221,513	234,060
Sabah	321,562	431,300	505,131
(iv) Penyiasatan—			
Semenanjung Malaysia	480,013	1,606,695	1,626,125
Sarawak	71,062	74,950	86,700
Sabah	53,375	170,758	129,392
(v) Penaksiran dan Pungutan Duti Harta Pesaka—			
Semenanjung Malaysia	295,068	321,890	345,250
Sarawak	18,000	25,900	32,530
Sabah	35,135	61,109	55,268
(vi) Pemeriksaan dan Pendaftaran Perniagaan—			
Sarawak	7,510	8,612	8,954
(vii) Perangkaan dan Rekod—			
Sabah	52,912	59,523	83,970
Jumlah ..	14,111,315	17,121,000	18,288,000

Prestasi

(i) *Pentadbiran Am*

Bahagian Pentadbiran Am adalah sebenarnya Ibu Pejabat Jabatan ini yang bertanggungjawab bagi:

(*a*) membentuk dasar;

(*b*) mengawal dan menyelia pentadbiran am;

(*c*) menyelaras pentadbiran cukai langsung;

(*d*) menyelaras aktiviti-aktiviti semua bahagian; dan

(*e*) melatih kakitangan teknikal.

Berhubung dengan (*e*) kursus-kursus berikut adalah diselenggarakan:

Jenis	Tempoh Masa
1. Kursus Asas	4 bulan
2. Kursus Jabatan Kedua	5 bulan
3. Kursus Permulaan	13 bulan
4. Kursus Pertengahan	8 bulan
5. Kursus Lanjutan	16 bulan

(ii) *Penaksiran Cukai*

Beban-kerja aktiviti ini bagi tahun-tahun 1973, 1974 dan 1975 adalah seperti berikut:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
SEMENANJUNG MALAYSIA—			
Kes-kes Syarikat	12,778	15,200	18,800
Akaun dan lain-lain kes	205,783	225,400	248,100
	218,561	240,600	266,900
Kes-kes gaji	230,972	247,800	275,100
Jumlah ..	449,533	488,400	542,000
SARAWAK—			
Kes-kes Syarikat	710	800	850
Akaun dan lain-lain kes	15,357	17,800	20,200
	16,067	18,600	21,050
Kes-kes gaji	29,272	33,000	36,000
Jumlah ..	45,339	51,600	57,050
SABAH—			
Kes-kes Syarikat	757	800	850
Akaun dan lain-lain kes	15,170	18,000	20,000
	15,927	18,800	20,850
Kes-kes gaji	51,295	60,000	70,000
Jumlah ..	67,222	78,800	90,850

(iii) *Pungutan Cukai-cukai*

Beban-kerja bagi tahun-tahun 1973, 1974 dan 1975 adalah seperti berikut:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
SEMENANJUNG MALAYSIA—			
Akaun diselenggara	354,194	390,000	430,000
Notis Penaksiran diproses	423,292	460,000	500,000
Resit dikeluar	469,376	500,000	532,000
Tindakan guaman sibil	3,417	3,800	4,200

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
SARAWAK—			
Akaun diselenggara	60,437	70,000	75,000
Notis Penaksiran diproses	39,778	45,000	50,000
Resit dikeluar	42,117	50,000	60,000
Tindakan guaman sibil	509	600	800
SABAH—			
Akaun diselenggara	56,230	65,000	75,000
Notis Penaksiran diproses	46,983	52,500	58,000
Resit dikeluar	40,813	44,000	48,000
Tindakan guaman sibil	563	600	700

Hasil yang dipungut dan dijangka dapat dipungut dari tahun 1973 hingga tahun 1975 adalah seperti berikut:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Semenanjung Malaysia	734,958,316	810,000,000	904,000,000
Sarawak	37,270,736	48,000,000	37,550,000
Sabah	71,750,710	75,000,000	70,600,000
Jumlah ..	843,979,762	933,000,000	1,012,150,000

Bilangan dokumen yang disetem dan cukai yang dipungut adalah seperti berikut:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Dokumen disetem—			
Semenanjung Malaysia	1,174,888	2,000,000	2,300,000
Sabah	87,610	95,000	1,000,000
Jumlah ..	1,262,498	2,095,000	3,300,000

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Cukai dipungut—			
Semenanjung Malaysia	35,440,076	35,000,000	40,000,000
Sabah	3,292,164	3,000,000	3,000,000
Jumlah ..	38,732,240	38,000,000	43,000,000

(iv) *Penyiasatan*

Aktiviti ini menyelenggarakan kes-kes yang berkehendakkan pemeriksaan akaun yang lebih rapi, kes-kes yang ada butir-butir disyaki atau dengan perkembangan harta yang tidak dapat diterangkan dan surat-surat dari pemberitahu. Kebanyakan kes-kes ini memerlukan pemeriksaan teliti buku-buku akaun dan pemeriksaan tempat-tempat perniagaan yang mana dijalankan oleh pegawai-pegawai pemeriksaan penuh dan akauntan-akauntan.

Pelaksanaan bagi tahun-tahun 1973 hingga 1975 adalah dijangka seperti berikut:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
SEMENANJUNG MALAYSIA—			
Kes diselesai	277	290	300
Cukai dan denda diperolehi	18,402,034	20,000,000	23,000,000
SABAH—			
Kes diselesai	41	50	60
Cukai dan denda diperolehi	1,402,316	1,500,000	2,000,000

(v) *Penaksiran dan Pungutan Duti Harta Pesaka*

Aktiviti ini bertanggungjawab bagi penaksiran dan pungutan duti harta pesaka yang dikenakan di atas harta-harta, kedua-dua harta tidak takaleh dan harta takaleh yang dipunyai oleh seorang gemolah yang mana di atas kematiannya affidavit duti harta pesaka dan penyata akaun difailkan.

Beban-kerja bagi tahun 1973 hingga tahun 1975 adalah seperti berikut:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
SEMENANJUNG MALAYSIA—			
Kes bercukai	1,298	1,315	1,336
Kes tidak bercukai	2,883	3,010	3,115
SABAH—			
Kes bercukai	48	40	45
Kes tidak bercukai	40	45	45

Hasil dipungut adalah seperti berikut:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Semenanjung Malaysia	27,398,860	10,800,000	13,000,000
Sarawak	—	400,000	400,000
Sabah	1,140,447	800,000	400,000
Jumlah ..	28,539,307	12,000,000	13,800,000

Sarawak belum lagi mengambil alih pentadbiran duti ini.

(vi) *Pemeriksaan dan Pendaftaran Perniagaan*

Pejabat Sarawak menyelenggarakan pendaftaran perniagaan di Kuching sahaja. Data perniagaan yang didaftar dan jumlah pungutan yang berikut adalah menunjukkan beban-kerja di Sarawak:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Perniagaan didaftar	522	550	600
Bayaran dipungut	$26,898	$27,550	$52,000

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan—			
	Semenanjung Malaysia	9,055,954	11,179,900	11,217,714
	Sarawak	868,473	1,076,893	1,097,227
	Sabah	805,023	1,206,820	1,283,175
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang—			
	Semenanjung Malaysia	360,589	224,100	617,000
	Sarawak	189,588	236,282	236,339
	Sabah	216,809	252,607	322,605
1300	Tambahan Gaji Kakitangan—			
	Semenanjung Malaysia	222,826	340,100	166,000
	Sarawak	8,174	7,650	10,768
	Sabah	20,141	31,133	30,477
	Jumlah Gaji ..	11,747,577	14,555,485	14,981,305
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang—			
	Semenanjung Malaysia	314,623	283,000	338,500
	Sarawak	35,088	41,200	46,000
	Sabah	43,690	73,000	75,000
2200	Pengangkutan Barang-barang—			
	Semenanjung Malaysia	32,487	22,500	28,000
	Sarawak	1,523	5,050	5,050
	Sabah	4,462	6,500	7,000
2300	Kemudahan Perhubungan—			
	Semenanjung Malaysia	179,073	197,000	210,000
	Sarawak	11,403	13,950	14,450
	Sabah	17,297	24,700	24,700
2400	Api, Air dan Letrik dll.—			
	Semenanjung Malaysia	145,869	106,000	142,000
	Sarawak	18,738	16,700	17,000
	Sabah	25,292	10,480	12,500
2500	Sewa—			
	Semenanjung Malaysia	486,851	524,120	881,400
	Sarawak	52,800	52,100	52,860
	Sabah	38,685	31,500	31,500
2600	Perkhidmatan Pencetakan—			
	Semenanjung Malaysia	256,370	421,000	550,000
	Sarawak	27,771	29,000	30,000
	Sabah	55,779	63,000	84,600
	Bawa kehadapan ..	13,495,378	16,476,285	17,531,865

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
	Dari sebelah ..	13,495,378	16,476,285	17,531,865
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan—			
	Semenanjung Malaysia	137,174	128,500	141,150
	Sarawak	10,553	18,900	22,700
	Sabah	16,645	20,000	25,000
2800	Perkhidmatan Pelbagai—			
	Semenanjung Malaysia	223,049	187,500	208,640
	Sarawak	5,910	7,200	14,800
	Sabah	—	1,200	4,000
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan—			
	Semenanjung Malaysia	111,735	192,290	197,950
	Sarawak	10,630	30,375	24,150
	Sabah	25,154	29,950	87,745
3300	Pembinaan—			
	Semenanjung Malaysia	75,087	23,000	30,000
	Sarawak	—	—	—
	Sabah	—	5,800	—
	Jumlah ..	14,111,315	17,121,000	18,288,000

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974	Bilangan	Anggaran Tahun 1975
		$		$		$
(i) Pentadbiran Am—						
Semenanjung Malaysia	81	704,942	89	695,000	97	972,714
Sarawak	41	190,000	42	190,000	12	212,360
Sabah	9	59,367	11	132,000	12	143,134
(ii) Penaksiran Cukai—						
Semenanjung Malaysia	1,364	6,455,310	1,365	6,963,000	1,491	7,328,000
Sarawak	88	635,006	103	850,800	138	824,370
Sabah	100	586,691	112	700,000	117	868,632
(iii) Pungutan Cukai-cukai—						
Semenanjung Malaysia	572	1,774,964	572	2,241,200	629	1,845,000
Sarawak	34	153,000	45	189,813	43	198,900
Sabah	54	267,248	54	385,000	60	383,811
(iv) Penyiasatan—						
Semenanjung Malaysia	273	418,172	273	1,537,400	289	1,525,000
Sarawak	5	66,000	7	66,700	7	78,580
Sabah	6	46,497	8	165,858	8	124,692
(v) Penaksiran dan Pungutan Duti Harta Pesaka—						
Semenanjung Malaysia	38	285,980	38	307,500	42	330,000
Sarawak	3	18,000	3	19,000	3	25,420
Sabah	4	32,620	4	56,189	5	48,988
Bawa kehadapan ..	2,672	11,693,797	2,726	14,499,460	2,953	14,909,601

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974 $	Bilangan	Anggaran Tahun 1975 $
Dari sebelah ..	2,672	11,693,797	2,726	14,499,460	2,953	14,909,601
(vi) Pemeriksaan dan Pendaftaran Perniagaan—						
Sarawak	1	4,230	1	4,512	1	4,704
(vii) Perangkaan dan Rekod—						
Sabah	10	49,550	10	51,513	13	67,000
	2,683	11,747,577	2,737	14,555,485	2,967	14,981,305

3. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Peruntukan Tahun 1974 $	Anggaran Tahun 1975 $
Belanja Mengurus—			
Semenanjung Malaysia	11,601,687	13,829,010	14,728,354
Sarawak	1,240,651	1,535,300	1,571,344
Sabah	1,268,977	1,756,690	1,988,302
Jumlah ..	14,111,315	17,121,000	18,288,000

KEMENTERIAN PENYELARASAN PERBADANAN AWAM

Kepala Bekalan 31	... ...	**$ 93,321,500**
Kepala Pembangunan 31	...	**220,657,193**
Jumlah	...	**$313,978,693**

	Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975 ...	**$93,321,500**	**$220,657,193**	**$313,978,693**
Peruntukan 1974 ...	**2,200,000**	**232,495,502**	**234,695,502**
Perubahan ...	**+ $91,121,500**	**− $ 11,838,309**	**+ $ 79,283,191**

1. Tujuan-tujuan

Tujuan Kementerian ini ialah untuk menyelaras Perbadanan-perbadanan Awam yang tersebut di bawah iaitu: PERNAS, MARA, UDA, Bank Pembangunan, Bank Simpanan Nasional, LPN, MIDF Berhad dan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri.

Bagi mencapai tujuan di atas Kementerian ini menjalankan tugas seperti berikut:

(*a*) Mengesan dan menyelaras Perbadanan-perbadanan Awam yang tersebut di atas mengenai dasar, program dan projek dengan tujuan menentukan supaya matlamat Dasar Ekonomi Baru dicapai;

(*b*) Memberi panduan kepada Perbadanan-perbadanan Awam yang tersebut di atas;

(*c*) Menilai kesan kegiatan-kegiatan mereka di dalam melaksanakan tujuan Dasar Ekonomi Baru;

(*d*) Menentu dan menyelesai masaalah-masaalah yang terdapat dalam perjalanan Perbadanan-perbadanan Awam yang tersebut di atas serta masaalah-masaalah yang terdapat dalam hubungan di antara Perbadanan-perbadanan itu;

(*e*) Menggalakkan kerjasama di kalangan Perbadanan-perbadanan Awam yang tersebut di atas, dan di antara Perbadanan-perbadanan itu dengan ajensi-ajensi Kerajaan yang lain;

(*f*) Menganalisa dasar berhubung dengan Perbadanan-perbadanan itu dan mengubahkan dasar-dasar bila perlu;

(*g*) Mengadakan satu "Information System" bagi menilai prestasi Perbadanan-perbadanan Awam yang berkenaan; dan

(*h*) Menggalakkan perkembangan Perbadanan-perbadanan Awam yang tersebut di atas sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$
(i) Pentadbiran Am	—	429,600
(ii) Penyelarasan	—	366,500
(iii) Lembaga Padi dan Beras Negara	2,200,000	4,525,400
(iv) Subsidi Beras	—	88,000,000
Jumlah ..	2,200,000	93,321,500

Prestasi

(i) *Pentadbiran Am*

Bahagian ini adalah bertanggungjawab bagi pentadbiran hari-hari, kakitangan dan kewangan yang berkaitan dengan urusan Kementerian ini.

(ii) *Penyelarasan*

Kegiatan ini meliputi pengesanan dan penyelarasan Perbadanan-perbadanan Awam yang berkenaan mengikut aspek-aspek berikut:

(1) Kegiatan Perdagangan;

(2) Kegiatan Perusahaan;

(3) Kegiatan Pertanian;

(4) Gunatenaga;

(5) Latihan;

(6) Kewangan;

(7) Belanjawan;

(8) Kemudahan-kemudahan/Perkhidmatan.

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$
1100	Gaji dan Upahan	—	595,000
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	—	42,900
1300	Tambahan Gaji Kakitangan	—	8,200
	Jumlah Gaji ..	—	646,100
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang ..	—	78,000
2200	Pengangkutan Barang-barang	—	3,000
2300	Kemudahan Perhubungan	—	15,000
2400	Api, Air dan Letrik dll.	—	4,800
2600	Perkhidmatan Pencetakan..	—	11,000
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan ..	—	18,000
2800	Perkhidmatan Pelbagai	—	8,800
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan ..	—	6,400
4100	Pemberian, Subsidi dan Carum-carum ..	2,200,000	92,525,400
5500	Pelbagai	—	5,000
	Jumlah ..	2,200,000	93,321,500

Ringkasan Perjawatan

		Bilangan	Peruntukan Tahun 1974	Bilangan	Anggaran Tahun 1975
			$		$
(i)	Pentadbiran Am	—	—	33	331,200
(ii)	Penyelarasan	—	—	24	314,900
	Jumlah ..	—	—	57	646,100

3. Anggaran Pembangunan

	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$
SEMENANJUNG MALAYSIA		
1. Bank Bumiputra*	5,000,000	—
2. Pinjaman kepada Perbadanan Kemajuan Negeri*	30,000,000	36,853,000
3. Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS)* ..	25,000,000	25,000,000
4. Bank Pembangunan Malaysia*	15,000,000	—
5. Perbadanan Pembangunan Bandar† ..	50,000,000	49,700,000
6. Kilang-kilang, Gudang-gudang dan Perkakas bagi Simpanan Beras Kerajaan†	—	—
7. Lembaga Padi dan Beras Negara†	16,000,000	20,000,000
8. Majlis Amanah Rakyat‡—		
(i) Belanja Mengurus	28,720,000	36,200,000
(ii) Pelajaran dan Latihan	7,083,502	11,655,000
(iii) Perdagangan dan Perusahaan ..	34,000,000	21,405,500
(iv) Perkhidmatan Pengangkutan	3,000,000	1,266,000
(v) Pinjaman	6,000,000	7,856,693
SARAWAK		
9. Pinjaman kepada Perbadanan Kemajuan Negeri*	6,192,000	4,000,000
SABAH		
10. Pinjaman kepada Perbadanan Kemajuan Negeri*	6,500,000	6,721,000
Jumlah ..	232,495,502	220,657,193

4. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$
Belanja Mengurus	2,200,000	93,321,500
Belanja Pembangunan—		
(*a*) Semenanjung Malaysia	219,803,502	209,936,193
(*b*) Sarawak	6,192,000	4,000,000
(*c*) Sabah	6,500,000	6,721,000
Jumlah Besar ..	234,695,502	313,978,693

Nota:
* Dahulu ditunjukkan di bawah Kepala P. 23—Perbendaharaan.
† Dahulu ditunjukkan di bawah Kepala P. 7—Perdana Menteri.
‡ Dahulu ditunjukkan di bawah Kepala P. 50—Kementerian Pembangunan Ekonomi Desa.

Kepala Bekalan 31	**$ 5,202,800**	
[Pecahan-kepala 4100 (3)]		
Kepala Pembangunan 31 (7) ...	**33,440,400**	
Jumlah ...	**$38,643,200**	

		Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975	...	**$5,202,800**	**$33,440,400**	**$38,643,200**
Peruntukan 1974	...	**2,745,300**	**16,000,000**	**18,745,300**
Perubahan	...	**+ $2,457,500**	**+ $17,440,400**	**+ $19,897,900**

1. Tujuan-tujuan

Lembaga Padi dan Beras Negara telah ditubuhkan pada 20hb September, 1971 sebagai Badan Berkanun di bawah Akta Lembaga Padi dan Beras Negara Bil. 47 tahun 1971, dengan mempunyai matalamat seperti berikut:

(*a*) Mempastikan harga padi yang berpatutan dan stabil bagi petani-petani;

(*b*) Mempastikan harga beras yang berpatutan dan stabil bagi pengguna-pengguna;

(*c*) Mempastikan bekalan beras yang cukup bagi mengatasi segala kecemasan; dan

(*d*) Membuat syor-syor kepada Kerajaan mengenai dasar-dasar yang bermaksud untuk menggalakkan kemajuan perusahaan padi dan beras, dan jika diluluskan oleh Kerajaan untuk menyelaras dan membantu pada melaksanakannya.

Untuk mencapai tujuan-tujuan ini, Lembaga adalah dibahagikan mengikut fungsi-fungsinya kepada aktiviti-aktiviti yang berikut:

(i) Pentadbiran Am;

(ii) Penguatkuasaan; dan

(iii) Kawalan Harga.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran Am	2,814,000	1,591,700	3,153,000
(ii) Penguatkuasaan	—	608,300	1,265,400
(iii) Kawalan Harga	—	545,300	784,400
Jumlah ..	2,814,000	2,745,300	5,202,800

(i) *Pentadbiran Am*

Bahagian ini adalah bertanggungjawab pada keseluruhan atas pengurusan, kawalan, ko-ordinasi dan implementasi dasar-dasar untuk mencapai objektif-objektif Lembaga. Ia menyelaraskan aktiviti-aktiviti dan operasi bagi 3 bahagian yang terbesar iaitu Penguatkuasaan, Pemasaran dan Kawalan Harga, di Ibupejabat dan Cawangan-cawangan. Satu daripada perubahan-perubahan yang terbesar akan dibuat dalam tahun 1975 ialah berkenaan dengan penyusunan semula operasi Lembaga di peringkat-peringkat negeri.

Di bawah penyusunan semula yang baharu itu, perubahan yang akan dibuat ialah mengenai pengujudan dalam tiap-tiap negeri satu Cawangan mengikut pentadbiran yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri pada masa ini. Dengan perubahan ini akan melibatkan 2 Cawangan yang berasingan dalam satu negeri dicantumkan menjadi satu Cawangan. Dengan perubahan ini dalam tahun 1975, satu pejabat negeri akan diketuai oleh seorang pegawai berperingkat Pegawai Lembaga Negeri yang setaraf dengan Penolong Pengarah di Ibupejabat.

Dengan adanya penyusunan semula ini, adalah diharap dan dijangka pegawai-pegawai di peringkat negeri bolehlah menggunakan kuasa dan memberi perkhidmatan yang lebih efektif dan kawalan-kawalan ke atas pegawai-pegawai negeri lebih teratur. Juga ko-ordinasi dan penyelarasan dengan pegawai-pegawai Kerajaan Negeri akan dapat dibuat dengan lebih sempurna dan licin. Ini adalah perlu untuk mengatasi perkara-perkara dan masaalah yang berkaitan dengan bekalan padi dan beras dan juga untuk mencapai tujuan-tujuan yang sempurna berhubung dengan sistem pembahagian dan pembekalan beras.

Tanggungjawab dan aktiviti yang ditugaskan kepada bahagian ini ialah:

(*a*) *Pentadbiran*—termasuk juga bahagian urusetia kakitangan, Pentadbiran pejabat, pengambilan dan rancangan latihan kakitangan, penyelarasan dengan swasta dan pejabat-pejabat Kerajaan dan Badan-badan Swasta. Mengendalikan dan menjaga keselamatan rekod-rekod, bertanggungjawab berkenaan dengan tatatertib pejabat, pegawai-pegawai dan kebajikan kakitangan;

(*b*) *Kewangan*—satu fungsi yang teristimewa, adalah bertanggungjawab ke atas semua hal kewangan termasuk jua kawalan belanjawan dan nilai harga;

(*c*) *Odit Dalam*—untuk mempastikan supaya kawalan dalam yang dikenakan ke atas sistem peraturan dan perkiraan yang betul dalam hal kewangan dan perakaunan;

(*d*) *Urusan harta-benda*—bertanggungjawab menyelaraskan pentadbiran serta keselamatan ke atas semua kilang-kilang, pengering, gudang-gudang dan lain-lain alatan;

(*e*) *Melaksanakan projek-projek pembangunan*—implementasi bagi projek-projek pembangunan yang telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kedua adalah termasuk pembinaan kesemua kilang-kilang padi dan gudang-gudang; dan

(*f*) *Penyelidikan*—aktiviti ini adalah di bawah Bahagiannya sendiri, tetapi aktiviti-aktivitinya terhad disebabkan kekurangan pegawai-pegawai. Aktiviti-aktivitinya adalah seperti pungutan, susunan, memproses dan menyusun lapuran perangkaan, ekonomi dan lain-lain data yang berhubungan untuk keperluan penyediaan rancangan-rancangan dan aktiviti-aktiviti masa depan Lembaga. Bahagian ini menentukan gred dan menyiasat harga-harga dan lain perbelanjaan yang ada hubungan dengan pengeluaran padi dan beras dalam pasaran. Ia menilai semula segi ekonomi dan pembayaran sosial bagi projek-projek yang dikendalikan oleh LPN.

(ii) *Penguatkuasaan*

Aktiviti-aktiviti dan tanggungjawabnya adalah melibatkan penguatkuasaan dan kepastian keadilan dalam mengendalikan urusan-urusan padi dan beras dengan:

(*a*) Melesenkan pembeli-pembeli padi/peruncit-peruncit, pemborong-pemborong dan pengimpot-pengimpot;

(*b*) Mengada dan menguatkuasakan aturan pemindahan padi dan beras antara negeri;

(*c*) Mengada dan menguatkuasakan aturan pemindahan padi dan beras di antara daerah seperti dikenakan ke atas Tanjong Karang/Sabak Bernam;

(*d*) Kegiatan bagi mencegah aktiviti penyeludupan beras/padi berkaitan dengan (i), (ii) dan (iii); dan

(*e*) Mengada dan menguatkuasakan aturan atas pembeli-pembeli beras, pemborong-pemborong, pengilang-pengilang dengan memeriksa premis-premis dari masa ke semasa.

Dua tugas baharu yang akan dilaksanakan dalam tahun 1975 adalah:

(*a*) Pengeluaran lesen-lesen kepada pengilang-pengilang padi yang diambil-alih dari Kerajaan Negeri; dan

(*b*) Pengeluaran permit-permit bagi mengimpot bahan-bahan gantian dll. bagi alat-alat jentera untuk kilang-kilang yang telah diserahkan oleh Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar pada awal tahun 1974.

Pemasaran

Sebahagian besar aktiviti ini adalah berkaitan dengan simpanan beras dan aktiviti sokongan harga (Price support).

Simpanan Beras (Stokpile)

Seksi ini bertanggungjawab untuk mempasti bahawa bekalan *beras* cukup dan dapat diadakan untuk menghadapi kecemasan seperti banjir, kerosakan tanaman dan lain-lain malapetaka yang mungkin dihadapi oleh negara ini. Untuk mencapai matalamat ini, Lembaga terlibat dan menjadi pengimpot beras yang ulung (utama) untuk mengatasi kekurangan bekalan-bekalan beras tempatan. Baharu-baharu ini, seksi ini telah ditugaskan untuk mempastikan bekalan beras yang cukup dikeluarkan kepada saluran-saluran pemasaran yang baharu sahaja ditubuhkan seperti SEDC, PERNAS, MARA dll. Perlu disebutkan bahawa simpanan beras adalah jua bertujuan sebagai ejen menstabilkan harga beras dari segi pemasaran padi/beras.

Rancangan Bantuan Harga

Fungsi yang di bawah Harga Minima Terjamin ini memerlukan pembelian *padi* di dalam kedua-dua pasaran padi dan beras. Satu aspek yang penting yang berasingan daripada fungsi-fungsi perdagangan yang biasa ialah tanggungjawabnya dari aspek undang-undang, ekonomi dan bantuan sosial terhadap petani-petani. Ini bermakna hasil petani, oleh kerana sebab-sebab yang tidak dapat ditentukan, telah tidak dibeli oleh pengilang swasta maka Lembaga diwajibkan membeli hasil petani itu di bawah Rancangan Bantuan Harga.

(iii) *Kawalan Harga*

Kawalan Harga Beras di Semenanjung Malaysia telah dikuatkuasakan sejak 3hb Mei, 1974, di bawah Perintah (Kawalan Harga) Beras, 1974. Perintah ini mensyaratkan kesemua beras-beras yang dijual mestilah ditentukan klas dan mutunya, dan tidak dibenarkan dijual lebih daripada harga-harga maksima yang ditetapkan. Bagi mencapai matalamat ini Semenanjung Malaysia telah dibahagikan kepada 6 zon harga, dan harga ditetap bagi satu zon berlainan sedikit di antara satu zon dengan zon yang lain disebabkan terdapat perbedzaan harga pengangkutan. Tujuan untuk menguatkuasakan kawalan harga beras adalah mempastikan bahawa komoditi ini sentiasa ada dengan harga jualan yang menasabah kepada pengguna-pengguna.

Satu Yunit Kawalan Harga telah diujudkan di dalam Lembaga dengan tujuan untuk menguatkuasakan Perintah ini. Yunit ini diketuai oleh Pengawal Bekalan Beras yang menurut perintah jua selaku Ketua Pengarah Lembaga. Beliau bertanggungjawab atas polisi-polisi dan penguatkuasaan Perintah pada keseluruhannya. Beliau dibantu oleh seorang Ketua Penguasa, empat Penguasa Kanan Kawalan (dua untuk Ibupejabat, satu bagi kawasan Persekutuan dan satu Negeri Selangor). Lapan Penguasa Kanan untuk Negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia.

Untuk menjalankan kerja dengan lebih berkesan/licin, Yunit ini menyelaraskan tugas-tugasnya dengan pihak Polis dan juga Kerajaan Negeri melalui Pegawai-pegawai dan Penolong-penolong Pegawai Daerah.

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	—	1,628,000	2,844,620
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	1,783,500	41,150	16,740
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..	—	115,700	661,710
	Jumlah Gaji ..	1,783,500	1,784,850	3,523,070
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	207,500	380,000	680,000
2200	Pengangkutan Barang-barang ..	23,600	8,500	17,000
2300	Kemudahan Perhubungan ..	85,200	32,500	103,200
2400	Api, Air dan Letrik dll.	47,000	34,000	88,000
2500	Sewa	114,800	58,800	157,000
2600	Perkhidmatan Pencetakan.. ..	30,900	32,000	50,000
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	84,000	22,350	99,550
2800	Perkhidmatan Pelbagai	374,700	247,200	310,930
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	54,200	127,600	174,050
3300	Pembinaan	8,700	17,500	—
	Jumlah ..	2,814,100	2,745,300*	5,202,800†

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974 $	Bilangan	Anggaran Tahun 1975 $
(i) Pentadbiran Am	281	1,783,500	281	1,587,400	327	2,277,100
(ii) Penguatkuasaan	221		221		254	828,000
(iii) Kawalan Harga	—	—	25	197,450	25	417,970
Jumlah ..	502	1,783,500	527	1,784,850	606	3,523,070

3. Anggaran Pembangunan

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
Mengikut Kawasan—				
Kedah/Perlis		3,849,500	2,346,000	4,772,300
Pulau Pinang		—	—	2,500,000
Perak		209,500	2,226,000	2,161,800
Bawa kehadapan ..		4,059,000	4,572,000	9,434,100

* Termasuk Yunit Kawalan Harga $545,300
† Termasuk Yunit Kawalan Harga $778,920

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Dari sebelah ..	4,059,000	4,572,000	9,434,100
Selangor	368,900	4,446,000	4,323,500
Johor	—	—	40,000
Pahang	—	—	500,000
Trengganu	—	2,328,000	6,472,600
Kelantan	64,300	4,654,000	11,665,200
Sarawak	—	—	1,005,000
Jumlah ..	4,492,200	16,000,000	33,440,400
Mengikut Jenis Perbelanjaan—			
Pembinaan dan Pengambilan Tanah ..	4,272,300	8,301,000	24,400,100
Kelangkapan	219,900	7,699,000	9,040,300
Jumlah ..	4,492,200	16,000,000	33,440,400

Kemajuan Kerja-kerja Pembinaan

Semasa penubuhannya pada akhir tahun 1971, Lembaga telah mengambil-alih daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, 4 buah kilang padi dan daripada FAMA 2 kompleks, 2 pengering serta 9 buah kompleks pengering baharu yang masih sedang dibina.

Pada masa ini, kerja-kerja membina 12 kompleks lagi sedang dalam pelaksanaannya. Di antara 20% ke 70% daripada kerja-kerja pembinaan telah siap. Adalah dijangka bahawa kerja-kerja ini akan selesai pada hujung tahun 1974 dengan 6 kompleks memulakan operasinya dan yang lain pada penghujung tahun 1975. Apabila kesemuanya telah siap, tiap-tiap satu kompleks ini, dijangka boleh mengering sebanyak 20 tan/jam dan mengilang sebanyak 5 tan/jam.

Pada penghujung tahun 1975, Lembaga boleh mengadakan 2 kilang padi, 8 pengering, 17 kompleks yang disatukan dengan muatan pengering sebanyak *482,000 tan padi*, bersamaan dengan jumlah 38% dari hasil negara, dan jumlah muatan mengilang sebanyak 348,000 tan padi satu tahun bersamaan dengan 20% daripada hasil negara.

4. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
*Belanja Mengurus	2,814,000	2,745,300	5,202,800
†Belanja Pembangunan	4,492,200	16,000,000	33,440,400
JUMLAH BESAR ..	7,306,200	18,745,300	38,643,200

*Bantuan Kerajaan bagi tahun 1973	$2,000,000
Bantuan Kerajaan bagi tahun 1974	$2,200,000
Bantuan Kerajaan bagi tahun 1975	$4,525,400
†Bantuan Kerajaan bagi tahun 1973	$30,000,000
Bantuan Kerajaan bagi tahun 1974	$16,000,000
Bantuan Kerajaan bagi tahun 1975	$20,000,000

Kepala Pembangunan 31 ... $49,700,000
(Pecahan-kepala 5)

Jumlah ... $49,700,000

	Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975 ...	**$2,700,000**	**$47,000,000**	**$49,700,000**
Peruntukan 1974 ...	**3,000,000**	**47,000,000**	**50,000,000**
Perubahan ...	**— $ 300,000**	**—**	**— $ 300,000**

1. Tujuan-tujuan

(*a*) Untuk menambah hakmilik dan penguasaan Bumiputra terhadap harta-harta dalam kawasan perbandaran, samada dengan pelaburan secara langsung atau melalui perkembangan ekonomi daripada harta-harta yang sedia ada; dan

(*b*) Untuk menggalakkan aktiviti ekonomi bumiputra di kawasan bandar dengan tujuan mencapai sekurang-kurangnya 30% penyertaan Bumiputra dalam masa 20 tahun.

2. Belanja Mengurus—Belanja Mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran Am	765,431	909,587	1,496,500
(ii) Kewangan dan Kira-kira	192,612	449,101	700,135
(iii) Perancang dan Implementesi ..	937,159	1,189,286	2,107,479
(iv) Tanah dan Harta	275,539	549,405	1,122,519
(v) Penyelidikan dan Perangkaan ..	235,693	541,256	1,193,484
(vii) Penggalakan Perniagaan	390,996	626,261	1,243,247
Jumlah ..	2,797,430	4,264,896	7,863,364

Prestasi

Untuk mencapai tujuan-tujuannya UDA telah merangkakan lima rancangan seperti di bawah ini:

RANCANGAN A—Bangunan-bangunan Yang Sedia Dibina

Rancangan ini yang biasanya dikenali sebagai Rancangan Kilat melibatkan pembelian harta-harta dagangan di kawasan stratejik untuk membolehkan Bumiputra secara perseorangan menjalankan perniagaan. Bangunan tersebut boleh dimileki secara langsung atau dipajak. Rancangan ini juga meliputi belanja merumbak bangunan-bangunan untuk dijadikan tempat perniagaan yang sesuai.

Rancangan B—Bangunan-bangunan Dalam Peringkat Pembinaan

Rancangan ini melibatkan UDA dalam pelbagai bidang pembangunan harta-benda. Rancangan ini bertujuan menambah penyertaan dan pemilekan Bumiputra dalam memajukan harta-benda di kawasan bandaran. Bagi memperhebatkan lagi penggunaan peruntukannya yang terhad, UDA memileh princip usaha-bersama secara meluas. Secara ringkas, usaha-bersama ini melibatkan pihak bukan Bumiputra. Adalah perlu bagi UDA mengambil bahagian dengan membeli saham dari syarikat-syarikat yang memajukan tanah-tanah bukan Bumiputra. Keuntungan yang dijangka dari projek jenis ini seperti projek Kompleks Pertama di Jalan Tuanku Abdul Rahman dan Rancangan Perumahan Taman Tun Dr Ismail di SEA Park, Petaling Jaya adalah berjumlah lebih dari $600 Juta dalam jangka masa empat hingga lapan tahun akan datang.

UDA juga melibatkan pembangunan harta-benda Bumiputra, dan UDA memberi bantuan dengan cara sumbangan modal atau pinjaman modal jika projek itu tidak terlalu besar, tapi yang utamanya, kerja-kerja ini melibatkan bantuan pengurusan dan teknik dari UDA. Seperti perusahaan-perusahaan bersama dengan Bumiputra yang lain, pemodal adalah diberi peluang untuk membeli balik modal UDA di syarikat itu di kemudian hari kelak. Dengan adanya kuasa-kuasa UDA mengarahkan pihak pengurusan syarikat-syarikat tersebut memberi kontrek-kontrek kepada perunding-perunding dan pemborong-pemborong Bumiputra, faedah-faedah yang tak ketara dari rancangan ini telah belipat ganda dibandingkan dengan pelaburan asal yang dikeluarkan.

Rancangan C—Penyertaan Dalam Perniagaan

Rancangan ini bertujuan melahirkan satu gulungan peniaga-peniaga Bumiputra yang "commercially orientated". Projek-projek tersebut memerlukan penyertaan UDA yang lebih luas kerana ianya melibatkan kemahiran teknikal yang lebih tinggi. Di masa hadapan UDA akan lebih menitik beratkan projek skim penyertaan modal kerana cara ini lebih berkesan dalam memperkenalkan Bumiputra kepada bidang perniagaan yang lebih mewah di mana mereka boleh dilateh oleh pihak pengurusan UDA. Contoh-contoh projek seperti ini ialah pusat hiburan UDARIA di bumbung Kompleks Ampang Park dan Syarikat Pembancuh Semen UDA Redicon.

Rancangan D—Pembangunan Semula Bandar Secara Menyeluruh

Di bawah rancangan ini UDA berusaha memperbaiki kawasan-kawasan bandar dengan menjadikan kawasan-kawasan yang kurang maju untuk kegunaan ekonomi secara meluas. Kawasan-kawasan ini termasuk tanah-tanah Kerajaan, Kawasan-kawasan Mundur dan Kawasan Penuh Sesak. Dengan memperhebatkan penggunaan tanah secara lebih teratur lagi, ianya akan membuka peluang-peluang baru untuk memperkenalkan Bumiputra ke kawasan-kawasan tersebut. Bagi kawasan-kawasan yang sekarang ini diduduki ianya memerlukan penempatan semula penduduk dan perbelanjaan persediaan yang sangat besar sebelum pembinaan dapat dimulakan. Projek Pembangunan Semula North Goodyards di Kuala Lumpur yang benilai lebih $200 Juta adalah sebagai contoh utama.

Rancangan E—Pembelian Tanah

Untuk pembangunan di masa hadapan UDA membeli, di mana terdapat tanah-tanah Kerajaan Negeri atau orang-orang perseorangan yang dijual dengan harga yang berpatutan. Kenaikan harga tanah dan pembangunan yang dirancangkan dengan teliti akan menentukan harta-benda yang lebih bernilai disediakan untuk ekonomi Bumiputra.

Kewangan

Semasa ianya ditubuhkan dalam tahun 1971, UDA telah diperuntukkan sebanyak $100 Juta bagi jangka masa Rancangan Malaysia Kedua. Ini termasuk perbelanjaan kendalian yang berjumlah $10 Juta. Peruntukan ini telah ditambah sebanyak $60 Juta lagi, hasil dari Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua dan ini bermakna UDA

menerima $150 Juta untuk membolehkannya menjalankan rancangan-rancangan pembangunan. Untuk tahun 1975 sahaja, Anggaran Pembangunan yang dibuat di jangka berjumlah $168 Juta manakala perbelanjaan yang dianggarkan untuk meliputi jangka masa Rancangan Malaysia Kedua ialah $331 Juta.

Adalah tidak didugakan yang Kerajaan akan membiayai kesemua jumlah belanjawan yang besar itu. Oleh itu UDA telahpun menyediakan beberapa strateji yang tertentu untuk menampung kemungkinan kekurangan ini. Strateji yang dimaksudkan dibuat memandangkan kebanyakan projek-projek UDA mempunyai unsur-unsur yang sesuai untuk membolehkannya dibiayai dari sumber-sumber perdagangan lain. Asas yang digunakan termasuklah kadar keuntungan yang ekonomik, jaminan keteguhan projek dan keupayaan bayaran balik yang cepat; dengan lain perkataan projek ini ditafsirkan sebagai "commercial". Begitu juga projek-projek lain yang melibatkan risko lebih tinggi atau bidang-bidang baru, tetapi UDA terpaksa melaksanakan atas tujuan sosial. Adalah dicadangkan pembiayaan tertentu dikenakan bagi projek-projek pembangunan UDA. Pinjaman dari Perbendaharaan digunakan untuk projek sosial UDA sahaja, dan UDA dibenarkan mendapat pinjaman dari sumber-sumber kewangan lain untuk membolehkan ia melaksanakan projeknya yang berbentuk "commercial". Anggaran pembangunan yang telah dianalisakan dalam penyata berikut dan mengambarkan sumber kewangan yang sesuai bagi seluruh rancangan adalah berdasarkan kepada cadangan tersebut.

Kesimpulan berbangkit dari penyata ini ialah UDA memerlukan pembiayaan kewangan dari Perbendaharaan sebanyak $75 juta atau 45% dari jumlah anggaran sebanyak $168 Juta bagi tahun 1975. Ini akan menyebabkan tambahan sebanyak $28 juta dalam peruntukan Rancangan Malaysia Kedua dan menjadikan jumlah semua peruntukan sebanyak $178 juta, yang mana dirasakan manasabah bagi Kerajaan membiayai untuk perbelanjaan pembangunannya.

RANCANGAN PEMBANGUNAN UDA BAGI 1975

Punca-punca Kewangan

Rancangan	Jumlah Harga	Perbendaharaan	Lain-lain	Sumber Kewangan dari dalam
	$	$	$	$
A. Bangunan Yang Sudah ada—				
(*a*) Belian	2,000,000	814,114	—	1,185,886
(*b*) Sewaan	1,800,000	1,040,000	—	760,000
(*c*) Ubahsuai, alat kelengkapan dan Perabut ..	6,617,730	4,217,730	—	2,400,000
Jumlah ..	10,417,730	6,071,844	—	4,345,886
B. Bangunan Dalam Pembinaan—				
(*a*) Saham dalam syarikat binaan bangunan	27,479,353	—	27,054,779	424,754
(*b*) Tempahan	36,376,063	—	36,376,063	—
(*c*) Biayaan/Pengawasan UDA	16,726,272	—	16,258,245	468,027
Jumlah ..	80,581,688	—	79,689,087	892,781
C. Penyertaan Dalam Perniagaan—				
(*a*) Penyertaan secara langsung	8,000,000	—	7,800,000	200,000
(*b*) Skim Penyertaan Modal	8,100,000	7,970,000	—	130,000
(*c*) Pembelian Perniagaan ..	630,000	508,768	—	121,232
Jumlah ..	16,730,000	8,478,768	7,800,000	451,232

	Jumlah Harga	Perbenda-haraan	Lain-lain	Sumber Kewangan dari dalam
	$	$	$	$
D. Pembangunan Semula Bandar Secara Menyeluruh—				
(*a*) Pembangunan Semula Bandar	8,315,000	8,315,000	—	—
(*b*) Pembangunan Bandar Baru	45,863,664	45,863,664	—	—
(*c*) Penempatan Semula dan lain-lain	1,519,274	1,519,274	—	—
Jumlah ..	55,697,938	55,697,938	—	—
E. Pembelian Tanah	5,000,000	5,000,000	—	—
Jumlah besar ..	168,427,356	75,248,550	87,489,087	5,689,899

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	1,436,363	2,418,753	4,758,840
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..	78,976	165,068	605,669
	Jumlah Gaji ..	1,515,339	2,583,821	5,364,509
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	121,665	162,367	172,800
2300	Kemudahan Perhubungan ..	46,138	81,243	126,000
2400	Api, Air dan Letrik dll.	45,110	80,000	105,000
2500	Sewa	60,052	161,282	582,995
2600	Perkhidmatan Pencetakan.. ..	34,502	55,383	70,000
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	83,918	132,530	172,000
2800	Perkhidmatan Pelbagai	307,164	563,982	789,300
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	210,576	244,288	233,060
3300	Pembinaan	288,357	—	—
5500	Pelbagai	84,609	200,000	247,700
	Jumlah ..	2,797,430	4,264,896	7,863,364

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974	Bilangan	Anggaran Tahun 1975
		$		$		$
(i) Pentadbiran Am	57	273,832	85	499,247	139	1,039,056
(ii) Kewangan dan Kira-kira	27	128,110	47	201,708	74	396,288
(iii) Perancang dan Implementasi	92	531,399	143	724,903	197	1,274,723
(iv) Tanah dan Harta ..	34	177,150	75	353,526	125	867,055
(v) Penyelidikan dan Perangkaan	32	158,504	48	364,856	97	800,249
(vi) Penggalakan Perniagaan	34	246,344	70	439,581	101	987,138
Jumlah ..	276	1,515,339	468	2,583,821	733	5,364,509

3. Anggaran Pembangunan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
A. Bangunan telah Siap—			
(*a*) Belian	7,461,043	2,310,209	2,000,000
(*b*) Sewaan	207,612	970,000	1,800,000
(*c*) Ubahsuai, Alat-alat dan Perabut	973,767	4,000,000	6,617,730
	8,642,422	7,280,209	10,417,730
B. Bangunan dalam Perengkat Pembenaan—			
(*a*) Saham dalam Syarikat-syarikat Membina Bangunan	23,048,432	45,691,205	27,479,353
(*b*) Tempahan bangunan dalam peringkat pembinaan	5,773,769	20,688,168	36,376,063
(*c*) Bangunan di bena di bawah biayaan dan/atau penyeliaan ..	776,208	6,942,949	16,726,272
	29,598,409	73,322,322	80,581,688
C. Penyertaan dalam Perniagaan—			
(*a*) Penyertaan secara langsung ..	2,641,800	7,523,100	8,000,000
(*b*) Skim penyertaan modal ..	96,070	2,831,230	8,100,000
(*c*) Pembelian Perniagaan	664,659	180,500	630,000
	3,402,529	10,534,830	16,730,000
D. Pembangunan Semula Bandar Secara Menyeluruh—			
(*a*) Pembangunan Semula Bandar..	1,493,548	2,047,688	8,315,000
(*b*) Pembangunan Bandar-bandar Baru	2,722,990	10,772,258	45,863,664
(*c*) Penempatan Semula dll. ..	1,513,221	1,617,517	1,519,274
	5,729,759	14,437,463	55,697,938
E. Pembelian Tanah	—	1,000,000	5,000,000
Jumlah ..	47,373,119	106,574,824	168,427,356

4. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
*Belanja Mengurus	2,797,430	4,264,896	7,863,364
†Belanja Pembangunan	47,373,119	106,574,824	168,427,356
Jumlah Besar ..	50,170,549	110,839,720	176,290,720

* Bantuan Kerajaan bagi tahun 1973	..	$ 2,000,000
* Bantuan Kerajaan bagi tahun 1974	..	$ 3,000,000
* Bantuan Kerajaan bagi tahun 1975	..	$ 2,700,000
† Bantuan Kerajaan bagi tahun 1973	..	$41,000,000
† Bantuan Kerajaan bagi tahun 1974	..	$47,000,000
† Bantuan Kerajaan bagi tahun 1975	..	$47,000,000

Kepala Pembangunan 31 ... $78,526,500
(Pecahan-kepala 8)

Jumlah ... $78,526,500

	Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975 ...	**$36,200,000**	**$42,326,500**	**$78,526,500**
Peruntukan 1974 ...	**28,720,000**	**50,083,502**	**78,803,502**
Perubahan ...	**+ $ 7,480,000**	**— $ 7,757,002**	**— $ 277,002**

1. Tujuan-tujuan

Untuk mendorong, menimbang, melatih dan menolong kaum Bumiputra supaya menyertai dengan cergas dan mencapai kemajuan dalam kegiatan-kegiatan perdagangan dan perusahaan sebagai satu langkah pembangunan ekonomi dan sosial dengan menitikberatkan penduduk desa mengikut Dasar Ekonomi Kerajaan.

Tujuan-tujuan ini akan dicapai dengan:

(*a*) Mewujudkan tenaga manusia yang terlatih untuk memenuhi keperluan Negara;

(*b*) Mengadakan perkhidmatan runding-cara pengurusan dan teknikal;

(*c*) Mengadakan kemudahan-kemudahan kredit kepada kaum Bumiputra bagi faedah perusahaan atau perdagangan atau kedua-duanya sekali;

(*d*) Mengadakan projek-projek perdagangan, perusahaan atau pengangkutan dan lain-lain yang dapat mempercepatkan penyertaan kaum Bumiputra dalam bidang-bidang tersebut; dan

(*e*) Mengadakan lain-lain kemudahan, perkhidmatan dan sebagainya yang boleh menolong kaum Bumiputra samada secara khusus atau umum dalam bidang perdagangan dan perusahaan.

Secara ringkas aktiviti-aktiviti MARA adalah terbahagi kepada:

(A) Operasi

(i) Kenderaan;

(ii) Khidmat Nasihat dan Pembangunan Enterprais;

(iii) Latihan;

(iv) Perusahaan dan Perdagangan; dan

(v) Pinjaman.

(B) Perkhidmatan

(vi) Pentadbiran;

(vii) Perjawatan;

(viii) Kewangan dan Akaun.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(A) Operasi—			
(i) Kenderaan	726,900	1,500,000	1,600,000
(ii) Khidmat Nasihat dan Pembangunan Enterprais	689,900	1,000,000	2,100,000
(iii) Latihan	14,437,900	22,000,000	25,000,000
(iv) Perusahaan dan Perdagangan	742,100	550,000	2,500,000
(v) Pinjaman	1,179,700	—	—
(B) Perkhidmatan—			
(vi) Pentadbiran	3,380,800	2,943,000	3,712,000
(vii) Perjawatan		257,000	703,000
(viii) Kewangan dan Akaun ..	577,700	470,000	585,000
Jumlah ..	21,735,000	28,720,000	36,200,000

Prestasi

(A) OPERASI

(i) *Kenderaan*

Melalui aktiviti Kenderaan, MARA bertujuan untuk menambahkan bilangan Bumiputra menyertai bidang perusahaan pengangkutan dan perusahaan yang berhubung dengan pengangkutan dengan cara membina dan menjalankan projek-projek pengangkutan dan perusahaan-perusahaan yang bersangkutan dengannya.

Rancangan-rancangan di bidang kenderaan yang meliputi pengangkutan dan lain-lain perusahaan pengangkutan dijalankan oleh MARA samada sebagai projek atau syarikat anjuran MARA sendiri.

Projek

Projek yang dijalankan adalah bagi perkhidmatan bas yang masih "non-viable" yang ditadbirkan secara langsung oleh MARA. Jumlah projek yang masih dikendalikan ialah 8.

(ii) *Khidmat Nasihat dan Pembangunan Enterprais*

Melalui aktiviti ini, MARA bertujuan untuk memupuk, menggalak dan memandu Bumiputra supaya turut serta dalam kegiatan-kegiatan perusahaan dan perdagangan dengan cara:

(*a*) Menjalankan penyelidikan dan kajian kemungkinan dan merumuskan projek-projek yang akan dilaksanakan oleh Bumiputra atau MARA;

(*b*) Membantu Bumiputra dalam melaksanakan projek-projek; dan

(*c*) Memberi perkhidmatan runding-bicara kepada Bumiputra.

Jenis khidmat nasihat dan perkhidmatan yang diberi adalah dalam bidang pengurusan, pemasaran, perkiraan, perundingan dan kesetiausahaan, penyelidikan dan kajian, kejuruteraan dan pembinaan, pertukangan kayu, design komesyel, penerangan teknik dan kursus perniagaan.

Dalam tahun 1975, MARA akan mempergiatkan usaha-usaha untuk mengesan bakat-bakat usahawan di kalangan Bumiputra, mengumpul peluang-peluang yang terdapat di bawah Dasar Ekonomi Baru dan seterusnya mengujudkan peluang-peluang tersebut dengan bakat-bakat usahawan yang telah dikesan.

Dalam pembentukan Pengusaha-pengusaha Bumiputra Baru khususnya yang mempunyai kemahiran dan pengetahuan teknik, tekanan akan diberi dalam bidang pengilangan dan memproses barang-barang perkhidmatan kejuruteraan ringan. Rancangan ini akan menitikberatkan pengambilan bekas-bekas pelatih Institiut Kemahiran MARA dan bekas perajurit yang berkelayakan teknikal.

Di samping memberi perkhidmatan yang tersebut di atas dalam perusahaan sedia ada atau baru, MARA jua akan menumpukan tenaganya untuk mendapatkan punca-punca saluran bagi memasuki barang-barang yang dikeluarkan oleh pengusaha-pengusaha ini.

Sekiranya berlaku kekurangan usahawan-usahawan Bumiputra untuk menjalankan satu-satu perusahaan yang telah dikesan oleh MARA, maka MARA akan menjalankan perusahaan-perusahaan tersebut dengan tujuan untuk menyerahkan kepada Bumiputra yang berkelayakan kelak.

(iii) *Latihan*

Melalui aktiviti Latihan, MARA bertujuan untuk menambahkan bilangan dan mutu tenaga Bumiputra yang terlatih dengan cara menaja, merancang, membina dan melaksanakan sesuatu rancangan latihan untuk mereka samada secara langsung atau tidak langsung.

Latihan secara langsung ialah melalui Institusi-institusi MARA sendiri iaitu Maktab-maktab Rendah Sains MARA/Institiut Kemahiran MARA dan Latihan-latihan Kemahiran di firma-firma (on the job-training). Rancangan secara tidak langsung ialah melalui pemberian/pengeluaran Biasiswa dan Pinjaman Pelajaran.

Maktab Rendah Sains MARA (MRSM)

Maktab-maktab ini ditubuhkan untuk memberi latihan kepada Bumiputra dalam bidang sains di peringkat menengah rendah dan menengah atas, bagi mengatasi kekurangan calun-calun Bumiputra ke peringkat pengajian tinggi dalam jurusan tersebut. Sehingga tahun 1975 bilangan MRSM yang berjalan penuh ialah 3 iaitu di Seremban, Kota Bharu dan Kuantan.

Hingga akhir tahun ini jua seramai 510 orang pelajar MRSM telah menduduki Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran. Bagi MRSM, Kota Bharu inilah pertama kalinya pelajar-pelajar Maktab tersebut seramai 150 orang akan menduduki peperiksaan tersebut.

Lain-lain MRSM di Kuala Trengganu, Kulim dan Sabah masih dalam peringkat pembinaan lagi.

Institiut Kemahiran MARA (IKM)

MARA menjalankan kegiatan dalam bidang kemahiran bagi mengeluarkan tenaga-tenaga yang mahir dalam bidang tersebut sebagai yang diperlukan oleh Negara dalam Rancangan Malaysia Kedua melalui IKM-IKM berikut:

IKM, Melaka.
IKM, Kampong Pandan, Kuala Lumpur.
IKM, Alor Star.
IKM, Sungai Petani.
IKM, Johor Bahru.
IKM, Lumut.
IKM, Kuantan.
IKM (Jahitan), Petaling Jaya.

Seramai 2,050 pelatih baru akan diambil dalam tahun 1975 untuk menjalani latihan di IKM-IKM tersebut dan seramai 920 orang akan tamat latihan.

Dalam tahun 1975 ini selain daripada menjalankan kursus-kursus berikut di IKM-IKM yang tertentu iaitu kursus-kursus:

Jurusawat Letrik, Jurusawat Radio dan Talivisyen, Jurusawat Am, Lukisan Jentera, Kimpalan, "Refrigeration and Air Conditioning", Kajisawat Motor, Jurusawat Jentera Berat, Kepingan Logam, Lukisan Pembinaan, Binaan Bangunan, Pertukangan Kayu, Pertukangan Perabut, Simen dan Konkrit dan Bata, "Plumbing", Membengkok Besi, Kimpalan Gas, Kimpalan Letrik, Jahitan dan Keriting Rambut/Solek Menyolek;

MARA akan memulakan dua jenis kursus tambahan iaitu "Foundry" di IKM, Kampung Pandan dan "Sawmilling" di IKM Kuantan.

Latihan Kemahiran

Di samping mengadakan rancangan latihan kemahiran di Institiut MARA sendiri, MARA juga menjalankan rancangan ini melalui:

(*a*) Latihan sambil bekerja di bengkel-bengkel MARA/Jabatan-jabatan Kerajaan/Firma-firma bagi jenis-jenis latihan yang tidak dapat ditawarkan di Institiut Kemahiran MARA.

(*b*) Latihan di Seberang Laut untuk peringkat tinggi bagi keperluan Jurutunjuk.

Biasiswa dan Pinjaman Pelajaran

Dalam tahun 1975 di samping mengeluarkan biasiswa bagi kursus-kursus yang bercorak Sains dan Teknoloji, MARA jua akan menumpukan pengeluaran biasiswa-nya untuk kursus-kursus lanjutan dalam bidang perniagaan.

Pinjaman Pelajaran akan terus dikeluarkan kepada penuntut-penuntut yang akan menjalani berbagai kursus akademik dan iktisas. Di samping itu pinjaman kepada penuntut-penuntut Institiut-institiut Teknoloji MARA untuk menemui perbelanjaan buku, latihan praktikal dan penyediaan thesis yang bermula dalam tahun 1974 akan diteruskan lagi.

Sebagai dayausaha untuk menarik lebih ramai lagi Bumiputra meminati kursus perniagaan, MARA telah memutuskan bahawa kepada Bumiputra yang telah mengambil pinjaman pelajaran dari MARA untuk menjalani peringkat pertama kursus tersebut dan lulus, MARA akan menukarkan pinjaman tersebut kepada biasiswa setelah mereka tamat menjalani peringkat lanjutan.

Bimbingan Kerjaya

Selain daripada menjalani berbagai-bagai rancangan latihan, MARA jua mengadakan perkhidmatan kerjaya kepada Bumiputra dengan memberi bimbingan terhadap pemilihan dan pembentukan kerjaya pelajar dengan cara memberi penerangan melalui sibaran am dan juga bimbingan perseorangan.

Khidmat Bimbingan (Extension Services) Peniaga-peniaga Kecil

Khidmat bimbingan untuk peniaga-peniaga kecil merupakan latihan secara usahasama dengan PERNAS Edar Sdn. Bhd yang mula dalam tahun 1974 akan terus dijalankan dalam tahun 1975 ini.

(iv) *Perusahaan dan Perdagangan*

Melalui aktiviti ini, MARA bertujuan untuk menambahkan lagi penyertaan Bumiputra di dalam bidang perusahaan dan perdagangan dengan cara:

(*a*) Melaburkan modal-modal di dalam sektor-sektor yang dapat memberikan faedah yang sebaik-baiknya kepada Bumiputra;

(*b*) Menjalankan projek-projek di bawah kelolaan Bahagian ini yang mana projek-projek itu dapat memberi keuntungan dan merupakan projek-projek yang boleh maju mengikut landasan perdagangan;

(*c*) Mendorong Bumiputra supaya menceburkan diri ke dalam pengurusan perniagaan di semua peringkat dan pemilikan modal; dan

(*d*) Mengembalikan milik syarikat-syarikat kepada Bumiputra apabila didapati kedudukan kewangan dan pengurusan syarikat-syarikat itu teguh.

Aktiviti ini bertanggungjawab atas kemajuan syarikat Anjuran MARA dan Rancangan Perumahan Luar Bandar.

Syarikat-syarikat

Bagi mencapai tujuan-tujuan yang tersebut di atas, MARA telah menubuhkan 11 buah syarikat perusahaan dan perdagangan seperti berikut:

Syarikat	*Jenis Perusahaan/Perniagaan*
(1) Kompleks Kewangan Malaysia Bhd yang mempunyai anak-anak syarikat berikut—	
(*a*) Amanah Saham MARA Berhad	Pengurusan Tabong Unit Trust, "Underwriter and Issuing House"
(*b*) Malaysia Discounts Berhad ...	Pasaran Wang Jangka Pendek
(*c*) Amanah Saham MARA Nominees Sendirian Berhad	Membeli yunit secara bayaran ansuran
(*d*) Amanah dan Arthur International	Pengurusan tabong persendirian, "Leasing and Investment Consultant"
(*e*) K dan N Kenanga Sendirian Berhad	Share Broking
(*f*) Pelaburan Amanah Nasional Berhad	Pelaburan Amanah
(*g*) Amanah—Chase Merchant Bankers Sendirian Berhad	"Merchant Banking"
(2) Batik Malaysia Berhad (Cantuman syarikat-syarikat berikut dalam tahun 1974):	Membekal kain puteh, membuat kain Batik/pakaian dan memasar secara borong dan runcit bahan-bahan batik dan lain barang perusahaan tangan Bumiputra dalam dan luar negeri
Puspamara Sdn Bhd	
Perbadanan Pemasaran Batik Bumiputra Bhd	
Batik Malaysia Sdn Bhd	
Syarikat Jelatik Sdn Bhd	
(3) KIMA Sendirian Berhad	Kilang kain
(4) Kulitkraft Sendirian Berhad	Membuat kasut
(5) Senama Sendirian Berhad	Perniagaan barang-barang runcit
(6) Syarikat Jengka Sendirian Berhad ...	Kompleks Perkayuan
(7) Syarikat Kebangsaan Kayu Kayan (M) Berhad	Kompleks Perkayuan
(8) Syarikat Mawar Sendirian Berhad ...	Membuat roti
(9) Syarikat Pamagrima Agricultural Machinery dan Steel Sendirian Berhad	Memasang jentera-jentera pertanian
(10) Syarikat Perusahaan Kayu Sedia (Timber Depot) Sendirian Berhad	Perniagaan Kayu Kayan
(11) Syarikat Ubiyu (M) Berhad	Memproses Ubikayu

Dalam tahun 1975 usaha-usaha akan dijalankan untuk memperbaiki kedudukan pengurusan dan pentadbiran syarikat-syarikat yang ditubuhkan di bawah aktiviti ini melalui syarikat induknya dengan menitikberatkan pengluasan pemasaran barang-barang pengeluaran syarikat-syarikat berkenaan.

Satu projek Bangunan Perniagaan MARA 12 tingkat di Jalan Tun Perak akan siap untuk digunakan pada awal tahun 1975.

Pembinaan peringkat pertama Kompleks Membelibelah dan Pejabat 24 tingkat di Jalan Semarang akan dimulakan pada awal tahun 1975.

Selaras dengan kehendak Kerajaan bagi menarik pelaburan dan mendapatkan pakar kemahiran yang diperlukan, dalam tahun 1975 jua MARA akan berusaha menjalankan perusahaan-perusahaan secara usahasama dengan pengusaha-pengusaha lain dalam bidang-bidang tertentu. Tumpuan akan diberi kepada perusahaan-perusahaan yang mengandungi peluang-peluang untuk mendapatkan pengalaman baru dan latihan bagi memupuk dan memajukan Kumpulan Pengurusan dan lain-lain kemudahan latihan yang tidak diperolehi dari rancangan yang sedia ada.

Rancangan Perumahan Luar Bandar

Satu cara untuk meninggikan taraf sosial di kalangan Bumiputra yang tinggal di luar bandar, MARA akan terus memberi kemudahan kepada mereka yang berpendapatan kecil memiliki rumah berupa pinjaman membeli bahan-bahan perumahan. MARA membekalkan bahan-bahan perumahan yang lengkap hingga ke tapak rumah dan peminjam dikehendaki memasang rumah tersebut secara gotong royong ataupun dengan perbelanjaan sendiri.

Pinjaman ini tidak dikenakan faedah dan keutamaan diberi kepada setinggan-setinggan yang terpaksa dipindahkan. Dalam 1975 sejumlah 250 permohonan akan diproses untuk dipertimbangkan bagi pinjaman ini.

Lembaga Kraftangan Malaysia

Tujuan utama Lembaga ini ialah untuk mempergiatkan dan menggalakkan kecekapan dan keahlian pertukangan dan perusahaan tangan untuk menjamin pembangunan ekonomi yang lebih pesat amnya dan satu perusahaan pertukangan tangan yang moden khususnya, disamping menambahkan guna tenaga dan pendapatan yang lebih baik bagi mereka yang terlibat dalam perusahaan tersebut sejajar dengan objektif Dasar Ekonomi Baru.

Dalam tahun 1975 melalui Lembaga ini usaha-usaha akan dijalankan untuk mendaftar kesemua pengusaha-pengusaha dan pengekspot-pengekspot kraftangan dan mengeluarkan lesen-lesen tertentu kepada mereka.

(v) *Pinjaman*

Melalui aktiviti pinjaman, MARA bertujuan untuk menambahkan bilangan Bumiputra di bidang perusahaan dan perdagangan dengan cara:

(*a*) Memberikan pinjaman kepada Bumiputra yang mempunyai projek-projek yang boleh maju, supaya ianya dapat memulakan sesuatu perusahaan atau perniagaannya;

(*b*) Memberikan pinjaman kepada perusahaan atau perniagaan Bumiputra yang sudah berjalan dan mempunyai tunas-tunas harapan ke arah perkembangan dan kemajuannya; dan

(*c*) Memberikan panduan kepada Bumiputra supaya menggunakan kemudahan-kemudahan bank dan pinjaman-pinjaman lain.

Rancangan pinjaman MARA adalah meliputi semua jenis kegiatan perusahaan dan perdagangan tetapi tidak meliputi kegiatan-kegiatan di bidang pertanian, penternakan dan perikanan. Jenis pinjaman yang dikeluarkan itu dibahagikan kepada 4 kategori iaitu perusahaan, pemborongan, perdagangan dan pengangkutan.

Dalam menimbangkan pinjaman, dasar MARA adalah seperti dasar Bank Pembangunan iaitu bertujuan untuk menolong memajukan sesuatu perusahaan atau perniagaan itu dan tidaklah semata-mata hendak mencari keuntungan daripada pinjaman-pinjaman yang dikeluarkan.

Tumpuan MARA ialah bagi pinjaman yang kurang daripada $25,000 untuk modal pusingan dan $50,000 untuk mendapatkan harta tetap dalam perniagaan atau perusahaan. Untuk pinjaman yang lebih daripada had-had ini, MARA memajukan permohonan itu kepada Bank.

Dalam tahun 1975 MARA dalam usahanya untuk menambahkan lagi pengusaha-pengusaha Bumiputra dengan memberi kemudahan pinjaman akan memperluaskan lagi kegiatan perkhidmatan bimbingan kepada pengusaha-pengusaha tersebut bagi menjayakan perusahaan mereka.

MARA juga akan menambahkan perkhidmatannya kepada pengusaha-pengusaha yang memerlukan pinjaman dari bank secara jaminan dengan menyediakan lapuran-lapuran yang diperlukan.

Memandangkan tahun 1975 adalah tahun terakhir bagi Rancangan Malaysia Kedua, MARA akan mengkaji semula dasar dan kemajuan rancangan aktiviti ini.

(B) PERKHIDMATAN

Aktiviti-aktiviti di bawah perkhidmatan yang berupa Pentadbiran, Perjawatan dan Kewangan dan Akaun mempunyai peranan untuk menjalankan pentadbiran MARA keseluruhannya memberikan perkhidmatan bagi lain-lain aktiviti operasi yang bergerak untuk menjalankan rancangan mereka ke arah terciptanya matlamat-matlamat MARA.

(vi) *Pentadbiran*

Melalui aktiviti ini, MARA bertujuan untuk melaksanakan kawalan pengurusan ke atas MARA pada keseluruhannya dan kawalan pentadbiran yang berkenaan ke atas harta-harta MARA dan bekalan MARA.

Secara am tanggungjawabnya adalah:

(*a*) Membentuk dan mencadangkan panduan-panduan dasar atas harta MARA dan memberi perkhidmatan pengurusan bagi pengambilan semula, penjagaan dan penyelesaian harta-harta ini;

(*b*) Kawalan-kawalan pengurusan mengenai bekalan pejabat; dan

(*c*) Memberi perkhidmatan guaman, kesetiausahaan dan seranta untuk perjalanan MARA.

(vii) *Perjawatan*

Tujuan aktiviti ini ialah untuk melaksanakan penggunaan yang berkesan ke atas sumber-sumber tenaga manusia bagi faedah organisasi MARA.

Tanggungjawabnya adalah:

(*a*) Membentuk dan mencadangkan panduan-panduan dasar perjawatan dan memberi perkhidmatan kepada semua aktiviti untuk memperolehi, menyusun, mengurus dan memindahkan sumber-sumber tenaga manusia yang diperlukan untuk mencapai matlamat MARA; dan

(*b*) Mengatur latihan dan kemajuan kerjaya pegawai-pegawai dan kakitangan.

(viii) *Kewangan dan Akaun*

Melalui aktiviti ini MARA bertujuan untuk mencapai penggunaan maksima yang berkesan ke atas sumber-sumber kewangan MARA dengan jalan mencipta dan mencadangkan garis-garis petunjuk mengenai dasar kewangan, mengaturkan satu perkhidmatan dan jentera pengawalan yang berkesan yang berkaitan dengan kewangan dan perakaunan.

Tanggungjawab aktiviti ini bolehlah dibahagikan seperti berikut:

(*a*) Kawalan pengurusan mengenai kewangan;

(*b*) Belanjawan dan Kewangan;

(*c*) Perakaunan; dan

(*d*) Pentaksiran Kewangan.

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	4,036,700	4,960,300	6,078,000
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	1,791,800	2,744,950	3,225,000
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..	508,600	660,450	886,000
	Jumlah Gaji ..	6,337,100	8,365,700	10,189,000
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	695,000	439,300	679,600
2200	Pengangkutan Barang-barang ..	70,100	19,000	58,000
2300	Kemudahan Perhubungan ..	224,900	154,500	177,700
2400	Api, Air dan letrik dll.	193,200	222,400	262,300
2500	Sewa	199,300	280,100	236,000
2600	Perkhidmatan Pencetakan ..	242,000	139,800	244,300
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	781,400	1,211,500	2,129,400
2800	Perkhidmatan Pelbagai	592,500	431,400	1,071,100
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	542,000	22,300	21,000
3400	Pelaburan dan Pinjaman	5,000,000	8,000,000	5,606,000
4100	Pemberian, Subsidi dan Carum-carum	6,807,400	8,729,000	12,687,000
4200	Tuntutan Insuran dan Pampasan..	50,100	69,500	94,700
4300	Bunga, Dividen dan Lain-lain Pembayaran Hutang Negara ..	—	389,300	2,743,900
5500	Pelbagai	—	246,200	—
	Jumlah ..	21,735,000	28,720,000	36,200,000

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974 $	Bilangan	Anggaran Tahun 1975 $
(i) Kenderaan	76	499,900	84	760,000	87	762,600
(ii) Khidmat Nasihat dan Pembangunan Enterprais ..	67	442,400	77	823,000	92	830,000
(iii) Latihan	344	1,667,000	566	3,563,000	693	4,730,000
(iv) Perusahaan dan Perdagangan	51	440,800	33	259,900	40	385,200
(v) Pinjaman	98	728,800	69	—	89	—
(vi) Pentadbiran	300	2,152,500	345	2,241,700	371	2,500,200
(vii) Perjawatan			57	248,300	72	506,000
(viii) Kewangan dan Akaun ..	58	405,700	59	469,800	75	475,000
Jumlah ..	994	6,337,100	1,290	8,365,700	1,519	10,189,000

3. Anggaran Pembangunan

	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Peruntukan Tahun 1974 $	Anggaran Tahun 1975 $
(i) Kenderaan—			
Pelaburan	1,350,000	6,389,000	763,000
Lain-lain Perbelanjaan Pembangunan	—	—	503,000
(ii) Latihan—			
Pembinaan dan Pengambilan Tanah	7,576,660	4,626,700	7,265,990
Kelengkapan	1,423,340	2,456,802	4,389,010
(iii) Khidmat Nasihat dan Pembangunan Enterprais—			
Lain-lain perbelanjaan Pembangunan	—	250,000	—
(iv) Perusahaan dan Perdagangan—			
Pelaburan	4,900,000	29,561,000	20,605,500
Lain-lain Perbelanjaan Pembangunan	—	800,000	800,000
(v) Pinjaman—			
Pelaburan	5,000,000	6,000,000	8,000,000
Jumlah ..	20,250,000	50,083,502	42,326,500

Kemajuan Kerja-kerja Pembinaan

	Anggaran Jumlah % Pembinaan Pada 31/12/74	Tarikh Pembinaan Jangka Siap	Faedah
(i) Latihan—			
Maktab Rendah Sains MARA Seremban ..	99%	—	Menempatkan 590 pelajar-pelajar
Maktab Rendah Sains MARA Kota Bahru ..	99%	—	Menempatkan 400 pelajar-pelajar
Maktab Rendah Sains MARA Kuantan ..	99%	—	Menempatkan 270 pelajar-pelajar
Institiut Kemahiran MARA Kampung Pandan	10%	Disember, 1975	Asrama untuk menempatkan 550 pelatih-pelatih
Institiut Kemahiran MARA Sungai Petani ..	10%	Disember, 1975	Asrama untuk menempatkan 500 pelatih-pelatih

4. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Belanja Mengurus	21,735,000	28,720,000	36,200,000
Belanja Pembangunan	20,250,000	50,083,502	42,326,500
Jumlah Besar ..	41,985,000	78,803,502	78,526,500

KEMENTERIAN KESIHATAN

Kepala Bekalan 32		**$334,000,000**
Kepala Pembangunan 32 ...		**71,011,250**
Jumlah ...		**$405,011,250**

	Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975 ...	**$334,000,000**	**$71,011,250**	**$405,011,250**
Peruntukan 1974 ...	**290,540,272**	**62,000,000**	**352,540,272**
Perubahan ...	**+ $ 43,459,728**	**+ $ 9,011,250**	**+ $ 52,470,978**

1. Tujuan-tujuan

Tujuan Kementerian Kesihatan ialah untuk memberi perkhidmatan kesihatan yang cekap terutamanya kepada kaum-kaum yang kurang bernasib baik supaya kesihatan negara ini selaras dengan keperluan pembangunan ekonomi dan kemajuan kemasyarakatan. Dalam mencapai tujuan ini, perhatian akan ditumpukan bagi menggalakkan perpaduan negara.

Tujuan ini akan dapat dicapai melalui 2 rancangan yang luas, iaitu:

A. Rancangan Pentadbiran Am

Rancangan ini mengadakan jentera perancangan pentadbiran dan tugas-tugas pengurusan yang cekap dan berkesan untuk menjamin penggunaan tenaga manusia dan tenaga sumber-sumber yang lain sepenuhnya bagi mencapai tujuan-tujuan Kementerian.

Di dalam rancangan ini terdapat tugas-tugas mustahak seperti membuat keputusan dasar, belanjawan dan kawalan kewangan, perkhidmatan perjawatan dan lantikan, perancangan dan pembangunan, perkhidmatan kesihatan, mengawal perakaunan, statistik dan sistem penerangan pengurusan yang lain di samping perkara-perkara pentadbiran yang berhubung dengan kesihatan di peringkat Kementerian dan di pejabat-pejabat Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Negeri-negeri. Untuk menguatkan kedudukan dari segi pentadbiran am ini, ianya disokong oleh empat aktiviti yang luas seperti:

(i) Pentadbiran Am;

(ii) Perkhidmatan Stor;

(iii) Perkhidmatan Latihan; dan

(iv) Perancangan dan Pembangunan.

B. Rancangan Perkhidmatan Kesihatan

Di bawah rancangan ini Kementerian akan memberi perkhidmatan yang cekap dan berkesan terhadap pengawalan dan pengawasan penyakit-penyakit dengan kerjasama masyarakat seluruhnya, supaya rakyat jelata akan sentiasa dalam keadaan sihat samada dari segi fisikal, mental dan sosial dan tidak hanya memusatkan kepada rancangan penghapusan dan pengawalan penyakit-penyakit sahaja.

Perkhidmatan Kesihatan Awam mengandungi 4 aktiviti besar meliputi kedua-dua kawasan bandar dan luarbandar. Aktiviti tersebut adalah seperti berikut:

(v) Perkhidmatan Kesihatan Awam;

(vi) Perkhidmatan Pergigian;

(vii) Penyelidikan; dan

(viii) Rawatan Pesakit.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran Am	10,258,822	11,392,162	11,376,631
(ii) Perkhidmatan Stor	2,280,801	2,708,400	4,251,730
(iii) Perkhidmatan Latihan	9,750,023	10,213,100	10,360,300
(iv) Perancang dan Pembangunan ..	—	—	518,600
(v) Perkhidmatan Kesihatan Awam ..	57,678,319	68,291,310	81,589,700
(vi) Perkhidmatan Pergigian	12,917,920	15,896,800	17,988,178
(vii) Perkhidmatan Penyelidikan	3,139,575	3,395,000	3,917,530
(viii) Perkhidmatan Rawatan Pesakit ..	158,055,660	178,643,500	203,997,331
Jumlah ..	254,081,120	290,540,272	334,000,000

Prestasi

Aktiviti Perancang dan Pembangunan bagi tahun 1975 telah diasingkan dari Aktiviti Pentadbiran Am. Peruntukan bagi Aktiviti Pentadbiran Am dan peruntukan bagi Aktiviti Perancang dan Pembangunan bagi tahun 1975 disatukan, bertambah $503,069 iaitu 4.42% lebih dari tahun 1974.

Aktiviti Perkhidmatan Stor yang dahulunya terkhas kepada Stor dan Makmal Perubatan dan Stor Pusat Pergigian yang kedua-duanya berada di Petaling Jaya, Selangor. Pada tahun 1975, aktiviti ini dimasukkan perbelanjaan bagi Perkhidmatan Stor yang dijalankan oleh stor-stor negeri. Dengan demikian terdapat tambahan peruntukan sebanyak $1,543,330 atau 57% dari peruntukan tahun 1974.

Peruntukan bagi Aktiviti Latihan ditambah sebanyak $147,200 atau 1.45% dari peruntukan tahun 1974. Tambahan sebanyak 1.45% ini adalah disebabkan perubahan dasar bagi pengambilan pelatih-pelatih, iaitu mulai tahun 1972 pelatih-pelatih yang diterima masuk menjalani beberapa latihan para medical seperti jururawat, penolong jururawat dan pembantu makmal muda tidak lagi dilantik terus ke dalam perkhidmatan. Kementerian telah menerima pelatih-pelatih baru dengan pemberian biasiswa oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Perbelanjaan yang diuntukkan di bawah aktiviti ini ialah bagi pengurusan pusat-pusat latihan sahaja.

Tambahan peruntukan bagi Aktiviti Perkhidmatan Kesihatan Awam ialah sebanyak $13,298,390 iaitu 19.5% lebih dari peruntukan sebanyak $68,291,310 pada tahun 1974. Kegiatan aktiviti ini pada tahun 1974 adalah lebih kepada kesihatan di luarbandar dan ini akan dilebihkan lagi bagi tahun 1975. Satu perkhidmatan baru, Perkhidmatan Jururawat Desa, diperkenalkan di kelinik-kelinik bidan di beberapa tempat terpilih di seluruh negara. Perkhidmatan ini dikendalikan oleh bidan-bidan yang telah diberi latihan khas di Sekolah Latihan Perbidanan di Rembau dan di Jitra, bagi memberi rawatan kepada penyakit-penyakit yang kurang merbahaya kepada penduduk-penduduk yang tinggal berhampiran dengan kelinik-kelinik berkenaan. Kementerian juga akan

memulakan satu perkhidmatan pasukan bergerak kesihatan desa yang antara lain akan menjalankan perkhidmatan kesihatan di sekolah-sekolah dan di kampung-kampung pengawalan penyakit berjangkit dan juga kebersihan alam sekeliling.

Rancangan penyatuan perkhidmatan kesihatan ibu dan kanak-kanak dengan perkhidmatan perancang keluarga telah dimulakan. Usaha ini dijalankan bersama oleh Kementerian dengan kerjasama Lembaga Perancang Keluarga Kebangsaan dari peruntukan yang dikawal oleh Lembaga tersebut.

Kempen Membasmi Malaria mencapai peringkat kemuncak dalam tahun 1974. Kempen ini telah dimulakan di Johor dalam bulan Ogos dan dengan ini keseluruhan negeri di Semenanjung Malaysia telah termasuk dalam berbagai-bagai peringkat kempen tersebut.

Bagi Aktiviti Perkhidmatan Pergigian peruntukan juga dibuat bagi meneruskan pembelian alat-alat loji pembersihan bagi dibekalkan kepada pusat-pusat bekalan air yang dipilih di seluruh negara dalam usaha Kementerian mengadakan kempen memfloraidkan air minuman.

Tambahan bagi Aktiviti Penyelidikan ialah $522,530 atau 15.4% dari peruntukan sebanyak $3,395,000 pada tahun 1974. Usaha penyelidikan perubatan digiatkan dengan bertambahnya bilangan projek dan kertas-kertas hasil selidikan. Satu lagi usaha yang dicadangkan ialah di dalam pengeluaran veksin yang digunakan bagi merawat beberapa penyakit berjangkit yang didapati di negara kita.

Aktiviti Rawatan Pesakit mendapat peruntukan sebanyak $203,997,331 bagi tahun 1975 iaitu tambahan sebanyak $25,353,831 atau 14.2% dari tahun 1974. Kegiatan aktiviti ini bertambah kerana bertambahnya bilangan katil-katil baru yang dibuka di beberapa hospital di seluruh negara dan peluasan perkhidmatan kepakaran ke hospital-hospital luarbandar. Peruntukan juga, ditambah bagi menyelenggara alat-alat rawatan, bangunan-bangunan hospital dan kelengkapan.

Langkah bagi menambah bilangan pelatih-pelatih dalam latihan telah digiatkan lagi dalam tahun 1974. Bilangan pelatih-pelatih di Sekolah Latihan Jururawat di Melaka telah bertambah dari 27 dalam tahun 1973 menjadi lebih dari 120 orang dalam tahun 1974. Pada keseluruhannya bilangan pelatih-pelatih yang diterima masuk bagi kesemua tempat sekolah latihan jururawat telah bertambah dari 600 kepada kira-kira 800 orang setahun. Tambahan bilangan latihan bagi jururawat pergigian, juru teknik pergigian dan juga tempat-tempat latihan di Sekolah Latihan Merinyu Kesihatan Umum, Sekolah Latihan Pembancuh Ubat dan Sekolah Latihan Juru X-Ray telah ditambah dalam tahun 1974. Langkahan ini adalah selaras dengan tujuan Kementerian untuk memberi satu perkhidmatan kesihatan yang cekap kepada seluruh rakyat selaras dengan keperluan pembangunan yang dialami pada masa ini.

Tahun 1973 dan 1974 terdapat kempen besar-besaran untuk menghapuskan wabak demam denggi yang telah mengancam beberapa negeri di Semenanjung Malaysia. Kempen ini telah digiatkan terutama sekali di Negeri Johor di mana kes demam ini telah bertambah dan dalam tahun 1974 hingga bulan Julai 812 kes telah dikesan di Negeri Johor berbanding dengan 1,321 kes bagi Semenanjung Malaysia.

Kegiatan yang lain dalam perkhidmatan kesihatan termasuk mengawal penyakit-penyakit berjangkit yang lain seperti malaria, kusta, tibi, puru dan untut. Walaupun terdapat masaalah kekurangan kakitangan professional dan iktisas untuk mengendalikan perkhidmatan kesihatan ini, kegiatan yang dijalankan sehari-hari tidaklah terjejas dan dengan pegawai-pegawai dan kakitangan yang ada rancangan-rancangan yang akan dijalankan pada tiap-tiap tahun telah dapat dijalankan dengan memuaskan.

Masaalah kekurangan pegawai-pegawai perubatan masih juga dialami walaupun ianya tidak begitu merumitkan seperti beberapa tahun yang lalu. Keputusan Kerajaan mengenakan undang-undang yang berkehendakkan pegawai-pegawai berkhidmat dengan Kerajaan sekurang-kurangnya dua tahun telah mengurangkan kerumitan yang dialami di samping itu Kementerian juga ada mengambil doktor-doktor dari luar negeri seperti dari United Arab Egypt, Indonesia, Pakistan, Bangladesh dan Burma.

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	160,467,118	185,861,100	194,633,600
1200	Elaun-elaun dan Lain-lain Habuan Wang	14,527,653	12,051,700	25,818,900
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..	4,507,831	5,696,200	5,538,200
	Jumlah Gaji ..	179,502,602	203,609,000	225,990,700
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	6,216,067	7,545,100	9,447,000
2200	Pengangkutan Barang-barang ..	972,720	1,207,400	1,252,400
2300	Kemudahan Perhubungan ..	1,406,014	1,684,410	1,783,300
2400	Api, Air dan Letrik dll.	7,122,113	7,426,700	7,792,500
2500	Sewa	255,721	334,380	2,082,260
2600	Perkhidmatan Pencetakan ..	103,226	191,550	232,000
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	45,799,248	48,913,600	63,708,000
2800	Perkhidmatan Pelbagai	6,446,348	7,539,600	8,639,000
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	4,810,311	10,452,500	11,286,678
3300	Pembinaan	200,721	296,470	446,600
4100	Pemberian, Subsidi dan Carum-carum	1,246,029	1,339,562	1,339,562
	Jumlah ..	254,081,120	290,540,272	334,000,000

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974	Bilangan	Anggaran Tahun 1975
		$		$		$
(i) Pentadbiran Am		7,746,933	1,307	8,830,000	1,265	8,744,400
(ii) Perkhidmatan Stor ..		1,545,505	456	1,890,000	457	2,980,700
(iii) Perkhidmatan Latihan ..		8,231,443	2,664	8,376,000	1,018	7,857,000
(iv) Perancang dan Pembangunan	50,318	—	—	—	53	478,600
(v) Perkhidmatan Kesihatan Awam		43,793,962	15,998	51,772,000	16,851	58,891,000
(vi) Perkhidmatan Pergigian ..		10,808,905	2,348	12,090,000	2,629	13,386,000
(vii) Perkhidmatan Penyelidikan		2,435,979	448	2,700,000	492	3,100,000
(viii) Perkhidmatan Rawatan Pesakit		104,939,875	29,590	117,951,000	31,156	130,553,000
Jumlah ..	50,318	179,502,602	52,811	203,609,000	53,921	225,990,700

3. Anggaran Pembangunan

Perbelanjaan sebenar bagi anggaran pembangunan bagi tahun 1973 ialah $34,529,489. Anggaran ini telah dipinda menjadi $62,000,000 pada tahun 1974 dan pada tahun 1975 peruntukan yang dikehendaki ialah sebanyak $71,011,250. Dari jumlah tersebut $58,809,634 adalah bagi Semenanjung Malaysia, $5,216,030 bagi Negeri Sarawak dan $6,985,586 bagi Negeri Sabah.

Sebahagian besar dari peruntukan pembangunan ini ialah bagi pembayaran kepada projek-projek yang sedang dijalankan dan sejumlah peruntukan juga disediakan bagi membaiki hospital-hospital dan pembinaan semula hospital-hospital yang sedia ada. Sejumlah lebih dari $1 juta telah diperuntukkan bagi pembelian kereta-kereta yang akan digunakan bagi semua aktiviti.

Dari segi pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan di Sabah dan Sarawak kemajuan yang memuaskan telah didapati sungguhpun Kementerian menghadapi masaalah kekurangan bahan-bahan pembangunan dan tenaga dan kenaikan harga-harga barang. Di Sarawak $3.1 juta daripada $4.3 juta telah dibelanjakan di dalam tahun 1973 iaitu 72% daripada peruntukan. Kekurangan perbelanjaan yang sama juga dijangka dialami bagi pelaksanaan projek di Sabah kerana kekurangan bahan, tenaga dan kenaikan harga barang-barang pembangunan. Di Sabah dan Sarawak pembinaan Hospital Queen Elizabeth Kota Kinabalu, Hospital Lundu dan Hospital Mukah telah tergendala kerana masaalah tawaran dan pembinaan disebabkan oleh kenaikan harga. Meskipun begitu di kedua-dua wilayah ini usaha mempergiatkan perkhidmatan kesihatan awam diteruskan dan pembinaan pusat-pusat kesihatan dan pembaikan kepada hospital-hospital daerah dijalankan dengan baik. Di Sarawak bagi memberi perkhidmatan kesihatan awam ke wilayah pendalaman perkhidmatan "flying doctor" akan diselenggarakan oleh Kementerian ini. Perkhidmatan ini dahulu diberi oleh Tentera Udara Di Raja Malaysia dengan peruntukan-peruntukan dari Kerajaan Negeri dan Kementerian ini sebagai percubaan.

4. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Belanja Mengurus—			
Semenanjung Malaysia	212,116,198	239,299,672	274,838,200
Sarawak	19,766,545	23,666,500	27,572,000
Sabah	22,198,377	27,574,100	31,589,800
Belanja Pembangunan—			
Semenanjung Malaysia	29,387,363	50,000,000	58,809,634
Sarawak	3,293,518	5,500,000	5,216,030
Sabah	1,848,608	6,500,000	6,985,586
Jumlah Besar ..	288,610,609	352,540,272	405,011,250

Kepala Bekalan 33 ...	...	**$18,803,560**
Kepala Pembangunan 33 ...		**13,439**
Jumlah ...	...	**$18,816,999**

		Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975	...	**$18,803,560**	**$13,439**	**$18,816,999**
Peruntukan 1974	...	**16,336,326**	**10**	**16,336,336**
Perubahan	...	**+ $ 2,467,234**	**+ $13,429**	**+ $ 2,480,663**

1. Tujuan-tujuan

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri adalah menguruskan persoalan-persoalan polisi tentang perkara-perkara yang bersangkutan dengan keselamatan dalam negeri dan keseluruhannya mengawal perkara-perkara itu melalui Ejensi-ejensinya seperti Polis, Penjara, Pendaftaran Negara, Imigeresen, Pendaftar Pertubuhan dan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (diletakkan di bawah kelulaan Kementerian berkuatkuasa mulai 1hb Januari, 1974). Tujuan-tujuan Kementerian bolehlah diringkaskan seperti berikut:

(*a*) Untuk mencapai kerjasama yang rapat dengan pihak yang berkuasa Thai di dalam perjuangan menghapuskan ancaman Kominis di sepanjang Sempadan Malaysia/Thai dan untuk menjaminkan keselamatan di dalam kawasan-kawasan sempadan;

(*b*) Untuk mencapai kerjasama yang rapat dengan pihak berkuasa Indonesia di dalam aktiviti-aktiviti membasmikan pengganas kominis di sepanjang sempadan Sabah dan Sarawak dengan Kalimantan Indonesia;

(*c*) Untuk memeriksa dan menapis sebarang penerbitan atau filem yang mana difikirkan memudaratkan keselamatan negara, akhlak atau keharmonian negara;

(*d*) Untuk mewujudkan kewaspadaan di antara rakyat termasuklah Orang Asli supaya sentiasa berhati-hati menghadapi ancaman-ancaman antikebangsaan;

(*e*) Untuk mencapai kawalan pentadbiran dan ko-ordinasi yang cekap di antara Ejensi-ejensi dan Aktiviti Kementerian di dalam melaksanakan dasar-dasar yang ditetapkan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; dan

(*f*) Bahagian Peperangan Saraf membawa kepada pengetahuan pehak-pehak berkenaan akan kegiatan-kegiatan komunis dan anasir-anasir subversif dan menjalankan langkah-langkah membalas tindakan mereka.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran Am	8,378,500	9,276,798	9,727,096
(ii) Keselamatan Sempadan	194,933	254,471	296,020
(iii) Keselamatan Negeri-negeri	3,555,835	4,427,868	4,955,710
(iv) Tapisan Filem dan Penerbitan ..	338,405	420,671	847,000
(v) Pasukan Kawalan	1,575,837	1,956,518	2,827,274
(vi) Peperangan Saraf	—	145,170	150,460
Perumahan	107,569	—	—
Pencegah Rasuah	2,555,045	—	—
Jumlah ..	16,706,124	16,481,496	18,803,560

(i) *Pentadbiran Am*

Ibu Pejabat Kementerian adalah bertanggungjawab terutama sekali mengenai perkara-perkara Dasar dan Pentadbiran Ejensi-ejensinya (Polis, Imigeresen, Penjara, Pendaftaran Negara, Pendaftar Pertubuhan dan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli), serta mengendalikan terus Aktiviti-aktiviti Pentadbiran Am yang mana mengandungi Pejabat Pegawai Keselamatan Kerajaan, Pejabat Akauntan Kanan Perbendaharaan, Cawangan Hal Ehwal Bekas-bekas Polis, Lembaga Penapis Filem, Bahagian Penerbitan, Ikatan Relawan Rakyat, Jawatankuasa Keselamatan Sempadan yang terletak di Sungai Patani, Jawatankuasa Keselamatan Negeri di Sabah, Sarawak (termasuk RASCOM) dan di tiap-tiap negeri di Semenanjung Malaysia (kecuali Perlis dan Pulau Pinang).

Ibu Pejabat Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menguruskan perkara-perkara seperti rayuan-rayuan berkenaan dengan permohonan-permohonan Kewarganegaraan, Kad Pengenalan, Permit Masuk, Pembaharuan Pas, perkara-perkara berkaitan Keselamatan Dalam Negeri, memproses Perisekan, Rayuan-rayuan Orang-orang Tahanan dan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Sempadan di antara Malaysia/Thailand dan Malaysia/Indonesia. Di samping itu, Kementerian juga mengawal perbelanjaan Aktiviti-aktiviti di bawahnya Jabatan Polis dan Jabatan Penjara.

Pejabat Pegawai Keselamatan Kerajaan terus menjalankan Kursus Keselamatan Perlindungan bagi kakitangan-kakitangan Jabatan-jabatan Persekutuan dan Negeri dan memberi nasihat Keselamatan Jabatan kepada Jabatan-jabatan dan Kementerian-Kementerian.

BEBAN-KERJA

	1972	1973	1974 (sehingga 30-4-74)
Imigeresen—			
Permohonan untuk Permit Masuk diterima	560	558	151
Permohonan untuk Permit Masuk diproses	450	326	31
Permohonan untuk Pas Lawatan diterima	52	75	16
Permohonan untuk Pas Lawatan diproses	40	75	15
Kewarganegaraan—			
Kes-kes permohonan dan Perlucutan diterima	6,500	3,728	119
Kes-kes yang telah diproses	6,000	5,514	269
Kes-kes baki	6,354	5,517	4,687
Pendaftaran Rahsia/Terbuka—			
Jumlah fail-fail yang ada—R	43,200	54,700	55,100
Jumlah fail-fail yang ada—T	1,485	3,882	4,283
Bilangan fail-fail baru yang telah dibuka—R	7,119	2,500	400
Bilangan fail-fail yang telah dibuka—T	287	303	98
Surat-surat yang diterima—R	36,247	35,200	8,600
Surat-surat yang diterima—T	9,360	14,600	3,150
Surat-surat yang dihantar—R	33,365	28,000	72,000
Surat-surat yang dihantar—R	7,800	18,250	4,050
Baucer-baucer yang disediakan ..	1,616	1,645	415

Beban-kerja terus meningkat memandangkan kepada kegiatan akta keadaan keselamatan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Gerakan keselamatan biasa telah dilaksanakan dari masa ke semasa terhadap penyusupan kominis. Masaalah-masaalah yang timbul dari gerakan-gerakan ini diproses oleh Ibu Pejabat Kementerian. Bagi tahun 1975 adalah dijangkakan perbelanjaannya akan melebihi dari tahun-tahun yang lepas.

(ii) *Keselamatan Sempadan*

Kerjasama daripada Kerajaan-kerajaan Thai dan Indonesia terus digiatkan untuk mencapai kawalan yang penuh terhadap gerakan kominis di sepanjang sempadan bersama. Jawatankuasa Sempadan bagi tiap-tiap kawasan mengadakan mesyuarat 2 kali setahun, iaitu, sekali di Malaysia dan sekali lagi di negara-negara yang berkenaan. Pertemuan-pertemuan ini diharapkan berjaya. Masaalah-masaalah terutama sekali mengenai orang-orang Thai di peringkat bawah pada masa sekarang telah dapat diselesaikan sedikit demi sedikit melalui jawatankuasa perhubungan yang ditubuhkan untuk sesuatu tugas bagi menentukan kerjasama sepenuhnya didapati dari kedua-dua belah pihak. Di samping itu perjumpaan-perjumpaan perhubungan dan lawatan-lawatan telah diatur dengan Indonesia untuk menyelesaikan masaalah-masaalah di sepanjang Sempadan samada di darat atau di laut.

Beban-kerja Pejabat Jawatankuasa Keselamatan Sempadan di Sungei Patani telah bertambah dengan tertubuhnya jawatankuasa perhubungan. Adalah diramalkan bahawa perbelanjaan bagi tahun 1975 melebihi perbelanjaan tahun 1974. Perbelanjaan yang perlu bagi Pejabat Jawatankuasa Keselamatan Kawasan Sempadan (RBCO) di Songkhla akan bertambah memandangkan kepada kenaikan harga barang-barang bekalan dan peralatan berhubung dengan pentadbiran di Jawatankuasa Wilayah Sempadan yang telah dipersetujui dalam tahun 1973 yang dijangka akan terlaksana sepenuhnya dalam tahun 1975. Perbelanjaan keraian juga bertambah.

(iii) *Keselamatan Negeri-negeri*

Jawatankuasa Keselamatan Negeri yang mana telah ditubuhkan dalam bulan Februari, 1971 untuk menggantikan Jawatankuasa Gerakan Negeri terus berjalan di Negeri-negeri Kedah, Perak, Kelantan, Sabah dan Sarawak. Pada 15hb April, 1974 suatu Pejabat Keselamatan Negeri telah ditubuhkan di Negeri Pahang sebagai suatu langkah yang mustahak untuk menentang ancaman kominis di Pahang. Berdasarkan kepada lapuran-lapuran mengenai perkembang aktiviti-aktiviti sabversif di negeri-negeri lain maka telah dicadangkan penubuhan Jawatankuasa Keselamatan Negeri di Negeri-negeri Trengganu, Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor mulai 1hb Jun, 1974. Kesemua Jawatankuasa Keselamatan Negeri ini memainkan peranan perhubungan yang penting di antara pasukan keselamatan, Jabatan-jabatan Negeri dan Persekutuan dan juga rakyat tiap-tiap negeri. Aspek perangsaraf akan diutamakan dalam tahun 1975 untuk menambahkan keyakinan di dalam hati dan fikiran rakyat terhadap Kerajaan dan menentang Pengganas-pengganas Kominis.

Gerakan Keselamatan terus dijalankan di Negeri-negeri Kedah, Perak, Kelantan dan Pahang dan juga di Sarawak. Di negeri terkemudian, gerakan keselamatan yang dihentikan bagi sementara waktu dalam tahun 1974 untuk membolehkan anggota kominis menyerahdiri telah dimulakan semula pada 6hb Julai, 1974 bagi menghapuskan mereka-mereka yang tidak mahu menerima syarat-syarat pengampunan. Kejayaan yang telah dicapai dalam gerakan ini adalah hasil dari kerjasama yang diterima dari rakyat. Di Sabah, Jawatankuasa Keselamatan Negeri sekarang memainkan peranan penting dalam menyelesaikan masaalah-masaalah yang timbul dari kemasukan orang-orang pelarian Filipina yang disebabkan oleh desakan pemerintahan tentera di beberapa bahagian di Filipina. Sementara itu Pendaftaran Penghuni terus dikuatkuasakan di Sabah dan di Bahagian Ketiga dan beberapa daerah-daerah lain dalam Bahagian Pertama di Sarawak.

Lapuran risikan menunjukkan bahawa Kominis-kominis di Semenanjung Malaysia telah menukar tektik-tektik perjuangan mereka kepada satu perjuangan yang lebih hebat bertentangan kepada anggota-anggota pasukan keselamatan dan juga mencuba menjalankan rancangan-rancangan perangsaraf yang lebih dalam daripada rancangan-rancangan perangsaraf Kerajaan.

Untuk tahun 1975, Gerakan Kerajaan dalam berbagai-bagai bidang akan diperluaskan. Perbelanjaan yang dianggarkan akan turut bertambah. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri juga akan terus bertanggungjawab mengenai pembekalan peruntukan untuk pentadbiran RASCOM.

(iv) *Tapisan Filem dan Penerbitan*

(*a*) Tapisan Filem

Aktiviti ini di bawah Kementerian mengandungi penapisan filem di bawah Cinematograph Films (Censorship Act), 1972 dan penelitian terhadap penerbitan-penerbitan dalam bahasa Cina yang diimpot di bawah peruntukan "Akta Kawalan Penerbitan-penerbitan Yang Diimpot, 1958."

Semua filem-filem yang diimpot ke Negara ini adalah diteliti oleh Lembaga Penapis Filem sebelum diluluskan untuk tayangan ramai. Filem-filem ini termasuklah tayangan-tayangan gambar dan trelarnya, "shorts", iklan-iklan, filem-filem pendidikan dan teknikal, filem-filem yang berukuran dari 70mm hingga 8mm dan dalam sebarang bahasa, filem-filem untuk siaran TV dan filem-filem untuk maksud lain yang hendak diluluskan bagi tayangan ramai.

Beban-kerja aktiviti ini adalah seperti berikut:

Tahun	Persendirian	TV	Potongan sebahagian	Filem-filem yang diharamkan	Hasil Pungutan
1971	15,584	5,372	300	32	315,841.25
1972	16,483	3,822	341	35	328,905.80
1973	15,954*	4,011	353	39	326,553.20

Pada mulanya filem-filem ini ditapis oleh Lembaga Penapis Filem. Rayuan-rayuan terhadap keputusan Lembaga diuruskan oleh Jawatankuasa Rayuan. Jawatankuasa Khas hanya berjumpa untuk menentukan bahawa filem-filem dari negara-negara tertentu di mana tujuan politik tidak selaras dengan dasar Kerajaan Malaysia. Dalam tahun 1973 Jawatankuasa Rayuan telah mengadakan perjumpaan sebanyak 10 kali dan Jawatankuasa Khas sebanyak 16 kali.

Dalam pertengahan tahun 1973, satu Lapuran telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen mengkaji filem-filem yang mendatangkan persoalan. Lapuran itu mengsyorkan supaya penyusunan Lembaga Penapis Filem dan sistem penapis filem disusun semula. Ianya juga mengsyorkan pengharaman semua filem-filem "Untuk Dewasa Sahaja." Lapuran ini telah dibentangkan di Parlimen lewat tahun 1973 dan telah diluluskan dengan beberapa pindaan. Sebagai hasilnya, "Cinematograph (Censorship) Act, 1952 (Amendment 1972) (Amendment 1974)" telah dikuatkuasakan mulai 1hb April, 1974.

Jabatan Lembaga Penapis Filem telah disusun semula pada 1hb April, 1974 dan mengandungi:

(*a*) Lembaga Penapis Filem;

(*b*) Jawatankuasa Penilaian Filem;

(*c*) Jawatankuasa Rayuan Filem;

(*d*) Ibu Pejabat Pentadbiran termasuk Yunit Penguatkuasa Filem.

---

*NOTA:

Termasuk 1,858 tayangan filem gambar, 3,480 trelar, 1,522 "shorts", 8,651 iklan dan 493 filem 8mm.

Beban-kerja aktiviti ini ternyata bertambah. Lebih banyak filem-filem digunakan sebagai alat penerangan di sekolah-sekolah, kilang-kilang, firma-firma, institusi-institusi latihan dan institusi perkhidmatan tempatan. Rancangan-rancangan TV juga memerlukan tambahan pengimpotan filem-filem. Untuk menampongi tambahan beban-kerja, tambahan kakitangan, peralatan pejabat dan alat tayangan telah diluluskan dalam tahun 1974. Jabatan ini juga melaksanakan Yunit Penguatkuasa untuk mempastikan bahawa pembahagi dan penunjuk-penunjuk filem-filem memenuhi kehendak-kehendak undang-undang.

(*b*) Kawalan Penerbitan

Penerbitan-penerbitan dalam Bahasa Cina yang diimpot ke Semenanjung Malaysia dari luar negeri melalui pintu masuk yang lazim adalah diteliti oleh Kakitangan Bahagian Penerbitan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri di pejabat-pejabatnya di Kuala Lumpur, Johor Bahru, Seremban, Ipoh dan Pulau Pinang. Semenjak tahun 1972 pemeriksaan 100% ke atas penerbitan-penerbitan yang diimpot ke Semenanjung Malaysia telah dijalankan. Lebih dari 30 penerbitan dari Cina yang dahulunya diharamkan telah dibenarkan untuk edaran.

Beban-kerja Bahagian ini terus meningkat seperti yang ditunjukkan oleh perangkaan berikut:

	Tahun 1972	Tahun 1973	Tahun 1974 (sehingga 31hb Mac)
(i) Bilangan penerbitan Cina yang diimpot yang diperiksa	31,565	36,682	8,996
(ii) Bilangan salinan penerbitan Cina yang diimpot yang diperiksa ..	16,026,780	8,628,381	1,835,254
(iii) Bilangan penerbitan Cina prasangka yang ditahan	987	1,847	766
(iv) Bilangan salinan penerbitan Cina prasangka yang ditahan	74,888	91,102	22,581
(v) Bilangan penerbitan yang diharamkan di bawah Akta Kawalan Penerbitan Yang Diimpot 1958	23	14	—
(vi) Bilangan penerbitan yang diharamkan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960	19	5	—
(vii) Bilangan Lesen Mencetak dikeluarkan di bawah Seksyen 3 (1) Akta Mesin Cetak, 1948	573	575	508
(viii) Bilangan kebenaran yang dikeluarkan di bawah Seksyen 7 (1) Akta Mesin Cetak, 1948	451	550	399
(ix) Bilangan kebenaran yang dikeluarkan di bawah Seksyen 7A (1) Akta Mesin Cetak, 1948	70	54	36

Memandangkan kepada beban-kerja terbatas yang dilaksanakan oleh kakitangan sekarang Bahagian ini telah meluluskan tambahan 4 orang Pembaca Cina dalam tahun 1974 untuk pintu masuk di Selatan. Lantikan baru ini ditempatkan di Johor Bahru.

Satu kajian sedang dibuat pada masa ini untuk menyatakan penelitian terhadap penerbitan-penerbitan yang diimpot yang meliputi semua bahasa dan pindaan-pindaan yang perlu terhadap Akta, menambah bilangan kakitangan, peralatan pejabat dan penempatan pejabat-pejabat yang diperlukan untuk keperluan cadangan masa hadapan. Perbelanjaan di dalam perkara ini tidak termasuk dalam Anggaran tahun 1975.

(v) *Pasukan Kawalan*

Dalam tahun 1971 Pasukan Kawalan telah disusun semula untuk menerima konsep baru sebagai "mata dan telinga" Kerajaan. Kejayaan-kejayaan yang telah dicapai dalam masa dua tahun yang lampau adalah seperti berikut:

	1972	1973
(i) Maklumat mengenai anasir-anasir kominis ..	19	74
(ii) Penyeludupan	5	9
(iii) Bantuan semasa bencana alam	2	—
(iv) Projek "Gotong Royong" dan bantuan banjir ..	1	667
(v) Maklumat biasa	12	21
(vi) Masuk secara haram	—	362

"Maklumat biasa" dalam konteks di atas termasuklah maklumat mengenai kecurian kerbau, lembu, menceroboh tanah, pemburuan haram, pembalakan haram, penyebaran pengajaran ugama yang salah kepada Orang Asli, judi dan narkotik. Pasukan Kawalan terus meneruskan usahanya dalam menjayakan projek-projek "Gotong Royong" dan juga memberi pertolongan banjir. Mereka juga memberi maklumat-maklumat yang berguna kepada Polis dan lain-lain pihak berkuasa.

Perkembangan yang dicapai dalam penubuhan Pasukan Kawalan adalah diturunkan di bawah ini dengan memberi perbandingan perangkaan untuk tahun-tahun 1972 dan 1973:

	1972		1973	
	Yunit	Ahli	Yunit	Ahli
Semenanjung Malaysia (10 ahli tiap-tiap yunit) ..	572	5,720	3,093	30,930
Sarawak (50 ahli tiap-tiap yunit dalam tahun 1972 ditukarkan kepada 10 ahli tiap-tiap yunit dalam tahun 1973)	61	3,010	1,074	10,740
Sabah (100 ahli tiap-tiap yunit dalam tahun 1972 ditukarkan kepada 10 ahli tiap-tiap yunit dalam tahun 1973)	441	15,901	1,675	16,750
Jumlah ..	1,074	24,631	5,842	58,420

	Semenanjung Malaysia	Sabah	Sarawak	Jumlah
(i) Jumlah senapang-senapang patah yang dikeluarkan dalam tahun 1973	1,864	1,220	1,678	4,762
(ii) Bilangan Ketua Yunit yang dilatih dalam tahun 1973	320	—	—	320
(iii) Bilangan yang dianggarkan akan dilatih dalam tahun 1974	1,500	—	—	1,500
(iv) Bilangan yang dianggarkan akan dilatih dalam tahun 1975	5,000	—	—	5,000

Bagi tahun 1974, jumlah keahlian yang ditujukan ialah 500,000 ahli atau 50,000 yunit. Langkah-langkah untuk mencapai matlamat ini telah dimulakan dan sehingga akhir bulan Februari, jumlah keahlian telah meningkat 77,360. Yunit-yunit yang ditempatkan di kawasan-kawasan keselamatan di Pahang, Perak dan Kelantan telah menubuhkan pasukan kawalan kampung dan adalah diharapkan untuk membahagi-bahagikan kira-kira 3,000 senapang patah kepada mereka.

Kursus-kursus latihan bagi menegaskan kegunaan mereka kepada masyarakat telah dirancangkan untuk Ketua-ketua yunit dan bergantung kepada keadaan kewangan adalah diharapkan dapat melatih 5,000 orang lagi dalam tahun 1975.

(vi) *Peperangan Saraf*

Bahagian Peperangan Saraf telah dipindahkan ke Kementerian ini dari Jabatan Perdana Menteri akibat susunan semula Kementerian-kementerian selepas Pilihan Raya 1974.

Bahagian Peperangan Saraf menjalankan gerakan-gerakan perang saraf menentang gerila-gerila komunis di sepanjang sempadan Malaysia-Thai dan Sempadan Malaysia-Indonesia bersama-sama dengan Jabatan Penerangan; hendak menyelidik tujuan-tujuan, dasar-dasar, tektik-tektik dan kaji kaedah Parti Komunis Malaya dan Pertubuhan-pertubuhan yang di bawah kuasanya supaya dapat diperolehi asas untuk merancang tindakan-tindakan balas; hendak menyiasat tujuan, dasar dan kaji kaedah Parti Komunis Malaysia; dan menjalankan kegiatan-kegiatan lain yang diarahkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa terutama sekali berhubung dengan penyusupan dan perbuatan sabversif Komunis.

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	3,239,425	4,515,023	5,229,163
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	428,622	357,750	1,288,470
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..	91,052	134,785	166,657
	Jumlah Gaji ..	3,759,099	5,007,558	6,684,290
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	281,814	368,225	582,500
2200	Pengangkutan Barang-barang ..	14,493	26,810	37,800
2300	Kemudahan Perhubungan ..	55,155	71,566	109,900
2400	Api, Air dan Letrik dll.	22,522	81,370	86,150
2500	Sewa	114,020	106,132	181,020
2600	Perkhidmatan Pencetakan ..	24,996	92,305	109,760
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	217,162	193,841	312,800
2800	Perkhidmatan Pelbagai	283,090	467,407	510,300
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	75,611	51,262	443,310
3300	Pembinaan	35,923	10	20
4100	Pemberian, Subsidi dan Carum-carum	—	10	10
5500	Pelbagai	9,159,625	10,015,000	9,745,700
	Jumlah ..	14,043,510	16,481,496	18,803,560

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974	Bilangan	Anggaran Tahun 1975
		$		$		$
(i) Pentadbiran Am	205	1,394,599	236	1,445,130	235	1,753,076
(ii) Keselamatan Sempadan ..	6	31,289	6	37,136	6	36,000
(iii) Keselamatan Negeri-negeri	292	881,509	400	1,527,992	369	2,330,000
(iv) Tapisan Filem and Penerbitan	67	313,548	74	386,969	77	783.000
(v) Pasukan Kawalan ..	261	1,138,154	262	1,479,921	287	1,647,814
(vi) Peperangan Saraf ..	—	—	17	130,410	17	134,400
Jumlah ..	831	3,759,099	995	5,007,558	991	6,684,290

3. Anggaran Pembangunan

SARAWAK

Pecahan kepala		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
21. Perbelanjaan Darurat	.. ..	23,159	10	13,439
	Jumlah ..	23,159	10	13,439

Kemajuan Kerja-kerja Pembinaan

Pembinaan Darurat

Pada tahun 1973, beberapa tambahan dan perubahan telah dibuat di dalam bangunan untuk Ibu Pejabat RASCOM di Sibu. Tetapi oleh kerana beban-beban kerja telah meningkat atas pelancaran rancangan sekatan perbekalan dan pendaftaran penghuni di dalam kawasan RASCOM angguta-angguta dalam Ibu Pejabat RASCOM telah ditambah dan tambahan perjawatan itu mengakibatkan tambahan ruangan pejabat juga. Oleh itu adalah dicadangkan menggunakan Rumah Rehat Kerajaan yang lama di Sibu untuk melaksanakan kerja tersebut. Kerajaan Sarawak akan memberi persetujuannya atas cadangan itu akan tetapi RASCOM bersetuju membina sebuah bangunan tambahan bagi Rumah Rehat yang baru di Sibu sebagai penggantiannya. Kesemuanya pembinaan tersebut di anggarkan menelan perbelanjaan sebanyak $116,000. Pada masa sekarang, perkara ini sedang dirundingkan. Dianggapkan satu persetujuan dapat dicapai sebelum akhir tahun 1974. Sebanyak $13,439 telah dimasukkan dalam Anggaran tahun 1975 sebagai perbelanjaan yang diramalkan untuk pembinaan yang tidak dapat disempurnakan pada tahun 1974.

4. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Belanja Mengurus—			
Semenanjung Malaysia	10,078,520	11,638,887	13,495,129
Sarawak	3,526,891	4,030,175	4,523,236
Sabah	438,099	812,434	785,195
Belanja Pembangunan—			
Sarawak	23,159	10	13,439
JUMLAH BESAR ..	14,066,669	16,481,506	18,816,999

Kepala Bekalan 34	**$293,697,800**
Kepala Pembangunan 34 ...	**75,537,081**
Jumlah ...	**$369,234,881**

	Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975 ...	**$293,697,800**	**$75,537,081**	**$369,234,881**
Peruntukan 1974 ...	**258,666,888**	**69,845,138**	**328,512,026**
Perubahan ...	**+ $ 35,030,912**	**+ $ 5,691,943**	**+ $ 40,722,855**

1. Tujuan-tujuan

Matlamat-matlamat dan tugas-tugas Polis Di Raja Malaysia adalah:

(*a*) Pemeliharaan Undang-undang dan Ketenteraman;

(*b*) Pengekalan Keamanan dan Keselamatan;

(*c*) Pencegahan dan Pengesanan Jenayah;

(*d*) Penangkapan dan Pendakwaan Orang-orang yang melakukan kesalahan; dan

(*e*) Pengumpulan Risikan-risikan Keselamatan, di

dalam negeri dan di kawasan-kawasan perairannya. Di samping itu Pasukan Polis juga adalah dikehendaki menjalankan tugas-tugas bagi mempertahankan negara bersama-sama Angkatan Tentera dalam masa peperangan.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran Program—			
(*a*) Pentadbiran	74,282,178	73,607,028	78,680,400
(*b*) Kewangan dan Bekalan ..	4,258,471	4,783,370	5,323,100
(ii) Pencegahan Jenayah	15,709,934	15,469,239	17,007,200
(iii) Menguatkuasakan Undang-undang dan Perintah—			
(*a*) Lalu-lintas	3,203,235	5,002,360	5,724,100
(*b*) Lain-lain Gerakan	91,577,579	98,094,900	112,573,800
(iv) Risikan Keselamatan	18,452,251	20,869,600	22,777,400
(v) Perkhidmatan-perkhidmatan Tambahan—			
(*a*) Kenderaan	19,460,074	20,566,965	26,093,086
(*b*) Semboyan	10,912,586	13,385,700	15,973,617
(*c*) Senjata	2,783,079	3,141,326	3,996,797
(vi) Latihan..	3,495,414	3,746,400	5,548,300
Jumlah ..	244,134,801	258,666,888	293,697,800

(i) *Pentadbiran Program*

(*a*) Pentadbiran

Aktiviti ini kedua besarnya dari segi kekuatan kakitangan, adalah dianggap sebagai yang terpenting sekali kepada Jabatan Polis oleh kerana dasar dan rancangan kepolisian adalah di bawah tanggungjawabnya.

Beban-kerja bagi tahun 1973, 1974 dan 1975 adalah seperti berikut:

BEBAN-KERJA

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Lesen/Pendaftaran—			
Bilangan lesen senjata dan lain-lain dikeluarkan	141,638	142,840	150,010
Bilangan beranak didaftarkan	172,174	185,217	177,493
Bilangan mati didaftarkan	50,157	53,591	52,176
Bit dan Meronda—			
Bilangan bit dijalankan	525,942	810,822	845,639
Bilangan ronda dijalankan	355,709	396,953	427,868
Bilangan jam masa kakitangan dijalankan untuk bit/ronda	9,757,914	9,459,321	9,123,590
Eskot—			
Bilangan eskot gaji dijalankan ..	69,076	74,199	81,843
Bilangan eskot bersenjata dijalankan ..	23,144	26,613	30,301
Bilangan eskot orang-orang kenamaan	11,101	12,646	14,323
Pengambilan Kakitangan—			
Bilangan rekod kakitangan dijaga ..	32,929	34,313	38,858
Bilangan rekrut (Beruniform atau tidak)	1,554	1,397	1,470

HASIL

	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Anggaran Tahun 1974 $	Anggaran Tahun 1975 $
Pendaftaran Beranak dan Mati	5,347	5,000	5,500
Pelbagai	312,058	310,510	310,510
Pemberian daripada Keretapi dan Pelabuhan	222,617	230,000	230,000
Pengiring dan Penjaga Tetap	373,245	380,000	380,000
Sewa Harta Kerajaan—Bangunan-bangunan dan Rumah-rumah	193,056	200,000	200,000
Wang di Bank—Bunga	12,716	10,000	10,000
Mahkamah (Denda dan Rampasan) ..	35,310	35,000	35,000
Bayaran Balik Gaji kerana berhenti kerja	29,389	10,000	10,000

(*b*) Kewangan dan Bekalan

Aktiviti ini diletak di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sebagai langkah pertama dalam proses integrasi, bertanggungjawab menguruskan urusan-urusan kewangan Jabatan Polis termasuklah penyediaan anggaran, pembelian, menyimpan dan mengedarkan alat-alat kelengkapan yang diperlukan oleh Pasukan Polis.

Beban-kerja adalah seperti berikut:

BEBAN-KERJA

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Kewangan—			
Bilangan pembayaran dengan baucer	161,471	176,676	188,929
Bilangan journal baucer disiap.. ..	6,384	7,352	8,043
Bilangan resip dikeluar	441,370	469,913	488,984
Bilangan cek dikeluarkan	180,111	174,019	195,591
Bilangan hasil yang dikutip dan dimasukkan kedalam akaun	$8,452,061	$8,584,330	$9,065,353
Pembekalan—			
Bilangan penerimaan/keluaran dari stor	912,147	999,441	1,018,011
Barang-barang stor dipunggah ..	1,085,579	1,377,595	1,410,107
Barang-barang stor dihantar dengan udara/laut/rail-jalan	716,911	931,335	1,076,112
Bilangan indent dari seberang laut ..	168,019	168,030	179,230
Bilangan pembelian tempatan/kontrek	15,279	57,841	18,436
Kerja dan Bangunan—			
Bilangan kerja-kerja kecil dijalankan ..	899	1,090	1,288

HASIL

	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Anggaran Tahun 1974 $	Anggaran Tahun 1975 $
Jualan barang-barang	74,020	70,000	70,000
Faedah dan hasil daripada Pinjam kenderaan	28,000	30,000	30,000
Terimaan balik bayaran lebih dalam tahun-tahun lalu	140,035	100,000	100,000

(ii) *Pencegahan Jenayah*

Rancangan pembangunan yang pesat sekarang ini, terutamanya dalam bidang perindustrian dan pembandaran telah membawa bersama-samanya masaalah "sosio-ekonomi". Ini telah melibatkan penggunaan tenaga polis yang lebih meluas khasnya dalam bidang pencegahan dan pendakwaan jenayah.

BEBAN-KERJA

	Yang Sebenar Tahun 1973	Yang Sebenar Tahun 1974	Yang Sebenar 31-3-1975
Pembunuhan	130	127	25
Cubaan membunuh	41	41	11
Rompakan	1,226	1,568	424
Pecahan rumah dan kecurian	7,703	8,352	1,462
Lain kecurian	21,015	25,148	4,726
Ugutan	436	386	77
Cederaan	1,059	1,020	153
Bilangan orang jenayah di bawah pengawasan polis	280	225	41
Bilangan orang ditahan di bawah PO dan PC Ord. 5/69	180	150	139
Bilangan orang disekat di bawah POPO/ PR Enact	142	82	6
Bilangan repot-repot	388,657	435,036	131,241
Bilangan penyiasatan	401,931	54,189	13,054
Bilangan tangkapan	271,540	31,461	7,863
Bilangan dakwaan	22,460	26,715	6,678
Bilangan cap jari diterima	32,070	34,165	9,642
Bilangan cap jari orang-orang jenayah didaftarkan	616,064	629,553	632,393
Bilangan gambar-gambar diambil di-tempat kejadian jenayah dan semasa menjalankan penyiasatan	839,967	262,933	67,698
Bilangan "exhibit" yang dihantar untuk kejadian	27,079	28,271	7,199

HASIL

	Yang Sebenar Tahun1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Bayaran balik daripada Singapura terhadap perbelanjaan pendaftaran jenayah	101,798	100,000	100,000
Nasihat atas cap jari	330	500	500

(iii) *Menguatkuasakan Undang-undang dan Perintah*

(*a*) Lalu-lintas

Kegiatan cawangan ini bertambah dengan bertambahnya bilangan kenderaan di jalanraya. Cawangan ini sedang diperbesarkan dengan menambahkan lagi yunit perondanya dan dilengkapkan dengan alat-alat yang moden.

Satu perkembangan baru ialah pengambilan kaum wanita untuk bertugas di cawangan ini mulai tahun 1974.

BEBAN-KERJA

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Bilangan kemalangan yang disiasat ..	33,396	32,859	35,482
Bilangan kesalahan lalu-lintas yang dilapurkan	296,668	253,673	269,132
Bilangan dakwaan	64,196	63,741	70,153
Bilangan kesalahan di Kompaun ..	125,120	164,061	172,854
Bilangan Kempen Keselamatan jalanraya dilancarkan	960	924	1,062

HASIL

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Bayaran menyelesaikan tanpa pembicaraan	$2,503,787	$2,500,000	$3,000,000

(*b*) Lain-lain Gerakan

Aktiviti ini adalah yang terbesar dan mengandungi yunit-yunit iaitu Pasukan Polis Hutan, Merin, Pasukan Simpanan Persekutuan, Senoi Praaq, Polis Pembantu dan Pengakap Sempadan. Pasukan-pasukan ini perlu diperbesarkan memandangkan kegiatan-kegiatan yang meluas oleh anasir-anasir anti-nasional. Tanggungjawab pasukan Merin sejak tahun 1974 telah bertambah dengan adanya kegiatan perusahaan petroleum di perairan Malaysia di samping menjalankan tugas-tugas biasa mencegah penyeludupan dan sengketa di antara nelayan-nelayan pukat tunda.

Pasukan Polis Hutan, Merin dan Pasukan Simpanan Persekutuan adalah juga mempunyai anggota-anggota yang terdiri dari kaum wanita.

BEBAN-KERJA

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Gerakan-gerakan (PPH)			
Bilangan gerakan yang dijalankan ..	240	238	376
Bilangan jam masa kakitangan dalam gerakan	8,975,915	10,553,277	13,041,654
Keselamatan Awam (FRU)			
Bilangan tunjuk perasaan/rusuhan ..	64	84	95
Bilangan jam dalam menjalankan tugas mencegah rusuhan	194,606	189,672	210,580
Bilangan jam masa kakitangan dalam tugas mencegah jenayah	630,915	636,556	690,837
Bilangan jawatan-jawatan orang kenamaan langkah keselamatan	1,061	1,060	1,218

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Laut			
Bilangan bot-bot disenggarakan ..	726	790	1,268
Bilangan kerja membaiki yang dijalankan	5,313	5,884	7,400
Bilangan jam masa kakitangan dalam tugas rondaan di laut	5,069,103	5,312,119	5,791,226
Bilangan jam masa kakitangan dalam tugas rondaan di pelabuhan-pelabuhan/ sungai-sungai	2,164,555	2,417,848	2,383,011
Bilangan bot-bot yang melakukan kesalahan-kesalahan dan ditahan ..	1,449	1,677	1,779
Bilangan orang salah ditahan	3,057	9,089	2,765
Pasukan-pasukan Tambahan			
Bilangan jam masa kakitangan dalam tugas oleh:			
PSS	2,415,083	2,490,994	2,643,993
Mata-mata tambahan	742,135	592,566	530,680
Pengakap-pengakap Sempadan ..	2,277,621	2,604,601	2,587,920
Pasukan Kedet Polis	129,220	154,113	168,716
Mata-mata pembantu	14,600	20,600	25,000
Mata-mata Khas (Sabah)	8,520	12,000	13,200

(iv) *Risikan Keselamatan*

Penggunaan kekerasan oleh pengganas-pengganas komunis dan anasir-anasir anti-nasional telah bertambah melibatkan kerugian nyawa dan harta-benda. Kegiatan serupa ini mestilah dihapuskan dan ini memerlukan usaha-usaha yang hebat untuk mengumpul risikan-risikan keselamatan.

Beban-kerja telah bertambah dengan adanya penggunaan kekerasan oleh komunis dan anasir anti-nasional serta perhubungan diplomatik dengan negara-negara blok-komunis termasuk Republik Rakyat Cina.

BEBAN-KERJA

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Bilangan tangkapan-tangkapan	4,790	5,028	6,077
Bilangan tahanan-tahanan	886	758	940
Bilangan ejen gerakan dan anasir-anasir subversif	671	858	1,075
Bilangan orang yang ditapis	325,287	360,760	259,962
Bilangan lapuran-lapuran risikan yang diterima	29,567	28,185	31,838

(v) *Perkhidmatan-perkhidmatan Tambahan*

(*a*) Kenderaan

Cara pengangkutan yang cekap dan pantas amatlah perlu dalam tugas-tugas polis menjaga keamanan.

Dalam tahun 1975 peruntukan yang besar telah dikhaskan untuk mengganti kereta-kereta lama kepada jenis baru.

BEBAN-KERJA

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Bilangan kenderaan (semua jenis) di-senggarai	11,881	9,377	10,103
Bilangan membaiki	160,042	160,122	169,374

HASIL

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Sewa pengangkutan	35,892	35,000	35,000
Jualan kenderaan dan barang-barang ..	678,296	500,000	500,000

(*b*) Semboyan

Aktiviti ini adalah bertanggungjawab mengendalikan keperluan-keperluan Polis dalam bidang perhubungan supaya segala maklumat yang penting dapat diterima dengan segera. Set-set yang digunakan termasuklah jenis VHF dan UHF dan adalah dijangkakan dalam tahun 1975 semua set-set semboyan ini akan ditukarkan daripada AM ke FM.

BEBAN-KERJA

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Bilangan set VHF diguna di pejabat-pejabat Pentadbiran Polis	1,924	2,154	2,401
Bilangan set VHF diguna dalam kende-raan/lanci laut	2,047	2,068	2,265
Bilangan radio-radio kecil diguna ..	1,807	2,222	2,774
Bilangan peti taliprinter diguna	301	331	367
Bilangan semboyan VHF	70,186,697	80,634,056	88,385,541
Bilangan maklumat melalui taliprinter ..	187,328,662	196,538,551	209,234,677
Bilangan PABX	370	387	400
Bilangan talipon	8,819	8,904	9,396

(*c*) Senjata

Pasukan Polis dilengkapkan dengan senjata dan alat-alat yang bersangkutan dengannya untuk menjaga keselamatan dalam negeri dan membantu Angkatan Tentera dalam peperangan.

BEBAN-KERJA

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Bilangan senjata (semua jenis) dalam simpanan	120,839	135,074	149,963
Bilangan senjata diperiksa	232,730	255,520	276,762
Bilangan kerja membaiki dijalankan ..	75,338	84,609	90,195

HASIL

Penjualan senjatapi, peluru dan keleng-kapan	$7,844	$1,000	$1,000

(vi) *Latihan*

Pada masa ini cawangan ini mempunyai 3 pusat latihan yang terbesar, iaitu di Ulu Kinta, Kuala Kubu Bharu dan Kuala Lumpur. Pusat-pusat ini menjalankan latihan asas, latihan lanjutan dan ulangkaji untuk semua peringkat. Cawangan ini juga bertanggungjawab menghantar anggota Polis berkursus keluar negeri.

BEBAN-KERJA

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Bilangan kursus latihan tempatan ..	1,680	2,006	2,191
Bilangan Pegawai-pegawai (semua peringkat) yang menerima latihan tempatan termasuk latihan dalam jawatan	24,821	27,899	29,252
Bilangan pegawai-pegawai dalam latihan diseberang laut	79	107	87

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	159,483,578	162,834,004	176,012,700
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	34,870,094	32,920,099	41,324,400
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..	701,755	788,575	662,900
	Jumlah Gaji ..	195,055,427	196,542,678	218,000,000
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	6,865,338	8,936,100	9,202,900
2200	Pengangkutan Barang-barang ..	678,101	929,100	816,700
2300	Kemudahan Perhubungan ..	2,722,648	2,788,500	2,979,900
2400	Api, Air dan Letrik dll.	3,129,307	3,005,300	3,224,300
2500	Sewa	1,237,908	1,353,900	1,361,800
2600	Perkhidmatan Pencetakan.. ..	26,797	37,700	77,100
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	19,360,085	25,833,990	31,842,200
2800	Perkhidmatan Pelbagai	8,132,789	8,605,700	11,355,100
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	6,078,566	9,400,720	13,620,300
3300	Pembinaan	809,767	1,170,000	1,150,400
4100	Pemberian, Subsidi dan Carum-carum	32,299	46,000	46,100
5500	Pelbagai	5,769	17,200	21,000
	Jumlah ..	244,134,801	258,666,888	293,697,800

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974	Bilangan	Anggaran Tahun 1975
(i) Pentadbiran Rancangan:						
(*a*) Pentadbiran ..	16,639	67,328,144	17,198	65,375,928	17,196	68,969,300
(*b*) Kewangan dan Bekalan	787	3,796,936	829	4,200,000	829	4,372,900
(ii) Pencegahan Jenayah ..	1,897	13,616,103	1,983	13,089,939	1,983	14,261,200
(iii) Menguatkuasakan Undang-undang dan Perintah:						
(*a*) Lalu-lintas ..	647	2,996,308	780	3,125,360	780	3,453,900
(*b*) Lain-lain Gerakan	20,111	74,048,771	20,219	74,000,000	20,219	86,066,300
(iv) Risikan Keselamatan ..	2,561	16,492,631	2,610	18,500,000	2,610	19,976,400
(v) Perkhidmatan-perkhidmatan Tambahan:						
(*a*) Kenderaan ..	2,357	9,090,480	2,535	8,978,765	2,535	10,112,600
(*b*) Semboyan	1,477	5,374,878	1,581	6,100,000	1,581	6,959,800
(*c*) Senjata	193	701,410	199	872,686	199	929,500
(vi) Latihan	448	1,609,766	481	2,300,000	481	2,898,100
Jumlah ..	47,117	195,055,427	48,415	196,542,678	48,413	218,000,000

3. Anggaran Pembangunan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Semenanjung Malaysia	18,819,765	29,847,940	43,772,296
(ii) Sarawak	11,805,367	17,877,010	11,697,606
(iii) Sabah	4,147,833	8,320,010	10,218,380
(iv) Kelengkapan	5,316,304	13,800,178	9,848,799
Jumlah ..	40,089,269	69,845,138	75,537,081

Kemajuan Kerja-kerja Pembinaan

(i) *Ibu Pejabat Ketua Polis Negara*

Pembinaan peringkat pertama untuk menggantikan bangunan Ibu Pejabat Ketua Polis Negara di Jalan Bukit Aman, Kuala Lumpur di jadualkan siap pada awal tahun 1975 dan akan menempatkan Cawangan-cawangan seperti berikut:

(*a*) Komputer/Mikrofilm;

(*b*) Jabatan "B";

(*c*) Jabatan "D";

(*d*) Jabatan "E";

(*e*) Pejabat Ketua Polis Negara dan Kakitangannya.

(ii) *Kantonmen Pasukan Polis Hutan, Ulu Kinta, Perak*

Semua sekim di kawasan ini telah siap dibina.

(iii) *Kem-kem Pasukan Polis Hutan—Rancangan Mengejut berikutan daripada Peristiwa 13 Mei, 1969*

(*a*) Semenanjung Malaysia

Semua kem-kem ini telah siap kecuali di:

(i) Cheras, Kuala Lumpur—Permohonan tanah telah selesai dan J.K.R. sedang menjalankan penilaian tanah dan menyediakan plan tapak/kajian tanah berkenaan dengan cadangan untuk menyediakan tempat tinggal bagi Dua Battalion Pasukan Polis Hutan.

(ii) Bakri, Muar, Johor, Ibu Pejabat Briged—Peringkat akhir hampir siap.

(*b*) Sabah

Kerja-kerja di dalam peringkat kedua sedang dilaksanakan iaitu membina rumah-rumah 2 kelas "C", 8 kelas "E", 20 Kelas "F" dan 112 Kelas "G".

(*c*) Sarawak

Semua Kem-kem telah siap.

(iii) *Kem Pasukan Polis Hutan—Penukaran Tempat bagi Battalion Ketiga*

Kem ini akan dipindahkan dari kawasan Kapal Terbang Ipoh ke dalam Kompleks P.P.H. di Ulu Kinta untuk melicinkan keperluan pentadbiran dan oleh kerana keadaan rumah-rumah kelamin sangat mendukacitakan. Jabatan Kerja Raya telah menyediakan Pelan Induk (Master Plan) dan menjalankan kajian tanah (soil test). 5 Kelas "F" dan 500 Kelas "G" rumah kelamin akan dibina.

(iv) *Sekolah Latihan Polis, Kuala Lumpur*

Memandangkan kepada kemajuan yang telah dicapai oleh Pasukan Polis sekarang serta keperluan yang mendesak untuk latihan, dan seimbang pula dengan komplek moden yang berhampiran maka perlulah Sekolah Latihan Polis di Jalan Gurney digantikan dengan satu Kompleks bangunan yang moden, untuk menampung semua latihan-latihan pada masa akan datang.

Sekim-sekim barikut adalah di dalam perlaksanaan:

(*a*) 8 blok berek bujang dan 1 blok tempat makan yang boleh memuatkan seramai 2,200 pelatih-pelatih	Pembinaan dan di jadualkan akan siap pada lewat tahun 1975
(*b*) Bangunan Latihan Teknik dan Bengkel Kenderaan (Rancangan Bantuan)	Pembinaan dan di jadualkan akan siap pada pertengahan tahun 1975
(*c*) 6 blok Sekolah	Kajian tanah telah siap dan kini J.K.R. menyelesaikannya

(v) *Program Tambahan bagi Pasukan Polis Hutan*

Dalam tahun 1972 kelulusan telah diperolehi untuk membina bangunan tambahan untuk Pasukan Polis Hutan di Sarawak. Ini dianggap sebagai satu projek istimewa memandangkan dari kedudukan keselamatan negara dan kem-kem ini akan dibina di Kuching, Sibu dan Miri.

(vii) Oleh kerana keperluan keselamatan dalam tahun 1974 maka telah ditetapkan untuk menempatkan yunit-yunit tambahan Pasukan Polis Hutan di:

(*a*) Semenanjung Malaysia

(i) Kroh, Perak	Pengkalan Hadapan
(ii) Benta, Pahang	Ibu Pejabat Battalion dan Satu Kompeni
(iii) Karak, Pahang	Satu Kompeni
(iv) Jerantut, Pahang	Satu Kompeni
(v) Kerayong, Pahang	Satu Kompeni

Di Kroh, tanah telah pun diperolehi dan J.K.R. sedang memanggil tawaran untuk melaksanakan kerja-kerja. Sekim ini dijangka siap pada awal tahun 1976.

Berhubung dengan projek-projek lain—permohonan tanah adalah dalam kemajuan dan dijangka J.K.R. akan dapat memulakan kerjanya dalam pertengahan tahun 1975.

(*b*) Sarawak

Di Bau untuk menyediakan tempat kediaman (accomodation) bagi satu Battalion. Permohonan tanah adalah di dalam kemajuan dan akan selesai dalam tahun 1975.

Pengkalan-pengkalan Merin

(*a*) Semenanjung Malaysia

Dengan penambahan yunit-yunit Polis Merin maka telah diputuskan untuk menyediakan Pengkalan-pengkalan Merin di Lumut (Perak), Glugor (Penang), Tampoi (Johor) dan Kemaman (Trengganu).

Bagi tahun 1975 peruntukan dipohonkan bagi membayar kerja-kerja permulaan di Glugor, Lumut dan Tampoi. Untuk Kemaman, Trengganu tindakan diambil untuk memperolehi tanah.

Kelengkapan

(*a*) Lanci-lanci

Jumlah sebanyak $4,500,000 adalah untuk menampung baki bayaran-bayaran berkenaan dengan pembinaan Lanci-lanci Polis yang di dalam peringkat perlaksanaan dan dijangka akan siap dalam tahun 1975.

(*b*) Alat-alat Perhubungan Radio

Jumlah sebanyak $1,286,000 adalah untuk menampung baki bayaran-bayaran bagi alat-alat VHF di Sarawak/Sabah.

(*c*) Alat-alat Senjata dan Peluru-peluru

Jumlah sebanyak $1,732,000 adalah untuk menampung bayaran pendahuluan berhubung dengan pesanan yang dibuat dalam tahun 1971/73 di mana barang-barang tersebut dijangka akan dibekalkan dalam tahun 1975.

(*d*) Kenderaan

Jumlah sebanyak $2,200,000 adalah untuk menampung baki bayaran mengenai pembelian kenderaan yang telah dibekal atau dijangka akan dibekalkan pada awal tahun 1975.

(*e*) Pasukan-pasukan Anjing Polis

Jumlah sebanyak $130,799 adalah untuk:

(i) Membeli 12 ekor Anjing dan Alat-alat Senjata (Ancillaries).

(ii) Pembinaan dan Penyiapan Kandang-kandang Anjing di Pulau Pinang dan Melaka.

4. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Belanja Mengurus	244,134,801	258,666,888	293,697,800
Belanja Pembangunan	40,089,269	69,845,138	75,537,081
Jumlah Besar ..	284,224,070	328,512,026	369,234,881

JABATAN IMIGERESEN

Kepala Bekalan 35	**$ 9,565,800**
Kepala Pembangunan 35 ...	**1,030,020**
Jumlah ...	**$10,595,820**

	Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975 ...	**$9,565,800**	**$1,030,020**	**$10,595,820**
Peruntukan 1974 ...	**8,251,830**	**886,695**	**9,138,525**
Perubahan ...	**+ $1,313,970**	**+ $ 143,325**	**+ $ 1,457,295**

1. Tujuan-tujuan

Tujuan utama Jabatan ini adalah untuk:

(*a*) Menjaga keselamatan awam dengan mencegah kemasukan orang-orang yang merbahaya dari segi keselamatan;

(*b*) Memastikan bahawa orang-orang asing hanya dibenarkan masuk ke Malaysia atas dasar pilihan supaya prospek pekerjaan dan peluang-peluang perindastrian dan ekonomi bagi warganegara-warganegara tidak terancam kerana menghadapi persaingan yang tidak dikawal dari orang-orang asing; dan

(*c*) Memastikan bahawa kemudahan-kemudahan sosial dan pelajaran yang diberi oleh Kerajaan tidak dirampas oleh orang-orang asing yang tidak pernah menyumbangkan apa-apa terhadap penubuhannya.

Tugas-tugas Jabatan ini ialah:

(*a*) Mengawal dan mengatur kemasukan/pemergian orang-orang dari Malaysia mengikut perbekalan-perbekalan:

(i) Ordinan Imigeresen, 1959 (F.M. 12 tahun 1959);

(ii) Akta Imigersen, 1963 (F.M. 27 tahun 1963); dan

(iii) Akta Paspot, 1966 (Bil. 12 tahun 1966).

(*b*) Mengeluarkan paspot-paspot kepada warganegara-warganegara Malaysia serta surat-surat perjalanan kepada orang-orang bukan warganegara yang menetap di negeri ini yang tidak dapat memperolehi paspot kebangsaan mereka oleh kerana beberapa sebab tertentu.

Bagi matlamat kawalan imigeresen, Malaysia terbahagi kepada tiga kawasan iaitu Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Kecuali Semenanjung Malaysia, kawasan negeri Sabah dan Sarawak diketuai oleh seorang Pengarah Imigeresen yang mempunyai kuasa-kuasa serta budibicara sendiri, diperuntukkan di bawah Ordinan Imigeresen dan tiap-tiap Pengarah juga menyelenggarakan tugas-tugas Pegawai Paspot di kawasan masing-masing. Tugas-tugas kedua-dua Pengarah di kawasan tersebut adalah di bawah penyelarasan dan pengelolaan Ketua Pengarah Imigeresen, Malaysia yang selain daripada menjadi Ketua Jabatan Imigeresen Negara, juga menjadi Ketua Jabatan Imigeresen di Semenanjung Malaysia. Oleh kerana di bawah Akta Imigeresen, 1963, Sabah dan Sarawak menjalankan kawalan imigeresen Kerajaan sendiri di kawasan masing-masing selain daripada melaksanakan dasar Persekutuan mengenai kemasukan dari luar Malaysia, mereka juga melaksanakan dasar Kerajaan Negeri berkaitan dengan kemasukan ke negeri masing-masing.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran Am	844,582	942,050	1,025,100
(ii) Kawalan Imigeresen	4,760,463	5,929,990	6,760,800
(iii) Paspot dan Visa	852,861	1,017,575	1,381,950
(iv) Perwarganegaraan Malaysia ..	286,651	324,550	357,450
(v) Latihan	30,187	37,665	40,500
Jumlah ..	6,774,744	8,251,830	9,565,800

Prestasi

(i) *Pentadbiran Am*

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Semenanjung Malaysia	616,056	681,220	728,000
Sarawak	131,946	145,430	171,600
Sabah	96,580	115,400	125,500
Jumlah ..	844,582	942,050	1,025,100

Pegawai-pegawai di bawah aktiviti-aktiviti ini termasuklah kakitangan pejabat Ketua Pengarah dan kakitangan Ibu Pejabat Pengarah di Sabah dan Sarawak. Dari segi perkhidmatan, ianya termasuklah pengambilan kakitangan, latihan, kenaikan pangkat, kenaikan jawatan, pengesahan dalam jawatan, pertukaran, cuti, kenaikan gaji tahunan dan penyediaan kertas-kertas pencen dan persaraan. Di Bahagian Kewangan pula termasuklah penyediaan anggaran, waran peruntukan, kawalan peruntukan, pembelian barang-barang tempatan, pindah peruntukan, penyediaan bayaran-bayaran am dan baucer-baucer gaji dan lain-lain perkara yang bersangkutan dengan kewangan. Beban-kerja di bawah aktiviti ini juga termasuk perkara-perkara stor, misalnya pembelian barang-barang tempatan, hantaran alat-alat tulis, dokumen-dokumen dan pakaian seragam kepada semua cawangan pejabat imigeresen di Malaysia. Penghantaran dan penerimaan surat-suratan dan penyenggaraan bangunan adalah juga termasuk di bawah aktiviti ini.

Curak aktiviti ini adalah pelbagai jenis dan tidaklah mungkin untuk menyatakan dengan tepatnya secara ukuran yunit, pelaksanaan kerja yang disempurnakan di dalam sesuatu tahun. Walau bagaimanapun, bolehlah dinyatakan bahawa beban-kerja bagi tahun yang lepas telah bertambah dengan tambahan kakitangan, pelaksanaan Sekim Kawalan Imigeresen, menubuhkan pejabat/pos baru, permulaan sistem baru penyediaan anggaran tahunan dan penyata-penyata serta lapuran yang dikehendaki oleh Jabatan Pusat.

(ii) *Kawalan Imigeresen*

Aktiviti ini melibatkan:

(*a*) Pemeriksaan penumpang-penumpang yang tiba dan keluar melalui laut, udara, keretapi dan jalan raya;

(*b*) Penyenggaraan satu pusat pendaftaran ke atas semua orang yang telah diberi Pas Lawatan;

(*c*) Penyiasatan, pendakwaan dan penghantaran balik orang-orang yang masuk ke negeri ini bertentangan dengan peruntukan-peruntukan Ordinan Imigeresen, 1959 dan Peraturan-peraturan Imigeresen 1963;

(*d*) Pengeluaran berbagai jenis surat Imigeresen untuk masuk, masuk semula, melawat kerana bermacam-macam tujuan samada sosial, berniaga, ikhtisas, menuntut atau bekerja.

BEBAN-KERJA

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(1) Bilangan penumpang-penumpang yang diperiksa:			
Semenanjung Malaysia	1,011,459	1,130,000	1,250,000
(2) Bilangan penumpang-penumpang kenderaan darat yang diperiksa:			
Semenanjung Malaysia	20,730,405	22,000,000	22,500,000
Sarawak	227,734	240,000	250,000
Sabah	2,872	3,000	3,300
(3) Bilangan penumpang-penumpang kapal udara yang diperiksa:			
Semenanjung Malaysia	1,102,265	1,202,000	1,300,000
Sarawak	160,199	180,000	200,000
Sabah	190,314	210,000	230,000
(4) Bilangan penumpang-penumpang kapal laut yang diperiksa:			
Semenanjung Malaysia	245,000	372,000	400,000
Sarawak	247,922	260,000	280,000
Sabah	267,858	290,000	300,000
(5) Bilangan dokumen-dokumen dll. yang dikeluarkan:			
Semenanjung Malaysia	255,905	280,000	300,000
Sarawak	3,557	5,000	6,000
Sabah	24,517	26,000	28,000
Jumlah ..	24,460,007	26,198,000	27,047,300

Pintu masuk yang digezetkan di Semenanjung Malaysia untuk perjalanan keretapi ialah melalui Padang Besar (Perlis), Rantau Panjang (Kelantan) dan Johor Bahru (Johor). Lalulintas tahun 1973 dibandingkan dengan 1972 menunjukkan kelebihan sebanyak 33%.

Kemasukan melalui jalan darat ke Semenanjung Malaysia ialah melalui stesyen-stesyen sempadan iaitu di Changlun, Kroh, Rantau Panjang, Pengkalan Kubor, Tumpat, Padang Besar dan di kawasan selatan melalui Tambak Johor telah bertambah dengan pesatnya. Adalah diramalkan bahawa pada tahun 1975 lebih daripada $\frac{1}{2}$ juta pelawat akan masuk ke negeri ini tiap-tiap bulan. Pembukaan Jambatan Sungai Golok dalam bulan Mei, 1973 telah menambahkan lagi bilangan lalulintas dengan jalan darat dari Negeri Thai. Lalulintas ke Sarawak dan Sabah adalah melalui 13 buah stesyen di Sempadan negeri itu dengan Kalimantan Indonesia. Bertambahnya lalulintas masuk dan keluar daripada Kalimantan Indonesia dan Brunei adalah disebabkan pelaksanaan kawalan penuh Sekim Kawalan Imigeresen dan juga oleh kerana kemudahan-kemudahan perhubungan darat yang telah diperbaiki.

Bilangan penumpang yang tiba dengan kapalterbang di Subang, Bayan Lepas, Mata Kuching, Kota Kinabalu dan Kuching telah bertambah dalam tahun 1973 jika dibandingkan dengan tahun-tahun yang lepas. Ini adalah membuktikan

bahawa perjalanan udara menjadi lebih popular dan bahawa negeri ini adalah menarik minat pelancung-pelancung dan penanam modal. Semenjak bulan April, 1972 perkhidmatan udara Jumbo Jet telah memulakan operasinya dengan membawa penumpang-penumpang ke Lapanganterbang Subang. Dalam tahun 1973 juga beberapa landasan dan bangunan lapanganterbang di negeri ini telah diperbaiki dengan tujuan hendak mendaratkan banyak lagi kapalterbang-kapalterbang yang lebih besar. Lapanganterbang Senai telah siap dibina dan telah digunakan untuk penerbangan antarabangsa dan ini akan menambahkan lagi bilangan pelawat-pelawat datang ke negeri ini dengan kapalterbang.

Bilangan penumpang-penumpang yang tiba dan keluar dari negeri ini dengan kapal laut dalam tahun 1973 telah jatuh berbanding dengan tahun 1972. Akan tetapi lalulintas di masa hadapan dijangka akan bertambah lagi dengan pembinaan pelabuhan baru di Kuantan, Kuala Trengganu dan Johor Bahru dan juga kerana wujudnya perkhidmatan feri di antara Sumatra dan Semenanjung Malaysia. Pintu-pintu masuk dengan jalan laut telah dibuka di Pulau Langkawi dan Kuala Kedah dalam tahun 1972.

Jabatan ini mengendalikan pengeluaran berbagai jenis dokumen imigeresen di bawah Ordinan Imigeresen, 1959 dan Immigration Regulations 1963 umpamanya Permit Masuk, Permit Masuk Semula, Sijil Akuan Pengenalan, Pas Tanggungan dan beberapa jenis pas lawatan yang lain. Dalam tahun 1973 didapati bertambah sebanyak 74% pengeluaran dokumen imigeresen di Malaysia jika dibandingkan dengan tahun 1972. Ini mungkin disebabkan oleh pelaksanaan Sekim Kawalan Imigeresen. Pada mulanya adalah diramalkan bahawa operasi ini akan mengurangkan bilangan pelawat-pelawat ke negeri ini memandangkan adanya bayaran dikenakan ke atas lanjutan Pas Lawatan bagi mereka yang tinggal melebehi tempoh masa tiga bulan. Tetapi sebaliknya ramalan ini adalah tidak tepat kerana bilangan pelawat-pelawat ke negeri ini telah pun meningkat lebih dari tahun-tahun yang lampau.

Sepertimana telah dinyatakan awal tadi, aktiviti ini juga melibatkan penyiasatan, pendakwaan dan penghantaran balik pemasuk-pemasuk haram. Rengkasan tentang kes pemasuk-pemasuk secara haram ke negeri ini dalam tahun 1973 adalah seperti berikut:

	Semenanjung Malaysia	Sarawak	Sabah
Bilangan kes disiasat, yang didakwa dan yang dihantar balik	2,474	449	6,308

Yunit Kos	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(*a*) Semenanjung Malaysia—			
Jumlah Beban-kerja	23,335,034	24,984,000	25,750,000
Yunit Kos Purata	×$0.141	×$0.169	×$0.189
Jumlah Belanja ..	$3,298,796	$4,218,240	$4,870,000
(*b*) Sarawak—			
Jumlah Beban-kerja	639,412	685,000	736,000
Yunit Kos Purata	×$0.869	×$0.993	×$0.989
Jumlah Belanja ..	$555,731	$680,480	$727,800
(*c*) Sabah—			
Jumlah Beban-kerja	485,561	529,000	561,000
Yunit Kos Purata	×$1.868	×$1.949	×$2.073
Jumlah Belanja ..	$905,936	$1,031,270	$1,163,000

Yunit untuk mengukur beban-kerja ialah bilangan penumpang-penumpang yang diperiksa dan dikawal keluar di pelabuhan-pelabuhan, lapanganterbang-lapangan-terbang dan Pos-pos Sempadan dan bilangan dokumen yang dikeluarkan tidak kira apa jenis dokumen itu.

Yunit kos bagi Semenanjung Malaysia dalam tahun 1973 dan 1974 telah bertambah jika dibandingkan dengan yunit kos sebanyak $0.131 bagi tahun 1972. Ini disebabkan terutamanya oleh pelaksanaan Sekim Kawalan Keluar dan juga penambahan bilangan pegawai-pegawai dalam tahun 1973 dan 1974 di beberapa Pejabat/Pos Imigeresen untuk memperbaiki lagi kecekapan pentadbiran pejabat/pos. Di dalam kes Sarawak dan Sabah, kedua-dua negeri tersebut telah melaksanakan Sekim Kawalan Keluar sebelum kedua-dua wilayah itu menjadi sebahagian daripada Malaysia. Sekalipun bertambah beban-kerja tetapi ini adalah secara berperingkat. Pos-pos sempadan disepanjang perbatasan Indonesia dan Brunei adalah menghendaki penambahan kakitangan-kakitangan untuk ditempatkan di stesyen-stesyen tersebut pada setiap waktu tanpa perkiraan beban-kerja yang terlibat dan ini mengakibatkan bertambah yunit kos.

(iii) *Paspot dan Visa*

Akta Paspot, 1966 menghendaki tiap-tiap orang yang masuk ke Malaysia memiliki Paspot dan sekiranya ia seorang "alien" memerlukan visa. Paspot-paspot adalah dikehendaki oleh warganegara-warganegara Malaysia yang berhajat melawat lain-lain negeri dan Jabatan ini mengeluarkan paspot-paspot dan juga lain-lain jenis surat perjalanan kepada orang-orang bukan warganegara tetapi penduduk tetap di Malaysia yang tidak dapat memperolehi paspot-paspot yang dikeluarkan ialah Paspot Malaysia, Surat Akuan Pengenalan, Sijil Pengenalan dan Surat Perjalanan Kumpulan.

Untuk membolehkan rakyat Malaysia dan penduduk tetap negeri ini membuat perjalanan ke Singapura dan balik, satu jenis Paspot yang dinamakan Paspot Terhad Malaysia dan Surat Akuan Pengenalan Terhad, telah dikeluarkan semenjak tahun 1967. Visa juga dikeluarkan samada oleh Jabatan ini ataupun Perwakilan Malaysia di seberang laut atas kelulusan Jabatan ini kepada orang-orang "alien" yang ingin melawat ke Malaysia.

Pas-pas Sempadan Malaysia juga dikeluarkan oleh Jabatan ini kepada warga-negara-warganegara Malaysia yang tinggal di negeri-negeri Kedah, Perlis, Perak dan Kelantan yang ingin melawat ke kawasan-kawasan sempadan Thai selaras dengan Perjanjian Sempadan Thai/Malaysia. Pas-pas Menyeberang Sempadan bagi Indonesia juga dikeluarkan di kedua-dua negeri Sarawak dan Sabah.

Sistem Surat Perjalanan Perkumpulan telah dilaksanakan antara negara-negara Asean pada penghujung tahun 1973 dan pengeluaran suratan perjalanan ini telah menambahkan lagi aktiviti Paspot dan Visa.

BEBAN-KERJA

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(*a*) Semenanjung Malaysia—			
Bilangan Paspot-paspot dll. yang dikeluarkan	469,842	500,000	580,000
Yunit Kos Purata	×$1.449	×$1.637	×$2.383
Jumlah Belanja ..	$680,801	$818,655	$1,381,950
(*b*) Sarawak—			
Bilangan Paspot-paspot dll. yang dikeluarkan	42,594	46,000	52,000
Yunit Kos Purata	×$2.478	×$2.561	×$2.735
Jumlah Belanja ..	$105,565	$117,800	$142,200

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(*c*) Sabah—			
Bilangan Paspot-paspot dll. yang dikeluarkan	19,486	21,000	23,000
Yunit Kos Purata	×$3,412	×$3.863	×$3.867
Jumlah Belanja ..	$66,495	$81,120	$88,950

Sukatan yunit yang digunakan ialah bilangan paspot-paspot, pas-pas sempadan, paspot-paspot terhad dan visa yang dikeluarkan atau yang dibenarkan untuk dikeluarkan.

Sejumlah 122,059 Paspot Malaysia telah dikeluarkan dalam tahun 1973 di pusat-pusat pengeluaran paspot di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Johor Bahru, Kuching dan Kota Kinabalu dibandingkan dengan 105,917 paspot dikeluarkan dalam tahun 1972. Ini tidak termasuk bilangan paspot-paspot yang dikeluarkan oleh Pejabat-pejabat Perwakilan Malaysia di seberang laut dan jumlah Paspot-paspot Malaysia yang diperbaharui. Bilangan pengeluaran Paspot Terhad Malaysia jatuh daripada 243,016 kepada 227,191. Ini mungkin kerana telah banyak orang-orang di negara ini yang mempunyai paspot tersebut.

Yunit Kos bagi Semenanjung Malaysia untuk tahun 1975 adalah dijangka akan bertambah memandangkan kepada keperluan mencetak lebih banyak paspot dan lain-lain jenis Surat Perjalanan serta juga tambahan bilangan kakitangan.

Di Sabah dan Sarawak, yunit kos ini pada amnya adalah lebih tinggi kerana perbelanjaan menyelenggara yang terlibat dalam memproses dan menghantar dengan jalan udara paspot-paspot tersebut kepada seluruh daerah di negeri itu.

HASIL

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(*a*) Semenanjung Malaysia	4,572,684	4,650,000	5,100,000
(*b*) Sarawak	385,034	400,000	450,000
(*c*) Sabah	748,382	800,000	950,000
Jumlah ..	5,706,100	5,850,000	6,500,000

Hasil pendapatan diasaskan kepada kutipan bayaran bagi bayaran paspot dan lain-lain dokumen perjalanan dan pas-pas sempadan.

(iv) *Perwarganegaraan Malaysia*

Dalam melaksanakan dasar Kerajaan terhadap kemajuan perwarganegaraan dalam perdagangan dan perindastrian di Semenanjung Malaysia, Kerajaan telah melantik satu Jawatankuasa Tetap Pegawai-pegawai untuk melaksanakan dasar-dasar Kerajaan dan Jabatan ini telah menubuhkan satu Urusetia untuk mengendalikan jawatankuasa yang ditubuhkan itu. Jawatankuasa tetap meneliti tiap-tiap permohonan untuk mendapat pas kerja daripada pegawai-pegawai dagang dan Urusetia melaksanakan keputusan-keputusan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Tetap itu. Kerja-kerja yang dikendalikan oleh Urusetia Perwarganegaraan melibatkan proses merancang mewarganegarakan firma-firma Perindastrian dan bidang-bidang perindastrian dalam mengambil pekerja-pekerja dagang dan menjadualkan permohonan-permohonan untuk mendapat Pas Kerja, mendaftar dan menulis kad-kad fahrasat dan menentukan bahawa seseorang pegawai dagang itu bekerja di sebuah Firma Perindastrian di Semenanjung Malaysia. Oleh itu, bahagian ini mengeluarkan Pas-pas Kerja, Pas-pas Tanggungan, Pas-pas Lawatan (Kerja Sementara) dan lanjutan kepada pas-pas itu.

Di Sabah dan Sarawak juga kedua-dua buah negeri ini telah menubuhkan satu Urusetia untuk mengendalikan perwarganegaraan Sabah/Sarawak dalam bidang swasta. Sabah selain daripada mengeluarkan Pas-pas Kerja adalah juga mengeluarkan Pas Bekerja kepada orang-orang yang bukan rakyat Sabah yang bekerja di negeri itu. Oleh kerana kemasukan seorang itu ke Malaysia adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan, Urusetia Pewarganegaraan adalah juga mengendalikan dan menyediakan rencana tentang orang-orang dan permohonan-permohonan masuk ke negeri itu untuk dikemukakan kepada Ibu Pejabat Imigeresen Malaysia untuk penyelarasan dan rekod.

BEBAN-KERJA

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(*a*) Semenanjung Malaysia—			
Bilangan permohonan-permohonan dpd. expatriat-expatriat dll. ..	16,249	18,000	20,000
Yunit Kos Purata	×$7,001	×$7.471	×$7.338
Jumlah Belanja ..	$113,765	$134,485	$146,750
(*b*) Sarawak—			
Bilangan permohonan-permohonan dpd. expatriat-expatriat dll. ..	9,768	12,000	15,000
Yunit Kos purata	×$3.003	×$2.975	×$2.580
Jumlah Belanja ..	$29,334	$35,700	$38,700
(*c*) Sabah—			
Bilangan permohonan-permohonan dpd. expatriat-expatriat dll. ..	25,767	28,000	30,000
Yunit Kos purata	×$5.571	×$5.531	×$5.757
Jumlah Belanja ..	$143,552	$154,365	$172,700

Yunit kerja yang digunakan bagi aktiviti ini ialah:

(1) Bilangan permohonan-permohonan daripada expatriat-expatriat;

(2) Bilangan permohonan-permohonan Perwarganegaraan yang diproses;

(3) Penyediaan dan pengedaran memorandam kepada Jawatankuasa Tetap;

(4) Bilangan Pas-pas Penggajian dan Pas-pas tanggungan yang dikeluarkan.

Yunit kos bagi aktiviti ini yang pada amnya tinggi adalah disebabkan oleh jangkamasa yang panjang diambil untuk memproses dan menyiasat tiap-tiap permohonan. Selain daripada itu pegawai-pegawai adalah juga dikehendaki memberi layanan kepada sebarang pertanyaan daripada orang-orang awam mengenai kaedah dan cara mengemukakan sesuatu permohonan itu dan sebagainya. Di Semenanjung Malaysia bahagian ini adalah juga mengeluarkan Pas-pas Lawatan (Sosial) kepada tanggungan-tanggungan pemegang Pas-pas Lawatan (Kerja Sementara) dan juga Pas-pas Lawatan kepada ahli-ahli perniagaan dan iktisas kepada orang-orang yang masuk ke negeri ini untuk jangkamasa yang pendek. Yunit kos yang tinggi ini adalah disebabkan oleh tambahan gaji bagi kakitangan dan penyemakan semula tanggagaji di bawah sekim gaji Suffian.

(v) *Latihan*

Objektif latihan Jabatan ini ialah untuk menjaga mutu kerja yang tinggi bagi Jabatan ini untuk memberikan maklumat yang kemaskini (up to date) mengenai kerja-kerja Imigeresen dan kakitangan-kakitangannya.

Fungsi yang utama bagi bahagian ini:

(*a*) Melatih pegawai-pegawai yang baru di dalam perkara-perkara asas mengenai kaedah Kawalan Imigeresen dan di dalam segala aspek undang-undang dan peraturan-peraturan yang meliputi kerja-kerja Imigeresen dan paspot;

(*b*) Melatih semula pegawai-pegawai yang sedang bertugas bagi peringkat-peringkat Pegawai Imigeresen dan Penolong Pegawai Paspot; dan

(*c*) Mengadakan latihan bagi Pegawai-pegawai Imigeresen Kanan dan Timbalan-timbalan Penolong Pengarah Imigeresen mengenai pengawasan dan kawalan pos-pos sempadan dan pejabat-pejabat tempatan, pentadbiran am, sistem visa, sistem index, senarai syak dan sebagainya.

Sebahagian daripada bangunan Ibu Pejabat Imigeresen di Jalan Tugu, Kuala Lumpur telah diubahsuai untuk menempatkan bahagian ini, oleh itu sebuah bilik syarahan telah diadakan khusus untuk memberi latihan-latihan kepada kakitangan-kakitangan Jabatan ini. Bagi tahun 1975 adalah dirancangkan untuk mengadakan 12 kursus bagi semua peringkat pegawai-pegawai dalam Jabatan ini sehingga ke pangkat Timbalan Penolong Pengarah Imigeresen. Selain daripada melatih kakitangan-kakitangan Jabatan ini khidmat dari bahagian ini juga adalah diperlukan untuk melatih pegawai-pegawai dari Kementerian Luar Negeri yang akan dihantar berkhidmat di seberang laut. Pegawai latihan adalah juga dikehendaki memberi ceramah-ceramah tentang perkara-perkara imigeresen di dalam kursus-kursus yang dianjurkan oleh Jabatan Pendaftaran dan Jabatan Polis.

Dalam tahun 1975 perbekalan adalah dikehendaki untuk membiayai gaji kakitangan, perbelanjaan pengangkutan dan pembelian perabut serta perkakas-perkakas untuk bilik syarahan itu.

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan—			
	Semenanjung Malaysia	3,557,199	4,586,400	4,932,500
	Sarawak	543,119	659,200	716,500
	Sabah	799,131	909,700	941,500
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang—			
	Semenanjung Malaysia	171,355	189,300	451,300
	Sarawak	119,757	151,400	174,200
	Sabah	212,121	223,500	266,200
1300	Tambahan Gaji Kakitangan—			
	Semenanjung Malaysia	62,254	89,600	61,200
	Sarawak	4,042	4,300	5,300
	Sabah	13,555	24,600	27,300
	Jumlah Gaji ..	5,482,533	6,838,000	7,576,000

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang—			
	Semenanjung Malaysia	142,488	138,300	234,500
	Sarawak	46,075	54,200	58,500
	Sabah	49,532	60,500	85,000
2200	Pengangkutan Barang-barang—			
	Semenanjung Malaysia	26,822	24,800	41,700
	Sarawak	2,084	2,900	9,500
	Sabah	2,274	4,200	3,300
2300	Kemudahan Perhubungan—			
	Semenanjung Malaysia	51,376	65,100	67,100
	Sarawak	16,293	21,400	22,500
	Sabah	20,033	23,750	24,800
2400	Api, Air dan Letrik dll.—			
	Semenanjung Malaysia	42,980	62,800	65,500
	Sarawak	4,656	5,000	5,300
	Sabah	17,975	13,600	19,300
2500	Sewa—			
	Semenanjung Malaysia	88,242	130,500	133,600
	Sarawak	17,234	19,500	19,500
	Sabah	30,351	44,000	38,100
2600	Perkhidmatan Pencetakan—			
	Semenanjung Malaysia	374,986	382,600	668,800
	Sarawak	13,077	14,200	17,900
	Sabah	20,613	19,800	54,700
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan—			
	Semenanjung Malaysia	106,821	136,100	153,800
	Sarawak	19,907	28,700	34,600
	Sabah	29,820	30,700	63,800
2800	Perkhidmatan Pelbagai—			
	Semenanjung Malaysia	47,754	60,700	61,500
	Sarawak	4,807	9,600	10,200
	Sabah	8,485	17,500	14,000
3100	Perabut, Alat-alat dan Ternakan—			
	Semenanjung Malaysia	62,700	11,065	39,550
	Sarawak	31,525	7,710	5,600
	Sabah	8,673	11,605	12,150
3300	Pembinaan—			
	Semenanjung Malaysia	4,628	13,000	25,000
	Jumlah ..	6,774,744	8,251,830	9,565,800

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974 $	Bilangan	Anggaran Tahun 1975 $
(i) Pentadbiran Am:						
Semenanjung Malaysia	73	525,899	73	565,500	75	600,000
Sarawak	15	106,779	15	117,200	15	140,000
Sabah	14	68,377	14	81,400	14	90,000
(ii) Kawalan Imigeresen—						
Semenanjung Malaysia	773	2,775,781	811	3,655,700	822	4,160,000
Sarawak	90	450,900	98	571,500	100	610,000
Sabah	117	768,472	133	875,300	138	930,000
(iii) Paspot dan Visa—						
Semenanjung Malaysia	95	361,934	102	491,200	103	520,000
Sarawak	18	83,443	19	95,600	19	114,000
Sabah	8	57,080	9	66,200	11	70,000
(iv) Perwarganegaraan Malaysia—						
Semenanjung Malaysia	19	110,186	19	129,200	19	140,000
Sarawak	5	25,796	5	30,600	5	32,000
Sabah	17	130,878	18	134,900	19	145,000
(v) Latihan—						
Semenanjung Malaysia	2	17,008	2	23,700	2	25,000
Jumlah ..	1,246	5,482,533	1,318	6,838,000	1,342	7,576,000

3. Anggaran Pembangunan

Pecahan-kepala		Yang Sebenar Tahun 1973 $	Peruntukan Tahun 1974 $	Anggaran Tahun 1975 $
	SEMENANJUNG MALAYSIA			
2.	Membaharui dan Meminda Rumah-rumah Kediaman	27,962	6,655	—
3.	Lanci-lanci	39,570	170,000	90,000
4.	Pejabat-pejabat dan Rumah-rumah Kediaman	143,264	677,000	900,010
	SARAWAK			
11.	Pejabat-pejabat Imigeresen, Sarawak	139,147	10	40,000
12.	Lanci-lanci, Sarawak	1,736	10	—
	SABAH			
21.	Pejabat-pejabat Imigeresen, Sabah ..	30,525	10	—
22.	Bangunan Kawalan Perjalanan, Labuan	5	10	—
23.	Lanci-lanci, Sabah	—	33,000	10
	Jumlah ..	382,209	886,695	1,030,020

Kemajuan Kerja-kerja Pembinaan:

Pecahan-kepala 2—Membaharui dan Meminda Rumah-rumah Kediaman

Projek-projek berikut dijangka siap menjelang hujung tahun 1974:

(*a*) Meminda dan mengubah kepada Rumah-rumah Kediaman, Rantau Panjang;

(*b*) Meminda dan mengubah kepada Rumah-rumah Kediaman, Padang Besar.

Pecahan-kepala 3—Lanci-lanci

Dua buah moto lanci sepanjang 36 kaki bernilai $158,280 yang dibinakan oleh Limbungan MARA, Kuala Trengganu telah diserahkan kepada Jabatan ini pada bulan Oktober, 1973 dan bulan Januari, 1974. Kedua-dua buah lanci tersebut adalah untuk menggantikan lanci-lanci lama di Pelabuhan Kelang dan Pulau Pinang.

Pada bulan Julai, 1974 satu kontrek telah pun ditandatangani oleh Jabatan ini dengan sebuah syarikat tempatan untuk pembinaan dua buah moto lanci sepanjang 40 kaki yang bernilai $176,700 untuk kegunaan di Pasir Gudang, Johor. Kerja-kerja pembinaan telah dimulakan dan dijangka siap pada awal tahun 1975.

Pecahan-kepala 4—Pejabat-pejabat dan Rumah-rumah Kediaman

Wang berjumlah $677,000 telah diperuntukkan dalam Anggaran Pembangunan 1974 bagi:

(*a*) Pembinaan 168 yunit rumah kediaman (Rumah Pangsa) di Johor Bahru;

(*b*) Pembinaan sebuah pejabat dan tiga yunit rumah kediaman di Pulau Langkawi;

(*c*) Pembinaan 15 yunit rumah kediaman di Changlun;

(*d*) Pembinaan sebuah kompleks pejabat di Changlun;

(*e*) Pembinaan sebuah pejabat di Pelabuhan Kelang; dan

(*f*) Pembinaan 4 yunit rumah kediaman di Kuala Kedah.

Kerja-kerja pembinaan sedang dijalankan di Pulau Langkawi dan Kuala Kedah, projek-projek di sana dijangka siap pada pertengahan tahun 1975. Berkenaan dengan rumah-rumah kediaman di Johor Bahru dan pejabat di Pelabuhan Kelang, iklan-iklan tawaran akan dikeluarkan tidak berapa lama lagi.

Dalam tahun 1975 sebanyak $900,010 telah diluluskan untuk membiayai kerja-kerja sambungan kepada projek-projek yang tersebut di atas.

Pecahan-kepala 11—Pejabat-pejabat Imigeresen Sarawak

Projek pembinaan sebuah pejabat di Kuala Baram telah disiapkan dan pembukaan rasmi akan diadakan tidak beberapa lama lagi.

Pada masa sekarang ini tindakan sedang dikelolakan untuk mendapatkan wang tambahan sebanyak $80,000 untuk membiayai kerja-kerja tambahan kepada pejabat tersebut dan pembinaan tiga buah rumah kediaman lagi di Kuala Baram.

Dalam tahun 1975 sebanyak $40,000 telah diluluskan untuk membiayai kerja-kerja di Kuala Baram sepertimana yang telah disebutkan di atas.

Pecahan-kepala 23—Lanci-lanci Sabah

Sebanyak $33,000 telah diuntukkan dalam tahun 1974 untuk pembelian sebuah moto lanci untuk kegunaan di pelabuhan di Kota Kinabalu. Tindakan sedang dijalankan untuk pembeliannya dan lanci yang berkenaan dijangka dibekalkan pada penghujung tahun 1974.

4. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Belanja Mengurus—			
Semenanjung Malaysia	4,739,605	5,890,265	6,936,050
Sarawak	822,576	979,410	1,079,600
Sabah	1,212,563	1,382,155	1,550,150
Belanja Pembangunan—			
Semenanjung Malaysia	210,796	853,655	990,010
Sarawak	140,883	20	40,000
Sabah	30,530	33,020	10
Jumlah Besar ..	7,156,953	9,138,525	10,595,820

PENDAFTAR PERTUBUHAN

Kepala Bekalan 36	**$571,720**
Jumlah ...	**$571,720**

BELANJA MENGURUS

Peruntukan 1975	**$571,720**
Peruntukan 1974	**550,810**
Perubahan ...	**+ $ 20,910**

1. Tujuan-tujuan

(*a*) Menguatkuasakan peruntukan-peruntukan dalam Akta Pertubuhan, 1966 dan Peraturan-peraturan Pertubuhan, 1966;

(*b*) Mengadakan rekod mengenai butir-butir bagi pemegang-pemegang jawatan dan bagi pengetahuan tentang tujuan-tujuan dan kegiatan-kegiatan bagi semua pertubuhan di dalam negeri ini pada keseluruhannya;

(*c*) Memberikan perhatian dan pengawasan khas kepada parti-parti siasah, pemegang-pemegang jawatan dan cawangan-cawangan supaya menentukan mereka tidak akan melanggarkan mana-mana peruntukan dalam Perlembagaan Malaysia, Akta Asutan, 1948, Akta Pertubuhan dan Undang-undang berdaftarnya sendiri; dan

(*d*) Menggalakkan perpaduan di antara kaum menerusi percampuran sosial di dalam pertubuhan-pertubuhan.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran Am	82,895	117,430	112,440
(ii) Pendaftaran dan Pengawasan ..	358,778	433,380	459,280
Jumlah ..	441,673	550,810	571,720

Prestasi

(i) *Pentadbiran Am*

Ibu Pejabat bagi Jabatan Pendaftar Pertubuhan, Malaysia di Kuala Lumpur ialah pusat pentadbiran bagi 4 Cawangan-cawangan Pejabat di Semenanjung Malaysia dan 2 Cawangan-cawangan Pejabat di Sarawak dan Sabah dengan Pendaftar sebagai Ketua Jabatan dan dibantu oleh seorang Timbalan Pendaftar. Tiap-tiap Cawangan-cawangan Pejabat adalah ditadbirkan oleh seorang Penolong Pendaftar Pertubuhan.

Pada amnya aktiviti pentadbiran di Pejabat ini termasuk tugas-tugas yang biasa untuk mengurus dan mengelolakan sebuah pejabat seperti surat-menyurat am, perkara-perkara perkhidmatan dan tatatertib yang termasuk urusan-urusan

kenaikan pangkat, perlantikan, pertukaran, kenaikan gaji, cuti, dll., kawalan-kawalan kewangan yang termasuk kesiapan baucer-baucer, penyelenggaraan Buku Vot dan Panjar Wang Runcit, pembayaran gaji, pembelian bahan-bahan dan bekalan-bekalan, pesanan-pesanan untuk borang-borang dan alatulis, Waran-waran Pemberian Peruntukan Jabatan, dll., mengumpulkan bahan-bahan perangkaan dan butir-butir mengenai bilangan pertubuhan-pertubuhan yang telah didaftar, ditolak, dibatal dan dibubar, serta arahan dasar dan ko-ordinasi kerja-kerja bagi 6 buah Cawangan-cawangan Pejabat. Kerja-kerja perkeranian yang terlibat dengan tugas-tugas itu adalah kebanyakannya dijalankan oleh 3 Pegawai Kerani di Ibu Pejabat dan corak aktiviti ini adalah pelbagai jenis dan tidaklah mungkin dapat dinyatakan dengan tepatnya secara ukuran yunit, beban-kerja yang telah disempurnakan dan juga hitung panjang yunit kos dalam mana-mana satu tahun. Walau bagaimanapun, sebagai suatu kaedah am, pelaksanaan dan beban-kerja di bawah aktiviti ini bagi 3 tahun adalah seperti berikut:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Perkara-perkara Kewangan			
(*a*) Bilangan baucer-baucer disiapkan ..	282	300	320
(*b*) Bilangan baucer-baucer jernal disiapkan	33	35	40
(*c*) Bilangan Pemberitahu Perubahan Pendapatan dan Potongan disiapkan	116	130	140
(*d*) Bilangan Ringkasan Pemberitahu Perubahan Pendapatan dan Potongan disiapkan	37	40	40
(*e*) Bilangan Jadual Carum K.W.S.P. ..	18	20	25
(*f*) Bilangan Kad Akaun daripada Akauntan Negara untuk penyemakan dengan catitan-catitan di dalam Buku Vot ..	148	150	155
(*g*) Bilangan catitan-catitan di dalam Buku Vot	762	780	800
Perkara-perkara Perkhidmatan			
(*a*) Bilangan Lapuran Perubahan disiapkan	58	65	70
(*b*) Bilangan catitan-catitan di dalam Buku Perkhidmatan	74	80	85
(*c*) Bilangan catitan-catitan di dalam Penyata Cuti	453	480	500

Tambahan pula kepada tugas-tugas di atas, penerangan dan angka-angka dari masa ke semasa yang diperlukan oleh Ajensi-ajensi Pusat berkenaan dengan perkara kewangan dan perkhidmatan adalah juga disediakan.

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Perkara-perkara Am			
(*a*) Bilangan catitan-catitan di dalam Buku Daftar Surat-menyurat dengan setem-setem dilekat padanya	1,489	1,500	1,550
(*b*) Bilangan catitan-catitan di dalam Rekod Hasil Setem yang telah dikutip	2,047	2,100	2,200
(*c*) Bilangan catitan-catitan di dalam Buku Daftar Surat-surat Berdaftar ..	2,745	2,800	2,850
(*d*) Persediaan penyata-penyata dan rajah-rajah dari masa ke semasa	16	18	20
(*e*) Surat-surat harian dihantar sekadar hitung panjangnya	125	130	135

Perbelanjaan yang diperlukan bagi aktiviti ini adalah seperti berikut:

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	55,169	69,036	85,016
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	3,310	2,627	2,700
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..	5,647	8,337	84
	Jumlah Gaji ..	64,126	80,000	87,800
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	2,727	3,000	3,200
2300	Kemudahan Perhubungan ..	2,485	5,000	4,500
2400	Api, Air dan Letrik dll.	970	1,480	1,440
2500	Sewa	2,482	11,780	—
2600	Perkhidmatan Pencetakan ..	2,413	3,640	3,500
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	3,840	5,550	6,000
2800	Perkhidmatan Pelbagai	1,280	2,360	3,500
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	2,572	4,620	2,500
	Jumlah ..	82,895	117,430	112,440

(ii) *Pendaftaran dan Pengawasan*

Aktiviti-aktiviti terpenting bagi Pejabat Pendaftar Pertubuhan ialah pendaftaran pertubuhan-pertubuhan dan pengawasan peruntukan-peruntukan Akta Pertubuhan, 1966 dan Peraturan-peraturan Pertubuhan, 1966 atas pertubuhan-pertubuhan berdaftar itu.

Tiap-tiap persatuan, kelab atau perbadanan yang mengandungi tujuh ahli atau lebih tidak kira jua tujuannya, samada tetap atau sementara, adalah dikehendaki memohon untuk pendaftaran di bawah Akta Pertubuhan kecuali ia telah terkanun atau berdaftar di bawah Undang-undang lain yang bertulis. Tujuan untuk pendaftaran pertubuhan-pertubuhan adalah bagi mengadakan rekod mengenai butir-butir bagi pemegang-pemegang jawatan dan bagi pengetahuan tentang tujuan-tujuan dan kegiatan-kegiatan bagi semua pertubuhan itu dan ahli-ahlinya supaya menyenangkan jagaan Undang-undang dan ketenteraman di dalam negeri ini pada keseluruhannya. Kerja-kerja yang perlu dijalankan berkenaan dengan aktiviti pendaftaran ini adalah seperti berikut:

(1) Memeriksa borang-borang permohonan untuk pendaftaran daripada pertubuhan-pertubuhan yang baharu ditubuhkan;

(2) Melawat ke tempat pertubuhan-pertubuhan dan memeriksa dokumen-dokumen pertubuhan oleh pegawai-pegawai;

(3) Menyemak Undang-undang yang dikemukakan oleh pertubuhan-pertubuhan; dan

(4) Berhubung dengan Cawangan Khas, Kerajaan-kerajaan Negeri dan lain-lain Jabatan Kerajaan berkenaan dengan tujuan-tujuan dan pemegang-pemegang jawatan bagi pertubuhan yang memohon pendaftaran itu.

Dalam tahun 1973 sebanyak 1,041 permohonan untuk pendaftaran telah diterima dan berserta dengan tunggakan sebanyak 845 permohonan pada awal tahun, maka jumlah beban-kerja bagi tahun ini ialah sebanyak 1,886 permohonan. Dalam tahun ini sebanyak 1,044 permohonan telah diproses dan diselesaikan. Tugas-tugas di bawah aktiviti ini telah dijalankan oleh Pendaftar, Timbalan Pendaftar,

4 Penolong Pendaftar Pertubuhan dan 12 Pegawai Pendaftaran Pertubuhan berserta dengan kerja perkeranian yang terlibat dengan aktiviti ini. Lawatan-lawatan ke tempat-tempat pertubuhan kebanyakannya dijalankan oleh Penolong Pendaftar Pertubuhan dan Pegawai-pegawai Pendaftaran Pertubuhan dan dalam tahun 1973 jumlah sebanyak 1,034 pertubuhan telah dilawati. Pada akhir tahun 1973 bilangan pertubuhan-pertubuhan yang berdaftar dalam rekod ialah 11,433.

Adalah dianggar bahawa lebih kurang sebanyak 1,100 permohonan untuk pendaftaran akan diterima dalam tahun 1974 dan berserta dengan tunggakan sebanyak 842 permohonan yang menunggu pendaftaran pada awal tahun, maka jumlah beban-kerja bagi tahun ini akan berjumlah sebanyak 1,943 permohonan. Pada awal tahun ini, tiga jawatan Penolong Pendaftar Pertubuhan yang kosong telah dipenuhi dengan kenaikan pangkat Pegawai-pegawai Pendaftaran yang sedang berkhidmat dan tindakan telah diambil untuk melantik Pegawai-pegawai Pendaftaran yang baru untuk memenuhi 7 kekosongan dan dengan tambahan tenaga manusia ini adalah dijangka bahawa keluaran kerja akan dinaikkan kepada 1,200 permohonan yang akan diselesaikan dalam tahun 1974. Dalam separuh tahun yang pertama tiga parti siasah yang baru iaitu Barisan Nasional, Kesatuan Insaf Tanah Ayer (KITA) dan Independent P.P.P. telah didaftarkan. Adalah dicadangkan untuk menubuhkan sebuah Cawangan Pejabat baru di Kuala Trengganu untuk melayani pertubuhan-pertubuhan di dalam Negeri-negeri Kelantan, Trengganu dan Pahang. Suatu cadangan juga telah dibuat untuk mendaftar dan mengawalkan semua perbadanan seni mempertahankan diri dan suatu Akta Parlimen sedang digubalkan. Apabila Akta ini menjadi Undang-undang, tambahan kerja dan tanggungjawab akan dijangka dan tambahan pegawai-pegawai adalah dikehendaki untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta baru itu.

Dalam tahun 1975 adalah dijangka bahawa lebih kurang 1,300 permohonan untuk pendaftaran akan diterima dan berserta dengan tunggakan sebanyak 740 permohonan, maka jumlah beban-kerja bagi tahun 1975 akan berjumlah sebanyak 2,040 permohonan. Adalah dianggarkan bahawa lebih kurang sebanyak 1,400 permohonan akan diproses dan diselesaikan dalam tahun 1975.

Pengawasan

Tugas-tugas yang terutama dijalankan berkenaan dengan pengawasan Akta Pertubuhan atas pertubuhan-pertubuhan berdaftar adalah seperti berikut:

(1) Membatalkan pertubuhan-pertubuhan dengan dikeluarkan Perintah, pembatalan dan pembubaran;

(2) Menyemak Penyata-penyata Tahunan yang dihantar oleh pertubuhan-pertubuhan berdaftar dan cawangan-cawangannya;

(3) Menimbang permohonan-permohonan untuk pindaan kepada Undang-undang berdaftar, tukaran nama dan/atau alamat, dan permohonan-permohonan untuk menggunakan lambang, tanda, bendera, tajuk dan lencana;

(4) Membuat dakwaan;

(5) Menyiasat aduan-aduan dan pertikaian-pertikaian; dan

(6) Mengutip bayaran-bayaran setem.

Tugas-tugas tersebut di atas adalah dijalankan oleh pegawai-pegawai dan kerani-kerani di Jabatan ini. Tugas-tugas bagi pegawai-pegawai itu tidak selesai selepas sebuah pertubuhan telah didaftarkan. Sebenarnya tugas-tugas mereka adalah berlanjutan kerana tiap-tiap pertubuhan berdaftar dan cawangan-cawangannya hendaklah dikelola dan dikawalkan untuk menentukan peruntukan-peruntukan dalam Akta Pertubuhan dan Undang-undang berdaftarnya sendiri tidak akan dilanggar dan juga kegiatan-kegiatan yang menyalahi Undang-undang tidak akan dijalankan oleh ahli-ahli di dalam tempat pertubuhan untuk kepentingan, keamanan, kebajikan, akhlak atau ketenteraman di dalam Persekutuan.

Peruntukan-peruntukan juga telah dibuat di dalam Akta Pertubuhan, 1966 untuk kawalan dan penyeliaan pertubuhan faedah bersama yang menentukan bayaran bantuan wang atas kematian ahli-ahlinya dan di mana-mana boleh, nasihat dan pertolongan bersedia diberi kepada pertubuhan-pertubuhan itu mengenai pengujudan suatu rancangan faedah yang lumayan yang hendak dibayar oleh pertubuhan-pertubuhan itu dengan tujuan hendak mengelakkan mereka daripada menjadi muflis disebabkan oleh pembayaran kadar faedah yang terlampau tinggi. Dalam tahun-tahun yang lalu, sebilangan besar pertubuhan-pertubuhan faedah bersama telah gagal dan terpaksa dibubarkan oleh kerana faedah-faedah yang terlampau tinggi telah ditentukan yang tidak seimbang dengan bilangan keahlian dan jumlah yuran yang telah dikutip. Kegagalan oleh pertubuhan-pertubuhan faedah bersama itu telah mendatangkan banyak kesusahan dan tidak kepuasan hati kepada beribu-ribu penyumbang-penyumbang yang telah mencarum banyak wang kepada pertubuhan-pertubuhan itu dengan berharap sekurang-kurangnya menguntukkan sedikit bantuan wang untuk perbelanjaan-perbelanjaan pemakaman mereka tetapi tidak dapat dipulangkan balik apa-apa wang itu kerana pembubaran pertubuhan itu. Tidaklah dapat disangkal lagi bahawa pertubuhan-pertubuhan faedah bersama yang benar-benar telah membuat kebaikan kepada orang-orang awam terutamanya sekali kepada mereka yang berpendapatan rendah.

Tiap-tiap pertubuhan berdaftar dan cawangan pertubuhan yang dibenarkan adalah dikehendaki menurut Undang-undang untuk menghantar Penyata Tahunan dengan borang tertentu yang memberi maklumat-maklumat seperti senarai Ahli-ahli Jawatankuasa yang terbaru, penyata kira-kira dan kunci kira-kira, butir-butir mengenai mana-mana harta yang tidak bergerak, pindaan-pindaan kepada Undang-undang berdaftar, jika ada, dan jumlah bilangan ahli-ahli. Penyata-penyata Tahunan itu mestilah dihantar kepada Pendaftar di dalam tempoh 28 hari selepas mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan dan jika tiada Mesyuarat Agung Tahunan diadakan, sekali pada tiap-tiap tahun kalendar. Penyata-penyata Tahunan itu adalah difail dan disemak dan di mana-mana berpatutan, pertanyaan-pertanyaan adalah dibuat untuk keterangan-keterangan selanjutnya dan pembetulan yang perlu dibuat.

Tiap-tiap pindaan kepada Undang-undang berdaftar, tukaran nama pertubuhan, tukaran alamat tempat mesyuarat atau tempat urusan, penggunaan bendera, lencana, lambang, tanda dan tajuk oleh sebuah pertubuhan mestilah dibenarkan oleh Pendaftar sebelum boleh dilaksanakan oleh pertubuhan yang berkenaan.

Dengan adanya Biro Siasatan Negara dan Biro Aduan Awam, banyak orang-orang awam dan ahli-ahli pertubuhan telah menjadi lebih "civic-minded" dan sedar bahawa peluang-peluang adalah terbuka kepada mereka untuk melapur atau mengadukan mana-mana kesalahan dan kegiatan yang menyalahi Undang-undang yang telah dilakukan atau diuruskan oleh pertubuhan-pertubuhan berdaftar dan pemegang-pemegang jawatan atau ahli-ahlinya. Dengan sebab ini, banyak aduan dan lapuran terhadap pertubuhan-pertubuhan telah diterima yang memerlukan siasatan-siasatan mendalam dijalankan oleh pegawai-pegawai di Pejabat ini. Selain daripada aduan-aduan dan lapuran-lapuran itu, banyak pertikaian di antara ahli-ahli pertubuhan, khasnya pertubuhan faedah bersama, parti-parti siasah dan Jawatankuasa Pengurusan Rumah-rumah Berhala, hendaklah diselesaikan dengan ramah-tamah oleh pegawai-pegawai di Pejabat ini. Tambahan pula, rayuan-rayuan terhadap keputusan Pendaftar hendaklah dikemukakan kepada Y.A.B. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk mendapatkan keputusannya yang muktamad berserta lapuran-lapuran bagi siasatan-siasatan yang telah dijalankan berkenaan dengan rayuan itu. Pegawai-pegawai dari pejabat ini adalah juga dikehendaki memberi keterangan di dalam Mahkamah terhadap pertubuhan-pertubuhan berdaftar yang telah dituduh oleh pihak Polis kerana menguruskan kegiatan-kegiatan perjudian atau menjalankan loteri tanpa lesen atau menjalankan kegiatan-kegiatan yang menyalahi Undang-undang. Pindaan-pindaan kepada Akta Pertubuhan, 1966 telah diluluskan oleh Parlimen yang telah berjalan kuatkuasa mulai daripada 1hb Julai, 1972 yang mana pertubuhan-pertubuhan bolehlah

dikehendaki oleh Pertubuhan untuk mengadakan peruntukan di dalam Perlembagaan atau Undang-undang pertubuhan itu bahawa pemegang-pemegang jawatan pertubuhan itu dan tiap-tiap pegawai yang menjalankan tugas-tugas pemerintah dalam pertubuhan itu hendaklah Warganegara Malaysia dan juga Pendaftar bolehlah melarang mana-mana pertubuhan berdaftar daripada mempunyai pergabungan atau perhubungan dengan mana-mana pertubuhan yang ditubuhkan di luar Persekutuan.

Seksyen 49 dalam Akta Pertubuhan menguntukkan bahawa seseorang pemegang-pemegang jawatan bagi mana-mana pertubuhan yang pendaftarannya telah dibatalkan di bawah Seksyen 13 dalam Akta tersebut tidak boleh menjadi seorang pemegang-jawatan bagi mana-mana pertubuhan lain dengan tidak mendapat kebenaran bertulis daripada Pendaftar. Pejabat ini bertujuan melaksanakan peruntukan seksyen tersebut dengan penuhnya yang sampai sekarang tidak dibuat demikian disebabkan oleh kekurangan kakitangan. Tambahan pula, pindaan-pindaan kepada Akta yang baharu itu akan dikuatkuasakan dengan sepenuh-penuhnya dengan tegasan khas diberi kepada peruntukan Seksyen 13A dalam Akta itu.

Sekiranya Akta Seni Mempertahankan Diri dikuatkuasakan dalam tahun 1975 adalah dijangkakan bahawa tambahan tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggung-jawab akan berikut kerana adalah perlu untuk mendaftarkan pertubuhan itu berserta dengan nama-nama bagi jurulatih-jurulatih dan pelatih-pelatih bagi semua jenis seni mempertahankan diri dan menyeliakan kegiatan-kegiatan dan tempat-tempat urusan mereka. Tambahan kakitangan akan diperlukan untuk menjalankan tambahan kerja-kerja dan tanggungjawab-tanggungjawab itu.

Orang-orang awam telah menjadi lebih "civic-minded" dan berkehendakkan mengambil bahagian dengan sepenuhnya dalam berbagai-bagai perbadanan dan projek. Memandangkan kepada dasar Kerajaan untuk memenuhi kehendak rakyat dan menyelesaikan masaalah-masaalah mereka ke akar-umbinya, maka sewajar-nyalah pejabat ini tidak boleh berdiam diri dan memerhatikan sahaja aliran perubahan yang berlaku sekarang. Pertubuhan-pertubuhan yang berkaitan dengan kerja dan pekerjaan, perniagaan, belia dan terutama sekali persatuan-persatuan luar bandar yang digerakkan oleh kalangan Bumiputra telah menyedari akan seruan Kerajaan dan sedang mengemas balik diri mereka masing-masing untuk mengejar kemajuan kepada rakyat seluruhnya dan kepada kawasan-kawasan di mana mereka bergerak. Pegawai-pegawai dalam pejabat ini telah khusus diarahkan mendengar aduan-aduan dan sungutan-sungutan orang-orang awam dan ahli-ahli pertubuhan dan menyiasat masaalah-masaalah yang diadukan dan mana boleh memberi cadangan-cadangan atau penyelesaian-penyelesaian yang positif dan praktikal untuk menyatupadukan gulungan yang bertelegah supaya membolehkan mereka menjadi pertubuhan yang subur dan sihat. Adalah penting untuk memper-kembangkan negara yang wajar, pertubuhan-pertubuhan mestilah ditanamkan semangat dan hormat kepada perlembagaan pertubuhan mereka.

Pelaksanaan adalah berdasarkan pada jumlah keluaran kerja yang telah diselesaikan di bawah aktiviti-aktiviti Pendaftaran dan Pengawasan dan hitung panjang bagi yunit kos adalah berdasarkan pada jumlah peruntukan yang telah dibenarkan dan dibelanjakan dan jumlah keluaran kerja di bawah kedua-dua aktiviti ini. Adalah diterangkan bahawa dalam tahun-tahun lalu, jumlah beban-kerja dan hitung panjang yunit kos di bawah aktiviti ini telah disediakan dengan berasingan iaitu di bawah aktiviti Pendaftaran dan aktiviti Pengawasan masing-masing, berdasarkan kepada peruntukan mengikut kadar yang telah dibenarkan untuk aktiviti Pendaftaran dan Pengawasan. Akan tetapi, mulai dari tahun ini, jumlah keluaran kerja dan hitung panjang yunit kos bagi aktiviti ini akan disedia-kan berdasarkan pada jumlah peruntukan yang dibenarkan bagi aktiviti ini selaras dengan Sinarai Perjawatan bagi Jabatan ini yang sampai sekarang tidak menunjuk-kan bahagian kakitangan di bawah tiap-tiap aktiviti bagi Jabatan ini.

Peruntukan yang dibenarkan bagi aktiviti ini adalah dibelanjakan untuk butir-butir perbelanjaan seperti berikut:

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	312,620	385,115	382,442
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	18,758	14,885	22,289
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..	—	—	5,269
	Jumlah Gaji ..	331,378	400,000	410,000
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	24,543	28,000	30,000
2300	Kemudahan Perhubungan ..	621	2,060	1,500
2400	Api, Air dan Letrik dll.	242	370	470
2500	Sewa	—	—	13,750
2600	Perkhidmatan Pencetakan ..	1,034	1,560	1,560
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	960	1,390	2,000
	Jumlah ..	358,778	433,380	459,280

Beban-kerja dan hitung panjang yunit kos bagi tiga tahun mengenai aktiviti Pendaftaran dan Pengawasan adalah seperti berikut:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Pendaftaran			
(*a*) Tunggakan permohonan pada awal tahun	845	842	742
Bilangan permohonan diterima dalam tahun	1,041	1,100	1,300
Jumlah beban-kerja bagi tahun ..	1,886	1,942	2,042
Bilangan permohonan yang telah diselesaikan	1,044	1,200	1,400
Tunggakan pada akhir tahun ..	842	742	642
Jumlah kerja selesai	1,044	1,200	1,400
Pengawasan			
(*b*) *Bilangan pertubuhan-pertubuhan yang telah dibatal atau dibubar dalam tahun*	662	650	650
(*c*) *Bilangan Penyata Tahunan yang diterima dan disemak:*			
Tunggakan bilangan Penyata Tahunan yang belum disemak pada awal tahun	10,642	13,944	14,000
Bilangan Penyata Tahunan yang diterima dalam tahun	15,891	16,000	16,500
Jumlah beban-kerja bagi tahun ..	26,533	29,944	30,500
Tunggakan pada akhir tahun ..	13,944	14,000	13,000
Jumlah kerja selesai	12,589	15,944	17,500

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(*d*) *Bilangan Permohonan untuk meminda Undang-undang berdaftar, tukaran nama, tukaran tempat mesyuarat dan tempat urusan:*			
Tunggakan bilangan permohonan pada awal tahun	1,085	918	800
Bilangan permohonan diterima dalam tahun	1,941	2,000	2,100
Jumlah beban-kerja bagi tahun ..	3,026	2,918	2,900
Tunggakan pada akhir tahun ..	918	800	700
Jumlah kerja selesai	2,108	2,118	2,200
(*e*) *Bilangan permohonan untuk menggunakan lambang, bendera, lencana, tanda dan tajuk:*			
Tunggakan bilangan permohonan pada awal tahun	167	149	130
Bilangan permohonan diterima dalam tahun	266	280	300
Jumlah beban-kerja bagi tahun ..	433	429	430
Tunggakan pada akhir tahun ..	149	130	110
Jumlah kerja selesai	284	299	320
Jumlah kerja selesai bagi tahun iaitu (a)+(b)+(c)+(d)+(e) di atas ..	16,687	20,211	22,070
Hitung panjang yunit kos	$21.50	$21.44	$20.81
Jumlah Belanja ..	$358,778	$433,380	$459,280

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	367,788	454,151	467,458
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	22,069	17,512	24,989
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..	5,647	8,337	5,353
	Jumlah Gaji ..	395,504	480,000	497,800
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	27,269	31,000	33,200
2300	Kemudahan Perhubungan ..	3,106	7,060	6,000
2400	Api, Air dan Letrik dll.	1,212	1,850	1,910
	Bawa kehadapan ..	427,091	519,910	538,910

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
	Dari sebelah ..	427,091	519,910	538,910
2500	Sewa	2,482	11,780	13,750
2600	Perkhidmatan Pencetakan ..	3,447	5,200	5,060
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	4,800	6,940	8,000
2800	Perkhidmatan Pelbagai	1,281	2,360	3,500
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	2,572	4,620	2,500
	Jumlah ..	441,673	550,810	571,720

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang sebenar Tahun 1973	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974	Bilangan	Anggaran Tahun 1975
		$		$		$
(i) Pentadbiran Am					8	87,800
(ii) Pendaftaran dan Pengawasan	68	395,504	73	480,000	65	410,000
Jumlah ..	68	395,504	73	480,000	73	497,800

3. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Belanja Mengurus—			
Semenanjung Malaysia	397,445	464,774	474,484
Sarawak	26,710	36,682	40,492
Sabah	17,518	49,354	56,744
Jumlah ..	441,673	550,810	571,720

Kepala Bekalan 37	... ...	**$8,533,700**
Jumlah	...	**$8,533,700**

BELANJA MENGURUS

Peruntukan 1975	... ...	**$8,533,700**
Peruntukan 1974	... ...	**8,153,949**
Perubahan	...	**+ $ 379,751**

1. Tujuan-tujuan

Tujuan Jabatan Pendaftaran Negara ialah untuk melaksanakan dengan berkesannya akan peruntukan-peruntukan berbagai undang-undang yang terletak di bawah bidang kuasanya. Untuk mencapai tujuan tersebut Jabatan ini menjalankan kegiatan-kegiatan berikut:

(*a*) Mendaftar dan mengeluarkan kad pengenalan kepada tiap-tiap orang yang berumur 12 tahun ke atas bagi maksud (i) keselamatan dalam negeri, (ii) memberikan kepada tiap-tiap individu satu cara yang sama untuk memperkenalkan diri sendiri. Peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan hal ini adalah terkandung di dalam Akta Pendaftaran Negara, 1959 dan Peraturan-peraturan dan pindaan di bawahnya;

(*b*) Mendaftar dan mengeluarkan sijil kerakyatan dengan secara pendaftaran atau pun masukan dan juga mendaftar dan mengeluarkan dokumen kepada tiap-tiap warganegara yang telah menolak atau telah dilucutkan taraf kerakyatannya. Peruntukan bagi maksud ini terkandung di dalam Bahagian III Perlembagaan Malaysia dan Aturan-aturan Kewarganegaraan 1964;

(*c*) Mendaftar kelahiran, kematian, perkahwinan dan anak angkat. Bagi maksud ini tugas-tugasnya terbahagi kepada 3 acara kecil iaitu:

(i) Mendaftarkan tiap-tiap kelahiran dan kematian yang berlaku dalam negeri ini. Kegiatan ini membolehkan Kerajaan menyusun dan menyimpan perangkaan-perangkaan penduduknya untuk maksud perancangan sosial dan pembangunan ekonomi dan juga untuk memberi orang-orang awam dokumen-dokumen kenyataan kelahiran dan kematian yang dikehendaki untuk ditunjukkan bagi berbagai maksud pentadbiran dan undang-undang. Perundangan yang berkaitan ialah Ordinan Pendaftaran Beranak dan Mati, 1957, Ordinan Pendaftaran Beranak dan Mati Cap. 123 1948, Sabah dan Ordinan Beranak dan Mati Cap. 10 1951, Sarawak dan Peraturan-peraturan dan pindaan-pindaan di bawahnya;

(ii) Mendaftarkan tiap-tiap perkahwinan awam dan Keristian dan juga perkahwinan yang telah diadakan mengikut adat resam orang-orang yang berkahwin di negeri ini dan di luar negeri. Tujuan Pendaftaran Perkahwinan Awam dan Keristian ini ialah untuk orang-orang yang bukan Islam berakad nikah dengan satu isteri di bawah Ordinan Perkahwinan Awam, 1952 dan Ordinan Perkahwinan Keristian, 1956. Perkahwinan yang telah diadakan mengikut adat resam seseorang adalah didaftarkan di bawah Ordinan Perkahwinan, 1952 dan tujuannya ialah untuk memberi orang-orang berkenaan satu dokumen kenyataan mengenai perkahwinan

itu. Sijil-sijil Perkahwinan yang telah dikeluarkan di bawah Undang-undang tersebut di atas adalah sangat berguna bagi seorang perempuan yang bukan warganegara untuk memohon sijil kerakyatan dengan berdasarkan kepada kewarganegaraan suaminya; dan

(iii) Mendaftarkan hal ehwal anak angkat dengan tujuan memberi pihak-pihak yang berkenaan dokumen kenyataan anak angkat di bawah Ordinan Pendaftaran Anak Angkat, 1952 dan menyimpan rekod-rekod pengambilan anak angkat di bawah Ordinan Anak Angkat, 1952. Undang-undang yang berkenaan bagi negeri Sarawak dan Sabah ialah Ordinan Pengambilan Anak Angkat, 1960 Sarawak dan Ordinan Pengambilan Anak Angkat, 1960 Sabah.

Untuk melaksanakan tugas-tugas di atas, Jabatan ini adalah disusun dan dibahagikan kepada Ibu Pejabat, Pejabat Wilayah di Sarawak dan di Sabah dan Pejabat Kumpulan di tiap-tiap negeri di Semenanjung Malaysia seperti berikut:

(*a*) *Ibu Pejabat*—Terbahagi kepada 7 bahagian/yunit iaitu:

(i) Pentadbiran Am;

(ii) Kad Pengenalan;

(iii) Beranak dan Mati, Perkahwinan dan Anak Angkat;

(iv) Kewarganegaraan;

(v) Keselamatan dan Penyiasatan;

(vi) Latihan;

(vii) Analisa Pengurusan.

(*b*) *Pejabat Wilayah di Sarawak dan di Sabah*—Pejabat-pejabat ini terletak di Kuching dan di Kota Kinabalu masing-masing di bawah pentadbiran seorang Pengarah Pendaftaran Negara. Selain dari itu terdapat jua Pejabat-pejabat Cawangan, Pejabat-pejabat Kecil Daerah/Pusat-pusat Pendaftaran Daerah di kedua-dua wilayah tersebut.

(*c*) *Pejabat Kumpulan di Semenanjung Malaysia*—terletak di semua Ibu Negeri (kecuali Kangar) dan juga di Muar dan di Taiping. Pejabat-pejabat ini adalah di bawah pentadbiran Pegawai Kanan Pendaftaran/Pegawai Pendaftaran. Selain dari itu terdapat pula beberapa buah Pejabat Kumpulan Kecil yang ditadbirkan oleh Penolong Pegawai Pendaftaran. Pejabat-pejabat Pendaftaran adalah juga ditubuhkan di tiap-tiap daerah di seluruh Semenanjung Malaysia. Pejabat-pejabat ini adalah diketuai oleh Pembantu Pendaftaran.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran Am	440,562	435,827	438,700
(ii) Pendaftaran Negara	4,353,595	5,094,436	5,330,000
(iii) Pendaftaran Beranak, Mati, Perkhawinan dan Anak Angkat ..	1,150,915	1,448,686	1,552,000
(iv) Pendaftaran Kewarganegaraan ..	1,067,214	1,175,000	1,213,000
Jumlah ..	7,012,286	8,153,949	8,533,700

(i) *Pentadbiran Am*

Tugas-tugas yang dijalankan oleh Ibu Pejabat (Yunit Pentadbiran Am) ialah untuk menyelaraskan kerja-kerja daripada Bahagian-bahagian di dalam Jabatan di samping mentadbirkan dasar-dasar Jabatan, menguruskan perkara-perkara berkaitan dengan kewangan, perkhidmatan, perjawatan dan keselamatan dan jua untuk mengadakan kemudahan-kemudahan latihan untuk pegawai-pegawai dan kakitangan, menjalankan kajian-kajian atas sistem organisasi dan menguruskan pembelian perkakas-perkakas yang diperlukan untuk Jabatan pada keseluruhannya. Dengan jenis kerja yang sedemikian rupa maka tidak mungkin untuk membuat sukatan yunit kos bagi semua beban-kerja yang dijalankan. Bagaimanapun kegiatan-kegiatan di atas bolehlah diambil sebagai ukuran bagi beban-kerja.

Beban-kerja di Ibu Pejabat bolehlah lebih kurang disukatkan dengan bilangan (i) surat-surat yang diterima dengan mel biasa, (ii) surat-surat yang diterima dengan Mel Berdaftar, (iii) fail-fail baru yang didaftarkan, (iv) perkara-perkara berkaitan dengan perkhidmatan, (v) perkara-perkara berkaitan dengan kewangan termasuk pembayaran gaji, (vi) pembayaran-pembayaran baucer oleh Ibu Pejabat dan (vii) peserta yang menjalani kursus, dan (viii) surat-surat, kenyataan-kenyataan dan lain-lain yang dihantar untuk ditaip.

(ii) *Pendaftaran Negara*

Beban-kerja program ini disukat dengan bilangan permohonan yang diproses untuk (i) Kad Pengenalan baru, (ii) Kad Gantian disebabkan kehilangan atau kerosakan atau pertukaran warna, (iii) Kad-kad Pendaftaran semula di bawah Peraturan 16, (iv) Kad-kad Gantian disebabkan pertukaran butir-butir dalam Kad Pengenalan, (v) maklumat-maklumat yang dipohonkan oleh Jabatan-jabatan Kerajaan (vi) salinan-salinan sah daftar Kad Pengenalan, (vii) Pertukaran-pertukaran alamat dan (viii) Kad-kad Pengenalan Malaysia untuk mengganti Kad-kad Singapura dan (ix) Kad-kad Pengenalan yang disalut dan dikeluarkan.

Bayaran-bayaran nominal adalah dikenakan kepada berbagai-bagai urusan pendaftaran. Anggaran Kecil bagi tahun hadapan dijangka akan berjumlah sebanyak $8,430.

Hasil bagi tahun-tahun 1973, 1974, dan 1975 adalah seperti berikut:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Bayaran yang telah dipungut	$900,135	$865,000	$873,390

(iii) *Pendaftaran Beranak, Mati, Perkahwinan dan Anak Angkat*

Beban-kerja program ini adalah disukat dengan bilangan (1) sijil Beranak dan Mati yang dikeluarkan, (ii) carian yang dijalankan, (iii) permohonan untuk pembetulan yang diproses, (iv) permohonan untuk daftaran lewat yang diproses, (v) permohonan bagi kemasukan nama, (vi) daftar-daftar Beranak dan Mati yang dijilid, (vii) perkahwinan awam yang didaftarkan (viii) pendaftaran perkahwinan yang direkodkan, (ix) Perkahwinan Kristian yang didaftarkan, (x) Perintahan Anak Angkat yang dikeluarkan oleh Mahkamah untuk didaftarkan, dan (xi) pendaftaran Anak Angkat defacto yang didaftarkan.

Adalah dianggarkan bahawa lebih daripada 380,000 kelahiran dan kematian akan didaftarkan tiap-tiap tahun. Bagaimanapun bilangan kelahiran dan kematian tidak dimasuk di dalam beban kerja sebab kerja yang sebenarnya iaitu, menerima lapuran kelahiran atau kematian dan merekodkan kejadian-kejadian ini di dalam daftar tidak dibuat oleh kakitangan Jabatan Pendaftaran; tetapi oleh Pegawai-pegawai dari Jabatan-jabatan lain, iaitu; Pegawai-pegawai Polis, Penghulu-penghulu, Pegawai-pegawai yang berkuasa Rumah-rumah sakit dan lain-lain yang ditawarkan sebagai Pendaftar Beranak dan Mati.

Belanja yunit hitung panjang diberi di sini tidak termasuk harga perkhidmatan yang diberikan oleh Pendaftar-pendaftar yang menerima lapuran kelahiran atau mati dan merekodkan kejadian di dalam daftar itu.

Tidak seperti lain-lain rekod, daftar kelahiran-kelahiran dan kematian adalah disimpan dan diselenggarakan dalam dua salinan oleh Jabatan ini. Daftar-daftar yang asal adalah di dalam simpanan Ibu Pejabat Pendaftaran, Petaling Jaya dan salinan pendua daftar-daftar tersebut difailkan oleh Penguasa Pendaftar-pendaftar Beranak dan Mati di Pejabat-pejabat Pendaftaran Kumpulan.

Pendaftaran Kelahiran dan Kematian ialah satu perkhidmatan percuma yang diberikan oleh Kerajaan. Bagaimanapun bayaran yang tertentu adalah dikenakan bagi lain-lain urusan yang berhubung dengan pendaftaran kelahiran-kelahiran dan kematian-kematian seperti pengeluaran cabutan sijil-sijil selepas pendaftaran, pembetulan kesilapan-kesilapan kenyataan, pendaftaran kemasukan dan cadangan menyemak semula kadar bayaran-bayaran sekarang masih di dalam pertimbangan.

Undang-undang berhubung dengan perkahwinan adalah ditadbirkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara, tetapi pendaftaran perkahwinan yang sebenarnya adalah dijalankan oleh Pendaftar-pendaftar yang terdiri dari pegawai-pegawai Jabatan-jabatan lain, umpamanya Pegawai-pegawai Daerah, Penolong-penolong Pegawai Daerah dan Pegawai-pegawai Hal Ehwal Urusan Cina. Mereka ini tidak dibayar oleh Jabatan Pendaftaran Negara. Di dalam hal Perkahwinan Keristian, pendaftaran dijalankan oleh Vicar-vicar, Minister-minister dan lain-lain yang dibayar oleh pelbagai badan ugama. Jabatan Pendaftaran Negara hanya menyimpan salinan-salinan pendua rekod bagi semua perkahwinan yang telah didaftarkan dan mengeluarkan salinan sah daripada salinan itu.

Pendaftaran-pendaftaran perkahwinan, selain daripada Perkahwinan Keristian, bukanlah satu perkhidmatan percuma yang diberikan oleh Kerajaan. Bayaran yang ditetapkan adalah dikenakan bagi pelbagai urusan yang berkaitan dengan pendaftaran itu. Jadual bayaran ini telah diadakan di dalam tahun 1954. Bayaran yang telah dipungut dikreditkan kepada hasil negeri yang berasingan dan bukan kepada hasil Persekutuan.

Pendaftaran perkahwinan-perkahwinan Keristian adalah satu perkhidmatan yang diberikan oleh Pelbagai badan Ugama dengan borang-borang yang telah dicetak dan dibekalkan percuma oleh Kerajaan. Bayaran yang dibayar kepada Kerajaan adalah terkandung di dalam jadual di bawah Peraturan-peraturan 1957. Hasil tahunan yang dipungut di bawah butiran ini adalah kecil sahaja.

Pendaftaran Anak Angkat yang sah (legal adoptions) adalah diproses oleh Mahkamah-mahkamah, tetapi didaftarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara yang mengeluarkan salinan sah dari Daftar-daftar Anak Angkat.

Pendaftaran Anak Angkat "de-facto" adalah didaftarkan oleh Pendaftar-pendaftar Anak Angkat kebanyakannya terdiri dari Pegawai-pegawai Daerah, Penolong-penolong Pegawai Daerah, dan Pegawai-pegawai Hal Ehwal Urusan China. Pegawai Pendaftaran Pulau Pinang adalah seorang sahaja pegawai dari Jabatan Pendaftaran Negara yang menjalankan tugas sebagai Pendaftar Anak Angkat dan beliau adalah dibayar oleh Jabatan ini. Jabatan Pendaftaran Negara menyimpan rekod pendua bagi semua anak angkat "de-facto" dan mengeluarkan salinan sah daripada salinan itu.

Pendaftaran Anak Angkat bukanlah satu perkhidmatan percuma yang diberi oleh Kerajaan. Di dalam hal pendaftaran Anak Angkat yang sah bayaran nominal adalah dikenakan oleh Mahkamah dan bayaran sebanyak $2 hendaklah dibayar kepada Jabatan Pendaftaran Negara bagi tiap-tiap salinan sah bagi satu kemasukan di dalam daftar Anak-anak Angkat. Bayaran nominal adalah dikenakan bagi pelbagai urusan berkaitan dengan pendaftaran Anak Angkat "de-facto". Bayaran yang dipungut dikreditkan kepada Hasil Negeri (tidak termasuk bayaran

yang dipungut oleh Mahkamah), daripada program ini bagi tiga tahun adalah seperti berikut:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(*a*) Beranak dan Mati	330,793	500,900	249,350
(*b*) Pendaftaran Perkahwinan	138	600	200
(*c*) Pendaftaran Anak Angkat	114	500	450
Jumlah ..	331,345	502,000	250,000

(iv) *Pendaftaran Kewarganegaraan*

Beban-kerja program ini adalah disukat dengan bilangan (i) Permohonan-permohonan yang diproses, (ii) Sijil-sijil Kewarganegaraan yang dikeluarkan, (iii) Penolakan-penolakan Kewarganegaraan yang didaftarkan, (iv) Perlucutan-perlucutan Kewarganegaraan yang didaftarkan, dan (v) Kad-kad Fahrasat yang dibuat dan disusun.

Hasil bagi tahun-tahun 1973, 1974 dan 1975 adalah seperti berikut:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Bayaran yang dipungut	$74,025	$80,000	$37,680

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	5,449,216	6,337,554	6,346,910
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	396,838	289,915	672,341
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..	155,972	173,731	156,665
	Jumlah Gaji ..	6,002,026	6,801,200	7,175,916
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	327,311	352,000	314,000
2200	Pengangkutan Barang-barang ..	23,489	21,500	22,500
2300	Kemudahan Perhubungan ..	59,538	76,500	82,500
2400	Api, Air dan Letrik dll.	45,065	46,230	47,700
2500	Sewa	123,367	183,000	158,500
2600	Perkhidmatan Pencetakan.. ..	90,082	224,000	133,500
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	250,132	284,000	424,000
2800	Perkhidmatan Pelbagai	76,683	89,600	90,000
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	74,543	33,269	70,084
3300	Pembinaan	24,163	42,650	15,000
	Jumlah ..	7,096,399	8,153,949	8,533,700

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974 $	Bilangan	Anggaran Tahun 1975 $
(i) Pentadbiran Am	44	387,864	48	353,400	47	358,316
(ii) Pendaftaran Negara ..	945	3,631,103	984	4,181,800	929	4,376,600
(iii) Pendaftaran Beranak, Mati, Perkahwinan dan Anak Angkat	250	1,035,618	256	1,290,000	259	1,400,000
(iv) Pendaftaran Kewarganegaraan	229	947,441	222	976,000	214	1,041,000
Jumlah ..	1,468	6,002,026	1,510	6,801,200	1,449	7,175,916

3. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Peruntukan Tahun 1974 $	Anggaran Tahun 1975 $
Belanja Mengurus:			
Semenanjung Malaysia	4,987,180	6,249,906	6,393,555
Sarawak	778,125	982,470	1,186,369
Sabah	1,331,094	921,573	953,776
Jumlah ..	7,096,399	8,153,949	8,533,700

Kepala Bekalan 38 ...	**...**	**$22,189,050**
Kepala Pembangunan 38	**...**	**2,727,540**
Jumlah	**...**	**$24,916,590**

	Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975 ...	**$22,189,050**	**$2,727,540**	**$24,916,590**
Peruntukan 1974 ...	**21,249,040**	**3,656,540**	**24,905,580**
Perubahan ...	**+ $ 940,010**	**— $ 929,000**	**+ $ 11,010**

1. Tujuan-tujuan

(*a*) *Penjara-penjara*

Berbeda dengan amalan pada zaman lampau, kini tugas Jabatan Penjara adalah lebih bercorak pemulihan daripada penyiksaan dan dendaan. Jabatan Penjara Malaysia menjalankan peranan seperti berikut:

(*a*) Mengasingkan pesalah-pesalah dari masyarakat umum seperti yang diarahkan oleh mahkamah undang-undang atau Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri;

(*b*) Memberi kawalan dan pengurungan yang selamat ke atas penghuni-penghuni; dan

(*c*) Memulihkan sikap dan akhlak mereka supaya mereka dapat memperbaiki maruah dan identiti mereka dan kelak dapat kembali semula ke masyarakat umum sebagai warganegara yang bertanggungjawab dan sebagai angguta masyarakat yang berguna.

(*b*) *Tempat-tempat Tahanan Perlindungan*

Untuk memberikan kurungan yang selamat ke atas orang-orang tahanan, serta memberi pemulihan dan layanan-layanan menurut Undang-undang yang berkenaan.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran Am	817,045	909,865	967,750
(ii) Kurungan Banduan-banduan ..	9,969,118	11,758,160	12,675,000
(iii) Kurungan dan Pemulihan Orang Tahanan	3,540,234	4,729,065	4,576,500
(iv) Latihan Banduan-banduan	1,850,763	1,595,030	1,710,000
(v) Kurungan dan Didikan Semula Budak-budak Nakal dan Banduan-banduan Muda	1,507,952	1,937,090	1,916,500
(vi) Latihan Pegawai-pegawai Penjara ..	234,911	319,830	343,300
Jumlah ..	17,920,023	21,249,040	22,189,050

(i) *Pentadbiran Am*

Perkhidmatan Penjara Malaysia adalah terdiri daripada Jabatan Penjara Semenanjung Malaysia, Jabatan Penjara Sarawak dan Jabatan Penjara Sabah. Ada 30 buah institusi di bawah pentadbiran Jabatan Penjara Malaysia.

Pada keseluruhannya, pentadbiran penjara adalah terletak di bawah Ketua Pengarah Penjara. Beliau, sebagai Ketua kepada Jabatan Penjara Malaysia, mentadbirkan Jabatan tersebut berlandaskan arahan-arahan dan dasar Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Di peringkat Ibu Pejabat, Ketua Pengarah Penjara adalah dibantu oleh dua orang Timbalan Ketua Pengarah Penjara, Pengarah Perusahaan, Penguasa Kanan Tempat Tahanan Perlindungan, Penguasa Kanan Kebajikan dan Aftercare, Pegawai Pentadbir (P.T.D.), Pegawai Perancang dan Penyelidikan dan Pengelola Pelajaran yang mentadbirkan bahagian masing-masing.

Di peringkat cawangan, tiap-tiap satu institusi penjara adalah di bawah jagaan seorang Pengarah atau Penguasa Kanan, atau Penguasa, atau Pegawai Yang Menjaga dan mereka-mereka ini adalah bertanggungjawab kepada Ketua Pengarah Penjara baik dari segi pentadbiran, keselamatan institusi maupun dari segi rancangan pemulihan dan latihan penghuni-penghuni.

Prinsip-prinsip umum yang terkandung dalam pentadbiran penjara bolehlah diringkaskan seperti berikut:

(*a*) Disiplin dan ketenteraman hendaklah diujudkan dengan sikap adil tetapi tegas dan dengan sekatan yang tiada lebih dari yang perlu untuk menjamin pengurungan dan kawalan yang selamat dan agar terujudnya satu corak kehidupan komuniti yang teratur.

(*b*) Dalam pengawalan penghuni-penghuni, pegawai-pegawai penjara dikehendaki mempengaruhi penghuni-penghuni melalui tauladan dan pimpinan mereka.

(*c*) Setiap masa, layanan terhadap penghuni-penghuni haruslah yang bersifat menggalakkan mereka untuk menghormati diri sendiri, menyemaikan sifat-sifat bertanggungjawab, sifat-sifat rajin bekerja dan sifat-sifat kewarganegaraan yang baik.

(ii) *Kurungan Banduan-banduan*

Aktiviti yang berkaitan dengan ini meliputi memberi makanan kepada banduan-banduan, menjaga kesihatan mereka, keselamatan mereka dalam bentuk penyeliaan dan jagaan oleh kakitangan serta rintangan cegahan dan penyediaan kemudahan-kemudahan kebajikan/sosial/permainan yang membina yang mana boleh membantu proses pemulihan dan reintegrasi sosial.

Kemajuan yang tercapai dalam tahun 1973, beban-kerja yang dijangka pada tahun 1974 dan tahun 1975 adalah seperti berikut:

	1973	1974	1975
Jumlah purata Banduan sehari	3,200	3,300	3,350
Belanja purata Seyunit	×$3,119.25	×$3,831.32	×$3,783.58
Jumlah Belanja ..	$9,981,616	$12,643,360	$12,675,000

(iii) *Kurungan dan Pemulihan Orang Tahanan*

Orang-orang tahanan ialah orang-orang yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri kerana kegiatan-kegiatan yang dianggap mengancam kepentingan negara. Proses pemulihan mereka adalah diorientasikan untuk mempengaruhi hati dan fikiran mereka. Aktiviti untuk mencapai matlamat ini termasuklah pembekalan kemudahan-kemudahan sosial/kebajikan dan menyediakan keadaan hidup yang hampir-hampir serupa seperti terdapat di luar.

Kemajuan yang tercapai dalam tahun 1973, beban-kerja yang dijangka pada tahun 1974 dan tahun 1975 adalah seperti berikut:

	1973	1974	1975
Jumlah purata Orang-orang Tahanan sehari	884	1,000	1,000
Belanja purata Seyunit	× $3,896.74	× $5,066.56	× $4,576.50
Jumlah Belanja ..	$3,444,721	$5,066,565	$4,756,500

(iv) *Latihan Banduan-banduan*

Sebilangan besar daripada pesalah-pesalah yang memasuki penjara tiada mempunyai kemahiran vokesyenal. Jadi, adalah menjadi salah satu tanggungjawab perkhidmatan penjara untuk membekalkan mereka dengan ilmu pengetahuan vokesyenal yang asas dan penyesuaian daya penggerak (motivation) supaya mereka senang mendapat pekerjaan di hari pembebasannya. Ini adalah satu perkara yang penting kerana tanpa mempunyai pekerjaan yang boleh menyara hidup, besar kemungkinan mereka akan terjerumus semula ke lembah jenayah.

Di antara jenis-jenis latihan perusahaan yang diberikan kepada banduan-banduan termasuklah pertukangan kayu, rotan, dobi, membuat sarung kaki, kasut, barang-barang logam, tembaga, pertanian, percitakan, menjilid buku dan menjahit pakaian.

Selain dari itu, banduan-banduan juga ada diberi kemudahan-kemudahan pelajaran. Falsafah yang terkandung disebalik rancangan pelajaran ialah untuk membasmi buta huruf, membantu pesalah mengatasi sikap anti-sosialnya dan untuk mengembangkan satu sikap hidup yang membina dan produktif.

Hasil yang diperolehi dari Perusahaan-perusahaan Penjara ialah seperti berikut:

(*a*) Sebenar 1973	$ 718,024
(*b*) Anggaran 1974	950,000
(*c*) Anggaran 1975	1,000,000

Kemajuan yang tercapai dalam tahun 1973, beban-kerja yang dijangka dalam tahun 1974 dan tahun 1975 adalah seperti berikut:

	1973	1974	1975
(*a*) Jumlah Banduan-banduan yang diberi Latihan Perusahaan	5,183	5,000	5,000
(*b*) Jumlah Banduan-banduan yang diberi Latihan Pelajaran	2,046	2,000	2,000
Jumlah ..	7,229	7,000	7,000
Belanja purata Seyunit	× $259.95	× $241.58	× $244.29
Jumlah Belanja ..	$1,879,183	$1,691,030	$1,710,000

(v) *Kurungan dan Didikan Semula Budak-budak Nakal dan Banduan-banduan Muda*

Pentadbiran Penjara juga ada menyediakan rancangan latihan dan pemulihan yang khas bagi budak-budak nakal (juveniles). Ini termasuklah pemberian latihan vokesyenal dan pertanian dan pembekalan kemudahan-kemudahan jasmani dan rohani.

Kemajuan yang tercapai dalam tahun 1973, beban-kerja yang dijangka dalam tahun 1974 dan tahun 1975 adalah seperti berikut:

	1973	1974	1975
Jumlah Budak-budak Nakal yang dipulihkan	461	500	520
Belanja Pukul Rata Seyunit	× $3,262.56	× $4,079.18	× $3,685.58
Jumlah Belanja ..	$1,504,040	$2,039,590	$1,916,500

(vi) *Latihan Pegawai-pegawai Penjara*

Tanggungjawab pegawai-pegawai penjara adalah berat—Melatih dan membimbing pesalah-pesalah dengan harapan memperbaiki akhlak mereka berkehendakkan pegawai-pegawai yang berkelibar, bertanggungjawab lagi berpandangan luas yang boleh memainkan peranan "multi-functional" seperti menjadi seorang pemimpin, pengawas yang berdisiplin, pekerja sosial dan tidak ketinggalan juga sebagai seorang rakan yang penuh dengan perasaan minat dan perikemanusiaan.

Untuk melengkapkan pegawai-pegawai Penjara menghadapi cabaran tanggungjawab tersebut, Sekolah Latihan Pegawai-pegawai Penjara (Taiping) ada menyediakan kemudahan-kemudahan latihan bagi kakitangan seragam baik untuk pegawai-pegawai kedet maupun untuk pegawai-pegawai penjara yang baru dilantik. Sukatan pelajaran kursus pegawai-pegawai penjara meliputi mata-mata pelajaran seperti kawad, latihan sen'ata mempertahankan diri, syarahan undang-undang penjara, kawal rusuhan dan sains kemasyarakatan.

Kemajuan yang tercapai dalam tahun 1973, beban-kerja yang dijangka dalam tahun 1974 dan tahun 1975 adalah seperti berikut:

	1973	1974	1975
Jumlah Pegawai-pegawai Penjara yang dilatih	196	200	200
Belanja purata Seyunit	× $1,224.45	× $1,690.15	× $1,716.50
Jumlah Belanja ..	$239,993	$338,030	$343,300

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	10,692,746	13,373,500	12,779,000
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	1,394,969	1,557,500	2,570,000
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..	168,560	239,000	221,000
	Jumlah Gaji ..	12,256,275	15,170,000	15,570,000

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	310,636	284,000	320,000
2200	Pengangkutan Barang-barang ..	53,225	41,500	58,970
2300	Kemudahan Perhubungan ..	90,440	109,500	114,670
2400	Api, Air dan Letrik dll.	602,685	685,500	686,500
2500	Sewa	9,342	17,450	17,650
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	4,127,281	4,360,000	4,853,410
2800	Perkhidmatan Pelbagai	78,494	118,300	135,800
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	143,190	178,590	188,596
3300	Pembinaan	51,922	67,200	25,454
4100	Pemberian, Subsidi dan Carum-carum	196,533	217,000	218,000
	Jumlah ..	17,920,023	21,249,040	22,189,050

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974	Bilangan	Anggaran Tahun 1975
		$		$		$
(i) Pentadbiran Am	102	720,738	104	797,000	105	850,000
(ii) Kurungan Banduan-banduan	2,225	7,354,326	2,388	8,783,000	2,393	9,300,000
(iii) Kurungan dan Pemulihan Orang Tahanan	882	2,297,375	894	3,188,000	894	3,000,000
(iv) Latihan Banduan-banduan	114	600,751	113	681,000	114	680,000
(v) Kurungan dan Didikan Semula Budak-budak Nakal dan Banduan-banduan Muda	370	1,106,474	404	1,463.000	405	1,460,000
(vi) Latihan Pegawai-pegawai Penjara	64	176,611	64	258,000	64	280,000
Jumlah ..	3,757	12,256,275	3,967	15,170,000	3,975	15,570,000

3. Anggaran Pembangunan

Pecahan-kepala		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
	SEMENANJUNG MALAYSIA			
2.	Tempat Tahanan Perlindungan Taiping	651,072	170,000	10
3.	Penjara Pusat, Kajang	749,157	1,500,000	1,500,000
4.	Rumah-rumah Rasmi Kakitangan ..	768,973	1,360,000	1,087,500
5.	Memperbaiki Bangunan-bangunan Penjara	348,545	300,000	140,000
6.	Mesin-mesin bagi Perusahaan Penjara	60,606	—	—
7.	Pusat Pemulihan Akhlak, Pulau Jerejak	15,733	—	—
	Jumlah Semenanjung Malaysia ..	2,594,086	3,330,000	2,727,510

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
	SARAWAK			
21.	Rumah-rumah dan Berek-berek ..	4,520	—	—
22.	Penjara dan Rumah-rumah Baru, Kuching	—	10	—
23.	Penjara dan Rumah-rumah Baru, Miri	7,336	300,000	10
24.	Pusat Tahanan, Sibu	266,497	20,000	10
25.	Kem Tahanan Batu Enam, Kuching	62,609	6,500	—
	Jumlah Sarawak ..	340,962	326,510	20
	SABAH			
31.	Bangunan-bangunan Penjara ..	53,483	10	—
32.	Rumah-rumah Kakitangan	9,482	10	—
33.	Penjara Baru, Sandakan	—	10	10
	Jumlah Sabah ..	62,965	30	10
	Jumlah ..	2,998,013	3,656,540	2,727,540

Kemajuan Kerja-kerja Pembinaan

SEMENANJUNG MALAYSIA

Pecahan-kepala 3—Penjara Pusat, Kajang

Tanah seluasnya 202 ekar untuk Penjara Pusat di Sungai Jeloh, Mukim Kajang telah siap dibersih dan dirata pada pertengahan tahun 1974.

Pelan-pelan rekabentuk penjara-penjara baru yang akan dibina telah siap oleh Akitek Jabatan Kerja Raya. Tawaran-tawaran akan dipelawa pada pertengahan tahun 1974 untuk kerja "piling", membina parit-parit dan membina jalan-jalan masuk ke Penjara Baru.

Pecahan-kepala 4—Rumah-rumah Rasmi Kakitangan

Rumah-rumah rasmi kakitangan seperti berikut akan dibina dalam tahun 1975 ini selain daripada kerja-kerja sambungan yang sudah dimulakan dari tahun 1974:

Tempat	*Projek Sambungan*	*Projek Baru*
Penjara Alor Setar	2 yunit Kelas D Pindaan kepada 17 yunit Kelas G	—
Penjara Taiping	1 yunit Asrama Bujang dan 4 yunit Kelas G Pindaan kepada 9 yunit Kelas G	2 yunit Kelas C dan 2 yunit Kelas D
Penjara Seremban	48 yunit Kelas G dan 4 yunit Kelas F	—
Sekolah Henry Gurney, Telok Mas	1 yunit Kelas C dan 42 yunit Kelas G	9 yunit Kelas E
Sekolah Henry Gurney Kedua, Melaka	12 yunit Kelas G	—
Ladang Sinar Harapan, Air Keroh	16 yunit Kelas G dan 1 yunit Kelas D	—
Penjara Johor Bahru	—	1 yunit Kelas C, 3 yunit Kelas D dan 4 yunit Kelas E
Penjara Pengkalan Chepa ..	1 yunit Kelas F dan 6 yunit Kelas G	2 yunit Kelas D

Pecahan-kepala 5—Memperbaiki Bangunan-bangunan Penjara

Tempat	*Projek Sambungan*	*Projek Baru*
Penjara Pulau Pinang.. ..	Wang "Retention"	—
Penjara Taiping	1 yunit Bengkel Hobi/Stor, 1 yunit Bengkel "Remand", 2 yunit Blok "Recreation"/ Stor Pindaan kepada 1 yunit Blok Dewan dan 1 yunit Blok Khutub-khanah	2 yunit Blok "Recreation" Pindaan kepada 1 yunit Blok Pejabat
Sekolah Henry Gurney, Telok Mas	1 yunit Dewan/Gimnasium dan 2 yunit Blok Tempat Tidur	3 yunit Blok Bilik Mandi

SARAWAK

Pecahan-kepala 22—Penjara dan Rumah-rumah Baru, Kuching

Penjara Kuching yang ada sekarang sangatlah tua dan suntuk. Juga Penjara tersebut dianggap satu halangan terhadap pembangunan bandar Kuching.

Pada mulanya projek Penjara Baru Kuching ini telah dicadangkan dibina dengan Kem Tahanan Batu Enam, Kuching dan tanah seluas lebih kurang 38.61 ekar sudah pun diperolehi untuk rancangan ini. Tetapi baru-baru ini Kerajaan Negeri telah membuat keputusan bahawa tapak itu didapati tidak sesuai untuk projek ini, dan sebagai gantinya satu kawasan lain akan diberikan kepada Jabatan Penjara untuk melaksanakan projek ini. Semasa menunggu proses pengambilan tanah tersebut, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri memutuskan bahawa Penjara Baru adalah sesuai sekiranya dibina di tapak Batu Kawa bersama-sama dengan Kem Pasukan Polis Hutan. Sebelum Penjara Kuching dibina, masaalah gantirugi wang mengenai tanah yang mana Penjara Kuching diduduki sekarang mesti diselesaikan dengan Kerajaan Negeri.

Pecahan-kepala 23—Penjara dan Rumah-rumah Baru, Miri

Pada mulanya satu kawasan tanah berdekatan dengan Lapangan Terbang Miri seluas lebih kurang 9.75 ekar sudah pun diperolehi dalam tahun 1971 dengan harga $45,552. Kerja-kerja membersih hutan sudah pun dijalankan dalam tahun 1972.

Pada tahun 1973 Kerajaan Negeri Sarawak telah memberitahu bahawa pihaknya tidak bersetuju meletakkan penjara berdekatan dengan Lapangan Terbang Miri dan bercadang menggantikan dengan satu tapak simpanan Kerajaan seluasnya 20 ekar yang terletak di Batu 9, Jalan Miri, Bintulu.

Pihak J.K.R. sedang mengkaji tapak ini mengenai kesesuaian untuk membina Penjara dan Rumah-rumah baru. Kerja-kerja pembinaan Penjara Baru Miri dijangka dimulakan dalam tahun 1975.

SABAH

Pecahan-kepala 33—Penjara Baru, Sandakan

Penjara Baru, Sandakan adalah satu projek baru di dalam Kajian Semula, Rancangan Malaysia Kedua. Penjara Sandakan yang ada sekarang sangatlah sempit dan suntuk. Bahagian Perancang Ekonomi bercadang bahawa satu Penjara Baru patut dibina di Sandakan. Oleh itu satu peruntukan sebanyak $110,000 telah diluluskan untuk memperolehi satu tapak tanah luasnya 15 ekar untuk projek ini. Tindakan telah diambil untuk memperolehi tanah tersebut dan kerja membersih tanah akan dijalankan pada tahun 1975. Kerja-kerja untuk membina Penjara Baru ini akan dibuat dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga.

4. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Belanja Mengurus—			
Semenanjung Malaysia	13,251,186	15,569,535	16,458,120
Sarawak	3,304,726	4,207,845	4,132,470
Sabah	1,364,111	1,471,660	1,598,460
Belanja Pembangunan—			
Semenanjung Malaysia	2,594,086	3,330,000	2,727,510
Sarawak	340,962	326,510	20
Sabah	62,965	30	10
JUMLAH BESAR ..	20,918,036	24,905,580	24,916,590

Kepala Bekalan 39	**$5,084.000**
Kepala Pembangunan 39 ...	**1,403,486**
Jumlah ...	**$6,487,486**

	Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975 ...	**$5,084,000**	**$1,403.486**	**$6,487,486**
Peruntukan 1974 ...	**4,440,900**	**1,547,589**	**5,988,489**
Perubahan ...	**+ $ 643,100**	**— $ 144,103**	**+ $ 498,997**

1. Tujuan-tujuan

Tujuan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli adalah menvatupadukan kaum Orang Asli Malaysia ke dalam aliran penghidupan nasional melalui langkah-langkah yang sesuai bagi pentadbiran kebajikan dan pembangunannya. Untuk melaksanakan tanggungjawab-tanggungjawab ini, Jabatan ini telah diberi kuasa amanah mengamalkan dasar-dasar berikut:

(*a*) Orang-orang Asli mestilah diberi kesempatan saksama menikmati hak-hak dan kemudahan-kemudahan yang dibolehkan oleh undang-undang kepada gulungan kaum-kaum yang lain. Selagi keadaan-keadaan kemasyarakatan, ekonomi dan kebudayaan masih menghalang mereka menikmati kemudahan undang-undang negeri ini, langkah-langkah istimewa hendaklah diambil untuk melindungi yayasan, adat resam, corak hidup, peribadi, harta benda Orang-orang Asli;

(*b*) Kemajuan kemasyarakatan, ekonomi dan kebudayaan Orang-orang Asli boleh dibaiki melalui pergaulan mesra dengan gulungan penduduk-penduduk lain dalam negara;

(*c*) Orang-orang Asli hendaklah dibenarkan mengamal dan mengekalkan adat resam, peraturan politik, undang-undang dan yayasan mereka sekiranya tidak menyalahi peraturan undang-undang kebangsaan;

(*d*) Kedudukan istimewa Orang-orang Asli dari segi penggunaan dan hak-hak tanah hendaklah diberi pengiktirafan;

(*e*) Kemudahan pelajaran yang diberikan kepada Orang-orang Asli hendaklah dianggap sebagai satu perkara yang diutamakan;

(*f*) Perkhidmatan-perkhidmatan perubatan lengkap hendaklah diadakan untuk membolehkan Orang-orang Asli menikmati kemudahan-kemudahan perubatan yang moden;

(*g*) Penyelenggaraan kemajuan ekonomi hendaklah dijalankan dengan rupacara yang mengabadi dan menggunakan cara hidup mereka yang turun temurun (mithalnya bergotong royong);

(*h*) Langkah-langkah hendaklah juga diambil untuk menghapuskan salah faham anggapan dan prasangka oleh gulungan-gulungan penduduk lain negara ini terhadap Orang-orang Asli; dan

(*i*) Di dalam segala hal mengenai kebajikan dan kemajuan Orang-orang Asli, Kerajaan akan mementingkan kerjasama Orang-orang Asli dan wakil-wakil mereka.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran Am	1,081,296	1,100,000	954,000
(ii) Pelajaran	967,866	1,048,000	1,392,000
(iii) Perubatan	1,465,186	1,576,000	1,695,600
(iv) Pembangunan Sosial dan Ekonomi ..	423,658	430,000	480,000
(v) Penyelidikan dan Perancangan ..	7,001	30,900	196,400
(vi) Perhubungan dan Gerakan	105,529	256,000	366,000
Jumlah ..	4,050,536	4,440,900	5,084,000

Prestasi

(i) *Pentadbiran Am*

Aktiviti ini adalah aktiviti utama yang menguasai dasar-dasar Jabatan dan menguruskan segala hal kewangan dan perkhidmatan Jabatan. Aktiviti ini juga menyelenggara semua aktiviti-aktiviti lain. Ibupejabat Jabatan ini terletak di Tingkat 11, Wisma Keramat, Jalan Gurney, Kuala Lumpur dan diketuai oleh Ketua Pengarah Hal Ehwal Orang Asli. Jabatan ini mempunyai cawangan-cawangan pejabat di peringkat Negeri dan Daerah serta satu bilangan besar pos-pos pentadbiran di pendalaman hutan supaya ada perhubungan luas dengan kaum Orang Asli.

(ii) *Pelajaran*

Aktiviti ini ditugaskan menjaga taraf pelajaran di kalangan Orang Asli dan menentukan kemudahan-kemudahan pelajaran diberikan kepada anak-anak Orang Asli. Beberapa sekolah rendah telah diadakan bagi anak-anak Orang Asli di tempat-tempat yang terpencil di mana Kementerian Pelajaran tidak dapat meng-adakan sekolah. Peraturan berasingan tidak dibuat bagi anak-anak Orang Asli yang menghadiri sekolah menengah oleh kerana semua anak-anak itu menghadiri sekolah menengah di bawah pentadbiran Kementerian Pelajaran. Pada masa sekarang aktiviti ini menitikberatkan empat perkara seperti berikut:

(*a*) Menggalakkan kanak-kanak Orang Asli yang lebih ramai belajar di sekolah-sekolah Jabatan istimewa sekali di pendalaman hutan;

(*b*) Meninggikan taraf pelajaran rendah yang diberi kepada kanak-kanak Orang Asli;

(*c*) Menggalakkan kanak-kanak Orang Asli supaya lebih ramai belajar di Sekolah Menengah Kementerian Pelajaran; dan

(*d*) Menambah dan memperbaiki lagi perkhidmatan perpustakaan di semua sekolah Jabatan ini.

Pada tahun 1974, dengan kerjasama Kementerian yang berkenaan Jabatan ini akan mengadakan kursus perguruan yang sebenarnya bagi tenaga-tenaga mengajar di sekolah-sekolah Jabatan ini. Pada masa yang sudah-sudah kursus perguruan Jabatan ini hanya diadakan secara "ad hoc" sahaja. Kursus-kursus bagi kakitangan di Bahagian lain juga akan diadakan dan diperkemaskan untuk menentu serta menjamin mutu perkhidmatan yang lebih berkesan lagi.

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
1. Bilangan Sekolah	84	96	100
2. Bilangan Asrama	54	57	59
3. Bilangan Murid-murid	5,275	5,819	6,300
4. Pelajar dewasa	400	600	650
Harga Yunit:			
Murid-murid	$150.00	$300.00	$300.00
Pelajar Dewasa	$ 15.00	$ 15.00	$ 15.00

(iii) *Perubatan*

Jabatan ini mengadakan perkhidmatan perubatan dan kesihatan besar-besaran bagi Orang Asli dan di atas permohonan Kementerian Kesihatan juga memberi rawatan pesakit luar kepada penduduk-penduduk yang bukan Orang Asli di kawasan pendalaman hutan yang terpencil. Kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Jabatan termasuk:

1. Sebuah Hospital yang mempunyai 450 tempat tidur di Pusat Perubatan dan Penyelidikan Orang Asli.
2. Sistem 140 Pos Perubatan dan Pos Kecemasan di pendalaman hutan.
3. Rancangan kesihatan yang dijalankan oleh Pegawai Perubatan dan Ketua Jururawat yang melawat kampung Orang Asli.

Selain daripada kemudahan rawatan perubatan Hospital Jabatan juga mengandungi kemudahan seperti berikut:

1. Yunit Bersalin.
2. Yunit Pediatric.
3. Yunit Pergigian.
4. Yunit Makmal.
5. Yunit X-ray.

Kes-kes yang memerlukan rawatan perubatan akan terus atau dirujudkan ke Hospital Besar Kuala Lumpur atau pun Hospital Universiti Kuala Lumpur.

Hospital Jabatan juga mempunyai Pusat Latihan Penolong Jururawat yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan. Pusat tersebut adalah bergabung dengan Hospital Besar Kuala Lumpur dan dikuasai oleh seorang Ketua Jururawat Pengajar yang berkelayakan. Kursus pertama bagi Penolong Jururawat diadakan pada bulan Mac 1973 dengan 22 peserta. Semua peserta tersebut lulus kursus mereka pada bulan Julai 1974.

Bahagian Perubatan Jabatan ini juga mengadakan kursus untuk melatih Orderli Perubatan Pasukan Polis Hutan. Kursus selama 6 minggu ini telah berjalan semenjak tahun 1958.

Pos-pos Perubatan dan Kecemasan di pendalaman hutan memberi rawatan pesakit luar bagi Orang Asli dan juga sebagai pengkalan untuk hantar pesakit-pesakit keluar dengan helikopter T.U.D.M. untuk mendapatkan rawatan hospital. Pos-pos itu juga menjadi pengkalan untuk kakitangan perubatan yang ditempatkan di situ membuat lawatan ke kampung-kampung Orang Asli yang sekeliling.

Semenjak tahun 1969 Jabatan ini telah menguruskan satu Rancangan Membasmi Malaria bagi pihak Kementerian Kesihatan yang telah memberi peruntukan kewangan dan kelengkapan untuk menjalankannya. Rancangan itu melibatkan 20,000 Orang Asli di satu kawasan seluas 5,000 batu persegi sepanjang gunung titiwangsa di sempadan Negeri Perak dengan Negeri Kelantan dan Negeri Pahang. Semenjak rancangan itu berjalan kes-kes malaria di kalangan Orang Asli di pendalaman hutan adalah jauh berkurangan.

Perkhidmatan Doktor Terbang (Flying Doctor Service) bagi penduduk-penduduk Orang Asli di pendalaman hutan dijalankan dengan kerjasama yang erat dengan pihak Tentera Udara di Raja Malaysia yang mengadakan helikopter bagi perkhidmatan itu. Pihak T.U.D.M. juga mengadakan helikopter bagi menghantar pesakit-pesakit Orang Asli daripada pendalaman hutan untuk menerima rawatan perubatan di hospital-hospital. Pihak T.U.D.M. juga membantu Jabatan dengan menjalankan guguran udara sejumlah besar bekalan-bekalan seperti ubat dan catuan makanan kakitangan dan mengadakan helikopter bagi membawa yunit X-ray bergerak dari setempat ke setempat di pendalaman hutan untuk menjalankan rancangan membasmi penyakit tibi yang Jabatan ini menguruskan. Jika Jabatan ini tidak diberi bantuan dan kerjasama T.U.D.M. tidak syak lagi bahawa taraf perkhidmatan perubatan bagi Orang Asli jauh kekurangan daripada yang diadakan sekarang.

PERANGKAAN PERUBATAN

	Yang Sebenar Tahun 1973	Ramalan Tahun 1974	Ramalan Tahun 1975
1. Pesakit yang dirawat di Pos-pos Perubatan	70,208	76,000	78,000
2. Pesakit yang dirawat di Hospital Jabatan	2,704	3,000	3,000
3. Kes-kes pemindahan dengan helikopter daripada pendalam hutan ..	128	158	150
4. Pesakit yang diwadkan di Hospital Jabatan (hari-hari)	331	350	350
5. Kelahiran di Pos-pos Perubatan ..	914	1,000	1,050
6. Kelahiran di Hospital Jabatan ..	213	275	300
7. Jumlah rawatan pergigian	11,712	12,000	12,000
8. Jumlah gambar X-ray yang diambil ..	10,430	12,000	14,000
9. Jumlah ujian di makmal	17,208	20,000	22,000
10. Pesakit luar yang dirawat di Hospital Jabatan—			
(i) Orang Asli	1,052	1,100	1,200
(ii) Bukan Orang Asli	7,133	8,000	8,000

(iv) *Pembangunan Sosial dan Ekonomi*

Aktiviti ini ditugaskan bagi membentuk masyarakat Orang Asli dengan memulakan dan mengawas perubahan-perubahan yang perlu bagi menyatupadukan kaum Orang Asli di dalam dunia moden. Proses-proses ini dilaksanakan bukan sahaja dengan cara mengadakan rancangan-rancangan, contoh penempatan, sekolah-sekolah, kelinik-kelinik, asrama-asrama dan rancangan-rancangan kemajuan tanah dan ternakan bahkan dengan mengadakan pimpinan dan sokongan bagi memboleh-kan Orang-orang Asli menyesuaikan diri dengan cara-cara penghidupan yang baharu.

Jabatan ini menyelenggarakan semua rancangan-rancangan bagi Orang Asli di atas dasar gotong royong dan penyertaan sepenuhnya. Pada masa pembinaan rumah Orang Asli sendiri menyediakan tapak-tapaknya membawa alat-alatnya dengan menolong semua kerja am. Pembinaan sebenarnya dan kerja yang memerlukan tukang-tukang yang mahir diselenggarakan oleh Pasukan-pasukan Pembina Jabatan ini yang mana ahli-ahlinya terdiri daripada hampir-hampir kesemuanya Orang Asli yang telah dilatih di dalam urusan pertukangan kayu dan konkrit. Di dalam rancangan kemajuan tanah kerja-kerja menebas, menebang, mengunggun, memerun dan menyediakan kawasan untuk penanaman adalah semua dijalankan dengan penyertaan Orang Asli.

Rancangan Pembangunan Jabatan ini pada masa hadapan akan lebih menitik-beratkan kepada rancangan-rancangan di kawasan pendalaman hutan. Ini adalah selaras dengan kehendak Majlis Keselamatan Negara dan juga dasar ekonomi baru untuk meninggikan taraf hidup sosial dan ekonomi Orang-orang Asli di kawasan pendalaman. Beberapa rancangan yang akan dijalankan termasuk penempatan semula Orang-orang Asli di Lembah Pergau, Ulu Kelantan, pemindahan dan menempatkan semula 1,000 Orang-orang Asli yang akan terlibat dengan rancangan pembinaan empangan Temenggor oleh Lembaga Letrik Negara di Ulu Perak dan rancangan pembangunan Sosial dan Ekonomi bagi hampir 8,000 Orang Asli di kawasan Pahang Tenggara.

Butir-butir kemajuan dan rancangan yang dicadangkan bagi tahun 1973-1975 adalah seperti disenaraikan di bawah:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
1. Pusat Latihan Kemajuan Pertanian	2	2	2
2. Setor-setor	35	35	35
3. Asrama	62	68	69
4. Yunit-yunit Perumahan bagi Orang-orang Asli	1,997	2,082	2,175
5. Rancangan Tanah—			
(i) Getah (ekar)	9,580	10,558	11,303
(ii) Kelapa (ekar)	2,653	2,683	2,683
(iii) Dusun (ekar)	1,645	1,820	1,820
(iv) Kelapa Sawit (ekar)	705	7,605	835
6. Jagaan Rancangan Tanah Sedia ada (ekar)	5,256	6,064	6,509
7. Dewan Orang Ramai	63	63	63
8. Kelinik Bersalin dan Kebajikan Kanak-kanak	26	29	29
9. Bangunan X-ray	1	—	—
10. Jambatan Kenderaan Gombak ..	1	—	—

(v) *Penyelidikan dan Perancangan*

Adalah mustahak bagi Jabatan ini mempunyai data penyelidikan yang lengkap berkenaan dengan penduduk-penduduk Orang Asli, supaya segala penyelenggaraan rancangan-rancangan kerja kemasyarakatan dan pentadbiran dapat dilaksanakan dengan teratur.

Tugas-tugas yang dikehendaki oleh Bahagian Penyelidikan dan Perancangan adalah:

1. Menjalankan projek penyelidikan dalam bidang pelajaran, kesihatan, ekonomi dan sains kemasyarakatan yang berkaitan dengan Orang Asli.
2. Menjalankan penyelidikan penyesuaian (feasibility studies) bagi kegunaan bahagian-bahagian lain untuk menjalankan projek-projek pembangunan sosial dan ekonomi.
3. Supaya menentukan Orang-orang Asli diberitahu berkenaan Dasar Kerajaan dan kemajuan dalam Malaysia. Untuk mencapai matalamat ini bahagian ini mengendalikan Yunit Penerangan bergerak untuk memberi penerangan kepada semua kawasan-kawasan Orang Asli yang tiada dapat dilawati oleh Yunit Penerangan Jabatan Penerangan.
4. Memberi perkhidmatan, nasihat dan kerjasama kepada institiut-institiut, orang perseorangan dari dalam dan luar negeri yang ingin menjalankan penyelidikan ilmiah di kalangan Orang Asli.
5. Bahagian ini juga menjalankan pembancian Orang Asli di Semenanjung Malaysia pada tiap-tiap 5 tahun. Dengan ini dapatlah Jabatan mengetahui kedudukan penduduk-penduduk Asli di Malaysia dengan sebenarnya.

Di bawah Bahagian Penyelidikan dan Perancangan juga terdapat seksi keselamatan. Jabatan Hal Ehwal Orang Asli terpaksa memainkan peranan yang besar supaya gerakan-gerakan Komunis di hutan dapat dipatahkan.

Kakitangan-kakitangan bahagian ini telah ditempatkan di semua Pos-pos pendalaman yang difikirkan diancam oleh anasir-anasir anti Kerajaan ini. Seksi Keselamatan ini menentukan, bukan sahaja keselamatan Orang Asli, bahkan juga

ketaatan Orang Asli kepada Kerajaan. Maklumat-maklumat berkenaan dengan pergerakan Pengganas Komunis juga dikumpulkan oleh kakitangan-kakitangan keselamatan untuk tindakan selanjutnya. Bahagian ini menjalankan kempen geraksaraf/perangsaraf dengan mengadakan kursus-kursus sivik untuk Ketua-ketua Orang Asli dan juga belia-belia Orang Asli di peringkat Negeri dan Nasional.

(vi) *Perhubungan dan Gerakan*

Bahagian Perhubungan dan Gerakan Jabatan bertanggungjawab di atas:

1. Menguruskan Rangkaian Semboyan Jabatan dan pembaikan dan penyelenggaraan semua alat semboyan. Jabatan ini memerlukan satu rangkaian Semboyan yang komprehensif bagi membolehkan Ibupejabatnya sentiasa berhubung rapat dengan semua pos pentadbiran dan pos perubatan di pendalaman hutan. Dengan ketiadaannya Jabatan ini tidak dapat mengawas pos-pos itu. Rangkaian semboyan tersebut dibentuk supaya pejabat-pejabat di peringkat Negeri dan Daerah dan pos-pos di pendalaman hutan dapat berhubung antara satu dengan lain.

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(i) Jumlah alat Semboyan	247	257	257
(ii) Jumlah berita semboyan yang terima/hantar	34,287	35,000	40,000

2. Kawalan semua kenderaan kereta dan bot Jabatan, bengkel kenderaan Jabatan dan kakitangan yang berkenaan.

3. Pengawasan Pusat Kawalan Jabatan di Pusat Perubatan dan Penyelidikan Gombak. Pusat itu berlengkap dengan peta-peta besar yang menunjukkan tempat-tempat pejabat dan pos Jabatan dan juga semua tempat yang diduduki oleh Orang Asli.

4. Perhubungan dengan pihak T.U.D.M. mengenai semua bantuan udara termasuk bantuan secara guguran udara dan Perkhidmatan Doktor Terbang.

5. Seksi bekalan yang menyediakan semua bekalan am, bekalan ubat, dan catuan makanan bagi kakitangan-kakitangan Jabatan dan murid-murid di sekolah di pendalaman hutan bagi hantaran secara jalan raya, bot dan udara. Butir-butir mengenai hantaran bekalan adalah seperti berikut:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	lbs	lbs	lbs
(i) Catuan makanan	209,025	264,000	265,000
(ii) Bekalan ubat	61,576	65,000	65,000
(iii) Bekalan Am	494,831	721,000	1,000,000
Jumlah ..	765,432	1,050,000	1,330,000

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	2,219,909	2,510,500	2,463,000
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	85,805	24,700	275,000
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..	91,232	112,700	77,000
	Jumlah Gaji ..	2,396,946	2,647,900	2,815,000

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	308,810	345,000	604,000
2200	Pengangkutan Barang-barang ..	25,501	28,000	38,000
2300	Kemudahan Perhubungan ..	24,696	25,000	34,000
2400	Api, Air dan Letrik dll.	16,495	35,000	34,000
2500	Sewa	18,122	7,000	8,000
2600	Perkhidmatan Pencetakan ..	2,500	5,000	5,000
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	1,001,281	1,078,000	1,311,100
2800	Perkhidmatan Pelbagai	229,856	240,000	190,000
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	26,329	30,000	44,900
	Jumlah ..	4,050,536	4,440,900	5,084,000

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974 $	Bilangan	Anggaran Tahun 1975 $
(i) Pentadbiran Am	167	645,523	157	621,000	161	660,000
(ii) Pelajaran	159	323,722	186	359,000	203	425,000
(iii) Perubatan	325	1,064,070	324	1,165,000	326	1,100,000
(iv) Pembangunan Sosial dan Ekonomi	98	291,044	95	287,500	95	310,000
(v) Penyelidikan dan Perancangan	5	4,400	33	16,400	44	100,000
(vi) Perhubungan dan Gerakan	32	68,187	72	199,000	72	220,000
Jumlah ..	786	2,396,946	867	2,647,900	901	2,815,000

3. Anggaran Pembangunan

	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Peruntukan Tahun 1974 $	Anggaran Tahun 1975 $
1. Meluaskan Perkhidmatan Kerajaan ke Kawasan Hutan	388,366	453,089	253,989
2. Projek-projek Kecil bagi Memajukan Ekonomi Orang Asli	935,512	1,191,772	1,087,344
3. Penyiasatan dan Penyelidekan ..	8,964	10,556	10,000
4. Pengangkutan dan Perjalanan ..	28,476	47,293	52,153
Jumlah ..	1,361,318	1,702,710	1,403,486

4. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Peruntukan Tahun 1974 $	Anggaran Tahun 1975 $
Belanja Mengurus	4,050,536	4,440,900	5,084,000
Belanja Pembangunan	1,361,318	1,547,589	1,403,486
Jumlah Besar ..	5,411,854	5,988,489	6,487,486

Kepala Bekalan 40	**$ 14,985,400**
Kepala Bekalan 41	**56,744,500**
Kepala Bekalan 42	**16,463,170**
Kepala Pembangunan 40 ...	**1,022,720**
Kepala Pembangunan 41 ...	**12,547,466**
Kepala Pembangunan 42 ...	**406,520**
Jumlah ...	**$102,169,776**

	Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975 ...	**$88,193,070**	**$13,976,706**	**$102,169,776**
Peruntukan 1974 ...	**77,743,914**	**21,184,103**	**98,928,017**
Peruntukan ...	**+ $10,449,156**	**— $ 7,207,397**	**+ $ 3,241,759**

1. Tujuan-tujuan

Kementerian Penerangan menjalankan dan menyelaraskan semua kegiatan perhubungan sebaran am Kerajaan menerusi tiga jabatannya, iaitu Jabatan Penyiaran, Jabatan Penerangan dan Filem Negara Malaysia dengan Ibu Pejabat Kementerian sebagai Urusetia Penyelarasan.

Tujuan-tujuan utama Kementerian Penerangan ialah:

(*a*) Menerangkan secara mendalam dan dengan liputan seluas-luasnya dasar-dasar dan rancangan-rancangan Kerajaan untuk menjamin pemahaman sepenuhnya oleh orang ramai;

(*b*) Menimbulkan dan menggalak minat dan mendapat orang ramai untuk mencapai perubahan bersesuaian dengan cita-cita Kerajaan;

(*c*) Membantu meninggikan kesedaran terhadap masyarakat dan memupuk perkembangan kesenian dan kebudayaan Malaysia; dan

(*d*) Mengadakan bahan-bahan yang sesuai untuk pendidikan am, penerangan dan hiburan.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran Am	8,000,000	8,356,541	9,895,115
(ii) Bahagian Perdagangan	661,178	3,325,260	3,168,000
(iii) Pelesenan	980,341	1,451,961	1,619,900
(iv) Latihan Tata Negara	16,603	50,000	21,000
(v) Penyelidikan	186,138	330,070	363,160
(vi) Filem Negara Malaysia	2,718,303	4,800,000	5,115,070
(vii) Rancangan	18,515,282	21,617,986	24,271,261
(viii) Kejuruteraan	16,000,000	23,014,785	27,105,315
Bawa kehadapan ..	47,077,845	62,946,603	71,558,821

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Dari sabelah ..	47,077,845	62,946,603	71,558,821
(ix) Latihan	817,100	990,018	1,543,120
(x) Pemetik Siaran	190,200	302,555	397,010
(xi) Perkhidmatan Luar Sibik dan Masyarakat	6,001,900	9,078,000	10,223,690
(xii) Akhbar dan Perhubungan	1,110,977	1,482,000	1,404,914
(xiii) Penerbitan	1,053,653	1,090,530	1,194,375
(xiv) Pengeluaran Visual	798,005	1,126,558	1,124,623
(xv) Geraksaraf	—	727,650	746,517
Jumlah ..	57,049,680	77,743,914	88,193,070

Prestasi

(i) *Pentadbiran Am*

Kementerian Penerangan ialah Kementerian yang tercantum sepenuhnya. Dengan demikian, Pentadbiran Am adalah mengendalikan urusan-urusan pentadbiran kakitangan, urusan kewangan dan perkhidmatan am bagi Ibu Pejabat dan Bahagian-bahagian di bawahnya.

(ii) *Bahagian Perdagangan*

Bahagian ini adalah bertanggungjawab untuk memungut bayaran-bayaran iklan di Radio dan T.V. di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak dan semua hasil kutipan ini adalah disalurkan ke Ibu Pejabat Kuala Lumpur untuk dikreditkan sebagai hasil Persekutuan. Jumlah pengutipan tahun 1975 juga akan berkurangan sebanyak lebih kurang $1\frac{1}{2}$ juta daripada jumlah anggaran kasar sebanyak $17 juta yang diperbuat pada tahun dahulu jika keadaan kemorosotan ekonomi berterusan.

(iii) *Pelesenan*

Bahagian Lesen Radio/TV adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa semua pengguna-pengguna Radio/TV mempunyai lesen sah. Sebagaimana tiap-tiap tahun gerakan kempen adalah gerakan yang boleh meninggikan hasil jualan lesen di mana kempen diadakan. Dalam tahun ini lapan belas kempen Kebangsaan dan tiga puluh enam kempen Negeri akan diadakan. Bagaimana biasa segala publisiti yang luas akan dibuat dengan menggunakan poster-poster, pengumuman-pengumuman, syarahan-syarahan akan diadakan di masa kempen-kempen ini.

(iv) *Latihan Tata Negara*

Pusat Latihan Tata Negara akan menganjurkan kursus-kursus yang dikhaskan untuk belia-belia.

(v) *Penyelidikan*

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan merupakan uratnadi kepada Kementerian dan ianya adalah pusat penyelarasan kepada semua aktiviti sebaran am di dalam Kementerian dan juga dengan Kementerian-kementerian lain dan badan-badan Kerajaan.

Khutub-Khanah Penyelidikan

Khutub-Khanah Penyelidikan menyimpan rekod yang kemas kini mengenai dasar-dasar dan kegiatan-kegiatan Kerajaan dan untuk tujuan ini keratan-keratan akhbar Inggeris dan Melayu adalah dikumpul untuk disimpan. Juga dikumpulkan penerbitan-penerbitan Kerajaan termasuk majallah-majallah dan penerbitan berkala mengenai sebaran am.

(vi) *Filem Negara Malaysia*

(*a*) Penerbitan Filem

Jabatan Filem Negara Malaysia menerbitkan sebahagian besar daripada filem-filemnya untuk kegunaan Kerajaan dengan tujuan melaksanakan objektif-objektif Kerajaan di dalam dan luar negeri. Filem-filem untuk kegunaan dalam negeri adalah ditumpukan kebanyakan bagi membantu Kerajaan dalam mencapai objektif-objektif yang ditentukan dalam Rancangan Malaysia Kedua iaitu menghapuskan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

Filem-filem untuk luar negeri pula ialah dibuat terutamanya bagi tujuan menyebar dan meninggikan imej ini di seberang laut.

Cawangan di Kuching akan terus dilaksanakan operasinya seperti yang telah dirancangkan iaitu untuk membalas propoganda komunis dan bagi menyokong gerakan perang saraf Kerajaan kita. Di samping itu ada juga keperluan untuk menitikberatkan atas pembangunan ekonomi dan sosial.

(*b*) Penyebaran Filem

Dalam tahun 1973 sejumlah 3,701,475 kaki filem telah dicetak untuk penyebaran. Dalam tahun 1974 dianggarkan 6,140,000 kaki filem akan dicetak dan dalam tahun 1975 dijangka 6,250,000 kaki filem akan dicetak.

(*c*) Hasil

Dalam tahun 1973 Jabatan ini telah memungut $233,135.13 dalam bentuk hasil dari berbagai-bagai perkhidmatan yang diberikan.

(vii) *Rancangan*

Aktiviti ini dibahagikan kepada empat aktiviti kecil iaitu:

(*a*) Rancangan Radio.
(*b*) Rancangan TV.
(*c*) Berita Radio.
(*d*) Berita TV.

(A) Rancangan Radio

Dalam tahun 1973 tumpuan telah dibuat kepada rancangan-rancangan yang mengandungi unsur geraksaraf, iaitu sebagai menjayakan cita-cita Kerajaan untuk menghapuskan kegiatan-kegiatan pengganas komunis dan menawan hati penduduk-penduduk yang terdiri daripada Orang Asli. Dalam tahun 1975, adalah dijangka hasil kerja dalam penerbitan rancangan-rancangan yang bercorak "Geraksaraf" itu akan bertambah dengan banyaknya hingga mencapai 2 kali ganda daripada bilangan rancangan-rancangan yang diterbitkan dalam tahun 1973.

Dalam tahun 1975 Jabatan Penyiaran dijangka akan menempatkan penerbit-penerbit orang Asli di stesyen-stesyen daerah seperti Ipoh, Kota Bharu, Kuantan dan Kuala Lipis.

(B) Rancangan Talivisyen

Jumlah masa siaran akan ditambah dari 89 jam dalam tahun 1974 kepada 95 jam dalam tahun 1975.

Tambahan masa rancangan tempatan ini adalah berasaskan dasar kementerian hendak mencapai matlamat 60% rancangan-rancangan tempatan. Ditaksirkan bahawa dalam tahun 1975 matlamat 55% rancangan-rancangan tempatan akan tercapai.

(C) Berita Radio

Jumlah tambahan masa siaran Berita yang dicadangkan dalam sehari bagi tahun 1975.

1973 (awal)	1973 (akhir)	1974	1975
515 minit	560 minit	565 minit	595 minit

(D) Rancangan Berita (TV)

(*a*) Tambahan masa siaran berita yang dicadangkan dalam seminggu untuk tahun-tahun berkenaan adalah seperti berikut:

1973	1974	1975
695 minit	723 minit	730 minit

Besar kemungkinan bahawa rancangan Peristiwa dan berita pukul 9 malam akan dilanjutkan masa siarannya dalam tahun 1975 tiap-tiap malam.

(*b*) Tambahan masa siaran lapuran parlimen dan rancangan khas Berita TV untuk tahun 1975.

	1973	1974	1975
Lapuran Parlimen Setahun	(60'×20') (1,200')	(75'×20') (1,200')	(75'×20') (1,500')
Rancangan Khas Setahun	(30'×10') (300')	(36'×10') (360')	(36'×10') (360')

Rancangan—Sabah

Di Jabatan Penyiaran Sabah, Aktiviti Rancangan bagi menunjukkan beban-kerja-beban-kerja dan kejayaan adalah seperti berikut:

Dalam tahun 1975 Aktiviti Rancangan Jabatan Penyiaran Sabah akan memesatkan tenaganya bagi menanamkan semangat pada orang ramai akan pentingnya membina sebuah negara yang kuat bersatu dalam konteks rukunegara dan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan. Di samping memberikan berbagai-bagai bentuk hiburan, penerangan, pelajaran, propaganda dan rancangan-rancangan perkhidmatan masyarakat yang sesuai dan disukai. Bahagian rancangan akan juga giat di dalam usaha memupuk keharmonian antara kaum, kebebasan berugama dan keinsafan antarabangsa dan muhibbah disamping "inculcating" ke dalam fikiran pendengar-pendengar dan penuntun-penuntun agar mereka akan mempunyai minat dan berbangga dengan kebudayaan Malaysia.

Aktiviti Rancangan juga bertujuan mencapai kesatuan yang aktif dan positif bagi kakitangan-kakitangan di dalam jentera Kerajaan di semua peringkat dan dalam menghasilkan penglibatan orang ramai yang sistematik dalam usaha-usaha Kerajaan untuk mengimbangkan perbedaan di antara bandar dan luar bandar dan untuk meninggikan taraf hidup di negara ini. Sebahagian lagi daripada tugas Bahagian ini ialah untuk memperkenalkan polisi-polisi Kerajaan, harapan-harapan dan cita-cita negara sebagaimana yang dinyatakan di dalam Rancangan Malaysia dan apa yang akan berlaku jika sekiranya objektif-objektif rancangan itu tidak disedari.

Rancangan—Sarawak

Dengan siapnya Stesyen Penyiaran Sibu, dan boleh digunakan untuk tujuan-tujuan penyiaran dalam tahun 1974, adalah dirancangkan rancangan-rancangan tempatan dalam Bahasa Malaysia, Cina, Iban dan Inggeris akan disiarkan selama tiga jam tiap-tiap hari melalui tiga rangkaian.

Perkembangan yang paling besarnya akan dijangka dalam tahun 1975 ialah penggunaan sepenuhnya stesyen Pemancar Miri di mana, menjelang akhir tahun 1974 ianya sepatutnya telah dapat menyalurkan rancangan-rancangan dari Kuching jika hubungan gelombang Micro yang diuruskan oleh Jabatan Talikom telah disiapkan Siaran Stesyen Miri akan mengandungi empat bahasa iaitu Bahasa Malaysia, Cina, Inggeris dan Kayan/Kenyah melalui tiga rangkaian.

Stesyen Limbang dijangka akan memperbaiki rancangan-rancangan tempatan dari segi peranan, bahan-bahan dan persembahan.

(viii) *Kejuruteraan*

Aktiviti ini adalah dibahagikan kepada tiga aktiviti kecil iaitu:

(*a*) Kendalian (operation).

(*b*) Penyenggaraan (Maintenance).

(*c*) Rekabentuk dan Pembangunan (Design and Development).

Lebih banyak lagi Jurutera-jurutera dan Pembantu Teknik akan dihantar keluar Negeri bagi Latihan Khusus (Specialised training) dan Juruteknik-juruteknik baru akan dilatih di Pusat Latihan Penyiaran Negara dan yang lebih berpengalaman akan diberi kursus latihan lanjutan (Advanced training courses).

Jurutera-jurutera baru akan diambil dan ditugaskan di Bahagian Kendalian, Penyenggaraan, Rekabentuk dan Pembangunan. Yang lain akan dihantar ke stesyen-stesyen kawasan selepas mendapat latihan di Ibu Pejabat. Rakaman-rakaman akan dibuat sebagaimana Siaran Luar bagi rancangan-rancangan Radio dan TV seperti berikut:

Juara Kugiran.

Quiz.

Konsert Perdana.

Pertunjukan Band Polis.

Ganda Wang Anda.

Bintang Radio.

Dendang Rakyat.

Bakat TV 1975.

Perjalanan RTM ke Sabah/Sarawak.

Bahagian Kejuruteraan telahpun mengambil tanggungjawab tambahan bagi Penyenggaraan kelengkapan di Filem Negara dan Jurutera Letrik telah dilantik bagi menyelenggarakan kelengkapan dan kemudahan lain di sana. Disamping itu, Bahagian TV pendidikan akan mempunyai seorang Jurutera di Bahagian ini dan adalah dijangkakan kawasan ini akan diperluaskan memandangkan kepada bertambahnya rancangan-rancangan. Jurutera-jurutera baru adalah diperlukan untuk dilatih dalam Sistem TV Berwarna apabila projek ini diluluskan.

Kejuruteraan—Sarawak

Di Sarawak, dengan siapnya Stesyen Sibu, kerja-kerja pemasangan di Miri akan diperhebatkan dalam enam bulan terakhir bagi tahun 1974.

Pada awal tahun 1975 Stesyen Penyiaran Miri akan bersedia menerbit dan menyiarkan rancangan-rancangan tempatan, tetapi penyaluran rancangan-rancangan daripada Kuching akan bergantung pada siapnya hubungan Gelombang Micro yang disiapkan oleh Jabatan Talikom. Apabila sistem Micro Sarawak selesai, Stesyen Limbang tidak lagi akan meneruskan siaran ke Barat Daya negeri Sarawak, oleh kerana siaran ke kawasan ini tidak memuaskan disebabkan selalu diganggu oleh pertukaran-pertukaran keadaan udara.

Pemasangan Stesyen Pemancar Simanggang akan diteruskan dan akan memulakan siarannya sebagai stesyen pemancar sebelum pertengahan tahun ini. Ini akan dibantu oleh rancangan-rancangan tempatan yang terhad diterbitkan daripada "Studio Kecemasan".

Stesyen penerima Kuching di Muara Tuang juga akan dipasang sepenuhnya dan akan memulakan siarannya dalam tahun 1975. Kerja-kerja kecil dan penyiapan terakhir stesyen-stesyen daerah yang belum diselesaikan akan terus dijalankan hingga akhir tahun 1975. Pada waktu itu semua projek-projek pembangunan Rancangan Malaysia Kedua akan dapat disiapkan 100%.

Kejuruteraan—Sabah

Bagi Jabatan Penyiaran Sabah, berbagai-bagai kemajuan telah dibuat dalam bidang kejuruteraan. Dalam tahun 1975 perkara-perkara berikut akan terlaksana:

(1) Stesyen-stesyen Pemancar Tawau dan Kudat akan memulakan siaran sepenuhnya dalam setahun.

(2) Rangkaian Kedua Radio akan dapat berjalan sepenuhnya dalam setahun bagi Gelombang Sederhana dan FM.

(3) Stesyen-stesyen Pemancar baru di Lahad Datu dan Tenom akan memulakan siaran pada bulan Julai, 1975.

(4) Adalah dijangkakan jumlah jam siaran akan bertambah daripada 3 jam hingga 4 jam pada tiap-tiap hari, bagi Stesyen Pemancar kuasa Kuat Suara. Pertambahan kos sebanyak $24,000.

(5) Sistem serial tambahan dan alat di Stesyen Penerima telah boleh digunakan untuk memberikan perkhidmatan bagi pertambahan siaran daripada Rangkaian Nasional Ibu Pejabat.

(6) Memperkenalkan Siaran ke Sekolah-sekolah ke Sabah.

(7) Memperkenalkan TV di Sarawak.

(8) Memulakan kerja-kerja membina bagi kompleks Studio TV yang tetap.

(ix) *Latihan*

Penubuhan Pusat Latihan yang baru dan tetap di Angkasapuri yang akan mempunyai studio-studio, kakitangan, alat-alat teknik dan kemudahan-kemudahan mengajar dua kali ganda dari yang didapati di Pusat Latihan sementara di Jalan Ampang.

Pusat latihan yang baru ini, yang mempunyai konsep dan gerakan sebagai sebuah asrama akan mempunyai sebuah blok asrama bagi 80 orang pelatih dan sebuah blok dewan makan untuk seramai 150 orang. Kedua-dua blok ini tidak terdapat di Pusat Latihan di Jalan Ampang yang ada sekarang.

Di Pusat yang baru ini, di mana latihan-latihan akan diadakan bagi TV berwarna (gerakan, penyenggaraan, penerbitan, filem, rekabentuk dan sebagainya) merupakan satu cadangan yang baru dan memakan belanja yang besar.

Terdapat tambahan dalam bilangan dan juga jenis-jenis kursus di Pusat Latihan yang baru itu jika dibandingkan dengan bilangan dan kursus-kursus yang diadakan di Jalan Ampang dalam tahun 1973 dan 1974.

Terdapat pemusatan dan pengkhususan yang lebih besar dalam latihan dengan adanya asrama dan kemudahan-kemudahan teknik yang lebih maju.

Terdapat pertambahan bilangan pelatih dan juga kakitangan Pembangunan di Pusat Latihan yang baru ini, oleh itu keperluan peruntukan wang dan kemudahan-kemudahan adalah lebih besar dalam kerja-kerja mereka.

(x) *Pemetik Siaran*

Dalam tahun 1975, adalah diduga sebanyak 26 Stesyen luar negeri akan dikesan dan sebanyak 30 rancangan akan diikuti. Sebanyak 285 salinan akan dikeluarkan dan mengandungi kira-kira 2,000,000 halaman. Mungkin jumlah ini akan bertambah oleh kerana pada tahun 1975 akan dikeluarkan terbitan 2 kali setahun (bi annual) untuk perkembangan negara-negara komunis dan 1 terbitan tahunan (untuk semua negara yang dikesan). Kerja mengesan dijangka menjadi 130 jam seminggu.

Jumlah penerima diduga sebanyak 250.

Mengenai technical monitoring, bilangan Stesyen dijangka menjadi 11 stesyen dan lapuran SINPO kira-kira 57 keping seminggu.

(xi) *Perkhidmatan Luar, Sivik dan Masyarakat*

Sebahagian besar daripada kegiatan-kegiatan Jabatan Penerangan adalah dikendalikan oleh Bahagian Perkhidmatan Luar, Sivik dan Masyarakat menerusi Yunit-yunit bergerak, samada Yunit Darat atau Sungai.

Kegiatan dijalankan menerusi berbagai-bagai bidang iaitu syarahan-syarahan, rancangan-rancangan sivik, majlis-majlis penerangan, pertunjukan wayang gambar, drama dan pementasan dan juga perkhidmatan masyarakat termasuk pusat-pusat Penerangan. Perkara-perkara yang dititikberatkan dalam usaha penerangan itu termasuklah dasar-dasar dan rancangan kerajaan seperti Dasar Ekonomi Baru, Rukunegara, Pindaan Perlembagaan, Muhibbah dan Perpaduan. Usaha mengkebalkan rakyat dalam usaha menghadapi dan mengatasi ancaman kominis juga dilaksanakan.

Dalam tahun 1974 usaha-usaha ini dilipat gandakan lagi supaya keyakinan rakyat kepada Kerajaan akan bertambah lebih-lebih lagi dan usaha-usaha ini akan dilanjutkan lagi dalam tahun 1975. Perhatian yang lebih berat akan diberikan supaya rakyat tidak akan mudah diperdaya dan terpengaruh dengan dakyah yang karut dan mengelirukan semoga dapatlah diujudkan satu masyarakat yang adil dan makmur seperti yang dicita-citakan oleh Dasar Ekonomi Baru. Diharapkan kegiatan menerusi drama dan pementasan dapat diperhebatkan lagi kerana dirasai bahawa pementasan adalah satu cara yang paling berkesan.

Dengan demikian aktiviti dan beban-kerja bagi tahun 1975 adalah dijangka akan berlipat ganda lagi yang melibatkan tambahan pegawai dan peruntukan bagi melaksanakan segala rancangan supaya dapat dicapai matlamat yang diidam-idamkan.

(xii) *Akhbar dan Perhubungan*

Tugas-tugas penting Jabatan Penerangan ialah mengadakan dua hala pertukaran pendapat di antara Kerajaan dan Rakyat. Dalam hal ini, Bahagian Akhbar dan Perhubungan adalah bertanggungjawab dan menjalankan peranan bagi mengeluarkan kenyataan-kenyataan mengenai aktiviti-aktiviti Kerajaan dan para Menteri kepada lebih daripada 40 buah akhbar di dalam negeri kita, Radio dan Talivisyen Malaysia, Syarikat Berita Kebangsaan BERNAMA, 15 buah syarikat berita asing 10 wartawan-wartawan dan wakil-wakil akhbar asing, lebih daripada 25 buah penerbit-penerbit yang lain dan 30 Suruhanjaya-suruhanjaya Tinggi dan Kedutaan-kedutaan Asing yang bertempat di Kuala Lumpur.

Bahagian ini mengadakan 17 orang Pegawai-pegawai Perhubungan Akhbar yang ditempatkan di Kementerian-kementerian untuk menyediakan perhubungan yang penting di antara Jabatan dan Kementerian untuk menjamin bahawa segala kegiatan para Menteri mendapat liputan yang sewajarnya daripada pihak akhbar, radio dan talivisyen.

Oleh yang demikian, dalam masa kehadapan ini, Bahagian ini akan menjalankan peranan yang lebih cergas memandangkan kegiatan-kegiatan Kerajaan yang semakin bertambah dalam rancangan-rancangan memperkukuhkan lagi semangat bersatu padu di antara rakyat dan memperbaiki ekonomi rakyat dan negara.

PUSAT AKHBAR ASIA TENGGARA

Tugas penting Pusat ini ialah mengadakan Kursus Kewartawanan bukan saja bagi wartawan-wartawan tempatan tetapi juga untuk wartawan-wartawan dari negeri-negeri di rantau ini.

Dalam tahun 1973, Pusat Akbar Asia Tengara mengadakan 8 kursus dalam bidang kewartawanan dalam mana lebih daripada 200 orang peserta telah mengambil bahagian. Adalah diharapkan untuk mempergiatkan lagi aktiviti-aktiviti di Pusat ini dalam tahun 1974/75.

Mulai tahun 1974, Pusat ini diberi peruntukan (Geran) sebanyak $50,000 bagi pusat ini menjalankan perancangan dan pentadbirannya sendiri dan dengan itu sumbangan Kerajaan yang lain seperti tahun sudah adalah diberhentikan.

(xiii) *Penerbitan*

Empat majalah yang dijual kepada orangramai telah diterbitkan sejak bulan Ogos, 1972, dengan harga 30 sen senaskah. Majalah-majalah itu ialah GEMA RTM (Dari Mingguan) yang menggunakan Bahasa Malaysia dan Inggeris dan mengandungi rancangan-rancangan Radio dan TV., SINAR ZAMAN, sebuah majalah bulanan dalam Bahasa Malaysia; TOU SHIH, sebuah majalah bulanan dalam bahasa Cina dan sebuah majalah bulanan Tamil, UDHAYAM. Kesemua majalah ini mengandungi penerangan, pendidikan dan pelajaran, hiburan yang sehat dan berbagai ruangan popular untuk semua orang dari semua peringkat hidup.

Bahagian ini juga adalah bertanggungjawab bagi mengeluarkan Buku Rasmi Tahunan yang mengandungi lapuran dari Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan.

(xiv) *Pengeluaran Visual*

Bahagian Pengeluaran Visual adalah satu bahagian yang penting dalam Jabatan Penerangan di dalam memberi publisiti mengenai polisi Kerajaan dan dalam bidang seranta secara memberi penerangan dengan jalan gambar dan bacaan. Bahagian ini juga memberi khidmat secara 1 jabatan Kerajaan dan lain-lain badan Kerajaan. Bagi melaksanakan tugas-tugas yang tersebut di atas bahagian ini adalah terbahagi kepada 4 cawangan seperti berikut:

(*a*) Cawangan Penerbitan.

(*b*) Cawangan Pamiran.

(*c*) Cawangan Gerafik.

(*d*) Cawangan Foto Khanah.

(xv) *Geraksaraf*

Bahagian ini telah diujudkan dalam tahun 1973 dengan diketuai oleh seorang pegawai yang bekelulusan iktisas di dalam bidang Ilmu Jiwa.

Bahagian ini bertugas menganalisa dan mengkaji berbagai-bagai lapuran yang diterima dari berbagai-bagai sumber. Dengan terbentuknya Bahagian ini maka Cawangan Perangsaraf yang sedia ada akan dicantumkan dalam bahagian ini dan diarah oleh Ketua Bahagian tersebut. Gerak kerja-gerak kerja Perangsaraf akan dijalankan seperti sekarang juga iaitu menerusi Pengarah-pengarah Penerangan Negeri di peringkat negeri dan Pegawai-pegawai Penerangan dan Pegawai-pegawai Luar di peringkat daerah.

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	25,048,375	34,683,636	37,749,272
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	2,015,584	2,177,201	4,022,021
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..	564,451	1,031,902	989,187
	Jumlah Gaji ..	27,628,410	37,892,739	42,760,480

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	2,304,306	3,171,000	3,723,280
2200	Pengangkutan Barang-barang ..	504,999	771,700	823,300
2300	Kemudahan Perhubungan ..	3,508,612	6,488,840	7,851,600
2400	Api, Air dan Letrik dll.	2,554,151	4,608,600	4,756,400
2500	Sewa	2,549,178	2,613,095	2,797,350
2600	Perkhidmatan Pencetakan.. ..	894,005	1,084,250	1,094,750
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	3,720,496	7,122,000	8,588,660
2800	Perkhidmatan Pelbagai	9,878,504	9,350,036	10,466,020
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	1,474,791	2,351,654	2,856,230
3300	Pembinaan	32,228	80,000	20,000
4100	Pemberian, Subsidi dan Carum-carum	2,000,000	2,210,000	2,455,000
	Jumlah ..	57,049,680	77,743,914	88,193,070

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974 $	Bilangan	Anggaran Tahun 1975 $
(i) Pentadbiran Am	892	3,070,980	847	3,510,099	877	4,498,415
(ii) Bahagian Perdagangan ..	79	343,039	85	480,840	87	541,000
(iii) Pelesenan	139	456,562	155	639,205	160	728,300
(iv) Latihan Tata Negara ..	14	16,163	5	49,000	5	20,000
(v) Penyelidikan	28	161,189	31	261,370	31	227,560
(vi) Filem Negara Malaysia ..	411	1,235,733	411	1,808,584	378	2,019,700
(vii) Rancangan	1,814	10,433,594	2,049	12,773,256	2,032	13,980,131
(viii) Kejuruteraan	1,497	6,566,321	1,740	8,814,680	1,828	10,436,425
(ix) Latihan	89	518,000	101	632,700	101	702,220
(x) Pemetik Siaran	38	139,000	48	207,005	57	246,860
(xi) Perkhidmatan Luar, Sibik dan Masyarakat	1,091	3,117,515	1,333	6,449,000	1,357	6,927,690
(xii) Akhbar dan Perhubungan ..	112	778,282	119	940,000	113	1,002,514
(xiii) Penerbitan	58	364,338	62	433,000	62	461,375
(xiv) Pengeluaran Visual	110	427,694	137	614,000	124	669,423
(xv) Geraksaraf	—	—	33	280,000	33	298,867
Jumlah ..	6,372	27,628,410	7,156	37,892,739	7,245	42,760.480

3. Anggaran Pembangunan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
IBU PEJABAT:			
SEMENANJUNG MALAYSIA			
1. Angkasapuri, Kuala Lumpur:			
(i) Kerja-kerja Tapak, Binaan dan Perkhidmatan Dalam	576,478	300,000	10
A—Pembinaan dan Pengambilan Tanah:			
(ii) Kelengkapan Teknik	143,130	30,000	—
Bawa kehadapan ..	719,608	330,000	10

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
	Dari sabelah ..	719,608	330,000	10
	B—Kelengkapan:			
	(iii) Rundingan	274,073	10	—
	(iv) Penyeliaan	34,138	10,000	—
2.	Setudio-setudio Filem Negara, Kuala Lumpur	—	24,356	10
3.	Penyejuk Air	—	—	625,000
11.	Filem Negara Malaysia Cawangan Sarawak	19,399	10	397,700
	Jumlah Ibu Pejabat ..	1,047,218	364,376	1,022,720

RADIO

Semenanjung Malaysia

Pecahan Kepala		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1.	Kuala Lipis—Stesyen Pemancar dan rumah-rumah Kediaman	512,320	247,234	80,709
2.	Kuala Trengganu—Studio-studio dan Pejabat-pejabat	25,916	81,304	843
3.	Kajang—Pemancar-pemancar Baharu (Perkhidmatan Dalam Negeri) ..	850,767	47,685	48,609
4.	Johor Bahru—Pemancar-pemancar Baru	—	2,642	10
5.	Maktab Latihan Penyiaran	610,658	5,032,060	2,764,250
6.	Pemancar Kuasa Kuat—Ipoh ..	243,035	150,357	89,375
7.	Tambahan Pemancar Gelombang Pendek Untuk Kegunaan Dalam Negeri	425,425	281,571	65,000
9.	Stesyen Pemancar Kuasa Kuat Pulau Pinang dan Rumah-rumah Kediaman	—	10	—
10.	Melaka—Memindah dan Memasang Kelengkapan Pemancar Kajang ..	—	20,000	105,000
11.	Tambahan Stesyen-stesyen Gelombang Sederhana Untuk Semenanjung Malaysia	258,249	1,100,000	1,352,000
12.	Kajang—Tambahan 100 KW Pemancar Gelombang Pendek untuk Perkhidmatan Dalam Negeri	27,993	58,972	140,000
14.	Oditorium—Johor Bahru	6,625	350,000	10
15.	Stesyen Pemancar Kota Bahru ..	—	10	—
16.	UAK/UK Gunung Ulu Kali/Angkasapuri	—	731,000	110,000
	Jumlah Semenanjung Malaysia ..	2,960,988	8,102,845	4,755,806

Pecahan Kepala	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
SARAWAK			
21. Tambahan Rumah Penyiaran Kuching	—	435	—
22. Stesyen Penyiaran Limbang	13,000	80,000	16,000
24. Tambahan Kelengkapan Penyiaran Kawasan Sarawak	3,756,752	1,920,000	395,000
25. Stesyen Penerima Kuching	190,522	36,000	22,000
26. Ruangan Pejabat Kuching	—	10	500,000
Jumlah Sarawak ..	3,960,274	2,036,445	933,000
SABAH			
31. Rancangan-rancangan Pemancaran UAK dan US Sabah..	583,626	310,836	419,000
32. Stesyen Pemancar Baru Kota Kinabalu	—	15,673	10
33. Tambahan Studio dan Pejabat Kota Kinabalu	689,545	960,569	250,000
34. Stesyen Pemancar Baharu Tuaran ..	49,849	113,792	110,000
35. Stesyen Penerima Kota Kinabalu ..	—	35,000	10
Jumlah Sabah ..	1,323,020	1,435,870	779,020
Jumlah Radio ..	8,244,282	11,575,160	6,467,826
TALIVISYEN			
SEMENANJUNG MALAYSIA			
42. Rancangan Talivisyen bagi Pantai Timur dan Kawasan Tengah Semenanjung Malaysia Peringkat I dan II ..	83,497	83,000	50,000
44. Tambahan Stesyen-stesyen Pemancar Untuk Semenanjung Malaysia, Kuala Lumpur..	669,779	29,726	10
45. Tambahan Stesyen-stesyen Pemancar Untuk Semenanjung Malaysia ..	5,734,925	2,398,457	2,332,000
46. Kelengkapan teknik di Studio Talivisyen	—	600,000	193,000
Jumlah Semenanjung Malaysia ..	6,488,201	3,111,183	2,575,010
SARAWAK			
51. Mengadakan Siaran Talivisyen ke Sarawak	49,400	4,000,000	3,064,600
Jumlah Sarawak ..	49,400	4,000,000	3,064,600

Pecahan Kepala		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
	SABAH			
61.	Mengadakan Siaran Talivisyen ke Sabah Peringkat I dan II	80,518	554,000	440,030
	Jumlah Sabah ..	80,518	554,000	440,030
	Jumlah Talivisyen ..	6,618,119	7,665,183	6,079,640

PENERANGAN—SEMENANJUNG MALAYSIA

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1.	Yunit-yunit Berkereta	170,216	210,000	32,000
2.	Pejabat-pejabat Penerangan	124,432	444,194	374,500
	Jumlah Semenanjung Malaysia ..	294,648	654,194	406,500
	SARAWAK			
11.	Yunit-yunit Berkereta	40,682	150,000	10
12.	Pejabat-pejabat serta Rumah-rumah ..	138,912	10	—
	Jumlah Sarawak ..	179,594	150,010	10
	SABAH			
21.	Pejabat serta Rumah-rumah di Kudat, Ranau dan Keningau	57,074	10	—
22.	Yunit-yunit Berkereta	78,655	10	—
23.	Ibu Pejabat Jabatan Penerangan, Kota Kinabalu	128	775,160	10
	Jumlah Sabah ..	135,857	775,180	10
	Jumlah Penerangan ..	610,099	1,579,384	406,520
	Jumlah Besar ..	16,519,718	21,184,103	13,976,706

Kemajuan Kerja-kerja Pembinaan

IBU PEJABAT

Pecahan-kepala 1—Angkasapuri, Kuala Lumpur

(*a*) Bangunan Kejuruteraan—Projek ini telah ditunda ke Rancangan Malaysia Ketiga.

(*b*) Chiller Unit—Plan-plan bangunan dan Tender Specification bagi kelengkapan adalah disediakan sekarang. Projek ini dijangka siap pada tahun 1975.

RADIO—SEMENANJUNG MALAYSIA

Pecahan-kepala 1—Kuala Lipis: Stesyen Pemancar dan Rumah-rumah Kediaman

Bangunan telah disiapkan dan Stesyen Pemancar telah ke udara pada bulan Mac, 1974. Rumah-rumah kediaman sedang dibina dan dijangka siap pada hujung tahun 1974.

Pecahan-kepala 2—Kuala Trengganu: Studio-studio dan Pejabat-pejabat

Projek ini dijangka siap pada tahun 1974.

Pecahan-kepala 3—Kajang: Pemancar-pemancar Baru (Perkhidmatan dalam Negeri)

Pemancar-pemancar telah dipasang dan berjalan. Secara praktiknya projek ini telah siap, melainkan beberapa kerja-kerja kecil.

Pecahan-kepala 4—Johor Bahru: Pemancar-pemancar Baru

Projek telah siap.

Pecahan-kepala 5—Maktab Latihan Penyiaran

Bangunan bagi Maktab Latihan Penyiaran ini sedang dibina dan kelengkapan telah dipesan. Kerja-kerja pemasangan bagi kelengkapan tersebut dijangka bermula pada kira-kira bulan April, 1975.

Pecahan-kepala 6—Pemancar Kuasa Kuat—Ipoh

Ujian penerimaan bagi Pemancar-pemancar Stesyen ini sedang dijalankan dan projek ini dijangka siap pada November, 1974.

Pecahan-kepala 7—Tambahan Pemancar Gelombang Pendek untuk Kegunaan dalam Negeri

Ujian penerimaan permulaan (preliminary) bagi pemancar-pemancar stesyen ini sedang berjalan dan pembinaan aerial akan bermula tidak lama lagi. Projek ini dijangka siap pada Januari, 1975.

Pecahan-kepala 10—Melaka: Memindah dan Memasang Kelengkapan Pemancar-pemancar Kajang

Projek ini telah ditangguhkan sehingga Pemancar-pemancar Kuat-kuasa di Kajang disiapkan. Kelengkapan-kelengkapan yang berlebihan di Kajang itu akan dipindah ke Melaka.

Pecahan-kepala 11—Tambahan Stesyen-stesyen Gelombang Sederhana untuk Semenanjung Malaysia

(i) Mersing (Perkhidmatan Percubaan)

Bangunan telah siap dan Pemancar bagi perkhidmatan percubaan ini telah ke udara pada 1hb Mei, 1974. Kelengkapan bagi perkhidmatan yang kekal telah dipesan.

(ii) Segamat

Tanah telah diperolehi dan plan-plan bangunan bagi Stesyen ini sedang di-akhiri oleh J.K.R. Alat-alat kelengkapan telah dipesan.

(iii) Grik

Perkhidmatan percubaan ini dijangka siap pada bulan November, 1975. Tanah bagi Stesyen kekal di Grik telah diperolehi.

(iv) Temerloh dan Kemubu

Projek ini ditangguhkan kepada Rancangan Malaysia ke-3.

(v) Batu Pahat (Perkhidmatan Percubaan)

Sebuah pemancar 10 KW bagi perkhidmatan percubaan ini telah ke udara pada 1hb Januari, 1974.

Pecahan-kepala 12—Kajang: Tambahan 100 KW Pemancar Gelombang Pendek (Perkhidmatan Dalam Negeri)

Ujian penerimaan permulaan (preliminary) bagi pemancar-pemancar sedang berjalan dan pembinaan aerial akan bermula tidak lama lagi. Projek ini dijangka siap pada Januari, 1975.

Pecahan-kepala 14—Oditoriam Johor Bahru

Projek ini telah ditangguhkan kepada Rancangan Malaysia Ketiga.

Pecahan-kepala 15—Stesyen Pemancar Kota Baru

Projek ini telah siap, akan tetapi beberapa kerja-kerja kecil bagi rumah Pemancar sedang dijalankan.

Pecahan-kepala 16—UHF/FM Service, Gunung Ulu Kali/Angkasapuri

Alat-alat teknikal telah dipesan dan projek ini dijangka siap pada awal tahun 1975.

RADIO SARAWAK

Pecahan-kepala 21—Tambahan Rumah Penyiaran, Kuching

Projek telah siap.

Pecahan-kepala 22—Stesyen Penyiaran, Limbang

Pada praktiknya projek ini telah siap, melainkan sebuah rumah kediaman kakitangan sedang dibina. Tarikh siap bagi projek ini ialah awal tahun 1975.

Pecahan-kepala 24—Tambahan Kelengkapan—Penyiaran, Kawasan Sarawak

(i) Sibu

(*a*) *Stesyen Pemancar*

Projek ini telah siap pada bulan Julai, 1974.

(*b*) *Rumah Penyiaran*

Tarikh siap bagi projek ini ialah Disember, 1974.

(ii) Miri

(*a*) *Stesyen Pemancar*

Projek ini telah siap.

(*b*) *Rumah Penyiaran*

Bangunan telah disiapkan dan kerja-kerja pemasangan bagi alat-alat teknikal sedang dijalankan. Tarikh siap bagi projek ini ialah bulan Disember, 1974.

(iii) Simanggang

(*a*) *Stesyen Pemancar*

Bangunan telah siap akan tetpi kerja-kerja pemasangan akan bermula selepas kerja-kerja di Sibu dan Miri disiapkan. Projek ini dijangka siap pada Februari, 1975.

(*b*) *Rumah Penyiaran*

Kerja ukur telah siap. Pihak Bahagian Perancang Ekonomi telah menangguhkan projek ini kepada Rancangan Malaysia Ketiga.

Pecahan-kepala 25—Stesyen Penerima, Kuching

Penghantaran kelengkapan akan disiapkan pada tahun 1974. Kerja-kerja pemasangan kelengkapan tersebut dijangka bermula pada tahun 1975.

RADIO SABAH

Pecahan-kepala 31—Rancangan: Rancangan Pemancaran UAK dan US Sabah

(i) Sandakan

Stesyen telah siap dan berjalan.

(ii) Kudat

Bangunan dan "mast foundation" dan kerja-kerja pemasangan bagi pemancar-pemancar sedang dijalankan.

(iii) Tawau

Bangunan dan "mast foundation" telah siap. Projek ini dijangkakan siap pada hujung tahun 1974.

(iv) Tenom

Pembinaan bangunan sedang berjalan. Projek ini dijangkakan siap pada tahun 1975.

(v) Lahad Datu

Adalah dijangka bahawa bangunan ini akan disiapkan menjelang tahun 1974. Pemasangan kelengkapan akan bermula pada awal 1975.

Pecahan-kepala 32—Stesyen Pemancar Baru, Kota Kinabalu

Projek ini telah siap.

Pecahan-kepala 33—Tambahan Studio dan Pejabat, Kota Kinabalu

Bangunan telah siap dan kelengkapan-kelengkapan telahpun dipesan. Penghantaran kelengkapan-kelengkapan tersebut dijangka siap pada hujung tahun 1974.

Pecahan-kepala 34—Stesyen Pemancar Baru, Tuaran

Pada praktiknya projek ini telah siap. Kerja-kerja pembinaan bagi rumah kediaman kakitangan dijalankan sekarang.

Pecahan-kepala 35—Stesyen Penerima, Kota Kinabalu

Projek ini telah siap. Kerja-kerja kecil dan pembelian alat-alat penerima sedang dijalankan.

TALIVISYEN—SEMENANJUNG MALAYSIA

Pecahan-kepala 41—Mengembang Rancangan Talivisyen ke Pantai Barat

Projek ini pada praktiknya telah siap pada tahun 1971.

Pecahan-kepala 42—Rancangan Talivisyen bagi Pantai Timur dan Kawasan Tengah Semenanjung Malaysia—Peringkat I dan II

Projek ini telah siap, akan tetapi "tower" bagi Stesyen Pemancar Kuantan akan digantikan pada tahun 1975 kerana hakisan tanah.

Pecahan-kepala 44—Tambahan Kemudahan-kemudahan Studio untuk Pusat Talivisyen Kuala Lumpur

Projek ini telah siap.

Pecahan-kepala 45—Tambahan Stesyen-stesyen Pemancar untuk Semenanjung Malaysia

(i) Fazer Hill (Kuala Lipis)

Bangunan telah siap dan pemasangan alat-alat teknikal dijangka bermula pada awal tahun 1975. Tarikh siap adalah bulan Mac, 1975.

(ii) Tapah

Bangunan telah siap dan pemasangan alat-alat akan bermula pada awal tahun 1975. Tarikh siap yang dijangka adalah bulan Mei, 1975.

(iii) Kuala Pilah

Bangunan telah siap dan penghantaran alat-alat teknikal sedang berjalan. Tarikh siap yang dijangka adalah Disember, 1974.

(iv) Baling

Kerja-kerja mengukur jalanraya telah siap dan tender bagi jalan itu akan dikeluarkan pada hujung tahun 1974.

(v) Balik Pulau

Projek ini telah ditangguhkan kepada Rancangan Malaysia Ketiga.

(vi) Mersing

Kerja-kerja jalanraya sedang berjalan. Tarikh siap yang dijangka ialah hujung tahun 1975.

(vii) Mount Ophir

Kerja-kerja jalanraya sedang berjalan dan tarikh siap yang dijangka ialah hujung tahun 1975.

(viii) Jerantut

Kerja-kerja jalanraya sedang berjalan dan pembinaan bangunan akan bermula pada kira-kira tahun 1975.

Pecahan-kepala 46—Kelengkapan Teknik di Studio Talivisyen

Alatteknikal telah dipesan dan kerja-kerja bangunan bagi mengalih kawasan penerbitan kepada kawasan-kawasan teknikal akan dilaksanakan oleh J.K.R.

TALIVISYEN SARAWAK

Pecahan-kepala 51—Mangadakan Siaran Talivisyen ke Sarawak

Kerja-kerja bagi berbagai-bagai Stesyen Projek ini sedang di jalankan. Tarikh siap yang dijangka ialah awal tahun 1975.

TALIVISYEN SABAH

Pecahan-kepala 61—Mengadakan Siaran Talivisyen ke Sabah Peringkat I dan II

J.K.R. Sabah tidak mampu melaksanakan projek ini. Oleh itu pihaknya telah meminta supaya pihak Perunding dilantik. Perkara ini telahpun dipanjangkan kepada Bahagian Perancang Ekonomi.

PENERANGAN—SEMENANJUNG MALAYSIA

Pecahan-kepala 1—Yunit Bergerak

2 yunit bergerak berharga $32,000 akan dibeli dalam tahun 1975.

Pecahan-kepala 2—Pejabat-pejabat Penerangan

Sejumlah $347,500 adalah diperlukan bagi tahun 1975 bagi melaksanakan projek pembinaan bangunan stor dan woksyop yang baru di kompleks Angkasapuri.

SARAWAK

Pecahan-kepala 11—Yunit Bergerak

Kesemua kereta-kereta yang dikhaskan untuk Rancangan Malaysia Kedua telahpun selesai dibeli.

Pecahan-kepala 12—Pejabat bersekali dengan rumah-rumah kediaman

Semua pekerja telahpun disiapkan dengan demikian wang sebanyak $10 (Token Sum) telah diperuntukkan bagi tahun 1975.

SABAH

Pecahan-kepala 21—Pejabat bersekali dengan rumah kediaman Kudat, Ranau dan Keningau

Hanya sejumlah $10 (Token Sum) telah diperuntukan bagi projek itu pada tahun 1975.

Pecahan-kepala 22—Yunit-yunit Bergerak

Semua kenderaan yang dikhaskan untuk Rancangan Malaysia Kedua telah dibeli.

Pecahan-kepala 23—Ibu Pejabat Jabatan Penerangan Kota Kinabalu

Sejumlah $10 (Token Sum) adalah diperuntukkan untuk pembinaan bangunan Jabatan Penerangan di Kota Kinabalu.

4. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Belanja Mengurus—			
Semenanjung Malaysia	44,030,353	56,276,695	62,756,920
Sarawak	8,009,327	9,120,737	14,785,750
Sabah	5,010,000	12,346,482	10,650,400
Belanja Pembangunan—			
Semenanjung Malaysia	10,771,656	12,232,588	8,362,336
Sarawak	4,208,667	6,186,465	4,395,310
Sabah	1,539,395	2,765,050	1,219,060
Jumlah Besar ..	73,569,398	98,928,017	102,169,776

Kepala Bekalan 43 ... ... $3,499,100

Jumlah ... $3,499,100

BELANJA MENGURUS

Peruntukan 1975 ... ... $3,499,100
Peruntukan 1974 3,349,220

Perubahan ... + $ 149,880

1. Tujuan-tujuan

Jabatan Peguam Negara adalah diuntukkan di bawah Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan bagi menasihatkan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau Jumaah Menteri atau mana-mana Menteri atas perkara-perkara undang-undang dan melaksanakan tugas-tugas lain berkaitan dengan undang-undang. Ada satu matlamat lagi ialah untuk mencegah penggunaan madat di kalangan penduduk Malaysia; dan juga memberi nasihat undang-undang kepada mereka yang memerlukannya.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran Am	363,536	284,400	377,000
(ii) Perkhidmatan Perundangan dan Penasihat	1,050,458	994,460	1,425,600
(iii) Perkhidmatan Pendakwaan	472,807	777,700	453,000
(iv) Perkhidmatan Guaman	269,498	125,300	126,000
(v) Perkhidmatan Bantuan Guaman ..	399,340	460,700	493,000
(vi) Pusat Biro Narkotik	586,603	706,660	624,500
Jumlah ..	3,142,242	3,349,220	3,499,100

Prestasi

(i) *Pentadbiran Am*

Peguamcara Negara sebagai Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab bagi pentadbiran perkara kewangan, perjawatan dan perkhidmatan. Jabatan Pemegang Amanah Raya dan Jabatan Pemegang Harta adalah Jabatan-jabatan yang berada di bawah kawalan Peguam Negara. Di Negeri-negeri, Penasihat-penasihat Undang-undang Negeri membantu Peguamcara Negara dan kerja-kerja pentadbiran dan menguruskan peruntukan-peruntukan kewangan yang diuntukkan kepada mereka.

Bahagian Pentadbiran juga turut memberikan perkhidmatan pentadbiran kepada kegiatan aktiviti-aktiviti lain.

(ii) *Perkhidmatan Perundangan dan Penasihat*

Bahagian Penasihat ini adalah bertanggungjawab untuk memberi nasihat undang-undang kepada Kementerian-kementerian dan juga Jabatan-jabatan. Pegawai-pegawai Perundangan telah ditugaskan di Perbendaharaan, Jabatan Hasil Dalam Negeri, Kementerian Pertahanan, Kementerian Pelajaran, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Perhubungan dan Kementerian Kesihatan. Pegawai-pegawai ini adalah bertanggungjawab untuk menasihatkan Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang berkenaan itu dan untuk menggubal undang-undang yang dikehendaki oleh Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan tersebut.

Dalam tahun 1973, sejumlah 83 undang-undang Semakan telah digubal oleh Bahagian ini dan ini telah diluluskan oleh Parlimen. Di samping itu 27 undang-undang baru telah dibentangkan di Parlimen di dalam tempoh yang sama. Kesemua rang undang-undang ini terpaksa dicetak dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

(iii) *Perkhidmatan Pendakwaan*

Sebagai Pendakwa Raya, Peguam Negara adalah bertanggungjawab bagi pendakwaan kes-kes jenayah. Dalam melaksanakan tugas ini, ia dibantu oleh Timbalan-timbalan Pendakwa Raya. Seorang Peguam Kanan Persekutuan adalah Ketua Bahagian ini. Dalam tahun 1973, tindakan-tindakan yang telah dijalankan oleh Bahagian ini termasuk 3 ulangbicara Privy Council, 31 ulangbicara Mahkamah Persekutuan dan 31 perbicaraan Mahkamah Tinggi. Ulangbicara dari mahkamah-mahkamah rendah ke mahkamah-mahkamah tinggi berjumlah 155.

(iv) *Perkhidmatan Guaman*

Bahagian ini adalah bertanggungjawab bagi semua kes-kes sivil yang melibatkan Kerajaan Malaysia. Ini termasuk kemalangan-kemalangan yang melibatkan kereta-kereta Kerajaan, pecah kontrek dan perjanjian, penangkapan dan tahanan salah, melanggar kewajipan pada melaksanakan kewajipan rasmi, pembuangan salah, dsb. Dalam tahun 1973, Bahagian ini telah menjalankan 3 ulangbicara di Mahkamah Tinggi, 4 ulangbicara di Mahkamah Persekutuan dan 2 ulangbicara Privy Council. Selain daripada itu Bahagian ini telah mengadakan 207 tindakan-tindakan sivil, 114 tindakan pecah kontrek. Bahagian ini juga menguruskan penerimaan peguam-bela dan peguamcara. Dalam tahun 1973 terdapat 132 penerimaan. Permohonan-permohonan untuk perlantikan sebagai Penyaksi Awam, dan pemegang-pemegang amanah bagi amanah awam, ugama dan khairat juga diuruskan oleh Bahagian ini.

(v) *Perkhidmatan Bantuan Guaman*

Pada permulaannya apabila Biro Bantuan Guaman ini ditubuhkan sebagai sekim perintis bagi Kuala Lumpur dan daerahnya, perkhidmatan Biro ini berkenaan dengan Tindakan Sivil cuma adalah untuk memberi nasihat, tetapi sekarang ini Biro ini sedang memberi bantuan yang penuh untuk orang-orang miskin. Oleh kerana terdapatnya banyak orang yang memerlukan bantuan guaman, kerja-kerja di Biro ini telah bertambah sejak penubuhannya pada tahun 1970.

(vi) *Pusat Biro Narkotik*

Pusat Biro Narkotik ini yang telah ditubuhkan pada hujung tahun 1972 di bawah jagaan Peguam Negara adalah untuk mengatasi dan melawan masaalah-masaalah penjualan, ketagihan, penyeludupan dan pengedaran dadah. Kakitangan-kakitangan khas dari Polis dan Kastam telah dipindahkan kepada Biro ini dengan tujuan-tujuan utama seperti berikut:

(*a*) Penguatkuasaan Undang-undang;

(*b*) Pemulihan orang-orang ketagih dadah;

(*c*) Langkah-langkah pencegahan;

(*d*) Penyelidikan dan penilaian;

(*e*) Latihan dan maklumat;

(*f*) Penyelarasan Antarabangsa; dan

(*g*) Perisik.

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	2,294,991	2,545,760	2,586,800
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	217,516	130,200	204,944
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..	20,650	28,200	28,256
	Jumlah Gaji ..	2,533,157	2,704,160	2,820,000
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	196,175	182,800	219,500
2200	Pengangkutan Barang-barang ..	11,039	13,300	12,300
2300	Kemudahan Perhubungan ..	59,085	60,600	67,300
2400	Api, Air dan Letrik dll.	23,102	37,000	32,800
2500	Sewa	60,515	105,560	110,000
2600	Perkhidmatan Pencetakan.. ..	11,640	19,400	20,500
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	34,893	48,700	52,900
2800	Perkhidmatan Pelbagai	39,790	59,700	59,700
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	80,469	66,500	53,000
3300	Pembinaan	45,377	1,500	5,500
4100	Pemberian, Subsidi dan Carum-carum	47,000	50,000	45,600
	Jumlah ..	3,142,242	3,349,220	3,499,100

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974	Bilangan	Anggaran Tahun 1975
		$		$		$
(i) Pentadbiran Am	44	323,178	52	269,700	53	345,000
(ii) Perkhidmatan Perundangan dan Penasihat ..	71	830,143	87	916,460	87	1,300,000
(iii) Perkhidmatan Pendakwaan	73	415,266	75	668,200	75	350,000
(iv) Perkhidmatan Guaman ..	8	222,989	10	93,800	12	100,000
(v) Perkhidmatan Bantuan Guaman	39	341,113	61	280,900	62	295,000
(vi) Pusat Biro Narkotik ..	55	400,468	55	475,100	56	430,000
Jumlah ..	290	2,533,157	340	2,704,160	345	2,820,000

3. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Belanja Mengurus—			
Semenanjung Malaysia	2,973,466	3,121,570	3,329,100
Sarawak	123,046	183,650	130,000
Sabah	45,730	44,000	40,000
Jumlah ..	3,142,242	3,349,220	3,499,100

PEMEGANG AMANAH RAYA, PENTADBIR PESAKA DAN PENYIMPAN HARTA MUSUH

Kepala Bekalan 44		**$1,196,700**
Jumlah ...		**$1,196,700**

BELANJA MENGURUS

Peruntukan 1975		**$1,196,700**
Peruntukan 1974		**1,228,285**
Perubahan ...	— **$**	**31,585**

1. Tujuan-tujuan

Pemegang Amanah Raya telah diberi kuasa di bawah undang-undang untuk mentadbirkan harta pesaka dan menjadi pemegang amanah. Pada menjalankan tugas-tugas tersebut, tujuan-tujuan Jabatan Pemegang Amanah Raya ialah seperti berikut:

(*a*) Menjadi Pemegang Amanah di bawah surat wasiat (will) dan Settlement;

(*b*) Menjadi Pemegang Amanah bagi bahagian harta dalam Surat Wasiat untuk kanak-kanak ataupun bahagian-bahagian bagi kanak-kanak yang diserahkan kepadanya mengikut perintah Mahkamah;

(*c*) Menjadi Wasi (executor) atau pentadbir pesaka (Administrator) bagi harta-harta pesaka orang yang telah meninggal dunia;

(*d*) Menjadi Pemegang Amanah bagi wang yang tidak dapat dibahagikan yang diserahkan kepadanya oleh seseorang pentadbir harta pesaka di bawah Seksyen 86 Akta Probet dan Pentadbiran, 1959;

(*e*) Menjadi Pemegang Amanah Penyimpan (Custodian Trustee) bagi harta-harta yang tidak boleh dialeh yang dipunyai oleh pertubuhan-pertubuhan yang tidak diperbadankan (unincorporated societies), angkatan-angkatan, kelab-kelab dan lain-lain;

(*f*) Menjadi Pemegang Amanah bagi amanah khairat (charitable trusts) dan amanah yunit (unit trusts);

(*g*) Menjadi Jawatankuasa (Committee) bagi harta-harta orang yang sakit otak di bawah Mental Disorders Ordinance, 1952;

(*h*) Menjadi pemegang amanah bagi orang-orang dewasa yang telah hilang upaya di sisi undang-undang (disabled adult persons) dengan cara amanah perlindungan (protective trusts);

(*i*) Menjadi Penerima Sementara (Interim Receiver) harta-harta pesaka orang yang telah meninggal dunia sambil menunggu surat kuasa dikeluarkan;

(*j*) Menjadi penjaga untuk bicara (guardian ad litem) di bawah Divorce and Matrimonial Causes Rules, 1952;

(*k*) Menasihatkan dan menolong orang-orang membuat surat-surat wasiat dalam melantik Pemegang Amanah Raya sebagai wasi dan pemegang amanah serta menyimpan surat-surat kuasa itu dengan percuma; dan

(*l*) Menjadi Pentadbir dan penyimpan harta musuh.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran Am	257,431	323,800	304,000
(ii) Amanah	312,255	339,405	344,000
(iii) Pesaka	474,582	561,580	545,100
(iv) Penyimpan Harta Musuh	2,800	3,500	3,600
Jumlah ..	1,047,068	1,228,285	1,196,700

Prestasi

(i) *Pentadbiran Am*

Bahagian ini bertanggungjawab di dalam hal-hal dasar, kewangan, perkhidmatan, perjawatan dan kakitangan Jabatan ini termasuk 13 buah cawangan di Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah. Bahagian ini juga melayani orang-orang awam dengan menjawab pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan serta memberi nasihat dan pertolongan untuk membuat surat-surat wasiat jikalau Pemegang Amanah Raya dilantik olehnya sebagai wasi dan pemegang amanah dan seterusnya menyimpan surat-surat wasiat itu dengan percuma.

(ii) *Amanah*

Pelaksanaan yang telah dicapai—1973

	Bilangan Kes	Nilaian
Bawa ke hadapan dari 1972	9,213	31,973,798
Diterima	1,689	6,076,762
Diselesai	610	1,056,995
Bawa ke hadapan ke 1974	10,292	36,993,565
Pelaksanaan dijangka—1974—		
Bawa ke hadapan dari 1973	10,292	36,993,565
Dijangka diterima	1,500	5,000,500
Dijangka selesai	600	1,600,800
Bawa ke hadapan ke 1975	11,192	40,393,265
Beban-kerja dijangka—1975—		
Bawa ke hadapan dari 1974	11,192	40,393,265
Dijangka diterima	1,500	5,000,000
Dijangka selesai	500	2,500,000
Bawa ke hadapan ke 1976	12,192	42,893,265

(iii) *Pesaka*

Pelaksanaan yang telah dicapai—1973

Bawa ke hadapan dari 1971	2,750	43,727,605
Diterima	1,001	10,497,591
Diselesai	1,572	7,017,971
Bawa ke hadapan ke 1973	2,179	47,207,225

	Bilangan Kes	Nilaian
Pelaksanaan dijangka 1974—		
Bawa ke hadapan dari 1973	2,179	47,207,225
Dijangka diterima	800	5,000,500
Dijangka selesai	550	3,000,000
Bawa ke hadapan ke 1974	2,429	49,207,725
Beban-kerja dijangka 1975—		
Bawa ke hadapan dari 1974	2,429	49,207,725
Dijangka diterima	750	5,000,000
Dijangka selesai	500	2,800,000
Bawa ke hadapan ke 1976	2,679	51,407,725

(iv) *Penyimpan Harta Musuh*

Bahagian ini sedang di dalam urusan penggulungan.

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	924,837	1,062,560	1,020,400
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	32,549	33,000	62,300
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..	8,975	12,620	10,900
	Jumlah Gaji ..	966,361	1,108,180	1,093,600
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	17,635	30,000	21,000
2200	Pengangkutan Barang-barang ..	502	3,000	2,000
2300	Kemudahan Perhubungan ..	17,087	25,000	22,500
2400	Api, Air dan Letrik dll.	10,094	15,000	13,000
2500	Sewa	7,049	8,000	8,000
2600	Perkhidmatan Pencetakan ..	693	3,000	2,000
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	12,803	23,000	24,500
2800	Perkhidmatan Pelbagai	3,672	7,000	6,000
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	3,649	5,505	3,100
3300	Pembinaan	7,523	500	900
5500	Pelbagai	—	100	100
		1,047,068	1,228,285	1,196,700

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974 $	Bilangan	Anggaran Tahun 1975 $
(i) Pentadbiran Am	37	240,890	40	279,200	40	270,000
(ii) Amanah	50	289,068	54	310,700	55	320,000
(iii) Pesaka	72	433,603	74	514,780	77	500,000
(iv) Penyimpan Harta Musuh	2	2,800	2	3,500	2	3,600
Jumlah ..	161	966,361	170	1,108,180	174	1,093,600

3. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Peruntukan Tahun 1974 $	Anggaran Tahun 1975 $
Belanja Mengurus—			
Semenanjung Malaysia	918,692	1,073,535	1,019,464
Sarawak	58,737	81,500	100,353
Sabah	69,639	73,250	76,883
Jumlah ..	1,047,068	1,228,285	1,196,700

JABATAN PEMEGANG HARTA

(Dahulu ditunjukkan sebagai Jabatan Kebankrapan)

Kepala Bekalan 45	...	**$920,500**
Jumlah	...	**$920,500**

BELANJA MENGURUS

Peruntukan 1975		**$920,500**
Peruntukan 1974		**822,000**
Perubahan	...	**+ $ 98,500**

1. Tujuan-tujuan

Jabatan Pemegang Harta, Malaysia menjalankan tugas-tugas bersangkutan dengan pentadbiran harta-harta siberhutang dan sibankrap di bawah Akta Kebankrapan 1967, dan menyelesaikan urusan Syarikat-syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 dan Pertubuhan-pertubuhan dan Kesatuan Sekerja di bawah Ordinan Kesatuan Sekerja 1959 dan Akta Pertubuhan 1966, dengan tujuan menjaga kepentingan siberhutang dan sipiutang supaya membolehkan ia memulakan kehidupan yang baharu bebas dari desakan dan cengkaman sipiutang.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Peruntukan Tahun 1974 $	Anggaran Tahun 1975 $
(i) Pentadbiran Am	117,949	122,034	157,500
(ii) Pentadbiran Harta Siberhutang/ Sibankrap	421,051	608,773	691,500
(iii) Pembubaran Syarikat-syarikat, Pertubuhan-pertubuhan dan Kesatuan Sekerja	88,232	91,193	71,500
Jumlah ...	627,232	822,000	920,500

Prestasi

(i) *Pentadbiran Am*

Bahagian ini bertanggungjawab di atas:

(*a*) Perkara berkenaan dengan perjawatan, lantikan dan naik pangkat, kakitangan dan kewangan, kelakuan dan tatatertib, mengawas, berbelanja dan menyimpan kira-kira, rekod-rekod perangkaan dan pelaburan.

(*b*) Ia jua menjalankan kerja bagi melaksanakan projek, menguatkuasakan undang-undang, penyiasatan dan penilaian, menjalankan pendakwaan dan perbicaraan, menjaga dan mengawasi penyelesai-penyelesai yang tiada rasmi bagi perkara-perkara berkaitan dengan kebankrapan, pertubuhan-pertubuhan dan kesatuan sekerja.

BEBAN-KERJA

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
1. Bilangan Kakitangan	84	109	124
2. Bilangan pertanyaan	100	1,000	1,500
3. Bilangan penyelesai yang tiada rasmi dijaga	165	200	240
4. Bilangan kad yang dijaga—			
(i) Kebankrapan	4,564	4,800	5,000
(ii) Syarikat—			
(*a*) Terpaksa	80	110	140
(*b*) Sukarela	165	200	240

(ii) *Pentadbiran Harta Siberhutang/Sibankrap*

(*a*) Dasar lunas aktiviti ini ialah mengutip dan mendapatkan semua harta-harta sibankrap dan membahagikan harta yang diperolehi itu di antara sipiutang-piutang mengikut haknya masing-masing.

(*b*) Samada sibankrap itu telah bebas dari kebankrapannya atau tidak, Pegawai Pemegang Harta sebagai pemegang amanah, akan terus menerus mentadbir harta-harta itu sehingga dibebaskan oleh Mahkamah.

BEBAN-KERJA

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
1. Notis Kebankrapan yang dikeluarkan	954	1,000	1,200
2. Permohonan Kebankrapan diterima	485	600	700
3. Perintah Penerimaan dibuat ...	275	320	400
4. Perintah Hukum dibuat	286	320	400
5. Mesyuarat Sipiutang	240	300	320
6. Pemeriksaan Awam diadakan ...	252	300	320
7. Permohonan ke Mahkamah ...	597	700	750
8. Kehadiran di Mahkamah—			
(i) Di hadapan Tuan Hakim	504	600	650
(ii) Di hadapan Penolong Kanan Pendaftar	412	500	550
9. Bilangan dividen	225	300	320
10. Bilangan Sipiutang	1,162	2,500	2,700
11. Bilangan Bankrap yang belum dibebaskan	4,564	4,800	5,000
12. Hasil—			
	$ *c.*	$ *c.*	$ *c.*
(*a*) Bayaran Kutipan	21,040.18	80,000.00	90,000.00
(*b*) Bayaran Pembahagian ...	19,110.07	36,000.00	40,000.00
(*c*) Stem	5,459.70	9,000.00	10,000.00
(*d*) Notis dan Alatulis ...	1,632.70	3,000.00	3,500.00
(*e*) Bayaran ke Mahkamah ...	10,773.11	16,000.00	18,000.00
(*f*) Dividen yang tiada dituntut	2,031.28	50,000.00	60,000.00

(iii) *Pembubaran Syarikat-syarikat, Pertubuhan-pertubuhan dan Kesatuan Sekerja*

Membubarkan syarikat, pertubuhan dan kesatuan sekerja ialah mengutip harta syarikat, pertubuhan dan kesatuan sekerja, bergerak atau tiada bergerak selepas penyiasatan dibuat dan membahagikan kepada sipiutang-sipiutang yang tuntutannya telah dibuktikan selepas daripada membuat pembayaran pentadbiran dan hutang yang diutamakan.

BEBAN-KERJA

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
1. Bilangan Pembubaran Terpaksa oleh Mahkamah	19	30	30
2. Bilangan Pembubaran Sukarela	23	30	40
3. Bilangan Mesyuarat Sipiutang ...	62	30	100
4. Bilangan Mesyuarat Pencarum ...	26	40	50
5. Bilangan Mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa	8	10	15
6. Permohonan ke Mahkamah ...	29	40	50
7. Kehadiran di Mahkamah—			
(*a*) Di hadapan Tuan Hakim	80	100	120
(*b*) Di hadapan Tuan Pendaftar	22	30	50
8. Dividen—			
(*a*) Bilangan	—	5	5
(*b*) Bilangan Sipiutang ...	—	100	100
9. Bilangan Pembubaran Terpaksa pada akhir tahun	80	110	140
10. Hasil—			
	$ *c.*	$ *c.*	$ *c.*
(*a*) Setem	331.50	400.00	500.00
(*b*) Bayaran ke Mahkamah ...	525.90	1,000.00	1,000.00
(*c*) Bayaran di bawah Jadual B dan C Kaedah Pembubar Syarikat 1972	3,928.72	61,000.00	100,000.00
(*d*) Wang yang tiada dituntut dimasukkan kepada Hasil di bawah Seksyen 286 (9)	21,971.27	10,000.00	10,000.00

PERTUBUHAN DAN KESATUAN SEKERJA

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
1. Pembubaran—			
(*a*) Pertubuhan	63	40	30
(*b*) Kesatuan Sekerja	3	2	3
2. Bilangan permohonan ke Mahkamah bagi pertubuhan dan kesatuan sekerja	7	10	15
3. Bilangan dalam pembubaran—			
(*a*) Pertubuhan	131	160	170
(*b*) Kesatuan Sekerja	32	30	25
4. Hasil—			
	$ *c.*	$	$
(*a*) Bayaran Kutipan	1,598.20	1,000	1,500
(*b*) Bayaran Pembahagian ...	26.05	100	150
(*c*) Bayaran ke Mahkamah ...	214.90	300	400

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	513,139	659,109	726,841
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	19,079	13,830	41,153
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ...	4,793	9,826	11,006
	Jumlah Gaji ...	537,011	682,765	779,000
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	8,391	20,100	15,350
2200	Pengangkutan Barang-barang ...	1,839	2,000	2,000
2300	Kemudahan Perhubungan ...	7,895	9,850	12,300
2400	Api, Air dan Letrik dll.	4,670	6,720	8,520
2500	Sewa	37,854	76,200	71,653
2600	Perkhidmatan Pencetakan ...	810	1,230	1,650
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	5,606	9,375	15,365
2800	Perkhidmatan Pelbagai	13,491	3,688	6,662
3100	Perabot, Alat-alatan dan Ternakan	9,665	7,872	5,500
3300	Pembinaan	—	2,200	2,500
	Jumlah ...	627,232	822,000	920,500

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974	Bilangan	Anggaran Tahun 1975
		$		$		$
(i) Pentadbiran Am	10	74,429	16	92,569	17	130,000
(ii) Pentadbiran Harta Siber-hutang/Sibankrap ..	69	376,972	82	501,339	87	580,000
(iii) Pembubaran Syarikat-syarikat, Pertubuhan dan Kesatuan Sekerja ..	12	85,610	11	88,857	11	69,000
Jumlah ..	91	537,011	109	682,765	115	779,000

3. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Belanja Mengurus—			
Semenanjung Malaysia	588,981	751,130	843,060
Sarawak	17,367	34,730	38,400
Sabah	20,884	36,140	39,040
Jumlah ...	627,232	822,000	920,500

Kepala Bekalan 46	**$15,581,600**
Kepala Pembangunan 46 ...	**1,767,347**
Jumlah ...	**$17,348,947**

	Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975 ...	**$15,581,600**	**$1,767,347**	**$17,348,947**
Peruntukan 1974 ...	**13,178,560**	**500,120**	**13,678,680**
Perubahan ...	**+ $ 2,403,040**	**+ $1,267,227**	**+ $ 3,670,267**

1. Tujuan-tujuan

(*a*) Menyusun semula dan menggalakkan tenaga kerja yang seimbang antara kaum selaras dengan Dasar Ekonomi Baru;

(*b*) Memelihara, memaju dan memperbaiki kebajikan dan kesejahteraan pekerja-pekerja;

(*c*) Memajukan keselamatan pekerjaan dan kesihatan dengan menekankan kepada pengawalan kekotoran dalam kilang-kilang dan tempat-tempat di mana jentera digunakan;

(*d*) Memajukan perhubungan yang baik antara majikan-pekerja dan memelihara perkembangan perhubungan perusahaan yang baik dan kesatuan sekerja yang bertanggungjawab;

(*e*) Menyediakan data mengenai tenaga manusia yang diperlukan oleh negara dan ciri-ciri permintaan dan penawaran pasar buruh;

(*f*) Menyediakan perkhidmatan latihan dalam kemahiran-kemahiran perusahaan kepada tenaga kerja bagi memenuhi keperluan kemahiran yang asas dan "advanced" dan menyediakan piawaian-piawaian dan persijilan yang biasa;

(*g*) Menyediakan kemudahan penggunaan sumber-sumber tenaga manusia yang lebih banyak melalui penempatan pekerjaan yang berkesan dan kawalan pekerjaan kepada bukan warganegara; dan

(*h*) Menyediakan data mengenai taraf pendapatan gaji.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran Am	856,228	1,088,700	951,400
(ii) Buruh dan Perhubungan Perusahaan	5,010,633	5,586,700	6,313,580
(iii) Keselamatan Pekerjaan	820,250	944,300	965,700
(iv) Kemajuan Daya Tenaga Rakyat ..	2,595,401	3,239,908	3,419,240
(v) Pentadbiran Keselamatan Sosial ..	1,469,977	1,663,000	2,109,600
(vi) Pendaftaran Kesatuan Sekerja ..	311,995	404,912	483,440
(vii) Badan-badan Berkanun	257,295	251,040	267,040
(viii) Lembaga Latihan Perindustrian dan Persijilan Ketukangan Kebangsaan..	—	—	1,071,600
Jumlah ..	11,321,779	13,178,560	15,581,600

(i) *Pentadbiran Am*

Perkhidmatan-perkhidmatan pentadbiran diadakan oleh Urusetia Kementerian ini dan fungsi-fungsinya bukan saja mengadakan pengawalan kewangan dan pengurusan kakitangan yang wajar, keselamatan pejabat dan penempatan bahkan juga menjalankan penyelidikan, perancangan dan penyelarasan kegiatan-kegiatan Kementerian ini keseluruhannya.

Penyusunan semula yang baru bagi Urusetia Kementerian ini telah dilakukan pada akhir tahun 1972. Di bawah pentadbiran yang baru ini terdapat 4 bahagian di Kementerian ini: Bahagian Pentadbiran Am, Kewangan dan Pentadbiran Kakitangan, Penyelidikan dan Perancangan dan Yunit Penyelidikan Gaji. Ini akan memperkemaskan pentadbiran Kementerian ini.

Kementerian ini juga memberi khidmat membantu kepada Badan-badan Berkanun seperti berikut:

(1) Mahkamah Perusahaan.

(2) Majlis Penetapan Gaji.

(3) Lembaga Kumpulanwang Perpindahan Malaysia.

Mahkamah Perusahaan

Mahkamah Perusahaan sekarang mempunyai seorang Yang di-Pertua dan dua orang Pengerusi dan sedikit pertambahan bagi kakitangan pembantu untuk mengatasi beban-kerja yang kian bertambah.

Majlis Penetapan Gaji

5 Perintah Peraturan Gaji yang menyediakan gaji-gaji yang minima dan lain-lain syarat pekerjaan yang sekarang sedang dikuatkuasakan adalah seperti berikut:

(i) Perintah Peraturan Gaji (Pembantu Kedai) 1970 yang memberi faedah pada kira-kira 140,000 pekerja dalam 26 pekan di Semenanjung Malaysia;

(ii) Perintah Peraturan Gaji (Jualan Makanan dan Hotel) 1967 sebagaimana yang dipinda melalui Perintah Peraturan Gaji (Jualan Makanan dan Hotel) (Pindaan) 1973 yang memberi faedah kepada kira-kira 20,000 pekerja-pekerja dalam 11 buah pekan di Semenanjung Malaysia;

(iii) Perintah Peraturan Gaji (Pemunggah-pemunggah Kapal, Pengendali-pengendali Muatan dan Anak-anak Sekuci Pulau Pinang) 1974 yang memberi faedah kepada kira-kira 4,500 pekerja di Pelabuhan Pulau Pinang mulai dari 16hb Julai, 1974;

(iv) Perintah Peraturan Gaji (Pekerja-pekerja Wayang Gambar) 1972 yang memberi faedah kepada kira-kira 8,000 para pekerja di seluruh Semenanjung Malaysia; dan

(v) Perintah Peraturan Gaji (Pembantu Kedai) (Sarawak) 1972 yang memberi faedah kepada kira-kira 2,000 orang pekerja-pekerja kepada kawasan perbandaran Kuching.

Majlis Penetapan Gaji sedang menimbangkan samada gaji-gaji yang minima pekerja-pekerja (i), (ii) dan (iv) di atas patut ditambah.

Di samping itu, Kementerian ini juga membuat sumbangan-sumbangan/ pemberian-pemberian kepada badan-badan seperti berikut:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Pertubuhan Buruh Antarabangsa ..	112,858	146,000	160,000
Lembaga Kumpulanwang Perpindahan Malaysia	70,000	140,000	140,000
Persatuan Panduan Vokesyenal	—	10,000	10,000

(ii) *Buruh dan Perhubungan Perusahaan*

Penguatkuasaan Undang-undang Buruh

Tujuan Bahagian Buruh dan Penguatkuasaan ini ialah untuk memelihara dan memajukan kebajikan dan kesejahteraan pekerja-pekerja menerusi penguatkuasaan piawaian-piawaian buruh dan peraturan syarat-syarat pekerjaan. Sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru, Jabatan ini, memberi perhatian utama terhadap penyusunan semula tenaga kerja menerusi:

(1) Pemeriksaan-pemeriksaan;

(2) Penyiasatan-penyiasatan atau lawatan-lawatan pemeriksaan secara mengejut;

(3) Prosedur Hukum dan pentadbiran am buruh;

(4) Pentadbiran Kumpulanwang Buruh India Selatan;

(5) Perkhidmatan-perkhidmatan Perangkaan—

(*a*) Perkhidmatan-perkhidmatan Perangkaan;

(*b*) Perhubungan dan lain-lain hal Buruh Antarabangsa;

(*c*) Pentadbiran.

Bahagian ini mentadbir dan menguatkuasakan undang-undang buruh yang berikut:

(*a*) The Labour Code (F.M.S. Bab 154) dan Labour Code yang sama untuk lain-lain negeri di Semenanjung Malaysia.

(*b*) The Workers (Minimum Standard of Housing Act, 1966).

(*c*) The Children and Young Persons (Employment) Act, 1966.

(*d*) The Employment Ordinance, 1955.

(*e*) The Weekly Holidays Ordinance, 1950.

(*f*) The Wages Councils Ordinance, 1947 and Wages Regulation Order yang dibuat di bawahnya.

(*g*) The Workmen's Compensation Ordinance, 1952.

(*h*) The South Indian Labour Fund Ordinance, 1958.

(*i*) The Employment (Restriction) Act, 1968.

Dalam tahun 1975 usaha-usaha akan ditumpukan untuk memperbaiki ketidak-seimbangan kaum dalam tenaga kerja dengan membanyakkan lagi pemeriksaan-pemeriksaan dan lawatan-lawatan supaya meliputi 50% tempat-tempat pekerjaan di kawasan-kawasan perusahaan penting di negeri ini. Penguatkuasaan undang-undang buruh dan piawaian-piawaian adalah untuk menentukan syarat-syarat pekerjaan yang baik dan kebajikan pekerja-pekerja akan diteruskan dan ditambah sejajar dengan perkembangan ekonomi dan sosial di negeri ini.

Pentadbiran Kumpulanwang Buruh India Selatan

Usaha ini termasuk penyelenggaraan sebuah rumah untuk bekas pekerja-pekerja buruh tua yang berasal dari India Selatan serta tanggungan-tanggungan mereka, pembayaran wang bantuan kepada mereka, repatrasi orang-orang bukan warga-negara yang layak ke India serta pemberian wang-wang pinjaman belajar dan biasiswa.

Perkhidmatan-perkhidmatan Tambahan

Yunit Perangkaan

Sebuah yunit Perangkaan di bawah Jabatan ini, menyebarkan maklumat-maklumat mengenai perangkaan buruh, undang-undang dan syarat-syarat perburuhan. Ia juga menjalankan tinjauan-tinjauan mengenai pekerjaan, guna-tenaga dan upahan. Dalam tahun 1975 kesemua sekali sebanyak 234 perusahaan-perusahaan akan diliputi di bawah tinjauan-tinjauan pekerjaan. Tinjauan-tinjauan tahunan mengenai pekerjaan dan upahan di dalam perusahaan-perusahaan yang dipilih termasuk syarikat-syarikat bas, dan perusahaan-perusahaan pengangkutan jalan. Ini meliputi 680 perusahaan-perusahaan di dalam contoh-contoh yang dipilih untuk tinjauan tersebut. Yunit ini juga mengeluarkan Buku Panduan Tahunan Perangkaan Buruh, Semenanjung Malaysia yang memberikan maklumat yang berguna mengenai syarat-syarat perburuhan.

Perkara-perkara Buruh Antarabangsa

Usaha ini termasuklah menyediakan lapuran-lapuran dan kajian-kajian yang perlu untuk penyertaan Malaysia sebagai sebuah negara yang menjadi ahli di dalam Pertubuhan Buruh Antarabangsa dan mengkaji dokumen-dokumen yang diterima daripada Pertubuhan ini. Usaha-usaha yang sama dijalankan yang berhubung dengan Bangsa-bangsa Bersatu serta Badan-badan Antarabangsa yang lain yang ada kena-mengena dengan soal-soal perburuhan dan sosial.

Memajukan Perhubungan Perusahaan yang Baik

Bahagian ini bertanggungjawab untuk memelihara dan memajukan perhubungan yang baik di antara majikan-pekerja dan suasana perindustrian yang baik di dalam negeri ini, bukan sahaja untuk menentukan pengeluaran perusahaan yang sepenuh-nya tetapi juga bagi mewujudkan keadaan yang menggalakkan bagi pelaburan di dalam dan di luar negeri.

Kegiatan-kegiatan lain yang utama di bawah bahagian ini ialah seperti berikut:

Khidmat Nasihat

(i) Menasihat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat mengenai perkara-perkara perhubungan perusahaan dan undang-undang yang bersangkutan.

(ii) Menasihat majikan-majikan, pekerja-pekerja dan kesatuan sekerja mereka serta orang-orang lain yang ada kena-mengena dengan perkara-perkara perhubungan perusahaan.

Khidmat Galakan

(i) Memberi bantuan dalam penubuhan badan perundingan bersama secara sukarela bagi peraturan gaji dan syarat-syarat pekerjaan serta badan bagi mencegah dan menyelesaikan pertikaian-pertikaian sekerja.

(ii) Menggalakkan perundingan bersama dalam perusahaan.

(iii) Memelihara perhubungan yang rapat di antara pertubuhan-pertubuhan majikan dan pekerja-pekerja mengenai semua perkara berhubung dengan perhubungan perusahaan.

Khidmat Pencegahan

Membantu pencegahan dan penyelesaian pertikaian-pertikaian dan pemogokan-pemogokan kesatuan-kesatuan dengan memberi nasihat atau melalui perundingan damai.

Penyiasatan dan pertanyaan-pertanyaan

(i) Menyiasat dan mengkaji rayuan-rayuan yang dibuat oleh pekerja-pekerja mengenai pembuangan-pembuangan kerja.

(ii) Menyiasat lain-lain aduan yang berhubung dengan keadaan dan syarat-syarat pekerjaan dan sebagainya.

Perangkaan dan Maklumat

(i) Mengumpulkan perangkaan mengenai pertikaian-pertikaian sekerja, pemogokan, perjanjian bersama dan putusan-putusan Mahkamah Perusahaan.

(ii) Menyediakan lapuran-lapuran mengenai perkara-perkara yang berhubung dengan aliran perhubungan perusahaan, perundingan-perundingan dan kadar-kadar gaji dan syarat-syarat pekerjaan dan sebagainya.

Buruh dan Perhubungan Perusahaan, Sarawak

Bahagian Buruh dan Perhubungan Perusahaan, Sarawak, mentadbir dan menguatkuasakan peraturan-peraturan buruh berikut:

(1) Labour Ordinance, 1952.
(2) Workmen's Compensation Ordinance, 1957.
(3) Weekly Holidays Ordinance, 1956.
(4) The Wages Councils Ordinance, 1947.
(5) Employment Information Ordinance, 1953.
(6) Trade Unions Ordinance, 1959.
(7) Industrial Relations Act, 1967.
(8) Employment (Restriction) Act, 1968.

Tumpuan aktiviti-aktiviti 1975 akan dipergiatkan bukan sahaja di dalam penguatkuasaan syarat-syarat pekerjaan dan faedah-faedah bagi para pekerja yang ditentukan oleh undang-undang buruh tetapi juga selaras dengan Dasar Ekonomi Baru. Jabatan ini mengambil perhatian terhadap penggalakan tenaga kerja yang seimbang antara kaum. Sejajar dengan usaha ini pemeriksaan-pemeriksaan akan dipergiatkan lagi.

Buruh dan Perhubungan Perusahaan, Sabah

Bahagian Buruh dan Perhubungan Perusahaan, Sabah, mentadbir dan menguatkuasakan undang-undang buruh seperti berikut:

(1) Labour Ordinance, 1949.
(2) Workmen Compensation's Ordinance, 1955.
(3) Trade Unions Ordinance, 1959.
(4) Machinery Ordinance, 1920.
(5) Industrial Relations Act, 1967.
(6) Employment (Restriction) Act, 1968.

Dalam tahun 1975 usaha-usaha adalah ditumpukan ke atas penggalakan mobiliti-mobiliti pekerja-pekerja dalam negeri. Terdapat simpanan sumber-sumber tenaga manusia yang menggalakkan di Pantai Barat dan kawasan Pendalaman Sabah dan kawasan-kawasan Pantai Timur pula kekurangan buruh, terutamanya dalam perusahaan pertanian. Adalah perlu untuk menggalakkan mobiliti pekerja-pekerja di dalam negeri.

(iii) *Keselamatan Pekerjaan*

Tujuan-tujuan

Jabatan Kilang dan Jentera adalah bertanggungjawab atas keselamatan carakerja dan kesihatan pekerja-pekerja di kilang-kilang dan tempat-tempat di mana jentera-jentera digunakan dengan objektif-objektif utamanya yang berikut:

(*a*) Pencegahan kemalangan-kemalangan dan penyakit-penyakit carakerja.

(*b*) Memajukan suasana kerja bagi penyenggaraan taraf keadaan fizikal, mental dan kebajikan yang tertinggi bagi pekerja-pekerja.

Di samping itu, Jabatan ini juga bertanggungjawab atas pengawalan polusyen dari kilang-kilang bersempena dengan Jawatankuasa Anti-Polusyen Kerajaan yang ditubuhkan dalam tahun 1970.

Penguatkuasaan

Jabatan ini menguatkuasakan Akta Kilang dan Jentera, 1967 dan Peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, dan beban-kerjanya bolehlah dikelaskan seperti berikut:

(*a*) Pemeriksaan ke atas kilang-kilang dan jentera-jentera.

(*b*) Pemeriksaan ke atas dandang, pengandung tekanan tak berapi, selindar gas dan alat pemadam api buatan tempatan.

(*c*) Menyemak rekabentuk-rekabentuk dandang, pengandung tekanan tak berapi dan lif.

(*d*) Menguji drebar injin dan mengadakan peperiksaan bagi jurutera-jurutera dan ketua-ketua kapal korek.

(*e*) Menguji pengimpal-pengimpal bagi pembinaan pengandung tekanan tak berapi.

(*f*) Siasatan dan penyiasatan ke dalam kemalangan dan kerosakan jentera-jentera.

Kerja Pemupukan

Jabatan ini akan terus memberi syarahan-syarahan, ceramah-ceramah dan mentayangkan filem-filem kepada pihak pengurus dan pekerja-pekerja. Poster-poster, risalah-risalah, dll. akan juga diterbitkan.

Lain-lain Kegiatan

Jabatan ini akan terus terlibat dengan berbagai-bagai Jawatankuasa piawaian di Institiut Piawaian Malaysia dan juga lain-lain jawatankuasa (misalnya L.K.P.P., Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, dll.). Semenjak bulan September, 1973, Jabatan ini telah dipilih sebagai ahli dalam Jawatankuasa yang dibentukkan oleh Perbendaharaan untuk menimbangkan permohonan-permohonan bagi pengecualian duti kastam dan cukai jualan di bawah *G*.N. 2171/60 ke atas jentera-jentera. Di samping memberi nasihat kepada Jawatankuasa, Jabatan ini juga dikehendaki membuat pemeriksaan ke atas jentera-jentera ini untuk menentukan yang syarat-syarat yang ditetapkan bagi pengecualian seperti ini dipatuhi.

Sabah dan Sarawak

Jabatan ini pada mulanya bercadang akan melaksanakan Akta Kilang dan Jentera, 1967 berperingkat-peringkat pada hujung tahun 1974 di Sabah dan Sarawak supaya pelaksanaan penuh Akta ini boleh bermula dalam tahun 1975. Walau bagaimanapun ini terpaksa ditangguhkan oleh kerana kumpulanwang bagi aktiviti ini belum dapat diadakan. Jabatan ini berharap Akta ini akan dapat dilaksanakan dalam tahun 1976.

(iv) *Kemajuan Daya Tenaga Rakyat*

Aktiviti ini dibahagikan kepada 4 aktiviti-aktiviti kecil:

(*a*) Urusetia.

(*b*) Perkhidmatan Latihan

(*c*) Perkhidmatan Pekerjaan.

(*d*) Perkhidmatan Penerangan Pasar Buruh.

Perkhidmatan Latihan mengadakan rancangan-rancangan latihan perusahaan dan sekim-sekim berikut:

(1) *Rancangan Perantisan Negara*

Rancangan Perantisan Negara mengadakan latihan untuk mengisi kehendak-kehendak tenaga kerja mahir biasa dalam perusahaan yang terbit daripada persaraan, kematian dan perkembangan perusahaan. Rancangan yang telah dikuat-kuasakan di Semenanjung Malaysia ini kini meliputi sebanyak 18 ketukangan-ketukangan perantisan dalam perusahaan-perusahaan mekanik dan kejuruteraan, elektrik, bangunan dan percetakan. Kemudahan-kemudahan latihan juga sekarang meliputi bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak.

Segala usaha telah dijalankan untuk memajukan rancangan latihan perantisan dan menentukan bahawa pengambilan perantis-perantis pada tiap-tiap tahun oleh majikan-majikan akan mencerminkan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan. Sejak tahun 1971 penyertaan yang besar di kalangan orang-orang Melayu dalam rancangan ini jelas kelihatan.

(2) *Kursus Persediaan Ketukangan*

Kursus Persediaan Ketukangan bertujuan untuk melengkapkan para belia (lepasan sekolah dan orang-orang dewasa yang menganggur) dengan kemahiran-kemahiran ketukangan yang asas untuk membaiki peluang-peluang pekerjaan mereka dan meninggikan taraf ekonomi dan kesejahteraan sosial mereka. Perkara yang diberi perhatian istimewa ialah memperluaskan rancangan ini dan mensejajar-kannya dengan tujuan-tujuan Dasar Ekonomi Baru serta menentukan pembahagian dan penyusunan semula tenaga kerja dalam perusahaan. Dalam tahun 1973 pengambilan di bawah rancangan ini adalah terdiri daripada 75% orang-orang Melayu, 11% orang Cina, 12% orang India dan 2% lain-lain.

Sejak tahun 1972 pelatih-pelatih telah diberi sponser oleh Pertubuhan Angkatan Pembina Negara, Kerajaan Negeri Sabah, Sarawak dan lain-lain Kerajaan Negeri di Semenanjung Malaysia. Selain daripada kumpulan-kumpulan ini sebilangan para perajurit yang akan bersara juga telah diterima ke dalam rancangan ini di bawah anjuran Kementerian Pertahanan. Rancangan ini sekarang meliputi sebanyak 16 jenis pekerjaan-pekerjaan perusahaan dan bidang ini akan diperluas-kan lagi bagi meliputi kemahiran-kemahiran pekerjaan tambahan dan pengeluaran pelatih-pelatih dijangka akan keluar dalam tahun 1975.

(3) *Kursus-kursus Peningkatan dan Mengemaskinikan*

Rancangan ini akan diteruskan bagi ditawarkan kepada para pekerja untuk membaiki kemahiran-kemahiran mereka sesuai dengan perubahan-perubahan teknoloji. Ini adalah satu lagi jalan bagi menyediakan satu peluang kepada Bumiputra dan lain-lain kaum pekerja native yang menjalankan pekerjaan-pekerjaan tidak mahir dan separuh mahir bagi meningkatkan kebolehan pekerjaan mereka dan menjadi lebih produktif.

(4) *Latihan Perusahaan dan Pengajar Ketukangan*

Tujuan rancangan ini adalah untuk memperbaiki teknik-teknik perhubungan dan pengajaran pengajar-pengajar ketukangan dan pengajar-pengajar dalam loji. Kursus separuh masa akan terus dijalankan dalam tahun 1975 bagi calun-calun yang dianjurkan oleh badan-badan perusahaan sektor awam dan swasta.

Kursus latihan pengajar ketukangan sepenuh masa adalah juga sedang dijalan-kan di mana pelatih-pelatih adalah daripada MARA, Kementerian Pertahanan dan lain-lain pertubuhan.

(5) *Khidmat Perunding mengenai Latihan Perusahaan*

Yunit Latihan Perusahaan dan Latihan Dalam Loji mengadakan khidmat-khidmat perunding untuk para majikan baik dalam sektor Kerajaan mahu pun sektor swasta. Yunit ini memberi bantuan teknik dalam penyusunan serta pelaksanaan rancangan-rancangan latihan di dalam perusahaan. Selain daripada khidmat-khidmat perunding, yunit ini cuba menyedarkan para majikan tentang latihan, menggalakkan majikan-majikan mengambil belia-belia yang mempunyai latihan vokesyenal perusahaan asas di dalam pelbagai ejensi-ejensi latihan sektor awam, dan meneruskan aktiviti-aktiviti latihan semasa bekerja bagi perantis-perantis di bawah Rancangan Perantisan Negara.

Perkhidmatan Pekerjaan

Untuk mengadakan khidmat bimbingan dan penempatan kerja untuk pencari-pencari kerja dan membantu majikan-majikan dalam mengisi keperluan-keperluan tenaga kerja mereka.

Dalam tahun 1975 Perkhidmatan Pekerjaan akan memajukan aktiviti-aktiviti dan perhatiannya kepada bidang-bidang berikut:

Rancangan-rancangan Teknik Pemilihan akan diperluaskan lagi untuk meliputi lebih banyak pekerjaan-pekerjaan untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada majikan-majikan di sektor swasta dan juga kepada Institiut-institiut Latihan Kerajaan.

Perkhidmatan Ikhtisas dan Eksekutif akan ditubuhkan semula untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada mereka-mereka yang berkelulusan ikhtisas, mahasiswa-mahasiswa dan kakitangan-kakitangan yang mempunyai kemahiran yang tinggi yang sedang mencari pekerjaan di peringkat pengurusan dan eksekutif. Untuk mempunyai perkhidmatan yang berkesan, perkhidmatan ini hendaklah dijalankan mengikut dasar perniagaan dan bertanding dengan ejensi-ejensi pekerjaan persendirian yang lebih maju. Perkhidmatan ini akan berpindah ke bangunan yang berasingan yang lebih sesuai kepada operasi perkhidmatan ikhtisas dan eksekutif untuk menarik lebih ramai mereka yang berkelulusan ikhtisas dan mahasiswa-mahasiswa datang untuk pendaftaran.

Perkhidmatan Ikhtisas dan Eksekutif akan memainkan peranan yang penting di dalam menjalankan polisi Kerajaan di dalam menempatkan banyak lagi bumiputra-bumiputra yang berkelulusan ikhtisas dan eksekutif-eksekutif ke dalam kumpulan pengurusan pertengahan dan tinggi di dalam perusahaan-perusahaan di sektor swasta.

Dengan perkembangan rancangan-rancangan ini Perkhidmatan Pekerjaan akan meneruskan rancangannya untuk memberi sumbangan secara langsung terhadap pencapaian tujuan-tujuan kemajuan pekerjaan dan memperbetulkan ketidak-seimbangan pekerjaan dan pembahagian pendapatan terutamanya disektor swasta.

Perkhidmatan Penerangan Pasar Buruh

Mengadakan data-data semasa dan projeksi-projeksi tenaga manusia mengenai pasar buruh dan menganalisa aliran-aliran pasar buruh.

(v) *Pentadbiran Keselamatan Sosial*

(1) Memberi perlindungan insuran kepada pekerja-pekerja di bawah Sekim Insuran Bencana Pekerjaan.

(2) Memberi perlindungan Pencen Ilat kepada pekerja-pekerja di bawah Sekim Pencen Ilat.

(*a*) Sekim Insuran Bencana Pekerjaan

Jadual di bawah ini menunjukkan para majikan yang mempunyai lima orang pekerja atau lebih dan yang berpendapatan $500 atau kurang:

Pusat	Yang Sebenar Tahun 1973		Anggaran Tahun 1974		Anggaran Tahun 1975	
	Majikan	Pekerja	Majikan	Pekerja	Majikan	Pekerja
Johor Bahru	995	33,145	1,200	40,000	1,400	48,000
Kuala Lumpur	4,593	107,866	5,000	135,000	6,000	160,000
Petaling Jaya	854	50,260	950	60,000	1,200	80,000
Ipoh	1,566	37,306	1,700	42,000	2,000	50,000
Pulau Pinang	1,877	63,035	2,000	76,000	2,500	95,000
Kelang dan Shah Alam ..	542	38,069	650	43,000	800	61,000
Seremban	352	8,963	450	11,000	600	13,000
Melaka	550	13,416	660	13,500	800	21,000
Kuantan	235	4,537	290	7,000	400	8,000
Alor Setar	330	8,135	360	10,500	400	13,000
Taiping	332	15,264	400	20,000	470	23,000
Kuala Trengganu	138	2,748	200	5,000	260	6,000
Kota Bharu	319	5,824	380	8,500	440	10,000
Butterworth	445	22,868	450	28,500	650	35,000
Kangar	39	415	60	1,500	150	4,000
Muar	156	2,865	230	6,000	280	8,100
Batu Pahat	233	5,791	300	7,000	450	10,000
Keluang	161	7,650	200	8,300	250	11,000
Kota Kinabalu	—	—	430	9,700	470	11,000
Kuching	—	—	650	15,000	700	17,000
Sungei Patani	—	—	130	3,100	180	4,700
Kulim	—	—	80	2,000	100	3,000
Tapah	—	—	50	900	100	1,300
Teluk Anson	—	—	150	2,800	200	4,000
Kuala Kangsar	—	—	60	1,500	100	2,200
Rawang	—	—	60	1,400	100	2,200
Bentong	—	—	70	900	100	1,300
Temerloh	—	—	130	3,000	160	4,200
Dungun	—	—	40	800	60	1,200
Kuala Pilah	—	—	80	1,400	100	2,200
Segamat	—	—	80	1,700	100	2,500
Kuala Krai	—	—	70	3,000	100	4,200
	13,717	428,157	17,560	574,000	21,620	717,100

(*b*) Sekim Pencen Ilat

Jadual di bawah ini menunjukkan Jadual Perlindungan bagi majikan-majikan dan pekerja-pekerja bagi seluruh Semenanjung Malaysia. Perlindungan adalah terhad kepada kawasan-kawasan dan pusat-pusat yang sama seperti dalam Sekim Insuran Bencana Pekerjaan.

Yang Sebenar Tahun 1973		Anggaran Tahun 1974		Anggaran Tahun 1975	
Majikan	Pekerja	Majikan	Pekerja	Majikan	Pekerja
—	—	15,264	524,700	21,620	681,245

Projeksi Kewangan

A. *Sekim Insuran Bencana Pekerjaan—*

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Caruman	$7,547,755.87	$12,000,000	$14,000,000
Bayaran di bawah Sekim ini sebagai % Caruman-caruman ..	8.6%	10%	15%

B. *Sekim Pencen Ilat—*

Caruman	—	$5,450,000	$6,800,000
Bayaran	Pencen boleh dibayar hanya selepas 36 bulan dari pelancaran. Bayaran-bayaran lain boleh dielakkan.		

(vi) *Pendaftaran Kesatuan Sekerja*

Tujuan-tujuan

Mengatur perhubungan di antara para majikan dan pekerja melalui Kesatuan Sekerja masing-masing dan menentukan bahawa kesatuan-kesatuan tersebut berfungsi sesuai dengan undang-undang dan mengikut peraturan-peraturan mereka masing-masing. Juga membantu para pekerja mengadakan kesatuan bagi menjaga gaji, faedah-faedah dan syarat-syarat pekerjaan yang sepatutnya.

Aktiviti-aktiviti

(1) Pendaftaran Kesatuan Sekerja.
(2) Pemeriksaan-pemeriksaan.

Tumpuan utama dari aktiviti-aktiviti dalam tahun 1975 adalah membanyakkan lagi khidmat nasihat dan panduan dan mengawasi kegiatan-kegiatan Kesatuan Sekerja bagi menjamin fahaman-fahaman Kesatuan Sekerja yang bertanggungjawab dan oportunis dan anasir-anasir subversif akan dapat dihalang.

(vii) *Lembaga Latihan Perindustrian dan Persijilan Ketukangan Kebangsaan*

Tujuan-tujuan

Mengatur piawaian-piawaian dan kelayakan-kelayakan kemahiran perusahaan dengan cara ujian-ujian, peperiksaan-peperiksaan, sukatan-sukatan pelajaran dan perjanjian yang sama.

Lembaga ini menjalankan rancangan-rancangan berikut:

(*a*) *Ujian-ujian Piawaian Ketukangan dan Persijilan*

Adalah dijangka bahawa di samping 24 piawaian-piawaian ketukangan di dalam perusahaan mekanik, eletrik, bangunan, pencetakan dan perusahaan kain yang akan dibentuk pada akhir tahun 1974, kemajuan-kemajuan akan juga dapat dicapai di dalam mengumpulkan simpanan soalan-soalan; memperluaskan ujian persijilan ketukangan di berbagai ketukangan yang diluluskan; mencetak panduan-panduan mengenai ketukangan-ketukangan yang diluluskan dan mengulangkaji dua tahun sekali mengenai piawaian ketukangan kenderaan bermotor.

(*b*) *Bahagian Sukatan Pelajaran dan Piawaian Latihan*

Di bawah arahan bahagian ini, dan kerjasama yang aktif dari badan-badan latihan kebangsaan yang berkaitan, baik dari pihak Kerajaan ataupun pihak swasta, sukatan peperiksaan di peringkat atas bagi 21 jenis ketukangan-ketukangan yang mana piawaian-piawaian telahpun dibentuk oleh Lembaga Latihan Perindustrian dan Persijilan Ketukangan Kebangsaan telahpun disediakan. 14 dari piawaian-piawaian itu telah pun diluluskan oleh Lembaga dan diisytiharkan dan yang bakinya adalah sedang di dalam persediaan.

Penyediaan sukatan peperiksaan bagi peringkat pertengahan yang diperlu pada tahun 1975 yang mana 9 darinya sudahpun diluluskan akan disiapkan pada akhir tahun 1974. Keutamaan adalah diberi kepada keperluan asas yang telah diketahui. Pada masa yang sama deraf permulaan sukatan peperiksaan bagi 8 peringkat tinggi adalah juga di dalam pertimbangan.

HASIL

(*a*) Yuran yang dikutipkan bagi ujian percubaan bagi tahun 1973	$ 9,706,000
(*b*) Hasil yang dianggarkan bagi tahun 1974	30,000,000
(*c*) Hasil yang dianggarkan bagi tahun 1975	623,560,000

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	8,284,644	10,003,583	11,209,540
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	569,708	355,592	802,540
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..	158,513	198,625	204,490
	Jumlah Gaji ..	9,012,865	10,557,800	12,216,570
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	607,831	666,500	785,640
2200	Pengangkutan Barang-barang ..	29,991	33,250	35,550
2300	Kemudahan Perhubungan ..	154,944	178,510	187,900
2400	Api, Air dan Letrik dll.	111,692	136,910	144,300
2500	Sewa	311,422	381,640	546,140
2600	Perkhidmatan Pencetakan.. ..	96,405	84,100	90,700
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	315,354	366,600	724,100
2800	Perkhidmatan Pelbagai	208,738	295,050	449,800
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	263,928	179,700	107,400
3300	Pembinaan	25,751	2,500	2,500
4100	Pemberian, Subsidi dan Carum-carum	182,858	296,000	291,000
	Jumlah ..	11,321,779	13,178,560	15,581,600

Ringkasan Perjawatan

	Yang Sebenar		Peruntukan		Anggaran	
	Bilangan	Tahun 1973	Bilangan	Tahun 1974	Bilangan	Tahun 1975
		$		$		$
(i) Pentadbiran Awam	94	543,423	70	700,000	68	620,000
(ii) Buruh dan Perhubungan Perusahaan	669	4,390,200	753	4,850,000	761	5,526,300
(iii) Keselamatan Pekerjaan ..	107	549,639	112	700,000	113	719,000
(iv) Kemajuan Daya Tenaga Rakyat	463	1,976,837	484	2,452,338	469	2,579,340
(v) Pentadbiran Keselamatan Sosial	348	1,070,378	378	1,300,000	378	1,784,600
(vi) Pendaftaran Kesatuan Sekerja	36	284,120	41	363,262	41	388,430
(vii) Badan-badan Berkanun ..	13	198,268	17	192,200	17	203,800
(viii) Lembaga Latihan Perindustrian dan Persijilan Ketukangan Kebangsaan ..	—	—	23	—	41	395,100
Jumlah ..	1,730	9,012,865	1,878	10,557,800	1,878	12,216,570

3. Anggaran Pembangunan

Pecahan-Kepala	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
1. Pejabat-pejabat Buruh	96,790	320,010	210,000
2. Latihan Perusahaan	95,218	18,000	1,050,000
3. Bangunan Lembaga Buruh Pelabuhan	100,000	—	—
4. Pusat Latihan Perusahaan, Prai ..	476,039	150,000	432,317
5. Pusat Latihan Mengajar Perusahaan dan Perdagangan, R.K.B.B.	16,320	12,100	75,000
6. Rancangan Latihan Kebangsaan Bahagian Bangunan	—	10	10
7. Pusat Latihan Perusahaan, Trengganu	—	—	10
11. Singgah/Pusat Penerima Sabah ..	2,950	—	—
12. Pusat Latihan Perusahaan, Sabah ..	—	—	10
Jumlah ..	787,317	500,120	1,767,347

4. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Belanja Mengurus—			
Semenanjung Malaysia	10,390,360	11,982,678	14,162,288
Sarawak	409,839	573,490	699,596
Sabah	521,580	622,392	719,716
Belanja Pembangunan—			
Semenanjung Malaysia	784,366	500,120	1,767,337
Sarawak	—	—	—
Sabah	2,950	—	10
Jumlah Besar ..	12,109,095	13,678,680	17,348,947

Kepala Bekalan 47 ...	**...**	**$ 5,215,000**
Kepala Pembangunan 47	**...**	**49,955,578**
Jumlah	**...**	**$55,170,578**

		Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975	**...**	**$5,215,000**	**$49,955,578**	**$55,170,578**
Peruntukan 1974	**...**	**4,787,300**	**14,483,080**	**19,270,380**
Perubahan	**...**	**+ $ 427,700**	**+ $35,472,498**	**+ $35,900,198**

1. Tujuan-tujuan

(*a*) Memaju, menyelaras dan menjalankan penyelidikan sains dan perusahaan;

(*b*) Memaju, mengembang dan mengisytiharkan Piawaian-piawaian Kebangsaan bagi barang-barang perdangangan serta menetapkan piawaian-piawaian bagi hasil perusahaan dengan tujuan supaya barang-barang buatan tempatan dan yang diimpot bermutu tinggi;

(*c*) Memberi kemudahan-kemudahan tenaga yang perlu melalui Lembaga Letrik Negara untuk pembangunan negara khususnya melalui Rancangan Bekalan Letrik Luarbandar;

(*d*) Menyelaraskan penyelidikan penggunaan tenaga nuklear; dan

(*e*) Untuk menjalankan penyelidikan sains makanan dan teknoloji.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran Am	146,729	455,300	460,700
(ii) Institiut Penyelidikan Sains dan Perusahaan Negara	746,486	909,000	1,074,100
(iii) Pusat Piawaian Malaysia	1,324,700	2,048,000	2,064,200
(iv) Kajiteknik Makanan	1,256,758	1,375,000	1,616,000
Jumlah ..	3,474,673	4,787,300	5,215,000

Prestasi

(i) *Pentadbiran Am*

Dengan penyusunan semula Kabinet dan pemindahan tugas-tugas Menteri pada bulan September 1974 Kementerian Teknoloji, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru telah bertukar dan digantikan dengan Kementerian Tenaga, Teknoloji dan Penyelidikan.

Ajensi-ajensi yang diletakkan di bawah Kementerian ini ialah Lembaga Letrik Negara (LLN), Institiut Penyelidikan Sains dan Perusahaan Negara (NISIR), Pusat Piawaian Malaysia (SIM).

Kementerian ini adalah bertanggungjawab pada keseluruhannya untuk segala urusan-urusan mengenai Jabatan Kimia dan segala projek-projek pembangunan berkenaan dengan LLN, NISIR, SIM dan juga menyelaraskan penyelidikan dan penggunaan Tenaga Nuklear. Kementerian ini adalah dikehendaki menjalankan segala kerja-kerja pentadbiran berkenaan dengan dasar-dasar yang berkaitan. Sebagai pusat pentadbiran, Kementerian ini di samping mengawal perbelanjaan sendiri juga bertanggungjawab bagi mengawal perbelanjaan, menguruskan hal-ehwal kakitangan serta menyelaraskan aktiviti-aktiviti segala Ajensi-ajensi yang bertanggungjawab melaksanakan segala dasar-dasar mengenai rancangan-rancangan pembangunan LLN, NISIR, SIM dan Kimia. Dengan tujuan ini Kementerian ini dikehendaki menyedia dan menguruskan Kertas-kertas Kabinet, pindaan-pindaan kepada Undang-undang yang berkaitan dan mengawasi perkara-perkara kewangan untuk ajensi-ajensi dan Jabatan di bawah Kementerian ini.

(ii) *Institiut Penyelidikan Sains dan Perusahaan Negara*

Ringkasan bagi Ajensi ini diberi berasingan dalam buku ini.

(iii) *Pusat Piawaian Malaysia*

Ringkasan bagi Ajensi ini diberi berasingan dalam buku ini.

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	887,650	995,000	1,258,500
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	55,329	78,600	136,000
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..	35,390	48,000	51,100
	Jumlah Gaji ..	978,369	1,121,600	1,445,600
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	39,073	65,000	79,500
2200	Pengangkutan Barang-barang ..	2,783	5,500	5,500
2300	Kemudahan Perhubungan ..	17,292	33,200	44,000
2400	Api, Air dan Letrik dll.	50,853	62,400	76,000
2500	Sewa	58,099	170,000	84,000
2600	Perkhidmatan Pencetakan.. ..	9,129	13,000	15,000
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	114,124	187,200	211,400
2800	Perkhidmatan Pelbagai	53,849	90,400	96,000
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	79,916	82,000	19,700
4100	Pemberian, Subsidi dan Carum-carum	2,071,186	2,957,000	3,138,300
	Jumlah ..	3,474,673	4,787,300	5,215,000

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974	Bilangan	Anggaran Tahun 1975
		$		$		$
(i) Pentadbiran Am	23	47,250	24	236,600	26	271,600
(iv) Kajiteknik Makanan ..	252	931,119	254	885,000	267	1,174,000
Jumlah ..	275	978,369	278	1,121,600	293	1,445,600

3. Anggaran Pembangunan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Tenaga—			
(*a*) Semenanjung Malaysia ..	12,675,849	12,540,060	40,730,288
(*b*) Sabah	132,000	300,010	3,000,010
(*c*) Sarawak..	4,415,641	133,010	2,967,280
(ii) Institiut Penyelidikan Sains dan Perusahaan Negara	430,049	150,000	440,000
(iii) Pusat Piawaian Malaysia	374,618	600,000	1,930,000
(iv) Kajiteknik Makanan	153,203	760,000	888,000
Jumlah ..	18,181,360	14,483,080	49,955,578

4. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Belanja Mengurus	3,474,673	4,787,300	5,215,000
Belanja Pembangunan	18,181,360	14,483,080	49,955,578
Jumlah Besar ..	21,656,033	19,270,380	55,170,578

INSTITIUT PENYELIDIKAN SAINS DAN PERUSAHAAN NEGARA

Kepala Bekalan 47		**$1,074,100**
[Pecahan-kepala 4100 (2)]		
Kepala Pembangunan 47 ...		**440,000**
(Pecahan-kepala 2)		
Jumlah ...		**$1,514,100**

	Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975 ...	**$1,074,100**	**$440,000**	**$1,514,100**
Peruntukan 1974 ...	**909,000**	**150,000**	**1,059,000**
Perubahan ...	**+ $ 165,100**	**+ $290,000**	**+ $ 455,100**

1. Tujuan-tujuan

Tujuan Institiut Penyelidikan Sains dan Perusahaan Negara adalah bagi memajukan dan menjalankan penyelidikan sains dan penyelidikan perusahaan. Bagi maksud ini Institiut boleh:

(*a*) Menjalankan ujian-ujian, penyiasatan-penyiasatan dan penyelidikan-penyelidikan dengan apa cara yang difikirkan baik oleh Institiut dengan tujuan untuk memperbaiki proses dan cara cara teknik yang digunakan dalam perusahaan dan mendapatkan proses dan cara-cara yang boleh memajukan perkembangan perusahaan-perusahaan yang sedia ada atau yang boleh menambah kemajuan perusahaan-perusahaan baharu atau penggunaan yang lebih baik akan hampasan-hampasan keluaran;

(*b*) Memberikan nasihat atas soal-soal jenis sains, teknoloji atau tekno-ekonomi mengenai penggunaan hasil bumi dan kemajuan enterprais-enterprais pengeluaran dan perkhidmatan-perkhidmatan yang berkaitan;

(*c*) Memajukan latihan bagi pekerja-pekerja penyelidikan dalam bidang sains dan perusahaan;

(*d*) Menjalankan atau bekerjasama dalam penyediaan, penyiaran dan penyibaran maklumat sains dan teknik yang berguna;

(*e*) Bekerjasama dengan jabatan-jabatan Kerajaan, institusi-institusi penyelidikan, yayasan-yayasan tinggi pelajaran, pertubuhan-pertubuhan teknik atau sains dan lain-lain badan untuk memajukan penyelidikan sains dan perusahaan dan latihan bagi penyiasat-penyiasat dalam bidang sains jati dan sains gunaan, pakar-pakar teknik, ahli-ahli pertukangan dan artisan-artisan;

(*f*) Membantu dengan apa-apa cara lain dalam memajukan penyelidikan sains dan perusahaan dan latihan teknik; dan

(*g*) Amnya menjalankan apa-apa jua hal dan perkara yang bersampingan dengan atau berbangkit daripada pelaksanaan tugas-tugasnya.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Perkhidmatan Sokongan	253,442	215,200	320,900
(ii) Penyelidikan dan Khidmat Perunding	493,044	693,800	753,200
Jumlah ..	746,486	909,000	1,074,100

Prestasi

(i) *Perkhidmatan Sokongan*

Mengurus dan mengawal perjalanan Institiut serta menyediakan perkhidmatan, kemudahan dan bekalan bagi menjalankan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan perkhidmatan perunding perusahaan di Institiut.

Penerangan:

A. PENTARBIRAN AM

(1) Bertanggungjawab bagi menyelenggara dan mengurus semua mesyuarat-mesyuarat Majlis NISIR dan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa-jawatankuasa Kerja Majlis.

(2) Mengurus tentang perjawatan, pengambilan, perkhidmatan, pengesahan, latihan-latihan kakitangan dan kemajuan kerja serta kebajikan bagi semua pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Institiut.

(3) Penyelenggaraan pendaftaran pusat dan fail-fail. Penyediaan perkhidmatan, taip menaip, talipon, urusan pembahagian/penghantaran surat-surat, penyelenggaraan bangunan dan keselamatan.

(4) Menyedia Anggaran Belanjawan dan mengurus semua urusan belanjawan serta mengutip hasil-hasil pendapatan Institiut.

(5) Membeli dan mengurus perolehan alat-alat kelengkapan makmal-makmal dan bengkel-bengkel Institiut dan lain-lain barang keperluan Institiut.

B. PERKHIDMATAN PENERANGAN TEKNIK

Dalam tahun 1973 Perkhidmatan Penerangan Teknik telah dapat mengumpulkan bahan-bahan penerangan teknik yang diperolehi daripada badan-badan penyelidikan dan pengajian di Malaysia dan di luar negeri. Perpustakaan NISIR juga telah dapat mengumpul buku-buku teknik, majallah-majallah sains dan senarai ahli-ahli teknik yang terdapat di Malaysia serta penerangan berkenaan dengan mesin-mesin yang sesuai untuk perusahaan di Malaysia. Maklumat-maklumat yang diperolehi telah pun diberikan kepada Perbadanan-perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri-negeri di Malaysia dan juga firma-firma perusahaan.

Dalam tahun 1974 dijangka Perkhidmatan Penerangan Teknik akan dapat memainkan peranan yang lebih banyak dengan bertambahnya bahan-bahan teknik yang dapat disebarkan, terutama sekali kepada perusahaan-perusahaan kecil. Penerangan-penerangan tersebut juga meliputi proses pengeluaran terbaharu, pengurusan pengeluaran dan pengurusan kewangan. Dengan terdapatnya penyebaran bahan-bahan penerangan teknik yang banyak ini menunjukkan keperluan bahan-bahan penerangan teknik yang amat sangat oleh perusahaan-perusahaan di Malaysia.

Dengan bertambahnya bahan-bahan penerangan teknik seperti buku-buku rujukan, majallah-majallah, katalog-katalog dan sebagainya mengenai pelbagai bidang perusahaan beban kerja bagi rancangan ini dalam tahun 1975 akan berlipat ganda. Perbadanan-perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri-negeri dan perusahaan-perusahaan kecil akan merasai hakikat ini.

C. Perikaan Bentuk Perusahaan

Pusat Merika Bentuk Perusahaan di Institiut ini telah merika beberapa bentuk bagi barang-barang yang telah diusahakan. Juga lambang-lambang bagi perusahaan-perusahaan. Dalam tahun 1974 selain daripada merika bentuk-bentuk bagi barang-barang juga untuk perkhidmatan bungkusan, risalah-risalah dan brocur-brocur untuk perusahaan kecil. Dijangkakan di dalam tahun 1975 kemudahan Pusat Rika Bentuk Perusahaan dapat disediakan bagi perkhidmatan-perkhidmatan untuk perusahaan-perusahaan di Malaysia.

PERLAKSANAAN TERCAPAI/DIJANGKA SERTA BEBAN-KERJA DIRAMALKAN

	1973	1974	1975
(*a*) Bilangan mesyuarat Majlis dan Jawatan-kuasa-jawatankuasa kerja yang diuruskan ..	15	20	25
(*b*) Bilangan kakitangan Institiut	99	102	102
(*c*) Bilangan Latihan diuruskan	12	15	20
(*d*) Bilangan permohonan untuk jawatan yang diproses	2,000	3,000	4,000
(*e*) Bilangan pengesahan dalam jawatan yang diproses	55	12	30
(*f*) Bilangan fail-fail yang dibuka	1,500	2,000	3,000
(*g*) Bilangan surat-surat dihantar	4,100	6,000	8,000
(*h*) Bilangan baucer-baucer yang diproses dan disiapkan	1,043	1,500	2,000
(*i*) Bilangan resit-resit mengenai hasil pen-dapatan yang dikeluarkan	693	200	300
(*j*) Bilangan tender/sebutharga-sebutharga bagi pembelian barang-barang yang disiapkan ..	54	20	30
(*k*) Bilangan yang dijalankan oleh Seksi Kerja mengikut projek-projek kerja	153	100	80

PUNGUTAN HASIL

Butiran	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(1) Penjualan Mesin	16,850	20,000	30,000
(2) Perkhidmatan Jururunding	18,993	20,000	35,000
(3) Analisa Kimia	190	500	2,000
(4) Pembaikan Alat Letronik	1,827	2,000	3,000
(5) Bahan Penerbitan	2,778	3,000	3,000
(6) Pelbagai Penerbitan	879	—	—
(7) Pelbagai Bahan	96	—	—
Jumlah ..	41,613	45,500	73,000

(ii) *Penyelidikan dan Khidmat Perunding*

(A) PERKHIDMATAN PERUNDING PERUSAHAAN

Kegiatan NISIR dalam tahun 1974 ditumpukan kepada perkhidmatan Perunding Perusahaan dengan dibantu oleh kemudahan-kemudahan makmal dan bengkel-bengkel. Perkhidmatan Perusahaan ini meliputi kategori-kategori kegiatan berikut: iaitu industrial trouble-shooting, penilaian bahan-bahan mentah, penggunaan mesin-mesin perusahaan dan penentuan proses pengeluaran, ujian dan analisa bahan-bahan mentah dan bahan-bahan pengeluaran, pembaikan mutu pengeluaran dan mutu pengawalan, plan layout dan pengurusan pengeluaran, dan rikaan mesin-mesin dan bahan pengeluaran dan bungkusan dan pengiklanan.

Perkhidmatan Perunding Perusahaan telah banyak ditumpukan kepada perkhidmatan-perkhidmatan kepada Perbadanan-perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah dan juga firma-firma perusahaan dan perusahaan kecil.

Khidmat Perunding berikut telah diberikan dalam tahun 1974:

(1) Kajian mengenai processing monazite dan xenotime contained in tin tailing.

(2) Memajukan/mencipta mesin-mesin untuk perusahaan ubikayu, perusahaan batik dan perusahaan buluh.

(3) Ujian dan analisa contoh tanah liat untuk perusahaan batu bata.

(4) Analisa kimia mengenai cast-iron products dan mechanical testing of steel products.

(5) Memajukan secara teknoloji pengeluaran "rice husk board".

(6) Ujian dan pembaikan alat letronik dan alat-alat letrik.

(7) Technological survey of extracting oil from rubber seeds.

(8) Technological assessment on pilot plant scale of a pulp-making process with recovery of solvent.

(9) Chemical analysis of Chinese medicine for presence of arsenic.

(10) Assessment study to determine the feasibility of converting distillery equipment for pineapple wine and pineapple bran production.

(11) Consultancy on the extraction of lemon grass oil from serai and of other essential oils.

(12) Design of a dyeing machine for a textile factory.

(13) Technical study to determine the causes of failure of a motor shaft.

(14) Technical studies to determine the poor performance of factory plants.

(15) Assessment of a proposal for the establishment of a chilli sauce factory.

(16) Consultancy on the establishment of a quality control laboratory for frozen seafood products.

Di samping itu lawatan-lawatan keseluruh kawasan-kawasan perusahaan di Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah juga dibuat. Oleh kerana NISIR akan menumpukan sepenuh tenaga dan masa untuk Perkhidmatan Perundingan maka Khidmat Perunding Perusahaan dalam tahun 1975 dari segi bilangan anggota yang mengambil bahagian dan juga masa untuknya akan berlipat ganda daripada tahun 1974. Kebanyakan dari kerja-kerja yang diberikan dalam tahun 1974 akan diteruskan dalam tahun 1975. Dengan itu diharapkan kutipan hasil daripada perkhidmatan ini akan bertambah dengan lebih banyak. Perkhidmatan Perunding Perusahaan ini sangatlah penting sekiranya perusahaan-perusahaan di Malaysia hendak maju.

(B) PENYELIDIKAN

Dalam tahun 1973 dan bersambung ke tahun 1974 beberapa projek penyelidikan baru telah diusahakan. Sebahagian daripadanya adalah projek-projek bersama seperti berikut:

(1) Projek-projek Sendirian Institiut

(*a*) Mesin untuk Perusahaan Ubikayu

Dalam bidang perusahaan ubikayu penyelidikan mengenai memproses ubikayu untuk mengeluarkan "pellets" dan "chips" telah diusahakan. Institiut telah berjaya mencipta mesin menyerpih ubikayu yang dapat dijalankan dengan kuasa letrik atau petrol. Mesin-mesin ini telah dijual kepada Perbadanan-perbadanan Ekonomi Negeri Johor, Sarawak, Trengganu, Perak, Selangor dan Sabah serta juga Jabatan-jabatan Pertanian Negeri-negeri. Dengan mengeluarkan mesin-mesin ini dipercayai perusahaan ubikayu di Malaysia akan bertambah maju.

(*b*) Mesin untuk Perusahaan Batik

Beberapa jenis mesin untuk perusahaan batik telahpun dicipta. Mesin-mesin tersebut adalah mesin mengetuk kain batik bagi melembut kain batik yang masih berlilin dan juga mesin membasuh kain batik. Dengan adanya mesin ini dipercayai pengeluaran kain batik akan bertambah cepat dan qualitinya juga akan bertambah.

(*c*) Mesin untuk Perusahaan Buluh

Dalam bidang perusahaan buluh penyelidikan mengenai mesin membelah buluh (bamboo slicing machine) telah diusahakan. Mesin ini gunanya untuk membelah atau "slicing" buluh dan dijalankan dengan menggunakan kuasa letrik/motor. Mesin ini telahpun ditempah oleh pihak Lembaga Kraftangan Malaysia. Dengan adanya mesin ini dipercayai perusahaan buluh di Malaysia akan dapat berkembang.

(*d*) Perusahaan Tanah Liat dan Ceramics

Kajian sedang dibuat berkenaan perusahaan-perusahaan bersangkutan dengan tanah liat di negeri ini. Ini adalah untuk perusahaan mengeluarkan batu bata.

Sebahagian daripada projek-projek tersebut di atas, baik projek-projek untuk perkhidmatan perunding, telahpun selesai, apabila sebahagian daripadanya akan terus diusahakan sehingga tahun 1974. Selain daripada itu penyelidikan-penyelidikan baru bagi tahun 1975 adalah seperti berikut:

(2) Projek-projek di Bidang Kejuruteraan Mekanik

(*a*) Projek penyelidikan bagi mencipta mesin untuk memproses bahan-bahan pertanian.

(*b*) Projek mengenai kegunaan mesin bagi memajukan perusahaan batik.

(*c*) Penyelidikan dalam menggunakan tenaga solar untuk kegunaan bagi mengeringkan hasil-hasil pertanian.

(*d*) Kajian mengenai bidang kejuruteraan dalam perusahaan kayu-kayan.

(*e*) Projek mengenai teknik-teknik pengeluaran bagi perusahaan-perusahaan kerja tangan bagi perusahaan perak dan tembaga, perusahaan mengkuang dan perusahaan songkit.

(3) Projek-projek di Bidang Kimia dan Kimia Teknoloji

(*a*) Projek penyelidikan mengenai ceramic glazes dengan tujuan memajukan mutu glaze dalam perusahaan ceramic dengan menggunakan tanah liat laut sebagai bahan utama.

(*b*) Projek penyelidikan bagi mendapatkan baja dari habuk kayu-kayan.

(*c*) Projek penyelidikan untuk rice husk board from rice husk.

(*d*) Projek penyelidikan mengenai synthesis of Ionones from Lemon Grass Oil (Serai).

(*e*) Projek penyelidikan mengenai Extraction of Caffeine from Tea Waste.

(*f*) Projek penyelidikan mengenai development of cheap cement from rice husk dan lime.

(4) Projek-projek di Bidang Kimia dan Industrial Microbiology

(*a*) Projek penyelidikan mengenai treatment of Industrial Waste by biological means e.g. recovery of wastes and utilization of agricultural by-products by micro-organisms to industrially useful products.

(*b*) Projek penyelidikan mengenai Fermentation processes and technology

(*c*) Projek penyelidikan mengenai chemical/biochemical analysis of foods in respect of microbial contamination.

(5) Projek-projek di Bidang Kejuruteraan Letronik dan letrik

(*a*) Projek penyelidikan bagi mencipta satu alat yang murah bagi mengkaji logam-logam utama bijih timah (induced polarization instrumentation system) jika boleh.

(*b*) Merika alat-alat letronik atau membuat perubahan alat-alat yang asal untuk kegunaan tertentu.

(C) LATIHAN

Kemudahan-kemudahan yang terdapat di makmal-makmal dan bengkel-bengkel NISIR berserta dengan adanya pegawai-pegawai dan kakitangan berkebolehan dapat digunakan untuk memberi latihan kepada bakal pekerja-pekerja mahir yang diperlukan oleh perusahaan-perusahaan dan kilang-kilang. Dengan demikian NISIR selain daripada memberi latihan kepada pekerja-pekerjanya juga turut bekerjasama dengan badan-badan lain bagi memainkan peranan di bidang teknik.

NISIR juga turut mengambil bahagian bersama-sama dengan Pusat Latihan Perusahaan mengenai Rancangan Perantisan Negara. Dalam tahun 1973 dan 1974, 20 Apprentice yang kesemuanya terdiri dari belia-belia bumiputra telah diterima menjalani latihan praktikal. Latihan teori telah diberi oleh Pusat Latihan Perusahaan. Setelah daripada menjalani latihan selama empat tahun mereka yang berjaya akan diberi Sijil Kemahiran (Proficiency Certificate) oleh Lembaga Latihan Perusahaan dan Persijilan Ketukangan Kebangsaan, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, Rancangan latihan ini akan diteruskan hingga tahun 1975 dan ini akan menjumlahkan 30 orang Pelatih Bumiputra.

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	480,719	679,500	725,000
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	5,250	—	30,100
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..	50,430	66,500	73,000
	Jumlah Gaji ..	536,399	746,000	828,100
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	15,524	10,000	11,000
2200	Pengangkutan Barang-barang ..	9,226	4,000	7,000
2300	Kemudahan Perhubungan ..	10,519	15,000	15,000
2400	Api, Air dan Letrik dll.	21,296	23,000	22,000
2500	Sewa	10,238	29,500	29,500
2600	Perkhidmatan Pencetakan ..	11,190	5,000	8,000
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	70,112	30,000	55,000
2800	Perkhidmatan Pelbagai	48,904	35,000	82,000
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	7,605	5,000	3,000
4100	Pemberian, Subsidi dan Carum-carum	1,061	1,500	6,000
4200	Tuntutan Insuran dan Pampasan..	4,412	5,000	7,500
	Jumlah ..	746,486	909,000	1,074,100

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974	Bilangan	Anggaran Tahun 1975
		$		$		$
(i) Perkhidmatan Sokongan..	25	141,038	44	177,700	44	210,900
(ii) Penyelidikan dan Khidmat Perunding	74	395,361	58	568,300	58	617,200
Jumlah ..	99	536,399	102	746,000	102	828,100

3. Anggaran Pembangunan

Pecahan-kepala		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
2-	Institiut Penyelidikan Sains dan Perusanaan Negara	$430,174	$150,000	$440,000

B—*Kelengkapan $440,000*

(1) Peruntukan sebanyak $440,000 adalah diperlukan untuk alat-alat makmal bagi makmal-makmal berikut:

(*a*) Makmal Kimia Teknoloji

(*b*) Makmal Cerakinan

(*c*) Makmal Bukan Organan

(*d*) Makmal Organan

(*e*) Makmal Letronik

(*f*) Makmal Tanah Liat

(*g*) Makmal Caliberation

(*h*) Makmal Glass Instrumentation

(*i*) Makmal Rika Bentuk (Design Centre)

dan kelengkapan-kelengkapan bengkel bagi bengkel-bengkel berikut:

(*a*) Bengkel Kejuruteraan Am

(*b*) Metallurgy/Foundry

(*c*) Repairs and Testing

(*d*) Tukang Kayu

4. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Belanja Mengurus	746,486	909,000	1,074,100
Belanja Pembangunan	430,174	150,000	440,000
Jumlah Besar ..	1,176,660	1,059,000	1,514,100

Kepala Bekalan 47		**$2,064,200**
[Pecahan-kepala 4100 (3)]		
Kepala Pembangunan 47 ...		**1,930,000**
(Pecahan-kepala 3)		
Jumlah ...		**$3,994,200**

	Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975 ...	**$2,064,200**	**$1,930,000**	**$3,994,200**
Peruntukan 1974 ...	**2,048,000**	**600,000**	**2,648,000**
Perubahan ...	**+ $ 16,200**	**+ $1,330,000**	**+ $1,346,200**

1. Tujuan-tujuan

Pusat Piawaian Malaysia ialah suatu Pertubuhan Kebangsaan untuk menggalak, mengembang dan menerbitkan Piawaian Kebangsaan di Malaysia. Pertubuhan ini juga ialah sebuah Badan Berkanun yang dibentuk di bawah Akta Piawaian 1966, dengan kerjasama dan dorongan dari pihak Kerajaan dan wakil perusahaan dan perdagangan di Malaysia. Tugas-tugas pokoknya termasuklah:

(*a*) Menggalakkan pemiawaian di kalangan perusahaan dan perdagangan;

(*b*) Menggalak, mengembang, menyedia dan menetapkan Piawaian Kebangsaan berhubung dengan barangan, proses-proses dan awalan;

(*c*) Menggalakkan kecekapan di kalangan perusahaan dan pembangunan;

(*d*) Menggalakkan kesihatan, keselamatan dan kebajikan di kalangan masyarakat awam dan perusahaan;

(*e*) Menggalakkan penyelidikan berkenaan dengan Penentuan Piawaian Kebangsaan, dan memberi kemudahan bagi pemeriksaan dan pengujian atas bahan-bahan pergunaan, proses-proses dan amalan kerjanya dan menubuhkan bilik makmal serta lain-lain kemudahan untuk tujuan ini;

(*f*) Mengadakan peraturan untuk mendaftar dan mengatur pemakaian Tanda Pengesahan Piawaian bagi mengawal mutu; dan

(*g*) Memajukan dan menyelenggarakan himpunan bahan-bahan perpustakaan dan muzium himpunan piawaian mengenai pemiawaian dan perkara-perkara yang berkaitan serta memberi kemudahan rujukan, pinjaman dan memberi perkhidmatan kepada masyarakat awam dalam perkara maklumat-maklumat teknikal.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran Am	196,300	213,200	242,200
(ii) Pemiawaian dan Pembangunan Piawaian	441,600	724,300	755,300
(iii) Tanda Pengesahan, Pengujian dan Pemeriksaan	511,700	785,900	737,900
(iv) Keanggutaan, Akaun dan Jualan ..	27,600	47,400	48,400
(v) Perpustakaan Piawaian	51,600	78,100	78,950
(vi) Penerbitan dan Perhubungan Awam	95,900	199,100	201,450
Jumlah ..	1,324,700	2,048,000	2,064,200

Prestasi

(i) *Pentadbiran Am*

Aktiviti-aktiviti pentadbiran termasuklah perkara-perkara polisi, pentadbiran pejabat, perjawatan, pelantikan, latihan, pendaftaran fail-fail, menyelenggarakan rekod-rekod keahlian beryuran, keselamatan dan undang-undang. Kerja-kerja Pentadbiran dijangka melipat ganda pada tahun 1975 dengan perkembangan aktiviti-aktiviti Pusat ini. Beban-beban kerja tambahan termasuklah menyimpan rekod-rekod sekim keahlian beryuran. Sistem pentadbiran yang ada sekarang akan diperbaiki lagi untuk mencapai kecekapan yang lebih tinggi. Dengan pembenaan bangunan yang baru bahagian ini akan memproses banyak lagi pembelian-pembelian khususnya untuk melengkapkan makmal yang baru.

(ii) *Pemiawaian dan Pembangunan Piawaian*

Tugas-tugas utama bahagian ini ialah:

(*a*) Mengembangkan piawaian-piawaian di atas barangan, amalan dan proses-proses untuk kegunaan tempatan dan ekspot.

(*b*) Berhubung dengan ISO dan lain badan antara bangsa mengenai pembangunan piawaian.

(*c*) Memberi perkhidmatan kepada Jawatankuasa-jawatankuasa kecil Kerajaan mengenai "metrication".

Bahagian ini akan memainkan peranan yang lebih giat lagi dalam pembangunan piawaian terutama sekali yang berkaitan dengan barangan dan hasil-hasil yang "export-oriented". Kerja-kerja bahagian ini akan dipergiatkan lagi bagi menemui keperluan Malaysia yang kian meningkat untuk piawaian-piawaian.

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
1. Bilangan Jawatankuasa Teknik dibentuk	149	160	160
2. Bilangan Jawatankuasa Teknik dalam pergerakan	114	120	160
3. Bilangan Deraf Piawaian dalam persediaan/Ulasan Umum pada 31hb Disember	308	310	500

(iii) *Tanda Pengesahan, Pengujian dan Pemeriksaan*

Bahagian ini menguruskan Sekim Tanda Pengesahan dan mengeluarkan lesen bagi kegunaan Tanda Piawaian. Banyak lagi pengujian-pengujian akan dijalankan atas permintaan pekilang-pekilang sejajar dengan rancangan Kerajaan supaya bermetrik. Bahagian ini merancang untuk menyiapkan yunit asas penyukatan diakhir tahun 1975. Pusat ini akan dapat menentukar (calibrate) dan mengesahkan yunit asas timbang dan sukat bagi pekilang-pekilang, badan-badan penyelidikan dan organisasi Kerajaan. Pembinaan makmal-makmal pengujian yang baru di Shah Alam akan dijangka disiap pada akhir tahun 1975.

(iv) *Keanggutaan, Akaun dan Jualan*

Bahagian ini bertanggungjawab bagi menyimpankan rekod-rekod akaun dan kewangan serta lain-lain rekod yang berkaitan. Bahagian ini adalah juga ejen jualan bagi piawaian seberang laut selain daripada menguruskan jualan piawaian Malaysia. Rekod-rekod yuran yang lengkap disimpan untuk memastikan bahawa ada persamaan di dalam menentukan kos pengujian.

PELAKSANAAN DAN BEBAN-KERJA

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
1. Bilangan Piawaian Malaysia yang dijual	1,254	1,700	2,500
2. Bilangan Piawaian Luar Negeri yang dijual	2,255	2,500	3,000
HASIL	$	$	$
1. Jualan Piawaian..	15,413	18,000	22,000
2. Sekim Tanda Pengesahan	239,264	350,000	450,000
3. Yuran Ahli Beryuran	12,000	15,000	17,000

(v) *Perpustakaan Piawaian*

Perpustakaan menyimpan himpunan-himpunan piawaian-piawaian dari 55 pertubuhan yang menjadi ahli International Standards Organisation. Adalah dijangka bahawa 16,000 piawaian akan diterima di mana akan menambahkan lagi jumlahnya pada penghujung tahun 1975. Pertambahan bahagian ini adalah seperti di jadual yang berikut. Penyediaan daftar abjad untuk piawaian, daftar abjad pilihan untuk bahan-bahan majallah yang bersangkutan dengan pemiawaian serta penyusunan senarai perolehan perpustakaan dan bibliografi tetap akan diteruskan, pindaan-pindaan kepada dokumen-dokumen piawaian juga akan diselenggarakan. Perpustakaan akan terus berusaha menyediakan kemudahan-kemudahan rujukan dan keterangan-keterangan teknikal untuk pegawai-pegawai PPM, ahli-ahli Jawatankuasa Teknik dan ahli-ahli Sekim Keanggutaan Beryuran PPM.

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
1. Bilangan Piawaian yang didaftarkan ..	9,007	15,000	16,000
2. Bilangan Draf Piawaian baru yang ditambah ke dalam setok	1,228	1,605	1,700
3. Bilangan buku-buku baru yang di-daftarkan	538	700	800
4. Bilangan Majallah-majallah (tajuk) baru yang ditambah ke dalam setok ..	27	20	15
5. Bilangan Kepingan pindaan seberang laut yang diterima	746	1,300	1,300

		Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
6.	Bilangan Penerbitan-penerbitan yang dipinjamkan	4,211	6,400	8,600
7.	Bilangan Penerbitan yang dirujuk di Perpustakaan	1,448	1,600	1,800
8.	Pertanyaan-pertanyaan yang diterima dari orang ramai	197	250	300
9.	Senarai bibliografi dan dokumen yang disediakan	24	30	40

(vi) *Penerbitan dan Perhubungan Awam*

Bahagian ini memberi perkhidmatan penerbitan percetakan dan publisiti kepada Pusat. Rancangan publisiti termasuklah mengambil bahagian dalam pertunjukan perdagangan seminar, ceramah. Di samping Berita PPM, Buku Tahunan PPM dan risalah-risalah seranta, penerbitan-penerbitan baru akan dicetak termasuk risalah yang memberi maklumat-maklumat ke atas barang-barang berhubung dengan pemiawaian. Satu persidangan antarabangsa ISO/TC 45—Rubber and Rubber Products Conference dijadualkan diadakan pada bulan Oktober 1975.

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	631,800	1,025,800	1,025,800
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	203,600	308,500	317,200
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..	71,400	115,400	116,900
	Jumlah Gaji ..	906,800	1,449,700	1,459,900
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	32,900	63,600	58,500
2200	Pengangkutan Barang-barang ..	—	3,200	1,700
2300	Kemudahan Perhubungan ..	15,700	13,100	20,250
2400	Api, Air dan Letrik dll.	14,700	14,700	18,300
2500	Sewa	179,000	173,000	234,300
2600	Perkhidmatan Pencetakan.. ..	19,300	8,000	7,500
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	54,300	70,200	101,300
2800	Perkhidmatan Pelbagai	47,800	50,800	42,550
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	24,300	65,700	26,900
4100	Pemberian, Subsidi dan Carum-carum	26,100	60,000	55,000
5500	Pelbagai	3,800	76,000	38,000
	Jumlah ..	1,324,700	2,048,000	2,064,200

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974	Bilangan	Anggaran Tahun 1975
		$		$		$
(i) Pentadbiran Am	19	110,100	20	136,900	20	147,100
(ii) Pemiawaian dan Pembangunan Piawaian ..	39	304,000	40	537,300	40	537,300
(iii) Tanda Pengesahan, Pengujian dan Pemeriksaan ..	77	409,600	78	603,800	78	603,800
(iv) Keanggutaan, Akaun dan Jualan	5	20,000	6	38,700	6	38,700
(v) Perpustakaan Piawaian ..	6	18,500	6	36,500	6	36,500
(vi) Penerbitan dan Perhubungan Awam	9	44,600	15	96,500	15	96,500
Jumlah ..	155	906,800	165	1,449,700	165	1,459,900

3. Anggaran Pembangunan

Pecahan-kepala 3	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Pusat Piawaian Malaysia—			
Pembinaan dan Pengambilan Tanah ..	244,767	—	1,600,000
Kelengkapan	129,851	600,000	330,000
Jumlah ..	374,618	600,000	1,930,000

Peruntukan tambahan berjumlah $700,000 telah diluluskan bagi Anggaran Pembangunan yang sekarang membawa kepada jumlah peruntukan $6.1 juta. Kerja-kerja pembinaan telah pun dimulakan pada awal tahun 1974 dan dijangka siap pada suku tahun ketiga, 1975. Projek ini mengandungi 4 buah makmal pengujian dan sebuah bangunan sekretariat.

4. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Belanja Mengurus	1,324,700	2,048,000	2,064,200
Belanja Pembangunan	374,618	600,000	1,930,000
Jumlah Besar ..	1,699,318	2,648,000	3,994,200

Kepala Bekalan 48	**$2,589,500**
Kepala Pembangunan 48 ...	**219,000**
Jumlah ...	**$2,808,500**

	Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975 ...	**$2,589,500**	**$219,000**	**$2,808,500**
Peruntukan 1974 ...	**2,160,000**	**430,000**	**2,590,000**
Perubahan ...	**+ $ 429,500**	**— $211,000**	**+ $ 218,500**

1. Tujuan-tujuan

Jabatan Kimia membantu semua Jabatan-jabatan Kerajaan, Majlis Perbandaran, Badan-badan Berkanun, dll., yang memerlukan khidmat pencerakinan, siasatan dan nasihat. Kementerian-kementerian Kesihatan dan Pertahanan, Polis Diraja Malaysia, Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Kerja Raya, Perbendaharaan, Biro Siasatan Negara, dll., adalah antara yang menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan ini.

Khidmat-khidmat pencerakinan yang diberikan oleh Jabatan ini dikehendaki di bawah berbagai Undang-undang seperti Kanun Acara Jenayah, Ordinan Racun (Nateriam Arsenita), 1949, Ordinan Petroliam, 1949, Ordinan Racun, 1952, Ordinan Dadah Berbahaya, 1952, Ordinan Jualan Makanan dan Dadah, 1952, Ordinan Kejenteraan, 1953, Ordinan Bahan Letupan, 1957, Perintah Perundangan Bilangan 2 bertarikh 10hb Januari, 1957 Bab X, Ordinan Senjata-senjata Salah "Offensive" dan Barang-barang Bahan Letupan dan Kakisan, 1958, Akta Senjata-senjata, 1960, Akta Eksais, 1961 dan Akta Kastam, 1967.

Perkhidmatan-perkhidmatan Jabatan adalah memberi sumbangan kepada kemajuan ekonomi dan kesejahteraan negara dalam bentuk-bentuk berikut:

(*a*) Menjaga kesihatan penduduk-penduduk dengan cara memeriksa bekalan-bekalan air negara supaya tidak mengandungi kuman-kuman penyakit berbiak; menentukan bahawa bahan-bahan makanan yang dijual tidak dicemar dan sebenarnya mengikut piawaian-piawaian yang ditentukan dalam Peraturan-peraturan Jualan Makanan dan Dadah; dan menjalankan siasatan atas masaalah kecemaran udara dan air;

(*b*) Membaiki keselamatan masyarakat negara dengan cara membantu badan-badan penguatkuasa undang-undang dalam penyiasatan-penyiasatan mereka. Perkhidmatan ini mustahak sekiranya negeri ini hendak mengalami pembangunan ekonomi yang pesat. Permintaan bagi perkhidmatan ini telah bertambah dengan tugas-tugas khas dihalakan kepada penyiasatan setempat (on the spot investigation);

(*c*) Jabatan ini juga memberi nasihat bernilai kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia di atas pengkelasan tarif yang demikian menentukan pemungutan cukai dan pembayaran potongan cukai barang-barang impot dan ekspot yang betul apabila perlu. Keria sedemikian semakin bertambah bukan sahaja bilangannya tetapi juga jenis-jenis dan kerumitannya;

(*d*) Membantu Bahagian Pengurusan Kontrek dan Bekalan Perbendaharaan dan Kementerian Pertahanan dalam urusan pembelian dengan cara menyemak bahawa semua barang-barang yang dibekalkan adalah memenuhi kehendak contoh yang ditentukan. Kerja-kerja ini memberi dua kesan yang menguntungkan: (1) Jabatan-jabatan Kerajaan mendapat bekalan barang-barang yang bermutu dengan sewajarnya dan (2) taraf barang-barang buatan tempatan dapat dibaiki apabila ditunjukkan kerendahan mutu keluaran-keluaran mereka;

(*e*) Jabatan ini memberi perkhidmatan bantuan analisa kepada Pusat Biro Narkotik yang baru ditubuhkan; dan

(*f*) Suatu aspek baru mengenai kerja-kerja yang mendapat perhatian di Malaysia ialah kecemaran alam. Jabatan Kimia akan memberi perkhidmatan dari segi analisa kepada Pertubuhan-pertubuhan Penguatkuasa Undang-undang yang mana mempunyai kuasa untuk mengawal kecemaran yang berkenaan.

Daripada beberapa contoh-contoh di atas, bolehlah dilihat dengan senang bahawa Jabatan Kimia menjalankan perkhidmatan yang penting kepada pembangunan ekonomi dan kemakmuran negara. Berkaitan dengan perkara ini, bolehlah dikatakan bahawa Jabatan Kimia adalah salah sebuah "Public Utility Service Departments" di bawah "Industrial Relations Act No. 35 of 1967".

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran Am	475,214	512,000	626,500
(ii) Cerakinan	1,220,792	1,648,000	1,963,000
Jumlah ..	1,696,006	2,160,000	2,589,500

Prestasi

Data Hasil-kerja dan Beban-kerja

Yunit ukuran bagi Aktiviti Cerakinan ialah satu "contoh" (ditakrifkan sebagai benda atau alat yang telah dicerakinkan), sementara yunit ukuran bagi Aktiviti Pentadbiran Am ialah satu "lapuran".

Perihal beban-kerja bagi kedua-kedua Aktiviti tersebut adalah seperti berikut:

	1973	1974	1975
(i) *Pentadbiran Am*—			
(*a*) Bilangan lapuran dikeluarkan	39,968	41,500	43,500
(*b*) Bilangan perkara didaftarkan	39,968	41,500	43,500
(*c*) Yunit Kos	$11.86	$12.34	$14.40
(ii) *Cerakinan*—			
(*a*) Bilangan contoh dicerakinkan	132,656	137,000	142,000
(*b*) Bilangan lawatan-lawatan luar	564	600	650
(*c*) Yunit Kos	$9.23	$12.03	$13.82

Permintaan-permintaan bagi perkhidmatan Jabatan ini dari Jabatan-jabatan lain kerapkali dibuat dalam masa yang terlalu sengkat yang demikian adalah tidak mungkin untuk meramalkan dengan tepat keperluan perkhidmatan-perkhidmatan berdasarkan rancangan-rancangan Jabatan-jabatan lain. Kerja mengkaji masaalah kecemaran akan diperhebatkan dengan tertubuhnya satu bahagian khas untuk kerja ini.

Makmal-makmal Jabatan yang ada sekarang ini terletak di Petaling Jaya, Pulau Pinang, Kuala Trengganu, Johor Bahru, Ipoh dan Kuching. Sebuah makmal lagi di Sabah akan disiapkan dan dijangka mula dibina sebelum akhir tahun 1974.

Hasil

Kesemua pendapatan yang diperolehi oleh Jabatan ini dalam bentuk bayaran cerakinan dimasukkan ke dalam hasil negara. Hasil yang diperolehi adalah didapati dari cerakinan contoh, contoh air, bahan letupan, keluaran-keluaran minyak petrol dan berbagai-bagai lagi dan anggaran hasil adalah seperti berikut:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Semenanjung Malaysia	262,500	290,000	320,000
Sarawak dan Sabah	15,200	15,500	16,000
Jumlah ..	277,700	305,500	336,000

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	1,243,394	1,520,100	1,763,900
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	83,650	71,300	138,600
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..	16,998	26,600	30,000
	Jumlah Gaji ..	1,344,042	1,618,000	1,932,500
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	34,017	40,000	50,000
2200	Pengangkutan Barang-barang ..	15,670	21,000	24,000
2300	Kemudahan Perhubungan ..	13,121	23,000	25,000
2400	Api, Air dan Letrik dll.	73,766	100,000	100,000
2600	Perkhidmatan Pencetakan.. ..	436	3,000	3,000
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	98,093	194,000	250,000
2800	Perkhidmatan Pelbagai	28,109	45,000	45,000
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	88,752	116,000	160,000
	Jumlah ..	1,696,006	2,160,000	2,589,500

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974	Bilangan	Anggaran Tahun 1975
		$		$		$
(i) Pentadbiran Am	82	415,042	84	463,000	95	563,500
(ii) Cerakinan	198	929,000	214	1,155,000	232	1,369,000
Jumlah ..	280	1,344,042	298	1,618,000	327	1,932,500

3. Anggaran Pembangunan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Makmal-makmal Cawangan—			
(i) Tambahan kepada Makmal Petaling Jaya	269,788	—	—
(ii) Ipoh	89,850	280,000	69,000
(iii) Sabah	—	150,000	150,000
Jumlah ..	359,638	430,000	219,000

Kemajuan Kerja-kerja Pembinaan

Makmal Cawangan, Ipoh

Pembinaan bangunan tersebut dijangka siap dan akan memulakan kerja-kerja pada akhir tahun 1974.

Makmal Cawangan—Kota Kinabalu

Tanah bagi makmal tersebut telah pun disediakan dan pembinaan bangunan akan dimulakan sebelum akhir tahun 1974 dan dijangka siap pada permulaan tahun 1975.

4. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Belanja Mengurus—			
Semenanjung Malaysia	1,515,123	1,930,600	2,314,200
Sarawak	180,883	229,400	275,300
Belanja Pembangunan—			
Semenanjung Malaysia	359,638	280,000	69,000
Sabah	—	150,000	150,000
Jumlah Besar ..	2,055,644	2,590,000	2,808,500

Kepala Bekalan 49	... ...	**$ 951,000**
Kepala Pembangunan 49	...	**18,442,093**
Jumlah	...	**$19,393,093**

	Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975 ...	**$951,000**	**$18,442,093**	**$19,393,093**
Peruntukan 1974 ...	**680,800**	**5,170,010**	**5,850,810**
Perubahan ...	+ **$270,200**	+ **$13,272,083**	+ **$13,542,283**

1. Tujuan-tujuan

(*a*) Untuk melengkapkan kawasan-kawasan bandar dan Majlis Tempatan dengan kemudahan-kemudahan melalui kerja-kerja pembangunan yang kecil supaya keadaan di kawasan-kawasan ini dapat diperbaiki;

(*b*) Untuk mencapai keseragaman dasar dan keselarasan Undang-undang yang berkaitan dengan Kerajaan Tempatan untuk perkembangan dan kemajuan penguasa-penguasa tempatan;

(*c*) Untuk melaksanakan Akta Kualiti Alam Sekitar, 1973;

(*d*) Untuk bertanggungjawab bagi Perancangan Alam Sekitar;

(*e*) Untuk membaiki mutu pencegahan kebakaran;

(*f*) Untuk menyimpan, mengurus dan memelihara arkib dan rekod-rekod negara (Kerajaan), rekod-rekod orang persendirian dan perniagaan yang mempunyai nilai-nilai sejarah yang kekal. Menyediakan kemudahan-kemudahan penyelidikan bagi pegawai-pegawai Kerajaan dan orang awam dan membantu serta menasihatkan Jabatan-jabatan Kerajaan tentang cara-cara pengurusan rekod yang sistematik dan ekonomik;

(*g*) Untuk mengurus, memaju dan mengadakan satu kumpulan bahan-bahan rujuk yang lengkap mengenai Malaysia dan masyarakatnya serta bahan-bahan lain yang sesuai dengan kehendak-kehendak negara; menerima semua bahan-bahan yang diterbitkan di Malaysia dan menyusun serta menerbitkan bibliografi negara; juga mengadakan perkhidmatan perpustakaan;

(*h*) Untuk menubuh dan melatih anggota-anggota sukarela bagi keperluan masa aman dan perang supaya mengurangkan kerosakan hartabenda dan nyawa akibat bencana alam dan serangan musuh; dan

(*i*) Untuk mengarah dasar perancangan melalui nasihat dan bantuan teknik kepada Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Badan-badan Separa Kerajaan; dan menyelaras dan membantu projek-projek dalam bidang perancangan bandar dan kegunaan tanah.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran Am	305,859	445,500	454,000
(ii) Perkhidmatan kepada Kerajaan Tempatan	106,803	125,000	332,500
(iii) Alam Sekitar	—	110,300	164,500
Jumlah ..	412,662	680,800	951,000

Prestasi

(i) *Pentadbiran Am*

Tujuannya ialah untuk mengadakan pengawalan kewangan dan pengurusan kakitangan yang berkesan untuk melaksanakan dengan jayanya dasar-dasar Kementerian. Pecahan-pecahan kegiatannya bolehlah digulungkan secara kasar kepada:

(*a*) Pentadbiran Kakitangan;
(*b*) Pentadbiran Kewangan;
(*c*) Pembangunan;
(*d*) Perkara-perkara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur; dan
(*e*) Perancangan dan penyelarasan bagi Kementerian dan Jabatan-jabatan.

(ii) *Perkhidmatan kepada Kerajaan Tempatan*

Pejabat Kerajaan Tempatan terus mempunyai hubungan rapat dengan penguasa-penguasa tempatan di peringkat Negeri dan Kerajaan Persekutuan dan memberi nasihat kepada penguasa-penguasa tempatan bila mana perlu. Ketua Pengarah Kerajaan Tempatan membuat lawatan-lawatan ke penguasa-penguasa tempatan dan di samping berkerjasama dengan pegawai-pegawai Negeri di dalam mengkaji masaalah-masaalah penguasa-penguasa tempatan tertentu, beliau juga menyerahkan lapurannya kepada Kerajaan-kerajaan Negeri berkenaan untuk makluman dan tindakan mereka. Tujuan utama lawatan-lawatan tersebut ialah untuk mendesak penguasa-penguasa tempatan supaya mengutip cukai dengan berkesan sebagaimana yang patut dan mendapatkan balik tunggakan-tunggakan. Pejabat Kerajaan Tempatan juga menentukan bahawa dasar-dasar yang dipersetujui oleh Majlis Kebangsaan Kerajaan Tempatan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Di mana undang-undang perlu dibuat untuk mewujudkan pentadbiran yang bersemangat, Pejabat ini dengan kerjasama Kementerian Undang-undang, telah mengambil tindakan untuk membawa undang-undang tersebut ke Majlis Kebangsaan Kerajaan Tempatan dan seterusnya ke Majlis Perhimpunan Negeri dan Parlimen sebagaimana yang sesuai untuk diluluskan.

Dengan kelulusan Akta Kerajaan Tempatan (Peruntukan-peruntukan Sementara) No. 124 tahun 1973 arahan telah diberi kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mengstruktur semula penguasa-penguasa tempatan dalam Negeri masing-masing seperti yang diluluskan oleh Majlis Kebangsaan Kerajaan Tempatan. Selanjutnya telah diadakan perbincangan-perbincangan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri mengenai perkara ini. Beberapa Kertas-kertas Kerja telah disediakan untuk mendapat persamaan dalam melaksanakan undang-undang ini. Jumaah Menteri telahpun bersetuju untuk melaksanakan keputusan Kerajaan dengan segera dan licin bagi mengstruktur semula penguasa-penguasa tempatan Pejabat Kerajaan Tempatan.

(iii) *Alam Sekitar*

Ini adalah aktiviti baru Kementerian ini yang telah dipindahkan dari Jabatan Perdana Menteri. Kementerian ini akan meneruskan projek-projek yang telah ditaja oleh Jabatan Perdana Menteri dan akan menjalankan projek-projek baru apabila perlu.

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	229,680	475,030	719,000
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	71,500	53,900	59,000
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..	2,852	8,270	7,600
	Jumlah Gaji ..	304,032	537,200	785,600
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	32,499	38,600	52,400
2200	Pengangkutan Barang-barang ..	—	—	2,000
2300	Kemudahan Perhubungan ..	25,400	25,000	32,000
2400	Api, Air dan Letrik dll.	16,920	14,000	15,000
2600	Perkhidmatan Pencetakan ..	4,100	6,000	7,500
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	6,700	8,000	14,000
2800	Perkhidmatan Pelbagai	11,000	15,000	16,000
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	2,200	12,000	1,500
4100	Pemberian, Subsidi dan Carum-carum	9,811	25,000	25,000
	Jumlah ..	412,662	680,800	951,000

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974	Bilangan	Anggaran Tahun 1975
		$		$		$
(i) Pentadbiran Am	35	210,280	39	330,500	39	347,000
(ii) Perkhidmatan kepada Kerajaan Tempatan ..	9	93,752	27	96,400	27	283,000
(iii) Alam Sekitar	—	110,300	—	110,300	23	155,600
Jumlah ..	44	304,032	66	537,200	89	785,600

3. Anggaran Pembangunan

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
(i)	Ibu Pejabat	97,614	150,000	237,083
(ii)	Kuala Lumpur (Bandaraya) ..	1,000,000	3,350,000	14,015,000
(iii)	Majlis Bandaraya, Georgetown, Pulau Pinang	650,000	600,000	1,600,000
(iv)	Majlis Perbandaran Ipoh	—	30,010	30,010
(v)	Majlis Perbandaran Melaka ..	—	640,000	360,000
(vi)	Majlis Bandaran Seremban	—	400,000	2,200,000
	Jumlah ..	1,747,614	5,170,010	18,442,093

Kemajuan Kerja-kerja Pembinaan

(i) *Ibu Pejabat*

Peruntukan yang disediakan bagi tahun 1974 untuk projek ini berjumlah $150,000. Peruntukan telah diberi kepada semua Kerajaan Negeri yang memohon untuk projek kecil di kawasan bandar dan majlis tempatan masing-masing.

(ii) *Bandaraya Kuala Lumpur*

Dalam tahun 1974 Bandaraya Kuala Lumpur telah meneruskan usaha-usahanya bagi memperbaiki longkang-longkang besar dalam kawasan bandaraya sebagai langkah mengelakkan banjir dengan meluaskan kawasan penyaluran najis, memperbaiki lampu-lampu jalan raya untuk mencantikkan lagi keadaan Bandaraya.

(iii) *Lain-lain Majlis Perbandaran*

(*a*) Majlis Bandaraya Georgetown, Pulau Pinang akan meneruskan usaha-usahanya menambahkan saluran najisnya.

(*b*) Majlis Perbandaran Ipoh telah menambahkan bilangan kelinik-kelinik beranak kebajikan kanak-kanak.

(*c*) Majlis Bandaran Seremban bercadang untuk membina Pasar Baru di Jalan Templer, Seremban dengan bertujuan untuk memberi segala kemudahan kepada penduduk-penduduk seramai 80,000 orang. Pasar yang sedia ada sekarang yang mana telah dibina dalam tahun 1906, adalah dalam keadaan usang dan tidak sempurna.

4. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Belanja Mengurus	412,662	680,800	951,000
Belanja Pembangunan	1,747,614	5,170,010	18,442,093
Jumlah Besar ..	2,160,276	5,850,810	19,393,093

Kepala Bekalan 50	...	...	**$1,169,600**
Jumlah	...		**$1,169,600**

BELANJA MENGURUS

Peruntukan 1975	...	...	...	**$1,169,600**
Peruntukan 1974	...	...	...	**1,000,000**
Perubahan	...		+	**$ 169,600**

1. Tujuan-tujuan

Tujuan Jabatan ini ialah memperbaiki sekitaran merancang untuk kawasan-kawasan kediaman di bandar dan luar bandar dan pada peringkat daerah, untuk menghasilkan penggunaan tanah yang optima dan di samping itu menyedia dan melaksanakan pelan yang sesuai untuk infrastruktur yang cukup bagi kawasan-kawasan penempatan bandar dan luar bandar. Di dalam bidang perancangan bandar pula, tujuan Jabatan ini ialah menentukan adanya tanah yang sesuai untuk pembangunan pada ketika dan tempat yang sesuai.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran Am	206,874	285,913	314,000
(ii) Perancang Kegunaan Tanah di peringkat Kebangsaan dan Daerah	133,288	309,276	425,900
(iii) Perancang Penempatan Kawasan Luar Bandar	89,068	113,216	107,800
(iv) Perancang Kawasan Bandar dan Pembangunan Semula Kawasan Bandar	112,922	251,602	278,000
(v) Latihan Pegawai, Kakitangan dan Penyelidikan	21,497	39,993	43,900
Jumlah ...	563,667	1,000,000	1,169,600

Prestasi

(i) *Pentadbiran Am*

Pentadbiran Am Jabatan Perancang Bandar dan Kampung Persekutuan, Semenanjung Malaysia adalah di bawah arahan Ketua Pengarah dan Timbalannya. Perkara-perkara Perkhidmatan dan kewangan mengenai kakitangan adalah dikelolakan di ibupejabat di bawah Aktiviti ini.

Beban-kerja di bawah aktiviti ini ialah seperti berikut:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
1. Surat-surat diterima menerusi Mel Biasa, Mel Berdaftar dan Surat-surat Sulit	3,500	4,000	7,500
2. Fail-fail baharu didaftar (terbuka dan sulit)	170	200	350
3. Urusan Kakitangan/Perkara Perjawatan yang dikelolakan	100	300	750
4. Bilangan Rekod disediakan ...	113	350	800
5. Perkara-perkara Perkhidmatan dan Kewangan yang diuruskan ...	170	400	650
6. Baucer Pembayaran	400	500	750
7. Surat-surat dihantar untuk ditaip (termasuk sulit)	1,650	3,500	10,500
8. Lapuran-lapuran dan penyata-penyata dihantar untuk ditaip ...	200	450	675
Jumlah ...	6,303	9,700	21,975

(ii) *Perancang Kegunaan Tanah di peringkat Kebangsaan dan Daerah*

Semenjak tahun 1970, bahagian ini telah banyak terlibat dalam kajian perancangan wilayah seperti Johor Tenggara, Pahang Tenggara dan Lembah Kelang. Kebanyakan kajian tersebut telahpun selesai dan telah diterima oleh Kerajaan pada penghujung tahun 1972 dan tahun 1973 pula telah membawa satu pengalaman baru bagi bahagian ini apabila dengan tiba-tiba datang desakan permintaan secara meluas untuk mendapatkan pelan-pelan perlaksanaan yang lengkap daripada berbagai-bagai Lembaga Wilayah yang baru ditubuhkan. Di dalam Rancangan Pahang Tenggara, sebanyak 36 buah bandar baru perlu disediakan rancangannya dalam jangka masa 12 tahun yang akan datang dan oleh kerana terdapat tunggakan kerja dalam merancang tujuh buah bandar baru, satu bahagian khas telahpun ditubuhkan pada tahun 1973 dalam bahagian ini untuk menjalankan tugas-tugas berkaitan dengan Pahang Tenggara serta bandar-bandar baru yang lain.

Pelaksanaan

1973—

1. Menubuhkan bahagian baru untuk menjalankan aktiviti-aktiviti perancangan bagi Pahang Tenggara dan bandar-bandar baru yang lain.
2. Menjalankan kajian permulaan untuk Lapuran Rancangan Wilayah Johor Selatan yang diterbitkan dalam bulan November.
3. Koordinasi perancangan dengan Pakar Perunding Lebuhraya di Trengganu Tengah.
4. Koordinasi perancangan dengan pakar perancang fisikal untuk Pelan Induk Wilayah Kelantan.
5. Koordinasi perancangan dengan Pasukan Perancang Kampus untuk Universiti baru di Bangi.

1974—

1. Lanjutan perkhidmatan perancang am untuk Pahang Tenggara (DARA).
2. Bekerja dengan Badan Bertindak berkaitan dengan kerja-kerja perunding untuk Kajian Perancangan Johor Selatan dan Pembangunan.

3. Memberi perkhidmatan perancangan kepada Lembaga Trengganu Tengah dalam hal mengawasi kajian wilayah oleh perunding berkaitan dengan perancangan fisikal.
4. Memberi perkhidmatan perancangan kepada Lembaga Johor Tenggara berkaitan dengan Kajian Pelan Induk untuk Bandar Penawar oleh perunding iaitu untuk mengawasi kajian tersebut bagi pihak Lembaga.
5. Membantu Pejabat Perancang Negeri di Kelantan untuk menyediakan pelan wilayah-kecil di Selatan Kelantan sebagai pelaksanaan peringkat pertama bagi Pelan Induk Kelantan.

1975—

1. Meneruskan perkhidmatan perancang untuk Rancangan Pahang Tenggara (DARA).
2. Menyambung kerja-kerja dan melaksanakan Perancangan di kawasan Johor Selatan.
3. Menyambung kerja dan menjalankan kajian perancangan lanjut mengenai penempatan bahru di Johor Tenggara.
4. Menyambung kerja-kerja perancangan secara lengkap dan kajian-kajian bandar baru di Johor Tenggara.
5. Meneruskan perkhidmatan perancangan di Kelantan dan jika berkesempatan akan mengulangkaji kerja-kerja yang telah dijalankan dahulu untuk Kajian Wilayah Lebuhraya Timur-Barat.

Kos Yunit

Sebagaimana yang telah diamalkan dalam tahun-tahun yang lepas, Kos Yunit dibelanjakan oleh bahagian ini adalah berdasarkan mengikut keperluan kadar masa kerja pekerja-pekerja ikhtisas. Ini adalah mengikut amalan firma-firma perunding untuk projek-projek yang diakui oleh Bank Dunia. Berhubung dengan perunding-perunding asing, kos bagi tiap-tiap bulan-pekerja (man-month) ialah antara $5,000 hingga $15,000.

Untuk menemui keperluan jangka pendek bagi perancangan untuk pihak-pihak berkuasa yang tersebut di atas adalah dianggarkan bahawa sekurang-kurangnya sebanyak 132 bulan-pekerja diperlukan pada tahun 1975 tidak termasuk perkhidmatan Khas untuk DARA.

(iii) *Perancang Penempatan Kawasan Luar Bandar*

(*a*) Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan

Hasil kerja di bawah aktiviti ini termasuklah menjalankan kajian-kajian fisikal dan menyediakan rekabentuk lanjut pelan-pelan perkampungan untuk Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan. Sejumlah 13 pelan demikian telah disediakan dalam tahun 1973 yang mana termasuk 11 pelan-pelan untuk sekim-sekim "biasa" dan 2 pelan untuk Bandar Baru Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan. Dalam tahun 1974 dan 1975 adalah dijangkakan bahawa 15 pelan akan disediakan setiap tahun.

(*b*) Pusat Wilayah Jengka

Perkhidmatan-perkhidmatan Perancangan kepada Lembaga Kemajuan Jengka akan disambung selama 9-12 tahun sebagai pembangunan pusat. Perkhidmatan-perkhidmatan ini termasuklah menjalankan pemeriksaan tapak dan pelan lanjut struktur tapak dan peringkat pertengahan.

(iv) *Perancang Kawasan Bandar dan Pembangunan Semula Kawasan Bandar*

Kerja yang dijangka akan dijalankan di bawah aktiviti ini termasuk yang berikut:

(1) Meneruskan kerja yang dijalankan pada tahun 1974.

(2) Meneruskan perkhidmatan-perkhidmatan perancangan kepada Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan dalam Jawatankuasa Pembangunan, Pimpinan, serta Jawatankuasa Bertindak.

(3) Meneruskan kajian lalulintas bandar Kota Bharu.

(4) Meneruskan kajian lalulintas Petaling Jaya.

(5) Memulakan kajian lalulintas Bandar Kelang.

(6) Perkhidmatan Perunding kepada projek-projek Persekutuan dan Negeri dan ajensi-ajensi lain untuk pembangunan kawasan Bandar dan pembangunan semula kawasan bandar.

Kos Yunit

Oleh kerana sumbangan terbesar perkhidmatan ini adalah dalam bentuk nasihat, lapuran-lapuran dan pelan-pelan berbagai jenis, adalah sukar untuk menentukan kos yunit. Jika sistem "man-month" dapat digunakan sebagai asas mengira kos, bilangan "man-month" yang diperlukan untuk kerja tersebut adalah seperti berikut:

1973	...	108 man-month
1974	...	228 man-month
1975	...	252 man-month

(v) *Latihan Pegawai, Kakitangan dan Penyelidikan*

(*a*) Latihan

Dengan bertambahnya bilangan Pegawai dan kakitangan baru di dalam Jabatan Kerajaan Negeri dan di Ibu Pejabat, Latihan telah menjadi aktiviti yang penting.

Perkhidmatan latihan yang diberikan oleh Jabatan ini pada masa sekarang adalah seperti berikut:

(i) Latihan dalam perkhidmatan untuk Pegawai Teknik yang bertujuan bagi menyediakan pegawai teknik menduduki Peperiksaan Jabatan.

(ii) Kursus-kursus latihan praktikal untuk kakitangan baru.

(iii) Kursus-kursus praktikal sepenuh masa untuk penuntut-penuntut yang mengambil kursus Perancang Bandar di Institiut Teknoloji Kebangsaan.

Perkhidmatan latihan ini akan diperluaskan lagi untuk memberi latihan semula (refresher course) bagi kakitangan teknik yang telah berkhidmat lebih dari lima tahun untuk membolehkan mereka memahami perancangan moden dan teknik-teknik baharu. Ini adalah mustahak kerana kelancaran urusan Jabatan adalah bergantung kepada kecekapan dan daya usaha kakitangan pada menjalankan tugas mereka.

Perkhidmatan latihan akan juga diperluaskan untuk memberi perkhidmatan kepada orang ramai termasuk wakil-wakil mereka, badan-badan berkanun dan sekolah-sekolah berkenaan dengan maklumat-maklumat perancangan. Lawatan-lawatan akan dibuat ke sekolah-sekolah dan institiut-institiut untuk memberi ceramah berkenaan peri mustahaknya Perancang Bandar dalam aspek dasar Ekonomi Baru.

Rancangan

1973	...	Melatih 150 orang pegawai teknik dan 220 orang calun telah menduduki peperiksaan jabatan. Telah menyediakan sukatan peperiksaan baru bagi Peperiksaan Jabatan untuk Pembantu Teknik, Pembantu Perancang Bandar, Pelukis Pelan dan Penyurih sesuai dengan sekim perkhidmatan baru dan tugas baru mereka.
1974	...	Melatih 180 orang pegawai teknik dan 225 orang akan menduduki peperiksaan Jabatan.

Membincangkan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam dan lain-lain Jabatan berkenaan berkaitan dengan sukatan pelajaran yang dicadangkan.

1975 ... Dijangka melatih 200 orang pegawai-pegawai teknik dan 250 orang akan menduduki peperiksaan.

Memulakan kursus-kursus kajian semula (refresher course) bagi kakitangan Teknik.

Melawat 5 buah sekolah dan institiut-institiut untuk memberi ceramah berkenaan mustahaknya Perancang Bandar.

(*b*) Penyelidikan dan Yunit Studio Khas

Tujuan

Penyelidikan yang dilakukan oleh Jabatan ini sangatlah terhad oleh kerana kerja-kerja itu dilakukan hanya oleh Pegawai-pegawai Pelatih yang terdiri dari seorang Penolong Pengarah dan seorang Pembantu Teknik (Tingkatan Biasa), manakala dua kekosongan terdapat di bahagian Perpustakaan dan Penolong Perancang Bandar (Tingkatan-tertinggi). Kekosongan itu dijangka akan dapat dipenuhi sebelum akhir tahun ini.

Dengan bertambah mustahaknya Perancangan Bandar, lebih banyak penyelidikan harus dilakukan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan kawasan yang elok, lebih baik, kajian-kajian persekitaran dan lain-lain kajian yang bersangkutan. Perancangan tidak berakhir dengan membuat survey dan menyediakan pelan. "Feedback" mestilah diperolehi untuk mempastikan kejayaan atau sebaliknya sesuatu rancangan itu. Ini akan hanya tercapai melalui kerja-kerja penyelidikan.

Perlaksanaan

1973 ... Memulakan kerja dengan Pakar-pakar Perunding untuk Johor Selatan untuk menubuhkan "urban hierarchy" Johor Selatan.

Memulakan kajian kemajuan perumahan dan "urban sprawl".

1974 ... Menyusul semula kajian "urban hierarchy" penyudahan kajian mengenai kemajuan perumahan dan "urban sprawl".

Memulakan semula kajian mengenai "standard" perancangan di Semenanjung Malaysia.

Memulakan kajian mengenai "Fisikal Restructor" dan standard sekeliling.

Menerbitkan makalah-makalah untuk disebarkan ke sekolah-sekolah.

1975 ... Menyusul semula kajian mengenai standard perancangan.

Menyusul semula kajian mengenai fisikal restruktur dan standard sekeliling.

Memulakan kajian mengenai feedback sekim-sekim Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan.

(*c*) Yunit Studio Khas

Tujuan

Ini adalah merupakan bahagian baru untuk menjalankan tugas-tugas berikut:

(1) Mengambil dan merekodkan gambar-gambar slides untuk penyelidikan dan taklimat.

(2) Menyelenggara bilek gerakan termasuk mengemaskan penerangan-penerangan, kebersihan dan sebagainya.

(3) Menjaga bilek peta.

(4) Menjaga bilek percetakan dan menyusun lapuran-lapuran.

(5) Membuat model Bandar-bandar Baru dan lain-lain model rancangan sebagaimana yang dikehendaki oleh Jabatan.

Pada masa ini tugas-tugas di atas adalah dijalankan oleh pihak-pihak perseorangan atau kumpulan-kumpulan yang tidak mempunyai bahagian tertentu. Ini menimbulkan kerumitan dalam perlicinan perjalanan Jabatan.

Perlaksanaan yang dijangkakan bagi tahun 1974 dan 1975

Dengan bertambahnya beban-beban kerja Jabatan ini dalam menyediakan pelan-pelan untuk bandar-bandar baharu dan kerja-penyelidikan, beban-kerja di Yunit Khas ini akan bertambah dengan kadar yang sama. Oleh itu beban-beban kerja bergantung kepada aktiviti-aktiviti di bahagian-bahagian lain di Jabatan ini.

(*d*) Perpustakaan

Tujuan

Perpustakaan Jabatan ini adalah terbuka kepada pelajar-pelajar Universiti dan juga Maktab-maktab. Oleh kerana kekurangan kakitangan maka ianya tidak dapat dibuka sepanjang masa.

Seorang Kerani Perpustakaan telahpun diluluskan dan adalah difikirkan perlu seorang penolong membantu beliau. Kerani ini adalah ditugaskan untuk merekod-kan buku-buku, jernal-jernal dan peminjamnya kepada kakitangan, memberikan bilangan kepada buku-buku atau jernal-jernal. Penolongnya akan membantu tugas-tugas surat menyurat biasa termasuk menempah buku-buku atau jernal.

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	448,420	771,369	910,000
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	19,267	24,200	66,400
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ...	6,366	23,665	22,400
	Jumlah Gaji ...	474,053	819,234	998,800
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	24,108	35,000	36,500
2200	Pengangkutan Barang-barang ...	41	2,000	2,500
2300	Kemudahan Perhubungan ...	140	1,500	2,000
2400	Api, Air dan Letrik dll.	18,685	26,500	27,000
2500	Sewa	—	24,000	24,000
2600	Perkhidmatan Pencetakan ...	1,105	3,000	4,000
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	20,975	42,850	41,800
2800	Perkhidmatan Pelbagai	10,752	22,700	19,500
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	13,808	23,216	13,500
	Jumlah ...	563,667	1,000,000	1,169,600

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974	Bilangan	Anggaran Tahun 1975
		$		$		$
(i) Pentadbiran Am	36	167,969	43	191,803	39	224,990
(ii) Perancang Kegunaan Tanah diperingkat Kebangsaan dan Daerah ..	43	109,887	58	257,926	58	374,300
(iii) Perancang Penempatan Kawasan Luar Bandar ..	16	83,214	16	104,516	16	100,000
(iv) Perancang Kawasan Bandar dan Pembangunan Semula Kawasan Bandar ..	36	93,017	41	223,146	41	260,000
(v) Latihan Pegawai, Kakitangan dan Penyelidikan	2	19,966	4	35,883	4	39,500
(vi) Jawatan-jawatan yang Berpencen di Negeri ..	14	—	17	10	20	10
Jumlah ..	147	474,053	179	819,234	178	998,800

3. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Belanja Mengurus	$563,667	$1,000,000	$1,169,600

PERKHIDMATAN BOMBA

Kepala Bekalan 51	...	**$344,700**
Jumlah	...	**$344,700**

BELANJA MENGURUS

Peruntukan 1975	...	...	**$344,700**
Peruntukan 1974	...	...	**324,000**
Perubahan	...		**+ $ 20,700**

1. Tujuan-Tujuan

Tujuan utama Jemaah Pemeriksa Perkhidmatan Bomba pada amnya ialah untuk memajukan mutu pengawalan dan pencegahan kebakaran di seluruh Negara dan bagi maksud tersebut menjalankan fungsi-fungsi yang berikut:

(*a*) Mengadakan kemudahan-kemudahan latihan melawan kebakaran, pengawalan dan pencegahan kebakaran selaras dengan kehendak-kehendak pembangunan negara;

(*b*) Memberi nasihat-nasihat mengenai pengawalan, pencegahan kebakaran dan pentadbiran kepada Pihak-pihak Berkuasa Negeri, Perbandaran, Pelabuhan, Penerbangan Awam dan Jabatanarah Kebakaran Angkatan Bersenjata;

(*c*) Memberikan nasihat mengenai pengawalan dan pencegahan kebakaran kepada Jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan, Badan-badan Berkanun dan menguji serta menyenggara peralatan-peralatan pertolongan cemas, juga alatan-alatan kebombaan pasangan tetap;

(*d*) Memberi nasihat mengenai keperluan kebombaan terhadap keselamatan kebakaran, keselamatan nyawa dan harta benda dan mengenai kemudahan-kemudahan melawan kebakaran bagi bangunan-bangunan, binaan-binaan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun yang sedang dibina; dan

(*e*) Memberi kerjasama yang erat kepada Jabatan-jabatan yang berkenaan bagi menggubal piawaian-piawaian dan peraturan-peraturan (Code of Practice) kebombaan untuk keperluan negara.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran Am	37,873	55,000	56,700
(ii) Pencegahan dan Pengawalan Kebakaran	98,459	120,000	140,200
(iii) Latihan	113,296	149,000	147,800
... Jumlah ...	249,628	324,000	344,700

Prestasi

(i) *Pentadbiran Am*

Aktiviti bahagian ini sebahagian besarnya adalah tertumpu kepada memberi nasihat mengenai polisi-polisi pentadbiran kepada Perkhidmatan-perkhidmatan Bomba Negeri, Perbandaran dan lain-lain. Oleh yang demikian bebankerja yang sebenar bagi bahagian ini tidak dapat ditentukan dengan tepat; walaubagaimanapun dengan bertambahnya pembangunan dan adanya undang-undang bangunan yang seragam bagi seluruh negara maka ternyatalah aktiviti bahagian ini makin bertambah.

(ii) *Pencegahan dan Pengawalan Kebakaran*

Bahagian ini telah melakukan pemeriksaan pengawalan pencegahan kebakaran terhadap bangunan-bangunan Kerajaan Persekutuan sebanyak 9,500 bangunan di seluruh Semenanjung Malaysia. Dalam pemeriksaan ini pemasangan alatan-alatan baharu dan ujian-ujian terhadap alatan pemadam api, saluran bantu mula dan pancor kering telah dilaksanakan.

Lapuran pemeriksaan terhadap bangunan ini telah dikemukakan kepada Jabatan-jabatan yang berkenaan untuk tindakan sewajarnya. Dalam tahun 1975 bebankerja bahagian ini akan bertambah oleh kerana plan-plan projek bangunan telah mula dikemukakan kepada bahagian ini oleh Jabatan-jabatan Kerja Raya, untuk kajian keperluan-keperluan keselamatan dan kebombaan, berdasarkan undang-undang dan piawaian-piawaian Bangunan. Permintaan-permintaan nasihat dari jurutera-jurutera perunding juga dijangka akan bertambah, Kejayaan yang telah dicapai dalam tahun 1973 dan dianggarkan bagi tahun 1974 adalah seperti berikut:

(i) 1973—Bilangan bangunan yang telah dilawati 9,400
(ii) 1974—Bilangan bangunan yang dianggarkan untuk dilawati 9,500
(iii) 1975—Bilangan bangunan yang dianggarkan untuk dilawati 10,000

Belanja bagi melaksanakan aktiviti pengawalan dan pencegahan kebakaran adalah seperti berikut:

	Sebenar 1973	Anggaran 1974	Anggaran 1975
(i) Bilangan bangunan yang dilawati	9,400	9,500	10,000
(ii) Harga Pelaksanaan	$98,459	$109,790	$125,200
(iii) Harga Yunit	$10.44	$11.56	$12.50

(iii) *Latihan*

Sekolah ini melaksanakan 10 kursus tetap dalam setahun dan disamping itu mengadakan kursus-kursus khas dalam bidang mencegah kebakaran bagi kakitangan Kerajaan dan Swasta.

Sejumlah 307 orang penuntut telah dilatih dalam tahun 1973, bilangan ini dijangka bertambah dalam tahun 1975, kerana memandangkan pada akhir bulan Mei, 1974 sahaja sejumlah 202 orang penuntut telah dilatih.

Sekolah Pusat Latihan Bomba

1973 (Sebenar)—
(i) Bilangan Kursus tetap 10
(ii) Bilangan Kursus khas 3
(iii) Bilangan Penuntut 307
(iv) Jumlah hari penuntut (student days) 13,161

1974 (Dianggarkan)—

(i) Bilangan Kursus tetap	10
(ii) Bilangan Kursus khas	4
(iii) Bilangan Penuntut	350
(iv) Jumlah hari penuntut (student days)	14,000

1975 (Dianggarkan)—

(i) Bilangan Kursus tetap	10
(ii) Bilangan Kursus khas	5
(iii) Bilangan Penuntut	400
(iv) Jumlah hari penuntut (student days)	16,000

	Sebenar 1973 $	Anggaran 1974 $	Anggaran 1975 $
(i) Belanja Perlaksanaan	102,296	147,043	147,800
(ii) Belanja Pengurusan bagi seorang Penuntut sehari	7.7	10.50	9.20

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973 $	Peruntukan Tahun 1974 $	Anggaran Tahun 1975 $
1100	Gaji dan Upahan	161,396	206,500	220,000
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	11,583	11,000	24,250
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ...	4,659	7,000	5,450
	Jumlah Gaji ...	177,638	224,500	249,700
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	14,997	12,000	20,000
2200	Pengangkutan Barang-barang ...	61	200	200
2300	Kemudahan Perhubungan ...	2,157	2,500	2,700
2400	Api, Air dan Letrik dll.	8,725	9,800	11,000
2500	Sewa	373	500	500
2600	Perkhidmatan Pencetakan ...	133	600	1,000
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	23,653	32,800	35,500
2800	Perkhidmatan Pelbagai	17,128	6,100	6,100
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	4,763	20,000	18,000
3300	Pembinaan	—	15,000	—
	Jumlah ...	249,628	324,000	344,700

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974	Bilangan	Anggaran Tahun 1975
		$		$		$
(i) Pentadbiran Am	5	33,708	7	49,700	7	49,500
(ii) Pencegahan dan Pengawalan Kebakaran ..	23	64,584	22	80,100	21	75,700
(iii) Latihan	22	79,346	28	94,700	29	124,500
Jumlah ..	50	177,638	57	224,500	57	249,700

3. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Belanja Mengurus	$249,628	$324,000	$344,700

ARKIB DAN PERPUSTAKAAN NEGARA

Kepala Bekalan 52	**$1,538,100**
Kepala Pembangunan 52 ...	**722,000**
Jumlah ...	**$2,260,100**

	Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975 ...	**$1,538,100**	**$722,000**	**$2,260,100**
Peruntukan 1974 ...	**1,412,000**	**845,000**	**2,257,000**
Perubahan ...	**+ $ 126,100**	**— $123,000**	**+ $ 3,100**

1. Tujuan-tujuan

Arkib Negara

Arkib Negara bertanggungjawab atas pemeliharaan rekod-rekod negara dan penyediaan kemudahan-kemudahan yang lengkap bagi membolehkan penyelidikan ke atas rekod-rekod tersebut. Arkib Negara mempunyai dua tujuan utama:

(i) Menambahkan ilmu pengetahuan dan menggalakkan kesedaran kebangsaan bagi kepentingan perpaduan seluruh rakyat dengan cara mengumpul, memelihara dan mengadakan kemudahan-kemudahan penyelidikan mengenai warisan sejarah dan kebudayaan negara; dan

(ii) Menggalakkan kecekapan perjalanan jentera pentadbiran Kerajaan dan dengan demikian menghasilkan penjimatan menerusi operasi pengurusan rekod yang sistematik dan moden di ajensi-ajensi Kerajaan dengan cara-cara berikut—

(*a*) Mengumpul, menyusun, memelihara dan mengawit dan seterusnya memberi kemudahan penyelidikan ke atas bahan-bahan arkib; dan

(*b*) Menjalankan kerja-kerja mengkaji, memindah dan memisah rekod-rekod yang tidak dipakai daripada ajensi-ajensi Kerajaan dengan segeranya dan seterusnya menggalakkan penyenggaraan rekod-rekod pentadbiran yang sempurna di bahagian pendaftaran ajensi-ajensi Kerajaan.

Perpustakaan Negara

Di bawah Akta Perpustakaan Negara 1972, Perpustakaan Negara Malaysia telah diberi tugas dan tanggungjawab yang luas bagi menyediakan untuk umum perkhidmatan rujukan serta bahan-bahan maklumat, penyelarasan bahan-bahan perpustakaan negara, dan menggalakkan perkembangan rangkaian perpustakaan awam di seluruh negara. Sesuai dengan tujuan ini, Perpustakaan Negara:

(i) Memperoleh, mengawit serta menyediakan satu koleksi bahan-bahan bacaan negara, termasuk koleksi lengkap mengenai Malaysia dan penduduknya;

(ii) Menyediakan perkhidmatan rujukan, maklumat serta bibliografi;

(iii) Mendorong serta menyelaras perkembangan dan penggunaan bahan-bahan perpustakaan di negara ini, supaya memenuhi secara lebih berkesan lagi segala keperluan bagi maklumat pada semua peringkat masyarakat; dan

(iv) Mengadakan perkhidmatan perunding dengan tujuan untuk mendorong perkembangan rangkaian perpustakaan awam di Malaysia.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran Am	245,177	199,070	201,930
(ii) Pengurusan Rekod	169,668	162,920	243,950
(iii) Pengurusan Arkib	299,076	413,150	404,100
(iv) Perpustakaan Negara	575,609	636,860	688,120
Jumlah ...	1,289,530	1,412,000	1,538,100

Prestasi

(i) *Pentadbiran Am*

Pentadbiran Am adalah bertangungjawab untuk pentadbiran Jabatan dan tanggungjawabnya meliputi perkara-perkara polisi, kewangan, perkhidmatan, perjawatan, latihan, stor dan kelengkapan, keselamatan dan perhubungan awam. Ianya menyelaraskan tugas-tugas semua Bahagian dalam Jabatan ini. Jumlah kakitangan Jabatan ini ialah seramai 212 orang pada tahun 1974 dan 1975. Oleh sebab Bahagian ini membuat berbagai-bagai jenis rupa kerja yang amat sukar untuk ditentukan jenis-jenisnya, maka beban-kerja tidak dapat dihitung dengan tepat.

(ii) *Pengurusan Rekod*

Aktiviti ini dibahagikan kepada dua sub-aktiviti, iaitu Perkhidmatan Rekod dan Arkib Negara Cawangan Selatan.

(*a*) Perkhidmatan Rekod

Perkhidmatan Rekod adalah aktiviti yang penting di Arkib Negara kerana aktiviti ini mempunyai tugas memisahkan rekod-rekod yang tidak berguna dari rekod-rekod yang mempunyai nilai sejarah dan nasional. Proses menilai dan menentukan pemisahan rekod-rekod ini sangatlah mustahak kerana ini akan mendatangkan ekonomi kepada seluruh pentadbiran Kerajaan dari segi ruang, tenaga-manusia, kelengkapan dan bahan-bahan. Sebagai pusat penyimpan rekod-rekod Kerajaan yang tidak dipakai lagi, aktiviti ini menjalankan kerja-kerja merabun, menyenarai, menyemak, membersih rekod-rekod yang hendak disimpan dan memusnahkan rekod-rekod yang tidak berguna.

Butir-butir rancangan yang hendak dilaksanakan adalah seperti berikut:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Hasil yang dipungut dari jualan kertas-kertas buangan	$3,254	$3,500	$3,600
Beban-kerja			
(*a*) Pemisahan (kaki panjang) ...	7,067	7,400	7,800
(*b*) Merabun (kaki panjang) ...	1,135	2,600	2,600
(*c*) Pembersihan (kaki panjang) ...	1,117	1,300	1,450
(*d*) Pemilihan dan kemasukan ke dalam kotak (kaki panjang) ...	4,146	4,800	5,100
(*e*) Penyemakan (kaki panjang) ...	1,542	2,600	2,600
(*f*) Senarai (fail)	75,783	85,000	95,000
(*g*) Rujukan (permintaan)	1,269	1,600	1,700

Harga hitung panjang bagi satu yunit beban-kerja ialah $1.54.

(*b*) Arkib Negara Cawangan Selatan

Cawangan Selatan Arkib Negara adalah bertanggungjawab atas pemeliharaan rekod-rekod daripada wilayah Selatan Semenanjung Malaysia iaitu Negeri Johor

dan Melaka. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Cawangan ini meliputi kerja-kerja pengurusan rekod, pengurusan arkib dan juga memberi kemudahan rujukan kepada Jabatan-jabatan Kerajaan dan orang ramai. Butir-butir rancangan yang hendak dilaksanakan adalah seperti berikut:

Beban-kerja

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(*a*) Membersih Rekod (kaki panjang)	308	400	600
(*b*) Semakan (kaki panjang) ...	729	1,000	1,500
(*c*) Pemilihan dan kemasukan ke dalam kotak (kaki panjang) ...	913	800	900
(*d*) Perkhidmatan kepada penyelidik (Lawatan harian)	578	600	700
(*e*) Menjilid buku (satu yunit) ...	153	300	350
(*f*) Rujukan (satu bahan)	30,438	35,000	40,000
(*g*) Senarai (fail)	35,212	36,000	40,000
(*h*) Menyenarai Penerbitan	200	200	210
(*i*) Faharasat gambar	534	500	600
(*j*) Kertas disalutmati	2,124	2,000	3,000

Harga hitung panjang bagi satu yunit beban-kerja ialah $0.93.

(iii) *Pengurusan Arkib*

Aktiviti ini dibahagikan kepada empat sub-aktiviti, iaitu Perkhidmatan Arkib, Perkhidmatan Selidik dan Penerbitan, Arkib Perdana Menteri dan Perkhidmatan Gedung dan Teknik.

(*a*) Perkhidmatan Arkib

Di bawah Akta Arkib Negara, 1966, Arkib Negara adalah dikehendaki untuk menyusun dan menyenarai rekod-rekod yang ada dalam simpanannya dan juga dikehendaki menyediakan kemudahan penyelidikan. Tugas-tugas ini dijalankan oleh Perkhidmatan Arkib iaitu selepas rekod-rekod telah dikaji pada kali akhirnya dan dikelaskan sebagai arkib untuk simpanan selama-lamanya. Beban-kerja Perkhidmatan Arkib adalah bergantung kepada banyaknya arkib-arkib yang diterima dan panduan mencari rekod yang disediakan. Pada tahun 1975 adalah dianggarkan sebanyak 72,400 fail akan disenaraikan berbanding dengan 68,000 fail pada tahun 1974 dan 61,487 fail pada tahun 1973. Tugas-tugas lain seperti menerima, menyenarai, mengkelas terbitan-terbitan, suratkhabar-suratkhabar dan peta-peta, memberi faharasat kepada gambar dan menyemak, menyusun, mengikat dan mengatur semula fail di atas rak juga dijangka bertambah. Butir-butir lanjut mengenai kerja-kerja aktiviti ini adalah seperti berikut:

Beban-kerja

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
1. Menerima, menyenarai, mengkelas terbitan-terbitan, suratkhabar-suratkhabar, pita-pita, peta-peta dsb. (jumlah) ...	4,167	4,200	4,200
2. Menyenarai fail-fail (jumlah fail)	61,487	70,000	72,400
3. Menerima, memberi tajuk, nombor dan faharasat kepada gambar-gambar (keping)	3,027	3,000	3,000
4. Menyemak, menyusun, mengikat dan mengatur semula fail-fail di atas rak (kaki panjang) ...	2,830	2,500	2,500

Harga hitung panjang bagi satu yunit beban-kerja $1.75.

(*b*) Perkhidmatan Selidik dan Penerbitan

Perkhidmatan yang diberi kepada jabatan-jabatan Kerajaan dan orang ramai dalam bilik penyelidikan dijangka bertambah. Dalam tahun 1973 sebanyak 43,658 dokumen telah dirujuk oleh penyelidik-penyelidik dan adalah dianggarkan bahawa sebanyak 40,000 dokumen akan dirujuk dalam tahun 1975.

Selain daripada menyediakan kemudahan-kemudahan rujukan, aktiviti ini mengeluarkan terbitan-terbitan Jabatan ini dan juga membuat salinan-salinan dokumen untuk dijual.

Kutipan Hasil

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(*a*) Jualan salinan Xerox	1,985	2,000	3,000
(*b*) Jualan terbitan-terbitan Jabatan	223	250	300
Jumlah ...	2,208	2,250	3,300

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Beban-kerja			
1. Perkhidmatan kepada penyelidik-penyelidik (lawatan harian) ...	1,771	1,600	1,700
2. Permintaan daripada penyelidik (yunit barang)	143,658	30,000	40,000
3. Membuat salinan xerox (salinan)	21,158	16,000	17,000
4. Terbitan yang dikeluarkan ...	6,000	6,000	6,000

Harga hitung panjang bagi satu yunit beban-kerja ialah $1.39.

(*c*) Arkib Perdana Menteri

Perkhidmatan Arkib Perdana Menteri adalah bertanggungjawab atas penyimpanan dan pemeliharaan rekod-rekod kepunyaan dan berkenaan dengan Perdana-perdana Menteri Malaysia dan memberikan kemudahan di atas penggunaan rekod-rekod tersebut kepada Jabatan-jabatan Kerajaan dan orangramai. Buat masa ini penyimpanan dan pemeliharaan rekod-rekod berpusat kepada rekod-rekod kepunyaan Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra dan Allahyarhum Tun Ismail. Selain dari itu, Perkhidmatan ini juga adalah bertangungjawab untuk mendapatkan rekod-rekod persendirian berkenaan dengan tokoh-tokoh tersebut daripada sahabat-sahabat seperjuangan mereka di samping menjalankan usaha-usaha dokumentasi lisan dengan mereka untuk memperolehi selengkap-lengkapnya bahan berkenaan daripada tokoh-tokoh tersebut. Berikut ini ialah rancangan yang akan dilaksanakan:

Beban-kerja

	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
1. Menerima, menyediakan senarai, mengkelaskan rekod-rekod yang diterima (satu bahan)	1,500	1,500
2. Senarai fail	800	1,000
3. Menerima dan membuat faharasat (satu foto)	500	1,000
4. Menyemak, menyusun, membersih fail dan penerbitan (kaki panjang)	50	100
5. Dokumentasi lisan	14	20

Harga hitung panjang bagi satu yunit beban-kerja ialah $11.00.

(*d*) Perkhidmatan Gedung dan Teknik

Perkhidmatan Gedung dan Teknik adalah bertanggungjawab untuk mengawit dan memulih beribu-ribu kaki panjang arkib yang rosak yang telah dipindahkan ke Arkib Negara untuk disimpan selama-lamanya. Bahagian ini juga membuat salinan-salinan maikerofilem dan foto. Diperturunkan di bawah ini rancangan yang hendak dilaksanakan:

Kutipan Hasil

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(*a*) Jualan maikerofilem	22,597	15,000	18,000
(*b*) Jualan fotografi	1,012	1,000	1,000
(*c*) Pembaikan dokumen-dokumen	141	500	600
Jumlah ...	23,750	16,500	19,600

Beban-kerja

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
1. Helai kertas yang diperbaiki ...	8,013	8,000	11,250
2. Peta, pelan lukisan dan gambar diperbaiki (helai)	242	200	253
3. Helai kertas yang disalutmati ...	24,321	20,000	56,000
4. Terbitan dijilid/dijilid semula ...	3,393	3,500	4,500
5. Risalah, kotak dan jilid pelbagai (yunit jilid/barang)	1,729	3,428	2,857
6. Maikerofilem (kaki)	107,615	100,000	100,000
7. Foto (kpeing)	3,479	2,257	3,000

Harga hitung panjang bagi satu yunit beban-kerja ialah $1.23.

(iv) *Perpustakaan Negara*

Aktiviti ini dibahagikan kepada 5 sub-aktiviti seperti berikut:

(*a*) Perkhidmatan Perolehan

Tugas penting Perkhidmatan Perolehan ialah memperoleh serta membina satu koleksi lengkap bahan-bahan perpustakaan bagi Perpustakaan Negara untuk kegunaan umum. Perolehan bahan-bahan tersebut termasuk buku, terbitan berkala, dan juga, maikerofilem, peta, gambar, dll., dengan cara pembelian, hadiah dan pertukaran. Perkhidmatan ini sedang giat untuk memperoleh koleksi Malaysia yang lengkap, yang diterbitkan di dalam ataupun di luar negeri.

Perkhidmatan ini juga bertanggungjawab mengenai jilid-menjilid koleksi-koleksi bersiri serta membaiki bahan-bahan yang telah usang untuk simpanan.

Beban-kerja

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
1. Perolehan monograf (naskhah)	6,437	34,000	37,000
2. Perolehan terbitan-terbitan berkala (judul)	1,304	1,750	2,500
3. Perolehan bahan pandang-dengar (judul)	93	50	400
4. Menjilid (jilid)	1,071	2,000	2,625
5. Maikerofilem (kaki)	31,259	27,888	40,000
6. Menjilid pelbagai	2,080	2,000	1,750

Harga hitung panjang bagi satu yunit beban-kerja ialah $10.21.

(*b*) Perkhidmatan Katalog/Kelasifikasi

Perkhidmatan Katalog/Kelasifikasi, bertanggungjawab memproses segala bahan-bahan perpustakaan yang telah diperolehi. Bahan-bahan tersebut yang terdiri bukan sahaja daripada buku-buku tetapi juga terbitan berkala dan bahan-bahan pandang-dengar hendaklah dikatalog dan dikelas mengikut sistem yang digunakan di Perpustakaan Negara untuk mendapatkan maklumat dengan cepat dan lengkap. Tugas ini memerlukan kemahiran professional yang tinggi dan di dalam peringkat perkembangan perpustakaan di sinilah tenaga ikhtisas yang amat perlu ditumpukan.

Perkhidmatan ini juga bertanggungjawab menguruskan projek Katalog Induk yang telah dilancarkan sejak tahun 1969.

Beban-kerja

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
1. Memproses bahan-bahan terbitan	4,009	9,400	37,400
2. Katalog Induk (entri)	—	—	180,000

Harga hitung panjang bagi satu yunit beban-kerja ialah $0.84.

(*c*) Perkhidmatan Rujukan

Tugas utama Perkhidmatan Rujukan ialah memberi kemudahan rujukan yang lengkap kepada jabatan-jabatan Kerajaan, perpustakaan-perpustakaan serta orang ramai, dengan menggunakan segala kemudahan-kemudahan yang telah disediakan oleh Perpustakaan Negara.

Antara lain, Perkhidmatan ini bertanggungjawab membantu pembaca dalam penggunaan koleksi perpustakaan, menjawab pertanyaan rujukan (melalui talipun/surat/bersendirian), menyediakan senarai bacaan atau bibliografi mengenai berbagai perkara dan menguruskan pinjaman antara perpustakaan.

Kutipan Hasil

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(*a*) Maikerofilem	1,190	1,000	1,200
(*b*) Salinan Xerox	199	250	350
Jumlah ...	1,389	1,250	1,550

Beban-kerja

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
1. Pertanyaan rujuk melalui talipun/surat/persendirian	1,685	1,700	1,800
2. Pinjaman kepada kakitangan (item)	388	400	430
3. Pinjaman antara perpustakaan (item)	236	250	320
4. Perkhidmatan kepada pembaca—			
(*a*) jumlah pembaca	13,062	13,100	13,200
(*b*) jumlah terbitan yang dirujuk (item)	13,260	13,300	14,600
5. Mengurus risalah, peta dll. ...	1,057	1,300	1,500
6. Menyusun bibliografi/senarai bacaan	26	40	50

Harga hitung panjang bagi satu yunit beban-kerja ialah $2.49.

(*d*) Perkhidmatan Bibliografi Negara

Perkhidmatan Bibliografi Negara bertanggungjawab bagi penerimaan dan pendaftaran bahan-bahan terbitan yang diterbitkan di Malaysia yang diterima di bawah Undang-undang Pemeliharaan Buku-buku, 1966. Bahan-bahan terbitan ini kemudian dikatalog serta dikelas untuk dimuatkan ke dalam Bibliografi Negara yang diterbitkan pada tiap-tiap tahun.

Pada ketika ini Perkhidmatan ini adalah dua tahun berkebelakangan di dalam penyediaan Bibliografi Negara dan adalah dijangkakan bahawa dengan tambahan kakitangan penyediaan bibliografi ini dapat dikemaskini pada tahun 1975.

Kutipan Hasil

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(*a*) Bibliografi Negara Malaysia ...	$687	$760	$840

Beban-kerja

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
1. Penerimaan terbitan di bawah Undang-undang (keluaran) ...	21,319	27,300	34,800
2. Pendaftaran (judul)	1,851	2,280	2,750
3. Kolasi (naskhah)	1,000	1,360	1,625
4. Menyusun terbitan di atas rak (item)	33,051	35,350	40,000
5. Bibliografi Negara Malaysia (projek)	913	2,500	4,000

Harga hitung panjang bagi satu yunit beban-kerja ialah $1.32.

(*e*) Perkhidmatan Pembangunan Perpustakaan

Perkhidmatan ini bertanggungjawab untuk memajukan dan menyelaraskan semua perkhidmatan perpustakaan dalam negeri ini. Pada masa sekarang perkhidmatan perunding dan nasihat sahaja dapat diberi terutama sekali untuk pembangunan Perpustakaan awam di Semenanjung Malaysia, sungguhpun perkhidmatan-perkhidmatan itu ada diberi kepada Kementerian-kementerian, jabatan-jabatan Kerajaan dan Badan-badan berkanun.

Beban-kerja tidak dapat dihitung oleh sebab perkhidmatan ini bergantung kepada pembangunan di luar Perpustakaan Negara.

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	712,736	871,065	941,141
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	22,146	4,000	57,360
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ...	18,591	24,870	25,109
	Jumlah Gaji ...	753,473	899,935	1,023,610

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	23,179	26,266	26,550
2200	Pengangkutan Barang-barang ...	1,698	3,400	3,800
2300	Kemudahan Perhubungan ...	12,301	15,600	16,300
2400	Api, Air dan Letrik dll.	22,024	27,340	32,750
2500	Sewa	141,040	142,420	142,160
2600	Perkhidmatan Pencetakan ...	15,337	23,470	23,730
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	77,809	93,020	106,100
2800	Perkhidmatan Pelbagai	16,715	12,540	15,550
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	225,954	168,009	147,550
	Jumlah ...	1,289,530	1,412,000	1,538,100

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974	Bilangan	Anggaran Tahun 1975
		$		$		$
(i) Pentadbiran Am	19	150,423	18	163,990	17	171,030
(ii) Pengurusan Rekod ..	32	138,112	33	120,080	45	184,200
(iii) Pengurusan Arkib ..	57	231,894	73	314,846	61	311,100
(iv) Perpustakaan Negara ..	63	233,044	88	301,019	89	357,280
Jumlah ..	171	753,473	212	899,935	212	1,023,610

3. Anggaran Pembangunan

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
1.	Bangunan Arkib Negara	43,808	600,000	400,000
2.	Perpustakaan Negara	50,000	240,000	314,000
3.	Tambahan kepada Bangunan Gedung	—	5,000	8,000
	Jumlah ...	93,808	845,000	722,000

Kemajuan kerja-kerja Pembinaan

(1) *Bangunan Arkib Negara*

Projek bangunan Arkib Negara yang sekarang ini di dalam peringkat awal persediaannya dijangka akan siap dalam tahun 1976. Dalam tahun 1975 adalah dijangka bahawa kerja-kerja pembinaan akan dapat dimulakan.

Arkib Negara menjalankan tugas dan matlamat seperti yang termaktub di bawah Akta Arkib Negara, 1966 dan di antara tugas-tugas dan tanggungjawab pentingnya ialah menyediakan kemudahan untuk penyimpanan, pemeliharaan dan penyelidikan bahan-bahan arkib dan rekod negara untuk jabatan-jabatan Kerajaan dan orangramai. Sehingga masa ini Arkib Negara telah mengalami beberapa kesulitan untuk menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan kepadanya oleh kerana kekurangan ruang pejabat. Apabila projek Arkib Negara ini selesai kelak Arkib Negara akan mempunyai kemampuan penuh untuk mencapai matlamat-matlamat yang ditetapkan oleh Akta Arkib Negara dan akan dapat menggunakan dengan optima ruang pejabat, alat-alat kelengkapan dan tenaga manusia di dalam perkhidmatan awam di dalam perkara penyimpanan dan pemiliharaan rekod-rekod Kerajaan.

Tujuan Kerajaan ialah untuk mengadakan satu bangunan yang khas di mana segala rekod dan arkib Kerajaan yang mencerminkan warisan kebudayaan, kehidupan dan kemajuan negara akan dapat diabadikan di sebuah bangunan yang sesuai. Pemeliharaan bahan-bahan bersejarah ini akan menggalakkan penulisan sejarah Malaysia yang berasaskan sumber-sumber tempatan dan berteraskan kepada negara. Dengan demikian Arkib Negara akan dapat memberi suatu sumbangan yang besar di dalam memupuk semangat dan perpaduan di kalangan rakyat-rakyat terhadap negara Malaysia.

(2) *Perpustakaan Negara*

(*a*) Bangunan Perpustakaan Negara

Perpustakaan Negara mempunyai tanggungjawab untuk memelihara bahan-bahan bercetak dan berkaitan dengannya yang mencerminkan warisan kebudayaan negara dan menyimpan segala bahan yang akan mewujudkan satu pusat maklumat yang dikehendaki oleh negara. Ianya mempunyai tanggungjawab untuk menyediakan sumber-sumber maklumat dan perkhidmatan dengan bertujuan untuk memupuk dan mengkayakan perkembangan kebudayaan, intelektual dan ekonomi rakyat-rakyatnya. Untuk menjalankan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan kepadanya ini perpustakaan Negara memerlukan sebuah bangunan yang khas di mana segala tugas-tugas yang begitu "specialise" dan ikhtisas dapat diselenggarakan dengan sempurna.

(*b*) Pembangunan Perpustakaan Awam

Perpustakaan Negara menyediakan satu sistem perkhidmatan perpustakaan awam yang meliputi seluruh negara. Perkhidmatan perpustakaan awam adalah penting kepada pembangunan negara kerana ianya menyediakan bahan-bahan bacaan dan membekalkan perkhidmatan penerangan kepada rakyat di seluruh negara. Perpustakaan Negara ditugaskan memberi bantuan kewangan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk membangunkan perpustakaan-perpustakaan awam di dalam ataupun di luar bandar. Peruntukan yang telah diberikan di bawah Rancangan Malaysia Kedua untuk maksud ini berjumlah $500,000. Bantuan telah mula diberi kepada beberapa Kerajaan Negeri untuk penubuhan perpustakaan-perpustakaan awamnya dalam tahun 1972 dan 1973. Adalah dijangka bahawa dalam tahun 1974 banyak lagi Kerajaan-kerajaan Negeri akan menubuhkan perpustakaan awamnya sendiri.

(3) *Tambahan kepada Bangunan Gedung*

Arkib Negara menerima rekod-rekod Kerajaan dari seluruh Malaysia dan rekod-rekod ini mengandungi bahan-bahan penerangan yang penting kepada negara. Pelaksanaan program Pengurusan Rekod—pemeliharaan, penyimpanan oleh pemindahan serta pemusnahannya ialah satu cara di mana Kerajaan dapat mencapai ekonomi dan kelicinan di dalam menjalankan pentadbirannya.

Perkhidmatan Rekod ialah satu perkhidmatan gunasama dan jabatan-jabatan Kerajaan yang menggunakan perkhidmatan ini akan dapat menjimatkan perbelanjaan bagi ruang pejabat, kelengkapan serta kakitangannya.

Pembinaan ruang tambahan untuk Pusat Perkhidmatan Rekod telah siap dalam tahun 1974. Dengan ruang tambahan ini ianya akan dapat memberikan tambahan tempat simpanan kepada Pusat Perkhidmatan Rekod dan akan membolehkan penerimaan banyak lagi rekod Kerajaan yang sedang menunggu pemindahan daripada Jabatan-jabatan.

4. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Belanja Mengurus	1,289,530	1,412,000	1,538,100
Belanja Pembangunan	93,808	845,000	722,000
Jumlah Besar ...	1,383,338	2,257,000	2,260,100

JABATAN PERTAHANAN AWAM

Kepala Bekalan 53	...	**$906,700**
Jumlah	...	**$906,700**

BELANJA MENGURUS

Peruntukan 1975	... ...	**$906,700**
Peruntukan 1974	... ...	**888,000**
Perubahan	...	**+ $ 18,700**

1. Tujuan-tujuan

Tujuan Jabatan ini sekarang bukan sahaja sebagai sebuah pertubuhan untuk menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab bagi menghadapi kemungkinan peperangan, tetapi ia juga dikehendaki menjalankan tugas-tugas perkhidmatan bencana alam dalam masa aman. Untuk mencapai tujuan ini, fungsi Jabatan Pertahanan Awam adalah seperti berikut:

(*a*) Mengurus, melatih dan melengkapkan Ahli-ahli Sukarela Pasukan Pertahanan Awam untuk menghadapi sesuatu bencana supaya dapat berkembang kepada suatu tenaga yang perlu di masa peperangan;

(*b*) Memberi kursus latihan kepada orang-orang awam khasnya kepada penduduk luar bandar dalam semua aspek Pertahanan Awam supaya mereka dapat membantu diri mereka dan juga jiran-jiran mereka dalam masa kecemasan;

(*c*) Menasihatkan Jabatan-jabatan lain, kemudahan awam dan sektor-sektor perindustrian dan perdagangan mengenai rancangan-rancangan Pertahanan Awam dan membantu mereka apabila dikehendaki;

(*d*) Memperolehi dan menyimpan semua alat kelengkapan yang perlu untuk tindakan Pertahanan Awam semasa kecemasan;

(*e*) Membantu Perkhidmatan-perkhidmatan yang berkenaan seperti Polis, Bomba, Perubatan, Kebajikan Masyarakat dan sebagainya dalam masa-masa bencana atau kecemasan; dan

(*f*) Merancang dan melaksanakan semua sekim-sekim non-operasional Pertahanan Awam yang ditugaskan kepada Jabatan ini.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Peruntukan Tahun 1974 $	Anggaran Tahun 1975 $
(i) Pentadbiran Am	304,867	340,000	378,000
(ii) Latihan Ahli-ahli Sukarela ...	511,320	548,000	528,700
Jumlah ...	816,187	888,000	906,700

(i) *Pentadbiran Am*

Ketua Pengarah Pertahanan Awam adalah bertanggungjawab terus bagi tiap-tiap pejabat cawangan kerana hampir kesemua pejabat-pejabat itu adalah di bawah jagaan seorang pegawai sahaja tanpa lain-lain pekerja. Oleh itu beban-kerja yang banyak adalah berpusat kepada peringkat Ibu Pejabat seperti berikut:

(*a*) Lawatan-lawatan seliaan ke pejabat-pejabat cawangan.

(*b*) Urusan perbelanjaan dan bayaran elaun latihan.

(*c*) Pentadbiran perkara-perkara perkhidmatan, penyelenggaraan stor, latihan, perancangan, gerakan dan sebagainya.

(*d*) Urusan naik pangkat dan tatatertib Angguta Pasukan.

(*e*) Menganjurkan bengkel-bengkelkerja, seminar dan persidangan.

(*f*) Pengeluaran nota-nota latihan dan syarahan.

BEBAN-KERJA

	Sebenar 1973	Dianggarkan 1974	Dianggarkan 1975
(*a*) Rekod-rekod pekerja yang diselenggarakan	82	87	90
(*b*) Rekod-rekod Ahli Sukarela Pasukan diselenggarakan ...	3,827	4,500	4,500
(*c*) Bilangan Daftar Pembayaran yang disediakan dan diperiksa ...	2,487	1,980	2,300
(*d*) Bilangan baucer-baucer yang disediakan dan diperiksa	1,103	1,400	1,400
(*e*) Bilangan bayaran kepada Ahli-ahli sukarela	2,452	3,920	3,920
(*f*) Bilangan Urusan naik pangkat Angguta Pasukan	110	350	200

(ii) *Latihan Ahli-ahli Sukarela*

Latihan ahli-ahli sukarela Pasukan Pertahanan Awam adalah aktiviti yang utama bagi Jabatan ini dan dijalankan seminggu sekali di 15 cawangan di Semenanjung Malaysia dan 4 cawangan di Sabah dan 4 cawangan di Sarawak. Jumlah ahli-ahli sukarela Pasukan yang dilatih dalam semua aspek Pertahanan Awam mengikut seksyen-seksyen di seluruh Malaysia adalah seperti berikut:

	Sebenar 1973	Anggaran 1974	Anggaran 1975
Ibu Pejabat (Kawalan dan Perhubungan)	529	675	675
Penyelamat	719	900	900
Wadan	599	675	675
Ambulan	569	675	675
Kebajikan	614	675	675
Bomba Tambahan	797	900	900
Jumlah ...	3,827	4,500	4,500

Selain dari latihan di atas, lain kegiatan adalah juga dijalankan oleh Pasukan Pertahanan Awam seperti berikut:

(1) Latihan dan kursus-kursus adalah diberi juga kepada orang-orang awam khasnya penduduk-penduduk luar bandar dan belia-belia dari berbagai kelab dan persatuan. Jenis-jenis latihan yang diberi adalah mengenai pertolongan cemas asas, penyelamatan asas, melawan kebakaran asas dan cara-cara mentadbir dan menguruskan pusat-pusat bantuan.

(2) Tugas-tugas bantuan bencana awam seperti banjir, kebakaran besar, ribut dan sebagainya.

Kos Yunit

Kos Yunit untuk melatih seorang Ahli untuk satu tahun adalah seperti berikut:

	Sebenar 1973	Anggaran 1974	Anggaran 1975
Bilangan Ahli untuk Latihan ...	3,827	4,500	4,500
Kos Yunit Purata	$133.61	$121.78	$117.48
Jumlah Harga ...	$511,320	$548,000	$528,700

BEBAN-KERJA

	Sebenar 1973	Anggaran 1974	Anggaran 1975
Bilangan kelas untuk Latihan Angguta Pasukan	1,226	1,980	1,980
Jumlah mangsa-mangsa banjir yang dijagai	6,787	7,000	7,000
Bilangan orang-orang awam yang mengikuti kursus Pertahanan Awam	304	350	350
Pengambilan angguta baru Pasukan	—	1,400	—

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973 $	Peruntukan Tahun 1974 $	Anggaran Tahun 1975 $
1100	Gaji dan Upahan	369,260	407,810	434,990
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	28,769	31,800	48,000
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ...	12,134	18,090	18,810
	Jumlah Gaji ...	410,163	457,700	501,800
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	196,984	257,900	285,500
2200	Pengangkutan Barang-barang ...	1,040	700	1,000
2300	Kemudahan Perhubungan ...	13,511	17,360	17,360
2400	Api, Air dan Letrik dll.	8,296	11,250	11,240
2500	Sewa	8,701	11,900	8,200
2600	Perkhidmatan Pencetakan ...	935	2,550	2,500
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	131,667	19,300	24,600
2800	Perkhidmatan Pelbagai	32,424	23,880	27,400
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	12,466	85,460	27,100
	Jumlah ...	816,187	888,000	906,700

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974	Bilangan	Anggaran Tahun 1975
		$		$		$
(i) Pentadbiran Am	50	224,619	50	251,000	50	290,000
(ii) Latihan Ahli-ahli Sukarela	40	185,544	40	206,700	40	211,800
Jumlah ..	90	410,163	90	457,700	90	501,800

3. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Belanja Mengurus—			
Semenanjung Malaysia	628,238	670,918	685,582
Sarawak	81,252	103,807	106,913
Sabah	106,697	113,275	114,205
Jumlah ...	816,187	888,000	906,700

JABATAN PERCETAKAN

Kepala Bekalan 54	...	**$ 9,888,600**
Kepala Pembangunan 54	...	**560,158**
Jumlah	...	**$10,448,758**

	Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975 ...	**$9,888,600**	**$ 560,158**	**$10,448,758**
Peruntukan 1974 ...	**8,243,330**	**2,385,020**	**10,628,350**
Perubahan ...	**+ $1,645,270**	**— $1,842,862**	**— $ 179,592**

1. Tujuan-tujuan

(*a*) Memberi perkhidmatan umum bagi percetakan dan penerbitan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan Persekutuan dan Badan-badan Berkanun (termasuk *Warta* Kerajaan, Rang Undang-undang, Akta-akta, Penerbitan Undang-undang, Cetakan Semula Undang-undang dll.) secara pulang modal dan juga pihak tunggal yang berkuasa bagi mencetak dokumen-dokumen Kerajaan;

(*b*) Menitik-beratkan bekalan yang cukup bagi borang-borang dan alatulis-alatulis bagi Jabatan-jabatan untuk kegunaan Kerajaan Negeri dan Persekutuan dan juga Badan-badan Separa-Kerajaan;

(*c*) Menitik-beratkan supaya penerbitan Kerajaan sampai ke kalangan pembaca-pembaca awam boleh mendapat tahu berkenaan dengan polisi-polisi dan Undang-undang Kerajaan secara penyebaran dan penjualan; dan

(*d*) Memberi perkhidmatan penasihat di atas semua perkara berthabit dengan percetakan kepada Jabatan-jabatan Kerajaan.

2. Belanja Mengurus—Belanja Mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran Am—			
Semenanjung Malaysia	689,971	678,000	661,100
Sarawak	123,803	131,000	142,500
(ii) Percetakan—			
Semenanjung Malaysia	5,620,578	5,500,000	6,784,760
Sarawak	1,026,373	1,125,500	1,349,380
(iii) Penjualan dan Pembahagian Penerbitan—			
Semenanjung Malaysia	74,379	84,950	101,800
Sarawak	10,574	14,880	14,860
(iv) Pembelian dan Pembekalan Alatulis dan Borang-borang Bercetak—			
Semenanjung Malaysia	250,770	335,000	327,400
Sarawak	248,338	374,000	464,300
(v) Perancangan dan Penyelarasan—			
Semenanjung Malaysia	—	—	42,500
Jumlah ..	8,044,786	8,243,330	9,888,600

Prestasi

(i) *Pentadbiran Am*

Mentadbir Ibu Pejabat Percetakan di Kuala Lumpur, empat cawangan Pejabat Cetak dan lain-lain unit percetakan di Jabatan-jabatan lain berhubung dengan kewangan, akaun dan perkara-perkara dasar.

Jabatan Cetak di Sarawak ditadbirkan oleh Pencetak Kerajaan, Sarawak.

(ii) *Percetakan*

SEMENANJUNG MALAYSIA

Dengan pembelian alat-alat jentera yang moden dalam masa tiga tahun yang lalu Bahagian Menjilid Buku telah mengalami pembaharuan untuk menjalan dan mencapai penghasilan kerja-kerja jilid yang rumit. Masaalah-masaalah yang timbul pada permulaannya akan dapat diatasi dalam tahun 1975. Dan adalah diharapkan bahawa pengeluaran 100% dapat dicapai selepas itu. Pengeluaran akan bertambah sebanyak 50% berbanding dengan beberapa tahun yang lepas.

Tidak ada rancangan baharu yang telah dimasukkan dalam tahun 1975.

	1973	1974	1975
Warta-warta Kerajaan dicetak (Muka surat)	55,731,500	56,000,000	56,500,000
(Harga 1 sen 1 muka surat)	1 sen	1 sen	1 sen
Harga Pengeluaran Warta Kerajaan ..	557,315	560,000	904,000
Buku-buku dicetak (muka surat) ..	1,658,785	2,400,000	2,400,000
Harga tiap-tiap sebuah buku	$1.40	$1.40	$1.40
Harga pengeluaran buku-buku ..	$2,322,299	$3,360,000	$4,800,000
Kertas-kertas Soalan Peperiksaan ..	1,100,000	1,350,000	1,700,000
Harga satu kertas Soalan Peperiksaan	8.9 sen	12 sen	12 sen
Harga Pengeluaran Kertas-kertas Soalan Peperiksaan	$96,567	$162,000	$204,000
Borang-borang dicetak (helai) ..	135,350,982	200,000,000	200,000,000
Harga tiap-tiap satu borang	0.9 sen	0.9 sen	1.5 sen
Harga Pengeluaran borang-borang ..	$1,218,159	$1,800,000	$3,000,000
Pad	497,459	600,000	650,000
Harga tiap-tiap satu Pad	$1.20	$1.20	$1.60
Harga pengeluaran Pad-pad	$596,950	$720,000	$1,040,000

SARAWAK

Borang (helai)	19,459,000	20,000,000	21,000,000
Pad	67,550	75,000	83,000
Buku-buku	528,900	600,000	650,000
Gazette (Sarawak) (muka surat) ..	2,019,600	2,020,000	2,020,000

(iii) *Penjualan dan Pembahagian Penerbitan*

Penjualan dijalankan melalui wakil-wakil yang dilantik dan di meja jualan (counter) pejabat-pejabat percetakan dan mengikut kira hitungan panjang seramai 100 orang datang membeli penerbitan-penerbitan tiap-tiap hari. Hasil-hasil didapati untuk empat tahun lepas adalah seperti berikut:

Tahun 1970	$333,967
Tahun 1971	542,583
Tahun 1972	407,958
Tahun 1973	482,085

BEBAN-KERJA

	1973	1974	1975
Penerimaan Penerbitan untuk Penjualan atau Pembahagian ..	1,632 tajuk	1,850 tajuk	1,850 tajuk
Bilangan Penerbitan kepada Jabatan-jabatan Kerajaan ..	3,120	3,400	3,400
Bilangan Jualan Tunai	29,160	32,000	32,000
Bilangan Bekalan Percuma kepada Jabatan-jabatan Kerajaan ..	12,132	13,000	14,000
Harga tiap-tiap satu pengeluaran	1.62	1.90	1.91

PERBANDINGAN PELAKSANAAN TUGAS-TUGAS

SARAWAK

	1973	1974	1975
Pekeliling Secretariat	—	450	500
Pekeliling Perbendaharaan ..	14,325	15,000	15,500
Notis Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	393,730	394,000	394,500
Warta Kerajaan Sarawak ..	92,500	95,000	96,000
Warta Sarawak	3,990	3,900	3,900
Lain-lain Penerbitan	11,900	2,000	2,000

(iv) *Pembelian dan Pembekalan Alatulis dan Borang-borang Bercetak*

Dengan berkembangnya jentera Kerajaan sudah tentu keperluan-keperluan alatulis-alatulis dan borang bercetak akan bertambah.

SEMENANJUNG MALAYSIA

Alatulis diterima

	1972	1973	1974	1975
Buku (delivery orders)	31	10	7	15
Sampul surat (Delivery Orders) ..	46	42	25	35
Kertas dan Carbon (Delivery Orders)	24	13	11	15
Pensil (Delivery Orders)	6	4	2	10
Lain-lain (Delivery Orders)	92	60	26	30
	199	129	71	105
Bilangan Cap Getah dibekal ..	12,351	9,087	10,000	11,000
Bilangan Borang-borang	5,700	4,696	6,000	7,000
Bilangan Pengeluaran Alatulis (pukul rata 10 Butiran)	8,629	183	170	170
Bilangan Cap Getah (pukul rata 10 Sekeluaran)	1,235	900	1,000	2,000
Bilangan Borang-borang (pukul rata 10 Borang Sekeluaran)	86,709	86,061	87,000	88,000
Harga tiap-tiap satu pengeluaran atau penerimaan	$2.38	$2.37	$2.75	$2.95

SARAWAK

	1973	1974	1975
Keperluan yang diterima	6,500	7,000	7,500
Pengeluaran yang dibuat	20,000	20,500	21,000
Bungkusan-bungkusan yang diterima	2,570	2,800	3,000
Bungkusan-bungkusan yang dikirimkan	4,100	4,200	4,300

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan—			
	Semenanjung Malaysia	3,376,255	3,689,800	3,715,600
	Sarawak	715,684	713,050	827,380
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang—			
	Semenanjung Malaysia	83,279	—	292,760
	Sarawak	177,590	174,160	201,860
1300	Tambahan Gaji Kakitangan—			
	Semenanjung Malaysia	53,820	68,200	50,500
	Sarawak	9,039	10,320	10,850
	Jumlah Gaji ..	4,415,667	4,655,530	5,098,950
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang—			
	Semenanjung Malaysia	20,151	25,250	26,300
	Sarawak	14,452	20,300	20,200
2200	Pengangkutan Barang-barang—			
	Semenanjung Malaysia	75,525	99,000	99,000
	Sarawak	26,708	29,100	33,300
2300	Kemudahan Perhubungan—			
	Semenanjung Malaysia	32,521	36,700	38,700
	Sarawak	2,627	2,900	3,500
2400	Api, Air dan Letrik dll.—			
	Semenanjung Malaysia	93,765	90,100	100,100
	Sarawak	15,449	19,500	20,700
2600	Perkhidmatan Pencetakan—			
	Semenanjung Malaysia	—	1,000	1,000
	Sarawak	3,957	5,000	5,500
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan—			
	Semenanjung Malaysia	2,846,328	2,509,500	3,536,200
	Sarawak	439,633	653,800	841,500
2800	Perkhidmatan Pelbagai—			
	Semenanjung Malaysia	29,222	31,500	32,700
	Sarawak	1,629	3,000	3,000
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan—			
	Semenanjung Malaysia	24,172	46,900	18,250
	Sarawak	2,330	14,250	1,200
3300	Pembinaan—			
	Semenanjung Malaysia	650	—	6,500
	Sarawak	—	—	2,000
	Jumlah ..	8,044,786	8,243,330	9,888,600

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974	Bilangan	Anggaran Tahun 1975
		$		$		$
(i) Pentadbiran Am—						
Semenanjung Malaysia	136	614,725	151	606,000	151	590,000
Sarawak	17	114,349	18	109,000	18	128,800
(ii) Percetakan—						
Semenanjung Malaysia	737	2,686,364	801	2,880,000	801	3,156,160
Sarawak	143	735,851	148	732,000	148	854,130
(iii) Penjualan dan Pembahagian Penerbitan—						
Semenanjung Malaysia	21	45,005	17	50,000	17	61,700
Sarawak	2	7,748	2	10,530	2	10,560
(iv) Pembelian dan Pembekalan Alatulis dan Borang-borang Bercetak—						
Semenanjung Malaysia	62	167,260	72	222,000	72	210,200
Sarawak	6	44,365	6	46,000	6	46,600
(v) Perancangan dan Penyelarasan—						
Semenanjung Malaysia	—	—	—	—	5	40,800
Sarawak	—	—	5	—	—	—
Jumlah ..	1,124	4,415,667	1,220	4,655,530	1,220	5,098,950

3. Anggaran Pembangunan

SEMENANJUNG MALAYSIA

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
1. Pejabat Baharu Percetakan Johor Baharu	78,728	—	—
2. Mesin dan Kelengkapan	1,566,565	2,225,000	158,883
3. Tambahan bagi Ibu Pejabat Percetakan, Kuala Lumpur	105,925	20	400,000
21. Mesin dan Kelengkapan—Menambah dan memperbaiki bangunan ..	198,870	160,000	1,275
Jumlah ..	1,950,088	2,385,020	560,158

Kemajuan Kerja-kerja Pembinaan

Mesin dan Kelengkapan

Alat-alat kelengkapan dan Mesin telah dibeli pada tahun 1972, 1973 dan 1974. Peruntukan sebanyak $158,883 akan digunakan bagi membeli mesin-mesin yang moden untuk tahun 1975. Oleh kerana mesin-mesin yang lebih moden dan lengkap telah digunakan, maka pengeluaran akan bertambah dari masa ke semasa.

Tambahan bagi Ibu Pejabat Percetakan—Kuala Lumpur

Bangunan baharu untuk Bahagian Pentadbiran telah siap pada tahun 1974. Sementara Setor Kertas telah dibena pada awal tahun 1974 dan akan siap pada tahun 1975. Wang peruntukan sebanyak $400,000 akan digunakan bagi pembenaan tersebut dan juga untuk bayaran simpanan 5% untuk Pejabat baharu. Setor Kertas ini adalah digunakan untuk menyimpan kertas dan borang-borang.

Apabila Setor Kertas ini siap dibena maka lebih banyak lagi tempat-tempat kosong untuk Bahagian Jilid Buku, Mesin dan bahagian lain. Ini akan menghasilkan cara bekerja yang lebih cekap dan teratur.

4. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Belanja Mengurus—			
Semenanjung Malaysia	6,635,698	6,597,950	7,917,610
Sarawak	1,409,088	1,645,380	1,970,990
Belanja Pembangunan—			
Semenanjung Malaysia	1,751,218	2,225,020	558,883
Sarawak	198,870	160,000	1,275
Jumlah Besar ..	9,994,874	10,628,350	10,448,758

MUZIUM

Kepala Bekalan 55	**$1,058,600**
Kepala Pembangunan 55 ...	**305,000**
Jumlah ...	**$1,363,600**

	Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975 ...	**$1,058,600**	**$305,000**	**$1,363,600**
Peruntukan 1974 ...	**$1,006,293**	**$221,990**	**$1,228,283**
Perubahan ...	**+ $ 52,307**	**+ $183,010**	**+ $ 135,317**

1. Tujuan-tujuan

Peranan Jabatan Muzium ialah untuk menyebarkan pengetahuan tentang kekayaan warisan kebudayaan tradisional serta menyelamat dan melindungi harta kebudayaan negara. Ini diperolehi melalui pungutan-pungutan, peliharaan-peliharaan, pamiran-pamiran dan selidikan. Di dalam tugasnya mencari kesan-kesan peninggalan zaman silam, Muzium menganjurkan kerja menggali di kawasan-kawasan yang tertentu, menjelajah gua-gua, menganjur penyelidikan ke atas tempat-tempat purba dan bersejarah dan bangunan-bangunan termasuk tempat-tempat memuja, kota-kota dan tempat-tempat utama di mana orang dahulukala tinggal. Memelihara dan menyelamat tempat-tempat dan bangunan-bangunan seperti ini adalah terkawal di bawah undang-undang "Antiquities and Treasure Trove Ordinance No. 14/1957".

Jabatan ini membiayai Muzium Negara di Kuala Lumpur dan Muzium Perak di Taiping. Juga berkhidmat sebagai penasihat kepada Muzium-muzium yang dikelolakan oleh Negeri-negeri di Melaka, Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Kedah dan juga membantu lain-lain negeri di dalam membina Muzium Negeri mereka sendiri. Tugas-tugas jabatan ini termasuklah:

(*a*) Memungut dan memelihara bahan bahan antik dan contoh-contoh kajihaiwan dan menyediakan untuk pamiran di dalam balai-balai bagi pengetahuan orang ramai;

(*b*) Menyelenggara kawasan-kawasan bersejarah dan candi-candi;

(*c*) Memimpin kerja-kerja menggali Kaji Purba;

(*d*) Berusaha mengkaji sejarah bangunan-bangunan, kawasan-kawasan dan gua-gua dan disenaraikan sebagai harta kebudayaan negara;

(*e*) Memelihara dan menyelamat harta-harta kebudayaan negara;

(*f*) Menyelenggara sebuah perpustakaan rujukan dan mengadakan kemudahan-kemudahan untuk penuntut-penuntut dan pekerja-pekerja penyelidikan;

(*g*) Mencetak Majallah Muzium (Museums Journal) yang mengandungi makalah-makalah sains dan yang berfaedah kepada muzium-muzium;

(*h*) Menyusun pamiran-pamiran sementara di Muzium-muzium, di Perhentian Keretapi, Kuala Lumpur dan di Lapangan Terbang Antarabangsa;

(*i*) Meminjamkan bahan-bahan untuk pamiran-pamiran di sekolah-sekolah dan menyusun ceramah-ceramah dan syarahan-syarahan;

(*j*) Mengadakan alat-alat kemudahan bagi kelas Seni Lukis Kanak-kanak; dan

(*k*) Mengadakan Kemudahan-kemudahan dan membantu lain-lain pertubuhan kebudayaan untuk mempamirkan bahan-bahan pungutan mereka.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran Am	153,977	188,044	382,706
(ii) Pamiran	342,212	412,422	286,124
(iii) Ethnoloji	72,723	107,444	93,972
(iv) Kaji Purba	65,099	107,490	152,900
(v) Ilmu Kejadian	85,398	104,921	95,534
(vi) Khidmat Sekolah	18,908	85,972	47,364
Jumlah ...	738,317	1,006,293	1,058,600

Prestasi

(i) *Pentadbiran Am*

Bahagian ini bertanggungjawab melaksanakan undang-undang, mengelola urusan-urusan perkhidmatan, mengawal kewangan dan setor dan menyelenggara perpustakaan di Muzium Negara dan Muzium Perak.

Perpustakaan di Muzium Negara menyediakan kemudahan-kemudahan menyelidik untuk pegawai-pegawai penyelidik Muzium dan juga untuk penuntut-penuntut, pegawai-pegawai Kerajaan dan ahli-ahli terpelajar dari luar negeri. Jumlah perolehan dipunyai oleh Perpustakaan Muzium Negara dijadualkan di bawah ini.

Penerbitan Muzium iaitu Federation Museums Journal Jilid XVI bagi tahun 1971 telah dikeluarkan dalam tahun 1973 dan Jilid XVII bagi tahun 1972 telah dikeluarkan pada awal tahun 1974.

Bahan-bahan dan artikel-artikel bagi Jilid XVIII tahun 1973 telah pun dihantar kepencetakan dan dijangka dikeluarkan pada pertengahan tahun 1974.

Pungutan bahan-bahan artikel-artikel untuk Jilid XIX tahun 1974 sedang dilaksanakan. Rancangan juga telah dibuat untuk menerbitkan buku Panduan ke Balai—Ilmu Kejadian, Balai Aktiviti Ekonomi dan 2 buku Monograf mengenai Matawang dan Medal.

Satu lagi tugas Bahagian ini ialah penubuhan Pusat Rekod-rekod yang akan menyelenggara segala rekod-rekod pungutan dan perolehan Muzium Negara dan Muzium Perak.

BEBAN-KERJA

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Buku-buku Perpustakaan	1,842	1,950	1,980
Majallah-majallah (tajuk)	103	110	120
Bilangan orang-orang yang menggunakan Perpustakaan	250	300	310
Perjanjian bertukar-tukar dengan lain-lain pertubuhan seberang laut dan tempatan (Majallah/Jernal) ...	113	125	130

(ii) *Pamiran*

Bahagian Pamiran sekarang ini telah dibahagikan kepada tiga cawangan: (i) Pereka (ii) Pengeluaran, dan (iii) Keselamatan, dengan seorang Penyelenggara sebagai ketuanya. Bahagian ini terus bertanggungjawab bagi menyelenggara kebaikan pamiran-pamiran tetap dan sementara di Muzium-muzium dan pamiran-pamiran khas di pusat-pusat utama di Kuala Lumpur. Pamiran-pamiran bergerak sedang dirancangkan di bawah Khidmat Pelajaran Muzium untuk negeri-negeri Pantai Timur mulai tahun 1975.

Kerja meminda Muzium Perak di Taiping terus mencapai kemajuan dan dua buah balai yang dipinda akan dibuka semula kepada orang ramai sedikit masa lagi. Pada tahun 1975 kerja pemindaan akan memasuki ke peringkat kedua, adalah diharapkan, ianya akan termasuk lantai mezzanine bagi pertambahan kawasan pamiran.

Cadangan-cadangan untuk meluaskan Muzium Negara dengan tambahan enam buah balai lengkap dengan panggung, kantin, bengkel dan perkhidmatan pelbagai sudah pun terbayang dalam tahun 1975/76 yang hanya menantikan perolehan tanah di bahagian belakangnya. Sementara itu Istana Satu telah pun terdiri berhampiran Muzium Negara dalam projek melancarkan Muzium terbuka.

Di Merbok, Kedah bangunan Muzium di kawasan itu dijangka akan dapat disiapkan dalam tahun 1974 ini dan usaha mempamirkan bahan-bahan akan bermula dalam tahun 1975. Kemudahan-kemudahan untuk Muzium tersebut mendapat perhatian utama.

Program latihan yang diusahakan oleh bahagian ini sedang melangkah maju dengan memasukkan latihan kepada pekerja-pekerja baharu, Pembantu-pembantu Muzium, Juru-juru Gambar, Pelukis-pelukis dan Juru-juru Teknik, selanjutnya pelatih-pelatih dari FELCRA, ITM, Angkatan Bersenjata dan dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan terus berlatih dengan majunya.

Bilangan pelawat-pelawat yang melawat Muzium dalam tahun 1973 berjumlah 3,792,462 orang. Ini melebihi matalamat 3.5 juta. Bilangan ini dijangka akan bertambah sekiranya aktiviti-aktiviti pamiran dapat melipat gandakan usahanya lagi.

BEBAN-KERJA

	Sebenar 1973	Anggaran 1974	Anggaran 1975
1. Pamiran Sementara	10	6	10
2. Pamiran Khas	5	3	4
3. Pamiran Bergerak	3	3	4
4. Pamiran Berkenderaan	—	—	3
5. Menyelenggara Pamiran Luar ...	—	6	8
6. Menyelenggara Balai-balai Pamiran	—	9	10
7. Menyelenggara Studio/Bengkel ...	—	5	6
8. Menyelenggara Setor-setor Pamiran	—	6	8
9. Bilangan Pelatih-pelatih	—	5	10

(iii) *Ethnoloji*

Aktiviti-aktiviti Bahagian Ethnoloji ialah mengenai pengumpulan bahan-bahan Kebudayaan Malaysia (Material Culture) termasuk Seni dan Pertukangan, Ugama dan Kepercayaan, Tradisi Lisan seperti cerita-cerita dongeng dan rakyat, Perubatan Tradisional, Tarian-tarian dan lain-lain pementasan, Permainan dan Hiburan, Matawang, Setem, Pingat dan Bintang Kehormatan, Lencana, Perindustrian dan

Teknoloji dan Ethnografi; merekod, menjenis dan mengkatalog semua bahan-bahan tersebut, memuleh di mana perlu dan mempersembahkan bahan-bahan tersebut untuk pamiran serta juga disimpan untuk kegunaan penyelidikan. Selain daripada itu kerja-kerja Bahagian ini adalah juga mengenai penyelidikan, pengumpulan gambar-gambar, slide dan pita rakaman mengenai barang-barang atau tajuk-tajuk yang berkaitan dengan perkara yang tersebut di atas. Segala penyelidikan mengenai perkara tersebut akan disediakan untuk penerbitan dalam Federation Museums Journal dan lain-lain penerbitan yang diterbitkan oleh Jabatan Muzium.

Pelaksanaan

Tahun 1973 dan 1974

Bahan-bahan Kebudayaan yang telah dikumpulkan dengan cara dibeli dan diterima sebagai hadiah bagi tahun 1973 ialah sebanyak 989.

Untuk menjalankan aktiviti pengumpulan bahan-bahan kebudayaan kakitangan-kakitangan Bahagian ini telah banyak menjalankan kerja-kerja luar dari masa kesemasa termasuklah kunjungan ke Sarawak kerana mengurus untuk membina sebuah rumah panjang Iban di Kawasan Belakang Muzium Negara, Kuala Lumpur.

Di samping itu juga dalam tahun 1973 Bahagian ini telah terlibat dengan secara langsung dalam penyeliaan beberapa pamiran sementara yang telah diadakan di Muzium Negara, Kuala Lumpur. Di antaranya ialah Pamiran Tradisi Lisan Malaysia yang telah diadakan dari 29hb Mac, 1973 hingga 29hb April, 1973 dan juga Demonstrasi Seni Pertukangan Tangan Tradisional Malaysia yang telah diadakan dalam minggu keempat bulan Ogos, 1973 bersempena dengan perayaan 10 tahun tertubuhnya Muzium Negara dan juga bersempena dengan perayaan Hari Kebangsaan Malaysia.

Cawangan Matawang dan Setem yang termasuk di bawah Bahagian ini masih lagi bergiat mengumpulkan contoh-contoh matawang dan setem tempatan dan luar negeri dan juga bintang-bintang kehormatan Malaysia. Pengumpulan lencana-lencana Raja, Tentera, Polis dan Sekolah telah dimulakan dalam tahun 1973. Jumlah bahan-bahan tersebut yang telah dikumpulkan oleh Cawangan ini hingga bulan Mac, 1974 ialah sebanyak 8,033 bahan. Pegawai Teknik Cawangan Matawang ini yang bertanggungjawab kepada Cawangan ini juga menjalankan tugas pengumpulan bahan-bahan kebudavaan dan rakaman muzik tradisional untuk Bahagian Ethnoloji dalam tahun 1973. Sebagai penasihat dan ahli Jawatan-kuasa Pertubuhan Numismatik Malaysia, Cawangan Matawang dan Setem ini telah memainkan peranan penting dalam memberi nasihat dan pertolongan kepada ahli-ahli Pertubuhan tersebut dan juga pengumpul-pengumpul duit lama.

Rancangan untuk tahun 1974 dan 1975

Keria mengumpul bahan-bahan kebudayaan Malaysia akan diteruskan terutamanya dalam bidang pengumpulan Tradisi Lisan Malaysia. Penyelidikan dan rakaman mengenai muzik tradisional Malaysia dan lain-lain pementasan akan dijalankan dengan lebih pesat lagi apabila seorang musicologist akan dapat diambil untuk menjalankan kerja tersebut dalam tahun 1974. Adalah dicadangkan bahawa berikutan dengan pengambilan musicologist tersebut Bahagian ini akan mula menubuhkan satu perpustakaan pita rakaman dan rekod-rekod (tapes and records library) mengenai muzik tradisional dan lain-lain perkara berkaitan dengan performing arts. Adalah dicadangkan juga Bahagian ini nanti akan dapat menerbitkan makallah-makallah berkaitan dengan muzik dan performing arts itu dalam tahun 1975.

Bahagian ini juga telah menguruskan pertandingan dan pamiran Seni Ukiran Kayu Tradisional Malaysia yang telah diadakan pada 31hb Julai, 1974.

Cawangan Matawang dan Setem pula akan terus mencari dan menambahkan bahan-bahan berkaitan dengan Cawangan ini dalam tahun 1974 dan 1975 untuk melengkapkan koleksi tersebut dan kemudiannya akan menjalankan penyelidikan

mengenai bahan-bahan tersebut. Dengan pertolongan dari Kurator Kehormat Cawangan Matawang, Cawangan ini telah merancang untuk menyediakan buku "Early Malay Coins of the Peninsula" dan "Medal and Decorations of Malaysia" dalam tahun 1975. Satu pamiran yang besar berkaitan dengan Bintang-bintang Kehormatan dan bendera-bendera negeri dan juga Panji-panji Di Raja telah juga dicadangkan untuk diadakan dalam tahun 1975.

Cawangan ini masih lagi meneruskan usaha-usaha untuk menghubungi Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mendapatkan Bintang-bintang Kehormatan Negeri untuk melengkapkan koleksi yang ada. Setakat ini hanya 5 buah Negeri sahaja di Malaysia ini yang telah menghadiahkan Set Bintang-bintang Kehormatan mereka kepada Muzium Negara dan adalah diharapkan bahawa Cawangan ini akan memperolehi lagi Bintang-bintang Kehormatan tersebut dari Kerajaan-kerajaan Negeri yang lain pada tahun 1974 dan 1975.

(iv) *Kaji Purba*

Kegiatan Bahagian Kaji Purba, Jabatan Muzium termasuklah menyelenggara, memulih, membina semula dan menyelidik kawasan bersejarah dan monumen di seluruh Semenanjung Malaysia. Penyelidikan termasuk kerja carigali dan menyediakan lapuran. Aktiviti lain bahagian ini ialah menyelenggara balai pamiran tetap, mengatur pamiran sementara dan dari masa kesemasa memberi khidmat kepada sekolah dan pertubuhan lain. Bahagian ini banyak menjalankan penyelidikan dan kerja luar maka hubungan dengan Kerajaan Negeri dan daerah adalah mustahak dijagai hingga ini hubungan Jabatan Muzium khususnya Bahagian Kaji Purba dengan Jabatan Kerajaan Negeri dan daerah adalah baik.

Bahagian Kaji Purba dibahagikan kepada dua cawangan iaitu Cawangan Carigali dan Monumen. Tugas Cawangan Carigali ialah menjalan kerja penyelidikan iaitu mencarigali, membina semula dan mencantikkan kawasan Kaji Purba. Manakala Cawangan Monumen pula menjalankan penyelidikan, pembinaan semula, mencantikkan dan menyelenggarakan monumen dan kawasan bersejarah.

Pada tahun 1974, Bahagian Kajipurba telah menjalankan projek seperti berikut:

(*a*) Cawangan Carigali:

(*a*) Candi Tapak 5 sedang dicarigali.

(*b*) Candi Tapak 49 sedang dicarigali.

(*c*) Candi Tapak 3 dan 11 telah selesai dicarigali dan dibina semula.

Sebuah Muzium Tempatan akan didirikan di Merbok dan Bahagian Penyelarasan, Perlaksanaan dan Kemajuan Pentadbiran, Jabatan Perdana Menteri telah pun melantik akitek perunding untuk menyediakan pelan Muzium tersebut.

(*b*) Cawangan Monumen:

(*a*) *Projek Bandar Sejarah Melaka*

Di bawah projek ini cawangan Monumen telah pun menjalankan pembinaan semula dan kerja-kerja mencantikkan tempat bersejarah yang berikut—

(i) Kota Santiago.
(ii) Perigi Raja.
(iii) Bukit St. Paul.
(iv) Pusara Hang Jebat.
(v) Pusara Hang Kasturi.
(vi) Bukit St. John.

(*b*) *Kota Malawati dan Kota Tanjung Keramat, Kuala Selangor*

Kerja membaiki semula dan mencantikkan kedua-dua Kota tersebut telah selesai.

(c) *Keramat Sungai Udang, Pengkalan Kempas*

Kerja membaiki semula dan mencantikkan sedang dijalankan.

(d) *Kota Belanda di Pulau Pangkor*

Kerja membaiki semula Kota Belanda di Pangkor dan mendirikan bumbung di Batu Bersurat Belanda telah selesai.

(e) *Rumah Tradisi Malaysia*

Bangunan "Istana Satu" telahpun didirikan semula di belakang Muzium Negara.

BEBAN-KERJA

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Taksiran bahan-bahan dan daftaran ...	200	250	310
Menyelenggara Diorama/Bahan-bahan	3	3	3
Pinjaman untuk pamiran	200	120	98
Menyelenggara rumah Ibadat, Candi dan Gua	25	40	35
Bilangan bahan pamiran	450	460	350
Bilangan bahan pamiran di dalam setor	900	1,500	1,720
Tiruan bahan kajipurba	—	—	—
Kerja luar	40	70	75

(v) *Ilmu Kejadian*

Aktiviti-aktiviti bahagian ini kian lama kian bertambah dan beberapa perubahan telah dibuat di dalam bentuk persembahan pamiran. Bahagian ini telah membuat 15 expedisi bagi memungut bahan-bahan Ilmu Kejadian, ini termasuklah beberapa banyak koleksi serangga-serangga sebanyak 1,650, burung-burung 582 dan 120 mamalia. Selain daripada itu kerja-kerja memungut bahan-bahan yang lain seperti tumbuh-tumbuhan dan hidup-hidupan laut serta galian-galian untuk dipamirkan. Kerja permulaan untuk menubuhkan Pusat Menyimpan Contoh Tumbuh-tumbuhan dan Haiwan Negara telahpun dijalankan dan dijangka siap pada bulan Oktober, 1974 ini. Data-data Sains telah direkodkan untuk tujuan-tujuan penyelidikan dan kajian Sains Ilmu Kejadian. Satu diorama besar yang berthemakan tabiat sekumpulan Harimau Bintang telah pun disiapkan dan satu lagi diorama menunjukkan kehidupan Harimau Belang sedang diusahakan. Beberapa koleksi-koleksi tambahan telah dipamirkan. Ini termasuklah satu tengkorak gajah dan seekor Badak Sumbu. Bahagian ini juga telah menerima satu rangka Ikan Paus sebagai "Hadiah" daripada Kerajaan Singapura dan rangka ini akan dipamirkan di kawasan Dewan Besar Muzium.

BEBAN-KERJA

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Contoh-contoh di pamiran	1,300	1,350	1,400
Contoh-contoh di dalam sector:			
(1) Burung	450	582	700
(2) Mamalia	100	120	250
(3) Jenis-jenis Ular	50	65	70
(4) Rama-rama dan Serangga ...	1,000	2,000	3,000
(5) Diorama yang diselenggarakan	12	13	14
(6) Pamiran-pamiran Khas ...	2	2	2

(vi) *Khidmat Sekolah*

Dalam tahun 1972 bilangan murid-murid yang menggunakan lawatan berpandu telah bertambah; ini termasuklah sekolah-sekolah dari luar bandar. Memandang kepada sambutan yang begitu banyak daripada sekolah-sekolah luar bandar maka Bahagian ini telah merangka satu program pamiran bergerak yang akan bermula dalam bulan Jun, 1974. Tujuan pamiran bergerak ini ialah untuk memberi khidmat yang lebih berkesan di bidang pelajaran dan kebudayaan kepada sekolah-sekolah luar bandar dan juga orang-orang dewasa. Selain daripada itu Bahagian ini masih menjalankan aktiviti aktiviti seperti menganjur kelas melukis dan pekerjaan tangan untuk kanak-kanak. Kelas ini mempunyai 180 orang kanak-kanak yang diadakan tiga kali seminggu, pada hari Rabu, Khamis dan Sabtu. Kelas ini telah dibantu oleh guru-guru yang berkelayakan di dalam bidang seni dengan sukarela. Ianya menerima kanak-kanak yang berumur di antara 3 hingga 15 tahun. Bahagian ini telah juga memenuhi permintaan daripada sekolah-sekolah untuk mengadakan ceramah-ceramah dan tayangan wayang gambar di dalam bidang pelajaran, kebudayaan dan Ilmu Kejadian. Dalam tahun 1973 Bahagian ini telah memberi pinjaman contoh-contoh bahan-bahan muzium untuk kegunaan mengajar kepada 48 buah sekolah dan 29 buah badan dan pertubuhan yang lain semasa mereka mengadakan pamiran-pamiran tahunan. Dalam tahun 1975 aktiviti-aktiviti berikut adalah dirancangkan:

1. Tayangan Filem kepada rombongan murid-murid dan orang ramai diperkerapkan.
2. Kelas Senilukis Kanak-kanak diperluaskan.
3. Kursus Taxidermi Asas bagi guru-guru sekolah menengah akan diadakan.
4. Kursus Praktik Mengenal Pohon-pohon Kayu bagi guru Sains sekolah rendah akan diadakan.
5. Kelab Ilmu Kejadian bagi murid-murid Darjah 6 akan diadakan.
6. Risalah-risalah panduan bagi guru-guru Darjah 6 akan diadakan.
7. Kuiz-kuiz dan peraduan-peraduan bagi murid-murid sekolah akan diadakan.
8. Buku-buku kerja bagi murid-murid sekolah akan diterbitkan.
9. Khidmat pinjaman ke sekolah-sekolah akan diperbanyakkan.
10. Pamiran-pamiran bergerak akan diadakan.

Pada tahun 1975 Bahagian ini dianggarkan dapat menambahkan beberapa orang kakitangan lagi untuk memberi perkhidmatan-perkhidmatan yang lebih memuaskan. Bahagian ini juga telah mengadakan pamiran khas senilukis dan kerjatangan kanak-kanak untuk tahun 1973.

BEBAN-KERJA

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Ceramah-ceramah dan syarahan-syarahan di sekolah	31	40	40
Memandu lawatan di balai-balai ...	68	250	250
Kanak-kanak dan murid yang mengikuti kelas senilukis	200	200	200
Pinjaman bahan-bahan ke sekolah dan badan-badan atau pertubuhan-pertubuhan	80	150	150
Kedatangan murid-murid sekolah ...	80,602	170,000	170,000
Pamiran-pamiran khas	2	2	2
Pamiran-pamiran bergerak ...	—	12	12

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973 $	Peruntukan Tahun 1974 $	Anggaran Tahun 1975 $
1100	Gaji dan Upahan	455,729	633,740	692,412
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	11,938	1,800	46,344
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ...	12,686	21,453	22,094
	Jumlah Gaji ...	480,353	656,993	760,850
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	28,502	29,000	28,200
2200	Pengangkutan Barang-barang ...	1,600	3,000	4,200
2300	Kemudahan Perhubungan ...	7,560	8,000	6,800
2400	Api, Air dan Letrik dll.	55,128	76,000	78,000
2600	Perkhidmatan Pencetakan ...	15,699	22,100	22,200
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	46,276	49,600	52,000
2800	Perkhidmatan Pelbagai	62,170	41,000	42,000
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	39,953	119,500	63,250
4100	Pemberian, Subsidi dan Carum-carum	1,076	1,100	1,100
	Jumlah ...	738,317	1,006,293	1,058,600

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974 $	Bilangan	Anggaran Tahun 1975 $
(i) Pentadbiran Am	17	110,572	22	146,344	90	338,506
(ii) Pamiran	74	195,773	92	270,522	28	138,624
(iii) Ethnoloji	9	31,908	9	42,244	9	41,772
(iv) Kaji Purba	14	56,770	29	89,990	27	135,100
(v) Ilmu Kejadian	12	67,501	14	74,421	14	75,984
(vi) Khidmat Sekolah ..	4	17,829	9	33,472	7	30,864
Jumlah ..	130	480,353	175	656,993	175	760,850

3. Anggaran Pembangunan

Pecahan-kepala	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
1. Muzium	$372,179	$221,990	$305,000

Kemajuan Kerja-kerja Pembinaan

(i) Pecahan-kepala 1—Muzium

Program Pembangunan Muzium-muzium untuk tahun 1975 mengandungi pemulihan dan pemeliharaan kawasan-kawasan kajipurba di Lembah Bujang yang termasuk usaha-usaha membongkar kawasan sekelilingnya; dan usaha Ukur-mengukur serta Penyelidikan Kaji Purba keseluruh negara ke atas bangunan-bangunan, monumen-monumen dan kawasan bersejarah yang penting.

Di bawah program ini, dua tujuan baharu menjadi matalamat:

(i) Penubuhan Muzium-muzium Kawasan berbentuk Rumah-rumah Tradisi. Berusaha memperolehi rumah-rumah tradisi yang penuh dengan ukiran dan berbentuk yang indah dengan mempunyai latarbelakang sejarah dari sesebuah negeri di Malaysia. Rumah-rumah ini akan didirikan semula di sekitar kawasan-kawasan Muzium Negara dan terbentuk sebagai Muzium penduduk yang mewakili tiap-tiap negeri. Sebuah Rumah berbentuk Tradisi dari Trengganu telah pun didirikan semula dalam kawasan Muzium.

4. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Belanja Mengurus	738,317	1,006,293	1,058,600
Belanja Pembangunan	372,179	221,990	305,000
Jumlah Besar ...	1,110,496	1,228,283	1,363,600

Kepala Bekalan 56	... ...	**$ 900,150**
Kepala Pembangunan 56	...	**174,643,374**
Jumlah	...	**$175,543,524**

	Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975 ...	**$ 900,150**	**$174,643,374**	**$175,543,524**
Peruntukan 1974 ...	**3,570,800**	**145,657,000**	**149,227,800**
Perubahan ...	**— $2,670,650**	**+ $ 28,986,374**	**+ $ 26,315,724**

1. Tujuan-tujuan

Tujuan-tujuan Kementerian Perhubungan adalah seperti berikut:

(*a*) Untuk mengadakan panduan-panduan polisi bagi pembangunan yang sempurna, seimbang dan sistem perhubungan yang ekonomik di negara ini;

(*b*) Untuk menyedia dan mengendalikan kemudahan-kemudahan pelabuhan bagi penumpang-penumpang dan impot serta ekspot barang-barang melalui laut;

(*c*) Untuk mengendali dan membaiki pengangkutan penumpang-penumpang dan barang-barang melalui keretapi di Semenanjung Malaysia;

(*d*) Untuk mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan pos dan talikom yang cepat dan sempurna; dan

(*e*) Untuk menentukan yang Penerbangan Kebangsaan dan perkhidmatan Perkapalan Kebangsaan dijalankan dengan dasar yang cekap dan yang boleh menguntungkan.

Tujuan Kementerian Perhubungan bolehlah diringkaskan sebagai menyelaraskan pembangunan kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan perhubungan supaya semuanya menjadi satu sistem yang lancar; khususnya bagi menentukan kemudahan-kemudahan keretapi, laut, udara, pos dan talikom diuruskan dan dibangunkan seberapa ekonomikal dan seberapa lancar yang boleh. Kemudahan-kemudahan ini akan membantu kemajuan-kemajuan negara dengan menyediakan cara-cara perhubungan yang laju dan murah di antara beberapa tempat di negara ini.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran Am	529,413	704,050	636,350
(ii) Penyelidikan dan Perancangan ..	237,008	249,560	263,800
Undang-undang dan Rayuan Pengangkutan Jalan	50,161	31,070	—
Keselamatan Jalan Raya	82,624	89,350	—
Penerbangan Awam dan Perkhidmatan Kajicuaca	981,553	2,496,770	—
Jumlah ..	1,880,759	3,570,800	900,150

(i) *Pentadbiran Am*

Bahagian Pentadbiran Am mengendalikan semua kerja-kerja pentadbiran biasa bagi ibu pejabat Kementerian serta memberi perkhidmatan bantuan mengenai perkara-perkara dasar berkenaan dengan perkhidmatan dan perjawatan, kewangan serta latihan dan biasiswa bagi semua Jabatan-jabatan dan Badan-badan Berkanun di bawah kawalannya.

Beban kerja yang dipikul dalam tahun 1974 makin bertambah. Perubahan besar dalam tahun 1974 ialah penyusunan semula Jabatan Penerbangan Awam yang telah diluluskan di dalam bulan Mac 1974. Penyusunan semula ini sedang dilaksanakan dan akibatnya ialah Jabatan Penerbangan Awam di Kementerian Perhubungan akan dicantumkan dengan Jabatan Penerbangan Awam yang akan diketuai oleh Ketua Pengarah Penerbangan Awam Malaysia. Berikutan dengan penyusunan semula ini, maka satu jawatan Ketua Setiausaha (Tingkatan Tertinggi "D") dihapuskan dan satu jawatan Setiausaha Bahagian (Pentadbiran) (Tingkatan Tertinggi "F") telah diluluskan.

Sebagai satu lagi perubahan besar dalam tahun 1974, Jabatan Pengangkutan Jalan telah dipindah ke bawah kawalan Kementerian Kerja Raya yang dikenali sekarang sebagai Kementerian Pengangkutan Jalan dan Kerja Raya. Akibat daripada perubahan ini, Bahagian Keselamatan Jalan Raya dan Bahagian Pelesenan, Rayuan dan Undang-undang Pengangkutan Jalan telah juga dipindahkan ke Kementerian Pengangkutan dan Kerja Raya.

Syarikat Penerbangan Kebangsaan (MAS) telah memulakan perkhidmatannya ke Tokyo dan London dalam tahun 1974, dan akan memulakan perkhidmatannya ke Sidney dan Manila dalam tahun ini juga.

Beban kerja dalam tahun 1975 mungkin bertambah. Bahagian Perancang dan Penyelidikan akan dikuatkan lagi. Disamping itu Bahagian Pentadbiran akan memperkemaskan lagi pengawalan mengenai perkara-perkara dasar berkenaan dengan perkhidmatan dan perjawatan, latihan dan biasiswa dan kewangan bagi semua Jabatan-jabatan dan Badan-badan Berkanun untuk menentukan bahawa tujuan Kementerian ini akan tercapai.

(ii) *Penyelidikan dan Perancangan*

Bahagian Perancangan di Ibu Pejabat Kementerian ialah yunit perancangan bagi seluruh Kementerian. Bahagian ini juga menjadi urusetia (Secretariat) kepada Jawatankuasa Perancang Kementerian Perhubungan. Tugas Jawatankuasa Perancang ialah untuk menyelaraskan dasar-dasar dan rancangan-rancangan Kementerian.

Di dalam tahun 1973, kerja-kerja membina pelabuhan baru di Johor dan pemodenan pelabuhan-pelabuhan yang sedia ada telah berjalan dengan pesatnya. Pelabuhan Kelang telahpun berjalan sebagai pelabuhan kontena yang cemerlang dengan kelengkapan-kelengkapan dan alat memunggah kontena yang moden, yang telah dipasang. Kerja-kerja membina dan menyiapkan lapangan terbang di Senai, Johor untuk kepalterbang pendaratan Boeing juga telah berjalan dengan cergasnya dan mula berkhidmat dalam bulan Januari 1974. Pemanjangan "runway" lapangan terbang Kota Bharu juga telah dimulakan. Selain dari kerja-kerja pembinaan, kajian-kajian kemungkinan (feasibility Study) juga telah dijalankan di dalam tahun 1973. Kajian-kajian yang telah siap ialah Kajian Lalulintas Bandar (Urban Transport Study), Sambungan tetap Pulau Pinang Peringkat Pertama (Penang Fixed Linkage Phase I), Pelabuhan Kuantan, Lapangan Terbang Pulau Pinang dan kajian Program Jangka Panjang Pelabuhan-pelabuhan Pulau Pinang dan Kelang.

Pelaksanaan di dalam tahun 1974 kebanyakannya adalah sambungan kepada kegiatan-kegiatan yang dibuat dalam tahun 1973. Ini termasuk penyambungan pembinaan pelabuhan Johor. Pembinaan projek pelabuhan Kuantan akan bermula pada tahun 1974. Tugas-tugas mereka bentuk dan mengawal pembinaan projek

pembangunan lapangan terbang Pulau Pinang telahpun diberi kepada satu firma perunding antarabangsa. Kerja-kerja pembinaan akan dimulakan dalam tahun 1974. Kementerian ini juga telah diberi tugas menjadi Setiausaha kepada Jawatan-kuasa Khas Keretapi yang telah dilantik oleh Kerajaan untuk mengkaji segala aspek yang berhubung dengan pengangkutan Keretapi. Lapuran kajian-kajian yang telah dijalankan di dalam tahun 1973 dan yang telah diterima oleh Kerajaan akan di laksanakan di dalam tahun 1974. Kajian-kajian baru yang akan dibuat di dalam tahun 1974 termasuklah Airport Tariff Study dan Kajian Lapangan Terbang Subang.

Projek-projek pembangunan pelabuhan Kuantan dan Johor Bahru di jangka akan berlanjutan ke tahun 1975. Ini akan memerlukan pengawasan ketat untuk menyiapkan projek-projek tersebut di dalam jangka masa yang dirancangkan. Disamping itu, pembinaan sambungan terhadap pelabuhan-pelabuhan Kelang dan Pulau Pinang juga akan dijalankan dalam tahun 1975. Pembinaan jeti-minyak di Telok Sepangar, salah juga akan berlanjutan hingga tahun 1975. Pembinaan dan pembesaran lapangan-lapangan terbang di Pulau Pinang, Subang, Kota Kinabalu akan dimulakan pada tahun 1974 dan akan di teruskan ke tahun 1975. Oleh itu bolehlah dirumuskan bahawa beban kerja yang dijangka dalam tahun 1975 adalah sambungan atau pelaksanaan kajian-kajian yang telah dimulakan dalam tahun 1974.

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	850,229	1,160,580	663,770
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	117,431	103,630	43,789
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..	13,260	17,240	7,608
	Jumlah Gaji ..	980,920	1,281,450	715,167
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	118,047	117,000	74,633
2200	Pengangkutan Barang-barang ..	3,545	4,100	1,000
2300	Kemudahan Perhubungan ..	48,819	33,000	26,000
2400	Api, Air dan Letrik dll.	2,364	4,600	4,600
2500	Sewa	5,243	3,000	—
2600	Perkhidmatan Pencetakan.. ..	24,291	47,100	2,200
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	31,257	47,550	22,600
2800	Perkhidmatan Pelbagai	79,553	363,300	10,700
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	43,914	66,000	3,250
4100	Pemberian, Subsidi dan Carum-carum	542,806	1,541,700	40,000
4200	Tuntutan Insuran dan Pampasan..	—	62,000	—
	Jumlah ..	1,880,759	3,570,800	900,150

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974 $	Bilangan	Anggaran Tahun 1975 $
(i) Pentadbiran Am	53	366,772	53	618,370	53	535,432
(ii) Penyelidikan dan Rancangan	19	200,824	19	214,330	18	179,735
Undang-undang dan Rayuan Pengangkutan Jalan	4	26,123	4	26,270	—	—
Keselamatan Jalan Raya	6	42,246	6	42,930	—	—
Penerbangan Awam dan Kajicuaca	35	344,955	34	379,550	—	—
Jumlah ..	117	980,920	116	1,281,450	71	715,167

3. Anggaran Pembangunan

Pecahan-kepala		Yang Sebenar Tahun 1973 $	Peruntukan Tahun 1974 $	Anggaran Tahun 1975 $
	KERETAPI			
1.	Rancangan Mendisel, Peringkat V ..	312,639	470,000	447,000
2.	Enjin-enjin dan Gerabak Keretapi ..	—	—	10
3.	Sekolah Latihan	—	450,000	595,000
4.	Rancangan Mendisel, Peringkat VI ..	—	—	10
5.	Memodenkan Gerabak-gerabak Keretapi	—	12,200,000	10
6.	Membaiki Jalan Landasan	—	2,700,000	10
7.	Pembarisan Semula Cawangan Port Dickson..	—	5,664,000	6,860,000
8.	Jentera Bengkel	—	850,000	10
9.	Membaiki Jambatan-jambatan ..	—	—	—
10.	Membaiki bangsal geredar dan memanjangkan Landasan-landasan gelong	—	—	700,000
11.	Enjin-enjin Baru untuk Relkar Disel	—	900,000	10
12.	Penduaan Landasan	—	—	—
13.	Pembarisan Semula Bahagian Bukit Berapit, Taiping	—	—	10
14.	Semboyan dan Perhubungan ..	—	1,500,000	4,010,000
15.	Keretapi Pantas	—	—	10
16.	Yad Atur, Kuala Lumpur	—	—	10
17.	Kemudahan Rel bagi Jengka.. ..	—	—	10
18.	Penambahan "Line Capacity" ..	—	—	10
19.	Memodenkan Kemudahan-kemudahan Penumpang	—	5,858,000	8,150,800
20.	Gerabak "Ballast"	—	480,000	650,000
21.	Kejuruteraan Sivil dan Mesin ..	—	412,000	10
22.	Membaiki Cara Penyelenggaraan Landasan	—	—	10
23.	Memodenkan Depo Urusan Jalan ..	—	—	10
	Jumlah Keretapi ..	312,639	31,484,000	21,412,940

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
PELABUHAN-PELABUHAN SEMENANJUNG MALAYSIA			
31. Pengambilan Tanah dan Pembinaan Jalan masuk ke Dermaga Air Dalam, Butterworth	54,337	—	—
32. Selat Kelang Utara—			
(i) Menambahkan Tanah untuk Dermaga dan Pembinaan Dermaga-dermaga dengan Kemudahan-kemudahan ..	1,400,000	5,000,000	13,500,000
(ii) Penambahan Kemudahan-kemudahan dan Alat-alat Pelabuhan Kelang	—	—	—
(iii) Sambungan Dermaga-dermaga 3 dan 4	700,000	—	—
(iv) Kajian Rancangan	—	—	—
(v) Pembinaan Semula Gedung-gedung di belakang Dermaga-dermaga 4 dan 5 Pelabuhan Selatan	300,000	2,200,000	200,000
33. Alat Pengangkut Barang-barang di Kapal	2,108,966	3,500,000	—
34. Membesarkan Perkhidmatan Feri Pulau Pinang	—	4,000,000	1,800,000
35. Pembangunan Pelabuhan-pelabuhan—			
(i) Kuala Trengganu	38,814	1,000,000	500,000
(ii) Kuantan	1,657,025	30,000,000	30,000,000
(iii) Johor	4,350,540	11,500,000	10,000,000
(iv) Melaka	—	200,000	300,000
36. Dermaga Keenam di Butterworth ..	—	2,500,000	5,000,000
37. Perhentian "Bulk Cargo"	—	4,000,000	15,000,000
38. Pembesaran dan Penyambungan Selat Kelang Utara—II	—	—	28,000,000
(i) Menambak Tanah untuk Dermaga dan Pembinaan Dermaga-dermaga dengan Kemudahan			
(ii) Pembayaran Perunding ..	—	—	1,700,000
(iii) Pembinaan 2 buah Warehouse	—	—	3,000,000
Jumlah Semenanjung Malaysia ..	10,609,682	63,900,000	109,000,000
SARAWAK			
45. Pembangunan Pelabuhan Sibu ..	—	—	—
46. Dermaga-dermaga Kecil, Sarawak ..	—	—	—
47. Pembangunan Pelabuhan-pelabuhan—			
(i) Kuching	2,183,417	992,000	1,664,000
(ii) Sibu	271,506	4,475,000	4,146,414
48. Dermaga Kukuh, Lingga	—	—	—
49. Dermaga Kukuh, Sarikei	—	300,000	—
50. Pemasangan Tangki Kelapa Sawit, Kuala Baram	—	300,000	—
51. Kapal-kapal korek	—	296,000	—
52. Dermaga, Tanjung Kidurong ..	—	1,000,000	10
Jumlah Sarawak ..	2,454,923	7,363,000	5,810,424

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
SABAH			
61. Pelabuhan Kota Kinabalu dan Sandakan—			
(i) Belanja Rundingan dan Penyiasatan	864,890	910,000	900,000
(ii) Pembangunan Utama ..	—	14,000,000	10
(iii) Pengambilan Tanah/Jalan ke Sandakan	—	2,500,000	3,820,000
Jumlah Sabah ..	864,890	17,410,000	4,720,010
68. Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia Berhad			
(i) Saham	—	—	—
(ii) Pinjaman	17,188,892	22,500,000	30,700,000
69. Limbungan Kapal dan Kejuruteraan Malaysia Sendirian Berhad	4,000,000	3,000,000	3,000,000
Jumlah Pelabuhan-pelabuhan ..	35,118,387	114,173,000	153,230,434
Jumlah Pembangunan ..	35,431,026	145,657,000	174,643,374

Kemajuan Kerja-kerja Pembinaan

KERETAPI TANAH MELAYU

Pecahan-kepala 1—Rancangan Mendisel, Peringkat V

Peruntukan sebanyak $447,000 dalam tahun 1975 adalah untuk bayaran ansuran ke atas 10 buah gerabak keretapi yang telah dibekalkan dalam tahun 1969.

Pecahan-kepala 3—Sekolah Latihan

Peruntukan sebanyak $595,000 adalah untuk membeli alat-alat bagi sekolah tersebut.

Pecahan-kepala 7—Pembarisan Semula Cawangan Port Dickson

Peruntukan berjumlah $6,860,000 di bawah Pecahan-kepala ini adalah diperlukan dalam tahun 1975 untuk menyambung kerja-kerja pembarisan landasan cawangan Port Dickson itu.

Pecahan-kepala 14—Semboyan dan Perhubungan

Alat-alat semboyan berharga $4,010,000 akan dibeli dalam tahun 1975.

Pecahan-kepala 19—Memodenkan Kemudahan-kemudahan Penumpang

Peruntukan sebanyak $8,150,800 adalah untuk membayar gerabak-gerabak keretapi yang dijangka tiba dalam pertengahan tahun 1974.

Pelabuhan-pelabuhan

SEMENANJUNG MALAYSIA

Pecahan-kepala 32—Selat Kelang Utara

(i) Di bawah projek ini dermaga kontena yang pertama telah siap dibina dan mula digunakan pada bulan Ogos 1973. 2,100 kaki daripada dermaga ini adalah untuk mengendalikan kago kontena dan 700 kaki untuk kago biasa. Dengan

bertambahnya pula kago-kago kontena yang dijangka pada masa akan datang maka dermaga kontena yang kedua sedang dirancangkan dan dijangka akan memulakan perkhidmatannya pada pertengahan tahun 1975.

(ii) Kerja-kerja menyatukan gudang-gudang kecil dibelakang dermaga 4 dan 5 Pelabuhan Selatan masih berjalan dengan lancar; dan gudang pertama dijangka siap pada akhir tahun 1974 sementara gudang kedua pada akhir tahun 1975.

Pecahan-kepala 34—Membesarkan Perkhidmatan Feri Pulau Pinang

Projek ini yang dijangka menelan belanja $10 juta dijangka siap pada bulan Mach 1975.

Pecahan-kepala 35—Pembangunan Pelabuhan-pelabuhan

Pembinaan pelabuhan-pelabuhan Johor dan Kuantan sedang berjalan dengan lancar dan peruntukan-peruntukan tahun 1975 adalah untuk pembayaran-pembayaran kemajuan dan juga bayaran pakar perunding. Projek pelabuhan Kuala Trengganu juga akan diteruskan, dan demikian juga dengan projek pembinaan jeti di Melaka.

Pecahan-kepala 37—Perhentian "Bulk Cargo"

Projek ini dijangka siap dalam tahun 1978, dan peruntukan tahun 1975 adalah untuk bayaran kemajuan.

Pecahan-kepala 38—Pembesaran dan Penyambungan Selat Kelang Utara—II

Ini merupakan satu lagi projek baharu Lembaga Pelabuhan Kelang yang bertujuan membina dermaga sepanjang 3,500 kaki, gudang-gudang, kawasan meletak kago, "warehousing", penambahan tanah, pembayaran perunding untuk mereka bentuk dan penyeliaan, pembelian alatan-alatan biasa: di samping menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan letrik, bomba keselamatan dan kemudahan-kemudahan asas yang lain. Kerja-kerja penambahan, "reclamation" dan pembinaan 2 buah gudang akan dimulakan dalam tahun 1974 dan 1975, dan dijangka siap dalam tahun 1976.

SARAWAK

Pecahan-kepala 47—Pembangunan Pelabuhan-pelabuhan

(i) Kuching

Projek pembesaran pelabuhan Kuching ini berjalan dengan lancar dan setakat ini 76% kerja-kerja pembinaan telahpun siap dan adalah dijangka keseluruhan projek ini akan selesai pada bulan Mach 1975. Peruntukan tahun 1975 adalah untuk baki kerja-kerja pembinaan dan bayaran kejuruteraan; kelengkapan-kelengkapan; lain-lain perbelanjaan termasuk faedah pinjaman dan pembayaran perbelanjaan tanggungan.

(ii) Sibu

Kerja-kerja pembinaan telah bermula dalam bulan Mei 1974 dan projek ini dijangka siap pada bulan Mei 1976. Peruntukan tahun 1975 adalah untuk sebahagian dari kerja-kerja pembinaan, bayaran perunding kejuruteraan, kelengkapan, dan lain-lain perbelanjaan termasuk faedah pinjaman dan bayaran perbelanjaan tanggungan.

Pecahan-kepala 52—Dermaga Tanjung Kidurong

Ini merupakan satu projek baharu yang dianggar melibatkan sebanyak $3 juta. Kerja-kerja pembinaan dijangka bermula dalam tahun 1975 dan siap pada akhir tahun 1975 juga.

SABAH

Pecahan-kepala 61—Pelabuhan Kota Kinabalu dan Sandakan

Pembinaan pelabuhan-pelabuhan baru ini dijangka siap dalam tahun 1975, dan setakat ini 39% kerja-kerja pembinaan pelabuhan Kota Kinabalu telah siap dan 35% kerja-kerja pembinaan pelabuhan Sandakan telah siap juga.

4. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Belanja Mengurus	1,880,759	3,570,800	900,150
Belanja Pembangunan—			
Semenanjung Malaysia	32,111,213	120,884,000	164,112,940
Sarawak	2,454,923	7,363,000	5,810,424
Sabah	864,890	17,410,000	4,720,010
Jumlah Besar ..	37,311,785	149,227,800	175,543,524

Kepala Bekalan 57	**$15,330,470**
Kepala Pembangunan 57 ...	**73,514,595**
Jumlah ...	**$88,845,065**

	Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975 ...	**$15,330,470**	**$73,514,595**	**$88,845,065**
Peruntukan 1974 ...	**11,966,800**	**49,090,999**	**61,057,799**
Perubahan ...	**+ $ 3,363,670**	**+ $24,423,596**	**+ $27,787,266**

1. Tujuan-tujuan

Tujuan-tujuan Jabatan Penerbangan Awam ialah:

(*a*) Menentukan kehendak-kehendak rakyat Malaysia tercapai atas syarat-syarat pengangkutan Udara berjalan dengan selamat, teratur, cekap dan ekonomi;

(*b*) Memperkecilkan penderitaan, kehilangan nyawa dan harta-benda dari pengangkutan udara dengan sebab-sebab berkaitan;

(*c*) Mengawal dan mengatur perkara-perkara penerbangan untuk mencapai taraf-taraf yang ditetapkan oleh Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa; dan

(*d*) Mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan lain bersabit dengan pengangkutan penerbangan untuk memajukan cita-cita negara.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran Am	324,554	493,800	906,190
(ii) Perancangan dan Pembangunan ..	—	—	39,950
(iii) Pengurusan dan Pengendalian Lapanganterbang	2,904,396	4,022,200	4,142,567
(iv) Perkhidmatan Kawalan Terafik Udara	3,323,456	3,924,495	5,869,962
(v) Kelengkapan Bumi dan Bantuan Penerbangan	379,691	1,410,132	1,699,021
(vi) Gerakan Penerbangan	151,612	105,073	603,930
(vii) Kejuruteraan	—	—	34,950
(viii) Perkhidmatan Kecemasan Padang Terbang	1,058,164	1,664,100	1,663,300
(ix) Perkhidmatan Bantuan	372,350	347,000	370,600
Jumlah ..	8,514,223	11,966,800	15,330,470

Prestasi

(i) *Pentadbiran Am*

Aktiviti ini ditugaskan untuk menghasilkan bantuan-bantuan yang perlu dalam bidang pentadbiran, kewangan, latihan dan bekalan serta mengatur dan mengawal semua aspek Penerbangan Awam di Malaysia.

(ii) *Perancangan dan Pembangunan*

Bahagian ini merupakan 2 aktiviti baru selepas penyusunan semula Jabatan Penerbangan Awam. Bahagian Perancang bertanggungjawab untuk aktiviti-aktiviti perancang keseluruhan bagi jabatan ini yang melibatkan perancangan secara mendalam dan juga melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan. Bahagian Kejuruteraan pula memberi perkhidmatan-perkhidmatan khusus di dalam bidang-bidang teknik dengan menilai dan mengawal pelaksanaan projek-projek pembangunan dan di samping itu menyatukan kerja-kerjanya dengan kerja-kerja yang dilaksanakan oleh Bahagian Perancang.

(iii) *Pengurusan dan Pengendalian Lapanganterbang*

Tujuan aktiviti ini ialah mengada dan menyenggarakan lapanganterbang dan landasan kapalterbang kecil yang cukup, menyediakan kemudahan-kemudahan bagi pengembara-pengembara udara dan lain-lain kemudahan untuk memenuhi kehendak-kehendak gerakan kapalterbang, penumpang-penumpang dan barang-barang muatan dll.

Di Semenanjung Malaysia ada sejumlah 9 buah lapanganterbang (2 daripadanya bertaraf antarabangsa) bagi melayan penerbangan berjadual dan 21 buah landasan kapalterbang kecil manakala sejumlah 29 buah lapanganterbang bagi penerbangan berjadual dan banyak lagi landasan kapalterbang kecil untuk kegunaan kapal-terbang swasta dan Pengurus-pengurus Chartar ada di Sarawak dan Sabah.

Jumlah penumpang-penumpang dan barang-barang muatan yang dilayankan di lapanganterbang-lapanganterbang ini adalah seperti berikut:

	1972	1973	1974
Penumpang	1,180,481	1,794,553	832,570
Barang-barang Muatan (kilo)	4,796,301	8,826,064	5,007,482

(iv) *Perkhidmatan Kawalan Terafik Udara*

Aktiviti ini bertanggungjawab menyediakan Perkhidmatan Kawalan Terafik Udara mengikut undang-undang, peraturan dan perakuan-perakuan Pertubuhan Penerangan Awam Antarabangsa (ICAO).

Perkhidmatan ini meliputi perkara-perkara berikut:

(i) Perkhidmatan Kawalan Terafik Udara;

(ii) Perkhidmatan Penerangan Penerbangan;

(iii) Perkhidmatan Penerangan "Aeronautics"; dan

(iv) Perkhidmatan mencari dan menyelamat.

Perkhidmatan Kawalan Terafik Udara ialah bertujuan untuk keselamatan dan kecekapan penerbangan.

Perkhidmatan Penerangan Penerbangan pula bertanggungjawab memberi nasihat dan penerangan untuk membolehkan penerbangan yang selamat dan baik.

Sementara Perkhidmatan Penerangan "Aeronautics" pula bertanggungjawab untuk mengumpul, menyedia dan menyebarkan segala penerangan yang perlu untuk keselamatan dan kecekapan penerbangan.

Perkhidmatan mencari dan menyelamat pula bertanggungjawab memberi dan meminta bantuan kapal-kapalterbang lain di dalam waktu kecemasan untuk mencari dan menyelamat penumpang-penumpang yang terlibat di dalam kemalangan penerbangan yang tidak dapat dicari dengan Kawalan Kecemasan Lapanganterbang yang biasa.

Selain daripada itu bahagian ini juga adalah bertanggungjawab mengenai dasar dan cara-cara perkhidmatan Terafik Udara di dalam negeri ini, melatih anggota-anggota kawalan terafik udara, menyiasat kemalangan udara di samping melaksanakan peraturan-peraturan yang perlu untuk keselamatan penerbangan, mengadakan kerjasama penerbangan awam dan tentera mengenai pengurusan ruang udara untuk menentukan supaya gerakan penerbangan awam dapat dilakukan dengan selamat.

Aktiviti-aktiviti dalam tahun 1973

(*a*) Persetujuan antarabangsa telah tercapai untuk menubuhkan kawasan penerangan penerbangan Kuala Lumpur dan Kota Kinabalu di dalam 2 peringkat. Peringkat pertama akan dilaksanakan dalam bulan Januari, 1975 dan peringkat kedua dijangka akan dilaksanakan dalam bulan Oktober 1975;

(*b*) Rancangan-rancangan melatih anggota-anggota Kawalan Terafik Udara untuk melaksanakan kawasan penerangan penerbangan telah dipergiatkan lagi di dalam dan di luar negeri;

(*c*) Kakitangan-kakitangan tambahan telah dilantik untuk memenuhi keperluan-keperluan yang bertambah;

(*d*) Sebuah Radar Simulator telah sampai dalam bulan September.

Aktiviti tahun 1974

(*a*) Cawangan Perkhidmatan Penerangan "Aeronautics" telah ditubuhkan dan rancangan diadakan untuk menerbitkan buku-buku "Malaysian Aeronautical Information Publication" dan juga lain-lain pekeliling;

(*b*) Kerja-kerja terhadap Radar Jarak Jauh di Genting telah hampir siap dan dijangka dimulakan pada akhir tahun ini;

(*c*) Kesemua peraturan telahpun siap bagi melaksanakan peringkat pertama kawasan penerangan penerbangan pada 2hb Januari, 1975;

(*d*) Beberapa anggota Kawalan Terafik Udara Kanan telahpun menamatkan latihan mereka yang khusus di luar negeri;

(*e*) Rancangan-rancangan telah hampir siap bagi menubuhkan satu pertubuhan mencari dan menyelamat dengan pusatnya di Kuala Lumpur dan Labuan dan juga pusat-pusat kecil di Kuantan, Butterworth dan Kuching;

(*f*) Kerja-kerja sedang dijalankan untuk menubuhkan Radar Jarak Dekat di Johor.

Aktiviti tahun 1975

(*a*) Peringkat pelaksanaan pertama kawasan penerangan penerbangan akan bermula pada 2hb Januari, 1975;

(*b*) Peringkat kedua pelaksanaan kawasan penerangan penerbangan dijangka bermula dalam bulan Oktober 1975;

(*c*) "Malaysian Aeronautical Information Publication" (AIP) akan diterbitkan dan cawangan AIS ditubuhkan;

(*d*) Pertubuhan mencari dan menyelamat dijangka mula bertugas;

(*e*) Perkhidmatan Kawalan Radar dijangka memulakan tugas pada akhir tahun 1975 di Kuala Lumpur dan Johor;

(*f*) Rancangan Latihan Kakitangan Kawalan Terafik Udara berkaitan dengan mengambil alih kawalan penerangan penerbangan dijangka berakhir pada penghujung tahun 1975.

(v) *Kelengkapan Bumi dan Bantuan Penerbangan*

Tugas bahagian ini adalah untuk mereka-bentuk dan melaksanakan projek-projek seperti lapanganterbang-lapanganterbang baharu, alat-alat bantuan penerbangan, perhubungan dan perkhidmatan kecemasan lapanganterbang. Kemudahan-kemudahan ini adalah perlu untuk keselamatan dan pergerakan udara yang cekap di dalam Malaysia. Bahagian ini juga sentiasa membuat kajian mengenai perakuan-perakuan dan peraturan-peraturan pertubuhan penerbangan awam antarabangsa. Sebagai tambahan kepada tugas-tugas di atas ianya juga akan mengambil alih tugas-tugas keselamatan lapanganterbang dalam tahun 1975.

Aktiviti dalam Tahun 1973

Aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan dalam tahun 1973 adalah seperti berikut:

(i) Pembangunan Lapanganterbang Johor Bahru bagi kegunaan B 737 kemudian yang diberi adalah mencukupi bagi MAS memulakan perkhidmatannya dalam bulan Januari 1974;

(ii) Pembangunan Lapanganterbang Kota Bharu bagi B 737. Kerja-kerja termasuk mengambil tanah, membesarkan landasan, mengubah halangan, AT-VASIS, memagar dan membaharui alat-alat bomba, menyediakan kemudahan-kemudahan yang minima untuk perkhidmatan B 737 yang dijangka bermula dalam bulan Oktober 1973;

(iii) Membeli alat NDB untuk Alor Setar, "No-break Plant" untuk Kuala Lumpur ILS dan 5KVA untuk stesyen-stesyen NDB di Pekan dan Caledonian;

(iv) Melantik perunding "Northrop Airport Development Corporation" untuk merancang dan mereka bentuk lapanganterbang Pulau Pinang;

(v) Membesarkan tingkat 2 kawasan menyelenggara kapalterbang di Kuala Lumpur dan memasang lampu-lampu ditepi landasan;

(vi) Membina bangunan pentadbiran dan gerakan di Lapanganterbang Antarabangsa Kuala Lumpur;

(vii) Mesyuarat-mesyuarat, kursus-kursus dan seminar-seminar berikut telah dihadiri di luar negeri:

(*a*) ASIA/PACIFIC Regional Air Navigation Meeting (Honolulu);

(*b*) Directors of Civil Aviation Meeting, Southeast Asia (New Zealand).

Aktiviti Tahun 1974

(i) Meneruskan kerja-kerja pembinaan Lapanganterbang Johor Bahru di samping mereka-bentuk dan merancang sebuah tempat simpan minyak;

(ii) Meneruskan kerja-kerja pembinaan Lapanganterbang Kota Bharu yang termasuk membesarkan landasan dan juga kawasan meletakkan kapalterbang, membina bangunan terminal dan bangunan bomba yang baru dan juga memasang lampu-lampu gerakan lapanganterbang;

(iii) Membantu memberi keperluan-keperluan gerakan kepada perunding-perunding bagi mereka bentuk dan merancang Lapanganterbang Pulau Pinang;

(iv) Membeli alat-alat VOR/DME untuk Pulau Pinang di Pekan dan DME untuk Kota Bharu;

(v) Melantik perunding-perunding bagi pembangunan besar lapanganterbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan mengambil tanah;

(vi) Meneruskan kerja-kerja pembinaan bangunan gerakan dan pentadbiran Lapanganterbang Kuala Lumpur yang telah siap pada 1hb September, 1974;

(vii) Membina lapanganterbang baru di Bukit Redan dan Jerantut dan memperbaiki landasan-landasan di Pulau Tioman, Pulau Langkawi, Dungun, Taiping, Sitiawan, Jerantut, Segamat, Temerloh dan Mersing bagi kegunaan MAS BN2 perkhidmatan luarbandar;

(viii) Memasang T-VASIS di Lapanganterbang Antarabangsa Kuala Lumpur;

(ix) Membeli alat-alat HF, VHF dan "Automatic Message Switching Centre" untuk kemudahan perhubungan;

(x) Mesyuarat-mesyuarat, seminar-seminar dan kursus-kursus berikut telah dihadiri:

(*a*) Informal Faciliation Area Meeting (Bangkok);

(*b*) AFTN Computer Course (Kansas City U.S.A.);

(*c*) Eight Air Navigation Conference (Montreal, Canada);

(*d*) ASEAN Technical Operation Meeting on COMS/ATS (Southeast Asia countries);

(*e*) Civil Aviation Tour (United Kingdom);

(*f*) Comms. Supervisors Course (Bangkok);

(*g*) Southeast Asia Directors of Civil Aviation Meeting (Kuala Lumpur);

(*h*) Airport Fire and Rescue Service Courses (Australia).

Aktiviti Tahun 1975

(i) Meneruskan kerja-kerja pembangunan Lapanganterbang Kota Bharu. Projek dijangka siap pada tahun 1975;

(ii) Meneruskan kerja-kerja pembangunan Lapanganterbang Pulau Pinang bagi kegunaan jet-jet Jumbo;

(iii) Memasang VOR/DME di Pulau Pinang, Pekan dan Kota Bharu;

(iv) Meneruskan kerja-kerja membina Lapanganterbang di Jerantut dan Bukit Redan;

(v) Meneruskan kerja-kerja pembangunan di Lapanganterbang Antarabangsa Kuala Lumpur termasuk membina terminal penumpang-penumpang, "parking apron", sistem "taxi way" dan kemudahan-kemudahan utiliti dan terminal barang-barang yang baru;

(vi) Membina tempat minyak di Lapanganterbang Johor Bahru;

(vii) Ujian-ujian terhadap "Automatic Message Switching Centre" akan dijalankan dan dijangka memulakan perkhidmatan pada bulan Mach 1975;

(viii) Mengambil bahagian dalam mesyuarat-mesyuarat, seminar-seminar dan kursus-kursus ICAO termasuk kursus-kursus bagi pegawai-pegawai penerbangan awam seperti berikut:

(*a*) Ninth Air Navigation Conference (Montreal, Canada);

(*b*) AFTN Meeting (Southeast Asia Countries);

(*c*) Divisional Meeting (Montreal, Canada);

(*d*) ASEA Meeting on ATs and Comms.;

(*e*) Regional Civil Aviation Seminar, Bangkok;

(*f*) SEA Directors of Civil Aviation Meeting, Tokyo;

(*g*) ICAO Familiarisation Course, Montreal;

(*h*) VOR/DME Technical Course (U.S.A.);

(*i*) Comms. Operations Refresher (Bangkok);

(*j*) Comms. Supervisors (Bangkok).

(vi) *Gerakan Penerbangan*

Bahagian ini bertanggungjawab terhadap perkara-perkara berikut:

(i) Mengadakan dan mengawal gerakan penerbangan seluruh Malaysia;

(ii) Mengawasi gerakan dan aktiviti penerbangan awam dan juga kelab-kelab penerbangan untuk menentukan yang ianya mengikut peraturan-peraturan keselamatan yang terkandung di dalam peraturan-peraturan penerbangan awam;

(iii) Menentukan kecekapan anggota-anggota penerbangan dan keperluan-keperluan penerbangan bagi gerakan "Charter";

(iv) Memberi nasihat mengenai aspek-aspek gerakan yang ditentukan di dalam ICAO Convention dan juga perkara-perkara yang baik dan lain-lain perjanjian 2 negara;

(v) Membuat ujian-ujian penerbangan terhadap alat-alat bantuan penerbangan diseluruh Malaysia;

(vi) Menentukan standard-standard yang baik dan perlu di dalam mengeluarkan lesen-lesen dan pingat-pingat anggota-anggota kapalterbang dan juruterbang-juruterbang penerbangan;

(vii) Menyiasat kemalangan udara;

(viii) Menentukan cara-cara menyelamat lapanganterbang seluruh Malaysia dan mengeluarkan arahan-arahan tertentu;

(ix) Menyelenggarakan pendaftaran kapalterbang-kapalterbang Malaysia dan menentukan yang ianya mengikuti arahan-arahan "Airworthiness" bagi semua kapalterbang-kapalterbang yang didaftarkan di Malaysia;

(x) Membuat hubungan dangan Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain bagi perkara-perkara berikut:

(*a*) Standard-standard perubatan dan keperluan lesen-lesen anggota penerbangan. Convention ICAO dan artikal-artikal yang berkaitan;

(*b*) Keperluan-keperluan gerakan lapanganterbang;

(*c*) "Airworthiness" bagi kapalterbang;

(*d*) Perkhidmatan ramalan cuaca untuk penerbangan di Malaysia.

Dengan bertambahnya jumlah kapalterbang dan juruterbang-juruterbang dan juga dengan mengambil alih kerja-kerja menguji alat-alat penerbangan daripada pihak FAA didapati bahawa bahagian ini perlu dibesarkan. Pembesaran bahagian ini juga ada kaitan dengan mengambil alih kawasan penerangan penerbangan dari Singapura yang melibatkan pembelian alat-alat bantuan penerbangan yang banyak.

(vii) *Perkhidmatan Kecemasan Padang Terbang*

Bahagian Perkhidmatan Kecemasan Padang Terbang Jabatan ini telah ditubuhkan untuk memberi kemudahan-kemudahan mengawasi kebakaran dan bantuan dan pertolongan untuk kapal-kapal terbang dan penumpang-penumpang yang tiba dan berlepas dari lapanganterbang di Sarawak dan Sabah. Bantuan juga diberi, apabila dikehendaki kepada Polis dan Brigade Api Negeri dibeberapa buah pekan bagi memadamkan api-api biasa sebagai tambahan kepada pasukan pihak berkawasan tempatan.

Dalam tahun 1974 Perkhidmatan ini ditambahkan dengan 8 yunit Rapide Intervention Tender dengan satu yunit di tiap-tiap tempat di Kuching, Sibu, Bintulu dan Miri di Negeri Sarawak, dan Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau dan Lahad Datu di Negeri Sabah. 4 yunit Ultra Large Foam Tender dan 7 yunit Large Foam Tender telah dipesankan, dan apabila alat-alat ini diterima kedudukan perkhidmatan kecemasan ini akan menjadi seperti berikut:

Kategori 10	Taraf B747 ..	Kota Kinabalu
Kategori 7	Taraf B737 ..	Kuching
Kategori 5	Taraf F27 ..	Sibu, Bintulu, Mini, Sandakan, Tawau dan Lahad Datu

(viii) *Perkhidmatan Bantuan*

Ibu Pejabat Penerbangan Awam adalah bertanggungjawab kepada perancangan, pembangunan, pentadbiran dan pengendalian semua lapangan-lapangan terbang Kerajaan, mengatur dan mengawal semua aspek-aspek Penerbangan Awam di Sarawak dan Sabah.

Ringkasan Butiran Perbelanjaan dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	3,483,149	5,017,300	4,662,937
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	435,038	687,000	917,080
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..	56,383	95,700	89,883
	Jumlah Gaji ..	3,974,570	5,800,000	5,669,900
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	304,388	328,000	403,800
2200	Pengangkutan Barang-barang ..	26,163	42,100	51,850
2300	Kemudahan Perhubungan ..	80,052	92,700	155,320
2400	Api, Air dan Letrik dll.	785,694	1,019,000	1,070,000
2500	Sewa	336,726	888,400	1,413,150
2600	Perkhidmatan Pencetakan.. ..	22,462	49,200	78,400
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	432,197	808,000	935,500
2800	Perkhidmatan Pelbagai	2,374,881	2,728,600	4,351,800
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	133,631	215,800	204,750
3300	Pembinaan	43,459	15,000	—
4100	Pemberian, Subsidi dan Carum-carum	—	—	941,000
4200	Tuntutan Insuran dan Pampasan..	—	—	55,000
	Jumlah ..	8,514,223	11,966,800	15,330,470

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974 $	Bilangan	Anggaran Tahun 1975 $
(i) Pentadbiran Am	51	221,101	48	320,800	71	362,090
(ii) Perancangan dan Pembangunan	—	—	—	—	1	33,950
(iii) Pengurusan dan Pengendalian Lapanganterbang..	243 113	509,278 224,393	263 113	1,227,800	392	1,236,167
(iv) Perkhidmatan Kawalan Terafik Udara	193 94	735,190 358,556	194 94	1,631,295	303	1,373,712
(v) Kelengkapan Bumi dan Bantuan Penerbangan ..	441	669,271 86,238	441	1,011,632	444	1,032,071
(vi) Gerakan Penerbangan ..	7	86,239	—	105,073	8	101,160
(vii) Kejuruteraan	—	—	—	—	2	31,750
(viii) Perkhidmatan Kecemasan Padang Terbang	268	786,759	268	1,225,200	268	1,202,500
(ix) Perkhidmatan Bantuan ..	23	297,545	26	278,200	30	296,500
Jumlah ..	1,433	3,974,570	1,447	5,800,000	1,519	5,669,900

3. Anggaran Pembangunan

Pecahan-kepala	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Peruntukan Tahun 1974 $	Anggaran Tahun 1975 $
SEMENANJUNG MALAYSIA			
1. Landasan Terbang-Pulau Langkawi	—	14,000	—
3. Kelengkapan-kelengkapan Talikom	—	1,255,000	108,000
4. Membaiki Padang Terbang ..	300,373	10	10
8. Pasukan Pengawas Radar, Kuala Lumpur	—	10	10
9. Kapalterbang dan Kelengkapan untuk menguji Alat Penerbangan ..	66,841	—	137,000
10. Bangsal Kapalterbang	136,209	6,000	10
11. Pembangunan Lapangan Terbang Pulau Pinang:			
(i) Kerja-kerja Pembinaan ..	907,645	10	15,000,000
(ii) Tanah	50,549	—	2,000,000
12. Pengangkutan dan Perjalanan ..	11,018	33,000	35,000
13. Kereta-kereta Bomba dan Kelengkapan	958,306	1,826,000	152,300
14. Pusat Latihan Penerbangan Awam..	8,857	67,500	10
Bawa kehadapan ..	2,439,798	3,201,530	17,432,340

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
	Dari sebelah ..	2,439,798	3,201,530	17,432,340
17.	Pembinaan landasan untuk kapal-terbang kecil di Taman Negara ..	2,912	250,000	—
18.	Pembangunan Lapangan Terbang, Johor Bahru	14,994,558	841,000	849,272
19.	Sistem Penerbangan-penerbangan ..	2,794,342	3,000,000	4,000,000
21.	Tambahan—Kemudahan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur—Kemajuan Besar	213,036	2,550,000	9,000,000
22.	Lapangan-lapangan Terbang Dalam Negeri:			
	(i) Kota Bharu	1,468,397	3,387,000	4,000,000
	(ii) Alor Star	15,441	208,860	10
	(iii) Ipoh	83,156	140,000	10
23.	"Helicopter Pad" untuk Bandar Kuala Lumpur	—	10	—
24.	Padang Terbang Pulau Tioman ..	—	300,000	700,000
32.	Padang Terbang Jerantut	—	—	300,000
33.	Pembangunan Lapangan Terbang Kuantan	—	—	5,000,000
	Jumlah Semenanjung Malaysia ..	22,011,640	13,878,400	41,281,632
	SARAWAK			
41.	Kelengkapan Radio Udara dan Alat-alat Pembantu Penerbangan bagi Lapangan Terbang Kuching dan Padang-padang Terbang Kecil ..	4,418	10,000	—
42.	Pengangkutan dan Perjalanan ..	335	10	200
43.	Membaiki Padang Terbang Luar Bandar	135,287	110,000	102,000
44.	Pembangunan Padang Terbang Kuching Peringkat III Bangunan Persinggahan Baru	1,034,382	8,000,000	6,000,000
45.	Memajukan Alat-alat Perhubungan dan Alat-alat Pembantu Penerbangan Peringkat III	14,281	307,000	553,700
46.	Bomba dan Kelengkapan Penyelamat	—	1,787,588	358,623
47.	Pembangunan Lapangan Terbang Sibu:			
	(i) Tanah	37,000	—	—
	(ii) Penyiasatan dan Ukur ..	—	95,000	10
48.	Lapangan-lapangan Terbang:			
	(i) Marudi	108,911	158,274	130,000
	(ii) Bintulu	59,294	124,000	10
	Bawa kehadapan ..	1,393,908	10,591,872	7,144,543

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
	Dari sebelah ..	1,393,908	10,591,872	7,144,543
49.	Sistem Penunjuk Arah Pandangan Bintulu	54,006	10	—
50.	Padang Terbang, Pagar Keselamatan	83,071	21,585	—
51.	Pembangunan Semula Lapangan Terbang Miri	2,397,129	4,000,000	5,000,000
52.	Penyiasatan Padang Terbang ..	—	10	20,000
	Jumlah Sarawak ..	3,928,114	14,613,477	12,164,543
	SABAH			
61.	Pembangunan Padang Terbang, Sandakan	164,934	2,700,000	300,010
62.	Pembangunan Padang Terbang, Tawau	62,159	44,955	10
63.	Membaiki Alat-alat Talikom dan Radio Pembantu Penerbangan ..	103,403	528,000	489,500
64.	Kelengkapan Bomba dan Penyelamat	—	1,700,000	870,400
65.	Pembangunan Lapangan Terbang, Kota Kinabalu	3,750,719	15,000,000	18,000,000
66.	Pembangunan Lapangan Terbang, Lahat Datu	292,800	550,000	383,000
67.	Pengangkutan dan Perjalanan ..	528	4,000	4,000
68.	Memperbaiki Padang Terbang Luar Bandar	26,366	72,157	21,500
69.	Sistem Penunjuk Arah Pandangan, Tawau dan Lahad Datu	55,895	10	—
	Jumlah Sabah ..	4,456,804	20,599,122	20,068,420
	Jumlah Pembangunan ..	30,396,558	49,090,999	73,514,595

Kemajuan Kerja-kerja Pembinaan

Pecahan-kepala 3—Kelengkapan-kelengkapan Talikom

Kontrek bagi bekalan kelengkapan VOR/DME untuk Pekan dan DME untuk Kota Bharu ditandatangani. Alat kelengkapan dijangka akan tiba pada penghujung tahun 1974.

Menapak semula jalan masuk ke tapak baru NDB sedang menunggu kebenaran dari Perancangan Bandar Alor Setar. Binaan jalan dan bangunan untuk menempatkan NDB akan bermula tidak lama lagi.

Pecahan-kepala 4—Membaiki Padang Terbang

Tertakluk kepada kelulusan, tambahan kecil kepada kawasan penumpang di Bangunan Terminal Kuala Trengganu dengan sebuah kantin awam akan dilaksanakan dalam tahun 1975.

Carta Rintangan Jenis "A" Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa untuk Melaka, Kota Bharu dan Pulau Pinang telah disiapkan oleh Jabatan Ukur.

Pecahan-kepala 8—Pasukan Pengawas Radar, Kuala Lumpur

Kontrek bagi bekalan Alat Kelengkapan Pengawasan Radar akan ditandatangan dalam sedikit masa lagi. Dijangka kelengkapan tersebut akan dipasang pada pertengahan tahun 1976.

Pecahan-kepala 9—Kapalterbang dan kelengkapan untuk menguji Alat Penerbangan

Pesawat kapalterbang Penyukatan Penerbangan sedang di "overhaul" serta dengan mengadakan Juruterbang dan Juruteknik. Bangsal kapalterbang kecil dan sebuah makmal bumi akan dibina. Walau bagaimanapun kebenaran adalah diperlukan.

Pecahan-kepala 10—Bangsal Kapalterbang

Kerja pemasangan "Apron Edge Lighting" sedang berjalan dan dijangka akan selesai pada bulan Oktober, 1974.

Pecahan-kepala 11—Pembangunan Lapangan Terbang, Pulau Pinang

Tanah bagi memajukan Lapangan Terbang telah diperolehi. Pekerjaan akan bermula pada penghujung tahun 1974. Rekaan lanjut projek tersebut hampir selesai. Pekerjaan melibatkan landasan baru seluas 11,000 kaki panjang dan 150 kaki lebar, sistem bantuan, bangunan terminal baru, bangunan tambahan dan kelengkapan Bantuan Penerbangan.

Dua buah kereta bomba "Ultra Large Foam Tender" dan dua buah kereta bomba "Foam Tender" akan dibeli pada tahun 1975.

Pecahan-kepala 13—Kereta-kereta Bomba dan Kelengkapan

Sejumlah 17 buah kereta bomba dan 2 buah kereta penyelamat telah dibeli dan dari jumlah ini tiga buah sedang dikendalikan dan bakinya akan dikendalikan pada suku-tahun pertama tahun 1975.

Dua buah bot penyelamat, tiap-tiap sebuah untuk Pulau Pinang dan Kuala Trengganu dijangka akan tiba pada penghujung tahun ini.

Pecahan-kepala 14—Pusat Latihan Penerbangan Awam

Alat "Radar Simulator" telah dikendalikan pada awal 1974. Sungguhpun begitu, kerja-kerja kecil "cabling" perlu dijalankan untuk menentukan bekalan tenaga berjalan seimbang kepada alat yang mudah tersinggung. Keadaan kawasan sekitar perlu diperbaiki.

Pecahan-kepala 18—Pembangunan Lapangan Terbang Johor Bahru

Kerja-kerja kecil yang lain misalnya binaan longkang di rumah kediaman dan menanam rumput akan siapsedia pada penghujung tahun 1974.

Tapak untuk kawasan bahanapi telah siap.

Pecahan-kepala 19—Sistem Penerbangan

Sejumlah besar alat kelengkapan sudah tiba dan sedang dipasang. Bangunan Operasi dijangka akan siap pada awal tahun 1975.

Alat Kelengkapan Pengawasan Radar Jarak Jauh di Bukit Chin Chin, Genting Highlands sedang dipasang.

Alat Kelengkapan Pengawasan Radar Jarak Sederhana di Bukit Lunchi, Johor telah dipesan dan akan dipasang pada tahun 1975.

Pecahan-kepala 21—Tambahan Kemudahan Lapangan Terbang Antara Bangsa Kuala Lumpur—Kemajuan Besar

Para Perunding telah dilantik untuk rekaan lanjut dan penyeliaan binaan tambahan kepada Bangunan Penumpang, Kawasan Letak Kapalterbang, Sistem Taxiway, Lampu "Approach", tambahan kemudahan-kemudahan dan api, air dan bangunan muatan baru.

Pecahan-kepala 22—Lapangan-lapangan Terbang Dalam Negeri

(i) Kota Bharu—Pihak J.K.R. telah mulakan pekerjaan tanah untuk memanjang dan melebarkan landasan kepada 6,500 kaki kali 150 kaki. Rekaan lanjut untuk "Apron" baru dan Bangunan Terminal sedang dilaksanakan. Kerja memancang telah dimulakan untuk Balai Bomba baru. Alat "T-VASIS" telah dipasang. Penghantaran "Remote Control Console" telah tertangguh dan dijangka akan dikirim dari kilang tidak lama lagi. Tender untuk lampu landasan, "taxiway" dan "Approach" ditutup pada 28hb Oktober, 1974. Pemasangan akan bermula pada pertengahan tahun 1975.

Sejumlah $27,000 telah diluluskan bagi tahun 1974 untuk melaksanakan pembaikan kecil.

(ii) Alor Setar—Kerja-kerja bagi menambah kawasan letak kapalterbang dan pagar lengkaran akan selesai dalam tahun 1974.

Pecahan-kepala 24—Padang Terbang, Pulau Tioman

Pengkajian yang melibatkan pertimbangan dari segi operasi dan kejuruteraan telah selesai. Kerja akan bermula dalam sedikit masa lagi. Landasan akan dipanjangkan kepada 2,500 kaki.

Pecahan-kepala 32—Padang Terbang, Jerantut

Kajian untuk lapanganterbang bagi kapalterbang Jenis F27 telah selesai.

Pecahan-kepala 33—Pembangunan Lapangan Terbang, Kuantan

Perkhidmatan Perundingan akan dipanggil bagi pembekalan dan pembaikan kemudahan-kemudahan bagi memperluaskan pengkalan udara TUDM untuk kapalterbang pengangkut jet besar.

SARAWAK

Pecahan-kepala 41—Kelengkapan Radio Udara dan Alat-alat Pembantu Penerbangan bagi Lapangan Terbang Kuching dan Padang-padang Terbang Kecil

Pemasangan "Non-directional Beacon" di Lundu dan Satubong telahpun disiapkan.

Pecahan-kepala 43—Membaiki Padang Terbang Luar Bandar

Berkaitan dengan padang terbang desa kerja-kerja memperbaiki telah dijalankan kepada Bangunan terminal, pendekatan kepada landasan dan permukaan landasan di bawah Rancangan Malaysia Kedua di beberapa padang terbang di negeri ini. Kerja-kerja memperbaiki bagi landasan di Long Seridan dan Bakelalan untuk pergerakan BN2 (Britten Norman Islander) telah disiapkan, dan kerja-kerja memperbaiki bagi landasan di Long Sukang akan dijalankan dalam tahun 1974. Kerja-kerja tambahan dan pembaharuan telah dibuat bagi Bangunan terminal di Limbang, Lawas dan Long Seridan. Pembinaan Bangunan terminal baharu di Long Semadoh dan Long Sukang sedang dijalankan.

Pecahan-kepala 44—Pembangunan Padang Terbang Kuching—Peringkat III Bangunan Persinggahan Baru

Kajian-kajian Pelan Induk untuk Lapangan Terbang yang ada sekarang telahpun disiapkan.

Jabatan Kerja Raya telah menyiapkan kajian-kajian lengkap dan perancangan bagi tambahan landasan ini dari 6,300 kaki ke 8,000 kaki untuk menerima kapalterbang Boeing 707. Kerja-kerja menimbul dan merata landasan ini sedang dijalankan dan dijangka siap dalam tahun 1974.

Pengambilan tanah bagi Komplex Terminal ini sedang dijalankan.

Perancangan lengkap dan penjagaan pembinaan bagi Bangunan Terminal baharu ini, dan juga segala kemudahan-kemudahan yang bersamping akan dijalankan oleh sebuah firma perunding.

Kerja-kerja memperbaiki dan membaharui Bangunan terminal yang ada sekarang untuk memberi kemudahan-kemudahan yang lebih baik kepada orang awam buat sementara sehingga bangunan terminal yang baharu disiapkan akan dijalankan.

Pecahan-kepala 45—Memajukan Alat-alat Perhubungan dan Alat-alat Pembantu Penerbangan, Peringkat III

Kerja-kerja awam sedang dijalankan untuk memasang Beacon penunjuk di Marudi. Beacon ini dijangka memulakan perkhidmatan pada penghujung tahun 1974.

Tawaran untuk "low powered VOR/DME" di Miri telah diberi, dan kemudahan ini dijangka memulakan perkhidmatannya pada penghujung tahun 1974.

Penerimaan alat-alat "Extended Range VHF" dijangka pada penghujung 1974, dan pemasangannya dijangka siap dalam tahun yang sama.

Disemua padang terbang di Negeri ini alat-alat radio VHF dan HF yang diperbaiki telah dipasangkan untuk memberi perhubungan udara-bawah-udara dan tempat ke tempat yang lebih baik dan licin.

Pecahan-kepala 46—Bomba dan Kelengkapan Penyelamat

Bagi memenuhi keperluan-keperluan kapal-kapalterbang pada masa ini alat-alat kelengkapan bomba dan kenderaan-kenderaan sedang dimodenkan di bawah Rancangan Malaysia Kedua. Sebanyak 4 kenderaan-kenderaan bomba "Rapide Intervention Tender" akan diperolehi dalam tahun ini untuk Kuching, Sibu, Miri dan Bintulu. Sebanyak 5 lagi alat-alat ini termasuk, alat-alat pemadam api yang Besar (Ultra Large) dan (Large Foam Tender) awan diperolehi untuk lapangan-lapangan terbang ini dalam tahun 1974.

Pecahan-kepala 47—Pembangunan Lapangan Terbang, Sibu

Pengambilan tanah untuk lapangan terbang Sibu telahpun disempurnakan.

Penyiasatan tanah peringkat awal dan kerja-kerja ukur akan disiapkan dalam tahun 1974.

Pecahan-kepala 48—Lapangan-lapangan Terbang

(i) Marudi

Pembinaan landasan, apron, rumah beacon dan pagar keselamatan telah disiapkan. Landasan ini telah dipanjangkan dari 2,400 kaki ke 3,000 kaki, dan disediakan untuk pergerakan bagi semua keadaan cuaca. Tawaran untuk pembinaan bangunan terminal baharu akan dijemput dalam tahun 1974.

(ii) Bintulu

Kerja-kerja memperbaiki di lapangan terbang ini telahpun siap seperti yang dirancangkan.

Pecahan-kepala 49—Sistem Penunjuk Arah Pandangan, Bintulu

Alat-alat VASIS di Bintulu akan dipasangkan dalam bulan September, 1974 oleh kerana kelewatan pengiriman alat-alat itu oleh pembuat-pembuat.

Pecahan-kepala 50—Padang Terbang, Pagar Keselamatan

Pagar keselamatan bagi lapangan terbang di Sibu telahpun disiapkan.

Pecahan-kepala 51—Pembangunan Semula Lapangan Terbang, Miri

Projek ini termasuk tambahan pembangunan kepada Miri bagi pergerakan taraf Boeing 737. Kerja-kerja sedang dijalankan atas pembesaran dan tambahan landasan yang ada sekarang dari 4,500 kaki × 100 kaki ke 6,500 kaki × 150 kaki dengan 25 kaki bahan-bahan binaan yang keras disebelah kiri kanan landasan itu.

Pecahan-kepala 52—Penyiasatan Padang Terbang

Dalam tahun 1974 Jabatan ini telah mencadang untuk menjalankan penyiasatan yang awal dan pengukuran tapak di Pendalaman untuk meninjau kehendak-kehendak dan kebolehan memperbaiki padang-padang terbang di luar bandar, dan juga membina padang-padang terbang yang baharu untuk memberi perhubungan yang lebih baik di kawasan luar bandar di Sarawak.

SABAH

Pecahan-kepala 61—Pembangunan Padang Terbang, Sandakan

Kajian Pelan Induk lapangan terbang Sandakan telahpun disiapkan. Lapangan terbang ini sedang menerima penerbangan taraf F27 (Fokker Friendship), dan dikembangkan untuk penerbangan taraf Boeing 737. Perancangan yang lebih rapi dan reka bentuk akan dijalankan sebaik sahaja satu firma perunding dilantik oleh Kerajaan.

Kerja-kerja tambahan kepada bangunan terminal yang ada sekarang untuk menemui terapik yang kini bertambah sehari-hari adalah sedang dibuat sehingga sebuah bangunan terminal yang baharu dibinakan.

Pecahan-kepala 62—Pembangunan Padang Terbang, Tawau

Kerja-kerja tambahan kepada bangunan terminal yang ada sekarang untuk memberi kemudahan-kemudahan penginapan yang lebih baik kepada orang-orang awam yang membuat penerbangan telah disiapkan.

Pecahan-kepala 63—Membaiki Alat-alat Talikom dan Radio Pembantu Penerbangan

Tawaran bagi rancangan yang rapi untuk VOR/DME telah diterima, dan dijadualkan memulakan perkhidmatannya pada penghujung tahun 1974.

Alat-alat bagi sistem "extended range VHF" dijangka tiba pada penghujung 1974, dan pemasangannya dijangka siap pada masa yang sama.

Kerja-kerja awam sedang dijalankan bagi pemasangan "non-directional beacon" di Papar, dan beacon ini dijadualkan memulakan perkhidmatannya pada penghujung tahun 1974.

Pecahan-kepala 64—Kelengkapan Bomba dan Penyelamat

Adalah menjadi dasar Jabatan ini di bawah Rancangan Malaysia Kedua untuk membaharui alat-alat kelengkapan Bomba dan Kenderaan-kenderaannya untuk memenuhi kehendak-kehendak kapal-kapal terbang yang moden. Dalam tahun 1973,

4 kenderaan penyelamat "Rapide Intervention Tender" telah dipesankan untuk Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau dan Lahad Datu, dan kenderaan ini dijangka tiba dalam pertengahan tahun 1974. Sejumlah 7 yunit lagi yang termasuk kenderaan-kenderaan yang lebih besar (Ultra Large Foam Tender) dan kenderaan besar (Large Foam Tender) akan diperolehi bagi lapangan-lapangan terbang ini dalam tahun 1974.

Pecahan-kepala 65—Pembangunan Lapangan Terbang, Kota Kinabalu

Kerja-kerja menambah kekukuhan landasan yang ada sekarang di Kota Kinabalu, dan juga membesarkan landasan itu telah disiapkan. Landasan ini adalah sekarang 9,800 kaki × 200 kaki.

Perancangan yang penuh dan reka bentuk kompleks terminal lapangan terbang oleh sebuah firma perunding telah bermula dan dijangka siap dalam tahun 1974.

Tawaran bagi sistem api pendekatan dan sistem alat-alat pendaratan telah diterima. Kerja-kerja pemasangan akan dimulakan dalam tahun 1974, dan dijangka siap dalam bulan Oktober, 1975.

Kerja-kerja sedang dijalankan untuk menambah dan membaharui bangunan terminal yang ada supaya memberi kemudahan-kemudahan lebih baik kepada penumpang-penumpang sehingga komplek terminal yang baharu itu siap pada tahun 1977. Kerja-kerja tambahan ini akan siap pada bulan November, 1974.

Pecahan-kepala 66—Pembangunan Padang Terbang, Lahad Datu

Kerja-kerja mengukur dan perancangan bagi memanjangkan landasan di Lahad Datu dari 3,900 kaki kepada 4,500 kaki telah disiapkan. Kerja tambahan ini akan bermula dalam tahun 1974.

Kerja-kerja memperbaiki bangunan terminal dan setesen Bomba telahpun disiapkan.

Pecahan-kepala 68—Memperbaiki Padang Terbang Luar Bandar

Di dalam Rancangan Malaysia Kedua, kerja-kerja memperbaiki akan dijalankan bersabit dengan permukaan landasan, kawasan-kawasan gerakan kapalterbang, pendekatan kepada landasan dan bangunan terminal di beberapa buah lapangan desa di dalam Negeri ini. Kerja-kerja memperbaiki Bangunan-bangunan terminal di Keningau, Ranau, Sepulot, Kudat dan Semporna telah siap, dan pagar-pagar juga telah diadakan di lapangan terbang Ranau dan Semporna. Bekalan air di bangunan terminal di Semporna telah disiapkan, dan kerja-kerja untuk memperbaiki permukaan landasan itu akan dilaksanakan dalam tahun 1974.

Pecahan-kepala 69—Sistem Penunjuk Arah Pandangan, Tawau dan Lahad Datu

Oleh kerana kelewatan pengiriman alat-alat ini oleh pembuat-pembuat di luar negeri pemasangannya di Tawau hanya dijangka siap dalam bulan September, 1974. Pemasangannya di Lahad Datu akan dijalankan dalam tahun 1975 oleh sebab tambahan kepada landasan itu tidak dapat disiapkan sehingga awalan tahun 1975.

4. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Belanja Mengurus	8,514,223	11,966,800	15,330,470
Belanja Pembangunan	30,396,558	49,090,999	73,514,595
Jumlah Besar ..	38,910,781	61,057,799	88,845,065

PERKHIDMATAN KAJICUACA

Kepala Bekalan 58	**$4,836,900**
Kepala Pembangunan 58	**696,826**
Jumlah ...	**$5,533,726**

	Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975 ...	**$4,836,900**	**$696,826**	**$5,533,726**
Peruntukan 1974 ...	**4,465,000**	**944,470**	**5,409,470**
Perubahan ...	**+ $ 371,900**	**— $247,644**	**+ $ 124,256**

1. Tujuan-tujuan

Matlamat Perkhidmatan Kajicuaca Malaysia ialah untuk memenuhi dengan secukup-cukup dan sebaik-baiknya semua keperluan yang berupa perkhidmatan-perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan kajicuaca terutamanya dalam bidang-bidang penerbangan awam, pertanian, pelajaran, penyelidikan dan pembangunan ekonomi.

Tugas-tugas Perkhidmatan ini bolehlah diringkaskan kepada lapan aktiviti berikut:

(i) Pentadbiran Am;
(ii) Ramalan Cuaca;
(iii) Kajiklim;
(iv) Penyiaran Gambar Otomatik;
(v) Kajicuaca-haidro;
(vi) Penyelidikan dan Latihan;
(vii) Kajicuaca-pertanian;
(viii) Memproses Data Elektronik.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran Am—			
Semenanjung Malaysia	257,148	366,000	394,000
Sabah	68,918	84,000	97,300
(ii) Ramalan Cuaca—			
Semenanjung Malaysia	1,850,455*	2,562,000	2,685,558
Sarawak dan Sabah	499,951	646,000	767,854
(iii) Kajiklim—			
Semenanjung Malaysia	117,303	188,000	173,918
Sabah	—	15,000	21,096
(iv) Penyiaran Gambar Otomatik—			
Semenanjung Malaysia	47,899	59,000	59,122
(v) Kajicuaca-haidro—			
Semenanjung Malaysia	79,090	140,000	144,302
Bawa kehadapan ..	2,920,764	4,060,000	4,343,150

* Termasuk Penerimaan dan Penyiaran.

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Dari Sebelah ..	2,920,764	4,060,000	4,343,150
(vi) Penyelidikan dan Latihan— Semenanjung Malaysia	78,179	108,000	143,831
(vii) Kajicuaca-pertanian— Semenanjung Malaysia	19,411	45,000	105,084
(viii) Memproses Data Elektronik— Semenanjung Malaysia	147,479	252,000	244,835
Jumlah Belanja Mengurus ..	3,165,833	4,465,000	4,836,900
Kewangan— Dengan Peruntukan yang disediakan	$3,666,300	$4,465,000	$4,836,900

Prestasi

Sebagai sebuah "jabatan yang memberi khidmat" dan yang membekalkan kemudahan-kemudahan kajicuaca yang tidak terhingga banyaknya, Perkhidmatan ini terpaksa mengekalkan persamaan dengan kemajuan-kemajuan negara terutama sekali dalam bidang penerbangan awam dan perkembangan ekonomi.

Kesedaran baru-baru ini terhadap mustahaknya kajicuaca dalam berbagai percubaan-percubaan manusia dan kegiatan Kerajaan yang mengambil berat tentang alam sekeliling memerlukan pengluasan aktiviti-aktiviti dalam bidang seperti pencemaran udara, kajicuaca-pertanian, ramalan cuaca dan kajiklim. Dengan demikian, perkembangan perkhidmatan ini sendiri dikuasai oleh faktor-faktor luar yang mana tidak dapat dikawal.

(i) *Pentadbiran Am*

Pentadbiran Am bertanggungjawab merancang, melaksana dan menyelaras berbagai fungsi dan aktiviti perkhidmatan ini dengan tujuan menjaya dan mengekalkan perkhidmatan kajicuaca yang bermutu tinggi yang dapat diterima oleh pengguna-pengguna maklumat kajicuaca tempatan dan antarabangsa. Bahagian ini juga bertanggungjawab menyamakan berbagai pemerhatian kajicuaca yang telah diambil dan membetul serta menguji alat-alat kelengkapan kajicuaca.

(ii) *Ramalan Cuaca*

Perkembangan aktiviti Ramalan Cuaca ini berganding rapat dengan kemajuan kajicuaca antarabangsa dan penerbangan. Pengguna-pengguna ramalan cuaca utama ialah opereter-opereter kebangsaan dan antarabangsa syarikat-syarikat penerbangan dan Tentera Udara Diraja Malaysia.

Perkembangan yang nyata dalam aktiviti ini adalah permulaan penubuhan sebuah balai angkasalepas di Kuching, balai kajicuaca di Labuan dan pembekalan kemudahan-kemudahan ramalan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu. Sebuah Balai Kajicuaca baru juga dirancang penubuhannya dalam 1975 di Temerloh.

Memandang kepada perbezaan-perbezaan di jenis-jenis dan faktor-faktor masa terlibat di antara satu pemerhatian kepada yang lain, satu ramalan perjalanan/kawasan kepada yang lain, adalah sukar untuk menggambarkan banyaknya beban-kerja. Oleh hal yang demikian, tidak dapat ditentukan satu yunit ukuran beban-kerja. Walau bagaimanapun, maklumat berikut bolehlah digunakan bagi membayangkan beban-kerja aktiviti ini:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
1. Nombor carta-carta yang ditanda ..	19,710	20,440	21,170
2. Nombor carta-carta yang dianalisa	14,600	15,330	16,060
3. Nombor ramalan yang dikeluarkan (termasuk ramalan kepada radio, akhbar, orang awam, penerbangan dan lain-lain)	45,860	50,000	60,000
4. Pemerhatian-pemerhatian kaji-cuaca—(termasuk pemerhatian-pemerhatian udara bahagian atas, radar, synops, metars, species dan lain-lain)	151,762	188,336	196,701

Perkembangan pesat di lapangan penerbangan awam memerlukan pembekalan kemudahan-kemudahan kajicuaca yang selaras dengannya. Kesedaran orang awam yang semakin bertambah akan kepentingan ramalan cuaca akan menambahkan beban-kerja Bahagian ini.

(iii) *Kajiklim*

Tugas-tugas utama di Bahagian Kajiklim ialah untuk mengawal mutu data kajiklim, mencetak penerbitan-penerbitan dan membekalkan data termasuk nasihat kepada jabatan-jabatan Kerajaan dan pihak swasta yang terlibat dalam projek-projek pembangunan.

BEBAN-KERJA

Rancangan perkembangan di Bahagian Kajicuaca Pertanian dalam tahun 1973 dan 1974 telah menambah banyak kerja-kerja di Bahagian Kajiklim.

Dalam tahun-tahun 1974 dan 1975, tambahan kerja dijangka meningkat dengan banyaknya yang ternyata dari permintaan data-data berbanding dengan tahun-tahun yang lalu.

BILANGAN PERMINTAAN YANG TELAH DIBEKALKAN OLEH BAHAGIAN KAJIKLIM

	Ajensi Kerajaan (termasuk Institusi Penyelidikan)	Pihak Swasta	Jumlah
1971	99	453	552
1972	123	463	586
1973	202	646	848
1974 (hingga bulan Ogos)	643	256	899

Di dalam aktiviti-aktiviti yang lain, perkembangan adalah dijangka meningkat dalam tahun 1975 sebagaimana juga dalam tahun-tahun yang lampau. Khususnya, tugas-tugas khas yang berikut adalah dirancangkan untuk diselesaikan di pertengahan tahun 1975:

(*a*) Memasang alat-alat kajicuaca di 4 buah kapal Syarikat Perkapalan Antarabangsa Malaysia.

(*b*) Menubuhkan satu stesyen kekotoran alam sekitar (background pollution station) di Kluang untuk mengumpulkan data asas bagi mengetahui kandungan udara, dalam masa jangka panjang, yang disebabkan oleh gunaan tanah dalam kawasan serantau.

(iv) *Penyiaran Gambar Otomatik*

Bahagian ini menerima, memproses, menganalisa, mengkod dan menyebar gambar-gambar awan yang dikirim oleh satelit-satelit kajicuaca yang beredar, Gambar-gambar awan ini ialah bantuan tambahan kepada teknik-teknik biasa dalam ramalan cuaca.

BEBAN-KERJA

Beban-kerja boleh diukur dengan bilangan gambar-gambar setelit yang diterima.

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Bilangan gambar-gambar satelit yang diterima	3,247	7,000	8,760

Adalah dijangka bahawa satelit infra-red akan bergerak dalam tahun 1975.

(v) *Kajicuaca-haidro*

Bahagian ini dengan kerjasama seorang pakar kajicuaca UN/WMO, berjaya menggunakan "Sacramento Streamflow Simulation Model" untuk beberapa batang sungai di Malaysia pada penghujung tahun 1973.

Pada masa sekarang Bahagian ini sedang mengkaji beberapa cara untuk mempastikan ketetapan data hujan. Bahagian ini adalah juga bergiat menentukan taburan hujan di Malaysia pada masa-masa yang berasingan di dalam satu-satu tahun. Kajian ini adalah dibuat berdasarkan kepada beberapa permintaan dari orang ramai untuk maklumat seperti ini. Juga, Bahagian ini memberi perhatian yang penuh untuk mengkaji taburan hujan tempatan dengan menggunakan "radar".

(vi) *Penyelidikan dan Latihan*

Yunit Penyelidikan

Yunit Penyelidikan adalah bertanggungjawab untuk menjalankan penyiasatan berhubung dengan Udara Tropika dengan tujuan memperbaikkan lagi teknik meramal cuaca.

BEBAN-KERJA

Kerja-kerja yang dijalankan dalam tahun 1973

Yunit ini telah meneruskan penyiasatan berhubung dengan teknik-teknik meramal hujan lebat dan telah selesai membuat pengkajian mengenai sebab-sebab hujan lebat pada tempoh bulan Disember 1970 hingga Januari 1971. Semasa tempoh hujah lebat telah juga disiasat dan projek ini akan terus dijalankan. Percubaan "Cloud Seeding" telah juga dijalankan semasa musim tengkujuh timur laut. Juga sebanyak 4 seminar telah diadakan.

Kerja-kerja yang dijangka dalam tahun 1974

Projek-projek tersebut di bawah ini akan dijalankan:

(1) Pengkajian ke atas kesan angin timur laut ke atas cuaca di Semenanjung Malaysia bagi tempoh bulan Mac dan April, 1974.

(2) Menganalisa angin secara objektif dengan menggunakan computer. Mengira fakta-fakta kajicuaca untuk kegunaan ramalan cuaca.

(3) Penyiasatan awal mengenai hujan lebat yang berlaku dalam bulan Oktober di negeri-negeri di sebelah Pantai Timur Semenanjung Malaysia daripada tahun 1969 hingga 1973.

(4) Penyiasatan awal ke atas kaitan antara angin Typhoon di laut China Selatan. Udara angkasalepas di Malaysia dan keadaan cuaca di sepanjang Pantai Barat Semenanjung Malaysia.

Seminar-seminar jabatan telah diadakan dari masa kesemasa untuk memboleh-kan pegawai-pegawai bertukar fikiran. Tambahan dari penerusan projek di atas dan seminar jabatan, percubaan-percubaan akan dibuat untuk tahun 1975 untuk membentuk "numerical model" bagi meramal "squall line". Ini akan merupakan projek bersama antara jabatan ini dengan Jabatan Ilmu Hisab Universiti Malaya.

Yunit Latihan

Bahagian ini menjalankan latihan asas dari segi teori dan praktik dalam bahagian kajicuaca permulaan untuk pembantu-pembantu yang baru dilantik dan kursus-kursus ulangkaji untuk kakitangan yang ada.

BEBAN-KERJA

Beban-kerja boleh diukur dari bilangan kakitangan yang menghadiri pelbagai kursus:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(*a*) Pegawai Kajicuaca dan Pegawai Percubaan	6	7	3
(*b*) Pembantu Kajicuaca (Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak) ..	25	104 (Semenanjung Malaysia —87 Sabah dan Sarawak —17)	47 (Semenanjung Malaysia —22 Sabah dan Sarawak 25)
(*c*) Kursus Ulangkaji bagi Pembantu Kajicuaca	26	20	25
(*d*) Perancang	—	3	—
(*e*) Pembantu Makmal	—	1	1
(*f*) Jurutaip Taliprinter	2	1	—
Jumlah ..	59	131	76

(vii) *Kajicuaca Pertanian*

Bahagian ini ditubuhkan dalam tahun 1973 dengan tujuan memenuhi keperluan pakar-pakar pertanian untuk penyelidikan faktor-faktor kajicuaca yang melibatkan tumbuhan tanaman. Setakat ini, sejumlah 96 stesyen-stesyen telahpun dibuka—60 stesyen-stesyen dalam 1973 dan 36 lagi dalam 1974 (hingga bulan Ogos).

Data kajicuaca dari stesyen itu adalah dianalisakan oleh Bahagian ini. Dengan kerjasama dari FELDA, MARDI, Jabatan Pertanian dan lain-lain ejensi penyelidikan, Bahagian ini sedang giat menjalankan beberapa projek kajian mengenai faktor-faktor kajicuaca yang melibatkan tumbuhan dan pengeluaran tanaman, musuh tumbuh-tumbuhan, penyakit tanaman dan lain-lain.

Dalam tahun 1975, Bahagian ini akan memperluaskan aktiviti dengan penerbitan bulanan baru mengenai kajicuaca pertanian. Penerbitan ini dijangka memberi faedah kepada seluruh kaum petani, khasnya pakar-pakar pertanian. Juga, Bahagian ini akan mengkaji "potential evapotranspiration" dengan menggunakan formula Penman.

(viii) *Memproses Data Elektronik*

Aktiviti ini yang telah ditubuhkan pada tahun 1973 adalah sedang terlibat dalam fungsi-fungsi yang tersebut di bawah ini:

(i) menyemak, memproses dan mengedit semua jenis data kajicuaca yang dikumpulkan oleh Bahagian-bahagian yang lain di Jabatan ini;

(ii) menyediakan ringkasan kajicuaca untuk penerbitan mengikut jadual tetap;

(iii) membekalkan maklumat kajicuaca kepada sebarang ajensi yang memintanya;

(iv) mengira "vertical shear, dew-point depression, water-vapour flux, vertical wind profile" dan lain-lain untuk membantu ramalan kajicuaca yang dibuat setiap hari;

(v) membuat penyelidikan untuk menganalisa dan "prognosis" angin udara dengan cara objektif.

Tambahan kepada tugas-tugas utama yang tersebut di atas, Bahagian ini membuat berbagai-bagai kerja yang memakan masa yang kecil. Juga, beberapa "program" adalah sedang dimajukan untuk menganalisa "radar echoes".

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan—			
	Semenanjung Malaysia	1,193,926	1,686,695	1,797,195
	Sarawak dan Sabah	337,020	419,388	466,553
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang—			
	Semenanjung Malaysia	43,176	74,241	142,960
	Sarawak dan Sabah	86,453	90,972	115,357
1300	Tambahan Gaji Kakitangan—			
	Semenanjung Malaysia	19,179	36,714	34,309
	Sarawak dan Sabah	4,704	9,826	9,040
	Jumlah Gaji ..	1,684,458	2,317,836	2,565,414
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang—			
	Semenanjung Malaysia	54,348	77,000	108,000
	Sarawak dan Sabah	11,765	30,000	43,000
2200	Pengangkutan Barang-barang—			
	Semenanjung Malaysia	21,084	17,500	17,948
	Sarawak dan Sabah	2,017	5,423	6,500
	Bawa kehadapan ..	1,773,672	2,447,759	2,740,862

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
	Dari Sebelah ..	1,773,672	2,447,759	2,740,862
2300	Kemudahan Perhubungan—			
	Semenanjung Malaysia	61,925	77,341	83,500
	Sarawak dan Sabah	4,545	13,000	14,000
2400	Api, Air dan Letrik dll.—			
	Semenanjung Malaysia	34,123	59,000	64,000
	Sarawak dan Sabah	2,872	4,000	8,000
2500	Sewa—			
	Semenanjung Malaysia	556,603	863,480	875,158
	Sarawak dan Sabah	8,237	8,277	8,280
2600	Perkhidmatan Pencetakan—			
	Semenanjung Malaysia	18,410	15,500	21,500
	Sarawak dan Sabah	105	5,790	9,500
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan—			
	Semenanjung Malaysia	369,541	427,160	456,500
	Sarawak dan Sabah	74,667	86,600	154,220
2800	Perkhidmatan Pelbagai—			
	Semenanjung Malaysia	25,823	38,750	46,680
	Sarawak dan Sabah	5,352	5,458	5,800
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan—			
	Semenanjung Malaysia	148,992	272,619	221,900
	Sarawak dan Sabah	28,441	62,866	43,000
3300	Pembinaan—			
	Semenanjung Malaysia	5,461	8,000	11,000
	Sarawak dan Sabah	2,177	3,400	3,000
4100	Pemberian, Subsidi dan Carum-carum—			
	Semenanjung Malaysia	44,887	66,000	70,000
	Jumlah ..	3,165,833	4,465,000	4,836,900

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974	Bilangan	Anggaran Tahun 1975
		$		$		$
(i) Pentadbiran Am—						
Semenanjung Malaysia	32	160,361	38	205,682	40	220,000
Sabah	6	50,717	6	51,120	7	59,000
(ii) Ramalan Cuaca—						
Semenanjung Malaysia	223	853,503*	250	1,197,154	254	1,300,000
Sarawak dan Sabah ..	67	373,809	76	457,456	104	519,354
(iii) Kajiklim—						
Semenanjung Malaysia	13	87,215	17	123,297	18	120,418
Sabah	2	3,652	2	11,610	2	12,596
(iv) Penyiaran Gambar Otomatik—						
Semenanjung Malaysia	8	37,304	8	39,727	8	38,422
(v) Kajicuaca-haidro—						
Semenanjung Malaysia	14	39,760	17	80,505	17	91,854
(vi) Penyelidikan dan Latihan—						
Semenanjung Malaysia	4	38,332	8	50,738	9	64,831
(vii) Kajicuaca-pertanian—						
Semenanjung Malaysia	4	3,450	4	21,022	4	51,584
(viii) Memproses Data Elektronik—						
Semenanjung Malaysia	13	36,355	16	79,525	16	87,355
Jumlah ..	403	1,684,458	442	2,317,836	479	2,565,414

* Termasuk Penerimaan dan Penyiaran berjumlah $55,626.

	1973	1974	1975
Hitong Panjang Gaji Tahunan—			
Semenanjung Malaysia	$3,830	$5,021	$5,395
Sarawak dan Sabah	$5,709	$6,193	$5,276
Disatukan	$4,180	$5,244	$5,367

3. Anggaran Pembangunan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Bantuan kepada Ramalan Cuaca ..	332,977	343,370	96,380
(ii) Pembangunan Balai-balai Kajicuaca dan Rumah-rumah Kediaman ..	115,424	472,190	444,913
(iii) Pembangunan Bahagian Kajiklim ..	10	10	—
(iv) Pembangunan Bahagian Kajicuaca Haidro	—	119,000	150,000
(v) Penyelidikan Kajicuaca Tropika ..	4,852	9,900	5,533
Jumlah ..	453,253	944,470	696,826

Kemajuan Kerja-kerja Pembinaan

(i) *Bantuan kepada Ramalan Cuaca*

Perkhidmatan ini sentiasa merancang untuk mendapat bantuan tambahan kepada ramalan cuaca dengan tujuan memperbaiki lagi teknik-tekniknya dan menambah-kan lagi ketepatannya.

Sistem ceilometer dan transmissiometer yang dipasang pada penghujung tahun 1973 telah berjalan dengan lancar. Sistem ini menentukan tingginya awan dan pengelihatan yang berterusan. Faktor-faktor ini adalah mustahak kepada operasi penerbangan, terutamanya pada masa kapalterbang berlepas dan mendarat.

Alat-alat elektronik yang memakan belanja lebih kurang $200,000 untuk mendirikan Balai Angkasalepas di Kuching telah dipesan. Balai ini akan mendapatkan lebih banyak lagi data-data angkasalepas di kawasan Sarawak untuk membantu pegawai-pegawai mengeluarkan ramalan cuaca yang lebih tepat.

(ii) *Pembangunan Balai-balai Kajicuaca dan rumah-rumah kediaman*

Balai-balai Kajicuaca baru di Kluang dan Johor Bharu telah berjalan dengan lancar.

Pembinaan blok Pejabat setinggi 4 tingkat di sebelah bangunan Ibu Pejabat Kajicuaca yang sekarang berharga $460,000 telah tergendala sedikit oleh sebab kenaikan perbelanjaan dan dijangka siap pada pertengahan tahun 1975.

Pembinaan Balai Kajicuaca Temerloh dan rumah-rumah kediaman telah tergendala oleh sebab kesukaran pengambilan alih tanah. Perkara-perkara ini nampaknya telah dibereskan dan tender mungkin dihadiahkan kapada penghujung tahun 1974. Balai dan rumah-rumah kediaman harus akan disiapkan pada penggal ketiga tahun 1975.

Sebuah bangunan Balai Kajicuaca baru di lapanganterbang Alor Star telah dirancang untuk pembinaan dalam tahun 1975.

(iii) *Pembangunan Bahagian Kajiklim*

Sebuah Komputer IBM 1130 masih disewa untuk kegunaan Bahagian Kajiklim dan lain-lain bahagian.

(iv) *Pembangunan Bahagian Kajicuaca Haidro*

Peruntukan sebanyak $150,000 telah disediakan untuk membeli lebih banyak lagi alat-alat untuk bahagian ini.

(v) *Penyelidikan di Bahagian Kajicuaca Tropika*

Penyelidikan merupakan perancangan jangka panjang dan pembelian alat-alat adalah dibahagikan untuk jangkamasa 3 hingga 4 tahun. Dalam tahun 1975 peralatan akan dibeli sebanyak lebih kurang $5,533.

4. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Belanja Mengurus—			
Semenanjung Malaysia	2,596,964	3,719,980	3,950,650
Sarawak dan Sabah	568,869	745,020	886,250
Belanja Pembangunan—			
Semenanjung Malaysia	453,253	644,470	656,796
Sarawak dan Sabah	—	300,000	40,030
Jumlah Besar ..	3,619,086	5,409,470	5,533,726

Kepala Bekalan 59	**$4,294,000**
Kepala Pembangunan 59 ...	**963,000**
Jumlah ...	**$5,257,000**

	Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975 ...	**$4,294,000**	**$963,000**	**$5,257,000**
Peruntukan 1974 ...	**4,021,750**	**786,020**	**4,807,770**
Perubahan ...	**+ $ 272,250**	**+ $176,980**	**+ $ 449,230**

1. Tujuan-tujuan

(*a*) Menjalankan Dasar Kerajaan di bidang Perkapalan dan Pelayaran Laut;

(*b*) Menguatkuasakan Perbekalan Ordinan Perkapalan Dagang, 1952; dan

(*c*) Mengawal Keselamatan Lalulintas di Perairan Semenanjung Malaysia.

Matlamat-matlamat di atas dikuatkuasakan dengan leluasa melalui program-program dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Jabatan ini melalui semua bahagian-bahagiannya di seluruh Semenanjung Malaysia.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran Am	748,584	1,647,800	1,178,500
(ii) Menguatkuasakan Perbekalan Ordinan Perkapalan Dagang	378,949	409,950	567,000
(iii) Mengadakan Khidmat Lanci ..	1,065,220	1,181,000	1,415,100
(iv) Mengadakan Khidmat Korek dan Mooring Buoys	435,096	488,500	744,500
(v) Pemeriksaan Kapal-kapal	255,480	112,000	175,900
(vi) Penyenggaraan Alat Bantuan Pelayaran	168,094	182,500	213,000
Jumlah ..	3,051,423	4,021,750	4,294,000

Prestasi

(i) *Pentadbiran Am*

Pentadbiran Am bertanggungjawab dalam hal-hal pentadbiran kakitangan, pengurusan kewangan dan Stor Tidak Beruntuk, dan kutipan hasil.

Bahagian ini diketuai oleh Pengarah Laut Semenanjung Malaysia yang juga menjadi Pengerusi Lembaga Cukai Api dan Pengerusi Pusat Kumpulanwang Perusahaan Perkapalan. Pengarah Laut ialah seorang professional yang bertanggungjawab terus kepada Ketua Setiausaha Kementerian Perhubungan dan bertanggungjawab ke atas kelicinan pentadbiran dan penentuan polisi Jabatan ini.

Pentadbiran Am di tiaptiap pejabat Syahbandar dikendalikan oleh Pegawai Laut yang berpangkat Syahbandar serta dibantu oleh kerani besar dan lain-lain kakitangan. Pentadbiran di pelabuhan-pelabuhan kecil diketuai oleh Timbalan Pegawai Pelabuhan.

Di atas tugas Pengarah Laut, beliau sentiasa sahaja menghadziri persidangan-persidangan di dalam dan di luar negeri dalam hal-hal yang bersangkutan dengan polisi Jabatan ini. Kira-kira 15% dari masa beliau disalurkan kepada pentadbiran Lembaga Cukai Api seperti menghadziri Mesyuarat Lembaga yang berasing tidak kurang dari empat kali setahun dan lain-lain mesyuarat yang berkaitan. Sebagai Pengerusi Pusat Kumpulanwang Perusahaan Perkapalan kira-kira 10% dari masa kerja beliau disalurkan kepada kerja meneliti lebih daripada 200 permohonan mendapat bantuan belas ikhsan di samping mempengerusikan empat Mesyuarat Lembaga itu dalam satu tahun.

(*a*) Bahagian Perkhidmatan

BEBAN-KERJA

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(1) Penyimpanan buku kecil Rekod Perkhidmatan	594	561	570
(2) Mesyuarat Lembaga Tatatertib ..	1	—	1
(3) Lembaga Kenaikan Pangkat	3	1	1
(4) Memproses bilangan calun-calun untuk diproses oleh Lembaga Kenaikan Pangkat	125	50	50
(5) Penyimpanan Fail-fail Persendirian ..	944	950	960
(6) Penyimpanan Fail-fail Am	8,710	8,750	8,795
(7) Surat Menyurat (keluar/masuk dan pembahagian)	85,500	86,600	87,700

(*b*) Bahagian Kewangan

Bahagian ini mempunyai dua bahagian iaitu Pengurusan Kewangan dan Pentadbiran Stor Tak Beruntuk. Jabatan ini mengendalikan Akaun Panjar Seperduabelas berjumlah $240,000 dari mana baucer-baucer Jabatan Laut, Lembaga Cukai Api dan Pusat Kumpulanwang Perusahaan Perkapalan dibayar.

I. Pengurusan Kewangan

BEBAN-KERJA

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(1) Bilangan baucer yang diperiksa dan diluluskan untuk pembayaran ..	3,500	4,300	4,300
(2) Bilangan Pertanyaan yang dibangkitkan	135	130	130
(3) Bilangan baucer-baucer rekupmen ..	375	420	450
(4) Bilangan baucer-baucer yang dihantar ke Akauntan Negara Malaysia untuk pembayaran terus	275	300	300
(5) Bilangan baucer-baucer Jernal ..	290	300	300
(6) Bilangan Jadual A dan B	76	85	85
(7) Bilangan kertas-kertas Pencen yang disemak dan disediakan	31	25	25

Hasil dan Perbelanjaan Jabatan ini adalah seperti berikut:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Jabatan Laut (Hasil Persekutuan) ..	3,795,245	3,718,318	3,800,000
Jabatan Laut (Hasil Negeri)	110,162	200,000	200,000
Lembaga Cukai Api	1,645,405	1,664,828	1,675,820
Pusat Kumpulanwang Perusahaan Perkapalan	469,160	469,700	480,280
Jumlah ..	6,019,972	6,072,846	6,156,100

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Jabatan Laut	3,423,472	4,807,770	5,842,010
Lembaga Cukai Api	1,625,500	4,062,863	1,625,545
Pusat Kumpulanwang Perusahaan Perkapalan	260,060	712,460	455,385
Jumlah ..	5,309,052	9,583,093	7,922,940

II. Stor Tak Beruntuk

Jabatan Laut menjaga satu Stor Tak Beruntuk di Pelabuhan Kelang dengan akaun bergerak sebanyak $430,000 dan stor-stor yang beruntuk di negeri-negeri Selangor, Melaka, Johor, Perak dan Pulau Pinang.

BEBAN-KERJA

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
1. Bilangan "Store Requisition" yang diedarkan	962	1,100	1,200
2. Bilangan Pembelian yang dilaksanakan	924	1,000	1,100
3. Bilangan sebutharga dijemput.. ..	100	110	120
4. Bilangan perkara-perkara store (items) yang disimpan	1,800	1,900	2,000
5. Bilangan Baucer yang dibuat	187	200	200
6. Bilangan Baucer Jernal disediakan ..		60	70
7. Bilangan Pesanan kepada Crown Agents	13	—	—
8. Bilangan Pesanan Tempatan yang diedarkan	231	300	400
9. Persediaan Surat Sumpah Kastam (Customs Declaration)	30	20	10
10. Persediaan Nota Konsainmen keretapi	140	150	200
11. Persediaan tuntutan kepada Crown Agents dan Tempatan	—	5	5

(ii) *Menguatkuasakan Perbekalan Ordinan Perkapalan Dagang*

Aktiviti ini diadakan bagi mempastikan kapal-kapal dagang yang menggunakan dan singgah di perairan Semenanjung Malaysia mematuhi undang-undang perkapalan seperti yang tercatit dalam Perbekalan Ordinan Perkapalan Dagang Tahun 1952.

Dokumen-dokumen berikut perlu diperiksa bagi tiap-tiap kapal yang singgah di pelabuhan-pelabuhan di Semenanjung Malaysia:

1. Sijil Garis Muatan;
2. Sijil Alat-alat Keselamatan;
3. Sijil Radio;
4. Sijil bebas daripada tikus;
5. Jadual Kapal untuk pemeriksaan bagi maksud untuk Kutipan Cukai Api; dan
6. Senarai Senjata Api dan Barang-barang Letupan.

Kerja-kerja pemeriksaan dan pelesenan perahu-perahu tempatan (kecil) juga dikendalikan oleh bahagian ini.

Aktiviti ini diselenggarakan oleh Merinyu kapal di semua pejabat Syahbandar dengan kawalan secara langsung dilakukan oleh Syahbandar tiap-tiap cawangan. Pada tahun ini jumlah Merinyu kapal ialah 26 orang dan 4 orang lagi akan diambil pada akhir tahun ini. Hasil yang dikutip dimasukirakan ke dalam Negeri di mana sampan/bot-bot dilesenkan dengan tidak mendapat bayaran balik dari negeri-negeri berkenaan.

Beban-kerja di bawah aktiviti ini dijangka akan bertambah banyak pada masa akan datang memandangkan banyak pembaikan dibuat kepada Pelabuhan Kelang dan Pelabuhan Butterworth dan Pelabuhan-pelabuhan Kuantan dan Johor sedang dalam pembinaan.

Prestasi

BEBAN-KERJA

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
1. Bilangan kapal yang singgah dan diperiksa	29,414	40,000	45,000
2. Bilangan bot dan sampan yang diperiksa	4,289	4,500	4,500
3. Bilangan lesen yang dikeluarkan ..	4,289	4,500	4,500
4. Jumlah hasil yang dipungut untuk kerajaan Negeri (Kecuali Negeri-negeri Pantai Timur)	94,050	95,000	96,000

(iii) *Mengadakan Khidmat Lanci*

Aktiviti ini diadakan untuk memberi kemudahan perhubungan di air kepada orang-orang awam dan Jabatan-jabatan Kerajaan seperti Penjara, Perubatan, Pos, Hutan, Kerja Raya, Suruhanjaya Pilihan Raya, Parit dan Taliair, Jabatan Penerangan dan juga Pejabat-pejabat Daerah.

Jabatan ini mempunyai 48 buah lanci dan hasil yang dikutip dari sewaan lanci pada tahun 1973 ialah $18,390.

BEBAN-KERJA

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
1. Jumlah jam operasi bagi lanci-lanci kecil	9,476	9,500	9,500
2. Jumlah jam operasi bagi lanci-lanci besar	15,209	15,500	15,500
3. Jumlah hasil yang dikutip	$18,390	$20,000	$20,000

(iv) *Mengadakan Khidmat Korek dan Mooring Buoys*

(*a*) Perkhidmatan Korek Mengorek

Korek mengorek mendalamkan permukaan pelabuhan-pelabuhan kecil di Semenanjung Malaysia ini dilakukan oleh kapal korek Jabatan ini dengan tujuan supaya kapal-kapal semua beratan, perahu-perahu kecil dan besar sentiasa selamat bila keluar masuk pelabuhan. Kerja ini dikendalikan oleh lima buah kapal korek yang dianggotai oleh kira-kira satu ratus orang anak kapal.

Lima buah kapal korek menjalankan kerja korek mengorek bagi tahun 1973 adalah seperti berikut:

Kapal Korek	Tempat	Bilangan Ela Padu yang dikorek
M.V. "Tg. Dungun"	P. Pinang dan K. Trengganu ..	1,500
M.V. "Gannet"	Kuala Perlis	27,195
M.V. "Tg. Gemuroh" ..	Kuala Trengganu	4,675
M.V. "Ketam"	Melaka	7,575
M.V. "Tg. Pelindong" ..	Johor Bahru	187,500

(*b*) Ikat Mengikat dan Sewa Boya-boya

Perkhidmatan ini dilaksanakan oleh Jabatan Laut Pelabuhan Kelang. Hasil kutipan dalam tahun 1973 ialah $65,100 bagi ikat mengikat dan $66,325 bagi sewa-sewa boya menjadikan jumlah besarnya $131,425.

(v) *Pemeriksaan Kapal-kapal*

Aktiviti ini dilakukan dengan tujuan supaya tiap-tiap kapal dan bot-bot yang didaftarkan dan dilesenkan di negeri ini mempunyai semua keperluan-keperluan minima yang dikehendaki.

Kerja ini dilakukan oleh Pemeriksa kapal-kapal dan dibantu oleh Jurutera laut Jabatan ini yang ditempatkan di Pulau Pinang.

Tugas-tugas penting di bawah aktiviti ini ialah:

1. Pemeriksaan Sijil-sijil Kecekapan.
2. Pengeluaran Sijil/surat-surat kelayakan belayar.
3. Perlesenan dan pemeriksaan bot-bot.
4. Pengukuran berat dan pemeriksaan luas ruang bagi tiap-tiap kelasi di kapal.
5. Pemeriksaan Garis Muatan kepada kapal-kapal dagang tempatan.
6. Pemeriksaan keselamatan kelengkapan kapal-kapal dagang tempatan.
7. Pemeriksaan kapal-kapal yang ditunda dari sebuah pelabuhan ke sebuah pelabuhan tempatan.
8. Pemeriksaan kapal-kapal penumpang tidak berkamar (unberthed) dan Kapal-kapal Haji.
9. Pengelolaan kerja-kerja membaiki, membina kapal-kapal polis, dan lain kapal-kapal Jabatan Kerajaan.
10. Pemeriksaan ke atas kapal-kapal yang membawa minyak, dan
11. Pemeriksaan Am kepada bot-bot yang membawa penumpang.

Oleh kerana kekurangan kakitangan yang mahir dan berkelayakan banyak tugas-tugas kerja dalam aktiviti ini tidak dapat dijalankan dengan sepenuhnya.

BEBAN-KERJA

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
1. Peperiksaan Sijil-sijil Kecekapan ..	593	600	600
2. Sijil/Surat-surat Kelayakan yang dikeluarkan	135	150	150
3. Bilangan bot-bot yang diperiksa dan dilesenkan	150	300	300
4. Hasil Yang dikutip	$42,888	$45,000	$45,000

(vi) *Penyenggaraan Alat Bantuan Pelayaran*

Aktiviti ini diadakan dengan tujuan supaya semua alat-alat bantuan pelayaran seperti rumah api, beacon-beacon dijaga dengan sempurnanya supaya semua pengguna-pengguna jalan laut di Semenanjung Malaysia dapat mengawal haluan pelayaran mereka. Kerja-kerja ini dilaksanakan oleh kakitangan Jabatan ini dengan gaji dan elaun mereka dibayar balik dengan penuh oleh Lembaga Cukai Api.

Lembaga Cukai Api juga membayar balik sepenuhnya pencen dan ganjaran kakitangan tersebut daripada hasil Lembaga tersebut. Pada tahun 1973 sejumlah $211,296.96 telah dibayar kepada Kerajaan dan dimasukira sebagai hasil.

Aktiviti ini dilaksanakan oleh Lembaga Cukai Api sepenuhnya dan semua beban-kerja ditangguhkan kepada Lembaga itu sepenuhnya.

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	1,789,142	1,940,230	1,888,000
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	88,874	56,220	281,400
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..	14,044	18,050	16,800
	Jumlah Gaji ..	1,892,061	2,014,500	2,186,200
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	74,519	66,000	76,000
2200	Pengangkutan Barang-barang ..	3,283	7,000	8,500
2300	Kemudahan Perhubungan ..	23,475	30,000	33,500
2400	Api, Air dan Letrik dll.	60,417	92,000	69,000
2500	Sewa	3,495	14,500	15,000
2600	Perkhidmatan Pencetakan.. ..	13,712	7,600	9,300
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	303,383	567,000	570,000
2800	Perkhidmatan Pelbagai	475,195	870,000	950,000
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	3,757	16,350	76,500
3300	Pembinaan	14,734	18,800	—
4200	Tuntutan Insuran dan Pampasan..	183,393	318,000	300,000
	Jumlah ..	3,051,423	4,021,750	4,294,000

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974 $	Bilangan	Anggaran Tahun 1975 $
(i) Pentadbiran Am ..	101	453,927	104	446,000	104	494,000
(ii) Menguatkuasakan Perbekalan Ordinan Perkapalan Dagang ..	73	336,187	72	365,000	72	417,300
(iii) Mengadakan Khidmat Lanci	384	709,729	384	790,000	386	857,000
(iv) Mengadakan Khidmat Korek dan Mooring Buoys	41	130,739	42	130,000	42	44,000
(v) Pemeriksaan Kapal-kapal	10	93,385	10	101,000	10	160,900
(vi) Penyenggaraan Alat Bantuan Pelayaran ..	76	168,094	76	182,500	76	213,000
Jumlah ..	685	1,892,061	688	2,014,500	690	2,186,200

3. Anggaran Pembangunan

Pecahan-kepala	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Peruntukan Tahun 1974 $	Anggaran Tahun 1975 $
1. Mengganti Perahu-perahu Lanci ..	28,416	103,000	215,000
2. Rumah-rumah Kediaman bagi Kakitangan-kakitangan	167,825	300,000	115,000
4. Jeti, Kuala Kedah	19,245	10	—
6. Jeti dan Kompleks Pejabat, Kuala Perlis	28,413	10	—
8. Kapal-kapal Korek	171,973	320,000	470,000
9. Jeti, Teluk Anson	268	—	—
10. Pembinaan Limbungan, Pelabuhan Kelang	—	63,000	63,000
11. Jeti Penumpang, Pulau Langkawi ..	—	—	100,000
Jumlah ..	416,140	786,020	963,000

Kemajuan Kerja-kerja Pembinaan

Pecahan-kepala 1—Mengganti Perahu-perahu Lanci

Satu lanci yang sedang dibinakan dijangka siap pada akhir bulan Oktober, 1974.

Pecahan-kepala 2—Rumah-rumah Kediaman bagi Kakitangan-kakitangan

Pembinaan 24 yunit rumah Kelas H dan 1 yunit rumah Kelas F di Johor Bahru berharga sebanyak $350,000 dijangka dimulakan sebelum akhir tahun ini. Pre D/A dalam tindakan oleh Ketua Pengarah Kerja Raya.

Pecahan-kepala 4—Jeti, Kuala Kedah

Projek ini telah disempurnakan.

Pecahan-kepala 6—Jeti dan kompleks pejabat, Kuala Perlis

Projek ini telah disempurnakan.

Pecahan-kepala 8—Kapal-kapal Korek

Projek ini di bawah kawalan Kementerian Perhubungan.

Pecahan-kepala 9—Jeti, Teluk Anson

Projek ini telah disempurnakan pada bulan Julai 1974, harga projek telah berubah daripada Anggaran Lama $30,000 kepada Anggaran Baru $50,424.

Pecahan-kepala 10—Pembinaan Limbungan, Pelabuhan Kelang

Oleh sebab pembinaan ini tidak dapat dijalankan pada tahun ini peruntukan ini telah dimasukkan dalam Anggaran untuk tahun 1975.

4. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Belanja Mengurus	3,051,423	4,021,750	4,294,000
Belanja Pembangunan	416,140	786,020	963,000
Jumlah Besar ..	3,467,563	4,807,770	5,257,000

Kepala Bekalan 60	... ...	**$5,973,300**
Kepala Pembangunan 60	...	**1,737,520**
Jumlah	...	**$7,710,820**

	Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975	**$5,973,300**	**$1,737,520**	**$7,710,820**
Peruntukan 1974	**5,598,000**	**1,459,571**	**7,057,571**
Perubahan ...	**+ $ 375,300**	**+ $ 277,949**	**+ $ 653,249**

1. Tujuan-tujuan

SARAWAK

(*a*) Menentukan keselamatan sepenuhnya bagi kapal-kapal luar dan Sarawak, kelasi-kelasi mereka dan barang-barang semasa menggunakan sungai-sungai dan laut di sekitar Sarawak;

(*b*) Untuk mengendali dan menyelenggarakan kapal-kapal Kerajaan; dan

(*c*) Untuk mengadakan perkhidmatan pejabat-pejabat perkapalan seperti yang dikehendaki oleh Kumpulan Perkapalan.

SABAH

(*a*) Menentukan keselamatan segala aspek Pengangkutan Laut termasuk perkhidmatan Pejabat Perkapalan;

(*b*) Menentukan pengendalian dan jagaan lanci-lanci Kerajaan dengan cekap; dan

(*c*) Untuk mengadakan kemudahan menjaga dan memperbaiki kapal dan jentera-jentera dengan cekap di Bengkel jabatan dan landasan di Labuan dan Sandakan.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
SARAWAK			
(i) Pentadbiran Am	594,359	573,000	607,760
(ii) Penyenggaraan dan Pengendalian Kapal-kapal Kerajaan	2,145,725	2,324,000	2,480,300
(iii) Pelampung-pelampung, Lampu-lampu Isyarat, Alat-alat Membantu Pelayaran dan Pengukuran Air ..	351,205	336,000	374,066
(iv) Pendaftaran, Pelesenan dan Pemeriksaan Kapal-kapal	136,579	138,000	124,500
Jumlah ..	3,227,868	3,371,000	3,586,626

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
SABAH			
(i) Pentadbiran Am dan Latihan ..	182,100	316,000	315,074
(ii) Keselamatan dan Pemeriksaan Kapal-kapal	98,000	128,000	137,700
(iii) Woksyop-woksyop, Stor-stor dan Kira-kira Kerja	351,806	698,000	749,200
(iv) Api dan Alat-alat Bantuan Pelayaran	143,900	274,000	278,700
(v) Perahu Lanci	491,202	811,000	906,000
Jumlah ..	1,267,008	2,227,000	2,386,674

Prestasi

SARAWAK

(i) *Pentadbiran Am*

Untuk mengadakan kemudahan-kemudahan seperti yang dikehendaki mengikut Ordinan Perkapalan Perdagangan, 1960, adalah perlu untuk menyenggarakan pejabat-pejabat perkapalan dan pelabuhan-pelabuhan besar di sekitar negeri dan pejabat-pejabat kecil dan pelabuhan-pelabuhan kecil dan pelabuhan-pelabuhan di pendalaman. Untuk semua perkhidmatan yang diadakan ini dikenakan pembayaran dan dimasukkan ke dalam Hasil Am melalui Perbendaharaan kerana Jabatan ini tidak "Self Accounting".

(ii) *Penyenggaraan dan Pengendalian Kapal-kapal Kerajaan*

Jabatan ini mengendali lebih daripada 50 kapal-kapal pendarat, pembawa batu dan barang-barang, perahu-perahu air dan lanci-lanci pentadbiran am. Kebanyakan daripada pengangkutan negeri adalah dengan menggunakan air, oleh yang demikian benda-benda berat hanya dapat di bawa ke daerah-daerah pembangunan dengan cara ini. Adalah perlu kesemua kapal-kapal ini diselenggara dalam keadaan sebaik-baiknya untuk menentukan bahawa semua keperluan-keperluan projek-projek pembangunan di dalam negeri dapat dipenuhkan.

(iii) *Pelampung-pelampung, Lampu-lampu Isyarat, Alat-alat Membantu Pelayaran dan Pengukuran Air*

Mengikut kebiasaan antarabangsa semua kapal-kapal yang singgah di mana-mana pelabuhan adalah dikehendaki membayar bayaran-bayaran api untuk membantu kewangan bagi mengadakan pelampung-pelampung, lampu-lampu isyarat dan alat-alat bantuan pelayaran di sekitar pantai dan perairan pendalaman, untuk menjaga keselamatan kapal-kapal di perairan-perairan ini, supaya dapat mengekalkan kecekapan yang tinggi dengan bantuan-bantuan ini adalah perlu bagi bengkel-bengkel, sebuah kapal, dan satu yunit pengukuran dasar air diselenggarakan dalam keadaan bersedia pada sepanjang waktu bagi memenuhkan maksud-maksud ini.

(iv) *Pendaftaran, Pelesenan dan Pemeriksaan Kapal-kapal*

Ordinan Perkapalan Perdagangan, 1960, seperti yang diikuti oleh kapal-kapal negeri adalah bukan sahaja untuk menjaga keselamatan penumpang-penumpang yang membuat perjalanan melalui laut, tetapi juga kelasi-kelasi dan tuanpunya-tuanpunya kapal termasuk tuanpunya-tuanpunya barang-barang yang diangkut melalui laut. Dengan bertambahnya kapal-kapal yang dilancarkan oleh perusahaan-perusahaan membuat kapal di negeri ini adalah perlu untuk menambah kakitangan-kakitangan yang khusus dalam bahagian ini untuk mengendali pembinaan dan pemeriksaan tahunan kapal-kapal.

SABAH

(i) *Pentadbiran Am dan Latihan*

Menguruskan perkara-perkara pentadbiran dan aktivti-aktiviti lain terutama sekali:

(*a*) Penasihat Pelabuhan dan Perkapalan kepada Kerajaan.

(*b*) Pentadbiran Ordinan Perkapalan Perdagangan (MSO) dan segala undang-undang yang berkaitan.

(*c*) Penguatkuasa Rumah Api dan Pilotage.

(*d*) Pengukur Utama kapal-kapal.

(*e*) Pemeriksa Utama untuk Sijil Kecekapan.

(*f*) Pendaftaran kapal-kapal Malaysia dan Kelasi.

(*g*) Penguasa Kapal-kapal.

(*h*) Penerima kapal-kapal pecah.

(*i*) Pengendalian bengkel laut dan landasan di Labuan dan Sandakan.

(*j*) Mengendalikan lanci-lanci Kerajaan.

(*k*) Mengendalikan Dermaga-dermaga kecil Labuan.

(*l*) Mengendalikan segala kemudahan perdagangan secara pertukaran.

(*m*) Mengendalikan sekolah Latihan Laut dan Jentera di Labuan.

Hasil 1973:

Pendaftaran dan Lesen-lesen	$ 3,237
Perjanjian Kelasi	2,161
Mengeluarkan kebenaran Pelabuhan/Lebih masa	10,392
Pelbagai	14,115
JUMLAH ...	$29,905

Latihan

Dalam tahun 1973, bilangan pelajar-pelajar seperti berikut telah mendaftarkan diri untuk klas-klas bimbingan sebelum diperiksa untuk Sijil-sijil Kecekapan:

(*a*) 79 pelajar-pelajar Pelayaran.

(*b*) 46 pelajar-pelajar Kejuruteraan.

(*c*) 2 ahli Tentera Laut Malaysia.

(ii) *Keselamatan dan Pemeriksaan Kapal-kapal*

Keterangan

(*a*) 1973—Pemeriksaan Fizikal	872
Sebagai tambahan, siasatan-siasatan juga dilakukan kepada 4,624 buah kapal-kapal kecil yang berlesen dan 260 buah kapal-kapal kecil untuk menentukan yang standard-standard keselamatan adalah mencukupi.	
(*b*) 1974—Pemeriksaan yang dijangka	960
(*c*) 1975—Pemeriksaan yang dijangka	1,100

Yuran-yuran yang diperolehi dalam tahun 1973 berjumlah $41,854.

(iii) *Woksyop-woksyop, Stor-stor dan Kira-kira Kerja*

Jabatan hendak mengendalikan (*a*) di Labuan, 3 landasan 500, 200 dan 50 ton muatan, bengkel dan stor-stor yang tidak diperuntukkan dan (*b*) di Sandakan satu landasan 120 ton muatan, bengkel jentera dan setor kecil tidak diperuntukkan yang kesemuanya memberikan kemudahan-kemudahan menjaga dan memperbaiki untuk Kerajaan dan juga Swasta.

Kapal-kapal di landasan dan kerja-kerja memperbaiki yang dijalankan dalam tahun 1973 adalah seperti di bawah:

	Labuan		Sandakan	
	Landasan	Pelbagai	Landasan	Pelbagai
(*a*) Kerajaan Negeri (Sabah)	65	577	67	197
(*b*) Kerajaan Malaysia dan PPT	9	29	7	3
(*c*) Perdagangan	44	515	6	4
(*d*) Kerajaan Brunei	17	33	—	—
(*e*) Kerajaan Sarawak	1	12	—	—
	136	1,266	80	204

Sejumlah 1,576 bil-bil telah dikeluarkan dalam tahun 1973 seperti berikut:

Baki pada 1-1-73	$ 231,953.10
Jumlah bil 1973	1,360,550.09
	$1,592,503.19
Jumlah bayaran diterima (kurang)	1,416,581.99
Bil-bil belum dibayar 31-12-73	$ 175,921.20
Jumlah hasil untuk 1973	$1,360,550.09
Kerja-kerja sedang dijalankan tahun 1973	205,856.80
	$1,566,406.89
Kurang 1972 (kerja sedang dijalankan)	133,006.19
	$1,433,400.70
Jumlah perbelanjaan 1973 (kurang)	1,113,590.38
Lebihan pendapatan dari perbelanjaan (lebih kurang) ...	$ 319,932.32

(iv) *Api dan Alat-alat Bantuan Pelayaran*

Keterangan

(*a*) Dalam tahun 1971 sebagai tambahan pada pekerja-pekerja menjaga dengan cekap lampu isyarat yang ada sekarang, sebanyak 9 lampu isyarat lagi telah diadakan termasuk 4 lampu-lampu boya.

(*b*) Dalam tahun 1972 telah menubuhkan 2 lagi lampu isyarat.

(*c*) Dalam tahun 1973 10 jenis Beacon Winker dan 2 lampu isyarat tambahan telah dipasang.

(*d*) Dalam tahun 1974 dua buah lagi lampu akan dipasang dan penyiapan dan rumah-rumah Penjaga rumah api.

Boya dan bayaran-bayaran api yang dikutip dalam tahun 1973 berjumlah $1,076,364.

Tambahan $161,279 berbanding dengan tahun 1972;

(v) *Perahu Lanci*

Keterangan

(*a*) Dalam tahun 1975 lanci-lanci yang berikut akan dikendalikan—

(i) Bantuan-bantuan pelayaran dan lampu-lampu isyarat ...	2
(ii) Bengkel-bengkel laut	3
(iii) Penerbangan Awam	1
(iv) Jabatan Perubatan	7
(v) Jabatan Penerangan	3
(vi) Jabatan Kastam	1

(*b*) Satu Boya Rumahapi yang baru dan jambatan kapal akan disiapkan dalam bulan Julai, 1974 dan satu lanci Kastam pada penghujung tahun 1972.

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
SARAWAK				
1100	Gaji dan Upahan	1,788,319	1,748,300	1,779,860
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	477,298	550,150	625,644
1300	Tambahan gaji kakitangan ..	38,108	34,700	36,862
	Jumlah Gaji ..	2,303,725	2,333,150	2,442,366
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	197,105	201,000	219,000
2200	Pengangkutan Barang-barang ..	465	1,000	1,000
2300	Kemudahan Perhubungan ..	16,660	17,000	17,000
2400	Api, Air dan Letrik dll.	17,444	20,000	20,000
2500	Sewa	504	1,760	1,760
2600	Perkhidmatan Pencetakan.. ..	692	1,000	1,000
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	650,053	712,000	865,500
2800	Perkhidmatan Pelbagai	6,900	7,000	7,000
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	34,320	77,090	12,000
	Jumlah ..	3,227,868	3,371,000	3,586,626

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974 $	Bilangan	Anggaran Tahun 1975 $
(i) Pentadbiran Am	55	552,617	54	528,850	56	550,000
(ii) Penyenggaraan dan Pengendalian Kapal-kapal Kerajaan	311	1,274,014	338	1,342,000	349	1,408,300
(iii) Pelampung-pelampung, Lampu-lampu Isyarat, Alat-alat Membantu Pelayaran dan Pengukuran Air	76	351,205	79	336,000	81	374,066
(iv) Pendaftaran, Pelesenan dan Pemeriksaan Kapal-kapal	19	125,889	20	126,300	21	110,000
Jumlah ..	461	2,303,725	491	2,333,150	507	2,442,366

3. Anggaran Pembangunan

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
(1)	Lanci Pemandu, Rejang	101,515	—	—
(2)	Lanci Pentadbir	202,435	—	10
(3)	Pejabat Laut, Miri	42,167	60,000	7,500
(4)	Pejabat Laut, Kuching	—	—	10
(5)	Pejabat Laut, Kawasan Bintulu ..	—	20,000	—
(6)	Perahu Air	—	500,000	230,000
(7)	Kapal Pendarat	—	—	500,000
	Jumlah ..	346,117	580,000	737,520
	SABAH			
1100	Gaji dan Upahan	544,530	1,279,000	1,312,000
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	215,990	292,300	291,000
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..	12,108	32,000	33,000
	Jumlah Gaji ..	772,628	1,603,300	1,636,000
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	70,528	71,400	77,000
2200	Pengangkutan Barang-Barang ..	1,182	2,000	2,000
2300	Kemudahan Perhubungan ..	4,200	8,000	11,000
2400	Api, Air dan Letrik dll.	6,044	8,000	29,000
2500	Sewa	15,360	17,400	23,074
2600	Perkhidmatan Pencetakan ..	486	3,900	3,900
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	99,360	116,100	192,100
2800	Perkhidmatan Pelbagai	234,734	347,900	301,000
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	46,807	49,000	51,600
3300	Pembinaan	15,679	—	60,000
	Jumlah ..	1,267,008	2,227,000	2,386,674

Ringkasan Perjawatan

	Yang Sebenar Bilangan	Tahun 1973 $	Peruntukan Bilangan	Tahun 1974 $	Anggaran Bilangan	Tahun 1975 $
(i) Pentadbiran Am dan Latihan ..	21	100,795	21	256,000	21	250,000
(ii) Keselamatan dan Pemeriksaan Kapal-kapal	14	52,313	14	117,000	15	124,000
(iii) Woksyop-woksyop, Stor-stor dan Kira-kira Kerja	95	331,918	96	631,000	98	632,000
(iv) Api dan Alat-alat Bantuan Pelayaran	38	83,620	38	169,300	39	180,000
(v) Perahu Lanci	78	203,982	85	430,000	86	450,000
Jumlah ..	246	772,628	254	1,603,300	259	1,636,000

Anggaran Pembangunan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Labuan/Sandakan Woksyop.. ..	250,905	575,000	500,000
(ii) Lampu Isyarat dan Alat-alat Membantu Pelayaran	213,802	304,571	500,000
Jumlah ..	464,707	879,571	1,000,000

SABAH

1. *Labuan/Sandakan Woksyop-woksyop*

Kerja-kerja pembinaan landasan 500 ton yang baru di Labuan telahpun siap dalam tahun 1966 dan kerja-kerja pembinaan landasan 120 ton yang dimulakan selepas itu di Sandakan telahpun siap dalam tahun 1968, bersama-sama dengan bangunan-bangunan tambahan. Untuk memperbaiki lagi kemudahan-kemudahan di Labuan dan Sandakan seperti pembinaan-pembinaan dan mengganti bangunan-bangunan, peruntukan tambahan sebanyak $600,000 telah disediakan. Kerja-kerja pembinaan Jeti baru di Labuan telahpun selesai. Dengan memperbaiki lagi bengkel di Labuan dan Sandakan tidak syak lagi akan memberikan hidmat-hidmat yang lebih cekap dalam menghadapi kerja-kerja yang bertambah seperti memperbaiki kapal-kapal dan menjaga kapal-kapal kerajaan termasuk kapal di Raja Malaysia dan Polis, kapal-kapal kerajaan Brunei dan Sarawak dan juga yang dipunyai oleh Syarikat-syarikat perdagangan.

2. *Lampu Isyarat dan Alat-alat Membantu Pelayaran*

Kerja-kerja memperbaiki kemudahan yang ada sekarang ini pada amnya adalah selaras dengan rancangan-rancangan yang telah diaturkan. Kerja-kerja mengadakan lampu isyarat tambahan dan alat-alat membantu pelayaran akan memberi sumbangan kepada mempercepatkan lagi pergerakan kapal di dalam kawasan perairan yang tertutup, dan juga membolehkan kapal-kapal melalui dengan selamat perairan Sabah.

4. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Belanja Mengurus	4,494,876	5,598,000	5,973,300
Belanja Pembangunan	810,824	1,459,571	1,737,520
Jumlah Besar ..	5,305,700	7,057,571	7,710,820

Kepala Bekalan 61	**$48,788,800**
Kepala Pembangunan 61 ...	**5,298,120**
Jumlah ...	**$54,086,920**

	Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975 ...	**$48,788,800**	**$5,298,120**	**$54,086,920**
Peruntukan 1974 ...	**44,849,000**	**4,585,040**	**49,434,040**
Perubahan ...	**+ $ 3,939,800**	**+ $ 713,080**	**+ $ 4,652,880**

1. Tujuan-tujuan

Tujuan-tujuan Jabatan ini ialah untuk mengadakan kemudahan-kemudahan pos, perkhidmatan kiriman wang dan Bank Simpanan yang cukup dan cekap di seluruh negara sebagaimana termaktub di dalam Ordinan Pejabat Pos dan Ordinan Bank Simpanan Pejabat Pos. Ianya, juga menjalankan perkhidmatan perwakilan bagi pihak lain-lain Jabatan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran Am	—	4,035,998	4,287,904
(ii) Perkhidmatan Mel	34,352,799	34,495,052	39,203,167
(iii) Perkhidmatan Bank Simpanan ..	2,856,581	3,142,000	2,839,310
(iv) Perkhidmatan Bagi Badan-badan Lain	2,109,197	1,362,600	1,031,076
(v) Perkhidmatan Wang Kiriman ..	1,964,426	1,813,350	1,427,343
Jumlah ..	41,283,003	44,849,000	48,788,800

Prestasi

(i) *Pentadbiran Am*

Pentadbiran sebagai aktiviti yang khusus adalah meliputi cawangan-cawangan di Ibu Pejabat yang mempunyai fungsi-fungsi berunsur pentadbiran termasuklah Pejabat-pejabat Pengawal Pos Bahagian dan juga beberapa perkhidmatan lain yang tidak sesuai untuk dikira sebagai Perkhidmatan Mel, Kiriman Wang, Bank Simpanan dan Perkhidmatan Perwakilan (Agency Service).

Aktiviti Pentadbiran memerlukan sebanyak 8.79% daripada jumlah perbelanjaan Jabatan ini. Tambahan perbelanjaan lain yang dicadangkan di bawah aktiviti ini adalah minima sahaja dan adalah diperlukan untuk menghadapi perkembangan yang pesat di Jabatan ini seluruhnya yang dapat dilihat dari perkembangan aktiviti-aktiviti lain itu.

Lain-lain perbelanjaan di bawah aktiviti ini menunjukkan tambahan yang tidak dapat dielakkan selaras dengan kadar perkembangan jabatan ini.

(ii) *Perkhidmatan Mel*

Pengurusan mel di Malaysia terus menunjukkan kenaikan dan pada tahun 1973 pengurusan yang dikendalikan telah bertambah sebanyak 11.2% berbanding dengan tahun 1972. Adalah dijangka kenaikan sekarang ini akan berlanjutan hingga ke tahun yang akan datang dan dari pelaksanaan pada masa yang telah lalu, jumlah beban-kerja adalah dijangka seperti berikut:

	Pelaksanaan yang dicapai dalam Tahun 1973	Beban-kerja yang dijangkakan dalam Tahun 1974	Beban-kerja yang dijangkakan dalam Tahun 1975
(1) Bilangan benda-benda diposkan ..	301,208,390	326,208,686	353,284,007
(2) Bilangan benda-benda diterima ..	39,842,751	40,838,820	41,859,790
(3) Bilangan benda-benda diserahkan ..	279,160,788	304,564,420	332,279,782
(4) Bilangan benda-benda laluan di-kendalikan	143,072,098	155,662,443	169,360,738
Jumlah bilangan benda-benda dikendalikan ..	763,284,027	827,274,369	896,784,317

Tujuannya ialah untuk mempercepatkan serta mengadakan penyerahan dari pintu ke pintu sekurang-kurangnya sekali pada tiap-tiap hari di semua bahagian dalam negeri ini. Dengan tujuan ini Jabatan ini akan menubuhkan sebuah Yunit Peredaran Kebangsaan untuk memperbaiki perkhidmatan mel. Yunit ini akan mengkaji Peredaran-peredaran Mel tempatan dan Antarabangsa dan membuat kajian dengan tujuan untuk mempercepatkan pergerakan mel. Yunit ini juga akan memeriksa dari masa ke semasa cara-cara pengangkutan dengan laut dan udara, perjalanan, sistem pengangkutan tempatan dan luar negeri, untuk mencapai tujuan ini.

Perkhidmatan pungutan mel akan diperbaiki seterusnya, khasnya di kawasan-kawasan pekan. Peti-peti Surat akan didirikan tidak jauh di antara satu sama lain untuk kemudahan orangramai dan pungutan-pungutan akan dibuat kerap kali. Untuk mempercepatkan pungutan mel, mini-van akan digunakan untuk berulang alik memungut surat-surat dari peti-peti surat.

Perkhidmatan serahan, khasnya di kawasan-kawasan luar bandar akan diperbaiki. Lebih banyak lagi motosikal-motosikal akan dibekalkan untuk digunakan bagi pelaksanaan bit-bit serahan di kawasan-kawasan ini untuk mempastikan iaitu serahan dibuat sekurang-kurangnya sekali sehari. Di tempat-tempat di mana lebih banyak kawasan-kawasan baru dibuka disebabkan oleh pembangunan maka perkhidmatan serahan akan diluaskan ke kawasan-kawasan ini.

Sebuah Pejabat Pertukaran Mel Asing telah dibuka di Pelabuhan Kelang dan sebuah lagi akan dibuka di Butterworth. Dengan penubuhan pejabat-pejabat ini mel-mel akan ditutup di pejabat ini. Mel-mel biasa yang diterima dari negeri-negeri asing akan dikendalikan di pejabat-pejabat ini dan dihantar dengan secara langsung ke tempat tuju. Mel-mel tempatan untuk luar negeri juga akan ditutup di Pejabat-pejabat Pertukaran mel ini dan dihantar ke tempat tuju. Pengendalian Mel-mel oleh Pejabat-pejabat Pertukaran ini akan mengurangkan pengendalian mel di pejabat-pejabat sementara dan ini juga akan mempercepatkan peredaran mel-mel.

Kira-kira sebanyak 21 buah Pejabat Pos dicadangkan akan dibuka dalam tahun 1975. Sebanyak 10 buah pejabat pengganti juga dijangka akan siap dalam tahun yang sama. Pejabat-pejabat pengganti ini adalah disebabkan oleh perkembangan yang terdapat di kawasan-kawasan yang berkenaan dan akan mempunyai kemudahan-kemudahan tambahan di kaunter. Pejabat Pos-pejabat Pos baru dan Pejabat-pejabat pengganti ini akan memperbaiki lagi perkhidmatan

Pos di kawasan-kawasan di mana Pejabat-pejabat ini ditempatkan. Di tempat-tempat di mana Pejabat-pejabat Pos tidak patut didirikan, Perwakilan Pos-perwakilan pos akan ditubuhkan. Bagi tahun 1975 sebanyak 70 buah Perwakilan Pos-perwakilan pos akan dibuka. Sebagai tambahan, sebanyak 12 buah Pejabat Pos Bergerak akan diadakan pada tahun hadapan. Pejabat Pos Bergerak akan ditempatkan di kawasan-kawasan yang telah disiasat di mana perkhidmatannya sangat-sangat diperlukan.

Perhatian juga akan ditumpukan ke atas kemudahan-kemudahan di kaunter. Kaunter-kaunter di beberapa buah Pejabat Pos akan diperbaiki dan diubah untuk memenuhi keperluan sekarang. Di mana berpatutan jika lebih banyak lagi kaunter-kaunter boleh dibina, bilangan yang ada sekarang ini akan ditambah. Peruntukan telah dibuat untuk menambah lagi kakitangan untuk memenuhi kehendak yang semakin bertambah. Di Pejabat Pos-pejabat pos yang besar perkhidmatan yang disediakan melalui kaunter pelbagai akan terus diperluaskan.

Jabatan ini akan memulakan sistem metrik pada pertengahan tahun 1974 dan segala usaha akan dibuat untuk mempastikan iaitu penukaran ini akan berjalan dengan licinnya. Sistem timbangan metrik yang baru adalah dipakai secara antara-bangsa dan Jabatan ini adalah dikehendaki mengikuti sistem ini.

Seperti di masa yang lalu, hasil bagi tahun 1973 menunjukkan berlebihan. Perbezaan perangkaan adalah seperti berikut:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Hasil	50,715,574	54,490,000	61,590,638
Belanja Mengurus	34,352,799	34,495,052	39,203,167
Untung ..	16,362,775	19,994,948	22,387,471

(iii) *Perkhidmatan Bank Simpanan*

	Pelaksanaan yang dicapai dalam Tahun 1973	Beban-kerja yang dijangkakan dalam Tahun 1974	Beban-kerja yang dijangkakan dalam Tahun 1975
(1) Bilangan Kira-kira baru dibuka	264,326	303,975	349,571
(2) Bilangan jumlah penyimpan ..	2,316,668	2,600,643	2,925,214
(3) Bilangan simpanan	3,361,447	3,865,664	4,445,514
(4) Jumlah simpanan	$319,968,752	$382,935,000	$459,045,000
(5) Bilangan pengeluaran	2,135,444	2,391,697	2,678,701
(6) Jumlah pengeluaran	$269,881,928	$322,541,000	$386,066,000
(7) Jumlah bersih simpanan penyimpan	$417,260,711	$497,553,411	$593,742,411
(8) Surat Akuan	303,962	370,834	452,417
(9) Buku kira-kira yang disemak..	443,881	540,448	638,448
(10) Urusan di kaunter	293,034	328,198	364,300
(11) Buku kira-kira sambungan dan gantian yang dikeluarkan ..	41,446	60,303	71,417

Perkhidmatan Bank Simpanan tertakluk kepada dua prinsip yang utama iaitu:

(*a*) kemudahan kepada orangramai di Pejabat-pejabat Pos seluruh Malaysia untuk pembukaan kira-kira, penerimaan masukan wang dan pembayaran wang keluaran; dan

(*b*) mengelolakan lejer-lejer penyimpan di Ibu Pejabat Bank Simpanan perhubungan dengan orangramai, memperbaiki perkhidmatan dan pelaburan wang.

Dengan kenaikan kadar faedah 4½% mulai 1hb Januari, 1973, prestasi yang dicapai menunjukan kenaikan luar biasa di dalam berbagai bidang urusan. Kira-kira 265,000 akaun-akaun baru telah dibuka dalam tahun 1973 yang mana kenaikan sebanyak 28.6% daripada tahun yang lalu. Jumlah wang tunai peralihan berkenaan Wang Masuk dan Wang Keluar telah bertambah $575 juta bagi lebih kurang 5.5 juta urusan. Lebih kurang 7 juta urusan dijangka untuk tahun 1975.

Kenaikan kadar faedah lagi kepada 5½ yang telah diumumkan pada 1hb Januari, 1974 berikut dengan kenaikan kepada 6½ mulai dari 1hb Mei, 1974.

Beban-kerja yang telah dicapai dalam tahun 1973, bebanan yang dialami pada masa ini dan beban-kerja yang diramalkan dalam 1975, kesemuanya ini menunjukan keperluan kakitangan diperteguhkan dalam semua lapangan untuk membolehkan dan memperbaiki taraf perkhidmatan.

Ramalan kenaikan dalam beban-kerja adalah di dalam lengkungan 15% atau lebih manakala belanja mengurus bagi tahun 1975 menunjukan kekurangan sebanyak 4%.

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Hasil	3,792,105	4,300,000	4,973,000
Belanja Mengurus	2,856,581	3,142,000	2,839,310
Untung ..	935,524	1,158,000	2,133,690

(iv) *Perkhidmatan Bagi Badan-badan Lain*

	Pelaksanaan yang dicapai dalam Tahun 1973	Beban-kerja yang dijangkakan dalam Tahun 1974	Beban-kerja yang dijangkakan dalam Tahun 1975
(1) Bilangan penerimaan dan pembayaran	4,880,222	5,075,431	5,278,448
(2) Jumlah wang yang diterima dan dibayar	$182,207,957	$209,539,151	$240,970,024
(3) Komisyen	$1,915,677	$1,986,000	$2,287,003

Jabatan Perkhidmatan Pos menjalankan perkhidmatan wakil bagi pihak berbagai-bagai Jabatan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun, misalnya, membayar elaun kepada tanggungan angkatan tentera bagi pihak Kementerian Pertahanan, dan menerima bayaran Bil Letrik bagi pihak Lembaga Letrik Negara. Dengan tambahnya pejabat pos-pejabat pos dan pejabat pos-pejabat pos bergerak baru, kerja-kerja bagi pihak ajensi-ajensi ini telah meningkat naik dan dijangka meningkat naik lagi sejajar dengan tujuan Jabatan untuk meluaskan programnya.

Dengan pengolahan semula struktur kakitangan bagi berbagai gred pegawai-pegawai di bawah penjenisan aktiviti tahun 1974, adalah di jangka bahawa anggaran perbelanjaan dalam tahun 1974, di bawah Aktiviti ini adalah di dalam lengkongan sebanyak $1,145,229, kekurangan sebanyak $217,371 dari peruntukan yang diluluskan sebanyak $1,362,600.

Beban-kerja bawah Aktiviti ini adalah dijangka akan bertambah sebanyak 4.00% dalam tahun 1975. Sungguhpun begitu peruntukan yang diminta bagi tahun 1975 menunjukan kekurangan sebanyak 9.07% di atas anggaran perbelanjaan yang telah diramalkan bagi tahun 1974.

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Hasil	1,915,677	1,986,000	2,287,003
Belanja Mengurus	2,109,197	1,362,600	1,031,076
Untung (+)/Kerugian (−) ..	−193,520	+623,400	+1,255,927

(v) *Perkhidmatan Wang Kiriman*

(*a*) Pelaksanaan yang dicapai dalam Tahun 1973

	Dikeluarkan		Dibayar		Komisyen
	Bilangan	Nilai	Bilangan	Nilai	
		$		$	$
Kiriman Wang	1,986,330	152,765,666	1,896,801	155,780,108	1,030,428
Wang Pos Malaysia	708,360	3,859,198	622,971	3,451,434	83,581
Wang Pos British	96,077	1,210,240	138,142	4,227,141	45,008
Jumlah ..	2,790,767	157,835,104	2,657,914	163,458,683	1,159,017

(*b*) Beban-kerja yang dijangkakan dalam Tahun 1974

	Dikeluarkan		Dibayar		Komisyen
	Bilangan	Nilai	Bilangan	Nilai	
		$		$	$
Kiriman Wang	2,205,929	172,808,348	2,096,511	177,248,440	967,832
Wang Pos Malaysia	920,868	4,901,181	841,010	4,590,407	102,454
Wang Pos British	83,390	1,040,806	131,234	4,015,784	29,714
Jumlah ..	3,210,187	178,750,335	3,068,755	185,854,631	1,100,000

(*c*) Beban-kerja yang dijangkakan dalam Tahun 1975

	Dikeluarkan		Dibayar		Komisyen
	Bilangan	Nilai	Bilangan	Nilai	
		$		$	$
Kiriman Wang	2,451,316	195,616,671	2,317,742	201,681,435	1,243,987
Wang Pos Malaysia	1,151,085	6,126,476	1,093,313	5,967,529	125,588
Wang Pos British	79,551	936,725	118,110	3,614,205	30,309
Jumlah ..	3,681,952	202,679,872	3,529,165	211,263,169	1,399,884

Tujuan Perkhidmatan Wang Kiriman ialah memberi jalan yang mudah dan murah bagi mengirim wang dalam Malaysia dan dengan luar Negeri dengan jalan menggunakan Kiriman Wang yang tidak melebihi jumlah $400 atau Wang Pos bagi jumlah yang kecil.

Dengan adanya pembangunan yang pesat di Negara ini dan pembesaran Angkatan Tentera dan Institusi-institusi Pelajaran yang tinggi menyebabkan pergerakan besar bagi gulungan orang-orang dari satu tempat ke tempat yang lain, penggunaan Perkhidmatan Wang Kiriman bagi pertukaran wang untuk memenuhi keperluan keluarga, bagi pembayaran yuran pelajaran serta lain-lain hal, pembayaran ansuran bulanan, yuran-yuran dan lain-lain, mendaftarkan kelebihan lebih daripada 16% dalam tahun 1973 meliputi tahun 1972.

Dengan pengolahan struktur kakitangan di Cawangan Kiriman Wang di mana pegawai rendah dikhidmatkan untuk menjalankan tugas-tugas yang biasa, adalah dijangka anggaran perbelanjaan di bawah Aktiviti ini di dalam lengkongan $1,612,561 dengan kekurangan sebanyak $200,789 daripada peruntukan yang diluluskan sebanyak $1,813,350 bagi tahun 1974.

Beban-kerja di bawah Aktiviti ini dijangka akan melebihi 16% dalam tahun 1975. Walaubagaimanapun permohonan peruntukan bagi tahun 1975 menunjukan kekurangan sebanyak 11.49% daripada perbelanjaan yang diramalkan untuk 1974.

Cadangan untuk menaikan kadar-kadar komisyen bagi Kiriman Wang dan Wang Pos telah dikemukakan kepada pihak berkuasa yang berkenaan. Sekiranya cadangan ini diluluskan dan dilaksanakan adalah dianggarkan bahawa Perkhidmatan Wang Kiriman akan dapat dijalankan dengan beresnya.

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Hasil mengikut kadar komisyen sekarang	1,159,017	1,100,000	1,399,884
Belanja Mengurus	1,964,426	1,813,350	1,427,343
Kerugian ..	805,409	713,350	27,459

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	24,827,698	28,725,818	28,384,000
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	2,587,678	2,234,971	5,188,000
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..	367,578	374,104	428,000
	Jumlah Gaji ..	27,782,954	31,334,893	34,000,000
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	517,084	698,218	730,000
2200	Pengangkutan Barang-barang ..	8,241,644	6,619,069	8,056,000
2300	Kemudahan Perhubungan ..	196,320	286,960	300,000
2400	Api, Air dan Letrik dll.	189,418	226,800	250,000
2500	Sewa	195,351	295,577	454,000
2600	Perkhidmatan Pencetakan.. ..	1,063,112	1,173,850	915,620
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	1,089,914	1,388,026	1,550,000
2800	Perkhidmatan Pelbagai	904,022	1,093,850	1,203,180
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	609,449	908,347	649,000
3300	Pembinaan	196,843	132,000	100,000
4100	Pemberian, Subsidi dan Carum-carum	23,515	30,210	35,000
4200	Tuntutan Insuran dan Pampasan	38,849	36,900	45,000
5100	Pembayaran Balik	234,264	602,100	500,000
5500	Pelbagai	264	22,200	1,000
	Jumlah ..	41,283,003	44,849,000	48,788,800

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974 $	Bilangan	Anggaran Tahun 1975 $
(i) Pentadbiran Am ..	—	—	484	3,471,893	479	3,753,844
(ii) Perkhidmatan Mel ..	5,449	21,441,650	5,810	22,090,000	5,941	25,458,077
(iii) Perkhidmatan Bank Simpanan	470	2,733,617	517	3,020,000	521	2,694,155
(iv) Perkhidmatan Bagi Badan-badan Lain ..	172	1,911,352	160	1,247,000	163	901,486
(v) Perkhidmatan Wang Kiriman	229	1,696,335	196	1,506,000	203	1,192,438
Jumlah ..	6,320	27,782,954	7,167	31,334,893	7,307	34,000,000

3. Anggaran Pembangunan

Pecahan-kepala	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Peruntukan Tahun 1974 $	Anggaran Tahun 1975 $
SEMENANJUNG MALAYSIA			
1. Pejabat-pejabat Pos dan Rumah-rumah Kediaman	2,452,837	3,000,000	3,700,000
3. Pejabat Besar Pos, Kuala Lumpur dan Ibu Pejabat Pos	—	10	10
5. Wakil-wakil Pos	34,910	40,000	46,230
6. Pejabat-pejabat Pos Berkereta dan Tempat Simpan Kereta	—	105,000	157,400
7. Meminda, Menambah dan Membaiki Ruangan Pejabat-pejabat Pos dan Bangunan	315,843	250,000	250,000
8. Kenderaan-kenderaan dan Kelengkapan	517,335	300,000	300,000
9. Pusat Latihan, Kuala Lumpur ..	—	10	10
Jumlah Semenanjung Malaysia ..	3,320,925	3,695,020	4,453,650
SARAWAK			
21. Pejabat-pejabat Pos:			
(i) Ibu Pejabat Pos, Kuching dan Pejabat Besar Pos	484,000	10	10
(ii) Lain-lain Pejabat Pos	217,590	390,000	236,935
22. Pejabat-pejabat Pos Berkereta dan Tempat Simpan Kereta	10,782	60,000	44,661
23. Kenderaan-kenderaan dan Kelengkapan	12,151	55,000	10
Jumlah Sarawak ..	724,523	505,010	281,616

Pecahan-kepala	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
SABAH			
31. Pejabat-pejabat Pos dan Rumah-rumah Kediaman	433,457	300,000	450,000
32. Pejabat-pejabat Pos Berkereta dan Tempat Simpan Kereta	—	30,000	60,000
34. Meminda, Menambah dan Membaiki Ruangan Pejabat Pos dan Bangunan	32,524	10	27,476
35. Kenderaan-kenderaan dan Kelengkapan	4,604	55,000	25,378
Jumlah Sabah ..	470,585	385,010	562,854
Jumlah Besar ..	4,516,033	4,585,040	5,298,120

Kemajuan Kerja-kerja Pembinaan

SEMENANJUNG MALAYSIA

Pecahan-kepala 1—Pejabat Pos dan Rumah-rumah Kediaman

Bagi tahun 1974 dan sehingga bulan Ogos 1974, 23 buah Pejabat Pos telah siap dan memulakan perniagaan. Ini adalah Pejabat-pejabat Pos di Padang Besar dan Kaki Bukit, Perlis; Pendang, Kedah; Bidor, Perak; Bukit Mahkamah, Mindef dan Pejabat Iseh di Brickfields, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur; Pejabat Penukaran Mel, Pelabuhan Kelang, Jenjarom dan Kampong Tunku, Selangor; Pedas, Kota, Sri Menanti dan Simpang Pertang, Negeri Sembilan; Lubok China dan Tanjong Kling, Melaka; Parit Sulong, Kg. Kenangan Tun Dr Ismail, Lapangan Terbang Johor Bahru dan Semerah, Johor; Pulai Chondong, Ketereh dan Rantau Panjang, Kelantan dan sebanyak 33 Pejabat Pos masih di dalam pembinaan. Ini adalah Pejabat-pejabat Pos di Kodiang, Kuala Kedah dan Kulim, Kedah; Tasek Gelugor, Pejabat Penukaran Mel Butterworth dan Balik Pulau, Pulau Pinang; Chenderong Balai, Bagan Datoh, Kamunting, Taman Ipoh, Sauk, Jalan Cockman Ipoh, Selama, Tanjong Malim dan Simpang Ampat Semanggol, Perak; Serdang Bharu dan Seksyen 20 Petaling Jaya, Selangor; Medan Tuanku, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur; Durian Tunggal, Melaka; Ayer Hitam, Gugusan Taib Andak, Mersing, Ayer Baloi, Bakri dan Yong Peng, Johor; Gua Musang dan Melor, Kelantan; Ajil, Kuala Brang dan Seberang Takir, Trengganu; Dong, Maran dan Beserah, Pahang. Tawaran telahpun diberi terhadap 4 buah projek Pejabat Pos, iaitu di Simpang, Taiping, Perak; Permatang Pauh, Pulau Pinang; Kluang, Johor dan Kota Bharu, Kelantan dan tender-tender telah dipelawa terhadap 3 buah projek Pejabat Pos di Slim River, Perak; Parit Jawa, Johor dan Gong Kapas, Trengganu. Pelan-pelan tapakbina telah dilulus bagi 8 buah projek Pejabat Pos untuk mempelawa tender dan 4 buah projek Pejabat Pos sedang disediakan dengan pelan-pelan tapakbina oleh pihak Jabatan Kerja Raya. Pembinaan projek-projek ini adalah dijangka bermula pada penghujung tahun 1974 atau awal tahun 1975. Sebanyak 2 buah projek lagi, yang mana pelannya bukan dari Jenis bangunan Pejabat Pos biasa, sedang disediakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya. Ini adalah Pejabat-pejabat Besar Pos di Ipoh dan Kuantan. Sebanyak 7 buah tapak bagi Pejabat-pejabat Pos telah diperolehi dan permohonan tapak bagi 16 buah projek lagi telahpun dibuat. Tapak-tapak ini sedang diperolehi bagi projek-projek yang akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Pecahan-kepala 3—Pejabat Besar Pos, Kuala Lumpur dan Ibu Pejabat Pos

Satu tapak bagi projek ini telahpun ditandakan. Perancangan yang teliti bagi kompleks ini telah bermula. Sebanyak $10 sebagai peruntukan tanda telahpun diperuntukkan di bawah pecahan-kepala ini untuk tahun 1975.

Pecahan-kepala 5—Wakil-wakil Pos

Sejumlah $46,230 telah diperuntukkan bagi tahun 1975 untuk 80 buah Wakil Pos dari mana kebanyakannya akan ditubuhkan di kawasan Luar Bandar.

Pecahan-kepala 6—Pejabat-pejabat Pos Bergerak dan Tempat Simpan Kereta

Peruntukan bagi Pejabat-pejabat Pos Bergerak untuk Rancangan Malaysia Kedua telahpun digunakan sepenuhnya dalam tahun 1971 dan 1972. Di bawah Ulang Kaji Pertengahan Penggal peruntukan tambahan sejumlah $260,000 telah diluluskan dari mana sejumlah $105,000 telah diperuntukkan bagi tahun 1974 dan baki sejumlah $157,400 telah diperuntukan bagi tahun 1975 membeli 12 buah Pejabat Pos Bergerak.

Pecahan-kepala 7—Meminda, Menambah dan Membaiki Ruangan Pejabat-pejabat Pos dan Bangunan

Sejumlah $250,000 telah diperuntukkan bagi tahun 1975 untuk menyambung dan membaiki Pejabat-pejabat Pos yang lama dengan tujuan untuk menambah kaunter-kaunter dan kawasan tempat bekerja supaya selaras dengan keperluan-keperluan trafik yang telah bertambah dan untuk memberi perkhidmatan yang cekap dan lebih cepat kepada orangramai.

Pecahan-kepala 8—Kenderaan-kenderaan dan Kelengkapan

Sejumlah $300,000 telah diperuntukkan bagi tahun 1975 untuk memperluaskan lagi pengangkutan jabatan keseluruh jalan raya yang masih belum mendapat perkhidmatan pengangkutan awam yang mencukupi supaya dapat dipercepatkan lagi pengangkutan mel di sepanjang jalan-jalan ini dan untuk memberi sekurang-kurangnya satu perkhidmatan penyerahan sehari di seluruh negeri dan perkhidmatan penyerahan tambahan di bandar-bandar besar di mana diperlukan. Adalah dicadangkan untuk membeli kenderaan-kenderaan motor dan motosikal yang diperlukan sebagai tambahan dan juga kelengkapan-kelengkapan yang mustahak.

Pecahan-kepala 9—Institiut Latihan, Kuala Lumpur

Satu tapak bagi projek ini telahpun ditandakan. Perancangan bagi kompleks ini telah bermula dan satu peruntukan tanda sebanyak $10 telah diperuntukkan bagi tahun 1975.

SARAWAK

Pecahan-kepala 21—Pejabat-pejabat Pos

(i) *Ibu Pejabat Pos dan Pejabat Besar Pos, Kuching*

Adalah dicadangkan untuk memperolehi seluruh bangunan di mana sebahagian daripadanya pada masa ini diduduki oleh Pejabat Besar Pos Kuching, dan membaiki serta mengubahsuai seluruh bangunan itu, untuk digunakan sebagai Ibu Pejabat Pos dan Pejabat Besar Pos Kuching. Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain yang menduduki bangunan itu dijangka dipindahkan ke bangunan lain pada penghujung tahun 1975 dan kerja-kerja memperbaiki bangunan itu akan dilakukan selepas itu. Peruntukan tanda sebanyak $10 telahpun diadakan di bawah vot ini bagi tahun 1975.

(ii) *Lain-lain Pejabat Pos*

Dalam bulan Jun 1974, sebuah Pejabat Pos di Simunjan telah siap dan memulakan perniagaan. Pejabat-pejabat Pos baru di Miri dan Lutong sedang dibina dan dijangka akan siap pada pertengahan tahun 1975. Pelan-pelan bagi Pejabat Pos baru di Kenyalang Park sedang dalam peringkat akhir dan kerja-kerja pembinaan dijangka bermula pada lewat tahun 1974 dan disiapkan dalam tahun 1975. Sejumlah $236,935 telah diperuntukkan di bawah vot ini bagi tahun 1975 untuk menyiapkan projek-projek ini.

Pecahan-kepala 22—Pejabat-pejabat Pos Berkereta dan Tempat Simpan Kereta

Peruntukan sebanyak $44,661 adalah untuk membeli 2 buah Pejabat Pos Bergerak untuk memberi perkhidmatan di kawasan luar bandar di sekitar Lundu dan Serian dan untuk membuat bayaran terakhir bagi sebuah Pejabat Pos Sungai yang akan memberi perkhidmatan kepada penduduk-penduduk yang tinggal di sepanjang kawasan sungai di Batang Igan, Sungei Rejang Ulu dan Sungei Rejang Hilir.

Pecahan-kepala 23—Kenderaan-kenderaan dan Kelengkapan

Peruntukan tanda sebanyak $10 telah diuntukkan bagi tahun 1975 di bawah vot ini. Walau bagaimanapun sebanyak $7,265 akan diberikan sekiranya sebuah van mini dapat dibeli dengan peruntukan ini.

SABAH

Pecahan-kepala 31—Pejabat-pejabat Pos dan Rumah-rumah Kediaman

Dalam bulan April 1974, sebuah Pejabat Pos di Beluran telah siap dan memulakan perniagaan. Pelan tapakbina bagi Pejabat Pos baru di Keningau sedang dalam peringkat akhir dan kerja-kerja pembinaan dijangka bermula pada lewat tahun 1974 dan disiapkan dalam tahun 1975. Tapak bagi projek di Kudat sedang dalam peringkat akhir dan pembinaan projek ini akan dilaksanakan dalam tahun 1975. Peruntukan sejumlah $450,000 bagi tahun 1975 akan digunakan bagi projek-projek ini dan untuk memulakan kerja-kerja Pejabat Besar Pos baru di Sandakan.

Pecahan-kepala 32—Pejabat Pos Berkereta dan Tempat Simpan Kereta

Peruntukan sebanyak $60,000 ialah untuk pembelian 3 buah Pejabat Pos Bergerak untuk berkhidmat ke kawasan-kawasan luar bandar di sekitar Tawau, Papar dan Ranau.

Pecahan-kepala 34—Meminda, Menambah dan Membaiki Ruangan Pejabat-pejabat Pos dan Bangunan

Sejumlah $27,476 telah diperuntukkan bagi tahun 1975 untuk menyambung dan membaiki Pejabat-pejabat Pos yang lama dengan tujuan untuk menambah kaunter-kaunter dan kawasan tempat bekerja supaya selaras dengan keperluan-keperluan trafik yang telah bertambah dan untuk memberi perkhidmatan yang cekap dan lebih cepat kepada orang ramai.

Pecahan-kepala 35—Kenderaan-kenderaan dan Kelengkapan

Sejumlah $25,378 telah diperuntukkan bagi tahun 1975 untuk membeli satu yunit van "Land Rover" bagi Pejabat Pos Sandakan dan satu yunit van biasa bagi Pejabat Pos Keningau untuk mempercepatkan lagi pengangkutan mel-mel dan bungkusan-bungkusan dan juga untuk membaiki mutu pungutan mel-mel dari Peti-peti Surat tepi jalan.

4. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Belanja Mengurus—			
Semenanjung Malaysia	35,774,342	37,820,525	41,087,658
Sarawak	2,629,351	3,517,897	3,968,084
Sabah	2,879,310	3,510,578	3,733,058
Belanja Pembangunan—			
Semenanjung Malaysia	3,320,925	3,695,020	4,453,650
Sarawak	724,523	505,010	281,616
Sabah	470,585	385,010	562,854
Jumlah Besar ..	45,799,036	49,434,040	54,086,920

KEMENTERIAN PERKHIDMATAN KEBAJIKAN AM

Kepala Bekalan 63	... ...	**$15,490,170**
Kepala Pembangunan 63	...	**1,623,050**
Jumlah	...	**$17,113,220**

	Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975 ...	**$15,490,170**	**$1,623,050**	**$17,113,220**
Peruntukan 1974 ...	**12,500,000**	**3,895,016**	**16,395,016**
Perubahan ...	**+ $ 2,990,170**	**— $2,271,966**	**+ $ 718,204**

1. Tujuan-tujuan

Matlamat Kementerian Perkhidmatan Kebajikan Am ialah untuk memajukan dan memperbaiki ekonomi dan kebahagiaan sosial rakyat jelata Malaysia. Ini akan dicapai dengan mengadakan teknik-teknik dan perkhidmatan-perkhidmatan yang perlu khusus bagi membolehkan individu-individu, kelompok-kelompok dan komuniti-komuniti memenuhi keperluan-keperluan mereka serta mengatasi masaalah-masaalah penyesuaian kepada bentuk masyarakat yang berubah-ubah dan melalui tindakan kerjasama untuk memperbaiki keadaan ekonomi dan sosial. Oleh yang demikian Kementerian ini telah mereka-bentuk dasar matlamat-matlamat untuk lima (5) Aktiviti seperti berikut:

(i) Pentadbiran Am;
(ii) Perkhidmatan Pencegahan;
(iii) Perkhidmatan Keluarga dan Kanak-kanak;
(iv) Perkhidmatan Pemulihan; dan
(v) Perkhidmatan Pemulihan Akhlak.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran Am	1,527,229	1,445,500	1,565,300
(ii) Perkhidmatan Pencegahan	1,878,008	2,670,500	3,115,400
(iii) Perkhidmatan Keluarga dan Kanak-kanak	3,797,546	4,815,300	6,170,870
(iv) Perkhidmatan Pemulihan	793,974	968,700	1,274,000
(v) Perkhidmatan Pemulihan Akhlak ..	2,132,584	2,600,000	3,364,600
Jumlah ..	10,129,341	12,500,000	15,490,170

Prestasi

(i) *Pentadbiran Am*

Memajukan penyelidikan, perancangan dan penilaian dalam lapangan kemajuan kemasyarakatan, menggalakkan penyelarasan perkhidmatan-perkhidmatan kebajikan, Kerajaan atau sebaliknya, untuk kebahagiaan hidup rakyat Negara pada amnya.

Penerangan

Aktiviti ini dibahagikan kepada enam (6) aktiviti kecil iaitu (*a*) Dasar (*b*) Pentadbiran Am (*c*) Penyelidikan, Perancangan dan Penilaian (*d*) Analisa Pengurusan (*e*) Latihan, dan (*f*) Bantuan Kebajikan.

(*a*) Dasar

Menentukan penyelarasan kemajuan perkhidmatan Bantuan Kebajikan yang beranika ragam.

Bagi mencapai matlamat ini, Kementerian ini telah berusaha sedaya-upaya untuk mengadakan matlamat polisi, mengeluarkan garis-garis panduan dan arahan-arahan serta mengkaji kemajuan ke arah tercapainya matlamat-matlamat.

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Jumlah Kos bagi Dasar	$ 185,657	$ 188,800	$ 197,800

(*b*) Pentadbiran Am

Memudahkan pencapaian kerja-kerja iktisas dengan mempastikan bahawa perjalanan jentera pentadbiran adalah cekap, rapi dan licin.

Mengendalikan semua perkara mengenai kecekapan Jabatan/Kementerian atas hal-ehwal perkhidmatan dan perjawatan, setor, keselamatan, kewangan, pendaftaran, perkhidmatan guna-sama Jurutaip dan lain-lain perkhidmatan penyelenggaraan.

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Jumlah Kos bagi Pentadbiran Am ..	$ 885,341	$ 617,200	$ 724,000

(*c*) Penyelidikan, Perancangan dan Penilaian

Menentukan supaya perancangan sosial, kemajuan dan pelaksanaan kerja-kerja dan pengurusan sosial lebih berkesan dan licin.

Menguruskan penyelidikan dan kajian di semua lapangan kerja-kerja sosial yang berkembang dari masa ke semasa.

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Jumlah Kos bagi Penyelidikan, Perancangan dan Penilaian	$ 23,961	$ 52,000	$ 56,100

(*d*) Analisa Pengurusan

Memajukan kecekapan pengurusan dan menganalisa langkah-langkah untuk mencapai hasil-hasil yang maksima di segi kegunaan sumber-sumber.

Mengendalikan kajian serta memberi panduan, nasihat dan syur-syur ke arah tercapainya pestasi kerja yang tinggi.

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Jumlah Kos bagi Analisa Pengurusan ..	$ 30,726	$ 34,800	$ 35,100

(*e*) Latihan

Melengkapkan pekerja-pekerja sosial yang beriktisas dan pekerja-pekerja sosial sukarela dengan kemahiran dan pengetahuan tentang corak-corak perubahan dalam masyarakat dengan tujuan untuk sentiasa memajukan mutu perkhidmatan sosial.

Mengendalikan kursus dan latihan iktisas dan pentadbiran kepada semua gulungan kakitangan Jabatan yang terlibat dalam kerja sosial atas giliran lima tahun sekali; mengadakan kursus dan latihan dari semasa ke semasa bagi pekerja-pekerja sosial dari pertubuhan-pertubuhan/Badan-badan Sukarela dan juga memajukan serta menyelenggarakan buku-buku, majallah dan lain-lain penerbitan mengenai kebajikan.

Latihan ini terbahagi kepada tujuh jenis peringkat seperti di bawah ini:

(i) Kursus asas bagi Pegawai-pegawai Kebajikan Masyarakat, Pembantu-pembantu Kebajikan Masyarakat dan Pembantu-pembantu Rumah.
(ii) Kursus-kursus Latihan Khas.
(iii) Kursus Ulangkaji/Seminar/Persidangan bagi Pegawai-pegawai Kanan.
(iv) Seminar/Bengkel bagi Pekerja-pekerja Sukarela.
(v) Latihan Iktisas di Universiti tempatan dan seberang laut.
(vi) Latihan Khas peringkat tinggi di Universiti tempatan dan seberang laut.
(vii) Kursus Latihan Khas di Institiut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Petaling Jaya.

Jumlah bebanan kerja adalah tertera di bawah ini:

Bebanan-kerja: Kursus/Persidangan dan Peperiksaan

Penjenisan	Yang Sebenar Tahun 1973		Anggaran Tahun 1974		Ramalan Tahun 1975	
	Bilangan Kursus	Bilangan Peserta	Bilangan Kursus	Bilangan Peserta	Bilangan Kursus	Bilangan Peserta
1. KURSUS LATIHAN ASAS:						
Pegawai-pegawai Kebajikan Masyarakat	1	20	1	25	1	25
Pembantu-pembantu Kebajikan Masyarakat	—	—	1	17	1	25
Pembantu-pembantu Rumah ..	1	23	2	49	2	50
	2	43	4	91	4	100
2. KURSUS LATIHAN KHAS:						
Pegawai-pegawai Kebajikan Masyarakat	2	69	2	65	2	65
Pembantu-pembantu Kebajikan Masyarakat	—	—	—	—	—	—
Pembantu-pembantu Rumah ..	—	—	2	50	2	50
	2	69	4	115	4	115
3. KURSUS ULANGKAJI/SEMINAR/PERSIDANGAN BAGI PEGAWAI-PEGAWAI KANAN:						
Pengarah-pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri	1	11	2	13	2	13
Ketua-ketua Yayasan/Rumah Kebajikan	—	—	1	25	2	45
	1	11	3	38	4	58
4. BERKURSUS SAMBIL MELAWAT ..	—	—	1	3	1	3
5. SEMINAR/PERSIDANGAN:						
Pekerja-pekerja Sukarela	5	221	2	50	3	90
6. PEPERIKSAAN:						
Pegawai-pegawai Kebajikan Masyarakat	1	14	1	25	1	15
Pembantu-pembantu Keb. Masyarakat	1	4	1	5	1	5
Pembantu-pembantu Rumah ..	1	20	1	20	1	20
	3	38	3	50	3	40
7. LAIN-LAIN KURSUS:						
INTAN	5	11	4	8	4	8
Kursus Seberang Laut	2	3	11	17	8	13
	7	14	15	25	12	21
JUMLAH BESAR ..	20	396	32	372	31	427

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Jumlah Kos Bagi Latihan	$75,515	$87,700	$87,300

(*f*) Bantuan Kebajikan

Bagi menyempurnakan kehendak-kehendak Perlembagaan Malaysia, Peruntukan kewangan adalah diberi kepada Negeri Sabah dan Sarawak mengikut perkara 161 (*c*), Perlembagaan Malaysia.

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Sabah	$173,539	$220,000	$220,000
Sarawak	152,490	245,000	245,000
Jumlah Kos bagi Bantuan Kebajikan ..	$326,029	$465,000	$465,000

(ii) *Perkhidmatan Pencegahan*

Untuk memajukan usaha-usaha pembangunan negara dengan menghapuskan segala rintangan-rintangan sosial serta mencegah berlakunya, atau mengurangkan kesan masaalah-masaalah sosial dengan menindas faktor-faktor yang menyebabkannya.

Aktiviti-aktiviti

Aktiviti-aktiviti ini dibahagikan kepada 5 aktiviti kecil iaitu (*a*) Perkhidmatan Pembangunan, (*b*) Nasihat dan Kerja Kes, (*c*) Bantuan Bencana Alam, (*d*) Bantuan-bantuan Kebajikan, dan (*e*) Aktiviti Pengurusan.

(*a*) Perkhidmatan Pembangunan

Untuk memastikan bahawa faktor-faktor sosial adalah dipertimbangkan di dalam usaha-usaha pembangunan dan untuk menggalakkan penerimaan dan penyertaan orangramai supaya mereka dapat menikmati faedah pembangunan dengan sepenuh-penuhnya.

Perkhidmatan-perkhidmatan Kebajikan Am sedang diorientasikan oleh kerana Kementerian ini sedar bahawa perhatiannya terhadap kebajikan manusia terpaksa diselaraskan dengan kehendak-kehendak pembangunan. Oleh yang demikian perkhidmatan-perkhidmatan yang berorientasi pembangunan dititikberatkan untuk membangunkan semangat berdikari dan initiatif masyarakat supaya mereka lebih sedar terhadap perubahan-perubahan dan supaya mereka dapat memainkan peranan yang lebih berkesan dalam membaiki keadaan mereka sendiri.

Kementerian ini juga menitikberatkan kerjasama di antara Kementerian dan sektor-sektor lain yang mempunyai program-program yang terlibat atau berkait dengan rancangan-rancangan Kementerian ini samada di peringkat perancangan mahupun pada peringkat pelaksanaan rancangan-rancangan tersebut. Kementerian Kebajikan Am ada diwakili di Jawatankuasa Penasihatan kepada Biro Narkotik Pusat dan perancangan sedang diatur untuk menubuhkan Pusat-pusat bagi Pemulihan penagih-penagih dadah dan latihan sedang diperolehi samada dari tempatan atau seberang laut bagi Pegawai-pegawai Kebajikan Masyarakat supaya mereka dilengkapkan dengan pengetahuan untuk menjalankan tanggungjawab-tanggungjawab mereka di Pusat-pusat Pemulihan dan memajukan sumber-sumber bantuan masyarakat untuk menolong penagih-penagih dadah. Kakitangan Kementerian ini masih lagi mengambil tanggungjawab di atas aspek-aspek perubatan sosial di bidang rawatan pesakit-pesakit Tibi di bawah pengawasan bersama Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kebajikan Am. Kementerian ini diwakili di Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Kabinet untuk mengkaji cadangan-cadangan Penyiasatan Keciciran dan Jawatankuasa telah membuat syor kepada Kabinet untuk menubuhkan Perkhidmatan Kebajikan Murid-murid Sekolah. Kementerian ini ada rancangan untuk membuka sebuah pejabat kecil di bandar

Bukit Ridan di Rancangan Pahang Tenggara yang dianggarkan akan mempunyai 14,500 penduduk pada tahun 1975. Oleh sebab bandar ini diujudkan secara pemindahan individu-individu dan keluarga-keluarga dari negeri-negeri jiran adalah diramalkan bahawa beberapa masaalah-masaalah sosial ekonomi penduduk-penduduk pertama di bandar baru itu adalah serupa dengan masaalah-masaalah mereka yang telah tinggalkan kampung halaman lama mereka untuk berhijrah dan memulakan kehidupan baru di dalam keadaan kesusahan dan perasaan waswas. Oleh yang demikian adalah perlu untuk menubuh satu Pejabat Kebajikan Masyarakat dalam tahun 1975 untuk menolong penduduk-penduduk pertama ini menyesuaikan diri mereka kepada keadaan hidup baru ini.

(*b*) Nasihat dan Kerja Kes

Bagi menimbul dan menggalakkan suasana yang secucuk dengan kebajikan sosial masyarakat.

Perkhidmatan-perkhidmatan luar ini memberikan struktur organisasi di peringkat bawahan dan merupakan perkhidmatan yang paling asas dalam perkhidmatan-perkhidmatan kebaiikan. Melalui Pegawai-pegawai luar ini perhubungan dengan masyarakat dapat dibuat dan diteruskan. Pegawai-pegawai luar ini ialah kakitangan yang menjalankan beranika tugas dan mereka mengambil tindakan di atas semua kes yang timbul dalam kawasan mereka masing-masing, tanpa mengira apakah jenis kes itu. Mereka juga menguatkuasakan undang-undang Kementerian ini dan juga menggunakan semua sumber-sumber bantuan dan kemudahan-kemudahan untuk menolong individu dan keluarga yang berkeperluan. Dalam memenuhi keperluan tersebut pegawai-pegawai luar boleh mengguna dan melibatkan perkhidmatan-perkhidmatan persekutuan untuk kanak-kanak yang memerlukan pengasuhan dan perlindungan, pesalah-pesalah muda, wanita dan gadis yang menghadapi bahaya keruntuhan akhlak, orang-orang cacat anggota dan orang-orang miskin, orang tua berkeperluan dan keluarga atau individu yang memerlukan panduan dan nasihat. Di samping itu mereka juga melaksanakan Rancangan-rancangan Bantuan Khas Kerajaan Persekutuan serta Rancangan Bantuan Am Kerajaan Negeri termasuk bantuan sekolah, bantuan bencana alam dan malapetaka, kira-kira wang amanah dan rancangan-rancangan pemulihan masyarakat.

Adalah tujuan Kementerian ini untuk mengukuhkan Perkhidmatan-perkhidmatan Pencegahan bagi menolong orang-orang cacat anggota, orang-orang miskin, kanak-kanak dan orang-orang tua yang berkeperluan dan pesalah-pesalah muda. Rancangan-rancangan yang menolong gulungan-gulungan khas ini misalnya pemberian pelancaran, Jawatankuasa Kebajikan Budak-budak, bantuan khas kepada orang-orang tua yang tinggal di masyarakat mereka, elaun pampasan kepada orang-orang cacat akan diperluaskan lagi. Satu lagi Perkhidmatan Pencegahan bermula dalam bulan Januari 1974, iaitu Perkhidmatan Penasihatan Keluarga akan diperluaskan lagi selain dari yang ada di Wilayah Persekutuan, Kelang dan Kuala Selangor. Semua perkhidmatan-perkhidmatan ini diberi keterangan lanjut di bawah kerja dan beban-kerja. Keadaan suasana keliling boleh juga diperbaiki untuk menjamin kebahagian hidup masyarakat dan dengan ini dapat memupuk perpaduan, persefahaman dan pembangunan negara. Ini akan dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan berkaitan serta badan-badan sukarela sebagai memenuhi matlamat yang sama dalam pembangunan berintergrasi.

Satu penunjuk mengenai beban-kerja Nasihat dan Kerja Kes diberi seperti berikut dengan penjelasan ringkas mengenai jenis-jenis kerja yang terlibat. Beban-kerja Kes ini dipecahkan di bawah tiga kategori besar Kementerian iaitu Perkhidmatan Luar Keluarga dan Jagaan Kanak-kanak, Pemulihan Am dan Pemulihan Akhlak.

Perkhidmatan Luar Keluarga dan Jagaan Kanak-kanak

Perkhidmatan Luar Keluarga dan Jagaan Kanak-kanak ini ujudnya untuk berkhidmat bagi kanak-kanak dan keluarga yang berkeperluan termasuk ahli-ahlinya yang tua, sakit melarat dan miskin. Dalam perkhidmatan ini berkaitan dengan

kanak-kanak Ordinan Anak-anak Angkat Tahun 1952, Ordinan Pendaftaran Anak Angkat Tahun 1952, Ordinan Kanak-kanak dan Orang-orang Muda Tahun 1947 dan Akta Mahkamah Budak-budak Tahun 1947 adalah dikuatkuasakan.

1. *Anak Angkat*

Pegawai-pegawai Luar menjadi penjaga rasmi (guardian ad litem) di dalam semua permohonan anak angkat kepada Mahkamah dan tugas mereka termasuk menyediakan lapuran teliti atas latarbelakang pemohon-pemohon, kanak-kanak yang terlibat dan ibubapa kandungan mereka untuk membolehkan Mahkamah membuat keputusan yang saksama di atas permohonan-permohonan untuk anak angkat. Pegawai-pegawai Luar ini juga menjalankan tugas-tugas yang hampir serupa di dalam semua permohonan-permohonan "defacto adoption" di bawah Ordinan Pendaftaran Anak Angkat Tahun 1952.

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Bilangan lawatan dan lapuran	1,444	1,800	2,800

2. *Kebajikan Kanak-kanak*

Di bawah Ordinan Kanak-kanak dan Orang-orang Muda Tahun 1947, Pegawai-pegawai Luar bukan sahaja diberi kuasa menyelamatkan kanak-kanak daripada penganiayaan dan cacian malahan mereka dikehendaki mendaftar dan menyelia kanak-kanak perempuan yang dipindahkan dari keluarga sendiri kepada keluarga yang tidak ada tali persaudaraan dengan mereka. Beberapa seksyen Akta Mahkamah Budak-budak Tahun 1947 juga memberi kuasa kepada Pegawai-pegawai Luar mengambil tindakan yang berkesan untuk membantu kanak-kanak yang difikirkan memerlukan jagaan dan perlindungan.

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Bilangan kes	486	500	550

3. *Bantuan Penyaraan Kanak-kanak Berkeperluan*

Rancangan ini berasaskan kepada prinsip bahawa kanak-kanak ialah sebahagian dari satu-satu keluarga dan oleh itu haruslah dipelihara dalam lengkongan keluarganya sendiri atau keluarga ganti yang sesuai. Tujuan rancangan ini ialah untuk mengelakkan keruntuhan keluarga disebabkan kesulitan wang. Rancangan ini memberi bantuan wang yang cukup kepada kanak-kanak berkeperluan supaya dapat terus tinggal dengan keluarga mereka sendiri atau keluarga tumpangan dan menikmati kasih-sayang serta peliharaan yang sempurna dan dapat dielakkan dari masuk ke yayasan-yayasan kanak-kanak. Pemberian bantuan ini pada masa yang dikehendaki membolehkan kanak-kanak itu melanjutkan persekolahan mereka.

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Bilangan purata kanak-kanak dibantu ..	2,336	2,963	3,834

4. *Kemasukan ke Yayasan Perkhidmatan Keluarga dan Kanak-kanak*

Satu bahagian yang penting dalam perkhidmatan-perkhidmatan luar ialah tugas-tugas penyiasatan mengenai semua permohonan untuk masuk ke yayasan-yayasan bagi kanak-kanak, orang-orang tua dan orang-orang sakit melarat. Pegawai-pegawai Luar menentukan bahawa hanya mereka yang patut dan boleh menerima faedah daripada berbagai-bagai jenis rancangan yang disediakan di yayasan-yayasan tersebut, diterima masuk.

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(*a*) Bilangan Kemasukan ke Rumah Kanak-kanak	236	250	250
(*b*) Bilangan kemasukan ke Rumah Orang-orang Tua	607	650	650
(*c*) Bilangan kemasukan ke Rumah Sakit Melarat	205	300	300

5. *Bantuan kepada Orang-orang Tua Berkeperluan*

Satu rancangan yang dimulakan pada penghujung tahun 1973 bertujuan untuk membolehkan orang-orang tua yang daif dan miskin terus hidup dengan sempurna di dalam masyarakat. Tujuan ini sekali lagi mengikuti satu prinsip yang berdasarkan bahawa seboleh-bolehnya seorang individu harus dibantu di dalam lengkongan keluarga dan masyarakatnya sendiri. Maka rancangan ini memberi bantuan kewangan yang tidak melebihi $30 sebulan kepada orang-orang tua berkeperluan untuk membolehkan mereka menumpang dengan sahabat dan saudara-mara mereka. Orang-orang tua yang dibantu juga diberi bimbingan dan penyeliaan perkhidmatan luar.

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Bilangan orang-orang tua dibantu ..	92	500	1,000

6. *Bantuan Pelancaran untuk Orang-orang Cacat Sosial*

Ada juga orang-orang miskin yang mempunyai bakat dan kemahiran di dalam perniagaan dan pekerjaan yang boleh mendatangkan keuntungan kepada mereka. Akan tetapi mereka tidak dapat melaksanakan perniagaan-perniagaan itu oleh sebab mereka tidak mempunyai modal dan alat perkakas yang diperlukan. Bantuan Pelancaran ini ialah untuk membolehkan orang-orang seperti itu melancarkan perniagaan dan perusahaan kecil supaya pada satu masa kelak mereka dapat berdikari dengan usaha mereka sendiri. Bantuan Pelancaran telah disediakan untuk orang-orang cacat terlatih dan juga untuk pesalah-pesalah muda di bawah seliaan lanjutan. Rancangan ini kini diperluaskan untuk meliputi orang-orang yang kurang bernasib baik seperti balu dengan anak-anak kecil dan mereka yang menganggur.

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Bilangan kes	65	221	260

7. *Bantuan kepada Tanggungan-tanggungan Orang-orang Tahanan*

Sekim bantuan ini ialah satu lagi rancangan untuk membantu keluarga-keluarga yang memerlukannya. Rancangan ini mempunyai tujuan untuk memberi bantuan kewangan yang tidak melebihi $75 sebulan sekeluarga, kepada tanggungan-tanggungan orang tahanan yang sedang mengalami penderitaan hidup oleh sebab pencari nafkahnya telah ditahan.

Bebanan kerja ini termasuk juga bebanan kerja di Sarawak dan Sabah dan 93% daripada jumlah bebanan kerja Rancangan ini ialah dari Negeri Sarawak.

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Bilangan purata keluarga	428	428	428

8. *Penasihatan Keluarga*

Perkhidmatan Penasihatan Keluarga telah bermula pada 1hb Januari, 1974, dengan penubuhan 3 yunit di Negeri Selangor untuk memberi panduan dan penasihatan kepada individu-individu dan keluarga-keluarga yang mengalami

masaalah-masaalah menyesuaikan diri antara satu dengan lain dan dengan masyarakat mereka. Perkhidmatan ini bertujuan untuk membantu, memupuk dan mengukuhkan kehidupan sepakat antara suami-isteri dan dengan ini memperbaiki kualiti hidup berkeluarga dan jagaan kanak-kanak.

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Bilangan purata keluarga	—	120	200

9. *Bantuan Am*

Bantuan ini yang tidak melebihi $75 sebulan adalah diberi kepada individu-individu dan keluarga-keluarga yang mengalami kesulitan wang disebabkan kesakitan, kemalangan, kecederaan atau kematian pencari nafkah. Dalam tempoh pemberian bantuan kerja kes dan perkhidmatan rujukan kepada Jabatan-jabatan atau ajensi-ajensi lain diberi kepada mereka dengan tujuan memulihkan individu-individu atau keluarga-keluarga. Bantuan Am ini adalah terhad kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan sahaja kerana di Negeri-negeri lain rancangan ini adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri.

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Bilangan penerima Bantuan Am	720	750	1,280

10. *Bantuan Sekolah*

Bantuan ini bertujuan untuk menolong murid-murid berkeperluan membayar yuran-yuran peperiksaan dan perbelanjaan-perbelanjaan lain yang berkaitan. Rancangan ini adalah terhad kepada Jabatan Kebajikan Wilayah Persekutuan sahaja kerana di negeri-negeri lain rancangan ini adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri.

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahuu 1975
Bilangan murid-murid dibantu	635	1,000	1,948

11. *Elaun kepada Belia-belia di dalam Penempatan Latihan*

Rancangan ini membolehkan murid-murid yang tercicir dan orang-orang muda lain ditempatkan dengan bakal majikan mereka untuk mendapat latihan. Mereka mempunyai sedikit pelajaran sahaja dan perlu belajar dari peringkat bawahan dan ini memakan masa yang lama sebelum mereka menjadi mahir dan adalah tidak wajar bagi majikan mereka memberi elaun makan atau gaji bulanan semasa berlatih. Bantuan ini akan digunakan membayar tambang dan belanja makan dan akan menolong belia-belia yang tiada pelajaran dan kemahiran mendapat latihan praktikal sebagai pelatih dan akhirnya mendapat kerja yang baik.

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Bilangan Belia ditempatkan untuk berlatih	40	50	100

12. *Bantuan Bencana Alam*

Menurut amalan biasa, bantuan serta-merta diberi kepada mangsa-mangsa kebakaran, banjir, tanah runtuh, ribut dan lain-lain bencana alam yang berlaku di Negeri dan terhad kepada Negeri-negeri itu. Bantuan yang lazim diberi purata $25 satu keluarga sekali gus. Bantuan ini juga terhad kepada Jabatan Kebajikan Wilayah Persekutuan sahaja kerana di Negeri-negeri bantuan ini ialah tanggung-jawab Kerajaan Negeri.

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Bilangan kes-kes yang menerima bantuan	88	200	200

Tujuan Perkhidmatan-perkhidmatan ini ialah untuk menentukan bilangan orang-orang yang cacat iaitu yang buta, pekak, cacat anggota dan otak, supaya rancangan-rancangan pemulihan yang sesuai boleh dirancangkan. Rancangan-rancangan pemulihan tersebut ialah rancangan untuk latihan dan pendidikan bagi mereka yang boleh dilatih dan diberi pelajaran, serta rancangan yang akan menolong mereka yang telah dilatih dan dididik mencari pekerjaan supaya mereka dapat berdikari atau sekurang-kurangnya hanya memerlukan bantuan sambilan.

13. *Pendaftaran Orang-orang Cacat*

Satu sekim sedang dilaksanakan untuk mendaftarkan secara sukarela orang-orang yang mempunyai jenis kecacatan yang telah disebutkan supaya rancangan pendidikan, latihan dan pemulihan yang sesuai untuk mereka dapat dirancangkan.

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Bilangan orang-orang didaftarkan ..	425	450	450

14. *Kemasukan ke Pusat-pusat Pemulihan*

Semua permohonan untuk perlindungan dan latihan di Pusat-pusat Kementerian bagi Orang-orang Cacat Otak, Pusat Pemulihan Orang-orang Cacat Anggota serta Bengkel-bengkel Perlindungan, disiasat oleh Perkhidmatan ini untuk mempastikan bahawa hanya, orang yang layak dan yang akan dapat faedah dari kemasukan itu sahaja dibenarkan masuk ke yayasan-yayasan tersebut.

	Yang Sebenar Tahun1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(*a*) Bilangan Kemasukan ke Pusat-pusat Orang-orang Cacat Anggota	79	50	30
(*b*) Bilangan Kemasukan ke Pusat Orang Cacat Otak	27	60	150

15 *Penempatan Pekerjaan*

Pegawai-pegawai Perkhidmatan Luar berikhtiar meletakkan orang-orang cacat terlatih di dalam pekerjaan yang mendatangkan pendapatan.

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Bilangan Penempatan	38	45	55

16. *Badan Pemasaran*

Tujuan Badan Pemasaran ini ialah untuk membolehkan orang-orang cacat terlatih yang tidak mampu bertanding dengan pekerja-pekerja lain di pasaran bebas memaksimakan pendapatan mereka di dalam pekerjaan persendirian. Dalam rancangan ini bahan-bahan mentah dibeli dengan harga borong, dan bahan-bahan mentah ini di bekalkan kepada mereka yang sanggup menyertai Badan ini, dan hasil kerja tangan mereka itu dikumpul dan dipasarkan. Di mana perlu Badan ini juga mengadakan latihan baru dan latihan semula untuk pekerja-pekerja cacat yang memerlukannya. Dengan demikian pekerja-pekerja cacat dibantu menambahkan daya pengeluaran mereka dan juga menambah jumlah pendapatan masing-masing.

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Bilangan Peserta-peserta	91	91	91

17. *Bantuan Pelancaran bagi Orang-orang Cacat*

Tujuan Bantuan Pelancaran ialah untuk membantu orang-orang cacat yang telah dilatih berdikari di dalam usaha-usaha mereka sendiri. Rancangan ini

memberi mereka yang memerlukan modal wang untuk membeli alat-alat perkakas dan lain-lain untuk mereka mencebur diri di dalam sesuatu pekerjaan tetap atau di dalam sesuatu perniagaan kecil yang setimpal dengan latihan dan kecacatan mereka masing-masing.

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Bilangan penerima	43	80	128

18. *Elaun kepada Pekerja-pekerja Cacat*

Elaun ini, sebanyak $30 sebulan, dibayar kepada semua pekerja-pekerja cacat yang memperolehi pendapatan kurang dari $150 sebulan. Elaun ini diberi berasas kepada perakuan atas hakikat bahawa kecacatan anggota dan mental mengurangkan peluang mereka yang berkeadaan sedemikian mendapat pendidikan, latihan dan pekerjaan. Adalah juga diberi perakuan atas hakikat bahawa mereka yang berjaya mendapat pekerjaan menghadapi banyak masaalah disebabkan kecacatan mereka itu terpaksa mengeluarkan banyak perbelanjaan khas. Yang demikian Elaun ini bukan sahaja menjadi satu insentif bagi mendorong orang cacat itu bekerja tetapi juga akan menolong ia kekal dalam pekerjaannya.

Rancangan ini mengambil alih rancangan elaun pampasan yang akan dihapuskan cara berperingkat oleh kerana tidak viable lagi.

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Bilangan penerima	110	213	500

19. *Alat-alat dan Anggota Tiruan*

Suatu Rancangan untuk membantu semua orang-orang cacat ialah Rancangan Bantuan Alat-alat dan Anggota Tiruan. Rancangan ini adalah untuk mempastikan bahawa semua orang-orang cacat dilengkapi dengan alat-alat dan anggota tiruan yang mereka perlukan tetapi tidak mampu untuk membelinya. Dengan cara ini mereka yang cacat akan dapat bergerak dengan lebih memuaskan dan akan jadi lebih produktif serta dapat berdikari pada satu masa kelak. Pegawai-pegawai Luar menyiasat semua permohonan untuk bantuan ini, membuat persediaan bagi peperiksaan perubatan dan ukuran dan menolong mereka memperolehi alat-alat atau anggota tiruan yang dikehendaki.

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Angaran Tahun 1975
Bilangan yang dibantu dengan alat ini . .	29	85	99

Perkhidmatan-perkhidmatan Luar Pemulihan Akhlak

Perkhidmatan-perkhidmatan ini menyediakan semua rancangan yang boleh menolong memulihkan akhlak pesalah-pesalah muda, wanita dan gadis yang menghadapi bahaya keruntuhan akhlak, dan pengemis dan kuturayau. Perkhidmatan ini melaksanakan tiga buah undang-undang asasi iaitu Akta Mahkamah Budak-budak tahun 1947 (yang baru-baru ini diperluaskan untuk meliputi Sarawak dan Sabah) serta Akta Perlindungan Wanita dan Gadis tahun 1973 dan Akta Pengemis tahun 1965.

20. *Lapuran Penyiasatan*

Akta Mahkamah Budak-budak tahun 1947 menghendaki Pegawai Perkhidmatan Luar yang telah dilantik sebagai Pegawai-pegawai Akhlak menyediakan lapuran penyiasatan di dalam tiap-tiap kes pesalah muda supaya membolehkan Mahkamah Budak-budak menetapkan cara-rawatan yang paling baik dan sesuai bagi seseorang pesalah muda itu. Begitu juga Pegawai-pegawai Perkhidmatan Luar yang melaksanakan Akta Perlindungan Wanita dan Gadis tahun 1973 menjalankan penyiasatan dengan teliti atas setiap kes supaya membolehkan Mahkamah-mahkamah menentukan pemulihan yang paling sesuai bagi setiap wanita dan

gadis yang terlibat. Satu lagi kumpulan orang-orang yang memerlukan lapuran penyiasatan ialah pengemis-pengemis dan kuturayau samada mereka ditahan oleh pihak polis atau dengan sendirinya mencari pertolongan dan perlindungan.

	Yang Sebenar Tahun 1972	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(*a*) Lapuran Penyiasatan atas Pesalah-pesalah	4,117	4,500	5,000
(*b*) Lapuran Penyiasatan atas Wanita dan gadis	530	600	650
(*c*) Lapuran Penyiasatan atas Pengemis dan Kuturayau..	645	700	750

21. *Pencubaan Akhlak*

Pencubaan akhlak diiktirafkan sebagai salah satu cara rawatan untuk pesalah-pesalah muda yang tidak diletakkan di dalam yayasan-yayasan Akhlak. Apabila seseorang pesalah muda diletakkan di bawah Perintah Pencubaan Akhlak, ianya diselia oleh seorang Pegawai Akhlak yang memberi sokongan, nasihat dan memandu pesalah itu supaya ia akan mengubah sikap anti sosialnya ke sikap yang boleh diterima oleh masyarakat umum.

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Bilangan lawatan ke atas kes-kes Pencubaan Akhlak	3,202	3,400	3,600

22. *Seliaan Lanjutan*

Di mana seseorang pesalah muda diletakkan di dalam yayasan-yayasan Pemulihan Akhlak iaitu Sekolah Akhlak atau Asrama Akhlak, Pegawai Akhlak menjadi Pegawai Perhubungan di antara pesalah tersebut, yayasan yang berkenaan dan keluarga pesalah. Pegawai perhubungan ini dikehendaki memberi kepada yayasan tersebut maklumat lengkap mengenai latarbelakang pesalah dan kedudukan ekonomi dan sosial keluarganya untuk membantu yayasan itu merancang rawatan dan latihan yang berkesan sekali untuk pesalah itu. Pegawai Akhlak ini juga memberi penyeliaan dan jagaan lanjut kepada budak-budak yang dibebaskan dari yayasan Akhlak untuk menolongnya menyesuaikan dirinya dengan masyarakat di sekelilingnya. Perkhidmatan seliaan lanjutan yang serupa itu juga diberi kepada semua wanita dan gadis serta mereka yang dibebaskan daripada Pusat-pusat Pemulihan Pengemis dan Kuturayau.

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(*a*) Pesalah-pesalah muda	2,185	2,300	2,500
(*b*) Wanita dan Gadis	440	500	600
(*c*) Pengemis dan Kuturayau	148	180	200

23. *Penempatan Pekerjaan*

Pegawai Akhlak juga bertanggungjawab mencarikan pekerjaan yang sesuai bagi semua mereka yang dibubuh di bawah jagaannya samada pesalah-pesalah muda, wanita dan gadis atau pengemis dan kuturayau.

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(*a*) Pesalah muda diletakkan dalam pekerjaan	107	120	150
(*b*) Wanita dan Gadis	60	70	80
(*c*) Pengemis dan Kuturayau	5	10	15

24. *Bantuan Pelancaran untuk Orang-orang yang telah dibebaskan dari Yayasan-yayasan Pemulihan Akhlak*

Setelah penyiasatan dijalankan ke atas sesuatu projek tertentu, Bantuan Pelancaran boleh diberi kepada bekas pesalah-pesalah muda, wanita dan gadis yang telah keluar dari Pusat Perlindungan Wanita dan Gadis serta pengemis dan kuturayau-kuturayau yang telah dibebaskan dari Pusat-pusat Pemulihan. Pertimbangan yang diutamakan ialah samada projek yang dicadangkan itu boleh mendatangkan keuntungan, dan juga samada ia sesuai dengan bakat, latihan, pengalaman mereka masing-masing. Dengan cara ini orang-orang yang dibantu mungkin akan lebih berjaya di dalam usaha mereka untuk berdikari dari segi ekonomi.

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Bilangan kes diberi bantuan	3	99	112

(*c*) Bantuan Bencana Alam

Bagi mengurangkan akibat-akibat buruk yang menimpa sesuatu masyarakat apabila berlakunya bencana alam atau malapetaka yang tidak boleh dielakkan oleh individu-individu atau keluarga-keluarga.

Apabila bencana alam besar seperti ribut, kebakaran, banjir, kemarau atau keruntuhan tanah berlaku Kementerian ini turut bertanggungjawab untuk mengadakan langkah-langkah dan rancangan-rancangan yang boleh mengurangkan akibat-akibat buruk malapetaka-malapetaka itu di atas mangsa-mangsa yang terlibat dan juga merancangkan dan melaksanakan Rancangan-rancangan Pemulihan.

(*d*) Bantuan-bantuan Kebajikan

Bantuan ini ialah untuk menggalakkan penyertaan masyarakat dalam mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan yang akan memberi faedah kepada masyarakat itu.

Bantuan-bantuan ini diberi kepada pertubuhan-pertubuhan untuk menolong pertubuhan-pertubuhan tersebut memperbaiki dan memperluas aktiviti-aktiviti mereka. Pegawai-pegawai luar juga dikehendaki menyelia dan membantu pertubuhan-pertubuhan tersebut dan juga melapurkan dari masa ke semasa kemajuan pekerjaan dan kedudukan kewangan pertubuhan-pertubuhan itu. Adalah diharap bahawa melalui bantuan-bantuan ini pertubuhan-pertubuhan sukarela yang dibantu akan berjaya mendapat sokongan, dan penyertaan masyarakat dalam kegiatan-kegiatan kebajikan masyarakat.

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Bilangan Pertubuhan dibantu	11	13	13

(*e*) Aktiviti Pengurusan

Untuk memastikan pelaksanaan dasar, pencapaian sasaran pelaksanaan dan kemajuan ke arah matlamat-matlamat Perkhidmatan Pencegahan.

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1974
	$	$	$
Jumlah Gaji	58,300	64,200	63,600
Pengangkutan dan Perjalanan	2,918	7,400	7,000
Jumlah ..	61,218	71,600	70,600

Ringkasan Beban-kerja bagi semua Aktiviti-aktiviti kecil:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
PERKHIDMATAN LUAR KELUARGA DAN KANAK-KANAK:			
Anak Angkat: Bilangan lawatan dan lapuran	1,444	1,800	2,800
Kebajikan Kanak: Bilangan dikendalikan	486	500	550
Bantuan Penyaraan Kanak-kanak Berkeperluan:			
Bilangan dibantu	2,336	2,963	3,834
Bilangan kemasukan ke Rumah Kanak-kanak	236	250	250
Bilangan kemasukan ke Rumah Orang-orang Tua	607	650	650
Bilangan kemasukan ke Rumah Pesakit-pesakit Melarat	205	300	300
Bantuan Orang-orang Tua Berkeperluan	92	500	1,000
Bantuan Pelancaran kepada orang-orang miskin	65	221	260
Bantuan kepada Tanggungan Orang-orang Tahanan	420	428	428
Penasihatan Keluarga	—	120	200
Bantuan Am: Bilangan kes	720	750	1,280
Bantuan Sekolah: Bilangan kes ..	635	1,000	1,948
Elaun kepada belia-belia dalam Latihan:			
Bilangan kes	40	50	1,000
Bantuan bencana alam	88	200	200
PERKHIDMATAN LUAR PEMULIHAN AM—			
Pendaftaran orang-orang cacat.. ..	425	450	450
Bilangan kemasukan ke Pusat bagi orang-orang cacat anggota	79	50	30
Bilangan kemasukan ke Pusat bagi orang-orang cacat akal	27	60	150
Bilangan orang-orang cacat ditempatkan kerja	38	45	55
Badan Pemasaran-pemasaran—bilangan peserta	91	91	91
Bantuan pelancaran bagi orang-orang cacat	43	80	128
Elaun kpd. Pekerja-pekerja Cacat: Bilangan kes	110	213	500
Bantuan Alat, tiruan dan otopidik, Bilangan kes	29	85	99
PERKHIDMATAN LUAR PEMULIHAN AKHLAK			
Lapuran Penyiasatan: Pesalah-pesalah Muda	4,117	4,500	5,000
Wanita dan gadis	530	600	650
Pengemis dan Kuturayau	645	700	750
Percubaan Akhlak: Bilangan lawatan..	3,202	3,400	3,600
Seliaan Lanjutan: Pesalah-pesalah Muda	2,185	2,300	2,500
Wanita dan gadis	440	500	600
Pengemis dan kuturayau	148	180	200
Penempatan Pekerjaan: Pesalah-pesalah Muda	107	120	150

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Wanita dan Gadis	60	70	80
Pengemis dan Kuturayau	5	10	15

Ringkasan Perbelanjaan bagi semua Aktiviti-aktiviti kecil:

Rancangan-rancangan Bantuan Khas—

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Bantuan Penyaraan Kanak-kanak Berkeperluan	245,090	355,560	400,000
Bantuan Penyaraan Orang-orang Tua Berkeperluan	14,220	180,000	200,000
Bantuan kepada Tanggungan Orang-orang Tahanan	147,995	150,000	50,000
Bantuan Am (Wilayah Persekutuan) ..	—	—	264,500
Bantuan Sekolah (Wilayah Persekutuan)	—	—	20,000
Elaun kepada Belia-belia dalam Latihan (Wilayah Persekutuan)	—	—	30,000
Penyelenggaraan Budak-budak di Yayasan Sukarela Sarawak	2,862	5,400	—
Badan Pemasaran	78,389	163,415	147,055
Bantuan Pelancaran	27,190	100,000	80,000
Elaun untuk Pekerja-pekerja Cacat ..	31,000	63,900	100,000
Bantuan Alat Tiruan dan Otopidik ..	9,103	28,000	32,760
Jumlah Perbelanjaan Rancangan-rancangan Bantuan Khas ..	555,849	1,046,275	1,324,315
HARGA PELAKSANAAN:			
Gaji Pegawai-pegawai Luar	1,014,142	1,294,676	1,377,510
Pengangkutan dan Perjalanan	132,277	152,600	153,000
Pejabat-pejabat Luar—Negeri dan Daerah	22,374	89,645	88,485
Jumlah ..	1,168,793	1,536,921	1,618,995
Bantuan Kebajikan	92,148	102,500	101,500
AKTIVITI PENGURUSAN:			
Gaji Pegawai-pegawai	58,300	64,200	63,600
Pengangkutan dan Perjalanan	2,918	7,400	7,000
Jumlah Aktiviti Pengurusan ..	61,218	71,600	70,600
JUMLAH BESAR ..	1,878,008	2,757,296	3,115,410

(iii) *Perkhidmatan Keluarga dan Kanak-kanak*

Menjamin jagaan gantian yang menggalakkan pertumbuhan yang sihat dalam suasana yang tenteram bagi gulungan-gulungan yang bergantung kepada masyarakat umum untuk memenuhi segala keperluan hidup.

Huraian

Aktiviti ini adalah terbahagi kepada lima (5) aktiviti kecil iaitu (*a*) Rumah Kanak-kanak, (*b*) Rumah-rumah untuk orang-orang tua yang berkeperluan, (*c*) Rumah-rumah bagi pesakit-pesakit melarat, (*d*) Bantuan Kebajikan dan (*e*) Pengurusan Aktiviti.

(*a*) Rumah Kanak-kanak

Menjamin pertumbuhan jasmani, mental, emosi dan moral kanak-kanak tanggungan.

Kementerian ini mentadbirkan tujuh (7) buah rumah kanak-kanak di Semenanjung Malaysia yang boleh memuatkan 725 orang kanak-kanak. Rumah kanak-kanak berusaha sedaya upaya memberi layanan perseorangan, jagaan dan kasih sayang seperti yang diperolehinya dalam keluarga sendiri. Setakat yang boleh, perhubungan adalah digalak dan dikekalkan antara anak-anak dengan ibubapa, adik-beradik dan saudara-mara, melalui lawatan-lawatan dan persuratan. Bagi kanak-kanak yang tidak mungkin balik ke keluarga sendiri adalah dicarikan tempat tinggal yang sesuai dan juga pekerjaan jika boleh. Mereka akan diselia sehingga telah dapat hidup bebas dan bersendirian.

Beban-kerja ketujuh-ketujuh rumah kanak-kanak itu adalah diberi di bawah:

1. *Penasihatan dan bimbingan*

Semua kanak-kanak, lebih-lebih lagi mereka yang tinggal dalam sesebuah rumah kanak-kanak, memerlukan bimbingan untuk menolong mereka menyelesaikan masaalah-masaalah emosi dan saikoloji. Oleh itu kerja-kerja penasihatan adalah dijalankan untuk menjamin pertumbuhan kanak-kanak yang sihat.

Jumlah masa yang digunakan untuk kerja-kerja penasihatan adalah seperti berikut:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(*a*) Jumlah jam minima untuk penasihatan tiap-tiap seorang sebulan	1 jam	1 jam	1 jam
(*b*) Bilangan jam untuk kerja kumpulan ..	4 jam	4 jam	4 jam

2. *Pelajaran*

Untuk menjamin supaya kanak-kanak dibekalkan dengan pengetahuan dan kemahiran yang mustahak bagi memajukan bakat masing-masing agar mereka dapat memainkan peranan yang berguna dalam masyarakat kelak, kemudahan-kemudahan adalah disediakan untuk pelajaran di sekolah-sekolah biasa di luar ataupun di dalam kelas-kelas pelajaran dewasa dalam yayasan. Kelas-kelas bimbingan bagi mata-mata pelajaran yang penting juga disediakan.

Bilangan mereka yang menerima pelajaran adalah seperti berikut:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(*a*) Bilangan yang belajar di sekolah-sekolah luar	303	333	328
(*b*) Bilangan yang menghadiri kelas-kelas pelajaran dewasa	84	62	120
(*c*) Bilangan yang menghadiri kelas-kelas bimbingan (tuition)	254	180	175

3. *Latihan Vokesyenal*

Kanak-kanak yang telah cicir daripada pelajaran sekolah adalah diberi latihan vokesyenal untuk memajukan kemahiran, kepercayaan diri sendiri dan tabiat-tabiat bekerja yang sihat dalam pekerjaan yang berasingan. Jenis-jenis latihan yang disediakan dan bilangan yang mengambil latihan-latihan ini adalah seperti berikut:

	Bilangan Peserta-peserta		
	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(*a*) Jahitan	80	80	80
(*b*) Motor Mekanik	—	16	20
(*c*) Pertukangan Kayu	27	30	30
(*d*) Urusan Rumahtangga	73	75	—
(*e*) Penternakan Ayam	3	10	10
(*f*) Air-conditioning/Refrigeration	—	10	10
(*g*) Radio dan Talivisyen	—	10	15
(*h*) Lukisan	15	10	10
(*i*) Pekerjaan Tangan	74	35	30
(*j*) Penulisan (calligraphy)	—	5	5
(*k*) Pertukangan Batu	10	14	14
(*l*) Mengecat	10	8	10
(*m*) Berkebun	53	15	50
(*n*) Membaiki Basikal	10	10	10
(*o*) Memotong Rambut	10	10	12
(*p*) Muzik	9	10	90
(*q*) Menaip/Tringkas	4	6	5
(*r*) Membatik	10	15	5

4. *Latihan Moral dan Ugama*

Bagi menggalakkan pertumbuhan moral dan ugama di kalangan kanak-kanak, Kementerian ini menyediakan kemudahan-kemudahan kelas-kelas ugama, pelajaran moral dan beribadat. Bilangan yang mengambil latihan ugama ialah:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(*a*) Bilangan yang menghadiri kelas-kelas ugama	283	369	369
(*b*) Bilangan yang menghadiri ibadat ugama ..	283	192	192

5. *Latihan Jasmani dan Riadah*

Kanak-kanak adalah digalakkan menyertai permainan-permainan sukan dalam dan luar untuk pertumbuhan jasmani dan perhubungan sosial yang sihat. Jumlah masa yang digunakan untuk riadah dan latihan jasmani adalah seperti berikut:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(*a*) Aktiviti-aktiviti dalam jumlah jam sebulan purata	19	30	30
(*b*) Aktiviti-aktiviti luar jumlah jam sebulan purata	21	30	30

6. *Perbelanjaan Tahunan Purata, Rumah Kanak-kanak*

	Anggaran Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(*a*) Jumlah Penghuni—tahun-tahun ..	561	561	580
(*b*) Yunit Kos Purata Setahun ..	$2,256	$2,212	$2,639
Jumlah Perbelanjaan Rumah Kanak-kanak	$1,265,843	$1,241,189	$1,530,921

(*b*) Rumah bagi Orang-orang Tua Berkeperluan

Menjamin jagaan dan ketenteraman bagi memenuhi keperluan orang-orang tua yang daif.

Perkhidmatan untuk orang-orang tua adalah sebahagian daripada perkhidmatan-perkhidmatan kebajikan bagi kumpulan-kumpulan anggota masyarakat yang lemah. Kebanyakan daripada orang-orang tua yang berkeperluan adalah bujang, daif dan tidak mempunyai rumah tangga. Bagi mereka yang memerlukannya, Kementerian ini mengadakan tempat kediaman dalam lapan (8) buah Rumah Orang-orang Tua yang boleh memuatkan sejumlah 2,315 orang. Beban-kerja setengah-setengah kerja yang dijalankan di rumah-rumah ini adalah seperti yang tersebut di bawah:

1. *Penasihatan dan Panduan*

Matlamat ini dicapai melalui interbiu-interbiu perseorangan, persidangan-persidangan kes dan kerja-kerja kumpulan yang mana dibuat secara mendalam dengan tujuan menolong penghuni-penghuni tua itu mengatasi masaalah-masaalah emosi dan saikoloji. Jumlah masa yang ditumpukan kepada kerja penasihatan ialah:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(*a*) Jumlah jam minima penasihatan tiap-tiap seorang sebulan	30 minit	30 minit	30 minit
(*b*) Bilangan jam untuk kerja kumpulan ..	4 jam	4 jam	4 jam

2. *Pekerjaan Tangan*

Anika jenis pekerjaan tangan dan kerja-kerja rengan adalah disusun untuk penghuni-penghuni tua bagi menggalakkan penyertaan mereka dalam aktiviti-aktiviti yayasan hari-hari iaitu di dalam woksyop-woksyop, asrama-asrama, dapur, bilik dobi dan di kebun. Aktiviti-aktiviti ini bertujuan menghilangkan perasaan keimbangan dan bosan. Jenis-jenis pekerjaan dan bilangan yang mengambil bahagian adalah dinyatakan di bawah:

Jenis Pekerjaan	Bilangan Peserta-peserta		
	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(*a*) Jahitan	27	30	30
(*b*) Membaiki Radio dan Talivisyen ..	7	10	10
(*c*) Mengecap Batik	5	15	10
(*d*) Mengukir	14	10	10
(*e*) Membuat Bakul	128	109	110
(*f*) Menanam sayur dan pokok buah-buahan	99	135	135
(*g*) Pertukangan Kayu	6	10	10
(*h*) Penyenggaraan Am	264	224	250
(*i*) Tukang Gunting	3	10	10
(*j*) Penternakan Ayam	5	10	20
(*k*) Membuat Dunlopillow Crumb ..	2	2	4
(*l*) Tukang Kasut	—	5	—

3. *Pengajaran Ugama*

Kemudahan-kemudahan adalah disediakan bagi penghuni-penghuni membuat ibadat mengikut ugama masing-masing. Untuk orang-orang Islam yang masih sihat, sebuah surau adalah disediakan bagi mereka. Bilangan mereka yang membuat ibadat adalah seperti yang berikut:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Bilangan yang membuat ibadat	578	750	750

4. *Latihan Jasmani dan Riadah*

Berbagai jenis permainan dan aktiviti-aktiviti masa lapang adalah disediakan seperti mahjong, daun terup, dominos, olahraga, badminton dan pingpong.

5. *Perbelanjaan Tahunan Purata, Rumah Orang-orang Tua*

	Anggaran Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(*a*) Jumlah Penghuni—tahun-tahun ..	2,315	2,315	2,315
(*b*) Yunit Kos Purata Setahun	$882.91	$981.00	$1,247.00
Jumlah Perbelanjaan, Rumah Orang-orang Tua	$2,043,933	$2,271,965	$2,888,642

(*c*) Rumah Pesakit-pesakit Melarat

Menjamin jagaan dan rawatan bagi memenuhi keperluan pesakit-pesakit melarat yang daif.

Kementerian ini adalah bertanggungjawab bagi jagaan pesakit-pesakit melarat. Untuk maksud ini dua (2) buah rumah telah pun dibina di bawah Rancangan Malaysia Kedua dan sebuah lagi yang sedang dibina di Johor Bahru akan siap sebelum hujung tahun ini—1974. Ketiga-tiga buah rumah ini boleh menampung sejumlah 960 orang penghuni-penghuni. Kebanyakan daripada mereka adalah orang-orang tua yang memerlukan jagaan dan rawatan perubatan intensif. Beban-kerja bagi setengah-setengah kerja dalam yayasan-yayasan ini ialah seperti berikut:

1. *Pekerjaan Tangan*

Untuk pesakit-pesakit yang masih segar membuat kerja-kerja rengan, berbagai jenis aktiviti dan pekerjaan tangan diaturkan seperti yang dinyatakan di bawah:

	Bilangan Peserta-peserta		
	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(*a*) Pengeluaran barang-barang daripada rafia	1	7	10
(*b*) Pengeluaran barang-barang daripada bahan-bahan plastik	2	8	10
(*c*) Menolong kerja-kerja harian (dapur, asrama, dewan makan, bilik dobi dan kebun)	2	5	5

2. *Pengajaran Ugama*

Kemudahan-kemudahan adalah disediakan untuk penghuni-penghuni membuat ibadat mengikut ugama masing-masing. Sebuah surau adalah disediakan bagi penghuni-penghuni Islam yang masih segar. Bilangan mereka yang membuat ibadat adalah:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Bilangan mereka yang membuat ibadat ..	62	80	80

3. *Latihan Jasmani dan Riadah*

Riadah, terutamanya permainan-permainan dan aktiviti-aktiviti dalam yayasan, adalah satu daripada aktiviti-aktiviti yang penting untuk menggalakkan perhubungan sosial antara penghuni-penghuni dan kakitangan.

4. *Rawatan Perubatan*

Rawatan Perubatan adalah disediakan oleh kakitangan perubatan yang mengandungi seorang pegawai perubatan, dan jururawat-jururawat yang bertugas bergilir-gilir sepanjang 24 jam sehari.

5. *Perbelanjaan Tahunan Purata-Rumah-rumah Pesakit Melarat*

	Anggaran Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(*a*) Jumlah Penghuni—tahun-tahun ..	560	800	650
(*b*) Yunit Kos Purata setahun	$1,096.21	$1,213.09	$2,291
Jumlah Perbelanjaan, Rumah-rumah Pesakit Melarat ..	$ 613,877	$ 970,474	$1,489,210

(*d*) Bantuan Kebajikan

Menggalakkan penyertaan masyarakat dan menentukan berkesannya pentadbiran pertubuhan-pertubuhan kebajikan sukarela yang mengadakan Perkhidmatan Keluarga dan Kanak-kanak.

Kesemuanya ada 30 buah pertubuhan yang menyediakan jagaan bagi Kanak-kanak ataupun orang-orang tua yang berkeperluan. Untuk menggalakkan mereka menjalankan tugas masing-masing, Kementerian ini memberi bantuan kewangan dan teknik.

	Anggaran Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tacun 1975
Bilangan pertubuhan yang menerima bantuan	30	30	30
Jumlah Perbelanjaan, Bantuan Kebajikan	$255,000	$260,000	$220,280

(*e*) Pengurusan Aktiviti

Menjamin pelaksanaan dasar, pencapaian matlamat-matlamat perlaksanaan, dan kemajuan ke arah objektif-objektif perkhidmatan keluarga dan kanak-kanak.

	Anggaran Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Jumlah Perbelanjaan Pengurusan Aktiviti	$55,544	$47,895	$41,692

(iv) *Perkhidmatan Pemulihan*

Menolong anggota-anggota masyarakat yang cacat dapat berdikari dan supaya membolehkan mereka menjadi lebih berguna dalam masyarakat sejajar dengan potensi mereka yang penuh.

Penerangan

Aktiviti ini adalah terbahagi kepada lima (5) Aktiviti-kecil iaitu (*a*) Pusat Pemulihan bagi Orang-orang Cacat; (*b*) Pusat bagi Orang-orang Cacat Akal; (*c*) Bengkel Terlindung; (*d*) Bantuan Kebajikan; dan (*e*) Pengurusan Aktiviti.

(*a*) Pusat-pusat Pemulihan bagi Orang-orang Cacat

Memulihkan orang-orang cacat anggota supaya mereka boleh dapat faedah yang maksima mengikut kebolehan jasmani, mental, sosial dan ekonomi masing-masing.

Pusat Pemulihan bagi Orang-orang Cacat Anggota, Cheras, Selangor, disediakan untuk kanak-kanak dan belia-belia yang cacat bagi kedua-dua jantina yang berumur di antara 6 dan 21 tahun. Pusat ini juga mengadakan latihan harian bagi

pelatih-pelatih yang berumur di antara 21 dan 30 tahun. Untuk menentukan proses pemulihan yang menasabah sekali, kaedah secara berpasukan adalah digunakan dan ini melibatkan perkhidmatan Pengetua, Pegawai Perubatan, Jurulatih Anggota, Jurupulih Cara Kerja, Jurupulih Berkata, Guru-guru dan Jurulatih Pertukangan. Berikut ialah pelaksanaan mengikut pertunjuk-pertunjuk yang dipilih.

1. *Nasihat dan Bimbingan*

Nasihat dan bimbingan adalah proses yang berlanjutan untuk menolong pelatih-pelatih di Pusat Pemulihan bagi mengatasi masaalah-masaalah sosial dan emosi supaya mereka boleh mendapat faedah dengan sepenuhnya daripada rancangan-rancangan pemulihan. Ini dilaksanakan mengikut kaedah-kaedah cara kerja kes dan kerja berpasukan; ini termasuk interbiu, membuat rakaman dan mengambil tindakan atas pendapat-pendapat dan "prognosis" bagi tiap-tiap kes. Pertunjuk bagi pelaksanaan adalah seperti berikut:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(*a*) Bilangan jam minima bagi penasihatan untuk seorang penghuni sebulan	2	2	2
(*b*) Bilangan jam bagi kerja berpusukan sebulan..	24	40	40

2. *Pelajaran*

Kemudahan-kemudahan untuk pelajaran asas dan didikan perseorangan ada disediakan di yayasan supaya membolehkan orang-orang cacat mencapai peringkat intelek untuk memahami latihan sejajar dengan umur mereka dan juga latihan vokesyenal yang diberi kepadanya. Ini memberi faedah yang sangat besar kepada mereka yang tidak upaya pergi ke sekolah-sekolah biasa disebabkan oleh kecacatannya. Pelaksanaan dalam bidang ini ialah seperti berikut:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(*a*) Bilangan pergi ke sekolah-sekolah di luar	—	—	—
(*b*) Bilangan yang menghadiri kelas-kelas	23	30	30
(*c*) Bilangan menerima bimbingan ..	50	90	90

3. *Latihan Vokesyenal*

Latihan adalah disediakan bagi anika pertukangan yang ada diperusahaan-perusahaan untuk memupuk kemahiran, kecekapan menggunakan tangan, berdikari dan tabiat-tabiat bekerja yang baik dan dengan cara ini dapatlah orang-orang cacat yang terlatih bertanding lebih mudah lagi untuk mendapatkan pekerjaan-pekerjaan. Dalam tahun 1974 latihan untuk memperbaiki dan membuat kerusi-kerusi beroda akan diujudkan dengan tujuan supaya sebuah bengkel kecil akan ditubuh untuk membuat kerusi-kerusi beroda bagi memenuhi keperluan-keperluan Pusat sendiri. Pelaksanaannya ialah seperti berikut:

Jenis-jenis Latihan	Bilangan Pelatih-pelatih		
	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(*a*) Pertukangan Kayu	13	15	15
(*b*) Moto Mekanik	13	12	15
(*c*) Jahitan	27	31	30
(*d*) Radio Mekanik	17	20	20
(*e*) Kerja-kerja mengendali Mesyin dan Logam	4	3	10
(*f*) Kerja Petri	—	3	10
(*g*) Memperbaiki dan membuat Kaliper..	—	3	5
(*h*) Memperbaiki dan membuat Kerusi Beroda	—	3	5

Untuk menambah pendapatan pelatih-pelatih, latihan secara praktik adalah diberi semasa waktu lapang dalam aktiviti-aktiviti yang berikut:

	Bilangan Pelatih-pelatih		
	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(*a*) Masakan	16	18	20
(*b*) Bela Ayam	13	8	15
(*c*) Bela Ikan	18	22	30
(*d*) Berkebun	—	70	70
(*e*) Gunting Rambut	3	8	15
(*f*) Seni Muzik	18	12	15

4. *Pemulihan Perubatan*

Perkhidmatan-perkhidmatan pemulihan diadakan menerusi Jurupulih Anggota, Jurulatih Cara Kerja yang aktif dan juga perkhidmatan-perkhidmatan rawatan yang lain supaya menjamin pemulihan anggota dan gerak-geri yang membolehkan orang-orang cacat bekerja di peringkat keupayaan fisikalnya yang maksima. Pelatih-pelatih itu akan dilengkapkan dengan anggota-anggota tiruan dan alat-alat otopedik jika perlu. Pelaksanaannya ialah seperti berikut:

	Bilangan Pesakit-pesakit		
	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(*a*) Jurupulih Cara Kerja	34	80	80
(*b*) Jurupulih Anggota	79	127	130
(*c*) Anggota dan Alat-alat Tiruan ..	29	60	60

5. *Latihan Moral dan Ugama*

Kemudahan-kemudahan bagi mengadakan kelas-kelas ugama dan amal ibadat diadakan untuk memupuk dan menggalak perkembangan moral dan rohani bagi orang-orang cacat. Pelaksanaannya ialah seperti berikut:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(*a*) Bilangan kedatangan di kelas-kelas ugama	52	50	50
(*b*) Bilangan yang beramal ibadat ..	102	100	110

6. *Eksersais Gerak Badan dan Permainan*

Kemudahan-kemudahan bagi permainan dan sukan samada di dalam dan di luar diadakan untuk menggalakkan pertumbuhan fisikal dan sosial yang sihat bagi orang-orang cacat anggota.

7. *Perbelanjaan Purata Tahunan, Pusat Pemulihan bagi Orang-orang Cacat Anggota*

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(*a*) Bilangan Penghuni—tahun-tahun ..	101	100	110
(*b*) Perbelanjaan Purata setahun	$3,528.14	$3,933.58	$3,632.00
Jumlah Perbelanjaan, Pusat Pemulihan Bagi Orang-orang Cacat Anggota	$356,342.14	$393,358.00	$399,527.00

(*b*) Pusat bagi Orang-orang Cacat Akal

Melatih mereka yang cacat akal hingga ke peringkat kecekapan optima mengikut kebolehan masing-masing.

Orang-orang cacat akal ialah sekelompok manusia yang memerlukan jagaan, perhatian dan latihan. Sungguhpun kebolehan mereka untuk belajar terhad, segala usaha adalah dijalankan untuk melatih mereka mengikut setakat mana yang boleh, dan menyelenggara mereka apabila mereka tidak upaya menjaga diri mereka sendiri. Kini seramai 150 orang belia-belia dan kanak-kanak yang cacat akal dan cacat anggota yang teruk sedang diberi jagaan serta latihan di Rumah Kanak-kanak Jubili Johor Bahru.

Pusat bagi Orang-orang Cacat Akal yang kedua di Johor Bahru di bawah Rancangan Pembangunan Malaysia Kedua dijangka akan memulakan perkhidmatannya pada bulan Disember 1974. Pusat ini akan memberi kemudahan-kemudahan tempat tinggal untuk 240 orang kanak-kanak dan orang-orang muda, lelaki dan perempuan, di antara umur 6 tahun hingga 25 tahun, akan tetapi pada tahun 1975 Pusat ini akan menampung seramai 100 orang penghuni sahaja. Bakal-bakal penghuni untuk Pusat ini akan dipilih daripada gulungan kanak-kanak dan orang-orang muda yang akan boleh mendapat faedah daripada pelajaran dan latihan vokesyenal yang akan disediakan di Pusat tersebut. Lain-lain kemudahan yang akan disediakan di Pusat ini termasuk kerja kes dan perkhidmatan-perkhidmatan perubatan. Segala kemudahan-kemudahan di Pusat ini digembelingkan supaya seorang cacat akal itu akan dapat berdikari.

Perlaksanaan bagi Rumah Kanak-kanak Jubili dan Pusat bagi Orang-orang Cacat Akal dan Cacat Anggota yang teruk adalah seperti berikut:

1. *Penasihatan dan Bimbingan*

Untuk memberi nasihat dan bimbingan kepada penghuni-penghuni dalam soal menolong mereka mengatasi masaalah-masaalah emosi dan jiwa; dan untuk membentuk perangai dan tingkahlaku mereka supaya dapat menyesuaikan diri di masyarakat bebas. Perhatian secara teratur dan sistematik, interbiu-interbiu dan perbincangan-perbincangan mengenai masaalah-masaalah peribadi atau kelakuan perlulah dijalankan mengikut kaedah-kaedah kerja kes dan kerja berpasukan.

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
I. Rumah Kanak-kanak Jubili—			
(*a*) Bilangan jam minima bagi penasihatan untuk seorang penghuni sebulan	1.5	2	2
(*b*) Bilangan jam bagi kerja berpasukan sebulan	6	10	10
(II) Pusat bagi Orang-orang Cacat Akal dan Cacat Anggota yang teruk—			
(*a*) Bilangan jam minima bagi penasihatan untuk seorang penghuni sebulan	—	2	2
(*b*) Bilangan jam bagi kerja berpasukan sebulan	—	10	10

2. *Pelajaran*

Untuk menggalakkan penghuni-penghuni mencapai keupayaan mental yang maksima, kemudahan-kemudahan diadakan bagi kelas-kelas dan bimbingan

pelajaran samada di dalam atau di luar yayasan. Perlaksanaannya adalah seperti berikut:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
I. Rumah Kanak-kanak Jubili—			
(*a*) Bilangan pergi ke sekolah di luar	13	10	10
(*b*) Bilangan kedatangan di kelas-kelas	26	40	40
(*c*) Bilangan menerima bimbingan pelajaran (tuition)	—	40	40
II. Pusat bagi Orang-orang Cacat Akal dan Cacat Anggota yang teruk—			
(*a*) Bilangan pergi ke sekolah di luar	—	—	—
(*b*) Bilangan kedatangan di kelas-kelas	—	40	40
(*c*) Bilangan menerima bimbingan pelajaran	—	35	45

3. *Latihan Vokesyenal*

Kementerian ini mengadakan kelas-kelas untuk memenuhi keperluan-keperluan penghuni-penghuni mengikut minat, kecenderungan dan kebolehan mereka untuk memupuk kemahiran, berdikari dan menggalakkan tabiat-tabiat bekerja yang baik bagi penghuni-penghuni yang boleh mendapat faedah daripada latihan seumpama itu.

Jenis-jenis Latihan	Bilangan Pelatih-pelatih		
	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
I. Rumah Kanak-kanak Jubili—			
(*a*) Kelas-kelas Masakan	—	12	12
(*b*) Pertukangan Tangan	12	6	6
(*c*) Jahitan	—	6	6
(*d*) Pertukangan Kayu	12	12	12
II. Pusat bagi Orang-orang Cacat Akal dan Cacat Anggota yang teruk—			
(*a*) Masakan	—	15	15
(*b*) Pertukangan Tangan	—	20	25
(*c*) Jahitan	—	20	25
(*d*) Pertukangan Kayu	—	20	25

4. *Rawatan Cara Kerja dan Diversional*

Untuk menyelenggara kerja-kerja dan tugas-tugas yang melibatkan penghuni-penghuni bagi memupak perasaan boleh menyumbang dan menambahkan penghargaan dirinya satu siri tugas-tugas yang mudah dan aktiviti-aktiviti mengenai kehidupan sehari-hari telah pun diujudkan. Pelaksanaannya adalah seperti berikut:

	Bilangan Peserta-peserta		
	Yang Sebenar Tahun 1973	Taunh 1974	Anggaran Tahun 1975
I. Rumah Kanak-kanak Jubili—			
(*a*) Diversional Therapy	15	70	70
(*b*) Aktiviti-aktiviti kehidupan sehari-hari	30	70	70
II. Pusat bagi Orang-orang Cacat Akal dan Cacat Anggota yang teruk—			
(*a*) Diversional Therapy	—	40	40
(*b*) Aktiviti-aktiviti kehidupan sehari-hari	—	35	35

5. *Latihan Moral dan Ugama*

Kemudahan-kemudahan diadakan bagi kelas-kelas ugama, pelajaran moral dan amal ibadat supaya menggalakkan pembangunan moral dan rohani untuk penghuni-penghuni.

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
I. Rumah Kanak-kanak Jubili—			
(*a*) Bilangan menghadiri latihan ugama	20	20	20
(*b*) Bilangan beramal ibadat ..	40	40	40
II. Pusat bagi Orang-orang Cacat Akal dan Cacat Anggota yang teruk—			
(*a*) Bilangan menghadiri latihan ugama	—	30	35
(*b*) Bilangan beramal ibadat ..	—	40	45

6. *Eksersais Gerak Badan dan Riadah*

Riadah yang boleh memainkan peranan penting untuk menyampaikan ilmu pengetahuan dan pergaulan bagi mereka-mereka yang cacat akal adalah juga terjamin. Permainan di sini ialah juga suatu jenis rawatan.

7. *Perbelanjaan Purata Tahunan, Pusat bagi Orang-orang Cacat Akal*

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun1975
I. Rumah Kanak-kanak Jubili—			
(*a*) Bilangan Penghuni tahun-tahun	142	150	150
(*b*) Perbelanjaan Purata Tahunan ..	$ 2,011	$ 2,107	$ 2,640
Jumlah Perbelanjaan ..	$ 285,605	$ 316,054	$ 396,031
II. Pusat bagi Orang-orang Cacat Akal dan Cacat Anggota yang teruk—			
(*a*) Bilangan Penghuni—tahun-tahun	—	37.5	100
(*b*) Perbelanjaan Purata Tahunan ..	—	$ 1,536	$ 3,340
Jumlah Perbelanjaan ..	$ —	$ 115,266	$ 334,097

(*c*) Bengel Terlindung

Menolong membina keupayaan kerja untuk mendapat pekerjaan luar dan mengadakan pekerjaan bergaji berpanjangan yang diperlukan oleh orang-orang cacat yang tertentu.

Bengkel Terlindung yang dirancangkan di bawah Rancangan Malaysia Kedua di Kelang dijangka akan siap dibina pada pertengahan kedua dalam tahun 1975. Bengkel ini akan memberi latihan semula dalam kemahiran vokesyenal dan pekerjaan kepada orang-orang cacat anggota yang terpilih dalam keadaan terlindung. Pertukangan kayu, pertukangan besi dan jahitan adalah pekerjaan-pekerjaan yang akan diutamakan. Bengkel ini akan mempunyai kemudahan-kemudahan untuk 100 orang cacat anggota dan tempat tinggal untuk 50 orang. Adalah dijangkakan ianya akan mengambil 50 orang pekerja dalam tahun 1975. Bengkel ini akan menerima pesanan-pesanan secara kontrek dan sub-kontrek dan pekerja-pekerja akan dibayar mengikut berapa barang-barang yang dihasilkan bagi membolehkan mereka menanggung diri sendiri dan keluarga mereka. Ini juga akan mengurangkan bebanan ke atas Kerajaan.

(*d*) Bantuan Kebajikan

Menggalakkan penyertaan masyarakat dan menentukan berkesannya pentadbiran pertubuhan kebajikan sukarela yang mengadakan perkhidmatan pemulihan.

Perbelanjaan Purata Tahunan, Bantuan Kebajikan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Bilangan pertububan-pertubuhan yang diberi bantuan	11	12	14
Jumlah Perbelanjaan ..	$107,388	$99,100	$102,000

(*e*) Pengurusan Aktiviti

Menjamin pelaksanaan dasar, pencapaian matlamat-matlamat perlaksanaan dan kemajuan ke arah objektif-objektif pemulihan.

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Jumlah Perbelanjaan, Pengurusan Aktiviti	$44,639	$44,920	$42,400

(v) *Perkhidmatan Pemulihan Akhlak*

Menyediakan ahli-ahli masyarakat yang terpincang supaya dapat menyesuaikan diri semula ke dalam masyarakat.

Penerangan

Aktiviti ini adalah dibahagikan kepada enam bahagian iaitu:

(*a*) Sekolah Akhlak;
(*b*) Rumah Tahanan Sementara/Asrama Akhlak;
(*c*) Pusat Perlindungan Wanita dan Gadis;
(*d*) Pusat Pemulihan Pengemis dan Kuturayau;
(*e*) Bantuan Kebajikan; dan
(*f*) Pengurusan Aktiviti.

(*a*) Sekolah Akhlak

Untuk membolehkan pesalah budak-budak yang diletakkan di bawah jagaan, bila dibebaskan dapat hidup berguna, dengan cara pembentukan peribadi, kebolehan dan perasaan bertanggungjawab.

Sekolah-sekolah Akhlak disediakan bagi menahan, melatih memberi pelajaran dan pemulihan kepada pesalah budak-budak dan mereka yang diperintah oleh Mahkamah Budak-budak kerana memerlukan jagaan dan perlindungan atau tidak terkawal oleh ibu-bapanya. Latihan pemulihan adalah berdasarkan kepada prinsip mengadakan latihan sebagai menggantikan didikan famili yang akan memboleh-kan mereka ini menyesuaikan diri melalui contoh tauladan, pengajaran disiplin dan peluang-peluang bagi kemajuan.

Dengan perluasan kuatkuasa Akta Budak Laki-laki, 1947 ke negeri Sabah, maka adalah menjadi mustahak ditubuhkan dengan segera sebuah Sekolah Akhlak di Kota Kinabalu. Untuk memulakannya, sebahagian daripada Asrama Kota Kinabalu, Sabah telah diubahsuaikan bagi maksud ini untuk menempatkan seramai 12 orang budak laki-laki untuk 6 bulan pada tahun 1975. Sekolah Akhlak di Jerantut, Pahang akan memulakan pentadbirannya untuk 9 bulan pada tahun 1975. Oleh yang demikian dengan adanya 6 buah Sekolah Ahklak, bilangan maksima penghuni akan bertambah kepada 662 orang budak laki-laki dan 120 budak perempuan. Dari segi perkiraan penghuni yang akan ditempatkan di Sekolah-sekolah tersebut adalah dianggarkan bilangannya akan bertambah dari 505 dalam tahun 1974 kepada 586 dalam tahun 1975.

Di bawah ini ditunjukkan pencapaian kerja di Sekolah Akhlak mengikut petunjuk-petunjuk yang telah dipilih.

1. *Penasihatan dan Bimbingan*

Ini adalah aspek yang terpenting bagi pemulihan pesalah budak-budak. Menerusi proses kerja kes sosial dan kerja kumpulan, pesalah budak-budak diberi pertolongan untuk mengatasi kegelisahan dan kerunsingan diri bagi membentuk peribadi yang baik. Tempoh yang ditumpukan bagi penasihatan:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(*a*) Jam minima bagi penasihatan seorang sebulan	3	4	3.3
(*b*) Bilangan jam bagi Kerja Kelumpuk sebulan	20	20	22

2. *Pelajaran*

Pelajaran formal yang disediakan di Sekolah Akhlak ialah sehingga peringkat Sekolah Rendah dalam Bahasa Malaysia, sementara mereka yang boleh mengikuti pelajaran yang lebih tinggi dihantar ke sekolah-sekolah biasa di luar yayasan. Bilangan murid yang menghadiri sekolah-sekolah luar dan mereka yang menerima pelajaran di dalam Sekolah Akhlak adalah seperti berikut:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(*a*) Bilangan menghadiri Sekolah luar ..	20	47	44
(*b*) Bilangan menghadiri kelas	358	500	500
(*c*) Bilangan menerima kelas bimbingan..	20	47	44

3. *Latihan Vokesyenal*

Latihan vokesyenal dibentuk bukan saja untuk mengajar kemahiran-kemahiran tertentu bahkan bagi menolong budak-budak membina sikap bertanggungjawab terhadap pekerjaan. Latihan seperti ini memberi peluang yang lebih bagi budak-budak mencari pekerjaan setelah dibebaskan dan membolehkan mereka menjaga kehormatan diri serta menjadi ahli masyarakat yang berguna.

Pelbagai latihan vokesyenal yang disediakan di Sekolah Akhlak ialah:

Jenis Latihan	Bilangan Pelatih		
	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(*a*) Tukang Kayu	204	130	134
(*b*) Moto Mekanik..	36	60	60
(*c*) Jahitan	110	80	110
(*d*) Pertanian	88	70	80
(*e*) Anyaman Bakul	77	20	15
(*f*) Pertukangan Tangan	219	547	119
(*g*) Kerinting Rambut	—	20	20
(*h*) Sulam-menyulam	10	15	15
(*i*) Dobi	—	15	15
(*j*) Masak-memasak	52	20	30

4. *Latihan Akhlak dan Ugama*

Kemerosotan pengajaran dan amalan ugama ialah satu faktur besar yang mengakibatkan kejenayahan. Pelajaran ugama dan akhlak diberi sejajar dengan

kepercayaan ugama yang dianuti oleh seseorang budak. Tiap-tiap sekolah mempunyai surau atau bilik khas untuk penghuni bersembahyang dan menerima pelajaran ugama. Bilangan murid menghadiri latihan tersebut ialah:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Bilangan yang menghadiri kelas ugama ..	510	505	616

5. *Latihan Jasmani dan Permainan*

Permainan adalah sebahagian daripada rancangan pemulihan yang perlu bagi mengajar budak-budak menggunakan masa lapang mereka dengan berguna. Rancangan permainan melibatkan peserta-peserta secara sukarela dengan mengelakkan paksaan; di mana peserta-peserta membuat rancangan mereka sendiri bagi mendapat kemahiran di dalam permainan dan dengan ini meluaskan lagi minat serta pergaulan mereka.

6. *Belanja Purata Tahunan Sekolah Akhlak*

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(*a*) Bilangan murid-tahun-tahun	463	505	586
(*b*) Belanja yunit purata tahunan ..	$2,496.59	$2,865.28	$2,906.73
Jumlah Perbelanjaan Sekolah Akhlak	$1,155,922	$1,446,970	$1,703,344

(*b*) Rumah Tahanan Sementara/Asrama Akhlak

Menjamin tahanan sementara dan didikan semula bagi pesalah budak-budak.

Yayasan-yayasan ini mengadakan kemudahan untuk budak-budak tahanan sementara sewaktu menunggu perbicaraan kes mereka. Semasa ditahan, budak-budak ini adalah di dalam perhatian dan lapuran dibuat terhadap peribadi, kelakuan dan riwayat sosial bagi dimasukkan ke dalam Lapuran Pegawai Akhlak yang disediakan untuk Mahkamah supaya Mahkamah boleh menimbangkan rawatan pemulihan yang seelok-eloknya.

Di Asrama-asrama ini kemudahan juga disediakan untuk menjaga, melatih dan memberi pelajaran kepada budak-budak di bawah Cubaan Akhlak dengan kediaman bersyarat. Semasa berada di Asrama, mereka digalak menyambungkan pelajaran atau mencari kerja di luar. Ada dua gulungan budak-budak lagi yang tinggal di Asrama, iaitu mereka yang di dalam pemindahan ke Sekolah Akhlak, dan yang telah diletak di bawah Cubaan Lesen atau Seliaan Lanjutan sehingga tamat pemulihan. Rumah Tahanan/Asrama ada 9 buah, iaitu 8 buah untuk budak lelaki dan sebuah untuk budak-budak perempuan. Jumlah yang boleh dijaga ialah 235 budak lelaki dan 30 orang perempuan. Di bawah ini ditunjukkan beban-kerja bagi aspek-aspek yang terpenting di Rumah Tahanan/Asrama Akhlak:

1. *Penasihatan dan Bimbingan*

Sebagaimana di Sekolah-sekolah Akhlak aspek pemulihan yang terpenting ialah untuk mencapai matlamat-matlamat bagi menyesuaikan budak-budak pesalah kepada norma-norma masyarakat. Penasihatan dan bimbingan adalah proses berpanjangan yang dilaksanakan secara individu dan berkelumpuk. Masa yang ditumpukan terhadap penasihatan adalah seperti berikut:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(*a*) Jam minima bagi penasihatan untuk seorang murid sebulan	3	4	5
(*b*) Bilangan jam bagi Kerja Kelumpuk sebulan	8	8	8

2. *Pelajaran*

Seboleh-bolehnya budak-budak cubaan akhlak yang tinggal di Rumah/Asrama dihantar ke sekolah biasa untuk menyambungkan pelajaran. Mereka yang tidak boleh bersekolah di luar diberi pelajaran rendah asas. Bilangan murid yang menghadiri kelas pelajaran adalah seperti di bawah:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(*a*) Bilangan yang menghadiri sekolah luar	26	27	19
(*b*) Bilangan yang menghadiri kelas ..	167	176	176
(*c*) Bilangan yang menerima bimbingan..	26	27	19

3. *Latihan Vokesyenal*

Oleh kerana singkatnya tempoh tinggal di Rumah/Asrama (maksima 12 bulan) murid-murid tidak dapat diberi kursus jurusan dengan sepenuhnya. Latihan vokesyenal hanya ditumpukan kepada memperolehi kemahiran asas serta membina bakat dan minat. Latihan kemahiran adalah diberi seperti di bawah ini:

Jenis Latihan	Bilangan Pelatih		
	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(*a*) Pertanian	70	70	80
(*b*) Pertukangan Tangan	46	46	46
(*c*) Sulam-menyulam	5	5	5
(*d*) Masak-memasak	5	5	5

4. *Latihan Akhlak dan Ugama*

Tiap-tiap murid samada dia ditahan sementara atau diperintah tinggal selama satu tahun, diberi pengajaran ugama mengikut ugama yang dianutinya dan digalakkan mengamalkan ugama itu.

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(*a*) Bilangan menghadiri kelas ugama ..	194	193	203
(*b*) Bilangan yang mengamalkan ugama..	194	193	203

5. *Latihan Jasmani dan Rancangan Permainan*

Permainan adalah satu aspek yang terpenting di Rumah/Asrama kerana ianya memupuk perhubungan di antara satu dengan lain. Murid-murid juga diajar kemahiran asas dan digalakkan menyertai di dalam permainan dan aktiviti-aktiviti masa lapang yang lain.

6. *Belanja Purata Tahunan, Rumah Tahanan Sementara/Asrama Akhlak*

	Yaug Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahunl 975
(*a*) Bilangan murid—tahun-tahun ..	194	203	203
(*b*) Belanja yunit purata tahunan.. ..	$2,160.58	$3,097.06	$3,219.94
Jumlah Perbelanjaan Rumah Tahanan/ Asrama Akhlak	$419,152	$628,704	$653,648

(*c*) Rumah Perlindungan Wanita dan Gadis

Memajukan kemahiran vokesyenal dan mengujudkan sikap-sikap dan nilai-nilai yang sejajar dengan norma-norma sosial bagi wanita dan gadis yang terdedah kepada bahaya moral.

Pusat perlindungan disediakan untuk memulihkan wanita dan gadis yang telah diserahkan kepada jagaan Kementerian. Pusat-pusat perlindungan ini bukanlah sahaja bagi wanita dan gadis yang menjadi mangsa pelacuran bahkan juga bagi mereka yang terdedah kepada bahaya moral dan berkemungkinan akan menjadi mangsa pelacuran. Ketegasan diberi kepada pelajaran semula supaya mereka gemar bekerja untuk senang dapat mata pencarian dan perlindungan daripada berlakunya semula perkara yang tidak diingini itu. Perlindungan daripada bahaya suasana sekeliling juga diberi dan seberapa boleh pekerjaan yang sesuai juga dicarikan.

Pusat Perlindungan Wanita dan Gadis, Batu Gajah Perak, yang boleh menempatkan seramai 200 orang gadis adalah dijangka memulakan pentadbirannya untuk tiga bulan bagi tahun 1975. Sebuah lagi di Rembau akan juga memulakan pentadbirannya untuk tiga bulan pada tahun 1975. Dengan siapnya kedua-dua buah pusat yang baru ini, kita akan mempunyai tempat maksima untuk seramai 530 orang gadis. Jumlah penempatan penghuni akan dijangka bertambah daripada 153 orang gadis pada tahun 1974 kepada 163 dalam tahun 1975.

Di bawah ini ditunjukkan beban-kerja di pusat-pusat ini mengikut pertunjuk yang telah dipilih:

1. *Penasihatan dan Bimbingan*

Menerusi penasihatan secara intensif penghuni-penghuni diberi pertolongan untuk menyesuaikan kelakuan mengikut norma-norma budaya yang lazim diambilkan. Menerusi kerja kelumpuk dan penasihatan gadis-gadis juga diberi pertolongan bagi mengatasi perasaan kegelisahan dan kerunsingan yang mendalam supaya dapat menyesuaikan diri mengikut kehendak masyarakat. Bilangan jam yang ditumpukan bagi penasihatan ialah:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun1975
(*a*) Jam minima bagi penasihatan tiap-tiap penghuni sebulan	25	4	3.3
(*b*) Bilangan jam bagi kerja Kelumpuk sebulan	23.5	20	22

2. *Pelajaran*

Sungguhpun gadis-gadis dibenarkan menghadiri sekolah luar tetapi bagi keselamatan dan beberapa sebab yang lain, sejumlah kecil sahaja dibenarkan berbuat demikian. Bagi mereka yang tidak dapat hadir sekolah luar, pelajaran dewasa diadakan. Anggaran bilangan yang menerima pelajaran:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun1975
(*a*) Bilangan yang menghadiri sekolah luar	1	4	—
(*b*) Bilangan yang menghadiri kelas ..	127	156	280
(*c*) Bilangan yang menerima bimbingan..	1	4	—

3. *Latihan Vokesyenal*

Latihan vokesyenal yang diberi menitikberatkan gadis-gadis cenderung kepada pekerjaan supaya senang mencari nafkah hidup dan berdikari. Latihan yang diberi dan bilangan yang mengikutinya adalah seperti berikut:

Jenis Latihan	Bilangan Pelatih		
	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun1975
(*a*) Jahitan	70	45	70
(*b*) Pertukangan Tangan	116	160	310
(*c*) Kerinting Rambut	40	30	67
(*d*) Sulam-menyulam	30	30	65
(*e*) Dobi	67	30	48
(*f*) Masak-memasak	130	30	47

4. *Akhlak dan Latihan Ugama*

Pengajaran Akhlak dan Ugama serta kemudahan untuk mengamalkan ugama mengikut umur, kebolehan dan kecenderungan beribadat adalah diberi kepada tiap-tiap gadis. Kemudahan yang berasingan juga diadakan bagi gadis-gadis menunaikan sembahyang dan menerima pengajaran ugama tiap-tiap hari.

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun1974	Anggaran Tahun 1975
Bilangan yang menghadiri kelas ugama ..	286	160	310

5. *Latihan Jasmani dan Permainan*

Untuk menyubur kesihatan rohani dan jasmani penghuni-penghuni, rancangan pemulihan menitikberatkan latihan jasmani dan aktiviti-aktiviti permainan. Menerusi aktiviti-aktiviti tersebut kesihatan adalah terpelihara dan pergaulan diluaskan. Penghuni-penghuni digalakkan untuk merancang dan menyertai aktiviti-aktiviti sosial yang boleh memupuk konsep kerjasama dan kejayaan.

6. *Belanja Purata Tahunan, Rumah Perlindungan Wanita dan Gadis*

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(*a*) Bilangan penghuni—tahun-tahun ..	116	153	163
(*b*) Belanja yunit purata tahunan.. ..	$2,249.35	$2,643.72	$3,017.79
Jumlah Belanja Rumah Perlindungan Wanita dan Gadis	$260,925	$ 404,490	$ 491,900

(*d*) Pusat Pemulihan Pengemis dan Kuturayau

Mengubahsuai kebolehan peribadi dan sikap-sikap yang akan membolehkan seseorang hidup berdikari.

Akta Pengemis, 1965 membekalkan jagaan, tahanan dan pemulihan kuturayau dan kawalan pengemis, untuk maksud ini Kementerian telah mengistiharkan sembilan (9) buah pusat dalam tahun 1965, lapan (8) daripadanya adalah Rumah Orang-orang Tua yang sedia ada dan satu buah lagi dibina khas untuk Pengemis dan Kuturayau. Pusat khas ini terletak di Mersing, Johor di mana bilangan penghuni akan bertambah daripada 320 kepada 400 orang dalam tahun 1975. Di bawah ini di tunjukkan beban-kerja mengenai Pusat di Mersing:

1. *Penasihatan dan Bimbingan*

Penasihatan dan bimbingan, terutamanya terhadap mereka yang muda dan sihat ditunjukkan supaya penghuni-penghuni dapat pekerjaan. Tiap-tiap penghuni menerima layanan menurut rancangan pemulihan yang disediakan. Di bawah ini ditunjukkan masa yang ditumpukan bagi penasihatan.

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(*a*) Minima jam penasihatan bagi seorang penghuni sebulan	2.5	2	1.5
(*b*) Bilangan jam bagi Kerja Kelumpuk sebulan	10	4	20

2. *Latihan Vokesyenal*

Pusat Pemulihan Pengemis dan Kuturayau mengadakan latihan supaya penghuni-penghuni memperolehi kemahiran, minat bekerja dan senang menyambut

peluang pekerjaan setelah dibebaskan kelak. Pengajaran yang diadakan adalah seperti di bawah ini:

Jenis Latihan	Bilangan Pelatih		
	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(*a*) Tukang Kayu	—	10	30
(*b*) Jahitan	—	10	20
(*c*) Pertanian	48	50	80
(*d*) Membuat Bakul/Kerja Rotan	65	63	63
(*e*) Ternakan	27	5	5
(*f*) Gunting Rambut	6	10	10
(*g*) Dobi	3	10	10

3. *Akhlak dan Latihan Ugama*

Pengajaran akhlak dan ugama yang diberi di pusat ini dibentuk untuk menolong pengemis-pengemis dan kuturayau menegakkan semula kehormatan dan marwah diri mereka. Kemudahan-kemudahan seperti bilik sembahyang dan surau untuk beribadat adalah disediakan.

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Bilangan yang menghadiri kelas ugama ..	286	320	390

4. *Latihan Jasmani dan Permainan*

Rancangan permainan di luar dan di dalam adalah diaturkan bagi mereka yang sihat dan yang tua supaya kesihatan jasmani mereka terjamin.

5. *Belanja Purata Tahunan, Pusat Pengemis dan Kuturayau*

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(*a*) Bilangan penghuni—tahun-tahun ..	287	320	390
(*b*) Belanja yunit purata tahunan ..	$ 796.47	$1,018.04	$1,132.43
Jumlah Perbelanjaan, Pusat Pengemis dan Kuturayau	$ 228,587	$ 325,774	$ 441,648

(*e*) Bantuan Kebajikan

Menggalakan penyertaan masyarakat dan menentukan berkesannya pentadbiran pertubuhan-pertubuhan kebajikan sukarela yang mengadakan perkhidmatan pemulihan akhlak.

Tugas utama rancangan ini ialah untuk membantu pertubuhan-pertubuhan sukarela yang melaksanakan perkhidmatan-perkidmatan pemulihan akhlak dan mengukuh serta meluaskan lagi aktiviti mereka supaya tercapai mutu pelaksanaan kerja kemasyarakatan yang minima. Bagi maksud ini Kementerian ini akan memberi bantuan kewangan dan teknikal bagi perkembangan pertubuhan-pertubuhan kebajikan sukarela yang mengadakan perkhidmatan pemulihan akhlak. Di bawah ini ditunjukkan pertubuhan-pertubuhan tersebut dan bantuan puratanya.

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Bilangan Pertubuhan-pertubuhan yang dibantu	2	3	3
Jumlah Belanja, Bantuan Kebajikan ..	$ 20,880	$ 16,800	$ 20,040

(f) Pengurusan Aktiviti

Menjamin pelaksanaan dasar, pencapaian matlamat-matlamat pelaksanaan dan kemajuan ke arah tercapai objektif-objektif Perkhidmatan Pemulihan Akhlak.

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Jumlah Perbelanjaan Pengurusan Aktiviti	$ 47,118	$ 55,744	$ 54,020

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	4,718,906	5,637,000	6,405,820
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	170,468	97,400	588,561
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..	96,563	142,100	137,679
	Jumlah Gaji ..	4,985,937	5,876,500	7,132,060
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	285,008	356,100	339,500
2200	Pengangkutan Barang-barang ..	9,688	20,500	14,800
2300	Kemudahan Perhubungan ..	65,245	69,200	72,600
2400	Api, Air dan Letrik dll.	188,135	220,900	236,000
2500	Sewa	99,338	117,100	117,400
2600	Perkhidmatan Pencetakan ..	7,083	11,300	10,500
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	2,618,517	3,111,000	4,658,205
2800	Perkhidmatan Pelbagai	396,365	653,200	493,395
3100	Perabut, Alatan-alatan dan Ternakan	99,356	154,300	164,050
3300	Pembinaan	68,567	83,100	43,060
4100	Pemberian, Subsidi dan Carum-carum	1,305,072	1,825,700	2,206,500
5500	Pelbagai	1,030	1,100	2,100
	Jumlah ..	10,129,341	12,500,000	15,490,170

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973	Bilangan	Pe runtukan Tahun 1974	Bilangan	Anggaran Tahun 1975
		$		$		$
(i) Perkhidmatan Am ..	89	629,284	86	666,190	85	756,490
(ii) Perkhidmatan Pencegahan	164	1,072,442	177	1,342,200	177	1,441,100
(iii) Perkhidmatan Keluarga dan Kanak-kanak ..	633	1,677,530	833	2,000,000	833	2,634,460
(iv) Perkhidmatan Pemulihan	123	420,837	227	517,100	227	700,000
(v) Perkhidmatan Pemulihan Akhlak	319	1,185,834	488	1,351,000	494	1,600,000
(vi) Jawatan-jawatan berpencen di Negeri-negeri ..	44	10	45	10	45	10
Jumlah ..	1,372	4,985,937	1,856	5,876,500	1,861	7,132,060

3. Anggaran Pembangunan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Aktiviti: Pentadbiran Am—Pengangkutan dan Perjalanan ..	22	500	500
(ii) Aktiviti: Perkhidmatan Keluarga dan Kanak-kanak—			
SEMENANJUNG MALAYSIA			
(*a*) Rumah Pesakit Melarat Pulau Pinang	44,421	27,648	10
(*b*) Rumah Pesakit Melarat Selangor	300,632	79,205	10
(*c*) Rumah Pesakit Melarat Johor ..	643,986	562,130	95,000
(*d*) Rumah Kakitangan, Pembaharuan, Pembaikan dan Tambahan kepada Pertubuhan-pertubuhan/Rumah yang ada ..	134,580	74,192	—
Jumlah Semenanjung Malaysia ..	1,123,619	743,175	95,020
SARAWAK			
(*e*) Rumah Orang-orang Tua Sibu	—	400,000	10
Jumlah Perkhidmatan Keluarga dan Kanak-kanak ..	1,123,619	1,143,175	95,030
(iii) Aktiviti: Perkhidmatan Pemulihan—			
(*a*) Woksyop Perlindungan Orang-orang Cacat, Selangor	—	200,000	604,700
(*b*) Pusat Orang-orang Cacat akal dan teruk kecacatan anggota ..	379,767	500,000	51,000
(*c*) Rumah Kakitangan, Pembaharuan, Pembaikan dan Tambahan kepada Pertubuhan-pertubuhan/Rumah yang ada ..	—	40,000	75,800
Jumlah Perkhidmatan Pemulihan ..	379,767	740,000	731,500
(iv) Aktiviti: Perkhidmatan Pemulihan Akhlak—			
SEMENANJUNG MALAYSIA			
(*a*) Sekolah Akhlak, Pahang ..	243,009	500,000	146,500
(*b*) Asrama/Rumah Tahanan, K. Trengganu	5,450	—	—
(*c*) Sekolah Laki-laki, Taiping ..	—	500,000	10
(*d*) Rumah Perlindungan Wanita-wanita, Perak	224	279,486	599,500
(*e*) Rumah Perlindungan Wanita-wanita, Negeri Sembilan ..	2,000	288,200	10
(*f*) Rumah Kakitangan, Pembaharuan, Pembaikan dan tambahan kepada Pertubuhan-pertubuhan/Rumah yang ada ..	781,002	325,645	—
Jumlah Semenanjung Malaysia ..	1,031,685	1,893,331	746,020

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
SABAH			
(*g*) Asrama/Rumah Tahanan Budak-budak, Kota Kinabalu ..	—	—	50,000
SARAWAK			
(*h*) Sekolah Akhlak, Kuching ..	22,195	10	—
Jumlah Perkhidmatan Pemulihan Akhlak ..	1,053,880	1,893,341	796,020
(v) Perbelanjaan yang tidak diduga (Rumah Kakitangan, Pembaharuan dan sebagainya)	—	118,000	—
Jumlah Kementerian Perkhidmatan Kebajikan Am ..	2,557,288	3,895,016	1,623,050

Kemajuan Kerja-kerja Pembinaan

Aktiviti: Pentadbiran Am

Pengangkutan dan Perjalanan: Peruntukan sebanyak $500 disediakan dalam tahun 1975 untuk membiayai perbelanjaan tuntutan perjalanan bagi pegawai-pegawai Jabatan Kerja Raya yang terlibat dalam kerja-kerja pembangunan.

Aktiviti: Perkhidmatan Keluarga dan Kanak-kanak

(i) *Rumah Pesakit Melarat, Johor:* Rumah ini dijangka akan siap dibina dan digunakan pada bulan Disember, 1974. Sejumlah $95,000 disediakan di dalam tahun 1975 untuk menemui bayaran pegangan wang pertaruhan dan juga pembelian alatan-alatan dan kelengkapan.

(ii) *Rumah Orang-orang Tua, Sibu:* Peruntukan tanda sebanyak $10 disediakan dalam tahun 1975. Kerajaan Negeri, Sarawak belum lagi memperolehi tanah yang sesuai untuk projek ini.

Aktiviti: Perkhidmatan Pemulihan

(i) *Woksyop Perlindungan Orang-orang Cacat, Selangor:* Tawaran untuk pembinaan Woksyop ini dijangka akan dipanggil pada akhir tahun 1974. Peruntukan sebanyak $604,700 disediakan dalam tahun 1975 untuk menampung perbelanjaan kerja-kerja pembinaan dan pembelian alatan-alatan dan kelengkapan.

(ii) *Pusat Orang-orang Cacat Akal dan yang Kecacatan Anggota Teruk, Johor:* Projek ini dijangka akan siap dibina pada bulan September 1974. Peruntukan sebanyak $51,000 disediakan dalam tahun 1975 untuk menemui bayaran tanggungan pembinaan.

(iii) *Rumah Kakitangan, Pembaharuan, Pembaikan dan Tambahan kepada Pertubuhan-pertubuhan/Rumah yang ada:* Peruntukan sebanyak $75,800 disediakan dalam tahun 1975 untuk pembinaan sebuah Woksyop di Pusat Pemulihan Orang-orang Cacat, Cheras.

Aktiviti: Perhkidmatan Pemulihan Akhlak

(i) *Sekolah Akhlak, Pahang:* Sekolah ini dijangka akan siap dibina pada bulan November 1974. Peruntukan sebanyak $146,500 disediakan dalam tahun 1975 untuk membayar wang pegangan dan pembelian alatan-alatan dan kelengkapan.

(ii) *Sekolah Laki-laki Taiping:* Peruntukan tanda sebanyak $10 disediakan dalam tahun 1975. Projek ini telah ditangguhkan sejajar dengan pelaksanaan langkah-langkah jimat-cermat untuk menghadkan perbelanjaan wang awam.

(iii) *Pusat Perlindungan Wanita-wanita, Perak:* Peruntukan sebanyak $599,500 disediakan dalam tahun 1975 menggambarkan jumlah perbelanjaan pembinaan dan pembelian alatan-alatan dan kelengkapan yang diperlukan bagi projek ini.

(iv) *Pusat Perlindungan Wanita-wanita, Negeri Sembilan:* Peruntukan tanda sebanyak $10 disediakan dalam tahun 1975 bagi projek ini. Pembiayaan projek ini telah ditangguhkan berikutan dengan pelaksanaan langkah-langkah jimat-cermat untuk menghadkan perbelanjaan wang awam.

(v) *Asrama/Rumah Tahanan Budak-budak, Kota Kinabalu, Sabah:* Berikutan dengan kuatkuasanya Akta Mahkamah Kanak-kanak di Sabah, adalah dicadangkan untuk memindahkan Asrama/Rumah Tahanan kepada sebuah Sekolah Akhlak. Peruntukan sebanyak $50,000 disediakan dalam tahun 1975 menunjukkan jumlah yang diperlukan untuk bayaran wang pegangan dan pembelian alatan-alatan dan kelengkapan.

4. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Belanja Mengurus—			
Semenanjung Malaysia	9,665,715	11,940,620	15,024,470
Sarawak	349,237	406,378	365,200
Sabah	114,389	153,002	160,500
Jumlah Belanja Mengurus ..	10,129,341	12,500,000	15,549,170
Belanja Pembangunan—			
Semenanjung Malaysia	2,535,093	3,495,006	11,573,040
Sarawak	22,195	400,010	100
Sabah	—	—	50,000
Jumlah Belanja Pembangunan ..	2,557,288	3,895,016	11,623,060
JUMLAH ..	12,686,629	16,395,016	17,711,230

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN KERJA RAYA

Kepala Bekalan 64	**$ 66,711,650**
Kepala Pembangunan 64 ...	**341,039,066**
Jumlah ...	**$407,750,716**

	Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975 ...	**$66,711,650**	**$341,039,066**	**$407,750,716**
Peruntukan 1974 ...	**61,605,300**	**306,996,040**	**368,601,340**
Perubahan ...	**+ $ 5,106,350**	**+ $ 34,043,026**	**+ $ 39,149,376**

1. Tujuan-tujuan

Kementerian ini adalah bertanggungjawab atas rancangan-rancangan Kerja Raya dan Pengangkutan. Perlu ditegaskan di sini Pengangkutan adalah meliputi Perlesenan, Rayuan dan Undang-undang Pengangkutan Jalan juga Keselamatan Jalanraya.

Dengan yang demikian tujuan-tujuan penubuhan Kementerian ini ialah:

(*a*) Sebagai ajensi pembinaan bangunan dan jalanraya, Kementerian ini adalah berfungsi atas dasar bagi melicinkan rancangan-rancangan pembangunan dan penyelenggaraan mengenai perkara-perkara yang berkaitan; dan

(*b*) Untuk mengendali dan membaiki pengangkutan penumpang dan barang-barang yang melalui jalanraya juga keselamatan yang ada hubungannya dengan jalan-raya.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran Am	4,758,061	5,356,000	6,158,590
(ii) Rekabentuk dan Penyenggaraan Jalan-jalan Raya, Jambatan-jambatan dan Padang-padang Terbang ..	17,894,618	21,567,400	22,214,000
(iii) Rekabentuk dan Penyenggaraan Bangunan-bangunan Kegunaan Am	6,654,788	6,714,700	6,605,700
(iv) Rekabentuk, Pengujian dan Penyenggaraan Kerja-kerja Bekalan Air ..	316,809	452,400	517,450
(v) Rekabentuk dan Penyeliaan Pembinaan Bangunan-bangunan Kegunaan Khas	3,294,586	5,378,600	6,357,360
(vi) Kegiatan-kegiatan Tambahan ..	17,212,085	22,136,200	24,715,100
(vii) Undang-undang dan Rayuan Pengangkutan jalan	—	—	25,350
(viii) Keselamatan Jalanraya	—	—	118,100
Jumlah ..	50,130,947	61,605,300	66,711,650

(i) *Pentadbiran Am*

Segala urusan mengenai Pengangkutan yang melibatkan Jalanraya juga Jabatan Kerja Raya adalah di bawah tanggungjawab Kementerian ini. Dengan yang demikian, kerja-kerja mengenai pentadbiran hal-hal urusan tadi adalah dikendalikan oleh Kementerian ini. Kementerian ini juga adalah bertanggungjawab bagi menjalankan segala implementasi dasar mengenai rancangan-rancangan pengangkutan dan kerja raya. Dengan tujuan ini, Kementerian ini dikehendaki memproses dan menguruskan implementasi kertas-kertas kabinet, pindaan-pindaan kepada undang-undang yang berkaitan dan mengawasi perkara-perkara kewangan untuk Jabatan-jabatan di bawah naungannya. Kementerian ini juga adalah dikehendaki berhubung dengan Kementerian lain, Kerajaan-kerajaan Negeri dan Luar Negeri berkenaan dengan implementasi projek-projek di bawah jagaannya dalam Rancangan Malaysia Kedua. Rancangan-rancangan latihan untuk kakitangan juga dijalankan oleh Kementerian ini.

Pengurusan 3 buah Rumah Tol iaitu Rumah Tol di Slim River, Muar dan Batu Pahat adalah juga di bawah jagaan Kementerian ini. Hasil pungutan dan belanja mengurus bagi ketiga-tiga rumah tol itu ialah:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Hasil	2,887,677	2,800,000	3,200,000
Belanja Mengurus	279,060	311,816	309,700

Kementerian ini juga adalah bertanggungjawab di atas pengurusan 9 buah Bangunan Kegunaan Sama Kerajaan Persekutuan yang terletak di seluruh Semenanjung Malaysia.

(ii) *Rekabentuk dan Penyenggaraan Jalan-jalan Raya, Jambatan-jambatan dan Padang-padang Terbang*

Selain daripada kajian ekonomi, rekabentuk, pembinaan dan penyenggaraan jalan-jalanraya, jambatan dan lapanganterbang di seluruh Semenanjung Malaysia, kegiatan ini juga bertanggungjawab terhadap penyenggaraan kerja-kerja laut termasuk rumah-rumah api dan jeti.

Hitungan batu beberapa jenis jalanraya yang diselenggarakan oleh kegiatan ini adalah seperti berikut:

	Sebenar 1973 (Hitungan Batu)	Anggaran 1973 (Hitungan Batu)
(1) Jalan Persekutuan	3,134	3,116
(2) Jalan-jalan masuk ke bangunan-bangunan Kerajaan Persekutuan	252.4	263.7
(3) Jalan-jalan masuk ke stesyen-stesyen V.H.F. ..	65	66.4

Tambahan pula kegiatan ini bertanggungjawab mengawasi kerja-kerja penyenggaraan lebihkurang 7,156 batu jalan-jalan negeri di Semenanjung Malaysia disebabkan pemberian-pemberian adalah dikeluarkan kepada Kerajaan Negeri iaitu dengan kadar $4,600 sebatu (kadar penyenggaraan).

Kegiatan ini juga adalah bertanggungjawab atas penyenggaraan lapangan-lapanganterbang Perdagangan seperti di Melaka, Subang, Ipoh, Pulau Pinang, Alor Star, Kuala Trengganu, Kota Bharu, Kuantan dan baru-baru ini lapanganterbang awam di Sinai. Di samping itu, sebanyak 24 lapanganterbang lain juga di bawah kelolaan kegiatan ini bagi pihak Kementerian Pertahanan. Kegiatan ini juga adalah terlibat di dalam penyenggaraan perkhidmatan Feri di seluruh Semenanjung Malaysia seperti feri-feri di Endau, Sabak, Jerantut, Sabak Bernam dan Kuala Selangor.

(iii) *Rekabentuk dan Penyenggaraan Bangunan-bangunan Kegunaan Am*

Kegiatan ini adalah untuk rekabentuk, pembinaan dan penyeliaan pembinaan bangunan-bangunan Kerajaan Persekutan yang baru dan juga menjalan kerja-kerja penyenggaraan atas bangunan-bangunan Kerajaan Persekutuan yang ada.

Dengan tekanan bagi membekalkan negara dengan keperluan-keperluan dasar fizikal dan kebudayaan bagi pembangunan negara ini, Jabatan Kerja Raya telah mengambil peranan membekal ruang pejabat yang sesuai bagi memberi keselesaan yang maksima dengan perbelanjaan yang minima. Kerja-kerja yang akan dijalankan pada tahun 1975 adalah seperti berikut:

(1) Kementerian Pengangkutan dan Kerja Raya juga Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya	$ 7,000,000
(2) Kompleks Penjara Pusat, Kajang	31,000,000
(3) Empat buah blok Pejabat 17 Tingkat Standard	30,000,000
(4) Bangunan Baru Pejabat 4 Tingkat bagi BSN	2,000,000
(5) Bangunan Pusat Asia untuk Pentadbiran Pembangunan ...	4,000,000
(6) Bangunan Ibu Pejabat Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar	3,700,000

(iv) *Rekabentuk, Pengujian dan Penyenggaraan Kerja-kerja Bekalan Air*

Tujuan-tujuan aktiviti ini termasuk

Penyelidikan dan merekabentuk Bekalan-bekalan Air, Skim-skim LKTP dan Jengka Tiga Segi dan pentadbiran kontrek-kontrek bagi pembinaan sekim-sekim sedemikian.

Menyediakan rujukan penentuan (terms of reference) dan taklimat-taklimat bagi lantikan pakar perunding-perunding bagi pelaksanaan skim bekalan air di Johor dan Pahang Tenggara dan mengkaji cadangan-cadangan dan rekabentuk-rekabentuk yang disediakan oleh pakar-pakar itu.

Aktiviti ini akan terus memberi nasihat di atas perkara-perkara mengenai bekalan-bekalan air kepada Jabatan Kerja Raya Negeri dan lain-lain Jabatan Kerajaan dan juga untuk meneliti rekabentuk-rekabentuk perkhidmatan bekalan air yang dibekalkan kepada jabatan-jabatan Kerajaan pada bila-bila masa dikehendaki. Aktiviti ini akan terus juga bertindak sebagai penasihat kepada pengeluar-pengeluar dan pembekal pengeluar barang-barang stor dan alat-alat yang digunakan dalam peruntukan bekalan air, di atas jenis dan kualiti barang-barang stor dan alat-alat tersebut yang akan dikeluarkan dan untuk menasihat dan memeriksa taraf kawalan mutu.

(v) *Rekabentuk dan Penyeliaan Pembinaan Bangunan-bangunan Kegunaan Khas*

Kegiatan ini adalah untuk membina dan menyenggarakan bangunan-bangunan Kegunaan Khas bagi pihak Kementerian-kementerian iaitu Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pertahanan.

(*a*) Cawangan Kerja kerja Pelajaran

Kegiatan ini adalah bertanggungjawab atas rekabentuk pembinaan, penyeliaan pembinaan dan penyenggaraan semua bangunan-bangunan pelajaran Kerajaan Persekutuan.

Kementerian Pelajaran Malaysia telah menyediakan satu rancangan berharga lebih kurang $230 juta untuk bangunan-bangunan pelajaran di bawah Rancangan di Semenanjung Malaysia. Jumlah perbelanjaan yang dikenakan oleh kegiatan ini bagi tahun 1973 ialah $55.8 juta termasuk $47.9 juta untuk projek-projek pembangunan dan $8.1 juta bagi kerja-kerja penyelenggaraan. Bilangan projek

yang telah disiapkan dalam tahun 1973 ialah 399. Dalam tahun 1974, anggaran perbelanjaan yang dijalankan ialah $57.5 juta untuk projek-projek pembangunan dan kerja-kerja penyelenggaraan. Adalah dijangkakan bahawa perbelanjaan sebanyak $60 juta akan dibelanjakan bagi tahun 1975.

Pelaksanaan yang dicapai oleh kegiatan ini adalah seperti berikut:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(1) Bilik-bilik Darjah	2,118	3,256	3,000
(2) Makmal-makmal Sains dan Makmal Sains Rumah Tangga	399	327	350
(3) Bengkel	72	63	60

(*b*) Cawangan Kerja-kerja Angkatan Bersenjata

	Peruntukan Diberi	Perbelanjaan
	$	$
(1) Penyenggaraan (Bangunan):		
1973—		
Semenanjung Malaysia	7,424,000	6,933,957
Sarawak dan Sabah		
1974—		
Semenanjung Malaysia	6,315,000	—
Sarawak dan Sabah		
1975—		
Semenanjung Malaysia	Anggaran diminta	13,000,000
Sarawak dan Sabah		
(2) Penyenggaraan (Letrik):		
1973	1,440,000	1,052,734
1974	11,000,000	—
1975	Anggaran diminta	1.4 juta
(3) Penyenggaraan (Jentera):		
1973	400,150	297,339
1974	595,000	—
1975	Anggaran diminta	1,000,000
(4) Kerja-kerja Membaiki dan kecil:		
1973	2,080,000	876,061
1974	2,000,000	—
1975	Anggaran diminta	5,000,000
(5) Pembinaan:		
1973	—	61,855,802
1974	—	73,782,101
1975	—	73,773,717

Kegiatan ini adalah bertanggungjawab untuk rekabentuk, pembinaan, penyelian, pembinaan dan penyenggaraan bangunan-bangunan serta kem-kem Angkatan Bersenjata di seluruh Malaysia.

(vi) *Kegiatan-kegiatan Tambahan*

Bagi menentukan bahawa tujuan-tujuan utama Jabatan Kerja Raya adalah dijalankan dengan cekapnya beberapa cawangan-cawangan khas telah diwujudkan di Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya dengan tujuan memberi perkhidmatan-perkhidmatan sokongan yang perlu untuk implementasi kerja-kerja pembinaan dan penyenggaraan.

Cawangan-cawangan Khas ini ialah:

(*a*) Cawangan Rekabentuk dan Penyelidikan;

(*b*) Cawangan Ukur Bahan;

(*c*) Cawangan Jentera;

(*d*) Cawangan Letrik; dan

(*e*) Cawangan Stor Persekutuan.

(*a*) Cawangan Rekabentuk dan Penyelidikan

Kegiatan ini adalah terlibat dalam rekabentuk jambatan, asas bangunan dan projek-projek kejuruteraan awam yang lain. Tambahanpula, ujian-ujian bahan pembinaan dan kejuruteraan juga dijalankan oleh kegiatan ini. Kegiatan ini juga adalah dikehendaki menjalankan penyiasatan dan ujian-ujian tanah sebelum kerja-kerja pembinaan dijalankan.

Beban-kerja untuk tahun 1975

Semasa tahun 1974, banyak beban-kerja telah diberi kepada pakar-pakar juru runding dan beberapa projek telah tidak dijalankan disebabkan kekurangan pekerja-pekerja mahir. Dengan penambahan pekerja-pekerja bagi tahun 1975 dijangka projek-projek yang ketinggalan itu akan dapat dijalankan.

(*b*) Cawangan Ukur Bahan

Kegiatan ini adalah untuk memberi perkhidmatan Ukur Bahan untuk beberapa projek pembinaan yang dijalankan oleh cawangan-cawangan lain. J.K.R. Cawangan ini juga adalah bertanggungjawab atas pendaftaran pemborong-pemborong dan juga pentadbiran am atas kontrek-kontrek yang diuruskan oleh J.K.R.

	Sebelum Kontrek	Selepas Kontrek	Am
(*a*) Pelaksanaan telah siap tahun 1973	23 buah kontrek bernilai $68,000,000	19 buah kontrek bernilai $41,453,000	1. Menentukan kontrek-kontrek 2. Meneliti dokumen-dokumen kontrek 3. Pendaftaran kontrek-kontrek
(*b*) Pelaksanaan dijangka dalam tahun 1974	20 buah kontrek bernilai $102,000,000	20 buah kontrek bernilai $40,000,000	1. Menentukan Kontrek-kontrek 2. Meneliti dokumen-dokumen kontrek 3. Pendaftaran kontrek-kontrek
(*c*) Kerja-kerja dijangka dalam tahun 1975	30 buah kontrek bernilai $100,000,000	18 buah kontrek bernilai $90,000,000	1. Menentukan Kontrek-kontrek 2. Meneliti dokumen-dokumen kontrek 3. Pendaftaran kontrek-kontrek

(*c*) Cawangan Jentera

Kegiatan ini adalah bertanggungjawab atas penyelenggaraan dan kerja-kerja membaiki loji-loji kenderaan dan alat perkakas mekenikal khasnya untuk J.K.R. dan juga Jabatan-jabatan yang lain.

Cawangan ini juga memberi perkhidmatan perunding atas segala perkara-perkara berkaitan dengan kejuruteraan mekenikal khasnya bagi J.K.R. dan juga bagi Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain. Kegiatan ini termasuk Woksyop Persekutuan yang menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan memperbaiki loji-loji, kenderaan-kenderaan dan alat perkakas mekenikal daripada J.K.R. dan Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain.

Keterangan	Pelaksanaan yang siap dalam tahun 1973	Beban-kerja dijangka tahun 1974	Kerja-kerja dijangka tahun 1974
(*a*) Keluaran Jentera Tanah yang siap dioverhaul (tidak termasuk mana-mana yang dibaiki)	103	120	140
(*b*) Keluaran kenderaan-kenderaan J.K.R. yang siap dioverhaul	73	110	150
(*c*) Keluaran lain-lain kenderaan Jabatan Kerajaan yang siap dioverhaul ..	45	60	70
(*d*) Keluaran injin-injin yang dibaiki semula	177	250	300
(*e*) Keluaran jentera-jentera tanah yang telah dibaiki kerana kerosakan-kerosakan kecil dan besar	40	50	50
(*f*) Keluaran kenderaan Jabatan Kerajaan (Membaiki kerosakan kecil dan besar)	1,482	1,500	1,600
(*g*) Keluaran track gear components' bagi jentera tanah	4,748	5,500	6,000
(*h*) Keluaran alat-alat M/Cs (Bulk Item only, excluding of the one-types) ..	5,097	Bergantung kepada pelanggan-pelanggan	

(*d*) Cawangan Letrik

Cawangan ini adalah bertanggungjawab atas segala kerja-kerja letrik berkaitan dengan kerja-kerja pembinaan yang dijalankan oleh cawangan-cawangan lain J.K.R. dan juga atas penyelenggaraan pemasangan-pemasangan letrik itu.

Kerja-kerja baru

Pelaksanaan pemasangan alat-alat letrik yang telah siap:

	1972	1973	1974	1975
(*a*) Bilangan projek-projek yang diterima ..	595	832	850 (dijangkakan)	880 (dijangka)
(*b*) Bilangan projek-projek yang dibawa kehadapan dari tahun-tahun lalu ..	321	368	437 (dijangkakan)	487 (dijangka)
Jumlah (a+b) ..	916	1200	1287	1367
(*c*) Bilangan projek-projek yang ditender ..	548 ($16.5 juta)	763 ($17.3 juta)	800 (dijangka)	810 (dijangka)

(i) Bilangan projek-projek yang ditender dalam tahun 1973 ialah 548 (Berjumlah $16.5 juta).

(ii) Bilangan projek-projek dijangka ditender dalam tahun 1974 ialah 800.

(iii) Anggaran kerja-kerja bagi tahun 1975 mengikut bilangan projek-projek ialah 810.

(*e*) Cawangan Stor Persekutuan

Kegiatan ini adalah untuk membuat urusan-urusan berkenaan dengan pembelian beberapa jenis barang-barang untuk kerja-kerja kejuruteraan am, bekalan air, kejuruteraan jentera, kerja-kerja letrik dan barang-barang stor am, untuk J.K.R. dan juga untuk Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain. "Turnover" kegiatan ini ialah lebih kurang $14.9 juta.

Stor Persekutuan J.K.R. terutamanya stor pusat adalah juga memainkan peranan "Feeder Stores" kepada negeri-negeri. Tambahan pula stor ini memberi bekalan secara langsung kepada daerah-daerah J.K.R. Selangor dan Pahang. Stor ini juga mengeluarkan bekalan stor-stor kegunaan am kepada beberapa jabatan Kerajaan di Semenanjung Malaysia.

Pada tahun 1973 sejumlah 50 kontrek yang bernilai $25.6 juta telah diuruskan dengan pembekal-pembekal tempatan dan punca-punca bekalan luar negeri untuk beberapa barang kejuruteraan dengan kegunaan am. Adalah dijangka bahawa pelaksanaan kerja-kerja pada tahun 1974 akan bertambah 20% daripada kerja-kerja tahun 1973 dan lebih kurang 10 hingga 15% dalam tahun 1975.

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	12,741,048	17,429,343	18,568,407
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	739,000	563,336	1,430,780
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..	323,081	555,141	577,833
	Jumlah Gaji ..	13,803,129	18,547,820	20,577,020
2100	Perjalanan dan Pengangkutan ..	373,140	475,600	541,900
2200	Pengangkutan Barang-barang ..	40,353	78,550	78,850
2300	Kemudahan Perhubungan ..	167,848	247,230	243,050
2400	Api, Air dan Letrik dll.	801,673	887,900	887,800
2500	Sewa	13,953	11,100	19,570
2600	Perkhidmatan Pencetakan.. ..	24,154	56,800	98,900
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	168,374	248,520	289,700
2800	Perkhidmatan Pelbagai	33,606,578	39,458,750	41,962,350
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	943,547	1,146,800	1,387,900
3200	Tanah-tanah	—	—	10
3300	Pembinaan	181,161	420,000	445,000
4100	Pemberian, Subsidi dan Carum-carum	7,037	26,230	29,600
5500	Pelbagai	—	—	150,000
	Jumlah ..	50,130,947	61,605,300	66,711,650

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974	Bilangan	Anggaran Tahun 1975
		$		$		$
(i) Pentadbiran Am	1,029	3,032,302	1,099	3,616,900	1,104	4,290,020
(ii) Rekabentuk dan Penyenggaraan Jalan-jalanraya, Jambatan-jambatan dan Padang-padang Terbang..	298	1,816,630	912	2,235,300	886	2,375,000
(iii) Rekabentuk dan Penyenggaraan Bangunan-bangunan Kegunaan Am ..	239	1,296,638	267	1,660,000	310	1,430,000
(iv) Rekabentuk, Pengujian dan Penyenggaraan Kerja-kerja Bekalan Air ..	67	304,662	67	436,030	67	500,000
(v) Rekabentuk dan Penyeliaan Pembinaan Bangunan-bangunan Kegunaan Khas	795	3,098,069	1,324	5,116,360	1,343	6,070,000
(vi) Kegiatan-kegiatan Tambahan	1,044	4,254,828	1,108	5,483,230	1,132	5,850,000
(vii) Undang-undang dan Rayuan Pengangkutan Jalan	—	—	—	—	4	22,100
(viii) Keselamatan Jalanraya	—	—	—	—	6	39,900
Jumlah ..	3,472	13,803,129	4,777	18,547,820	4,852	20,577.020

3. Anggaran Pembangunan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Jalanraya dan Jambatan-jambatan	120,177,861	174,669,783	210,924,769
(ii) Bekalan Air	29,460,003	59,895,100	67,052,652
(iii) Bangunan-bangunan Kerajaan (Selain daripada Perumahan)	13,223,665	44,344,672	42,224,442
(iv) Jentera-jentera Kerja Raya	13,223,120	11,650,010	15,892,203
(v) Perumahan Kerajaan	422,344	3,463,395	4,945,000
(vi) Tenaga	20,023,490	12,973,080	—
Jumlah ..	196,530,483	306,996,040	341,039,066

Kemajuan Kerja-kerja Pembinaan

JALAN-JALAN DAN JAMBATAN

Sebanyak $27,276 juta adalah diuntukkan dalam tahun 1974 bagi kerja-kerja memperbaiki jalan-jalan dan jambatan yang sedia ada. Antara kerja-kerja pembaikan jalan yang terbesar yang akan dijalankan ialah antara Johor Bahru dengan Sinai, antara Pelabuhan Klang ke Klang, Klang Utara "Straits Bye-pass", Johor Bahru Interchange, jambatan baru Klang dan Viaducts, bye-pass ke Tanjung Malim, Port Dickson, Kuantan dan Maran.

Satu kajian kemungkinan sedang dijalankan bagi jalan Kuala Lipis/Gua Musang/Kuala Krai, juga Kuala Lumpur/Petaling Jaya. Kerja-kerja rekabentuk bagi jalan Kuala Lumpur/Karak telahpun siap dan tender telahpun dipanggil bagi kerja-kerja peringkat I (sepanjang 17 batu) dan kerja-kerja ini dimulakan pada tahun 1974. Kerja-kerja memperbaiki jalan Kuala Lumpur-Seremban dan pembinaan "4-lane divided express-way" di antara Kuala Lumpur dengan Seremban berjalan terus pada tahun 1974.

Pada tahun 1973, kerja penyiapan ialah dilakukan seperti jambatan Idris Shah, Bota, Perak dan jambatan Sungai Golok, Kelantan. Kerja-kerja juga sedang diteruskan untuk menggantikan feri-feri seperti di Temerloh, Sabak, Endau, Bandar Bharu dan juga di Kuala Selangor. Kerja-kerja rekabentuk bagi menggantikan feri Jerantut juga adalah sedang dijalankan.

JALAN-JALAN DAN JAMBATAN-JAMBATAN—SABAH

Sejumlah $25,643,289 diuntukkan khas bagi jalan-jalan dan jambatan di Sabah. Dari jumlah ini sebanyak $23,000,000 adalah bagi kerja-kerja pembinaan jalan-jalanraya besar, projek-projek pembinaan dan kerja-kerja bagi permukaan Jalan Pantai Barat ke Ranau dan jalanraya Besar lain di Sabah akan dijalankan. Jalanraya Timur Barat dari Telupid ke Ranau telahpun disiapkan.

Selain daripada itu, kajian-kajian kemungkinan bagi 3 buah jalanraya termasuk kerja-kerja memperbaiki bahagian-bahagian jalan pantai barat, memperbaiki serta membina Jalan Kota Kinabalu-Ranau dan memperbaiki jalan Semporna-Kunak-Lahat Datu sedang dijalankan.

BANGUNAN-BANGUNAN PEJABAT KERAJAAN PERSEKUTUAN SABAH—PERUNTUKAN TAHUN 1974

Sejumlah $1,129,952 diperuntukkan bagi negeri Sabah bagi tahun 1974 untuk kegunaan bangunan-bangunan berikut:

(1) Rumah Persekutuan di Kota Kinabalu	529,652
(2) Cadangan Pejabat Pos Persekutuan di Kota Kinabalu	500,000
(3) Cadangan Bangunan-bangunan Kecil Persekutuan	50,000
(4) Kerja-kerja meminda dan membaharui bangunan-bangunan Kerajaan Persekutuan	50,000

Kerja-kerja mengambil tanah dari laut sedang dijalankan untuk bangunan Pejabat Pos di Kota Kinabalu, bagi bangunan-bangunan yang lain-lain, kerja pembinaan sedang dijalankan.

Jalan-jalan dan Jambatan-jambatan—Sarawak

Sejumlah $21,520,000 diperuntukkan bagi Negeri Sarawak khas bagi tujuan-tujuan ini pada tahun 1974. Ini termasuk $12,570,000 bagi pembinaan Jalan-jalanraya Baru, $6,700,000 bagi kerja-kerja memperbaiki lain-lain jalanraya besar, $200,000 bagi kerja-kerja penyiasatan jalanraya dan sebanyak $2,000,000 bagi kerja-kerja pembinaan jalan pembangunan. Bagi tahun 1972, jalan sepanjang 105 batu telahpun disiapkan sementara pada tahun 1973 pula sepanjang 115 batu telah disiapkan berbanding dengan target sepanjang 117 batu. Pembinaan jalan Kuching/Serian sepanjang 46 batu telahpun siap.

Jalan-jalan Pembangunan di Sarawak seperti Batu Kawa/Batu Lintang sepanjang 4 batu telahpun disiapkan tetapi bagi Jalan dan jambatan Tanjung Genting telahpun ditangguhkan dan peruntukan yang sepatutnya telah digunakan bagi pembinaan Jalan Rejong/Belawai.

PROGRAM PEMBINAAN JALAN

RANCANGAN MALAYSIA KEDUA, 1971-1975

(Target Panjang Jalan)

	Jumlah Batu Sebenar 1971-1973			Target Batu 1974-1975		
	1971	1972	1973	1974	1975	Jumlah
Klasifikasi bagi Jalan—						
Jalanraya (Trunk Road)	34	17	16	32	12	111
Jalan Pengantar (Feeder Road) ..	16	35	28	32	33	144
Pembaikan/Pembinaan semula serta pengelokan muka (surfacing)	22	30	44	41	63	200
Lain-lain	14	23	27	12	12	88
Jumlah ..	86	105	115	117	120	543

Anggaran Perbelanjaan $112.7 juta.

BANGUNAN-BANGUNAN PEJABAT KERAJAAN PERSEKUTUAN SARAWAK

Sejumlah $5,460,000 diuntukkan kepada Negeri Sarawak dalam tahun 1974 untuk kegunaan berikut:

(1) Cadangan Pejabat Baru Kerajaan Persekutuan di Kuching ... 3,000,000

(2) Cadangan Pejabat-pejabat Baru Kerajaan Persekutuan (luar kawasan) iaitu di Sibu, Miri dan Limbang 2,380,000

(3) Kerja-kerja meminda dan memperbaharui Bangunan-bangunan Kerajaan Persekutuan 80,000

LKTP DAN SKIM BEKALAN AIR JENGKA TIGA SEGI

Bekalan Air

Bagi tahun 1974, kemajuan sekim bekalan air adalah seperti berikut:

(*a*) Skim-skim LKTP

Dalam Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975) sebanyak 78 rancangan telah diprogramkan yang berharga $32 juta, dan buat masa ini telahpun dijalankan 45 daripadanya.

Kejayaan yang dicapai:

(i) 8 rancangan telah siap dengan bekalan air sementara;

(ii) 22 rancangan adalah dalam beberapa peringkat perancangan rekabentuk dan pembinaan;

(iii) Program pembinaan adalah di dalam jadual LKTP.

Buat masa ini, 3 sekim tetap telahpun siap dan 20 lagi adalah dalam tingkat-tingkat kepada penyiapan.

(*b*) Jengka Tiga Segi

1. 1971-1975 Rancangan Malaysia Kedua Peringkat II:

   (*a*) Jumlah rancangan adalah 15 buah;

   (*b*) Kejayaan masa ini ialah 11 rancangan yang dibekalkan dengan Bekalan air sementara, 2 rancangan di mana dibekalkan dengan bekalan air sementara dan dijangka siap pada bulan Disember, 1974. Walau bagaimanapun terdapat satu sekim yang belum siap di mana tanah-tanah di kawasan itu masih dibaiki. Satu sekim yang dibekalkan dengan bekalan air tetap telah juga disiapkan. Kontrek bagi bekalan, pemasangan dan kerja-kerja lain bagi bekalan air serantau untuk sekim No. 8 hingga 15 telah dipanggil dan kerja-kerja umum rekabentuk sedang berjalan sekarang.

II. Peringkat II:

   (*a*) Jumlah sekim ialah 8 (sekim No. 18 hingga 23);

   (*b*) Adalah diramalkan bahawa sebanyak 4 sekim dikehendaki dan akan dikerjakan dalam tahun 1975 dan kerja-kerja pembersihan di sekim No. 16 sedang berjalan.

Kemajuan Kuari

Di bawah Rancangan Malaysia Kedua, sebanyak $7.75 juta telah dipersetujui bagi pembangunan kuari. Bagi tahun 1974 sebanyak 2,600,000 diuntukan untuk tujuan ini.

Di bawah ini dinyatakan kerja-kerja yang sedang berjalan dan juga yang telah dicapai setakat 1974:

(*a*) Kerja-kerja sedang berjalan terus bagi kuari Pusat Bukit Jong, Trengganu. Sebanyak $170,000 telahpun dibelanjakan bagi kerja-kerja penyiapan kuari ini di mana kerja telah dijalankan semenjak Rancangan Malaysia Pertama.

(*b*) Kuari Pusat di Gemenchih Negeri Sembilan, hanya kerja-kerja pemasangan letrik sahaja yang belum siap dan dijangka siap pada bulan Oktober dan kuari ini akan mula berfungsi pada penghujung tahun 1974.

(*c*) Kuari Pusat yang baru di Bukit Lanjan Selangor. Proses kerja-kerja pengambilan tanah sedang berjalan untuk mendapatkan tanah seluas 23 ekar. Walau bagaimanapun, 15 ekar daripada tanah negeri itu akan hanya diperolehi pada tahun 1976. Kerja-kerja rekabentuk sedang berjalan dan adalah dijangka bahawa kos hingga tahun 1975 adalah sebanyak 3 juta dan tambahan sebanyak 1.5 juta akan dikehendaki bagi kerja-kerja penyiapan projek ini di mana akan berjalan di peringkat Rancangan Malaysia Ketiga.

(*d*) Kuari Pusat yang baharu di Kampung Awah, kerja-kerja penyelidikan siesmic telah dilakukan dan didapati adalah menguntungkan dibina kuari di situ. Tender bagi kerja-kerja pembinaan akan dipanggil pada bulan Disember 1974. Projek ini akan hanya siap pada 1976 atau permulaan tahun 1977.

Jentera-jentara Baru dan Kelengkapan

Peruntukan sebanyak $28,49 juta diberi di bawah Rancangan Malaysia Kedua bagi kerja-kerja mengganti 30% jentera J.K.R. yang lebih 10 tahun (dibeli sebelum tahun 1960). Di bawah kajian semula Rancangan Malaysia Kedua, tambahan sejumlah 4.91 juta telah dipersetujui bagi penjualan beberapa jentera yang lama-lama.

Kemajuan Woksyop

Dengan peruntukan sebanyak $533,660 di bawah Rancangan Malaysia Kedua, Woksyop-woksyop berikut telahpun diperbaiki ataupun dibina:

(i) Woksyop Daerah di Bukit Tengah, Province Wellesley;

(ii) Kedai memperbaiki jentera rengan bagi J.K.R. Selangor;

(iii) Bangunan Woksyop kuari Bukit Jong, Trengganu;

(iv) Kedai memperbaiki jentera rengan bagi J.K.R. Kelantan;

(v) Tambahan structure bagi kedai Woksyop Persekutuan;

(vi) Tambahan bagi Earth Moving Plant Shop J.K.R. Johor.

4. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Belanja Mengurus:			
Semenanjung Malaysia	47,797,484	58,121,300	63,101,650
Sarawak	1,837,787	2,774,000	2,850,000
Sabah	495,676	710,000	760,000
Belanja Pembangunan:			
Semenanjung Malaysia	145,557,499	227,310,069	246,737,742
Sarawak	21,366,358	43,613,010	48,880,314
Sabah	29,606,626	36,072,961	45,421,010
Jumlah Besar ..	246,661,430	368,601,340	407,750,716

PENGANGKUTAN JALAN

Kepala Bekalan 65	**$5,681,900**
Kepala Pembangunan 65 ...	**1,712,487**
Jumlah ...	**$7,394,387**

	Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975 ...	**$5,681,900**	**$1,712,487**	**$7,394,387**
Peruntukan 1974 ...	**5,159,200**	**1,100,000**	**6,259,200**
Perubahan ...	**+ $ 522,700**	**+ $ 612,487**	**+ $1,135,187**

1. Tujuan-tujuan

Tujuan-tujuan Jabatan Pengangkutan Jalan adalah seperti berikut:

(*a*) Mengawal penggunaan kereta-kereta bermotor dan pemandunya dengan satu cara yang dipersetujui ramai, supaya keselamatan di jalan-jalanraya akan lebih terjamin;

(*b*) Menentukan satu sistem yang baik dan berkesan bagi pengangkutan penumpang-penumpang dan barang-barang dagangan di jalan-jalanraya di negara ini; dan

(*c*) Memungut hasil-hasil Kerajaan dari pelesenan kereta-kereta bermotor dan pemandu-pemandunya.

Kegiatan dan perjalanan Jabatan ini adalah berdasarkan kepada Ordinan Lalulintas Jalan, 1958, dan dua puluh satu set Undang-undang dan Peraturan yang dibuat darinya. Di Sabah dan Sarawak tugas-tugas ini masih lagi dilaksanakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri masing-masing.

Anggaran-anggaran dibuat berdasarkan aktiviti-aktiviti berikut:

(i) Pentadbiran Am;
(ii) Pendaftaran dan Pelesenan Kereta-kereta Motor;
(iii) Pemeriksaan Kereta-kereta Motor;
(iv) Pengujian dan Pelesenan Pemandu-pemandu; dan
(v) Pelesenan Perniagaan.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran Am	1,396,128	1,531,415	1,484,740
(ii) Pendaftaran dan Pelesenan Kereta-kereta Motor	870,461	751,895	960,610
(iii) Pemeriksaan Kereta-kereta Motor ..	418,877	526,400	558,310
(iv) Pengujian dan Pelesenan Pemandu-pemandu	846,736	1,272,320	1,548,630
(v) Pelesenan Perdagangan	798,174	1,077,170	1,129,610
Jumlah ..	4,330,376	5,159,200	5,681,900

(i) *Pentadbiran Am*

Bertambahnya beban-kerja aktiviti-aktiviti lain, turut sama menambahkan beban aktiviti ini. Ini adalah kerana Pentadbiran Am memainkan peranan utama dalam menentukan kelicinan perkhidmatan Jabatan ini keseluruhannya. Dibandingkan dengan tahun 1974, terdapat kekurangan lebih kurang 3% pada belanja mengurus aktiviti ini bagi tahun 1975. Kekurangan tersebut disebabkan sebilangan dari tenaga-pekerja aktiviti ini dipindahkan ke aktiviti-aktiviti lain terutama, Pendaftaran dan Pelesenan Kereta-kereta Motor dan Pengujian dan Pelesenan Pemandu-pemandu.

(ii) *Pendaftaran dan Pelesenan Kereta-kereta Motor*

Jadual yang dipaparkan di bawah menunjukkan pembahagian beban-kerja aktiviti ini:

BEBAN-KERJA

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(*a*) Lesen Kereta-kereta Motor Dikeluarkan	1,480,718	1,670,000	2,000,000
(*b*) Tukar-Milik	482,398	550,000	630,000
(*c*) Fail Kenderaan Dipindahkan ..	112,194	114,000	117,000
(*d*) Pendaftaran Kereta-kereta Baru ..	112,820	150,000	220,000
(*e*) Pertanyaan-pertanyaan permohonan untuk bayaran balik, lesen-lesen dipinda dan butir-butir dan cabutan dikeluarkan	39,840	42,000	53,000
Jumlah Beban-Kerja ..	2,227,970	2,526,000	3,020,000
Harga Yunit Purata ..	$.39	$.30	$.32
Jumlah Harga Pelaksanaan ..	$870,461	$751,895	$960,610

Dibandingkan dengan angka tahun 1973, beban-kerja aktiviti ini dijangka akan bertambah lebih kurang 35% dalam tahun 1975. Walaupun harga yunit purata tahun 1975 meningkat 2 sen lebih tinggi dari harga yang dianggarkan bagi tahun 1974, namun faktor ini tidaklah bermakna bahawa kelicinan perkhidmatan aktiviti ini telah merosot tetapi, disebabkan peruntukan belanja mengurus yang dihadkan, tenaga-pekerja dari aktiviti-aktiviti lain terpaksa dipinjam untuk menolong membereskan kerja-kerja di aktiviti ini yang terus bertambah dengan pesatnya. Disebabkan kami belum begitu faham dengan Sistem Program dan Prestasi, belanja mengurus aktiviti ini bagi tahun 1974 telah dianggarkan terkurang dari jumlah sepatutnya.

(iii) *Pemeriksaan Kereta-kereta Motor*

Tugas utama Penasihat Teknik ialah menasihatkan Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan tentang segala aspek reka-bentuk dan lain-lain faktor keselamatan kereta-kereta motor, terutama sekali kereta-kereta perdagangan yang digunakan di negeri ini. Untuk melaksanakan tujuan ini, Ordinan Lalulintas Jalan, 1958 mensyaratkan semua kereta-kereta perdagangan sebelum digunakan di jalan-jalanraya, dikehendaki terlebih dahulu menjalani pemeriksaan "pertama" dan selepas itu pemeriksaan biasa sekurang-kurangnya dua kali setahun—(tiap-tiap enam bulan sekali). Selain dari itu, pemeriksaan-pemeriksaan mengejut akan juga diadakan bagi menentukan semua kereta-kereta yang digunakan di jalan-jalanraya berada dalam keadaan yang sempurna. Pemeriksa-pemeriksa Kereta Jabatan

ini juga sering-kali diminta oleh pihak Polis untuk memeriksa kereta-kereta yang terlibat dalam kemalangan jalanraya. Apabila mereka menjalankan tugas begini, sering-kalilah pula mereka dikehendaki hadir di Mahkamah untuk menjadi saksi pihak Polis, walaupun setelah mereka ditukarkan ke stesyen lain.

BEBAN-KERJA

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(*a*) Bilangan Pemeriksaan	138,682	160,000	230,000
(*b*) Bilangan Kereta Ditambang	23,870	35,000	47,000
(*c*) Permohonan tukar injin dan tukar badan diselenggarakan	3,268	4,000	5,000
Jumlah Beban-kerja ..	165,820	199,000	282,000
Harga Yunit Purata ..	$2.53	$2.65	$1.98
Jumlah Harga Pelaksanaan ..	$418,877	$526,400	$558,310

(iv) *Pengujian dan Pelesenan Pemandu-pemandu*

BEBAN-KERJA

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(*a*) Jumlah Lesen Memandu Dikeluarkan	1,209,439	1,400,000	1,700,000
(*b*) Jumlah Lesen Memandu di "index"	—	800,000	1,700,000
(*c*) Permohonan untuk Ujian Memandu diselenggarakan	319,879	380,000	500,000
(*d*) Bilangan Ujian Memandu dijalankan	183,844	277,600	480,000
Jumlah Beban-Kerja ..	1,713,162	2,857,600	4,380,000
Harga Yunit Purata ..	$ .49	$ .45	$ .35
Jumlah Harga Pelaksanaan ..	$846,736	$1,272,320	$1,548,630

Sistem mengeluar dan membaharui lesen-lesen memandu dengan mesin telah mula dilaksanakan dalam bulan Mac, 1974 yang lalu. Kebaikan sistem ini ialah—ia akan dapat menggandakan jumlah beban-kerja aktiviti ini dalam jangka waktu yang singkat sahaja. Walaupun di peringkat permulaannya sistem ini menghadapi beberapa kerumitan, di antaranya disebabkan kekurangan tenaga-pekerja; sedangkan kakitangan-kakitangan yang mengendalikannya sekarang belum lagi begitu mahir dan cekap, namun berpandukan kepada perbezaan kekurangan harga yunit purata yang dianggarkan bagi tahun 1974 dan 1975 jelas membayangkan kebaikan sistem ini. Setelah kerumitan-kerumitan yang dialami dapat diatasi nanti, orang-ramai akan mendapat perkhidmatan yang lebih sempurna dan memuaskan.

Satu lagi masaalah berat yang sedang dihadapi oleh aktiviti ini ialah jumlah permintaan untuk ujian memandu yang diterima sangat banyak. Ini telah mengakibatkan kerja-kerja terbengkalai (backlog) yang terlampau banyak; dan, dalam keadaan yang ada sekarang kerja-kerja terbengkalai tersebut tidak mungkin dapat dibereskan kecuali, lebih ramai Penguji-penguji Drebar tambahan diambil bekerja. Sebagai langkah sementara, Pegawai-pegawai Penguatkuasa Jabatan ini telah diarahkan supaya menguji pemandu-pemandu agar dapat meringankan sedikit kerja-kerja terbengkalai yang terlampau banyak itu. Lebih kurang pertengahan tahun 1974 lalu, 22 jawatan Penguji Derebar tambahan telah diluluskan tetapi, mereka tidak dijangka akan dapat mula berkhidmat sehingga lewat bulan Ogos

ataupun September, 1974. Dengan tambahan tersebut sekalipun, adalah dijangka permintaan untuk ujian memandu masih lagi akan melebihi angka ujian memandu sebenar yang mampu dijalankan oleh jumlah Penguji-penguji Derebar yang ada sekarang.

(v) *Pelesenan Perdagangan*

Tiap-tiap permohonan untuk mendapatkan lesen perdagangan—(lesen-lesen lori, bas, teksi, kereta-sewa, dll)—terpaksa dikendalikan oleh Bahagian Pelesenan Perdagangan Jabatan ini terlebih dahulu sebelum dirujukkan untuk pertimbangan Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan yang memberikan keputusan muktamad samada sesuatu permohonan itu berjaya atau tidak. Lembaga tersebut bersidang di beberapa pusat di seluruh Semenanjung Malaysia untuk menimbangkan permohonan-permohonan tersebut di atas dan untuk menjatuhkan hukuman ke atas tuanpunya-tuanpunya lesen perdagangan yang didapati melanggar syarat-syarat lesen mereka. Dalam perbicaraan-perbicaraan yang dijalankan oleh Lembaga tersebut, kebanyakan pemohon dan tuanpunya lesen diwakili oleh Peguam-peguam mereka. Sesiapa jua yang merasa tidak puas-hati dengan keputusan Lembaga tersebut, bolehlah merayu kepada Y.B. Menteri Perhubungan.

Pegawai-pegawai Penguatkuasa Jabatan ini pula, menyiasat semua permohonan untuk mendapatkan lesen-lesen perdagangan. Tujuan menyiasat ini ialah untuk menjamin agar perusahaan pengangkutan di negara ini benar-benar mencapai matlamatnya. Mereka juga menyiasat aduan-aduan yang dibuat oleh orangramai terhadap sebarang kereta—samada kereta-kereta persendirian, lebih-lebih lagi kereta-kereta perdagangan. Kerap-kali dengan bantuan Pemeriksa-pemeriksa Kereta Jabatan ini dan pihak Polis, mereka mengadakan pemeriksaan-pemeriksaan mengejut untuk menentukan semua kereta di jalanraya mematuhi syarat-syarat lesen mereka dan mematuhi kehendak-kehendak sepertimana yang terkandung di dalam Ordinan Lalulintas Jalan, 1958. Dalam menjalankan tugas begini keraplah pula mereka terpaksa mendakwa tuanpunya-tuanpunya kereta yang bersalah, di Mahkamah.

BEBAN-KERJA

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
(*a*) Permohonan untuk mendapatkan Lesen Perdagangan dikendalikan ..	35,227	37,800	41,000
(*b*) Bilangan Lesen-lesen perdagangan ditulis	25,071	26,000	27,000
(*c*) Persidangan Lembaga Pelesenan dan temuduga dikelolakan	10,150	13,000	17,000
(*d*) Bilangan pendakwaan, amaran, penggantungan, pembatalan dan rayuan dikelolakan	3,989	6,500	10,000
Jumlah Beban-Kerja ..	74,437	83,300	95,000
Harga Yunit Purata ..	$ 10.72	$ 12.93	$ 11.89
Jumlah Harga Pelaksanaan ..	$798,174	$1,077,170	$1,129,610

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	3,650,239	4,221,100	4,577,000
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	91,355	217,000	261,100
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..	94,147	103,970	151,900
	Jumlah Gaji ..	3,835,741	4,542,070	4,990,000

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	229,417	280,000	320,000
2200	Pengangkutan Barang-barang ..	4,621	20,000	20,000
2300	Kemudahan Perhubungan ..	41,227	50,000	60,000
2400	Api, Air dan Letrik dll.	30,070	35,000	40,000
2500	Sewa	530	4,550	5,000
2600	Perkhidmatan Pencetakan ..	75,656	80,000	75,000
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	57,902	54,000	105,000
2800	Perkhidmatan Pelbagai	25,284	31,000	40,000
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	22,419	47,550	26,900
3300	Pembinaan	7,509	15,030	—
	Jumlah ..	4,330,376	5,159,200	5,681,900

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974 $	Bilangan	Anggaran Tahun 1975 $
(i) Pentadbiran Am ..	240	1,184,311	283	1,338,765	285	1,357,900
(ii) Pendaftaran dan Pelesenan Kereta-kereta Motor ..	237	823,507	179	684,925	179	874,500
(iii) Pemeriksaan Kereta-kereta Motor	65	383,487	79	448,100	79	432,200
(iv) Pengujian dan Pelesenan Pemandu-pemandu ..	183	796,183	220	1,174,510	238	1,352,000
(v) Pelesenan Perdagangan ..	138	648,253	181	895,770	181	973,400
Jumlah ..	863	3,835,741	942	4,542,070	962	4,990,000

3. Anggaran Pembangunan

Dahulu Anggaran Pembangunan bagi Jabatan Pengangkutan Jalan adalah di bawah Kepala P. 62 Kementerian Kerja Raya dan Tenaga. Peruntukan sebanyak $1,100,000 adalah diluluskan bagi tahun 1974 untuk Pejabat Baru, kemudahan-kemudahan Pemeriksaan dan Penimbangan.

4. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Belanja Mengurus	4,330,376	5,159,200	5,681,900
Belanja Pembangunan	1,149,411	1,100,000	1,712,487
Jumlah Besar ..	5,479,787	6,259,200	7,394,387

Kepala Bekalan 66	**$ 31,649,440**
Kepala Pembangunan 66 ...	**306,201,938**
Jumlah ...	**$337,851,378**

	Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975 ...	**$31,649,440**	**$306,201,938**	**$337,851,378**
Peruntukan 1974 ...	**26,838,855**	**230,166,214**	**257,005,069**
Perubahan ...	**+ $ 4,810,585**	**+ $ 76,035,724**	**+ $ 80,846,309**

1. Tujuan-tujuan

Tujuan-tujuan penting terhadap penubuhan Kementerian ini adalah seperti berikut:

(*a*) Untuk memperkenal dan menyelenggarakan sepenuhnya pelaksanaan Program Pembangunan Tanah Negara;

(*b*) Untuk menyelaraskan usaha-usaha intensif berkenaan dengan kemajuan dan pembangunan tanah oleh ajensi-ajensi pusat seperti, LKTP, LPPTN dan RISDA juga rancangan seumpamanya yang dijalankan oleh ajensi-ajensi seluruh Malaysia;

Ini akan dapat menentukan peluang-peluang pekerjaan yang lebih baik terhadap sektor-sektor luar bandar di samping memperbaiki dan menambahkan pendapatan petani-petani luar bandar.

(*c*) Untuk menentukan pelaksanaan polisi Badan-badan Berkanun seperti:

(i) Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan di dalam melaksanakan pembangunan dan penjagaan sepenuhnya skim-skim tanah; dan

(ii) Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara dalam usaha pemulihan skim-skim tanah yang akan diwujudkan di samping pembukaan tanah-tanah baru untuk kemajuan pertanian;

(*d*) Untuk menilaikan skim-skim tanah yang sedang di dalam proses pembukaan. Di samping itu tujuan besarnya ialah untuk mengetahui masaalah-masaalah dengan lebih menitikberatkan matlamat-matlamat sosial dan ekonomi Program "Kemajuan Tanah Negara";

(*e*) Untuk menentukan kecekapan optima terhadap pentadbiran ukur yang melibatkan juga ukuran yang sewajar sempadan-sempadan antarabangsa bagi tanah dan laut;

(*f*) Menentukan juga kecekapan optima pentadbiran tanah yang melibatkan:

(i) Penilaian terhadap undang-undang tanah yang dikuatkuasakan sekarang, polisi dan peraturan-peraturan yang menentukan penyelarasan matlamat-matlamat pembangunan sosial dan ekonomi negara;

(ii) Menasihatkan pegawai-pegawai tanah mengenai peraturan-peraturan yang kemaskini;

(iii) Memberikan latihan yang sewajarnya kepada pegawai-pegawai tanah melalui seminar-seminar kursus dan perbincangan;

(*g*) Menjalankan penyelidikan intensif:

(i) Untuk menentukan penggunaan dan pemilikan tanah untuk mendapatkan pendapatan yang lebih lumayan kepada petani-petani;

(ii) Terhadap cara-cara melaksanakan pembangunan tanah yang ianya dapat menentukan halangan maksima terhadap masaalah-masaalah keadaan iklim dan alam negara ini;

(iii) Dalam usaha memperkenalkan perubahan-perubahan pertanian dan bentuk penentuan sewaan; dan

(*h*) Untuk memberikan perkhidmatan dan kerjasama yang sepenuhnya kepada Majlis Tanah Negara;

(*i*) Menentu dan melaksanakan polisi integrated berhubung dengan keluaran, kegunaan dan memproses dengan cekap unsur-unsur utama melalui aktiviti ekonomi yang berikut:

(i) Perhutanan—seperti Dasar dan Pentadbiran, Pengurusan Sumber Hutan, Perancangan dan Perkembangan Perindustrian dan Penyelidikan Hutan;

(ii) Galian—seperti Pentadbiran dan Pengawalan Bijih Timah, Penguatkuasa Undang-undang dan Penyelidikan dan Penyiasatan;

(iii) Penyiasatan Kajibumi—seperti Pentadbiran Am, Penyiasatan Galian dan Kimiabumi.

(*j*) Melindungi tanam-tanaman daripada kerosakan oleh binatang-binatang liar dan melindung dan memelihara haiwan melalui pembangunan Taman Negara.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran Am	458,606	450,400	460,500
(ii) Ukur	14,850,146	15,080,140	17,316,600
(iii) Tanah Persekutuan	1,457,209	1,603,460	1,921,700
(iv) Perhutanan	3,168,863	3,666,935	4,605,940
(v) Galian	1,741,237	2,204,000	2,335,700
(vi) Penyiasatan Kajibumi	2,344,013	2,782,920	3,589,800
(vii) Mergasetua	342,116	1,051,000	1,419,200
Jumlah ..	24,362,190	26,838,855	31,649,440

Prestasi

(i) *Pentadbiran Am*

Kementerian ini telah ditubuhkan pada 1hb Januari, 1973 dengan mengadakan 2 buah Jabatan Persekutuan dan 2 buah Badan-badan Berkanun di bawah portfolionya. Jabatan-jabatan/Badan-badan Berkanun itu ialah Jabatan Ukur, Jabatan Tanah Persekutuan dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara. Ketua Setiausaha Kementerian adalah Ketua Eksekutif yang mempunyai keseluruhan tanggungjawab di dalam bidang-bidang pentadbiran dan kewangan. Di samping kerja-kerja pentadbiran yang dijalankan setiap hari, mesyuarat-mesyuarat juga diselenggarakan di Bilik Gerakan Kementerian ini.

Tanggungjawab besar Kementerian ini juga meliputi bidang-bidang pengurusan dan koordinasi kewangan terhadap bahagian-bahagian pelaksanaan (operating divisions) dan badan-badan berkanun untuk menjamin supaya dasar-dasar Kerajaan Persekutuan dilanjutkan dengan licin dan sempurna.

Pada pertengahan tahun 1974, satu yunit Penyelarasan dan Perancangan adalah ditubuhkan di Kementerian ini dengan tujuan untuk menyelaraskan kerja-kerja berkenaan dengan Reformasi Tanah. Di samping itu yunit ini juga menjalankan kerja bagi menilai rancangan tanah pinggir, rancangan tanah belia dan juga apa-apa rancangan berhubung dengan tanah.

Dalam bulan September, 1974, enam lagi jabatan/bahagian iaitu; Galian, Perhutanan, Penyiasatan Kajibumi, Mergasetua, Zoo Negara dan Taman Negara diletak di bawah kawalannya. Oleh itu dengan bertambahnya aktiviti-aktiviti dari berbagai-bagai jabatan dan bahagian sekarang di bawah Ibu Pejabat Kementerian yang bertanggungjawab untuk kakitangan kewangan dan pentadbiran akan terpaksa memikul tanggungjawab yang lebih berat berbanding dengan tahun yang lepas.

BEBAN-KERJA

Pentadbiran

Aktiviti ini melibatkan pengurusan pejabat dan kawalan kewangan. Ianya dengan jelas dinyatakan di bawah ini:

	1972	1973	1974	1975
(*a*) Jumlah jawatan	23	30		34
(*b*) Jumlah perubahan yang disediakan ..	85	145		260
(*c*) Penyenggaraan rekod perkhidmatan..	23	30		30
(*d*) Penyenggaraan fail-fail yang dibuku..	400	550		600
(*e*) Penyenggaraan fail-fail sulit	120	200		230
(*f*) Penyenggaraan fail-fail rahsia ..	40	70		96
(*g*) Penyenggaraan fail-fail peribadi ..	23	30		30
(*h*) Surat-surat yang diterima	3,600	5,000		8,000
(*i*) Surat-surat yang dihantar	2,500	3,300		4,800

Kewangan

Baucer-baucer dan waran-waran peruntukan:

	1973	1974	1975
(*a*) Jumlah baucer-baucer yang disediakan	260	570	900
(*b*) Jumlah pesanan tempatan—pesanan tempatan yang dikeluarkan	110	40	50
(*c*) Jumlah baucer-baucer penyelaras (Journal Voucher) yang disediakan ..	30	30	80
(*d*) Jumlah waran-waran peruntukan yang diluluskan	4	30	60

(ii) *Ukur*

(*a*) Pentadbiran Am

Ibu Pejabat Jabatan Ukur di Jalan Gurney, Kuala Lumpur, ialah pusat pentadbiran Jabatan Ukur, Semenanjung Malaysia, dengan Ketua Pengarah Ukur sebagai Ketua dan dibantu oleh Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan tiga Penolong Ketua Pengarah Ukur. Sebagai Pengarah Pemetaan Negara Malaysia pula, Ketua Pengarah Ukur ini dibantu oleh seorang Penolong Ketua Pengarah Ukur (Pemetaan Negara) (Awam) dan Penolong Pengarah Pemetaan Negara (Tentera). Penolong yang kedua itu dipinjamkan dari Kementerian Pertahanan adalah berkhidmat semata-mata sebagai pegawai hubungan dengan Angkatan Bersenjata.

Yunit Pentadbiran Ibu Pejabat adalah terbahagi kepada empat bahagian, iaitu Pejabat Am, Bahagian Kewangan, Bahagian Peperiksaan dan Bahagian Latihan.

Sokongan-sokongan untuk ukur-ukur Persekutuan di Sarawak adalah dahulunya dikirakan hampir 20% daripada perbelanjaan tahunan mengenai Jabatan Ukur dan Tanah Sarawak. Ianya dikira oleh Jabatan itu sendiri iaitu kerja-kerja yang dibuat oleh Ukur Rupabumi di Sarawak dalam tempoh beberapa tahun yang lepas berjumlah kepada lebih kurang 7% dari perbelanjaan tahunannya, dengan tambahan lebih kurang 12% dibelanjakan ke atas kerja pembangunan, iaitu pengukuran dan pembekalan peta-peta untuk beberapa projek-projek pembangunan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Sarawak memikirkan iaitu sumbangan Kerajaan Persekutuan bagi Jabatan Ukur dan Tanah Sarawak mestilah hanya pada kadar 7% sahaja, iaitu untuk kerja Rupabumi sahaja, bagi penggantian kadar yang dahulu sebanyak 20%. Berdasarkan atas kadar kekurangan 7% sumbangan-sumbangan yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan dari tahun 1964 hingga tahun 1967 berjumlah $3,888,952 ini menyebabkan kelebihan jumlah sebanyak $2,486,168 yang mana telah digunakan bagi mengganti (offset) sumbangan-sumbangan dikehendaki dalam tahun-tahun yang kemudiannya, butir-butirnya yang mana adalah seperti berikut:

Jumlah sumbangan-sumbangan dibuat dari tahun 1964 hingga tahun 1967	$3,888,952	
Kurang sumbangan-sumbangan sebenarnya dikehendaki ...	1,402,784	
Sumbangan-sumbangan yang berlebihan		$2,486,168
Kurang: Sumbangan-sumbangan bagi tahun-tahun berikut:		
1968	$373,026	
1969	420,819	
1970	431,506	
1971	454,650	
1972	691,511	
1973	748,650	
		3,120,162
Sumbangan kurang yang dijangka pada 1hb Januari, 1974		$ 633,994

Telah dianggarkan iaitu sejumlah $700,000 dikehendaki untuk sumbangan-sumbangan tahun 1974.

Bagi tahun 1975 sejumlah $750,000 telah diuntukkan bagi sumbangan tersebut.

(*b*) Ukur Tanah

Ukur Tanah atau Bahagian Kadasteral Jabatan ini adalah tanggungjawab Ketua Pengarah Ukur bagi menjalankan segala kerja-kerja yang bersangkutan dengan ukur tanah. Ketua Pengarah Ukur dibantu oleh seorang Penolong Ketua Pengarah Ukur (Utara) (yang mengandungi Negeri-negeri Pulau Pinang, Kedah/Perlis, Perak, Kelantan dan Trengganu) dan seorang Penolong Ketua Pengarah Ukur (Selatan) (yang mengandungi Negeri-negeri Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Pahang). Tiap-tiap negeri di Semenanjung Malaysia mempunyai seorang Pengarah Ukur kecuali Kedah dan Perlis yang mana adalah di bawah seorang Pengarah Ukur sahaja. Bahagian-bahagian Ukur ini bekerja rapat dengan Pejabat-pejabat Tanah, melalui Jurukur-jurukur Daerah yang bertanggungjawab tentang kerja-kerja ukur di daerah masing-masing.

Keseluruhan kerja ukur tanah adalah kerja-kerja yang bersangkutan dengan ukur hakmilik, tetapi sejumlah besar juga bersangkut dengan kerja ukuran tinjauan dan merancang susunan untuk rancangan-rancangan kemajuan luar bandar, mengemaskini peta-peta bandar dan negeri, jualan peta-peta dan peta-peta warta untuk Jabatan-jabatan lain, peta-peta pilihanraya, melatih Pegawai Penempatan dan Penyurih bagi Pejabat Tanah, menyemak kerjaluar dan plan-plan Jurukur Berlesen dan menyedia dan melukis semula geran-geran yang diminta oleh kuasa-kuasa yang mendaftar.

Aktiviti-aktiviti ukur tanah dan perbelanjaan untuk tahun 1973 bolehlah dipecahkan kepada 4 bahagian seperti berikut:

1. Ukur Hakmilik	$ 8,604,909
2. Kelulusan pelan-pelan Jurukur Berlesen	179,947
3. Ukur Khas	659,957
4. Belanja Pentadbiran dan Pengurusan	1,168,830
Jumlah ...	$10,613,643

(1) *Ukur Hakmilik*

Beban-kerja (Kiraan Lot):

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Kerja kebelakangan (Luar dan Pejabat)..	442,676	448,601	449,211
Kerja baru diterima dalam tahun.. ..	49,954	49,410	49,510
Kerja selesai dalam tahun	44,029	48,800	49,300
Kerja kebelakangan di akhir tahun ..	448,601	449,211	449,421

Ukuran purata lot yang diukur:

Kawasan tanaman	3-8 ekar
Kawasan kediaman	5,000-10,000 kaki persegi

Cerakinan kerja kebelakangan di akhir tahun 1973:

Kerja kebelakangan pejabat	227,794 lot	
Kerja kebelakangan kerjaluar	86,898 lot	
Menunggu penempatan oleh Pejabat Tanah	133,909 lot	(Kerja kebelakangan Pejabat Tanah)
	448,601 lot	

Sebagaimana yang dikehendaki keutamaan adalah sentiasa diberi kepada Rancangan Kemajuan Luar Bandar yang mana Jabatan ini bergerak mengendalikan dengan jayanya kerja-kerja luar akan tetapi kerja-kerja tunggakan di pejabat tidak akan berkurangan walaupun ada penambahan segera kakitangan pejabat. Setakat ini satu alat Komputer Letronik telah dipasang di mana dari segi pengeluaran dan perbelanjaan didapati lebih baik dalam pengeluaran dan kurang dalam perbelanjaan daripada penambahan kakitangan yang ramai dan ini bukan saja tidak praktik tetapi akan mengambil masa lebih dua tahun untuk mereka cukup-cukup terlatih bagi tujuan tersebut.

Masa yang dianggarkan untuk menyelesaikan satu yunit kerja (satu lot) ialah 10.18 tahun berdasarkan pada 448,601 lot kerja kebelakangan di akhir tahun 1973 dan 44,029 lot pengeluaran tahun tersebut.

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Kerja Selesai (Lot)	44,029	48,800	49,300
Harga Yunit Hitung Panjang	$ 222	$ 221	$ 223
Jumlah Belanja	9,793,236	10,800,000	11,000,000

Jumlah sebanyak $9,793,236 di bawah Hakmilik Ukur termasuk $19,497 yang ditambahkan kepada belanja Ukur Tanah Jabatan Ukur Bahagian Selangor. Jumlah ini adalah sebahagian daripada belanja peruntukan Penyelenggaraan Bangunan Jabatan-jabatan Kerajaan Jalan Gurney (Kegunaan Am) yang diuntukkan di bawah: Kepala B. 64—Kementerian Pengangkutan dan Kerja Raya.

(2) *Kelulusan mengenai plan-plan Jurukur Berlesen*

Jumlah Plan diluluskan	Jumlah Lot	Belanja menyemak tidak dituntut
856	10,804	$202,976

Kelulusan bagi plan-plan Jurukur Berlesen untuk Kerja Ukur hakmilik adalah dibuat di Jabatan Ukur mengikut Undang-undang Jurukur-jurukur Berlesen, 1958. Tugas ini termasuk menyemak buku kerjaluar, kertas-kertas kiraan dan plan yang diserahkan oleh Jurukur Berlesen tidak dikenakan bayaran.

(3) *Ukur-ukur Khas*

Ini termasuklah ukur-ukur yang penuh bagi peta-peta yang lengkap hingga sekarang, ukur-ukur tinjauan, ukur-ukur semula, dan kajian semula ukur-ukur, rekod-rekod jabatan yang lengkap hingga sekarang dan lain-lain kerja jabatan dan bukan berkenaan dengan harga-harga ukur hakmilik seperti susunan-susunan rancangan bagi rancangan pembangunan luar bandar, persediaan bagi peta-peta pilihan dan pelan-pelan yang diwartakan bagi lain-lain jabatan.

(4) *Hasil Mengukur Tanah bagi tahun 1973*

Pendapatan (1)	Jumlah dituntut sebagai hasil (2)
$3,853,738	$1,743,066

Perbezaan antara (1) dan (2) adalah disebabkan oleh mengukur percuma untuk tujuan-tujuan am, dan pengurangan bayaran ukur.

Bayaran ukur adalah dikutip oleh Pejabat Tanah dan dimasukkan ke Hasil Persekutuan bagi pihak Jabatan Ukur. Jabatan Ukur tidak membuat kutipan bayaran ukur ini, kecuali bayaran-bayaran daripada Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan.

(*c*) Pemetaan Negara (Malaysia)

Jabatanarah Pemetaan Negara Malaysia adalah bertanggungjawab menerbitkan peta-peta untuk kegunaan tentera dan awam di Malaysia. Ketua Pengarah Ukur ialah juga Pengarah Jabatanarah ini. Kewajipannya ialah untuk menasihatkan Kerajaan Malaysia tentang pemetaan dan menguatkuasakan polisi sebagaimana yang diarahkan oleh Kerajaan.

Jabatanarah ini bergerak di bawah 3 Cawangan, iaitu Cawangan Rupabumi, Cawangan Pelukis Peta dan Cawangan Fotolito, dan juga menyelenggarakan Stor Besar Peta dan Bahagian Jualan Peta.

Beban-kerja (Mengikut Batu Persegi/Ekar)

(1) *Pembaruan Pemetaan Asas*

Pembaruan memeta adalah persambungan terus-menerus kepada peta-peta yang lengkap hingga sekarang yang mana tidak dipakai lagi disebabkan faktor-faktor seperti kemajuan pembangunan dan perubahan-perubahan fizikal yang disebabkan oleh Perwakilan-perwakilan asli atau palsu.

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Kerja kebelakangan	26,517	26,448	21,160
Kawasan tambahan untuk dibarui ..	—	—	1,918
Kawasan dibarui dalam tahun	69	5,288	6,036
Kerja kebelakangan di akhir tahun ..	26,448	21,160	17,042

(2) *Pemetaan Besar (1:5,000 1:7,500 dan 1:10,000)*

PEMETAAN BANDAR DI DALAM SIRI-SIRI L. 905 DAN L. 808

	Yang Sebenar Tahun 1973 Ekar	Anggaran Tahun 1974 Ekar	Anggaran Tahun 1975 Ekar
Kerja kebelakangan	307,184	480,968	239,306
Kawasan tambahan untuk dipeta ..	200,520	—	200,521
Kawasan dipeta dalam tahun	26,736	241,662	160,416
Kerja kebelakangan di akhir tahun ..	480,968	239,306	279,411

(3) *Pemetaan Kemajuan (1:792 hingga 1:6,336)*

Pemetaan kemajuan termasuklah rancangan pemetaan sekil besar bagi Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, Jabatan Parit dan Taliair, TUDM, Subang Kompleks, dan lain-lain ajensi.

	Yang Sebenar Tahun 1973 Ekar	Anggaran Tahun 1974 Ekar	Anggaran Tahun 1975 Ekar
Kerja kebelakangan	159,634	110,530	92,024
Kawasan tambahan untuk dipeta ..	144,128	137,536	—
Kawasan dipeta dalam tahun	193,232	156,042	92,024
Kerja kebelakangan di akhir tahun ..	110,530	92,024	—

Hasil bagi Tahun 1973

Pendapatan	Jumlah yang didapati sebagai hasil
$621,954	$75,736

Perubahan sebanyak $546,218 adalah disebabkan oleh harga kerja jabatan yang dijalankan dalam tahun 1973. Jumlah yang didapati kembali sebagai hasil adalah dari kerja yang dilakukan bagi badan-badan Kerajaan yang lain dan dari penjualan peta-peta dan gambar-gambar udara.

(*d*) Bengkel Kelengkapan

Walau pun Bengkel Kelengkapan ini pada asasnya dibentuk untuk menyelenggara dan membaiki alat-alat kelengkapan ukur, alat-alat optik dan jitu yang lain untuk jabatan, tetapi juga adalah membuat kerja-kerja berbayar untuk Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain dan juga Syarikat-syarikat bersendirian.

Bengkel ini adalah diketuai oleh Penguasa Bengkel Kelengkapan yang juga menjadi Penyimpan Timbang dan Sukat, Semenanjung Malaysia.

Alat-alat utama yang dibaiki ialah tiodolait, alataras, kompas, mesin hitung, teropong kembar, teropong halus, alat bedah, rantai ukur, timbang dan sukat dan jam detik.

Jenis kerja yang dibuat adalah berbagai-bagai dari penyenggaraan, perbaik dan rambakrawat langsung hinggalah kepada tenukaran untuk pengakuan ketetapan bila dan mana dikehendaki.

Beban-kerja (*Mengikut butir-butiran*)

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Kerja kebelakangan	806	781	749
Kerja baru diterima dalam tahun ..	2,098	2,300	2,500
Kerja selesai dalam tahun	2,123	2,332	2,600
Kerja kebelakangan di akhir tahun ..	781	749	649

Cerakinan kerja kebelakangan di akhir tahun 1973:

Tiodolait	39
Alataras	15
Kompas perizam	129
Mesin Kira-kira	38
Teropong Jauh	10
Teropong Halus	7
Alat Pembedahan	22
Rantai Ukur	204
Lain-lain Alat	317
	781

Hasil bagi tahun 1973

Kerja Jabatan	$302,557
Kerja Jabatan-jabatan lain	39,175
Kerja Syarikat-syarikat Persendirian	6,810
JUMLAH ...	$348,542

(*e*) Khidmat Komputer

Semenjak tahun 1969, apabila terdirinya sistem Komputer Bahagian Komputer Letronik telah memproses lebih daripada 187,000 lot daripada data-data Kadastra yang diterima daripada semua negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.

Dalam tahun 1973, sistem Otomatic Plotter telah diadakan dan dengan ini memproses kerja kadastra telah maju setapak lagi ke hadapan. Bahagian ini sekarang melukis plan dengan cart otomatik daripada data-data hitungan lebih daripada 650 plan mengandungi lebih 8,000 lot telah dibuat dengan jayanya oleh sistem ini.

Selain daripada menjalankan kerja biasa Bahagian ini juga menyelenggarakan rekod-rekod kakitangan pejabat untuk kegunaan pentadbiran seperti menyediakan lapuran berkenaan kenaikan pangkat, pertukaran dan persaraan kakitangan.

(1) *Kadasteral*

Beban-kerja (mengikut Lot)

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Kerja kebelakangan	2,968	8,810	4,000
Lot diterima dalam tahun	38,185	45,000	50,000
Lot dihitung dalam tahun	32,343	49,810	51,000
Kerja kebelakangan di akhir tahun ..	8,810	4,000	3,000
Garisan diproses	295,706	350,000	400,000

(2) *Rekod Kakitangan*

Beban-kerja (mengikut rekod)

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Bilangan rekod	1,225*	1,500*	1,500*

(3) *FELDA Sekim Aerial Triangulation*

Beban-kerja (mengikut sekim)

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Bilangan sekim	20	24	30

(4) *Memplot Plan*

Beban-kerja (mengikut plan)

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
Bilangan plan-plan muktamad yang telah siap	189	500	800
Bilangan Lot yang terlibat	2,475	9,000	12,000
Bilangan garisan yang terlibat	12,280	30,000	35,000

(iii) *Tanah Persekutuan*

(*a*) Pentadbiran Am

Tugas penilaian bagi undang-undang, dasar dan peraturan-peraturan pentadbiran tanah adalah banyak kerana perlaksanaan bagi peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Kanun Tanah Negara masih dalam ujian dan kerana sebahagian daripada peruntukan-peruntukan itu menjadi tidak sesuai digunakan dan tidak secocok dengan kehendak-kehendak pembangunan ekonomi dan sosial. Oleh itu lawatan-lawatan ke Pejabat-pejabat Tanah di seluruh Negara dibuat bagi menyemak kemajuan mereka dan bagi memberi nasihat.

Seksyen Bahagian Pentadbiran Am ini juga menjalankan pentadbiran sehari-hari.

(*b*) Menyelenggarakan Tanah Persekutuan (Pendaftaran)

Seksyen Pendaftaran menyimpan rekod Tanah-tanah Hakmilik Persekutuan dan Tanah-tanah Simpanan Persekutuan. Di antara tugas-tugas Jabatan ini termasuklah juga mencegah salah guna tanah yang dipunyai oleh Kerajaan Persekutuan dan mengambil tindakan ke atas mereka-mereka yang mendudukinya secara haram.

Aktiviti ini juga bertanggungjawab menyimpan segala dokumen-dokumen mengenai rumah-rumah yang dibeli oleh Pegawai-pegawai dengan pinjaman Kerajaan.

(*c*) Rancangan Penyelesaian Tanah (Bantuan Terus kepada Kerajaan Negeri)

Rancangan Kelantan dan Perlis ditubuh untuk menjalankan tugas-tugas menentu dan menyelesaikan kepunyaan tanah dan selepas itu mengeluarkan surat-surat hakmilik kepada beribu-ribu petani yang menduduki tanah dengan tidak mempunyai surat hakmilik yang sah dari segi undang-undang.

Bilangan surat milik yang disediakan dalam tahun 1973 dan anggaran-anggaran bagi tahun 1974 dan 1975 adalah seperti berikut:

	Yang Sebenar 1973	Anggaran 1974	Anggaran 1975
(i) Rancangan Penyelesaian Tanah Negeri Kelantan	12,900	14,000	15,000
(ii) Rancangan Penyelesaian Tanah Negeri Perlis	7,500	8,000	9,500

(*d*) Pasukan Petugas

Oleh kerana banyaknya tunggakan kerja di beberapa Pejabat Tanah, satu Pasukan Petugas telah ditubuhkan untuk mengesan dan menilai bidang-bidang yang penuh masaalah dan kemudian memberi nasihat atas cara-cara bagi mengatasinya.

(*e*) Latihan

Rancangan-rancangan latihan jangka pendek dan jangka panjang yang bercorak arah kemajuan sedang disusun oleh Yunit Latihan untuk meninggikan mutu kecekapan dan kemahiran dalam pentadbiran tanah. Rancangan-rancangan ini akan dilaksanakan seberapa segera yang boleh dalam tahun 1974 dan 1975.

(*f*) Bahagian Pesaka Kecil

Satu Bahagian Pesaka Kecil telah ditubuhkan mulai 1hb Mac, 1974. Sebelas orang Pegawai Penyelesai Pesaka Kecil telah dilantik dan ditempatkan di Negeri-negeri ialah untuk membantu Pejabat-pejabat Tanah Negeri-negeri dalam kerja mengenai pembahagian pesaka kecil yang mana telah bertambah dengan banyaknya setelah dikuatkuasakan pindaan kepada Ordinan Pesaka Kecil (Pembahagian), 1955 yang menaikkan nilaian harta pesaka kecil dari $10,000 kepada $25,000.

(iv) *Perhutanan*

Aktiviti-aktiviti Jabatan Perhutanan, Semenanjung Malaysia telah dibahagikan kepada empat kumpulan iaitu (*a*) Dasar dan pentadbiran Perhutanan; (*b*) Pengurusan Sumber-sumber Hutan; (*c*) Perancangan dan Perkembangan Perindustrian; dan (*d*) Penyelidikan Perhutanan dan Pelajaran.

Prestasi

(*a*) Dasar dan Pentadbiran Perhutanan

Aktiviti-aktiviti termasuklah:

(1) Mengurus dan menyelaras keperluan kakitangan dan pentadbiran diperingkat Persekutuan dan Negeri;

(2) Mengadakan garispanduan dasar, nasihat dan bantuan teknik kepada Negeri-negeri;

(3) Menggalak dan menyelaras aktiviti pembangunan hutan;

(4) Mengadakan strateji pembangunan perindustrian hutan yang sempurna dengan bantuan Projek Pembangunan Perusahaan Hutan UNDP/SF;

(5) Menggalakkan penyertaan Bumiputra yang aktif dan berkesan dalam perindustrian kayu-kayu sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru;

(6) Memupuk pelajaran dan fahaman yang meluas di kalangan orang awam tentang kepentingan perhutanan dalam masyarakat dan pembangunan negara.

BEBAN-KERJA

	1973	1974	1975
Jumlah ekar hutan yang dibalak	820,000 ekar	820,000 ekar	820,000 ekar
Jumlah ekar hutan yang dibalak oleh Bumiputra	643,600 ekar	700,000 ekar	700,000 ekar
Jumlah bilangan kilang papan ..	486	486	490
Jumlah bilangan kilang papan-lapis dan veniar	31	33	35
Bilangan kilang Bumiputra ..	63	63	63
KAKITANGAN DAN LATIHAN			
Kakitangan ikhtisas/separa ikhtisas	239	337	440
Ikhtisas di seberang laut (ijazah asas)	12	7	10
Latihan seberang laut (dalam perkhidmatan)	16	6	8
Latihan dalam perkhidmatan (tempatan):			
(*a*) Ikhtisas	2	1	—
(*b*) Kakitangan rendah berpakaian seragam	90	90	90
Diploma (Kolej Perhutanan) ..	52	67	109

(*b*) Pengurusan Sumber-sumber Hutan

Aktiviti-aktivitinya termasuklah:

(1) Mengadakan data sumber hutan yang diperlukan untuk perancangan dan pengurusan hutan yang sempurna;

(2) Menyelaras aktiviti-aktiviti silvikalcar yang rasyenal yang dijalankan di negeri-negeri;

(3) Menggalakkan amalan perusahaan dan pengurusan yang sempurna di lapangan industri membalak dan memproses kayu.

BEBAN-KERJA

	1973		1974		1975	
	Banyak	Nilai $	Banyak	Nilai $	Banyak	Nilai $
1. PENGURUSAN SUMBER-SUMBER HUTAN:						
Pengeluaran Kayu Balak	6.4*	518†	6.8*	550†	6.8*	550†
Ekspot Kayu Balak	0.9*	10†	0.7*	8†	0.7*	8†
Pengeluaran Kayu Gergaji	2.7*	405†	3.0*	450†	3.0*	450†
Ekspot Kayu Gergaji	1.3*	483†	1.0*	450†	1.5*	550†
Pengeluaran Papan-lapis	750‡	190†	800‡	200†	800‡	200†
Ekspot Papanlapis	580‡	80†	600‡	85†	600‡	85†
Hasil Hutan	—	80†	—	85†	—	90†
Hasil Persekutuan (ekspot Kayu balak)	—	8.4†	—	6†	—	6†

* J.T. = Juta Tan † J = Juta ‡ J. Kp = Juta Kaki persegi

		1973 ekar	1974 ekar	1975 ekar
2.	PEMBANGUNAN SUMBER-SUMBER HUTAN:			
	Hutan yang dirawat	35,000	12,000	35,000
	Tanaman Mengaya	1,700	3,200	4,400
	Tanaman Pine	515	2,000	40,000
	Rawatan T1 dan T2	40,000	40,000	30,000
	Kerja Kebelakangan	20,000	30,000	30,000
	Inventori hutan	25,000	1,000,000	2,000,000

		1973	1974	1975
3.	KEJURUTERAAN HUTAN:			
	Bangunan ..	1 Kompleks Kolej Perhutanan	Reka bentok bangunan Makmal keluaran Hutan	Bangunan Makmal keluaran Hutan
		1 Pusat Rekreasi ..	1 rangka bentok Pejabat Ladang Pine Kemasul	Pusat Latihan membalak Perak
		1 Pejabat Renjer Hutan	Pusat Latihan Membalak Trengganu dan Perak	
		Pelan reka bentuk Pusat Latihan Membalak Trengganu		
	Rumah Kakitangan	16 yunit rumah Kelas, I.P.P.	4 kelas D dan 4 kelas E	Penyiapan rumah-rumah yang mula dibena dalam tahun 1974
		7 yunit kelas H ..	2 kelas F	
		1 Block rumah bujang	1 kelas G dan16 kelas H	
		2 buah BPJH		
		7 yunit kelas H		
		1 yunit kelas G		
	Penyelenggaraan rumah kakitangan	14 yunit rumah ..	10 yunit rumah ..	24 yunit rumah
	Jalan Hutan ..	— ..	Pelan kelarian 2 jalan ke Bukit Maxwell	Merancang dan mengukur jalan-jalan hutan
	Kerja Membalak	Penyediaan Lapuran Teknik "Logging and Log Transportation	1 lapuran "Salvage Logging" di Temenggor	Kajian Mendalam bidang membalak kayu

(*c*) Perancangan dan Perkembangan Perindastrian

Aktiviti-aktivitinya termasuklah:

(1) Menjamin penggunaan yang ekonomi bagi sumber-sumber hutan yang ada di semua peringkat;

(2) Menyelaras rancangan-rancangan negeri untuk pembangunan dan penggunaan maksima sumber-sumber hutan;

(3) Menggalakkan dengan sepenuhnya penggunaan sumber-sumber hutan melalui perkhidmatan dan nasihat teknik;

(4) Menjamin perkembangan yang sihat dalam bidang ekspot kayu melalui kawalan kualiti;

(5) Mengadakan kemudahan latihan kepada perusahaan dan perdagangan kayu;

(6) Menggalak, mengawal dan memberi nasihat atas pembinaan kilang-kilang perusahaan kayu.

BEBAN-KERJA

	1973	1974	1975
1. EKONOMI HUTAN:			
Kajian Ekonomi	Memberi nasihat teknik dan menyediakan lapuran ekonomi berkenaan perusahaan kayu dan pembangunan hutan	Kajian perancangan dan penyusunan semula industri perkayuan di Negeri Sembilan, Trengganu dan lain-lain. Menyediakan buletin perangkaan perhutanan.	Menyambung kajian perancangan dan penyusunan semula industri perkayuan di lain-lain negeri dan menyediakan buletin perangkaan perhutanan
2. PERANCANGAN HUTAN:			
Perancangan Pembangunan hutan	Bagi Hutan Simpan Ulu Sedili, Johor dan Bahau, Negeri Sembilan seluas 80,000 ekar	Menyediakan rancangan pembangunan hutan bagi Hutan Simpan Labis, Johor, Kemasul, Pahang seluas 120,000 ekar	Menyambung kerja-kerja perancangan pembangunan hutan di lain-lain negeri
3. PENGGUNAAN DAN KEMAJUAN PERINDUSTRIAN:			
Kayu gergaji yang diperingkat	887,565 tan	800,000 tan	950,000 tan
Kutipan bayaran pemeringkatan	$ 850,958	$ 750,000	$ 900,000
Bilangan ekspot lesen yang dikeluarkan	51,290	50,000	60,000
Ekspot kayu balak	92,018 tan	75,000 tan	60,000 tan
Ekspot kayu gergaji	1,390,379 tan	1,000,000 tan	1,500,000 tan
Bilangan pemeringkat kayu yang dilatih	50	100	100

(*d*) Penyelidikan Perhutanan

Aktiviti-aktivitinya termasuklah:

(1) Mewujudkan cara-cara amalan yang ekonomi bagi pemulihan dan pembangunan hutan;

(2) Mengembangkan pemerosesan yang sepenuhnya yang ekonomi bagi bahan mentah kayu dan selulos yang diperolehi daripada hutan negara;

(3) Mengadakan latihan dalam perkhidmatan dan orientasi kepada beberapa peringkat dan kategori kakitangan;

(4) Melatih kakitangan gred separa iktisas yang diperlukan oleh sektor awam dan swasta.

(v) *Galian*

Aktiviti-aktivitinya dikumpulkan di bawah (*a*) Pentadbiran Am dan Pengawalan Bijih Timah; (*b*) Penguatkuasakan Undang-undang; dan (*c*) Penyelidikan dan Penyiasatan.

(*a*) Pentadbiran Am dan Pengawalan Bijih Timah

Dalam tahun 1973 kerja-kerja yang berikut telahpun dijalankan:

(i) Kerja-kerja kewangan seperti pembayaran gaji dan upah, menyelaraskan rekod-rekod gaji dan menyiapkan kertas-kertas bagi pencen dan pendahuluan pengangkutan;

(ii) Hal-hal perkhidmatan seperti penyelenggaraan rekod-rekod peribadi, kenaikan gaji, pangkat dan lapuran-lapuran peribadi pegawai-pegawai;

(iii) Hal-hal umum seperti sistem failing, persuratan dan penyelenggaraan pejabat. Segala-gala ini telah dijalankan bagi kakitangan perjawatan berjumlah sebanyak 172 orang dalam tahun 1973.

Bagi tahun 1974 dan seterusnya tahun 1975 pula oleh kerana sedikit sahaja tambahan bilangan kakitangan maka adalah dijangka sedikit sahaja aktiviti-aktiviti yang akan bertambah.

(*b*) Penguatkuasaan Undang-undang

Kerja-kerja yang telah dilaksanakan dalam tahun 1973 mengenai penguatkuasaan undang-undang galian termasuklah penyeliaan lombong, pembicaraan mahkamah, menyiasat kemalangan lombong, mengemukakan lapuran-lapuran, mengeluarkan lesen-lesen dan lesen mendulang. Kerja-kerja itu akan diteruskan dalam tahun 1974 dan 1975 dan beban-kerja dapat dilihat seperti butir-butir berikut:

	Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
1. Bilangan lombong dan kapal korek yang disediakan	808	810	890
2. Jumlah hitungan batu yang diliputi oleh pegawai-pegawai dalam kerja-kerja memeriksa lombong dan kapal korek	147,683	197,440	213,640
3. Jumlah bilangan perbicaraan mahkamah (summon dan civil)	110	122	129
4. Jumlah bilangan pemeriksaan kemalangan lombongan	28	32	20
5. Bilangan lapuran yang dibuat berhubung dengan pendahuluan peruntukan:			
(*a*) Lesen-lesen/permit mencari gali	492	523	550
(*b*) Pajak Lombong..	253	314	330
(*c*) Pembaharuan semula Mining Certificate/Lesen Lombong ..	328	421	427
6. Bilangan lesen-lesen yang dikeluarkan			
(*a*) Lesen Hydraulic	862	876	1,001
(*b*) Lesen Air	99	114	116
(*c*) Lesen Bijih Galian	167	170	173
7. Jumlah Lesen mendulang yang dikeluarkan	17,135	17,493	17,803

Bagi tahun 1974 dan 1975 adalah dijangka bahawa aktiviti-aktiviti mengenai pengeluaran pajakan lombongan, pembaharuan semula Mining Certificate/Lesen-lesen Melombong, Lesen-lesen Air dan Lesen-lesen bijih galian akan bertambah sedikit lebih daripada tahun 1973.

(*c*) Penyelidikan dan Penyiasatan

Aktiviti-aktiviti penyelidikan dan ekplorasi adalah mengandungi dua aktiviti-aktiviti kecil yang dijalankan oleh Bahagian Penyelidikan Jabatan Galian yang bertempat di Ipoh. Kerja Bahagian Penyelidikan ini adalah terdiri daripada Penyiasatan Luar dan Dalam Makmal, Analisa Kimia, Penerbitan Majallah, Menyediakan Lapuran-lapuran atau menyiasat dan memberi nasihat-nasihat kepada pihak orangramai. Bahagian ini juga menyelenggara sebuah perpustakaan yang juga boleh digunakan oleh orangramai.

Penyiasatan adalah juga dijalankan oleh Mineral Investigation Drilling Unit (MIDU) yang diselenggarakan juga oleh Bahagian Penyelidikan ini. Dalam tahun-tahun yang lalu aktiviti-aktiviti ekplorasi adalah terhad kepada kawasan-kawasan simpanan Melayu tetapi dalam tahun-tahun hadapan lain-lain tanah kerajaan negeri akan juga diselidiki. Di bawah ini adalah diturunkan beban-kerja bahagian Penyelidikan bagi tahun-tahun 1973, 1974 dan 1975.

	Yang Sebenar Tahun1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
1. Penyiasatan Makmal	20	30	40
2. Penyiasatan Luar	50	60	70
3. Penyiasatan Carigali MIDU, Footage	22,000	27,000	32,000
4. Nasihat-nasihat teknik	130	170	200
5. Analisa Kimia	2,500	4,500	4,700
6. Penerbitan Majallah	8	20	25

(vi) *Penyiasatan Kajibumi*

Aktiviti-aktiviti Jabatan Penyiasatan Kajibumi dibahagikan kepada 3 bahagian, iaitu (*a*) Bahagian Pentadbiran Am; (*b*) Bahagian Siasatan Galian; dan (*c*) Bahagian Kimiabumi.

(*a*) Pentadbiran Am

Kerja-kerja Pentadbiran Am adalah dijangka bertambah lagi pada kadar yang banyak juga bagi tahun 1975 oleh kerana bertambahnya bilangan kakitangan seramai 65 orang. Ini adalah bagi menampung selain daripada kerja-kerja biasa, kerja-kerja lanjutan daripada tahun lepas dan juga projek-projek tertentu yang telah diluluskan oleh Kerajaan yang ada berkaitan dengan projek-projek pembangunan Rancangan Malaysia Kedua. Urusan-urusan Bahagian Pentadbiran Am antara lain termasuklah menyimpan dan menyelaras akaun dan pendaftaran, hal-ehwal gaji, membuat penyata perubahan gaji dan sebagainya, mengeluarkan penerbitan-penerbitan, dan menyimpan rekod-rekod kerja luar.

(*b*) Siasatan Galian dan (*c*) Kimiabumi

Kerja-kerja Siasatan Galian dan Kimiabumi adalah saling berkaitan dan meliputi kerja-kerja sambungan daripada tahun-tahun lalu dan juga 2 buah projek yang mendapat bantuan daripada Kerajaan Canada dan Jerman.

Setengah-setengah kerja lanjutan tahun lalu adalah dijangka berterusan ke tahun 1976. Kerja-kerja ini adalah meliputi pembuatan peta-peta kajibumi, kerja siasatan bagi menentukan tapak empangan taliair, menentukan asas bagi pembinaan jalanraya dan penyiasatan tapak kuari. Usaha-usaha penyiasatan di atas tanah dengan menggunakan alat-alat pengorek akan dijalankan di setengah-setengah kawasan sementara Malaysia sebagai menyambung usaha-usaha penyiasatan yang telah dibuat dari udara melalui alat-alat magnetic dan radio aktif bagi menentukan ada tidaknya bahan-bahan logam di perut bumi yang boleh diusahakan secara ekonomi.

Di Trengganu Tengah penyiasatan secara "diamond drilling" juga akan dibuat bagi menentukan kemungkinan kandungan bahan-bahan logam di kawasan itu sebelum ianya dijadikan kawasan pertanian bagi projek pembangunan tanah. Selain daripada itu penyiasatan-penyiasatan juga dijalankan bagi memenuhi kehendak yang semakin meningkat terhadap bahan-bahan tanah liat bagi membuat batu-bata dan keperluan industri ceramic, terjumpanya batu lime bagi membuat glass dan lain-lain penyiasatan bagi menentukan adanya tersimpan bahan-bahan logam di lapisan bawah tanah (bedrock).

Ada 2 projek besar yang akan berjalan dalam tahun 1975. Permulaannya akan dibuat pada penghujung tahun 1974. Projek-projek itu adalah:

1. Penyiasatan "Regional Aerogeophysic 1" dan "Ground Geochemical" bagi Kawasan Tengah Semenanjung Malaysia yang mendapat bantuan teknikal dan kewangan separuh perbelanjaan dari Kerajaan Kanada; dan

2. Penyiasatan punca-punca air di bawah tanah di Semenanjung Malaysia yang juga mendapat bantuan teknikal dan kewangan separuh perbelanjaan dari Kerajaan Jerman.

SARAWAK

Kebanyakan kerja-kerja Penyiasatan Kajibumi di Sarawak juga adalah sambungan daripada kerja-kerja tahun lalu yang mana semuanya adalah diselaraskan dengan kehendak-kehendak pembangunan Negeri. Penyiasatan-penyiasatan adalah dijalankan misalnya atas jangkaan pembinaan industri pembalakan, pembinaan pelabuhan-pelabuhan yang dalam, lapangan terbang dan pembinaan jalan-jalan raya. Usaha-usaha pemetaan kajibumi, usaha-usaha menyiasat bahan-bahan logam yang ekonomikal dan mencarigali bahan-bahan logam base juga akan dipertinggikan lagi dijalankan di kawasan-kawasan yang lebih luas daripada yang ada sekarng terutama sekali dengan bertambah baiknya keadaan keselamatan di Sarawak.

SABAH

Adalah dijangka kerja-kerja penyiasatan kajibumi di Sabah akan meningkat 30% dalam tahun 1975. Selain daripada kerja-kerja pemetaan dan kerja-kerja biasa, kerja-kerja menyiasat tapak bina kuari juga akan ditambah terutama sekali bagi tujuan membina jalan-jalan raya di pantai barat dan juga leboh raya timor barat Tawau—Lahat Datu, Lahat Datu—Sandakan dan lapangan terbang, dan juga pelabuhan Sandakan dan Kota Kinabalu.

(vii) *Mergasetua*

(*a*) Pentadbiran Am

Tugas utama aktiviti ini ialah untuk memberi Perkhidmatan yang cekap kepada semua aktiviti di bawah Jabatan Mergasetua samada dari segi kewangan mahupun perkara-perkara berkaitan dengan perkhidmatan. Dewasa ini setiap usaha ditumpukan untuk membuat saluran yang betul bagi aktiviti yang penting ini.

(*b*) Kuatkuasa Undang-undang

Tekanan Jabatan Mergasetua telah dan masih lagi ditumpukan kepada menguat-kuasakan undang-undang. Bilangan kes-kes tiap-tiap tahun melebihi 1,000 dan walaupun hukuman berat telah dikenakan oleh Mahkamah tetapi hanya segelintir atau tiada bukti yang menunjukkan bahawa pemburuan haram telah berkurangan. Pertambahan kakitangan yang besar sangat dikehendaki bagi melindung binatang-binatang liar dengan cekap daripada pemburu-pemburu haram yang menggunakan cara serta kepintaran yang mana tiada peluang langsung untuk binatang-binatang liar itu menyelamatkan diri. Keadaan yang sama mungkin ujud juga dalam tahun 1975 kerana tiada tambahan kakitangan langsung dalam tahun itu.

(*c*) Penyelidikan

Pada masa sekarang, cawangan penyelidikan ini ditumpukan kepada pergelangan burung-burung dan ini dapat mengeluarkan data-data yang berguna. Masaalah yang lebih rumit dihadapi oleh mergasetua ialah kemusnahan tempat suai yang mana hanya sedikit sangat diketahui dan penyelidikan yang segera adalah perlu. Banyak pasukan penyelidik patut ditubuhkan, tiap-tiap satu mesti menumpukan

kajian di atas satu atau dua jenis binatang liar atau burung atau suasana sekelilingnya. Disebabkan "austerity drive" mungkin tiada apa-apa perubahan berlaku dalam tahun 1975.

(*d*) Kebajikan Binatang Liar

Yunit Kebajikan Binatang diujudkan dengan persetujuan kabinet. Fungsi utama ialah untuk pemeliharaan atau pengawetan Gajah-gajah Malaya dan pencegahan kemusnahan tanam-tanaman, kerosakan harta benda dan kehilangan jiwa oleh gajah-gajah. Bantuan dari Negeri Assam, India telah didapati untuk menangkap gajah-gajah liar dengan pertolongan gajah-gajah yang dilatih dengan tujuan untuk melepas gajah-gajah tersebut di Taman Negara dan kawasan-kawasan di mana yang tidak dimajukan. Dengan jalan ini masaalah gajah itu dapat diatasi dan pada masa yang sama dapat memelihara Gajah-gajah Malaya. Pasukan dari India juga melatih pekerja-pekerja tempatan untuk menyambung kerja-kerja selepas mereka balik ke India kerana penamatan kontreknya.

(*e*) Taman Negara

Taman Negara ialah tempat tumpuan para pelancung yang terbesar. Peta-peta sedang diperbuat untuk menembusi kawasan pendalaman yang mana telah diselidik dan didapati sangat sesuai untuk pembangunan. Dengan penyusunan semula dan pertambahan kakitangan, terutama sekali dalam Kumpulan Rendah dan Buruh Kasar, Taman Negara boleh dimajukan lagi sebagai tempat berehat yang terbaik di dalam negeri. Adalah mendukacitakan iaitu masaalah yang penting dihadapi hari ini ialah sama seperti dalam tahun 1973 di mana kedudukan kakitangannya tidak berubah. Banyak kemudahan-kemudahan lain ditambah untuk menempatkan lebih ramai Pelancung-pelancung tetapi masaalah ini akan bertambah berat dengan sebab-sebab yang disebutkan di atas.

(*f*) Pelajaran dan Latihan

Kakitangan untuk memulakan rancangan pelajaran dan latihan yang luas untuk Jabatan Mergasetua menemui nasib yang sama disebabkan "Austerity Drive". Cadangan yang sama akan disediakan untuk tahun 1976 kerana ini adalah sangat mustahak untuk mengerahkan cadangan yang penting ini. Keadaannya adalah sama dalam tahun 1975 sungguhpun kursus-kursus singkat akan diadakan seperti mana yang telah dijalankan dalam tahun 1973.

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	18,518,572	20,184,820	22,320,079
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	635,352	358,450	1,523,540
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..	197,770	272,515	252,301
	Jumlah Gaji ..	19,351,694	20,815,785	24,095,920
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	2,135,764	2,357,900	2,831,000
2200	Pengangkutan Barang-barang ..	92,404	122,600	142,800
2300	Kemudahan Perhubungan ..	150,338	138,900	168,900
2400	Api, Air dan Letrik dll.	248,092	260,900	288,050
2500	Sewa	656,674	718,500	810,400
	Bawa kehadapan ..	22,634,966	24,414,585	28,337,070

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
	Dari sebelah ..	22,634,966	24,414,585	28,337,070
2600	Perkhidmatan Pencetakan ..	81,997	110,700	136,300
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	916,038	981,100	1,113,050
2800	Perkhidmatan Pelbagai	317,777	422,600	466,100
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	340,040	815,660	693,920
3200	Tanah-tanah	28,693	—	—
3300	Pembinaan	42,679	53,000	111,000
4100	Pemberian, Subsidi dan Carum-carum	—	41,210	792,000
	Jumlah ..	24,362,190	26,838,855	31,649,440

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974	Bilangan	Anggaran Tahun 1975
		$		$		$
(i) Pentadbiran Am	27	301,090	30	340,000	30	360,000
(ii) Ukur	3,212	12,361,950	3,242	12,491,000	3,246	13,645,000
(iii) Tanah Persekutuan	136	766,110	170	789,140	174	1,019,980
(iv) Perhutanan	573	2,370,136	633	2,645,225	653	3,514,140
(v) Galian	203	1,455,460	211	1,748,000	218	1,831,000
(vi) Penyiasatan Kajibumi ..	303	1,897,598	322	2,152,420	388	2,833,600
(vii) Mergasetua	92	199,350	226	650,000	250	892,200
Jumlah ..	4,546	19,351,694	4,834	20,815,785	4,959	24,095,920

3. Anggaran Pembangunan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Ibu Pejabat	166,094,089	226,578,450	301,331,354
(ii) Ukur	21,882	439,040	314,600
(iii) Perhutanan	938,538	3,022,600	4,440,564
(iv) Penyiasatan Kajibumi	135,156	126,124	115,420
Jumlah ..	167,189,665	230,166,214	306,201,938

Kemajuan Kerja-kerja Pembinaan

(i) *Ibu Pejabat*

(*a*) Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan

Salah satu rancangan besar yang dilaksanakan oleh Kerajaan ialah menjalankan pembangunan tanah. Untuk tujuan ini, satu badan berkanun dikenali dengan LKTP telah ditubuhkan bagi menjalankan polisi Kerajaan untuk menempatkan semula penduduk-penduduk luar bandar yang tidak bertanah di dalam rancangan tanah milik berekonomi yang ditanami dengan tanaman yang bermutu tinggi. LKTP memainkan peranan yang dinamik dalam melaksanakan polisi di atas.

Pelaksanaan bagi LKTP adalah terkandung di dalam rencana di muka-muka surat berikut.

(*b*) Rancangan Kemajuan Sungai Tong, Trengganu

Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri, Trengganu telah memulakan rancangan tersebut di Sungai Tong pada tahun 1966 dengan mendapat pinjaman dari Kerajaan Pusat. Projek itu meliputi kawasan seluas 25,000 ekar di mana 20,000 ekar adalah untuk kelapa sawit dan 5,000 ekar untuk getah. Dalam tahun 1973 sebuah kilang kelapa sawit telah didirikan untuk menampung keperluan memproses kelapa sawit. Dalam tahun yang sama juga, sebuah cawangan SEDC, Kumpulan Ladang Trengganu Sdn Bhd telah ditubuhkan bagi mengambil alih pengurusan projek-projek pertaniannya.

Sehingga akhir tahun 1973, sejumlah 14,711 ekar telah ditanam dengan kelapa sawit dan 3,875 ekar getah. Baki seluas 6,414 ekar dijangka akan ditanami dengan kelapa sawit dan getah sebelum akhir Rancangan Malaysia Kedua.

(*c*) Rancangan Tanah Jengka

Memandangkan kejayaan rancangan-rancangan tanah yang berselerak di seluruh Semenanjung Malaysia, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan telah pun memulakan konsep baharu rancangan tanah berdasarkan atas satu kawasan yang luas. Rancangan pertama dalam jenis ini telah dimajukan di kawasan Jengka Tiga Segi dan melibatkan pembangunan kawasan seluas 100,000 ekar.

Butir-butir lanjut mengenai Jengka Tiga Segi adalah terkandung di dalam rencana yang berhubung dengan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan.

(*d*) Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah

Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara ialah badan yang bertanggungjawab dalam menyelamatkan rancangan tanah yang tertinggal sekarang dan juga menyatu dan memulihkan tanah kepada luas kawasan hakmilik yang berekonomi dan membuka tanah baru untuk kemajuan pertanian.

Pelaksanaan bagi LPPTN adalah terkandung di dalam rencana di muka-muka surat berikut:

(*e*) Ladang-ladang Awam

Pembangunan Ladang-ladang Awam adalah berdasarkan kepada perinsip-perinsip berikut:

(i) Sumbangan Kerajaan Negeri dalam bentuk tanah adalah dikumpulkan dengan sumbangan Kerajaan Persekutuan dan pengurusan Sektor Swasta; dan

(ii) Tugas pengurusan kerja-kerja itu akan dikelolakan oleh sebuah Syarikat Swasta pada mulanya bagi tempoh selama 5 tahun. Syarikat itu akan menjalankan kerja pengurusan bagi pihak Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri yang berkenaan sebagai wakilnya. Ladang-ladang seperti ini ada juga dirancangkan di Negeri-negeri lain.

Ladang-ladang yang ada sekarang

Rancangan memajukan ladang-ladang Awam di Bukit Besi, Trengganu telah dimulakan pada tahun 1971. Ia meliputi kawasan 15,400 ekar lebih yang akan ditanami dengan getah hingga akhir tahun 1975.

Awal tahun 1972 satu lagi rancangan telah dijalankan di Laka Temin, Kedah yang meliputi kawasan sejumlah 5,500 ekar yang akan ditanami dengan getah/tebu.

Dalam tahun 1973, Ladang Awam yang lain dengan kawasan yang dicadangkan seluas 11,550 ekar untuk dimajukan dengan kelapa sawit telah dibuat di Sungei Terah, Kelantan.

(*f*) Rancangan-rancangan Tanah Belia

Ini adalah rancangan khas untuk belia-belia yang berumur antara 17-23 tahun, belum berkahwin dan kalau dapat memiliki sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran. Rancangan ini adalah usaha bersama Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri di Semenanjung Malaysia, Kerajaan berhasrat untuk membuka sekurang-kurangnya 15,000 ekar tanah pada tiap-tiap tahun di dalam tempuh Rancangan Malaysia Kedua. Peruntukan sebanyak $18,000,000 telahpun disediakan untuk menjayakan rancangan ini.

Butir-butir lanjut mengenai Rancangan-rancangan Tanah Belia adalah terkandung di dalam rencana yang berhubung dengan Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara.

(*g*) Penentuan Tanda Sempadan Antarabangsa di antara Malaysia/Indonesia di Sarawak dan Sabah

Peruntukan sebanyak $600,000 telah diluluskan bagi penentuan tanda sempadan antara bangsa di antara Malaysia/Indonesia di Sarawak dan Sabah.

(*h*) Kemajuan Taman Negara

Di Taman Negara, sebuah Rumah Rihat empat bilik untuk pelancung dan untuk kemudahan kakitangan sedang dalam binaan dan dijangka siap pada bulan Oktober, 1974. Rumah ini dilengkapkan dengan Jana Letrik 60 k.v.a.

Taman Negara juga mempunyai beberapa kawasan makanan hidupan liar untuk ditanam semula, diperbaiki dan disenggara tiap-tiap tahun. Kawasan ini menarik banyak binatang liar dan membiak di situ.

Projek-projek lain yang sedang dijalankan ialah:

(1) Penubuhan sebuah ladang untuk pembiakan rusa di kawasan simpanan Mergastua, Sungai Perak, dijangka siap pada akhir tahun 1974;

(2) Pembiakan burung-burung kuang di kawasan yang sama seperti (*a*) di atas; dijangka berjalan sepenuhnya dalam tahun 1975;

(3) Pembiakan tuntung di sekitar Sungai Perak;

(4) Perlindungan burung-burung laut di Pantai Negeri Perak.

(*i*) Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak

Peruntukan sebanyak $28,093,800 adalah diluluskan untuk Rancangan Malaysia Kedua dan jumlah sebanyak $14,563,800 telah diperuntukkan dalam tahun 1974 kepada Lembaga tersebut untuk mengendalikan kegiatan-kegiatannya.

(*j*) Lembaga Kemajuan Tanah Sabah

Peruntukan sebanyak $15,000,000 adalah diluluskan untuk Rancangan Malaysia Kedua dan jumlah sebanyak $7,000,000 telah diperuntukkan dalam tahun 1975 kepada Lembaga tersebut untuk mengendalikan kegiatan-kegiatannya.

(ii) *Ukur*

SEMENANJUNG MALAYSIA

(*a*) Sukatan Air Pasang

Projek ini masih belum dapat dijalankan oleh kerana kawasan yang sesuai dari kehendak-kehendak teknik masih belum dapat diadakan. Walaupun begitu usaha-usaha dijalankan untuk mencari kawasan yang sesuai itu. Peruntukan sebanyak $30,000 adalah dikehendaki dalam tahun 1975.

(*b*) Bangunan Mesin Foto Sukat

Projek ini masih di dalam tindakan Cawangan Akitek J.K.R. Peruntukan sebanyak $148,600 adalah dikehendaki di dalam tahun 1975.

SABAH

(*c*) Ukur Rupabumi

Peruntukan sebanyak $75,000 adalah dikehendaki untuk projek ini pada tahun 1975.

(*d*) Stesyen Sukatan Air Pasang

Peruntukan sebanyak $40,000 adalah dikehendaki untuk membuat pembayaran pada tahun 1975.

(*e*) Pengawal Ukur

Peruntukan sebanyak $21,000 adalah dikehendaki untuk projek ini pada tahun 1975.

(iii) *Perhutanan*

Kemajuan Kerja-kerja besar Pembangunan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia yang telah dicapai pada tahun 1973 dan yang dijangka dicapai pada tahun-tahun 1974 dan 1975 adalah seperti berikut:

Pecahan-kepala	Nama Projek	Pelaksanaan 1973	Rancangan 1974	Rancangan 1975
50.	Kerja-kerja dan Kemudahan. Kemudahan, Institiut Penyelidikan Perhutanan	Menyiapkan 16 yunit rumah Kelas H dan pusat rekreasi di Institiut Penyelidikan Perhutanan, Kepong	Membina sebuah bangunan setor dan mengadakan bilik di Ibu Pejabat Hutan	Baki peruntukan akan digunakan untuk membina rumah-rumah kelas H di I.P.P., Kepong
51.	Penyelidikan Pemulihan dan Pembangunan Perhutanan	Menyenggara ladang panduan dan tanaman mengaya seluas 200 ekar di negeri Perak	Menyambung Penyenggaraan ladang panduan dan tanaman mengaya	Menyambung Penyenggaraan ladang panduan dan tanaman mengaya
52.	Projek Pembangunan Perusahaan Hutan	Penubuhan dan bancian petak-petak tumbesar, pengeluaran hutan dan inventori seluas 1,000 ekar	Penubuhan petak kajian tumbesar dan pengeluaran hutan di negeri Pahang dan Trengganu seluas lebih kurang 1,000 ekar. Bancian semula petak-petak inventori hutan	Penubuhan petak kajian tumbesar dan pengeluaran di negeri Johor dan Perak seluas lebih kurang 1,000 ekar dan bancian semula petak-petak inventori
53.	Bancian Bahan-bahan Hutan	Menjalankan kerja inventori hutan seluas 130,000 ekar di Kelantan, Trengganu, Selangor dan Pahang	Menjalankan kerja inventori kawasan hutan yang dibalak/ rosak seluas lebih kutang 1 juta ekar	Menyambung kerja inventori hutan di kawasan hutan yang dibalak/rosak seluas lebih kurang 2 juta ekar
54.	Penyelidikan Kayu Lumat, Kertas dan Papan	Membeli alat-alat makmal yang mengandungi gergaji, viscometar dan shelves	Rancangan membesarkan bangunan makmal kimia	Tidak ada apa-apa rancangan yang akan dilaksanakan dalam tahun ini
55.	Penyelidikan Kearah Pengeluaran	— ..	Membina bangunan untuk makmal penyelidikan dan membeli alat-alat penyelidikan	Menyambung kerja-kerja yang dijalankan dalam tahun 1974

Pecahan-kepala	Nama Projek	Pelaksanaan 1973	Rancangan 1974	Rancangan 1975
56.	Perancangan Jalan Hutan	Membeli alat-alat ukur dan ujian tanah	Membeli alat-alat ukur jalan hutan	Meneruskan pembelian alat-alat ukur jalan hutan
57.	Maktab Perhutanan	Pembinaan kompleks Pentadbiran telah disiapkan	Membina rumah-rumah untuk kakitangan kolej Perhutanan	Menyambung projek-projek yang dimulakan dalam tahun 1974
58.	Stesyen Kecil bagi Tapak Semaian Pine	— ..	Membina bangunan pejabat dan menubuh kebun benih pine yang akan meliputi kawasan seluas 40 ekar	Menyambung kerja penubuhan kebun benih, pembinaan dan membeli alat-alat yang diperlukan untuk kebun benih
59.	Stesyen Kecil Institiut Penyelidikan Perhutanan, Pahang	— ..	Membina bangunan stesyen di Kemasul dan pembelian alat-alat yang diperlukan oleh stesyen kecil	Menyambung kerja pembinaan stesyen kecil dan pembelian alat-alat yang diperlukan
60.	Sekolah Latihan Membalak	Tiada peruntukan tetapi pelan-pelan telah disiapkan	Membeli jentera-jentera membalak dan membina kompleks Sekolah Latihan Membalak di Trengganu	Menyambung kerja-kerja pembinaan yang dimulakan dalam tahun 1974

SARAWAK

Pecahan-kepala 65: Pusat Penyelidikan dan Latihan Teknik Kayu-kayan

Pusat Penyelidikan dan Latihan Teknik Kayu-kayan ditubuhkan bertujuan untuk menjalankan kerja-kerja penyelidikan kayu-kayan untuk menentukan dan menilai sifat-sifat kayu-kayan negeri ini. Melalui penyelidikan ini, adalah diharapkan yang teknik-teknik perindustrian dan lain-lain susunan (procedures) dapat dirangkakan dan dibaiki dan oleh itu banyak daripada jenis-jenis yang dikenali dapat digunakan dengan jayanya dan dengan sebaik-baiknya dari segi sifat-sifatnya (properties and characteristics). Pusat ini juga menjalankan kerja-kerja melatih dalam bidang perkilangan papan (sawmilling) dan "woodworking" cara moden dengan tujuan memperbaiki taraf teknik dalam perusahaan memproses kayu-kayan.

Projek-projek yang dijalankan di Pusat Penyelidikan dan Latihan Teknik kayu-kayan bebanyakannya adalah projek-projek yang berterusan dan ianya termasuk:

(*a*) Latihan dalam menjaga kilang papan (sawmill maintenance), "saw-doctorng", menjalankan kilang papan (sawmill operation), woodworking, dan lain-lain kerja memproses kayu balak seperti yang dianjurkan oleh pakar-pakar Rancangan Colombo dari Kanada;

(*b*) Projek-projek penyelidikan kayu-kayan selaras dengan atur-cara yang dibuat oleh Penasihat Penyelidikan kayu-kayan Australia; dan

(*c*) Projek rumah murah kayu balak.

Dalam tahun 1975, kerja-kerja memperbaiki kemudahan-kemudahan latihan yang telah sedia ada, terutama sekali tentang alat-alatan perkilangan kayu, saw-doctoring dan woodworking akan dijalankan. Sejumlah $45,000 telah diuntukkan untuk tujuan ini. Mengenai projek-projek penyelidiktn kayu-kayan, selain dari kerja-kerja menentukan sifat-sifat kekuatan kayu-kayan "timber seasoning", "timber preservation" dan "timber identification", menentukan sifat-sifat "pulping" dan "veneering" kayu balak, kerja-kerja percubaan ke dalam "moulding" dan "finger jointing" kayu balak telah dimasukkan di dalam atur-cara kerja tahun 1975.

Untuk maksud ini $120,000 telah diuntukkan. Untuk melaksanakan projek rumah murah kayu balak yang termasuk merangka (design) dan mendirikan bangunan-bangunan kayu balak harga murah "prefabricated", sejumlah $25,000 telah diuntukkan.

Tahun 1975 dan tahun-tahun selepasnya akan menampakkan pembesaran Pusat ini secara berterusan dengan adanya kemudahan-kemudahan latihan yang lebih baik dan projek-projek penyelidikan kayu-kayan yang lebih intensif, terutama sekali dalam hal menentukan sifat-sifat "pulping" dan "veneering" kayu dan melaksanakan projek rumah murah kayu balak.

Pecahan-kepala 66: Penyelidikan Hutan

Projek ini bertujuan mengadakan penyelidikan ke atas semua aspek hutan-hutan di Sarawak supaya penggunaan yang cara paling menguntungkan dapat diperolehi dari hutan-hutan ini untuk selama-lamanya. Penekanan ke atas penyelidikan silvikalcar hutan-hutan "Mixed Dipterocarp" dan projek-projek Percubaan Ladang (Plantation Trials) semakin digiatkan untuk mendapatkan maklumat-maklumat untuk pengusaha-hasilan hutan bukit yang bertambah dalam negeri ini.

Dengan bertambahnya kerja pengusaha-hasilan dalam hutan-hutan bukit, kegiatan-kegiatan silvikalcar dalam bukit-bukit ini dalam tahun 1975 akan digiatkan lagi. Sebagai tambahan kajian-kajian menghutan semula (reaforestation studies) ke atas hutan Mixed Dipterocarp yang telah dibalak (logged-over) akan juga dimulakan. Kerja ini akan memberikan maklumat asas untuk kerja menghutan semula secara meluas di masa hadapan. Dengan siapnya bangunan tambahan yang ketiga kepada bangunan "Herbarium", aktiviti-aktiviti dalam Seksyen Botany Hutan akan digiatkan lagi.

Pecahan-kepala 67: Bancian Sumber-sumber Hutan

Maksud am projek ini ialah menentukan sumber-sumber hutan pada hutan-hutan bukit yang boleh diusaha (accessible) dan disediakan untuk pengusaha-hasilan dalam masa dua puluh hingga tiga puluh tahun yang akan datang dan menganggarkan kemungkinan untuk memajukan industri-industri yang berasaskan kayu-kayan (wood-based industries), dari segi keupayaan yang sedia ada dan kemungkinan untuk dibesarkan.

Projek ini adalah lanjutan dari Rancangan Malaysia Pertama. Bancian-bancian Bekalan (Inventory Surveys) oleh Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-bangsa Bersatu (United Nations F.A.O.) yang memulakan kerja dalam tahun 1969, menyiapkan kerja-kerja luar (field work) dalam tahun 1971.

Sebahagian besar daripada wang yang diuntukkan dalam tahun 1972 telah dibelanjakan untuk bancian luar (field survey), membetulkan jalan (road alignment) dan kajian-kajian kejuruteraan membalak (logging engineering studies).

Wang yang dipohonkan untuk peringkat kedua projek ini di antara 1973-75 adalah diperlukan untuk atur-cara berikut:

Atur-cara untuk Peringkat II 1973-75:

(*a*) Untuk membanci kawasan-kawasan hutan bukit yang ada kemungkinan boleh dimajukan yang tidak diliputi dalam Peringkat I (1969-1972);

(*b*) Untuk menganggar semula kemungkinan memajukan kawasan-kawasan paya (peat swamp);

(*c*) Untuk membanci semula kawasan-kawasan hutan mangrove;

(*d*) Untuk meneruskan kajian-kajian penggunaan (utilisation studies) yang dimulakan dalam Peringkat I;

(*e*) Untuk mengadakan "yield plots" untuk maksud-maksud pengurusan;

(*f*) Sewaan helikopter untuk kajian bekalan dan lain-lain kerja bancian.

Dua orang pakar FAO, satu dalam Bekalan Hutan (Forest Inventory) dan satu lagi dalam Pengurusan Hutan pada masa ini ditempatkan di Sarawak, untuk membantu Jabatan Hutan dalam melaksanakan anjuran-anjuran FAO di bawah F.I.D.P. dan projek-projek di bawah Peringkat II.

(iv) *Penyiasatan Kajibumi*

SEMENANJUNG MALAYSIA

(*a*) Alat-alat Saintifik—

Alat-alat saintifik telah dibeli untuk memajukan lagi kecekapan dan mudahkan penyiasatan mineralogical, chemical dan petrological di atas batu-batan dan logam-logam. Pembelian alat-alat seperti Atomic Absorption Unit bagi tujuan penentuan kandungan logam di dalam kerja-kerja Penyiasatan Penentuan kandungan logam, alat menguji batu-batan dan lain-lain akan dibuat dalam tahun 1975.

(*b*) Alat-alat Pencarigalian—

Hasil daripada penyiasatan-penyiasatan geological, geochemical, geophysical dan penyiasatan makmal yang telah dijalankan di seluruh Malaysia, tanda-tanda kemungkinan adanya logam telah ditindik di atas peta-peta yang bersesuaian. Kawasan-kawasan yang berkemungkinan ini hendaklah diselidik secara halus dengan menggunakan alat-alat pencarigalian yang sesuai yang akan dapat memberi gambaran yang lebih terang tentang banyak-sikitnya kandungan logam yang berekonomikal sebelum sebarang penanaman modal dilakukan dalam membangun dan melombong logam-logam tersebut. Alat-alat kerja luar bagi tujuan penyiasatan Kajibumi di dalam hutan adalah merupakan satu perbelanjaan yang besar di bawah butiran ini.

(*c*) Penyiasatan Penentuan Kandungan Logam—

Penyiasatan-penyiasatan ini adalah dijalankan berserta dengan rancangan-rancangan pembangunan tanah Kerajaan Persekutuan dan Negeri-negeri. Penyiasatan-penyiasatan tersebut adalah amat penting dalam perancangan pembangunan tanah untuk menjenis-jeniskan tanah bagi tujuan pelbagaian pertanian dan juga bagi menindik kawasan-kawasan yang sesuai bagi perlombongan supaya tanah-tanah yang mempunyai kemungkinan perlombongan tidak digunakan bagi tujuan-tujuan lain.

Penyiasatan-penyiasatan airbone geophysical survey yang telah dijalankan disetengah-setengah bahagian Semenanjung Malaysia telah menunjukkan tanda-tanda adanya kandungan logam yang mempunyai ciri-ciri magnetic susceptibilities dan radioactive akan terpaksa dikaji lebih lanjut untuk menentukan keujudan atau tidaknya kandungan logam yang berekonomikal. Lapan anomalies akan dikaji.

Berkenaan dengan rancangan pembangunan tanah di Trengganu Tengah ada dua kawasan yang memerlukan penyiasatan untuk disahkan keujudan sebarang kandungan logam sebelum kawasan itu boleh digunakan bagi tujuan-tujuan pertanian dan lain-lain.

(*d*) Alat-alat Arkib—

Tujuan-tujuan Pecahan-kepala ini adalah untuk membolehkan Kakitangan profesyenal penyiasatan kajibumi untuk mengemaskinikan data dan maklumat-maklumat yang dikeluarkan oleh Jabatan ini dan juga untuk merekodkan semua kejumpaan secara sistematik. Adalah dijangka banyak maklumat-maklumat yang perlu diproses dan dikemaskinikan apabila Akta Penyiasatan Kajibumi diwartakan dalam bulan Julai, 1974.

(*e*) Penyiasatan Penentuan Kandungan Logam

Penyiasatan-penyiasatan logam dan pembuatan peta secara terperinci akan diteruskan di kawasan-kawasan Semporna, Tawau, Telupid dan Ranau di bawah aktiviti ini.

4. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Belanja Mengurus	24,362,190	26,838,855	31,649,440
Belanja Pembangunan	167,189,665	230,166,214	306,201,938
Jumlah Besar ..	191,551,855	257,005,069	337,851,378

Kepala Pembangunan 66 (Pecahan-pecahan kepala 1 dan 4)	... ...	**$247,460,094**
Jumlah	...	**$247,460,094**

	Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975 ...	**$40,039,000**	**$207,421,094**	**$247,460,094**
Peruntukan 1974 ...	**37,659,000**	**137,149,000**	**174,808,000**
Perubahan ...	**+ $ 2,380,000**	**+ $ 70,272,094**	**+ $ 72,652,094**

1. Tujuan-tujuan

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) adalah sebuah ajensi Kerajaan Pusat di bidang kemajuan tanah dan penempatan dan mempunyai objektif-objektif seperti berikut:

(*a*) Membuka tanah yang belum dimajukan (hutan) untuk kegunaan pertanian dan penempatan dengan kelapa sawit dan getah sebagai tanaman utama;

(*b*) Menempatkan penduduk-penduduk yang berkelayakan dan tiada bertanah untuk meninggikan taraf hidup mereka menerusi cara-cara pertanian yang moden;

(*c*) Menganjurkan suatu sistem pembangunan tanah yang lebih teratur dengan memberi latihan-latihan kemahiran, kemudahan-kemudahan pinjaman dan perkhidmatan pengurusan dan penyeliaan;

(*d*) Memudahkan proses dan pengeluaran hasil dengan cara menubuhkan kilang-kilang memproses yang moden dan kumpulan pasaran yang teratur; dan

(*e*) Membentuk peneruka-peneruka ke arah penghidupan yang seimbang dengan aktiviti perdagangan.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Ibu Pejabat FELDA	10,329,116	12,915,000	16,291,000
(ii) Pejabat-pejabat Wilayah termasuk Rancangan-rancangan Tanah FELDA	15,965,503	21,346,000	20,581,000
(iii) Projek Jengka Tiga Segi	2,235,687	3,398,000	3,167,000
Jumlah ..	28,530,306	37,659,000	40,039,000

Prestasi

FELDA telah mengambil bahagian di dalam berbagai-bagai bentuk kegiatan ke arah pembangunan dan penempatan. Di antara lain-lain aktiviti termasuklah pembangunan tanah, perumahan, perkembangan pertanian, pembangunan sosial dan kemudahan-kemudahan awam, pentadbiran tanah, memproses, pemasaran, penyelidikan pertanian, latihan tenaga maknusia dan kemudahan pinjaman. Untuk mencapai kejayaan

terhadap aktiviti-aktiviti tersebut FELDA hendaklah membuka lebih banyak lagi tanah untuk pertanian dan meninggikan taraf hidup peneruka-peneruka. Dalam ertikata pembangunan tanah, data seperti berikut menunjukkan bertambahnya peranan yang dilaksanakan oleh FELDA.

		Hingga Akhir Tahun 1973	Hingga Akhir Tahun 1974	Anggaran Hingga Tahun 1975
A.	Luas Ekar Getah Dimajukan ..	219,323	232,962	259,792
	Luas Ekar Kelapa Sawit Dimajukan	307,573	384,897	453,597
	Luas Ekar Tebu Dimajukan ..	4,921	8,621	9,871
	Luas Ekar Koko Dimajukan ..	—	1,170	2,450
	Luas Ekar Kawasan Perkampungan Dimajukan	38,756	41,711	50,436
	Jumlah Ekar ..	570,573	669,361	776,146
B.	Bilangan Rancangan Getah	67	69	74
	Bilangan Rancangan Kelapa Sawit ..	62	78	91
	Bilangan Rancangan Tebu	1	1	1
	Bilangan Rancangan Koko	—	1	1
	Jumlah Rancangan ..	130	149	167
C.	Bilangan Keluarga Peneruka di Rancangan	28,044	31,444	37,444
	Anggaran Penduduk di Rancangan..	177,400	194,400	224,400
D.	Bilangan Kilang Getah Dibinakan ..	3	3	3
	Bilangan Kilang Kelapa Sawit Dibinakan	10	11	15
	Bilangan "Ekspot Installation" Minyak Dibinakan	1	2	2

		Yang Sebenar Tahun 1973	Anggaran Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
E.	Pengeluaran Getah dalam Tan ..	38,214	57,100	71,000
	Pengeluaran Minyak Kelapa Sawit dalam Tan	97,984	147,900	187,000
	Pengeluaran Isi Kelapa Sawit dalam Tan	18,683	27,900	36,000
	Pengeluaran Tebu dalam Tan ..	28,204	88,000	133,000

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	14,215,944	16,846,000	16,377,000
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	2,496,422	2,187,000	3,344,000
1300	Tambahan Gaji Kakitangan ..	1,792,737	2,442,000	2,279,000
	Jumlah Gaji ..	18,505,103	21,475,000	22,000,000
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	992,812	1,181,000	1,101,000
2200	Pengangkutan Barang-barang ..	307,432	323,000	249,000
2300	Kemudahan Perhubungan ..	438,922	506,000	524,000
	Bawa kehadapan ..	20,244,269	23,485,000	23,874,000

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
	Dari sebelah ..	20,244,269	23,485,000	23,874,000
2400	Api, Air dan Letrik dll.	133,315	212,000	86,000
2500	Sewa	1,311,769	1,516,000	1,557,000
2600	Perkhidmatan Pencetakan.. ..	171,994	220,000	266,000
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	817,026	877,000	542,000
2800	Perkhidmatan Pelbagai	2,294,996	2,822,000	2,175,000
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	555,939	2,152,000	2,150,000
3200	Tanah-tanah	412,239	—	—
3300	Pembinaan	2,290,716	4,966,000	6,350,000
4200	Tuntutan Insuran dan Pampasan	298,043	244,000	253,000
4500	Pencen dan Ganjaran	—	—	286,000
5500	Pelbagai	—	1,165,000	2,500,000
	Jumlah ..	28,530,306	37,659,000	40,039,000

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974 $	Bilangan	Anggaran Tahun 1975 $
(i) Ibu Pejabat FELDA ..	645	5,521,685	658	6,099,000	740	5,662,000
(ii) Pejabat-pejabat Wilayah termasuk Rancangan-rancangan Tanah FELDA	2,876	11,558,588	3,352	13,418,000	3,760	14,386,000
(iii) Projek Jengka Tiga Segi	342	1,424,830	408	1,958,000	450	1,952,000
Jumlah ..	3,863	18,505,103	4,418	21,475,000	4,950	22,000,000

3. Anggaran Pembangunan

	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Peruntukan Tahun 1974 $	Anggaran Tahun 1975 $
(1) FELDA	78,417,196	110,000,000	171,438,400
(2) Jengka Tiga Segi:			
Pembangunan Utama	16,780,127	22,262,000	29,158,600
Bekalan Air	2,000,000	1,624,000	2,259,694
Jalan-jalan	3,053,000	3,013,000	3,412,400
Jalan Kuala Krau	—	250,000	1,152,000
Jumlah ..	100,250,323	137,149,000	207,421,094

Kemajuan Kerja-kerja Pembinaan

A. *Pembangunan Utama FELDA dan Jengka Tiga Segi*

Perbelanjaan di bawah tajuk ini meliputi perkara-perkara seperti berikut:

	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Peruntukan Tahun 1974 $	Anggaran Tahun 1975 $
(*a*) Pembangunan Tanah dan Penjagaan Ladang	95,197,323	96,570,000	141,801,000
(*b*) Pembangunan Tapak-tapak Rumah Peneruka		607,000	988,000
(*c*) Pembinaan Rumah-rumah Peneruka		9,232,000	12,099,000
(*d*) Pinjaman Sara Hidup Peneruka ..		1,360,000	1,555,000
(*e*) Kemudahan-kemudahan Memproses		24,493,000	44,154,000
Jumlah ..	95,197,323	132,262,000	200,597,000

(*a*) Pembangunan Tanah dan Penjagaan Ladang: Sehingga penghujung tahun 1973 luas kawasan tanaman yang dimajukan oleh FELDA ialah 531,817 ekar. Di dalam tahun 1974 FELDA sedang memajukan 95,833 ekar. Dijangka kecapaian pembangunan tanah oleh FELDA pada penghujung tahun 1974 adalah seperti berikut:

	Sehingga Akhir 1973 (ekar)	Sehingga Akhir 1974 (ekar)
Getah	219,323	232,962
Kelapa Sawit	307,573	384,897
Tebu	4,921	8,621
Koko	—	1,170
Jumlah ..	531,817	627,650

Di dalam tahun 1975 FELDA bercadang membuka 98,060 ekar untuk tanaman-tanaman seperti berikut:

Getah	26,830	ekar
Kelapa Sawit	68,700	„
Tebu	1,250	„
Koko	1,280	„
Jumlah ..	98,060	ekar

Peruntukan yang dikehendaki dalam tahun 1975 untuk menyelenggarakan kerja-kerja pembukaan tanah, tanaman dan penjagaan ladang adalah seperti berikut:

Pinjaman	
(i) Rancangan-rancangan Getah—	
Kerja-kerja Pembangunan	$ 14,109,000
Kerja-kerja Penjagaan	16,471,000
(ii) Rancangan-rancangan Kelapa Sawit—	
Kerja-kerja Pembangunan	46,520,000
Kerja-kerja Penjagaan	64,195,000
(iii) Projek Tebu—	
Kerja-kerja Pembangunan dan Penjagaan ...	506,000
	$141,801,000
Cara Langsung (Belanja Mengurus)	
(i) Projek Koko	
Kerja-kerja Pembangunan Tanah	$ 1,100,000
Jumlah Peruntukan yang dikehendaki untuk Pembangunan Tanah dan Penjagaan Ladang	$142,901,000

(*b*) Pembangunan Tapak-tapak Rumah Peneruka: 8,730 ekar akan dimajukan di dalam tahun 1975 untuk tapak-tapak perumahan, pejabat-pejabat, sekolah-sekolah, kelinik-kelinik dan sebagainya. 3,050 ekar daripadanya akan digunakan untuk tapak-tapak rumah peneruka dan perbelanjaan atas ini akan dibiayai dengan wang pinjaman. Peruntukan yang dikehendaki dalam tahun 1975 adalah seperti berikut:

Pinjaman	$ 988,000
Cara Langsung (Belanja Mengurus)	1,400,000
JUMLAH ...	$2,388,000

(*c*) Pembinaan Rumah-rumah Peneruka: 7,785 buah rumah peneruka akan siap dibina di dalam tahun 1975. Kontrek-kontrek akan diberi dalam tahun 1975 untuk membina 3,390 buah rumah yang dijangka siap pada tahun 1976. Anggaran perbelanjaan bagi tahun 1975 ialah $12,099,000 berbanding dengan $9,232,000 dalam tahun 1974.

(*d*) Pinjaman Sara Hidup Peneruka: Anggaran perbelanjaan bagi pinjaman sara hidup peneruka dan pembelian alat-alat dan perkakas-perkakas untuk tahun 1975 ialah $1,555,000. Pinjaman-pinjaman ini akan diberikan kepada peneruka-peneruka yang mana ladang-ladang mereka masih belum mengeluarkan hasil. Perbelanjaan yang telah diluluskan untuk perkara ini bagi tahun 1974 ialah $1,360,000.

(*e*) Kemudahan-kemudahan Memproses: Sebanyak $44,154,000 adalah dikehendaki untuk membiayai pembinaan kemudahan-kemudahan memproses di dalam tahun 1975. Pada penghujung tahun 1974, dijangka bahawa FELDA akan mempunyai 11 buah kilang sawit yang mengeluarkan hasil dan 4 buah lagi akan disiapkan pada tahun 1975. Pembinaan 8 buah lagi kilang sawit baru akan dimulakan pada tahun 1975; 6 daripadanya akan siap dalam tahun 1976 dan yang 2 lagi dalam tahun 1977.

Dalam tahun 1975 juga, FELDA akan menambah dan membaiki keupayaan-keupayaan memproses bagi kilang-kilang yang sedia ada. Kerja-kerja akan juga dilaksanakan bagi membina tangki-tangki minyak di Pelabuhan-pelabuhan Kelang, Pasir Gudang (Johor) dan Tanjung Gelang (Kuantan). Pembinaan kemudahan-kemudahan muatan minyak di Tanjung Gelang dijangka siap dalam tahun 1977. Perbelanjaan adalah seperti berikut:

Perbelanjaan atas pembinaan kilang-kilang sawit ...	$43,034,000
Perbelanjaan atas membaiki kilang-kilang getah	300,000
Perbelanjaan atas pembinaan tangki-tangki minyak di Pelabuhan-pelabuhan	820,000
JUMLAH ...	$44,154,000

B. *Jengka Tiga Segi*

(*a*) Bekalan Air: Wang sebanyak $2,260,000 telah diperuntukkan dalam tahun 1975 bagi kerja-kerja penyiasatan dan pembinaan di Jengka Tiga Segi. Dalam tahun 1974, 5 buah rancangan telah diberi bekalan air dan dalam tahun 1975, dua buah lagi rancangan akan diberi bekalan air. Kerja-kerja ini akan dikendalikan oleh Yunit J.K.R., FELDA di Pahang.

(*b*) Jalan-jalan: Sebanyak $3,413,000 adalah dikehendaki bagi membina jalan-jalan masuk dan jalan-jalan kampung di Jengka Tiga Segi. Kerja-kerja ini akan meliputi kerja-kerja menyiasat dan mengukur, kerja-kerja tanah dan membatu. Sebanyak $641,000 adalah diperlukan untuk membina jalan-jalan di Peringkat I Projek tersebut. $960,000 dikehendaki bagi Peringkat II dan $1,812,000 untuk Peringkat III. Kerja-kerja tersebut akan dijalankan oleh Yunit J.K.R., FELDA di Pahang.

(*c*) Jalan Kuala Krau: Wang sebanyak $1,152,000 adalah dikehendaki dalam tahun 1975 bagi meneruskan kerja-kerja membina lintasan feri dan jalan di antara Jengka dan Stesyen Keretapi Kuala Krau. Kerja-kerja termasuk pembinaan jalan baru sejauh 4.7 batu, bagi memperbaiki jalan yang ada sekarang sejauh 1.3 batu dan pembinaan bagi kemudahan pengangkutan lintasan feri.

4. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Belanja Mengurus	28,530,306	37,659,000	40,039,000
Belanja Pembangunan	100,250,323	137,149,000	207,421,094
Jumlah Besar ..	128,780,629	174,808,000	247,460,094

Kepala Pembangunan 66 (Pecahan-pecahan kepala 6 dan 8)	... ...	**$14,956,100**
Jumlah	...	**$14,956,100**

	Belanja Mengurus	*Pembangunan*	*Jumlah*
Peruntukan 1975 ...	**$5,104,100**	**$ 9,852,000**	**$14,956,100**
Peruntukan 1974 ...	**6,878,700**	**15,191,740**	**22,070,440**
Perubahan ...	**— $1,774,600**	**— $ 5,339,740**	**— $ 7,114,340**

1. Tujuan-tujuan

Tujuan-tujuan LPPTP pada keseluruhannya jatuh dalam lengkungan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan iaitu bagi mengurang dan menghapuskan kemiskinan dan membentuk semula masyarakat Malaysia supaya dapat diperbaiki kedudukan ekonomi yang tidak seimbang antara berbagai kaum.

Ringkasnya tujuan-tujuan ini dipecahkan mengikut tugas-tugas Lembaga seperti berikut:

(*a*) Memberikan peluang pekerjaan kepada belia-belia dan juga kepada keluarga keluarga yang tidak bertanah melalui pembukaan rancangan-rancangan tanah belia dan rancangan-rancangan tanah baharu;

(*b*) Bagi memperbaiki kedudukan ekonomi orang-orang yang kurang bernasib baik dan seterusnya memberi jaminan kepada mereka akan pendapatan yang lebih saksama bagi rakyat Malaysia menerusi pemulihan dan penyatuan semua rancangan-rancangan tanah Kerajaan Negeri yang telah atau hampir gagal;

(*c*) Dengan tugas baharu menebus kembali Tanah-tanah Simpanan Melayu yang tergadai dari peminjam-peminjam wang Lembaga berharap dengan apa jua cara dapat membantu tuan-tuan punya tanah ini ke arah kedudukan ekonomi yang lebih baik dengan jalan memberi balik punca pendapatan mereka; dan

(*d*) Meninggikan daya pendapatan terutamanya di segi pertanian yang mana pada kemudian hari kelak akan menolong mempercepatkan perkembangan ekonomi pada keseluruhannya dengan adanya teknik-teknik yang lebih baik, aktiviti-aktiviti yang dirancangkan dengan pengetahuan kepakaran di rancangan-rancangan dan kemudahan-kemudahan perumahan dan pekerjaan yang lebih baik.

2. Belanja Mengurus—Belanja mengikut Aktiviti-aktiviti

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
(i) Pentadbiran Am	933,011	1,000,000	1,200,000
(ii) Pengurusan dan Penyeliaan Rancangan-rancangan Pemulihan dan Kemajuan	2,218,989	2,070,000	2,553,921
Bawa kehadapan ..	3,152,000	3,070,000	3,753,921

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
	Dari sebelah ..	3,152,000	3,070,000	3,753,921
(iii)	Pengurusan dan Penyeliaan Rancangan-rancangan Tanah Belia ..	2,000,000	3,678,700	1,059,100
(iv)	Projek Banci Untuk Rancangan Penyatuan Tanah Kemubu, Kelantan..	—	130,000	291,079
	Jumlah ..	5,152,000	6,878,700	5,104,100

Prestasi

	1973	1974	1975
Jumlah Luas ekar dimajukan	71,670	76,890	83,940
	Butir Yunit Kos (Seekar)		
(i) Pentadbiran Am	$13.02	$13.01	$14.30
(ii) Pengurusan dan Penyeliaan Rancangan-rancangan Pemulihan dan Kemajuan	$30.96	$28.61	$33.89
(iii) Pengurusan dan Penyeliaan Rancangan-rancangan Tanah Belia ..	$105.46	$193.98	$55.85
(iv) Yunit Kos Keseluruhan	$71.89	$89.46	$60.81

Pemberian Bantuan dan Bayaran Tetap seperti Kompleks Belia, Access Roads, Pejabat Rancangan, Rumah-rumah Kakitangan, Stor, Letrik, Pembekalan Air, Perabut, Perkakas Pejabat dan Land Rover telah dimasukkan di dalam perbelanjaan mengurus.

Ringkasan Butiran Perbelanjaan Am dan Butiran Perbelanjaan Sebagai

		Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
1100	Gaji dan Upahan	1,880,671	2,162,285	2,200,000
1200	Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang	619,460	716,807	750,000
	Jumlah Gaji ..	2,500,131	2,879,092	2,950,000
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang	220,371	180,000	260,000
2300	Kemudahan Perhubungan ..	36,613	26,000	25,000
2400	Api, Air dan Letrik dll.	6,808	5,000	5,000
2500	Sewa	108,979	104,000	180,000
2600	Perkhidmatan Pencetakan.. ..	4,002	4,600	8,000
2700	Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan	370,245	300,900	334,100
2800	Perkhidmatan Pelbagai	148,222	145,500	131,000
3100	Perabut, Alat-alatan dan Ternakan	148,879	277,065	139,000
3300	Pembinaan	1,492,750	2,801,543	930,000
3400	Pelaburan dan Pinjaman	—	20,000	—
4100	Pemberian, Subsidi dan Carum-carum	115,000	135,000	142,000
	Jumlah ..	5,152,000	6,878,700	5,104,100

Ringkasan Perjawatan

	Bilangan	Yang Sebenar Tahun 1973 $	Bilangan	Peruntukan Tahun 1974 $	Bilangan	Anggaran Tahun 1975 $
(i) Pentadbiran Am	79	601,017	79	643,410	94	683,884
(ii) Pengurusan dan Penyelia-an Rancangan-rancangan Pemulihan dan Kemajuan	324	1,099,303	344	1,291,745	374	1,357,670
(iii) Pengurusan dan Penyelia-an Rancangan-rancangan Tanah Belia	208..	799,811	211	843,937	181	785,000
(iv) Projek Banci untuk Ran-cangan Penyatuan Tanah Kemubu, Kelantan ..	—	—	77	100,000	79	123,446
Jumlah ..	611	2,500,131	711	2,879,092	728	2,950,000

3. Anggaran Pembangunan

Rancangan-rancangan Pemulihan dan Kemajuan

		Yang Sebenar Tahun 1967-1973 $	Peruntukan Tahun 1974 $	Anggaran Tahun 1975 $
1. Ayer Hitam	N. Sembilan ..	500,663	—	—
2. Gong	Pahang	1,096,312	—	—
3. Kampong Rasau "A" ..	Perak	293,117	—	—
4. Simpang Rengam I (Rubber)	Johor	474,766	—	—
5. Simpang Rengam I (Oil Palm)	Johor	114,753	11,406	—
6. Nasaruddin I..	Perak	611,804	67,676	—
7. Sri Wangi I	Johor	428,611	—	—
8. Temeris	N. Sembilan ..	449,544	25,000	—
9. Ulu Pauh I dan II	Perlis	639,756	200,000	105,000
10. Kubang Kenyeng	Kedah	536,121	69,704	—
11. Kubang Palas	Kedah	297,112	10,000	10,000
12. Durian Daun I	N. Sembilan ..	188,896	15,850	—
13. Berhala Gantang I	Pahang	621,447	—	—
14. Ayer Hitam II				
15. Ayer Hitam III	N. Sembilan ..	1,342,340	74,634	246,800
16. Ayer Hitam IV				
17. Sri Wangi II dan Serai Wangi	Johor	51,082	13,000	12,000
18. Sri Wangi III	Johor	110,762	31,166	28,830
19. Batu Empat	Pahang	645,282	195,565	74,000
20. Sungai Redan	Johor	274,240	46,000	56,000
21. Ban Foo I	Johor	1,024,793	290,545	290,250
22. Kebun Baru I	Johor	453,360	140,000	90,000
23. Sungai Dura	Trengganu ..	493,503	56,000	—
24. Paya Luas	Pahang	277,310	71,762	74,000
25. Berhala Gantang II	Pahang	748,124	330,133	230,000
26. Sungai Lengkor I	Pahang	924,684	119,483	125,200
27. Seberang Perak I	Perak	1,660,530	21,924	—
28. Ban Foo II	Johor	440,412	216,629	123,000
29. Kebun Baru	Johor	587,589	158,600	137,860
30. Sungai Lengkor II	Pahang	496,291	228,800	22,200
31. Changkat Sulaiman	Perak	626,378	225,832	150,000
32. Pauh Manis	Johor	497,912	181,000	121,000
33. Peta/Temalek	Johor	983,835	552,995	436,000
34. Mawai Baru	Johor	204,858	108,600	162,000
35. Batu 3½ Paloh	Johor	1,018,208	741,915	410,000
36. Durian Hijau I	Pahang	345,288	194,697	31,710
37. Sungai Durian	Perak	241,607	37,577	54,450
38. Kuala Kabong II	Johor	352,486	248,684	44,500
39. Batu Kikir	N. Sembilan ..	97,714	22,620	10,000
40. Bukit Keremoiyang I ..	Johor	299,520	70,952	68,790
41. Simpang Rengam II.. ..	Johor	76,895	135,000	81,750
42. Batu 67, Jalan Ayer Hitam..	Johor	63,860	100,800	190,260
43. Redang Punggor	Perak	—	379,000	—
44. Sekijang	Johor	9,213	221,840	250,120
45. Benang Ayer	Johor	114,837	208,800	394,110
46. Lembah Kesang	Melaka	161,356	285,228	465,200
Bawa kehadapan ..		20,877,171	6,109,417	4,495,030

		Yang Sebenar Tahun 1967/1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
		$	$	$
Dari sebelah ..		20,877,171	6,109,417	4,495,030
47. Kerangai/Penagoh	N. Sembilan ..	89,269	336,350	403,000
48. Sendayan	N. Sembilan ..	37,562	165,750	195,000
49. Serting Tengah	N. Sembilan ..	21,680	130,200	156,000
50. Bukit Kepis/Kepis Ulu I ..	N. Sembilan ..	1,079	142,000	242,000
51. Bukit Tampoi I	Kedah	81	44,200	50,800
52. Pulau Belantek	Kedah	—	258,400	160,010
53. Durian Daun II	N. Sembilan ..	—	53,217	89,780
54. Paya Kapar I	Johor	4,767	130,750	100,750
55. Batu Empat, Mersing ..	Johor	—	1,001,300	—
56. Batu 41, Jalan Johor Bahru ..	Johor	—	129,200	—
57. Nasaruddin II	Perak	—	129,200	—
58. Rompin "A"	N. Sembilan ..	2,676	387,600	234,900
59. Bukit Sengkua	N. Sembilan ..	—	49,096	—
60. Anak Ayer Melana	N. Sembilan ..	—	96,900	—
61. Bukit Tampoi II	Kedah	—	161,500	234,900
62. Juntai Jelebu	N. Sembilan ..	—	96,900	—
63. Kundang Ulu	Johor	—	758,000	195,830
64. Tebing Tinggi I	Johor	—	161,500	—
65. Durian Hijau II	Pahang	—	161,500	100,000
66. Bukit Seraya	Melaka	—	38,760	—
67. Bukit Keremoiyang II ..	Johor	—	323,000	—
68. Kampong Kurnia	Perak	—	—	150,000
69. Changkat Baru	Perak	—	—	100,000
70. Serigala	Perak	—	—	100,000
71. Kundang Ulu II	Johor	—	—	100,000
72. Kampong Kuala Embong ..	Trengganu ..	—	—	80,000
73. Sungai Lengkor III	Pahang	—	—	120,000
74. Rompin "B"	N. Sembilan ..	—	—	100,000
Jumlah Rancangan-rancangan Pemulihan dan Kemajuan ..		21,034,285	10,864,740	7,408,000

Rancangan-rancangan Tanah Belia

1. Lekir	Perak	831,667	489,723	157,100
2. Bukit Kapah I	Trengganu ..	1,193,256	357,800	237,000
3. Ramuan China	Melaka	913,290	364,498	184,700
4. Sungai Labis	Johor	683,096	448,713	236,700
5. Bukit Kapah II	Trengganu ..	130	379,000	92,300
6. Sungai Labis II	Johor	—	379,000	—
7. Lakai	N. Sembilan ..	3,549	274,575	154,575
8. Batu 49/52 Jalan Kota Tinggi	Johor	4,010	450,620	700,000
9. Belimbing Tolak	Kedah	4,853	108,074	127,500
10. Nasaruddin M.R. I	Perak	96,357	78,887	53,825
11. Keruak I	Trengganu ..	2,638	238,110	500,300
12. Nasaruddin M.R. II ..	Perak	—	189,500	—
13. Batu 41, Jalan Kota Tinggi ..	Johor	—	189,500	—
14. Gua Stir	Kelantan	—	379,000	—
Jumlah Rancangan rancangan Tanah Belia ..		3,732,846	4,327,000	2,444,000
Jumlah Besar ..		24,767,131	15,191,740	9,852,000

Kemajuan Kerja-kerja Pembinaan

Jadual di bawah menunjukkan kemajuan-kemajuan yang telah dicapai semenjak tahun 1967:

Tahun	Rancangan-rancangan Pemulihan dan Pinggir	Rancangan Tanah Belia	Jumlah Luas
1967/1970	15,282	—	15,282
1971	7,678	—	7,678
1972	14,778	8,600	23,378
1973	14,968	10,364	25,332
1974	5,220	—	5,220
1975	7,050	—	7,050
Jumlah ..	64,976	18,964	83,940

Matlamat minima sebanyak 116,000 ekar di bawah Rancangan Malaysia Kedua belum dapat dicapai oleh FELCRA. Kekurangan di segi luas adalah pada Pemulihan dan Kemajuan Rancangan-rancangan Tanah Belia. Sebab-sebab kekurangan tersebut adalah seperti berikut:

(i) Rancangan-rancangan Pemulihan—Rancangan-rancangan Tanah Negeri yang ditawarkan untuk pemulihan telah ditolak oleh FELCRA atas sebab-sebab bahawa rancangan-rancangan tersebut tidak sesuai memandangkan dari segi pertanian atau untuk rancangan-rancangan yang besar, ketiadaan jalan masuk yang sempurna. Dalam setengah-setengah hal di mana rancangan-rancangan didapati sesuai FELCRA tidak memperolehi kebenaran biasa dari Kerajaan Negeri dan/atau penyertaan rancangan untuk FELCRA bagi menjalankan kerja-kerja pemulihan.

(ii) Rancangan-rancangan Tanah Belia—Pertukaran dasar oleh Majlis Tindakan Negara terhadap kemajuan Rancangan-rancangan Tanah Belia yang mengarahkan FELCRA supaya jangan membuka tanah untuk belia di Negeri yang mana badan-badan Negeri telah menjalankan rancangan-rancangan tersebut yang demikian membataskan fungsi-fungsi FELCRA dalam pembukaan tanah untuk belia-belia kepada Negeri-negeri Kedah, Trengganu dan Kelantan sahaja.

Faedah dan Kuasa

Rancangan-rancangan getah yang dipulih semula pada tahun 1967, 1968 dan 1969 telah mengeluarkan hasil secara berperingkat-peringkat. Empat belas rancangan-rancangan demikian telah, sehingga penghujung tahun 1973, mengeluarkan hasil K.G.K. 41,588 pikul dikira bagi pendapatan kasar $2,443,308 dari jumlah ini sebanyak $529,697 telah didapati kembali sebagai bayaran balik hutang sementara baki sebanyak $1,913,611 menjadikan pendapatan bersih peserta-peserta.

Dua buah projek kelapa sawit yang dimajukan pada tahun 1967 dan 1969 sedang dituai. Berat kasar Buah Bertandan (F.F.B.) bagi tahun berakhir 1973 berjumlah 4,355.08 tan dan pendapatan yang diperolehi berjumlah $267,784.41.

Lapan puluh sembilan rancangan meliputi luas 83,940 ekar akan dimajukan pada tahun 1975 dan akan memberikan peluang pekerjaan pada lebihkurang 1,900 orang bagi kerja-kerja pemeliharaan kawasan dan lain-lain pekerjaan. Jadual di bawah menunjukkan arah kemajuan pekerjaan di luarbandar bagi tahun-tahun 1971 hingga 1975.

Tahun	Luas (Ekar)	Purata Bulanan Bilangan Diambil Bekerja Sebagai Pekerja Sementara
1971	22,960	631
1972	46,338	1,118
1973	71,670	1,560
1974	76,890	1,800
1975	83,940	1,900

Penebusan Tanah Simpanan Melayu

Sehingga Jun 1974, sejumlah 272 kes telah diterima. Dari jumlah ini 204 kes telah ditolak olehkerana orang bukan Melayu tidak terlibat atau tanah-tanah tidak termasuk dalam Simpanan Melayu atau tanah-tanah terlibat adalah dalam hakmilik pembeli yang sah. Sejumlah 36 pemohonan masih belum ada apa-apa jawapan dari pemohon setelah dihantar maklumat dan borang permohonan dan tugas-tugas Lembaga mengenai Simpanan Melayu. Tiga pengadu telah menarik balik permohonan mereka olehkerana mereka telah berjaya dengan sendirinya menebus kembali tanah mereka. Sejumlah 12 kes telah dibawa ke mahkamah dan keputusannya masih ditunggu. Tiga pengaduan telah diselesaikan tanpa sebarang bantuan dari Biro Bantuan Guaman dan 12 permohonan sesuai diberi pinjaman bagi menebus kembali tanah-tanah mereka. Pada masa ini sejumlah 36 pengaduan masih dalam siasatan bagi menentukan samada boleh diberi Bantuan Guaman atau pinjaman bagi menebus kembali tanah-tanah mereka.

Projek Banci untuk Rancangan Penyatuan Tanah Kemubu, Kelantan

FELCRA telah diarahkan oleh Majlis Tindakan Negara untuk menjalankan pembancian lengkap ke atas lebihkurang 22,000 keluarga tani yang menduduki kawasan penanaman padi, getah, kelapa dan lain-lain (mixed horticulture and diversified crops) meliputi kawasan 85,969 ekar di Kemubu, Kelantan dengan tujuan utama untuk Penyatuan Tanah.

Banci permulaan ke atas projek ini bermula pada bulan Julai, 1974 dan diharap akan selesai menjelang akhir tahun 1976.

4. Ringkasan Peruntukan Belanjawan

	Yang Sebenar Tahun 1973	Peruntukan Tahun 1974	Anggaran Tahun 1975
	$	$	$
Belanja Mengurus	5,152,000	6,878,700	5,104,100
Belanja Pembangunan	9,007,977	15,191,740	9,852,000
Jumlah Besar ..	14,159,977	22,070,440	14,956,100

14662—28-10-74.